DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KESEPULUH
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA

HARI KHAMIS, SABTU DAN ISNIN, SELASA,
RABU, KHAMIS DAN SABTU DAN ISNIN, SELASA, RABU,
KHAMIS, JUMAAT DAN SABTU, 4, 6, 8, 9, 10, 11, 13, 15,
16, 17, 18, 19 DAN 20 JAMADILAWAL 1435 HIJRAH
BERSAMAAN 6, 8, 10, 11, 12, 13, 15, 17, 18, 19, 20, 21
DAN 22 MAC 2014 MASIHI

BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
DEWAN MAJLIS,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri
Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim,
DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
Jurutulis I (Pertama) Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin,
DPMB., PJK., PIKB.
Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB.
Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Mulia Awang Haji Adanan bin Haji Manggong,
SNB., SMB., PIKB., PKL.
Pegawai Tugas-Tugas Khas.

Yang Mulia Awang Omsarule bin Haji Awang Omar,
Pegawai Pentadbir Tingkat Khas.

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Penolong Jurutulis.

Yang Mulia Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah,
Pegawai Perhubungan Awam.

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH
(HANSARD)

Bahagian Laporan

Awang Haji Adam bin Haji Abdul Wahab, Ketua Pemberita Majlis
(Ketua Penyunting).
Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan
(Penyunting).
Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim, Pemberita Majlis Kanan
(Ketua Penyusun).
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis (Penyusun II).
Awang Norhakimin bin Nordin, Pemberita Majlis.

Penyunting

Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir.
Awang Haji Moksin bin Haji Durahim.

Bahagian Penjilidan

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod.
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II.
Dayang Hajah Nimat Salmah binti Haji Idris, Penjilid.

Pemberita Sambilan

Dayang Rabayah binti Mohamad, Setiausaha Sulit.
Dayangku Aminah binti Pengiran Abdul Rahman, Setiausaha Sulit.
Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Kerani Sulit.
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Ranee, Kerani Sulit.
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin, Kerani Sulit.
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit.
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah, PPKT Tingkat II, (Penyusun I)
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit, Kerani.
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail, Pembantu Perpustakaan Tingkat I.
Dayang Susilawati binti Saie, Kerani.
Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani.
Awangku Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani.

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 / 6 Mac 2014	
1.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	**PERKARA I** - Doa Selamat	4
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua	4
4.	**PERKARA II -** Mensahkan Minit	5
5.	**PERKARA III** - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	6
6.	**PERKARA IV - KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 1 TAHUN 2014 - SENARAI PERINTAH - PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2013 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**	10
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	12
7.	**KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 2 TAHUN 2014** - **ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN 2014/2015**	12
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	12
8.	**PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS**	12
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	12
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	13
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	16
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	16
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	18

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	18
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	27,28
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	28
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	30
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	31
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	32
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	34
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	34
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	36
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	37
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	39
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	39
	Hari Sabtu, 6 Jamadilawal 1435 / 8 Mac 2014	
9.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	41
10.	Doa Selamat	44
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	45
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	45
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	46
11.	**PERKARA VI - USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**	49
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	50
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	55
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal	56

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	60
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	65
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	68
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	71
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	75
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	78
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	79
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	83
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	85
	Hari Isnin, 8 Jamadilawal 1435 / 10 Mac 2014	
12.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	93
13.	Doa Selamat	96
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	97
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	97
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	99
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	100
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	101
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	103
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	104
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	105
14.	**PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015**	107
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	107

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	142
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	144
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	146
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	147
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	149
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	150
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	151
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	153
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	154
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	154
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal	155
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	157
15.	**Bab 2, Ceraian (1), (2)**	159
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	159
16.	**JABATAN PERDANA MENTERI**	159
	Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri	159
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	162
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	164
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	165
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	166
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	166
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	167
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	168

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	168
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	168
	Hari Selasa, 9 Jamadilawal 1435 / 11 Mac 2014	
17.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	170
18.	Doa Selamat	173
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Mohd. Jaafar	174
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	175
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	177
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	178
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	181
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	181
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	183
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	184
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	
	SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI	186
	Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat hingga SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei	186
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	186
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	196
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	198

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	199
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Mohd. Jaafar	199
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	201
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	204
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	211
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	216
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	219
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	223
	Hari Rabu, 10 Jamadilawal 1435 / 12 Mac 2014	
19.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	227
20.	Doa Selamat	230
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS	231
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	231
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	232
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	233
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	233
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	235
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	235
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	
	SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI	237
	Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat hingga SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei	237
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	237

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister Of Energy*)	239
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	248
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	251
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	252
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	254
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	255
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	258
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	259
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	260
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	261
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	266
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	266,279
21.	**KEMENTERIAN PERTAHANAN**	285
	Tajuk SB - Kementerian Pertahanan	285
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	285
	Hari Khamis, 11 Jamadilawal 1435 / 13 Mac 2014	
22.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	287
23.	Doa Selamat	290
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS	291
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	291
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	291

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	293
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	293
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	296
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	296
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	
	SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI	302
	Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat hingga SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei	302
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	302
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy)*	306
24.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**	310
	Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	310
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	310
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	312
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	313
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	314
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	315
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	315
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)	316
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	318

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
25.	**KEMENTERIAN KEWANGAN**	319
	Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga SD08A - Perkhidmatan Rampaian *HMSF*	319
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	319
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	322
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Laila Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	323
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	324
	Yang Berhormat Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	324
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	325
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	325
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	327
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	328
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	329
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	332
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	334
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	335
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	336
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	338
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	341
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	341
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	342

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
26.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**	343
	Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hingga SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat	343
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	343
	Hari Sabtu, 13 Jamadilawal 1435 / 15 Mac 2014	
27.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	348
28.	Doa Selamat	351
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS	351
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	352
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	352
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	354
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	354
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	354
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	355
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	359
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEWANGAN	360
	Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga SD08A - Perkhidmatan Rampaian *HMSF*	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	360

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	364
	Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hingga SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat	364
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	364
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	366
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	367
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	369
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	370
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	371
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	372
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	373
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	374
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	376
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	380
	Hari Isnin, 15 Jamadilawal 1435 / 17 Mac 2014	
29.	Senarai nama Ahli-Ahli Mesyuarat Negara	384
30.	Doa Selamat	387
	SAMBUNGAN PERKARA V - SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS	
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	388
	Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*)	388
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	390
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	390
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	392
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	393

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	396
	Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hingga SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat	396
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	396
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	398
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	400
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	404
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	409
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	411
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	414
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	416
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	420,428
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	431
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	432
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	434
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	436
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	437
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	440
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	441
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	445

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
31.	**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**	446
	Tajuk SF - Kementerian Pendidikan	446
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	446
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	452
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	454
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	455
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	459
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	460
	Hari Selasa, 16 Jamadilawal 1435 / 18 Mac 2014	
32.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	464
33.	Doa Selamat	467
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN	468
	Tajuk SF - Kementerian Pendidikan	468
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	468
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	485
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	486
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	487
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	488
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	489
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	490
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	491

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	493
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	495
34.	**PERKARA VI (a) - SATU USUL YANG TIDAK DIBERI NOTIS**	504
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	504
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	505
35.	**KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**	505
	Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama hingga SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan	505
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	505
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	508
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	510
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	512
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	513
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	516
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	518
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	519
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	522
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	524
	Hari Rabu, 17 Jamadilawal 1435 / 19 Mac 2014	
36.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	535
37.	Doa Selamat	538
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	539
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	539

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	544,548
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA	
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	549
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	550
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	552,553
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	554
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	556
38.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**	
	Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama	563
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	563,569
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA	
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	573
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
	Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama	575
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	575
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	579
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	581
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	582
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	584
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	585
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	586
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	587

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit	587
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	590
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	591
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	592,596
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	598
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	598
	Hari Khamis, 18 Jamadilawal 1435 / 20 Mac 2014	
39.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	599
40.	Doa Selamat	602
41.	**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**	603
	Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan hingga SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	603
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	603
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	608
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	610
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	612
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	613
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	616
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	618
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	619
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	621

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	629
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin	630
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	631
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	632
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	632
42.	**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**	635
	Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hingga SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat	635
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	635
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	642
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	643
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	645
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	645
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	647
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	649
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	650
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	652
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	653
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	654
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	655
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	657
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	658
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	659,665

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
43.	**KEMENTERIAN KESIHATAN**	
	Tajuk SM - Kementerian Kesihatan	665
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	665
	Hari Jumaat , 19 Jamadilawal 1435 / 21 Mac 2014	
44.	Senarai nama Ahli-Ahli Mesyuarat Negara	677
45.	Doa Selamat	680
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014) PERBEKALAN, 2014/2015	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN KESIHATAN	
	Tajuk SM - Kementerian Kesihatan	
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	681
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	682
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	683
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	684
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	686
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	687
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	688
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	688
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	688
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	689
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	690

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
46.	**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**	697
	Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan hingga SN08A - Jabatan Kajicuaca	697
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	697
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	702
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	703
47.	**Hari Sabtu, 20 Jamadilawal 1435 / 22 Mac 2014**	
48.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	706
	Doa Selamat	709
	SAMBUNGAN PERKARA VII - RANG UNDANG-UNDANG (2014), PERBEKALAN 2014/2015	
	SAMBUNGAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	
	Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan hingga SN08A - Jabatan Kajicuaca	710
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	710
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	712
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	712
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	713
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	715
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	715
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	716
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	717
49.	**KEMAJUAN**	722
	SP01A - Kemajuan	722

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Kementerian Kewangan II (Kedua)	722
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	726
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	727
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	727
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	728
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	730
50.	**PERKARA VIII - KETETAPAN**	731
	SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2014/2015, DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG YANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU (Bacaan Kali Ketiga)	731
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	731
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	732
51.	**KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959**	733
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	733
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	733
52.	**KETETAPAN YANG KEDUA DI BAWAH BAB 4 (2) DARI AKTA KUMPULANWANG KEMAJUAN (PENGGAL 136) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**	734
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	735
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	735
53.	**PERKARA IX - UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**	736
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	736
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	740,744
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	744

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	746,748
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	749
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	751
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	754
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	756,759
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	759
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	761
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	763
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	766
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	768
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	771
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	772
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	776
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	780
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	782
54.	**JAWAPAN DAN PENJELASAN KEPADA SOALAN-SOALAN JAWAB MULUT YANG DIJAWAB SECARA BERTULIS DARIPADA:**	
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	788
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	788
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	789

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	789
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	789
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	789
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	790
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	790
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	790
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	791
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	791
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	791
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	793
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	793
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	794
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	794
	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA	
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	795
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	796
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	796
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	796
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	798
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	799
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	799

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	803
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	803
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	804
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	804
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	804
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	804
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	806
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	807
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	808
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	809
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	810
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	810
	Yang Berhromat Menteri Kesihatan	811
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	812
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	813

DEWAN MAJLIS

Khamis, 4 Jamadilawal 1435 / 6 Mac 2014

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahman Rahim. Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara diadakan pada pagi ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti mana di permesyuaratan - permesyuaratan sebelum ini, persidangan pada kali ini juga akan membincangkan beberapa kertas, terutama kertas yang berkaitan

dengan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2014/2015. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga kita sentiasa dikurniakan petunjuk dan hidayah serta kebijaksanaan di sepanjang permesyuaratan ini. Amin Yarabbal Alamin, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Perkara Yang Ke-II, Meneliti dan Mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang pada 24 hingga 29 Rabiulakhir, 1 hingga 15 Jamadilawal 1434 Hijrah bersamaan 7 hingga 27 Mac 2013 Masihi bertempat di Dewan Persidangan, Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian telah berkesempatan untuk meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu dan jika ada apa-apa pindaan atau perubahan, saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat menyatakannya.

Oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang pembetulan atau pindaan, maka saya mengambil kesimpulan bahawa isi kandungan minit-minit tersebut adalah dipersetujui dan dengan itu saya luluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Maka dengan demikian, Majlis Permesyuaratan ini ditangguhkan sementara bagi menunggu dan menjunjung Keberangkatan Baginda ke majlis ini. Oleh itu, saya tangguhkan sementara permesyuaratan ini. Sekian, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

T I T A H

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEPULUH MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI KHAMIS, 4 JAMADILAWAL, 1435H BERSAMAAN 6 MAC 2014M BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلٰى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَبَعْدُ.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-10 Majlis Mesyuarat Negara berlangsung dengan sempurna.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, sudah 10 tahun bersidang sejak ianya diwujudkan semula. Di dalam tempoh tersebut, banyaklah isu dan persoalan yang timbul untuk dibincang atau dibahaskan.

Namun semenjak dari tempoh itu, kecenderungan banyak berkisar menimbulkan isu-isu yang berkaitan dengan kemudahan dan kesejahteraan para pegawai dan kakitangan Kerajaan sahaja. Berbanding, cuma sedikit tumpuan diberikan kepada kesejahteraan para pekerja di sektor swasta.

Padahal bagi hemat Beta, melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta itu, dapat diharapkan untuk menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi di negara ini.

Atas anggapan inilah, Kerajaan Beta sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan di negara ini, sambil mempastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian sewajarnya. Antara langkah-langkah ke arah itu ialah Penubuhan Tabung Amanah Pekerja; Skim Persaraan Caruman Tambahan; Pewujudan Skim Tabungan Perumahan dan sebagainya. Malahan, langkah Kerajaan juga telah mengemaskinikan dan mengurangkan kadar cukai eksais bagi beberapa kenderaan yang

berkapasiti rendah, untuk tujuan mengurangkan kos sara hidup dan juga untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah.

Dengan trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan. Dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, insya-Allah, mereka akan menjadi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing. Oleh itu, perbahasan di Dewan ini perlulah juga untuk turut memikirkan isu-isu strategik seperti ini.

Dalam hal ini, Beta gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut dengan menerapkan unsur-unsur '*entrepreneurship'* di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk negara melahirkan lebih ramai ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan.

Negara kita, alhamdulillah, mempunyai '*advantage'* yang sangat unik. *Advantage* itu ialah dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Sewajarnyalah keamanan dan kesejahteraan itu terus dipupuk dan dipelihara demi pembangunan. Kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan baik.

Kita mustahak membangun tanpa semata-mata bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas kita.

Kerana walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa *(IMF),* meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik bagi tahun 2014, namun masih sahaja terdapat risiko yang boleh menjejaskan ekonomi di mana saja, tidak terkecuali negara-negara di rantau ini.

Bagi Negara kita, pihak Kerajaan akan terus mengukuhkan stabiliti makro-ekonomi, melalui perbelanjaan berhemat yang mengutamakan *'value for money'* dan akauntabiliti. Di samping itu, usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan Negara. Maka untuk itu, Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan Negara ini pro bisnes, terutama untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 adalah berjalan dengan rancaknya. Beta dimaklumkan, bahawa keseluruhan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang berjumlah $6.5 billion itu telah pun diagih-agihkan untuk pelbagai projek kemajuan.

Namun pada setiap tahun, perbelanjaan adalah melebihi anggaran peruntukan.

Maka kerana itu, Beta telah pun memperkenankan sokongan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah $1.65 billion. Peruntukan tambahan ini adalah untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Beta untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini, termasuk berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing.

Bagi maksud tersebut, pihak Kerajaan telahpun menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk pelaburan besar, meliputi bagi kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

Bagaimanapun setiap rancangan itu adalah memerlukan pelaksanaan. Jika pelaksanaan itu tersasar atau tidak menepati jangka masa yang ditentukan, maka puncanya hendaklah dikenal pasti dan difikirkan penyelesaiannya.

Dalam hubungan ini, penubuhan satu unit baru telahpun Beta perkenankan di Jabatan Perdana Menteri. Ia akan berperanan bagi mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu. Ia juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut, dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaan dan juga menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari masa ke semasa.

Pada bulan Januari yang baru lalu, kita telah berhadapan dengan cuaca hujan yang turut menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk di Negara ini. Sebagai respons spontan, Kerajaan Beta telah pun menyediakan peruntukan sejumlah $68 juta ringgit, khusus bagi projek-projek mitigasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas. Di samping itu, peruntukan tambahan juga sebanyak $35 juta ringgit, telah disediakan bagi projek-projek membaik pulih prasarana awam dan aset-aset Kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.

Satu lagi projek utama Negara, ialah pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Pelaksanaan undang-undang ini juga adalah satu aspek "kemajuan besar", bukannya seperti yang didakwa oleh setengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang.

Di sini ingin Beta menyebut tentang 'perpaduan'. Inilah masanya kita orang-orang Brunei perlu mempamerkan perpaduan kita, kerana perpaduan itu adalah benteng dan kekuatan semula jadi.

Usahlah dihiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita dan

Brunei. Kerana mereka itu bukan cukup tahu, sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan Negara sendiri. Tetapi yang penting, kita sendiri selaku orang Brunei, mestilah benar-benar menjadi orang Brunei.

Apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan. Begitu juga kita bernegara, maka bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara. Kita berkerajaan, maka berkerajaanlah selaku orang-orang Brunei berkerajaan, dan kita beraja atau berketua, maka beraja atau berketualah selaku orang-orang Brunei Beraja atau berketua, iaitu dengan penuh ta'at setia tanpa berbelah bahagi.

Inilah tanggungjawab kita semua, atas nama rakyat Brunei Darussalam, iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula, tolonglah hormati kami, sebagaimana kami menghormati mereka.

Akhirnya, Beta berharap Majlis Mesyuarat Negara Musim Ke-10 ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu untuk mencapai objektifnya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalaamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-pembesar negara).

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara telah pun selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Persidangan Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan dan akan bersidang semula lagi pada petang ini iaitu pada jam 3.00 petang, hari Khamis, 6 Mac 2014.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalaamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Majllis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.00 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana kita sama-sama menyaksikan tadi Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh telah pun selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada pagi tadi.

Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bagi pihak Majlis Mesyuarat Negara ini nanti akan menyembahkan Kehadapan Majlis Baginda sembah banyak-banyak menjunjung kasih atas Keberangkatan Baginda itu dan atas kurnia titah yang telah Baginda lafazkan. Dalam hubungan ini, saya akan menyentuh sedikit sebanyak titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, yang isi kandungannya ditujukan khusus untuk Majlis Mesyuarat Negara ini.

Sebagaimana kita sama-sama telah mendengar, Baginda menghendaki supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga perlu memberikan perhatian kepada isu-isu yang berkaitan dengan kesejahteraan pekerja-pekerja di sektor swasta. Pada hemat Baginda, melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta diharap dapat menyumbang kepada peningkatan sosial ekonomi negara ini. Baginda bertitah:

"Dengan trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan. Dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, insya-Allah, mereka akan menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing."

Oleh itu, Baginda menyarankan supaya perbahasan dalam Dewan ini perlulah juga memikirkan isu-isu strategik seperti ini.

Dalam hal ini, Baginda gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut-penuntut yang menerapkan unsur-unsur '*entrepreneurship'* di dalam kurikulum pendidikan di Negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk Negara melahirkan lebih ramai ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan.

Baginda seterusnya bertitah:

"Negara kita, Alhamdulillah, mempunyai advantage yang sangat unik. Advantage itu ialah dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Pada hemat Baginda, *"sewajarlah keamanan dan kesejahteraan itu terus dipupuk dan dipelihara demi pembangunan, kerana tanpa keamanan pembangunan tidak akan berjalan dengan lancar dengan baik".*

Baginda selanjutnya bertitah:

"Kita mustahak membangun tanpa semata-mata bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas kita. Kerana walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik bagi tahun 2014, namun masih sahaja terdapat risiko yang boleh menjejaskan ekonomi di mana saja, tidak terkecuali negara-negara di rantau ini".

Baginda juga bertitah bahawa mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan negara. Oleh itu Baginda menasihatkan supaya Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha pada menjadikan Negara ini *pro bisnes,* terutama membantu perusahaan kecil dan sederhana. Baginda juga bertitah:

"Adalah menjadi dasar Kerajaan Beta untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini, termasuk berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing".

Baginda juga menyentuh mengenai Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah. Pelaksanaan undang-undang ini titah Baginda adalah satu aspek kemajuan besar bukannya seperti yang didakwa oleh setengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang. Dalam hal ini, Baginda seterusnya menyentuh mengenai perpaduan. Pada hemat Baginda, inilah masanya kita orang-orang Brunei perlu mempamerkan perpaduan kita kerana perpaduan itu adalah benteng dan kekuatan semula jadi.

Baginda bertitah:

"Usahlah dihiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita di Brunei. Kerana mereka itu bukan cukup tahu, sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan Negara sendiri. Tetapi yang penting kita sendiri selaku orang Brunei mestilah benar-benar menjadi orang Brunei. Apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan.

Begitu juga kita bernegara maka bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara. Kita berkerajaan, maka berkerajaanlah selaku orang-orang Brunei berkerajaan dan kita beraja atau berketua maka beraja atau berketualah selaku orang-orang Brunei Beraja atau berketua. Iaitu dengan penuh taat setia tanpa berbelah bahagi.

Inilah tanggungjawab kita semua atas nama rakyat Brunei Darussalam iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula tolonglah hormati kami sebagaimana kami menghormati mereka."

Baginda pada akhirnya berharap Majlis Mesyuarat Negara Musim Kesepuluh ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu untuk mencapai objektifnya. Adalah sudah setentunya kita menjunjung tinggi dan menanai dengan sepenuh hati titah dan harapan Baginda itu dengan cara berpadu tenaga dan pemikiran pada merangka dan melaksanakan apa jua usaha yang menjurus kepada pencapaian harapan Baginda itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sepertimana jua yang sudah menjadi tradisi dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, kita akan membincangkan dan bersoal jawab dalam beberapa hari yang akan datang dengan semangat perpaduan dan kerjasama yang erat kerana masing-masing kita mempunyai matlamat yang sama iaitu menyumbang tenaga dan pemikiran ke arah menjaga dan memelihara kepentingan negara kita. Sekian, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Perkara IV, kertas yang akan dibentangkan di atas meja No. 1, Tahun 2014 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dengan segala hormat memohon keizinan kepada Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1, Tahun 2014 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2013 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Kertas No. 2 Tahun 2014 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola dengan segala hormatnya memohon keizinan Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2 Tahun 2014 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Bagi Tahun Kewangan 2014/2015. Terima Kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Perkara V. Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Soalan No.1 daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang

Di-Pertua kerana mengizinkan kaola menyampaikan Soalan Yang Diberi Notis yang pertama kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu Mengenai Pendidikan Awal ataupun *Early Education* bagi penuntut prasekolah di antara umur 3 ke 5 tahun. Terlebih dahulu, kaola mengalu-alukan Kementerian Pendidikan kerana komited untuk membuat pelaburan dalam Pendidikan Awal dan menjadikannya antara agenda utama dalam Pembentukan Strategi dan Polisi, Kementerian Pendidikan 2007-2017. Kita mengambil maklum yang Kementerian Pendidikan telah melantik konsultan mengenainya pada bulan September 2013 untuk menjalankan kajian kemungkinan penyediaan Pendidikan Awal kepada kanak-kanak antara umur 3 hingga 4 tahun di Negara Brunei Darussalam.

Diambil maklum juga bahawa baru-baru ini sebuah sekolah Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memulakan pengambilan penuntut-penuntut prasekolah bagi yang berumur 4 tahun. Langkah ini adalah julung-julung kali dibuat bagi sekolah Kerajaan. Telah dimaklumi bahawa Pendidikan Awal akan memberi kesan positif kepada kemajuan pembelajaran bagi pelajar-pelajar secara amnya dan seterusnya akan dapat membantu mempertingkatkan pencapaian Sistem Pendidikan Negara. Di samping itu, ianya akan dapat membantu pencapaian objektif-objektif sosial seperti pengurangan kemiskinan dan mengelakkan penderaan kanak-kanak. Kaola yakin Kementerian Pendidikan akan terus menerajui dan memajukan bidang Pendidikan Awal yang berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja demi untuk ugama, bangsa dan negara.

Soalan kaola ialah :

1. Apakah status kajian yang dilaksanakan oleh konsultan yang dilantik?

2. Apakah persediaan awal yang boleh dibuat untuk memastikan pelaksanaan sokongan-sokongan yang dibuat dalam kajian berkenaan dibuat dalam masa yang paling terdekat. Terutama sekali bagi di kawasan yang dikenal pasti mempunyai pencapaian pembelajaran yang kurang memuaskan dalam peperiksaan awam?

3. Apakah tindakan lain telah diambil jika ada untuk memperluaskan lagi Pendidikan Awal di negara ini? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid atas soalan mengenai Pendidikan Awal Kanak-Kanak di sekolah yang mana soalan-soalan yang merangkumi tiga soalan tadi akan kaola jawab sekali sahaja, *3 in 1*.

Ke arah mencapai Wawasan Negara 2035, pelbagai inisiatif telah dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan termasuklah menjalankan kajian Pendidikan Awal Kanak-Kanak ataupun *Early Childhood Care and Education* yang dimaksudkan dengan mengambil seorang pakar yang berpengkhususan dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Pendidikan Awal Kanak-Kanak ini merupakan pendidikan yang disediakan bagi kanak-kanak berumur daripada 0-8 tahun. Di Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah, pendidikan bagi kanak-kanak berumur 5 tahun di peringkat prasekolah telah mula disediakan oleh pihak Kerajaan pada tahun 1979 secara percuma.

Walau bagaimanapun, pendidikan kanak-kanak berumur 5 tahun ini tidak diwajibkan sepertimana dalam Akta Pendidikan 2003 tetapi diwajibkan pada umur 6 tahun menurut Perintah Pendidikan Wajib 2007. Pihak Kerajaan telah pun menyediakan kemudahan untuk persekolahan kanak-kanak yang berumur 5 tahun dengan penyediaan kelas-kelas prasekolah di 120 buah sekolah rendah. Kajian yang dijalankan oleh konsultan dari *International Child Resources Institute (ICRI) California,* Amerika Syarikat, memakan masa 7 bulan bermula dari bulan September 2013 dan insya-Allah akan berakhir pada bulan April 2014.

Pihak konsultan telah pun membuat pemerhatian serta menemubual guru-guru besar, guru-guru prasekolah dan guru-guru di pusat penjagaan kanak-kanak sepanjang kajian dijalankan. Setakat ini sebanyak 9 buah sekolah rendah Kerajaan, 5 buah sekolah swasta, 3 buah pusat penjagaan kanak-kanak dan 12 buah jabatan di bawah Kementerian Pendidikan dan kementerian-kementerian lain telah dilibatkan. Hasil dapatan kajian akan dibawa ke Majlis Pelajaran Kebangsaan bagi sokongan-sokongan serta perancangan selanjutnya.

Saya ingin mengongsikan dapatan awal dari kajian pihak konsultan:

1. Negara Brunei Darussalam menurut kajian tersebut mempunyai potensi untuk menjadi contoh kepada negara-negara lain di rantau ini dari segi proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat pendidikan prasekolah.

2. Kajian menunjukkan bahawa lebih ramai guru prasekolah diperlukan untuk dilatih sebagai guru-guru prasekolah jika pendidikan kanak-kanak berumur seawal 3 atau 4 tahun ditawarkan kepada semua di negara ini.

3. Kajian menyarankan bagi Unit Pemedulian-Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk membangunkan dan mengimplementasikan kurikulum tersendiri yang berjenama Brunei dan dalam konteks ini, seperti saranan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli, berlandaskan Melayu Islam Beraja dan menyesuaikan kurikulum yang sedia ada dengan keperluan tempatan yang relevan

dengan konteks budaya dan pendidikan di negara ini.

4. Kajian menyarankan untuk meluaskan lagi penawaran latihan di universiti dan menubuhkan pusat-pusat latihan di negara ini termasuk latihan *online* yang akan diiktiraf oleh institusi-institusi atau badan-badan ternama antarabangsa.

Yang Di-Pertua, dalam masa yang sama tanpa menunggu hasil kajian ini, adalah menjadi hasrat dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk terus berusaha memantapkan kapasiti tenaga pengajar yang mengajar kanak-kanak berumur 5 tahun di kelas prasekolah pada masa ini. Program Pembangunan Guru sentiasa dijalankan oleh Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dengan menggunakan tenaga kepakaran tempatan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu juga, unit tersebut mempunyai kakitangan yang berpengalaman sebagai guru prasekolah dan berkelulusan khusus dalam *Early Childhood Care and Education* yang mampu membimbing guru-guru lain di sekolah-sekolah.

Kementerian Pendidikan menghargai khidmat sukarelawan terdiri daripada belia yang sedang menunggu keputusan peperiksaan mereka di peringkat 'O' dan 'A' dalam membantu guru-guru prasekolah. Dengan mengikuti latihan pendek guru-guru pembantu di dalam kelas prasekolah telah dapat membantu keperluan kanak-kanak dari segi sosial dan emosional. Selain membantu guru-guru darjah bagi kelas-kelas biasa, para sukarelawan juga membantu menjaga keselamatan kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas di mana mereka akan memberikan perhatian yang diperlukan oleh kanak-kanak berkenaan.

Bagi tempoh jangka panjang ialah penyediaan program bagi meningkatkan taraf pendidikan para tenaga guru prasekolah melalui Latihan Dalam Perkhidmatan dalam pengkhususan pendidikan awal kanak-kanak.

Seterusnya ialah pembentukan kerangka kebangsaan yang berkualiti bagi pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak berumur daripada 0 hingga 5 tahun iaitu "*The National Quality Framework For Early Childhood Care And Education Age 0 to 5"* telah bermula sejak akhir tahun 2012.

Satu jawatankuasa kerja telah dilantik untuk merangka piawaian bagi mengawal kualiti pemedulian dan pendidikan awal kanak-kanak demi menjaga dan memelihara kesejahteraan mereka. Di antara bidang yang akan diberi kawalan termasuklah kurikulum dan pencapaian pembelajaran *(learning outcomes),* pedagogi, penilaian, infrastruktur fizikal, etika guru dan pekerja dan kelulusan para guru *caregiver,* Pembantu Guru dan juga Penyelia Sekolah atau pusat penjagaan kanak-kanak serta pendidikan dan latihan tenaga guru.

Pada awal bulan April tahun ini, Kementerian Pendidikan melalui Unit

Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak akan melaksanakan program *Safe* iaitu *School And Family Engagement* di mana hubungan antara sekolah dan keluarga akan dipereratkan melalui aktiviti membaca lantang (*Reading Aloud*). Dalam program ini, kanak-kanak akan dibekalkan dengan sebuah beg bagi menyimpan buku bacaan bercerita yang disediakan oleh pihak sekolah. Buku tersebut akan dibaca oleh ibu bapa atau ahli keluarga pada waktu terluang setiap hari. Sebuah buku nota juga disediakan sebagai catatan harian mengenai tajuk buku yang dibaca dan ditandatangani oleh ibu atau bapa atau ahli keluarga.

Yang Di-Pertua, kajian ini masih berjalan dan dijangka akan selesai pada bulan April seperti yang kaola nyatakan tadi. Maka dalam hubungan ini saya belum dapat menyatakan akan perancangan yang akan dilaksanakan. Saya yakin hasil kajian ini setentunya akan memberikan kita gambaran untuk memikir dan menimbangkan apakah rancangan-rancangan lanjut yang perlu dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No. 2 ialah daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. SPN Abad 21 ataupun Sistem Pendidikan Negara Abad 21, begitu berkesan untuk menjadikan rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Tetapi mengikut apa yang saya terbaca dalam surat khabar 'Media Permata' SPN 21 sedikit tercalar disebabkan ada di antara sekolah rendah mengalami masalah sosial seperti berkelahi, buli-membuli, mencuri, membawa barang-barang yang ditegah seperti pisau, perkumpulan haram, peras ugut dan merokok. Sekiranya perkara-perkara ini tidak berjaya diatasi, maka SPN 21 akan gagal.

Yang Di-Pertua, saya ingin tahu apakah punca-punca gejala-gejala sedemikian terjadi di sekolah rendah dan apakah langkah-langkah atau program-program yang sedang atau yang akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi perkara ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf di atas soalan mengenai masalah sosial di sekolah. Laporan akhbar Yang Berhormat nyatakan sebentar tadi tersiar dalam akhbar 'Media Permata' keluaran hari Jumaat, 9 April 2013 adalah hasil dari kajian awal yang telah menyenaraikan pelbagai jenis masalah sosial termasuk tidak, jarang, atau lewat hadir ke sekolah, mencuri, berkelahi,

buli, pengabaian ibu bapa, malas belajar, tidak membuat kerja rumah, pemugut, membawa barang-barang terlarang, membuang sampah di merata-rata tempat, peras ugut dan menggunakan bahasa kesat.

Kajian ini hanya berdasarkan 91 respondan sahaja, maka dengan demikian ia tidak begitu *representative*. Tidak dapat dinafikan adanya masalah-masalah yang boleh dikategorikan sebagai masalah sosial dalam skop yang luas sebagaimana yang saya nyatakan. Dapatan kajian ini melakarkan pandangan reflektif serta interpretasi mengenai dengan rupa dan bentuk masalah sosial yang berpunca dari bermacam-macam sebab dan keadaan.

Dapatan kajian tersebut telah menunjukkan secara kasar jenis-jenis masalah sosial yang kerap berlaku di sekolah-sekolah Kerajaan, dengan masalah murid tidak, jarang dan lewat hadir ke sekolah merupakan yang paling banyak terjadi di sekolah, diikuti oleh masalah murid berkelahi dan pengabaian ibu bapa. Hanya ada dua kes sahaja yang membawa barang terlarang yang berbentuk *key holder* yang berbentuk pisau.

Dapatan awal dari kaji selidik berkenaan sebenarnya belum dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai punca-punca masalah sosial tersebut. Walau bagaimanapun, refleksi dari dapatan kajian awal ini menggambarkan yang usaha bersepadu dan menyeluruh di antara semua pihak dan lapisan masyarakat adalah sangat perlu sama ada di peringkat kementerian mahupun masyarakat umum khususnya keterlibatan langsung para ibu bapa dan penjaga. Terdapat banyak ruang penambahbaikan perlu dibuat ke atas metadologi atau keadah kaji selidik berkenaan. Bertolak dari sinilah Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam sedang melaksanakan satu penyelidikan yang lebih komprehensif mengenai masalah sosial di sekolah-sekolah rendah Kerajaan dengan mengikut metadologi yang diperakui serta instrumen yang sah supaya ia dapat menghasilkan dapatan yang jelas dan bukan samar-samar. Insya-Allah hasil kajian tersebut akan selesai tidak lama lagi.

Sebagai langkah berterusan, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha mengungkayahkan berbagai inisiatif yang bertujuan untuk memupuk nilai-nilai akhlak dan sikap-sikap positif di kalangan para pelajar berdasarkan nilai Melayu Islam Beraja. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti mengadakan kem motivasi, ceramah remaja, kempen-kempen kepimpinan, program-program keremajaan, bengkel-bengkel untuk ibu bapa, program-program kokurikulum serta kefahaman nilai-nilai murni yang diterapkan merentasi kurikulum. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No. 3 daripada Yang Berhormat

Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Bismillahir Rahmanir Rahim, soalan kaola ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Kaola sukacita menarik perhatian Dewan semula kepada *Health Promotion Blueprint* yang telah dilancarkan pada tahun 2011 dan dijangkakan berjalan sehingga tahun 2015. Pencapaian objektif-objektif yang disebutkan dalam *blueprint* tersebut adalah penting kerana ianya merupakan satu pelaburan yang akan dapat membantu mengurangkan masalah kesihatan dalam jangka panjang dan seterusnya akan dapat membantu mencapai wawasan Kementerian Kesihatan iaitu "Bersama Ke arah Warga Sihat".

Blueprint berkenaan menumpukan kesedaran bagi setiap individu bahawa kesihatan adalah bermula dari usaha sendiri. Setiap individu bertanggungjawab untuk membuat pilihan bijak dalam cara hidup, pemakanan dan penjagaan kesihatan masing-masing.

Soalan kaola ialah:

1. Setelah tiga tahun *Health Promotion Blueprint* dilancarkan, adakah Pusat Promosi Kesihatan telah mencapai objektif strategiknya dalam menguatkan serta memperkukuhkan infrastruktur dan termasuk sumber tenaga manusianya?

2. Kaola sangat berminat untuk mengetahui status dan pencapaian program yang tercatat dalam *Health Promotion Blueprint* terutama mengenai dengan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, khususnya dalam inisiatif-inisiatif seperti berikut:

   i) Pelaksanaan Program Aktiviti Fizikal Negara bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan

   ii) Penubuhan Persatuan Cara Hidup Sihat di semua sekolah menengah dan menganjurkan Konvensyen Kebangsaan mengenai Persatuan Cara Hidup Sihat bersama dengan Kementerian Pendidikan;

3. Adalah diambil maklum bahawa program *BruMap-NCD* telah dilancarkan pada penghujung 2013. Sehubungan dengan itu, bagaimanakah penyelarasan dibuat dengan *Health Promotion Blueprint* yang sedang berjalan sehingga 2015 dan seterusnya apakah peranan Pusat Promosi Kesihatan dalam pelaksanaan program-program yang terdapat dalam *BruMAP-NCD* ini?, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Insya-Allah kaola akan cuba menjawab sedaya upaya dan oleh kerana soalan-soalan itu tidak dapat dicantumkan, insya-Allah kaola menjawab soalan-soalan mengikut keperluan masing-masing.

1. Tentang tiga tahun *Health Promotion Blueprint* dilancarkan, adakah Pusat Promosi Kesihatan telah mencapai objektif strategiknya dalam menguatkan serta memperkukuhkan infrastruktur dan sumbernya? Objektif penubuhan Pusat Promosi Kesihatan ialah untuk mempromosi kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Misi Pusat Promosi Kesihatan adalah bagi mendukung dan mensejajarkan visi Kementerian Kesihatan iaitu "Bersama Ke Arah Warga Sihat". Peranan dan fungsi-fungsi utama Pusat Promosi Kesihatan ialah merancang, menyelaras dan melaksana program-program dan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan terutama sekali yang berhubung kait dengan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit dan cara hidup sihat di kalangan rakyat dan penduduk di Negara ini.

2. Memantau dan menilai program-program Promosi Kesihatan yang dijalankan serta melaksanakan penyelidikan yang berhubung kait dengan risiko-risiko terhadap kesihatan yang berkaitan dengan cara hidup sihat, pencegahan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit, tingkah laku kesihatan dan promosi kesihatan.

3. Menjadi pusat sumber dan memberi khidmat nasihat dan panduan kepada agensi-agensi yang lain berhubung kait dengan promosi kesihatan, cara hidup sihat dan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit.

4. Menyokong dan berusaha sama secara *partnership* secara berterusan terhadap kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan melalui penyertaan pelbagai sektor dan termasuklah masyarakat. Peranan dan fungsi-fungsi Pusat Promosi Kesihatan ini adalah dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang sangat membimbangkan dan peningkatan bebanan serta impak penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti *cancer, diabetes,* penyakit jantung, penyakit *cardiovascular* dan juga risiko obesiti yang menunjukkan trend global yang meningkat termasuklah di Negara kita Brunei Darussalam.

   Menurut kajian berasaskan bukti dan laporan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia, penyakit-penyakit ini yang sebenarnya boleh dicegah memandangkan faktor-faktor risikonya ialah ada berkaitan dengan tingkah laku dan cara hidup yang diamalkan secara tidak sihat.

Penubuhan Pusat Promosi Kesihatan adalah sebagai *leading agency* dan juga selaras dengan saranan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang menekankan betapa pentingnya pelbagai pendekatan dan mekanisme untuk menyelaras serta melaksanakan dalam memperkesankan lagi langkah-langkah pencegahan dan pengawalan-pengawalan penyakit tidak berjangkit.

Dalam usaha untuk memantapkan dan memperluaskan lagi fungsi dan peranan Pusat Promosi Kesihatan maka Kementerian Kesihatan telah menghasilkan *Health Promotion Blueprint* 2011-2015 seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli tadi adalah bagi menyediakan dan melaksanakan langkah-langkah strategik dalam mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit di samping kita memperkukuhkan dan memperkesankan lagi secara lebih komprehensif. Langkah-langkah mempromosi, pengamalan dan pembudayaan cara hidup sihat di negara ini.

Pusat Promosi Kesihatan merupakan agensi utama dalam penyelarasan dan pemantauan inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam *Health Promotion Blueprint 2011-2015*. Pusat ini juga secara langsung adalah juga bertanggungjawab dalam merancang membangun dan menilai beberapa program-program yang telah dikenal pasti.

Dari segi pelaksanaan *Health Promotion Blueprint* peranan promosi kesihatan dibahagikan kepada 3 aspek :

1) Memimpin dan mengadvokasi dari segi dasar awam yang mempromosi cara hidup sihat.

2) Memudahkan dan menyokong cara hidup sihat melalui langkah-langkah yang mendorong kepada perubahan tingkah laku yang lebih positif; dan

3) Memperkasa atau *empower* pihak-pihak serta kumpulan-kumpulan sasaran tertentu dalam meningkatkan kualiti kesihatan dan kesejahteraan kehidupan.

Sebahagian besar daripada inisiatif-inisiatif yang digariskan adalah diselaraskan dan juga dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan. Di samping itu, ianya juga diungkayahkan dan secara usahasama dengan *stakeholders* yang berkepentingan seperti agensi-agensi Kerajaan, *NGO,* pihak swasta dan juga penglibatan masyarakat.

Alhamdulillah dalam tempoh 3 tahun *Health Promotion Blueprint* dilancarkan, pencapaian yang sangat menggalakkan telah diperolehi. Daripada jumlah 31 inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam *Health Promotion Blueprint,* 22 inisiatif-inisiatif (71%) telah dan sedang dijalankan. Manakala 6 inisiatif-inisiatif (19%) masih dalam perancangan dan 3 inisiatif-inisiatif atau 10% masih di*review* dan dipersesuaikan selaras dengan perkembangan dan dalam

proses menunggu hasil kajian serta akan diperkukuhkan berasaskan bukti.

Tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah program-program pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan tembakau, inisiatif-inisiatif bagi mempromosikan kegiatan fizikal dan mengurangkan obesiti, langkah-langkah program kerjasama di peringkat masyarakat, institusi pendidikan dan tempat kerja serta dengan pihak-pihak tertentu termasuk media massa. Inisiatif terkini ialah bekerjasama dengan beberapa buah restoran secara berperingkat-peringkat.

Bagi inisiatif-inisiatif yang di*review* dan dikemaskinikan termasuklah mengadaptasikan serta memudah carakan pengurangan pengambilan garam, gula dan lemak di kalangan penduduk di negara ini. Walau bagaimanapun, inisiatif tersebut telah diserapkan ke dalam satu strategi pelan tindakan yang terkini dan lebih mantap yang dinamakan Pelan Tindakan Pelbagai Sektor Negara Brunei Darussalam bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit *(Brunei Darussalam Multisectoral Action Plan on the Prevention and Control of Non communicable Diseases (NCDs) 2013-2018)* yang mana insya-Allah inisiatif ini dalam mengurangkan pengambilan garam, gula dan lemak akan dilaksanakan pada bulan April dengan mengadakan kempen media pengurangan pengambilan gula, garam dan lemak dan seterusnya hinggalah kepada 2018.

Manakala inisiatif yang lain yang dalam proses *review* dan dalam pengemaskinian ialah garis panduan Pemakanan Kebangsaan yang mana garispanduan ini akan diteliti semula dengan adanya nanti insya-Allah dapatan kaji selidik kebangsaan status kesihatan dan pemakanan yang kedua pada tahun ini. Ini adalah semata-mata bagi mempastikan *review* dan pengemaskinian garis panduan permakanan kebangsaan adalah berpandukan kepada hasil penyelidikan dan bukti yang berasas.

Dengan tertubuhnya Bangunan Pusat Promosi Kesihatan pelbagai kemudahan infrastraktur telah dikembangluaskan seperti menyediakan galeri kesihatan, gimnasium kesihatan yang dilengkapi dengan peralatan sukan, klinik cara hidup sihat, pusat sumber, kolam renang, bilik-bilik kuliah, bilik mesyuarat serta kawasan riadah yang cukup luas untuk melakukan kegiatan fizikal. Pusat Promosi Kesihatan juga sentiasa menghargai kerana kebetulan dengan wujudnya taman rekreasi di Jalan Menteri Besar di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan yang berhadapan dengan Pusat Kesihatan adalah dianggap sebagai nilai tambah dalam menggalakkan penerapan cara hidup sihat melalui kegiatan fizikal.

Dari segi sumber manusia pula, pada awalnya pengurusannya adalah sebagai sebuah bahagian di bawah Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan

pada ketika ini, ianya pada ketika itu hanya mempunyai tenaga 31 orang. Sejak tahun 2009 Pusat Promosi Kesihatan telah dinaik taraf menjadi salah satu bahagian di bawah pengawasan Pengarah Umum, Kementerian Kesihatan dan jumlah tenaga manusia meningkat kepada 49 orang yang terdiri daripada 5 orang doktor, 8 orang jururawat, 12 orang pegawai profesional kesihatan dan selebihnya adalah pegawai-pegawai pembantu dari segi pentadbiran dan teknikal.

Struktur Organisasi terus dipertingkatkan dan dikemaskinikan bagi membolehkan pelaksanaan program dan aktiviti lebih teratur dan tersusun di mana kesemua pegawai dan kakitangan Pusat Promosi Kesihatan difokuskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan kepada program dan perkhidmatan yang lebih khusus seperti Program Promosi Kesihatan Dewasa termasuk Program Klinik Cara Hidup Sihat, Program Promosi Kesihatan Remaja, Program Pendidikan Antirokok dan Berhenti Merokok, Program Permakanan Sihat, Program Kegiatan Fizikal, Bahagian Sumber dan Pemasaran termasuk Program Komunikasi Kesihatan.

Walau bagaimanapun, strategi dan pelan tindakan akan sentiasa dipantau dan di*review* serta dikemaskinikan dari semasa ke semasa bagi memantapkan dan memperkukuhkan lagi keberkesanan misi dan fungsi Pusat Promosi Kesihatan yang akan diselaraskan dengan pelan strategi *Health Promotion Blueprint*.

Manakala bagi soalan 2 yang ditimbulkan status dan pencapaian yang tercatat dalam *Health Promotion* terutama sekali kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang bersangkut paut dengan program aktiviti fizikal negara. Seperti mana yang digariskan di dalam *Health Promotion Blueprint* dalam mencapai matlamat bagi mempromosi cara hidup sihat dan mencegah penyakit-penyakit tidak berjangkit, kerjasama dengan *stakeholders* atau pihak-pihak yang berkepentingan lain adalah sangat diperlukan dan dialu-alukan bagi memperkesankan lagi Program Promosi Kesihatan yang berdaya tahan dan lebih mapan.

Agensi-agensi Kerajaan yang banyak terlibat dalam memberikan sokongan yang padu dan kerjasama yang erat dalam bersama-sama dalam mempromosi cara hidup sihat yang antara lainnya Kementerian Pendidikan bagi program-program yang tertumpu kepada mempromosi kesihatan pelajar dan remaja dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti mempromosi kegiatan fizikal. Dalam merealisasikan inisiatif yang digariskan dalam *Health Promotion Blueprint* dalam meningkatkan tahap kegiatan fizikal yang lebih teratur, sempurna dan mengikut piawaian antarabangsa. Kementerian Kesihatan telah melancarkan Garis Panduan

Kebangsaan Kegiatan Fizikal pada bulan Julai 2011 yang lalu.

Ini adalah berdasarkan kepada garis panduan kegiatan fizikal yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan juga dengan kerjasama dan *input* yang didapati oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan khususnya daripada Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensi yang berkenaan.

Kementerian Kesihatan secara berterusan akan meningkatkan usaha dan menyerapkan garis panduan kegiatan fizikal ini sebagai inisiatif mempromosi cara hidup sihat melalui fizikal aktiviti secara tetap dalam tempoh tertentu mengikut sasaran kumpulan-kumpulan yang berkeperluan termasuklah mereka yang mengidap penyakit kronik bagi tujuan menghasilkan kesihatan yang optima yang berterusan bagi setiap peringkat umur.

Di antara kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah dilaksanakan, mengadakan simposium dan bengkel secara berasingan sempena perlancaran garis panduan tersebut yang telah melibatkan jurulatih-jurulatih sukan, guru-guru latihan jasmani serta profesional-profesional sukan dan kecergasan yang dikenal pasti.

Yang keduanya, Pusat Promosi Kesihatan juga telah bekerjasama dalam menjayakan beberapa larian belia yang bertemakan dan berunsurkan kesihatan yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti larian bebas merokok dan juga larian mencegah obesiti pada tahun 2011.

Dalam usaha untuk membina kapasiti dan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam program kegiatan fizikal di Pusat Kesihatan, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah beberapa kali melibatkan penyertaan dari Pusat Promosi Kesihatan untuk mengikut beberapa kursus jangka pendek seperti latihan mengetuai senamrobik yang telah diadakan pada tahun 2013 dan persidangan dan ekspo sukan kebangsaan yang diadakan pada November 2012.

Pusat Promosi Kesihatan juga telah melibatkan penyertaan pihak Jabatan Belia dan Sukan bagi Bengkel Preskripsi Senaman untuk profesional kesihatan asasi yang diadakan pada bulan November 2013. Kementerian Kesihatan juga terlibat dalam penyampaian model-model Program Kesedaran Kesihatan dalam Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Inisiatif-inisiatif kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini bagi meningkatkan tahap kegiatan fizikal di kalangan rakyat dan penduduk akan terus dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi misalnya melalui Program Kemasyarakatan seperti Program Kesihatan Warga Emas yang

diadakan di pusat kegiatan warga emas bertempat di Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Soalan seterusnya berhubung dengan status dan pencapaian yang tercatat dalam *Health Promotion Blueprint* terutama sekali penubuhan Persatuan Cara Hidup Sihat di semua sekolah menengah dengan menganjurkan konvensyen kebangsaan. Cadangan bagi penubuhan Kelab atau Persatuan Cara Hidup Sihat di sekolah-sekolah menengah telah tercetus daripada program perkhemahan belia kesihatan yang telah dianjurkan oleh Pusat Promosi Kesihatan yang diadakan semasa musim cuti persekolahan di antara tahun 2009-2011, hampir kesemua sekolah-sekolah menengah di Negara ini telah mencalonkan beberapa orang penuntut terpilih untuk menyertai perkhemahan tersebut. Kelab-kelab ini dihasratkan akan dapat berjalan secara berterusan di bawah kepimpinan penuntut-penuntut yang telah menyertai perkhemahan tersebut.

Walau bagaimanapun, di antara 2011-2012, hanya sebilangan kecil sahaja Kelab-Kelab Cara Hidup Sihat yang dapat ditubuhkan dan masih berdaya tahan dalam menjalankan program-program dan aktiviti cara hidup sihat di sekolah-sekolah masing-masing.

Kurangnya penglibatan sekolah-sekolah dalam mewujudkan Kelab Cara Hidup Sihat adalah antaranya yang dikenal pasti disebabkan oleh ketidakserasian masa pembelajaran dengan masa aktiviti-aktiviti kelab, tidak ada pengganti baru bagi ahli-ahli kelab yang telah melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan tidak ada *focal person* yang khusus dan tetap untuk menyelaras aktiviti cara hidup yang sihat dengan secara berterusan.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah difahamkan pihak Kementerian Pendidikan melalui Unit Mempromosi Kesihatan, Jabatan Sekolah-Sekolah telah sekian lama meneliti akan keadaan dan situasi tersebut dan telah juga mencadangkan inisiatif yang lebih efektif dan produktif demi untuk mendukung bukan sahaja objektif strategi untuk mempromosikan persekitaran yang sihat dalam *health promotion* malah juga mendukung salah satu ciri yang digariskan dalam pelan strategik 2012-2017 Kementerian Pendidikan iaitu memberikan pendidikan yang berkualiti melalui tahap piawaian kesihatan yang tinggi.

Inisiatif baru ini ialah penubuhan unit-unit sekolah mempromosikan kesihatan di setiap sekolah menengah yang mana telah lebih berstruktur dan berdaya tahan. Unit-unit sekolah mempromosikan kesihatan dimandatkan kepada semua sekolah-sekolah menengah untuk diwujudkan dan diselaraskan oleh guru-guru yang terpilih di sekolah masing-masing.

Guru-guru tersebut akan bertanggungjawab untuk menyelaras aktiviti-aktiviti cara hidup sihat dan aktiviti mempromosi kesihatan yang lain dengan penglibatan sama dengan penuntut-penuntut di sekolah agar

ia menjadi aktiviti yang lebih holistik, teratur dan berdaya tahan. Dengan penubuhan unit-unit sekolah mempromosi kesihatan tersebut maka kelab-kelab cara hidup sihat di semua sekolah-sekolah menengah akan dapat diaktifkan dan diperkukuhkan lagi. Sasaran bagi tahun 2014 ialah untuk membantu 6 buah sekolah menengah untuk menubuhkan kelab-kelab cara hidup sihat dengan sokongan dan pemantauan yang lebih kerap oleh bahagian Promosi Kesihatan Remaja, Pusat Promosi Kesihatan dan unit-unit sekolah mempromosi kesihatan di sekolah-sekolah menengah.

Dengan adanya perubahan dan pemantapan organisasi kelab-kelab cara hidup sihat kepada penubuhan unit-unit sekolah yang mempromosi kesihatan di atas rancangan untuk menganjurkan konvensyen kebangsaan mengenai kelab-kelab cara hidup sihat bersama dengan Kementerian Pendidikan adalah ditangguhkan dan insya-Allah akan diadakan pada masa yang bersesuaian.

Ini adalah hasil kerjasama dan perundingan awal bersama di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan yang mana adalah juga selaras dengan Pelan Strategik 2013-2017 Pusat Promosi Kesihatan yang berhasrat supaya konvensyen ini akan lebih komprehensif dan lebih berstruktur dengan penglibatan lebih ramai lagi penuntut-penuntut di kalangan sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah di peringkat menengah untuk bekerjasama dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti dan program-program yang dinyatakan.

Soalan yang seterusnya iaitu yang berhubung dengan *BruMap-NCD* (*Brunei Darussalam Multi-sectoral Action Plan on the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases)* yang telah dilancarkan pada 2013 dan bagaimanakah penyelarasan dibuat dengan *Health Promotion Blueprint* yang berjalan pada masa ini sehingga 2015.

Pada dasarnya tujuan utama *Health Promotion Blueprint* 2011-2015 ialah menggariskan objektif-objektif dan pelan-pelan tindakan yang perlu yang diimplementasikan bagi menangani beban penyakit yang tidak berjangkit dan mempromosi amalan cara hidup sihat, manakala pelan tindakan berbagai sektor Negara Brunei Darussalam bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit 2013-2018 iaitu *BruMap-NCD* adalah merupakan kesinambungan *Health Promotion Blueprint* dan dijadikan dokumen rujukan utama bagi semua program pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit sehingga 2018. Pengawalan-pengawalan penyakit tidak berjangkit sebahagian daripadanya inisiatif-inisiatif dan tindakan-tindakan dalam *Blueprint* tersebut telah diteliti, dikemaskini dan diselaraskan serta diserapkan ke dalam *BruMap-NCD*.

Oleh yang demikian, kedua-dua dokumen tersebut adalah berkait rapat dan bermatlamat ke arah yang sama dalam usaha kita memperkesankan lagi

dalam pembanterasan dan penjagaan penyakit-penyakit tidak berjangkit secara lebih komprehensif, fokus, strategik, efektif dan sistematik dengan menggunakan kaedah *multi-sectoral* dalam mengurangi bebanan penyakit tidak berjangkit di Negara Brunei Darussalam.

Komponen-komponen dalam *BruMAP-NCD* adalah berasaskan kepada perbincangan dan konsultasi dengan pakar kesihatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia serta wakil-wakil agensi berkepentingan di Negara ini yang diselaraskan dengan pelbagai pelan tindakan serta garis panduan *WHO* yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti rangka kerja dan pelan tindakan Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang dipersetujui dalam Perhimpunan Kesihatan Sedunia pada bulan Mei 2013 dan juga mengamalkan cara yang terbaik.

Yang terakhir, apakah peranan Pusat Promosi Kesihatan dalam pelaksanaan program-program yang terdapat dalam *BruMAP-NCD*. Sebagaimana juga peranan Pusat Promosi Kesihatan dalam *Health Promotion* ianya juga memainkan peranan yang sama iaitu merupakan agensi utama dalam merancang, mengurus, melaksana dan menilai tindakan-tindakan bagi empat objektif yang digariskan dalam pelan tindakan pelbagai sektor Negara Brunei Darussalam bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit, iaitu:

1. Mengurangkan penggunaan tembakau.

2. Mempromosi pemakanan seimbang dan sihat.

3. Meningkatkan aktiviti fizikal.

4. Mengenal pasti warga yang berisiko dan pengurusan yang aktif kepada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit.

Bagi memperkukuhkan dan memperkesankan lagi pelan tindakan-tindakan digariskan dalam *BruMAP-NCD* yang lebih fokus dalam menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit, satu unit khas di Kementerian Kesihatan juga telah ditubuhkan iaitu Unit Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Tidak Berjangkit yang akan bekerjasama dengan lebih erat dengan Pusat Promosi Kesihatan yang berperanan khusus dalam aspek berikut:

1. Memudahkan dan memastikan semua tindakan-tindakan yang disenaraikan akan dapat dilaksanakan sama ada tindakan tersebut dijalankan oleh Pusat Promosi Kesihatan atau oleh Jawatankuasa Kerja tertentu mahupun di luar daripada Kementerian Kesihatan.

2. Menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja pemantauan serta penyelidikan seperti yang digariskan dalam *BruMAP-NCD* dan menyelaras dan memantau keperluan latihan serta perkembangan tenaga kerja yang

terlibat dalam program atau perkhidmatan pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit dengan mana-mana agensi yang berkenaan.

Pada kesimpulannya, *BruMAP-NCD* kini menjadi dokumen rujukan utama bagi semua program-program pencegahan dan pengawalan-pengawalan penyakit tidak berjangkit di Peringkat Kebangsaan sehingga tahun 2018 untuk menuju ke arah pencapaian misi *BruMAP-NCD* iaitu untuk mencegah dan memperkesankan lagi pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit menerusi dua tema strategik utama iaitu:

1. Meningkatkan kesihatan melalui persekitaran yang menggalakkan serta membolehkan pemilihan-pemilihan yang sihat.

2. Seterusnya meningkatkan kesihatan melalui peningkatan rawatan berterusan bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Sekianlah yang dapat disampaikan dan diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditangguhkan selama 15 minit untuk kita sama-sama berehat.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini disambung semula dan masih lagi membincangkan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah pun memberi notis untuk didahulukan soalan-soalan yang berhubung kait dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu soalan No. 18 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Anbiya'i Wal Mursalin Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sukacita kaola mengutarakan mengenai Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong. Yang kaola tujukan kepada Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Salah tu Yang Berhormat. Muka surat 10 di bawah Tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Maafkan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola akan mengutarakan mengenai dengan kekurangan binatang-binatang untuk dibuat ibadah korban.

Sambutan Majlis Ibadah Korban semasa Hari Raya Aidiladha telah mendapat sambutan daripada penduduk dan masyarakat di seluruh negara dari tahun ke tahun. Hasil daripada pengusahaan ternakan binatang seperti kerbau, lembu dan kambing masih jauh berkurangan di negara ini, dan untuk mendapatkan binatang-binatang tersebut, terutama sekali, kerbau didatangkan dari negara jiran yang berdekatan adalah susah dan adakalanya memerlukan permit jika didatangkan dari daerah pedalaman di Sabah. Harganya semakin naik dan pada tahun lepas seekor kerbau berharga dari B$2,500 hingga B$3,000.

Di Daerah Temburong, kawasan-kawasan untuk penternakan masih luas, dan jika perusahaan seperti ini dibukakan kepada penternak-penternak tempatan atas bantuan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti mengadakan tanah ternakan, latihan dan tunjuk cara pemeliharaan serta penggunaan pengurusan Insya-Allah akan berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin bertanya:

1. Adakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sudah membuat perancangan bagi mengatasi kekurangan binatang ternakan tempatan seperti kerbau, lembu dan kambing?

2. Adakah jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dapat mengenal pasti negara-negara yang boleh membekalkan binatang-binatang yang dijadikan korban untuk diimport ke Negara Brunei Darussalam dengan harga yang berpatutan dan lebih teratur?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua dan juga terima kasih pada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad atas 2 soalan yang diberi notis. Saya akan menjawab soalan tersebut dalam satu jawapan:

1. Mengenai dengan perancangan bagi mengatasi kekurangan binatang ternakan tempatan seperti kerbau, lembu dan kambing. Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah pun mengenal pasti tapak yang akan digunakan bagi tujuan penternakan kerbau dan lembu iaitu Tapak Pertanian Batang Mitos seluas 500 hektar. Tapak ini adalah dalam proses untuk disediakan satu pelan induk yang bergelar *The Development of Master Plan for Batang Mitus Livestock Development Area* dan Batang Mitus *Fruits Development Area* dan dijangka akan siap pada dalam tahun ini.

Antara konsep yang diserapkan dalam *master plan* ini adalah sistem peladangan sepadu ataupun *integrated farming* bagi mencapai pengeluaran yang kompetitif dan mapan bagi industri ternakan dan tanaman.

2. Menggalakkan perusahaan bagi teknologi tinggi yang bersesuaian seperti pemeliharaan ternakan *ruminant* secara *system feed lot.*

3. Perladangan pokok buah-buahan dengan mengutamakan amalan-amalan baik pertanian dan penternakan Tapak-tapak di Batang Mitus ini akan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan elektrik dan air dan akan ditawarkan kepada pengusaha berskala besar dan berskala kecil. Perancangan telah pun dibuat iaitu dengan melaksanakan projek *feed lot* yang mana pada masa ini masih dalam proses fasa pertama iaitu pengumpulan data dan persiapan logistik. Terdapat beberapa pihak yang berminat untuk mengusahakan tapak ini yang mana akan diselaraskan dengan keputusan projek *master plan* ini.

Secara umum program-program pembangunan industri ternakan di negara ini bukan sahaja akan menumpukan kepada peningkatan penghasilan bahkan juga akan menumpukan kepada program-program dukungan seperti pengawasan kawalan penyakit ternakan. Penyerapan penggunaan teknologi tinggi dalam perternakan kualiti makanan dan pemakanan haiwan diagnostik dan kawalan kualiti dan kawalan keselamatan makanan hasil dari ternakan.

Bagi pembangunan Tapak Pertanian Batang Mitus ini hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah bagi pengusaha berskala besar memainkan peranan sebagai pemacu sementara pengusaha berskala kecil berperanan sebagai pendukung industri ternakan melalui *contract farming, service provider*, ataupun penyedia perkhidmatan, pembekal baka, pembekal makanan, perkhidmatan *veterinary* dan sebagainya.

Dengan tersedianya Tapak Pertanian Batang Mitus seluas 500 hektar ini, ternakan akan menyumbang kepada peningkatan dalam hasil pengeluaran

ternakan dalam negara. Sementara itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tidak mempunyai perancangan untuk mengadakan ladang penternakan lembu atau kerbau di Daerah Temburong. Ini adalah disebabkan oleh keluasan tanah yang sesuai yang terhad dan juga untuk menjaga imej Daerah berkenaan sebagai *The Green Jewel of Brunei*.

Sebagai makluman tambahan dan untuk kegunaan kita semua pengambilan daging merah atau *red meat* dan daging ayam bagi setiap penduduk di Negara Brunei Darussalam ini adalah di antara yang paling tertinggi berbanding di negara-negara *ASEAN* yang lain. Pengambilan bagi setiap penduduk bagi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2012 bagi daging merah adalah 9.7 kg seorang setahun, paling tinggi di Negara *ASEAN;* sementara ayam, bagi Negara Brunei Darussalam pula, adalah kira-kira dalam 61.8 kg seorang setahun dan juga adalah yang paling tertinggi di kalangan negara-negara *ASEAN.*

Mengenai soalan berkaitan dengan negara pembekal binatang-binatang yang dijadikan daging korban ke Negara Brunei Darussalam, secara umum, adalah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya pembekalan daging-daging di Negara ini hendaklah dari sumber-sumber yang bebas dari penyakit *(disease free),* pembekal-pembekal yang *reliable* dan pembekal daging yang berkualiti.

Pada masa ini, pembekalan daging merah didapatkan daripada negara-negara bebas penyakit, penyakit yang digelarkan penyakit kaki dan mulut ataupun *foot and mouth disease.* Dari Australia kita mendatangkan kerbau, lembu dan kambing; New Zealand kita mendatangkan kambing; dari Philippines kita cuma mendatangkan kerbau; Indonesia kerbau; dan dari Malaysia terutama daripada Sabah dan Sarawak adalah kerbau dan lembu. Selain daripada bekalan daripada negara-negara tersebut, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga meneroka untuk mencari bekalan daging kerbau, lembu dan kambing dari negara-negara lain.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengenai dengan jawapan kepada soalan tersebut.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No. 19 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya ingin mengemukakan mengenai kenaikan harga barang-barang. Sejak beberapa bulan ataupun tahun yang lalu, harga barang keperluan harian seperti daging, ikan, telah meningkat naik. Sebagai contoh:

1. Harga ayam sekilo $3.90 dan sekarang $4.20 sekilo dan mungkin akan naik lagi.

2. Telur gred I $5.90 naik kepada $6.20 satu *tray* (30 biji).

   Telur gred II $4.60 naik kepada $5.40 satu *tray* (30 biji).

   Telur gred III $4.00 naik kepada $4.60 satu *tray* (30 biji).

3. Ikan rumahan $4.00 naik $6.00 sekilo.

   Ikan tenggiri $6.00 naik $8.00 sekilo.

   Ikan putih $8.00 naik $9.90 sekilo.

   Ikan beberahan $10.00 naik $12.00 sekilo.

Dengan kenaikan harga barang-barang keperluan seperti ini, akan menjadi bebanan kepada rakyat yang berpendapatan rendah, lebih-lebih lagi kepada rakyat yang tidak mempunyai pendapatan tetap, termasuklah warga yang dikategorikan miskin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya berpendapat untuk membantu keluarga yang terlibat diberi kemudahan dengan memberikan keperluan-keperluan yang mustahak seperti tepung susu kanak-kanak, minyak makan dan lain-lain dengan secara diberikan kupon bulanan. Barang-barang yang dibeli secara berkupon bulanan ini boleh diambil di kedai-kedai yang diamanahkan untuk mengendalikannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya ingin tahu, apakah ada langkah-langkah pihak yang berkenaan untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah, tidak tetap dan fakir miskin yang menghadapi masalah ini dan apakah peranan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengawal harga barang-barang keperluan sehari-hari? Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekali lagi, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Mengenai dengan kenaikan harga-harga barang, saya akan menjawab mengenai dengan peranan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sahaja.

Soalan pertama rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri telah bersedia untuk memberikan jawapan nanti apabila tiba waktunya disebabkan kawalan harga adalah di bawah kawalan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri.

Walau macamanapun mengenai dengan soalan No.2, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang berusaha untuk menurunkan harga ayam dan telur melalui peningkatan teknologi pengeluaran dengan menukar sistem reban tradisi kepada sistem reban tertutup. Sistem baru ini akan

membolehkan pengeluaran ayam lebih terkawal, meningkatkan produktiviti dan kadar kematian lebih rendah.

Usaha kedua ialah menggalakkan penubuhan kilang makanan ternakan di negara ini yang mana telah pun diusahakan oleh sekumpulan pengusaha tempatan secara *consortium*. Kilang makanan ini telah pun siap dan telah mula beroperasi. Makanan ayam seperti yang dimaklumi merupakan satu faktor yang menyumbang kepada kos iaitu kira-kira 60 peratus daripada kos pengeluaran.

Dengan adanya pengeluaran tempatan, kos pengeluaran dapat diturunkan kepada kadar yang lebih rendah.

Manakala harga ikan naik sebahagiannya adalah disebabkan oleh cuaca yang tidak menentu tetapi pada masa ini alhamdulillah harga ikan telah pun pulih seperti biasa. Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga diucapkan atas keprihatinan, saranan dan soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sentiasa peka terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Justeru, pihak Kerajaan telah berusaha secara berterusan untuk membantu menangani kos kehidupan melalui pelbagai inisiatif dan bantuan. Ini termasuk usaha-usaha pihak Kerajaan untuk mengawal harga barang-barang keperluan harian.

Pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) melalui Perintah Pindaan Akta Kawalan Harga 2012 telah diberikan kuasa untuk mengawal harga maksimum bagi 22 jenis barangan termasuk makanan harian seperti beras, gula, susu tepung anak damit, susu pekat, minyak masak dan tepung biasa. Pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) juga mengawal harga kenderaan penumpang dan beberapa bahan binaan.

Menyentuh mengenai daging ayam dan telur ayam. Harga pasarannya tidak termasuk di dalam senarai barangan yang dikawal di bawah Akta Kawalan Harga berkenaan. Walau bagaimanapun, harga pasaran daging ayam dan telur sentiasa dipantau. Terutama seperti di musim-musim perayaan, di mana lazimnya permintaannya meningkat. Malahan di musim perayaan tersebut pihak Jabatan Perancangan Kemajuan dan Ekonomi (JPKE) dengan kerjasama pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menetapkan secara pentadbiran harga maksimum daging ayam dan telur ayam bersama barang-barang utama yang lain yang tidak dikawal di bawah Akta Harga Kawalan.

Berdasarkan penganalisaan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE), kenaikan harga daging ayam dan telur ayam adalah bukan secara mendadak. Secara purata harga daging ayam meningkat pada kadar 0.02% setahun dalam tempoh 15 tahun kebelakangan ini. Sementara telur ayam meningkat 0.04% setahun. Kenaikan harga tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan dalam harga kos sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan sejawat kaola tadi Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu kos pengeluaran seperti harga makanan ayam dan harga anak ayam yang diimport dari luar negeri.

Selain itu, permintaan melebihi bekalan ataupun *demand exceed supply* dan pertukaran mata wang juga mempengaruhi harga barangan. Selain dari memantau harga secara berterusan dan menetapkan harga secara pentadbiran di masa-masa tertentu, pihak Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi telah membantu penubuhan sebuah syarikat usaha sama bagi menghasilkan makanan ayam sebagai usaha untuk menstabilkan harga daging ayam. Projek tersebut dijangka mengeluarkan kira-kira 65,520 metrik tan makanan haiwan setiap tahun dan kilang pengeluaran tersebut telah siap sepenuhnya pada suku ke empat tahun 2013. Syarikat telah memulakan operasi pengeluarannya pada bulan Disember 2013.

Beralih pada cadangan Yang Berhormat bagi pihak Kerajaan membantu golongan-golongan tertentu dengan menggunakan kupon bulanan, perkara ini perlu diteliti dengan secara mendalam khususnya dari segi beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan. Saya telah berulang kali menjelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang sangat banyak dalam bentuk subsidi, bagi barangan asasi, termasuk beras, gula, minyak, tenaga elektrik, bekalan air dan lain-lain lagi.

Selain dari itu, rakyat dan penduduk Negara ini menikmati kemudahan asasi secara percuma. Misalnya, perkhidmatan perubatan dan pendidikan, di mana pihak Kerajaan memperuntukkan kewangan yang sangat banyak.

Di antara barangan yang diberi subsidi, termasuklah bekalan beras dan gula $20 juta setahun. Minyak kenderaan dan gas $339 juta setahun. Tenaga elektrik $280 juta.

Dari sudut pembinaan rumah-rumah Skim Perumahan Negara, pihak Kerajaan juga menanggung di antara kira-kira $40 ribu sehingga $90 ribu seunit. Bayangkanlah jika setiap tahun, rumah yang dapat disiapkan untuk skim ini, berjumlah 2,000 buah rumah, ini bermakna, Kerajaan akan menanggung subsidi kos pembinaan kira-kira purata $140 juta setahun.

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga menanggung perbelanjaan sebanyak kira-kira $140 juta bagi bayaran rumah yang disewa oleh pihak Kerajaan bagi kediaman pegawai dan kakitangan

Kerajaan berbanding jumlah bayaran balik yang diterima hanya sebanyak $6.96 juta dari pegawai-pegawai Kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pihak Kerajaan juga memberikan bantuan kewangan secara langsung melalui elaun-elaun bulanan khasnya bagi mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan dalam Divisyen II ke bawah dengan memberikan Elaun Kurnia Khas dan Elaun Sara Hidup. Kadar elaun ini adalah menurut divisyen di mana kadarnya adalah lebih tinggi bagi mereka yang berada Divisyen IV dan V bagi menampung mereka yang berpendapatan rendah.

Untuk itu, kaola ingin mengongsikan bahawa Kerajaan telah menyediakan sebanyak kira-kira $242 juta setahun bagi menampung elaun-elaun ini. Di samping pemberian bantuan kewangan berbentuk jangka pendek melalui elaun-elaun di atas, pihak Kerajaan juga turut melabur bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk apabila memulakan persaraan melalui Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Tambahan *(SCP).* Sekianlah yang dapat kaola maklumkan, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No. 4 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai dengan tambahan kakitangan dan perumahan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong, adalah perlu sebagai persediaan bagi perkembangan dan kemajuan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam pada masa akan datang. Di mana pertambahan penduduk akan meningkat apabila projek-projek Kerajaan siap nanti, sebagai misal jambatan penghubung dari Brunei dan Muara ke Daerah Temburong, Kampus Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Kaola ingin tahu, apakah perancangan Kementerian Kesihatan bagi memperbaiki lagi perkhidmatan yang diberikan oleh Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam yang ada sekarang serta persediaan-persediaan bagi menampung penduduk yang akan bertambah, sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tentang perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi rakyat dan penduduk di Daerah Temburong. Kementerian Kesihatan memang mengambil maklum akan perkembangan dan kemajuan di Daerah Temburong, terutama sekali mengenai perancangan projek mega seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Dalam perkara ini pihak Kementerian Kesihatan mengenal pasti akan kepentingan untuk meneliti serta membuat perancangan secara teratur mengenai keperluan bagi mengembangluaskan dan mengukuhkan lagi perkhidmatan penjagaan kesihatan Daerah Temburong, sepertimana yang juga telah dan akan terus dilaksanakan secara keseluruhannya bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan di semua daerah mengikut keutamaan dan keperluan Negara.

Untuk makluman bahawa Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan beberapa projek di Daerah Temburong yang bukan saja menumpukan kepada peningkatan kualiti perkhidmatan, malahan juga menambah baik dan menaik taraf infrastruktur kesihatan yang antara lainnya seperti berikut:

1. Penambahbaikan kemudahan serta kelengkapan perkhidmatan kemalangan dan kecemasan melalui pengubahsuaian dan penaiktarafan Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam Daerah Temburong. Proses serta aliran kerja perkhidmatan di bahagian tersebut jua telah dikemas kini untuk meningkatkan keberkesanan rawatan pesakit dalam suasana yang lebih kondusif. Perkhidmatan Bahagian Kemalangan dan Kecemasan ini juga telah dilengkapi dengan penyediaan 4 buah kenderaan ambulans termasuk khususnya bagi kes-kes trauma di samping penyediaan sebuah ambulans laut. Jika terdapat pesakit yang memerlukan rawatan yang segera dan berkeadaan kronik hanya akan menggunakan perkhidmatan helikopter juga disediakan dengan kerjasama pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

2. Dan satu lagi yang telah pun dikenal pasti di Daerah Temburong, pesakit renal dari tahun ke tahun bertambah. Misalnya, 2008 seramai 23 orang, bertambah 30 orang. Menyedari akan hakikat itu maka kementerian telahpun mengambil tindakan untuk menambahkan dan meluaskan lagi bagi kemudahan pesakit-pesakit dialisis iaitu pada masa ini terdapat 9 unit *dialysis points* ditambah kepada 18 unit. Ini adalah semata-mata untuk memberikan keselesaan dan memberikan rawatan dialisis kepada mereka yang memerlukan di daerah tersebut.

3. Yang turut juga diberikan penumpuan di aspek pengukuhan perkhidmatan penjagaan kesihatan kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung yang sedang berjalan pada masa ini ialah pelaksanaan penaiktarafan dan mengembangluas-kan Klinik Kesihatan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak di Daerah itu. Projek ini adalah dihasratkan untuk meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan perkhidmatan yang secara komprehensif demi keselesaan kepada kanak-kanak dan ibu-ibu yang memerlukan perkhidmatan. Insya-Allah, projek ini akan dapat disiapkan sedikit masa lagi.

Adalah dalam rancangan Kementerian Kesihatan untuk mengubah suai dan menaik taraf bilik-bilik konsultasi dan kawasan pesakit luar di Daerah Temburong untuk meningkatkan lagi keadaan yang lebih kondusif dan teratur serta tersusun. Kerja-kerja ini juga termasuklah dalam membaik pulih, pengubahsuaian dan menaik taraf seperti yang telah dicadangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 di bawah Projek Baik.

Kementerian Kesihatan juga sedang meneliti dan membuat perancangan bagi mengukuhkan perkembangan kapasiti tenaga profesional di daerah-daerah mengikut keutamaan dan keperluan bersesuaian dengan konsep *Universal Health Coverage*. Justeru itu bagi Daerah Temburong, Kementerian Kesihatan telah menempatkan pada masa ini seorang doktor tempatan untuk mengetuai perkhidmatan kesihatan meliputi kepada penjagaan kesihatan asasi dan hal-ehwal melindungi kesihatan awam. Seorang doktor tempatan juga telah dilantik sebagai Penguasa Perubatan bagi hospital berkenaan dan juga di hospital tersebut sekarang mempunyai 180 orang kakitangan dengan mempunyai 5 orang doktor perubatan, seorang doktor pergigian dan 55 orang jururawat.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan termasuk tempat kediaman bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang memerlukannya. Ianya akan dirundingkan dan juga akan dibuat perancangan dengan agensi-agensi yang berkenaan.

Seterusnya dikongsikan bahawa Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam adalah merupakan satu fasiliti utama di Daerah Temburong yang turut diberi tumpuan dalam Projek Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini dalam peringkat *finalisation*. Projek ini dikendalikan oleh konsultan yang telah dilantik. Insya-Allah melalui projek ini, kajian mengenai perkhidmatan dan infrastruktur hospital tersebut telah dijalankan bagi usaha untuk mengenal pasti keperluan perkembangan perkhidmatan perubatan bukan sahaja dalam jangka masa sederhana tetapi juga untuk masa jangka yang panjang dalam mensejajarkan dengan perkembangan dan perancangan serta kemajuan Daerah Temburong.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No. 5 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara mengenai dengan Peraturan bagi pemberian Elaun Cuti (Elaun Tambang). Mengikut bagi pemberian Elaun, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 17/1972 bertarikh 15 Ogos 1992 dan Surat Keliling Jabatan Perdana

Menteri Bil. 7/2011 yang berkuat kuasa mulai dari 1 Januari hanya diberikan bagi tempoh 4 tahun, dengan kadar bayaran yang sama seperti mana tempoh 3 tahun iaitu sebelumnya.

Adalah dirasakan bahawa tempoh 4 tahun itu adalah terlalu lama bagi mereka yang berhak untuk menuntut Elaun Cuti Tambang tersebut dengan kadar yang sama, kerana ada di antara anak-anak mereka akan melimpasi umur 18 tahun ke atas, sedangkan jika mengikut peraturan yang lama (3 tahun) anak-anak mereka masih lagi berhak untuk mendapatkan elaun-elaun tersebut. Demikian juga bagi pegawai yang sedang berkhidmat yang akan bersara kurang dari 4 tahun akan kehilangan hak mereka untuk mendapatkan Elaun Cuti Tambang mereka.

Di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin tahu adakah Kerajaan dapat mempertimbangkan supaya kadar Elaun Cuti Tambang pegawai yang berjalan pada masa ini akan dapat dinaikkan kadarnya memandangkan tempoh kelayakan telah diubah dari 3 tahun ke 4 tahun mengikut kesesuaiannya?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pertanyaan dan keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Dalam menjawab soalan yang dikemukakan ini, kaola ingin menekankan bahawa pemberian Elaun Cuti (Elaun Tambang) ini adalah merupakan satu kemudahan yang dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada warga perkhidmatannya dan ia bukanlah sebagai satu hak. Kaola percaya kemudahan seperti ini adalah amat unik bagi perkhidmatan awam di negara ini sahaja. Sayugia difahami bahawa sebagai satu kemudahan, Kerajaan selaku majikan adalah berhak dari semasa ke semasa untuk membuat sebarang perubahan yang difikirkan perlu ke atas kemudahan-kemudahan yang dihulurkan menurut kemampuan dan keutamaannya. Ini termasuklah usaha-usaha mengemaskinikan kemudahan-kemudahan tersebut demi mengukuhkan pengurusan kewangan Kerajaan.

Berhubung dengan perkara yang ditimbulkan, kaola berpendapat adalah bersesuaian juga kita mengimbas kembali langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan sebagai satu pakej dalam mengemaskinikan peraturan ini. Sebagaimana yang dimaklumi, dalam pengemaskinian

peraturan tersebut, anggota perkhidmatan awam juga turut dihulurkan beberapa manfaat yang lain. Yang mana manfaat ini adalah faedah-faedah tambahan yang lain. Ini antaranya termasuklah:

1. Pegawai dan kakitangan wanita yang berkhidmat dengan Kerajaan telah dibolehkan untuk menuntut Elaun Tambang bagi suami mereka yang bukan dalam perkhidmatan Kerajaan dan juga bagi anak-anak mereka mengikut syarat-syarat yang tertentu. Sebelum perubahan ini, kemudahan seperti ini hanya dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan lelaki sahaja bagi isteri mereka yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan. Maka ini adalah bertujuan untuk menseimbangkan kemudahan yang dihulurkan bagi semua peringkat pegawai dan kakitangan Kerajaan terutamanya pekerja-pekerja wanita.

2. Tempoh perkhidmatan bagi kelayakan untuk dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji juga telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada hanya 12 tahun perkhidmatan. Pengemaskinian ini adalah untuk memudahkan lagi pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk menunaikan fardu haji lebih awal dan dalam usia yang lebih muda berbanding sebelumnya.

Di samping itu, Kerajaan juga telah bermurah hati menaikkan kadar kurnia tambang bagi menunaikan fardu haji yang mana alhamdulillah sekurang-kurangnya sedikit sebanyak dapat juga meringkankan kos perbelanjaan bagi menunaikan ibadat ini.

Semua faedah dan kemudahan baru yang disediakan ini secara realitinya sudah setentunya akan meningkatkan perbelanjaan Kerajaan. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun Kerajaan telah membelanjakan di antara $44.5 juta ke $57.5 juta bagi menampung perbelanjaan Elaun Cuti Tambang ini sahaja dan pada Tahun Kewangan 2013/2014 sehingga 28 Februari 2014 ini Kerajaan telah menghulurkan sebanyak $52 juta bagi pemberian Elaun Cuti Tambang ini. Ke arah itu, Kerajaan perlulah menseimbangkan dan menampung kenaikan perbelanjaan ini melalui pengawalan perbelanjaan-perbelanjaan lain mengikut keutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam kesempatan ini kaola ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya akan melihat perkara yang berkaitan kemudahan yang dihulurkan kepada anggota perkhidmatan awam ini secara holistik dengan mengambil kira bukan sahaja dari *sustain* sumber malahan juga dasar-dasar yang berkaitan dengan pembukaan peluang pekerjaan di sektor swasta.

Alhamdulillah, setakat ini kesejahteraan warga perkhidmatan awam sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya malahan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan adalah antara yang terbaik berbanding dengan sektor-sektor perkhidmatan awam di negara-negara

lain. Setentunya cadangan-cadangan bagi meningkatkan lagi kemudahan dan faedah yang hanya dihulurkan kepada anggota perkhidmatan awam sahaja akan bercanggah dengan hasrat untuk menggalakkan anak-anak tempatan untuk merebut peluang pekerjaan di sektor swasta dan sedikit sebanyak akan menjejaskan inisiatif-inisiatif Kerajaan yang dilaksanakan secara berterusan ketika ini khususnya bagi menarik minat anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta. Sekian, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No.6 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahma-tullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Soalan No.6 ialah ditujukan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 akan mula dikuatkuasakan pada bulan April 2014. Dari penerangan-penerangan yang diberikan, hukuman hudud yang akan dijatuhkan ke atas pesalah-pesalah nampaknya lebih memberi penekanan kepada keterangan-keterangan dari saksi-saksi yang adil dan bukan kepada bukti-bukti yang bersifat saintifik seperti *DNA* dan lain-lain. Dijelaskan juga bahawa Pasukan Polis Diraja Brunei masih lagi berfungsi untuk menerima aduan-aduan berhubung dengan kejadian jenayah.

Kalau kita meneliti pandangan orang ramai mengenai perkara ini, banyak kekhuatiran yang disuarakan berpunca dari andaian-andaian akan berlakunya saksi-saksi yang tidak jujur dan berlaku fitnah, walaupun penjelasan telah diberikan bahawa hanya saksi yang bersifat adil sahaja yang diambil kira.

Kekhuatiran ini mungkin menunjukkan sebahagian orang awam kurang percaya terhadap integriti anggota pasukan polis atau pasukan penguatkuasa yang lain yang akan melaksanakan undang-undang ini.

Soalan saya:

Adakah Pasukan Polis Diraja Brunei sudah bersiap sedia untuk sama-sama memainkan peranannya dalam melaksanakan Kanun Hukum Jenayah Syariah 2013 ini, dan adakah mereka telah menjalani latihan-latihan tertentu terutama dalam mengendalikan saksi-saksi? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabaralkatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kerana

membentangkan di dalam majlis yang mulia ini satu persoalan yang sangat relevan lebih-lebih lagi pada masa ini bila mana negara akan memasuki fasa memperkenalkan semula Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada bulan April 2014.

Sehubungan dengan itu, sama ada Pasukan Polis Diraja Brunei sudah bersedia bagi sama-sama memainkan peranan di dalam melaksanakan Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Jawapan seringkas-ringkasnya seperti mana yang saya telah dimaklumkan adalah insya-Allah dengan izin-Nya jua ya. (jawapan)

Jawapan ini mengambil kira bahawa sebenarnya sudah terdapat kerjasama yang erat di antara Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Pendakwaan Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Pasukan Polis Diraja Brunei termasuklah di dalam latihan mengenai pengendalian siasatan dan saksi. Latihan-latihan ini telah pun dipertingkatkan lagi dari segi kualiti bagi memastikan pelaksanaan Undang-Undang Syariah ini akan dapat dijalankan secara teratur dan sempurna seperti mana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pendedahan dan latihan-latihan sebegini adalah sangat diperlukan memandangkan Undang-Undang Syariah ini adalah baru dan seterusnya bagi memberikan penerangan mengenai persamaan dan juga perbezaannya di dalam keperluan-keperluan penguatkuasaan bahagian-bahagian di bawah undang-undang tersebut.

Misalnya, jika dibandingkan dengan Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 ataupun *Penal Code Chapter 22* yang ada sekarang. Namun begitu dengan mengambil kira kemahiran dan pengalaman di dalam pengendalian siasatan bahan bukti dan saksi sedia ada, maka peralihan dari Kanun Jenayah *(Penal Code)* kepada Kanun Hukuman Jenayah Syariah adalah satu evolusi yang insya-Allah akan dapat ditangani dengan baik dan teratur.

Di samping itu, kefahaman tentang Akta ini juga akan menjadi satu subjek asas kepada semua rekrut-rekrut Polis Diraja Brunei di masa akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian jua yang dapat saya sampaikan bagi menjawab persoalan dari Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan Majlis ini ditangguhkan dan insya-Allah akan disambung semula pada hari Sabtu, 6 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 8 Mac 2014 Masihi pukul 9.30 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 6 Jamadilawal 1435 / 8 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Negara Musim Permesyuaratan Kesepuluh bersidang pada hari kedua iaitu hari Sabtu, 8 Mac 2014 didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan izin-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari kedua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut

Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada petang hari Khamis, persidangan telah membincangkan Perkara V iaitu soalan-soalan yang telah diberi notis dan sebanyak 8 soalan telah selesai dijawab oleh kementerian-kementerian yang berkaitan. Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Susunan Kerja pada pagi ini didahului dengan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Perkara ini akan hanya dibincangkan selama 30 minit dan selepas itu kita akan berpindah untuk membincangkan Perkara VI, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis. Jika ada kesempatan, majlis akan seterusnya berpindah ke Perkara VII untuk membincangkan Rang Undang-Undang 2014 Perbekalan, 2014/2015. Manakala, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis lainnya akan dibincangkan pada hari-hari yang berikut. Sekarang saya mempersilakan Jurutulis untuk memulakan Perkara V seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu soalan No. 7 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan saya yang ketujuh ialah alhamdulillah akhirnya Pasukan Polis Diraja Brunei telah melaksanakan Projek C4I yang mana menurut penjelasan dari Pasukan Polis Diraja Brunei melalui media, sistem ini antara lain akan membantu Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menyelesaikan kes-kes jenayah dengan segera, meningkatkan kesedaran awam dalam pencegahan jenayah atau *crime prevention* dan juga akan membantu anggota Polis Diraja Brunei untuk berada di tempat kejadian dengan segera.

Saya pernah menimbulkan sebelum ini kehadiran anggota Polis Diraja Brunei di jalan-jalan raya dan di tempat-tempat awam sukar untuk dilihat termasuk di kawasan-kawasan bandar, Gadong dan Kiulap walaupun pos-pos kecil Pasukan Polis Diraja Brunei telah disediakan di tempat-tempat berkenaan.

Berhubung dengan perkara ini, kaola ada dua soalan. Pertama, kehadiran anggota Polis Diraja Brunei ke tempat kejadian dengan cepatnya merupakan kebimbangan utama orang ramai memandangkan kebelakangan ini telah banyak berlaku kejadian curi, atau adakah mereka lebih memerlukan Pasukan Polis Diraja Brunei menguatkuasakan strategi mereka dalam *crime prevention* atau pencegahan jenayah daripada berlaku.

Soalan kedua, adakah dengan seramai 5,000 orang anggota Polis Diraja Brunei bagi mengawal keselamatan kira-kira 400,000 orang penduduk, Pasukan Polis Diraja Brunei tidak mempunyai anggota yang cukup untuk menjalankan tugas utamanya atau mungkin juga berlaku pembaziran tenaga anggota yang lebih memberi tumpuan untuk bertugas dalam pejabat ataupun bahagian lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas persoalan yang dibentangkan yang mana ianya menunjukkan perhatian Ahli Yang Berhormat kepada hal-hal yang melibatkan kesejahteraan orang ramai terutama sekali dari aspek keselamatan harta benda dan sebagainya.

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan sebuah Negara yang aman damai di bawah pemerintahan seorang raja dan pemimpin yang sangat mengambil berat akan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini. Alhamdulillah, penduduk di Negara ini masih dapat menikmati tahap keamanan dan ketenteraman awam yang baik, jika kita mengambil kira pada tahap perkembangan sosial dan cara hidup misalnya 2 ke 30 tahun yang lalu dengan apa yang ada sekarang ini.

Kita perlulah mengakui bahawa terdapat perbezaan yang sangat ketara dalam aspek ini. Hubungan yang baik berasaskan rasa saling menghormati antara Pasukan Polis Diraja Brunei dengan masyarakat adalah sangat penting. Sewajarnya Pasukan Polis Diraja Brunei terus dilihat sebagai rakan oleh masyarakat sekeliling dalam memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Hubungan yang baik ini telah membolehkan pertukaran pandangan yang dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam Pasukan Polis Diraja Brunei untuk mengetahui pandangan orang ramai mengenai prestasi pasukan dalam pelaksanaan tugasnya.

Persoalan yang ditimbulkan ialah apakah yang paling diinginkan oleh orang ramai? Sama ada keberadaan Pasukan Polis Diraja Brunei dengan cepat apabila berlakunya sesuatu kejadian jenayah memandangkan banyak kes seperti curi yang berlaku pada masa ini ataupun mereka lebih memerlukan Pasukan Polis Diraja Brunei menguatkan strategi dalam pencegahan jenayah. Bagi diri saya, iaitu melihat persoalan ini, selaku salah seorang daripada ahli masyarakat jawapannya tentulah kedua-duanya sekali. Bagi Pasukan Polis Diraja Brunei saya telah dimaklumkan ianya kedua-duanya sekali. Respons anggota polis dengan cepat akan memberi *sense of security* tetapi ini hanya akan dapat benar-benar dirasakan jika terdapat strategi-strategi *preventive* dan juga *deterrent* bukan saja oleh Pasukan Polis Diraja Brunei tetapi juga oleh agensi-agensi yang lain termasuk orang ramai.

Persoalan ini pada pandangan saya berfokuskan kepada satu isu saja iaitu tahap kepercayaan orang ramai tentang keupayaan Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menghalang kejadian jenayah dari berlaku dan jika sekiranya ianya tetap berlaku jua, Pasukan Polis Diraja Brunei dapat mengambil tindakan dengan cepat dan sempurna.

Mengenai isu *respond time* bagi Pasukan Polis Diraja Brunei adalah diakui ianya masih memerlukan pembaikan. Kenyataan ini berasaskan kepada maklumat yang diterima dari orang ramai kepada Pasukan Polis Diraja Brunei dan ianya sangatlah dihargai. Rungutan mengenai *respond time* ini telah pun diambil perhatian oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan akan diambil tindakan secara berterusan dengan azam untuk meningkatkan keberkesanan dalam perkara ini.

Projek *National Digital Communication System* yang meningkatkan komunikasi dalaman pihak polis akan dapat menambah nilai dalam keberkesanan *respond time*. Projek ini telah ditandatangani pada Disember 2013 dengan belanja $23 juta dan akan siap dalam tempoh 3 tahun. Di samping itu, berbagai langkah akan diambil bagi menangani keadaan ini termasuklah meningkatkan jumlah *Mobile Patrol* pada sesuatu masa dan penubuhan Skuad Tindakan Segera.

Saya seterusnya ingin berpindah kepada strategi-strategi ke arah Pencegahan Jenayah. Bagi meningkatkan kepercayaan orang ramai dan sebagai *detterent* kepada penjenayah, keberkesanan dan kecepatan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menyelesaikan penyiasatan dan pendakwaan adalah juga sangat diperlukan.

Insya-Allah dalam tempoh setahun melalui pelaksanaan *Advance Record Management System* ia membantu pengurusan-pengurusan kes dari peringkat siasatan hingga ke dakwaan agar antara lain pelaksanaan proses-proses ini dapat dipantau dengan baik. Projek *ARMS* iaitu *Advance Record Management System* ini bernilai $4 juta. Ini telah pun dilancarkan pada 14 Disember 2012 di Daerah Brunei Muara. Insya-Allah Pasukan Polis Diraja Brunei akan memperluaskan lagi penggunaan ini ke daerah-daerah lain.

Sebagai strategi pencegahan jenayah di kawasan-kawasan *hot spot* seperti di Bandar Seri Begawan, Gadong dan Kiulap yang mana memerlukan lebih banyak keberadaan polis, sebanyak 250 *CCTV* telah dan akan dipasang di beberapa lokasi strategik di bawah projek *Nationwide Video Surveillance Network*. Langkah ini membolehkan pemantauan berterusan 24 jam sehari. Projek ini bernilai $6 juta dan telah bermula secara berfasa sejak 2012.

Fasa pertama melibatkan kawasan bandar telah pun selesai. Fasa kedua yang meliputi kawasan Gadong dan fasa ketiga yang meliputi kawasan Kiulap dijangka akan siap dalam tahun ini juga. Insya-Allah masih banyak lagi ruang bagi peningkatan Strategik Pencegahan Jenayah bilamana projek ini akan selesai.

Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Polis adalah komited untuk mencari jalan bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya menurut perkembangan dan keperluan semasa

dan terkini. Apa yang diperlukan ialah mengadakan sukat-sukat bagi menilai sejauh manakah komitmen berkenaan dapat diterjemahkan kepada *actual action.*

Saya berpendapat, ke arah ini, Pasukan Polis Diraja Brunei perlulah menyediakan *Key Performance Indicator (KPI)* dan sasaran-sasaran yang munasabah dan bagi *KPI* ini disediakan dan diimplementasikan bermula dari tahun 2014 ini. Memanfaatkan teknologi dengan sebaik-baiknya adalah penting akan dapat membantu dalam usaha memerangi jenayah. Selain itu, seperti mana saya sampaikan tadi, penggunaan teknologi *IT* seperti *ARMS* dan juga *CCTV* juga dapat membantu Pasukan Polis Diraja Brunei dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat.

Namun begitu, pada pandangan saya secara peribadi, penyediaan fasiliti, peralatan dan berbagai jenis sistem seberapa canggih mana pun, kesan dari penggunaannya hanya akan dapat dimaksimumkan jika Pasukan Polis Diraja Brunei mempunyai tenaga kerja yang benar-benar profesional, berkualiti dan kompeten. Maka dengan itulah penyediaan program-program latihan secara berterusan dalam bidang-bidang berkenaan adalah sangat diperlukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya saya menyentuh mengenai dengan soalan kedua yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, mengenai bilangan keramaian Anggota Polis Diraja Brunei berbanding dengan bilangan penduduk seramai 400 ribu di negara ini dan sama ada bilangan ini merupakan satu pembaziran, izinkan saya membuat sedikit pembetulan bilangan jawatan-jawatan polis menurut *establishment* ialah sebanyak 4,895 orang. Manakala yang diisi pada masa ini seramai 4,589. Masih ada 306 kekosongan. Dari keramaian ini, seramai 1,179 orang adalah Anggota APO dan 657 lagi ditempatkan di dalam Bahagian Pentadbiran dan Bantuan. Hanya 3,618 bolehlah dikategorikan sebagai anggota *operational* dan selebihnya sedang menjalani latihan.

Dalam setiap masa, memandangkan kepada bilangan mereka sedang cuti bersara, sakit, mengikuti kursus dan lain-lain, jumlah anggota *operational* ini adalah kurang dari 3,000 orang. Namun demikian, jika dilihat secara imbas lalu sahaja, jumlah ini mungkin masih lagi besar kerana aspek nisbahnya kepada bilangan penduduk. Persoalan yang ditimbulkan sama ada ini merupakan satu pembaziran, soalan ini adalah satu soalan yang subjektif dan perlu dilihat dari berbagai sudut.

Pasukan Polis Diraja Brunei dibahagikan kepada beberapa bahagian utama termasuklah Polis Daerah, Polis Hutan, Polis Marin, Pasukan Polis Bantuan dan lain-lain lagi. Selain dari menjaga aspek-aspek keselamatan orang ramai dan harta benda di bandar-bandar dan kawasan kampung, ianya juga bertanggungjawab ke atas keselamatan sempadan, baik di kawasan daratan malah juga di perairan negara.

Begitu juga dengan anggota polis ditempatkan di beberapa tempat yang dijadikan kawasan terkawal *(protected area).*

Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, keperluan keanggotaan di dalam Pasukan Polis Diraja Brunei akan terus dipantau dan mengambil kira perkembangan dari aspek sosial ekonomi dan yang amat penting lagi penjagaan keamanan dan memastikan Negara Brunei Darussalam akan terus menjadi sebuah Negara yang aman dan damai.

Saya sendiri berpendapat jumlah keanggotaan Pasukan Polis Diraja Brunei ini adalah berpatutan jika mengambil kira kekosongan yang ada. Namun begitu, dari berbagai persoalan yang telah dibangkitkan semasa sesi permesyuaratan pada tahun-tahun yang lalu dan juga kali ini, terutama sekali yang membabitkan keperluan menempatkan pos-pos polis yang baru dan menambah bilangan anggota yang ditempatkan di pos-pos polis serta meningkatkan lagi *visibility* atau keberadaan polis melalui lebih banyak rondaan dan sebagainya. Pasukan Polis Diraja Brunei secara berterusan akan sentiasa meneliti lagi keperluannya dari aspek keanggotaan ini dan yang penting ialah bukan saja aspek keanggotaan tapi juga diutamakan dari aspek kualiti dan profesionalisme Pasukan Polis Diraja Brunei. Yang Di-Pertua, sekian juga yang dapat saya sampaikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberikan sedikit pendapat mengenai menyegerakan penyelesaian kes-kes jenayah. Pada pendapat saya perkara penyegeraan penyelesaian kes-kes jenayah ini memerlukan kerjasama yang rapat di antara tiga buah agensi Kerajaan. Pasukan Polis Diraja Brunei dipertanggungjawabkan untuk menyiasat satu-satu kejadian dan mendapatkan bukti keterangan atau *evidence* dengan sebeberapa segera. Kemudian perkara itu dihadapkan kepada pendakwa raya untuk memutuskan sama ada akan dibawa ke mahkamah atau tidak dan yang penting sekali pihak Jabatan Kehakiman untuk mengaturkan bila kes itu dapat dibicarakan. Jadi, bukanlah semata-mata soal penyegeraan ini dipikul oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan memerlukan koordinasi di antara tiga buah agensi yang saya sebutkan itu. Sekian terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya perbincangan Perkara V, iaitu soalan-soalan yang telah diberi notis ini diberhentikan dahulu dan akan disambung kemudian nanti. Sekarang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara beralih kepada perkara Susunan Kerja seterusnya iaitu Perkara VI: Usul-Usul Yang Diberi Notis. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Perkara VI - Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu

Bakar bin Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah. Maka Majlis ini menjunjung kasih setinggi-tingginya jua.

Titah Baginda adalah padat dan bernas, jelas melambangkan keperibadian Baginda sebagai seorang raja dan pemimpin yang berjiwa besar dan memiliki wawasan yang jauh ke hadapan, penuh prihatin serta menitikberatkan akan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Ciri kepimpinan inilah yang menjadi simbol kebanggaan rakyat dan penduduk di Negara ini yang juga dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa.

Titah Baginda itu ibarat lampu suluh yang menyinari hala tuju yang jelas dalam usaha untuk membangun dan memajukan Negara serta memelihara kestabilan, keselamatan dan keamanan serta menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini dalam menempuh masa depan yang sentiasa dipenuhi dengan berbagai perubahan, cabaran dan keadaan yang tidak dapat diramal yang melanda dunia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan itu, saya bangun berdiri di sini mencadangkan satu Usul yang berbunyi: "Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas Keberangkatan Baginda ke Majlis ini pada Hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi

dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis ini adalah titah yang paling istimewa. Ianya paling istimewa kerana lahir dari seorang pemimpin Negara yang memberi arah tujuan dan haluan bagi membawa Negara Brunei Darussalam mengharungi masa depannya. Titah Baginda ini amat signifikan dan bertepatan dengan kedudukan Negara yang telah melangkah 30 tahun zaman kemerdekaannya.

Jika dalam tempoh tiga dekad yang lalu, Baginda sudah berjaya membawa Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara yang merdeka, berdaulat dan demokratik, duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi bersama dengan warga negara dunia. Sekarang Baginda selaku ulul amri dan khalifah dengan penuh semangat, tekad dan azam yang kukuh membawa Negara yang tercinta ini menjadi sebuah negara Islam yang menegakkan hukum Allah Subhanahu Wata'ala di dunia ini, dengan memperkenalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.

Jika raja-raja Negara Brunei Darussalam sebelum ini telah berjaya membawa dan menegakkan Negara ini sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja selama lebih 600 tahun, hari ini raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengambil langkah tegas, berani dan penuh keyakinan dan lantang menyuarakan kepada dunia untuk menegakkan Kanun Jenayah Syariah di bumi Negara Brunei Darussalam ini.

Kita menyedari bahawa langkah Negara dalam melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini menempuhi beberapa cabaran. Kita menyaksikan dan berhadapan dengan mereka yang berusaha memberikan tafsiran yang tidak menggalakkan, malah dakwaan sebagai kolot dan berundur ke belakang.

Dalam hubungan ini, kita selaku orang Brunei sewajarnya menjunjung tinggi titah Baginda dan berdiri teguh memberikan sokongan padu. Kita perlu bersatu membina tembok pertahanan bagi menghadapi apa jua cabaran demi menegakkan hukum Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung titah raja kita.

Kita sekarang sewajibnya sebagaimana titah Baginda, bersatu selaku orang Brunei bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan, bernegara selaku orang Brunei bernegara.

Berkerajaan selaku orang Brunei berkerajaan, Beraja dan berketua dengan penuh taat setia tanpa berbelah bahagi dalam menyokong dan mendukung dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita jadikan titah Baginda ini sebagai azimat dan pedoman untuk bersatu, bernegara, berkerajaan dan beraja selaku orang Brunei selaras dengan maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa, Ayat 59 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

(An-nisa' - 59)

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil 'Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah atau berselisihan dalam suatu perkara, maka kembalilah kepada kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah rasul-Nya jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kiamat. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita selaku Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mewakili rakyat dan penduduk Negara ini perlu bersatu padu, bertekad dan berazam pada menyembahkan rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyokong padu dan menjunjung tinggi sepenuhnya langkah bijaksana Baginda pada melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang akan menjamin kewujudan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, berasaskan Melayu Islam Beraja dan insya-Allah menjadi negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, semenjak krisis kewangan global 2007/2008, usaha pemulihan dan kemajuan ekonomi semakin amat mencabar. Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi global dijangka meningkat secara beransur-ansur dan rantau Asia nampaknya menerajui pertumbuhan ini mengatasi rantau-rantau lain. Ini dapat dilihat daripada projeksi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar atau *Gross Domestic Product (GDP) ASEAN* yang diramal oleh *International Monetary Fund* pada 2014 iaitu sebanyak 5.7%. Di sini kita melihat pencapaian pertumbuhan *GDP* negara-negara ASEAN berkembang dengan amat baiknya sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini setentunya akan menjadi pemangkin bagi negara kita untuk mempertingkatkan usaha dalam menjana pertumbuhan ekonomi kita dengan lebih giat.

Melihat akan senario ini, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan ramai ahli perniagaan dan mereka yang akan menceburi sektor swasta dari kalangan anak-anak tempatan adalah sangat bertepatan. Dengan trend perniagaan dan perdagangan yang semakin berkembang, kepentingan para belia untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi setentunya akan menyiapkan para belia kita untuk bersaing dalam persekitaran global yang semakin kompetitif.

Sehubungan dengan itu, Baginda bertitah bahawa Kerajaan Baginda telah menyediakan beberapa kemudahan dan mewujudkan ekosistem yang menggalakkan bagi pertumbuhan dan perkembangan sektor swasta di negara ini. Penubuhan Tabung Amanah Pekerja, Skim Persaraan Caruman Tambahan, Skim Tabungan Perumahan, mengemaskinikan dan mengurangkan kadar cukai dan eksais bagi beberapa kenderaan yang berkapasiti rendah untuk tujuan mengurangkan kos sara hidup dan lain-lain kemudahan adalah antara lainnya bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan sektor swasta yang diharap akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dan membuka peluang-peluang pekerjaan di negara ini.

Dalam masa yang sama, Baginda telah mengingatkan akan perlunya perkhidmatan awam melipatgandakan lagi usaha bagi menjadikan negara ini probisnes terutama untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana. Kita menyedari bahawa pendidikan memainkan peranan penting untuk merealisasikan bangsa yang berpengetahuan dan berkemahiran. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam Kerajaan bersiap siaga menjunjung titah Baginda ini dengan mempersiapkan anak bangsa dengan pengetahuan dan kemahiran dari seawalnya terutama dalam bidang literasi bisnes. Ini termasuklah memberikan penekanan kepada meningkatkan lagi tahap literasi bisnes dan keusahawanan di semua peringkat pendidikan iaitu rendah, menengah, pasca menengah dan pengajian tinggi.

Kita berharap dengan kerjasama semua pihak, usaha untuk melahirkan para belia yang kreatif, berkemahiran dan berdaya saing akan dapat dilaksanakan dengan beberapa inisiatif termasuklah transformasi pendidikan teknik. Dalam merealisasikan usaha ini, para belia perlu juga mengubah sikap dan pandangan mereka dengan mengambil peluang yang ditawarkan di sektor swasta. Demikian juga para ibu bapa perlu mengubah *mindset* dan memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk menceburi kerjaya swasta dan keusahawanan, tidak semata-mata bergantung kepada sektor Kerajaan.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana berkat kepimpinan raja yang berdaulat, Negara

Brunei Darussalam terus dikurniakan keamanan dan keselamatan. Dengannya, kita telah dapat melaksanakan rancangan-rancangan yang menjana kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Inilah nikmat, nikmat yang merahmati dan memelihara kita semua. Inilah sebenarnya juga aset untuk kita. Kita telah menyaksikan pergolakan politik dunia yang melanda beberapa buah negara dan menggugat keamanan dan keselamatannya. Oleh itu kita bertanggungjawab untuk terus memelihara dan mengekalkan suasana keamanan dan keselamatan yang sedang kita nikmati ini demi kelangsungan kehidupan yang aman dan sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Yang Kesepuluh ini, marilah kita semua menggunakannya sebagai satu wadah untuk kita sama-sama membincangkan perencanaan langkah-langkah strategik untuk memantapkan lagi ke arah bagaimana untuk memperolehi faedah maksimum daripada dasar, perkhidmatan, infrastruktur dan sumber yang sedang dan akan dirancangkan.

Kita menjunjung kasih atas kurnia titah perkenan Baginda bagi tambahan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ke-10 sebanyak $1.65 bilion untuk membiayai projek-projek baru. Sebagai respons sepontan Kerajaan Baginda juga telah menyediakan peruntukan sebanyak $68 juta khusus bagi projek-projek mitigasi banjir di kawasan-kawasan terjejas dan peruntukan tambahan bagi membaik pulih prasarana awam dan aset-aset Kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur sebanyak $35 juta. Keprihatinan Baginda ini mencerminkan kasih sayang Baginda yang tinggi kepada rakyat dan penduduk Negara ini yang semestinya dijunjung tinggi.

Dengan keprihatinan Baginda ini, ianya haruslah dijadikan semangat bagi kita semua terus berusaha dengan lebih gigih lagi dalam usaha mengembangkan ekonomi dan membangunkan infrastruktur Negara ini. Ianya setentunya akan menjana kepada suasana yang kondusif dan probisnes yang akan membawa kepada peningkatan aktiviti perekonomian, produktiviti dan menarik pelaburan langsung asing.

Satu ekosistem yang probisnes dalam sektor Kerajaan dan swasta adalah perlu diperkukuhkan bagi mendukung semua ini. Oleh itu, saya sekali lagi ingin menyarankan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kita semua untuk memanfaatkan majlis yang mulia ini bagi memfokus perbincangan kepada perkara-perkara yang lebih strategik, berusaha secara bersepadu dalam mencari jalan untuk menjunjung perkara-perkara yang dilafazkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis ini semata-mata untuk pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum mengakhiri ucapan sembah menjunjung kasih ini kaola penuh percaya dengan kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perbincangan-perbincangan yang akan mengambil tempat dalam beberapa hari yang akan datang akan mampu membantu kita semua khasnya pihak Kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha dalam membangun negara yang sama-sama kita cintai ini. Selari dengan hasrat dan harapan ini, kita akan terus mengekalkan semangat permuzakarahan kita berpaksikan kepada konsep Melayu Islam Beraja. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 15 minit. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)
(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mencadangkan sebuah Usul Yang Telah Diberi Notis bagi menyembahkan sepenuh-penuh menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara ini.

Oleh yang demikian, adakah Ahli Yang Berhormat yang lain akan menyokong usul yang telah dicadangkan ini. Saya persilakan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya usul daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Terima Kasih.

(Yang Berhormat Menteri Kesihatan bangun berdiri tanda menyokong)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Usul ini telah disokong oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, maka saya bukakan usul ini untuk dibahaskan. Silakan.

Saya telah diberikan senarai Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk memberikan ucapan. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Assalamu Ala Manit Taba'al Huda. Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, waba'du.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik.

Kaola dengan tawaduk mengucap syukur alhamdulillah, hamdan kasiran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara telah dapat memulakan persidangannya dalam suasana negara kita aman dan sejahtera meskipun sekali sekala kita dikejutkan oleh kejadian-kejadian seperti rompak dan curi yang melibatkan rakyat tempatan apalagi baru-baru ini beberapa penjenayah tempatan telah disabitkan oleh mahkamah mencuri harta dan wang tabung beberapa buah masjid yang mana perbuatan mereka itu telah disifatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai memalukan.

Kaola menyokong sepenuh-penuhnya dan sekuat-kuatnya usul bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas Keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 6 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi dan juga atas pengurniaan titah yang mana titah Baginda itu adalah dijunjung setinggi-tingginya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, titah Baginda itu adalah padat dan bernas menyentuh berbagai perkara dari isu kesejahteraan pada pekerja di sektor swasta, pembaikan iklim pelaburan perniagaan yang melibatkan langkah-langkah ke arah penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Skim Persaraan, Skim Caruman Tambahan, Pewujudan Skim Tabung Perumahan dan sebagainya. Dari soal para belia sangat juga digalakkan dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi supaya mereka mampu menjadi lebih kreatif dan bersaing dalam kehidupan dunia yang semakin mencabar.

Titah itu juga menyentuh tentang perlunya dikekalkan suasana keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan Allah kepada kita. Suasana sedemikian perlulah dipupuk dan dipelihara demi kelancaran dan kebaikan pembangunan dalam segala bidang. Tanpa keamanan

tentu sekali pembangunan tidak akan berjalan lancar dan baik. Titah itu juga menyentuh soal keutamaan Kerajaan supaya usaha-usaha dipertingkatkan dalam mempelbagaikan aktiviti-aktiviti perekonomian termasuk usaha bagi menarik perlaburan langsung asing yang mana bagi maksud tersebut Kerajaan sedang giat menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk pelaburan besar.

Dalam titah tersebut juga Baginda telah melahirkan keprihatinan Baginda yang mendalam tentang penderitaan sebahagian rakyat dan penduduk negara ini yang ditimpa banjir baru-baru ini, sehingga Baginda telah memperkenankan disediakan peruntukan sejumlah $68 juta khusus bagi projek-projek mitigasi banjir dan kawasan terjejas. Begitu juga peruntukan lain telah disediakan sebanyak $35 juta bagi projek membaik pulih prasarana awam dan aset-aset Kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.

Kaola tidak akan bercakap mengenai perkara-perkara tersebut kerana ramai lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang lebih ahli dengan soal-soal yang kaola sebutkan sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebelum ini. Yang kaola ingin tumpukan dalam sembah ucapan menjunjung kasih ini ialah mengenai pelaksanaan Bab Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang juga telah disentuh dalam titah.

Memang pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah di Negara Brunei Darussalam adalah satu aspek kemajuan besar bukannya seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah merupakan satu aspek ajaran Islam yang wajib ditegakkan dan di laksanakan oleh umat Islam apalagi bagi Negara Brunei Darussalam yang telah mengembalikan kemerdekaan sepenuhnya pada 1 Januari 1984. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah itu sudah dilaksanakan sejak kurun atau abad ke-16 lagi. Ia hanya terhenti apabila Brunei berada di bawah naungan British, yang mana undang-undang berkaitan dengan syariah hanya dilaksanakan dari segi undang-undang keluarga dan sebahagian kecil jenayah yang tertentu sahaja.

Tidak lama sejak Brunei mengembalikan kemerdekaan sepenuhnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan supaya Undang-Undang Sivil Brunei hendaklah disesuaikan dengan hukum syarak yang mana bagi maksud tersebut, Kerajaan telah mendatangkan pakar Undang-Undang Sivil dan Syariah dari luar negara untuk bersama-sama pegawai-pegawai tempatan bagi meneliti dan mengubah mana-mana peruntukan undang-undang negara yang berlawanan dengan hukum syarak supaya disesuaikan dengan Hukum Syarak.

Beratus-ratus undang-undang negara telah pun selesai disesuaikan dengan Hukum Syarak. Selain itu, banyak

undang-undang baru telah digubal dan dilaksanakan yang semuanya berdasarkan hukuman syarak seperti Undang-Undang Islam, Undang-Undang Mengangkat Anak dan lain-lain. Kemudian beberapa tahun yang lalu, Baginda telah menitahkan supaya dilaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang antara lain melibatkan hukum-hukum hudud, qisas, diat dan sebagainya. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah itu dari segi syarak wajib dilaksanakan, tidak ada dalih lagi untuk kita umat Islam di Negara ini daripada melaksanakannya kerana raja kita raja Islam, Negara kita Negara Islam, agama rasmi Negara kita ialah agama Islam, majoriti adalah orang-orang Islam dan dasar pemerintahan negara adalah berdasarkan lunas-lunas dan ajaran-ajaran Islam.

Kerajaan Islam wajib melaksanakan hukum-hukum Islam. Hukum-hukum Islam adalah datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan yang menciptakan kita dan menciptakan alam semesta sebagai makhluk-makhluk hambanya kita wajib tunduk kepada-Nya dan patuh kepada hukum-hukum ketentuan-Nya.

Dalam titah sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-30 baru-baru ini, antara lain Baginda bertitah;

"Pada masa ini sudah mula terdapat percubaan pihak-pihak tertentu untuk menghasut generasi masa kini bagi mempersoalkan dan sekali gus tidak menyokong pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah negara ini.

Di samping mempersoalkan perlaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, golongan ini juga nampak-nampaknya sudah ada cuba menghina raja, menghina ulama dan menghina hukum syarak.

Semua ini adalah cabaran kepada pihak-pihak penguatkuasa undang-undang khasnya mereka yang secara langsung berkaitan dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Ini tidak syak lagi atas jenis-jenis jenayah di bawah Penggal Kesalahan-Kesalahan Am". Demikian antara lain titah Baginda.

Kita umat Islam yang beriman kepada Allah dan Rasulnya merasa amat dukacita di atas sikap dan perbuatan setengah-setengah pihak yang mempersoalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, kalaulah mereka itu bukan orang-orang Islam, kita tidaklah hairan sangat kerana setengah-setengah orang-orang bukan Islam ada yang menentang hukum-hukum dan undang-undang Islam. Tetapi pihak-pihak yang berpasukan itu juga terdiri daripada orang-orang Islam. Orang-orang Islam yang beriman tidak wajar mempersoalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, lebih-lebih lagi berhadapan dengan hukum-hukum dan ketetapan Allah dan seterusnya, kita sebenarnya tiada pilihan melainkan wajib menerima

tunduk dan patuh kepada-Nya. Ini telah ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al-Quran Surah Al-Ahzab ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ
أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ
ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Tafsirnya*, "Dan tidak boleh sama sekali bagi seseorang laki-laki dan perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan sesuatu perintah bahawa mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata."*

Dalam satu ayat yang lain, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan dalam Surah An-Nur sebahagian ayat 63:

فَلْيَحْذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ
أَمْرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ
يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ۝

Tafsirnya *"Oleh itu hendaklah mereka yang mengingkari perintah-Nya beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana atau ditimpa azab yang tidak terperi sakitnya di dalam neraka."*

Adapun sikap yang wajib ada kepada orang yang beriman terhadap apa jua hukum atau ketetapan Allah ialah menerima dan taat tanpa bantahan atau mempersoalkan mengenainya. Ini ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur ayat 51:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟
إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ
أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ۝

Tafsirnya, *"Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman, ketika mereka diajak kepada kitab Allah dan Sunah Rasul-Nya supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu antara mereka, hanyalah mereka berkata kami benar dan kami taat dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan (beroleh nikmat masuk ke dalam syurga)".*

Oleh yang demikian, menerusi beberapa ayat Al-Quran yang kaola sebutkan tadi dan banyak lagi ayat-ayat lain yang semakna dengannya tidaklah wajarnya bagi orang-orang yang beriman mempertikaikan atau mempersoalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Perbuatan mempersoalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah itu bukan saja tidak memberi sebarang faedah pada diri yang terlibat tetapi mengundang kemurkaan Allah yang boleh membawa kepada bala bencana di dunia atau beroleh azab yang pedih di dalam neraka akhirat kelak, nauzu billah.

Kaola, selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik dengan ini dan menerusi Dewan yang mulia ini turut menyeru kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam supaya kita bersatu hati dalam satu saf dalam mendukung dan menyokong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menitahkan supaya dilaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang akan mula berkuat kuasa secara bertahap pada bulan April tahun 2014 ini nanti. Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat-Nya dan izin-Nya jua Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh telah dapat memulakan persidangannya dalam keadaan negara kita aman damai dan selamat yang membolehkan kita dapat bersidang dalam suasana harmoni dan penuh semangat kerjasama yang erat. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola berdiri di sini adalah sebagai Ahli Mesyuarat Negara Yang Dilantik daripada Orang Yang Bergelar.

Kaola menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dalam Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi dan atas kurnia titah Baginda dalam Istiadat Perasmian tersebut.

Kaola dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan penghargaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah Baginda yang menggambarkan betapa kasih sayangnya Baginda

terhadap rakyat dan negara kerana keprihatinan dalam menyediakan peruntukan yang begitu besar dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang berjumlah sebanyak $6.5 bilion dan ditambah lagi sebanyak $1.65 bilion semata-mata untuk permasalahan pembangunan ummah dan pembangunan infrastruktur.

Baginda ingin melihat kesejahteraan para pekerja di sektor swasta khususnya para pekerja, agar mereka ini dapat melaksanakan berbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan di Negara ini.

Justeru, dengan perkembangan dan kredibiliti di sektor swasta diharap akan dapat menyumbang dan memacu sosio-ekonomi Negara yang lebih mantap, berdaya tahan, stabil, inklusif dan insya-Allah secara tidak langsung usaha ini akan dapat membasmi kemiskinan.

Melihat daripada segi trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, Baginda mengharapkan agar para belia yang dianggarkan berjumlah 47% daripada populasi rakyat dan penduduk di Negara ini perlu meningkatkan diri sendiri dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang kemahiran dan pengetahuan duniawi dan ukhrawi, selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja yang diamalkan di Negara kita ini.

Di samping menggalakkan para belia ini dengan latihan-latihan melalui peningkatan kemudahan dan prasarana pendidikan bagi sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi termasuklah sekolah-sekolah vokasional dan teknikal. Sebab sudah tiba masanya untuk Negara ini melahirkan ramai lagi ahli-ahli perniagaan yang berjaya dan produktif di kalangan anak-anak tempatan.

Sebenarnya, dalam hubungan ini, kita memastikan pembangunan Negara ini sentiasa berterusan dengan ekonomi yang stabil dan mantap. Maka faktor utama bagi menuju ke arah ini ialah melahirkan model insan yang berketerampilan lengkap, berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang duniawi dan ukhrawi dan juga berwawasan.

Alhamdulillah, Negara kita telah memperbaiki kedudukan dalam anak tangga indeks *ease of doing business* keluaran *The World Bank* bagi tahun 2012, Negara kita telah ditempatkan di tangga ke-79 daripada 183 buah Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh mengenai dasar Kerajaan untuk terus meningkatkan sebaik mungkin aktiviti perekonomian di Negara ini, Baginda menyatakan bahawa beberapa usaha sebenarnya telah dibuat semata-mata bagi menarik pelaburan asing secara langsung iaitu dengan cara menyediakan tapak-tapak yang bersesuaian bagi pelaburan besar yang meliputi segala kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, Baginda mengingatkan perkara ini harus juga dimata-matai akan pelaksanaannya, sama ada tersasar atau tidak menepati jangka masa yang diperuntukkan. Jika berlaku perkara sedemikian hendaklah dikenal pasti punca penyebabnya dan bagi memikirkan cara penyelesaiannya.

Ke arah ini, Baginda telah memperkenankan penubuhan satu unit baru di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri yang berperanan bagi mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu. Selain bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaannya dan seterusnya menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari masa ke semasa.

Baginda juga amat prihatin dan mengambil berat yang amat serius bagi kemantapan ekonomi Negara sentiasa dalam situasi berdaya tahan, stabil dan inklusif. Baginda menyarankan agar terus mengukuhkan kestabilan makro-ekonomi melalui perbelanjaan berhemah yang mengutamakan *value for money* dan akauntabiliti. Iaitu, dengan cara berusaha mempelbagaikan aktiviti perekonomian dan seterusnya agar perkhidmatan awam perlu melipat-gandakan usaha bagi menjadikan Negara ini probisnes terutama untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana.

Dalam hubungan ini, kita ingin melihat percambahan aktiviti perekonomian probisnes ini adalah disarankan agar dibangunkan kedai koperasi di setiap kampung perpindahan yang dikelolakan oleh para penduduk setiap kampung itu sendiri dengan hasil pengumpulan saham yang diagihkan penjualan sahamnya kepada setiap warga penduduk kampung itu sendiri khususnya belia-belia yang tidak mempunyai pekerjaan. Selain barang-barang keperluan seharian makanan, kuih-muih tradisional, udang, ikan, ayam daging bolehlah juga dijual sebagai mempelbagai jenis jualan. Kuih-muih yang dijual ini berkemungkinan dihasilkan oleh ibu-ibu tunggal, belia-belia yang menganggur dan sesiapa jua yang bermastautin di kampung berkenaan. Sekurang-kurangnya dengan penjualan kuih-muih yang dihantar untuk dijual di kedai koperasi ini sedikit sebanyak dapat juga membantu mereka yang tidak mempunyai pendapatan lain untuk menyara penghidupan mereka seharian.

Dengan adanya kedai-kedai koperasi yang berhampiran ini, para penduduk tidaklah payah membeli-belah ke tempat lain selain hasrat untuk sama-sama memajukan kedai koperasi milik kita sendiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam hubungan bagi menjaga kesejahteraan rakyat, Baginda telah memperkenankan satu peruntukan sejumlah $68 juta bagi projek-projek mitigasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas dan juga sebanyak $35 juta bagi projek-projek membaik pulih prasarana awam dan

aset-aset Kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah runtuh.

Titik tolak daripada peruntukan yang diperkenankan ini tidak syak lagi bahawa Baginda adalah seorang raja yang berjiwa rakyat, memastikan kebahagiaan, keselamatan dan kesejahteraan rakyatnya sentiasa terjamin dan berkekalan. Maka tidak hairanlah sewaktu berlakunya banjir di Kampung Panchong Tutong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam bersama anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat meninjau dan menyaksikan sendiri secara dekat akan kejadian sedih yang menimpa rakyat Baginda pada ketika itu.

Baginda turun padang bersama dengan tiada menghiraukan akan keselamatan dan kesihatan Baginda sama ada Baginda dalam situasi kurang sihatkah atau sangat sibukkah dengan bebanan kerja-kerja pentadbiran Negara. Sayugia diketahui bahawa sebenarnya Baginda tidak mahu hanya sekadar mendengar atau menerima laporan kejadian-kejadian yang menimpa rakyat Baginda itu, jauh di lubuk hati Baginda tersimpan kesedihan dan perasaan yang sangat terharu dan runsing akan keselamatan rakyatnya sehinggalah mendorong kuat untuk Baginda mesti juga menyaksikan sendiri dengan cara bersemuka dan menemu ramah rakyatnya yang mengalami musibah banjir itu.

Akhir sekali, yang disentuh dalam titah Baginda ialah mengenai pengisytiharan Pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam. Untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut adalah satu peristiwa besar dan teragung yang akan tersimpan dalam lipatan sejarah Negara Brunei Darussalam, sebuah Negara Islam yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir di bawah kepimpinan Raja yang berdaulat. Baginda telah menjadikan hukum Allah sebagai undang-undang Negara.

Saya amat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita mempunyai seorang raja yang tegas penuh dengan ketakwaan, keinsafan serta kesedaran akan keagungan hukum-hukum Allah Subhanahu Wata'ala. Hati Baginda dekat dengan Yang Maha Pencipta untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara yang mendaulatkan Syiar Islam.

Marilah kita semua bermohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan senantiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan semoga Allah Subhanahu

Wata'ala mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada Baginda dalam memimpin Negara Brunei Darussalam ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan serta kekal karar memerintah di atas singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan dilimpahi rahmat dan di bawah inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Baginda tidak lupa akan tanggungjawabnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk melepaskan bukan sahaja bagi diri Baginda sendiri bahkan juga untuk melepaskan semua kitani, semua seluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam yang berugama Islam dari dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti.

Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang merupakan projek utama Negara yang dikira sebagai satu aspek kemajuan besar bagi sebuah Negara Islam yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi Negara, sebagai benteng kekuatan bagi menghadapi segala kemungkinan dan bermacam-macam tohmahan yang menyakitkan hati yang dilemparkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerabat-kerabat diraja dan negara adalah perlu, kita selaku orang-orang Brunei bertanggungjawab dan bersepadu bagi menjaga imej kedaulatan Negara dan kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri.

Saya memohon kepada seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan untuk kitani sama-sama berdiri teguh dan berganding bahu mendukung dan mengalu-alukan kelahiran Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini dan senantiasa tabah menghadapi apa jua dugaan sama ada dari dalam ataupun dari luar negara demi menghormati dan menghayati hukum Allah Subhanahu Wata'ala ini.

Sekianlah saja kaola sampaikan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai dengan titah yang dilafazkan di Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh dapat mula bersidang dalam suasana Negara dalam aman dan sejahtera. Kaola berdiri di sini sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik Dari Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan.

Abis kaola menyokong sepenuhnya akan usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan ucapan berbanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi dan atas kurnia titah Baginda dalam istiadat perasmian tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara keprihatinan Baginda dalam titah berkenaan ialah usaha untuk memperkasa sektor swasta dan sektor perniagaan demi meningkatkan perekonomian Negara. Abis kaola menjunjung kasih atas seruan Baginda agar Perkhidmatan Awam melipatgandakan usaha bagi menjadikan Negara ini probisnes khususnya untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Abis kaola juga menyokong setinggi-tingginya akan hasrat Baginda bahawa sudah tiba masanya untuk Negara melahirkan ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan.

Baginda juga menitahkan supaya persidangan mesyuarat memberikan tumpuan perbahasan kepada kesejahteraan pada pekerja di sektor swasta. Insya-Allah perkara ini abis kaola ambil kira dalam perbincangan dalam sesi mesyuarat nanti.

Abis kaola juga menjunjung kasih atas titah Baginda supaya para belia digalakkan untuk meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan agar menjadi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing dalam dunia perniagaan dan perdagangan. Baginda juga menitahkan supaya Dewan memikirkan isu strategik ini. Insya-Allah perkara ini akan abis kaola ambil kira dalam perbincangan dalam sesi mesyuarat nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, usaha Kerajaan untuk menjadikan persekitaran perniagaan yang kondusif sudah pun menunjukkan hasil. Antaranya Negara kita telah membaiki kedudukan dalam '*Ease On Doing Business'* ke tangga 59 dari tangga 79.

Sementara itu, Kerajaan juga telah mengurangkan cukai perniagaan dan memberikan beberapa insentif untuk membantu mengurangkan beban kos perniagaan di Negara ini.

Usaha berlanjutan untuk meningkatkan aktiviti perekonomian Negara hendaklah diteruskan lagi sesuai dengan Wawasan 2035 iaitu 'Untuk Menjadikan Ekonomi Negara Dinamik dan Berdaya Tahan'.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Baginda juga menyentuh bidang ekonomi di mana Baginda bertitah agar Negara berbelanja dengan berhemah walaupun *(IMF)* memfokuskan ekonomi tahun 2014 adalah akan lebih baik dari tahun lalu. Keamanan dan kestabilan negara adalah diperlukan dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Abis kaola sangat menghargai tambahan sebanyak $1.65 bilion bagi peruntukan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10.

Baginda juga prihatin terhadap kehidupan dan kesejahteraan rakyat yang ditimpa musibah banjir pada bulan Januari 2014 yang lalu. Peruntukan telah disediakan sebanyak $68 juta bagi mitigasi bencana ini dan $35 juta untuk membaiki prasarana dan aset Kerajaan yang rosak.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Baginda juga menyentuh mengenai projek utama Negara iaitu Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang akan berkuatkuasa pada bulan April 2014 ini. Harapan Baginda yang begitu tinggi supaya kita tetap bersatu padu, taat setia sebagai rakyat Brunei yang sejati. Apabila seruan Baginda yang murni ini dapat kita semua dukung dan tanai maka itulah maknanya perpaduan bagi rakyat dan penduduk di Negara ini yang kita kasihi.

Hikmah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini bertujuan mencegah manusia dari melakukan segala bentuk jenayah, sekali gus memelihara kehormatan diri dan menjaga kemaslahatan masyarakat. Selain itu ia dapat mendidik pesalah dan masyarakat. Sebagai contoh jika seorang individu itu mengetahui hukuman mencuri itu dipotong tangan, mesti dia tidak akan mencuri lagi dengan sewenang-wenangnya. Hukuman hudud adalah hukuman yang sudah ditetapkan oleh Allah dan kita tidak boleh menolaknya bahkan sesiapa yang mempertikaikan hukuman ini atau mempersendakan atau menganggap kejam dan tidak berperikemanusiaan bererti ia tidak mahu menjunjung hukum Allah atau menentang Al-Quran dan Sunnah.

Tidak juga kita nafikan ada segelintir masyarakat kurang faham kerana

kekurangan maklumat mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini terutama hukuman hudud yang sedikit sebanyak menyebabkan timbul pelbagai persepsi negatif terhadap undang-undang ini. Namun kita sebagai rakyat Brunei yang taat akan perintah Allah dan Rasul-Nya perlu melihat hukuman ini dari aspek positifnya seperti sebagai cara penyelesaian terhadap masalah sosial yang kian runcing masa ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Abis kaola merasa bersyukur dan menjunjung kasih atas saranan Baginda supaya pihak Kerajaan bersikap lebih terbuka dalam memaklumkan kepada rakyat perkara-perkara yang melibatkan peruntukkan Kerajaan. Abis kaola berharap supaya cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam persidangan ini kelak diterima dengan pandangan positif. Apa jua tindakan yang akan dibuat hendaklah dijelaskan secara baik dan membina agar rakyat akan lebih memahami dan menerima keputusan yang dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan masalah- masalah yang mereka hadapi.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang nanti pukul 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersyukur kerana dapat menyambung lagi permesyuaratan yang ditangguhkan tengah hari tadi. Usul Yang Telah Diberi Notis telah kita bincangkan iaitu usul bagi menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pagi tadi.

Pada persidangan pagi tadi seramai 3 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan usul itu. Di sini, saya telah diberikan senarai sebanyak 7 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk bercakap mengenai dengan usul ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Maaf belum sampai ke sana. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan hormatnya kaola terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk menggabungkan diri saya bersama Ahli Yang Berhormat ke atas usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda Ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Yang Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2014 dan atas kurnia titah Baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut.

Sesungguhnya kurnia titah perasmian Baginda itu adalah sangat bertepatan dan amat signifikan kerana berpandangan jauh dalam membawa

Negara ini ke arah yang lebih diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, lebih cemerlang, bukan sahaja untuk meningkatkan pelaburan asing akan tetapi yang lebih penting usaha untuk melahirkan lebih ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak tempatan yang setentunya akan turut menjurus ke arah memantapkan lagi kualiti kehidupan, kesejahteraan dan kemahuan rakyat dan penduduk yang bernaung di Negara ini.

Seharusnya kita menjunjung, menanai dan bersama-sama bertanggungjawab dan beperanan mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing secara bersepadu untuk merealisasikan hasrat murni Baginda dengan memupuk perpaduan mengikut calak kebruneian dan seterusnya memelihara keamanan dan kesejahteraan demi memantapkan lagi pembangunan Negara agar dapat berjalan dengan lancar, teratur dan baik.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga sangat menaruh harapan yang tinggi ke atas Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang akan menjadi nilai tambah yang tinggi nilainya dalam bersama-sama menyumbang dan beperanan untuk melakar fikiran yang bernas di samping membahas dan seterusnya membuat sokongan-sokongan yang menjurus kepada faedah dan manfaat pembangunan sosioekonomi yang lebih mapan.

Isi kandungan titah Baginda hendaklah juga kita jadikan sebagai panduan dan peta jalan agar perbahasan kita akan lebih terarah, lebih konkrit dalam usaha kita merangkap pelan strategik yang lebih komprehensif dan bersistem yang membolehkan hasrat dan harapan Baginda itu supaya dicapai dan direalisasikan seperti yang dititahkan antara lainnya seperti yang berikut:

1. Memberi perhatian sewajarnya terhadap kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta sebagai pendukung kepada meningkatkan lagi perkembangan produktiviti dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi Negara. Pada hemat saya, sektor swasta berperanan dalam menjana lebih banyak peluang pekerjaan selain berupaya menyumbang kepada peningkatan aktiviti-aktiviti perekonomian Negara yang sekali gus menjamin kepada kualiti kehidupan, kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara ini.

2. Para belia perlu meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi untuk menjadikan mereka lebih kreatif, lebih mapan dan mampu untuk berdaya saing mengikut trend dalam arena perniagaan dan perdagangan dunia pada masa kini. Dalam konteks ini saya berpendapat, apa yang lebih penting ialah kemahiran dan pengetahuan yang mampu dikembangluaskan, dipasarkan dan yang lebih penting adalah *demand*

yang berterusan yang membolehkan perniagaan dapat dikembangluaskan *viable* dan *sustainable*. Dari itu belia-belia hendaklah lebih kreatif, inovatif, berkeyakinan, bersemangat juang dalam menceburi setiap apa jua jenis perniagaan dan perusahaan untuk meraih kecemerlangan dan kejayaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam pada itu, kita sebagai rakyat dan penduduk di Negara ini juga sewajarnya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih setinggi-tingginya kerana kita sangat bertuah dan beruntung dapat bernaung di bawah kepimpinan, kewibawaan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang jelas membuktikan Baginda berjiwa rakyat, sentiasa prihatin dan memeduli bukan sahaja hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini malahan juga sehingga membolehkan kita semua berterusan menikmati pelbagai kemudahan, pembangunan, kemajuan, kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran dan keamanan.

Keprihatinan tinggi Baginda atas kesejahteraan rakyat dan penduduk sangat jelas di mana semasa musim banjir baru-baru ini pada bulan Januari 2014, Baginda sendiri telah berangkat bercemar duli turun padang bersama Paduka Anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan, di Jabatan Perdana Menteri bagi meninjau dan memerhatikan lebih dekat lagi akan masalah dan situasi banjir di Daerah Tutong diikuti dengan kurnia titah Baginda dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2014 di Dewan yang mulia ini yang mana Baginda telah memperkenankan bagi satu tambahan harga Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 berjumlah $1.65 bilion untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan.

Seterusnya, Baginda bertitah mengenai tindakan spontan Kerajaan bagi menyediakan peruntukan berjumlah $68 juta khusus bagi projek-projek mitigasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas serta tambahan lagi sebanyak $35 juta bagi projek-projek membaik pulih prasarana awam dan aset-aset Kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur sebagai respons terhadap kejadian banjir yang berlaku yang menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk Negara baru-baru ini.

Kita semua selaku rakyat dan penduduk Negara ini hendaklah juga sentiasa mengamalkan identiti kebruneian dan mengukuhkan lagi dalam kita bersama-sama mempertahankan konsep Negara Melayu Islam Beraja yang kita warisi turun-temurun, yang terbukti mendatangkan kebaikan dan kemanfaatan bagi survival bangsa dan Negara yang sama-sama kita cintai ini supaya akan lebih mantap dan berkembang maju. Kita semua sebagai rakyat dan penduduk yang

sentiasa mengamalkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan Negara adalah bersama-sama bertanggungjawab dan berperanan penting untuk menanai dan menjunjung tinggi dalam menerapkan dan menghayati perpaduan yang menjadi benteng dan kekuatan semula jadi seperti kurnia titah Baginda di Dewan yang mulia ini, dan apatah lagi dalam kita sama-sama mendukung dan menyokong sepenuhnya serta berganding bahu dalam merealisasikan pelaksanaan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah di Negara ini iaitu atas nama rakyat Brunei Darussalam.

Ini termasuklah juga perpaduan kita yang erat lagi kukuh dalam menangani cabaran-cabaran dan tanggapan-tanggapan negatif apatah lagi dalam kita menegakkan hukum Allah dan taat lagi patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam kesempatan ini, saya menyeru bagi kita sebagai rakyat dan penduduk di Negara ini apatah lagi selaku umat Islam adalah sangat wajar menyambut baik dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kita sama-sama mengangkat dan menjadikan hukum syarak dalam perundangan dan sistem kehakiman negara, kerana dengan adanya undang-undang ini bukan sahaja merupakan kejayaan yang sangat signifikan dan melakar satu sejarah bagi sistem perundangan bahkan juga kepada Raja, Negara dan Rakyat akan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala bukan sahaja di dunia malahan di akhirat.

Seterusnya marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Negara kita, Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini akan berterusan diberkati, dirahmati dan mendapat maghfirah, dilindungi dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang memberikan kesempatan kepada saya.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim untuk memberi ucapan. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung dan telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola bagi mewakili rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik dari Daerah Brunei dan Muara, menyokong usul yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga atas pengurniaan titah Baginda yang sangat dijunjung tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Titah Baginda itu umpama lautan yang luas yang mengandungi khazanah yang amat bernilai lagi berharga. Baginda mempunyai pandangan yang sangat tajam serta visi dan misi berdasarkan keadaan semasa dan mengambil kira keperluan masa depan Negara dan dunia umumnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda menggariskan 10 perkara yang amat penting untuk diteliti, difahami dan seterusnya dilaksanakan secara holistik dan penuh dedikasi mengikut keutamaan dan keperluan.

Kewujudan Majlis Mesyuarat Negara selama sepuluh tahun, sekurang-kurangnya akan dapat mengubah landskap, format dan peranan serta tanggungjawab semua pihak bagi agensi awam dan swasta serta sikap rakyat jelata dan penduduk Negara ini untuk memacu kejayaan berterusan.

Baginda juga menghargai sumbangan sektor swasta dalam sama-sama membangun bangsa dan Negara. Baginda ingin melihat bahawa sektor swasta ini akan diberikan perhatian yang serius dengan memberikan peluang kepada pengusaha kecil dan sedarhana, bergiat aktif membangun ekonomi Negara. Apa yang diharapkan, peluang pengusaha kecil, sederhana dan bumiputera akan dapat sama-sama melaksanakan projek berskala kecil dan besar. Pada misalnya, mereka ini diberikan peluang

melaksanakan projek perumahan, pembinaan lebuh raya dengan memberikan mereka peluang apa yang mereka mampu laksanakan.

Hal ini sangat penting dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya perhatian diberikan kepada para belia untuk mendapatkan pengalaman supaya dapat bersaing dengan pengusaha luar negeri dan bergiat aktif di arena antarabangsa.

Dengan tambahan peruntukan $1.65 bilion, berbagai-bagai projek telah dapat dilaksanakan. Semua ini adalah bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini. Adalah diharapkan jua dengan tertubuhnya satu unit baru di Jabatan Perdana Menteri, rakyat dan orang ramai akan melihat tiada projek akan tergendala dan terbengkalai.

Sikap prihatin Baginda dalam menangani masalah rakyat, satu peruntukan telah disediakan sebanyak $68 juta. Ini akan memberikan impak yang sangat penting kepada masyarakat pedalaman yang sering mengalami banjir. Kawasan yang dilanda banjir, akan dapat dikurangkan dengan pembesaran sungai-sungai, pembinaan kumbahan air dan seumpamanya.

Untuk memastikan kesejahteraan pekerja tempatan, adalah dicadangkan supaya apa kiranya sedikit kemudahan yang terdapat di sektor awam itu diberikan kepada sektor swasta seperti elaun sara hidup dan yang berpatutan agar mereka ini akan melihat bekerja di sektor swasta itu menjamin masa depan mereka seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Insya-Allah mereka akan lebih kreatif dan mampu bersaing.

Demi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu untuk sama-sama memikirkan isu-isu strategik maka adalah perlu agensi yang berkenaan merancang, menilai dan membuat kajian mengenai dengan beberapa kemudahan yang telah dilaksanakan seperti Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Pekerja (SCP) yang mana mempunyai pelaburan yang besar daripada semua pekerja sektor awam dan swasta agar mencari mekanisme bagi meningkatkan keuntungan daripada tabungan mereka dengan menubuhkan berbagai-bagai kegiatan ekonomi seperti menubuhkan Bank Amanah Pekerja ataupun Bank Rakyat serta lain-lain projek yang boleh menambahkan pulangan untuk kemudahan semua pihak pekerja sektor awam dan swasta.

Dengan yang demikian, peserta-peserta Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Caruman Persaraan (SCP) akan dapat menjalankan kehidupan yang lebih selesa selepas bersara. Seterusnya Baginda bertitah usaha semua pihak adalah sangat penting dalam

memastikan acuan yang telah dibentuk oleh Kementerian Pendidikan dan agensi yang lain dalam menyediakan literasi bisnes kepada para belia dalam membangun *'entrepreneurship'* rakyat dan penduduk Negara ini wajib sama-sama menjunjung titah ini dan diharapkan akan menjadi pemangkin untuk mencapai kejayaan.

Dengan kedudukan keselamatan dan kesejahteraan yang stabil, maka menjadikan negara ini mempunyai peluang terbaik untuk berkembang melalui pelaburan dalam dan luar negeri. Cuma apa yang penting selain apa yang disebutkan di atas kemudahan prasarana seperti kemudahan tenaga elektrik, keperluan lokasi dan sikap semua agensi, rakyat dan penduduk Negara ini dalam mendukung keamanan dan kesejahteraan berterusan. Untuk lebih maju beberapa amalan telah dijadikan panduan seperti cara berfikir, bertindak dan melaksanakan tanggungjawab hendaklah sekurang-kurangnya berorientasikan *business oriented*.

Baginda mengingatkan kepada kita supaya tidak bergantung kepada sumber asli yang terdapat di bumi Brunei Darussalam iaitu minyak dan gas. Dengan peringatan serta pandangan tajam Baginda, masa depan Negara akan ditentukan oleh kita sendiri tanpa mengharapkan ramalan yang belum pasti berlaku dan diterjemahkan maksud titah Baginda itu dengan jelas seperti kata pepatah Melayu "Sebelum Hujan Sediakan Payung".

Demikian pandangan yang tajam dan penuh komitmen Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menghadapkan masa depan ekonomi global yang tidak menentu. Baginda secara tegas mengingatkan kita supaya lebih berhemah dalam berbelanja dan mengutamakan *value for money* dan akauntabiliti. Adalah perlu dinilai pemantauan dalam apa jua projek sama ada berskala besar atau kecil memerlukan komitmen dan rasa tanggungjawab sama ada projek itu benar-benar menguntungkan dalam jangka masa pendek dan jangka panjang. Demikian jua, subsidi yang diberikan adakah benar-benar dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara ini sepenuhnya. Adakah kaedah lain dapat dilakukan untuk menyalurkan subsidi kepada rakyat yang benar-benar memerlukan bantuan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Baginda seterusnya jua ingin melihat pelaksanaan projek dapat disiapkan pada masa yang ditentukan dan jika gagal hendaklah dicari puncanya. Untuk mencapai kejayaan berterusan maka banyakkan jawatan pengurus dan kurangkan jawatan pentadbir. Ini terbukti di kebanyakan Negara yang membangun dan sedang membangun, tanpa juga melupakan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) serta mengurangkan birokrasi yang melambatkan proses pengurusan.

Dalam menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang perpaduan adalah amat penting sebagai teras pengukuhan Negara.

Bercakap mengenai dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang akan dilaksanakan adalah dijunjung tinggi. Perkara ini sudah banyak dibangkitkan, orang yang mengatakan mereka lebih bertamadun dan ke hadapan hanyalah berpijak di atas lautan salji yang apabila datang cahaya matahari mereka akan hancur dan akan tenggelam. Namun, kita akan selamat meneruskan kehidupan di dunia dan di akhirat dengan melaksanakan hukum Allah Yang Maha Agung Lagi Lurus.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, rakyat dan penduduk Negara ini diseru agar bangkit menentang apa jua anasir yang jahat yang cuba menghalang ketenteraman dan wawasan Negara khususnya pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam demi kesejahteraan umat Islam dan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini dan marilah kita sama-sama berdoa agar Negara kita di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan selama-lamanya mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin Asyrafil Anbiya'e Wal Mursalin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua memberi peluang untuk bercakap sepatah dua dalam majlis ini.

Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun selamat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama

Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi yang lalu.

Titah Baginda di majlis tersebut pada fahaman kaola menyentuh beberapa perkara mengenai:-

1. Pentingnya pendidikan perniagaan dan keusahawanan diberikan kepada para belia kita untuk menyediakan generasi yang akan turut membangunkan ekonomi negara di masa hadapan.

2. Adanya kelebihan Negara kita yang bersuasana aman dan sejahtera patut dijadikan sebagai satu tarikan yang kuat untuk peniaga-peniaga dan pelabur tempatan dan pelabur dari luar negara supaya berniaga dan melabur di Negara ini. Untuk itu, suasana aman dan sejahtera itu perlulah terus dipelihara.

3. Perlunya perkhidmatan awam melipatgandakan usaha bagi menjadikan Negara ini probisnes terutama untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

4. Sebagai respons spontan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengurniakan peruntukan $68 juta khusus bagi projek-projek mitigasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas. Di samping itu, sejumlah $35 juta disediakan bagi projek-projek membaik pulih prasarana awam dan aset-aset kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.

5. Adanya perkenan Baginda kepada sokongan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah $1.65 bilion. Peruntukan tambahan ini adalah untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

6. Penubuhan sebuah unit di Jabatan Perdana Menteri yang akan mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu.

7. Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah sebagai salah satu projek utama Negara, perlulah mendapat sokongan padu dan mantap dari seluruh rakyat dan warganegara ini tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan masing-masing.

Perkara-perkara utama yang Baginda sentuh di atas, bagi kaola sangat menarik, bahkan juga menyentuh perasaan melihatkan daya kepimpinan Baginda yang dinamik dan harapan-harapan Baginda yang sangat tinggi supaya setiap projek itu berjalan dengan lancar, dengan baik dan sempurna.

Di samping itu, jua ianya memperlihatkan keprihatinan Baginda yang tebal dan mendalam terhadap kehidupan dan kesusahan rakyat seperti berlakunya keadaan banjir baru-baru ini sehingga dengan spontan Baginda mengurniakan sejumlah peruntukan yang tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Begitu juga dengan pertimbangan Baginda yang halus dan berpandangan jauh telah berkenan memperuntukkan $1.65 bilion tambahan bagi menjayakan projek-projek baru dari kementerian dan jabatan. Mudah-mudahan termasuk di dalamnya nanti projek keagamaan, insya-Allah.

Mengenai perlunya anak-anak muda atau para belia diberikan dan didedahkan pengetahuan berniaga menerusi skim pendidikan negara kita yang ada pada hari ini. Kaola kira ini adalah selari dengan ajaran Islam. Kerana Islam mengatakan bahawa 90% rezeki kita ada dalam perniagaan, malah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sebelum Baginda diangkat oleh Allah Subhanahu Wata'ala menjadi Rasul Allah, Baginda adalah seorang peniaga yang handal dan bijak yang diamanahkan oleh Saidatina Khadijah untuk menjalankan perniagaannya sehingga mendapat keuntungan yang besar. Begitu juga para sahabat seperti Saidina Abu Bakar, Abdul Rahman bin Auf dan lain-lain adalah peniaga-peniaga yang hebat.

Dalam kurikulum pendidikan agama, kita juga sudah terdapat pengenalan hal-ehwal berniaga yang mengenalkan sebanyak sedikit ciri-ciri seorang peniaga Islam yang jujur dan amanah iaitu di bawah tajuk "Al-Muamalat". Keilmuan berniaga secara praktikal dan mendalam, kaola kira sudah diajarkan di bawah sistem pendidikan umum di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Cumanya, apabila lulus dari pengajian mereka, kaola difahamkan mereka ini tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan kecuali sebilangan kecil sahaja yang berjaya.

Jika ini benar, apakah kiranya Negara kita dapat membantu mereka dengan menyediakan satu peruntukan yang tertentu di mana mereka boleh meminjam dengan bersistem dan teratur dengan tidak dikenakan sebarang pulangan yang selalunya menjadi bebanan kepada usahawan-usahawan yang baru muncul. Tetapi hanya perlu memulangkan jumlah wang yang dipinjam itu dalam tempoh yang tertentu.

Kaola kira perkara ini akan menjadi satu tarikan bagi para belia menceburi bidang perniagaan dan akan cepat menambahkan dan menggalakkan lagi anak bumiputera dalam perniagaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, akan menjadi satu sejarah besar bagi Negara kita. Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini insya-Allah akan melengkapkan lagi Negara kita sebagai sebuah Negara Islam yang tulen, yang sewajarnya kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di zaman ini kita dapat

menghayati sistem perundangan yang akan membawa kebaikan dan kesejahteraan untuk semua.

Ia adalah satu undang-undang yang merahmati alam, merahmati semua manusia, merahmati makhluk kerana ia diciptakan berdasarkan keadilan, bukan berdasarkan siapa yang kuat, bukan berdasarkan keseronokan, bukan berdasarkan emosional tetapi di dalamnya ada pendidikan, ada ihsan, ada keampunan, ada taubat, ada pencegahan dan ada keselamatan.

Kita sewajarnya bersyukur mempunyai raja-raja yang suka menegakkan agama, mempunyai para pembesar yang sejak dahulu sukakan agama, mempunyai ulama-ulama yang berwibawa, mempunyai rakyat yang cintakan dan patuh kepada ajaran Islam, mempunyai perlembagaan yang membentengi ajaran Islam. Wajarlah kita sekarang menerima undang-undang ini sepenuh hati dan kita bersatu padu di bawahnya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ

Ertinya: *"Jika kamu menolong Allah, maka Allah akan menolong kamu dan menetapkan pendirian kamu."*

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan yang demikian kaola turut menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mewakili Ahli-Ahli Yang Dilantik dari Daerah Belait mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang yang telah diberikan kepada abis kaola untuk berucap di dalam Dewan yang mulia ini dalam menyokong usul, menyembah dan menjunjung kasih oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, yang kaola rasa sungguh begitu padat dan jelas sekali.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita mengambil iktibar dari petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menghargai keprihatinan Baginda terhadap kejadian banjir yang juga berlaku di daerah pedalaman di Daerah Belait pada bulan Januari 2014 yang lalu. Baginda telah mengurniakan peruntukan sejumlah $68 juta bagi mengatasi banjir di kawasan yang terjejas dan peruntukan tambahan $35 juta bagi membaik pulih aset-aset Kerajaan yang rosak akibat banjir.

Selaku mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Belait yang terlibat dalam bencana alam yang telah berlaku itu, sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keprihatinan Baginda kerana dengan adanya bantuan yang telah, sedang dan akan dihulurkan itu sekurang-kurangnya dapat mengembalikan cara hidup yang selesa seperti biasa dan disambut dengan penuh rasa syukur dan berharap apa jua bantuan yang bakal dan akan disalurkan itu ianya akan dapat dilaksanakan dengan secepatnya dan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dikesempatan ini juga abis kaola merasa bersyukur dan dengan penuh ketaatan menyembahkan sokongan serta dukungan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang bakal dilaksanakan dalam sedikit masa lagi sepertimana yang telah dititahkan dan seterusnya diiringi dengan doa semoga dengan adanya pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 itu akan bertambah-tambah lagi kemakmuran, tahap kehidupan dan keamanan rakyat Negara Brunei Darussalam ini, Amin Ya Rabbal Alamin. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola mewakili Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong turut serta menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan bagi usul menyembahkan menjunjung kasih.

Maka dengan ini, kaola dan rakan mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh pada hari Khamis, 4 Jamadilawal, 1435 Hijrah bersamaan dengan 6 Mac, 2014 Masihi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola dan rakan

dari Daerah Tutong, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, pada tahun ini dapat lagi menghadiri Majlis Mesyuarat Negara. Kaola dari Daerah Tutong akan cuba sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Saya dan rakan mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Musim Keempat Majlis Mesyuarat Negara pada 27 Safar, 1429 Hijrah bersamaan dengan 4 Mac, 2008 Masihi iaitu 6 tahun lalu, yang dikaitkan dengan titah Baginda pada Majlis Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh pada hari Khamis, 6 Mac 2014 Masihi.

Antara lain titah Baginda pada tahun 2008 itu:

"Majlis ini kita sifatkan sebagai syura permuafakatan untuk melakar strategi-strategi yang bermanfaat bagi membantu Kerajaan beta pada meneguhkan lagi sistem yang sedia ada, yang sudah kita warisi turun-temurun".

Titah Baginda lagi:

"Oleh itu diharapkan kepada Ahli-Ahli supaya berpandangan jauh dalam perbincangan dengan penjurusan kepada isu-isu strategik yang bermanfaat bagi rakyat, selaras dengan hala tuju Negara dalam tahun-tahun mendatang. Mutu perbincangan adalah turut ditentukan oleh sifatnya yang substantive, membina dan berasaskan kepada kajian-kajian fakta yang teliti dan tepat."

Jadi jelaslah bahawa titah tahun 2008 itu ada kaitannya dengan titah Baginda pada tahun ini supaya Ahl-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bermuafakat membincangkan isu-isu yang boleh membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah kesejahteraan rakyat, selaras dengan hala tuju negara iaitu Wawasan 2035.

Titah Baginda dalam Majlis Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama Musim Mesyuarat Kesepuluh pada hari Khamis, 6 Mac 2014, antaranya supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dapat mengusulkan cadangan yang membantu ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kepentingan para pegawai dan kakitangan sektor swasta yang sedikit sahaja disentuh dalam permesyuaratan-permesyuaratan negara yang lalu. Oleh itu, Baginda mengharapkan supaya kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta mendapat perhatian sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, kaola galakkan dan cadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dapat melaksanakan apa juga kemudahan dan insentif yang diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan diberi juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Baginda juga bertitah supaya para belia meningkatkan diri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan. Perkara ini sering disentuh oleh Baginda berulang-ulang kali. Dalam hal ini memang jelas bahawa Baginda bersungguh-sungguh menekankan supaya para belia diutamakan kerana para belialah yang akan membentuk dan mencorakkan keadaan Negara Brunei Darussalam di masa akan datang.

Dengan adanya kemahiran melalui sumber pengurusan manusia yang baik, maka negara kita dapat melaksanakan nilai tambah dari sumber-sumber yang sedia ada. Kaola cadangkan supaya Kementerian Pendidikan atau apa pun juga agensi-agensi yang berkaitan berganding bahu melakar program pendidikan kemahiran yang menjana ekonomi Negara. Umpamanya belia yang terpilih untuk menjalani bidang berteknologi tinggi dalam bidang pembuatan sampai ke tahap maksimum sehingga boleh menghasilkan produk.

Sehubungan dengan itu, peranan proaktif dan inovatif Kementerian Pendidikan menerusi SPN 21 yang memasukkan kemahiran teknikal dan vokasional serta kejuruteraan di peringkat awal persekolahan dan menerapkan unsur-unsur *'entrepreneurships'* adalah amat sesuai dan bertepatan. Di samping itu, sokongan agensi-agensi yang lain dalam menjurus kepada pembangunan insan dan pembangunan negara serta tidak ketinggalan menjangkau isu-isu ekonomi global adalah amat penting.

Oleh itu, pembinaan Pusat Produk Sekolah bagi menempatkan produk-produk sekolah hasil senegara adalah amat sesuai jika dilaksanakan. Penambahan kurikulum pengurusan kewangan perusahaan juga perlu diadakan dari peringkat sekolah rendah.

Selain itu, dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus meningkatkan aktiviti ekonomi dengan menyediakan tapak untuk pelaburan besar yang menyumbang kepada penyertaan pelabur asing. Faktor ini merupakan peluang para belia mempraktikkan kemahiran mereka.

Oleh itu, tapak-tapak yang luas yang telah diteroka tetapi terbiar di beberapa kawasan di negara ini perlu dimajukan. Misalnya di Mukim Rambai iaitu di Kampung Penyatang dan kawasan berpagar di Taman Rekreasi Pantai Telisai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, titah Baginda juga

menyentuh mengenai masalah sosial terutama isu keselamatan berkaitan dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dalam perkara pelaksanaan hukum jenayah syariah, kaola dan rakan dari Daerah Tutong tidak ragu-ragu menyokong penuh perkara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola dan rakan mewakili penduduk-penduduk Daerah Tutong yang terlibat dalam bencana banjir sekali bagi menghadapkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan Baginda menyediakan peruntukan sejumlah $68 juta khusus untuk projek-projek mitigasi atau pencegahan banjir dan sejumlah $35 juta bagi peruntukan membaik pulih prasarana awam dan aset-aset Kerajaan yang rosak.

Kebetulan, kaola kelmarin iaitu pada hari Jumaat, 7 Mac 2014 berkesempatan menghadiri Majlis Muzakarah dengan penduduk Mukim Rambai yang terjejas teruk oleh bencana banjir pada awal tahun ini. Masalah banjir dan akibatnya adalah salah satu isu yang hangat disuarakan. Misalnya, bagaimana mencegah atau mengurangkan banjir, menjaga keselamatan, perhubungan jalan raya yang terputus, perhubungan telefon tidak ada, amaran awal tentang banjir tidak kesampaian dan bantuan yang sukar, kerosakan infrastruktur, kerosakan harta benda, kerosakan tanaman dan ternakan.

Sehubungan dengan ini, kaola dan rakan mencadangkan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang berkenaan dapat memanfaatkan peruntukan ini sebaik mungkin dengan segera melaksanakan pembaikan dan peningkatan infrastruktur seperti jalan yang rosak dan menaikkan jalan yang rendah bagi kawasan yang terlibat banjir. Bagi mengelakkan kelambatan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan mitigasi serta peningkatan, kaola dan rakan mencadangkan supaya tender-tender tidak dilakukan secara proses biasa yang mungkin memakan masa yang lama. Kalau jalan terlalu lama dibiarkan rosak, maka bukan saja menjejaskan perhubungan melalui jalan, tetapi juga keselamatan kepada pengguna. Saranan juga dicadangkan untuk peningkatan pancaran talian telefon dan sistem amaran awal banjir dipertingkatkan. Juga kolam tadahan banjir dibina segera.

Akhirnya sebagai penutup, kaola dan rakan ingin juga mengetahui apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak-pihak berkenaan dalam melaksanakan perkara yang tersebut di atas. Dan sebagai penutup, marilah kita bersama-sama berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja

beroleh kesejahteraan dan rahmat serta hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, maka kaola dapat berada dan berdiri di Dewan Persidangan Majlis yang mulia ini untuk menggabungkan diri kaola dalam menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Kaola dengan hati yang penuh tulus ikhlas untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas Keberangkatan Baginda di Dewan Majlis yang indah ini, pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 bersamaan 6 Mac 2014, Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya Baginda mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita kaola dalam menyentuh kurnia titah Baginda mengenai betapa perlunya perpaduan dan bersatu padu dalam mendukung dan menyokong pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Terlebih dahulu kaola Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik wakil Daerah Temburong, kaola bagi mewakili kesemua penghulu dan ketua kampong dan rakyat Daerah Temburong, untuk menyatakan sokongan penuh kami di Dewan yang mulia ini, dan bersatu padunya kami berdiri di belakang Baginda dalam menjayakan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

Panggilan kami ini bukan saja terbit selaku rakyat yang taat kepada rajanya tetapi juga sebagai orang muslim yang mahu hak masing-masing untuk diadili dan dilindungi dengan hukum-hukum Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi pengkritik-pengkritik dan golongan

tempatan yang tidak setuju dan masih belum mahu faham-faham akan keindahan hukum Allah ini, perlu muhasabah diri dan melihat kehidupan kita bukan setakat duniawi semata-mata tetapi apalah yang lebih penting ialah kehidupan dan kebahagiaan di akhirat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana penduduk Negara ini yang majoritinya ialah umat Islam begitu dilihat taat beragama. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pula, memberi kemudahan seluasnya bagi umat Islam menyempurnakan amal ibadat dan memelihara akidah mereka dengan pendidikan dan panduan yang betul. Juga kemudahan memelihara amalan berawar galat dengan adat taat beraja dan taat beragama, yang demikian itu dapat kita rasa bila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan pengharaman jualan arak dan kini Baginda mengisytiharkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, penduduk mengalu-alukan dan menyokong sebulatnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada pandangan kaola, konteks perpaduan dan bersatu padu bukan sahaja tertumpu pada antara bilangan suku kaum dan berlainan pegangan, tetapi juga perpaduan dan bersatu padu antara golongan dewasa dan golongan muda terutamanya para belia. Maknanya, sudah menjadi tanggungjawab selaku golongan dewasa supaya taat beragama, taat beraja dan taat beradat, mestilah kita pastikan untuk disalin kepada generasi pengganti kita iaitu belia-belia.

Pertama yang utama ialah mereka mesti dipastikan akan meneruskan sifat taat kepada hukum Islam. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mengambil misal iaitu Fatwa Mufti Kerajaan adalah merupakan ketetapan hukum Islam. Bagi isu-isu baru umat Islam di Negara ini, ia perlu dihormati (diikut) setentunya tidak kira ia telah digazet atau belum penduduk Islam yang disampaikan hukum yang ditetapkan oleh fatwa itu perlu menghormati dan mengikutinya kerana kiraan dosa pahala sudah bermula atas mereka. Apabila rokok dan merokok difatwakan haram, pihak yang bertanya dan umat Islam yang disampaikan maklumat hukum tersebut mestilah menghormati dan mengikuti hukum Islam berkenaan. Tidak perlu menunggu fatwa digazetkan dahulu untuk dikuatkuasakan.

Mengasuh generasi belia dengan sikap menghormati hukum Islam adalah sangat penting diutamakan sekarang supaya bila mereka mengganti kita kualiti taat akan hukum Islam itu, akan tetap dimiliki mereka dan akan selamatlah generasi mereka. Mereka pula akan memastikan generasi yang akan datang mengikut cara kita itu.

Dari itu berkesinambunganlah keluhuran agama zaman-berzaman. Kita buat semua ini adalah sebagai kesungguhan kita dalam ikrar kebangsaan dan tidak retorik dan indah bahasa sahaja. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wassalamu ‘Ala Manit Taba’al Huda.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, untuk sekian kalinya perbahasan di Dewan ini diserukan untuk turut memikirkan isu-isu yang strategik. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 bersamaan 6 Mac 2014 adalah padat dengan isu-isu yang strategik itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Baginda mengetengahkan isu kesejahteraan para pekerja di sektor swasta yang pada hemat Baginda melalui pekembangan dan produktiviti di sektor swasta itu akan dapat diharapkan untuk menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi di Negara ini, yang mana kerananya Kerajaan Baginda sentiasa melaksanakan berbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan sambil mempastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di samping berbagai inisiatif dan langkah yang Baginda nyatakan telah dibuat oleh Kerajaan Baginda, kaola mohon izin untuk menambahkan, pertama mengenai isu kesejahteraan pekerja tempatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menyediakan satu kertas yang mengandungi cadangan - cadangan untuk menyeimbangkan faedah-faedah gaji dan layanan yang diberikan oleh majikan kepada pekerja-pekerja tempatan dengan yang diberikan kepada pekerja-pekerja asing.

Kertas kerja yang berkenaan itu akan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri rundingkan dengan majikan-majikan dalam sektor swasta. Kementerian dalam hal ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengambil pendekatan yang lembut maknanya berunding, yang mana dengan keyakinan cadangan-

cadangan itu akan mendapat respons yang positif dan kementerian sedia terbuka untuk menerima cadangan-cadangan balas yang munasabah asalkan kita sama-sama dapat mencapai matlamat untuk memberikan kesejahteraan kepada pekerja-pekerja tempatan dalam sektor swasta demi untuk menarik mereka bekerja dalam sektor swasta itu, taat kepada majikannya, komited kepada tanggungjawabnya dan seterusnya. Insya-Allah, perkara ini akan dirundingkan sedikit masa lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola seterusnya ingin menyebutkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara telah menyiapkan pindaan ke atas kadar gaji yang melayakkan seseorang pekerja tempatan mendapat perlindungan undang-undang di bawah Perintah Pekerjaan 2009, iaitu daripada gaji maksima dalam peruntukan yang ada pada masa ini sebanyak $1,600 kepada gaji maksimam $3,000, yang mana dengan pindaan itu nanti akan lebih ramai pekerja tempatan mendapat perlindungan undang-undang sekiranya terjadi masalah perburuhan atau pertikaian perusahaan antara pekerja dan majikan. Langkah ini, insya-Allah akan juga turut menyumbang kepada usaha memelihara kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan dalam sektor swasta seperti yang dihasratkan oleh titah Baginda itu.

Sementara dalam isu memudah cara memulakan perniagaan yang mana hal ini juga sangat penting bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan sambil memastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita menyatakan bahawa semenjak bulan April 2011 (hampir 3 tahun yang lalu sehingga sekarang ini) tempoh menunggu lesen rampaian dan tanda perniagaan dikeluarkan telah dapat disingkatkan dengan cara mengubah prosedur atau proses yang mesti diikut sebelumnya iaitu daripada *sequential* kepada *parallel* bagi kesemua urusan yang berkaitan, (apabila sahaja permohonan mendapatkan lesen rampaian dan tanda perniagaan dihadapkan lengkap memenuhi syarat dan menepati peraturan dan setelah ada pendaftaran syarikat dan nama syarikat maka sesuatu perniagaan boleh dimulakan pada hari keenam bagi perniagaan kategori *simplified approval* dan pada hari kesebelas bagi perniagaan kategori biasa).

Seterusnya bagi memudah cara memulakan perniagaan ini juga Yang Berhormat Yang Di-Pertua ialah menerusi Projek *Flagship Business Licensing System* yang diusahakan bersama dengan Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama bagi membolehkan orang ramai memohon perkhidmatan yang berkaitan dengan memulakan perniagaan menerusi talian *online* dan tidak payah lagi pergi ke kaunter-kaunter. Sehubungan dengan perkhidmatan secara *online* ini, juga dalam aspek permit kerja dan lesen pekerja, Jabatan Buruh sedang dalam proses menyediakannya. Maka apabila sistem

dan prasarananya siap, orang ramai dalam sektor swasta akan mendapat kemudahan dalam menjalankan perniagaan mereka yang berhubung kait dengan urusan-urusan di Pejabat Buruh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di samping langkah-langkah memudah cara memulakan perniagaan itu dalam aspek pengeluaran lesen dan permit kerja dan lesen pekerja, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah mengambil inisiatif, akan mengeluarkan pas kediamaan jangka panjang *(long term residential pass)* kepada orang-orang asing yang ingin membuka perniagaan dalam sektor yang mendatangkan faedah bagi pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara sambil membuka peluang kerja kepada anak-anak tempatan.

Langkah ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dijangka akan menambah baik lagi iklim pelaburan dan selaras dengan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan Baginda untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di Negara ini termasuk berusaha menarik pelaburan langsung asing iaitu *FDI.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda itu ada menyebutkan yang Negara kita alhamdulillah, mempunyai *advantage* yang sangat unik dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Sesungguhnya titah Baginda itu sangat tepat. Pengalaman Kerajaan dan rakyat selama hampir 65 tahun membangun Negara kita Brunei yang kecil molek ini iaitu semenjak pemerintahan arkiteknya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan dilanjutkan lagi ke zaman pemerintahaan anakanda Baginda sekarang, yang berhemah tinggi, bijaksana lagi berwawasan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sepanjang lebih enam dekat itu, Brunei sangat bertuah dapat mengatasi *disadvantage* sebagai sebuah negeri kecil di tengah suasana yang bergolak dalam masyarakat serantau dan masyarakat antarabangsa yang cepat berubah.

Semua itu adalah berkat adanya keamanan di samping kurnia rezeki Allah berupa hasil minyak dan gas yang menjadikan Kerajaan mampu membelanjai rancangan-rancangan pembangunan fizikal dan pembangunan sumber daya manusia *(Human Capacity)* dan projek-projek bagi kesejahteraan rakyat menerusi penyediaan kemudahan pelajaran dan pendidikan serta kemudahan kesihatan dan perubatan.

Keamanan itu wujud dengan berkat rakyat yang taat kepada rajanya sambil taat beragama, bersikap positif, hidup secara harmoni dalam kepelbagaian 7 puak rakyat jati dan kaum-kaum lain yang diterima menjadi rakyat dan penduduk Negara ini.

Itulah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, *advantage* Negara Brunei Darussalam. Kita sekalian tidak disibukkan oleh aspek-aspek perbezaan yang ada antara kita, tetapi sebaliknya kita bersemangat menerima dan mengembangkan aspek-aspek persamaan dalam kebersamaan itulah kita hidup berpemerintahan beraja sebagai bangsa dan negara moden yang progresif dalam sebuah negara berdaulat di kalangan masyarakat negara dan antarabangsa. Antara kita, rakyat telah juga menyebut tentang perpaduan. Itulah aset kita yang sangat berharga dan kita berazam untuk memelihara serta mempertahankannya.

Oleh itu, Negara Brunei Darussalam dan kita rakyatnya yang mencintai keamanan ini tidak boleh bertolak ansur terhadap sebarang percubaan merosakkan keamanan dan keselamatan negara, baik datangnya dari luar apatah lagi sekiranya datang daripada kalangan kita sendiri. Kerana itulah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah memutuskan untuk mengenakan Perintah Tahanan Keselamatan bagi tempoh 2 tahun ke atas seorang warganegara asing yang menurut penilaian keselamatan adalah berpotensi untuk menjadi fasilitator bagi bekas ahli-ahli sebuah pertubuhan yang menyokong dan menjalankan operasi pengganasan yang ada di luar negeri untuk bertapak di negara ini dan seterusnya dijangka akan menjadikan Negara kita yang aman tenteram ini *'safeheaven'* bagi kumpulannya dan seterusnya individu-individu berkenaan juga berpotensi menggunakan Negara Brunei Darussalam sebagai sumber pembiayaan dana kepada kumpulannya di luar negeri.

Individu berkenaan juga dinilai oleh pihak berkuasa keselamatan mampu untuk mendatangkan risiko tinggi kepada keselamatan Negara, selain dinilai berkemampuan menimbulkan ancaman keganasan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan Negara. Kes ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sangat relevan untuk mengingatkan diri kita sendiri dan untuk kita sentiasa berwaspada daripada terjebak akibat lalai dan *complacent,* seterusnya kita hendaklah menyokong serta bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang yang lainnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mohon izin untuk meneruskan ucapan menyokong sembah junjung kasih ini dengan menyentuh perkara yang terakhir Baginda titahkan, iaitu Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sesungguhnya adalah sungguh tepat

Baginda menyifatkan pelaksanaan undang-undang ini juga sebagai satu aspek kemajuan besar bagi kita di Negara Brunei Darussalam kerana sejauh ini mengikut hemat kaola, orang lain yang belum mempunyai undang-undang seumpamanya tidak dapat mengangkatnya, tetapi kita, raja kita, Negara Brunei Darussalam kita, dengan kepimpinan kebijaksanaan lagi berhemah tinggi dan berwawasan rajanya dapat mengangkatnya.

Tapi entah bagaimana dan sejauh apa keputusan kita untuk memperkenalkan dan menguatkuasakan undang-undang itu, tiba-tiba menjadi tengkarahan umum, menjadi *'public controversy'.* Ia diperkenalkan dan akan dikuatkuasakan sebagai sebahagian daripada undang-undang jenayah yang sudah ada dan berkuat kuasa. Hal itu, dari awal lagi sudah dijelaskan oleh Baginda dalam titah pelancarannya semasa merasmikan Majlis Ilmu dalam bulan November tahun lepas. Bahawa undang-undang yang bersifat takzir atau seakan-akan takzir akan masih terpakai menurut keperluannya. Maknanya, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah tidaklah diperkenalkan dan dilaksanakan untuk menggantikan undang-undang negara yang sedia ada.

Kedua-duanya iaitu Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan Undang-Undang Sivil atau *Common Law* yang telah sedia ada akan saling melengkapkan, akan saling mengkomplemen satu sama lain sebagai undang-undang negara, sebagai '*Law of the Land'*. Buktinya kira-kira seminggu selepas bertitah melancarkannya itu, Baginda juga telah melantik *Judicial Commissioner* (Pesuruhjaya Kehakiman) bagi Mahkamah Sivil.

Baru-baru ini, dalam satu taklimat pemberigaan kepada kalangan wakil diplomatik negara-negara sahabat ditegaskan dengan sejelas-jelasnya oleh seorang pegawai tinggi yang cukup mengetahui kedudukan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 sejak mula ia digubal, dibahas dan dijadikan rang untuk diluluskan dan diwartakan. Pegawai berkenaan itu menyatakan bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah *is not meant to replace the Panel Code* yang sedia ada. Apakah sebenarnya yang ditengkarahkan oleh segelintir orang itu? Memanglah tidak sahaja kerana belum cukup memahami kedudukannya, bahkan ada antaranya yang tidak mahu atau tidak bersedia menerimanya. Mengapa? Sedangkan ia sebahagian undang-undang negara *'Law of the Land'* yang sudah diwartakan dan akan dikuatkuasakan secara berperingkat.

Dengan hakikat ini dan dalam perspektif ini, sepatutnya tidak timbul ianya untuk dibantah kecualilah mungkin sengaja untuk menimbulkan apa yang disebut *to instigate a pro* di kalangan umum. Jika demikian niatnya dan terbukti dilakukannya, maka itu akan menjadi cerita lain yang akan diurus secara undang-undang juga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalnya kita dari mula tidak berniat menjadikan keputusan kita

memperkenalkan dan melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah itu menjadi tengkarahan umum. Ianya adalah pilihan kita di Negara Brunei Darussalam dijadikan sebahagian undang-undang negara kita di Negara Brunei Darussalam. Kalau di dalamnya terdapat '*capital punishment*', undang-undang sebelum ini yang masih akan terus berkuat kuasa juga mengandungi *capital punishment*. Oleh itu, kita di sini di dalam Dewan ini dan rakyat serta penduduk di luar Dewan ini adalah wajar malah wajib menerimanya sebagai undang-undang negara mendukung pelaksanaannya, menyokong usaha melicinkan pelaksanaannya termasuk cadangan-cadangan yang mungkin akan dibuat atau telah pun dibuat sebagai rancangan melengkapkan pelaksaannya itu dalam jangka panjang yang berkesan dengan penuh berhemah seperti misalnya penstrukturan semula mahkamah dan hakim-hakim dan penyediaan pegamal-pengamal Undang-Undang Jenayah Syariah itu, iaitu menerusi Latihan Praktikal dan Pengajian Akademik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada hemat kaola penjelasan dan jaminan wajar diberikan kepada sesetengah orang yang bukan Islam khasnya dari kalangan saudara-saudara kita dalam puak jati Brunei dan kaum lain yang diterima kerakyatan di Negara Brunei Darussalam ialah jaminan bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah sama sekali tidak mendiskriminasi mereka kerana yang bertugas memberigakannya sekarang mustahaklah berbuat sedemikian misalnya dengan menyebutkan beberapa peruntukan yang tidak membezakan layanan keadilan antara orang-orang Islam dan orang-orang bukan Islam seperti peruntukan Bab 126(1).

Sebenarnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, undang-undang ataupun Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah telah pun dibentangkan sebahagian daripada kertas yang dibentangkan di atas meja iaitu dalam Perkara VI Lampiran J, misalnya Bab 126(1), mengenai kesalahan membunuh dengan sengaja. Tidak terdapat perbezaan nilai nyawa orang bukan Islam apabila dibunuh dengan sengaja oleh orang Islam. Orang Islam yang membunuh, yang bersalah kerana membunuh orang bukan Islam akan dikenakan hukuman bunuh ataupun diat (ganti rugi nyawa) begitu juga sebaliknya.

Malah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saudara-saudara kita yang bukan Islam wajar mengetahui bahawa undang-undang Islam yang sudah berjalan selama ini iaitu Akta Mahkamah Syariah Bab 103(2) memperuntukkan seseorang yang bukan Islam adalah layak memberikan keterangan atau baiyinah ke atas orang Islam dan bukan Islam dan layak pula untuk memberikan syahadah atau kesaksian (menjadi saksi di Mahkamah Syariah) jika ia seorang yang boleh dipercayai mengikut agamanya (dipercayai sebagai seorang

yang adil) mengikut kriteria agamanya bukan mengikut kriteria agama Islam.

Pada hemat kaola, aspek seperti ini wajarlah ditengahkan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan kekhuatiran yang sekali gus dapat menolak tohmahan yang tidak berasas daripada segelintir orang yang cuba mempengaruhi orang lain, memburuk-burukkan bukan sahaja kanun ini, bahkan individu yang berwenang-wenang dalam pemerintahan dan juga individu tertentu yang berwenang-wenang mengenai hukum-hukum agama.

Dalam konteks menerima pakai ajaran dan hukum syariat Islam ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Brunei sebenarnya telah memulakannya sejak sebelum merdeka lagi. Dalam tahun 1979, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan Majlis Ugama Islam untuk melantik sebuah jawatankuasa yang terdiri dari pegawai-pegawai agama dan peguam-peguam dari Jabatan Peguam Negara dan juga seorang yang mahir mengenai dengan adat resam dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam.

Tugasnya ialah untuk menyemak semua undang-undang Brunei dan mensesuaikannya dengan kehendak hukum syarak. Jawatankuasa berkenaan yang seterusnya Majlis Ugama Islam sendiri telah mendapati bahawa dari sebanyak 150 Undang-Undang Brunei yang disemak hanya sebanyak 25% sahaja yang berkehendakkan atau perlu pindaan itu pun pindaan-pindaan kecil.

Maknanya, Brunei sudah sedia mempunyai undang-undang yang sekalipun tidak disebut sebagai Undang-Undang Islam tetapi ianya adalah undang-undang yang patuh syariah (*syariah compliant).* Maka pemerintahan Brunei ini penting yang kaola ingin tegaskan dan perlu diyakini bahawa pemerintahan Brunei, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda serta semua lapisan yang berkhidmat dalam pemerintahan Brunei sudah pun menjalankan hukum Allah dalam skopnya yang luas iaitu pemerintahan yang adil, pemeliharaan kepimpinan negara, Kerajaan dan kepentingan rakyat sesuai dengan Maqasid Asy-Syariah yang disebutkan dalam lima perkara.

Kerana dalam prinsip ajaran berpemerintahan menurut agama Islam, raja atau apa juga gelaran individu yang menjadi pemerintah tertinggi bagi sesuatu umat hendaklah menjalankan pemerintahannya dengan adil sesuai dengan firman Allah yang bermaksud "Hendaklah Engkau hukum atau perintah dengan adil."

Oleh yang demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seruan Baginda untuk kita mempamerkan perpaduan dalam melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, tidak syak lagi wajib

disambut dengan sandaran kepada ajaran Allah yang mewajibkan umat Islam bersatu padu sesama mereka dan mengelakkan perpecahan yang akan melemahkan kedudukan serta pengaruh mereka untuk menegakkan hukum Allah yang juga kaola fahami untuk melaksanakan keadilan, melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dan memelihara kepentingan hidup yang selamat, sejahtera dan bermaruah selaras dengan 5 matlamat utama syariah atau Maqasid Asy-Syariah yang mana pemerintahan kita selama ini pemerintahan Brunei yang beraja selama ini telah melakukannya dengan baik dan dengan itulah kita telah menetapkan Wawasan Negara 2035 yang dalam pencapaiannya kita berazam akan taat kepada Raja, memelihara nilai-nilai ajaran Islam dan memelihara amalan tradisi berbaik-baik di kalangan semua rakyat dan penduduk.

Maka Yang Berhormat Yang Di-Pertua, tidak ada sebab bagi kita semua, Islam dan bukan Islam untuk mengorbankan semangat perpaduan yang sedia ada. Dalam semangat itulah kita seikhlas dan setulusnya akan sentiasa mempamerkan perpaduan mendukung kepimpinan Baginda dalam melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 ini, Insya-Allah. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Wassalamu ‘Ala Manit Taba’al Huda kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang ada baiknya Usul yang telah dikemukakan untuk menyembahkan menjunjung kasih ini diundi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya Usul ini telah dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Permesyuaratan Majlis ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 8 Jamadilawal 1435 bersamaan 10 Mac 2014 pukul 9.30 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 8 Jamadilawal 1435 / 10 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketiga, hari Isnin, 8 Jamadilawal, 1435 Hijrah bersamaan 10 Mac, 2014 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan limpah kurnia rahmat serta keizinan-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang ketiga.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wassallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga ke hari ini Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah meluluskan Perkara VI iaitu Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan Baginda ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, dan pada pagi ini mengikut urutan Susunan Kerja akan didahului dengan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Perkara ini hanya akan dibincangkan selama 30 minit. Selepas itu, kita akan berpindah untuk membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015.

Seperti lazimnya Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis yang belum sempat dibincangkan akan disentuh pada kemudian nanti. Sekarang saya mempersilakan Jurutulis untuk memulakan Perkara V seterusnya. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan-Soalan Yang Diberi Notis iaitu Soalan No. 8 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, di Jabatan Perdana Menteri *(Minister of Energy).*

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola yang terakhir juga ditujukan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pada tahun lepas, dilaporkan melalui media massa bahawa negara jiran telah mengatakan yang Negara Brunei Darussalam telah menjadi pintu masuk kepada penjenayah-penjenayah yang hendak beroperasi di negara mereka. Sejauh ini tidak terdapat sebarang penolakan ke atas laporan media ini yang memberikan andaian bahawa laporan ini adalah betul.

Soalan kaola, saya ingin tahu adakah perkara ini benar dan jika benar, apakah tindakan-tindakan yang dibuat oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin melahirkan setinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat atas perkara yang telah dibangkitkan. Berita yang dimaksudkan ini diterbitkan oleh *New Straits Times* pada 16 Disember, 2013 dan di *Borneo Bulletin* pada hari berikutnya iaitu 17 Disember, 2013. Laporan ini menyatakan terdapatnya pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan "*trafficking in person"* atau pemerdagangan manusia yang masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara dan menggunakan empat laluan keluar melalui darat iaitu Kuala Belait, Kuala Lurah, Labu dan Ujung Jalan bagi memasuki Sarawak dan seterusnya ke negara-negara lain.

Isu ataupun tuduhan seperti ini sentiasa dipantau bukan sahaja oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei tetapi juga di peringkat kebangsaan oleh Jawatankuasa *Ad-hoc Trafficking in Person* yang melibatkan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Perlu ditekankan di sini bahawa negara kita mengamalkan toleransi sifar *(zero tolerance)* kepada mana-mana pihak yang ingin menggunakan negara ini sebagai tempat transit bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti jenayah ke tempat lain.

Alhamdulillah, tidak terdapat sebarang bukti yang konkrit yang menunjukkan Negara Brunei Darussalam adalah laluan bagi jenayah pemerdagangan manusia untuk pergi ke negara ketiga bagi melakukan jenayah. Dari segi pencegahan di peringkat kebangsaan, agensi-agensi keselamatan kita sentiasa proaktif dan berusaha mentiadakan jalur bagi penjenayah-penjenayah yang ingin menggunakan Negara Brunei Darussalam sebagai pintu masuk kegiatan jenayah mereka sama ada di negara mereka sendiri mahupun di negara-negara lain.

Pada lazimnya, mangsa pemerdagangan manusia hanya akan dapat dikenal pasti setelah mereka diperdaya atau dieksploitasi di negara destinasi. Oleh itu, memanglah sukar untuk Negara Brunei Darussalam untuk mengesan penjenayah pemerdagangan manusia mahupun mangsa-mangsa sekiranya mereka melalui negara ini, tetapi ini bukanlah satu penghalang bagi kita.

Sejak Perintah Pemerdagangan dan Penyeludupan Manusia 2004 dikuatkuasakan, pihak berkuasa telah berjaya mensabitkan satu kes *trafficking in person* pada tahun 2011, dan 3 lagi kes melibatkan *people smuggling* dengan kesemua tertuduh telah pun didapati bersalah dan dijatuhi hukuman penjara. Pada tahun 2013 pula, jumlah 183 kes telah disiasat yang disyaki mempunyai unsur-unsur pemerdagangan manusia tetapi setelah penyiasatan, tiada terdapat bukti yang kukuh bagi menunjukkan yang mangsa telah pun diperdaya atau dieksploitasi dan oleh sebab itu, kes tersebut tidak dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Apa yang penting adalah kita mengambil langkah-langkah yang proaktif secara kolektif melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk menangani isu ini dan dalam masa yang sama meneruskan lagi kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa luar negara seperti *Interpol* dan rakan-rakan kita dalam *ASEANPOL*. Ini termasuklah membuat penahanan penjenayah-penjenayah yang dikehendaki oleh negara-negara ahli *Interpol* dan *ASEANPOL*. Malahan, di peringkat ASEAN, Negara Brunei Darussalam adalah Ahli dalam *Expert Working Group* yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal *ASEAN Convention On Trafficking In Person* dan juga dalam penyediaan *Regional Plan of Action* untuk menangani masalah memperdagangkan manusia.

Menyentuh mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa tanpa adanya penafian maka terdapatlah andaian yang laporan berkenaan adalah benar. Dalam hal ini sama ada satu penafian dibuat ataupun tidak ianya adalah terserah kepada pertimbangan pihak-pihak yang berkenaan menurut kesesuaiannya tetapi adalah kurang tepat membuat andaian bahawa tanpa adanya penafian maka sesuatu laporan itu semestinya benar.

Adakalanya tuduhan-tuduhan ini akan berterusan walaupun sudah dinafikan berulang-ulang kali. Akhirnya, kesepaduan antara rakyat, Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensi keselamatan perlulah diutamakan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam tidak akan menjadi *transit point* bagi penjenayah-penjenayah termasuklah yang terlibat dalam *trafficking in person*. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mahu bercakap, silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menambah penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy),* di Jabatan Perdana Menteri mengenai soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Jika soalan itu dimaksudkan mengenai satu berita dalam akhbar tempatan dengan tajuk *Human Traffickers Use Brunei Borders*. Jika itu yang dimaksudkan, sebenarnya tidaklah tepat Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Itu cuma *headline.* Beritanya yang sebenar ialah Pengarah Imigresen Malaysia semasa bercakap kepada media di Johor Baharu beliau telah menyebutkan tentang kerjasama antara Brunei dan Malaysia. Kerjasama di peringkat imigresen antara Brunei dan Malaysia dalam menangani kes penyeludupan manusia, iaitu *Human Trafficking.* Tajuk berita itu mengelirukan dan pihak Brunei telah pun menjelaskan kepada media mengenai status kes penyeludupan manusia yang kita tangani sejauh ini sebagaimana butir-butirnya yang dibentangkan oleh rakan sejawatan kaola sebentar tadi.

Tetapi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, jika soalan itu dimaksudkan bahawa Brunei menjadi pintu masuk bagi orang-orang asing untuk memasuki negara lain melakukan kegiatan jenayah, maka kaola ingin menyatakan di sini bahawa ada satu kejadian pada 15 Julai tahun lepas pihak Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah menahan 3 orang warganegara Bangladesh yang memiliki visa palsu Brunei yang dicap oleh sindiket di Bangladesh. Tujuan masuk ke negara ini ialah untuk pergi ke Malaysia. Kalau soalan itu tadi menggunakan Brunei pintu masuk ke Malaysia dengan maksud bekerja tetapi menggunakan helah-helah yang tidak sah. Pada mulanya, warga Bangladesh masuk ke Brunei ini untuk mendapatkan visa bekerja di Suruhanjaya Tinggi Malaysia secara sah tetapi kemudiannya modus

operandi mereka berubah dengan menggunakan visa atau permit palsu.

Dengan penahanan 3 orang itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pihak imigresen kita telah dapat mengesan salah seorang ejen rakyat Malaysia yang masuk ke Negara Brunei Darussalam. Ejen tersebut telah ditangkap di airport pada 25 Julai tahun lepas. Setelah hampir 2 minggu kejadian pertama, didapati dia membawa bersama visa palsu Malaysia. Ejen tersebut telah diserahkan kepada pihak Imigresen Malaysia kerana kegiatan memasukkan warga Bangladesh ke Malaysia menggunakan visa palsu di Negara Brunei Darussalam.

Susulan daripada kejadian itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah bertindak menahan beberapa orang warga Bangladesh yang cuba memasuki Brunei melalui airport dan mereka juga diserahkan kepada pihak Imigresen Malaysia. Jika berdasarkan kejadian dan dalam konteks kegiatan memasukkan rakyat asing ke Malaysia menggunakan visa atau pas kerja palsu Malaysia melalui lapangan terbang kita, maka memang betul Brunei cuba dijadikan pintu masuk oleh rakyat asing yang ingin bekerja di Malaysia secara tidak sah dengan menggunakan pas kerja atau visa palsu Malaysia. Tetapi kegiatan itu dapat diatasi dengan cekap oleh pihak Imigresen kita dengan adanya persafahaman yang baik serta kerjasama yang erat antara pihak kita dengan pihak Imigresen Malaysia. Syabas kita ucapkan, terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No. 9 oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy),* di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola mengenai Pasukan Polis Diraja Brunei. Di mukim-mukim dan kampung-kampung juga tidak ketinggalan menjadi sasaran penjenayah seperti pecah rumah, mencuri dan merosakkan harta benda awam. Pasukan Polis Diraja Brunei setentunya sukar untuk membuat pemantauan dalam kampung atau mukim yang luas kalau hanya seorang atau dua keanggotaan dalam satu mukim. Oleh itu, peranan penduduk berkenaan terutamanya kalau ada pengawas kejiranan adalah sangat-sangat diperlukan untuk memberi kerjasama dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan kampung dan mukim masing-masing.

Saya ingin bertanya:

1. Apakah perkembangan pengawasan kejiranan yang satu masa dahulu pernah wujud dan sekarang hanya sebahagian kecil sahaja yang masih aktif dan itupun peranannya kurang jelas?

2. Apakah cadangan untuk menambah keanggotaan polis di setiap Pos Polis di mukim-mukim? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menyentuh hal ehwal kejiranan kampung. Seperingatan kaola, isu ini pernah ditimbulkan pada sesi mesyuarat pada tahun lepas yang menunjukkan keperihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai isu keselamatan terutamanya dalam melaksanakan aktiviti bagi memastikan kesejahteraan orang ramai dan harta benda. Seperti mana kita ketahui program pengawasan kejiranan kampung membolehkan anggota masyarakat berganding bahu dengan pihak polis dalam sama-sama menangani isu jenayah setempat.

Ke arah itu, Pasukan Polis Diraja Brunei telah mengaktifkan semula program berkenaan. Ini termasuklah dengan memberikan taklimat kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung tentang kepentingan, kebaikan dan manfaat menghidupkan semula program tersebut. Taklimat berkenaan juga menyentuh tentang peranan dan tanggungjawab mereka selaku penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dan selaku penduduk yang bermastautin di mukim dan kampung mereka.

Seramai lebih kurang 121 orang penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dari Daerah-Daerah Brunei Muara, Temburong dan Belait telah menghadiri taklimat yang telah disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis. Sesi taklimat ini juga akan dilaratkan tidak lama lagi ke Daerah Tutong yang mana Ahli Yang Berhormat tadi dari Daerah Tutong. Selain mengadakan sesi taklimat secara dalaman, Pegawai Pemerintah Daerah Polis telah pun diarahkan oleh Ibu Pejabat Polis agar merancang program-program pencegahan jenayah bersama orang-orang kampung mengikut keperluan kawasan masing-masing. Tindakan yang akan dibuat berdasarkan kepada permasalahan yang telah disuarakan oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung semasa sesi taklimat berkenaan.

Saya berpendapat arahan ini adalah satu langkah yang baik dan boleh meningkatkan lagi tahap kepercayaan orang ramai kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, penjagaan keselamatan memerlukan kerjasama dua hala, iaitu pihak Polis boleh memberikan maklumat mengenai trend kejadian jenayah setempat kepada para penghulu dan ketua kampung dan pada masa yang sama pihak yang berkenaan juga boleh membantu pihak Polis dengan memberikan apa jua maklumat bagi membantu membanteras aktiviti-aktiviti yang tidak diingini.

Dalam hal ini, saya sukacita menyarankan agar landasan penghubung atau *platform* antara penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung ini akan dapat disediakan secara terus kepada pucuk pimpinan Pasukan Polis Diraja Brunei, agar ianya akan menjadi lebih berkesan lagi. Saya juga telah memperolehi komitmen daripada Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis bahawa beliau boleh dihubungi pada bila-bila masa jika diperlukan oleh mana-mana pihak, penghulu atau ketua kampung.

Saya ingin juga mengimbas kembali mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Yang Ke-3 bahawa adalah tanggungjawab kita bersama bagi menjaga keselamatan agar para jenayah tidak diberikan peluang untuk bertindak sewenang-wenangnya.

Insya-Allah, kerjasama di antara para penghulu dan ketua kampung serta anak buah kampung akan membantu kita mencapai hasrat yang telah dititahkan oleh Baginda tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai rumusan jua, memandangkan isu-isu yang berkaitan dengan pengawasan kejiranan kampung sering pada setiap tahun ditimbulkan semasa Majlis Mesyuarat Negara ini, saya merasakan pihak Polis Diraja Brunei hendaklah melihat pandangan serta teguran mengenai ini dengan secara positif dan mengambil tindakan dengan sebaik-baiknya. Ianya jelas menunjukkan adanya kemahuan di peringkat akar umbi yang ingin membantu pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menjaga keamanan dan keharmonian di kampung masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan saya seterusnya menyentuh soalan No.2, iaitu mengenai cadangan untuk menambah keanggotaan polis di pos-pos polis. Pada masa ini kita telah pun mempunyai 43 pos polis di seluruh negara termasuk 34 pos polis yang khusus dibina untuk menjaga keselamatan di kampung-kampung dan mukim-mukim pedalaman, kawasan sempadan, sekitar perumahan awam dan pusat-pusat komersial. Matlamat utama penempatan pos polis adalah bagi membantu orang ramai yang tinggal berjauhan dari balai polis iaitu memastikan kawasan yang tidak ramai penduduknya juga boleh menerima perkhidmatan tertentu.

Pos-pos polis ini berperanan penting dalam menampilkan keberadaan polis di kawasan berkenaan dan ini dapat membantu meningkatkan tahap keyakinan atau *confident* penduduk setempat akan keadaan keselamatan diri dan harta benda mereka. Ianya juga dapat menjadi penghalang atau *deterrent* kepada pihak yang ingin melakukan aktiviti jenayah. Dengan adanya jalan penghubung yang lebih baik yang dapat mempercepatkan

perjalanan antara dua tempat berasingan, penyediaan *mobile patrol* juga dilihat sebagai satu alternatif kepada pembinaan atau penempatan lebih ramai anggota polis di pos polis.

Keperluan membina pos polis yang baru ataupun menambah bilangan anggota polis di pos-pos polis berkenaan insya-Allah akan terus diletakkan di bawah perhatian dan pertimbangan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei secara berterusan. Perkara ini juga akan terus dinilai menurut keperluan semasa dengan mempertimbangkan situasi perkembangan sosioekonomi dan trend jenayah setempat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli Yang Berhormat. Persoalan tentang keanggotaan Pasukan Polis Diraja Brunei telah pun dibangkitkan terlebih dahulu yang memfokuskan isu pembaziran keanggotaan dalam Pasukan Polis Diraja Brunei. Dari berbagai permintaan oleh orang ramai, misalnya, bagi penambahan bilangan pos polis dan juga bilangan anggota polis yang ditempatkan di pos-pos polis yang sudah ada sekarang, maka jelaslah isu pembaziran yang dikhuatiri oleh Ahli Yang Berhormat insya-Allah tidak akan berlaku dan ianya akan dipantau secara berterusan.

Semasa isu jumlah keanggotaan Pasukan Polis Diraja Brunei dibincangkan oleh Dewan Majlis yang berbahagia ini, kekosongan sebanyak 300 jawatan telah disebutkan. Kemungkinan jika jawatan-jawatan ini dapat diisikan maka sebahagian daripada anggota polis akan dapat ditempatkan sebagai tambahan kepada anggota yang sudah ada di pos-pos polis berkenaan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian saja yang dapat saya sampaikan mengenainya.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan No. 10 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Kaola mempunyai satu persoalan iaitu kita telah mengalami banjir besar dan tanah susur di beberapa kawasan dalam negeri. Tidak mustahil ianya akan berlaku lagi di masa hadapan. Pihak Kerajaan dapat menangani keadaan dengan begitu cepat dan berhemah, demikian juga orang ramai menghulurkan pelbagai bantuan dalam meringankan bebanan yang dialami para mangsa. Selain penubuhan *National Disaster Management Centre (NDMC), District Disaster Management Centre (DDMC)* dan *Incident Commander Post (ICP)* yang hanya berfungsi sebagai badan menangani keadaan *disaster*. Adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan jangka panjang untuk menubuhkan satu Lembaga yang bertanggungjawab atau berkuasa dalam memikirkan dan bertindak bagi mengurangkan risiko kesengsaraan rakyat disebabkan banjir dan tanah susur yang datang tanpa diduga itu. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas pertanyaan dan keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.

Sebagaimana jua Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah pun menubuhkan Pusat Penubuhan Bencana Kebangsaan (*National Disaster Management Centre)* iaitu selaras juga dengan terbitnya Perintah Pengurusan Bencana yang berkuat kuasa pada 1hb. Ogos, 2006. *NDMC* berperanan selaku *lead* agensi dalam semua aspek yang berkaitan dengan pengurusan bencana seperti langkah-langkah pencegahan, persediaan-persediaan menghadapi sebarang kemungkinan, pembaikan-pembaikan yang perlu dibuat selepas kejadian bencana berdasarkan kepada polisi, strategi dan praktis yang lazimnya dilakukan.

Dalam pada itu, melalui Majlis Bencana Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dengan keahliannya yang terdiri daripada kesemua agensi dan pihak yang berkepentingan, ianya membolehkan perundingan dan perancangan dibuat mengenai tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang perlu diambil sama ada dalam jangka masa pendek sederhana ataupun panjang.

Sebagai contoh, semasa kejadian banjir baru-baru ini, agensi-agensi yang berkenaan dengan koordinasi Pusat Pengurusan Bencana di peringkat daerah dan juga kebangsaan telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu membantu serta meringankan beban mangsa-mangsa banjir. Malahan perancangan dan langkah-langkah tertentu sememangnya telah diambil bagi menangani dan mengawal masalah banjir dari masa ke masa melalui projek-projek pencegahan banjir yang merupakan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Misalnya bagi kejadian banjir baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan secara spontan peruntukan tambahan keseluruhannya sebanyak $103 juta, sejumlah $68 juta adalah khusus bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pencegahan banjir yang telah dirancang di bawah RKN Ke-10. Antara projek-projek tersebut ialah pembinaan 11 buah tadahan banjir ataupun *platform* bagi mengurangkan kejadian banjir

di kawasan-kawasan yang sering terjejas. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan sebanyak $35 juta khusus bagi kerja-kerja pembaikpulihan dan pemeliharaan bagi kemudahan awam dan juga aset Kerajaan yang terjejas oleh banjir dan tanah susur.

Oleh itu, pada peringkat ini tiada nampak keperluan bagi menambah Lembaga berasingan bagi menangani isu bencana alam di Negara ini. Apa yang penting diperlukan ialah koordinasi sama ada bagi perancangan atau tindakan di antara agensi-agensi yang berkenaan untuk terus diperkukuhkan dan dipertingkatkan lagi bagi memasitkan kesiapsiagaan dan juga keberkesanan dalam mengurus dan menangani isu berkenaan bencana alam di negara ini.

Sekian, yang dapat kaola sampaikan selaku penerangan kaola. Mungkin rakan sejawat koala iaitu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Timbalan Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan ingin menambah penerangan kaola ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada rakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri. Secara ringkas saja kaola menyatakan sebagaimana yang sudah dijelaskan oleh rakan kaola tadi.

Soalan Yang Berhormat wakil dari Daerah Belait, Zon 1, ialah merujuk kepada satu Lembaga yang bertanggungjawab dan berkuasa. Jadi, kalau dirujuk kepada penubuhan Majlis Bencana Kebangsaan menurut kuat kuasa undang-undang pihak pengurusan Majlis Bencana Kebangsaan 2006 itu, maka jelas sekali Majlis Bencana Kebangsaan itulah Lembaga yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Jadi, bagi kaola memadailah setakat itu sahaja. Kita tidak memerlukan lagi badan-badan atau Lembaga atau majlis-majlis yang lain.

Apa yang mustahak dalam kejadian banjir dan tanah susur ialah kita telah pun bergerak. Ertinya Kerajaan telah pun menjalankan tugas-tugasnya berserta dengan sokongan daripada orang ramai termasuk juga pimpinan-pimpinan akar umbi dan kaola ingin menyatakan di sini rasa penghargaan kepada semua agensi yang terlibat dalam operasi menangani banjir di pedalaman Daerah Tutong dan juga sebahagian daripada pedalaman Daerah Belait serta beberapa kejadian tanah susur. Penghargaan kaola juga kepada semua tenaga sukarela terutama sekali daripada kalangan belia setempat kerana mereka itu lebih mengetahui hal ehwal setempat dan memudahkan pergerakkan menyampaikan bantuan-bantuan kepada mangsa-mangsa banjir misalnya.

Kaola ingin seterusnya merujuk kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, dari Dareah Tutong, Zon II, semasa perbahasan sembah menjunjung kasih dua hari yang lalu, iaitu kaola sangat menghargai maklum balas yang disampaikan oleh Yang Berhormat itu terutama sekali apabila beliau Yang Berhormat itu merujuk kepada satu perjumpaan yang diadakan baru-baru ini di Mukim Rambai yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah Tutong, iaitu perjumpaan antara Pegawai Daerah dan penduduk-penduduk.

Kaola menyatakan dan kaola percaya apa yang berbangkit dalam perjumpaan itu tidaklah sampai untuk menuding ataupun menjadikan Kerajaan satu-satunya pihak yang patut dipersalahkan apabila kejadian banjir berlaku. Dipersalahkan itu maknanya dituntut untuk bertanggungjawab memberikan ganti rugi dan sebagainya. Apa yang kaola dapat fahami orang ramai terutama sekali mangsa-mangsa yang terlibat dalam perjumpaan itu atau di luar dari perjumpaan itu tidaklah sampai berfikir sampai sedemikian itu tetapi mereka sebenarnya menyatakan harapan untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang seperlunya.

Maka dengan itu, kaola fikir adalah mustahak benar bahawa kejadian banjir atau kejadian tanah susur difahami dalam perspektifnya yang sebenarnya. Kejadian banjir berlaku oleh kerana kejadian alam dan kebetulan di kawasan-kawasan yang rendah. Kejadian tanah susur berlaku kerana rumah-rumah yang berkenaan dibina dengan pengambilan risiko umpamanya di lereng-lereng bukit atau di tempat-tempat yang tidak stabil. Jadi, keadaan ini harus kita fahami sebagai suatu kenyataan yang berkehendakkan kita memperbaiki diri kita sendiri. Di peringkat Kerajaan tentu sekali untuk memperbaiki segala upaya yang sudah ada untuk ditingkatkan dan di peringkat orang ramai juga untuk memperbaiki bagaimana mereka untuk dapat menyelamatkan diri atau menyelamatkan harta benda mereka apabila terjadi sebarang kejadian bencana alam, tanah susur ataupun banjir.

Kembali semula kepada soalan tadi, memanglah Kerajaan Brunei pada masa ini tidak memerlukan lagi adanya semacam Lembaga untuk bertanggungjawab dan berkuasa bagi membantu atau menangani bencana kerana semuanya itu sudah pun ada malah disebutkan secara *detail* secara berbutir dalam undang-undang yang berkenaan, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengikut susunan kerja yang ada di hadapan saya, kita selepas ini akan membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan yang akan memerlukan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) membuat kenyataan yang panjang lebar dan terperinci. Untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri

Kewangan II (Kedua) itu membuat kenyataannya tanpa gangguan (*interruption)* maka ada baiknya Persidangan ini ditangguhkan sementara selama 15 minit dan lepas itu kita terus membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang persidangan ini beralih kepada perkara Susunan Kerja seterusnya. Saya persilakan Yang Dimuliakan Jurutulis I untuk menyatakan perkara itu.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Perkara VII, Rang Undang-Undang Perbekalan 2014/2015 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya kaola memohon izin mengemukakan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan, satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk bacaan kali pertama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, bolehlah dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin bagi memaklumkan kepada Majlis ini bahawa kaola akan

mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** pada Mesyuarat hari ini jua.

Oleh kerana kaola bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut ini pada hari ini jua, maka kaola memohon kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan kaola ini adalah semata-mata untuk membolehkan Majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih licin lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah saya mendengar alasan-alasan dan keterangan serta sebab-sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri itu maka saya benarkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, supaya dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut syarat Fasal 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"**, dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil'alamin, Wassalatu Wassalamu, ala Asyrafil Ambiya Ewal Mursaliin, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى
وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِى يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

1. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah **"Untuk membenarkan pengeluaran, sejumlah Enam Ribu, Enam Ratus Lima Puluh Juta Ringgit Brunei (B$6,650,000,000.00) dari**

Kumpulanwang Yang Disatukan, bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015, dan untuk memperuntukkannya, bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual". Dalam berbuat demikian, kaola memohon izin bagi menghuraikan secara ringkas mengenai perkembangan semasa dan unjuran ekonomi Negara dan juga global, cabaran-cabaran masa depan dan impaknya terhadap hasil pendapatan Kerajaan dan sosioekonomi Negara, yang merupakan asas kepada penyediaan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2014/2015.

2. Insya-Allah, kaola juga akan mengongsikan antara lainnya, keutamaan-keutamaan perbelanjaan, projek-projek dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan dan seterusnya peruntukan-peruntukan belanjawan yang akan disediakan pada mendukung Tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

3. Alhamdulillah, kita amat bersyukur kerana dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pemurah, keadaan sosioekonomi Negara terus kukuh dan stabil, walaupun berdepan dengan suasana ekonomi global yang tidak menentu. Rakyat dan penduduk Negara ini terus menikmati taraf hidup yang tinggi, dengan keperluan dan perkhidmatan asas yang *affordable* mahupun yang percuma kerana dibiayai oleh Kerajaan, serta kemudahan-kemudahan awam yang sebanding dengannya yang terdapat di negara-negara maju. Dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan masih terus mampu untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaannya. Ini termasuklah dalam menampung keperluan subsidi-subsidi yang diperlukan bagi penyediaaan keperluan dan perkhidmatan asas tersebut, dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini terus terpelihara.

4. Dari aspek perekonomian Negara, bagi tahun 2013, Sektor Bukan Minyak dan Gas dijangka terus mencatatkan perkembangan menggalakkan dengan pertumbuhan dianggarkan pada kadar 3.6%, walaupun lebih rendah berbanding pertumbuhan 4.0% yang dicatatkan bagi tahun 2012. Pertumbuhan bagi tahun 2013 ini adalah didorong oleh pertumbuhan sektor swasta pada kadar 3.8% dan sektor Kerajaan sebanyak 3.2%. Perkembangan tersebut sedikit sebanyak akan dapat mengimbangi kemerosotan dalam Sektor Minyak dan Gas yang dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif 7.7%, disebabkan oleh menurunnya aktiviti penggalian minyak dan gas. Walau bagaimanapun, penurunan ini telah dapat diimbangi oleh

pertumbuhan aktiviti pengeluaran gas cecair asli yang dianggarkan berkembang pada kadar 2.7%. Mengambil kira sumbangan daripada kedua-dua sektor tersebut, ekonomi Negara secara keseluruhannya dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif 1.4% berbanding pertumbuhan pada kadar 0.9% pada tahun sebelumnya. Di samping itu, inflasi harga pengguna terus terkawal pada kadar hanya 0.4% bagi tahun 2013.

5. Jangkaan pertumbuhan Sektor Bukan Minyak dan Gas bagi tahun 2013 di atas, diterajui oleh Sektor Jualan Borong dan Runcit yang dijangka berkembang 5%, Sektor Perkhidmatan Perniagaan dianggarkan tumbuh 3.9%, Sektor Binaan sebanyak 3.2%, Sektor Perhubungan 6.0%, Sektor Perhotelan dan Restoran 13.8%; dan Sektor Perkhidmatan Kerajaan dijangka berkembang 3.2%. Sektor Perkhidmatan Perniagaan dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Sektor Bukan Minyak dan Gas bagi tahun 2013 dengan sumbangan sebanyak kira-kira $736.3 juta, diikuti dengan Sektor Jualan Borong dan Runcit sebanyak $715.7 juta. Penyumbang utama lain adalah Sektor Binaan; dan Sektor Kewangan yang masing-masing menyumbang sebanyak kira-kira $542.0 juta dan $517.8 juta. Dari segi perbelanjaan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), perkembangan ekonomi Negara dalam tempoh yang sama, telah didorong oleh Pelaburan *(Capital Formation)* sebanyak 4.5% dan Penggunaan Persendirian *(Private Consumption)* sebanyak 2.8%.

6. Bagi tahun 2014, prospek ekonomi global diunjurkan bertambah baik. *IMF* mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia akan berkembang pada kadar 3.7% berbanding 3.0% yang diunjurkan bagi tahun 2013. Dalam tempoh yang sama, pertumbuhan perdagangan dunia turut dijangka lebih kukuh pada kadar 4.5% daripada 2.7% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, *IMF* masih terus memperingatkan *'downside risk'* kepada pertumbuhan ekonomi global, disebabkan oleh faktor-faktor seperti jurang *output (output gap)* di ekonomi negara maju yang masih lebar; krisis hutang Zon Euro dan Amerika Syarikat; kerapuhan pertumbuhan di sesetengah negara-negara *emerging economies* termasuk kesan langkah *'tapering'* yang diambil oleh *Federal Reserve* Amerika Syarikat; serta pergolakan geopolitik di Timur Tengah. Demikian juga, *International Energy Agency (IEA)* menjangkakan permintaan minyak meningkat kepada 92.23 juta tong sehari pada tahun 2014 daripada 91.57 juta tong sehari pada tahun 2013. Dalam waktu yang sama, pembekalan minyak juga diunjurkan akan meningkat kepada 92.5 juta tong sehari daripada 91.2 juta tong sehari dalam tempoh yang sama.

7. Prospek ekonomi Negara Brunei Darussalam dalam tahun 2014 ini akan terus bergantung kepada beberapa faktor utama. Ini antara lainnya termasuklah keadaan ekonomi global; tahap permintaan minyak dunia; kadar pengeluaran minyak dan gas Negara; serta perbelanjaan-perbelanjaan dan pelaburan-pelaburan Sektor Kerajaan dan Swasta. Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi mengunjurkan ekonomi Negara akan berkembang pada kadar 5.1% bagi tahun 2014. Prestasi Sektor Minyak dan Gas dijangka kembali kukuh dengan kadar pertumbuhan sebanyak 7.1%. Demikian juga dengan Sektor Bukan Minyak dan Gas yang diramalkan akan berkembang sebanyak 3.7%.

8. Berikutan dengan menurunnya purata harga minyak disebabkan oleh krisis ekonomi global dan tahap pengeluaran minyak Negara yang lebih rendah pada Tahun Kewangan 2012/2013, kedudukan imbangan fiskal Kerajaan telah terjejas yang ianya telah mengalami penurunan kepada 20.4% daripada KDNK, berbanding 26.9% daripada KDNK pada Tahun Kewangan sebelumnya. Situasi yang sama berkaitan hasil pendapatan Kerajaan daripada Sektor Minyak dan Gas dan perbelanjaan Kerajaan yang terus meningkat, dijangka akan terus memberikan impak kepada kedudukan fiskal Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2013/2014.

9. Dengan prospek ekonomi global dan juga domestik seperti yang dibentangkan tadi, serta senario hasil pendapatan Kerajaan daripada Sektor Minyak dan Gas yang berasaskan harga minyak yang dijangka akan terus kukuh dan dapat mengimbangi penurunan tahap pengeluaran minyak Negara, Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 adalah diunjurkan berjumlah **B$6,591,184,000.00** (Enam Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Satu Juta, Satu Ratus Lapan Puluh Empat Ribu Ringgit Brunei). Unjuran ini mengambil kira hasil daripada Sektor Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak $5,689.65 juta (kira-kira 86.3%); dan Sektor Bukan Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak $901.53 juta (hanya 13.7%).

10. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata‘ala, kerana Negara ini terus dikurniakan nikmat keamanan, keharmonian, keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang sangat baik. Dengan izin Allah, kesemua ini dapat kita kecapi dengan adanya usaha berterusan Kerajaan dalam mengurus sumber kewangan Negara secara berhemat dan terancang, agar segala kemudahan bukan sekadar kita sahaja yang dapat menikmatinya pada masa ini, malahan juga dinikmati oleh generasi kita pada masa akan datang. Ke arah itu, Kerajaan perlu terus mengamalkan dasar disiplin kewangan yang tinggi, serta berusaha mengelakkan pembaziran.

Perancangan perbelanjaan perlu sentiasa mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan, serta menekankan bahawa hasil atau *outcome* dalam mencapai hasrat dan matlamat Kerajaan dengan perbelanjaan berkenaan adalah berbaloi. Ke arah itulah, tumpuan perbelanjaan akan dijuruskan pada merangsang aktiviti-aktiviti perekonomian bagi mendokong kadar pertumbuhan ekonomi negara yang mapan, bagi menjana lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Melalui tumpuan tersebut, Kerajaan berhasrat untuk mempercepatkan usaha mempelbagaikan sumber ekonomi Negara, di samping memastikan kesejahteraan dan kebajikan penduduk dan rakyat Negara ini sentiasa terjamin.

11. Bagi mendukung usaha-usaha tersebut, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar *Pro-Business* dan *Pro-Investment.* Alhamdulillah, setakat ini, usaha ini telah mula membuahkan hasil yang positif, dan berdasarkan Laporan Bank Dunia, kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *ranking Ease of Doing Business* bagi Tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan dari tangga ke 79 kepada 59. Iaitu, peningkatan sebanyak 20 anak tangga. Selaras jua dengan dasar-dasar tersebut, Kerajaan juga akan memastikan peluang-peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan untuk diisikan oleh anak-anak tempatan. Sehubungan dengan itu, dasar-dasar akan digubal bagi mendukung keperluan tersebut melalui pendekatan secara holistik, termasuklah dengan memperlengkapkan sumber tenaga kerja dengan kemahiran-kemahiran tertentu, selaras dengan jangkaan keperluan pasaran tenaga kerja di Negara ini. Dengan mengambil kira Keutamaan Perbelanjaan yang dinyatakan tadi, cadangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini dirancang dengan Tema “Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan”. Sasaran Tema ini adalah jelas. Ianya memberikan penekanan perbelanjaan kepada meningkatkan usaha-usaha ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi Negara yang lebih rancak dan berdaya tahan. Ianya juga dihasratkan untuk menjana peluang-peluang pekerjaan tetap, khusus bagi rakyat dan penduduk Negara ini, dengan Sektor Swasta sebagai pemangkin bagi menggerak pertumbuhan dan pempelbagaian ekonomi Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. Berasaskan faktor-faktor yang telah dibentangkan sebentar tadi, Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015, termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya sebanyak **Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Juta Ringgit Brunei ($6,650,000,000.00).** Jumlah ini adalah bertambah sebanyak $550

juta berbanding peruntukan bagi Tahun Kewangan 2013/2014, atau bertambah kira-kira $1.20 billion berbanding Belanjawan yang telah diluluskan pada lima tahun yang lalu.

13. Bagi mendukung tema belanjawan yang disebutkan tadi, tumpuan dan keutamaan perbelanjaan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini dijuruskan kepada mendukung fokus-fokus berikut:

    i. **Memperkasa Pendidikan dan Latihan**. Fokus ini dihasratkan untuk memberikan keutamaan kepada pengukuhan Sistem Pendidikan dan pembelajaran serta latihan, bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta berakhlak mulia dan beriman, untuk menyumbang kepada pembangunan dan pertumbuhan sosioekonomi Negara yang berdaya tahan;

    ii. **Merangsang Kegiatan Pelaburan**, bagi memantapkan lagi Sektor Swasta sebagai penyumbang penting kepada aktiviti-aktiviti pembangunan dan perekonomian Negara;

    iii. **Meningkatkan Produktiviti Negara** dalam sektor-sektor ekonomi dan juga sektor Kerajaan sebagai asas kepada penjanaan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan berdaya tahan; dan

    iv. **Kesejahteraan Rakyat dan Penduduk**. Fokus ini mempamerkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam memastikan setiap aspek kebajikan rakyat dan penduduk Negara ini sentiasa diberikan perhatian yang sewajarnya, memandangkan mereka ini berperanan selaku aset dan penyumbang utama kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

14. Izinkan kaola menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan. Pertama, Memperkasa Pendidikan dan Latihan.

15. Sumber tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran, adalah merupakan aset penting, sebagai asas utama untuk membolehkan Negara berkembang dan berdaya tahan, dalam menghadapi cabaran-cabaran dan saingan-saingan globalisasi masa kini. Ke arah itu, perancangan perbelanjaan Kerajaan akan terus ditumpukan kepada menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan kepada anak-anak

tempatan. Melalui peluang-peluang tersebut, ianya akan membolehkan belia di Negara ini terutamanya, untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta membina kemahiran dan keupayaan mereka bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja tempatan. Usaha-usaha juga akan terus diambil dalam menggalakkan penyediaan latihan-latihan melalui peningkatan kemudahan-kemudahan, termasuk prasarana dan peralatan-peralatan di institusi-institusi pendidikan dan latihan di Negara ini. Penekanan Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini juga termasuk bagi meningkatkan *access* dan penyerapan lepasan-lepasan sekolah kepada pendidikan teknikal dan vokasional yang bersesuaian. Objektif utama usaha ini adalah bagi memastikan belia yang akan menyertai pasaran pekerjaan, akan mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan bagi memastikan mereka benar-benar berupaya meningkatkan sumbangan kepada aktiviti perekonomian Negara.

16. Dalam usaha Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, terutama bagi lepasan-lepasan sekolah, beberapa inisiatif telah dan akan diambil oleh Kerajaan. Ini antaranya termasuklah melalui Jawatankuasa Kerja Khas Menangani Isu-Isu Pengangguran dan juga agensi-agensi berkenaan, seperti Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri; dan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Langkah-langkah tersebut antara lainnya meliputi program-program seperti berikut :

i. Pelancaran Rangka Kerja Kompetensi Dalam Industri Tenaga *(Energy Industry Competency Framework- EICF)* pada bulan Julai 2013, yang menyediakan program-program kemahiran dalam bidang-bidang tertentu bagi memenuhi keperluan industri. Setakat ini, seramai 482 orang pelajar telah mengikuti kursus-kursus yang disediakan, dengan selepas tamat kursus tersebut, mereka akan berpeluang untuk diambil berkhidmat dalam syarikat-syarikat tertentu dalam Sektor Minyak dan Gas.

ii. Penganjuran Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas 2013 iaitu pesta kerjaya ketiga sejak ianya dianjurkan pada tahun 2011. Sejak inisiatif ini dilancarkan dan hasil sokongan pelbagai pihak Kerajaan dan industri, ianya telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Setakat ini seramai 1,302 dan 2,595 orang telah diambil bekerja dalam syarikat-syarikat minyak dan gas masing - masing pada tahun 2012 dan 2013. Bagi tahun 2014 ini, sebanyak 3,000 pekerjaan disasarkan untuk disediakan dalam Sektor ini.

Inisiatif ini adalah selaras dengan Kerangka Kerja Pembangunan Perniagaan Tempatan *(Local Business Development - LBD)* yang

bertujuan untuk meningkatkan pengambilan pekerja-pekerja tempatan di sektor perkhidmatan minyak dan gas. Ianya juga selaras dengan *directive* baru bahawa mulai tahun 2012, semua firma-firma di sektor minyak dan gas diwajibkan mempunyai 50% pekerja-pekerja yang terdiri dari anak tempatan sebagai prasyarat *tender.* Dalam melaksana Kerangka Kerja LBD ini, firma-firma juga dikehendaki akan lebih telus dalam menawarkan suasana pekerjaan yang kondusif, seperti tawaran tanggagaji yang berpatutan kepada pekerja tempatan. Kuota 50% ini akan dinaikkan kepada 70% dalam jangka waktu 5 tahun selaras dengan sasaran 80% pengambilan pekerja tempatan pada 2035;

iii. Memperkenalkan dua program baru iaitu Pusat Inkubator dan *Energy Business Academy* melalui usaha sama Brunei Shell *(Brunei Shell Joint Venture - BSJV)* dalam usaha membina keupayaan Perusahaan-Perusahaan Kecil dan Sederhana Negara dan meningkatkan *local content*. Ini termasuklah penyediaan lebih banyak pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Program-program ini dihasratkan akan dapat memperkasa lagi keupayaan pengusaha-pengusaha tempatan bagi membina perusahaan yang berjaya, dengan memanfaatkan kepakaran yang ada di syarikat-syarikat *BSJV;*

iv. Penubuhan Akademi Maritim Brunei *(Brunei Maritime Academy - BMA),* di bawah inisiatif Jabatan Tenaga dan Kementerian Pendidikan dengan bantuan Kementerian Perhubungan dan kerjasama Akademi Maritim Singapura. Di bawah *BMA* ini, dijangka seramai 280 penuntut di bawah pengambilan pertama akan memulakan kursus mereka pada bulan Julai 2014; dan

v. Melalui Jawatankuasa Kerja Khas Menangani Isu-Isu Pengangguran, beberapa langkah bersesuaian telah dikenal pasti untuk dilaksanakan. Ini antara lainnya termasuk:

- Mengadakan Sistem Pendaftaran Pengangguran dan Arahan Dasar bagi Mewajibkan Pendaftaran oleh Ketua Kampung;

- Penekanan kepada industri-industri yang telah dikenal pasti bagi pengambilan bekerja anak-anak tempatan. Industri-industri tersebut termasuk *(Wholesale & retail; transportation; hospitality; support services; and mining & quarry);*

- Mengeluarkan dasar supaya pekerja tempatan dan asing bagi jawatan teknikal dan *tradesman* mestilah diiktiraf oleh autoriti berkenaan;

- Mengadakan sasaran bagi pengambilan anak tempatan di industri-industri tertentu yang telah dikenal pasti; dan

- Menyediakan lebih banyak peluang kemasukan ke Sekolah-Sekolah Teknikal dan Vokasional, bagi penuntut-penuntut lepasan sekolah di peringkat menengah dan lain-lain.

17. Kerajaan juga berusaha untuk menambahkan lagi lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan melalui perkembangan Syarikat-Syarikat Milik Kerajaan *(GLCs).* Walau bagaimanapun, hasrat ini hanya akan dapat dicapai bagi *GLCs* yang operasinya telah dapat distabilkan dan menjana pendapatan yang mencukupi bagi kelangsungan secara jangkamasa panjang.

18. Selaras dengan matlamat tersebut, beberapa peruntukan akan disediakan dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2014/2015. Ini antaranya termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

    i. Untuk melaksanakan Projek 'Pembangunan Strategik Institusi-Institusi Pengajian Tinggi' yang telah diperuntukkan Harga Rancangan sebanyak $15 juta;

    ii. Projek 'Intervensi & Remediasi Dalam Mengatasi Tahap Literasi Pelajar'; dan 'Projek Literasi & Numerasi', masing-masing diperuntukkan sebanyak $150,000.00 dan $230,000.00;

    iii. Peruntukan bagi Perkhidmatan Pendidikan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan disediakan sebanyak $65.9 juta. Ini antara lain bagi membiayai pengambilan pakar dan tenaga-tenaga pengajar dari luar negeri bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajar-pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Negara. Sebagai tambahan, peruntukan sebanyak $220 juta juga telahpun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam Tahun Kewangan 2013/2014 ini, bagi pengambilan tenaga-tenaga pengajar pakar bagi tempoh tiga tahun di bawah Kementerian Pendidikan khusus bagi meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik terutamanya, bagi sekolah-sekolah rendah di Negara ini;

iv. Bagi keperluan kemudahan dan prasarana bagi sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi Kerajaan di seluruh Negara, peruntukan sebanyak $22.1 juta akan disediakan bagi Pemeliharaan Aset dan sejumlah $25 juta lagi akan disediakan bagi Pembelian Peralatan di bawah Kementerian Pendidikan, iaitu pertambahan sebanyak $2.5 juta;

v. Manakala, di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, sejumlah $4 juta akan terus diperuntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja Pemeliharaan dan Menaik taraf Sekolah-Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi di bawah pengurusannya dan sejumlah $4.82 juta disediakan bagi Pembelian Peralatan. Di samping itu, tambahan sebanyak 51 jawatan juga telah disediakan bagi mendukung keperluan di sekolah-sekolah ugama selaras dengan penguatkuasaan persekolahan agama wajib; dan

vi. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN), secara keseluruhannya peruntukan sejumlah $73.7 juta dengan Harga Projek $394.5 juta akan disediakan bagi Sektor Pendidikan. Ini termasuklah bagi penyediaan infrastruktur untuk Sekolah-Sekolah Agama & Persediaan Arab Sekolah-Sekolah Rendah, Sekolah-Sekolah Menengah & Pusat-Pusat Tingkatan Enam, Sekolah-Sekolah Vokasional & Maktab-Maktab Teknik, dan Institusi Pengajian Tinggi.

19. Pelaksanaan Program Dana Sumber Manusia di bawah RKN juga akan dipergiatkan dengan peruntukannya ditambah kepada $50 juta berbanding $28 juta bagi Tahun Kewangan 2013/2014. Sejak program ini dilancarkan pada tahun 2006, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah $426.4 juta untuk melaksanakan pelbagai skim di bawah Program Dana Sumber Manusia. Di antara program yang disediakan serta pencapaiannya setakat ini termasuklah:

i. Di bawah **Skim Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional**, seramai 119 orang telah dihantar bagi mengikuti pengajian di peringkat PhD, dan seramai 483 orang di peringkat Ijazah Sarjana;

ii. **Melalui Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Di Sektor Swasta,** seramai 391 kakitangan dari sektor swasta telah mengikuti pelbagai latihan dan kursus dengan perbelanjaan sebanyak kira-kira $4.6 juta;

iii. **Di bawah Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP),** seramai 1,222 orang anak - anak tempatan telah berpeluang mengikuti latihan kemahiran, serta pendedahan dan pengalaman kerja;

iv. **Di bawah Skim Biasiswa Khas,** seramai 777 pelajar, termasuk 88 orang di peringkat ijazah Sarjana; dan 7 orang di peringkat PhD, telah dihulurkan biasiswa bagi mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi luar negara, dengan perbelanjaan sebanyak $109.3 juta;

v. Melalui **Skim Pembangunan Tenaga Pengajar,** Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak $6 juta, bagi memberikan latihan kepada tenaga - tenaga bagi mendukung pelaksanaan dasar dan sistem Pendidikan Negara;

vi. Di bawah **Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional**, sebanyak $23.15 juta telah dibelanjakan bagi membiayai kira-kira seramai 5,735 penuntut-penuntut lepasan sekolah di peringkat "O" dan "A", untuk meneruskan pengajian mereka di institusi-institusi pendidikan swasta dalam negeri;

vii. Pelancaran ***Skim Internship Student Programme for ICT Related Education (InSPIRE)*** pada bulan Jun 2013. Skim ini dihasratkan untuk memberikan peserta peluang untuk mengaplikasi dan mempertingkatkan pengetahuan dan pendedahan mereka melalui penempatan kerja *(internship)* di syarikat *ICT* yang terpilih di Singapura selama 6 bulan. Sasaran Skim ini ialah penuntut-penuntut tahun akhir yang cemerlang di peringkat HND atau sebanding, yang mengikuti kursus yang berkaitan *ICT* ; dan

viii. Satu Skim yang baru diwujudkan ialah Skim Bantuan Latihan Tenaga Kerja di Sektor Swasta, yang bertujuan bagi membantu membiayai kos latihan pekerja-pekerja tempatan dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh syarikat, iaitu khusus bagi syarikat yang berunsurkan Pelaburan Langsung Asing (Skim *BLTS-FDI).* Skim ini dihasratkan bagi menarik lebih ramai pelabur asing untuk membuka syarikat mereka di Negara ini dan seterusnya dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada belia tempatan;

20. Alhamdulillah, kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dan menjunjung setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi Negara Brunei Darussalam melaksanakan Undang-Undang Syariah di Negara

ini secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, bagi mendokong kesempurnaan pelaksanaan Undang-Undang Syariah ini, peruntukan sejumlah $2.0 juta akan disediakan di bawah peruntukan Fokus Perbelanjaan, di Kementerian Kewangan. Peruntukan ini adalah bagi membiayai perbelanjaan latihan- latihan, kursus-kursus dan juga pemberigaan kepada orang ramai bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

21. Belanjawan Tahun Kewangan 2014/2015 ini juga, akan menekankan kepada meningkatkan *access* dan penyerapan lepasan-lepasan sekolah kepada pendidikan teknikal dan vokasional yang bersesuaian. Objektif utama usaha ini adalah bagi memastikan belia yang akan menyertai pasaran pekerjaan, akan mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan supaya mereka benar-benar berupaya meningkatkan sumbangan kepada aktiviti-aktiviti perekonomian Negara.

22. Untuk itu, peruntukan sejumlah $16.4 juta disediakan bagi Politeknik Brunei dan $19.9 juta bagi Institut Teknologi Brunei bagi menambahkan lagi peluang-peluang kepada belia-belia tempatan, termasuk lepasan sekolah, untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran teknikal dan vokasional dalam bidang-bidang tertentu.

23. Bagi sektor Perkhidmatan Awam, peruntukan-peruntukan disediakan bagi meningkatkan keupayaan agensi-agensi Kerajaan dengan menyediakan peluang-peluang latihan bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan. Melalui peruntukan ini, ianya diharap akan dapat meningkatkan lagi tahap produktiviti, efisiensi dan keberkesanan perkhidmatan Kerajaan. Antara peruntukan yang dimaksudkan termasuk:

    i. Sebanyak $25.6 juta secara keseluruhan, disediakan di bawah peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti di Kementerian-Kementerian. Ini tidak termasuk peruntukan khusus bagi Latihan Dalam Perkhidmatan yang juga disediakan sebanyak $20.5 juta di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

    ii. Peruntukan sebanyak $1.5 juta akan disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan bagi Kementerian Pendidikan membiayai keperluan latihan dan kursus kepada tenaga-tenaga pengajar bagi sekolah-sekolah teknikal dan vokasional.

24. Sebagai usaha berterusan dalam menggalak dan menanam budaya membaca, terutama di kalangan belia-belia dan penuntut-penuntut sekolah, beberapa peruntukan khusus juga disediakan bagi maksud ini. Ini termasuklah:

    i. Sebanyak $100,000.00 bagi meneruskan kegiatan-kegiatan berkaitan dengan Program Menggalakkan Budaya Membaca; dan

    ii. Sejumlah $400,000.00 telah disediakan di bawah Perbelanjaan Operasi Dewan Bahasa dan Pustaka khusus bagi membiayai pembelian buku-buku baru secara berterusan bagi perpustakaan-perpustakaan di seluruh Negara.

25. Peruntukan-peruntukan bersesuaian juga disediakan di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, antaranya bagi mendukung usaha pembangunan belia dengan memperbanyakkan program-program jatidiri dan latihan kemahiran seperti berikut:

    i. Peruntukan sejumlah $2 juta terus disediakan bagi pengendalian Program Khidmat Bakti Negara;

    ii. Sejumlah $800,000.00 lagi disediakan bagi mendukung program-program yang dijuruskan kepada melahirkan belia berdikari. Ini termasuklah bagi menggalakkan dan membantu belia-belia untuk menceburi bidang perniagaan kecil-kecilan seperti dalam bidang mekanik kereta dan lain-lain. Manakala sejumlah $200,000.00 diperuntukan bagi *ASEAN Young Professional Volunteer Corps* dalam menggalakkan budaya sukarelawan dan pemedulian di kalangan belia-belia di Negara ini; dan

    iii. Peruntukan sebanyak $2 juta juga disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan bagi membolehkan agensi-agensi Kerajaan seperti Pusat Pembangunan Belia dan Pusat Pembangunan Usahawan melaksanakan pembelian-pembelian peralatan bagi memudahkan serta meningkatkan lagi tahap latihan atau kursus yang dikendalikan.

26. Di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, beberapa inisiatif baru akan dilaksanakan bagi mendukung matlamat Wawasan Negara 2035. Ini antaranya termasuklah perkara-perkara berikut:

    i. Pengenalan program-program pengajian di peringkat Doktor Falsafah Perguruan Ugama di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Usaha ini adalah selaras dengan dasar untuk melahirkan tenaga pendidik berpendidikan, berkelayakan dan berkemahiran tinggi;

ii. Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) dalam Perjanjian Pendidikan Tranformasi (PiL-ETA) di antara Institut Teknologi Brunei dengan sebuah syarikat Multinational. MOU ini dihasratkan untuk menyediakan satu 'public-private program' bersama yang komprehensif bertujuan bagi kecemerlangan pembelajaran dan mencapai tiga matlamat utama, iaitu Transformasi Pembelajaran; Lebih Berinovasi dan Membangun Kemahiran bagi abad ke-21; dan "*Employability*" dalam jangka masa lima tahun;

iii. Penubuhan Rangka kerja Kelayakan bagi Brunei Darussalam *(Brunei Darussalam Qualifications Framework)* melalui Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) Negara Brunei Darussalam. Rangka kerja ini adalah satu instrumen yang menyediakan garis panduan bagi mengklasifikasikan kelayakan atau kelulusan berdasarkan satu penetapan kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan di *benchmark* dengan amalan terbaik antarabangsa; dan

iv. Pelancaran Pusat Media dan Perkhidmatan Latihan *(Media Inservice Centre)* yang menyediakan dua pusat kecemerlangan; iaitu sebuah untuk reka bentuk dan bahan-bahan pembelajaran, manakala sebuah lagi untuk latihan perkembangan profesion guru-guru. Pelancaran ini adalah selaras dengan usaha bagi melahirkan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi, dedikasi, ikhlas dan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif, kreatif, menyeronokkan dan berkesan.

27. Di samping itu, peruntukan Biasiswa dan Elaun Penuntut di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama keseluruhannya disediakan sebanyak $88.8 juta, iaitu termasuk bagi penghantaran penuntut-penuntut ke luar negeri. Bagi Kementerian Pendidikan, peruntukan ini adalah bertambah sebanyak $4 juta kepada kira-kira $43 juta berbanding peruntukan yang disediakan dalam Tahun Kewangan 2013/2014.

28. Dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan di atas, belia-belia Negara diharap akan memperolehi dan menggunakan peluang-peluang yang disediakan untuk meningkatkan keupayaan dan pencapaian masing-masing bagi melahirkan belia yang berpendidikan, berkemahiran, berwawasan, berdaya maju, serta berakhlak mulia dan beriman. Langkah-langkah ini secara langsung; insya-Allah, akan dapat membantu menangani isu pengangguran di kalangan para

belia serta mendukung matlamat sasaran yang direncanakan di dalam Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Keutamaan belanjawan yang kedua ialah **Merangsang Kegiatan Pelaburan.** Di bawah keutamaan ini, hasrat Kerajaan ialah untuk meningkatkan lagi usaha ke arah menggalakkan aktiviti pelaburan dan perniagaan di Negara ini, selaras dengan dasar mempelbagaikan sumber pendapatan dan perekonomian Negara, supaya ketergantungannya kepada sektor minyak dan gas akan dapat dikurangkan. Usaha-usaha akan terus dipergiatkan bagi menarik pelaburan asing dan domestik bagi memacu pertumbuhan ekonomi Negara yang akan memberi impak positif terhadap perkembangan Sektor Sosial, terutamanya dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi belia-belia tempatan. Di samping itu, tumpuan khusus akan juga terus diberikan kepada meningkatkan peranan dan keupayaan Perusahan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan penyedia peluang-peluang pekerjaan tetap dan berkualiti.

30. Alhamdulillah, usaha-usaha Kerajaan dalam menjana dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan berdaya saing, selaras dengan dasar *Pro-Business* dan *Pro-Investment,* telah membuahkan hasil yang positif. Sepertimana yang telah kaola nyatakan awal tadi, Laporan *The World Bank* mengenai *Ease of Doing Business* menempatkan Negara Brunei Darussalam ditangga ke-59. Empat daripada sepuluh kategori telah dapat diperbaiki kedudukannya iaitu *Getting Credit, Protecting Investors*, *Paying Taxes* dan *Trading Across Borders* ; satu kategori, iaitu *Getting Electricity*, tiada perubahan kedudukan; manakala lima kategori menurun berbanding kedudukan di dalam Laporan sebelumnya.

31. Sementara itu, melalui Laporan *Global Competitiveness Report* 2013-2014 keluaran *World Economic Forum*, kedudukan Negara juga telah bertambah baik iaitu meningkat dua anak tangga ke tangga ke-26 di kalangan 148 ekonomi, berbanding kedudukan ke-28 dalam laporan tahunan sebelumnya. Kedudukan yang telah bertambah baik ini menunjukkan hasil daripada usaha gigih Kerajaan untuk menyediakan persekitaran pelaburan dan perniagaan yang kondusif bagi menarik dan menggalakkan aktiviti pelaburan dan perniagaan di Negara ini.

32. Bagi mendukung langkah-langkah Kerajaan tersebut, beberapa peruntukan khusus akan dan terus disediakan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang antara lainnya termasuklah:

i. Peruntukan $3 juta bagi Pemeliharaan dan Peningkatan Taraf Infrastruktur Tapak-Tapak Industri;

ii. Penyediaan peruntukan Tapak Taman Perindustrian Marin berjumlah sebanyak $4 juta dengan Harga Rancangan kira-kira $7.5 juta;

iii. Peruntukan bagi Projek *Brunei SME Service Centre (BSSC)* disediakan sebanyak $698,000.00 di bawah Bahagian Pusat Pembangunan Keusahawanan;

iv. Peruntukan bagi projek-projek pengiktirafan di Bahagian Pusat Standard Kebangsaan keseluruhannya disediakan sebanyak $1.6 juta; dan

v. $1 juta bagi pembelian *Laboratory Equipment* dalam memastikan produk yang dihasilkan bagi kegunaan tempatan serta import dan eksport menepati piawaian antarabangsa.

33. Selain itu, sejumlah $1 juta juga disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan bagi mendukung usaha-usaha untuk menggalakkan pertumbuhan PKS termasuk bagi penyediaan infrastruktur dan peralatan-peralatan yang bersesuaian bagi industri-industri yang menjana kepelbagaian ekonomi.

34. Pada masa yang sama, di bawah RKN, sejumlah $118.4 juta turut diperuntukkan bagi Sektor Perindustrian dan Perdagangan. Peruntukan ini termasuklah:

i. $5.0 juta dengan Harga Rancangan $100.0 juta bagi Dana Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana;

ii. Peruntukan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan tapak perindustrian keseluruhannya berjumlah $530,000.00 dengan Harga Projek $10.0 juta bagi Tapak Perindustrian Pekan Belait, Sungai Bera, dan Serambangun, Tutong;

iii. Peruntukan secara keseluruhan sejumlah $9.6 juta dengan Harga Rancangan $43.5 juta bagi Sektor Pertanian dan $2.7 juta bagi Penubuhan Inkubator Pemprosesan Makanan; dan

iv. Sektor Perikanan secara keseluruhan disediakan sejumlah $7.4 juta dengan Harga Rancangan $31.5 juta. Ini termasuk $5.4 juta bagi Pusat Pengendalian Import dan Eksport Hasil Perikanan Serantau $6.3 juta bagi Taman Marin Eko-Pelancongan Perikanan; dan $2.0 juta bagi menyediakan kemudahan asas Tapak Perusahaan Perikanan.

35. Di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei pula, beberapa inisiatif akan diteruskan yang antara lainnya termasuklah bagi:

i. Program pembiayaan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang diperuntukkan sebanyak $11 juta dengan Harga Rancangan $60 juta;

ii. Pembangunan Taman Teknologi Anggerek Desa Fasa 3 yang disediakan sebanyak $20.0 juta dihasratkan untuk kegunaan Perusahaan-Perusahaan Kecil dan Sederhana, syarikat-syarikat *Startups,* dan juga agensi yang berkenaan dengan *Startups* dan PKS; dan

iii. Penyediaan skim-skim bantuan kewangan yang mana termasuk:

- *Future Fund* dengan peruntukan sebanyak $1.8 juta iaitu skim bantuan dana pelaburan yang diusahakan bersama di antara Lembaga Kemajuan Ekonomi, Authoriti Industri Teknologi Info-Komunikasi (AiTI) dan *DST*. Skim ini bertujuan bagi menggalakkan perkembangan industri *ICT*, termasuk media digital tempatan di Negara ini, untuk menghasilkan produk-produk yang berpotensi untuk dikomersilkan di pasaran antarabangsa. Setakat ini, *Future Fund* telah mengenalpasti 2 syarikat *Start-ups* yang berpotensi sebagai penerima awal pelaburan dana ini;

- Skim Bantuan Teknikal Perusahaan *(Enterprise Technical Assistance Scheme [ETAS])* menggunakan konsep *cost - sharing*, dengan peruntukan sebanyak $3.0 juta yang menyediakan bantuan kewangan sehingga $300,000.00, bagi meningkatkan kompetensi syarikat tempatan sehingga dapat mengembangkan perniagaan mereka ke luar negeri. Setakat ini, dua buah syarikat tempatan telah turut serta dalam skim ini sejak ianya diperkenalkan; dan

- Skim Kemajuan Syarikat Tempatan yang Berpotensi *(Promising Local Enterprise Development Scheme - PLEDS),* dengan peruntukan berjumlah $15 juta. Skim ini bertujuan untuk memberikan suntikan dana kapital melalui pembelian ekuiti syarikat tempatan yang berpotensi bagi membolehkan syarikat menerokai dan bersaing di arena antarabangsa. Dalam skim ini, sasaran ialah untuk membantu suntikan ekuiti di dalam 1-2 buah syarikat tempatan yang berpotensi untuk dikembangmajukan ke luar negeri setiap tahun.

36. Dalam pada itu, perkembangan-perkembangan di bawah inisiatif Kerajaan dalam menarik Pelaburan Langsung Asing ke Negara ini antara lainnya termasuklah:

    i. Projek Pembinaan Kilang Pengeluar Ubat-ubatan dan Produk Nutrisi Halal dengan nilai pelaburan sebanyak kira-kira US$18.5 juta di tapak seluas 2 hektar di Tapak Perindustrian Salambigar telah siap dibina pada suku ketiga tahun 2013. Dengan pengalaman luas di dalam industri farmaseutikal, pelabur berkenaan akan menyediakan program-program perkembangan kemahiran dan latihan berteknologi baru untuk anak-anak tempatan secara berperingkat - peringkat. Pelabur berkenaan juga adalah syarikat pertama yang akan menggunakan label Halal Brunei dengan produk dipasarkan kepada masyarakat Islam termasuk di Negara-Negara Timur Tengah, dengan pengeksportan dijadualkan bermula pada tahun ini; dan

    ii. Projek Pembinaan Kilang Pengeluaran Makanan Haiwan dengan nilai pelaburan sejumlah US$5.0 juta telah siap dibina di atas tanah seluas 2.7 hektar di Tapak Perindustrian Serasa, bagi pengeluaran produk makanan haiwan bagi pasaran eksport dimana operasinya telah bermula pada bulan Disember 2013.

37. Pada masa yang sama, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif baru sebagai langkah berterusan dalam menggalakkan pelaburan asing dan domestik. Ini antara lain termasuklah:

    i. Penandatanganan Perjanjian Pembiayaan Skim Insentif Penyelidikan Brunei *(Brunei Research Incentive Scheme)* yang dihasratkan untuk menarik pelabur asing untuk membuat penyelidikan dan pembangunan di Negara ini. Inisiatif ini sekali gus menggalakkan *intellectual property* dengan rancangan jangka masa panjang bagi memperkembangkan perniagaan melalui perdagangan hasil-hasil penyelidikan;

    ii. Penandatangan Perjanjian Persefahaman *(MOU)* bagi penyediaan bekalan barangan Tiub Minyak Negara. Ini termasuk menubuhkan Loji Penguliran *(Threading Plant)* di Negara ini. Inisiatif ini dihasratkan untuk memenuhi dasar pembangunan perniagaan Negara dalam Sektor Minyak dan Gas ke arah peningkatan perisian tempatan *(local content)* dan pekerjaan tempatan, di samping membuka potensi *spin-off* secara langsung atau tidak langsung di pelbagai sektor seperti pembinaan, pengangkutan, perbekalan, pendidikan dan sebagainya;

iii. Kementerian Pembangunan juga menerbitkan buku *PWD Quality Supervision Manual* Edisi Kedua 2013 ke arah mempertingkatkan lagi kualiti pembinaan di Negara ini yang memenuhi *industry standard* ; dan

iv. Pemindahan Pendaftaran Cap Dagangan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi berkuatkuasa mulai Jun 2013 selaras dengan penubuhan Pejabat Harta Intelek Brunei *(BrulPO)* di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei. Melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan, Negara Brunei Darussalam telah menerima pengiktirafan dan dikeluarkan dari Senarai Khas 301 Perwakilan Perdagangan Amerika Syarikat *(301 Watchlist on Intellectual Property)* pada bulan Mei 2013. Di samping itu, Negara Brunei Darussalam juga telah diiktiraf di dalam *Asia-Pacific Economic Cooperation Business Advisory Council Report 2013* sebagai Negara yang mempunyai undang-undang perlindungan harta intelek dan penguatkuasaan yang mantap.

38. Bagi mendukung usaha mempercepatkan lagi proses pengukuhan sektor swasta di Negara ini, serta bagi menarik lebih banyak pelaburan asing berkualiti untuk memperkembangkan aktiviti perekonomian dan perusahaan di Negara ini, Kerajaan melalui *Strategic Development Capital (SDC),* Kementerian Kewangan juga telah membuat pelaburan bersama dengan beberapa pelaburan asing. Melalui pelaburan bersama ini, ianya dihasratkan akan dapat meningkatkan lagi keyakinan pelabur-pelabur asing untuk melabur di Negara ini, dengan pihak Kerajaan bersedia untuk berkongsi risiko pelaburan yang diceburi. Adalah diharapkan dengan kejayaan pelaburan-pelaburan yang dibuat melalui *SDC* ini nanti, ianya akan dapat mempercepatkan perkembangan sektor swasta untuk mengimbangi sektor Kerajaan sebagai peneraju ekonomi Negara, serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti kepada anak-anak tempatan.

39. Sebagai langkah bagi menampung keperluan peningkatan aktiviti pelaburan di Negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah pun memperkenankan bagi penyediaan satu tapak tanah baru seluas 3,000 hektar di kawasan Telisai, Daerah Tutong, untuk mendukung aktiviti-aktiviti pelaburan yang berskala besar bagi sektor perindustrian.

40. Dalam pada itu, bagi menangani isu kelambatan pembayaran oleh agensi-agensi Kerajaan yang sering ditimbulkan terutama oleh syarikat-syarikat di Negara ini, *Sistem Invoice Tracking* di bawah kendalian Jabatan

Perbendaharaan telah selesai di *rollout* sepenuhnya di kesemua Kementerian pada bulan Ogos tahun lepas. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Sistem ini, secara purata, *Invoice Tracking System* telah merekodkan penerimaan sebanyak 32,395 invois setiap bulan dan jumlah purata yang telah dibayar mengikut Tekad Pemedulian Orang Ramai yang telah ditetapkan dalam waktu 30 hari ialah sebanyak 25,881 (80%). Kadar invois yang tertunggak melebihi 30 hari telah dapat dikurangkan daripada 8.6% pada bulan Jun 2013, kepada 6.8% pada bulan Disember 2013. Adalah diharapkan kadar ini akan terus dapat dikurangkan kepada peratus yang lebih rendah, dengan adanya kerjasama daripada semua agensi Kerajaan.

41. Beberapa program dan projek telah dan akan terus dilaksanakan bagi memupuk dan menggalakkan budaya keusahawanan dan inovasi di kalangan belia. Program dan projek ini termasuk di bawah pengendalian Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan usahasama Kementerian Pendidikan selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan memperkenalkan keusahawanan dalam Sistem Pendidikan Negara SPN21. Contoh-contoh program dan projek yang dimaksudkan antaranya termasuklah:

i. Program Pembangunan Keusahawanan Belia yang bertujuan untuk membantu golongan belia mencari pekerjaan ataupun memulakan perniagaan masing - masing, dengan menyediakan *micro business grants* dengan jumlah maksimum $2,000.00 setiap seorang. Setakat ini, sebanyak 102 buah perniagaan mikro telah menerima bantuan berjumlah hampir $240,000 sebahagiannya telah mampu menjana pendapatan bulanan antara $1,000 hingga $3,000 dan ada juga yang mampu menjana sehingga $6,000 sebulan;

ii. Pengubahsuaian Pusat Keusahawanan Belia di Kampung Jaya Setia, Mukim Berakas yang dijangka siap pada tahun 2014 ini. Pengubahsuaian ini bertujuan bagi menyediakan ruang niaga bagi menggalak para belia tempatan untuk menceburi bidang keusahawanan dan dalam menggalak perkembangan pengusaha-pengusaha mikro di Negara ini;

iii. Menganjurkan Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar *(Student Entrepreneurship Development Expo - SEDEx)* yang disertai oleh 62 buah sekolah rendah, 22 buah sekolah menengah, sebuah institusi pendidikan teknik, dan tiga buah sekolah swasta. Ekspo ini adalah bertujuan untuk

memberikan pendedahan awal pelajar mengenai keusahawanan dalam konteks alam sebenar perniagaan;

iv. Projek *Entrepreneurship@ Campus (E@C)* iaitu projek Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam dengan sokongan *iCentre.* Projek ini bertujuan untuk meningkatkan minat para pelajar di institusi pengajian tinggi menceburi bidang keusahawanan. Sejak diperkenalkan pada suku pertama 2013, dari kegiatan-kegiatan keusahawanan yang dilaksanakan, *E@C* telah melibatkan hampir 300 pelajar dari beberapa institusi-institusi pengajian tinggi di Negara ini;

v. Projek Perintis Pencapaian Junior *(Junior Achievement)* iaitu satu projek kolaborasi Lembaga Kemajuan Ekonomi dengan *Junior Achievement Worldwide*. Projek ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep keusahawanan dan celik kewangan di kalangan para pelajar sebagai persediaan awal mereka untuk berjaya di ekonomi global. Sejak diperkenalkan pada suku ketiga 2012, projek ini telah disertai oleh 250 pelajar dari 12 buah sekolah;

vi. Skim Pendidikan Keusahawanan Brunei *(Brunei Entrepreneurship Education Scheme [BEES])* iaitu usahasama Kementerian Pendidikan dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd. Skim ini merupakan program inovatif yang mendukung objektif SPN21 di dalam memperkenalkan kemahiran keusahawanan ke dalam bilik darjah. Setakat ini, sekurang-kurangnya 66 orang pelatih dan mentor terlibat dalam melatih kohort pertama yang terdiri dari 381 orang pelajar dari 17 buah sekolah menengah, manakala pengenalan bagi baki sekolah-sekolah menengah yang lain dijadualkan menjelang tahun 2015; dan

vii. Program *JumpStart* di bawah inisiatif Kementerian Pendidikan bertujuan bagi menerapkan kemahiran keusahawanan di Peringkat Pendidikan Teknik dan Vokasional. Setakat ini, bagi kohort pertama, sebanyak 20 syarikat telah berdaftar bagi menjalankan perniagaan yang melibatkan 72 orang pelajar. Manakala, 78 orang pelajar kohort kedua telah menubuhkan 29 buah syarikat perniagaan.

42. Selain itu, peruntukan-peruntukan akan terus disediakan bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek prasarana utama sebagai penyuntik di dalam mendukung Sektor Perniagaan dan Perdagangan Negara selain memudahkan akses perhubungan awam. Antara projek yang dimaksudkan termasuklah:

    i. Pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dengan Daerah Brunei Muara yang diperuntukkan sebanyak $400 juta bagi meneruskan kerja- kerja awal;

    ii. Projek-projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei disediakan $86 juta dengan Harga Rancangan keseluruhan sebanyak kira-kira $196 juta;

    iii. Bagi Tahun Kewangan 2014/2015, pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency diperuntukkan sebanyak $38.7 juta; dan

    iv. Projek pembinaan Lorong Kedua *Seria Bypass* diperuntukkan sebanyak $3.3 juta dengan Harga Rancangan kira-kira $31 juta.

43. Di samping itu, di bawah RKN10, peruntukan sejumlah $61.6 juta dengan Harga Rancangan $350 juta disediakan bagi pembangunan Pulau Muara Besar (termasuk Teluk Brunei) untuk mendukung kegiatan-kegiatan pelaburan yang dirancang. Projek ini juga dijangka akan dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, pemindahan teknologi *(technology transfer)* dan memberi kesan limpahan *(spinoff)* kepada peniaga-peniaga tempatan. Selain itu, sejumlah $1.7 juta dengan Harga Rancangan $9.0 juta juga diperuntukkan bagi *Sungai Liang Industrial Park* bagi meneruskan pelaksanaan Projek Kilang Petrokimia Fasa Kedua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

44. Pada beberapa pembentangan Belanjawan di Dewan ini, kaola telah memaklumkan mengenai perubahan dasar-dasar berkaitan cukai korporat di Negara ini. Di antaranya dasar tersebut termasuk pengurangan kadar cukai korporat sehingga kepada 20% pada masa ini; pengenalan *threshold* cukai bagi mengenakan kadar cukai yang lebih rendah bagi keuntungan *(chargeable income)* yang tidak melebihi $250,000.00; pemberian kredit cukai bagi pelaburan dalam teknologi baru bagi meningkatkan *efficiency* operasi syarikat; pemberian kredit cukai bagi pengambilan kerja dan latihan bagi anak-anak tempatan; dan lain-lain. Berdasarkan data yang dikumpulkan, langkah-langkah ini telah memberikan impak yang positif. Ini antara lainnya termasuk peningkatan kepada jumlah keuntungan yang boleh dikenakan

cukai daripada syarikat-syarikat bukan minyak dan gas yang bertambah 11% pada tahun taksiran 2013 berbanding tahun sebelumnya; serta peningkatan tuntutan kredit cukai bagi insentif-insentif yang diperkenalkan yang keseluruhannya berjumlah kira-kira $3.5 juta.

45. Dalam hubungan ini, bagi merangsang lagi aktiviti perekonomian dan pelaburan di Negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi kadar cukai pendapatan korporat untuk dikurangkan lagi kepada 18.5% berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2015. Di samping itu, bagi meningkatkan dayasaing syarikat-syarikat tempatan dalam tawaran-tawaran Kerajaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memperkenankan bagi kadar *Bankers Guarantee* dan *Performance Bond* untuk dikaji semula dan dikurangkan seperti berikut:

    i. Bagi kontrak binaan atau perkhidmatan yang bernilai tidak melebihi $1 juta, tiada *Bankers Guarantee* atau *Performance Bond* akan dikenakan;

    ii. Bagi kontrak binaan atau perkhidmatan yang bernilai di antara $1 juta hingga tidak melebihi $5 juta, *Bankers Guarantee* atau *Performance Bond* akan dikenakan pada kadar tidak melebihi 3%; dan

    iii. Manakala bagi kontrak binaan atau pembelian yang bernilai melebihi $5 juta, *Bankers Guarantee* atau *Performance Bond* akan dikenakan pada kadar tidak melebihi 5%.

46. Dengan pelbagai kemudahan dan inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan, pihak swasta, terutama syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha tempatan, seharusnyalah melipatgandakan usaha untuk meningkatkan dayasaing dan mengembangkan perniagaan mereka, bagi mendokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan sumbangan sektor swasta kepada ekonomi dan pendapatan Negara dari masa ke semasa. Melalui peningkatan aktiviti-aktiviti Sektor Swasta di Negara ini, adalah dihasratkan Sektor Swasta akan dapat mengimbangi peranan Kerajaan sebagai *"engine of growth"* dalam jangka masa pendek dan sederhana, di samping merebut peluang dari projek-projek Kerajaan yang besar melalui pengukuhan Sektor Swasta ini. Insya-Allah, dengan inisiatif, koordinasi dan perancangan yang bersepadu, peningkatan sumbangan Sektor Swasta kepada pembangunan ekonomi negara akan dapat dipertingkatkan dan pada masa yang sama akan membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Perkara ini adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam yang telah dititahkan Baginda sempena Awal Tahun Masehi 2014, pada mana Baginda menekankan bahawa:

" ... *Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan giat mensejajarkan latihan-latihan teknikal dan vokasional supaya terdapat kesepadanan di antara peluang - peluang pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan.... Dalam masa yang sama, komuniti bisnes hendaklah mendukung usaha kerajaan bagi sama- sama memberikan keutamaan bekerja kepada anak-anak tempatan dengan menawarkan gaji dan kemudahan-kemudahan lain yang berpatutan lagi munasabah... ".*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

47. Keutamaan belanjawan yang Ketiga ialah **Meningkatkan Produktiviti.** Keutamaan ini dihasratkan bagi mempertingkatkan lagi produktiviti Negara sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi, dalam sektor-sektor ekonomi dan juga sektor Kerajaan. Dengan peningkatan produktiviti, kos akan dapat dikurangkan, serta boleh menghasilkan kualiti kerja dan menggandakan hasil secara berterusan. Usaha-usaha yang menjurus kepada memperkasa sumber tenaga manusia; peningkatan kemahiran; pelaburan dalam penyelidikan dan inovasi; dan menggalakkan penggunaan teknologi terkini akan terus dipergiatkan bagi meningkatkan produktiviti Negara. Bagi maksud ini, beberapa peruntukan telah disediakan seperti:

i. Sejumlah $500,000.00 dengan Harga Projek kira-kira $2.5 juta bagi memperluas penggunaan *Government Employees Management System (GEMS) ;* serta Penggantian *Hardware* dan *Software GEMS ;*

ii. Tambahan peruntukan di bawah Teknologi Maklumat di Kementerian-Kementerian secara keseluruhannya sebanyak $3.5 juta yang menjadikannya kepada $88.3 juta;

iii. Di bawah RKN, peruntukan-peruntukan berikut juga telah disediakan:

- Sejumlah $31.5 juta dengan Harga Rancangan kira-kira $299 juta untuk keperluan Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi. Ini termasuk pelaksanaan Projek *E-Payment Gateway* yang telah dilancarkan pada bulan Januari yang lepas; dan

- Peruntukan Pembangunan *Bio Diversity Innovation Corridor* terus disediakan berjumlah $5.0 juta daripada keseluruhan Harga Rancangan $116 juta bagi mempertingkatkan lagi produktiviti penghasilan produk - produk pertanian,

melalui penggunaan teknologi dan inovasi agar terus berdaya saing dan signifikan dalam pertumbuhan ekonomi.

48. Sementara itu, beberapa inisiatif dalam memperkasa sumber tenaga manusia dan peningkatan kemahiran bagi mendokong usaha-usaha meningkatkan produktiviti Negara telah diperkenalkan. Antaranya termasuklah:

    i. Pelancaran Buku Garis panduan Pelaksanaan Rancangan Penggantian Dalam Perkhidmatan Awam oleh Jabatan Perdana Menteri. Perancangan penggantian ini adalah satu kaedah bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang profesional dan produktif dengan pengetahuan, kemahiran, potensi dan sifat kepimpinan yang tinggi; dan

    ii. Jabatan Perdana Menteri turut melancarkan Buku Modal Kompetensi Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memberigakan warga Jabatan Perkhidmatan Awam dan perkhidmatan awam lainnya akan keperluan peralihan pengurusan sumber tenaga manusia kepada pengurusan berasaskan kompetensi *(competency based management).*

49. Kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan *(Research and Development [R & D])* akan terus diberi penekanan. Di antara peruntukan dan inisiatif yang disediakan bagi membolehkan aktiviti *R & D* dipertingkatkan selaras dengan amalan di negara-negara maju termasuklah:

    i. Di bawah RKN10, sejumlah $15.7 juta dengan Harga Rancangan sebanyak $209 juta disediakan bagi Sektor Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan, dan Inovasi. Antara kajian-kajian yang akan dan terus dilaksanakan ialah Kajian Sains dan Teknologi, Kajian Sosial dan Ekonomi, Kajian Pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti, Kajian Pengurusan Kualiti *(PBD ISO 9001-2000);* dan Kajian Sumber-Sumber Utama;

    ii. Peruntukan *R & D* disediakan sebanyak $360,000.00 di bawah Kementerian Pendidikan, antara lainnya bagi Dana Penyelidikan di bawah Jabatan Perancangan dan Perkembangan dan Penyelidikan; dan bagi pembiayaan *R & D* di Universiti Islam Sultan Sharif Ali;

    iii. Peruntukan *R & D* secara keseluruhannya disediakan sebanyak $166,000.00 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebagai kesinambungan peruntukan

sebanyak $146,000.00 pada tahun kewangan 2013/2014;

iv. Peruntukan bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama disediakan sebanyak $200,000.00 untuk *R & D* sebagai kesinambungan peruntukan $200,000.00 pada tahun kewangan sebelumnya;

v. Di samping itu, melalui inisiatif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, beberapa skim telah diperkenalkan bagi mendukung dan meningkatkan perkembangan kreativiti dan inovasi terutama bagi golongan belia tempatan. Antaranya ialah:

- Di bawah Skim Insentif Penyelidikan Brunei, peruntukan $5 juta disediakan untuk meningkatkan lagi aktiviti *R & D* Negara dengan menarik kegiatan-kegiatan *R & D* syarikat antarabangsa ke Negara ini bagi membangunkan kapasiti syarikat-syarikat swasta tempatan dalam *R & D.* Sehingga ini, penyelidikan-penyelidikan yang telah dikenalpasti antara lainnya termasuk dalam tanaman perubatan *(medicinal plants),* produk makanan dan farmaseutikal, dan pengeluaran *rennet* halal dari sumber tumbuhan dalam pengeluaran keju dan yogurt. Selain meningkatkan produktiviti sektor-sektor berkaitan, penyelidikan-penyelidikan ini juga berpotensi untuk membuka peluang latihan dan pekerjaan sebagai penyelidik kepada graduan-graduan tempatan, di samping potensi untuk dikomersialkan;

- Skim Perkembangan Produk dan Perkhidmatan Syarikat Tempatan atau *Local Enterprise Applications and Product Scheme (LEAP),* yang menyediakan bantuan kewangan sehingga $150,000.00, bagi menggalakkan dan membantu memajukan produk-produk tempatan yang mempunyai unsur-unsur inovasi dan nilai komersil. Sejak pelancarannya pada tahun 2010, sebanyak 23 buah syarikat telah menerima bantuan tersebut, dengan penghasilan pelbagai produk inovasi serta penyediaan pekerjaan kepada golongan belia;

- Penyediaan kemudahan Seni Kreatif *(CRAFT)* melalui penubuhan Pejabat *Creative Art Facilities (CRAFT)* bertujuan untuk mewujudkan ekosistem yang memupuk pembangunan multimedia Negara dengan penggunaan prasarana yang canggih. Sejak penubuhannya pada suku pertama 2013, program ini telah

menganjurkan 156 kelas dan melatih 150 peserta menggunakan teknologi perisian *Autodesk* dan *Side Effects* ;

- Memperkenalkan *Program Hackathon* dengan objektif untuk mengumpul pelbagai bakat dalam menjana idea-idea baru dalam menghasilkan produk atau penyelesaian yang inovatif dan terkini ; dan

- Penyediaan Dana Accel-X dengan peruntukan sebanyak $5 juta bagi menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat baru dan berasaskan teknologi tinggi, khususnya dalam bidang *ICT*, bidang berteknologi, dan bidang kejuruteraan.

50. Kerajaan, insya-Allah, akan terus merancang dan menyediakan program bagi menggiatkan lagi penggunaan teknologi yang dapat memudahkan orang ramai dan sektor swasta untuk berurusan dengan pihak Kerajaan bagi mendukung aktiviti perekonomian dan pelaburan di Negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

51. Keutamaan belanjawan yang Keempat ialah **Kesejahteraan Rakyat dan Penduduk.** Sebagaimana juga di tahun-tahun sebelumnya, Kerajaan akan terus memberikan perhatian kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk sebagai asas penting ke arah pembangunan Negara yang inklusif dan berdaya tahan. Sehubungan dengan itu, Perbelanjaan Negara juga dirancang bagi memastikan keperluan asas rakyat dan penduduk dapat disediakan secara optimum. Antara lainnya dengan memberikan peluang dan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan perubatan yang terbaik dan berkualiti bukan sahaja di dalam, malahan jua di luar negeri, meneruskan pemberian subsidi bagi keperluan- keperluan asasi seperti beras, bekalan elektrik, minyak kenderaan, perumahan, infrastruktur perhubungan dan komunikasi, dan lain-lain. Kesemua ini memerlukan perancangan belanjawan yang saksama dan berhemat agar rakyat dan penduduk di Negara ini akan dapat sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan yang dihulurkan dalam tempoh jangka masa yang panjang.

52. Bagi maksud ini, beberapa peruntukan telah disediakan termasuk di Sektor Kesihatan, dengan beberapa peruntukan tertentu berkaitan perkhidmatan rawatan dan perubatan telah disediakan atau ditambah. Ini antara lainnya termasuklah perkara-perkara berikut:

i. Tambahan bersih sebanyak 117 jawatan pegawai dan kakitangan bagi Kementerian Kesihatan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya, antara lainnya bagi jawatan-jawatan pakar

perubatan, pegawai perubatan, serta bagi keperluan Blok Perempuan dan Kanak-Kanak yang baru;

ii. Peruntukan-peruntukan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Kesihatan juga disediakan seperti berikut:

- Pembelian ubat-ubatan disediakan sebanyak $55 juta, termasuk penambahan $500,000.00 bagi Jabatan Renal;

- Peruntukan Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan disediakan $30.8 juta, iaitu bertambah $2.6 juta daripada Tahun Kewangan sebelumnya;

- Peruntukan bagi kos perkhidmatan rawatan luar disediakan $30 juta masing-masing bagi kos penghantaran dan rawatan pesakit keluar Negara sejumlah $10 juta di bawah Kementerian Kesihatan, dan sejumlah $20 juta di bawah Kementerian Kewangan untuk Pembayaran Perkhidmatan Perubatan *JPMC* ; dan

- Peruntukan sebanyak $700,000.00 disediakan khusus bagi aktiviti promosi Kesihatan.

iii. Sebanyak $7.4 juta disediakan bagi pembelian perkakas dan peralatan bagi hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan, perkhidmatan pergigian dan lain-lain; dan

iv. Di bawah RKN, sejumlah $30.8 juta disediakan secara keseluruhan dengan Harga Rancangan sebanyak $112.5 juta untuk keperluan Perubatan dan Kesihatan.

53. Peruntukan juga terus disediakan bagi menangani bencana alam dan wabak penyakit berjangkit keseluruhannya sebanyak $11 juta iaitu masing-masing bagi Kementerian Kesihatan [$5 juta], Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [$3 juta] dan Kementerian Kewangan [$3 juta].

54. Bagi tujuan melahirkan masyarakat yang bersepadu serta dinamik, beberapa peruntukan telah disediakan bagi menjana aktiviti-aktiviti sihat di kalangan masyarakat dan belia-belia di samping mendokong usaha Kerajaan dalam mengukuhkan institusi keluarga. Ini antara lainnya meliputi:

i. Sebanyak $5 juta dengan Harga Rancangan sebanyak kira-kira $12 juta untuk Projek Bangunan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan *(NGOs)* Bagi Orang-Orang Berkeperluan Khas. Di samping itu, Kerajaan juga menghulurkan sebanyak

$300,000.00 bagi membantu keperluan perbelanjaan operasi *NGOs* yang berkenaan;

ii. Sebanyak $2 juta disediakan di bawah Fokus Perbelanjaan khusus bagi promosi dan aktiviti belia berwawasan dan berdikari, serta program pengukuhan institusi keluarga. Peruntukan ini dihasratkan bagi kegunaan agensi-agensi yang berkenaan yang menjurus kepada memberigakan aktiviti-aktiviti yang telah disebutkan di atas;

iii. Tambahan peruntukan Elaun sejumlah $176,000.00 yang menjadikannya kepada $200,000.00 khusus bagi membiayai peningkatan kadar elaun tenaga pengajar bagi Kelas-Kelas Dewasa Agama dan Kelas-Kelas Lanjutan Agama yang disediakan bagi masyarakat-masyarakat setempat untuk mengikuti kelas-kelas ugama, termasuk pembacaan Al-Quran, secara berterusan. Usaha ini juga adalah bagi mendokong hasrat menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir; di samping akan dapat mengukuhkan lagi kesepaduan masyarakat, di peringkat mukim dan kampung.

iv. Sebanyak $400,000.00 diperuntukkan bagi Program Pengukuhan Institusi Keluarga; dan

v. Peruntukan bagi Majlis Perundingan Kampung terus disediakan sebanyak $600,000.00.

55. Usaha-usaha juga akan diteruskan bagi mempertingkatkan lagi infrastruktur-infrastruktur asas dan kemudahan-kemudahan awam di Negara ini. Ke arah itu, beberapa peruntukan telah disediakan seperti berikut:

i. Peruntukan Kemudahan Awam dan Infrastruktur disediakan sebanyak $50 juta di bawah pengendalian Jabatan Kerja Raya;

ii. Peruntukan khas sebanyak $4.9 juta disediakan bagi melaksanakan kerja-kerja Pemeliharaan dan Pembisaian Kawasan-Kawasan Perumahan dengan Harga Projek $25.1 juta, Menaik taraf Sistem Bekalan Air sebanyak $9.3 juta dengan Harga Projek $52.2 juta, dan Pengurusan Kesesakan dan Keselamatan Jalan Raya sebanyak $11.9 juta dengan Harga Projek $38.6 juta;

iii. Di samping itu, di bawah RKN, peruntukan-peruntukan juga disediakan bagi Projek Pembetungan sebanyak kira-kira $40 juta dengan Harga Rancangan sebanyak kira-kira $87 juta; Pembekalan Air sebanyak $88 juta dengan Harga Projek sebanyak kira-kira $280 juta; serta Kemudahan Awam

dan Alam Sekitar sebanyak $21 juta dengan Harga Rancangan sebanyak kira-kira $131 juta; dan

iv. Bagi pencegahan banjir, peruntukan khas juga disediakan di bawah projek-projek Menaik taraf Sistem Saliran dan Pembetungan sebanyak $17.5 juta dengan Harga Projek $63.2 juta; dan $24.2 juta di bawah peruntukan RKN dengan Harga Rancangan sebanyak $75.7 juta. Peruntukan sebanyak $500,000.00 dengan Harga Rancangan $1.5 juta juga disediakan untuk Kajian Kemungkinan bagi Pencegahan Banjir.

56. Menyentuh mengenai kejadian hujan lebat yang melanda Negara Brunei Darussalam pada bulan Januari yang lalu, yang telah menyebabkan berlaku banjir dan tanah susur di beberapa kawasan yang turut menjejaskan harta benda dan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak $103 juta telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Peruntukan ini disediakan khusus bagi melaksanakan projek-projek pencegahan banjir-banjir dengan Harga Projek dianggarkan sebanyak $68 juta yang mana bermaksud pembinaan 11 buah tadahan pencegahan banjir bagi mengurangkan kejadian banjir di kawasan-kawasan yang sering terjejas; manakala $35 juta lagi disediakan bagi membiayai keperluan kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan berikutan kejadian banjir dan tanah susur tersebut.

57. Bagi meningkatkan akses pemilikan rumah, peruntukan Perumahan Negara akan terus disediakan sebanyak $129 juta di bawah RKN dengan Harga Rancangan $715 juta. Setakat ini, sebanyak 37,974 buah rumah telah disediakan. Bagi melaksanakan perancangan Perumahan Negara ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak $169 juta pada Tahun Kewangan 2012/2013, dan sejumlah $136 juta lagi dijangka dibelanjakan dalam Tahun Kewangan 2013/2014 ini.

58. Bagi tahun 2014 ini, projek-projek Rancangan Perumahan Negara disasarkan untuk menyediakan sejumlah 6,258 buah di seluruh Negara. Di samping itu, peruntukan RKN di bawah pengendalian Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei akan diperuntukkan sejumlah $20 juta dengan Harga Rancangan $433 juta bagi meneruskan pelaksanaan sebanyak 1,500 buah rumah bagi Projek Perumahan Negara Tutong; 4,000 buah rumah bagi Projek Perumahan Negara Mengkubau, dan 2,000

buah rumah bagi Perumahan Negara Kampong Pandan. Dalam Tahun Kewangan 2012/2013, perbelanjaan sebenar direkodkan ialah sebanyak $221 juta, manakala sejumlah $104 juta dijangka dibelanjakan bagi Tahun Kewangan 2013/2014.

59. Sebagai usaha meningkatkan taraf sistem bekalan tenaga elektrik, peruntukan-peruntukan akan disediakan yang antara lainnya termasuk:

    i. Sejumlah $2.8 juta, bagi Pemeliharaan Sistem Jana Kuasa, di samping penyediaan peruntukan sebanyak $9 juta bagi Pemeliharaan Sistem Bekalan Elektrik;

    ii. Sejumlah $5.9 juta dengan Harga Rancangan $31.3 juta di bawah akaun Peningkatan Taraf Sistem Bekalan Elektrik manakala sejumlah $18 juta lagi dengan Harga Rancangan $131.5 juta diperuntukkan bagi projek *Long Term Service Agreement (LTSA) for the Maintenance of Gas Turbine Generator at the Department of Electrical Services Power Stations*. Projek ini bertujuan bagi memastikan kestabilan dan pengukuhan rangkaian bekalan tenaga elektrik di Negara ini; dan

    iii. Di bawah RKN, sejumlah $115 juta disediakan secara keseluruhan dengan Harga Rancangan sebanyak $239.7 juta bagi melaksanakan projek-projek di bawah Sektor Elektrik.

60. Dalam menangani akibat-akibat daripada kesan perubahan cuaca serta iklim dan bencana alam yang berkaitan dengan alam sekitar yang semakin kerap, Jabatan Kajicuaca yang baru telah ditubuhkan. Untuk itu, peruntukan berjumlah $3.1 juta telah disediakan. Dengan penubuhan Jabatan ini, ianya diharap akan dapat memberikan perkhidmatan meteorologi kepada orang ramai dengan cara berkesan dan menyeluruh, agar Negara akan dapat terus meningkatkan kesediaan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

61. Peruntukan Projek Penanaman Padi akan terus disediakan sebanyak $14.5 juta bagi kesinambungan kepada usaha Kerajaan dalam memastikan jaminan bekalan makanan (*food security*) Negara akan terus diperkukuhkan. Di samping itu, peruntukan sejumlah $3.6 juta dengan Harga Rancangan $12.6 juta juga disediakan di bawah RKN untuk Skim Kemajuan Pengeluaran Padi yang diharap dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi bagi mencapai sasaran tahap sara diri yang telah ditetapkan.

62. Sebagai langkah Kerajaan untuk menggalakkan dan membantu rakyat Negara ini, khususnya golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah, sejumlah $10 juta diperuntukkan bagi keperluan peserta-peserta Skim Tabungan

Perumahan TAP. Jumlah ini mengambilkira anggaran pemohon-pemohon yang layak menerima setakat ini.

63. Bagi menjaga kesejahteraan dan memastikan keselamatan penuntut-penuntut Negara di Mesir, peruntukan tambahan telah disediakan antara lainnya bagi membiayai kos penyewaan bangunan kediaman.

64. Di samping itu, langkah-langkah berterusan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan isu kemiskinan ditangani secara berkesan. Ini antaranya melalui langkah - langkah peningkatan kapasiti, penyediaan peluang-peluang dan akses kepada pendidikan dan latihan secara meluas dan sebagainya. Ke arah itu, beberapa peruntukan khusus terus disediakan yang antara lainnya termasuklah:

    i. Sebanyak $3 juta bagi bantuan kepada anak-anak dari keluarga yang berpendapatan rendah dalam mengikuti persekolahan mereka termasuk sekolah agama;

    ii. Peruntukan sebanyak $14 juta bagi sewa kenderaan untuk penyediaan kemudahan pengangkutan kepada penuntut-penuntut yang memerlukan;

    iii. Sebanyak $334,000.00 bagi Program Latihan Kemahiran bagi Memperkasa Penerima Bantuan Dalam Usaha Menangani Isu Kemiskinan;

    iv. Peruntukan Program Bantuan sebanyak $2.7 juta khusus bagi Pusat Pembangunan Belia termasuk untuk pengambilan tenaga-tenaga pengajar tambahan yang berkemahiran, di samping dalam menjalankan program memperkasa kemahiran belia-belia. Contohnya, usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam memberikan latihan bagi anak-anak tempatan selaku pemandu trailer bagi 12 orang peserta, yang 9 orang telah mendapat pekerjaan setelah tamat latihan; dan

    v. Tambahan peruntukan Elaun sejumlah $128,000.00 yang menjadikannya sebanyak $138,000.00 di Jabatan Pembangunan Masyarakat antara lain bagi membiayai elaun tenaga pengajar akademik dan pengajar vokasional di Kompleks Rumah Kebajikan dan Pusat-Pusat Bahagia di keempat-empat daerah.

65. Sebagai tambahan, peruntukan sebanyak $16 juta juga disediakan bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang menjurus kepada Fokus Belanjawan yang telah diperkenalkan pada Tahun-Tahun Kewangan yang lalu. Di samping itu, peruntukan sejumlah $12.5 juta juga disediakan untuk Projek Rampaian di bawah kawalan Kementerian Kewangan bagi tujuan membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan di luar jangkaan.

66. Selain itu, sebagai usaha Kerajaan dalam memberikan kesaksamaan peluang pendidikan di Negara ini, Kementerian Pendidikan akan melancarkan Projek Rintis Kelas Tuisyen (PRKT) iaitu satu program berbentuk kelas tambahan percuma khusus bagi pelajar-pelajar yang ditawarkan bantuan pendidikan melalui Skim Mifta"ahun Naja"ah yang bermakna Kunci Kejayaan, di Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

67. Bagi keperluan memenuhi dan melaksanakan perancangan Kerajaan secara berkesan, dengan berdasarkan keutamaan-keutamaan perancangan perbelanjaan yang telah pun dikenalpasti, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang bersesuaian dalam memastikan pencapaian matlamat-matlamat tersebut, sebagaimana yang telah pun ditetapkan atau disasarkan oleh Kerajaan. Ke arah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperkenankan bagi Harga Rancangan bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 ditambah sebanyak $1.65 billion, kepada $8.15 billion. Dan selaras dengan keperluan tersebut, Kerajaan juga telah meluluskan tambahan peruntukan sebanyak $350 juta bagi Tahun Kewangan 2013/2014, bagi membiayai pelaksanaan projek-projek RKN yang telah dirancang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

68. Dalam cadangan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini, Kerajaan juga akan meneruskan matlamat-matlamat utama yang telah digariskan di dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2013/2014. Melalui matlamat-matlamat ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, insya-Allah, akan terus memberikan penekanan kepada Sistem Kewangan Negara yang kukuh, stabil dan berdaya tahan. Dengan cabaran perbelanjaan yang telah meningkat dari tahun ke tahun dengan bertambahnya keperluan sosioekonomi Negara, maka usaha-usaha akan diteruskan dalam memastikan perancangan perbelanjaan adalah bersandarkan kepada prinsip menggunakan sumber secara lebih berhemat melalui perbelanjaan yang lebih efisien, berkesan dan produktif; merangsang pertumbuhan ekonomi, *value for money,* dan menggelakkan pembaziran. Selaras dengan ini, dasar perancangan belanjawan terus berteraskan kepada prinsip *Fiscal Sustainability*, demi menjamin kestabilan kewangan negara dan

kesejahteraan rakyat yang berpanjangan, terutama dalam keadaan Kerajaan perlu membiayai projek-projek mega yang bernilai tinggi di samping dalam menyediakan provisi sumber bagi keperluan yang tidak dijangkakan dalam keadaan ekonomi global yang sukar diramal.

69. Ke arah itu, agensi-agensi Kerajaan akan berterusan meneliti dan memastikan perbelanjaan dilaksanakan menurut peruntukan yang diluluskan dengan berdasarkan keutamaan belanjawan Negara, di samping untuk meningkatkan akauntabiliti dan *governance* dalam pengurusan kewangan. Ini termasuklah dengan memastikan projek-projek berjalan dengan lancar menurut tempoh masa yang telah ditetapkan di samping melaksanakan pembayaran secara teratur. Melalui peruntukan-peruntukan yang disediakan, adalah dihasratkan usaha-usaha Kerajaan dapat menjana *outputs* atau mencapai *national outcomes* yang disasarkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

70. Penjanaan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap boleh dicapai melalui peningkatan produktiviti. Perkembangan ekonomi ini diperlukan bagi membantu menjana peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan, membantu Sektor Swasta terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana, dan meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan. Bersandarkan inilah, sumber tenaga di perkhidmatan awam dan swasta perlu bekerjasama serta berusaha gigih dan komited bagi sama-sama mendokong usaha ke arah pembangunan dan kepelbagaian ekonomi yang dihasratkan bagi Negara ini. Perkara ini pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2014, di mana Baginda bertitah bahawa:

"Usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi juga memerlukan kita semua meningkatkan lagi tahap produktiviti masing-masing di sektor awam dan swasta. Ini selaras, dengan tema Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang berbunyi: Pengetahuan dan Inovasi, Meningkatkan Produktiviti, Mempercepat Pertumbuhan Ekonomi".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

71. Adalah menjadi harapan kita semua, bahawa semua inisiatif dan usaha-usaha yang dirancang oleh pihak Kerajaan akan dapat

membuahkan hasil yang dijangkakan dengan adanya sokongan padu dari semua pihak. Ke arah itu, pihak Kerajaan perlu untuk terus mengamalkan sikap berhemah dalam perbelanjaannya dengan perancangan perbelanjaan yang fokus kepada mendukung keutamaan Negara, iaitu dengan matlamat untuk menjana pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Oleh itu, adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulanwang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun 2014/2015.

72. Mudah-mudahan, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, program-program yang telah dirancang, akan menepati matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan serta mendukung harapan kita semua yang ingin menjadikan Negara ini sebagai sebuah Negara "Baldatun, Tayyibatun, Warabbun Ghafur", iaitu Negara yang aman makmur, dengan mendapat keredhaan dari Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pengampun. Maka kaola untuk itu, dan dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua, memohon supaya undang-undang ini diluluskan.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) atas penjelasan yang begitu terperinci. Ahli-Ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang ini akan dibahas apabila kita bersidang semula petang karang, Insya-Allah. Tetapi sebelum itu, saya meminta supaya seorang Ahli Yang Berhormat untuk memberikan sokongan terhadap rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Yang Di-Pertua saya menyokong sepenuhnya akan cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan, 2014/2015 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah dibaca dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-Ahli Yang Berhormat

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula insya-Allah pada pukul 3.00 petang nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.00 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan sebelah pagi tadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telah membentangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 dengan panjang lebar dan telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Sebelum Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali kedua, saya bukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa perbahasan ini hendaklah dijalankan, ditumpukan kepada kelayakan atau merit dan asas Rang Undang-Undang sahaja. Sekian, terima kasih. Silakan Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola ingin menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penyediaan Peruntukan Kewangan yang merangkumi kesejahteraan penduduk dan rakyat. Kaola juga ingin merakamkan tahniah setinggi-tingginya atas pembentangan yang cukup terperinci mengenai Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri.

Kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya Negara Brunei Darussalam tetap makmur dengan hasil bumi minyak dan gasnya, rakyat serta penduduknya hidup dalam suasana aman sejahtera.

Keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati menunjukkan bahawa tahap hidup masyarakat kita berkualiti tinggi. Ini semua adalah dengan izin Allah serta berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Namun, sebagaimana huraian yang telah kita dengar bahawa kita juga tidak terlepas mendapat impak daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Maka ke arah itu, kita tidak

boleh leka dengan apa yang kita nikmati setakat ini, malah kita hendaklah terus berusaha untuk menjamin kestabilan yang telah wujud selama ini.

Kita sering diperingatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana titah Baginda semasa menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-27 pada tahun 2011 yang dapat dipetik antara lain, kita sekarang dalam langkah membudayakan amalan berjimat cermat dan berbelanja menurut kemampuan sebagai salah satu usaha ke arah mengatur kewangan kita melalui perancangan kewangan atau *financial planning.* Tujuan yang tersirat ialah untuk melakar perubahan sikap dan mentaliti menyeluruh supaya rakyat terbiasa dengan cara sederhana serta tahu pula menghargai nilai.

Misalnya, dalam menghadapi subsidi Kerajaan, kita perlu bersikap dan berfikiran seimbang dengan berterima kasih di samping pandai memanfaatkannya melalui amalan mengelakkan pembaziran dan penyalahgunaan. Ini meliputi semua jenis subsidi, terutama keperluan-keperluan utama seperti perubatan, pendidikan, jalan raya serta juga komoditi asasi seperti perumahan, air, elektrik, minyak, beras dan gula.

Kesemua perkhidmatan dan keperluan ini amatlah penting dalam menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Pada realitinya semua ini adalah bergantung kepada ekonomi dan kemampuan kewangan Negara yang pada setakat ini banyak bersandar kepada hasil minyak dan gas. Maka, dalam kedudukan ini Kerajaan sangatlah berhajat untuk mempelbagaikan ekonomi Negara agar pada masa hadapan kita tidak hanya semata-mata bergantung kepada minyak dan gas sahaja. Dengan Negara mempunyai pelbagai ekonomi dan pendapatan yang lebih luas serta ditambah pula dengan kadar pertumbuhan yang tinggi maka peluang kita untuk terus makmur dan mewah adalah cerah.

Inilah hasrat murni Baginda yang perlu kita tanai bukan sahaja di pihak Kerajaan malah semua pihak termasuk sektor swasta, rakyat dan penduduk seluruhnya. Kerana kita semua yang akan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan dalam Negara hingga bila-bila, insya-Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menjana pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan amatlah bertepatan dengan hasrat meningkatkan ekonomi Negara yang mapan dengan penyertaan anak-anak tempatan yang dapat memenuhi peluang-peluang pekerjaan yang sudah setentunya mereka yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diperlukan.

Dalam strategi memperkasa sistem pendidikan dan latihan yang akan melahirkan rakyat yang berpendidikan

dan berkemahiran tinggi dengan keutamaan-keutamaan yang diberikan iaitu meningkatkan peluang-peluang pendidikan dan latihan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran bagi memenuhi pasaran peluang pekerjaan tempatan, sudah setentunya menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan khususnya kemahiran di bidang vokasional.

Untuk melengkapkan kemahiran tersebut perlulah dikaji semula beberapa kursus bidang vokasional yang hanya ditawarkan setakat Sijil *Skill Certificate II & III* supaya dapat dilanjutkan lagi ke peringkat yang lebih tinggi seperti ke peringkat diploma dan seterusnya. Meskipun pada masa ini kursus sedemikian kurang diceburi dan diminati tetapi apabila ianya dirancang untuk matlamat jangka panjang dan diberikan pendedahan bahawa peluang-peluang yang sama akan dapat diraih terutama dalam bidang perusahaan dan perniagaan misalnya, insya-Allah ianya akan menarik minat belia kita.

Begitu juga pameran kerjaya yang diadakan dan mendapat kesan yang positif sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri tadi, adalah juga dengan mempamerkan atau menunjukkan carta aliran atau hala tuju kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan. Umpamanya, ke mana mereka akan meneruskan pengajian selepas itu, apa peluang-peluang pekerjaan yang akan dapat mereka ceburi dan sebagainya. Ini juga akan mengurangkan isu *mismatch* dalam pencarian pekerjaan mereka.

Bagi rancangan penggantian pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang telah disediakan manual peraturannya amatlah dialu-alukan. Ke arah itu proses penggantian pegawai-pegawai hendaklah dilaksanakan dengan penuh bijaksana, telus, adil dan juga mengikut Skim-Skim Perkhidmatan yang telah ditetapkan. Ia hendaklah berdasarkan prestasi kerja cemerlang sama ada ia pegawai lelaki mahupun pegawai wanita. Kerana perkara ini akan memberi suntikan motivasi dan wujud persaingan yang sihat yang akan memberi impak yang baik kepada mutu dan kualiti perkhidmatan awam. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim untuk bercakap.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah pun menyediakan Peruntukan Kewangan yang begitu besar bagi tahun 2014/2015. Dalam kesempatan ini kaola merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri yang telah membentangkannya.

Atas pembentangan Rang Undang-Undang dengan panjang lebar serta cukup jelas terperinci berasaskan tema 'Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan'. Pembentangan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 menggariskan empat teras utama:

1. Memperkasa pendidikan dan latihan;
2. Merancang kegiatan pelaburan;
3. Meningkatkan produktiviti; dan
4. Kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Peruntukan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ialah sebanyak Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Juta Ringgit Brunei ($6,650,000,000.00). Insiatif-insiatif dan perancangan-perancangan yang disediakan memberikan penekanan kepada sasaran untuk melahirkan belia yang terlatih dan berkemahiran serta bergiat aktif dalam kegiatan ekonomi, merancakkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan serta melahirkan kesejahteraan penduduk dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin menyuarakan sokongan dan mengucapkan tahniah atas pembentangan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015, oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Pembentangan yang dibuat adalah jelas dan terperinci.

Kaola juga menyuarakan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan peruntukan belanjawan sejumlah Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Juta Ringgit Brunei ($6,650,000,000.00) bagi Tahun Kewangan 2014/2015.

Alhamdulillah, antara tumpuan utama yang diberikan penekanan melalui Peruntukan Kewangan tahun ini ialah untuk memperkasakan pendidikan dan latihan-latihan kepada rakyat

tempatan terutama golongan belia. Melalui program-program pendidikan dan latihan-latihan, Kerajaan mengharapkan golongan belia akan benar-benar mempunyai kemahiran untuk memasuki dunia pekerjaan.

Berhubung dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan pekerjaan kepada golongan belia, kaola menyambut baik dan mengucapkan syabas kepada Jabatan Tenaga, di Jabatan Perdana Menteri kerana telah mengambil tindakan yang tegas dan berani untuk mengeluarkan *directive* kepada semua firma di sektor minyak dan gas untuk mewajibkan mempunyai 50% pekerja tempatan sebagai prasyarat untuk mendapatkan tender. Menurut penjelasan tadi, kuota 50% ini akan dinaikkan kepada 70% dalam jangka waktu lima tahun akan datang.

Kaola melihat langkah ini adalah bertepatan sekali kerana tanpa wujudnya peluang-peluang pekerjaan dengan cara demikian, golongan muda yang mencari pekerjaan tidak akan dapat bersaing dengan pekerja-pekerja asing yang diberikan keutamaan oleh firma-firma dan syarikat-syarikat tempatan. Jika keadaan ini berterusan, negara tidak akan berjaya mencapai sasaran 80% pengambilan pekerja tempatan seperti yang dihasratkan oleh Wawasan 2035.

Dengan ini, kaola mencadangkan supaya langkah untuk menetapkan kuota atau mewajibkan pengambilan pekerja tempatan kepada syarikat-syarikat tempatan dilaratkan juga kepada sektor di bidang-bidang yang lain yang bersesuaian dengan kebolehan dan keupayaan rakyat tempatan untuk bekerja dalam bidang-bidang tersebut.

Berhubung dengan usaha untuk meningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan awam, kaola melihat mungkin terdapat keperluan bagi Jabatan Perdana Menteri selaku ketua ataupun indung untuk meneliti semula projek-projek dan program-program yang telah dijalankan oleh kementerian-kementerian atau agensi-agensi lain. Untuk menilai semula sama ada projek dan program-program tersebut telah berjaya dilaksanakan secara berkesan atau adakah ianya memerlukan sebarang pembaharuan atau adakah sasaran atau *target* yang telah dirancang merupakan sasaran yang kurang tepat.

Memandangkan sistem pentadbiran Kerajaan yang banyak memerlukan koordinasi antara kementerian-kementerian, mungkin juga berlaku di mana program-program yang dijalankan yang melibatkan beberapa kementerian tidak diselaraskan atau di*streamline* secara berkesan. Perkara-perkara yang kaola sebutkan ini jika dibiarkan ia akan menyebabkan berlaku pembaziran secara berterusan kepada kewangan negara. Dalam masa yang sama, ianya tidak akan membuahkan hasil yang dihasratkan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya

persilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua Kerajaan dapat meneruskan strategi belanjawan yang mengutamakan pengukuhan *stability macro economy*. Iaitu melalui perbelanjaan yang berhemah dan mementingkan *fiscal stability*. Perkara ini adalah juga seperti yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Kesepuluh baru-baru ini.

Baginda juga bertitah supaya Kerajaan membuat perbelanjaan yang mengutamakan *value for money* dan *accountability*. Kaola dengan rendah hati menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penyediaan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015, yang Kerajaan Baginda terus mengutamakan peningkatan kapasiti, meningkatkan usaha untuk memperkembangkan ekonomi, memperkukuhkan sektor swasta dan pemedulian atas kesejahteraan rakyat secara berterusan.

Tahniah juga kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dalam pembentangan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015.

Tema belanjawan berbunyi, "Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan". Perbelanjaan fiskal 2014/2015 memfokuskan kepada memperkasakan pendidikan dan latihan, meningkatkan pelaburan, meningkatkan produktiviti, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara. Kaola amat mengalu-alukan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti modal insan melalui pendidikan dan latihan untuk meningkatkan pelaburan asing dan untuk menjadikan negara sebagai tarikan perniagaan.

Ke arah ini, kaola mengalu-alukan cadangan-cadangan dan skim-skim yang dibentangkan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi, iaitu antaranya yang menarik perhatian kaola ialah usaha untuk mentransformasi ITB sebagai institusi yang berprestasi tinggi di bidang teknologi dan kejuruteraan. Cadangan pembangunan kawasan perindustrian di kawasan Telisai

dengan keluasan lebih 2,000 hektar. Untuk menjadikan negara ini lebih kompetitif, pengurangan cukai syarikat pada 18.5% mulai 2015 yang dengan sendirinya menjadikan negara antara yang mempunyai cukai syarikat yang terendah di rantau ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola membuat beberapa cadangan dan pandangan ringkas mengenai usaha memperkukuhkan perancangan belanjawan Kerajaan. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri tadi, kaola sangat-sangat mengalu-alukan bahawa sistem perbelanjaan sekarang ialah menggunakan kaedah *outcome base* atau berpandukan pencapaian. Kaola di sini menyokong agar kaedah ini dilaratkan pada semua kementerian dengan seawal-awalnya.

Kedua, kaola juga mencadangkan agar *privatization master plan* yang telah disiapkan pada 2012 akan dikaji semula dan diambil kira dalam usaha penswastaan dan meningkatkan lagi perkembangan sektor swasta di negara ini. Pertumbuhan sektor swasta dalam masa panjang, sudah tentunya akan turut membolehkan industri pasaran kapital atau *capital market industry* berkembang di negara ini.

Ketiga, adalah difahami Kerajaan sudah mengenal pasti kaedah perkongsian awam dan swasta atau *private public partnership* untuk digunakan bagi pelaksanakan projek-projek pembangunan. Kaola rasa masanya bersesuaian untuk kaedah ini direalisasikan dalam masa yang terdekat yang dengan sendirinya bukan saja membantu pengurangan perbelanjaan Kerajaan, akan tetapi berpotensi untuk memperkembangkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan Negara. Akhir kata, kaola berdoa semoga usaha kita akan diberkati dan mencapai mengikut tujuan yang dihasratkan. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, kerana telah membentangkan bajet yang secara keseluruhannya menampakkan keadaan yang selesa dan akan disambut baik oleh rakyat dan penduduk Negara ini terutama sekali pengusaha-pengusaha ahli-ahli perniagaan untuk memanfaatkan peluang yang terbuka ini.

Peruntukan yang begitu besar adalah merupakan kurnia Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam melaksanakan berbagai-bagai projek dan pembangunan Negara yang akan dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara ini.

Kaola juga menyokong usul-usul yang telah dibentangkan oleh rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dalam kesempatan ini, kaola tidak berpanjang lebar, cuma kaola ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Kementerian, Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah melaksanakan beberapa projek dan prasarana yang telah dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara ini dalam membangun berbagai-bagai infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam.

Kepada rakyat dan seluruh penduduk Negara ini, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah memberikan segala nikmat dan kurnia yang berterusan kepada kita semua. Itu saja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan dan memberi pandangan atas Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri di sebelah pagi tadi.

Sesungguhnya, kaola serta rakan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Belait, sukacita menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan dan memperkenankan peruntukan yang sangat besar itu.

Seperti mana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah Baginda pada hari perasmian Majlis Mesyuarat Negara Kesepuluh pada 5 hari yang baru lalu, Baginda menasihatkan supaya berbelanja

dengan berhemah dengan mengutamakan perbelanjaan iaitu *value for money* dan *accountability*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola untuk mengongsikan pandangan dan cadangan atas Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Adalah wajar bagi pihak Kerajaan, memperkasa bidang pendidikan dan latihan kemahiran di kesemua aspek pembelajaran kepada belia di Negara ini secara berterusan kerana ianya satu pelaburan yang sangat penting kerana kita tahu belia adalah aset Negara dan bakal pewaris untuk meneruskan wawasan Negara jika kita ingin benar-benar melihat Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang rakyatnya berpendidikan tinggi dan maju di dunia menjelang tahun 2035.

Memandangkan trend perbelanjaan Negara meningkat dari setahun ke setahun, sementara pendapatan Negara menurun maka dengan sebab itu, perlulah kita berhati-hati dalam merancang akan kegiatan pelaburan baik ianya di dalam mahupun di luar negeri. Kita kaji dasar pelaburan kita untuk membolehkan rakyat ikut serta dalam mana-mana pelaburan di negeri ini.

Jika dirasakan sesuai dan bagi menambah pendapatan Negara, adalah dicadangkan supaya kadar cukai bagi produk-produk utama seperti minyak dan gas, perlu dikaji dari masa ke masa mengikut keperluan Negara. Demikian juga, barangan yang bukan dari minyak dan gas, harus dinilai kadar cukainya supaya lebih *attractive* di samping perlu juga mengawal dengan serius harga barangan yang dijual di dalam negeri.

Seterusnya, alhamdulillah, dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sentiasa meningkatkan dan mempelbagaikan aktiviti perekonomian serta berusaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas.

Satu lagi perkara utama Negara ialah pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Kita berharap peruntukan pada tahun 2014, sudah mengambil kira akan keperluannya bagi keluhuran dan kelicinan pentadbiran dan perjalanan undang-undang tersebut. Peruntukan yang mencukupi di peringkat awal ini, kalau kaola tidak silap dengar pada pagi tadi ialah diperuntukkan sebanyak $2 juta untuk latihan dan kursus peningkatan kemahiran di peringkat awal.

Akhirnya, dengan peruntukan yang dibentangkan, kaola penuh berharap kepada pihak-pihak yang diberi amanah untuk membelanjakannya hendaklah berbelanja dengan penuh berhemah seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu berbelanja dengan rasa tanggungjawab dan tidak menyalahgunakannya. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kawan-kawan sekalian. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta’ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Terlebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri kerana telah mengemukakan belanjawan yang cukup lengkap dalam Majlis ini pada pagi tadi semata-mata untuk kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Melalui majlis ini, kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan Baginda kepada rakyat Baginda.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Majlis telah diberi maklum bahawa untuk mengatasi masalah banjir, peruntukan telah disediakan oleh Kerajaan berjumlah jutaan ringgit.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Air ketika waktu banjir berlebihan daripada waktu biasa disebabkan oleh hujan yang berlebihan dan bertembung dengan air pasang dari air laut. Biasanya banjir berlaku pada bulan Disember dan Januari yang menyebabkan beberapa buah kampung di sepanjang Sungai Tutong terlibat seperti mana yang berlaku bulan Januari yang lalu. Pada pandangan, air banjir ini insya-Allah akan berkurangan apabila Projek Lubok Ning iaitu satu empangan yang besar yang sedang dibina pada masa ini akan siap pada hujung tahun ini nanti.

Sehubungan dengan itu, majlis mencadangkan supaya satu kawasan khas disediakan bagi tambatan banjir di kawasan Ulu Tutong iaitu bertempat di Kampung Tasek Merimbun, Tasek Madit kawasan Sopon Merah. Untuk makluman Majlis, kawasan ini cukup luas bagi menampung air yang berlebihan dan dengan secara tidak langsung air yang ada di dalam kawasan ini boleh digunakan untuk projek-projek pertanian di kawasan berhampiran seperti di Kampung-Kampung Kuala Ungar, Rambai, Ukung, Layong, Lamunin, Kiudang dan Tanjong Maya. Air ini akan digunakan oleh petani-petani apabila tiba waktu musim padi. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola dari Daerah Tutong turut serta menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri bagi usul Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 untuk membenarkan pengeluaran sejumlah Enam Ribu Enam Ratus Lima Puluh Juta Ringgit Brunei ($6,650,000,000.00) dari Kumpulanwang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan untuk memperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam jadual.

Maka dengan ini, kaola menghadapkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan Baginda kepada peruntukan perbekalan 2014/2015 dan tidak ketinggalan juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Insya-Allah, dengan adanya peruntukan ini mudah-mudahan dapat lagi digunakan sebaik mungkin untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan Negara.

Dalam pembentangan tadi, antara lain termasuk memperkasa dan mempertingkatkan kemahiran belia dengan memberikan banyak pendidikan dan kursus-kursus teknikal dan vokasional. Oleh itu, kaola cadangkan supaya pembinaan penempatan kursus pembuatan peralatan elektronik domestik dan pembuatan kenderaan pengangkutan awam, mahupun secara *assemble* sahaja. Mudah-mudahan Negara ini ada kereta buatan Brunei bagi memenuhi kehendak masyarakat yang semakin meningkat dan secara tidak langsung menjana ekonomi Negara apabila mengurangkan import kereta dari luar Negara. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad: Terima kasih Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong penuh

pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri sebelah pagi tadi yang begitu komprehensif berasaskan tema "Menjana Pertumbuhan Ekonomi Mewujudkan Peluang Pekerjaan".

Kaola dengan penuh ikhlas dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan Baginda dan hasrat murni Baginda kepada rakyatnya dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan saya percaya dan berharap semua rakyat Negara ini setentunya bersyukur dan menyambut baik peruntukan yang dibentangkan tadi. Kaola di Dewan ini juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri atas kerja keras beliau dalam menyediakan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 yang dinyatakan. Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terlebih dahulu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kaola mengucapkan syukur alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kerajaan telah menyediakan peruntukan kewangan yang begitu besar bagi belanjawan Negara Tahun 2014/2015.

Kaola sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia peruntukan tersebut yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri pada pagi tadi.

Dari segi ajaran Islam tema yang diberikan dalam peruntukan ini iaitu Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan, kalau kaola tidak silap menurut ajaran Islam Kerajaan berkewajipan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk Negara ini. Jadi, peruntukan yang diberikan ini dan temanya adalah bersesuaian dengan ajaran Islam. Kaola hanya menyentuh dalam beberapa perkara mengenai dengan Peruntukan Kewangan Tahun 2014/2015.

Pertama, berkaitan dengan agama. Mengenai peruntukan yang disediakan sebanyak $2 juta bagi membiayai perbelanjaan latihan dan kursus dan juga pemberigaan kepada orang ramai bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Menurut pengalaman kaola sendiri dalam Mahkamah Syariah yang sudah pun berjalan beberapa tahun yang lalu untuk mendapatkan hakim-hakim Mahkamah Syariah bukanlah mudah.

Pada masa ini, beberapa orang hakim Mahkamah Syariah sudah pun berusia lanjut dan perlu para pengganti dan pelapis bagi yang akan menggantikan mereka pada suatu masa nanti. Kerana itu, peruntukan yang disediakan sebanyak $2 juta ini patutlah ditumpukan untuk mendapatkan bakal-bakal hakim dan pegawai-pegawai mahkamah yang berwibawa di masa akan datang.

Kaola berpendapat, adalah baik bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama mendapatkan beberapa orang mahasiswa jurusan syariah dari mana-mana universiti terutama daripada Universiti Al-Azhar untuk bukan sahaja mengambil pendidikan ataupun ijazah dalam syariah tetapi juga kalau boleh mereka mengambil ijazah kedua untuk mengambil jurusan undang-undang sivil di mana-mana universiti seperti mana pernah dibuat latihan kepada pegawai-pegawai untuk mendapatkan hakim-hakim Mahkamah Syariah. Beberapa orang telah mengambil LLB, di Universiti Kebangsaan sehingga sekarang beberapa orang daripadanya telah menjadi hakim Mahkamah Syariah. Jadi, kaola mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama mengkaji perkara ini, barangkali bukan Kementerian Hal Ehwal Ugama barangkali daripada Jabatan Kehakiman Negara untuk mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri bagi melatih beberapa orang pegawai yang sudah ada di mahkamah tersebut untuk mengambil jurusan LLB dan latihan-latihan lain sebagai pelapis kepada hakim-hakim yang ada pada masa ini.

Kedua, mengenai satu peruntukan, kaola bersyukur kerana satu peruntukan, minta maaf kerana belum dapat menjayakan dengan sempurnanya untuk ucapan ini, itu tentang Pertambahan Peruntukan Elaun sebanyak $176,000.00 yang menjadikannya kepada $200,000.00 bagi membiayai peningkatan kadar elaun tenaga pengajar bagi kelas-kelas dewasa agama dan kelas-kelas lanjutan agama. Peruntukan ini membayangkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat prihatin terhadap kemajuan pendidikan agama di kalangan orang-orang dewasa.

Kita sedia maklum sebelum undang-undang mewajibkan pengajian agama, ada ramai penduduk Islam di Negara ini yang tidak pernah mengikuti pelajaran agama di sekolah-sekolah. Kerana itulah Kerajaan menyediakan satu sistem yang komprehensif dalam bidang kelas agama ini supaya lebih maju lagi

di masa akan datang dengan menggunakan peruntukan-peruntukan yang disebutkan tersebut. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang ingin bercakap mengenai dengan Rang Undang-Undang Perbekalan ini? Silakan Yang Berhormat yang mengangkat tangan tadi, siapa tu?

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin yang dirahmati Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى
وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِى يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى

Pertama-tama kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kasih sayangnya kepada rakyatnya dengan memperuntukkan kewangan yang begitu banyak. Begitu juga terima kasih terlebih dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri yang telah membentangkan Perbekalan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015.

Pembentangan itu dengan panjang lebar dan begitu terperinci yang mencakupi semua aspek perkembangan dan pembangunan di dalam Negara. Ini menunjukkan prestasi yang baik bagi Tahun Kewangan Negara dan ini juga suatu tanda alamat yang baik dan cerah bahawa Kerajaan terus mantap bagi melaksanakan projek-projek kesejahteraan rakyat dan penduduknya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Rang Undang-Undang itu tadi sebenarnya sungguh menjurus kepada nadi Negara kerana semua menghala kepada pembangunan fizikal perkembangan dan peningkatan sumber manusia, kebajikan dan kesejahteraan bagi rakyat dan penduduk di Negara ini. Yang jelasnya, menghala kepada pembasmian kemiskinan *A to Z* sesuai dengan hasrat dan cita-cita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan rakyat Baginda hidup aman damai dan sejahtera.

Dalam konteks ini, kaola juga menyokong sepenuhnya akan ucapan-ucapan oleh teman-teman Yang Berhormat tadi, semoga apa yang dibentangkan dalam ucapan itu akan dapat direalisasikan seberapa yang banyak. Akhirnya kaola berpantun,

Burung Pingai dari Melaka,
Hinggap di dahan bunga Kemboja,
Negara Brunei sudah merdeka,
Dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli yang lain ingin bercakap? Silakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli yang lain yang ingin untuk bercakap mengenai dengan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 ini, saya ingin bertanya pada Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat mempersetujui bagi Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali kedua, sila angkat tangan.

(Semua Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan)

Terima kasih. Oleh kerana semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, "Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu" telah pun selesai dibahaskan dengan panjang lebar dan ianya telah pun dibaca bagi kali kedua.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk berehat selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi kita telah pun selesai membahaskan rang undang-undang yang bergelar Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan untuk memperuntukan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu yang mana rang undang-undang itu telah pun dibaca bagi kali kedua dan diluluskan.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang itu dapat dibincangkan satu persatu maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan majlis akan bersidang selaku

Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan Rang Undang-Undang (2014), Perbekalan, 2014/2015 satu persatu.

Yang Mulia Jurutulis II: Bab 2, Ceraian (1), (2).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bab 2, Ceraian (1), (2). Silakan jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membahaskan. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada beberapa isu yang ingin disampaikan iaitu Memperkasa Bumiputera Melayu melalui pelan strategik untuk masa depan pengusaha kecil dan sederhana.

Adakah pihak Kerajaan khususnya Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan pengubal dasar ekonomi membuat pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi menjana Pengusaha Kecil dan Sederhana untuk bersaing dalam industri dan perniagaan.

Yang Berhormat Pengerusi: Maaf Ahli Yang Berhormat, perhatian saya telah pun ditarik bahawa kita belum sampai ke sana lagi cuma yang didahulukan ialah pengeluaran sejumlah wang yang telah pun dinyatakan itu.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Bab 2, Ceraian (1), (2), sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Yang Mulia Jurutulis II: Bab 2, Ceraian (1), (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SAO1A - Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, sebelum Jawatankuasa ini membincangkan bajet Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola mewakili Jabatan Perdana Menteri mengongsikan secara ringkas mengenai Tumpuan dan Keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini.

Tujuan kaola ini adalah semata-mata untuk membantu perbincangan supaya ianya lebih menjurus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dalam hal ehwal belanjawan yang akan dibincangkan. Pada tahun 2014/2015 Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disediakan peruntukan sebanyak $647,833,50.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2014/2015. Jumlah ini telah bertambah sebanyak 2.9% dari Peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014.

Pada Tahun Kewangan 2014/2015, Jabatan Perdana Menteri akan menumpukan aktiviti-aktivitinya kepada beberapa keutamaan.

1) Mencerminkan Kerajaan yang cekap dan berprihatin dengan mempromosikan imej ciri kepimpinan yang proaktif lagi kukuh, *decisive* dan *responsive* serta meningkatkan sikap keterbukaan dan ketulusan.

2) Meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pendedahan pegawai-pegawai perundangan ke arah mewujudkan kepakaran dalam bidang perundangan seperti Perundangan Maritim dan Antarabangsa, Pendakwaan dan Penggubalan Undang-Undang.

3) Memodenisasikan Perkhidmatan Awam melalui pelaksanaan dasar-dasar yang efektif dan meningkatkan kecekapan organisasi untuk memperbaiki kualiti pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dan meningkatkan tahap prestasi, kualiti serta kemahiran (kompetensi) Sumber Tenaga Manusia.

4) Mendukung ke arah penghasilan iklim *probusiness* dengan membantu menghasilkan peluang-peluang pekerjaan yang menarik dalam sektor swasta menjurus kepada mempelbagaikan ekonomi termasuk mempertingkatkan usaha kepada penarikan pelaburan langsung asing dan penghasilan dasar persaingan.

5) Memberikan tumpuan kepada pengawalseliaan, cari gali dan penghasilan, pembangunan perniagaan tempatan, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta meningkatkan jumlah pekerja-pekerja tempatan dalam Industri Minyak dan Gas. Dalam pada itu, usaha-usaha memperbaiki integriti dan kebolehpercayaan sistem pembekalan tenaga elektrik akan diteruskan lagi.

6) Memperkasa keberkesanan penguatkuasaan secara optimum melalui sistem info-komunikasi atau pendekatan *conventional* demi menjaga dan memelihara keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara.

Gaji kakitangan secara keseluruhannya disediakan sebanyak $329,899,450.00 bagi kategori perbelanjaan ini terdapat tambahan bersih 7 jawatan. Manakala, bagi jawatan-jawatan kosong ianya

akan diusahakan untuk dipenuhi melalui proses yang lazimnya dilaksanakan.

Perbelanjaan Berulang-Ulang pada Tahun Kewangan 2014/2015 adalah disediakan sebanyak $274,121,670.00 iaitu bertambah 1.11% daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014. Antara lain, perbelanjaan yang ditambah seperti tambahan peruntukan utiliti sejumlah $950 ribu kepada $1.2 juta dan membiayai kontrak-kontrak pengawalan keselamatan bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya sejumlah $366,400.00.

Tambahan peruntukan bagi peningkatan kemahiran dan kapasiti bagi Institut Perkhidmatan Awam sejumlah $200 ribu kepada $1.7 juta, tambahan peruntukan utiliti berjumlah $1 juta kepada $3.7 juta bagi Pasukan Polis Diraja Brunei dan tambahan peruntukan pemeliharaan sistem janakuasa sejumlah $1.5 juta kepada $2.8 juta di Bahagian Janakuasa, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Manakala, bagi perbelanjaan khas Tahun Kewangan 2014/2015 adalah disediakan $43,811,930.00 iaitu bagi melaksanakan 39 projek pembelian baru berjumlah $34,277,855.00 dengan harga rancangan $181,047,514.00 dan 22 projek pengambilan semula berjumlah $9,534,075.00 dengan harga rancangan $32,405,156.00. Ini adalah termasuk bagi perlaksanaan projek *GEMs* di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan beberapa projek yang peruntukannya yang dipindah dari Kementerian Kewangan bagi tujuan untuk memudahkan pengurusan pembelian pelaksanaan projek dan meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan perbelanjaan iaitu projek kerja-kerja penyediaan Tapak Taman Perindustrian Marin berjumlah $4 juta di Jabatan Tenaga peningkatan taraf sistem bekalan elektrik dan *Long Term Service Agreement For The Maintenance Of Gas Turbine Generator At The Department Of Electrical Services Power Station*, sebanyak $18 juta di Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Sekianlah saja, secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan-tumpuan utama dan perkara-perkara keutamaan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi tahun Kewangan 2014/2015 ini. Sebelum mengakhiri apa jua soalan dan kemusykilan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, juga akan turut dijawab dan diterangkan oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy),* di Jabatan Perdana Menteri, khasnya terhadap isu-isu jabatan yang di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Tenaga. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyampaikan beberapa isu dalam Majlis ini.

Memperkasa bumiputera melalui pelan strategik untuk masa depan pengusaha kecil dan sederhana. Ini adalah bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Khamis yang lepas. Soalan, adakah pihak Kerajaan, khususnya Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Penggubal Dasar Ekonomi membuat pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi menjana pengusaha kecil dan sederhana untuk bersaing dalam industri dan perniagaan. seperti:

i. Memantapkan ekuiti pengusaha kecil dan sederhana dalam memacu mereka ke arah yang lebih dinamik. Sesuai dengan Wawasan Negara 2035, kita ingin melihat pengusaha kecil dan sederhana ini akan menjadi pengusaha yang bukan sahaja bergiat dalam bidang skala kecil malahan akan dapat bersaing di arena antarabangsa;

ii. Mengukuhkan aset bukan kewangan dengan mereka perlu mempunyai aset yang boleh menjamin masa depan perniagaan dan dapat menjana ekonomi yang lebih mantap serta kukuh sebagai warisan generasi yang akan datang;

iii. Memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan dengan memberikan peluang dalam berbagai projek Kerajaan yang sedang dilaksanakan seperti Rancangan Perumahan Negara, Pembinaan Lebuh Raya, Jambatan dan beberapa projek yang sederhana ataupun mega yang giat berjalan pada masa ini. Peluang seumpama ini, patut diberikan dalam bentuk pembahagian projek mengikut fasa, seperti pecah tanah, pembinaan infrastruktur (bagi Rancangan Perumahan Negara) dan pembinaan rumah-rumah bagi pengusaha yang ada potensi sekadar kemampuan mereka.

Dengan yang demikian, mereka akan lebih berdaya saing dan dapat meningkatkan kualiti kerja. Pendedahan sedemikian ini amat penting dalam mengasuh dan memperkasa pengusaha kecil dan sederhana menuju apa yang diharapkan agar dapat bersaing dengan bukan bumiputera.

iv. Menetapkan ekosistem pengurusan dan perkhidmatan; dalam usaha menuju ke arah keusahawanan yang ingin berdaya maju dan terlibat di arena antarabangsa adalah perlu memberikan latihan dan pendedahan yang bersesuaian dengan suasana iklim perniagaan masa kini. Pengusaha kecil dan sederhana perlu meningkatkan usaha, memperkemas dan

memperbaiki sistem pengurusan yang lebih cekap dan menepati piawaian antarabangsa.

Diharapkan pihak Kerajaan akan dapat memberikan berbagai kemudahan serta bantuan yang diperlukan bagi mereka memertabatkan potensi mereka dalam sama-sama membangun Negara ini hasil usaha kitani orang Brunei. Kita tidak ingin melihat ada *investment* daripada luar hanya sekadar mengaut keuntungan dalam jangka masa pendek dan menjadikan Negara ini sebagai persinggahan sementara bagi meraih keuntungan tanpa menghiraukan pekerja yang mereka ambil yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara ini (mereka bergiat sementara saja).

Yang Berhormat Pengerusi, mengikut surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, bilangan 13/2006, Negara Brunei Darussalam bertarikh 21 Jamadilawal 1427 bersamaan 17 Julai 2006, mengenai pengurniaan kenaikan mata gaji khas, *accelerated increment* sebagai menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, semua kakitangan dalam Perkhidmatan Awam, Anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, sama ada dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan, berkontrak, *'open vote'* ataupun bergaji hari, yang sedang di dalam perkhidmatan Kerajaan pada 15 Julai 2006 di dalam Bahagian II dan ke bawah adalah diberikan Mata Gaji Khas (*accelerated increment)* khususnya pada tahun itu sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi, menurut kadar yang ditetapkan mengikut bahagian masing-masing kenaikan mata gaji tahunan akan diberikan dengan kadar biasa yang telah ditetapkan seperti lazimnya mengikut tarikh kenaikan mata gaji masing-masing dan akan berakhir pada penghujung tangga gaji pada jawatan masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi. Kenaikan ini melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang ditetapkan seperti berikut:

i. Bahagian II - 2 kenaikan mata gaji;
ii. Bahagian III - 3 Kenaikan mata gaji;
iii. Bahagian IV - 6 kenaikan mata gaji; dan
iv. Bahagian V - 9 kenaikan mata gaji.

Isunya ialah Yang Berhormat Pengerusi perkiraan kenaikan gaji khas itu hanya melibatkan pegawai dan kakitangan berdasarkan kepada perkiraan gaji dan tanggagaji yang diterima pada 15 Julai 2006. Manakala pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat selepas

tarikh itu, tidak menikmati kenaikan gaji mati khas.

Kesan daripada ketetapan itu, nampak terdapat perbezaan dari segi gaji bulanan yang diterima pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat sebelum dan selepas tarikh Surat Keliling itu dikeluarkan iaitu pada 15 Julai 2006.

Cadangan diajukan di Majlis yang mulia ini, ialah kerana kita bercakap mengenai dengan soal dasar yang dari segi perspektif keseimbangan hak pegawai-pegawai yang tidak menerima kenaikan mata gaji khas (*accelerated increment)* tersebut.

Maka, sukacita dicadangkan Yang Berhormat Pengerusi di Majlis yang mulia ini, supaya kenaikan mata gaji itu dilaratkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang memulakan perkhidmatan mereka selepas tarikh penguatkuasaan Surat Keliling yang dikeluarkan pada 15 Julai 2006.

Dicadangkan jua, supaya kenaikan mata gaji khas diberikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat mengikut tarikh ditetapkan itu, iaitu seperti:

i. Bahagian II, kenaikan mata gaji selepas 2 tahun berkhidmat;
ii. Bahagian III, 3 kenaikan mata gaji, selepas 3 tahun berkhidmat;
iii. Bahagian IV – 6 kenaikan mata gaji, selepas 6 tahun berkhidmat; dan
iv. Bahagian V – 9 kenaikan mata gaji, selepas 9 tahun berkhidmat.

Dengan melaratkan kenaikan gaji khas ini, Yang Berhormat Pengerusi, semua pegawai dan kakitangan yang dimaksudkan sekurang-kurangnya akan dapat membantu meningkatkan pendapatan bulanan pegawai-pegawai dan kakitangan yang belum menikmati faedah yang diberikan itu, seperti mengurangkan beban dalam mengimbangi tahap keperluan kehidupan seharian yang semakin meningkat. Kalau beberapa tahun yang lalu, kadar kenaikan itu belum lagi meningkat tapi sekarang berbanding dengan pada masa ini, ia akan semakin meningkat. Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat, cuma cadangan ini ada menyentuh mengenai dengan:-

i. Jabatan Perancangan Kemajuan dan Ekonomi (JPKE); dan

ii. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Jadi, kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi, sekiranya kaola akan menjawab apabila kita membincangkan bajet yang berkenaan dengan Jabatan Perancangan dan

Kemajuan Ekonomi (JPKE) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mudah-mudahan tidak terkeluar tajuk apa yang akan kaola bawakan ini. Kaola ingin membentangkan satu masalah sewa beli terutama bagi pembelian kenderaan. Apabila penyewa gagal untuk menjelaskan bayaran bulanan selama antara tiga ke empat bulan, maka syarikat kewangan tersebut akan menarik balik kenderaan tersebut. Apabila kenderaan tersebut dijual untuk mendapatkan semula baki tanggungan hutang penyewa, maka seringkali harga jualan tersebut adalah jauh lebih murah dan ada kalanya cuma separuh dari nilai harga jualan yang ditetapkan oleh pihak bank berkenaan.

Dalam harga penjualan ini penyewa (orang yang berhutang) tidak dilindungi di bawah Perintah Sewa Beli 2006 *(Hire Purchase Order 2006)* malahan ianya lebih berpihak kepada pemilik (bank) seperti yang tersebut di dalam Perkara 17(4) yang menyatakan *"Where the owner has sold goods of which he has taken possession, the onus of proving that the price obtained by him for the goods was the best price that could be reasonably obtained by him at the time when he took possession of the goods lshall lie upon the owner"*. Antara lain, bab ini memberikan hak pembebasan kepada pemilik untuk menentukan harga boleh semunasabahnya diperolehi dari pemilik (bank). Harga terbaik yang boleh semunasabahnya itu satu perkara yang subjektif, kerana hak menentukan diserahkan pemilik (bank) untuk menentukan.

Apa yang sering berlaku, kerana keghairahan pihak bank untuk mendapatkan balik wang yang dipinjamkan kepada penyewa secepat mungkin, maka seringkali harga tawaran serendah 50% atau 60% dari nilai yang ditetapkan, diterima sahaja oleh pihak bank. Pihak bank mengetahui bahawa kekurangan di antara 40% atau 50% akan dapat dituntut kepada penyewa. Oleh yang demikian, kaola mencadangkan supaya:

i. Pihak berkuasa dalam Kerajaan seperti Kementerian Kewangan, patut membuat siasatan sama ada terjadi penyelewangan dalam hal penjualan ini atau terjadi pakatan sulit antara pegawai dan pemilik syarikat penjual kereta terpakai. Kelazimannya, kenderaan yang ditarik syarikat penjual kereta terpakai dengan harga yang murah, kemudian dijual dengan harga yang mahal. Perkara ini berlaku sekian lama, pihak yang menjadi mangsa adalah orang ramai, yang menjadi penyewa, yang tidak mempunyai sumber kewangan untuk mendapatkan khidmat peguam. Perbezaan harga jualan tersebut

bak kata pepatah "sudah jatuh ditimpa tangga".

ii. Perintah Sewa Beli 2006 *(Hire Purchase Order 2006)* Perkara 17(4) hendaklah dipinda dengan menentukan harga terbaik untuk boleh semunasabahnya diperolehi, hendaklah tidak kurang dari 80% atau 85% dari nilai harga jualan pada masa itu dan jika kurang dari nilai yang ditetapkan, maka perbezaan tersebut hendaklah ditanggung oleh pemilik (bank). Dengan demikian maka pihak penyewa akan mendapat perlindungan dan tidak menjadi mangsa pihak bank sewenang-wenangnya menjual dengan harga yang tidak berpatutan.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, nampaknya soalan ini adalah mengenai saranan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit tadi. Masalah ini nampaknya adalah antara penjual, pembeli dan pihak bank. Jadi dalam keadaan ini, nampak-nampaknya apa yang kitani lihat di sini ini bukannya kena-mengena dengan apa yang kitani bincangkan pada waktu ini. Jadi kaola cadangkan supaya Yang Berhormat Awang Haji Tahamit akan dapat menghubungi AMBD, untuk mengajukan cadangan-cadangan pembaikan-pembaikan tersebut nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

i. Pengawalan terhadap aliran-aliran sungai terutamanya yang merentasi persempadan negara perlu diwujudkan dan diperketatkan memandangkan ianya adalah salah satu sumber utama bagi air di Negara Brunei Darussalam. Air sungai yang mengalir turut menyumbangkan antara lain kepada penambahan terhadap *water reservoir* di Negara Brunei Darussalam, di samping menjadi sumber kehidupan bagi alam flora dan fauna. Di sebalik itu, pembangunan di Sarawak, terutamanya yang melibatkan sungai-sungai perlu dipantau dari masa ke semasa, ini memandangkan sungai-sungai Brunei juga berhubung dengan sungai-sungai yang mengalir di Sarawak. Ini mengambil kira terhadap beberapa senario yang boleh terjadi kepada Negara Brunei Darussalam akibat pembangunan tersebut seperti pembangunan industri di Kuala Baram, boleh menjejaskan kebersihan dan mutu

air Sungai Baram dan seterusnya mengalir, aliran air tersebut boleh sahaja memasuki sungai-sungai di Brunei dan mencemarkannya.

ii. Penanaman ladang kelapa sawit yang berdekatan dengan sungai-sungai boleh mengakibatkan kekurangan air sungai dan ianya juga boleh sahaja menjejaskan garis sempadan negara memandangkan sempadan Negara Brunei Darussalam digariskan melalui *water shade principal*.

iii. Pembinaan empangan-empangan di sungai-sungai di Negeri Sarawak, boleh menjejaskan dan menyekat daripada air tersebut untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menjejaskan isi padu air di Negara Brunei Darussalam terutamanya *water catchman* ataupun *water reservoir* negara;

iv. Sungai Pandaruan yang melibatkan Daerah Temburong dan Limbang, Sarawak, perlu dilakarkan satu perjanjian dalam penggunaan sungai tersebut supaya dapat diguna sama bagi memastikan tidak ada sebarang pertelingkahan antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak.

v. Pengawalan di Teluk Brunei juga perlu diusahakan bagi mana-mana industri termasuk perikanan, minyak dan gas. Perlu adanya peraturan yang bersesuaian bagi memastikan Teluk Brunei tidak dicemari supaya sumber ikan di sana tidak kehabisan.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam perlu melakar perjanjian dengan Malaysia berhubung dengan isu air, bagi memastikan sumber air ke Negara Brunei Darussalam tidak terganggu dan dalam masa yang sama juga memastikan aktiviti penanaman kelapa sawit di persempadan negara tidak menjejaskan garis sempadan negara.

Selain itu, perjanjian bagi penggunaan air yang sudah dipraktikkan di Asia Tenggara iaitu *Mekong Valley Commission* antara Thailand, Laos, Cambodia dan Vietnam. Begitu juga, perjanjian yang serupa juga dipraktikkan antara Singapura dan Malaysia mengenai penyaluran air ke Singapura. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)* ada mahu bercakap, silakan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy):* Bukan juga waktunya untuk membincangkan, malahan, perkara ini Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga *involved.* Ia merujuk kepada *Letter Of Exchange* yang akan dimeterai antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Mungkin soalan itu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dapat menjawabnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi Kita tunggu sehingga sampai ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) ingin bercakap? silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi ingin menambah sahaja. Untuk makluman terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Untuk penerangan pada masa ini ada satu Jawatankuasa Pembatasan Sempadan di antara Brunei dan Malaysia yang pada masa ini mengukur bahagian *land demarcation* dan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu adalah perkara yang boleh dirundingkan dalam *joint commission* ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua). Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap? Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB), kaola tidak pasti sama ada di bawah Jabatan Perdana Menteri, ada satu badan nasional yang bertanggungjawab untuk melestari, menyebarluaskan dan memantapkan serta mengukuhkan lagi cara hidup Melayu Islam Beraja yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) juga adalah bertanggungjawab untuk memantau apa saja perkara yang berkaitan dengan Melayu Islam Beraja (MIB). Kaola ingin mengetahui sahaja apakah inisiatif dan kejayaan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) sejauh ini dalam memastikan yang ianya diamal oleh rakyat di Negara Brunei Darussalam ini? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (SMTMIB) pada masa ini ditempatkan di Kementerian Pendidikan. Dengan izin Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan menjawab soalan itu nanti bila tiba kepada Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk membahaskan tajuk ini, ada baiknya tajuk ini diundi siapa bersetuju diluluskan angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita beralih semula ke peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Selasa, 9 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 11 Mac 2014 Masihi pada pukul 10.00 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 9 Jamadilawal 1435 / 11 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi

Yang Mulia Jurutulis II: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam bersidang bagi hari keempat, hari Selasa, 9 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 11 Mac 2014 Masihi, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat serta keizinan-Nya jua, kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan perbincangan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari keempat. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Susunan Kerja pada pagi ini akan didahului dengan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Perkara ini hanya akan dibincangkan selama 30 minit. Seperti biasa bagi Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis yang belum sempat dibincangkan akan disentuh pada kemudian nanti.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga ke hari ini sebanyak 12 Soalan Yang Telah Diberi Notis telah dapat diselesaikan dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan. Kelmarin Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri telah membentangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk Membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan penjelasan dengan panjang lebar. Pada petang kelmarin, kita telah bersidang di peringkat Jawatakuasa untuk membincangkan Jadual Rang Undang-Undang tersebut dan masih terdapat banyak lagi Tajuk yang perlu dibincangkan dan diluluskan. Oleh yang demikian, sekarang saya mempersilakan Jurutulis untuk memulakan Soalan-Soalan Perkara V selanjutnya.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan Yang Diberi Notis No. 11 daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. *Darussalam Assets Sdn. Bhd* ditubuhkan sebagai Syarikat Pelaburan (*Investment Holding Company*) milik Kerajaan yang ditubuhkan pada awal tahun 2013 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Saya difahamkan bahawa peranan utama syarikat ini ialah untuk memantau operasi Syarikat-Syarikat Milik Kerajaan *(Government Link Companies)* khususnya meneliti prestasi pelaburan Kerajaan yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Saya mencadangkan nama-nama syarikat dan laporan mengenai Syarikat-Syarikat Milik Kerajaan yang dipantau oleh *Darussalam Assets Sdn. Bhd* hendaklah dibentangkan di Majlis Mesyuarat Negara. Laporan tersebut hendaklah termasuk jenis atau aktiviti

pelaburan dan prestasi kewangan terkini syarikat-syarikat tersebut. Saya percaya *Royal Brunei (RB)* adalah salah satu syarikat yang dalam pemantauan *Darussalam Assets Sdn. Bhd.*

Khusus mengenai *Royal Brunei (RB)* ini, terdapat beberapa perkara dalam siaran media baru-baru ini yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan *Royal Brunei (RB)* (Timbalan Pengerusi) seperti berikut:

a) Pembelian 5 buah pesawat jenis *787 Dreamliner* dan masa ini sebahagiannya sudah diterima dan sudah beroperasi;

b) Bilangan kakitangan dapat dikurangkan dari 2,000 orang kepada 1,500 orang dengan penjimatan kos sebanyak $100 juta;

c) Cadangan pembelian 10 buah pesawat jenis *Short-Haul Aircraft*;

d) Cadangan penjualan saham atau mendapat *equity partner.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin tahu:

i) Berapakah jumlah kewangan yang dilabur di perenggan (a) dan jumlah kewangan yang dijangka dilabur di perenggan (c) di atas?;

ii) Apakah kedudukan 500 orang kakitangan yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka sekarang dan adakah mereka ini sudah mendapat pekerjaan yang baru atau masih menganggur?; dan

iii) Apakah implikasinya jika *Royal Brunei (RB)* tidak lagi menjadi milik penuh Kerajaan?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar atas saranan dan pertanyaan yang telah diajukan tadi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, *Darussalam Assets Sdn. Bhd* telah ditubuhkan pada tahun 2013.

Jadi *Darussalam Assets Sdn. Bhd* ini sebenarnya bertujuan untuk mengurus secara aktif pelaburan Kerajaan dalam syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan *(GLC)*. Semua *GLC* ini ditubuhkan sebagai syarikat korporat di bawah Akta Syarikat (Penggal 39). Oleh itu selaras dengan keperluan Akta Syarikat, Lembaga Pengarah Syarikat telah pun dilantik untuk memantau pengurusan dan pentadbiran syarikat-syarikat berkenaan yang bertanggungjawab kepada Kerajaan selaku pemilik.

Perkara ini selaras dengan struktur urus tadbir ataupun *governance* yang telah ditetapkan dalam undang-undang.

Sebagai Lembaga Pengarah Syarikat ahli-ahli mempunyai tanggungjawab di bawah undang-undang untuk memastikan kepentingan syarikat diberikan keutamaan. Oleh itu, Lembaga Pengarah Syarikat hendaklah memastikan pelaburan dan prestasi kewangan diurus dengan efisien dan berkesan.

Bagi *Darussalam Assets Sdn. Bhd* struktur urus tadbirnya telah diperkukuhkan lagi untuk meningkatkan ketelusan pengurusannya. Lembaga Pengarah *Darussalam Assets Sdn. Bhd* adalah bertanggungjawab kepada Badan Penyelia atau *Supervisor's Board* yang ditubuhkan yang seterusnya akan menyembahkan sebarang laporan berkaitan operasi dan prestasi kewangan syarikat ini.

Di samping itu, sebagai sebuah korporat syarikat-syarikat ini juga dikehendaki untuk menghadapkan maklumat-maklumat tertentu kepada pendaftar syarikat-syarikat ataupun *Register of Companies* di Kementerian Kewangan. Oleh itu, mana-mana pihak termasuk orang-orang ramai boleh memeriksa maklumat-maklumat tersebut dengan dikenakan jumlah bayaran yang maksimam.

Mengenai persoalan berkaitan jumlah kewangan yang dilaburkan bagi pembelian pesawat-pesawat *Boeing 787 (B787)* dan pembelian pesawat-pesawat *short-haul,* perkara ini adalah merupakan transaksi komersial di mana sebagaimana juga amalan lazimnya bagi sektor ini, harga jualan pesawat adalah merupakan maklumat sulit seperti yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli pesawat dengan pihak pengeluar pesawat.

Pembelian pesawat *B787* adalah berdasarkan perjanjian penyewaan pesawat yang telah dibuat pada tahun 2006 yang kemudiannya diselaraskan dengan perjanjian jual beli pesawat pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, mengenai pembelian pesawat *short-haul,* perkara ini masih lagi dalam proses penelitian serta rundingan dengan pihak pengeluar pesawat termasuk terma-terma, syarat-syarat pembelian sebelum keputusan muktamad mengenainya dibuat.

Berhubung pengurangan bilangan kakitangan di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, jumlah yang terlibat sebenarnya adalah seramai 431 orang dan bukannya 500 orang sebagaimana yang dilaporkan. Daripada jumlah tersebut, 224 orang adalah pekerja-pekerja luar negeri *(expatriate)* dan pekerja tempatan adalah seramai 207 orang.

Penamatan mereka ini adalah secara sukarela atau pun *voluntary*, di mana kakitangan yang bersetuju dengan *package* persaraan yang ditawarkan saja, akan ditamatkan perkhidmatannya.

Selain ditawarkan *package* kewangan, mereka juga ditawarkan untuk menjalani program latihan selama dua bulan dan seterusnya juga diberikan bantuan bagi mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan lain yang bersesuaian. Sebahagian mereka juga telah hampir mencapai umur persaraan.

Dalam hubungan ini Royal Brunei (RB) tidak ada maklumat mengenai kedudukan mereka, sama ada telah bekerja semula ataupun sebaliknya.

Sebagai makluman jua, pengurangan tenaga manusia di Royal Brunei (RB) adalah bagi menyelaraskan dan menyesuaikan dengan keperluan *network reconfiguration* yang baru. Di sini sukacita juga mengongsikan, bahawa dengan pengurangan operasi Royal Brunei (RB) ianya telah dapat mengurangkan kos operasi serta kerugian yang dialami oleh syarikat ini secara *significant*.

Ini telah membolehkan Royal Brunei (RB) memperkenalkan *employment package* baru yang bersesuaian kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Royal Brunei (RB) termasuk tawaran kadar gaji pokok yang lebih baik, pemberian bonus tahunan serta kenaikan elaun-elaun tertentu. Langkah ini adalah semata-mata untuk menjamin kesejahteraan pegawai dan kakitangan (RB) terutama pekerja-pekerja tempatan.

Royal Brunei (RB) merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Darussalam Sdn Bhd., iaitu syarikat pelaburan milik penuh Kerajaan yang dikendalikan di bawah *Minister of Finance Corporation (MOFC)* selaku *Black Carrier*. Syarikat ini memainkan peranan strategik bagi menyediakan perhubungan melalui pengangkutan udara dengan negara luar. Ianya adalah bagi mendukung keperluan strategik negara ini bagi kemudahan-kemudahan tertentu seperti aktiviti perekonomian dan pelaburan, pelancungan dan urusan-urusan lain.

Setakat ini, Kerajaan tidak ada perancangan untuk menjemput mana-mana pihak untuk menjadi rakan kongsi melalui penyertaan ekuiti, kerjasama yang dipertimbangkan hanyalah terhad kepada kerjasama secara operasi seperti *code-sharing,* operasi kargo dan sebagainya.

Oleh itu, kaola tidak dapat memberikan ulasan mengenai dengan persoalan ini yang berbentuk spekulatif. Sekian Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mempunyai tiga perkara untuk kaola tujukan kepada tiga Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Radio Televisyen Brunei (RTB), Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Mula-mula kaola akan bercakap mengenai dengan Radio dan Televisyen Brunei (RTB). Radio dan Televisyen Brunei adalah stesen penyiaran Kerajaan yang berperanan sebagai penyalur maklumat Kerajaan pada rakyat dan penduduk di Negara ini.

Peranan dan tugas berkenaan adalah semakin mencabar akibat perubahan suasana persekitaran yang menjana oleh arus permodenan serta ekspetasi penonton dan pendengar. Malah ianya berhadapan dengan cabaran dan saingan televisyen negara jiran dan swasta. Dalam hal ini, Radio Televisyen Brunei (RTB) adalah disarankan menambah nilai dan mempertingkatkan rancangannya agar relevan dan diminati oleh masyarakat tempatan dan berupaya menghasilkan lebih banyak terbitan-terbitan tempatan yang boleh dipasarkan di peringkat serantau dan global.

Saya ingin bertanya, adakah pihak Radio Televisyen Brunei (RTB) sudah membuat kajian dan persediaan dalam menyaingi terbitan-terbitan televisyen swasta luar negara dengan mengambil kira persaingan dari penerbitan dan pengeluaran rancangan-rancangan yang bermutu dari saluran televisyen swasta yang masyarakat tempatan banyak mempunyai pilihan.

Kedua, adakah perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) bagi tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang. Kerana siaran Radio Televisyen Brunei (RTB) sudah boleh didengar atau ditontoni melalui talian *internet* oleh masyarakat antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub atas soalan-soalan yang diberikan, yang mana menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat Pehin tadi pada isu-isu penting yang berkaitan dengan kedudukan Radio Televisyen Brunei (RTB) sebagai penyedia media Kerajaan.

Perlulah kita sama-sama fahami bahawa Radio Televisyen Brunei (RTB) adalah sebuah badan penyiaran Kerajaan, mempunyai tanggungjawab bagi menyediakan program-program siaran yang bersesuaian dengan prinsip Melayu Islam Beraja.

Selaku agensi penyiaran Kerajaan, Radio Televisyen Brunei (RTB) perlu memberikan lebih fokus kepada agenda Kerajaan dan memupuk perpaduan rakyat, pembangunan individu dan masyarakat dan misalnya merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir. Ianya sangat berbeza dengan saluran-saluran swasta yang lebih berpandukan kepada pertimbangan-pertimbangan komersial

dan *rating* dalam penyediaan program-program yang disiarkan.

Namun begitu Radio Televisyen Brunei (RTB) terus mempertingkatkan kualiti dan kuantiti siarannya. Jika dulu ketika saluran komersial mula berkumandang di udara, Radio Televisyen Brunei (RTB) cuma mempunyai satu atau dua saluran televisyen dan begitu juga bagi siaran radionya ke udara terhad ke beberapa jam sahaja. Kini Radio Televisyen Brunei (RTB) mempunyai lima saluran televisyen dan lima rangkaian radio dengan *genre* rancangan-rancangan yang bersesuaian dengan khalayak sasaran bagi saluran dan rangkaian masing-masing dari berbentuk informasi hiburan dan juga keagamaan.

Untuk menjadikan Radio Televisyen Brunei (RTB) terus relevan dan menjadi penyedia siaran pilihan, Jabatan berkenaan telah melaksanakan kajian penonton, pendengar *(audience survey)* pada setiap tahun dengan objektif untuk mengetahui trend penonton dan pendengar Radio Televisyen Brunei (RTB) dan mendapatkan maklum balas mengenai rancangan-rancangan radio dan televisyen yang telah disiarkan.

Hasil dari perbandingan kajian yang dilaksanakan pada tahun 2013 dengan kajian pada 2009 menunjukkan terdapatnya penurunan penonton televisyen kepada 77% dari 84% yang menurut pihak konsultan, trend penurunan penonton televisyen ini adalah selari dengan trend global. Namun begitu, terdapat peningkatan dalam jumlah pendengar radio kepada 67% dari 52% bagi mereka yang berumur 18 ke 60 tahun.

Kajian ini juga mendapati kenaikan penggunaan *internet* secara am dari 27% kepada 63% yang merupakan satu saluran yang berpotensi dan Radio Televisyen Brunei (RTB) sudah pun mengorak langkah ke arah penggunaan saluran ini. Radio Televisyen Brunei (RTB) telah pun berusaha dengan meningkatkan mutu isi kandungan setiap penerbitan melalui proses yang ditetapkan untuk memastikan rancangan yang berkualiti sambil pada masa yang sama membuat penambahan penerbitan rancangan-rancangan televisyen tempatan yang menggunakan *facility high definition*.

Di samping melaksanakan penerbitan rancangan secara dalaman (*in house production*) Radio Televisyen Brunei (RTB) juga kini menggunakan penswastaan *outsourcing* bagi penerbitan drama bersiri, program-program majalah, keagamaan, kanak-kanak, belia dan sebagainya. Ini membolehkan penyediaan rancangan-rancangan dengan cara yang lebih inovatif dan dapat memenuhi cita rasa penonton yang sememangnya *demanding* dari sebelumnya. Pembangunan *capability* dalaman adalah sangat penting jika kita mahu melihat Radio Televisyen Brunei (RTB) terus mampu melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, beralih kaola kepada Soalan No. 2, iaitu perancangan Radio Televisyen

Brunei (RTB) bagi tempoh 10 ke 20 akan datang. Jika diteliti dengan mendalam, persoalan ini mempunyai kesinambungan dengan apa yang telah ditimbulkan soalan awal tadi. Ianya langkah-langkah Radio Televisyen Brunei (RTB) bagi memastikan ianya terus dapat memberikan sumbangan kepada Negara sambil pada masa yang sama menyaingi dari penyedia saluran lain. Hanya bagi soalan ini, ianya merujuk pada siaran-siaran yang dapat diterima melalui *internet*.

Maka dengan itu, kaola hanya akan memberi jawapan yang sesingkatnya kepada soalan No. 2 ini. Kaola berpendapat selain dari menerima siaran melalui *internet* sebagai satu saingan, kita perlu meneliti bagaimana perkembangan dalam bidang *internet* ini dapat dijadikan sebagai satu *advantage* bagi Radio Televisyen Brunei (RTB).

Apa tidaknya melalui penggunaan *internet,* siaran-siaran kita di Brunei dapat diikuti dan didengar oleh anak-anak kita yang berada jauh di perantauan termasuk United Kingdom, United States of America, Australia dan Egypt. Radio Televisyen Brunei (RTB) sebenarnya telah pun menyedari keperluan ini dan akan terus berusaha membekalkan dirinya dengan teknologi yang diperlukan, malah lebih penting lagi membina sumber tenaga manusia yang kreatif dan profesional. Alhamdulillah, dalam hal ini Radio Televisyen Brunei (RTB) juga telah merangka perancangan tempatan dengan mensasarkan 4 strategi utama, iaitu:

i) Penerbitan Rancangan Radio dan Televisyen yang berkualiti;

ii) Mengikuti perkembangan ke arah penghijrahan siaran digital;

iii) Mengeratkan rangkaian kerjasama dengan *Stakeholder;* dan

iv) Pembinaan modal insan yang kreatif dan profesional.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dari apa yang kaola sampaikan tadi boleh disimpulkan yang Radio Televisyen Brunei (RTB) insya-Allah akan terus dapat memainkan peranan sebagai penyiar media rasmi Kerajaan melalui langkah-langkah *sub-evolution* dan seterusnya penggambilan langkah-langkah pembaharuan dari masa ke masa. Ianya akan terus kekal relevan dalam membantu mengetengahkan bukan sahaja agenda-agenda Kerajaan malah juga pada mempertahankan dan mengetengahkan budaya dan pegangan hidup orang-orang Brunei di mata dunia. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan No. 13 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara No. 2 yang ingin kaola timbulkan, adalah diakui bahawa Biro Kawalan Narkotik (BKN) sudah melakukan pelbagai pendekatan untuk menangani masalah yang berbangkit atau akibat daripada dadah. Sejak 1988, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah berusaha keras menangani masalah penyalahgunaan dadah di negara kitani dengan menganjurkan pelbagai program dan pendekatan terkini. Namun, kejadian pengedaran dan penagihan dadah terus berlaku, malah ada penagih-penagih sudah sembuh akan menjadi penagih sekali lagi. Tidaklah dinafikan peranan ibu bapa dan masyarakat adalah penting dalam menangani permasalahan ini. Penglibatan *NGO* juga sangatlah perlu bagi membantu menjayakan program yang diungkayahkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN). Demikian juga, penglibatan Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung sebagai pemimpin akar umbi sangat mustahak dan menjadi mata dan telinga Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Jika sekiranya langkah-langkah yang dibuat oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) pada masa ini kurang berjaya, adakah sudah langkah-langkah dan kaedah atau pendekatan lain yang terkini dibuat oleh pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) selain yang dilakukan atau yang sudah dilaksanakan pada masa ini? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy):* Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kerana membangkitkan suatu persoalan yang menarik mengenai tugas dan tanggungjawab serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Biro Kawalan Narkotik ringkasnya (BKN).

Alhamdulillah, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah berjaya melaksanakan tugasnya walaupun masih terdapat ruang untuk pembaikan pada menangani masalah dadah di Negara Brunei Darussalam, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah pun dan insya-Allah akan terus berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang proaktif dan releven memastikan keadaan kes pengedaran dan penagihan dadah Negara Brunei Darussalam akan dapat dikendalikan.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam kes pengedaran dan penyalah penggunaan dadah masih dalam keadaan yang terkawal. Dengan kadar penagihan semula adalah dalam keadaan rendah. Namun begitu, kita tidaklah seharusnya merasa selesa

ataupun *complacent* dengan keadaan ini kerana pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seperti pengedar dadah akan sentiasa mencari peluang bagi mengaut keuntungan melalui aktiviti-aktiviti haram mereka tersebut.

Pelan Strategi Biro Kawalan Narkotik (BKN) bagi tahun 2009 ke 2015 telah menggariskan strategi utama penggurangan bekalan dan kehendak bagi menangani masalah dadah di Negara ini selaras dengan Wawasan Negara 2035 iaitu mengurangkan kadar jenayah. Strategi Jabatan Perdana Menteri, iaitu mengukuhkan keupayaan nasional dalam pembanterasan jenayah dan akan menangani krisis nasional dan isu keselamatan bukan tradisional.

Begitu juga, *ASEAN Plan of Action* untuk menangani penghapusan dadah haram, memerangi pengedarannya dan penggunaan dadah dari tempoh 2009 ke 2015. *ASEAN Ministers Meeting on Drug Matters* telah menetapkan *Drug Free ASEAN 2015*. Ke arah pengurangan bekalan, Biro Kawalan Narkotik (BKN) juga telah mengambil beberapa langkah termasuklah meningkatkan hubungan kerjasama dengan pelbagai agensi di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama Biro Kawalan Narkotik (BKN) juga mengambil langkah untuk meningkatkan lagi kerjasama yang rapat dengan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di dalam Negara untuk menyekat kemasukan dadah termasuklah melaksanakan konsep berpasukan *(home team)* bagi mengukuhkan lagi koordinasi untuk menangani isu jenayah merentasi sempadan dan membina satu Pengkalan Marin Biro Kawalan Narkotik (BKN) untuk meningkatkan kawalan dan pemantauan di perairan Teluk Brunei dan Sungai Brunei.

Manakala, sebahagian dari usaha pelaksanaan strategi bagi pengurangan permintaan, termasuklah langkah-langkah, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah pun antara lain, meningkatkan *research and development* khususnya dalam perundangan proses kerja dan operasi menangani masalah penyalahgunaan dadah serta meningkatkan usaha dalam menyebarluaskan maklumat mengenai sindiket pengedaran dadah antarbangsa melalui radio, televisyen dan media massa yang lain-lain.

Biro Kawalan Narkotik (BKN) juga bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan melalui Pejabat Kedutaan-Kedutaan dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi dalam menyebarkan maklumat dan nasihat kepada rakyat Negara ini mengenai ancaman dari sindiket-sindiket antarabangsa dadah. Begitu juga, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi melaksanakan program kesedaran dan mengongsikan tentang bahaya dadah dalam *syllabus* sekolah termasuk sekolah agama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penyalahgunaan dadah ini adalah satu

masalah global bukan hanya menjejaskan Negara kita sahaja, kesemua agensi penguatkuasaan undang-undang akan terus berusaha membantu Biro Kawalan Narkotik dalam menangani masalah ini.

ASEAN mempunyai wawasan mencapai status *Drug Free ASEAN* Menjelang Tahun 2015. Sasaran ini bukannya mudah untuk dicapai kerana kita sedang berhadapan dengan sindiket-sindiket yang sangat *organized* dan mempunyai rangkaian operasi yang meluas.

Dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk serta juga kesejahteraan Negara, Biro Kawalan Narkotik seperti mana yang telah dinyatakan tadi, telah pun mengambil beberapa langkah konkrit. Sebahagian dari langkah-langkah ini akan memerlukan masa sebelum menunjukkan hasilnya yang sebenar. Apa yang juga penting adalah kita menganggap masalah dadah ini hanya masalah yang perlu dihadapi dan ditangani. Kita tidak menganggap masalah dadah ini hanya masalah yang perlu dihadapi, ditangani oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) atau sebahagian daripada masyarakat saja.

Sebagai rakyat, kita perlulah memberikan sokongan secukup-cukupnya kepada Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan memberikan *feedback* yang tertentu, lebih-lebih lagi dari ketua-ketua akar umbi dan kerjasama dengan Biro Kawalan Narkotik (BKN) untuk meningkatkan kesedaran dan memberi sokongan usaha mereka memerangi masalah penyalahgunaan dadah ini dan seterusnya meminta jua daripada institusi. Penghulu dan Ketua Kampung untuk memberi *feedback* dan idea dari segi pembanterasan dadah. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan No. 14 juga daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal dan juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih. Penggunaan *internet* mempunyai banyak kebaikan dan keburukan. Ia bermanfaat kepada pelajar-pelajar dan para penyelidik bagi mencari bahan rujukan, maklumat dan penyelidikan. Memberi perkhidmatan urusan jual beli dengan mudah dan cepat kepada peniaga-peniaga dan orang ramai menggunakan bagi mendapatkan maklumat atau informasi dengan pantas dan cepat. Tetapi *internet* juga kalau tidak dikawal dengan baik akan memudaratkan bukan sahaja kepada perseorangan tetapi juga masyarakat, kerana ia melalaikan kanak-kanak terutama sekali penuntut-penuntut remaja dengan melayari *internet* dengan berlebih-lebihan, menyebarkan khabar-khabar angin dan fitnah serta gambar-gambar dan video yang berunsur negatif.

Kaola ingin bertanya:

i) Adakah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) membuat pemantauan ke atas isu-isu yang dimuatkan dalam laman-laman sesawang?;

ii) Adakah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) juga membuat pemantauan mengenai dengan penyebaran fitnah atau aduan serta reaksi orang ramai di *internet*?; dan

iii) Adakah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri memantau isu-isu yang ditimbulkan di media baru, di laman sesawang seperti *forum blog*, *twitter* dan *facebook* ?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli–Ahli Yang Berhormat.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah relevan dalam mana di dalam majlis yang berbahagia ini, kita mengambil kesempatan untuk membincangkan isu-isu dan masalah-masalah yang boleh menggugat keselamatan dan kesejahteraan, kehidupan kita dan juga Negara secara amnya.

Saya berpendapat tidaklah perlu di dalam Majlis yang berbahagia ini kita membincangkan secara terperinci, perkara-perkara yang berkaitan dengan tatacara dan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab oleh agensi keselamatan seperti Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Memadailah bagi kita katakan bahawa terdapat beberapa agensi keselamatan di Negara ini yang bekerjasama dalam memantau masalah-masalah yang berkaitan dengan penggunaan *internet*. Termasuklah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Perhubungan dan juga pihak *AITI (Authority Info Communication Technology Industry)* yang merupakan *regulator* bagi industri teknologi maklumat bagi Negara Brunei Darussalam.

Internet, seperti mana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh mendatangkan kebaikan jika digunakan dengan baik dan berhati-hati dan akan membawa kemudaratan jikalah penggunaan dibuat dengan cara sebaliknya. Misalnya, bagi aktiviti-aktiviti *cybersurf*, pengganasan, ekstremis agama dan yang berbentuk hasutan. Selain itu, ada juga diakui bahawa percubaan-percubaan bagi menjejaskan keselamatan siber misalnya melalui *hacking* serangan-serangan *virus* dan sebagainya adalah juga merupakan cabaran-cabaran yang perlu ditangani dan kian bertambah dari hari ke hari.

Seperti mana juga yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, jenayah siber ini tidak mengenal usia. Yang paling *vulnerable* adalah kaum remaja iaitu melalui pendedahan kepada artikel-artikel atau *video clip* yang boleh menjejaskan pemikiran mereka tambahan lagi dari aspek moral dan

keagamaan. Dalam hal ini, tugas dan tanggungjawab bagi mengawal penyalahgunaan *internet* sepatutnya bukan hanya diletakkan kepada agensi-agensi Kerajaan sahaja, kita sebagai indung atau penjaga juga perlu mengawal dan sentiasa menasihati mereka ini terus berhati-hati dalam penggunaan *internet*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sukacita seterusnya berpindah kepada soalan No. ii dari Ahli Yang Berhormat tadi. Penyebaran fitnah atau aduan serta reaksi orang ramai melalui *internet* adalah merupakan satu masalah yang besar kerana ianya mudah menular dan merebak dengan cepat. Sasaran penyebaran fitnah ini bukan saja individu malah juga organisasi-organisasi termasuklah jabatan ataupun Kerajaan sendiri.

Adakalanya, penyebaran fitnah dan juga aduan-aduan seperti ini dilakukan dengan maksud menjatuhkan maruah pemimpin dan mempromosikan aktiviti-aktiviti yang boleh menggugat keselamatan Negara dan ketenteraman orang ramai. Insya-Allah, agensi-agensi yang berkepentingan sentiasa mengambil berat atas aktiviti-aktiviti penyalahgunaan *internet* seperti yang kita bincangkan ini. Malah dalam hal ini, seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, bukan sahaja Jabatan berkenaan yang terlibat tetapi juga agensi-agensi lain termasuklah pihak Kementerian Perhubungan khasnya *A/TI.*

Selaku pengguna *internet* dan lain-lain fasiliti perhubungan maklumat telekomunikasi, misalnya *SMS*, kita sendiri perlulah mengamalkan sikap bertanggungjawab agar tidak turut serta dalam penyebaran semua artikel yang disyaki berunsurkan fitnah ini. Ianya bukan sahaja salah dari segi undang-undang, tapi juga dari pandangan ugama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan saya seterusnya berpindah ke soalan No. iii, Penggunaan media baru melalui laman sesawang misalnya *blog, twitter, facebook, whatsapps* dan lain-lain lagi membuka peluang bagi para pengguna berinteraksi dengan cepat, serta-merta dan sangat mudah.

Penggunaan secara biasa bagi tujuan yang tidak menyalahi undang-undang ataupun larangan-larangan keagamaan dan sebagainya, tidaklah mendatangkan masalah. Namun begitu, terdapat jua ketika mana fasiliti-fasiliti ini digunakan bagi tujuan kurang sihat. Misalnya, bagi menyuarakan ketidakpuasan, fitnah atau sengaja untuk membangkitkan kemarahan pengguna-pengguna lain dengan membangkitkan isu-isu yang sensitif dan kurang menyenangkan.

Dari aspek keselamatan, penyalah-gunaan kemudahan dan saluran media baru ini perlu dipantau dan ditangani sebaiknya sebelum ianya merebak menjadi insiden keselamatan yang boleh menjejaskan kestabilan Negara. Seperti mana jua yang kaola sampaikan sebelum ini, selaku pengguna yang bertanggungjawab, kita perlulah

membantu pihak-pihak berkenaan dalam menangani aktiviti-aktiviti yang kurang sihat sebegini, dengan tidak menyebarkan semula atau ikut serta dalam membincangkannya.

Kita juga perlu menasihati mereka yang di bawah jagaan kita baik di rumah ataupun di tempat kerja agar tidak menyalahgunakan fasiliti-fasiliti *internet* yang disediakan secara tidak sihat ataupun yang menyalahi undang-undang dan juga ajaran agama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga, di Jabatan Perdana Menteri atas jawapan dan penjelasan-penjelasan yang komprehensif terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 15 minit, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan bagi Perkara V ini ditangguhkan dahulu dan berpindah kita kepada Perkara Susunan Kerja seterusnya iaitu Perkara VII, Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Rang Undang-Undang ini telah pun diluluskan dan dibaca bagi kali keduanya.

Maka, bagi membolehkan ini dapat dibincangkan satu per satu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu, dan kita akan bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang persidangan ini bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 satu per satu. Pada petang kelmarin Mesyuarat Jawatankuasa telah meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual Bab 2 Ceraian (1) dan Ceraian (2) dan Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola sebenarnya ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, terutamanya tiga soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin

Akim yang berkaitan dengan bantuan Kerajaan kepada pekerja-pekerja swasta. Kelmarin, dalam Jawatankuasa ini, iaitu mengenai PKS dan jua *accelerated increment* gaji.

Di samping itu juga, kaola hanya akan menambah satu cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai produktiviti dalam perkhidmatan awam.

Mula-mula, kaola akan menyentuh mengenai cadangan bantuan Kerajaan pada pekerja-pekerja swasta. Dalam cadangan tersebut, ada menyatakan bagi menarik lebih ramai anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta. Satu cadangan ialah untuk menghulurkan Elaun Sara Hidup, Elaun Kurnia Khas dan apa jua kemudahan yang dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk turut dihulurkan kepada para pekerja sektor swasta.

Kaola berpendapat cadangan ini amat baik, jika majikan-majikan di sektor swasta akan dapat menghulurkan kemudahan-kemudahan tersebut kepada pekerja-pekerjanya yang terdiri daripada pekerja-pekerja tempatan. Sebabnya, pekerja-pekerja tempatan telah pun menyumbang tenaga dan khidmat bakti mereka kepada kemajuan dan pembangunan perniagaan atau perusahan masing-masing.

Walau bagaimanapun, jika pemberian kemudahan-kemudahan tersebut dimaksudkan untuk dihulurkan dan dibiayai oleh pihak Kerajaan, sama ada sepenuhnya ataupun sebahagiannya, perkara ini perlulah difikirkan secara holistik dan mendalam terutamanya dari segi kemampuan kewangan Kerajaan secara jangka panjang. Jumlah perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan untuk menghulurkan elaun-elaun berkenaan setiap tahun sahaja lebih kurang $250 juta setahun.

Jika kemudahan ini dilaratkan kepada pekerja-pekerja swasta yang jumlah tenaganya kira-kira melebihi 50% dari keseluruhan jumlah tenaga pekerja di Negara ini. Maka, sudah pasti jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi tujuan ini akan meningkat dua kali ganda. Dalam memikirkan cadangan ini, terdapat jua sebahagian pekerja sektor swasta yang dihulurkan faedah dan pakej yang lebih baik daripada Kerajaan. Seperti kadar bonus yang lebih tinggi, kemudahan tambang ke luar negeri yang lebih *generous* dan sebagainya. Perkara seperti ini juga sudah setentunya perlu diambil kira, jika langkah-langkah untuk memperseimbangkan faedah-faedah yang dihulurkan oleh sektor Kerajaan dan sektor swasta hendak dilaksanakan.

Dalam hal ini, kaola juga ingin mengongsikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, terdapat beberapa peraturan telah diperkenalkan oleh Kerajaan yang turut dinikmati oleh pekerja-pekerja di sektor swasta. Sebagai usaha memelihara kesejahteraan mereka, ini termasuklah:

i) Peraturan bagi kemudahan Cuti Beranak. Mulai 1 Januari 2011, Kerajaan menghulurkan bayaran gaji penuh kepada pekerja-pekerja swasta yang beranak dalam tempoh 5 minggu selepas tempoh 8 minggu yang dibayar oleh majikan masing-masing;

ii) Kerajaan juga menghulurkan Elaun Pelajaran bagi Ahli-Ahli Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Termasuklah bagi mereka yang bekerja di sektor swasta ada kadar-kadar tertentu; dan

iii) Pemberian subsidi perumahan di bawah Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang telah diperkenalkan dua tahun yang lalu, juga dapat dinikmati oleh pekerja-pekerja sektor swasta.

Di samping itu, selain dari mewujudkan Tabung Amanah Pekerja, Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) yang mana melalui skim ini setiap rakyat dan penduduk Negara ini yang menjadi Ahli SCP, insya-Allah akan menerima bayaran bulanan secara minima sebanyak $400.00 sebulan iaitu termasuk $250.00 sebagai Elaun Pencen Tua. Manakala jika mereka ini menabung lebih lagi, dengan sendirinya pendapatannya akan lebih.

Manakala di pihak Kerajaan pula, dengan kemudahan bagi pegawai dan kakitangan wanita diseimbangkan dengan pegawai dan kakitangan lelaki seperti kemudahan Elaun Tambang Cuti 4 tahun dan Elaun Tambang Cuti Haji. Ini telah membolehkan pegawai dan kakitangan wanita untuk juga dihulurkan Elaun Tambang Cuti bagi suaminya yang bekerja di sektor swasta seperti mana jua Elaun Tambang Cuti yang dihulurkan bagi anak-anak mereka.

Langkah menseimbangkan kemudahan di antara pegawai dan kakitangan lelaki di dalam perkhidmatan awam ini, diharap antara lain untuk meningkatkan lagi galakan kepada pekerja-pekerja lelaki untuk memilih pekerjaan di sektor swasta.

Walau bagaimanapun, dalam memikirkan usaha-usaha untuk menarik anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta, kita tidaklah sepatutnya meletakkan beban tersebut kepada Kerajaan semata-mata. Para majikan dan pengusaha-pengusaha di sektor swasta juga mempunyai tanggungjawab untuk membantu Kerajaan bagi mencapai objektif berkenaan. Ini antara lain dengan menawarkan pakej gaji yang lebih menarik, memperbaiki persekitaran kerja yang kondusif, menyediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dan sebagainya, sebagai menghargai sumbangan bakti dan perkhidmatan mereka kepada majikan masing-masing.

Mengenai dengan persoalan yang berkaitan dengan PKS. Sebenarnya pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, sejak sekian lama sudah dan terus akan

melaksanakan usaha-usaha untuk mengembangkan PKS. Seperti yang dimaklumi, usaha-usaha tersebut dilaksanakan dalam berbagai bentuk dan cara termasuklah dari segi bantuan-bantuan kredit, penyediaan prasarana-prasarana, latihan-latihan pengurusan dan sebagainya. Ini mengambil kira betapa pentingnya sumbangan PKS dalam membantu Negara meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonominya, sumber pendapatan dan selanjutnya sebagai cara untuk mempastikan perjalanan penjanaan peluang-peluang pekerjaan.

Usaha-usaha tersebut juga selaras dengan Wawasan Negara 2035 yang menekankan pengembangan PKS tempatan melalui salah satu strategi dari lapan strategi pembangunan iaitu Strategi Pembangunan Perusahaan dan Perniagaan Tempatan. Di samping itu, salah satu dari enam teras RKN adalah memberikan tumpuan kepada peningkatan persekitaran yang kondusif bagi perkembangan perniagaan yang mana termasuk memastikan proses memulakan perniagaan yang mudah dan cepat, meningkatkan inisiatif bagi mengkukuhkan kapasiti dan keupayaan perniagaan dan meningkatkan kreativiti dan inovasi PKS tempatan dengan mengukuhkan perlindungan hak milik intelektual.

Selain itu, teras-teras RKN Ke-10 yang lain juga menyumbang kepada perkembangan PKS seperti mempastikan *governance* yang baik, menyediakan infrastruktur asas seperti infrastruktur info komunikasi, menyediakan tapak-tapak perindustrian, menyediakan program pembangunan keusahawanan dan mengadakan program-program tenaga kerja profesional dan kemahiran tinggi dan pendidikan keusahawanan.

Dalam RKN Ke-10 juga telah memperuntukkan dana sebanyak $100 juta bagi mendukung perkembangan PKS di Negara ini yang mana, mana-mana projek yang difikirkan bersesuaian dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan perkembangan PKS, akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan tersebut. Di samping itu, Skim Kemudahan Pinjaman Kewangan tertentu juga turut disediakan untuk dipohonkan, tertakluk kepada kelayakan dan pertimbangan mengenainya.

Pada masa ini, beberapa agensi Kerajaan sedang giat melaksanakan program pembangunan perniagaan tempatan. Di antara agensi tersebut adalah seperti berikut:

- BEDB, mengadakan *Start Up Brunei*, membantu anak-anak tempatan yang lain memulakan perniagaan dan memberi geran sehingga $50,000.00.

- Dana pelaburan *Excel X* bagi syarikat di bidang *ICT*, teknologi dan kejuruteraan yang mana pelaburan langsung akan diberikan sehingga maksima $1.5 juta.

- *The Future Fund*, dana kewangan bagi pengusaha ICT sehingga $150,000.00.

- Skim Perisian dan Produk Perusahaan Tempatan bagi membangun prototaip produk dan perisian baru.

- Skim Bantuan dan Perusahaan Teknikal yang mana geran untuk membantu pengusaha tempatan yang berpotensi untuk berkembang maju akan diberikan sehingga berjumlah $300,000.00.

- *Promising Local Enterprise Development Scheme* untuk menyediakan sokongan bagi membantu syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk meningkatkan daya saing dan seterusnya berkembang di luar negara; dan

- *AITI* ada juga mengadakan program-programnya seperti program *Competency ICT*, geran pembangunan industri *ICT* tempatan dan *media digital* iaitu geran sehingga $250,000.00 bagi setiap syarikat.

- Manakala Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga meneruskan Skim Kemudahan Perusahaan untuk membantu PKS mengembangkan perniagaan melalui pinjaman sehingga $5 juta.

- Skim Kewangan *Macro Credit* dan Skim Pembiayaan semula eksport *(Export Refinancing Scheme*) bagi membantu pengusaha tempatan menjejak pasaran eksport.

- Program Persijilan Piawaian dan Mutu Kawalan adalah untuk membantu produk tempatan memperolehi piawaian yang telah ditetapkan.

- Promosi dan Perkhidmatan Pemasaran membantu PKS mempromosikan produk melalui penyertaan *expo* perdagangan.

Maka jika diamat-amati dengan penuh teliti, semua usaha tersebut adalah menjurus kepada apa Yang Berhormat Awang Haji Jumat sebutkan dalam soalan yang diajukan iaitu memantapkan ekuiti pengusaha, mengukuhkan aset, memperhebatkan keusahawanan dengan memberi peluang-peluang ikut serta dalam projek-projek kemajuan seperti perumahan dan lebuh raya dan menyediakan eko-sistem pengurusan dan keusahawanan yang berkesan.

Mengenai dengan pemberian peluang-peluang kepada PKS tempatan untuk ikut serta dalam projek-projek kemajuan seperti perumahan dan lebuh raya, pihak Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penyertaan daripada syarikat-syarikat tempatan dalam apa jua bentuk projek-projek Kerajaan.

Bagaimanapun, pihak agensi-agensi Kerajaan perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh akauntabiliti bagi memelihara kepentingan Negara selaras dengan dasar untuk berbelanja dengan penuh berhemat dan mengelakkan sebarang kerugian di pihak Kerajaan.

Oleh itu, pemilihan syarikat perlu dipertimbangkan berdasarkan kepada keupayaan ataupun kapasiti syarikat tersebut untuk melaksanakan projek mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Ini adalah bagi memastikan apa jua projek yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar di samping memastikan harga tawaran yang diterima adalah betul-betul *value for money*. Atas landasan tersebut maka pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menumpukan bantuan-bantuan kepada mengukuhkan kapasiti ataupun *capacity building* bagi PKS di Negara ini di semua bidang termasuk di bidang teknikal, pengurusan kewangan, pengurusan bisnes dan lain-lain.

Dalam hal ini, pemilihan syarikat-syarikat asing sebagai kontraktor utama bagi projek-projek *mega* adalah perkara yang tidak dapat dielakkan kerana syarikat-syarikat tersebut mempunyai kapasiti yang cukup di samping pengalaman-pengalaman melaksanakan projek-projek seumpamanya di luar negara.

Walau bagaimanapun, sub-kontraktor bagi projek-projek tersebut adalah juga terdiri daripada syarikat-syarikat tempatan yang diharap secara langsung akan dapat menimba pengalaman di samping memperkembangkan syarikat mereka sehingga menjadi syarikat-syarikat besar dan mempunyai kapasiti setanding dengan syarikat-syarikat luar.

Sebagaimana jua yang dimaklumkan dalam Pembentangan kertas belanjawan semalam, Kerajaan juga telah mengemaskinikan *bankers guarantee* dan *performance bond* dalam tawaran Kerajaan bagi memudahkan syarikat-syarikat tempatan untuk bersaing dalam tawaran-tawaran.

Perkara-perkara yang disebutkan di atas membuktikan terdapat berbagai peluang yang telah disediakan kepada semua PKS tempatan dengan tidak mengira tahap pendapatan atau sais perusahaan mereka. Yang penting adalah bagi pihak PKS tempatan untuk maju ke hadapan demi mengoptimakan sebanyak mungkin manfaat yang boleh didapati daripada skim-skim dan bantuan-bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan tersebut.

Sekarang kaola ingin menerangkan mengenai dengan soalan ketiga iaitu kenapa *accelerated increment* gaji pegawai dan kakitangan tidak dilaratkan kepada mereka yang berkhidmat selepas 15 Julai 2006? Jadi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Awang Haji Jumat yang menunjukkan keprihatinan beliau mengenai dengan kemaslahatan rakyat.

Sebagaimana jua yang dimaksudkan ungkapan *accelerated increment* tersebut, iaitu ianya adalah merupakan satu kurnia khas kenaikan gaji yang dipercepatkan bagi warga perkhidmatan Kerajaan yang dalam perkhidmatan

pada 15 Julai 2006 iaitu sebagai menghargai sumbangan mereka kepada perkhidmatan awam secara keseluruhannya pada ketika itu.

Oleh itu, mereka yang baru berkhidmat selepas tarikh tersebut sudah setentunya tidak akan dihulurkan dengan faedah tersebut kerana pemberian *accelerated increment* ini bukanlah mengubah mana-mana peraturan atau garis panduan pelantikan dan penetapan mata gaji bagi mereka yang baru berkhidmat dalam Kerajaan. Pemberian mata gaji bagi mereka yang baru dilantik adalah masih sama menggunakan peraturan yang sudah berjalan sebelum 15 Julai 2006. Pengurniaan ini tidak dilaratkan kepada mereka yang baru diambil berkhidmat selepas 15 Julai 2006 kerana:

1) Ia bermakna mengubah keseluruhan pemberian mata gaji bagi pengambilan atau lantikan baru ke dalam perkhidmatan Kerajaan yang mana ini bukanlah matlamat kita mewujudkan peraturan itu.

2) Kenaikan ini adalah sebenarnya sebagai menghargai sumbangan anggota Kerajaan yang sedang berkhidmat pada ketika peraturan itu diberikan. Dalam pada itu, sudah terdapat beberapa inisiatif yang dibuat oleh pihak Kerajaan yang secara tidak langsung memberikan unsur-unsur kenaikan gaji bagi warga perkhidmatan awam. Antaranya, inisiatif-inisiatif seperti Kenaikan Gaji Tahunan, EB Khas, Elaun Sara Hidup, Elaun Kurnia Khas dan Elaun-Elaun lain serta pengemaskinian skim - skim perkhidmatan.

Di sini, kaola ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa dalam menimbangkan apa jua inisiatif atau cadangan, pihak Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan secara holistik ataupun makruf, dalam erti kata lain Kerajaan perlu mengambil kira banyak perkara yang antara lainnya termasuklah keupayaan kewangan Kerajaan bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dalam jangka masa panjang secara berterusan. Ini termasuk dalam memastikan komponan gaji kakitangan dalam belanjawan Kerajaan akan sentiasa terkawal bagi memastikan peruntukan perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan projek Kerajaan yang lain terutama bagi kesejahteraan keseluruhan rakyat dan penduduk Negara ini tidak terjejas dan kesan langkah-langkah yang diambil pada dasar pengukuhan sektor swasta dan lain-lain.

Dalam hal ini, Kerajaan perlu mengambil sikap berhati-hati agar langkah pemberian *accelerated increment* tersebut tidak akan menjejaskan daya saing sektor swasta untuk menarik lebih banyak lagi anak-anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta. Perkara ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta dan seterusnya mendukung usaha dalam mempelbagaikan sumber perekonomian Negara. Berkait dengan perkara ini, kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk sekali lagi menyeru kepada majikan-majikan di sektor swasta agar

sentiasa memastikan kebajikan dan kesejahteraan anak-anak tempatan yang bekerja di syarikat masing-masing diberikan perhatian yang sewajarnya dan seterusnya tertakluk kepada kemampuan untuk dipertingkatkan lagi dari masa ke masa.

Yang terakhir, kaola ingin mengongsikan jua mengenai dengan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan terutamanya dalam meningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan awam yang mana perkara ini disentuh oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman semasa perbahasan Undang-Undang Perbekalan semalam yang mana kaola ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas saranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Inisiatif-inisiatif tersebut antara lainnya termasuklah:

1. Jabatan Perkhidmatan Awam secara berterusan telah pun mengenal pasti keperluan bagi mengemaskinikan skim-skim perkhidmatan yang ada dan menyediakan skim-skim baru. Jadi, dalam perkara ini penekanan adalah dibuat untuk memastikan yang kelayakan-kelayakan untuk dipenuhi oleh pemegang jawatan adalah di tahap yang lebih tinggi sesuai dengan keperluan masa kini dan mendatang. Selain itu, inisiatif-inisiatif yang lebih kompetitif, perisian skim peruntukan secara khusus dan telus tentang petunjuk prestasi utama atau *key performance indicators* (*KPI*) juga perlu dipenuhi. Dengan yang demikian, setiap skim perkhidmatan menentukan kelayakan-kelayakan termasuk latihan-latihan kemahiran yang lebih berprestasi, inisiatif-inisiatif yang lebih menggalakkan dan sasaran-sasaran pencapaian prestasi kerja yang lebih berkualiti. Dengan cara ini, pembangunan dan mobiliti tenaga kerja adalah lebih ketat dan rapi berdasarkan kepada produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

2. Skim latihan dalam perkhidmatan atau LDP yang berperanan untuk meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan dan perkhidmatan awam secara berterusan dikemaskinikan di mana kriteria-kriteria kelayakan antara lain bertujuan untuk memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan yang terpilih untuk LDP adalah mereka yang berprestasi dan berpotensi tinggi. Bagi LDP di luar negeri misalnya, tempat pengajian yang dibenarkan ialah institusi pengajian yang terkemuka semata-mata untuk mengejar kualiti. Pada tahun 2013 seramai 505 orang pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam telah dibenarkan mengikuti latihan dalam perkhidmatan dalam dan luar negeri.

3. Di peringkat kepimpinan program pembangunan eksekutif, berjalan dengan baik bagi kedua-dua peringkat menengah dan atas yang mana program ini dijalankan dengan kerjasama antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Kepimpinan Inovasi dan Kemajuan ILIA, Universiti Brunei Darussalam,

Kementerian Pendidikan. Ianya akan terus diperbaiki bersama dari masa ke masa untuk meningkatkan kapasiti kepimpinan pegawai-pegawai kanan dalam mengurus organisasi masing-masing ke arah mencapai produktiviti dan kualiti kerja yang dihajati.

Institut Perkhidmatan Awam pula telah menyediakan kompetensi *training framework* bagi digunakan oleh semua agensi Kerajaan dalam mengenal pasti jenis-jenis kursus atau latihan yang bersesuaian di bidang pengurusan organisasi yang mana kursus-kursus ini pada tahun 2013/2014 seramai 5,405 orang pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam telah mengikuti berbagai-bagai jenis latihan yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam yang menjurus kepada peningkatan kemahiran dan keupayaan dalam menjalankan tugas masing-masing.

4. Isu kedatangan bekerja dalam perkhidmatan awam terus diberikan perhatian sewajarnya selain untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab mengenainya. Langkah-langkah juga dibuat dalam mengemaskinikan sistem catatan kehadiran di semua agensi Kerajaan. Pada asasnya, catatan kehadiran bersistem ini adalah untuk memupuk rasa tanggungjawab dan komitmen anggota perkhidmatan awam bagi memastikan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai tidak terjejas.

5. Pengauditan sumber tenaga manusia secara berterusan juga dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan lagi produktiviti agensi diaudit dengan membuat pendedahan serta penemuan mengenai kekuatan dan kelemahan pengurusan dan penggunaan sumber manusia. Hasil pengauditan ini dinilai dalam konteks-konteks perbandingan dan amalan-amalan terbaik antarabangsa, pemadanan antara kelulusan dan tahap kemahiran dan penugasan termasuklah jua untuk memanfaatkan penggunaan *ICT*. Selari dengan keperluan masa ini, beberapa perkhidmatan baru telah diperkenalkan secara *online* seperti sistem transaksi pembayaran antara institusi-institusi kewangan dengan Jabatan Perbendaharaan secara elektronik *payment gateway*, sistem permohonan lesen perniagaan (*Business License System*), *Brunei Darussalam Healthcare Informations and Management Systems (BruHIMS)* dan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu Elektronik (e-Sikap).

6. Selain itu, beberapa perkhidmatan juga telah menggunakan aplikasi *mobile* untuk memberikan perkhidmatan dengan lebih mudah dan berkesan di bawah *Government Employees Management Systems (GEMS).* Aplikasi Pengurusan Aduan Jabatan Kerja Raya (JKRku). Aplikasi Ramalan Keadaan dan Maklumat Cuaca Jabatan Kajicuaca (*Weather WX*) dan Aplikasi Pendaftaran *Brunei Darussalam Healthcare Informations and Management Systems (BruHIMS).*

Bagi memperkemaskan perkhidmatan kepada orang ramai supaya sentiasa selaras, berkesan dan mempunyai kesinambungan, Jawatankuasa Pandu Penyampaian Perkhidmatan kepada orang ramai akan sentiasa menjalankan pemantauan dan menerima aduan-aduan orang ramai mengenai keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan agensi-agensi Kerajaan. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (*MSD*) turut membuat kajian terhadap pencapaian agensi-agensi Kerajaan dalam pelaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR). Pada tahun 2013, dari sebanyak 23 agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai yang telah diperiksa, didapati sebanyak 207 TPOR telah diperbaharui bagi mencapai tahap perkhidmatan yang lebih baik.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa dalam usaha untuk memperbaiki lagi penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, Kerajaan telah menubuhkan dua pusat perkhidmatan setempat bagi industri pembinaan iaitu pihak yang berkuasa kawalan bangunan dan industri pembinaan *ABCi* di Kementerian Pembangunan dan juga bagi pemberian lesen-lesen perniagaan iaitu pusat penyelarasan perniagaan *(Business Facilitation Center)* di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan dengan berbagai agensi dalam satu tempat.

Ini adalah *value added* kepada sistem pemberian perkhidmatan yang mula menampakkan produktiviti yang positif untuk terus dimajukan.

Kesemua ini adalah kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh agensi-agensi perkhidmatan awam dalam menyediakan landasan-landasan yang betul bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan produktiviti tinggi kepada rakyat dan penduduk Negara ini. Insya-Allah, dengan komitmen ketua-ketua jabatan untuk bekerja dalam koordinasi yang baik sesama agensi, maka produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan akan dapat terus dipertingkatkan dari masa ke masa untuk memenuhi keperluan orang ramai. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih atas penjelasan yang begitu terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan tajuk-tajuk seterusnya untuk dibahaskan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan perbincangan tajuk-tajuk berikutnya, saya ingin menyatakan bahawa dari pengamatan saya, semasa membincangkan tajuk Jabatan Perdana Menteri pada petang kelmarin, Ahli-Ahli Yang Berhormat berminat membuat pandangan secara umum dan tidak memusatkan kepada tajuk yang dibincangkan. Manakala, pihak Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet jua sebelumnya telah lebih terdahulu membahaskan dan memberikan penjelasan secara umum terhadap tajuk-tajuk berkenaan sebelum ianya dibukakan untuk perbahasan.

Oleh yang demikian untuk menjimatkan masa dan memudah cara dalam membincangkan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang ini, maka ada baiknya pada merundingkan dalam peringkat Jawatankuasa ini diubah sedikit dengan merangkumkan kesemua tajuk atau jabatan-jabatan di bawah Kementerian-Kementerian tersebut.

Sebagai contoh, semua jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri akan dirundingkan secara serentak. Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh memilih mana-mana jabatan atau tajuk yang ada di bawah Jabatan Perdana Menteri itu untuk ditanya atau meminta pandangan. Walau bagaimanapun, tempoh untuk merundingkan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya hanya akan dihadkan pada hari ini dan esok pagi dan Mesyuarat Jawatankuasa akan berpindah kepada Kementerian seterusnya. Jika Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini, kita akan terus kepada Jadual bermula Tajuk SA02A hingga Tajuk SA25A.

Sekarang saya mempersilakan Jurutulis untuk memulakan Jadual Rang Undang-Undang Perbekalan, 2014/2015.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara hingga Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membahaskan Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara hingga Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri. Jika ada, silakan, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada beberapa soalan yang ditujukan khusus di bawah Jabatan Perdana Menteri:

1. Ditujukan kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam usahanya memberikan perkhidmatan kepada seluruh penduduk Negara ini. Demikian juga, dengan penggunaan *prepaid meter* yang baru diperkenalkan, ianya dapat memberikan kemudahan kepada mendapatkan bekalan elektrik melalui kaunter-kaunter beberapa buah kedai yang ada di Negara ini.

   Dalam meningkatkan perkhidmatan yang berterusan adalah dicadangkan agar beberapa peralatan dan kemudahan yang sudah berumur sekian lama itu akan dapat ditukar ataupun diganti dengan yang baru dan yang lebih canggih. Banyak sungutan orang ramai mengenai dengan terputusnya bekalan elektrik.

Adalah dicadangkan di kawasan Zon 4 khususnya dari Mukim Lumapas hingga ke Jerudong supaya semua peralatan lama akan dapat diganti mengikut kesesuaiannya. Fasiliti bersesuaian perlu dibangunkan bagi memastikan pertambahan beban kepesatan penduduk.

Dicadangkan jua, agar Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan menyediakan kaunter perkhidmatannya di Mukim Lumapas dan kawasan Zon 4 bagi memudahkan penduduk sekitarnya membuat urusan, aduan seperti terputusnya bekalan elektrik kerana jarak dari Gadong atau pun Sengkurong adalah jauh dan memakan masa yang lama untuk sampai ke destinasi yang disebutkan.

Langkah ini, akan dapat memastikan supaya bekalan elektrik itu tidak terputus lama. Kadar 600 unit bagi satu sen itu dicadangkan ditambah menjadi 1,000 unit atau 2,000 unit bagi memberikan kemudahan kepada pengguna yang menggunakan bekalan elektrik yang banyak yang sekali gus sebagai penyumbang kepada penambahan pendapatan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, Pasukan Polis Diraja Brunei adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walaupun beberapa persoalan telah ditimbulkan dalam perkara ini, kaola ingin mencadangkan beberapa Balai Polis yang berdekatan dengan sempadan Negara jiran perlu ditingkatkan dan diperbesarkan. Kawasan berkenaan mudah terdedah kepada gejala yang kurang sihat seperti penyeludupan barang tegahan dan mungkin jua kawalan keluar masuk sangat mudah dilakukan kerana keadaan perbatasan yang terlalu dekat antara kedua-dua sempadan.

Maka dengan itu, adalah dicadangkan agar Balai Polis Kampung Bebuluh di Mukim Pengkalan Batu, Balai Polis Lumapas, dibesarkan dan ditambah keanggotaannya bagi mengawal kawasan sempadan. Perkara ini amat penting dipertingkatkan bagi menjaga keselamatan dan kemasukan pendatang haram dan barang terkawal serta gejala sosial yang amat bertentangan dengan budaya dan amalan kita di Negara Brunei Darussalam, lebih-lebih lagi kita akan melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

Selain itu, kajian perlu dibuat supaya beberapa buah mukim seperti Mukim Kilanas perlu dibina balai polis agar apa jua urusan dapat dibuat dengan cepat dan segera. Pada masa ini, Mukim Kilanas belum ada pos atau balai polis. Ini perlu diberikan perhatian kerana ketika ini kadar jenayah semakin meningkat penduduk semakin bertambah.

Yang Berhormat Pengerusi, dicadangkan jua agar Balai Polis Lumapas dan Bebuluh akan dapat menerima laporan atau aduan orang ramai tanpa menunggu kehadiran pegawai atau anggota polis dari Bandar Seri Begawan atau Balai Polis Sungai Kebun apabila berlaku kejadian seperti kemalangan, kehilangan dokumen-dokumen dan seumpamanya. Dengan cara yang demikian, ini akan lebih memudahkan urusan dapat dijalankan dengan lancar.

3. Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi, Radio Televisyen Brunei (RTB) telah dapat menyediakan beberapa program yang boleh memberikan manfaat kepada penontonnya. Ianya berfungsi jua bagi memberikan maklumat atau informasi yang amat berkesan. Sebagai media massa yang memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, kita mengharapkan agar semua kawasan akan dapat menerima akses yang diperlukan dengan jelas dan terang.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyokong sepenuhnya apa jua usaha pihak RTB dalam menyediakan beberapa rancangan dan program yang menjurus kepada memberikan *entertainment*, pendidikan dan menyalurkan maklumat tentang rancangan pihak Kerajaan yang setentunya sangat penting diterima baik oleh rakyat di Negara ini.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan supaya saluran pemancaran televisyen akan dapat dibina di beberapa kawasan yang belum menerima saluran pemancaran. Diharap seterusnya dibina saluran pemancaran di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan yang terdinding dengan bukit bukau yang tinggi.

Adalah dicadangkan jua agar pekerja yang masih di dalam perkhidmatan bergaji hari di RTB mungkin jumlahnya yang dapat kita lihat dalam laporan 32 orang supaya akan ditetapkan jawatan bergaji bulan memandangkan peranan dan tanggungjawab mereka adalah sama pentingnya dengan rakan-rakan yang lain.

Beberapa orang pegawai yang berpotensi perlu diangkat dan dinaikkan pangkat bagi memberikan motivasi kepada tugas dan tanggungjawab yang lebih berkesan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Yang Berhormat Pengerusi, kalau kan dijawab ketiga soalan ini panjang sedikit. Boleh minta waktu untuk saya menjawab dan barang kali minta lagi soalan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kemudian saja menjawab Yang Berhormat. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola hanya terdapat satu soalan yang kaola tujukan kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Semalam dari penerangan yang diberikan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan Bagi Tahun Kewangan 2014/2015, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dilaporkan telah mengunjurkan bahawa ekonomi negara akan berkembang pada kadar 5.1% bagi tahun 2014. Alhamdulillah, ini merupakan satu perkembangan yang memberansangkan dan satu peningkatan yang dinanti-nantikan selama ini.

Perkembangan yang juga menarik perhatian kaola ialah perkembangan sektor bukan minyak dan gas yang dilaporkan akan terus kekal berkembang dalam kadar 3.7% bagi tahun 2014. Turut dikongsikan juga ialah perbelanjaan besar yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam melaksanakan berbagai projek dan program demi mencapai matlamat Wawasan 2035. Alhamdulillah, usaha-usaha ini memang diakui dan diberikan sokongan yang penuh.

Di sini kaola hanya ingin mengemukakan satu cadangan. Bagi memantapkan lagi pencapaian-pencapaian yang telah dicapai ini, kaola ingin mencadangkan supaya Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menyediakan *Key Performance Indicators (KPI)* untuk mengawasi secara berterusan dan bersistematik pencapaian negara ke arah matlamat Wawasan Negara 2035. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola membawa untuk Jabatan Audit.

Kaola pernah mengusulkan mengenai dengan Penubuhan Jawatankuasa Kira-Kira Awam atau *Public Account Committee* yang telah dibincangkan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini pada bulan Mac 2012. Pada Mesyuarat tersebut Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri menyarankan bahawa dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 tidak terdapat peruntukan bagi Penubuhan Jawatankuasa Kira-Kira Awam ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) seterusnya menambah secara pentadbiran bahawa bagi memastikan

supaya pengurusan kewangan yang diperuntukkan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan dibelanjakan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan kewangan maka ditubuhkan setiap kementerian satu badan yang dipanggil Audit Dalaman. Satu Jawatankuasa Audit yang dianggotai oleh Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dari kementerian - kementerian berkenaan juga dibantu bagi meneliti Laporan Tahunan Juruaudit Agung.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola masih berpendapat jika sekiranya Jawatankuasa Kira-Kira Awam tidak dapat ditubuhkan kerana tidak terdapat peruntukan dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka kaola cadangkan supaya Laporan Tahunan Audit Agung termasuk penyata pendapatan dan perbelanjaan diedarkan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Maka dengan yang demikian, Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat meneliti laporan tersebut. Perkara ini adalah wajar kerana Peruntukan Tahunan bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan adalah terlebih dahulu dibentang dan diluluskan oleh Dewan ini sebelum kementerian dan jabatan-jabatan dapat membelanjakannya.

Kedua, Yang Berhormat Pengerusi ialah mengenai dengan Biro Kawalan Narkotik. Pegawai dan kakitangan Biro Kawalan Narkotik terutama sekali yang terlibat dalam penguatkuasa adalah berisiko tinggi. Mereka ini selalu berhadapan dengan bahaya ketika menjalankan operasi terutama sekali menjalankan tangkapan orang-orang yang bersalah dalam gejala dadah.

Dalam hal ini, kaola sukacita mengimbas kejadian satu kemalangan di jalan raya yang melibatkan 2 buah kenderaan yang berlaku pada 25 Februari 2010 waktu malam bertempat di kawasan simpang 4 lampu isyarat jalan Lebuhraya Tutong dan Muara di Kampong Sengkarai Tutong. Di mana 5 orang Pegawai Narkotik telah terlibat dalam kemalangan tersebut dan seorang daripada mereka telah meninggal dunia dan yang lain mendapat cedera parah semasa mereka menjalankan tugas rasmi dengan menggunakan kenderaan kepunyaan Biro Kawalan Narkotik.

Punca kemalangan disebabkan berlakunya kejadian kejar mengejar di antara kereta suspek dengan kereta Pegawai Narkotik. Apabila sampai di kawasan lampu isyarat ketika itu, lampu isyarat bertukar menjadi merah ke hijau dan ketika kereta yang dipandu oleh suspek terus memecut dan diekori pula oleh kereta Biro Kawalan Narkotik dengan tiba-tiba kereta mereka telah dilanggar oleh sebuah kereta yang datang dari Brunei menuju ke Kuala Belait.

Dari hasil penyiasatan yang dijalankan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei yang mana pemandu Pegawai Narkotik, kereta kepunyaan Biro Kawalan Narkotik telah dihadapkan ke mahkamah dan di dakwa di bawah seksyen 27 (1) RTE, Chapter 68 dan seorang Pegawai Kanan Narkotik telah pun dihadapkan ke mahkamah dan didakwa dengan

tuduhan yang sama. Pada masa ini mereka telah pun dilepaskan dengan ikatan jaminan mahkamah.

Memandangkan tuduhan yang mereka hadapi terlalu tinggi, maka pihak mahkamah menasihatkan supaya mereka mendapat perkhidmatan peguambela. Dalam hal ini, mereka meminta bantuan dari Pengarah mereka bagi mendapatkan peguambela untuk membantu dan menangani kes ini kerana kemalangan berlaku semasa menjalankan tugas rasmi akan tetapi tidak ada jawapan. Maka mereka terpaksa mengambil peguambela yang bayaran ditanggung oleh mereka sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya:

1) Adakah akta-akta peraturan khas dan dasar bagi melindungi keselamatan mana-mana pegawai penguatkuasa yang mendapat kecelakaan dan musibah semasa menjalankan tugas rasmi?

2) Apakah peranan dan tugas Bahagian Perundangan Biro Kawalan Narkotik dan apakah nasihat yang diberikan kepada pegawai berkenaan?

3) Adakah pihak Biro Kawalan Narkotik menyediakan insuran berkelompok bagi anggota-anggota mereka.

Sekian dahulu soalan kaola, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan dan cadangan kepada Jabatan Tenaga.

Jabatan Tenaga terbahagi kepada beberapa unit sebahagian daripadanya kaola sebutkan seperti *Energy Services Business Development, Energy Business, Energy Studies and Energy Cooperate.* Adakah dengan mengadakan unit *Energy Service Business Development* dihasratkan bagi mencari berbagai perniagaan perkhidmatan yang bersangkut paut dengan perusahaan tenaga di dalam dan di luar Negara?

Kenapa kaola ingin tahu kerana persediaan untuk memperbanyakkan pekerja-pekerja di kalangan anak tempatan dalam sektor minyak dan gas sedang giat diusahakan seperti yang telah dihuraikan panjang lebar kelmarin oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri semasa sesi pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang 2014 Perbekalan 2014/2015.

No. 16. (i), muka surat 8, saya bacakan: "Pelancaran Rangka Kerja Kompetensi Dalam Industri Tenaga (*Energy Industry Competency Framework – EICF)* pada bulan Julai 2013, yang menyediakan program-program kemahiran dalam bidang-bidang tertentu bagi memenuhi keperluan industri. Setakat ini, seramai 482 orang pelajar telah mengikuti kursus-kursus yang disediakan, di mana selepas tamat kursus tersebut, mereka akan berpeluang untuk diambil berkhidmat dalam syarikat-syarikat tertentu dalam Sektor Minyak dan Gas".

No. 16.(ii), "Penganjuran Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas 2013 iaitu pesta kerjaya ketiga sejak ianya dianjurkan pada tahun 2011. Sejak inisiatif ini dilancarkan dan hasil sokongan pelbagai pihak Kerajaan dan industri, ianya telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Setakat ini seramai 1,302 dan 2,595 orang telah diambil bekerja dalam syarikat-syarikat minyak dan gas masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Bagi tahun 2014 ini, sebanyak 3,000 pekerjaan disasarkan untuk disediakan dalam sektor ini".

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerjaya bagi menarik anak tempatan ke sektor minyak dan gas dalam tiga tahun sahaja, dari 2011, 2013 dan 2014 sudah berjumlah sebanyak 7,379 orang. Dengan adanya peningkatan ini dan terdapatnya Unit *Energy Services Business Development*, di Jabatan Tenaga, adakah dalam perancangan Jabatan Tenaga untuk memberi pekerjaan kepada mereka ini, jika *Energy Services Business Development* berjaya mendapatkan bisnes di luar negara. Kaola khuatir, jika mereka ini sudah banyak jumlahnya dan mempunyai kemahiran yang terbaik dalam sektor minyak dan gas, maka akan rugilah mereka kerana tidak dapat berkhidmat bersama dengan Jabatan Tenaga untuk memajukan perkembangan bisnes yang mungkin lebih mencabar di luar negeri.

Cadangan ini bersangkut paut juga dengan usaha yang diungkayahkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohd. Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tengaga *(Minister of Energy)* di Jabatan Perdana Menteri. Syabas dan tahniah Yang Berhormat Pehin, kerana usaha seperti ini, menampakkan kejayaannya. Pekerja-pekerja tempatan yang terbaik hendaklah diberi peluang mengikuti program lanjutan untuk membimbing mereka menjadi *entrepreneurs* di sektor minyak dan gas. Sekian terima kasih, Yang Berhomat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang nanti, pukul 3.00 petang, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada pukul 3.00 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di Peringkat Jawatankuasa. Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan satu per satu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 satu per satu. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada sebelah pagi tadi telah membukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Jadual di bawah Tajuk SA02A hingga Tajuk SA25A iaitu Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Di hadapan saya ada senarai nama Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk bercakap, maka saya persilakan. Sebelum itu, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy),* di Jabatan Perdana Menteri ingin untuk bercakap, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan berbagai perkara yang berkaitan dengan beberapa buah jabatan yang diletakkan di bawah jagaan kaola selaku Menteri Tenaga, di Jabatan Perdana Menteri. Kaola ingin menjawab soalan-soalan yang dikemukakan pada sesi pagi tadi dengan mengikut susunan soalan yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhomat yang berkenaan.

Soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai Jabatan Perkhidmatan Elektrik, iaitu pengukuhan sistem rangkaian bekalan tenaga elektrik. Alhamdulillah, ke arah usaha mengukuhkan sistem bekalan tenaga elektrik di kawasan Kampung Putat, berbagai langkah telah pun dilaksanakan, ianya termasuklah melalui pemasangan kabel atas, 11 ribu voltan sepanjang 2.4 kilometer dan seterusnya pemasangan sebanyak 64 batang tiang baru daripada *substation* Simpang 378, Kampung Putat ke *substation* Jalan Kampung Putat telah pun

selesai dilaksanakan dan mula beroperasi pada 12 Januari 2014.

Kerja-kerja pengukuhan saluran bekalan daripada *substation* utama Kampung Kasat melalui *substation* Kampung Buang Sakar telah pun juga turut selesai dilaksanakan dengan secara serentak. Kabel kawat atas yang baru ini akan berfungsi sebagai talian bekalan utama bagi pembekalan elektrik ke kawasan-kawasan yang lazimnya diliputi oleh *substation* Simpang 378, Kampung Putat dan *substation* Sekolah Rendah Kampung Putat dan *substation* di Kampung Putat.

Pemasangan 5 buah di *stribution transformer* baru bagi menggantikan peralatan yang sudah usang khususnya di *substation* Simpang Kasat, *substation* Kampung Putat, *substation* Kampung Tanjong Pisang, *substation* Kampung Masjid Kasat dan *substation* Simpang 378, Kampung Putat. Ini termasuklah penggantian alat pensuisan baru di *substation* Sekolah Rendah Kampung Putat dan *substation* Kampung Putat sudah siap pada bulan Ogos 2013. Penggantian talian kawat atas menghubungkan *substation* dari Jalan Kampung Putat ke *substation* Simpang Kampung Putat No. 1 dan juga di antara *substation* Masjid Kampung Kasat ke *substation* Kampung Tanjung Pisang yang sudah usang kepada kabel bawah tanah yang sudah selesai perlaksanaannya pada 14 Januari 2014.

Kerja-kerja penggantian seperti mana yang dinyatakan di atas telah pun dilaksanakan dengan mengambil kira kelemahan sistem yang sering mengakibatkan terputusnya bekalan sebelum ini. Insya-Allah, kerja-kerja pembaikan dan penggantian akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa sebagai langkah mitigasi sebelum projek pengukuhan rangkaian secara keseluruhannya siap dilaksanakan pada awal tahun 2015. Projek pengukuhan tersebut ketika ini adalah di peringkat pelaksanaan dan ianya merupakan projek usaha sama pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik dengan Syarikat Berakas *Power Management Company (BPMC)* Sendirian Berhad iaitu sebuah Syarikat *Government Link Company (GLC).* Skop kerja bagi projek berkenaan akan melibatkan sejumlah besar penggantian dan pengubahan sistem rangkaian pembahagian di kawasan Kampung Kasat dan juga Kampung Putat.

Soalan No. 2, permohonan bagi penambahan kaunter perkhidmatan dan *standby base*. Cadangan bagi penambahan *standby base* bagi Mukim Lumapas adalah satu cadangan yang baik dan ianya insya-Allah akan dilaksanakan seawal-awalnya dan disasarkan untuk beroperasi pada pertengahan 2014. Permohonan untuk mengadakan kaunter perkhidmatan tersebut akan diteliti kesesuaiannya memandangakan sudah banyak pengguna menggunakan meter prabayar yang mana pembelian kredit dapat diperolehi melalui perkhidmatan *online* atau power kad. Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan memberikan tumpuan untuk menambah mesin *CDM* dan ditempatkan di kawasan

bersesuaian bagi penduduk-penduduk kampung di Mukim Lumapas.

Soalan No. 3, berkenaan dengan tarif baru elektrik. Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim untuk menambah tarif 1 sen *per kilowatt hours* dari 0 ke 600 *kilowatt hours* ke 0 ke 1,000 *kilowatt hours* atau dari 0 ke 2,000 *kilowatt hours.* Perkara ini hendaklah difikirkan secara mendalam dan mengambil kira tarif baru.

Alhamdulillah, orang ramai sudah mula memahami tentang pentingnya sikap berjimat cermat, melalui kecekapan penggunaan tenaga yang sudah menjadi contoh kepada masyarakat di luar negara. Sebagai contoh, bagi penggunaan yang tidak melebihi 600 *kilowatt hours* sebulan, pengguna hanya dikenakan bayaran sebanyak $6.00 sahaja berbanding dengan $43.00 ini sebelum (tarif yang lama). Penggunaan 600 *kilowatt hours* sebulan bersamaan pemakaian 2 unit penghawa dingin 2 *horse power*.

Daripada penyelidikan Jabatan Tenaga dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik sejak tarif baru diperkenalkan pada 1 Januari 2012, sebanyak 95% pengguna atau 73,194 akaun membayar kurang ataupun sama dengan harga tarif yang lama. Manakala, jumlah yang menggunakan antara 2,000 *kilowatt hours* sehingga 4,000 *kilowatt hours* sebulan juga telah menurun sebanyak 11%. Mereka ini telah berjaya berpindah daripada penggunaan pemakaian tinggi kepada penggunaan sederhana iaitu kurang daripada 2,000 *kilowatt hours* sebulan. Kajian juga menunjukkan terdapat pengguna terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan. Dalam hal ini pengguna tadi bolehlah memohon pemasangan meter prabayar kedua yang akan mengurangkan jumlah bil elektrik mereka.

Setakat ini Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah memasang sebanyak 22 meter prabayar tambahan di rumah pengguna yang berpendapatan rendah dan terdapat *extended family.* Ada juga pemohon didapati menyalahgunakan kemudahan ini dan didapati permohonan dibuat adalah bagi kegunaan pemasangan di bilik-bilik yang disewakan ataupun ada kegiatan kedai runcit. Alasan-alasan seperti ini adalah sangat bertentangan dengan kriteria utama dalam mempertimbangkan pemasangan meter tambahan.

Pada tahun 2013, terdapat penurunan sebanyak 8% penggunaan tenaga elektrik bagi pengguna-pengguna sektor perumahan di seluruh negara, iaitu 1,339 *kilowatt* berbanding dengan 1,455 *kilowatt* pada tahun 2012. Jika mengambil kira anggaran pertumbuhan permintaan tenaga elektrik dari setahun ke setahun, sebanyak 4% jumlah penjimatan yang dicapai. Pada tahun 2013 bagi sektor perumahan awam ialah sebanyak 12%. Dari segi kewangan jumlah *opportunity cost saving* adalah dalam lingkungan $30 juta pada tahun 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, gas asli yang dijimatkan akan membolehkan Negara membina lebih banyak lagi industri hiliran yang boleh menjana aktiviti ekonomi Negara dan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Seterusnya soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, mengenai Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sukacita saya menyentuh saranan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai balai polis dan pos polis di kawasan sempadan yang perlu ditambah memandangkan kemungkinan meningkatnya aktiviti-aktiviti misalan, penyeludupan, kemasukan pendatang tanpa izin melalui kawasan-kawasan berkenaan, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei menyambut baik keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim ke atas isu-isu keselamatan dan kesejahteraan khususnya bagi para penduduk di kawasan-kawasan sempadan. Sehubungan dengan saranan ini, sukacita saya secara peribadi memahami apa yang dihasratkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya ingin menyampaikan perkara-perkara berikut mengenainya:

Bagi kawasan Kampung Lumapas, Balai Polis Limau Manis dan Balai Polis Kampong Ayer, balai-balai polis yang terdekat menyediakan sepenuhnya perkhidmatan asas kepolisan bagi kawasan tersebut termasuklah penerimaan laporan-laporan mengenai kehilangan dokumen, kejadian jenayah dan kemalangan trafik dan seterusnya menjalankan penyiasatan ke atas laporan-laporan yang telah diterima.

Balai-balai ini juga bertugas bagi memantau dan mengambil tindakan ke atas aktiviti-aktiviti jenayah seperti penyeludupan dan kemasukan pendatang tanpa izin. Selain itu terdapat juga pos polis kawasan berkenaan yang berdekatan dengannya misalnya, Pos Polis Lumapas, Pos Polis Putat, Pos Polis Bebuloh dan Pos Polis Kasat.

Seperti mana juga yang telah dibincangkan semasa sesi perbincangan Soalan Yang Diberi Notis, keperluan yang diberi penambahan atau pembesaran balai-balai dan pos-pos polis terutama sekali dari segi keramaian anggota akan sentiasa dipertimbangkan.

Begitu juga penggunaan teknologi-teknologi seperti *CCTV* juga insya-Allah, akan dilaratkan ke tempat-tempat strategik bagi meningkatkan keupayaan dari aspek pencegahan dan pengesanan jenayah. Yang penting adalah menimbulkan *confident* orang ramai dan mengadakan impak-impak *deterrent* melalui peningkatan *visibility* dan keberadaan Pasukan Polis Diraja Brunei di kawasan berkenaan.

Aktiviti-aktiviti jenayah seperti penyeludupan barang, kemasukan pendatang tanpa izin adalah juga ditangani secara bersama dengan agensi-agensi keselamatan termasuklah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Isu-isu mengenai jenayah seperti ini juga memerlukan kerjasama yang padu daripada orang-orang kampung. Saya juga bersependapat dengan Yang Berhormat juga telah dan akan berkesempatan lagi untuk membincangkan perkara mengenai peningkatan keberadaan polis termasuklah saranan Yang Berhormat bagi pembinaan balai polis baru di Kawasan Kilanas dengan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis semasa sesi perbincangan mengenai dengan kejiranan kampung.

Dengan adanya komitmen dari Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, yang beliau boleh dihubungi pada bila-bila masa, satu laluan perhubungan yang terbuka dan sekerapnya melalui permuzakarahan telah wujud antara Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung bersama dengan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis yang menerajui inisiatif ini. Maka dengan itu, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung perlulah memanfaatkan jalur-jalur serta komitmen ini dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Pengerusi, sekian yang kaola sampaikan mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Ada lagi 2 soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Soalan yang seterusnya mengenai Radio Televisyen Brunei. Jika kaola dapat diizinkan untuk meneruskan Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin merujuk kepada aduan dan saranan dari Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim pada pagi tadi mengenai tahap penerimaan pancaran televisyen kurang memuaskan di beberapa tempat utama di kawasan-kawasan pedalaman dan yang terdinding. Salah satu punca kenapa siaran televisyen Brunei dalam format analog tidak dapat diterima dengan jelas adalah disebabkan pemasangan aerial yang tidak betul.

Walau bagaimanapun, siaran analog adalah satu teknologi yang semakin *obsolete* dan akan digantikan dengan siaran *digital*, selaras dengan peralihan siaran televisyen yang aktif dilaksanakan dari analog kepada digital semenjak tahun 2009. Penduduk di seluruh negara adalah digalakkan untuk menerima siaran digital Radio Televisyen Brunei dengan menggunakan *digital receiver* yang sesuai seperti *Integrated Digital TV* atau *Set Tops Box* iaitu alat penerima yang dipasang di televisyen jenis analog yang membolehkan televisyen berkenaan menerima siaran digital.

Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Rancangan Kemajuan Negara Radio Televisyen Brunei telah siap melaksanakan projek *digitalisation* sebagai langkah bagi meningkatkan keupayaan penyiaran Radio Televisyen Brunei. Ia menumpukan pada penaiktarafan stesen-stesen pancaran di Bukit Subok dan Andulau bagi membolehkan stesen-stesen ini

memancarkan *signal-signal* secara *digital.*

Mengenai stesen pemancaran ini, ianya telah pun mula memancarkan signal secara *digital* pada akhir bulan Januari 2014. Pada masa ini, proses uji cuba ke atas *field strength measurement* telah dilaksanakan dan laporan mengenainya dijangka siap menjelang suku kedua tahun 2014 dan dari laporan itu nanti, Radio Televisten Brunei akan dapat mengenal pasti kawasan-kawasan yang kurang mendapat liputan pemancaran. Radio Televisyen Brunei akan memastikan liputan akan dapat diterima di seluruh Negara. Pada masa yang sama, memperluaskan liputan siaran *digital* televisyen Brunei di kawasan-kawasan pedalaman dan yang terdinding siarannya di Daerah Temburong, Radio Televisyen Brunei juga sedang berusaha membina stesen *transforcer* yang baru di Kampung Selapun, Mukim Batu Apoi Temburong. Pada masa ini projek adalah di peringkat kerja-kerja tanah *earthwork.*

Yang Berhormat Pengerusi, kaola seterusnya ingin menyentuh juga mengenai Radio Televisyen Brunei iaitu cadangan supaya sebahagian kakitangan di jabatan berkenaan yang diambil berkhidmat secara bergaji hari ditetapkan dalam jawatan bergaji bulan. Pada lazimnya, proses penetapan jawatan bergaji bulan khususnya '*Open Vote'* adalah berpandukan kepada peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini. Misalnya, menurut Garis Panduan Jabatan Perkhidmatan Awam jika pekerja bergaji hari telah mencapai perkhidmatan 5 tahun, ianya boleh disokong untuk menjawat jawatan bergaji bulan '*Open Vote'* dan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti pencapaian prestasi yang telah ditetapkan. Adalah disarankan jika sebarang maklumat tambahan diperlukan mengenai kedudukan ini, pihak-pihak berkenaan boleh juga merujuk kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya seterusnya menyentuh perkara yang ditimbulkan mengenai peluang-peluang bagi kenaikan pangkat untuk para Pegawai dan Kakitangan Radio Televisyen Brunei. Dalam perkara ini, semua pegawai dan kakitangan di Radio Televisyen Brunei adalah merupakan penjawat jawatan dalam perkhidmatan awam yang terikat kepada syarat-syarat dan skim-skim perkhidmatan yang ada pada masa ini. Kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada beberapa syarat dan juga tertakluk kepada kekosongan jawatan bagi pegawai-pegawai yang berpotensi dan berkelayakan untuk dinaikkan pangkat. Mereka diperlukan untuk membuat permohonan bagi sesuatu jawatan yang telah pun diiklankan dan seterusnya melalui proses-proses ujian bertulis, sesi temu duga berpandukan kepada peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini menurut garis panduan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Radio Televisyen Brunei menyediakan beberapa program perkembangan sumber tenaga manusia dengan

menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian yang akan membolehkan pegawai-pegawai berkenaan menjadi *ready for career progression* yang tertakluk kepada syarat-syarat dan skim perkhidmatan serta kekosongan perjawatan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, setakat ini saja perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai dengan RTB iaitu soalan-soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Izinkan kaola sekali untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai Biro Kawalan Narkotik. Yang Berhormat Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih terhadap keprihatian Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai dengan risiko yang dihadapi pegawai-pegawai operasional yang sering berhadapan dengan risiko yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam keadaan yang siap siaga pada bila-bila masa diperlukan seperti mana yang tadi disuarakan oleh Yang Berhormat. Isu ini adalah sangat rumit. Walau bagaimanapun, semua pegawai operasional Biro Kawalan Narkotik pada masa ini memang sudah dilindungi oleh Skim Perlindungan Takaful.

Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi insya-Allah akan dibincangkan lagi dengan pihak Peguam Negara. Pada masa ini, kaola difahamkan bahawa kes ini sedang dan dalam penelitian Jabatan Peguam Negara dan Biro Kawalan Narkotik. Buat masa ini, diharap Yang Berhormat akan dapat memahami proses ini, insya-Allah kita semua akan mencari jalan yang terbaik dalam penyelesaian kes ini.

Soalan yang terakhir sekali daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai peranan Bahagian *Energy Services Business Development (ESBD)* bagi membukakan peluang pekerjaan dalam sektor minyak dan gas sukacita kaola menerangkan perkara-perkara berikut:

Tugas utama *Energy Services Business Development (ESBD)* ialah bertanggungjawab dalam memberigakan dan pelaksanaan arahan-arahan pembangunan perniagaan tempatan. Kedua-dua arahan ini memberi tumpuan kepada meningkatkan *local contain* (kandungan tempatan) termasuklah peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan memastikan peniagaan dikendalikan secara adil, telus dan anti monopoli.

Ke arah meningkatkan peluang-peluang pekerjaan anak-anak tempatan, tugas ini juga dikendalikan bersama di Bahagian Sumber Tenaga Manusia di Jabatan Tenaga yang antara inisiatif yang telah dan akan terus diungkayahkan ialah mengendalikan pesta kerjaya dan jerayawara kerjaya. Seterusnya, bagi meningkatkan keupayaan dan kompetensi anak-anak tempatan, Jabatan Tenaga bersama

Kementerian Pendidikan dan disokong oleh industri minyak dan gas telah memperkenalkan *Energy Industry Competency Framework (EICF).* Secara ringkas program *EICF* ini diwujudkan setelah disedari terdapat *mismatch* antara kelulusan mereka yang telah menamatkan pengajian dengan apa yang dikehendaki oleh industri.

EICF adalah *industry driver* bermakna diusahakan oleh industri juga dan dengan itu sentiasa mengambil kira keperluan-keperluan industri. Tenaga pengajar bagi program *EICF* adalah didatangkan dari industri sendiri ataupun telah diberikan pendedahan berkhidmat dalam industri berkenaan. Setakat ini, seramai 522 penuntut telah diambil di bawah program *EICF.* Sebanyak 260 penuntut *ISQ* telah pun memperolehi tawaran pekerjaan sementara yang lain masih mengikuti kursus-kursus.

Mengenai persoalan selanjutnya, adakah anak-anak tempatan diberi peluang untuk bekerja di luar negeri? Pada masa ini, *Syarikat Brunei Shell Joint-Venture* mempunyai 57 orang anak tempatan yang sedang berkhidmat di luar negeri begitu juga syarikat-syarikat perkhidmatan antarabangsa seperti *Schlumberger* 22 orang, *Halliburtor* 5 orang dan *Baker Hughes* 5 orang. Di samping itu Syarikat Petroleum Brunei juga telah membuat pelaburan di luar negeri seperti di Malaysia dan Myanmar.

Melalui usaha sama Syarikat Petroleum Brunei dengan syarikat-syarikat minyak antarabangsa seperti *Petronas, TOTAL* akan memberikan banyak peluang bagi anak-anak tempatan untuk ditempatkan dalam operasi di luar negeri. Peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan akan terus terbuka dengan adanya syarikat-syarikat tempatan yang dapat bersaing dan beroperasi di luar negeri. Jabatan Tenaga telah menyasarkan sebanyak 30 syarikat tempatan yang akan beroperasi di luar negeri menjelang tahun 2035.

Ini tidaklah mustahil memandangkan negeri-negeri seperti Singapura yang tidak mempunyai sumber-sumber asli minyak dan gas telah mempunyai banyak syarikat yang beroperasi di luar negeri. Ini juga sama seperti yang sekarang berlaku di Scotland iaitu Aberdeen, yang walaupun produksi minyaknya telah menurun tapi mereka telah berjaya mewujudkan syarikat-syarikat perkhidmatan di industri minyak dan gas yang beroperasi di arena antarabangsa. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola kalau diizinkan ingin memberikan 2 penjelasan kepada 2 cadangan yang dikemukakan oleh

2 orang ahli iaitu Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang mencadangkan supaya JPKE menyediakan *KPI* dalam memastikan projek-projek kemajuan berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya dan kedua cadangan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar supaya Laporan Tahunan Juruaudit Agung dicadangkan untuk diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Jadi, terlebih dahulu kaola akan menumpukan penjelasan bagi cadangan yang pertama daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang telah mengutarakan cadangan-cadangan tersebut. Dalam hal ini, sukacita mengongsikan kriteria pemilihan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang telah pun diguna pakai oleh Jawatankuasa Kerja Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dalam memastikan projek-projek yang dipilih adalah selaras dengan tema dan objektif pembangunan jangka panjang bagi mencapai Wawasan Negara 2035.

Antara perkara yang diambil kira, termasuklah projek yang dapat meningkatkan hasil dan mengurangkan perbelanjaan Negara. Projek yang dapat menwujudkan peluang-peluang pekerjaan khususnya di sektor swasta, projek yang dapat meningkatkan aktiviti perdagangan khususnya peningkatan eksport bukan minyak dan gas dan menarik pelaburan langsung asing, projek yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosial, kebajikan, masyarakat dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk, projek yang menyediakan infrastraktur yang berdaya tahan bagi membantu meningkatkan produktiviti di sektor awam dan swasta, projek yang dapat menyumbang kepada peningkatan tahap kemahiran, kepakaran dan keupayaan sumber tenaga manusia khususnya tenaga kerja tempatan, projek yang dapat menggalakkan penggunaan teknologi baru dan menyumbang kepada peningkatan daya inovasi dan tahap produktiviti negara dan yang terakhir keupayaan dan prestasi kementerian-kementerian dalam melaksanakan projek-projek yang dipohonkan mengikut perancangan.

Selain itu, JPKE juga telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan pelaksanaan projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) berjalan dengan lancar dan peruntukan dapat digunakan dengan optimum dengan:

1. Menyediakan sistem pemantauan yang lebih efektif;

2. Membuat lawatan ke tapak-tapak projek secara *regular*, di samping membuat lawatan mengejut;

3. Menyediakan *KPI* projek dan kementerian;

4. Mengeluarkan dari senarai mana-mana projek yang tiada perkembangan dalam tahun pertama Rancangan Kemajuan Negara Ke-10;

5. Memastikan pembayaran dibuat mengikut perjanjian kontrak;

6. Memastikan setiap kementerian membuat perancangan rapi dan mengikut skop projek asal dan jadual pelaksanaan asal; dan

7. Mengadakan dialog bersama agensi pelaksana kontraktor dan konsultan.

Keprihatinan yang tinggi dalam memastikan pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara juga telah diperolehi dari peringkat tertinggi, di mana Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan, di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara telah beberapa kali berkenan untuk turun padang bersama ahli-ahli yang lain, berangkat melawat projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dan berbincang dengan agensi-agensi pelaksana bagi mencari jalan penyelesaian kepada apa jua permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan projek.

Dalam hubungan ini juga, seperti yang telah kita maklumi, semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah bertitah mengumumkan pembentukan unit baru di Jabatan Perdana Menteri untuk mengenal pasti bidang-bidang utama yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Baginda.

Unit ini akan bekerjasama dengan agensi-agensi untuk mewujudkan rancangan, memantau pelaksanaan serta memberikan nasihat dan bantuan. Unit ini akan diketuai oleh Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri. Ketua Unit tersebut akan didukung oleh beberapa pasukan projek yang ditugaskan untuk mencapai sasaran di bidang-bidang utama bersama kementerian-kementerian yang berkenaan.

Unit ini akan beroperasi dengan mewujudkan hubungan yang kukuh merentasi pelbagai bidang bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk orang awam dengan agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk mencapai sasaran-sasaran dalam bidang-bidang utama berkenaan serta kesemua peringkat kepimpinan dan pengurusan.

Unit ini akan melapor terus kepada Jawatankuasa Pandu yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan,

di Jabatan Perdana Menteri. Sasaran-sasaran dan *trajectory* yang mencabar akan ditetapkan bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan sebagai pihak-pihak yang bertanggungjawab kepada bidang-bidang utama tersebut.

Tatacara bagi memantau sasaran-sasaran ataupun *KPI* tersebut akan disediakan, laporan berkala akan dihadapkan kepada Jawatankuasa Pandu. Masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang menghalang pencapaian sasaran-sasaran akan ditangani sebaik sahaja ianya dikenal pasti dengan cara mengutamakan sistematik dan pelaksanaan tindakan menurut klasifikasi ataupun *classificiation for action.*

Pendekatan unit ini bolehlah digambarkan sebagai agensi pendukung untuk membantu agensi-agensi lain berjaya. Kesemua kredit kejayaan adalah dimiliki agensi-agensi berkenaan. Pendekatan-pendekatan seperti yang telah disebutkan tadi, insya-Allah dijangka akan dapat memastikan pelaksanaan projek-projek kemajuan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh dan penggunaan peruntukan yang telah dirancang. Selain itu, ianya juga menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan untuk melipatgandakan usaha bagi mencapai Wawasan Negara 2035.

Soalan No. 2, Yang Berhormat Pengerusi yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, kaola terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas saranan Yang Berhormat tadi dan kaola ingin mengongsikan saja mengenai dengan tujuan penubuhan dan peranan Jawatankuasa Audit yang telah pun kaola nyatakan dalam Dewan ini tahun lepas, iaitu Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada tahun 2001 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, di Jabatan Perdana Menteri. Keahlian Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi yang berkepentingan termasuk Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Undang-Undang.

Bidang tugas Jawatankuasa Audit ini, antara lainnya termasuklah:

1. Mengelakkan berulangnya kesilapan, kesalahan, penyelewengan dan pelanggaran peraturan dalam mengurus wang dan harta benda Kerajaan di kementerian dan jabatan Kerajaan atau *public corporat* yang masalah ini boleh mengakibatkan meningkatnya kerugian dan pembaziran terhadap pendapatan dan harta Kerajaan;

2. Untuk memastikan segala prosedur dan pengurusan hal-ehwal kewangan dan harta benda Kerajaan khususnya

di bawah Peraturan-Peraturan Kewangan 1983 dipatuhi;

3. Untuk memastikan pegawai-pegawai Kerajaan khususnya ketua-ketua jabatan, *accountable* ke atas pentadbiran kewangan dan harta benda Kerajaan;

4. Untuk memastikan *value for money* diperolehi supaya pembaziran dan pemborosan dapat dielakkan; dan

5. Untuk mendapatkan jawapan dan tindakan yang lebih berkesan daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan ke atas pertanyaan-pertanyaan dan laporan-laporan audit demi meningkatkan hasil negara dan menjimatkan perbelanjaan wang Kerajaan.

Alhamdulillah, sejak ditubuhkan Jawatankuasa Audit telah pun mengadakan mesyuarat-mesyuarat seperti yang diperlukan bagi membincangkan isu-isu signifikan yang dilaporkan oleh Juruaudit Agung selaku Urusetia termasuk laporan Juruaudit Agung ke atas akaun tahunan Negara Brunei Darussalam yang disediakan mengikut Bab 68 Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan Bab 9 Akta Audit (Penggal 152). Contohnya, beberapa orang pegawai telah dipanggil oleh Jawatankuasa Audit untuk memberikan keterangan dan penjelasan ke atas teguran-teguran Jabatan Audit serta menunjukkan rekod-rekod dan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Jawatankuasa dalam menjalankan tugas.

Jabatan Audit selaku Urusetia Jawatankuasa Audit akan menghadapkan maklumat-maklumat, hasil pengauditan yang dibuat oleh Jabatan Audit yang difikirkan perlu dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit supaya diambil tindakan yang bersesuaian oleh pengurusan jabatan yang diaudit. Manakala, peranan Jawatankuasa Audit ialah untuk menghadapkan cadangan atau sokongan kepada pihak-pihak yang tertentu dan bersesuaian untuk pertimbangan dan tindakan yang segera ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Audit, termasuklah menyembahkan cadangan-cadangan Jawatankuasa Audit Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Peranan utama Jawatankuasa Audit seterusnya ialah untuk memastikan supaya pegawai-pegawai dan ketua-ketua jabatan Kerajaan lebih bertanggungjawab dan bersikap *accountable* dan menyerapkan *value for money* ke atas pengurusan kewangan.

Di samping itu, penelitian-penelitian yang terperinci sedang diusahakan oleh Jawatankuasa Audit untuk penubuhan Jawatankuasa Audit

di peringkat kementerian yang bertujuan untuk membuat penelitian ke atas laporan-laporan yang dihadapkan oleh Audit Dalaman Kementerian, Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Penubuhan Audit Dalaman ini adalah dikehendaki di setiap kementerian dan jabatan seperti yang dikehendaki oleh Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 10/2003 untuk memastikan pengurusan kewangan ditadbir dan *value for money* berhemah dan akauntabiliti.

Pada masa ini, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan telah menubuhkan Audit Dalaman masing-masing dan melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan. Laporan-laporan Audit Dalaman ini dihadapkan kepada Setiausaha Tetap dan ketua jabatan masing-masing untuk diambil tindakan yang bersesuaian mengenainya. Manakala, salinan Laporan Audit Dalaman diberikan kepada Juruaudit Agung sebagai asas maklumat untuk Jabatan Audit membuat pengauditan secara terperinci, jika terdapat isu yang *significant* yang dilaporkan oleh Audit Dalaman yang perlu dibuat penelitian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyata Akaun Tahunan Negara Brunei Darussalam menurut Perkara 14 dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, hendaklah disediakan bagi tahun tersebut tidak lewat 7 bulan selepas tahun kewangan terakhir Penyata Akaun Tahunan Negara Brunei Darussalam tersebut dikehendaki untuk dihadapkan kepada Juruaudit Agung seperti mana kehendak fasal 9 (1) Akta Audit (Penggal 152) yang mana penyata perlu diaudit dan laporan mengenainya disediakan oleh Juruaudit Agung.

Laporan Juruaudit Agung akan disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaras dengan Perkara 68 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Sekianlah, yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid bercakap.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bersempena dengan, Hari Kebangsaan, 30 tahun Kemerdekaan Negara yang bertemakan iaitu Generasi Berwawasan, saya rasa adalah mustahak melibatkan secara lebih aktif generasi muda akan Wawasan Negara 2035. Dengan penglibatan tersebut maka generasi ini akan dapat menumpukan tenaga dan pemikiran

untuk turut menyumbang kepada pencapaian Wawasan Negara 2035.

Ini bertepatan juga dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Yang Kesepuluh, yang Baginda bertitah supaya belia meningkatkan diri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan agar mereka akan menjadi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing.

Sehubungan dengan Wawasan Negara 2035 ini, yang telah dilancarkan lebih 6 tahun lalu saya ada 2 soalan. Akan tetapi nampaknya soalan No. 1 saya, adalah terjawab serba sedikit mengikut penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) yang baru kita dengar tadi, tapi untuk makluman sahaja.

Saya bacakan soalan No. 1 saya. Soalan saya berbunyi; Adakah dalam rancangan Kerajaan untuk menubuhkan badan khas bagi membuat penilaian secara berterusan dan teliti akan keberkesanan strategi serta dasar program-program yang dirancangkan untuk mencapai Wawasan Negara 2035?"

Saya teruskan dengan soalan No. 2 saya, iaitu mengenai penglibatan generasi muda dalam Wawasan Negara 2035 ini; Adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu strategi komunikasi yang efektif bagi meningkatkan penyertaan dan rasa tanggungjawab generasi ini akan pencapaian wawasan ini?

Seterusnya, juga soalan yang berkait dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Usaha Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti sumber manusia melalui pelbagai skim di bawah Program Dana Sumber Manusia seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) semalam adalah sangat-sangat dialu-alukan. Saya juga mengalu-alukan Penubuhan Badan Khas yang bertanggungjawab bagi menyediakan dasar perancangan sumber tenaga manusia seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis bersama rakyat untuk penduduk Negara Brunei Darussalam di United Kingdom pada bulan Disember lalu.

Dalam jangka masa pendek penggubalan dasar-dasar dan perancangan sumber manusia mestilah diselaraskan dengan keperluan industri dan menyesuaikan kemahiran pekerja yang memasuki pasaran pekerjaan. Soalan saya, sejauh manakah skim-skim berkenaan sudah dapat diselaraskan dengan peluang pekerjaan sama ada yang sedia ada ataupun dalam masa terdekat?

Seterusnya, juga mengenai sumber tenaga manusia. Badan khas yang berkenaan yang saya sebutkan tadi juga perlu mengambil kira bukan

sahaja untuk keperluan pada masa ini tetapi lebih penting untuk jangka masa panjang. Pelaburan awal hendaklah dibuat agar Negara dapat membekalkan untuk generasi muda dengan pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan cabaran teras perekonomian Negara pada masa akan datang yang berdasarkan inovasi dan peningkatan produktiviti. Langkah Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain untuk meningkatkan tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut adalah sangat-sangat dialu-alukan.

Seterusnya, hendaklah juga kita mengenal pasti bidang kemahiran sesuai dengan orang Brunei yang boleh membantu meningkatkan inovasi dan produktiviti. Sebagai misalan Negara Estonia sebuah negara kecil di Eropah menghasilkan applikasi *skype,* memperkenalkan *computer programming* kepada penuntut seawal tahun satu persekolahan iaitu sebagai persediaan untuk menjadikan rakyatnya sebagai pembuat *software* dan applikasi.

Soalan saya apakah dasar dan strategi badan khas berkenaan sudah ataupun merancang menyelaraskan usaha peningkatan pengetahuan dan inovasi produktiviti generasi muda Negara kita? Perkara seterusnya, kaola saya ingin cakapkan mengenai berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Saya tertarik dengan Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan Ke-5 yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di 43 buah agensi Kerajaan pada bulan Mei hingga Julai 2013 yang lalu. Mengikut laman web jabatan tersebut, kaji selidik pertama pada tahun 2002 dengan keputusan tahap kepuasan hati pelanggan 49%. Kali kedua pada tahun 2006 dengan tahap 65% dan kali ketiga pada tahun 2011 dengan tahap 68%. Kali keempat ialah pada tahun 2012 dan dibuat secara *online* tapi tiada terdapat maklumat dalam *website* tersebut mengenai tahap pencapaiannya.

Walau bagaimanapun, data-data yang diberikan menunjukkan peningkatan pencapaian kepuasan hati pelanggan dari tahun 2002 ke tahun 2011 adalah satu berita baik. Kaji selidik tersebut mempunyai objektif yang baik iaitu mengetahui tahap kepuasan pelanggan dan tahap persepsi pelanggan terhadap kualiti pemberian perkhidmatan.

Di samping itu, ia berhasrat untuk mendapatkan pandangan serta cadangan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam pemberian perkhidmatan. Mengenai dengan kaji selidik ini, saya ingin mengetahui adakah Jabatan Perkhidmatan Pengurusan berhasrat untuk memberikan dapatan dari kajian selidik yang dijalankan pada tahun 2012 dan 2013 secara terperinci dengan mengikut ciri-ciri dan mengikut pembahagian agensi-agensi Kerajaan di mana ianya dijalankan? Pada pendapat saya, statistik begini akan lebih bermakna dan lebih bermanfaat kerana ia memberi gambaran kedudukan agensi-agensi Kerajaan dalam memberi perkhidmatan dan seterusnya menimbulkan persaingan

sihat untuk senantiasa meningkatkan prestasi masing-masing.

Soalan No. 2, adakah juga diberikan maklum balas kepada pencadang mengenai cadangan dengan pandangan dari orang awam yang telah dilaksanakan dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam pemberian perkhidmatan? Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai *website* agensi-agensi Kerajaan.

Soalan saya, adakah Jabatan Perkhidmatan Pengurusan bercadang untuk menyediakan garis panduan untuk digunakan oleh semua agensi-agensi Kerajaan akan amalan terbaik dalam penyediaan *website* dan pemberian maklumat serta perkhidmatan melalui *internet*. Dengan adanya garis panduan tersebut, akan membantu menjadikan *website* agensi-agensi Kerajaan lebih berstruktur dan berkesan.

Website seperti itu akan memudahkan orang ramai mendapat maklumat dan berurusan seperti memuat turun borang-borang dan sebagainya. Ia akan dapat menghilangkan kekurangan-kekurangan seperti yang terdapat pada *menu-menu* yang sekian lama *under construction*, *link* yang tidak berfungsi, maklumat yang tidak dikemaskinikan secara berkala. Misalnya, terdapat maklumat tawaran yang sudah mansuh dan statistik yang tidak dikemaskinikan.

Ke arah ini, kaola juga turut mencadangkan supaya dalam *website* tersebut maklumat pencapaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) setiap agensi Kerajaan dimasukkan sebagai makluman untuk orang ramai yang hendak berurusan dengan agensi-agensi tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 8 perkara untuk diajukan:

i. Kaola tujukan kepada Pihak Polis Diraja Brunei. Kaola menyanjung tinggi atas dedikasi pihak Polis Diraja Brunei dalam menjalankan tanggungjawab mereka terhadap memelihara keselamatan Negara. Walau bagaimanapun, kaola berharap agar anggota Pasukan Polis Diraja Brunei janganlah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang telah diraih setakat ini dan perlulah sentiasa menilai serta hendaklah berinovasi dalam memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada masyarakat.

   Pada 27 Februari 2014, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah betitah

sewaktu Majlis Perasmian Majlis Anugerah Kampung Cemerlang, dengan Baginda menekankan peri musatahaknya menjaga keselamatan Negara daripada anasir-anasir yang berniat jahat terhadap Negara kita.

Sehubungan dengan itu, satu perjumpaan pemimpin akar umbi Daerah Belait dengan Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis pada 5 Mac yang baru lalu, ada membangkitkan tentang rancangan pihak Polis akan mengaktifkan Ahli Kejiranan Kampung di seluruh Negara. Adakah juga dalam perancangan pihak Polis untuk melibatkan sama ahli-ahli pertubuhan lain seperti Pertubuhan Bekas Anggota Polis Diraja Brunei dan Bekas Parajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam sama-sama menjaga kesejahteraan dan keselamatan Negara selain pemimpin akar umbi dan Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung.

Seterusnya, penduduk-penduduk di Mukim Sukang dan Melilas telah menyuarakan kebimbangan tentang keselamatan di kawasan mereka dan mereka memohon supaya pos polis di mukim-mukim tersebut akan dapat diambil kira juga.

ii. Tentang Biro Kawalan Narkotik (BKN), kaola ingin merujuk respons daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga mengenai penglibatan pemimpin akar umbi dalam masalah penyalahgunaan dadah. Pemimpin akar umbi tetap sentiasa memberi kerjasama dalam membanteras masalah penyalahgunaan dadah di Negara kita ini. Demikian juga, pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang kaola sanjung tinggi kerana tidak kendur-kendur berusaha gigih untuk mengurangkannya.

Untuk makluman bersama, mengapa sesetengah penagih dadah itu kembali semula menagih? Antara lain, sebab-sebabnya ialah mereka tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menyara diri setelah keluar dari Pusat Pemulihan dan lebih-lebih lagi yang mempunyai keluarga, selain dari disisih oleh keluarga sendiri.

Dalam hal ini, kaola sukacita menyeru supaya pihak-pihak yang berkenaan untuk membantu mereka mencari kerja, menghulurkan bantuan modal untuk mereka berusaha sendiri. Hal ini difikirkan boleh menghindarkan mereka daripada terjebak kembali ke kancah penyalahgunaan dadah ini.

iii. Seterusnya, kaola ajukan rancangan penggantian *(succession planning)*. Saya tertarik dengan pernyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri semasa membentangkan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2045 kelmarin, khususnya mengenai langkah-langkah rancangan penggantian dalam perkhidmatan awam.

Saya ingin pihak Jabatan Perdana Menteri mengongsikan jumlah jawatan di peringkat pengurusan seperti Penolong Pengarah Kumpulan 3, 2 dan 1 sehingga Pengarah dalam tangga gaji *Superscale C* ke atas yang masih belum diisikan.

Saya juga ingin mengetahui, apakah kesan ke atas produktiviti di perkhidmatan awam dengan banyaknya kekosongan jawatan-jawatan di peringkat pengurusan yang penting ini?

iv. Seterusnya, Kenaikan Pangkat Laluan Laju. Berkaitan dengan perkara di atas, saya difahamkan ada kaedah Kenaikan Pangkat Laluan Laju bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Bahagian II ke atas yang telah diguna pakai sebagai langkah Rancangan Penggantian *(Succession Planning)* ini.

Soalan saya, adakah terdapat jawatankuasa yang mempertimbang kan Kenaikan Laluan Laju? Berapa ramaikah sudah pegawai-pegawai yang dipertimbangkan dan dibenarkan untuk dinaikkan dalam Kenaikan Pangkat Laluan Laju ini?

v. Seterusnya, isu Penetapan Jawatan. Dalam Peruntukan Tahun 2014-2015 bagi jawatan-jawatan di peringkat pengurusan pertengahan *(middle management)* sehingga ke peringkat Pengarah, saya mendapati jumlah peruntukan yang disediakan hanyalah untuk tempoh memangku sahaja. Saya difahamkan banyak ketua jabatan yang masih memangku dalam tempoh yang panjang. Malah ada yang sudah memangku bertahun-tahun, ada pula yang hampir tempoh bersara baharu ditetapkan dan dinaikkan pangkat. Adakah perkara ini telah diberikan perhatian?

Saya juga ingin pihak yang berkenaan mengongsikan langkah-langkah terkini yang diambil untuk memendekkan tempoh memproses penetapan jawatan bagi jawatan yang dipangku secara substantif yang kadang-kadang memakan masa lebih setahun.

Adakah pihak yang berkenaan mempunyai kecenderungan supaya apabila seseorang itu telah disokong oleh ketua jabatannya untuk ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya secara substantif selama 6 bulan dan seterusnya dinaikkan pangkat, serta telah memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat jawatan berkenaan, hendaklah ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya setelah ia selesai memangku?

vi. Skim Perkhidmatan Produktiviti Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam juga banyak bergantung kepada Skim Perkhidmatan yang boleh mengembangkan kemajuan kerjayanya.

Saya memohon supaya pihak yang berkenaan mengongsikan di Dewan yang mulia ini, setakat ini berapa

banyakkah Skim Perkhidmatan yang diterima untuk diproses oleh Jawatankuasa Skim Perkhidmatan dan Tanggagaji. Berapa lamakah proses mempertimbangkan skim-skim perkhidmatan tersebut? Adakah penilaian telah dibuat mengenai kesan kelambatan mempertimbang-kan skim-skim perkhidmatan ini kepada produktiviti pegawai-pegawai Kerajaan apabila mendapati kemajuan kerjaya mereka tidak lagi dapat diperkembangkan?

Apa yang kita difahamkan, kekosongan jawatan-jawatan selalu terjadi kerana pegawai-pegawai perkhidmatan awam lebih cenderung mengisi jawatan dalam skim perkhidmatan yang lebih menarik dan mempunyai kemajuan kerjaya yang lebih terjamin walaupun mereka telah didedahkan dan dilatih dengan pengalaman-pengalaman yang sesuai tempat ia bekerja.

vii. Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menimbulkan mengenai Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh. Pada masa ini kebenaran untuk mengikut Skim Latihan Dalam Perkhidmatan untuk meninggikan tahap hanya diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berumur di bawah 40 tahun. Kita sedia maklum, umur persaraan telah dinaikkan kepada 60 tahun. Saya ingin bertanya adakah perancangan pihak yang berkenaan untuk me*review* atau mengkaji peraturan seperti ini? Adakah kajian telah dibuat terhadap kesan peraturan seperti ini ke atas sasaran wawasan untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkelulusan tinggi.

viii. Yang Berhormat Pengerusi berkaitan dengan Sumber Tenaga Manusia. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri mengenai Program Pembangunan Eksekutif *(Executive Development Programme – EDP).* Dapat kiranya Jabatan Perdana Menteri menjelaskan di Dewan yang mulia ini?

Adakah kajian atau penilaian telah dibuat ke atas keberkesanan Program Pembangunan Eksekutif terutama dalam usaha meningkatkan kualiti produktiviti dan sebagai langkah melahirkan pegawai-pegawai kanan yang lebih berkualiti dan sebagai *thinker* dalam pentadbiran Kerajaan?

Adakah pemantauan dibuat ke atas rumusan-rumusan yang dihasilkan oleh pegawai-pegawai berkenaan semasa menghadiri program tersebut khususnya yang boleh membantu memperbaiki dasar dan sistem pentadbiran yang diamalkan dalam organisasi mereka bertugas.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan mempersilakan seorang saja lagi Ahli Yang Berhormat bercakap sebelum kita menangguhkan persidangan.

Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada 5 perkara dalam tajuk yang akan kaola timbulkan di bawah Jabatan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

1. Radio Televisyen Brunei, 2 perkara yang akan kaola timbulkan dalam tajuk ini iaitu:

   i. Stesen Radio Televisyen Brunei (RTB) cawangan Daerah Temburong yang ditempatkan sementara di rumah *PWD* lama berdekatan dengan kedai Pekan Lama. Ia berfungsi menyiarkan program aktiviti harian lintas langsung Rampai Pagi dan Laporan Daerah di Rangkaian Nasional setiap hari sepanjang tahun. Masalah yang dihadapi apabila hujan berterusan dan hujan musim tengkujuh menyebabkan banjir kilat di mana bahagian bawah bangunan tersebut dimasuki air hingga ke paras 0.46 meter (1.5 kaki) dan merosakkan soket-soket elektrik.

   Perkara ini juga akan menjejaskan peralatan teknikal seperti kabel-kabel *audio*, *pvc, camera, multi-core cable*. Jika tidak diawasi dan diambil tindakan awal, ia akan menjejaskan siaran langsung laporan Radio dan Televisyen. Alhamdulillah, atas usaha yang berterusan daripada pihak jabatan yang bekenaan, kaola dimaklumi bahawa tapak kekal lama Radio dan Televisyen Brunei, Cawangan Daerah Temburong telah diperolehi di kawasan Mukim Batu Apoi dengan keluasan tapak 0.0894 hektar (2 ekar).

   Proses permohonan peruntukan Kewangan bagi pembinaan bangunan kaola difahamkan sudah pun lama berjalan. Sukacita kaola ingin tahu kedudukkan mengenai perkara ini.

   ii. Perkara yang sudah ditimbulkan oleh rakan Yang Berhormat tadi dan penjelasan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri. Apa pun juga kaola ingin bertanya, apakah sudah ada perancangan dari pihak Radio Televisyen Brunei (RTB) untuk memastikan apa jua Rancangan Radio dan Televisyen, selari dengan perlaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah? Maksud di sini, ialah pensejajaran peranan pihak Jabatan Kerajaan dalam sama-sama mendidik dan membentuk akhlak dalam mempengaruhi dan membudayakan masyarakat Brunei menurut lunas-lunas hukum syarak. Pada pandangan kaola, perancangan ini dinilai penting bagi memastikan pada masa ini kita terdedah kepada

perkara negatif atau budaya bukan Islam seperti pendedahan aurat, pergaulan berlebihan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram seperti nyanyian dan tarian antara lelaki dan wanita yang bukan mahram dan sebagainya.

2. Mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Mengenai Cuti Khas untuk menunaikan fardu haji, hanya diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pegawai yang dikurniakan tambang tersebut, boleh memulakan cuti 2 hari sebelum ke Arab Saudi dan 2 hari sesudah sampai di Negara ini untuk bekerja semula. Kaola di Dewan yang mulia ini, mencadangkan supaya pihak Kerajaan melalui jabatan yang berkenaan agar tempoh cuti 2 hari setelah kembali dari menunaikan fardu haji akan dapat ditambah tempohnya kerana tempoh yang bersesuaian ini akan memberi masa yang mencukupi bagi saudara mara berziarah dan memberi peluang rehat yang mencukupi kepada mereka.

3. Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pengurusan iaitu. Dalam perkara ini, kaola akan menimbulkan apa yang difahamkan adalah satu peranan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan ialah sebagai *focal point* bagi orang ramai melaporkan aduan (*complaint)* mereka terhadap kualiti prestasi perkhidmatan jabatan-jabatan sejak tahun 1998. Soalan kaola ialah, apakah sudah ada dalam pihak perancangan Kerajaan melalui Jabatan yang berkenaan untuk menaik taraf peranan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan seperti penubuhan biro- pengaduan awam di bawah Jabatan Perdana Menteri?

   Ia bertanggungjawab dan memiliki kuasa bagi menerima dan menyelesaikan keperluan dan ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan awam dan aspek pentadbiran. Kaola percaya dengan adanya biro demikian, ia akan memastikan lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan-jabatan Kerajaan akan di tahap yang lebih baik dengan adanya atau *accountability* dan imbal balas.

4. Mengenai Pasukan Polis Diraja Brunei. Seperti mana yang di timbulkan oleh rakan Yang Berhormat wakil dari Daerah Belait, kaola juga mengutarakan bahawa Pasukan Polis Diraja Brunei telah pun mewujudkan semula Skim Pengawasan Kejiranan Kampung di Negara ini. Semasa muzakarah Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung bersama Pemangku Timbalan Persuruhjaya Polis di Daerah Temburong pada 29 Januari 2014 disambut baik oleh seluruh masyarakat di Daerah Temburong. Skim ini masih releven mengikut dasar Pasukan Polis Diraja Brunei dalam strategi pencegahan jenayah.

Usaha-usaha bagi menghidupkan kembali Jawatankuasa Pengawasan Kejiranan Kampung adalah bertepatan dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Penganugerahan Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3, di Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Khamis, 27 Februari 2014 yang mana Baginda menekankan dalam aspek keselamatan.

Dalam hubungan ini, sukacita kaola mengusulkan cadangan apalah kiranya Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejiranan Kampung diberikan kuasa yang bersesuaian dalam memperkesankan lagi peranan tugas dan tanggungjawab pengawasan kejiranan kampung dalam membantu pihak Kerajaan.

Dalam hubungan ini juga, sukacita kaola mencadangkan di Dewan yang mulia ini, agar pihak Kerajaan dapat mengkaji dan mempertimbangkan satu peruntukan khusus yang mencukupi bagi menjayakan usaha-usaha ini supaya Pengawasan Kejiranan Mukim dan Kampung di seluruh negeri dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang benar-benar bermanfaat dan diperlukan selain penjagaan keselamatan persekitaran mukim dan kampung membendung aktiviti-aktiviti anti sosial dan lain-lain.

5. Mengenai Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Dua perkara kaola akan utarakan dalam Tajuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik:

   i. Seperti yang kaola maklumi, mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Daerah Temburong antara bulan Mac 2012 hingga bulan Februari 2013, terdapat 18 kali kajian gangguan bekalan elektrik. Ia berpunca daripada rangkaian penghantaran 11,000 voltan dan 16 kali kajian yang berpunca daripada Stesen Janakuasa Belingus.

      Manakala, antara bulan Mac 2013 hingga bulan Februari 2014, terdapat 31 kali kajian gangguan bekalan elektrik berpunca daripada rangkaian penghantaran 11,000 voltan dan 7 kali kejadian gangguan berpunca daripada Stesen Janakuasa Belingus.

      Di Dewan yang mulia ini, kaola sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha keras kakitangan jabatan yang terlibat dalam mengatasi dan menangani gangguan-gangguan tersebut.

   Kaola ingin bertanya, apakah sudah ada usaha-usaha pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah

gangguan-gangguan bekalan elektrik ini masih saja berlaku di Daerah Temburong?

ii. Kaola juga ingin bertanya mengenai status perkembangan projek lampu jalan *(streets lighting).* Kaola mengambil maklum bahawa terdapat dua projek lampu jalan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi Daerah Temburong iaitu:

a. Jalan Selapon, Mukim Batu Apoi; dan

b. Jalan Temada dan Belais, Mukim Bokok.

Sukacita kaola ingin tahu mengenai status projek-projek yang kaola sebutkan dan kaola juga ingin mengetahui sama ada atau adakah lagi projek-projek pemasangan lampu-lampu jalan dilaratkan ke kawasan-kawasan lain seperti Jalan Batang Duri, Mukim Amo dan Jalan Kampung Sibulu ke Kampung Rataie, Mukim Bokok.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula esok, hari Rabu, 10 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 12 Mac 2014 Masihi pada pukul 9.30 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 10 Jamadilawal 1435 / 12 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Mulia Jurutulis II: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam, bersidang pada hari kelima, hari Rabu, 10 Jamadilawal 1435 Hijriah bersamaan 12 Mac 2014 Masihi didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan limpah kurnia rahmat serta keizinan-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Persidangan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari kelima. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta

pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan meneruskan lagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara untuk membincangkan Perkara VI iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis dan selepas itu kita akan beralih kepada Perkara VII, iaitu Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Maka, saya sekarang meminta Jurutulis untuk memulakan soalan-soalan Perkara VI selanjutnya.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan Yang Diberi Notis No. 15 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Asyrafil Mursalin, Sayidina Muhammadin, Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain.

Kaola, di Dewan ini, akan menimbulkan isu permohonan untuk mendapatkan permohonan tapak tanah bagi Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung melalui Projek Satu Kampung Satu Produk yang akan kaola tujukan kepada Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun berusaha dalam mengembangmajukan dan menaik taraf perekonomian Majlis Perundingan Kampung melalui Projek Satu Kampung Satu Produk dan telah disambut baik oleh penduduk dan masyarakat di mukim-mukim dan kampung-kampung. Beberapa buah Majlis Perundingan Kampung sudah pun berjaya dan menampakkan hasil tetapi masih menghadapi kesulitan kerana kurang mendapat sokongan daripada pihak jabatan-jabatan yang berkenaan terutama sekali mengenai permohonan untuk mendapatkan tapak. Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sepatutnya diberikan pertimbangan dan galakan serta sokongan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan bagi merealisasikan hasrat mereka.

Kaola, di Dewan ini, ingin bertanya apakah pihak kementerian melalui jabatan-jabatan yang berkenaan dapat mempertimbangkan agar syarat-syarat menduduki tanah yang ada sekarang akan dapat ditambah atau dilonggarkan? Adakah Projek Satu Kampung Satu Produk itu hanya satu rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sahaja dengan tidak ada bantuan dan penglibatan daripada kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan yang lain bagi sama-sama mendukung projek tersebut? Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad atas soalan mengenai syarat penggunaan tanah.

Dalam hal permohonan tanah, kita mengamalkan pengurusan tanah yang berhemah agar mapan (*sustainable*) bagi jangka panjang dan yang memberi pulangan yang tinggi. Walau bagaimanapun, dasar tanah yang ada tidaklah bermaksud menyekat kemajuan atau pembangunan dalam mengawal penggunaan tanah sebabnya kita juga mengagihkan tanah bagi tujuan atau aktiviti tertentu seperti perumahan, perindustrian, pertanian untuk tujuan komersial, tapak bangunan dan prasarana Kerajaan, tempat riadah dan peranginan, tapak sekolah, institusi pendidikan tinggi bagi projek Kerajaan seperti penyediaan prasarana jalan raya, saliran dan sebagainya.

Untuk tujuan-tujuan tersebut, tanah akan diagih-agihkan kepada kementerian-kementerian yang menghendakinya mengikut keperluan dan perancangan mereka. Sebagai menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tadi iaitu syarat-syarat menduduki tanah ditambah atau dilonggarkan ini tidaklah seharusnya timbul lagi kerana buat pada masa ini, syarat guna tanah yang diberikan ataupun yang dibenarkan adalah cukup luas dan meliputi semua aktiviti seperti bagi tujuan perumahan, sudah disediakan di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan. Bagi tapak perindustrian dan pertanian ada disediakan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Tapak bagi tujuan menarik pelaburan asing dari luar negeri yakni untuk menarik *foreign direct investment*, tanah juga sudah diagihkan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*BEDB)*. Bagi tapak sekolah-sekolah swasta, boleh dipohonkan melalui Kementerian Pendidikan untuk pertimbangan Kementerian Pembangunan.

Bagi membangun klinik, rumah sakit dan apa jua yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan, permohonan boleh dihadapkan melalui Kementerian Kesihatan. Begitu juga, tapak projek bangunan bagi pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (*NGO*) bagi kegiatan membantu orang-orang berkeperluan khas dan istimewa telah ada peruntukan tanah yang diberikan. Pendeknya, untuk apa jua keperluan memang sudah ada peruntukan tanah. Jadi permohonan tapak tanah bolehlah dihadapkan kepada kementerian-kementerian berkenaan untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, syarat menduduki tanah ataupun permohonan tanah akan dikaji dari masa ke masa kerana mengikut keperluan penggunaan tanah yang dimaksudkan pada masa-masa tertentu. Permohonan bagi syarat menduduki tanah atau sebarang guna

tanah akan dipertimbangkan secara *case by case.*

Bagi menjawab soalan seterusnya, iaitu apa peranan kementerian dalam mendukung Projek Satu Kampung Satu Produk, kita hanya boleh membantu dari segi penyediaan tapak tanah yang boleh atau sudah digazet di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan bantuan teknikal. Mungkin kita juga boleh membantu dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas.

Ini bergantung kepada apa jenis produk yang akan dihasilkan. Untuk mendapatkan tanah atau bantuan yang dinyatakan, permohonan bolehlah dihadapkan melalui Jabatan Daerah masing-masing kerana buat pada masa ini pada dasarnya Kementerian Pembangunan tidak lagi memberikan tanah Kerajaan dan tidak mengeluarkan *LTS* langsung (*direct*) kepada MPK atau MPM secara berasingan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan No. 16 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menimbulkan berhubung dengan kesesakan lebuh raya dari Simpang Tanjung Maya sehingga ke laluan pusingan U (*U-Turn).* Lebuh raya ini sesak dengan keadaan kenderaan yang berlapis-lapis kerana digunakan oleh penduduk beberapa buah mukim yang keluar menuju penduduk Pekan Tutong, yang kadang-kadang berlaku kemalangan.

Soalan kaola, apakah perkembangan mengenai perancangan untuk membina jejambat (*flyover)* di kawasan yang dimaksudkan? Kedua, untuk mengatasi masalah ini, supaya dicadangkan dipasang lampu isyarat di laluan pusingan U (*U-Turn)* bagi memberi peluang kepada kenderaan yang hendak keluar dari pusingan U (*U-Turn*), Tanjung Maya menuju Pekan Tutong. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Sekali lagi, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan tersebut. Kementerian Pembangunan menyedari akan berlakunya kesesakan dari masa ke semasa di Lebuh raya Telisai-Tutong, iaitu di simpang keluar dari Tanjung Maya. Kita memang ada perancangan untuk membina jejambat agar pengguna jalan raya tidak perlu menggunakan *u-turn.* Tetapi, kita masih belum sampai ke fasa pelaksanaan disebabkan keperluan membina jejambat di beberapa tempat yang lebih strategik dan mendesak.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut Rancangan Kerja *(Program of Work)* Kementerian

Pembangunan, kita mempunyai 8 buah jejambat yang sedang dalam pelaksanaan, 6 dalam peringkat tawaran, 4 dalam peringkat kajian kemungkinan, manakala, 12 lagi masih dalam peringkat perancangan. Izinkan saya Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengambil masa sedikit untuk menyenaraikan projek-projek jejambat yang masa ini dalam berbagai *stages*. Dalam pembinaan kita ada 8 projek, iaitu:

1. Jalan Babu Raja - Jalan Tutong;
2. Jalan Telanai - Jalan Gadong;
3. Lebuh raya Muara Tutong - Jalan Pantai Meragang;
4. Jambatan Sungai Kebun - Jalan Residency;
5. Jambatan Sungai Kebun - Jalan Tarap Bau;
6. Jalan Berakas - Lebuh raya Muara - Tutong;
7. Jalan Utama Tanah Jambu - Jalan Utama Mentiri; dan
8. Lebuh raya Tutong – Telisai - Jalan Perumahan di Bukit Beruang.

Projek-projek ini sedang dalam pembinaan pada masa ini. Sementara itu, kita mendapati ada 6 projek dalam peringkat tawaran iaitu Lebuh raya Muara/Tutong - Jalan Perumahan Lugu, Lebuh raya Tutong - Sengkurong *Bypass*, Jalan Utama Mentiri - Jalan Tanah Jambu, yang terdapat 4000 buah rumah yang baru siap, Jalan Utama Mentiri - Jalan Sungai Akar, Jalan Utama Mentiri-Simpang 336, Jalan Sungai Akar dan Jalan Utama Mentiri-Jalan Menteri Besar. Empat projek masa ini dalam peringkat kajian kemungkinan, iaitu pusing keliling Jalan Berakas-Airport, jambatan menyeberangi Pulau Rangu, Jalan Tutong dan Jalan Telanai, Lebuh raya Muara-Tutong, Jalan Sungai Basong dan Lebuh raya Muara - Tutong Jalan Sengkarai.

Sementara itu, ada dalam perancangan sebanyak 12 projek. Ini masih dalam peringkat perancangan, jadi, belumlah ada apa-apa tindakan kerana masih dalam perancangan, iaitu Lebuh raya Muara - Tutong, Perumahan Tanah Jambu, Lebuh raya Muara - Tutong, Jalan Penghubung Tanah Jambu, Lebuh raya Muara - Tutong, Jalan Pasir Berakas, Lebuh raya Muara – Tutong - Jalan Utama Rimba, Lebuh raya Muara - Tutong Perumahan Keriam, Lebuh raya Muara - Tutong Penanjong Kem, Lebuh raya Telisai - Jalan Bukit Udal, Lebuh raya Tutong - Telisai Jalan Tanjung Maya. Saya rasa, ini yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Begitu juga, Jalan Tutong, Jalan Mulaut-Jerudong, Jalan Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Jalan Penghubung Katok, Jalan Tutong Jalan Sengkurong *Bypass* dan Lebuh raya Sultan Hassanal Bolkiah, Jalan Utama Berakas.

Jadi, kalau mengikut senarai yang ada, memang sudah banyak perancangan untuk jejambat yang sudah dirancang oleh Kementerian Pembangunan. Hanya masanya saja yang mengambil masa sedikit bagi

mana-mana projek yang masih dalam perancangan dan mana-mana projek yang dalam pembinaan, insya-Allah akan siap seperti dalam jangka waktu yang telah pun ditetapkan.

Mengenai pemasangan lampu isyarat di Lebuh raya Tutong - Telisai, kita telah mengkaji kesesuaiannya dan didapati tidak sesuai kerana tempat itu adalah lebuh raya yang mempunyai had laju yang sangat tinggi iaitu 100 km/sejam. Walau bagaimanapun, kita juga ada rancangan untuk mengadakan *U-turn* di sepanjang lebuh raya tersebut. Sebahagian daripadanya termasuk dalam senarai perancangan itu.

Jadi, itulah, status projek-projek yang ada di Kementerian Pembangunan pada masa ini. Sekali lagi, saya ingin menekankan bahawa Kementerian Pembangunan akan sentiasa memantau keadaan kesesakan jalan raya dan akan membina mana-mana jejambat, jalan raya, jambatan dan sebagainya apabila diperlukan dan apa yang jua diperlukan nanti, insya-Allah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan No. 17 dari Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih. Kaola menimbulkan yang berhubung dengan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Kontena pembuangan sampah di tepi jalan raya atau lebuh raya sekarang ini sudah menjadi sasaran utama tempat pembuangan sampah oleh siapa saja yang melintasi tempat ini yang tidak lagi dikhususkan untuk penduduk kampung atau mukim berkenaan, kerana ianya mudah disinggahi.

Oleh itu, selain sampah domestik, sampah-sampah lain juga dibuang di sana, termasuklah sampah-sampah kilang yang menyebabkan kontena sampah cepat penuh dan akhirnya menyebabkan sampah dibuang berlonggok di luar kontena ditambah dengan sikap pemugut yang membakar kontena sampah tersebut. Jadi, hal ini menyebabkan kontena sampah tersebut berulang-ulang diganti.

Jadi, cadangan kaola, adakah pihak berkenaan bercadang mendirikan pondok pengawal di tempat pembuangan sampah yang akan diawasi oleh seorang petugas tempat pembuangan sampah tersebut di Negara ini? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi soalan seterusnya, daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai penyediaan pondok pengawal dan petugas di semua tempat pembuangan sampah di semua daerah, pada masa ini belum ada perancangan demikian.

Saya rasa, ini tidak perlu kerana kita mengharapkan orang ramai yang menggunakan tempat-tempat tersebut akan menjaga keselamatan dan

kesempurnaan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan seperti yang kita lihat di negara-negara yang maju. Tetapi malangnya, masih ada orang kitani yang tidak menghargai kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan dan bertindak anti-sosial. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli tadi, perkara ini akan dikaji sama ada perlu atau tidak pondok pengawal berserta petugas disediakan pada masa-masa yang terdekat ini.

Dalam masa yang sama, kita masih menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan kutipan sampah dalam usaha kita untuk menjaga persekitaran yang bersih, bukan saja dari sampah yang berlonggokan tetapi juga yang dibuang di tepi-tepi jalan di sana sini. Walaupun sudah disediakan tempat-tempat membuang sampah. Ini merupakan satu cabaran bagi Kementerian Pembangunan dan Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi kerana dalam perkara membuang sampah ini, kerjasama semua pihak terutama orang awam adalah perlu.

Jadi, di Dewan yang mulia ini, kita berharaplah bahawa orang ramai, pengguna-pengguna jalan raya akan prihatin untuk sama-sama menjaga kebersihan Negara kita. Tidak semuanya dapat dilakukan oleh pihak Kerajaan ataupun jabatan-jabatan berkenaan, tetapi orang ramai mempunyai peranan yang besar dalam perkara ini. Sekian saja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai Perkara V ini ditangguhkan dan mana-mana Soalan Yang Diberi Notis yang belum sempat dibincangkan pada pagi ini akan dibincangkan kemudian nanti.

Sekarang, kita berpindah pada perkara Susunan Kerja seterusnya iaitu, Perkara VII Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu per satu, maka Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk membincangkan dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah petang kelmarin, kita masih lagi membincangkan Jadual tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri bermula dari Tajuk SA02A hingga Tajuk

SA05A. Sebelum perbincangan ini dimulakan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita perlu menyelesaikan dan meluluskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri pada hari ini juga. Oleh yang demikian, saya berharap soalan-soalan yang diajukan kepada pihak Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet biarlah yang berkaitan dengan Rang Undang-Undang tersebut.

Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin untuk memberi ucapan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memberikan maklumat tambahan bagi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai dengan rangka kerja kecekapan dalam Industri Minyak dan Gas *(Energy Industry Competency Framework [EICF])* dan cadangan Yang Berhormat bagi pekerja-pekerja diberi peluang mengikuti program lanjutan untuk membimbing mereka menjadi *entrepreneurs* yang telah pun dijawab atau dijelaskan oleh rakan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy)* di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi, rangka kerja kecekapan dalam Industri Minyak dan Gas atau *EICF* adalah satu usaha sama dan kolaborasi antara 3 agensi yang berkepentingan iaitu, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri sebagai pengawal selia (*regulator)* bagi Industri Minyak dan Gas di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Pendidikan sebagai agensi penyediaan latihan *(training provider)* yang menawarkan program-program di institusi-institusi pendidikan Teknik dan Vokasional dan ketiga syarikat dalam Industri Minyak dan Gas sebagai agensi yang menjalankan operasi Industri Minyak dan Gas di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya akan menerima pelajar-pelajar lepasan pendidikan dan latihan di Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pihak Industri Minyak dan Gas telah banyak memberi *input* pada kecekapan *(competency)* kemahiran diperlukan dan pihak industri juga membantu dalam penyediaan kurikulum serta tenaga pakar mereka *(Subject Matter Expert)* membantu dalam pengajaran dan penilaian.

Yang Berhormat Pengerusi. Kolaborasi yang rapat antara 3 agensi ini membuatkan rangka kerja sejauh ini berjaya dan langsung menjadikan graduan dari program ini berhasil menepati kehendak piawaian atau pun standard pihak industri. Secara tidak langsung, pihak industri mendapat faedah dari kolaborasi ini bila mana mereka tidak perlu lagi melatih semula *(re-training)* pelajar-pelajar lepasan Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional. Tenaga kerja yang mahir dan memenuhi kecekapan yang diperlukan akan dapat meningkatkan produktiviti dan efisiensi dalam Industri Minyak dan Gas.

Dari perspektif Kementerian Pendidikan, inisiatif ini akan meningkatkan *employability* (kebolehpasaran) pelajar-pelajar lepasan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Di samping itu, transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional juga menekankan peri mustahaknya pembelajaran sepanjang hayat *(continuing education)* atau *(life long education).* Oleh itu, mana-mana lepasan daripada Pendidikan Teknik dan Vokasional boleh meneruskan pengajian untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang masing-masing. Ini akan mendukung hasrat industri untuk memastikan setiap individu yang berkecimpung dalam industri tertentu ini mempunyai perkembangan kerjaya *(carrier progression).*

Alhamdulillah, model kerjasama ini telah menampakkan kejayaan di mana kita telah mampu menambah bilangan program latihan yang releven dengan keperluan industri yang berkenaan. Kementerian Pendidikan, insya-Allah akan berusaha melaratkan model kerjasama ini kepada sektor kemahiran utama yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi. Di samping memastikan pelajar-pelajar kita mendapat kemahiran untuk memenuhi keperluan industri demi menjamin peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran, Kementerian Pendidikan melihat usaha ini adalah hanya salah satu daripada komponen satu ekosistem yang luas dalam menjana produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara ini. Satu bidang yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan ekonomi dalam mewujudkan peluang pekerjaan ialah bidang keusahawanan *(entrepreneurship).*

Oleh itu, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam telah merancang satu Agenda Keusahawanan Kebangsaan *(National Entrepreneurships Agenda)* yang diharapkan akan memberi impak kepada para pelajar dan masyarakat dengan memupuk minda dan sikap berdikari dan juga boleh menolong mengurangkan pengangguran serta menyumbang ke arah kepelbagaian ekonomi negara.

Agenda Keusahawanan Kebangsaan ini menggunakan pendekatan holistik dan menyeluruh di mana bagi mencapai impak yang besar kepada masyarakat inisiatif ini akan merangkum pendidikan dari tahap tadika hingga ke tahun 12, vokasional, teknikal, tahap pengajian tinggi dan cabang untuk meliputi masyarakat usahawan-usahawan yang sedia ada dan yang akan datang.

Sebahagian daripada inisiatif yang dilaksanakan yang terkandung dalam pelan induk *National Entrepreneurships Agenda* ini, ialah penubuhan pusat-pusat inkubasi dan *mentorships* yang akan menggunakan rangka kerja yang kaola sebutkan tadi. Insya-Allah, sekiranya pekerja-pekerja ini berminat untuk bergiat dalam keusahawanan, laluan untuk memperkembangkan potensi mereka ada disediakan dalam Program *National Entrepreneurship Agenda* ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy),* silakan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan berbagai perkara yang berkaitan dengan beberapa jabatan yang diletakkan di bawah jagaan kaola.

Seperti jua sebelum ini, izinkan kaola menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa Sesi Permesyuaratan Jawatankuasa pada petang semalam. Mengikut susunan soalan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai laman web *out of date*.

Yang Berhormat Pengerusi. Pertama sekali kaola ingin menyentuh soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli mengenai laman-laman web Kerajaan yang *out of date* iaitu dalam kapasiti saya selaku Menteri yang bertanggungjawab atas hal ehwal E-Kerajaan.

Alhamdulillah, pada masa ini, kebanyakan agensi Kerajaan menggunakan laman web untuk berkongsi maklumat dengan orang ramai. Secara umumnya, laman-laman web kementerian adalah *up to date* dan sentiasa dikemas kini. Walau bagaimanapun, adalah diakui terdapat laman-laman web jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang tidak dikemaskinikan secara konsisten ataupun masih mengandungi maklumat yang *out of date* ataupun *link* yang tidak berfungsi.

Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah segera ke arah memastikan laman-laman web berkenaan dikemaskinikan dengan serta-merta. Untuk makluman jua, pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan *(EGNC)* ada menyediakan satu perkhidmatan *central* web *hosting* untuk semua agensi Kerajaan.

Pada masa yang sama, beberapa *template standard* juga telah disediakan dan agensi-agensi Kerajaan adalah digalakkan untuk mengunakannya bagi memastikan adanya penampilan yang konsisten yang sekali gus memudahkan orang ramai memperolehi maklumat yang dicari.

Cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat agar diadakan satu garis panduan mengenai amalan terbaik penyediaan laman web, termasuklah penyampaian perkhidmatan melalui *internet* dan seterusnya penyaluran maklumat yang relevan, seperti pencapaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan, sememangnya kita mengambil maklum tentang cadangan ini dan cadangan ini adalah satu cadangan yang positif dan ini insya-Allah, akan dilaksanakan.

Untuk makluman, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan pada Disember 2013, telah menerbitkan Buku Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) agensi-agensi Kerajaan Bilangan 1, yang melibatkan 23 jabatan yang telah pun diagihkan kepada para Penghulu dan Ketua Kampung di keempat-empat daerah bagi kemudahan orang ramai membuat rujukan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan. Insya-Allah, Buku Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) agensi-agensi Kerajaan Bahagian 2, akan diterbitkan pada tahun ini dan buku-buku berkenaan akan dimuat naik ke laman web Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Pasukan Polis Diraja Brunei, telah dibangkitkan di Dewan Majlis yang berbahagia ini oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil dari Daerah Belait dan juga Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, wakil dari Daerah Temburong. Isu-isu yang dibangkitkan ialah mengenai Program Pengawasan Kejiranan Kampung dan juga penempatan pos-pos polis di Sukang dan Melilas, Daerah Belait. Saya terlebih dahulu ingin menyentuh mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Program Pengawasan Kejiranan Kampung yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

Perkara pertama, sama ada Pasukan Polis Diraja Brunei akan melibatkan bekas polis atau bekas perajurit dalam kejiranan kampung? Kejiranan kampung adalah satu program sukarela yang terbuka kepada penduduk-penduduk kampung di dalam mukim dan kampung yang berkenaan. Maka dengan itu, ianya adalah terbuka juga kepada mereka yang pernah berkhidmat dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Malah, penyertaan bekas-bekas anggota agensi-agensi keselamatan dan beruniform adalah satu kelebihan, kerana pengetahuan dan pengalaman mereka boleh digunakan dengan sebaiknya dalam pelaksanaan kegiatan-kegiatan yang menjurus kepada pencegahan jenayah dan seterusnya mengeratkan perpaduan penduduk setempat.

Begitu juga penyertaan pihak-pihak tertentu, misalnya ahli-ahli persatuan-persatuan sukarelawan, ianya adalah juga dialu-alukan. Saya melihat langkah ke arah mengaktifkan semula program pengawasan kejiranan kampung adalah masih lagi dalam fasa awal dan setentunya lebih banyak perjumpaan antara Pasukan Polis Diraja Brunei dengan para Penghulu dan Ketua Kampung perlu diadakan dari semasa ke semasa. Maka, hal-hal seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi akan dapat dibincangkan secara terperinci semasa perjumpaan-perjumpaan itu nanti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara kedua mengenai dengan Program Pengawasan Kejiranan Kampung yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,

ianya menyentuh mengenai kemungkinan kuasa-kuasa khas diberikan kepada Ahli-Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung di dalam melaksanakan aktiviti di bawah program berkenaan.

Saya telah difahamkan bahawa seperti mana jua setiap anggota masyarakat, Ahli-Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung juga mempunyai hak-hak tertentu menurut Undang-Undang Negara yang ada pada masa ini. Ini termasuklah di bawah Bab 32 Kanun Prosedur Jenayah Panggal 7, yang membolehkan penangkapan seseorang suspek tanpa waran bagi kesalahan-kesalahan tertentu sebelum dihadapkan dengan segera kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei untuk tindakan lanjut. Sama ada perlu bagi Anggota-Anggota Pengawasan Kejiranan Kampung diberi kuasa-kuasa tambahan dari apa yang telah diperuntukan oleh undang-undang yang ada sekarang, perkara ini, setentunya memerlukan pertimbangan lanjut dan penelitian oleh pihak-pihak yang berkenaan di dalam Kerajaan.

Saya berpendapat, apa yang sebenarnya diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan Program Pengawasan Kejiranan Kampung ialah pemberian latihan-latihan yang bersesuaian mengenai tatacara yang terbaik dalam melaksanakan kerja-kerja pencegahan jenayah menurut sukat-sukat perundangan dan peraturan yang sedia ada. Pada masa yang sama, mereka juga perlu diberikan latihan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan, keselamatan dan alam persekitaran *(HSSE),* agar dapat mengendalikan apa jua situasi yang akan dihadapi dengan selamat dan sempurna.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee mengenai keberadaan Pos Polis di Sukang dan saranan mengadakan Pos Polis di Melilas, Yang Berhormat Pengerusi, kedudukan ini adalah seperti mana yang saya telah sampaikan sebelum ini, ianya melibatkan pertimbangan ke atas keperluan keberadaan Pasukan Polis Diraja Brunei di kawasan-kawasan berkenaan. Saya telah dimaklumkan bahawa kedua-dua tempat, iaitu Kampung Sukang dan Kampung Melilas mempunyai bilangan penduduk yang kecil. Menurut banci penduduk 2011, Kampung Sukang mempunyai penduduk seramai 125 orang dan Kampung Melilas hanya mempunyai 15 orang penduduk.

Selain itu, kedua-dua tempat ini mempunyai kadar kejadian jenayah yang sangat rendah. Dari aspek geografi, jarak antara Kampung Sukang dan Kampung Melilas, walaupun dapat dihubungi dengan kenderaan darat, akan memerlukan perjalanan kereta sekurang-kurangnya 45 minit manakala Balai Polis yang paling dekat bagi memperolehi perkhidmatan kepolisan asas (Labi) memakan masa kira-kira 1 jam 45 minit perjalanan kereta dari kedua-dua tempat berkenaan. Jadinya, keresahan para penduduk di Kampung Melilas dan Kampung Sukang adalah difahami.

Dalam hal ini, sama ada sesuatu kawasan itu mempunyai bilangan

penduduk yang ramai ataupun sebaliknya, penduduknya mempunyai keperluan yang sama, iaitu dapat menjalani kehidupan seharian dengan tenang dan rasa dilindungi oleh pihak-pihak keselamatan, terutamanya Pasukan Polis Diraja Brunei. Insya-Allah, terdapat berbagai-bagai cara bagi memberi perlindungan keselamatan kepada para penduduk di dalam sebuah kampung yang terpencil.

Pada masa ini, beberapa inisiatif telah diambil bagi meningkatkan tahap keberadaan Pasukan Polis Diraja Brunei di Kampung Sukang dan Kampung Melilas. Misalnya, melaksanakan fasiliti bagi penempatan anggota-anggota keselamatan di kawasan-kawasan yang berdekatan. Selain itu, pada masa yang sama, keberadaan atau penampilan anggota-anggota keselamatan di kawasan-kawasan berkenaan juga akan dipertingkatkan melalui rondaan-rondaan oleh Pasukan Polis Hutan bersama dengan agensi-agensi keselamatan yang lain khususnya yang menjaga keselamatan penduduk setempat. Yang Berhormat Pengerusi, sekian juga jawapan saya, bagi menjawab perkara yang ditimbulkan mengenai Pasukan Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad atas perkara yang telah dibangkitkan mengenai Biro Kawalan Narkotik (BKN), iaitu mengenai penyalahgunaan dadah yang berulang-ulang.

Pertama sekali, saya mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan beliau menyokong sepenuhnya usaha Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam menangani masalah-masalah penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam. Dokongan seperti ini sangatlah dikehendaki demi membanteras penyalahgunaan dadah yang terkawal. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat bekas residen Pusat Al-Islah yang belum lagi memperolehi pekerjaan setelah dibebaskan. Inilah asas bagi mengadakan Skim Pelepasan Sementara yang diperkenalkan pada tahun 2013. Bilangan bekas residen yang memperolehi pekerjaan atau yang memulakan perusahaan sendiri telah meningkat. Alhamdulillah, pada tahun 2013, kesemua pelepasan Pusat Al-Islah di bawah Skim Pelepasan Sementara telah memperolehi pekerjaan setelah dibebaskan.

Pemberian bantuan dan sokongan dalam mendapatkan peluang-peluang penempatan dan pekerjaan di sektor swasta bagi residen adalah menjadi salah satu fungsi Jawatankuasa Penasihat Pusat Al-Islah yang ahli-ahlinya, terdiri daripada 2 orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara (wakil yang dilantik dari daerah-daerah), 3 orang Ahli Korporat dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya dari pihak Kerajaan kepada Ahli-Ahli Korporat dalam Jawatankuasa

Penasihat Pusat Al-Islah yang telah banyak membantu dan memahami permasalahan yang dihadapi oleh residen-residen di Pusat Al-Islah. Malah, Ahli-Ahli Korporat ini telah meluangkan masa dan pada masa yang sama memberikan *support* yang tulus dan ikhlas dalam membantu memberikan pekerjaan kepada bekas-bekas residen Pusat Al-Islah ini.

Ahli-Ahli Korporat yang dimaksudkan adalah Yang Mulia Awang Haji Abdul Saman bin Haji Awang, Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Melayu Brunei, Yang Mulia Awang Haji Zainal bin Haji Sapar, Pengerusi Haji Zainal Katering dan Yang Mulia Awang Haji Ibrahim bin Haji Awang Damit, Pengarah Urusan Syarikat ADBS. Sokongan sebeginilah yang dikehendaki oleh masyarakat kitani dan alhamdulillah, hal ini telah menampakkan keprihatinan golongan masyarakat.

Untuk meningkatkan lagi pencapaian yang sedia ada, Pusat Al-Islah akan meneruskan usaha sama dengan agensi-agensi Kerajaan terutamanya Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan sektor swasta dari sudut Kerajaan, bantuan kebajikan, latihan kemahiran vokasional, pendidikan dan sebagainya untuk residen-residen semasa berada di dalam Pusat Al-Islah.

Pusat Al-Islah juga berkerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei *(BEDB)* dalam membantu bekas penagih dadah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan melalui bantuan mikro kredit sebanyak $2,000.00. Biro Kawalan Narkotik (BKN) juga berharap agar pihak majikan atau pengusaha agar bersikap lebih terbuka dan memberikan ruang kepada bekas residen Pusat Al-Islah untuk bekerja dengan mereka.

Ke arah ini, akan dapat menghilangkan stigma dan memberikan harapan kepada bekas-bekas residen ini berkeinginan untuk berhijrah ke arah kebaikan.

Insya-Allah, pihak Kerajaan akan sentiasa memastikan peluang pekerjaan sentiasa diberikan dan memberikan bantuan yang bersesuaian. Dalam masa yang sama, sokongan keluarga memainkan peranan yang penting dalam membantu bekas-bekas penagih dadah dan bukan bergantung sepenuhnya kepada pihak Kerajaan sahaja. Sekian saja, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dan seterusnya saya berpindah kepada 2 soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih atas perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad semalam berkenaan dengan Jabatan Radio Televisyen Brunei. Perkara pertama, berkenaan dengan Studio Radio Televisyen Brunei di Daerah Temburong. Status terkini, ialah dalam

perancangan untuk mendirikan bangunan Radio Televisyen Brunei yang kekal di Daerah Temburong.

Bangunan Cawangan Radio Televisyen Brunei di Daerah Temburong yang sedia ada pada masa ini terletak di Pekan Bangar, Temburong dan ianya merupakan sebuah bangunan sementara sahaja, bukannya bangunan yang dibina khas bagi tujuan-tujuan penyiaran. Walaupun terdapat *limitation* dari aspek ruang dan fasiliti Radio Televisyen Brunei, di Daerah Temburong, seperti mana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, Radio Televisyen Brunei Temburong masih dapat melaksanakan tugas-tugas siaran setiap hari termasuklah siaran harian lintas langsung dalam rancangan televisyen Rampai Pagi, siaran radio Rangkaian National dan Rangkaian Harmoni bagi melaporkan aktiviti-aktiviti dari Daerah berkenaan. Memang diakui, keadaan banjir yang telah berlaku melibatkan Studio Daerah Temburong pada 16 Januari 2014, telah sedikit sebanyak mengakibatkan ketidakselesaan di kalangan petugas di Cawangan tersebut.

Walau bagaimanapun, alhamdulillah, atas tindakan segera daripada pihak-pihak yang berkenaan, banjir tersebut tidaklah sampai menjejaskan siaran dari Studio Daerah Temburong. Dalam rancangan jangka panjang, Radio Televisyen Brunei telah mengenal pasti satu tapak seluas 0.8 hektar, iaitu lebih kurang 2 ekar yang bersesuaian untuk menempatkan bangunan studio baru Radio Televisyen Brunei di Daerah Temburong. Tapak ini terletak di kawasan Kampung Batu Apoi berhadapan dengan *light industrial area*, kira-kira 1 kilometer dari Pekan Bangar.

Pemilihan tapak ini adalah berdasarkan kedudukannya yang berhadapan dengan jalan utama dan tidak terlalu jauh dari Bangunan Stesen TelBru bagi memenuhi keperluan teknikal untuk siaran. Siaran dari studio baru ini akan dihubungkan melalui *fiber optic* dengan Bangunan Stesen TelBru dan seterusnya melalui gelombang *micro* yang sedia ada ke Bandar Seri Begawan. Selain itu, tapak ini juga merupakan terkandung dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai tapak-tapak untuk jabatan-jabatan Kerajaan. Pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga telah memaklumkan bahawa ianya tidak ada halangan bagi tapak tersebut diperuntukkan bagi kegunaan Radio Televisyen Brunei. Insya-Allah, kerja-kerja yang berkaitan dengan pembinaan bangunan baru seperti pengurusan tapak, penyediaan reka bentuk dan proses tender akan dibuat pada tahun 2014.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi perkara kedua iaitu, program bagi menanai usaha ke arah melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, saya sukacita menjelaskan bahawa sebagai stesen penyiaran Kerajaan, peranan yang dilaksanakan oleh Radio Televisyen Brunei adalah berdasarkan kepada dan juga selari dengan pelan strategik Jabatan Perdana Menteri, mempromosikan imej Kerajaan yang aktif dan pemedulian.

Sejajar dengan itu, Radio Televisyen Brunei membentuk misi yang jelas untuk menjadikan organisasi media yang utama dan dinamik dalam pembangunan Negara. Dengan yang demikian, misi utama jabatan adalah membentuk masyarakat yang bermaklumat, berpengetahuan melalui rancangan-rancangan yang berkualiti. Seperti mana yang diketahui, peranan utama Radio Televisyen Brunei juga merangkumi usaha untuk menanai konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir melalui rancangan-rancangan yang bersesuaian, termasuklah yang berkaitan dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semalam.

Radio Televisyen Brunei telah membentuk kerjasama dengan Jawatankuasa Pemberigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah bagi penerbitan rancangan yang berkaitan seperti berikut:

Penyediaan penyiaran rancangan Kuliah Al-Kanun sebanyak 52 episod yang berdurasi kira-kira 15 minit setiap episod yang disiarkan melalui berbagai saluran TV. Sementara itu, rancangan yang sama juga akan disiarkan melalui radio di Rangkaian Nasional, Nur Islam dan Harmoni. Rancangan mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah juga disalurkan melalui *platform* An-Nur yang menyentuh topik-topik yang berkaitan. Promo Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei dari masa ke masa. Penekanan bagi rancangan-rancangan yang berunsur keagamaan, di samping ianya disiarkan secara *across the board,* RTB telah menyediakan saluran radio dan televisyen khusus bagi rancangan-rancangan yang berunsurkan keagamaan bagi memudahkan penonton dan pendengar untuk mengikutinya iaitu Rangkaian Nur Islam dan saluran televisyen RTB 5.

Seterusnya, saranan Ahli Yang Berhormat agar langkah-langkah diambil memastikan semua rancangan yang disiarkan adalah sesuai untuk tontonan masyarakat di Negara ini. Perkara ini, insya-Allah, sentiasa diambil perhatian oleh pihak jawatankuasa penapisan dan penilaian rancangan dan RTB sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai hal-hal yang berkaitan dengan bekalan elektrik di Daerah Temburong seperti mana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Sememangnya diakui dan amat dikesali, masih terdapat kejadian gangguan bekalan tenaga elektrik di Daerah Temburong yang gangguan-gangguan ini dikenal pasti kebanyakannya berpunca daripada kegagalan komponen penamatan kabel *termination*, sistem talian bawah tanah dan talian kawat ke atas 11,000 voltan.

Pihak jabatan juga mengenal pasti kawasan-kawasan yang sering mengalami gangguan iaitu kawasan-kawasan Senukuh, Sibulu dan Rataie. Mengikut statistik gangguan bekalan elektrik di sepanjang 3 tahun kebelakangan bagi daerah ini, 33

kejadian kerosakan pada sistem rangkaian pembahagian yang direkodkan pada tahun 2011 dibandingkan dengan 18 kejadian pada tahun 2012 dan 31 kejadian pada tahun 2013.

Manakala, gangguan yang disebabkan oleh kerosakan Sistem Jana Kuasa Belingos ialah 23 kejadian pada tahun 2011, 16 pada tahun 2012 dan hanya 7 pada tahun 2013. Dari maklumat yang diberikan tadi, sudah ada pembaikan pada sistem penjanaan. Jumlah gangguan akibat kerosakan pada sistem tersebut jelas sudah berkurangan. Tumpuan Jabatan Perkhidmatan Elektrik pada tahun 2013 ialah melaksanakan langkah-langkah mitigasi untuk memperbaiki rangkaian pembahagian 11,000 voltan yang dikenal pasti mempunyai kelemahan. Bukan saja di Temburong, malah seluruh Negara termasuklah Mukim Lumapas yang pernah dibangkitkan sebelum ini.

Alhamdulillah, gangguan-gangguan ini telahpun berkurangan sejak bulan September 2013. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penggantian, pengukuhan talian rangkaian bekalan akan dipertingkatkan lagi demi memperbaiki integriti bekalan tenaga terutama sekali di kawasan Senukuh, Sibulu dan Rataie.

Projek pemasangan talian baru bagi menggantikan talian yang sering mengalami masalah adalah diberi keutamaan dan disasarkan untuk selesai pada hujung tahun 2014. Bagi kerja-kerja penggantian komponen penamatan sistem talian bawah tanah 11,000 voltan yang sedang dilaksanakan ketika ini, lebih 80% telah digantikan pada masa ini dan kerja-kerja tersebut di kawasan Selapun akan siap pada Jun 2014. Dengan terlaksananya kerja-kerja mitigasi tersebut, gangguan yang berulang-ulang akan dapat dikurangkan, insya-Allah.

Mengenai gangguan yang berpunca daripada sistem jana kuasa Belingos, gangguan ini bukanlah kekurangan kapasiti penjanaan. Ianya antara lain, disebabkan oleh gangguan susulan dari kerja-kerja pemasangan sistem kawalan jentera diesel yang baru bagi menggantikan sistem yang lama yang tidak lagi berfungsi. Alhamdulillah, kerja-kerja pemasangan sistem kawalan tersebut telah pun selesai dilaksanakan pada November 2013 dan operasi sistem jana kuasa Belingos telah pun dapat diperbaiki dan kini berada dalam keadaan baik dan stabil.

Perkara ini juga, dilihat sendiri oleh Ahli Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad semasa beberapa lawatan kerja yang dibuat bersama saya ke Stesen Jana Kuasa Belingos ini. Ahli Yang Berhormat juga telah dibawa untuk melihat sendiri kerja-kerja pembaikan yang telah dilaksanakan pada sistem jana kuasa ini, termasuk juga pembaikan dari sudut keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Kesemua ini menunjukkan keseriusan komitmen dalam menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi dan stabil bagi Daerah Temburong. Kapasiti penjanaan elektrik di Daerah Temburong telah meningkat dari 6 Megawat 3 tahun yang lalu kepada 12 Megawat sekarang dan

penggunaan elektrik keseluruhan Daerah Temburong adalah di tahap 5-6 Megawat. Sebagai makluman lanjut, sukacita saya mengongsikan beberapa maklumat mengenai langkah-langkah dengan *street light* yang telah pun dirancangkan di Daerah Temburong. Ianya termasuklah projek pemasangan lampu jalan yang menggunakan lampu jenis *energy effecient LED* bagi jalan Selapun, Mukim Batu Apoi sepanjang 14.3 km sudah pun ditawarkan dan kerja-kerja pemasangan akan dimulakan pada Jun 2014.

Keseluruhan kerja disasarkan untuk selesai penghujung tahun 2014. Sementara itu, empat projek pemasangan lampu jalan juga akan dilaksanakan melalui belanjawan Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-10 iaitu; Jalan Kecil Kampung Selapun yang mana akan siap pertengahan 2015 dari simpang 3, Puni/Bokok Kampung Tamada sebanyak 18.4 km dijangka akan siap pertengahan tahun 2016. Dari simpang 3 ke Bokok hingga ke simpang 3 Kampung Sibulu sejauh 5.6 km dijangka akan siap penghujung 2016. Dari Kampung Buang Bulan hingga Kampung Batang Duri sejauh 14.4 km dijangka akan siap pada tahun 2017.

Yang Berhormat Pengerusi, dari segi kos pelaksanaan pemasangan lampu-lampu jalan seperti mana yang telah saya sampaikan sebelum ini, memerlukan perbelanjaan yang banyak dari pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya jalan-jalan raya yang terang benderang insya-Allah, keselesaan dan keselamatan para pengguna jalan raya khususnya para penduduk Daerah Temburong sudah setentunya akan dapat dipertingkatkan. Ianya juga akan membantu dalam usaha mempertingkatkan tahap keselamatan dan pada masa yang sama, mengurangkan kemungkinan terjadi aktiviti-aktiviti jenayah di kawasan-kawasan berkenaan. Untuk akhirnya, izinkan saya Yang Berhormat Pengerusi, untuk menyampaikan dua pantun kalau diizinkan, pantun ini direka oleh sahabat saya Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, pantunnya:

Tempurung dibakar menjadi arang,
Lalu dibawa ke dalam sawah,
Daerah Temburong terang benderang,
Itu tandanya Negara mewah.

Banyak orang bergelang kaki,
Jalan-jalan mencari kulat,
Orang Temburong senang hati,
Tambahan lampu *street light* akan dibuat.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 15 minit. Terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dan masih lagi membincangkan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebelum Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sebelah Kerajaan, memberi jawapan selanjutnya, ada baiknya diberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin memberikan pandangan ataupun pertanyaan terhadap tajuk-tajuk yang sedang dibincangkan ini. Manakala persidangan sebelah petang akan dikhaskan bagi Ahli Yang Berhormat sebelah Kerajaan untuk menjawab soalan-soalan ataupun memberikan penerangan.

Saya telah diberikan senarai Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk memberikan ucapan, maka saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola akan bercakap mengenai 3 buah jabatan sahaja di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Mula-mula Jabatan Audit. Jabatan Audit pada amnya berperanan untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan kepada akaun kewangan dan juga harta benda Kerajaan di setiap kementerian dan jabatan Kerajaan. Jabatan Audit juga bertanggungjawab menilai serta memperbetulkan jika terdapat mana-mana kesilapan yang dilakukan dan menasihati tatacara atau prosedur pentadbiran kewangan setiap kementerian dan jabatan supaya lebih bersistem, *prudent* dan telus.

Saya difahamkan kerja-kerja pengauditan terhadap kementerian atau jabatan yang bermasalah hanya dilakukan setelah beberapa tahun masalah itu terjadi. Jika perkara ini benar, maka adalah sukar bagi para petugas Jabatan Audit untuk menjalankan penyiasatan kerana timbul masalah-masalah seperti pegawai yang terlibat dalam sesuatu masalah itu sudah bersara atau bertukar kerja ke lain jabatan atau sudah meninggal dunia, maka penyiasatan yang sepenuhnya tidak dapat diselesaikan dengan sempurna.

Untuk mengelakkan dari perkara sedemikian berlaku, adalah perlu bagi Jabatan Audit mempercepatkan proses pengauditan jika berlaku sesuatu masalah di mana-mana kementerian dan jabatan berkenaan bagi membolehkan petugas Jabatan Audit dapat menyiasat dengan lebih positif dan lancar kerana dokumen-dokumen penting masih terdapat di kementerian atau jabatan berkenaan dan penjawat awam yang terlibat itu juga masih lagi berada atau bertugas di kementerian lain. Jika ini dapat dilakukan, saya percaya sistem kewangan di setiap kementerian dan jabatan dapat berjalan dengan baik dan efesien yang sudah

semestinya membawa pembangunan Negara berjalan dengan lancar.

Jabatan yang kedua, kaola ingin tujukan ialah Pasukan Polis Diraja Brunei. Kita sedia maklum Pasukan Polis Diraja Brunei sebuah agensi penguat kuasa undang-undang yang sudah mencecah umur 93 tahun pada 1 Januari 2014. Dalam usia yang cukup matang ini, kekuatan pasukan telah berkembang tetapi penuh cabaran. Dari itu, bagi menghadapi setiap cabaran ini, Pasukan Polis Diraja Brunei perlu meningkatkan keupayaan dari segenap sudut yang bertepatan dengan perkembangan teknologi dunia masa ini.

Sudah sampai masanya, Pasukan Polis Diraja Brunei mempunyai pusat akademi yang berbentuk institusi akademi yang dilengkapi asas-asas kurikulum akademik, medik, *DNA*, perundangan, pusat sumber yang berhubung kait dengan kerja polis dan keselamatan. Polis akademi ini juga dicadangkan mengeluarkan persijilan tertinggi yang mampu menjana anggota polis melanjutkan pengajian dalam bidang kepakaran yang dikehendaki oleh pasukan.

Tempat melatih anggota polis mencerminkan perubahan infrastruktur yang jelas terutama pada bangunan dan kawasan latihan yang patut diberi wajah baru untuk menggantikan Pusat Latihan Polis yang ada pada masa ini.

Latihan perlu diperkukuhkan dan diperkemaskan dengan merancang penggunaan alat-alat canggih, terutama dalam hal ehwal penyiasatan untuk kemahiran pelatih. Meningkatkan keupayaan, khususnya dalam kelengkapan kemahiran kepakaran terhadap penguasaan teknologi baru dan canggih. Penubuhan akademi polis akan memberi identiti baru bagi pasukan ke arah *higher standard of facilities* yang perlu diadun dengan disiplin yang tinggi di samping menerapkan konsep Melayu Islam Beraja. Bagi kemantapan barisan kepimpinan, Pasukan Polis Diraja Brunei perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi serta fokus dalam tugasan masing-masing dalam mempertahankan Negara dari sebarang anasir jenayah.

Sempena sambutan Hari Polis Diraja Brunei Ke-85 tahun pada Januari 2006, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan perkenan Baginda bagi penubuhan Jabatan Perisikan Jenayah sebagai pelengkap sistem pentadbiran polis. Dalam majlis itu Baginda juga bertitah seperti berikut: *"Apa yang Beta ingin tegaskan bahawa Beta amatlah menginginkan Pasukan Polis Diraja Brunei yang bersih, berwibawa dan berakhlak mulia sebagai penguatkuasa undang-undang. Pasukan mestilah berani, amanah dan setia sehingga dengannya tidaklah akan berbangkit yang Pasukan Polis Diraja Brunei boleh diperalatkan dengan mana-mana pihak bagi kepentingan tertentu.*

Oleh itu, langkah mestilah diambil untuk terus memelihara serta mempertingkatkan lagi hubungan kita dengan polis di rantau ini iaitu dengan memperkemaskan sistem rangkaian yang sedia ada. Anasir atau penjenayah yang profesional dan penjenayah kolar putih turut mencetuskan kegelisahan dalam kalangan rakyat serta Negara dan Pasukan Polis mempunyai tanggungjawab khusus menghadapi dan mengawalnya."

Mengambil iktibar daripada titah Baginda itu dan memandangkan perkembangan teknologi dan bidang kepakaran, terutama dalam hal saintifik ini yang seiring dengan perkembangan Negara, senario kejadian jenayah digital dan teknologi tinggi, jenayah seperti penipuan siber, pemalsuan dokumentasi dan kewangan, penyemaran data dan sebagainya semakin berkembang dan semakin membimbangkan. Pihak Kerajaan, melalui Pasukan Polis Diraja Brunei merupakan agensi keselamatan dan penguatkuasa undang-undang turut berhadapan dengan gejala ini.

Dari itu, pada pandangan kaola telah sampai waktunya Pasukan Polis Diraja Brunei dilengkapi dan dibekalkan dengan teknologi tinggi bagi keperluan mengawal, menyelia, memproses dan membantu dalam pembanterasan jenayah.

Saya fikir juga, ada baiknya ditubuhkan Unit Polis Udara bagi membantu Polis Hutan, Polis Pencegah Rusuhan untuk membuat rondaan mengawal sempadan di darat dan udara. Sekian, dan yang akhir, kaola ingin timbulkan mengenai Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Mengenai laporan Persidangan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuarat Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara 2013, pelaksanaan projek pemasangan meter prabayar di sektor perumahan dan komersial sudah mencapai 42% dan akan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2014. Inisiatif tersebut telah berjaya menjimatkan perbelanjaan kerajaan kira-kira $30 juta.

Kaola memohon penjelasan status terkini pelaksanaan projek pemasangan meter prabayar tersebut, memandangkan sebagaimana yang kaola difahamkan, masih terdapat lagi kediaman-kediaman persendirian yang masih menggunakan meter lama.

Apa yang difahamkan, terdapat beberapa inisiatif dalam percubaan penjanaan tenaga lain umpamanya penggunaan *panel solar* di kemudahan awam seperti lampu-lampu jalan raya. Kaola berpendapat, kita memerlukan inisiatif seperti ini bagi membantu mengurangkan penggunaan minyak *fosil fuel* yang menjana tenaga elektrik. Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya, adakah sebarang kajian telah dibuat bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan penggunaan kuasa solar ini? Apakah inisiatif lain yang telah, sedang dan akan dilaksanakan? Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada beberapa soalan kepada jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri:

1. Jabatan Perkhidmatan Awam. Alhamdulillah, sambutan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha di negara ini mendapat sambutan yang sangat-sangat menggalakkan dari setahun ke setahun terutamanya daripada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, syarikat-syarikat swasta dan penduduk-penduduk kampung di seluruh negara. Cadangan kaola, supaya cuti awam Hari Raya Aidiladha sehari, dicadangkan kepada dua hari untuk memberikan peluang kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta syarikat-syarikat swasta dan penduduk-penduduk kampung untuk mengadakan majlis ibadah korban yang penuh berkebajikan ini pada hari kedua di samping tidak menjejaskan waktu-waktu bekerja.

2. Radio Televisyen Brunei. Perkara ini telah pun ditimbulkan oleh rakan sejawatan. Walau bagaimanapun, atas sungutan orang ramai khususnya di kawasan kaola di Zon 2, mengenai pancaran televisyen Brunei, sebahagian penduduk kampung di kawasan Sungai Besar susah untuk menerima pancaran televisyen Brunei dan selalu menerima gangguan pancaran dari negara jiran. Soalan kaola:

   i. Adakah perkara ini sudah dipantau oleh pihak RTB?;

   ii. Apakah sudah ada usaha-usaha pihak RTB untuk mengatasi perkara ini?

3. Pasukan Polis Diraja Brunei. Penduduk-penduduk Kampung Air ingin tahu mengenai pembinaan pos-pos polis di kawasan Kampung Air. Dalam hubungan ini, merujuk kepada Anggaran Belanjawan Tahun 2014/2015, Bahagian Polis Diraja Brunei, terdapat peruntukan untuk membina pos-pos polis di kawasan Kampung Air sebanyak tiga buah. Soalan kaola, bilakah projek pembinaan pos polis ini akan dapat dilaksanakan?

4. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Terdapat sungutan orang ramai mengenai sebahagian peniaga-peniaga atau kedai-kedai mengenakan bayaran 3% kepada pembeli yang membayar menggunakan kad-kad kredit sama ada kad debit atau kad biasa, bukankah harga barangan tersebut akan lebih mahal jika dikenakan bayaran tambahan 3%. Soalan kaola, adakah pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi membuat

pemantauan mengenai dengan perkara ini?

5. Jabatan Percetakan Kerajaan. Pada penghujung bulan Januari 2014, satu berita menggemparkan disebarkan melalui media sosial, *web-site, whatsApp* iaitu gambar-gambar Mushaf Brunei Darussalam edisi yang kecil, terdapat sebahagian muka suratnya hilang. Gambar tersebut, menimbulkan beberapa andaian yang kurang sihat. Adalah difahamkan, bahawa kehilangan tersebut disebabkan oleh kertas yang tersalah cetak *(miss print)* yang termasuk bersama-sama muka surat yang bercetak bersebelahan. Walaupun jumlah mushaf yang terlibat adalah sebanyak 2 atau 3 naskhah sahaja daripada 100,000 naskah yang dikeluarkan, soalan kaola:

   i. Apakah langkah awal dan langkah-langkah pencegahan Jabatan Percetakan Kerajaan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama apabila mendapati perkara tersebut berlaku bagi mengelakkan daripada perkara itu berterusan? Jabatan Percetakan Kerajaan, seharusnya menggunakan kemudahan yang terkini, yang terdapat dalam teknologi yang serba canggih bagi melengkapi peralatan pengimbas yang dapat membantu mengawasi kepingan kertas kosong di sebelah terbubuh dengan yang tercetak bersebelahan. Peralatan yang kaola maksudkan amat penting dimiliki oleh Jabatan Percetakan Kerajaan supaya perkara-perkara yang berlaku ini tidak akan berulang lagi.

   ii. Jabatan Percetakan Kerajaan telah pun diberikan peruntukan dalam RKN-10 untuk membina bangunan tambahan bagi menempatkan peralatan khas percetakan demi keselamatannya. Soalan kaola, apakah kedudukan projek ini dan bilakah ia dapat dilaksanakan? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Ada empat perkara:

1. Mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ketiga Baginda berhasrat setiap kampung ada Jawatankuasa Kejiranan bagi memastikan keamanan di kampung masing-masing. Saya menyokong penuh hasrat ini.

   Pada tahun-tahun yang lepas, Jawatankuasa Kejiranan ini kurang berkesan, ianya kerana di kampung-kampung ada banyak jawatankuasa seperti

Majlis Perundingan Kampung, Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Kejiranan, Jawatankuasa Bomba (Operasi C). Biasanya di kampung-kampung, seorang penduduk menjawat 2 atau 3 jawatankuasa. Walaupun pada dasarnya, Majlis Perundingan Kampung itu sebagai pentadbir di kampung-kampung, tetapi realitinya tidak begitu. Kadang-kadang jawatankuasa lain lebih dominan. Mencari seorang ahli jawatankuasa yang berkarisme, menjadi satu cabaran kepada Ketua Kampung. Dipohonkan setiap ahli kejiranan itu dilindungi oleh insurans *(Group Insurance).*

2. Pekerja perkhidmatan awam yang terlibat dengan dadah atau yang seumpamanya dan sabit kesalahan, mereka perlu ditempatkan di Pusat Al-Islah untuk proses pemulihan. Berdasarkan Akta Kesalahan Dadah, mereka dibuang kerja. Bagi pandangan saya, sebaik-baik sahaja mereka pulih, mereka boleh dipertimbangkan semula menjawat jawatan yang mereka pegang sebelum dimasukkan di Pusat Al-Islah hendaklah dikembalikan pada pesalah tersebut ini tertakluk kepada kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan memakan dadah ataupun seumpamanya.

   Berdasarkan pengamatan saya, hampir 2 tahun menjadi Ahli Jawatankuasa Penasihat Al-Islah, kebanyakan mereka betul-betul insaf dari kesilapan mereka setelah menjalani pemulihan di Pusat Al-Islah lagi. Mereka ini susah untuk mendapat pekerjaan dari syarikat-syarikat swasta atau Kerajaan kerana mereka ini dilabel sebagai orang yang pernah terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

   Setakat ini, mereka yang terlibat dengan dadah dan seumpamanya melaporkan diri ke Pusat Al-Islah secara suka rela sahaja dan diberikan keistimewaan atas kesediaan mereka berbuat demikian.

3. Pengambilan pekerja bergaji hari. Pengambilan tenaga kerja secara bergaji hari di jabatan-jabatan Kerajaan merupakan usaha yang baik untuk membantu rakyat mencari pekerjaan. Pengambilan secara gaji hari ini amat mudah dan tepat. Pengambilan secara gaji hari ini, walaupun dilihat untuk memudahkan jabatan tetapi berlaku juga proses pengambilan yang terlalu lama hingga memakan masa berbulan-bulan.

   Sejauh ini, adakah pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuat pemantauan terhadap tatacara pengambilan tenaga kerja itu secara betul dan teratur demi mengelakkan pembaziran pengambilan kakitangan yang tidak berkelayakan untuk dimasukkan dalam sektor Kerajaan? Adakah keterlibatan pihak SPA dan JPA dalam proses pengambilan tersebut dibuat dengan telus agar tidak berlaku ketidakadilan dalam pengambilan kakitangan tersebut?

Biasiswa pendidikan Kerajaan banyak menghantar pelajar dalam berbagai bidang. Setelah mereka mendapat ijazah, mereka diambil di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan. Banyak juga antara mereka ini diambil berkerja bukan dalam bidang kelulusan mereka (*job mismatch*). Ini sudah setentunya akan menyulitkan pekerja-pekerja tersebut. Mereka akan terpaksa mempelajari bidang baru yang mungkin akan memakan masa. Ini juga akan mengurangkan produktiviti jabatan.

4. Yang terakhir, pengurusan wang secara bijak. Kebanyakkan orang berbelanja lebih daripada kemampuan. Diharapkan pihak kementerian berkenaan mengadakan taklimat-taklimat di sekolah-sekolah, di maktab-maktab di *private sector* dan sebagainya secara berterusan supaya orang-orang kitani lebih bijak menabung daripada berbelanja mengikut kemampuan masing-masing. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya ada 2 soalan dan yang pertama sudah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), iaitu mengenai penubuhan unit baru.

Soalan saya yang kedua mengenai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, mengenai tanggungjawab dalam peruntukan SA17A.

Sebagaimana yang kitani ketahui, usaha-usaha yang dibuat oleh Bahagian Kawalan Harga dalam memantau dan mengawal harga barangan keperluan seperti memberigakan harga-harga barangan runcit untuk panduan orang ramai melalui siaran media cetak seperti Pelita Brunei ini adalah menunjukkan bahawa bahagian ini telah berperanan memantau dengan baik akan kawalan harga barang runcit di negara ini untuk menjadi panduan orang ramai. Kalau diperhatikan indeks harga barangan berkenaan, ada yang tidak sama dari satu peruncit atau premis yang lain. Setiap keluaran kita lihat ada perbezaan harga berkenaan walaupun tidaklah begitu jauh perbezaannya. Soalan saya:

i) Apakah ada tindakan yang lain, selain menyiarkan indeks harga barangan itu sebagai panduan orang ramai iaitu supaya mereka dapat memilih premis-premis yang lebih berpatutan harganya seperti mengambil tindakan bagaimana untuk menyelaraskan harga barangan runcit yang berbeza-beza tersebut? Bolehkah dibuat penyelarasan?

ii) Adakah setiap kali pemantauan yang dilakukan oleh Bahagian Kawalan Harga ke premis-premis perniagaan dapat disiarkan untuk makluman orang ramai sama ada disiarkan melalui media cetak akhbar dan lain-lain? kerana sekiranya ada maklumat yang diperolehi sedemikian oleh

orang ramai, maka orang ramai akan lebih yakin dengan adanya pengawalan dan pemantauan yang berterusan terhadap kepentingan dan kesejahteraan seperti dari segi kenaikkan harga atau tahap kualiti. Apa yang saya timbulkan ini ialah mengambil kira orang ramai akan dapat menyalurkan apa juga perkara atau aduan sekiranya berlaku perkara-perkara yang berkaitan dengan isu yang saya timbulkan, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola suka menyentuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan di Majlis Mesyuarat Negara. Kaola telah menyuarakan betapa perlunya pos polis di Kampung Terunjing, Mukim Berakas 'A' dan kampung-kampung yang berdekatan dengannya. Cadangan pos polis itu disebut berulang kali. Bagaimanapun, keadaannya terus membisu. Tiada kedengaran berita. Akhirnya, bulan Disember 2013, kejadian jenayah telah berlaku di kawasan berkenaan. Andai kata adanya pos polis tersebut, berkemungkinan kejadian itu akan menjadi batal dan tidak menjadi apa-apa kepada masyarakat setempat, apa lagi di kawasan tersebut terdapat pembangunan yang sudah rancak yang diadakan jauh dari bandar. Oleh itu amat eloklah pos polis diwujudkan sesegeranya.

Kaola suka menyentuh mengenai dengan Pasukan Polis Diraja Brunei ini, sebenarnya Balai Polis Berakas selalu mengadakan perjumpaan dengan Ketua-Ketua Kampung di Mukim Berakas 'A' dan mendapat respons yang baik untuk berkerjasama dalam mengendalikan masalah-masalah yang bersangkut dengannya.

Dalam itu pula, kaola sempat menghadiri perjumpaan pihak polis dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung belum lama ini tetapi kaola mendapati banyak laporan bahawa Pasukan Polis Diraja Brunei terlewat menghadirkan diri ketika berlakunya sesuatu di kampung masing-masing. Kepercayaan kaola hilang sedikit apabila pada 3 Mac 2014, terjadi kekecohan di Kampung Burung Pingai, iaitu cerita orang luar mengintip-intip di belakang dapur.

Walau bagaimanapun orang itu telah ditangkap oleh pihak polis. Sayangnya pihak polis lambat sampai sehingga berjam-jam tempat berkenaan. Yang anehnya, antara Balai Polis Berakas dengan Kampung Burung Pingai adalah dekat. Mudah-mudahan pada masa akan datang tidak akan berlaku lagi kepayahan untuk berjumpa dengan pihak polis tersebut. Begitu juga, diharapkan di masa-masa akan datang kerjasama dengan pihak polis adalah dialu-alukan bersama dengan ketua-ketua kampung.

Kaola menyentuh mengenai Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Sebenarnya dalam pembentangan Kewangan Tahun 2013/2014 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, ada menyatakan satu peruntukan bagi membangun sebuah kompleks di Kampung Jaya Setia Bakti Berakas dengan diperuntukkan kepada belia-belia.

Kaola ingin bertanya belia manakah yang akan dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, adakah belia di Kampung Jaya Setia Bakti Berakas atau Mukim Berakas 'A' atau belia-belia yang lain? Dalam perkara tersebut patutlah dipastikan di mana dibangunkan kompleks itu untuk belia, kerana kaola khuatir pisang berbuah dua kali. Dengan kompleks tersebut yang berpuluh-puluh tahun yang lepas ada kompleks perdagangan kedai sebanyak 10 pintu. Bangunan tersebut tidak dapat dimanfaatkan oleh penduduk kampung, makanya tinggallah sebahagian besar kompleks tersebut kontang-kanting tidak ada pengisiannya. Akhirnya, syukur alhamdulillah dapat diambli alih oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bahagian Kesenian, dipergunakan untuk membuat songkok dan bertenun kain.

Sekarang ini, telah dibangunkan lagi bangunan yang baru di tapak yang sama. Semoga kali ini, akan dapat diperjelaskan kepada siapa matlamatnya kompleks tersebut. Kalau boleh biarlah disandarkan kepada Mukim Berakas 'A' untuk bersama-sama mengendalikan kompleks tersebut.

Berikutnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh mengenai Jabatan Adat Istiadat. Kita mengetahui Negara Brunei Darussalam telah wujud dengan pentadbiran, agama dan adat telah sekian lama hingga lahirlah konsep yang dinamakan Melayu Islam Beraja. Kita bangga dengan kata sakti Melayu Islam Beraja itu sekiranya dapat dilaksanakan sebaik-baiknya sehingga dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini dalam perasmian mesyuarat, dengan titah: *'agar Bernegara, Negara Brunei, Berkerajaan, Kerajaan Brunei dan Beraja, Beraja Brunei'.*

Tetapi tahukah kitani, Yang Berhormat Pengerusi, kitani banyak ketinggalan dan keciciran adat istiadat Brunei, sebahagian sahaja. Contoh percakapan, pergaulan harian, bagaimana kitani mengolah percakapan harian bersama dengan Pehin-Pehin Manteri yang bergelar, percakapan harian bersama dengan pengiran-pengiran cheteria dan bagaimana percakapan dengan pengiran-pengiran peranakan.

Begitu pun juga dalam majlis perkahwinan telah banyak keciciran. Umpamanya, bagaimana beradat mengantat berian, besuruh dan perkahwinan. Apa yang kaola mahukan, perkara tersebut dihalusi dengan sebaik-baiknya. Diadakan bengkel-bengkel, kursus-kursus dan ceramah-ceramah kepada rakyat dan penduduk Negara ini dalam memastikan adat tersebut supaya berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Pengerusi, adat yang dipraktikkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan terpapar dengan keunikan Brunei dengan adat-istiadatnya. Kalau boleh disebarkan kepada teman-teman di negara jiran dan juga kalau boleh di peringkat antarabangsa. Dalam adat itu termasuklah percakapan dan yang lainnya.

Umpamanya yang kecil kaola pilih, ada orang seberang laut bertanya tentang kuih pisang goreng. Ia bertanya pada kaola, orang Brunei apa menyebut pisang goreng atau goreng pisang? Jadi kaola menjawab, orang Brunei tidak menyebut pisang goreng, tidak menyebut goreng pisang tetapi ia menyebut cucur pisang. Itu satu keunikan. Jadi orang yang bertanya itu pun terkejut. Oh, katanya rupanya ada lain, tidak sama dengan di mana-mana.

Jadi, bercakap dengan adat istiadat terlalu banyak untuk diperkatakan. Umpamanya beradat dalam duduk di majlis, beradat dengan cara makan, beradat cara tidur dan beradat bermacam-macam lagi. Dengan adanya percakapan kaola di Dewan yang indah ini, mudah-mudahan akan dapat merealisasikan adat itu sepenuhnya yang sebaik-baiknya. Jangan sampai kitani, sepanggal-sepanggal dibuat dan sepanggal-sepanggal ketinggalan. Mudah-mudahan kitani akan dapat menjadi benar-benar sebuah Negara yang penuh dengan beradat yang sudah dipraktikkan beratus tahun lamanya.
Dengan itu, sekian yang dapat kaola katakan. Di hujung percakapan kaola ini ada pantun:

Anak cina berjual ubat
Ubat dibeli oleh Awang Ali,
Kita hidup mesti beradat
Adat tidak dijual beli.

Mengenai kompleks tadi itu, kaola ada menyediakan pantun juga:

14 panjar petani
Pisang emas masak di kebun
Tidak balas melihat kami
Siang berpanas malam berembun.

Sekian sahaja Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya cuma ada dua soalan. Namun demikian, ini mengenai Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Yang Berhormat Pengerusi, pada membahaskan Peruntukan Jabatan Perkhidmatan Elektrik ini, saya sesungguhnya ikut serta.

Baru-baru ini dalam kejadian banjir berdekatan Sungai Kerakas di Kampung Keriam Tutong mengakibatkan stesen elektrik

hampir-hampir tenggelam oleh air banjir. Yang mana ianya telah ditutup pada 24 Januari 2014 hingga 26 Januari 2014. Dari penutupan ini beberapa buah rumah di kawasan berkenaan termasuk restoran dan kedai runcit terputus bekalan elektrik, yang menyebabkan bahawa barang-barang yang disimpan di peti sejuk dan *freezer* kebanyakannya rosak dan tidak dapat digunakan. Saya penuh yakin bahawa kemungkinan stesen elektrik ini sudah dalam pengetahuan pihak yang berkenaan untuk meninggikan kedudukannya?

Yang Berhormat Pengerusi. Yang kedua, saya difahamkan bahawa *aerial cable* dari Bukit Tengilan hingga ke Batu 18, Kampung Sungai Galukus perlu diganti kerana keadaannya sudah lama. Ianya ditakuti berbahaya. Atas apa yang saya nyatakan tadi, eloklah diambil perhatian dan seterusnya tindakan.

Selain itu, Yang Berhormat Pengerusi, ini kemungkinan ada hubung kaitnya sama ada daripada Jabatan Adat Istiadat Negara ataupun Jabatan Penerangan. Sambutan Hari Kebangsaan Yang Ke-30 telah berlalu. Menaikkan dan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam bermula pada 9 Februari 2014 dan berakhir pada 26 Februari 2014.

Apa yang kita lihat bahawa pada masa ini masih ada antara rumah persendirian mengibarkan bendera Negara yang seharusnya telah diturunkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Ini memperlihatkan bahawa tidak ada sikap keprihatinan dan kesedaran mengenainya bahawa melalui Dewan yang mulia ini, supaya perkara ini dapat dipantau, agar penurunan bendera Negara mengikuti tarikh yang telah ditentukan demi menghormati bendera Negara serta menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, setelah kita mendengar dan mengikuti beberapa sesi taklimat dan muzakarah dengan Jabatan Perdana Menteri. Kaola suka mengambil iktibar mengenai dengan isu pemberian subsidi yang diberikan kira-kira berjumlah $800 juta pada setiap tahun. Iaitu, subsidi minyak, tenaga elektrik, perubatan, beras dan lain-lain. Kalau dikira dan dihitung-hitung dengan jumlah penduduk Brunei Darussalam pada ketika ini, berjumlah kira-kira 400,000 orang, maka bererti setiap orang akan mendapat nilai subsidi sebanyak $2,000 seorang setahun. Maafkan kaola, kalau terdapat kesilapan maklumat.

Kita juga difahamkan, jumlah penduduk asing yang tinggal di Negara Brunei Darussalam ini, hampir berjumlah 100,000 orang, iaitu kira-kira 25% dari penduduk Negara Brunei Darussalam. Maka, bererti sejumlah $200 juta dinikmati oleh penduduk yang berkenaan. Kaola sangat-sangat

tertarik hati atas usaha Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri yang telah berjaya membendung penjualan minyak diesel kepada kenderaan-kenderaan yang berdaftar di luar Negara Brunei Darussalam. Dengan langkah menggunakan harga asal, maka dengan sekurang-sekurangannya dapat mengatasi pengaliran atau pemberian subsidi kepada mereka yang bukan warganegara Brunei Darussalam terutama sekali subsidi minyak.

Dalam hubungan ini, apakah langkah bijak yang bakal diambil oleh semua pihak bagi menangani masalah pengaliran subsidi yang berjumlah kira-kira $200 juta yang dinikmati sama oleh penduduk yang berkenaan dapat dikurangkan ataupun ditiadakan?

Sebagai tambahan Yang Berhormat Pengerusi, menyebut tentang Akta Kawalan Harga ke atas barang-barang yang dikawal, alhamdulillah, kita belum dapat mendengar tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap peniaga-peniaga yang melanggar akta tersebut. Sedangkan, ada terdapat sebahagian harga barang-barang yang dikawal itu dinaikkan secara senyap-senyap tanpa disedari oleh pihak yang berkuasa. Terutama sekali, di kedai-kedai runcit, di kampung-kampung pedalaman. Apa yang dilakukan pada masa ini, adalah pemantauan dibuat terhadap barang-barang kawalan di gedung-gedung perniagaan yang besar-besar sahaja. Diharap kawalan dan pemantauan dapat di buat di kedai-kedai runcit yang terdapat di kampung-kampung yang bertaburan di Negara Brunei Darussalam ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya amat gembira apabila mengikuti penyataan Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri pada 10 Mac 2014, bahawa pos polis akan ditambah demi menjaga keselamatan umum dan keselamatan Negara.

Saya juga mengharapkan dengan adanya kekosongan jawatan polis seramai 300 orang, ini akan memberi peluang kepada belia dan rakyat Negara Brunei Darussalam dapat menyertai pasukan berkenaan. Secara tidak langsung akan mengurangkan bilangan pencari kerja di Negara ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan supaya satu pos polis, akan ditubuhkan di kawasan Ulu Tutong, iaitu di Kampung-Kampung, Benutan, Kebubuk, Supon atau Belabau.

Yang Berhormat Pengerusi, sesuai dengan perkembangan semasa, telah dibina sebuah empangan air di kawasan Lubok Ning iaitu di Kampung Belabau dan dijangka siap pada akhir tahun 2014 ini.

Pos polis amat perlu ada di sekitar kawasan berkenaan bagi memantau ketenteraman dan kedamaian yang sedia ada. Dengan adanya pos polis di kawasan ini, ianya satu kemudahan bagi penduduk kawasan berkenaan memberi kerjasama jika ada sesuatu berlaku, almaklum kawasan ini berhampiran dengan kawasan sempadan Negara. Dalam pada itu, terdapat Balai Polis Lamunin kira-kira 40 kilometer dari kawasan kampung-kampung berkenaan. Dengan adanya pos polis di kawasan ini, sebarang masalah yang tidak diingini akan dapat diatasi dengan segera, insya-Allah. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan membahaskan 7 jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kaola akan cuba membentangkan dengan seringkas mungkin, insya-Allah.

Yang pertama, Adat Istidat telah pun disentuh oleh rakan Yang Berhormat tadi, jadi kaola akan terus kepada cadangannya sahaja. Kaola cadangkan supaya Jabatan Adat Istiadat Negara dapat mendokumentasikan mengenai adat 7 Puak Melayu Brunei. Jabatan ini yang mempunyai kepakaran tentang adat istiadat Brunei, akan menjadi rujukan kepada orang ramai terutama ketua-ketua kampung yang berhadapan dengan anak-anak buah yang berbilang kaum dalam kampungnya, demi menjaga dan mengekalkan adat dan budaya orang Brunei berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Pengerusi. Yang kedua berkaitan dengan Biro Kawalan Narkotik (BKN). Dalam pentadbiran dan pengurusan Pusat Al-Islah, terdapat petugas yang diambil dari *resident* Pusat Al-Islah yang terbaik kedudukan sebagai *Mayor* untuk membantu proses pemulihan dan secara tidak langsung adalah sebagai contoh atau *role model* kepada *resident.* Oleh itu, kaola cadangan *Mayor* ini diambil bertugas secara tetap, diberi peluang kursus teknikal dan vokasional lanjutan untuk dijadikan sebagai tenaga pengajar di Pusat Al-Islah. Mereka haruslah diberi peluang untuk memberikan ceramah ke sekolah-sekolah atau ke kampung-kampung mengenai pengalaman pahit dan keburukan sebagai penagih dadah untuk pendidikan pencegahan kepada orang ramai atau pelajar-pelajar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di Pusat Al-Islah terdapat satu cawangan yang dinamakan cawangan At-Tarbiyyah yang dianggotai oleh beberapa orang guru pinjaman dari Jabatan Pengajian Islam, yang pada asasnya mereka adalah berpengalaman dengan pelajar-pelajar di peringkat sekolah agama sahaja. Ini berbeza dengan pengalaman dan

suasana di Pusat Al-Islah yang terdiri daripada *resident* dari peringkat umur, bangsa, budaya, agama dan tingkah laku.

Bagi guru agama yang secara pinjaman, sudah tentu memerlukan masa untuk memahami suasana dan persekitaran *resident* dan Pusat Al-Islah, tambahan pula, diganti lagi guru-guru yang lain. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, saya cadangkan supaya diwujudkan jawatan tetap Pegawai Pusat Al-Islah di dalam bidang pendidikan agama.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam menangani isu dadah, ada beberapa bidang yang perlu dilaksanakan oleh Negara bagi menyertai *ASEAN* Bebas Dadah 2015. Antaranya melalui bidang penguatkuasaan, bidang pembangunan alternatif, bidang pendidikan pencegahan, bidang rawatan serta pemulihan dan pendidikkan. Dari bidang-bidang tersebut, Negara ini berjaya menubuhkan bidang kumpulan penguatkuasaan Lapangan Terbang, *Airport Implementation Tasks Force (AITF).* Saya ingin tahu, apakah program atau perancangan yang sudah dan akan dilaksanakan oleh *AITF* bagi memenuhi hasrat Negara Bebas Dadah 2015.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola beralih kepada Biro Mencegah Rasuah. Rasuah boleh dianggap sebagai musuh yang mengakibatkan ketidakseimbangan dan ketidakadilan dalam penyediaan peluang dan penjagaan hak dalam sebuah Negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat dalam memastikan jenayah rasuah dan apa juga bentuk dibanteras dengan setegas-tegasnya, sama ada dalam pengurusan perkhidmatan awam, urusan-urusan perdagangan di dalam sektor swasta.

Kaola ingin tahu, apakah rancangan yang sudah dan akan dilaksanakan Biro Pencegah Rasuah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya dan risiko rasuah melalu pendidikan?

Seterusnya, apakah respons Biro Pencegah Rasuah terhadap *South East Asian Parliamentarians Against Corruption (SEAPAC)*, di mana Negara ini belum lagi menjadi ahlinya?

Soalan seterusnya, mengenai Biro Mencegah Rasuah. Hadiah seperti kereta, peralatan elektrik dan lain-lain kepada seseorang yang khusus daripada syarikat atau gedung-gedung perniagaan menerusi penyertaan borang tekaan atau menerusi resit pembelian barang yang terpilih, adakah dianggap sebagai kategori rasuah?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam, kaola mengemukakan perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan program dan sumber tenaga manusia yang dilancarkan sejak tahun 2006. Antaranya, Skim Tenaga Pakar dan Profesional. Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan telah

ditubuhkan sejak 18 tahun yang lalu. Unit ini mempunyai beberapa orang pegawai pelajaran yang pakar dalam masalah pendengaran dan penglihatan. Mereka mempunyai kelayakan dari segi akademik, berpengalaman dan berkemahiran menunjukkan *build up* untuk merangsang kualiti dan komitmen.

Kaola mencadangkan gelaran jawatan Pegawai Pelajaran di Unit Pendidikan Khas ditukar kepada gelaran jawatan Pakar Terlatih di bidang penglihatan dan pendengaran iaitu mewujudkan jawatan Pegawai Pakar dan Guru Pakar dengan penyelarasan tanggagaji secara menyeluruh. Contoh jawatan-jawatan itu ialah:

i. Pegawai Pakar Terlatih Masalah Pendengaran, tanggagaji Bahagian I;

ii. Pegawai Pakar Terlatih Masalah Penglihatan, tanggagaji Bahagian I;

iii. Pegawai Pakar Kanan Masalah Pendengaran, tanggagaji Bahagian II;

iv. Pegawai Pakar Kanan Masalah Penglihatan, tanggagaji Bahagian II; dan

v. Pegawai Pakar Khas Masalah Pendengaran, tanggagaji Bahagian II.

Rasionalnya, penukaran gelaran jawatan ini dengan penyelarasan tanggagaji sekaligus ialah prestasi Pegawai Pelajaran, Unit Pendidikan Khas dalam menghasilkan keputusan-keputusan para pelajar berkeperluan khas dari segi akademik, sosial dan komunikasi adalah keperluan utama. Di samping itu, ianya memerlukan penekanan kepada kebolehan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan bahasa isyarat, *code braille*, *visual phonics, auditory trouble therapy, orientation and mobility* dan kemahiran asas kehidupan harian. Ke arah menerbitkan proses pentadbiran, pengurusan, projek penelitian, penyediaan skim-skim jawatan Unit Pendidikan Khas secara menyeluruh.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola beralih kepada Jabatan Tenaga. Dalam tahun 2012, berlaku penurunan pengeluaran minyak mentah dan *condensate* Negara disebabkan oleh *deferment* di Telaga *Ampa 9* dan *Champion 7*. Walau bagaimanapun, eksport minyak mentah dan *condensate* meningkat. Kaola ingin tahu, kenapakah *deferment* ini berlaku terhadap Telaga *Ampa 9* dan *Champion 7*? Adakah boleh menjejaskan pendapatan dari eksport minyak mentah dan *condensate* jika pengeluaran menurun tetapi harga eksport meningkat?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syarat wajib pengambilan anak tempatan dengan sasaran 50% hingga 70% kepada syarikat swasta untuk mendapatkan *tender* dalam sektor minyak dan gas

adalah merupakan inisiatif dan pendekatan yang baik dan bertepatan sekali bagi mengurangkan pengangguran kepada anak-anak tempatan. Selaras dengan Rangka Kerja Pembangunan Perniagaan Tempatan (*Local Business Development)*, yang bertujuan untuk meningkat pengambilan pekerja-pekerja tempatan di sektor minyak dan gas. Ianya juga selaras *directive* baru 2012.

Soalan kaola, selain dari syarat yang disebut, adalah dicadangkan tambahan syarat supaya diwajibkan syarikat baru yang mendapat *tender* yang sama, mengambil semula pekerja lama menyambung perkhidmatan apabila syarikat lama tidak lagi mendapat *tender* berkenaan. Pemberhentian pekerja ini sering saja terjadi apabila syarikat berkenaan tidak lagi mempunyai sebarang perkhidmatan kontrak menyebabkan pekerja yang diberhentikan menghadapi kesukaran menyara hidup tambahan lagi jika mempunyai tanggungan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Pemasangan soket ataupun *plug* arus elektrik di rumah persendirian mahupun rumah Kerajaan, biasanya dipasang rendah yang boleh dicapai oleh kanak-kanak ataupun mencecah air ketika mengalami banjir. Hal ini boleh mengundang bencana kepada kanak-kanak dan penghuni rumah semasa banjir jika memasang peralatan elektrik. Cadangan kaola, diadakan suatu peraturan iaitu sukatan atau ukuran tinggi rendah yang sesuai bagi pemasangan soket-soket berkenaan.

Seterusnya dicadangkan pemotongan dahan-dahan dan pokok-pokok yang menimpa kawat dan menutupi tiang-tiang elektrik. Diharap juga supaya jabatan ini dapat menerbitkan buku-buku panduan spesifikasi dan bentuk peralatan elektrik yang standard, selamat dan menjimatkan sebagai rujukan bagi memudahkan orang ramai membeli peralatan yang bersesuaian.

Akhirnya, kaola sarankan supaya Radio dan Televisyen Brunei (RTB) tidak menyiarkan gambaran kesesakan orang ramai di bank-bank, barisan panjang di mesin-mesin *ATM*, kesesakan di gedung-gedung membeli-belah semasa kakitangan awam menerima bonus bagi menjaga keselamatan daripada penjenayah yang sentiasa mengintai peluang. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti mana yang saya maklumkan pada sebelah pagi kelmarin, bahawa tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri perlu diselesaikan pada hari ini juga.

Setakat ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah pun diberi peluang untuk memberi ucapan atau mengemukakan pertanyaan maka persidangan yang akan diadakan pada sebelah petang nanti, akan dikhususkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet untuk memberikan jawapan-jawapan terhadap soalan-soalan yang telah diajukan ini.

Sekarang Persidangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah, kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang, hari ini juga. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa. Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang itu dapat dibincangkan satu per satu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dulu dan kita akan bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dan masih lagi membincangkan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Semasa Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi seramai 9 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah memberikan ucapan dan mengemukakan pertanyaan. Maka, untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, saya akan memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet untuk menjawab. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan ucapan. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola cuma ingin merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin pada 10 Mac 2014 dan kaola selaku Timbalan Pengerusi *Authority Monetary Brunei Darussalam* (*AMBD*) dan bagi mewakili *AMBD* mengambil maklum mengenai soalan yang ditimbulkan iaitu mengenai sewa beli kenderaan bermotor dan juga kekhuatiran yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu apabila kenderaan yang ditarik balik dan dijual oleh pihak syarikat kewangan. Kenderaan tersebut seringkali dijual dengan harga jualan yang lebih murah dan adakalanya separuh daripada harga jualan yang ditetapkan oleh syarikat kewangan berkenaan.

Untuk makluman jua, terdapat beberapa peruntukan dalam perintah sewa beli 2006 yang bertujuan untuk melindungi penyewa sekiranya keretanya ditarik balik. Antara lainnya:

1. Bab 17 (1) (a) (i) memberikan penyewa peluang untuk mendapatkan kembali kereta yang ditarik balik dalam tempoh masa dua minggu penarikan tersebut dengan meneruskan ataupun melunaskan pembayaran ansuran yang tertunggak; dan

2. Bab 17 (1) (a) (ii) juga memberikan penyewa peluang untuk mengarahkan syarikat kewangan untuk menjual kereta tersebut kepada orang yang diperkenalkan olehnya yang bersedia untuk terus membayar jumlah yang tertunggak.

Oleh itu, bagi mengelakkan kerugian yang berpunca dari kemerosotan nilai kereta yang berterusan, maka, adalah dinasihatkan supaya penyewa mengambil langkah segera untuk memastikan bahawa dalam tempoh dua minggu dari tarikh penarikan kereta tersebut atau lebih awal lagi mencari pembeli yang bersedia untuk terus membayar jumlah yang tertunggak. Hanya apabila penyewa gagal untuk melaksanakan peluang ini, maka hak penjualan berpindah kepada syarikat kewangan sebagai pemilik yang sah.

Hakikat keadaan pasaran semasa bagi kereta terpakai memerlukan penjualan segera kereta terpakai tersebut bagi mengelakkan kemerosotan nilai disebabkan oleh penurunan harga pasaran ataupun kerosakan, kecurian dan risiko-risiko yang lain. Maka, mengambil kira risiko tersebut, kereta terpakai itu pada lazimnya terpaksa dijual pada harga yang rendah yang dikira boleh menarik pembeli. Ini boleh menjejaskan kepentingan penyewa seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut.

Sehubungan dengan itu juga, pihak berkuasa telah pernah mengeluarkan arahan kepada semua syarikat kewangan untuk mengenakan bayaran pendahuluan tunai sebanyak 12.5% daripada harga kenderaan yang diluluskan. Arahan ini masih berjalan dan bertujuan untuk memastikan mereka yang membeli kereta benar-benar berkemampuan.

Oleh yang demikian, pihak *Authority Monetary Brunei Darussalam (AMBD)* ingin mengingatkan dan menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berbelanja secara berhemah berdasarkan kemampuan dan tidak membebankan diri dan keluarga. Walau bagaimanapun, mengambil kira keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin tadi terhadap orang ramai mengenai dengan isu-isu sewa beli kereta terpakai ini pihak *AMBD* akan meneliti langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan kepentingan orang awam akan sentiasa diambilkira dalam polisi ataupun undang-undang dan peraturan-peraturan yang berjalan sekarang. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola nampak-nampaknya akan menjawab kira-kira 20 buah soalan yang

dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana yang telah mencadangkan dan memberikan beberapa saranan dan soalan yang ditimbulkan terutamanya pada petang semalam dan jua pagi ini yang meliputi bidang tugas jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Audit, Jabatan Adat Istiadat Negara yang di bawah kendalian kaola.

Insya-Allah, jika diizinkan kaola akan menjawab soalan ini, bukannya mengikut *sequence* pertanyaan, tetapi mengikut isu-isu yang ditimbulkan. Mungkin juga kaola akan menjawab secara *2 in 1* atau *3 in 1* soalan-soalan tersebut kerana soalan-soalan ini bukan lagi beranak tetapi bercucu. Jadi, ia kait-mengait. Mula-mula, kaola kalau diizinkan akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid mengenai dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), sama ada JPKE menyediakan program komunikasi dan jua mengenai program pembangunan sumber tenaga manusia.

Terlebih dahulu, diucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid yang mengemukakan mengenai dengan Wawasan Negara 2035 dan pembangunan sumber tenaga manusia tersebut.

Bagi menjawab soalan ini, pemberigaan Wawasan Negara 2035, memang saya bersetuju perlu ada penglibatan yang lebih mendalam para belia dalam merealisasikan matlamat wawasan berkenaan. Secara umumnya, beberapa agensi Kerajaan turut sama telah dan akan menyumbang dalam memberigakan Wawasan Negara 2035 termasuk agensi media Kerajaan melalui media cetak dan elektronik. Misalnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui program-program yang telah dibentuk seperti Program Khidmat Bakti Negara, Wawasan Negara 2035 telah berjaya disalurkan kepada para belia dan generasi muda. Bagi JPKE, jabatan tersebut telah pun menyediakan program komunikasinya yang bertujuan untuk memberikan kefahaman mengikut matlamat Wawasan Negara 2035.

Perancanaan kemajuan jangka panjang dan Rancangan Kemajuan Negara pada orang ramai ini termasuklah memberikan taklimat kepada pegawai-pegawai Kerajaan khususnya, kepada pegawai-pegawai yang baru berkhidmat, jerayawara di sekolah-sekolah menengah, pemberigaan melalui media massa seperti Pelita Brunei, pemberigaan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) iaitu segmen Rancangan Kemajuan Negara (RKN) semasa siaran Berita Nasional dan dari masa ke masa memberikan taklimat atas jemputan agensi-agensi Kerajaan mahupun bukan Kerajaan. Secara realitinya, pelaksanaan Program

Dana Sumber Manusia yang dimulakan pada tahun 2006 yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), pada tahun ini ditambah kepada $50 juta, menunjukkan juga komitmen Kerajaan bukan saja untuk memberigakan dan membuka komunikasi wawasan ini akan tetapi secara praktiknya untuk mencapai secara berkesan Wawasan Negara 2035.

Setakat ini, sejumlah $426 juta telah pun dibelanjakan untuk dana ini, yang telah dimanfaatkan oleh lebih 8,727 orang belia di semua peringkat pembelajaran melalui program-program yang telah saya nyatakan semasa Perbentangan Kertas Belanjawan 2014/2015 di Dewan ini.

Mengenai soalan berkaitan dengan Pembangunan Sumber Tenaga Manusia, iaitu sejauh manakah skim-skim yang ada diselaraskan dengan pekerjaan, apakah perancangan bagi memastikan bidang kemahiran yang dikenal pasti bertepatan dengan peluang-peluang pekerjaan yang ada khususnya dalam meningkatkan produktiviti dan inovasi belia-belia di Negara ini.

Alhamdulillah, beberapa usaha telah dibuat oleh Kerajaan, bagi memastikan anak-anak tempatan mendapat kemahiran yang membolehkan mereka untuk merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan khususnya di sektor swasta. Salah satu skim yang diadakan di bawah pembiayaan Dana Sumber Tenaga Manusia ialah Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) yang telah diperkenalkan pada tahun 2012. Skim ini bertujuan untuk memberi peluang pekerjaan kepada anak tempatan di samping memberi latihan dan kemahiran di bidang-bidang yang telah dikenal pasti supaya anak tempatan kita akan lebih *employable* dan *marketable.*

Skim ini berbentuk pemberian insentif kepada anak-anak tempatan yang ikut serta dan insentif tersebut diberikan dari peringkat latihan sehinggalah ke peringkat pekerjaan. Setakat ini, seramai 1,218 orang telah ikut serta dan menjalani *on the job training* dan dari jumlah tersebut 621 orang atau lebih 50% telah memperolehi pekerjaan secara tetap. Skim ini dilaksanakan oleh 3 agensi iaitu Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE).

Selain dari Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) itu tadi, Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional di institusi pengajian swasta tempatan juga telah berjalan semenjak tahun 2011. Setakat ini, seramai 5,792 orang anak tempatan telah mengikuti skim ini dan seramai 1,797 orang telah tamat. Dari jumlah yang tamat tersebut, seramai 179 orang telah memperolehi pekerjaan tetap dan seramai 1,193 orang telah berjaya melanjutkan tahap pengajian mereka. Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) dan Skim *Brunei Darussalam Technical and Vocational Education Certificate (BDTVEC)* ini adalah merupakan tindakan jangka masa

pendek iaitu bagi membantu anak-anak tempatan yang sedia ada yang memasuki pasaran kerja untuk memperolehi kemahiran yang diperlukan.

Sebagai tindakan jangka masa panjang, beberapa tindakan telah diambil oleh pihak Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan. Ini termasuklah penubuhan satu badan khas, Perancangan Sumber Tenaga Manusia pada Januari 2013, yang dipengerusikan bersama oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan. Badan ini akan merancang keperluan sumber manusia jangka panjang secara komprehensif mengikut keperluan Negara. Kaola juga mendapat maklum bahawa Kementerian Pendidikan sudah merangka strategi dan menyediakan program-program pembangunan kapasiti berbentuk jangka panjang.

Dalam kata lain, pihak Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan tidak akan kendur-kendur meneruskan usaha untuk memperkasa anak-anak tempatan khususnya para belia dengan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan. Di samping itu, usaha ke arah memperbanyakkan peluang pekerjaan juga akan terus dilaksanakan khususnya melalui inisiatif-inisiatif dalam keutamaan-keutamaan pertama dan kedua yang telah kaola nyatakan dalam Pembentangan Belanjawan 2014/2015 di Dewan yang mulia ini. Ini, antara lainnya, termasuklah dalam meningkatkan penglibatan sektor swasta, pengukuhan Pengusaha Kecil dan Serdahana (PKS), peningkatan penubuhan domestik di samping penarikan pelaburan langsung asing masuk ke Negara ini dan langkah-langkah pengemaskinian dasar dan peraturan seperti yang telah kaola bentangkan terdahulu.

Menyentuh mengenai soalan berkaitan dengan dasar dan strategi bagi menyelaras usaha peningkatan pengetahuan dan inovasi generasi muda kita, perkara ini telah kaola sentuh juga dengan panjang lebar semasa pembentangan Belanjawan pada hari Isnin yang lalu, iaitu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui beberapa buah agensi telah pun melaksanakan program-program dan menyediakan peluang-peluang kajian yang menjurus peningkatan, pengetahuan dan inovasi generasi muda kita.

Program dan projek ini termasuk di bawah pengendalian Lembaga Kemajuan Ekonomi dan usaha-usaha Kementerian Pendidikan selaras dengan usaha Kementerian Pendidikan memperkenalkan keusahawanan dalam Sistem Pendidikan Negara (SPN 21). Antara lainnya, program dan kajian yang telah dilaksanakan termasuklah Program Pembangunan Keusahawanan Belia, Pengubahsuaian Pusat Keusahawan Belia di Kampung Jaya Setia Mukim Berakas, penganjuran ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar, Projek *Entrepreneurship*

at Campus, Projek Perintis Pencapaian *Junior* (*Junior Achievement*), Skim Pendidikan Keusahawanan Brunei, Program *Jump Start* di bawah inisiatif Kementerian Pendidikan. Melalui inisiatif Lembaga Kemajuan Ekonomi beberapa skim telah diperkenalkan bagi mendukung dan meningkatkan perkembangan kreativiti dan inovasi terutama bagi golongan belia tempatan.

Selain meningkatkan produktiviti sektor-sektor berkaitan, penyelidikan-penyelidikan ini juga berpotensi untuk membuka peluang latihan dan pekerjaan sebagai penyelidik pada graduan-graduan tempatan di samping potensi untuk dikomersialkan. Skim perkembangan produk dan perkhidmatan syarikat tempatan ataupun *Local Enterprise Application and Product Scheme* yang menyediakan bantuan kewangan sebanyak $150,000 bagi menggalakkan dan membantu memajukan produk-produk tempatan yang mempunyai unsur-unsur inovasi dan nilai komersial.

Sejak pelancaran pada tahun 2010, sebanyak 23 buah syarikat telah menerima bantuan tersebut dengan penghasilan pelbagai produk inovasi serta penyediaan pekerjaan kepada golongan belia. Penyediaan Kemudahan Seni Kraf ataupun *(Craft)* melalui penubuhan Pejabat *Creative Art Facilities* bertujuan untuk mewujudkan ekosistem yang memupuk pembangunan multimedia Negara dengan penggunaan prasarana yang canggih. Sejak penubuhannya pada suku pertama pada tahun 2013, program ini telah menganjurkan sebanyak 156 kelas dan melatih seramai 150 peserta penggunaan teknologi perisian *Autodesk and Side Effects.*

Memperkenalkan projek *Hackathon* dengan objektif untuk mengumpul berbagai bakat dalam menjana idea-idea baru dalam menghasilkan produk ataupun penyelesaian yang inovatif dan kreatif. Dan yang terakhir, penyediaan Dana Accel-X peruntukan sebanyak $5 juta bagi menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat baru dan berasaskan teknologi-teknologi tinggi khususnya dalam bidang *ICT*, bidang teknologi dan bidang kejuruteraan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita akan menyentuh mengenai dengan Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, yang mana juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan pada tahun 2012 dibuat secara *online* sepenuhnya buat pertama kali. Kaji selidik yang dijalankan secara *online*, sebenarnya kurang mendapat sambutan dan jumlah maklum balas terlalu rendah berbanding maklum balas yang diterima melalui kaji selidik secara manual pada tahun sebelumnya.

Responden yang dikumpul tidak menggambarkan demografik keseluruhan agensi yang dikenal pasti. Antara faktor yang menyumbang kepada kurangnya maklum balas tersebut adalah kerana respondan yang

ikut serta terhad kepada yang celik *IT*, dan peka dengan perkhidmatan yang tersedia secara *online*. Oleh kerana itu, dapatan tersebut tidak dimuatkan dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Pengurusan *(MSD),* bagaimanapun *MSD* masih meneruskan kaji selidik secara *online* ini untuk kegunaan pada masa depan di samping kaji selidik secara manual.

Untuk makluman, dapatan kaji selidik yang telah dijalankan dan dikongsikan di beberapa jawatankuasa, ditaklimatkan kepada agensi yang terlibat dan disebarluaskan melalui jerayawara. Kaji selidik bagi tahun 2014 akan bermula pada 1 April 2014 ini dengan kaedah yang sama.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat sama ada maklum balas diberikan kepada pencadang ataupun respondan, dimaklumkan bahawa respondan adalah *anonymous* dan jika dikehendaki memuatkan identiti responden, dikhuatiri responden tidak bersedia memberikan maklumat tidak telus. Oleh kerana responden tersebut adalah *anonymous*, maka *MSD* tidaklah dapat untuk memberikan maklum balas secara langsung pada respondan pada utamanya setiap cadangan dan pandangan yang diberikan akan diambil tindakan yang bersesuaian termasuk membuat kajian lanjut atau kajian susulan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang mengutarakan mengenai "Sudahkah ada rancangan pihak Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan untuk dinaikkan taraf peranan jabatan itu sebagai Biro Pengaduan Awam seperti di negara jiran". Kaola sukacita memaklumkan bahawa *MSD* adalah selaku agensi yang memberikan khidmat runding penyelidikan dan pengauditan pengurusan. *MSD* juga telah diberi mandat sebagai *focal point* atau *Centre Agency* bagi orang ramai untuk menghadapkan aduan-aduan mengenai perkhidmatan yang diberikan atau dikeluarkan oleh kementerian dan jabatan Kerajaan.

Untuk membolehkan *MSD* menjalankan tugas-tugas ini, ia dibolehkan untuk membuat pemeriksaan dan perbincangan dengan kementerian dan jabatan Kerajaan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu. Ini termasuklah lawatan ke premis-premis bagi pemeriksaan dokumen-dokumen untuk mendapatkan penyelesaian melalui pertimbangan-pertimbangan tertentu.

Peranan sedemikian ada persamaannya dengan Biro Pengaduan Awam yang ditimbulkan. Sejak tahun 1998 hingga 2013 *MSD* telah menerima 1008 aduan, 908 (90%) aduan telah selesai ditangani. 10% atau 100 aduan masih dalam perhatian *MSD.* Masalah-masalah kronik yang melibatkan pelbagai agensi akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Pandu Pemberian Perkhidmatan Kepada Orang Ramai oleh agensi-agensi Kerajaan. Ini bertujuan untuk mengintegrasikan tindakan bersepadu

agensi-agensi berkenaan dalam sama-sama menyelesaikan isu-isu yang ditimbulkan dalam mana *MSD* telah pun dipertanggungjawabkan sebagai Urus Setia kepada jawatankuasa tersebut.

Sejauh ini *MSD* dapat menjalankan tanggungjawab itu dengan baik dan dengan yang demikian *MSD* dengan struktur organisasi yang ada pada masa ini akan terus-meneruskan menjalankan tugasnya bagi pihak Kerajaan dalam menerima dan mengambil tindakan-tindakan ke atas aduan dan keresahan orang ramai mengenai perkhidmatan awam.

Sekarang kaola ingin menjawab persoalan-persoalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berkenaan Kenaikan Pangkat Laluan Laju (KPLL). Kaola sangat-sangat berterima kasih atas soalan ini dan kaola akan mengongsikan mengenai apa sebenarnya KPLL ini iaitu Kenaikan Pangkat Laluan Laju dan juga perkembangannya.

Kaedah KPLL ini adalah bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam dalam Bahagian II ke atas yang dikategorikan sebagai *High Flyer* yang berpotensi untuk memegang jawatan yang lebih tinggi secara lebih cepat dari tempoh biasa dengan memenuhi kriteria tertentu. KPLL adalah sebahagian dari Rancangan Penggantian *(Succession Plan)* pegawai-pegawai Bahagian II ke atas dalam perkhidmatan awam.

Kenaikan pangkat di bawah KPLL didasarkan kepada merit yang tidak semata-mata atas kelamaan perkhidmatan ataupun *seniority.* Sungguhpun pegawai-pegawai di bawah KPLL dinaikkan pangkat dalam tempoh yang lebih cepat, mereka ini masih lagi dikehendaki memenuhi keperluan dalam skim perkhidmatan seperti peperiksaan dan seumpamanya.

Pegawai-pegawai yang diperakukan di bawah kaedah KPLL ini akan melalui temu duga bagi mengesahkan kedudukan luar biasa pegawai-pegawai dari segi kebolehan, prestasi dan potensi sebagai sesuai memegang jawatan yang kosong. Kerajaan telah pun menubuhkan Badan Menilai Program Asuhan Pengurusan dan Profesional pada 7 Ogos 2013 bagi pelaksanaan KPLL yang antara lainnya bertanggungjawab:

1. Mengesahkan sokongan untuk proses seterusnya termasuk temuduga oleh Panel Temuduga Khas di bawah Badan Menilai Program Asuhan Pengurusan dan Profesional (BMPAP) yang juga telah dilantik keanggotaannya pada 7 Ogos 2013;

2. Memandu dan menilai kemajuan KPLL menerusi Program Asuhan Pengurusan dan Profesional (PAP);

3. Memantau prestasi pegawai laluan laju yang sudah dinaikkan pangkat di bawah *Fast Tracking.*

4. Mempertimbangkan pendekatan dan cadangan untuk terus memajukan skim ini;

5. Mempastikan *assessment* panel temu duga memenuhi *standard*;

6. Mempastikan keseragaman pelaksanaan di semua kementerian; dan

7. Menyediakan standard bagi pemilihan pegawai laluan laju, penilaian dan tatacara berkaitan.

Seterusnya soalan mengenai "impak KPLL". Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai agensi yang bertanggungjawab ke atas sokongan-sokongan KPLL mengambil inisiatif untuk mengetahui sejauh mana pelaksanaan KPLL di peringkat kementerian dan jabatan. JPA telah menerima maklumat-maklumat dari kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya mengenai langkah-langkah pelaksanaan KPLL. Dalam hubungan ini, JPA akan terus-menerus melihat perjalanan implementasi inisiatif Kerajaan yang mustahak ini.

Sekarang kaola ingin menjawab mengenai dengan persoalan yang diajukan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai banyak ketua-ketua jabatan yang masih memangku dalam tempoh yang panjang dan Yang Berhormat ingin kerajaan mengongsikan langkah-langkah terkini yang diambil untuk memendekkan tempoh memproses penetapan jawatan bagi jawatan yang dipangku secara *substantif.*

Yang Berhormat Pengerusi, memangku secara *substantif* satu jawatan dalam Bahagian I ialah seorang pegawai itu dibenarkan memangku jawatan berkenaan secara berterusan selama 6 bulan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan bukannya memangku secara pentadbiran ataupun secara dalaman.

Tujuan utamanya ialah bagi membolehkan pegawai atasan menilai dan memastikan bahawa pegawai berkenaan memang berkelayakan dan mempunyai kompetensi serta kemampuan untuk memegang jawatan dan memikul semua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ke atas jawatan berkenaan.

Sokongan bagi penetapan jawatan ke jawatan yang dipangkunya adalah tertakhluk kepada sokongan Ketua Jabatan melalui Setiausaha Tetap, siapa yang akan menghadapkan surat sokongan penetapan jawatan ke Jabatan Perkhidmatan Awam seawal-awalnya 3 bulan atau tidak lewat 2 minggu sebelum tamat tempoh lantikan memangku berkenaan.

Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh menangguhkan sokongan penetapan jawatan ini jika berpendapat bahawa pegawai tersebut masih lagi memerlukan masa untuk mencapai tahap kompetensi yang diperlukan. Bagi pegawai-pegawai yang dilantik memangku secara substantif yang

disyaratkan oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat dan Pertukaran Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian I dan II untuk menyediakan 2 kertas kerja projek, penetapan jawatan tidak akan dipertimbangkan sehingga kertas yang disediakan tersebut telah diluluskan oleh Panel Penilaian.

Kegagalan pegawai berkenaan dalam menyediakan 2 kertas kerja projek seperti yang telah dipersyaratkan boleh melambatkan dan menjejaskan proses penetapan jawatan pegawai berkenaan. Bagi pegawai yang dipersyaratkan untuk mengikuti Program Pembangunan Eksekutif semasa memangku secara substantif tetapi oleh kerana dalam keadaan yang tertentu pada misalnya, jika pegawai tersebut belum dapat mengikuti Program Pembangunan Eksekutif kerana bertugas di luar negeri, pegawai berkenaan boleh dipertimbangkan untuk ditetapkan dalam jawatannya. Bagaimanapun, pegawai tersebut masih dikenakan syarat bagi mengikuti Program Pembangunan Eksekutif setelah ditetapkan dalam jawatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sejumlah 290 kekosongan jawatan di Bahagian I sebanyak 83 jawatan adalah dalam sukatan gaji Superscale C dan ke atas. Tidak dinafikan memang terdapat isu mengisikan jawatan-jawatan utama, oleh sebab itulah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mengeluarkan garis panduan mengenai rancangan penggantian dan model kompetensi yang akan membantu kementerian dan jabatan dalam membuat perancangan penggantian untuk mengisikan jawatan-jawatan utama dalam jangka waktu sederhana dan panjang.

Perlu juga difahamkan dan diambil maklum bahawa kekosongan jawatan utama dalam perkhidmatan awam berlaku setiap kali adanya kenaikan pangkat, persaraan, pertukaran dan tambahan jawatan. Fakta-fakta ini tidak memungkinkan pencapaian pengisian jawatan utama secara penuh pada satu-satu masa kerana proses pengisiannya perlu mengikut tatacara dan kriteria yang diikuti pada masa ini.

Bagi memastikan pentadbiran dan operasi jabatan tidak terjejas, terdapat keadaan di mana jawatan-jawatan kosong dibolehkan untuk dipangku sementara secara pentadbiran dalaman. Jawatan tersebut hanya akan dapat diisikan secara tetap oleh pegawai berkelayakan jika sekiranya syarat-syarat skim perkhidmatan dipenuhi. Pegawai yang memangku secara pentadbiran dalam ini, tidak semestinya layak untuk dilantik atau ditetapkan dalam jawatan tersebut kerana ada kriteria lain yang perlu dipenuhi seperti persaingan di kalangan rakan sebaya serta memenuhi syarat tempoh kelamaan berkhidmat.

Sekarang, kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, mengenai dengan Skim Perkhidmatan yang diterima untuk diproses oleh Jawatankuasa Skim Perkhidmatan dan

Tanggagaji, berapa lama proses pertimbangan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak 1985 hingga 2014 sebanyak 942 jawatan dalam Bahagian I hingga V telah dikemaskinikan Skim Perkhidmatan. Antaranya ialah Skim Perkhidmatan Kedoktoran, Skim Perkhidmatan Perguruan, Skim Perkhidmatan Kejururawatan, Skim Perkhidmatan Pegawai Tugas-Tugas Khas, Skim Perkhidmatan Perhubungan Awam, Skim Perkhidmatan Perancang Bandar dan Desa, Skim Perkhidmatan Jurukira dan Skim Perkhidmatan Juruaudit.

Pada masa ini, Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan masih meneliti sebanyak 42 cadangan Skim Perkhidmatan yang antara lainnya termasuklah Skim Perkhidmatan Pegawai Perundangan Sivil dan Syariah, Skim Perkhidmatan Pegawai Bidang Profesional Teknikal, Skim Perkhidmatan *Allied Health*, Skim Perkhidmatan Perguruan Agama, Skim Perkhidmatan Pakar Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama.

Dalam rangka menyediakan Skim-Skim Perkhidmatan, Jawatankuasa Tanggagaji memastikan Skim Perkhidmatan mempunyai aliran kerja yang lebih rapi, bukan saja dari segi perubahan-perubahan tanggagaji, malahan dari segi kelayakan, latihan-latihan (*KPI*) ataupun prestasi petunjuk utama serta tugas dan tanggunjawab untuk dapat memenuhi kepentingan kerjaya dan meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan.

Untuk kepentingan semua ini, JTG memerlukan maklumat-maklumat yang menyeluruh dan komprehensif dan lengkap mengenai keperluan satu-satu bidang itu, apatah lagi bagi bidang yang mempunyai cabangan disiplin yang banyak untuk memastikan mana-mana Skim Perkhidmatan diluluskan dapat memenuhi keperluan-keperluan disiplin berkenaan. Selain meneliti maklumat-maklumat yang terdapat dalam cadangan JTG perlu mendapatkan maklumat-maklumat selanjutnya secara *independence*, membuat perbandingan dan amalan-amalan terbaik atau *best practices* serta membuat *bench mark* agar skim-skim tersebut adalah mengikut piawaian ataupun *standard* yang setanding dengan peringkat serantau antarabangsa dan seterusnya memerlukan perjumpaan-perjumpaan dengan pihak yang menghadapkan cadangan semata-mata untuk proses mempayukan cadangan dalam mana proses ini adalah memerlukan masa. Untuk makluman Dewan juga, JTG bukan saja melihat skim-skim perkhidmatan malah ianya juga melihat kepada perkara-perkara berkaitan dengan Syarat-Syarat Perkhidmatan dan penstrukturan organisasi.

Sekarang, kaola ingin beralih kepada persoalan mengenai Skim Latihan Dalam Perkhidmatan. Kaola ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, yang membangkitkan mengenai peraturan menghadkan umur

40 tahun ke bawah untuk dipertimbangkan mengikut Latihan Dalam Perkhidmatan. Kalau Dewan ini ingat, soalan ini pun pernah dibangkitkan dalam permesyuaratan Majlis Mesyuarat pada tahun 2012. Jawapan telah pun diberikan dengan panjang lebar.

Walau bagaimanapun, sukacita di sini kaola sampaikan penjelasan ringkas saja mengenainya. Peraturan berkenaan yang mula diperkenalkan pada tahun 2006, adalah pada pokoknya bertujuan untuk memastikan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya merancang dan melaksanakan pembangunan Sumber Tenaga Manusia mereka masing-masing secara terarah dan proaktif dan khususnya terhadap keperluan pembangunan kapasiti kemahiran dan kepakaran pegawai-pegawai muda yang baru berkhidmat dengan Kerajaan.

Peraturan ini memfokus kepada keperluan latihan utama yang kelazimannya berperingkat-peringkat dan memakan masa yang panjang seperti latihan untuk mendapatkan Ijazah Pertama, Sarjana, *PhD*, kelulusan kelayakan untuk menjadi pakar, kelulusan ikhtisas dan seumpamanya. Latihan-latihan untuk kelayakan seperti ini perlu dirancang dan dilaksanakan bagi pegawai-pegawai muda seawal yang boleh supaya mereka mempunyai lebih banyak ruang dan peluang untuk menggunakan kemahiran dan kepakaran dihajati ini untuk Negara.

Sungguhpun dengan ini, peraturan ini masih boleh memberikan pengecualian untuk pertimbangan LDP, bagi pegawai yang berumur lebih dari 40 tahun, disebabkan keadaan-keadaan tertentu yang bersesuaian pada misalnya, tidak terdapat lagi pegawai-pegawai yang lebih muda untuk memenuhi keperluan dalam bidang-bidang tertentu yang sangat diperlukan Negara. Bagi kursus-kursus pendek, peraturan LDP yang ada membolehkan pegawai-pegawai berumur hingga 53 tahun untuk diberikan latihan yang bersesuaian.

Sungguhpun umur persaraan telah dilanjutkan kepada 60 tahun, ini tidak akan mengubah keperluan untuk mengadakan dan melaksanakan perancangan pembangunan sumber manusia secara awal dan terarah bagi pegawai-pegawai muda kita. Peraturan yang memfokus kepada pembanguan kapasiti pegawai-pegawai muda pada waktunya, setentunya akan menjadikan kita lebih progresif ke arah sasaran di dalam Wawasan 2035 iaitu untuk menjadikan rakyat negara ini yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Peraturan ini, seperti mana juga peraturan-peraturan lain perlu melalui proses-proses penilaian dan pembaharuan mengikut keperluan dan kesesuaian objektifnya. Insya-Allah proses amalan terbaik seperti ini akan diberikan perhatian sewajarnya untuk menjadikan kita lebih progresif dan bukannya sebaliknya berundur ke belakang.

Izinkan kaola sekarang menjawab persoalan mengenai dengan Program Pembangunan Eksekutif yang juga disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Program Pembangunan Eksekutif masing-masing yang dinamakan *Executive Development Programme For Middle Management Official (EDPMMO)* dan *Eksekutif Development Programme For Senior Government Official (EDPSGO)* adalah bertujuan untuk mengasuh dan memberikan pengetahuan kepada pegawai-pegawai kanan dan pengurusan pertengahan Kerajaan yang berpotensi untuk memegang jawatan yang lebih kanan termasuk ketua jabatan.

Ini adalah satu pelaburan pembangunan sumber manusia yang sangat penting dan perlu ditingkatkan dan ianya adalah sebagai pelaburan yang berfaedah khususnya dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan seterusnya membantu pencapaian Wawasan 2035 ke arah rakyat berpendidikan dan berkemahiran. Program-Program *EDP* adalah dianjurkan bersama dengan Institut Kepimpinan Inovasi dan Kemajuan (*ILIA)* UBD. Antara lain ia juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti serta kemahiran dengan penekanan kepada aspek-aspek kepimpinan dan pengurusan bagi melahirkan pegawai-pegawai kanan yang benar-benar berkebolehan dan berkelayakan sebagai pemimpin dan dalam masa yang sama sebagai persediaan kita untuk rancangan penggantian ataupun *succession plan*.

Pada lazimnya, program ini mengandungi modul-modul pengurusan dan kepimpinan yang bertujuan untuk memastikan keberkesanan setiap program *EDP* mempunyai kualiti yang tinggi. Setiap cadangan program diteliti secara berterusan dan terperinci oleh pihak JPA dan dihadapkan kepada JPA bagi pertimbangan. Semasa menjalani program *EDP, ILIA*, ada membuat penilaian dalam tiga komponen:

1. Pembentangan secara individu penyertaan ataupun *participation* dan sumbangan dalam sesi dialog interaktif.

2. Latihan secara berkumpulan dan latihan dalam kelas *(classroom assignment)*.

3. Projek secara individu yang memfokuskan kepada penambah-baikan perkhidmatan awam sama ada dari segi dasar, proses ataupun penyampaian perkhidmatan.

Bagi menilai pencapaian setiap peserta, *ILIA,* akan menghasilkan laporan prestasi individu, peserta-peserta program yang mana penilaiannya dibuat semasa program berjalan. Manakala, penilaian pencapaian ke atas program adalah dinilai daripada Laporan *ILIA* ke atas keseluruhan program dan maklum balas *(feedback)* dari peserta-peserta program.

Pada awal tahun ini, JPA telah membuat kajian mengenai pencapaian peserta-peserta program. Dari seramai 341 orang yang telah menghadiri Program

EDPSGO sejak tahun 1996 sehingga 2013, seramai 261 orang telah pun memegang jawatan-jawatan utama di peringkat timbalan, ketua jabatan dan ke atas. Seramai 81 orang adalah pemegang jawatan-jawatan kanan yang lain. Bagi program *EDPMMO* dari seramai 313 orang peserta program sejak tahun 2003 sehingga 2013, semuanya telah memegang jawatan kanan yang mencapai sasaran program.

Pada kesimpulannya, program ini telah berjaya melahirkan pemimpin yang mempunyai kualiti sebagai pemikir dan pelaksana program-program pembaharuan yang membawa kepada perubahan di peringkat atasan dan menengah.

Kaola akan menerangkan mengenai persoalan, adakah pemantauan dibuat terhadap pegawai semasa menghadiri Program Pembangunan yang dapat membantu membaiki dasar dalam sistem pentadbiran. Dalam memastikan program ini akan memberi kebaikan kepada peserta-peserta, modul-modul dalam program ini telah dibentuk untuk memberikan para peserta, antara lainnya ilmu pengetahuan, meningkatkan kebolehan berkomunikasi, berfikir secara kritikal, bekerja secara *team work,* menambah rangkaian perhubungan dan mengasuh kompetensi kepimpinan setelah menghadiri program ini.

Peserta-peserta program ini dipantau melalui penilaian dalam dua kategeri iaitu secara individu dan secara berkumpulan. Dari kategori individu, satu modul dimuatkan ke dalam Program *EDPSGO* iaitu penempatan kerja selama dua minggu di kementerian atau jabatan-jabatan Kerajaan. Peserta program adalah dikehendaki untuk membuat kertas kerja penambahbaikan perkhidmatan awam sama ada dari segi dasar-dasar atau penambahbaikan proses atau penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.

Hasil kertas kerja tersebut, peserta-peserta dinilai dari beberapa kriteria termasuklah dari segi kebolehan untuk berfikir ke hadapan, menganalisis dasar dan sistem perkhidmatan secara kritikal dan membuat cadangan-cadangan yang strategik. Dari kategori berkumpulan, peserta akan diberikan beberapa tugasan *(task)* untuk dilaksanakan secara berkumpulan sama ada tugasan yang menjurus kepada isu-isu semasa ataupun topik-topik strategik berkaitan dengan perkhidmatan awam. Tugasan ini memberikan peluang kepada peserta-peserta secara berkumpulan untuk menilai, mengenal pasti dan seterusnya akan dapat mengusulkan cadangan-cadangan ke arah penyelesaian ataupun penambahbaikan.

Melalui kategori ini, peserta dinilai dari aspek-aspek termasuk kepimpinan, bekerja secara berpasukan, memberikan cadangan-cadangan yang bernas, kebolehan dalam berkumunikasi secara efektif dan berkesan serta berfikiran secara kritikal. Dengan adanya tenaga pengajar *ILIA* yang berkalibar dari dalam dan luar negeri, maka prestasi

peserta-peserta program akan sentiasa dipantau dan dibimbing sepanjang program tersebut, yang bertepatan dengan objektif program ini sebagai persediaan dalam membantu membaiki dasar dan sistem pentadbiran awam di kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing.

Kaola sekarang, ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad, mengenai cadangan beliau bagi Cuti Khas menunaikan fardu haji dengan memanjangkan tempoh cuti lebih 2 hari sesudah menunaikan fardu haji bagi memberikan masa kepada sanak saudara untuk ziarah. Sebenarnya, kemudahan cuti menunaikan fardhu haji adalah merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Setiausaha Tetap Kerajaan, Bilangan 29/1975, bahawa pegawai yang dikurniakan tambang tersebut boleh memulakan cuti 2 hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan 2 hari sesudah sampai ke negara ini. Ini termasuklah sepanjang tempoh semasa mereka mengerjakan farhu haji. Cuti khas ini tidak menjejaskan kelayakan cuti tahunan mereka. Jika pegawai berkenaan berhasrat untuk menambah bilangan hari cuti berkenaan, sama ada sebelum ataupun selepas menunaikan fardu haji, pegawai berkenaan bolehlah memohon menggunakan cuti tahunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan cuti tahunan diberikan kepada semua pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan awam yang berjawatan tetap, sebulan ke sebulan dan *open vote* dengan kadar-kadar tertentu mengikut bahagian dan umur bagi setiap 12 bulan kalendar perkhidmatan. Sebagai contoh, bagi pegawai berumur di bawah 40 tahun dalam Bahagian I dan II, kadar cuti bagi setiap 12 bulan adalah berjumlah 42 hari, manakala, bagi pegawai yang berumur 40 tahun ke atas dalam Bahagian I dan II, kadar cuti ditambah kepada 50 hari.

Bagi pegawai dalam Bahagian III, IV dan IV yang berumur 40 tahun ke bawah, kadar cuti adalah masing-masing 26 hari, 24 hari dan 22 hari. Manakala, bagi pegawai dalam Bahagian III, IV dan IV yang berumur 40 tahun ke atas, adalah masing-masing 34 hari, 30 hari dan 27 hari. Kadar cuti tahunan bagi negara ini dengan kadar maksimum 50 hari dan minimum 22 hari setahun adalah dikira tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara luar. Oleh itu, pegawai dan kakitangan yang ingin menunaikan fardu haji perlulah merancang cuti dengan lebih awal untuk digunakan semasa musim haji.

Kaola ada lagi, Yang Berhormat Pengerusi, 10 soalan yang akan dijawab.

Yang Berhormat Pengerusi: Kalau dapat Yang Berhormat ringkaskan sahaja.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Insya-Allah, Yang Berhormat Pengerusi. Persoalan seterusnya ialah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri

Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai Jabatan Audit. Kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas persoalan ini.

Untuk makluman, proses pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit mempunyai beberapa proses yang perlu dilaksanakan berdasarkan proses yang ditetapkan bagi menghasilkan sebuah laporan yang kredibel dan berkualiti dalam mengambil tempoh yang sewajarnya dalam satu pengauditan. Proses-proses yang dimaksudkan merangkumi perancangan, *field work*, laporan dan susulan bagi memantau tindakan ke atas laporan yang dikeluarkan. Proses-proses pengauditan ini mengambil kira penelitian terperinci ke atas dokumen-dokumen dan membuat perbincangan dengan pihak yang diaudit bagi mengukuhkan penemuan-penemuan audit.

Dalam hubungan ini, Jabatan Audit tidaklah membuat pengauditan kepada semua agensi Kerajaan setiap tahun, akan tetapi pengauditan agensi-agensi Kerajaan adalah dilakukan mengikut kitaran audit *(audit cycle)* antara 3 ke 5 tahun iaitu secara berkala dan sistematik, mengambil kira penilaian risiko terhadap semua agensi-agensi Kerajaan secara menyeluruh. Penilaian ini dibuat supaya mengurus dan mengurangkan resiko kepada terjadinya amalan-amalan ketidakpatuhan dan *compliant* serta agar kapasiti Jabatan Audit adalah digunakan dengan produktif. Ianya berasaskan kriteria seperti agensi yang mempunyai peruntukan dan perbelanjaan yang tinggi, berlakunya kes-kes penyelewengan, penyalahgunaan serta pembaziran dan pemborosan ke atas peruntukan Kerajaan.

Pengauditan juga dirancang dan dijalankan mengikut *resource* yang ada. Dengan mengadakan kaedah *audit cycle* ini, risiko boleh dikawal pada tahap yang minimum dan insya-Allah, sebarang aktiviti yang menyalahi peraturan dan perundangan audit boleh dielakkan. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan atau maklumat-maklumat yang tertentu, pengauditan akan dibuat dengan serta-merta ke atas perkara-perkara atau isu-isu yang mempunyai risiko yang sangat tinggi, berlakunya pengurusan kewangan yang tidak teratur seperti pembaziran, pemborosan dan mempunyai unsur-unsur yang merugikan Kerajaan.

Dalam pada itu, bagi memastikan hal ehwal pentadibiran dan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan berhemah (*value for money*) serta cekap dan teratur, adalah tanggungjawab utama setiap ketua jabatan dan agensi-agensi Kerajaan seperti mana juga yang dipersyaratkan dalam Peraturan-Peraturan Kewangan 1983 dan Surat-Surat Keliling Kerajaan yang mengawal pengurusan kewangan yang berkuat kuasa pada waktu ini.

Sekarang koala ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, mengenai

cadangan supaya cuti awam Hari Raya Aidiladha ditambah lagi 1 hari. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada setiap tahun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengistiharkan hari-hari kelepasan awam bagi Negara Brunei Darussalam yang kesemuanya berjumlah 15 hari termasuk 1 hari kelepasan awam bagi cuti Hari Raya Aidiladha pada setiap 10 Zulhijah.

Berkaitan dengan ini, umat Islam adalah dituntut untuk menjalankan ibadah Korban pada hari pertama Hari Raya Aidiladha dan pada 3 hari tasyrik berikutnya dengan keinsafan dan kesedaran beribadah. Perbagai pihak dan masyarakat kita telah mengerjakan ibadah korban setiap tahun. Ini termasuklah di kalangan penduduk kampung, pegawai-pegawai Kerajaan dan swasta dan pihak persendirian. Oleh kerana hari kelepasan awam ini hanya ada satu hari, maka hari-hari tasyrik dengan sendirinya akan jatuh pada hari bekerja.

Bagi mereka yang berkhidmat dengan sektor Kerajaan dan swasta, setentunya ketua jabatan masing-masing akan memberikan kelonggaran waktu bekerja pada kakitangan mereka untuk melaksanakan ibadah korban bagi jabatan masing-masing pada salah satu hari tasyrik tersebut. Sungguhpun Majlis Ibadah Korban diadakan pada hari bekerja tapi bukanlah bermakna operasi jabatan diberhentikan sama sekali. Oleh itu, produktiviti dan operasi perkhidmatan jabatan tidak juga begitu terjejas sebaliknya jika cuti bagi hari Aidiladha ditambah secara langsung jabatan-jabatan tidak beroperasi pada hari tersebut dan setentunya menjejaskan operasi.

Oleh itu, kaola berpendapat bahawa kemudahan yang diberikan pada masa ini adalah mencukupi dan pertimbangan-pertimbangan yang boleh dibuat oleh agensi Kerajaan dan swasta bagi memberikan kelonggaran bagi waktu-waktu bekerja adalah bersesuaian untuk diteruskan dalam kita sama-sama membesarkan hari-hari kebesaran Islam.

Sekarang, kaola ingin memberikan penjelasan mengenai persoalan yang juga dibukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim yang berkaitan dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) mengenai pemantauan peniaga-peniaga yang mengenakan caj 3%. Terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas soalan ini. Untuk makluman bersama, penggunaan caj sebanyak 3% ini ke atas pembelian menggunakan kad kredit adalah merupakan perbuatan yang melanggar Perintah Perlindungan Pengguna, 2011. Harga yang telah dipaparkan bagi barangan dan perkhidmatan adalah berbeza dengan harga yang dibayar oleh pengguna dan boleh dianggap sebagai penipuan.

Berdasarkan kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD) *surcharge* bagi penggunaan kad debit ataupun kad kredit pada pengguna adalah dikenakan oleh peniaga-peniaga

sendiri dan bukannya atas arahan mana-mana pihak bank. Dalam hubungan ini, pihak JPKE dan AMBD memang memantau perkara ini secara berterusan dan telah memanggil pekedai-pekedai yang mengenakan caj 3% dan mengarahkan mereka untuk memberhentikan amalan ini. Malahan pihak AMBD sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak bank untuk memastikan peniaga-peniaga tidak mengenakan *surcharge* kepada pihak pelanggan. Sebarang *surcharge* yang perlu dibayar oleh peniaga kepada *service provider* hendaklah ditanggung oleh peniaga sendiri.

Dalam hal ini, pihak persatuan bank di Brunei juga mengeluarkan *press release* jika masih ada caj demikian. Pihak pelanggan bolehlah menghubungi pihak bank untuk mendapat keterangan lanjut. Orang ramai boleh membuat aduan terus ke JPKE atau AMBD jika sekiranya ada peniaga yang masih mengamalkan mengenakan caj 3% ini.

Kaola seterusnya ingin menjawab persoalan yang dikemukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai pengambilan bergaji hari. Dasar yang mengawal bagi proses pengambilan bergaji hari pada masa ini, adalah Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 2/2007 iaitu Tatacara Pengambilan Lepasan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan secara bergaji hari bagi menggunakan *establish post* dan kedua Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan: 12/2013 iaitu Garis Panduan Tatacara Pengambilan Pekerja-Pekerja Bergaji Hari (bagi peruntukan berulang-ulang). Kedua-dua dasar berkenaan pada asasnya memberikan peluang kepada ketua-ketua jabatan untuk membuat dan melaksanakan proses pemilihan dan juga memberikan ruang kepada ketua-ketua jabatan untuk membuat pilihan calon-calon yang berkelayakkan dan bersesuaian dengan keperluan kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing.

Di samping itu juga, dengan pelaksanaan proses pengambilan dibuat oleh kementerian dan jabatan masing-masing, maka ia akan menjimatkan masa dan calon yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria kementerian dan jabatan. Bagi proses pengambilan pekerja bergaji hari menggunakan peruntukan berulang-ulang, setiap kementerian dan jabatan setelah selesai membuat pemilihan, menghadapkan sokongan dan dokumen yang telah menyatakan dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam dengan lengkap dan teratur untuk penelitian Jabatan Perkhidmatan Awam. Setelah itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan meneliti untuk memastikan semua calon yang disokong untuk diambil adalah teratur mengikut dasar-dasar yang berkuat kuasa pada masa ini, yang melibatkan gelaran jawatan, tanggagaji dan huraian tugas dan tanggungjawab.

Manakala, bagi pengambilan lepasan ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan *(HND),* secara bergaji hari menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 2/2007, proses pengambilan yang dikendalikan oleh

kementerian dan jabatan akan diteliiti oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) apabila sokongan diterima bagi proses lantikan bergaji bulan. Jika proses pemilihan tidak mematuhi peraturan, maka Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) akan mengembalikan ke kementerian bagi mendapat maklumat lanjut.

Sekarang, kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai harga barang. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Akta Kawalan Harga Penggal 142 yang berkuat kuasa mulai pada 26 Disember 2012 telah menyenaraikan sebanyak 20 jenis barang yang dikawal harganya. Pemantauan harga barang-barang yang dikawal harga ini dilaksanakan bukan saja di gedung-gedung perniagaan, tapi juga di kedai-kedai runcit kampung dan pedalaman.

Dari masa ke masa, Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi akan memanggil pihak media seperti surat khabar dan Radio Televisyen Brunei untuk membuat liputan mengenai lawatan-lawatan tersebut, contohnya, pada 21 Januari 2014 dan 1 Mac 2014 lawatan dibuat di Daerah Brunei dan Muara. Pada 26 Februari 2014 di Daerah Belait dan Daerah Tutong iaitu lawatan mengejut ke gedung-gedung perniagaan dan kedai-kedai runcit dan yang terbaru adalah lawatan mengejut ke kedai-kedai runcit di Daerah Temburong iaitu pada 11 Mac 2014. Semasa lawatan-lawatan tersebut, kesalahan-kesalahan yang didapati telah pun diambil tindakan dengan memberi teguran dan surat amaran telah dikeluarkan kepada peniaga-peniaga terlibat. Jika sekiranya peniaga tersebut mengulangi kesalahan mereka melalui Akta Kawalan Harga (Penggal 142) boleh dikenakan kompoun tidak melebihi $1,000.

Selanjutnya, orang ramai dialu-alukan untuk membuat aduan terus kepada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) mengenai apa jua amalan penipuan ataupun harga yang berbeza yang dikenakan oleh peniaga dari harga yang ditetapkan. Dengan kerjasama orang ramai mengadukan perkara-perkara tersebut, segala amalan penipuan dari peniaga-peniaga yang tidak jujur dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai penyelarasan harga-harga barangan, ianya adalah sangat sukar dan sangat mencabar. Dalam hal ini jua, sukacita memberi penerangan bahawa perbezaan harga barangan antara satu kedai yang lain adalah bergantung pada harga dari pihak pembekal, serta cara pembelian dibuat. Umpamanya, harga barangan yang murah di pasar raya atau gedung-gedung adalah disebabkan pembelian bekalan secara borong ataupun *bulk buying* yang menggunakan harga kos purata *average unit cost* yang lebih

rendah berbanding dengan kedai-kedai runcit.

Manakala, harga yang berbeza-beza di antara peruncit biasa yang ada, disebabkan perkara-perkara seperti stok yang terhad, harga sewa kedai yang berbeza dari satu tempat ke satu tempat, permintaan stok yang terhad, pilihan barang yang terhad dan bekalan bergantung pada kehendak pengimport. Hasil pemantauan harga barangan makanan menunjukkan bahawa harga barangan makanan antara *outlet* kecil, sederhana dan besar tidak jauh berbeza dengan *markup cost* iaitu pada sekitar 5%.

Ini disebabkan oleh persaingan harga yang sengit yang sendirinya menjadikan *sale regulatory mechanism* di kalangan peniaga-peniaga sendiri. Pihak peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya, kerana bekalan harga yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal yang sama. Insya-Allah, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi akan secara berterusan memantau hal ini dan tanpa ragu-ragu akan mengambil tindakan segera ke atas mana-mana peniaga yang melanggar akta kawalan harga.

Dalam hubungan ini juga, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa bijak dalam berbelanja dan membuat perbandingan harga sebelum berbelanja untuk mendapat harga terbaik di pasaran tempatan. Jika ada sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai kawalan harga dan perlindungan pengguna, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi melalui *hotline* 2230223 atau melalui e-mel aduan pengguna *www.jpke.gov.bn.*

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya telah menasihatkan bahawa jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat selepas ini, jawapan-jawapan itu tidak semestinya diberikan sekali gus, boleh diberikan kemudian, walaupun tajuk ini nanti sekiranya diluluskan. Jadi, untuk menepati apa yang telah dijadualkan untuk meluluskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya bercadang untuk membuka tajuk ini, Jabatan Perdana Menteri supaya diundi dan jawapan-jawapan pada soalan-soalan lain itu bolehlah diberikan kemudian pada bila-bila sesuai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk Jabatan Perdana Menteri, tajuk-tajuk bermula dari Tajuk SA02A – Jabatan Adat Istiadat Negara hingga Tajuk SA025A – Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri ada baiknya diundi. Yang bersetuju supaya diluluskan Jabatan Perdana Menteri, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Maka tajuk-tajuk bermula daripada SA02A hingga Tajuk SA25A diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk-tajuk bermula Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara hingga Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SB - Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan memberi sedikit mukadimah mengenai tajuk ini iaitu Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, ini untuk membantu kitani berbincang sahaja.

Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2014/2015 adalah sebanyak $719,150,770.00 sejumlah besar adalah pembayaran gaji iaitu sebanyak 44.6% diikuti dengan Belanjawan Tahun Berulang-ulang sebanyak 23.6% dan kemudian perbelanjaan lain. Perbelanjaan Khas sebanyak 31.8%. Bagi kategori perbelanjaan pembayaran gaji terdapat penambahan sebanyak 5.8% berbanding tahun lepas. Penambahan ini berpunca daripada kenaikan gaji tahunan (*annual increment*) dan kenaikan taraf perjawatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei secara menyeluruh dan berfasa dengan pengenalan Skim Struktur Perkhidmatan Kerjaya Peningkatan Tanggagaji dan Penambahan Pengambilan Pegawai Tentera.

Kategori perbelanjaan lain tahunan yang berulang-ulang juga meningkat sebanyak 1%. Peningkatan ini diperlukan bagi menanggung kos pemeliharaan atas aset yang bertambah bagi menepati profil operasi semasa dan kesiapsiagaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Pada tahun ini, Kementerian Kewangan telah mengambil keputusan supaya peruntukan yang disediakan untuk keselamatan dan pertahanan di bawah pengurusan Kementerian Kewangan dipindah dan dicantumkan dengan peruntukkan bayaran lain Perbelanjaan Khas di bawah Kementerian Pertahanan. Ini bertujuan untuk memastikan *accountability* dalam pengurusan pembelanjaan dan pelaksanaan projek-projek. Jumlah yang dicantumkan ialah sebanyak $183, 593,900.00. Peruntukan ini bertujuan untuk membaiyai penggantian dan peningkatan *(upgrade)* aset yang lama yang sudah mencapai tahap penggunaannya serta menanggung perbelanjaan perolehan aset baru bagi mengurangkan jurang keupayaan pertahanan pada masa ini.

Peruntukan yang diberikan diharap akan dapat memastikan kesenimbungan pertahanan Negara dan kesiapsiagan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di tahap yang tinggi bagi terus memainkan peranan dalam menjaga keselamatan dan keamanan Negara di samping memberikan bantuan kepada

agensi-agensi penguat kuasaan undang-undang dan awam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana pada tahun-tahun yang lepas, kaola juga ingin memohon persetujuan Yang Berhormat Pengerusi agar peruntukan Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan secara terbuka memandangkan ianya boleh mendedahkan isu-isu keselamatan pertahanan strategik Negara.

Apa juga saranan-saranan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat insya-Allah akan disampaikan kepada Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya benarkan permintaan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri supaya tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pertahanan tidak sesuai untuk dibahaskan secara terbuka maka seperti yang lazimnya tidaklah perlu dibincang perkara-perkara di bawah Kementerian Pertahanan ini. Saya buka Tajuk SB - Kementerian Pertahanan ini untuk diundi seperti yang lazim pada tahun-tahun yang sudah. Siapa yang setuju diluluskan Kementerian Pertahanan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Maka Tajuk SB - Kementerian Pertahanan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SB - Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Khamis, 11 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 13 Mac 2014 Masihi pada pukul 9.30 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 11 Jamadilawal 1435 / 13 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Mulia Jurutulis II: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam, bersidang bagi hari keenam, Hari Khamis, 11 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 13 Mac 2014 Masihi, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh dan selamat pagi.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat serta keizinan-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang keenam.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara V, iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Hingga ke hari ini, kita telah menyelesaikan sebanyak 19 soalan dan ianya telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Seperti biasa, pagi ini kita hanya akan membincangkan Perkara V ini selama 30 minit. Selepas itu, kita akan berpindah ke Susunan Kerja seterusnya,

iaitu Perkara VII - Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015.

Maka, sekarang saya meminta Jurutulis untuk memulakan Soalan-Soalan bagi Perkara V selanjutnya. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan Yang Diberi Notis No. 20 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin Wassalaatu Wassalaamu Ala Asyrafil Anbia Ewal Mursalin, Sayidina Muhammadin, Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara yang kaola akan bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai kekurangan Pegawai-Pegawai Masjid di Daerah Temburong. Kekurangan Pegawai-Pegawai Masjid di Daerah Temburong terutama sekali Imam dan Bilal masih lagi berlaku, walaupun perkara ini pernah dibangkitkan dan dijanjikan untuk diambil tindakan.

Kekurangan Imam-Imam dan Bilal-Bilal lebih dirasakan dan menjadi kesulitan untuk mencari pengganti apabila Imam-Imam menghadiri kursus-kursus di Unit Latihan yang diadakan di Bandar Seri Begawan. Pertanyaan kaola ialah, apakah perkembangan dan usaha yang sudah dan sedang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengatasi masalah kekurangan Pegawai Masjid seperti Imam dan Bilal yang sedang berlaku pada masa ini dan jika ada bilakah masanya perkara ini dapat diselesaikan keseluruhannya? Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin Wabihi Nastain Waala Umurid Dunia Waddin Wassalatu Wassalamu Ala Sayidina Muhammadin Asyrafil Anbia Ewal Mursalin Waala Alihi Wasahbihi Ajmain. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang untuk menjawab soalan-soalan ini dan terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Daerah Temburong yang telah membangkitkan perkara ini.

Kekurangan Imam dan Bilal di Daerah Temburong ini memang diakui. Perkara ini telah diambil perhatian pada tahun lepas dalam Dewan yang mulia ini. Sebenarnya, perkara ini adalah antara yang menjadi fokus utama Kementerian Hal Ehwal Ugama selepas persidangan tahun lepas untuk diatasi dengan segeranya. Jadi hasil daripada perhatian

Kementerian Hal Ehwal Ugama itu, kaola sukacita memaklumkan bahawa 7 jawatan telah diperuntukkan, iaitu jawatan Pegawai Masjid telah diperuntukkan ataupun disediakan, 3 jawatan Imam, iaitu Imam Tingkat II dan Tingkat IV dan 4 jawatan Bilal Tingkat IV bagi Daerah Temburong.

Bagaimanapun, memandangkan perkara ini berkait dengan beberapa pihak, maka prosesnya mengambil masa tidak semudah yang diharapkan. Namun, prosesnya sudah berjalan. Kaola penuh berharap supaya agensi-agensi yang berkenaan dalam jabatan-jabatan yang berkenaan akan dapat membantu melicinkan perkara ini.

Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, bahawa jumlah masjid yang terdapat di Daerah Temburong adalah sebanyak 11 buah. Daripada jumlah tersebut, hanya 8 buah masjid sahaja yang mendirikan sembahyang Jumaat, 3 daripada 8 buah masjid tersebut ialah Masjid Utama Mohd Salleh, Pekan Bangar, Masjid Kampung Puni dan Masjid Kampung Belais, adalah dianggap masjid yang ramai penduduknya. Oleh itu, wajar mendapat bilangan Pegawai Masjid yang ideal iaitu 3 orang terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam dan Bilal ataupun Marbut. Manakala, 5 buah masjid lagi iaitu Masjid Kampung Batu Apoi, Masjid Kampung Labu Estet, Masjid RPN Kampung Rataie, Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok dan Masjid Kampung Selangan, kesemuanya mempunyai 2 orang Pegawai Masjid yang terdiri daripada Imam dan Bilal atau Marbut.

Dalam pada itu, bagi surau-surau dan balai-balai ibadat yang tidak mendirikan sembahyang Jumaat, iaitu Surau Kampung Piasau-Piasau, Balai Ibadat Kampung Semabat dan Balai Ibadat Kampung Sibut telah ditempatkan seorang Imam ataupun seorang Bilal sahaja. Maka, dengan terisinya nanti, 7 kekosongan jawatan yang disebutkan di atas tadi, insya-Allah kekurangan Pegawai Masjid bagi Daerah Temburong akan dapat diatasi bagi jangka masa yang terdekat ini, insya-Allah. Selebihnya, akan bergantung pada kebijaksanaan pentadbiran dalaman Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi mengatur dan menyelaras mana-mana kekurangan yang setentunya akan timbul dari semasa ke semasa.

Untuk makluman, secara keseluruhannya bagi keperluan masjid-masjid di seluruh negara, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 82 jawatan Pegawai Masjid, iaitu Imam Tingkat I ada 3 jawatan, Imam Tingkat II ada 25 jawatan, Imam Tingkat III ada 8 jawatan, Imam Tingkat IV ada 7 jawatan, Bilal Tingkat I ada 13 jawatan dan Bilal Tingkat II ada 26 jawatan. Semua jawatan Pegawai Masjid yang kosong ini adalah dalam proses dan *target* untuk diisikan yang kaola berharap akan dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini.

Kaola kira, dengan terisinya nanti, semua jawatan kosong itu, iaitu 82 jawatan itu bukan saja masalah kekurangan Pegawai Masjid di Daerah Temburong akan dapat diatasi, malah insya-Allah akan dapat mengatasi kekurangan Pegawai-Pegawai Masjid

di daerah lain kerana di daerah-daerah yang lain pun juga mempunyai masalah yang sama seperti Daerah Temburong. Selepas itu nanti kita akan memantau keperluan tersebut dari semasa ke semasa, insya-Allah. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan No. 21 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam sedang menuju Wawasan 2035 dan Negara Zikir yang menyaksikan Akta dan Undang-Undang Syariah diperkenalkan dan akan dikuatkuasakan dengan izin Allah. Salah satu usaha yang menjamin kesempurnaan umat Islam dengan terpeliharanya keselamatan dan kehalalan aspek pemakanan menjadi tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Unit Halal Haram, Jabatan Hal Ehwal Syariah. Tanggungjawab ini akan terus berkembang dan bertambah besar dengan adanya keperluan dan permintaan masyarakat yang sama-sama ingin melihat hasrat Wawasan Negara dan Negara Zikir dapat dicapai.

Soalan kaola ialah:

i) Apakah usaha dan komitmen yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengembang-luaskan lagi fungsi dan tanggungjawab ini bagi jaminan keselamatan dan kehalalan supaya menepati keperluan dan memenuhi tujuan Wawasan Negara Zikir?; dan

ii) Adakah Logo Halal Brunei diguna pakai bagi semua barang makanan termasuk barang tempatan dan import dari luar negara yang disahkan halal dan adakah juga telah dilaratkan kepada produk lain, selain barang makanan seperti produk kosmetik dan kecantikan yang juga disahkan kehalalannya? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin yang telah mengemukakan persoalan ini. Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah adalah berfungsi untuk:

i) Menguatkuasakan Akta Daging Halal Penggal 183 dan Perintah Halal dan Label Halal 2005;

ii) Mengawal kemasukan daging yang akan dipasarkan di Negara ini bersumber dari pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf halal oleh Majlis Agama Islam;

iii) Memastikan kehalalan keluaran daging-daging mentah yang dijual kepada orang ramai;

iv) Mengawasi dan memata-matai pusat-pusat penyembelihan yang telah diberi Sijil Penyembelihan Halal oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah; dan

v) Memastikan pengusaha-pengusaha yang menggunakan Sijil Halal dan Label Halal Majlis Agama Islam atau (MUIB) mematuhi peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sentiasa mengikuti perubahan dan perkembangan semasa, terutamanya berhubung dengan kepekaan dan kesedaran masyarakat Islam di Negara kita ini terhadap keinginan untuk mendapatkan dan menggunakan produk pemakanan serta perkhidmatan yang diiktiraf halal.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Akta-Akta yang disebutkan di atas dan usaha-usaha pelaksanaannya, alhamdulillah, sejauh ini telah berjaya memenuhi sebahagian besar keperluan masyarakat Islam di Negara kita. Sehubungan dengan itu, bagi mengembangluaskan lagi, memang ada usaha dan garis panduan untuk pengilangan dan pengendalian produk perubatan, ubat-ubat tradisional dan makanan tambahan kesihatan ataupun *supplement* Halal Brunei Darussalam telah didokumenkan dan garis panduan untuk kosmetik juga telah selesai disusun. Cuma, menunggu masa untuk diluluskan. Kita menyedari perkembangan teknologi pemakanan adalah sangat pesat dan untuk itu kita telah melantik pegawai-pegawai yang mempunyai kelulusan dalam bidang sains pemakanan sebagai pegawai di Bahagian Kawalan Makanan Halal.

Dalam pada itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga ingin menghantar mana-mana pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk mengambil ijazah dalam bidang sains pemakanan. Misalnya, seorang telah dihantar ke Iskandariah Mesir untuk mengambil bidang ini dan seorang juga telah lulus dari United Kingdom dalam bidang permakanan ini. Insya-Allah, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sentiasa berusaha memenuhi kehendak dan tuntutan masyarakat Islam untuk memastikan makanan dan barangan adalah halal dan suci. Kita memang mengakui kekurangan sumber tenaga manusia kerana sumber tenaga manusia yang kita perlukan itu ialah yang terlatih dan dedikasi serta berpengetahuan agama.

Walau bagaimanapun, kita akan tetap berusaha dengan gigih sehingga perkara sumber tenaga manusia dan sumber pemakanan halal ini akan dapat diatasi dengan sebaik-baiknya dengan berkat kerjasama dan sokongan semua pihak.

Bagi soalan yang kedua, penggunaan Logo Halal Majlis Agama Islam (MUIB). Logo ini diguna pakai bagi produk yang dipasarkan di negara ini sama ada produk tempatan ataupun produk dari luar negara kita. Penggunaan Logo Halal (MUIB) adalah berdasarkan permohonan daripada pemilik syarikat. Pada masa ini, sejumlah 927 produk tempatan dan 211 produk dari syarikat luar negara telah menggunakan Logo

Halal Majlis Agama Islam Brunei. Proses permohonan produk, sama ada produk luar atau tempatan adalah sama sahaja. Mereka akan menjalani proses audit yang kita namakan:

i) Audit Kecukupan, bermaksud semua dokumen yang diperlukan adalah cukup;

ii) Audit Lapangan, bermaksud pegawai-pegawai bertugas berkenaan akan pergi ke restoran-restoran atau premis-premis yang memohon;

iii) Audit Susulan, iaitu jika terdapat ketidakpatuhan *NCR (Non-Compliant Report*) hanya setelah itu permohonan tersebut akan dihadapkan kepada Jawatankuasa Pemeriksaan untuk penilaian dan sokongan sebelum diberikan pengiktirafan Halal oleh Majlis Agama Islam Brunei melalui Mesyuarat Jawatankuasa Menjalankan Kuasa-Kuasa Majlis Agama Islam berdasarkan peruntukan Bab 42 (a) Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan 2008); dan

iv) Audit Pemantauan, bermaksud setelah pemohon diberikan Sijil Halal, mereka akan dipantau oleh pegawai-pegawai bertugas berkenaan sama ada pemohon tersebut konsisten memelihara kehalalan pemakanan yang mereka jual ataupun tidak. Sekiranya tidak konsisten, maka sijil mereka akan ditarik balik. Setakat ini, permohonan yang diterima hanyalah daripada pengusaha-pengusaha produk makanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk makluman bersama, kaola difahamkan bahawa Syarikat Pengeluar Produk Makanan Tambahan Kesihatan Makanan dari Kanada iaitu *VIVA* telah membina kilangnya di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kewangan. Pihak berkenaan membuat perundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menggunakan Logo Halal Majlis Agama Islam Brunei bagi produk-produk keluaran syarikat mereka.

Sementara itu, sebuah lagi syarikat kosmetik dari Korea juga berminat untuk membina kilangnya di negara ini dan menggunakan Logo Halal Majlis Agama Islam dan produk-produk berkenaan dihasratkan untuk dipasarkan di dalam dan luar negara.

Pendeknya Logo Halal Majlis Agama Islam pada masa ini, alhamdulillah merupakan satu logo yang berwibawa dan dihargai kerana itu banyak orang luar berminat dan yakin kepada logo ini. Oleh itu, kaedah *auditing* dan pemeriksaan kita yang jitu itu tidaklah boleh dikurangkan tapi boleh dikemaskinikan kerana di situlah terletak kepercayaan masyarakat akan kualiti kehalalan kita. Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kesedaran kepada perkara-perkara yang halal sekarang semakin tinggi, baik di dalam mahupun di luar negara.

Bagi negara kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri sangat-sangat mengambil berat dan sering menekankan tentang soal kehalalan pemakanan bagi rakyat baginda yang beragama Islam dijaga dan dipelihara. Tiada tolak ansur dalam perkara ini. Maka itu, kerjanya tidak dapat disemberanakan, perlu kepada kesungguhan dan perlu kepada masa. Apa yang perlu kita usahakan lagi ialah sumber tenaga manusia yang berkuantiti dan berkualiti, beriman, berpengetahuan agama dan berteknologi.

Sistem pendidikan kita sekarang pun menuju ke arah ini sebenarnya. Setentunya, hasilnya tidak dapat kita lihat dalam satu atau dua malam. Namun, inilah juga lorong ke arah mencapai Wawasan Negara 2035 dan Wawasan Negara zikir kita, insya-Allah, terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan Yang Diberi Notis No. 22 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Negara Brunei Darussalam tidak lama lagi akan menguatkuasakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Jerayawara mengenainya telah pun berjalan secara berterusan bagi memberi kefahaman yang betul kepada orang awam. Kaola ingin bertanya, iaitu apakah tindakan pihak yang berkenaan terhadap individu atau kumpulan yang mencemuh-cemuhkan, menakutkan-nakutkan orang ramai tentang undang-undang Allah ini, sama ada melalui media elektronik mahu pun surat-surat khabar di luar dan juga di dalam Negeri? Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang menanyakan isu yang penting ini. Perbuatan mencemuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan perbuatan menakut-nakutkan orang ramai dari memberikan sokongan terhadap Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah boleh dilihat sebagai dua perbuatan yang berbeza dan boleh ditangani secara berasingan melalui peruntukan undang-undang yang sedia ada oleh agensi-agensi yang berkenaan. Seperti Penguatkuasa Agama, Pasukan Polis Diraja Brunei, Keselamatan Dalam Negeri, *AITI (Authority for Info-Communication Technology of Brunei Darussalam)* dan sebagainya.

Dari segi perspektif Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, sebagaimana yang telah diberigakan secara meluas di Negara ini bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah akan dikuatkuasakan dalam 3 fasa. Insya-Allah dalam fasa pertama akan menangani perbuatan mencemuh yang sedang kita bahaskan dan bincangkan melalui peruntukan yang dikhususkan mengenainya.

Masa ini, kita masih dalam tempoh pemberigaan. Malah, pemberigaan ini mungkin saja berlanjutan jika ianya diperlukan. Tujuan kita adalah untuk mendidik dan memberi kefahaman kepada orang ramai sebaik-baiknya. Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ada menyebutkan dalam Bab 220, “Menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina dan lain-lain”.

Mana-mana orang yang dengan cara lisan, tulisan, pernyataan zahir atau dengan sebarang cara menghina atau menyebabkan dipandang hina, mencerca, mempersenda, mengolok-olok, mengajuk atau mengejek:

a) Ajaran agama Islam;

b) Amalan atau upacara yang berkaitan dengan agama Islam;

c) Perkataan yang dianggap suci oleh orang Islam;

d) Mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, yang berkaitan dengan agama Islam;

e) Mana-mana sahabat;

f) Qaul-qaul mana-mana mazhab yang muktabar; atau

g) Mana-mana fatwa yang disiarkan dalam Warta Kerajaan.

h) Adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi $12,000.00, dihukum penjara selama satu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Rasanya kalau perlu, walaupun kita masih dalam tempoh pemberigaan. Namun, perbuatan mencemuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah sudah boleh dibuat penyiasatan mengenainya, iaitu di bawah peruntukan yang sedia ada. Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama boleh menjalankan penyiasatan bagi perbuatan mencemuh tersebut melalui Peruntukkan Akta Majlis Agama Islam dan Mahkamah Kadi Penggal 77 di bawah Bab 190 (Penghinaan Terhadap Pihak-Pihak Berkuasa Agama) menyatakan, “barang siapa yang bersalah melakukan sebarang penghinaan terhadap pihak berkuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam kedudukannya sebagai Ketua Agama Islam bagi Negara Brunei Darussalam atau bagi majlis atau mana-mana jawatankuasa atau ahli atau pegawainya

atau bagi mana-mana Pegawai Masjid yang melakukan satu kesalahan, dihukum penjara selama 1 bulan atau didenda sebanyak $1,000.00".

Bab 191, (Penghinaan Terhadap Agama) "Barang siapa dengan perkataan-perkataan yang dicakapkan atau bertulis atau dengan pernyataan zahir, mengeji atau menghina atau cuba untuk mengeji atau menghina agama Islam atau qaul-qaul daripada mana-mana mazhab atau pengajaran mana-mana guru agama yang diberi kuasa dengan sahnya atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah oleh Mufti dengan syarat-syarat dari Akta ini, melakukan satu kesalahan, dihukum penjara selama 6 bulan atau sebanyak $4,000.00".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah merupakan Undang-Undang Jenayah Syariah yang bersumberkan Al-Quran, Al-Sunah, Al-Ijmak dan Al-Qias. Perbuatan mencemuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah boleh dianggap menghina agama Islam dan sipelakunya boleh disiasat dan didakwa. Begitu juga, jika hasil siasatan menunjukkan bahawa si pelaku telah melakukan penghinaan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam kedudukannya sebagai Ketua Agama Rasmi atau terhadap Majlis Agama Islam dalam kedudukannya sebagai badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai agama Islam, maka si pelaku boleh didakwa sama ada di bawah Akta yang berjalan sekarang ini atau di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang akan dilaksanakan nanti.

Lebih jauh dari itu, adalah ditakuti perbuatan mencemuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah ini boleh membawa si pelakunya jika ia seorang muslim kepada melakukan kesalahan *Irtidat*. Apabila Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dikuatkuasakan sepenuhnya nanti, jika si pelakunya bukan seorang muslim maka, kesalahan yang sebanding dengan kesalahan *Irtidat* boleh dikenakan terhadapnya.

Peruntukan-peruntukan berikut, insya-Allah akan dikuatkuasakan dalam fasa ketiga jika perbuatan mencemuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah bertambah serius. Dalam Bab 111, Mempermainkan Dan Lain-Lain Ayat Al-Qur'an, hadith atau perkara yang wajib dengan ijma'.

Bab 111 (1) Mana-mana orang Islam yang:

a) Mempermain, mengolok-olok, mengajuk, mengejek atau menghina mana-mana ayat

Al-Qur'an atau Hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam;

b) Menafikan Hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam sebagai satu sumber atau authoriti *(Hujjiyyah)* ajaran-ajaran agama Islam; atau

c) Menafikan perkara-perkara yang wajib dengan ijma'.

Dan dibuktikan sama ada dengan ikrar tertuduh atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut *Hukum Syara'* setelah mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud,* adalah melakukan kesalahan *irtidat* dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *had* dengan hukuman mati.

2. Mana-mana orang Islam yang:

a) Mempermain, mengolok-olok, mengajuk, mengejek atau menghina mana-mana ayat Al-Qur'an atau Hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam.

b) Menafikan Hadith Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam sebagai satu sumber atau autoriti *(Hujjiyah)* ajaran-ajaran agama Islam; atau

c) Menafikan perkara-perkara yang wajib dengan ijma',

Dan dibuktikan dengan bukti selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan kesalahan *irtidat* dan hendaklah jika sabit kesalahan, dikenakan hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

Bab 222 Mempermainkan Dan Lain-Lain Ayat Al-Quran Atau Hadith Oleh Orang Bukan Islam. Bab 222:

1. Mana-mana orang bukan Islam yang mempermain, mengolok-olok, mengajuk, mengejek atau menghina dengan perkataan atau perbuatan, mana-mana ayat Al-Quran atau Hadis Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam dan dibuktikan sama ada dengan ikrar tertuduh atau dengan syahadah, sekurang-kurangnya dua orang *syahid* menurut Hukum Syara, setelah mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiah assyuhud*, adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan itu, kesalahan dikenakan hukuman mati; dan

2. Mana-mana orang bukan Islam yang mempermain, mengolok-olok, mengajuk, mengejek atau menghina dengan perkataan atau perbuatan mana-mana ayat Al-Quran atau Hadis Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam dan dibuktikan dengan bukti selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan, dikenakan hukuman penjara selama satu tempoh tidak melebihi 30 tahun dan disebat tidak melebihi 40 sebatan.

Satu siri perbuatan seperti melalui media sosial, *facebook, twitter, blog* atau pesanan ringkas *SMS* atau aplikasi *whatsapp* atau melalui media massa surat khabar boleh menghasilkan beberapa kesalahan yang berbeza di bawah undang-undang yang berbeza. Perbuatan mencemuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ataupun perbuatan menakut-nakutkan orang ramai dan memberikan sokongan terhadap Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dari memberikan atau menakut-nakutkan orang ramai dari memberikan sokongan terhadap Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, boleh memberikan bidang kuasa kepada pihak-pihak seperti Penguatkuasa Agama, Pasukan Polis Diraja Brunei, Keselamatan Dalam Negeri, *AITI (Authority for Information Technology Industry of Brunei Darussalam)* dan sebagainya untuk menjalankan siasatan di bawah mandat atau *portfolio* masing-masing.

Begitu juga halnya, perbuatan mencemuh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, boleh menyebabkan imej Negara terjejas dan boleh mempengaruhi dan mengelirukan orang ramai. Lebih jauh lagi akibat perbuatan ini boleh menggugat keselamatan dan kestabilan Negara. Tindakan terhadap si pelaku boleh diambil di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Adapun perbuatan menakut-nakutkan orang ramai dari memberikan sokong Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, maka kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei bagi menyiasat perbuatan tersebut amatlah dihargai.

Usaha memberikan pemahaman melalui rancangan pemberigaan. Sebagai contoh kepada masyarakat, seberapa yang luas dan boleh telah pun berjalan dengan baik. Kita cuba mendekati hati dan pemikiran masyarakat kita dengan cara berhemah. Namun, didapati segelintir individu yang tidak bertanggungjawab telah menyebarkan fahaman salah kepada masyarakat umum. Dalam hal ini, tindakan bersepadu dan kerjasama erat agensi-agensi yang berkenaan adalah amat dialu-alukan dalam sama-sama berdiri teguh dan berganding bahu dalam mendukung penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maidah Ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Ertinya, *"Bertolong bantulah kamu kepada perkara kebaikan dan ketakwaan dan jangalah kamu bertolong bantu dalam perkara yang mendatangkan dosa dan permusuhan."*

Manakala, kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam juga boleh didakwa di dalam Negara kita sendiri. Tetapi, ini memerlukan kerjasama agensi yang berkenaan di negara terbabit untuk menyerahkan tertuduh untuk didakwa menurut undang-undang Negara ini.

Kesimpulannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, tidak syak lagi bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah merupakan undang-undang jenayah syariah yang boleh memberikan kesejahteraan dan keamanan, jika peruntukannya dapat difahami dan dihayati dengan baik oleh semua lapisan masyarakat di Negara ini, undang-undang ini sebenarnya cukup adil dan tidak menzalimi sesiapa. Ia tidak dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya dan sesuka hati. Ia cukup halus dan teliti, ia adalah satu undang-undang yang didalamnya ada rahmat dan ihsan, ada taubat, ada keampunan, ada kehidupan, ada keselamatan nyawa manusia yang banyak berbanding dengan nyawa penjenayah yang sedikit. Maka dengan demikian akan membawa kesejahteraan kepada semua. Demikianlah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian dahulu, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya percaya Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan itu akan dapat membaca secara *detail* isi kandungan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah itu. Terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan mengenai Perkara V ini ada baiknya ditangguhkan dahulu dan mana-mana Soalan Yang Diberi Notis yang belum sempat dibincangkan pagi ini akan disentuh kemudian nanti.

Sekarang, kita berpindah kepada perkara Susunan Kerja seterusnya, iaitu Perkara VII Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014 /2015. Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu per satu, Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014 / 2015.

Pada sebelah petang kelmarin, Mesyuarat Jawatankuasa telah meluluskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga dibawah Kementerian Pertahanan. Sebelum kita berpindah ke tajuk seterusnya, saya telah difahamkan ada beberapa soalan dan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang belum dapat dijelaskan.

Oleh kerana perkara ini dianggap sangat mustahak, maka Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan juga Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy),* di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan keinginan untuk memberikan ucapan mereka.

Maka, saya benarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan untuk memberikan ucapan atau penjelasan menurut Peraturan 4 (3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Majlis Mesyuarat Negara. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan ucapan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola kalau diizinkan ingin menjawab 5 soalan daripada 4 Ahli Yang Berhormat yang telah disarankan dan ditimbulkan semalam.

Mula-mula kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai perbinaan Pusat Keusahawanan Belia di Kampung Jaya Setia, Mukim Berakas. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat tesebut. Sebenarnya, pembinaan Pusat Keusahawanan Belia di Kampung Jaya Setia, Mukim Berakas oleh pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi bertujuan membantu para belia tempatan di seluruh Negara yang menaruh minat untuk memulakan sebarang perniagaan-perniagaan makro.

Tempat ini, bukanlah hanya disediakan kepada belia-belia di sekitar kawasan Mukim Berakas, tetapi adalah bagi kegunaan semua pihak tempatan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti mereka yang tidak mempunyai pekerjaan dan berhasrat untuk berkecimpung dalam bidang-bidang keusahawanan dan perniagaan. Setakat ini, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei bekerja rapat dengan Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam membantu lepasan dari pusat tersebut untuk memulakan perniagaan mereka.

Demi memastikan pusat ini akan digunakan secara efektif, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei telah mengambil kira keperluan-keperluan penyediaan infrastruktur yang bersesuaian dan akan memberikan khidmat bantuan dan bimbingan serta *mentorship* kepada para usahawan-belia yang akan bertapak di sana.

Sekarang, kaola ingin menjawab soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain iaitu mengenai Jabatan Adat Istiadat Negara. Terima kasih juga atas saranan Yang Berhormat dan sebagai makluman jua, Jawatankuasa Menyusun Kurikulum Kursus-Kursus Adat Istiadat Yang Berpaksikan Kepada Falsafah Beraja Orang Brunei telah menyediakan rangka kurikulum bagi Kursus Adat Istiadat Diraja Brunei, bertujuan meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pengamalan adat-istiadat.

Pegawai-pegawai Jabatan Adat Istiadat Negara juga dijemput sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi di Negara ini mengenai Adat Istiadat Diraja dan Adat Istiadat Kebruneian selain sebagai pemudah cara bagi Kursus Adat Istiadat di kementerian dan jabatan Kerajaan. Di samping itu,

Jabatan Adat Istiadat Negara juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menyampaikan ceramah Adat Istiadat Diraja dan Adat Istiadat Kebruneian kepada penuntut-penuntut.

Projek tahunan Jabatan Adat Istiadat Negara iaitu Perkampungan Adat Istiadat Belia diadakan dengan kerjasama Majlis Melayu Islam Beraja, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Majlis-Majlis Belia Brunei. Program Menyusur Daerah, Mukim dan Kampung telah disusun bagi menyampaikan pemahaman adat istiadat.

Pada kesimpulannya, perkara adat istiadat ini adalah sangat penting dikekalkan, dipelihara dan diberigakan oleh rakyat dan penduduk Negara ini. Oleh yang demikian, haruslah kitani bersama menangani dan melaksanakan tanggungjawab ini secara holistik. Dalam erti kata, rakyat, Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan seumpamanya haruslah sama-sama berperanan untuk mengekalkan Adat Istiadat Brunei hingga ke generasi akan datang.

Mengenai cadangan bagi mendokumentasikan adat 7 puak di Negara Brunei Darussalam, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Setakat ini, terdapat penerbitan-penerbitan mengenai adat, masyarakat dan puak-puak Brunei pada amnya, terutama di peringkat akademik dan juga penerbitan melalui agensi-agensi Kerajaan seperti Pusat Sejarah Brunei dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Walau bagaimanapun, perkara ini diambil maklum untuk dibawa bagi proses perbincangan selanjutnya dengan agensi-agensi berkenaan.

Perkara yang sama juga akan dilakukan seperti cadangan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, mengenai soalan yang berkaitan dengan bendera. Diucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas saranan tersebut.

Sekarang, kaola akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai biasiswa pendidikan Kerajaan yang mengikut beliau, penuntut-penuntut lepasan daripada universiti dan sebagainya setelah mengambil ijazah di pelbagai bidang, bekerja bukan dalam pengurusan bidang mereka (*job mismatch*) sehingga terpaksa mempelajari bidang baru.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perlu dimaklumkan di sini bahawa Rancangan Sumber Tenaga Manusia adalah salah satu komponen yang penting bagi memastikan keperluan sumber tenaga manusia dapat dibekalkan secara berterusan untuk memenuhi pasaran kerja. Untuk itu, agensi-agensi Kerajaan menyediakan perancangan mengikut keperluan dari segi disiplin atau bidang yang dikehendaki.

Pada biasanya, pasaran pekerjaan menentukan permintaan terhadap kelayakan-kelayakan untuk jawatan-

jawatan yang terdapat dalam pasaran. Jawatan-jawatan yang memerlukan pengkhususan bidang seperti doktor, jurutera, ahli ekonomi, pegawai undang-undang dan seumpamanya, jelas memerlukan kelulusan masing-masing dalam bidang khusus ini.

Walau bagaimanapun, bagi jawatan-jawatan yang bersifat am, boleh diisikan oleh pemegang-pemegang kelulusan dalam pelbagai bidang termasuk profesional yang khusus. Dalam situasi ini, pada asasnya apa yang diperlukan oleh jawatan-jawatan ini ialah *trained mind* berikutan dari latihan pengajian tinggi, potensi kebolehan dan keupayaan untuk menjalani adaptasi tersebut termasuk dalam pekerjaan yang tidak secara langsung berkaitan dengan kelayakan utama.

Dalam keadaan ini, ianya juga tertakluk kepada minat dan keinginan individu untuk memilih kerjaya yang tidak semestinya berkaitan secara langsung dengan kelulusan. Kedudukan ini adalah biasa, yang peluang individu untuk mendapatkan pekerjaan adalah tertakluk bukan semata-mata kepada bidang kelulusannya malahan aspek-aspek potensi, sikap, kemahuan dan seumpamanya. Sebab itu, adalah menjadi kebiasaan dalam memilih individu untuk dilantik secara kompetitif, bermacam-macam kaedah ujian seperti *psychometric test* diguna pakai.

Sebagai kesimpulan, keperluan individu apabila mendapat pekerjaan untuk diberikan latihan-latihan yang tidak berkaitan dengan kelulusan asasnya adalah perkara biasa dan ianya kurang bertepatan dilihat sebagai *mismatch* (bebanan).

Soalan keempat, yang juga diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin ialah mengenai *financial planning*. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin atas keprihatinan beliau bagi meningkatkan kesedaran ataupun kefahaman mengenai perancangan kewangan kepada orang ramai termasuk anak-anak sekolah.

Untuk makluman, usaha ini sebenarnya adalah *on-going*, yang sudah diterajui oleh Tabung Amanah Pekerja dan turut disertai oleh beberapa agensi yang berkenaan, yang program *financial planning* ini telah dianjurkan dari semasa ke semasa. Program ini dilaksanakan secara berterusan pada mendukung usaha Kementerian Kewangan untuk meningkatkan tahap celik kewangan (*financial literacy*) di kalangan rakyat dan penduduk Negara ini termasuk para belia dan anak-anak sekolah.

Sebagai usaha memperluaskan program ini, Tabung Amanah Pekerja juga telah bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Pejabat-Pejabat Daerah, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung, institusi-institusi kewangan dan sebagainya. Inisiatif-inisiatif tersebut, antara lainnya termasuk mengadakan seminar dan forum serta *roadshow* yang berkaitan dengan perancangan kewangan

di pelbagai tempat kepada penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi, belia-belia yang baru memasuki alam pekerjaan, kakitangan Kerajaan yang akan bersara dan kursus bagi orang-orang yang akan berkahwin.

Program Menyusur Daerah, Mukim dan Kampung iaitu mengadakan taklimat perancangan kewangan yang diadakan di mukim-mukim dan kampung-kampung dengan bantuan Penghulu dan Ketua Kampung yang berkenaan.

Program Mentor Perancangan Kewangan iaitu mengadakan pertandingan antara sekolah dengan bantuan Kementerian Pendidikan dan institusi kewangan. Sebanyak 14 buah sekolah telah ikut serta yang mana *financial planners* telah ditempatkan di sekolah-sekolah tersebut untuk beberapa hari bagi mengajar perancangan kewangan.

Tabung Amanah Pekerja juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan beberapa *financial planners* bertauliah daripada institusi-institusi kewangan di Negara ini untuk menyusun aktiviti-aktiviti tahunan untuk penuntut-penuntut sekolah seperti permainan dan pertandingan, misalnya, mari bercerita, *video presentation* dan bahas. Program-program sebegini membolehkan peserta meningkatkan kesedaran dan menghayati konsep secara praktikal.

Pada minggu ini, bermula pada 11 hingga 17 Mac 2014, Tabung Amanah Pekerja akan bekerjasama dengan Unit Keusahawanan, Kementerian Pendidikan untuk mengadakan beberapa aktiviti bersempena dengan Sambutan *Global Money Week* Sedunia, yang disertai oleh penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Apa yang penting, dalam memastikan kejayaan usaha-usaha tersebut bukanlah bergantung semata-mata pada program-program yang dijalankan tetapi yang lebih utama ialah kesedaran setiap individu dalam memastikan kewangan masing-masing diurus secara rapi dan berhemah. Berdasarkan tinjauan-tinjauan yang dibuat setakat ini oleh Tabung Amanah Pekerja, alhamdulillah, terdapat peningkatan dalam pemahaman dan kesedaran yang berkaitan dengan *financial planning* terutamanya dengan penyertaan belia dalam produk-produk penabungan atau pelaburan secara jangka masa panjang. Insya-Allah, Tabung Amanah Pekerja akan berterusan melaksanakan program-program dan juga inisiatif-inisiatif baru yang difikirkan bersesuaian.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Skim Tenaga Pakar dan Profesional, Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan gelaran jawatan Pakar Terlatih dan sebagainya. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas cadangan yang diberikan mengenai perkara ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, skim perkhidmatan diwujudkan agar pemegang jawatan mempunyai satu aliran kerja yang lebih teratur dan mantap dengan memberikan keutamaan kepada peningkatan dan penghasilan perkhidmatan yang berkualiti, maju dan berdaya tahan selaras dengan kehendak masa kini. Skim juga memberikan penekanan terhadap pembangunan kapasiti penjawat awam dari segi ikhtisas, latihan, kemahiran atau kepakaran. Khusus mengenai jawatan-jawatan pakar seperti yang dicadangkan, insya-Allah, penelitian secara terperinci akan dibuat terhadap bidang kepakaran dan keperluan-keperluannya. Antara keperluan-keperluan itu ialah mengenai tahap-tahap kelulusan bidang-bidang kepakaran yang melayakkan seseorang untuk diberikan jawatan sebagai pakar dan penandaras (*bench marking*) yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa.

Pada dasarnya, cadangan seperti ini adalah biasa untuk diproses mengikut tatacara penelitian dan pengesahan yang biasa digunakan. Untuk itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam selaku urusetia pada Jawatankuasa Tangga-gaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan mengalu-alukan akan cadangan ini dan bersedia memberikan bantuan kepada pihak-pihak berkenaan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Minister of Energy*): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan saya dengan seringkasnya menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan semasa Jawatankuasa membincangkan peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya menjawab soalan-soalan daripada 5 Ahli Yang Berhormat.

Isu mengenai Pasukan Polis Diraja Brunei yang telah dibangkitkan oleh 3 rakan Ahli Yang Berhormat di sebelah sana iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal telah membangkitkan mengenai penubuhan Akademi Polis dan keperluan melengkapkan anggota-anggota polis dengan kemahiran di dalam berbagai bidang teknologi termasuk penganalisisan *DNA*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, penubuhan Akademi Polis adalah termasuk di dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Tapak bagi akademi telah pun dikenal pasti di Kampung Sungai Paku, Mukim Telisai. Kajian sedang dilakasanakan bagi mengenal pasti kandungan latihan yang akan dikendalikan di akademi berkenaan, termasuklah melalui perbincangan dengan institusi latihan luar negara seperti *Home Teams Police Academy Singapore, College of Policing Bramshill United Kingdom* dan penyertaan dalam permesyuaratan *INTERPA* (*International Associations of Police Academies)*. Mengenai saranan agar kepakaran dalam bidang teknologi dipertingkatkan, ianya bertepatan kerana memiliki anggota polis yang

profesional, kompeten dan berpengetahuan tinggi adalah penting pada memastikan Pasukan Polis Diraja Brunei akan terus kekal sebagai sebuah organisasi penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dan dihormati.

Perkara kedua, yang dibangkitkan ialah menyentuh mengenai pos-pos polis. Sebagai *update,* seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim yang mencadangkan supaya dibina 3 pos polis di Kampung Air. Sebuah pos polis telah pun diberikan peruntukan dan akan dibina di Kampung Tamoi sebelum pertengahan tahun ini dengan harga $1.2 juta. Dua buah lagi iaitu Kampung Setia 'A' dan Kampung Setia 'B' akan dipohonkan peruntukannya pada Tahun Kewangan 2015/2016.

Soalan kedua dan ketiga, membabitkan pembinaan pos-pos polis di Benutan, Ulu Tutong daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking dan juga di Kampung Terunjing daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Kedua-dua saranan ini telah mendapat komitmen daripada Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei yang ianya akan diambil tindakan, insya-Allah pada tahun ini.

Perkara seterusnya yang dibangkitkan ialah menyentuh Jabatan Perkhidmatan Elektrik mengenai Projek *Prepaid Meter Replacement*, soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal bagi sektor perumahan. Projek ini sudah mencapai perlaksanaan 90% bersamaan dengan 53,808 unit yang telah pun dipasang dan selebihnya 7,351 unit, insya-Allah akan diselesaikan pada tahun 2014 ini juga.

Soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai substesen (*substations)* Sungai Kelakas yang ditengelami air dan talian kawat atas, Bukit Tanggalin ke Batu 18 Daerah Tutong, ianya sudah diambil perhatian dan projek menaikkan ketinggian *substations* ini yang juga membabitkan 7 buah substesen *(substations)* lain di Daerah Tutong insya-Allah akan siap pada Disember 2014. Sama jua dengan penggantian kabel 11,000 voltan dari Bukit Tanggalin ke Batu 18 ini akan siap pada penghujung tahun ini.

Seterusnya, mengenai soket elektrik dan buku spesifikasi perkakas elektrik yang efisien yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhomat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Pada masa ini, sudah terdapat garis panduan pendawaian *Electricity Installation Regulations* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Buku panduan tersebut juga dalam proses pengemaskinian bagi menguatkan keperluan khusus dalam menangani pemasangan di kediaman yang terdedah kepada kejadian banjir.

Mengenai cadangan bagi mengadakan buku rujukan spesifikasi peralatan dan perkakas elektrik bagi kegunaan pengguna yang *energy efficient* ianya juga diambil maklum.

Draf peraturan dan perlabelan kebangsaan bagi peralatan dan perkakas elektrik adalah dalam peringkat penyediaan dan ianya dijangka siap pada penghujung tahun 2014 juga.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya seterusnya ingin berpindah kepada soalan mengenai Radio Televisyen Brunei (RTB) yang telah dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim telah membangkitkan mengenai resepsi televisyen di Kampung Sungai Besar yang kurang jelas dan gangguan pancaran dari negara jiran. Kelemahan signal dan gangguan signal selalunya disebabkan oleh lokasi tempat signal berkenaan diterima. Insya-Allah, dengan adanya pancaran TV secara digital, kedua-dua masalah ini akan dapat dikurangkan.

Perkara kedua, mengenai RTB yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, supaya tayangan yang menunjukkan orang ramai beratur di bank-bank dan pusat *ATM* semasa waktu penerimaan bonus tidak disiarkan. Saranan ini adalah diambil maklum. Hasrat menyiarkan tayangan ini adalah melahirkan kesyukuran para penerima dan juga mengingatkan tentang keperluan berjimat-cermat.

Yang Berhormat Pengerusi, seterusnya adalah mengenai Jabatan Percetakan Kerajaan iaitu berkaitan dengan penemuan kesilapan dalam pencetakan Mushaf Negara Brunei Darussalam. Kebimbangan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim diambil maklum. Insya-Allah, saranan Yang Berhormat Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim akan dipertimbangkan seperti mana jua hasrat murni Ahli Yang Berhormat untuk menjaga dan memelihara kandungan Mushaf Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin pula menyentuh mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai impak harga minyak yang tinggi ke atas pendapatan Negara walaupun pengeluaran minyak menurun. Alhamdulillah, harga minyak yang tinggi telah dapat mengimbangi penurunan dalam kadar pengeluaran. Sebagai badan *regulator* bagi sektor minyak dan gas, Jabatan Tenaga akan sentiasa memastikan apa jua aktiviti pengeluaran akan dibuat secara teratur dan selamat. Proses pembaikan aset yang mempunyai impak terhadap pengeluaran akan mengambil masa satu ke dua tahun untuk diselesaikan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit juga telah membangkitkan mengenai penyambungan kerja bagi anak-anak tempatan secara *roll-over* dari kontraktor sebelumnya, perkara ini telah dilaksanakan sejak tahun 2013 dan adalah syarat bagi pemberian kontrak.

Berpindah kepada penggunaan tenaga suria sebagai tenaga alternatif seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhomat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji

Yaakub, Jabatan Tenaga telah merangka peta jalan (*roadmap*) tenaga yang boleh diperbaharui dengan kerjasama Institut Penyelidikan Tenaga Kebangsaan Brunei. Rancangan juga dibuat bagi menggubal dasar *Net Metering* dan pembangunan loji *waste energy* di Sungai Paku yang berkapasiti sekitar 10 ke 15 watt.

Seterusnya, menyentuh tentang isu mengenai Biro Kawalan Narkotik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit peraturan-peraturan perkhidmatan awam yang bersangkut paut dengan kakitangan yang diambil tindakan akan diteliti oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Mengenai petugas *Mayor*, setakat ini 5 orang telah pun ditetapkan jawatan. Latihan dan fasiliti teknikal dan vokasional memang sudah wujud di Pusat Al-Islah dengan tenaga pelatihnya terdiri daripada Pegawai Biro Kawalan Narkotik sendiri.

Keutamaan adalah diberikan kepada latihan yang menjurus kepada kemahiran dalam pencegahan kes berulang (*relapse prevention)* dan juga sokongan secara *social psychology.* Biro Kawalan Narkotik memang merancang untuk mewujudkan perjawatan pegawai dengan kelulusan agama di Pusat Al-Islah bagi mengambilalih tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai agama yang masa ini diperbantukan daripada Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Berikutnya isu tentang Jawatankuasa Kerja Penyekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei *(AITF)* telah ditubuhkan dan melibatkan agensi-agensi yang berkepentingan dalam hal ini. Salah satu objektifnya ialah sasaran komuniti *ASEAN* Bebas Dadah 2015.

Yang Berhormat Pengerusi. Akhir sekali izinkan saya berpindah kepada soalan Biro Mencegah Rasuah (BMR). Pada masa ini, Biro Mencegah Rasuah sedang giat menjalankan usaha pencegahan rasuah melalui pendidikan dan mengadakan taklimat dan ceramah pencegahan rasuah kepada orang awam termasuk sektor Kerajaan, swasta serta belia di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai usaha projek yang berterusan BMR pada tahun 2013 saja, telah menyampaikan 72 taklimat kepada sektor Kerajaan dan swasta yang melibatkan seramai 5,689 peserta. Pada tahun ini, sehingga Februari 2014, sebanyak 16 taklimat telah diberikan kepada 773 orang peserta di sektor Kerajaan dan swasta. Taklimat ini adalah untuk meningkatkan kesedaran penjawat awam dan swasta mengenai kesalahan rasuah, risiko dan peranan mereka dalam mencegahnya.

BMR juga bekerja rapat dengan Kementerian Pendidikan untuk memupuk amalan nilai-nilai murni budaya berintegriti di kalangan pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan juga institusi pengajian tinggi di seluruh Negara. Kerjasama ini termasuklah penelitian semula modul dan isi kandungan pendidikan pencegahan rasuah.

Merujuk kepada pemberian hadiah seperti kereta dan peralatan elektrik kepada seseorang dari syarikat atau gedung-gedung perniagaan menerusi borang tekaan atau menerusi resit pembelian barangan yang terpilih, ianya tidak ada kena-mengena dengan pelakuan rasuah atau akta pencegahan rasuah, selagi ia dibuat dengan mematuhi undang-undang.

Jika sekiranya, gedung-gedung perniagaan yang menawarkan promosi hadiah-hadiah dengan secara khusus menyasarkan kepada seorang yang mempunyai kuasa dan mempunyai kepentingan sebagai penjawat awam untuk mendapatkan hadiah-hadiah yang dimaksudkan, maka perakuan tersebut adalah satu pelakuan rasuah. Mengenai pandangan dari sudut perspektif Islam, ada baiknya perkara ini dirujuk kepada kementerian yang berkenaan. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga dan sebelum itu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Sebelum kita berpindah untuk membincangkan tajuk seterusnya, maka perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 satu per satu. Sebelum mesyuarat ini ditangguhkan tadi untuk berehat, kita telah selesai mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri terhadap soalan-soalan mengenai tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sekarang kita berpindah untuk membincangkan tajuk seterusnya. Silakan Yang Mulia Jurutulis II.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk seterusnya, Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dibuka untuk dibahas. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) ingin untuk membuat kenyataan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola membuat sedikit mukadimah (*introduction).* Yang Berhormat Pengerusi, memandangkan sudah 30 tahun kita mengambil alih semula pentadbiran luar negeri, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh mengenai bidang tugas

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Negara Brunei Darussalam telah menjalin hubungan diplomatik dengan 164 buah negara di seluruh dunia. Setakat ini, kita mempunyai 42 buah pejabat perwakilan di luar negeri termasuk 26 Kedutaan Besar, 8 Suruhanjaya Tinggi, 3 Perwakilan Tetap dan 4 Kaunselor Agung dan 1 Pejabat Perdagangan.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri ditubuhkan di negara-negara yang strategik dan secara timbal balas. Misalnya, di ibu negara rakan-rakan *ASEAN* dan Ahli-Ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita juga mempunyai kedutaan besar di *Brussels* dan perwakilan-perwakilan tetap di *New York* dan *Geneva*. Kementerian juga melantik dan mentauliahkan beberapa duta-duta besar dan pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi yang tidak menetap sama ada dari pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri atau dari ibu pejabat.

Kepentingan Negara juga dicapai melalui keahliannya di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, misalnya *ASEAN*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *OIC, WTO, APEC, NAM* dan sebagainya. Ini berpandukan prinsip saling menghormati, tidak campur tangan dan penyelesaian konflik secara aman. Penyertaan kita dalam pertubuhan-pertubuhan ini bukan saja cara untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, tetapi juga menunjukkan kita sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dan berkebolehan untuk menyumbang kepada keamanan sejagat.

Selain itu, kita juga sentiasa peka dengan apa yang terjadi di negara-negara luar yang menghadapi bencana alam dengan memberi sumbangan dan bantuan kemanusiaan. Penyertaan dalam pertubuhan-pertubuhan serantau seperti *ASEAN* juga merupakan satu strategi bagi kita menghadapi dunia antarabangsa. Pada tahun lepas, Negara Brunei Darussalam telah menjadi pengerusi *ASEAN*. Kita telah dapat melihatkan keupayaan kita dalam mengadakan mesyuarat bertaraf antarabangsa dengan berkesan. Ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama padu dan sokongan daripada kesemua agensi Kerajaan dan pihak swasta.

Satu lagi peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan adalah dalam memberikan bantuan kaunselor kepada rakyat Negara Brunei Darussalam semasa berada di luar negeri. Ini termasuk mengeluarkan dokumen perjalanan kita, jika pasport rakyat Brunei dilaporkan hilang, *of course subject to police report* dan jika berlaku kecemasan. Dalam kesempatan ini, ingin kaola tekankan betapa pentingnya bagi warganegara Brunei mendaftarkan diri ke pejabat-pejabat Perwakilan Tetap, Negara Brunei Darussalam jika berada di luar negeri.

Di samping itu, kaola juga ingin memberi sedikit penerangan mengenai peranan kementerian dalam bidang perdagangan. Sejak tahun 2005, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah mengambil alih juga tanggungjawab perdagangan luar negeri. Peranan ini antara lain, termasuk mengenal pasti peluang-peluang perdagangan dan pelaburan dengan bantuan dan kerjasama rapat agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Perjanjian Perdagangan Bebas (*FTA)* bukan saja membuka laluan pasaran kepada eksport kita tetapi juga mendedahkan para pengusaha kita kepada persaingan. Persaingan ini diharap akan menjadikan para pengusaha kita lebih efisien dan berinnovatif untuk terus bertahan.

Di samping itu, sebagai negara pengguna, barang-barang yang masuk ke negara ini tidak bersaing secara langsung dengan barang keluaran tempatan. Kementerian ini juga bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meningkatkan prestasi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana bagi membolehkan mereka bersaing dan menembusi pasaran antarabangsa.

Bahagian Perdagangan ini mempunyai Jabatan Promosi Perdagangan yang mana peruntukan $1.5 juta telah diberikan untuk menyelaras aktiviti-aktiviti promosi perdagangan di luar negeri. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar untuk bercakap.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola akan membangkitkan 2 isu dalam perbincangan ini:

1. Tahun ini, Negara Brunei Darussalam telah mencapai 30 tahun kemerdekaan. Dalam masa itu, Brunei Darussalam telah menjalin hubungan dengan negara-negara sahabat dengan menubuhkan 42 buah Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan Konsulat di 36 buah negara.

   Sebahagian besar dari Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan Konsulat di Negara Brunei Darussalam masih lagi menyewa ruangan untuk pejabat dan juga tempat-tempat kediaman Tuan Yang Terutama dan kediaman kakitangannya.

Dalam hal ini, kaola sukacita mencadangkan dan menyarankan supaya Kerajaan membina Pejabat Kedutaan, Pesuruhjaya Tinggi dan Konsulat dan tempat kediaman Tuan-Tuan Yang Terutama dan kediaman kakitangannya. Alasan bagi cadangan kaola ini adalah seperti berikut:

i. Mendirikan bangunan Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Konsulat akan menunjukkan keberadaan dan komitmen Kerajaan Negara Brunei Darussalam kepada negara tersebut, di samping dapat mempamerkan reka bentuk bangunan yang bercirikan kebruneian;

ii. Memastikan kualiti bangunan yang bersesuaian dengan peringkat pegawai-pegawai dan kakitangan; dan

iii. Memastikan keselamatan pegawai dan kakitangan akan terjamin.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Dalam sidang media dengan wartawan Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei selepas menghadiri konsultasi ke-17 antara pemimpin-pemimpin Malaysia dan Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah menyatakan penemuan kawasan baru simpanan minyak yang terletak di sekitar perairan utara Sarawak, Sabah dan Brunei yang membolehkan Malaysia mempertingkatkan pengeluaran minyaknya kepada tahap yang lebih tinggi pada tahun 2014 dengan bermulanya kerja cari gali pada suku pertama tahun tersebut.

Ini berikutan dengan pencapaian persetujuan antara Brunei dan Malaysia bagi pembahagian minyak dan gas. Yang Amat Berhormat juga menyatakan bahawa kawasan itu juga berpotensi menambahkan bekalan gas yang memang diperlukan oleh *Brunei LNG*.

Dalam sidang media itu, Yang Amat Berhormat Dato Seri Najib bin Tun Abdul Razak juga menyatakan beberapa persetujuan telah ditandatangani antara Petroleum Brunei dengan Petronas, syarikat minyak Malaysia. Antaranya ialah Petroleum Brunei bersetuju melabur dalam Syarikat *Proses Energy Cooperation Limited* milik *Petronas* di Kanada.

Di samping itu, Petroleum Brunei juga bersetuju untuk membeli sebahagian keperluan pengeluaran gas milik *Petronas* dengan syarikat berkenaan. Brunei Petroleum juga telah menandatangani *Production Sharing Agreement* bagi kawasan minyak luar pantai Brunei di Blok M dan Q secara sama rata 50-50.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berikutan dengan penandatanganan persetujuan-persetujuan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang tersebut di atas, kaola pohonkan di Dewan yang mulia ini, penjelasan dari pihak-pihak yang berkenaan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat mengetahui lebih lanjut akan perkara yang sebenarnya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Yang Berhormat Pengerusi,

kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dengan 2 soalan yang dibentangkannya dan cadangan-cadangan yang dikemukakannya. Barangkali soalan pertama, untuk makluman Dewan ini, setakat ini kita telah memiliki 14 buah bangunan pejabat perwakilan dan 30 buah rumah kediaman rasmi bagi ketua-ketua perwakilan dan pegawai-pegawai.

Antara bangunan-bangunan ini, 6 buah daripadanya telah dibina sendiri oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Perbelanjaan untuk pembelian dan pembinaan bangunan-bangunan ini berjumlah lebih kurang $270 juta. Pada masa ini juga, kementerian sedang mengendalikan 7 projek pembinaan bangunan pejabat dan rumah kediaman rasmi iaitu di Berlin, Canberra, Jakarta, Kuala Lumpur, Oman, Riyadh dan Vientiane.

Untuk makluman Majlis Mesyuarat, pembelian tapak tanah dan bangunan dibuat berdasarkan kepada penilaian dari segi keselamatan kos pembelian dan pembinaan kemudahan perhubungan, kesesuaian tempat dan sebagainya. Itu jawapan yang pertama.

Soalan yang kedua, iaitu mengenai persidangan akhbar yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar adalah berkenaan dengan prospek di *Block CA2*. Hal ini merupakan kempen penggerudian dan menunjukkan tanda-tanda yang baik.

Di samping itu, yang sebenarnya Petroleum Brunei iaitu *National Company Brunei* dan *Petronas* juga bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti dengan Negara Brunei Darussalam seperti di dalam *Block N* dan *Q* dan juga di luar negara. Petroleum Brunei berusaha untuk meningkatkan peranan sebagai pelabur dalam projek-projek seperti *SK 318* di Sarawak, Myanmar dan Kanada.

Pelaburan-pelaburan di luar negeri ini merupakan usaha-usaha Petroleum Brunei untuk meningkatkan *reserve* Minyak dan Gas Negara Brunei Darussalam seperti mana yang lazimnya dibuat oleh syarikat-syarikat petroleum negara lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita kaola di Dewan yang mulia ini melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, bagi mewakili masyarakat dan penduduk Daerah Temburong. Sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas terbinanya jambatan persahabatan yang menyeberangi Sungai Pendaruan,

dengan usaha sama antara Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia.

Alhamdulillah, rakyat dan penduduk di kedua-dua buah negara setentunya bersyukur kerana ianya membawa kebaikan dan kemudahan kepada rakyat kedua-dua Negara yang berjiran yang memudahkan lagi perhubungan dan interaksi yang lebih meluas dalam bidang ekonomi perniagaan dan pelancongan antara dua buah Negara. Kaola juga di Dewan yang mulia ini sukacita untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan kementerian-kementerian yang terlibat di sepanjang pelaksanaan projek itu dibuat. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Seperti dalam mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) tadi, pada tahun 2005, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah diberikan tugas tambahan iaitu Hal Ehwal Perdagangan. Pada tahun yang sama iaitu 2005, Negara Brunei Darussalam telah juga menandatangani *Trans Pacific Strategic Economic Partnership Agreement* yang pada masa ini perjanjian ini telah dikenali sebagai *Trans Pacific Partnership (TPP).*

Sejak tahun 2010, telah diadakan sebanyak 19 perundingan mengenai dengan perjanjian ini. Perundingan yang ke-19 telah pun diadakan di Negara Brunei Darussalam. Di sini, kaola memohon supaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) untuk mengongsikan kepada Dewan yang mulia ini, perkembangan terakhir atau terkini mengenai perjanjian *Trans Pacific Partnership*, terutama berhubung perkara-perkara substantif dan perkara-perkara yang menguntungkan kepada Negara Brunei Darussalam, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola, dalam perkara ini cuma sedikit sahaja. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan seperti mana yang telah di mukadimahkan tadi, adalah merupakan sebuah kementerian yang memainkan peranan yang sangat penting dalam hubungan antara kita dengan dunia antarabangsa.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya dan meminta pandangan mengenai dengan peranan dan fungsi *BIMP-EAGA* yang

telah wujud sekian lama dan telah banyak menganjurkan beberapa persidangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, apakah perkembangan dan kemajuan *BIMP-EAGA* setakat ini dalam memberikan kemudahan kepada masyarakat, ahli-ahli perniagaan dan hubungan dengan negara-negara ahli dalam memudah cara terutama ahli-ahli perniagaan?

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam pengurusan bisnes, terutama pengangkutan nampaknya kita masih memerlukan satu pendekatan yang membolehkan kita membuat urusan dengan cepat dan berkesan. Pada misalnya, untuk mendapatkan pas lawatan, membawa penumpang dari Bandar Seri Begawan ke negara jiran seperti Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, untuk mendapatkan permit kita terpaksa datang ke negara berkenaan, walhal kalau kita menggunakan kemudahan dan teknologi sekarang seperti *on-line business, e-mail* dan apa jua akses yang boleh memudahkan dan meringkaskan urusan berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Di sini kita ingin melihat peranan *BIMP-EAGA* itu diwujudkan. Dalam perkara ini, Yang Berhomat Pengerusi, kaola dalam Dewan yang mulia ini ingin mendapatkan pandangan daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, khususnya Menteri Kewangan II (Kedua), mengenai perkara ataupun isu yang tersebut di atas. Terima kasih, Yang Behormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), sekiranya ingin menjawab.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua): Terima kasih Pengerusi, dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi berkenaan dengan *TPP*. Sebenarnya *TPP* ini (*Trans Pacific Strategic Economic Partnership)*, mula ditubuhkan pada tahun 2003, Pada masa itu, dinamakan *P4* dan ia bermula apabila Chile, Singapura dan New Zealand, mempelawa Brunei Darussalam masuk sebagai *four original member*. Jadi, tahun 2008, Amerika Syarikat menyatakan hasratnya untuk ikut serta perjanjian *P4* itu, dan setelah mengadakan perbincangan *P4* pun bersetuju dan inilah timbul *interest* atau negara-negara lain yang mahu ikut serta dalam perjanjian ini. Setakat ini, jumlah ahli meningkat kepada 12 iaitu Australia, Brunei, Canada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam dan Amerika Syarikat. Pada masa ini, dipanggil *Trans Pacific Strategic Economic Partnership.* Perjanjian *TPP* ini, mempunyai ciri-ciri perjanjian yang meliputi pelbagai aspek yang bertujuan untuk meningkatkan perdagangan selaras dengan matlamat Negara kitani.

Jadi, bagi soalan Yang Berhormat tadi, kepentingan Negara adalah tonggak utama yang kita jaga. Kementerian ini bersama dengan kementerian-kementerian lain dan jabatan-jabatan

dan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, banyaklah agensi-agensi yang terlibat dalam perundingan ini. Jadi, yang mustahak sekali kita memastikan isu-isu dalam *TPP* ini tidak bercanggah dengan perlembagaan kitani dan mana-mana jua undang-undang di Negara Brunei Darussalam. Perundingannya bukan saja satu hala, kerana perundingan-perundingan kitani tidak pernah membiarkan Negara ahli *TPP* lain memaksa kita menerima komitmen yang bercanggah dengan kepentingan kitani. Kepentingan pengusaha-pengusaha kitani yang kecil dan sederhana juga dipelihara, contohnya bab *SME* dalam perjanjian *TPP* ini menjana perkembangan dengan membukakan peluang pengusaha-pengusaha kitani bekerja rapat dan berkongsi bersama pengusaha-pengusaha ahli *TPP* yang lain dalam bidang yang ada kepentingan bersama.

Laluan pasaran bagi sektor-sektor kecil adalah tidak dibukakan kepada orang luar kerana sektor ini dikhaskan untuk pengusaha kita sahaja. Jadi, rundingan *TPP* membukakan lagi pasaran yang besar. Amerika Syarikat misalnya, supaya orang-orang kita dapat mengeksport barangan kita. Jadi, pada pandangan kaola Yang Berhormat Pengerusi, perjanjian *TPP* ada banyak jenis peluang seperti pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan perdagangan. Peluang eksport keluaran Negara kitani dari negara-negara ahli *TPP* ini adalah bebas daripada cukai. Kalau perdagangan meningkat sepatutnya peluang pekerjaan pun bertambah.

Peluang perkongsian antara pengusaha kecil dan sederhana bagi menjana inovasi antara orang-orang kitani kerana perjanjian ini menjaga hak cipta mereka bukan sahaja di negara ini tetapi juga di semua negara Ahli *TPP.* Peluang untuk menarik pelaburan asing kerana adanya *predictability,* adanya kesahihan perundangan yang menjaga pelabur asing dan yang utama pelaburan asing tidak menjejaskan alam sekitar negara kitani.

Memang tidak dapat disangkal bahawa persaingan akan meningkat tetapi persaingan berguna kerana mutu perkhidmatan akan meningkat, harga barang akan jadi lebih berpatutan dan pengusaha-pengusaha dan syarikat Brunei kitani berpeluang belajar dan bersaing bersama syarikat antarabangsa. Kita harapkan akan membuat mereka lebih kukuh dan bukan sahaja berdaya saing tetapi juga berdaya tahan. Ini, untuk jawapan soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi.

Barangkali soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, berkenaan dengan *BIMP-EAGA.* Yang sebenarnya, *BIMP-EAGA* ini timbul adalah yang dikatakan *sub-regional group* kerana *ASEAN* meliputi 10 buah negara. Jadi untuk mencepatkan kerjasama ekonomi untuk 10 buah *ASEAN Economic Community*, satu jalan untuk mencepatkan kerjasama ini adalah di peringkat 4 buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Philippine. Kaola bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, memang

ada masalah berkenaan dengan *pass*. Hal ini berkenaan dengan *connectivity.* Untuk memajukan perdagangan *connectivity* ini, adalah mustahak dalam pengurusan *pass transportation.* Ini semua akan kaola ambil maklum dan barangkali kalau ada apa-apa masalah lain, inilah tempatnya, untuk kita dapat berunding di peringkat *BIMP-EAGA* untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah mengenai *BIMP-EAGA* ini, terutama sekali dalam segi *connectivity* seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) tadi. Beberapa isu sepatutnya dapat dirunding atau dimudah cara bagi *BIMP-EAGA* ini. Dalam hal ini, apa yang ketara ialah dalam perhubungan udara, misalnya perhubungan udara antara *BIMP-EAGA* setengahnya diberi kelonggaran, tidak mengikut apa yang ada antara *bilateral.* Tetapi walau bagaimanapun, kita mendapati bahawa beberapa negara di dalam *BIMP-EAGA* ini belum lagi memberikan atau masih dikawal dari pusat negara tersebut.

Jadi, apa yang kitani harapkan ialah dengan adanya *BIMP-EAGA* autonomi akan diberikan kepada daerah-daerah tersebut supaya mana-mana isu-isu mengenai *connectivity* ini dapat dirundingkan dengan *province* (daerah-daerah) berkenaan sahaja, tidak perlu ke negara pusat.

Dalam hal ini juga, kita berharap dengan adanya *BIMP-EAGA* ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi satu pusat *(hub)* yang dapat menyalurkan segala barangan dan penumpang di negara kita dan dalam hal ini, saya yakin bahawa *region* yang ada sekarang memberikan beberapa *edge* kepada *Royal Brunei;* iaitu penumpang-penumpang dalam *BIMP-EAGA* ini diharap akan dapat menjadikan Negara Brunei Darussalam pusat untuk mereka menggunakan Negara Brunei Darussalam menggembara atau terbang ke *region* yang lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini diundi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Maka Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II (Kedua): Tajuk *SC* - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian *HMSF*.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, tajuk-tajuk di bawah Kementerian Kewangan ini, saya bukakan untuk dibahas. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin untuk memberikan penjelasan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara ringkas sahaja mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Kewangan dalam Belanjawan Tahun 2014/2015.

1. Pada Tahun Kewangan 2014/2015, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya, telah pun disediakan peruntukan $1,167,826,740.00. Jumlah ini adalah bertambah sebanyak $2,017,467,388.00 dari peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014. Penambahan ini mengambil kira peningkatan sebanyak 0.36% bagi Gaji Kakitangan, sebanyak 0.5% bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang dan sebanyak 40% bagi Perbelanjaan Khas.

   Pada Tahun Kewangan 2014/2015 ini, Kementerian Kewangan akan menumpukan aktivitinya kepada beberapa keutamaan, seperti mengukuhkan pengurusan kewangan negara bagi memastikan sumber kewangan diurus secara berhemah bagi mendukung keutamaan belanjawan serta meningkatkan akauntabiliti di semua peringkat pengurusan perkhidmatan awam. Ini termasuklah antaranya meneruskan pelaksanaan projek program dan *performance budgeting* kepada semua kementerian dan agensi-agensi berkenaan agar pengurusan perbelanjaan dibuat secara berhemah dan fokus kepada *hasil (outcome)* dari perbelanjaan tersebut dan meningkatkan pemantauan pengurusan perbelanjaan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam memastikan pengurusan kewangan dibuat secara teratur mengikut peraturan kewangan dengan penekanan kepada pengurusan perbelanjaan yang menjurus kepada *value for money*, mempercepatkan pembayaran tuntutan mengikut TPOR dan memastikan kutipan hasil Kerajaan dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan.

2. Mengambil langkah-langkah dalam meningkatkan tahap produktiviti dan efisiensi perkhidmatan kepada orang ramai antaranya:

   i. Memperkembangkan keupayaan *TAFIS* di bawah Jabatan Perbendaharaan bagi meningkat-kan lagi sistem kawalan dan efisiensi proses-proses;

   ii. Meluaskan penggunaan *e-payment gateway* kepada lebih banyak agensi Kerajaan yang membuat kutipan hasil. Ini adalah bagi meningkatkan kemudahan

kepada orang ramai untuk membuat pembayaran bil kepada agensi-agensi berkenaan;

iii. Menaik taraf dan meningkatkan keupayaan sistem *e-custom* dan *Brunei Darussalam National Single Window* bagi memudah cara perdagangan bagi pelepasan kastam;

iv. Meningkatkan tahap keselamatan pos-pos kawalan kastam di seluruh Negara termasuk prasarana dan penggunaan teknologi terkini bagi membendung kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam serta yang boleh menjejaskan keselamatan Negara; dan

v. Meningkatkan sumber tenaga di bahagian hasil bagi mengukuhkan keupayaan pengurusan hasil, cukai pendapatan dan pendaftaran syarikat-syarikat.

3. Mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan jaminan keselamatan bekalan makanan asasi *(food security)* seperti dengan mempelbagaikan sumber import makanan asasi, menarik taraf dan membina gudang-gudang baru yang moden dan efisien; dan

4. Meneruskan usaha meningkatkan keupayaan warga di Kementerian Kewangan melalui program *sale development* untuk meningkatkan motivasi dan produktiviti setiap individu.

Secara ringkas, peruntukan yang disediakan, gaji kakitangan keseluruhannya disokong sebanyak $57,648,480.00. Bagi kategori perbelanjaan ini terdapat pengurangan bersih 2 jawatan. Ini disebabkan oleh peniadaan 27 jawatan kosong di Jabatan Kementerian Kewangan serta penambahan 23 jawatan di Bahagian Hasil. Langkah ini, bertujuan, mengukuhkan lagi pentadbiran pengutipan cukai Kerajaan.

Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak $580,610,260.00. Antara perbelanjaan bagi kategori ini, termasuklah peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti, Pemeliharaan Aset dan penyediaan peruntukan Elaun *GO* dan *FR* untuk keseluruhan pegawai Kerajaan yang layak. Sejumlah $12.3 juta di bawah Perkhidmatan Rampaian, Elaun Pelajaran peringkat *treasury* bagi ahli-ahli TAP yang berkhidmat di sektor swasta sejumlah $10 juta. Dan sejumlah $10 juta lagi bagi pembiayaan subsidi bantuan Skim Tabung TAP.

Perbelanjaan Khas disediakan sebanyak $529,568,000.00 bagi melaksanakan 7 projek pembelian baru berjumlah $15.6 juta termasuk 2 projek dan harga rancangan sebanyak $25.5 juta, 42 projek pengambilan semula berjumlah $513.1 juta termasuk 14 projek dan harga rancangan sebanyak $80.8 juta dan peruntukan sejumlah $400 juta disediakan bagi pembiayaan prasarana bagi projek pembinaan jambatan penghubung Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara.

Di samping itu juga, kaola ingin mengongsikan beberapa perkara;

1) Perkhidmatan Rampaian sebanyak $430,813,940.00 ini adalah bagi gunasama semua kementerian dan jabatan Kerajaan. Contohnya, peruntukan perbelanjaan Elaun Cuti Tambang, Lawatan Pakar dan Penasihat dan Elaun Pelajaran.

2) Akaun Fokus Perbelanjaan disediakan sebanyak $16 juta, khusus bagi membiayai perbelanjaan yang menjurus kepada keutamaan belanjawan. Di bawah peruntukan ini, termasuk juga $2 juta bagi keperluan latihan kursus serta memberigakan Pelaksanaan Undang-Undang Syariah dan $1.5 juta disediakan bagi keperluan latihan tenaga-tenaga pengajar sekolah-sekolah teknikal dan vokasional dan akaun projek rampaian disediakan sebanyak $12.5 juta khusus bagi menampung pembelian atau kos pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan. Sekianlah, yang dapat kaola kongsikan sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita beralih balik kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankusa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dahulu dan insya-Allah kita akan bersidang lagi pada petang ini pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa.

Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu per satu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula yang masih lagi membincangkan Kementerian Kewangan bermula dari Tajuk SD01A hingga SD08A.

Semasa mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan penyataan mengenai kementerian tersebut. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya, saya buka untuk dibahas. Di sini, di hadapan saya, ada senarai Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk bercakap. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada beberapa soalan untuk disuarakan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telah pun lebih awal memberikan taklimat beliau pada pagi tadi, ada antara soalan kaola itu telah pun terjawab. Cuma hanya tinggal dua soalan sahaja yang akan koala ajukan iaitu kaola ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan mengapakah atau dimanakah salahnya sesetengah permohonan yang dihadapkan oleh sesetengah kementerian itu gagal dipertimbangkan? Kaola mohon penjelasan ringkas kerana pada pandangan kaola ada sesetengah permohonan untuk projek itu memang diperlukan untuk kesejahteraan rakyat.

Soalan yang kedua, kaola sukacita mencadangkan supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan satu proses bagi tujuan mempercepatkan pembayaran bil-bil tuntutan yang dihadapkan oleh para pemborong itu tidak tertunggak. Kaola dimaklumkan, kelambatan-kelambatan itu berpunca dari jabatan-jabatan yang menghadapkan permohonan tuntutan tanpa keterangan-keterangan lengkap dan kaola mohon kalau dapat satu

proses untuk *invoicing tracking* diwujudkan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya fikir saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat yang selanjutnya supaya memberikan peluang kepada Kementerian Kewangan II (Kedua) untuk mempertimbangkan soalan-soalan itu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tentang Kementerian Kewangan, kaola ada soalan. Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1993 merupakan satu tabung simpanan persaraan bagi pekerja-pekerja di Negara Brunei Darussalam. Tabung ini sangat bermanafaat kepada semua. Walau bagaimanapun, kaola berpendapat peranan pelaburan yang dibuat oleh Lembaga Tabung Amanah Pekerja kurang berkesan dalam memberikan pulangan yang baik kepada simpanan pekerja-pekerja pelabur jika dibandingkan dengan Singapura dan Malaysia.

Sebagai contoh, pulangan kepada ahli-ahli *EPF* ataupun *Employee Provident Fund Malaysia* adalah lebih kurang 6%, sementara pekerja-pekerja di *CDF (Central Dividen Fund)* Singapura lebih kurang 4%. Berdasarkan laporan media, pulangan kepada ahli Tabung Amanah Pekerja (TAP) hanyalah 2.5% sahaja. Kaola ingin mencadangkan jika pihak Lembaga Tabung Amanah Pekerja menilai semula strategi pelaburan atas kemungkinan melihat strategi yang dibuat di Malaysia dan Singapura agar pekerja-pekerja di Negara Brunei Darussalam juga akan mendapat pulangan yang lebih tinggi untuk simpanan mereka di dalam Tabung Amanah Pekerja.

Yang Berhormat Pengerusi. Yang kedua, *Brunei Investment Agency (BIA)* merupakan sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk melabur aset Negara. Jika dibandingkan dengan agensi pelaburan di Singapura, *Tumasek Holding* dan di Malaysia, *Khazanah Malaysia Berhad* dalam tempoh 10 tahun portfolio pelaburan *Utama Holding* telah diperkembangkan sebanyak $61 bilion pada tahun 2003 hingga $215 bilion pada Mac 2013. Ini menunjukkan kenaikan sebanyak 252% pada awal 10 tahun ini. Manakala, portfolio laporan pelaburan *Khazanah Malaysia Berhad* juga terus berkembang dengan menunjukkan kenaikan sebanyak 211% dari RM$33.3 bilion pada Mei 2004 sehingga RM$103 bilion pada 31 Disember 2013.

Yang Berhormat Pengerusi. Di dalam Dewan yang mulia ini bolehkan kaola dengan hati yang rendah untuk bertanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menerangkan berapa peratus keuntungan yang diperolehi oleh Agensi Pelaburan Brunei (BIA) selama 10 tahun

ini jika dibandingkan dengan Singapura atau Malaysia. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola memohon maaf kiranya tajuk yang kaola bawakan ini bukan dalam Kementerian Kewangan, maka dalam Dewan yang mulia ini kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola membawakannya melalui tajuk Kementerian Kewangan iaitu mengenai Agensi Pelaburan Brunei *(BIA)* di luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi, pada 2 tahun lepas, iaitu semasa Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara, isu pelaburan yang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk Agensi Pelaburan Brunei telah diketengahkan dalam persidangan dan diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Bahawa kesemua aktiviti pelaburan dalam Negara dan di luar Negara adalah dijamin halal dan mengikut hukum syarak.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Pengerusi, apa yang kaola fahami bahawa Kerajaan melalui Agensi Pelaburan Brunei baru sahaja membeli sebuah lagi hotel di Rome, Itali iaitu Hotel Aden pada sekitar bulan September 2013. Apa yang difahami, hotel tersebut sememangnya memiliki restoran dan bar yang menghidangkan minuman-minuman khas seperti bir dan wain.

Di Dewan yang mulia ini, sukacita kaola meminta penjelasan dan pengesahan jika benar hotel tersebut memiliki restoran yang menghidangkan arak. Apakah pelaburan ini dapat dinamakan sebagai pelaburan halal yang bersih daripada perkara yang haram mengikut hukum syarak? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada satu soalan mengenai dengan Tabung Amanah Pekerja. Ada 6 jenis pengeluaran wang yang dibenarkan dalam TAP iaitu:

1. Persaraan umur 55 tahun;
2. Pra-persaraan umur 50 tahun;
3. Pengeluaran hak waris;
4. Hilang upaya;
5. Hijrah ke negara lain; dan
6. Pengeluaran perumahan.

Dalam hubungan ini, kaola ingin mencadangkan pengeluaran wang daripada Tabung Amanah Pekerja bagi tujuan tambang menunaikan Fardu Haji bagi ahli-ahli TAP yang belum pernah menunaikan Fardu Haji dan mereka yang tidak mendapat Tambang Kurnia Khas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Peraturan dan tatacara pengeluarannya terserahlah kepada budi bicara TAP, Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Sebagai lidah penyampai daripada rakyat kepada Kerajaan, maka saya suarakan lagi dalam Dewan yang mulia ini bahawa Elaun Pencen Umur Tua yang telah dicetuskan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar ʻAli Saifuddien Saʻadul Khairi Waddien pada 1 Januari 1955 sebanyak $20.00 sebulan hingga 31 Ogos 1971 dan diteruskan hingga sekarang di bawah kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kenaikan sebanyak 8 kali, sehingga 1 Oktober 2006 sebanyak $250.00 sebulan hingga masa ini.

Yang Berhormat Pengerusi, melalui Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh ini, sekali lagi disuarakan apalah jua kiranya akan dapat difikirkan. Ini berdasarkan bahawa kenaikan perbelanjaan keperluan sara hidup sejak akhir-akhir ini semakin meningkat harganya dari biasa. Maka, dengan keadaan sedemikian, bagi mereka yang hanya berharap kepada Elaun Pencen Umur Tua sebanyak $250.00, tambahan pula tidak ada pendapatan dari sumber-sumber yang lain, saya penuh yakin bahawa sekiranya perkara ini ada perubahan, maka setentunya mereka akan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya pertumbuhan ekonomi negara akan meningkat, hasil daripada minyak dan gas dan sumber-sumber lain.

Dengan yang demikian, sekali lagi, supaya perkara ini akan dapat difikirkan sedalam-dalamnya sesuai dengan hasil negara pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Edaran

aktif mata wang Brunei antaranya ialah mata wang Brunei yang dipegang oleh Autoriti Monetori Singapura untuk sementara menunggu penghantaran pulang. Soalan kaola:

1. Berapakah jumlah anggaran mata wang Brunei dalam pegangan Autoriti Monetori Singapura setahun?;

2. Dalam jangka tempoh berapa lamakah mata wang ini dipulangkan?;

3. Berapakah jumlah mata wang Brunei mengalir ke luar negara menerusi rakyat Brunei yang melancong dan orang luar yang bekerja di negara ini?; dan

4. Selain Singapura, adakah lagi Autoriti Monetari negara lain yang memegang mata wang Negara ini?

Seterusnya, ialah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei. Perkhidmatan bas awam adalah salah satu sumber yang membantu dalam pembangunan negara. Perkhidmatan bas awam yang meluas boleh mengurangkan kesesakan jalan raya apabila kurangnya penggunaan kenderaan persendirian untuk keperluan harian. Selain itu, perbelanjaan orang ramai akan lebih menjimat kerana tidak lagi banyak memikirkan perbelanjaan kenderaan tersebut.

Pada tahun 1995, Kementerian Perhubungan telah memperkenalkan sistem francais. Bas awam yang telah meluluskan kadar bayaran tambang $1.00 bagi orang dewasa dan 50 sen bagi warga emas dan penuntut untuk satu perjalanan. Kadar tambang ini masih berjalan hingga sekarang, sedangkan harga bas yang baru sudah naik melebihi 60% daripada tahun 1995. Sementara, alat ganti, enjin, tayar, bateri dan minyak pelincir sudah naik melebihi 100% dari tahun 1995.

Soalan saya, adakah perancangan untuk menurunkan atau meniadakan langsung *import duty* dan alat ganti bas awam agar kadar tambang dapat dikekalkan dan perusahaan perkhidmatan bas awam mampu bertahan? Tambahan pula, adanya perancangan untuk menaik taraf perkhidmatan bas awam di Negara ini untuk meningkatkan keyakinan orang ramai sama ada penduduk, rakyat di Negara ini atau pelancong menggunakan perkhidmatan bas awam.

Bagi individu yang tertunggak pembayaran bulanan kereta akan menerima beban caj yang berlebihan dan dibebankan oleh pihak bank. Namun, tunggakan tersebut telah selesai dibayar antara caj tersebut ialah:

1. Caj bayaran lambat *(late payment charges)* sehingga mencapai ribuan ringgit; dan

2. Caj pengeluaran surat penarikan hingga mencapai $200.00.

Beban ini berganda dengan termasuknya bayaran bulanan yang sememangnya sudah dikenakan faedah.

Jadi, kaola cadangkan supaya dikaji semula mengenai dengan caj yang berlebihan agar dapat disesuaikan dengan keadaan Negara yang menuju ke Negara Zikir dan Islam sebagai Agama Rasmi Negara dalam Perlembagaan 1959.

Seterusnya, berhubung dengan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara. Beras merupakan makanan utama Negara ini. Peningkatan keramaian penduduk dan seringnya pelaksanaan majlis-majlis perkahwinan dan majlis-majlis yang memerlukan jamuan, maka meningkatnya permintaan beras. Sudah setentunya memerlukan perbekalan yang mencukupi. Soalan kaola, apakah perancangan yang dilaksanakan oleh pihak berkenaan bagi memastikan perbekalan beras mencukupi? Apakah ada lagi syarikat-syarikat lain yang mengimport beras Negara ini, selain dari mengimport beras dari Negara Thailand dan Vietnam, adakah lagi cadangan untuk mengimport dari negara lain? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan yang di sebelah sini. Tanpa memberikan mukadimah yang panjang lebar, kaola terus sahaja bagi pihak sebilangan warga perkhidmatan awam, memohon agar Tambang Haji yang dianugerahkan sebanyak $4,500.00 seorang untuk sekali seumur hidup kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkelayakan akan dapat dinaikkan kepada $12,000.00 termasuklah pakej *bank draft* dan sebagainya.

Pada masa ini tambang untuk menunaikan Fardu Haji yang diberikan oleh Kerajaan sebanyak $4,500.00 seorang tidak termasuk bayaran *bank draft*. Tambang Haji dan *bank draft* yang perlu dibayar serendah-rendahnya $12,000.00 seorang. Jadi, ini bermakna, jikalau berhasrat untuk menunaikan Fardu Haji suami isteri perlulah menyediakan wang sekurang-kurangnya $25,000.00.

Untuk menggalakkan agar pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkelayakan menunaikan Rukun Islam yang kelima ini, kaola pohonkanlah bagi pihak mereka agar dapat dianugerahi Tambang Haji dan *bank draft* itu berjumlah $12,000.00 sahaja. Kita mengambil contoh, Elaun Tambang ke Eropah yang diberikan sekali seumur hidup kepada pegawai dan kakitangan yang berkelayakan adalah sebanyak serendah-rendahnya $12,640.00 seorang hingga $21,700.00

seorang mengikut sukatan gaji masing-masing. Jadi, sebagai sebuah Negara Islam yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja sebagai falsafah Negara yang diamalkan sebagai Negara Zikir, maka sepatutnyalah Kerajaan lebih mengutamakan jumlah pemberian Tambang Pakej Haji kepada semua warga perkhidmatan awam yang berhak dan yang sama jumlahnya dengan tambang ke Eropah iaitu $12,000 seorang. Itulah sahaja permohonan bagi pihak warga perkhidmatan awam. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Seperti mana yang kitani sering mendengar melalui radio dan melihat melalui surat-surat khabar tempatan dan televisyen, tentang bertambahnya kegiatan-kegiatan menyeludup masuk barang-barang tegahan kastam iaitu seperti minuman keras, daging beku, ayam beku, telur ayam dan yang paling menonjol sekali ialah penyeludupan rokok.

Dalam muzakarah bersama dengan Kementerian Kewangan baru-baru ini, adalah difahamkan bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dan jabatan-jabatan yang berhubung kait dengannya, telah dan sedang mengeluarkan permit untuk membawa masuk bahan-bahan makanan seperti daging beku, ayam beku, telur ayam dan rokok dalam kuantiti yang berskala besar dan banyak untuk pasaran yang dikeluarkan kepada pengimport-pengimport yang terdiri daripada peniaga-peniaga, gedung-gedung besar dengan kebenaran jabatan-jabatan yang berkenaan. Paling mengejutkan tentang pemberian permit kepada penggemar-penggemar daging khinzir.

Permit yang dikeluarkan untuk membawa masuk daging tersebut kepada orang-orang yang bukan beragama Islam yang kedua-dua bahan tersebut seperti minuman keras dan makanan terang-terang jelas haramnya dari segi hukum syarak. Kaola bukanlah bertujuan untuk memprotes dengan pengeluaran permit itu kepada orang-orang yang bukan beragama Islam bagi kedua-dua bahan minuman dan makanan tersebut. Kaola pun faham bahawa kedua-dua bahan tersebut merupakan sesuatu keperluan kepada orang-orang yang bukan beragama Islam, maka ianya diberi pertimbangan secara minimum kepada orang-orang yang bukan beragama Islam.

Apa yang kaola maksudkan di sini, ialah pengeluaran permit kepada pemohon-pemohon yang berkeinginan untuk membeli daging beku, ayam beku, telur ayam dan rokok dalam kuantiti yang sedikit untuk keperluan sendiri sahaja seperti permit yang dikeluarkan kepada pembawa bahan-bahan makanan yang kaola sebutkan di atas yang kaola percaya kehalalannya juga diiktiraf oleh Negara ini. Tujuan permit ini

dipohonkan adalah untuk mengelakkan kegiatan-kegiatan penyeludupan yang semakin bertambah-tambah dan tidak serik-serik dilakukan oleh rakyat penduduk negara ini yang beragama Islam.

Diharap perkara ini akan dapat dilihat lebih dekat lagi untuk mengenal pasti keperluannya, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin mahu menjawab, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola cuba akan menjawab sebahagiannya sahaja. Soalan-soalan yang berkaitan dengan TAP barangkali rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menjawabnya kerana Pehin adalah Pengerusi Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan *Supplemental Contributory Pension* (*SCP).*

Mengenai cadangan Yang Berhormat tadi, yang berkaitan dengan Elaun Pencen Tua pun kemudian kaola menjawab sebab ada soalan bertulis jua ditanyakan mengenai perkara ini oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kaola jawab kemudian.

Mengenai pegangan-pegangan Wang Brunei di Monetari Authoriti Singapura mungkin rakan sejawatan kaola Timbalan Pengerusi AMBD akan menjawab kemudian untuk mendapatkan maklumat tertentu. Cuma, yang akan kaola jawab ialah mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi, ada dua perkara yang kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan tersebut iaitu:

i) Mengenai sesetengah projek yang tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Sebenarnya, Belanjawan Negara mempunyai Jawatankuasanya untuk menimbangkannya yang terdiri daripada Pengerusinya, kaola sendiri, dan terdiri daripada beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri dan Setiausaha Tetap.

   Jadi sebagaimana yang dimaklumi, setiap tahun peruntukan-peruntukan ini dipertimbangkan berdasarkan keutamaan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti mana juga kita semua maklum, bahawa sumber kewangan Kerajaan perlu diurus secara berhemat sebagaimana yang telah kaola sudah nyatakan dalam belanjawan dalam pembentangan kertas belanjawan. Kita mempunyai had-had tertentu dalam merancang perbelanjaan-perbelanjaan setiap tahun. Oleh itu, setiap kementerian akan menghadapkan perancangan perbelanjaan mereka mengikut keutamaan bagi mendukung perancangan strategik masing-

masing dan berdasarkan kepada fokus perbelanjaan yang telah ditetapkan seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa setiap tahun Kerajaan telah menambah peruntukan belanjawan setiap kementerian secara menyeluruh. Oleh itu, setentunya mana-mana projek yang tidak dipertimbangkan pada tahun ini mungkin kementerian-kementerian tersebut akan menimbangkan ataupun menghadapkan permohonan-permohonan di pada masa akan datang.

ii) Mengenai proses mempercepatkan bayaran, memang *Invoice Tracking System* sudah pun diadakan dan sebagaimana yang kaola jua maklumkan, ianya, telah pun di *roll-over* kepada kesemua kementerian pada bulan Ogos 2013 yang lalu. Kaola ingin mengongsikan sahaja di sini, apa objektifnya *Invoice Tracking System* ini diwujudkan. Pada awalnya, ialah dihasratkan untuk memudahkan pemborong dan pembekal untuk membuat pertanyaan mengenai status tuntutan pembayaran masing-masing. Melalui sistem ini, setiap tuntutan daripada pembekal hendaklah dihadapkan kepada kaunter-kaunter yang telah ditetapkan untuk menerima invois-invois berkenaan di jabatan masing-masing. Jadi, setiap invois yang diterima akan diberikan resit pengesahan. Penerimaan invois berkenaan bagi memudahkan rujukan dan melalui resit-resit tersebut jabatan-jabatan Kerajaan juga akan lebih mudah untuk mengesan status pembayarannya suatu tuntutan itu.

Ini juga akan dapat mengelakkan isu *invoice* hilang atau tidak diakui diterima oleh agensi-agensi yang berkenaan serta bagi mengenal pasti dan meleraikan punca-punca kelambatan dalam proses pembayaran oleh pihak-pihak berkenaan. Dalam masa yang sama fungsi sistem ini juga telah dikembangluaskan bukan sahaja sebagaimana yang asalnya dikembangluaskan termasuk untuk menyediakan laporan tertentu bagi memantau tuntutan-tuntutan yang masih belum dijelaskan, serta mengetahui bagi tempoh yang diambil memproses sesuatu pembayaran tersebut. Sejak ianya diperkenalkan pada bulan April tahun lepas sebanyak 371,823 invois telah direkodkan melalui sistem ini sehingga 28 Februari 2014 oleh kesemua kementerian. Sebanyak 320,474 invois ataupun 86% telah dibayar dalam tempoh 30 hari, seperti Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang telah ditetapkan.

Dari pemantauan yang dibuat, kadar invois yang belum dibayar melebihi 30 hari telah dapat dikurangkan daripada 8.6% pada bulan Jun 2013 kepada 6.4% pada bulan Februari 2014. Mengikut penelitian Jabatan Perbendaharaan, ada beberapa

punca mengapa ia tidak dapat dibayar. Kebanyakannya disebabkan oleh tidak memenuhi peraturan seperti pesanan pembelian ataupun *purchase order* yang dikeluarkan, proses penilaian kerja siap bagi projek atau pengesahan penerimaan barang-barang ini.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perbendaharaan berhubung dengan kementerian-kementerian tersebut untuk menyelesaikan perkara ini secara sempurna.

Melalui peluasan fungsi sistem ini, laporan bulanan mengenai invois yang tertunggak juga dikeluarkan setiap kementerian agar tindakan segera diambil oleh setiap kementerian tersebut. Dalam pada waktu itu juga, Jawatankuasa Khas Menangani Isu Pembayaran juga telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan ianya akan melihat atau memantau perkembangan laporan yang dikeluarkan melalui *invoice tracking report* agar isu-isu berkaitan kelambatan pembayaran akan dapat ditangani dengan segera.

Jabatan Perbendaharaan juga telah menubuhkan satu kumpulan kerja untuk bekerjasama dengan jabatan-jabatan berkenaan dalam mengenal pasti dan menangani punca-punca kelambatan yang dialami serta memberikan sokongan seperti dari segi kursus tambahan dan jua konsultasi *invoice tracking system*.

Kaola ingin menjawab jua mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dalam memastikan pembekalan beras tidak terputus.

Langkah-langkah tersebut antaranya ialah mengadakan kontrak perjanjian bagi pembelian seperti mengimport beras dan gula dari Thailand secara berkontrak jangka panjang. Mengimport beras secara berkontrak jangka pendek juga untuk menambah pembekalan-pembekalan itu sekiranya ianya diperlukan dari masa ke masa. Di samping itu juga, kita juga mengimport beras dari Cambodia secara berkontrak dalam jangka pendek dan jua mengimport beras dari Vietnam.

Pengendalian penghantaran beras juga melalui kontena dengan memperuntukkan jadual kapal yang kerap sehingga sebulan sekali atau bila-bila masa yang dikehendaki mengikut keperluan selaras dengan isi kandungan kontrak. Kita juga mempelbagaikan syarikat-syarikat pengeluaran beras dari Thailand. Bukan sahaja dari satu syarikat, sekarang ini dari dua syarikat dan sentiasa menyimpan tahap stok beras dan gula juga dalam satu-satu tempoh yang realistik. Sekiranya diperlukan, dari masa ke masa membenarkan pengimportan beras jenis lain melalui kebenaran *application permit*.

Meningkatkan kadar *Application Permit (AP)* kepada pihak syarikat yang

berdaftar berdasarkan kuantiti pembelian daripada kadar 10% kepada 20% sejak Jun 2008 dan memberikan kelonggaran import bagi kegunaan perkembangan industri tempatan.

Jabatan Perbekalan dan Stor Negara juga telah dan akan melaksanakan pelbagai kerjasama dengan syarikat-syarikat dari negara-negara yang dikenal pasti mampu membekal beras yang berkualiti kepada Negara Brunei Darussalam.

Itu sahaja barangkali, yang dapat kaola kongsikan dulu dan maklumat-maklumat lain akan kaola dapatkan dahulu sebelum kaola memberikan jawapan-jawapan nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih atas soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh 2 orang Ahli Yang Berhormat iaitu, mengenai Tabung Amanah Pekerja daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin dan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai kadar dividen ataupun pulangan yang diberikan oleh Tabung Amanah Pekerja sebanyak 2.5% berbanding dengan kadar dividen yang diberikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia dan *Central Provident Fund (CPF)* Singapura yang mana kadar yang dinyatakan adalah tinggi daripada 6%.

Dalam perkara ini, dalam membandingkan keupayaan Tabung Amanah Pekerja untuk memberikan dividen yang tinggi kepada pencarumnya dengan negara-negara yang juga mempunyai institusi yang serupa, kita perlu melihat dengan keadaan pasaran ataupun pelaburan yang terdapat di negara-negara berkenaan.

Kalau kita melihat kepada pelaburan ataupun pasaran pelaburan di Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka mempunyai *advantage* kerana Malaysia mempunyai *capital market*nya yang tersendiri dan ini memberikan peluang pelaburan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tanpa risau akan kesan pertukaran mata wang. Begitu juga dalam kedudukan Malaysia, Kerajaannya memberikan jaminan mengenai keadaan pasaran kapital di negara berkenaan.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kita melabur adalah begitu terhad. Dalam mana kumpulan-kumpulan wang caruman Tabung Amanah Pekerja adalah dilaburkan dalam bentuk *equity, bond* dan

simpanan tetap. Dalam waktu yang sama juga, berbanding dengan negara-negara yang dinyatakan tadi, mereka mempunyai fleksibiliti dalam melaburkan Wang Caruman tanpa mengira apa jenis pelaburan. Manakala, dalam konteks kita di Negara Brunei Darussalam, pelaburan-pelaburan kita adalah mengikut dengan *Islamic Compliance* ataupun mengikut Peraturan-Peraturan Islam. Jadi, kita tidak melabur dalam syarikat-syarikat *brewery* ataupun yang membuat minuman keras. Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang menghasilkan barang-barang yang haram seperti khinzir dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, pihak Tabung Amanah Pekerja kita di Negara Brunei Darussalam sentiasa menilai dan melihat akan peluang-peluang pelaburan tetapi kita adalah begitu berhati-hati memastikan bahawa risiko pelaburan yang dibuat itu tidak menjejaskan Wang Caruman pencarum-pencarum dalam Tabung Amanah Pekerja. Dewasa ini, pihak Tabung Amanah Pekerja meneliti akan peluang-peluang caruman dalam hartanah dan juga peluang-peluang pelaburan dalam negeri yang difikirkan dapat memberikan pulangan yang tinggi dengan risiko yang rendah.

Manakala mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf tadi, untuk membolehkan pencarum-pencarum dalam Tabung Amanah Pekerja mengeluarkan wang mereka bagi tujuan untuk menunaikan fardu haji seperti mana yang diperjelaskan, adalah betul bahawa pengeluaran wang caruman Tabung Amanah Pekerja adalah dikawal oleh undang-undang seperti yang dinyatakan dengan kriteria-kriteria seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi dan saya tidak perlu untuk mengulanginya lagi.

Dalam hal ini, memang Tabung Amanah Pekerja menyedari bahawa terdapat sebilangan kecil Ahli-Ahli Tabung Amanah Pekerja yang mempunyai kesulitan kewangan untuk membiayai keperluan seharian atau mendadak, termasuklah juga untuk menunaikan fardu haji. Tapi dewasa ini, pengeluaran caruman dalam Tabung Amanah Pekerja adalah dikawal oleh undang-undang seperti yang dinyatakan. Tetapi, dalam waktu yang sama, dewasa ini pihak Tabung Amanah Pekerja mengkaji untuk membolehkan fleksibiliti pada pengeluaran wang caruman dan dengan mengambil kira bahawa kadar caruman yang dibuat ke dalam Tabung Amanah Pekerja di Negara Brunei Darussalam adalah masih rendah iaitu 5% daripada pihak pekerja dan 5% daripada pihak majikan. Kalau dibandingkan dengan negara-negara lain ianya melebihi 20%.

Dalam hal ini, dalam membuat pertimbangan pihak Tabung Amanah Pekerja mengambil perkiraan apa pun keputusannya akan dibuat nanti dan ianya tidak akan menjejaskan *benefit* (keuntungan) waktu persaraan dan pada hari tua. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada 3 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan keinginan untuk bercakap. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Ada satu soalan sahaja, tapi memerlukan huraian sedikit untuk kita sama-sama dapat memahami dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Pengerusi.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berhasrat bagi membina rumah di Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) yang telah dibenarkan oleh Jabatan Tanah, pada masa ini tidak dapat untuk mendapatkan Skim Pinjaman Rumah yang tidak mempunyai tanah bergeran akan tetapi mereka boleh membina rumah dengan membuat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan seperti bank dengan kadar keuntungan atau *interest* yang tinggi berbanding dengan Skim Pinjaman Perumahan daripada pihak Kerajaan (Kementerian Kewangan).

Dengan mengambil kira keperluan perumahan yang sangat penting bagi individu dan keluarga, maka adalah dicadangkan supaya pihak agensi yang berkenaan akan dapat membuat pertimbangan bagi mereka yang berhasrat untuk membina rumah di Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) yang telah dibenarkan oleh Jabatan Tanah ini, disokong bagi mendapatkan pinjaman kewangan daripada pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi, kita perlu melihat rasionalnya:

1. Dengan kemudahan Skim Pinjaman dari pihak Kerajaan ini, akan mengurangkan beban hutang yang tinggi berbanding dengan mereka berhutang ataupun mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan seperti bank;

2. Boleh mengurangkan beban pihak Jabatan Perumahan Negara untuk menyediakan perumahan dan memberikan peluang kepada mereka yang sedang menunggu giliran yang telah bertahun-tahun menunggu;

3. Mendidik masyarakat agar berusaha dengan tidak hanya bergantung pada pihak Kerajaan untuk mendapatkan perumahan yang disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara; dan

4. Mereka akan kekal tinggal di kampung mereka masing-masing dengan mengamalkan kebudayaan dan kehidupan yang diwarisi turun temurun.

Perkara ini Yang Berhormat Pengerusi perlu dikaji dan dipertimbangkan dari berbagai aspek termasuk usaha membantu rakyat dan penduduk yang berkelayakkan dari segi pembayaran balik. Yang Berhormat Pengerusi, kaola penuh yakin dan percaya, usaha seperti ini akan menguntungkan peminjam dan Kerajaan kerana akan mendapat sedikit

keuntungan sementara peserta tidak akan menanggung beban yang tinggi.

Kalau mereka boleh membina rumah melalui pinjaman bank, kenapa tidak kita di pihak Kerajaan tidak boleh berbuat demikian dengan hasrat membantu meringankan beban rakyat yang layak dan berkemampuan untuk membayar balik. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Pertama dan Musim Permesyuaratan Kesepuluh, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 bersamaan 6 Mac 2014 bertempat di Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam.

Baginda bertitah: *"Beta, telah memperkenankan sokongan Jawatan-kuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah $1.65 bilion. Peruntukan tambahan ini adalah untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan."*

Kaola setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan Negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan tambahan saya kepada harga rancangan berjumlah $1.65 bilion, adakah tambahan ini disebabkan projek-projek baru yang awalnya tidak termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10? Kenapakah projek-projek baru ini tidak difikirkan lebih awal lagi? Jumlah wang tambahan $1.65 bilion itu terlalu besar jumlahnya. Adakah tambahan seperti begini akan berulang-ulang dipohonkan? Jika ia, ia boleh dimengertikan perancangan awal tidak mengambil kira akan keperluan projek-projek dirancangkan. Bukankah seperti lazimnya perancangan mesti diambil kira dalam semua aspek yang menghala sesuatu wawasan yang penting demi menuju ke arah sasaran yang hendak dicapai.

Kaola sentuh lagi dalam rangkaian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Pertama dan Musim Permesyuaratan Kesepuluh, Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini. Dalam rangkaian titah itu, seperti ada memberi isyarat untuk kita mestilah berjimat cermat berbelanja.

Kaola petik lagi titah Baginda yang berbunyi: *"Bagi Negara kita, Kerajaan akan terus mengukuhkan stabiliti makro-ekonomi melalui perbelanjaan berhemah yang mengutamakan value for money dan akauntabiliti."* Di rangkaian titah Baginda itu, seolah-olah mengingatkan kita semua, bagaimana berbelanja dan berhemah. Baginda bertitah bukan sekali bahkan banyak kali sudah Baginda titahkan perbelanjaan berhemah yang mengutamakan *value for money* dan akauntabiliti.

Kaola cuma menyambut baik pesanan titah Baginda itu, tidak lain hanya untuk beringat-ingat antara kitani, rakyat Brunei Darussalam. Baginda, sebagai Raja dan Ketua Negara yang ingin rakyatnya berbahagia dan lagipun banyak rakyat mendoakan Baginda supaya kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Dari doa-doa itu, Baginda akan mempunyai banyak berkat yang dilimpahi oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Maka, apa-apa peringatan Baginda atau seruan Baginda mestilah untuk kebaikan Negara dan bangsa. Kita semua sebagai rakyatnya mesti menjunjung setinggi-tingginya dan menyokong penuh apa-apa yang telah dititahkan Baginda. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin yang dirahmati Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Percakapan kaola pada petang ini semata-mata menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 bersamaan 6 Mac 2014 bertempat di Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam.

Mengenai titah kewangan yang begitu besar. Maka dengan titah tersebut, kaola ingin mengukirkan dengan pantun:

Pengiran bertitah di petaratna,
Memakai baju sampang beludu,
Titah sepatah banyaknya makna,
Kalau dijumlah bukan seribu.

Bukan lintah sebarang lintah,
Lintah terdapat di Kampung Wasan,
Bukan titah sebarang titah,
Titah penuh dengan keikhlasan bersama wawasan.

Dari dua pantun tersebut, kalau kitani analisis sebaik-baiknya, nampaknya terlalu indah dipandang dan terlalu nyaman didengar. Makanya, kaola berani bercakap mengenai perkara tersebut pada petang ini.

Di samping itu, kedengaran daripada orang-orang yang mengatakan barang-barang dipasaran meningkat naik dan mahal sehingga ada yang menyusahkan kepada mereka sendiri. Kerana itu, sudah sampai masanya tanggagaji perkhidmatan awam dikaji dan diselidiki untuk ditingkatkan ke arah yang terbaik dari semasa ke semasa. Apa yang kaola sebutkan ini, sebenarnya memang sudah ada di kotak minda Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri untuk diurus bersama dengan pegawai-pegawai berkenaan.

Begitu juga kaola menyebutkan tentang tingkatan gaji pegawai-pegawai Bahagian III, IV dan V. Inilah yang lebih penting dan utama diambil perhatian untuk direalisasikan kepada mereka tersebut. Begitu juga, tangga-gaji penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, sudah sampai masanya ditingkatkan kerana sudah lama dinanti-nantikan dan khabarnya pun sudah diura-urakan. Kalau sudah ada khabar, bisai tah direalisasikan untuk kebajikan bersama.

Begitu juga, orang-orang yang menerima pencen perkhidmatan awam setiap bulan hendaklah diberikan tambahan bonus untuk menyenangkan hati mereka seperti mana pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang lain.

Terdapat juga penuntut-penuntut yang mengikuti pengajian tinggi seperti Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), teknikal atau lain-lain, mereka itu menerima elaun bulanan tetapi dengan keadaan sekarang ini tentulah tidak mencukupi untuk keperluan mereka.

Kaola juga menyentuh mengenai Elaun Pencen Tua. Ini perlulah diteliti semula, kerana permohonan pun banyak, untuk merealisasikan bagaimana keperluan Elaun Pencen Tua itu kepada orang-orang yang berkenaan.

Akhir sekali, perlu juga semua elaun-elaun itu diteliti semula untuk direalisasikan kepada orang-orang yang menerima elaun, termasuklah pekerja syarikat swasta yang menunggu akan elaun mereka terutama sekali mereka

yang menerima gaji sebanyak $500.00 ke bawah. Mereka ini sangat memerlukan elaun-elaun tersebut.

Nampaknya, yang kaola sebutkan tadi sangat panjang dan banyak ceritanya maka kaola sudahi dengan pantun;

Orang Aceh pergi ke Bima
Lepas ke Bima, ke Surabaya
Ada kasih, abis kaola terima
Kalau tiada, apakan daya

Sekian, Wassalamualaikum Warah-matullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan cadangan-cadangan dan soalan-soalan keprihatinan masing-masing.

Kaola hanya dapat menjawab empat soalan sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Pertama, mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang berkaitan dengan alat ganti bas awam. Sebenarnya, cukai import alat ganti bas awam ini, mengikut maklumat-maklumat yang kaola terima daripada pihak-pihak agensi pelaksana adalah sukar untuk diasingkan kerana sebahagiannya juga boleh digunakan untuk kenderaan-kenderaan lain.

Walau bagaimanapun, alat-alat ganti dari negara-negara yang mempunyai perjanjian perdagangan bebas dengan Negara Brunei Darussalam, misalnya, *ASEAN Fair Trade Agreement*, kadar cukai bagi kebanyakan alat ganti ini tidak lagi dikenakan cukai kastam. Dalam pada itu, menyedari akan pentingnya bas awam dalam sistem pengangkutan awam Negara ini, Kerajaan pada tahun 2010 dan seperti mana juga dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh ini, telah mengurangkan kadar cukai daripada 20% kepada 15% sahaja. Pengurangan ini sebenarnya dihasratkan bagi pengusaha-pengusaha bas awam supaya akan dapat meningkatkan lagi tahap perkhidmatan mereka bagi menarik orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam.

Soalan kedua, mengenai isu permit daging khinzir yang masuk ke Negara ini dan kerisauan terhadap kemasukan oleh orang perseorangan melalui pos-pos kawalan di sempadan. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas perhatian Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin mengenai isu kemasukan daging khinzir ke Negara ini.

Dalam perkara ini, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kastam

dan Eksais Diraja Brunei berperanan dalam pengawalan barang-barang yang keluar masuk atau *transit* di Negara Brunei Darussalam. Ini khusus bagi barang-barang yang dikawal di bawah Perintah Kastam dan Eksais Diraja Brunei untuk membantu pengawalan barangan yang dikawal oleh agensi-agensi yang berkepentingan dalam memastikan keselamatan dan kepentingan Negara.

Daging khinzir, telur dan daging beku adalah barangan yang dikawal kemasukannya ke Negara ini. Terdapat beberapa syarikat yang dibenarkan untuk membawa masuk barangan berkenaan dan syarikat-syarikat berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Berkenaan dengan kemasukan daging khinzir, telur dan daging beku yang dibawa oleh orang perseorangan, ianya juga hendaklah terlebih dahulu mendapatkan *import permit* daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan agensi-agensi yang berkenaan sebelum membawa masuk barangan tersebut ke Negara Brunei Darussalam. Perkara ini bertujuan untuk mengawal isu-isu keselamatan dan kesihatan barangan yang dibawa masuk ke Negara ini.

Sekarang, kaola ingin menjawab mengenai cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal berkaitan dengan kenaikan tambang haji untuk dinaikkan sebanyak $12,000.00 seorang.

Seperti mana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal sedia maklum, bahawa kadar tambang haji bagi pegawai-pegawai Kerajaan baru sahaja dikaji pada tahun 2012 yang lalu daripada sebanyak $3,500.00 kepada $4,500.00 seorang.

Sebagaimana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal juga sedia maklum, bahawa bantuan ini hanyalah dihulurkan bagi membantu bayaran tambang sahaja. Manakala, perbelanjaan untuk keperluan lain dibiayai oleh bakal-bakal haji sendiri. Dengan kadar tambang haji yang lazimnya dikenakan pada kadar sebanyak $2,700.00 seorang, iaitu bagi mereka yang pertama kali menunaikan fardu haji, maka masih terdapat baki yang dapat membantu bakal-bakal haji menampung sebahagian keperluan perbelanjaan yang lain.

Seperti mana yang pernah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Kesembilan pada tahun 2013 lalu, menunaikan fardu haji ini hanya diwajibkan kepada mereka yang mampu. Oleh itu, perkara ini perlulah diambil perhatian dalam perancangan untuk menunaikan fardu

haji. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang sudah memenuhi syarat, mereka boleh memohon kurnia tambang haji ini walaupun selepas mereka bersara daripada perkhidmatan mereka dalam Kerajaan.

Yang terakhir, kaola akan menjawab cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain dan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih yang nampak keprihatinan beliau terhadap pekerja yang bukan sahaja dalam perkhidmatan awam malahan mereka yang bekerja dalam perkhidmatan swasta.

Sebagaimana Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain sedia maklum, bahawa soal-soal kenaikan gaji tersebut sudah kitani bincangkan setiap tahun dan kaola sendiri telah memperjelaskan secara panjang lebar, misalnya pada tahun lepas, dengan memberikan fakta-fakta dan perkembangan kenaikan-kenaikan yang telah diberikan oleh Kerajaan bukan sahaja dari segi *accelerated increment* tetapi malahan juga elaun-elaun dan sebagainya.

Jadi kaola tidaklah akan berpanjang lebar untuk menerangkan dan mengulang kembali perkara-perkara ini, cuma kaola akan menambah sedikit sahaja iaitu ada beberapa inisiatif Kerajaan yang telah pun dibuat yang secara langsung memberikan unsur-unsur kenaikan gaji bagi warga perkhidmatan awam. Salah satu inisiatif tersebut adalah secara amnya memberikan kenaikan gaji tahunan menurut bahagian-bahagian warga perkhidmatan awam. Salah satu lagi inisiatif yang akan memberikan lanjutan mata gaji kepada warga perkhidmatan awam yang telah menerima gaji kadar maksimum dalam tempoh 3 tahun.

Dalam pada itu juga, Kerajaan juga telah memberikan insentif-insentif seperti Elaun Sara Hidup yang telah dibayar seratus peratus mengikut kadar yang ditetapkan bermula pada 1 Januari 2010 serta Elaun Kurnia Khas yang dihulurkan kepada warga perkhidmatan awam mengikut bahagian masing-masing.

Sebagai contoh, jika merujuk kepada sukatan gaji umum perkhidmatan awam jika dicampur gaji yang diterima oleh kakitangan C3 di bahagian III sebulan ialah sebanyak $1,990.00 dengan elaun yang diterima itu Elaun Sara Hidup sebanyak $120.00 dan Elaun Kurnia Khas sebanyak $170.00. Jumlah yang diterima kakitangan tersebut adalah lebih kurang sama dengan jumlah kenaikan gaji yang akan diterima 4 tahun kemudian.

Tambahan lagi, untuk meningkatkan kualiti mutu perkhidmatan awam, pengemaskinian Skim Perkhidmatan juga secara tidak langsung ada memberikan kenaikan gaji kepada jawatan-jawatan yang telah diluluskan skimnya, seperti Skim Perkhidmatan Perguruan, Skim Perkhidmatan Kedoktoran, Skim Perkhidmatan Kejururawatan dan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademi Institusi Pengajian Tinggi Awam. Sehingga kini, dapat dianggarkan, tolak Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei, bahawa jumlah peratus warga perkhidmatan awam yang telah berjaya dikemaskinikan skim perkhidmatannya adalah sebanyak kira-kira 20% dari jumlah keseluruhannya.

Perlu juga kaola ingatkan di sini, bahawa di Negara Brunei Darussalam gaji yang kita terima seratus peratus masuk poket, tidak kena cukai (*take home pay*) dan sebagainya. Alhamdulillah, kita amat bersyukur yang kita masih lagi menerima penuh gaji-gaji tersebut.

Mengenai cadangan, supaya orang-orang yang telah pencen perkhidmatan, orang-orang telah bersara, pencen perkhidmatannya diberikan bonus. Ini menjadi susah jua, sebabnya bonus ini sebenarnya adalah untuk orang-orang yang bekerja. Jadi, setiap yang bekerja itu dibuat penilaian prestasi (*performance appraisal*) bagi orang yang tidak bekerja macam mana kita menilai. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola, ingin menjawab saja soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi mengenai jumlah mata wang Negara Brunei Darussalam yang disimpan oleh *Monetary Authority Singapore (MAS)*. Untuk makluman Dewan Majlis, jumlah yang dikembalikan oleh *MAS* setiap tahun adalah berbeza-beza, tertakluk kepada penggunaan mata wang Brunei di luar negeri. Pada Tahun 2012 ialah sebanyak $1.12 bilion Brunei, sementara pada tahun 2013 jumlah yang dipulangkan oleh *MAS* sebanyak $1.3 bilion Brunei meningkat sedikit.

Mengenai soalan berapa lama *MAS* menyimpan mata wang Brunei dimaklumkan di sini, bahawa penghantaran mata wang Brunei daripada *MAS* dibuat setiap bulan dan negara-negara lain pun nampaknya seperti yang kita lihat yang memegang duit Brunei sejauh ini diketahui semua urusan penghantarannya dan penukaran mata wang Brunei dibuat melalui *MAS.*

Jadi, mereka tidaklah menyimpan semuanya, disalurkan melalui *MAS,* ertinya jumlah yang sebahagian banyak itu adalah mata wang Brunei yang dibelanjakan di mana-mana Negara. Semuanya dikumpulkan di *MAS* dan dihantar ke Brunei setiap bulan. Jadi, untuk menjawab soalan itu tadi, jumlah wang kitani di luar negeri adalah sebanyak $1.12 bilion pada Tahun 2012 dan $1.3 bilion pada 2013. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Yang Berhormat Menteri Pendidikan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang

Berhormat Pengerusi. Kaola memohon kebenaran Yang Berhormat Pengerusi sebagaimana yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat (*Standing Order*) Perkara 7 (vi), untuk tidak menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad berkaitan dengan Agensi Pelaburan Brunei demi kepentingan awam mengenainya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Permohonan Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu saya benarkan. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai perkara yang disentuh atau dipersoalkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain iaitu mengenai cadangan bagi kenaikan Pencen Tua. Jadi, apa yang ingin kaola sentuh di sini, walaupun belum ada kenaikan dipertimbangkan bagi Pencen Tua itu, mereka termasuk dalam golongan warga emas yang menerima Pencen Tua tapi masih belum kecukupan ataupun masih merasakan diri mereka itu memerlukan bantuan.

Mereka boleh memohon Bantuan Kebajikan Bulanan dan permohonan mereka dipertimbangkan, mereka akan diberikan wang bantuan sebanyak $200.00 bagi dirinya, $200.00 bagi isterinya dan $65.00 bagi Elaun Sara Hidup dan $65.00 Elaun Pelajaran bagi anak-anak yang sampai ke umur 18 tahun ataupun masih meneruskan persekolahan mereka.

Jadi dalam hal ini, walaupun kita melihat bahawa Pencen Tua itu tidak kecukupan bagi mereka yang memerlukannya tetapi masih ada terdapat *avenue* dalam mana mereka boleh mendapat bantuan tambahan melalui Bantuan Bulanan Kebajikan dan barangkali, kalau dibolehkan, saya juga ingin memperjelaskan bahawa kita perlu melihat akan matlamat Pencen Tua itu yang sebenarnya Pencen Tua itu dihasratkan bagi Rakyat dan Penduduk Tetap yang berumur sudah mencapai 60 tahun tidak kira apa pun kategorinya termasuk mereka yang tergolong sebagai orang yang susah ataupun miskin. Jadi, sememangnyalah apabila dilihat Pencen Tua berkenaan, ia juga dihasratkan ataupun secara langsung dan tidak langsung bagi membantu mereka yang mempunyai kesusahan ataupun kesesakan hidup. Ini perlu diamat-amati akan falsafah atau matlamat Pencen Tua itu yang sebenarnya sebelum kita mencadangkan untuk ia dinaikkan ataupun seumpamanya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya ini diundi. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli bersetuju mengangkat tangan)

Terima kasih. Maka, Kementerian Kewangan bermula dari Tajuk SD01A hingga SD08A diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan hingga SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya ialah SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hingga Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk bercakap.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon izin mengambil sedikit masa di Dewan ini untuk membentangkan Anggaran Belanjawan atau Peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Dengan terlebih dahulu menyatakan fokus Belanjawan kementerian iaitu :

1. Meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat dan penduduk melalui program dan aktiviti yang menekankan penglibatan masyarakat di peringkat akar umbi serta memantapkan institusi mukim dan kampung melalui penumpuan Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Majlis Perundingan Mukim (MPM).

2. Memelihara keselamatan masyarakat melalui kaedah-kaedah pengawalan tertinggi dan berteknologi tinggi sebagai langkah pencegahan termasuk pemantauan keluar dan masuk warga asing, pemulihan banduan, pencegahan kebakaran dan pengurusan bencana alam.

3. Meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia dan penjanaan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan melalui berbagai-bagai program dan skim yang dilakarkan oleh Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK).

4. Memenuhi komitmen dan keperluan *stakeholders* ke arah perpaduan dan kesejahteraan Negara yang berdaya tahan.

Jadi, peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk Tahun Kewangan 2014 / 2015, Yang Berhormat Pengerusi, ialah sebanyak $162,845,510.00. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak $4,910,820.00 daripada Peruntukan Tahun Kewangan Tahun lepas, iaitu 2014 / 2015. Bagaimanapun, pengurangan itu akan kaola sebutkan nanti. Pecahan peruntukan yang disokong menurut jabatan adalah seperti berikut :

Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti yang dalam kertas biru

yang di hadapan kita. Begitu juga Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait, Lembaga Bandaran Tutong, Jabatan Buruh, Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Pejabat Daerah Belait, Pejabat Daerah Tutong, Pejabat Daerah Temburong, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan, Jabatan Penjara dan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Jadi kesemua jumlahnya $162,845,510.00.

Kaola sukacita juga menyatakan bahawa semua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan melalui Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri adalah jabatan-jabatan yang juga menyumbang kepada hasil iaitu daripada cukai-cukai, caj dan bayaran-bayaran yang lain.

Dalam hal ini, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan adalah yang teratas sekali di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai penyumbang hasil, iaitu dalam Tahun Kewangan yang lepas sebanyak $12,185,890.27 dan pada belanjawan tahun ini dan hadapan dianggarkan meningkat sebanyak $16.9 juta.

Jabatan penyumbang hasil yang kedua ialah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan iaitu pada tahun lepas sebanyak $11,000,653.00 dan pada tahun ini dianggarkan naik iaitu $12,000,653.00 juga.
Lembaga Bandaran Kuala Belait sebanyak $5 juta lebih daripada tahun lepas dan $5.14 dan pada tahun ini akan meningkat kepada $5.38 juta. Semua jabatan yang lain menghasilkan puluhan ribu, ratusan ribu, tidak sampai jutaan. Kesemuanya menghasilkan, iaitu penghasilan yang dapat disumbangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang dari segi pendapatan Negara dianggarkan sebanyak $36 juta.

Sokongan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah diputuskan ialah bagi gaji kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak $94,027,850.00 dengan mengambil kira perkara berikut iaitu :

Penambahan bersih 2 jawatan seperti ringkasannya, iaitu tambahan jawatan, dua jawatan, tambahan jawatan secara *trade off,* 2 jawatan, tambahan jawatan secara pindah antara jabatan, satu jawatan, pengurangan jawatan secara *trade off,* dua jawatan, antara jabatan, satu jawatan. Maka jumlah bersihnya adalah satu jawatan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria satu jawatan dan bagi Jabatan Buruh juga satu jawatan. Jawatan kosong, Yang Berhormat Pengerusi, dicatatkan sebanyak 364 jawatan sehingga bulan September tahun lepas, hanya diperuntukan 6 bulan gaji sahaja mengambil kira proses penilaian, temu duga dan pelantikan jawatan. Sementara Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak $56,437,820.00, iaitu penambahan Peruntukan Pemeliharaan Aset keseluruhan berjumlah $130,000 kepada $3,631,700.00 antara lainnya seperti berikut :

Asalnya sejumlah $20,000 kepada $1.9 juta di Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan penyumbang yang terbanyak dalam kementerian sebagai penyumbang hasil. Sejumlah $30,000 kepada $580,000 di Lembaga Bandaran Kuala Belait, penyumbang yang ketiga dan sejumlah $40,000 kepada $420,000 di Pejabat Daerah Belait juga. Sejumlah $25,000 kepada $520,000 di Pejabat Daerah Tutong iaitu, tambahan-tambahan ini ialah untuk mengadakan peruntukan elaun di Lembaga Bandaran keseluruhannya. Penambahan juga pada Peruntukan Perbelanjaan Operasi keseluruhannya berjumlah $71,000 asalnya kepada $2 juta bagi beberapa jabatan termasuk Lembaga Daerah Belait dan Seria, Pejabat Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Penjara.

Akaun baru Perkhidmatan Keselamatan sejumlah $213,600 di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membiayai kontrak-kontrak pengawalan keselamatan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Itu mengenai Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Sementara Perbelanjaan Khas disokong sebanyak $12,379,840 bagi melaksanakan 36 projek ataupun pembelian baru berjumlah $12,379,840 itu tadi bagi melaksanakan satu projek itu tadi berjumlah $70,000 dan peruntukan bagi aktiviti perekenomian Mukim dan Kampung sejumlah $750,000 terus disediakan sama jumlahnya dengan peruntukan tahun lepas.

Peruntukan bagi Peringkat Kemudahan-Kemudahan Riadah dan Bersukan peringkat daerah disediakan berjumlah $2 juta iaitu bagi meneruskan projek-projek yang telah dirancang dan akan dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2014 / 2015 ini. Peruntukan ini sebagaimana ternyata adalah dikurangkan daripada $4 juta kepada $2 juta. Bagaimanapun, pengurangan sebanyak $2 juta itu dipindahkan kepada Akaun Fokus Perbelanjaan di Kementerian Kewangan.

Begitu juga peruntukan bagi Pengurusan Bencana Alam, diperuntukan sebanyak $3 juta daripada asalnya $5 juta, dan $2 juta itu pun dipindahkan kepada Akaun Fokus Perbelanjaan di Kementerian Kewangan. Antara lain, projek-projek yang akan dijalankan termasuklah projek bagi kerja-kerja pembaikan, pemeliharaan, pengubahsuaian dan menaik taraf bangunan sejumlah $4 juta. Antara lainnya seperti Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan iaitu menaik taraf mencantikkan kawasan dan kemudahan-kemudahan awam sebanyak $350 ribu. Menaik taraf *(Resurfacing) Existing Car Park and Road* kawasan Pasar Gadong sebanyak $235 ribu.

Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria juga mendapat $344 ribu bagi menaikkan infrastruktur. Lembaga Bandaran Tutong bagi Kemudahan Asas sebanyak $237,100.00.

Pejabat Daerah Brunei dan Muara diperuntukkan dalam Perbelanjaan Khas ini sebanyak $700 ribu bagi membina jambatan dan jalan-jalan kecil.

Pejabat Daerah Belait mendapat $735,300.00 bagi mengganti dan mengubah suai kemudahan-kemudahan awam.

Pejabat Daerah Tutong mendapat 2 peruntukan iaitu satu peruntukan $350 ribu bagi pembinaan pemeliharaan kemudahan awam dan bangunan dan satu lagi sebanyak $500 ribu bagi membina jalan-jalan kecil.

Pejabat Daerah Temburong sebanyak $204 ribu bagi membina, membaik pulih, memelihara dan menaik taraf aset-aset Kerajaan di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong dan Jabatan Penjara juga mendapat peruntukan Perbelanjaan Khas iaitu $26,800.20.

Beberapa pembelian, termasuk pembelian peralatan kelengkapan Jabatan Bomba dan Penyelamat juga Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan. Jadi butir-butir peruntukan mengikut kategori perbelanjaan adalah seperti berikut :

Gaji Kakitangan disokong atau diperuntukkan sebanyak $94,27,850.00, hampir 2/3 dari peruntukan kementerian ini ialah untuk belanja mengurus.

Perbelanjaan Berulang-Ulang diperuntukkan sebanyak $56, 437,820.00 Perbelanjaan Khas sebanyak $12,379,840.00, berjumlah $162,845,510.00.

Dalam pada itu, dinyatakan bahawa peruntukan ini, jika tidak mencukupi kerana keperluan-keperluan tertentu seperti kecemasan ataupun membelanjai Operasi, maka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bolehlah menghadapkan permohonan dengan segera kepada Kementerian Kewangan.

Sebagaimana kaola bayangkan tadi, peruntukan sebanyak lebih $162 juta ini adalah jauh lebih besar daripada hasil yang dapat dikutip oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya pada Tahun Kewangan 2014 / 2015 yang sebanyak $36 juta yang kaola sebutkan tadi iaitu kutipan daripada cukai, caj dan lain-lain penggunaan yang dengan ini menunjukkan bahawa kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala berkat daulat pemerintahan beraja yang adil, yang berwawasan lagi berkebajikan, sesuai dengan lambang bendera kita iaitu "Sentiasa berbuat ihsan dengan petunjuk Allah."

Negara kita Brunei Darussalam dikurniakan oleh Allah rezeki dari hasil buminya dan dengan itulah Kerajaan dapat mengutip hasil yang banyak dan mencukupi. Hasil itu telah diurus dengan baik, dengan berhemah termasuklah antaranya untuk membelanjai sebahagian besar keperluan kementerian-kementerian

termasuklah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebanyak yang diperuntukkan itu tadi.

Jadi, peruntukan $162 juta itu berbanding dengan $36 juta hasil yang dikutip, iaitu menunjukkan sebanyak 78% daripada perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah ditanggung daripada hasil-hasil yang lain. Sementara, 22% adalah cuma hasil kutipan. Ini menegaskan bahawa betapa *benevolent*nya, berkebajikannya Kerajaan di bawah pemerintahan beraja yang tidak sampai membebankan rakyat dan penduduk untuk kira-kira menampung perbelanjaan Kerajaan.

Dalam hal ini, contohnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang ditampung sebanyak 78%. Dalam keadaan-keadaan biasa Kerajaan akan memilih cara-cara mendapatkan cukai ataupun mengenakan beberapa caj-caj yang lain. Maka, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan kaola bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Menteri Kewangan yang telah memperkenankan peruntukan sebanyak $162 juta bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan terima kasih juga kepada rakan sejawatan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dalam hal ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 13 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 15 Mac 2014 Masihi pada pukul 9.30 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 13 Jamadilawal 1435 / 15 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh disambung semula pada hari ketujuh, hari Sabtu, 13 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 15 Mac 2014 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan rahmat serta keizinan-Nya jua, kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang ketujuh. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara V, iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Hingga ke hari ini, kita telah menyelesaikan sebanyak 22 soalan. Ianya telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan. Seperti biasa, pagi ini kita hanya akan membincangkan Perkara V, selama 30 minit sahaja dan selepas itu kita akan berpindah Susunan Kerja seterusnya iaitu Perkara 7, Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014 / 2015. Maka, saya sekarang meminta Jurutulis untuk memulakan soalan Perkara V, selanjutnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Soalan Yang Diberi Notis No. 23, daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf,

ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Soalan ini, saya tujukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara. Sejak Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara diperkenalkan, beberapa orang belia dan beliawanis dari persatuan-persatuan belia di Negara Brunei Darussalam ikut serta dalam rombongan tersebut. Mengikut apa yang kaola fahami, mereka didedahkan kepada berbagai-bagai aspek di negara-negara yang mereka lawati seperti perekonomian, kebudayaan, isu-isu sosial dan seumpamanya. Sepanjang yang kaola fahami, bahawa di negara jiran belia yang mengikuti program ini ada diantaranya menjadi usahawan yang berjaya. Saya ingin tahu, sejauh ini, ada berapa orangkah yang sudah memberi sumbangan khasnya kepada pembangunan Negara? Berapa orangkah yang sudah berjaya mengembangluaskan dalam bidang perekonomian terutama pada persatuan-persatuan belia? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikaum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, atas soalan yang dikemukakan mengenai belia yang mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara *(SEAYP).*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat penglibatan dalam Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara *(SEAYP),* sebagai salah satu program pembangunan belia selaras dengan Dasar Belia Negara khususnya meningkatkan kefahaman antarabangsa. Ianya, adalah satu program yang positif dan selari dengan hasrat Kementerian ke arah memberikan pendedahan dan menjalin hubungan serantau dan antarabangsa kepada golongan belia. Negara Brunei Darussalam menyertainya pada tahun 1985, seramai 870 orang belia telah menyertai program ini.

Alhamdulillah, Program Kapal Belia ini telah berjaya mencapai objektif dan sasaran utamanya, iaitu untuk membangun belia yang berwawasan dan berfikiran terbuka yang boleh mempertingkatkan keupayaan mereka bagi menyumbang kepada pembangunan Negara dalam berbagai bidang serta menjalin rangkaian (*networking)* dalam kalangan belia di Jepun dan negara *ASEAN* yang lain.

Seperti yang dibangkitkan, banyak bekas peserta program tersebut telah berjaya mencapai kecemerlangan

dibidang dan kerjaya masing-masing. Sebilangan besar mereka ini berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Sebagai misalan, ada antara bekas peserta program menjadi pegawai-pegawai kanan dalam kerajaan termasuk di peringkat Setiausaha Tetap dan Pengarah.

Walau bagaimanapun, ada juga sebilangan daripada mereka yang berjaya di bidang keusahawanan atau menjadi eksekutif kanan di syarikat-syarikat swasta. Tambahan itu, mereka merupakan pemimpin persatuan-persatuan bukan kerajaan yang banyak menyumbang dalam kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan sebagai sukarelawan.

Sebagai misalan, alumni peserta-peserta Kapal Belia, bersatu dan bergiat aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan kesukarelawan. Dalam waktu yang sama, ada yang menubuhkan dan memimpin badan-badan kebajikan dan persatuan. Antaranya ialah Kumpulan Bertindak Katak Hijau yang bergiat aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan seperti membantu orang-orang susah, pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan tenaga manusia, adalah sebuah persatuan yang ditubuhkan dan dipimpin oleh bekas-bekas peserta Program Kapal Belia. Kumpulan ini telah berjaya sebagai sebuah persatuan sukarelawan untuk menjalankan berbagai jenis program dan aktiviti ke arah peningkatan kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar.

Pendeknya, jelas bekas-bekas peserta program tersebut bukan sahaja berjaya dalam kehidupan masing-masing, malahan juga mereka terus menyumbang kepada masyarakat dan pembangunan Negara. Antara kejayaan yang juga boleh dibanggakan untuk dikongsikan ialah beberapa bekas peserta telah berjaya dibidang perniagaan seperti di sektor pelancongan dengan memajukan Kapal Ekspress Brunei / Labuan, bisnes restoran, seperti restoran makanan Vietnam, perkhidmatan pembangunan tenaga manusia, perdagangan kereta, penyertaan di sektor industri kreatif dan sebagainya.

Pada penilaian saya, kejayaan tersebut sebahagiannya lahir daripada nilai-nilai dan keperibadian bekas peserta perolehi hasil daripada pendedahan sewaktu mereka mengikuti program tersebut. Sebagai kesimpulan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, akan terus memberikan sokongan terhadap program pembangunan belia seumpama ini dan memastikan penyertaan para belia ini akan benar-benar memberikan kesan positif yang berpanjangan kepada diri para belia tersebut dan pembangunan Negara. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Soalan Yang Diberi Notis No. 24 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua kali yang kedua kaola berdiri. Ini mengenai litar khas untuk perlumbaan Go-Kart. Beberapa tahun kebelakangan ini, ada jabatan dan persatuan menganjurkan perlumbaan Go-Kart dan saya melihat sukan ini mendapat sambutan daripada orang ramai sama ada dalam negeri atau luar negeri.

Soalan kaola, adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk membina litar khas mengikut piawaian antarabangsa untuk perlumbaan Go-Kart ini, sekiranya ada di mana tempatnya? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf di atas soalan yang diajukan, mengenai litar khas untuk perlumbaan Go-Kart. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan, memang sentiasa memberikan sokongan dan dukungan dalam pembangunan sukan termasuk sukan lumba Go-Kart. Ini, termasuk juga kegiatan sukan lasak yang digemari oleh golongan belia dan remaja seperti *motorcross* dan kereta pacuan empat roda.

Ke arah mengembangkan sukan-sukan berkenaan secara teratur dan terarah serta mengikut piawaian antarabangsa termasuk dari segi keselamatan, pihak Jabatan Belia dan Sukan telah mengenal pasti sebuah tapak di Kampung Sungai Paku di Mukim Telisai, Daerah Tutong, yang proses pewartaannya sedang diambil tindakan. Tambahan itu, pihak Jabatan Belia dan Sukan juga membuat perundingan dengan pihak swasta bagi kemungkinan pembinaan kawasan litar bekenaan dengan menggunakan kaedah *Public Private Partnership (PPP).* Dalam waktu yang sama, Jabatan Belia dan Sukan juga mengadakan perundingan dengan pihak Pengurusan Jerudong Park bagi kemungkinan untuk menaik taraf kemudahan litar lumba Go-Kart yang sedia ada sebagai usaha memenuhi keperluan masa kini. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Soalan No. 25, daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan ini kaola tujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jabatan Muzium-Muzium Brunei adalah sebuah institusi pelindung warisan

bangsa. Jabatan Muzium mengalami banyak perubahan dan pembaharuan sejajar dengan peredaran zaman. Dalam konteks ini, Jabatan Muzium-Muzium Brunei bukan sahaja menghadapi cabaran globalisasi muzium antarabangsa tetapi juga berhadapan dengan saingan daripada muzium-muzium kitani yang ada di Negara Brunei Darussalam seperti Muzium ABDB, Muzium Polis, Balai Pameran Pusat Dakwah Islamiah, Galeri Kebudayaan Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Galeri Jabatan Mufti. Ini perlu dilihat sebagai satu cabaran yang positif oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei khasnya dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amnya.

Dalam hubungan ini, kaola ingin bertanya, iaitu :

i. Adakah Jabatan Muzium-Muzium sudah membuat perancangan terkini dalam menghadapi cabaran atau saingan daripada muzium-muzium yang kaola sebutkan tadi?;

ii. Adakah sudah menyediakan perancangan-perancangan dan pendekatan terbaru dalam konsep pamerannya, pengurusannya, penyelidikannya, projek pendidikan dan sebagainya?;

iii. Sejauh manakah sudah perkembangan dan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikpuliahan ke atas monumen-monumen dan tapak-tapak yang bersejarah yang sudah diwartakan?;

iv. Adakah sudah pengurusan-pengurusan atau Jawatankuasa Monumen dan Tapak-Tapak Bersejarah diberi peruntukan Khas Kewangan bagi memelihara warisan-wariasan ini?;

v. Bagaimanakah kedudukan bangunan atau rumah-rumah yang dianggap monumen bersejarah yang masih milik persendirian atau masih berpenghuni atau sebaliknya sama ada akan diuruskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan diberikan Peruntukan Khas untuk pengurusan bangunan-bangunan atau rumah-rumah tersebut?; dan

vi. Adakah dalam perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memasukkan monumen-monumen dan bangunan-bangunan bersejarah ke dalam *World Cultural and Natural Heritage?*

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal atas soalan-soalan yang diajukan mengenai dengan muzium.

Mengenai dengan soalan yang pertama, Jabatan Muzium-Muzium sebagai institusi pelindung dan penjaga *(custodian)*, warisan dan peninggalan sejarah dan tamadun bangsa, memang sentiasa berusaha menyediakan perancangan bagi mempertingkatkan tugas-tugasnya demi kepentingan penjagaan warisan dan peninggalan sejarah bangsa dan negara sentiasa terpelihara dan dimanfaatkan sebagai sumber pembelajaran, pengkajian dalam dan luar negara, memasyarakatkan kepada rakyat dan penduduk khususnya golongan belia dan remaja dan menyumbang sebagai tarikan kepada industri pelancongan dan dalam mengembangmajukan industri kreatif di Negara Brunei Darussalam.

Peninggalan sejarah dan warisan tamadun bangsa dalam bentuk artifak dan monumen juga menyumbang ke arah pengukuhan identiti, perpaduan, integriti dan jati diri bangsa sebagai sebuah bangsa yang gemilang dan cemerlang yang menyumbang kepada pengukuhan semangat patriotisme bangsa dan pembangunan negara bangsa *(nation state).*

Ini sangat diperlukan dalam menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan infokomunikasi bagi mewujudkan keseimbangan, kedaulatan dan kemerdekaan bangsa. Sehubungan dengan itu adalah merupakan sebagai tugas dan fokus utama Jabatan Muzium-Muzium Brunei bagi pengumpulan, pemuliharaan dan pengurusan koleksi bahan-bahan warisan, penyelidikan dan penerbitan, memasyarakatkan warisan bangsa dan peninggalan sejarah melalui pendidikan dan pameran yang ketiga-tiga aspek kemuziuman ini perlu untuk diselaraskan perkembangannya agar keselamatan bahan warisan dan penyebaran ilmu mengenai warisan bangsa itu tetap terpelihara dan terjamin.

Menyentuh mengenai muzium-muzium kerajaan yang lain seperti yang dibangkitkan, merupakan muzium-muzium khusus (*specialized muzium*) yang mencakup bidang-bidang terpilih bagi kesasaran khas misalannya Muzium Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mempaparkan sejarah pembangunan hal-ehwal ketenteraan di Negara Brunei Darussalam. Perbezaan muzium berkenaan dengan Jabatan Muzium-Muzium ialah mereka tidak melaksanakan kerja-kerja kemuziuman yang lebih meluas seperti penyelidikan, arkeologi, pemeliharaan, restorasi dan kearkiban.

Walau bagaimanapun, dalam penyediaan pameran di muzium-muzium khas ini, Jabatan Muzium-Muzium memberikan kerjasama dari segi susunan pameran dan juga pemeliharaan. Isu persaingan tidak timbul, bahkan muzium-muzium khusus ini adalah *complementing* kerja-kerja yang telah dibuat oleh Jabatan Muzium-Muzium dan dengan sendirinya akan menambah nilai kepada rangkaian muzium-muzium di Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Muzium-Muzium, sangat-sangat mengalu-alukan penglibatan orang ramai melalui platform sekolah-sekolah, Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung, Program Satu Kampung Satu Produk untuk membangunkan muzium setempat bagi mengingati peninggalan sejarah, warisan dan nama-nama orang besar dan mereka yang berjasa kepada masyarakat setempat dan Negara, supaya dapat diingati dan dicontohi oleh generasi muda. Dengan cara demikian, juga dapat mengangkat kegemilangan kampung dan mukim dan menghidupkan seni dan budaya yang menyumbang kepada pembangunan industri kreatif. Ini juga, dapat mengukuhkan perpaduan masyarakat setempat.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Muzium-Muzium bersedia untuk memberikan nasihat latihan dan tunjuk ajar. Dalam mengendalikan pameran-pameran muzium dan galeri di bawah Jabatan Muzium-Muzium, Jabatan Muzium-Muzium sentiasa menilai aksesibiliti penggunaan barang-barang koleksinya agar dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk tujuan pembelajaran melalui penerbitan dan pameran, menjana perkembangan ekonomi Negara melalui industri kreatif dan pelancongan.

Mengenai soalan yang kedua, Jabatan Muzium-Muzium sentiasa giat merancang dan melaksanakan dasar-dasar dan perancangan jangka panjang untuk mencapai wawasannya ke arah menjadikan muzium-muzium di Negara Brunei Darussalam, setara dengan muzium-muzium serantau dan antarabangsa. Ke arah ini, Jabatan Muzium-Muzium secara berterusan telah mempertingkatkan kapasiti tenaga kerjanya dengan menganjurkan beberapa buah bengkel, jerayawara ke daerah-daerah, seminar dalam negeri dan juga telah menyertai seminar-seminar antarabangsa di luar negara.

Dalam bidang pameran, sebilangan kaedah pameran baru telah pun digunakan. Misalnya, dalam Pameran Makhluk Dalam Gelap, Taman Kulimambang dan penglibatan Jabatan Muzium-Muzium bersama institusi antarabangsa dari segi pertukaran bahan-bahan pameran bertaraf antarabangsa. Misalnya, Pameran 'Budaya Borneo' dalam koleksi Brunei dan Netherlands 1870-1940 anjuran Jabatan Muzium-Muzium dan *Copen Muzeum*, Belanda. Pameran *'The Spirit of Bodooo'*, *'The History of Japan Martial Arts'* anjuran Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam. Pameran 'Manik Seborneo' anjuran 7 buah muzium di Pulau Borneo. '*Pameran Contemporary Japanese Crafts'* anjuran Kedutaan Jepun di Brunei Darussalam, Pameran *'A Passage to Asia'* anjuran *Centre of Fine Arts Brussels* sebagai contoh.

Pameran-Pameran tersebut menggunakan *diorama* dan *showcases* dan juga ruang khas untuk aktiviti-aktiviti pelawat muda yang menggunakan teknik multimedia, pemainan dan *hands on*. Melalui pendekatan dan strategi promosi dan kaedah pameran yang baru dan terkini, keramaian pengunjung dan pelawat dari dalam dan luar negara ke muzium-muzium di Negara ini pada tahun-tahun sebelumnya hanya dalam puluhan

ribu setahun telah meningkat seperti statistik berikut :

- Pada Tahun 2010 - 198,303 pengunjung;
- Pada Tahun 2011 - 239,530 pengunjung; dan
- Pada tahun 2013 - 271,303 pengunjung.

Untuk meningkatkan lagi perkhidmatan, penyebaran dan aksesibiliti orang ramai kepada bahan-bahan sejarah dan warisan bangsa, Jabatan Muzium-Muzium memanfaatkan dan mengikuti perkembangan penyebaran ilmu dengan menggunakan teknologi *ICT*. Salah satu kaedah yang digunakan ialah untuk mengadakan muzium *virtual online* di bawah Projek D-Warisan yang diperuntukkan sebanyak $4.3 juta.

Mengenai soalan yang ketiga, sehingga sekarang Lembaga Muzium sebagai badan penasihat Jabatan Muzium-Muzium telah mewartakan sebanyak 13 bangunan bersejarah, 13 makam diraja, 4 tapak bersejarah dan 6 buah tugu di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam. Ini termasuklah Istana Darul Hana, Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bangunan Bubungan Dua Belas, Rumah Semaun, Rumah Jerambak, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bekas Bangunan Lapau Lama, Tugu Jam Bandar Seri Begawan, Gerbang Perpuspaan, Tugu Peringatan Pekan Bangar, Batu Tersilah, Bangunan Pejabat Daerah Tutong Lama, Bangunan Bekas Rumah Pegawai Daerah Belait dan Bangunan Bekas Kastam Lama.

Semua makam sultan-sultan yang bersejarah juga telah diwartakan seperti Sultan Hussein Kamaluddin, Sultan Omar 'Ali Saifuddien I, Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Muhamad Jamalul Alam I, Sultan Muhamad Khanzul Alam, Sultan Omar 'Ali Saifuddien II, Sultan Abdul Mumin, Sultan Hashim Jalillul Alam Akamaddin, Sultan Muhamad Jamalul Alam II, Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Makam Sultan Sharif 'Ali dan Sultan Bolkiah pula kini menjadi tarikan pelancong dan penuntut-penuntut sekolah sebagai *open site museum* di Kota Batu. Pada masa ini, kerja-kerja menaik taraf dan memelihara Makam Diraja di kawasan Kubah Diraja sedang dilaksanakan dengan peruntukan lebih kurang $414,000.00. Sementara makam-makam lain akan dilaksanakan dalam tempoh sedikit masa lagi yang satu daripadanya telah diperuntukkan $260,000.00.

Mengenai soalan yang keempat, sebahagian daripada warisan-warisan ini telah diberikan peruntukan tertentu untuk kerja-kerja pemeliharaan, walaupun belum ada peruntukan kewangan khas secara khusus, secara *collective* bagi pemeliharaan keseluruhannya. Ini memandangkan, bahawa terdapat monumen-monumen dan bangunan-bangunan bersejarah termasuk tapak-tapak yang diwartakan adalah di bawah pengurusan *stakeholders* yang lain, iaitu agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Kecuali, sebilangan tapak dan monumen yang tidak mempunyai pemilik khusus. Maka Jabatan Muzium-Muzium akan

menjadi penjaga ataupun *custodian* ke atas tapak-tapak dan monumen-monumen berkenaan.

Bagi pemeliharaan tapak-tapak bersejarah tersebut, Jabatan Muzium-Muzium telah menggunakan peruntukan jabatan yang berulang-ulang. Peruntukan yang ada tidak mencukupi sama ada Peruntukan Kewangan Tahunan yang terdapat di Jabatan Muzium-Muzium ataupun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Permohonan tambahan peruntukan diusahakan bersama dengan Kementerian Kewangan ataupun dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi bagi mendapatkan peruntukan yang bersesuaian bagi membolehkan pengurusan pemeliharaan, termasuk membaik pulih dan penyelidikan dapat dilaksanakan secara berkesan dan bersepadu untuk menangani tapak-tapak bersejarah ataupun bangunan-bangunan yang mempunyai potensi untuk dimajukan ataupun dipelihara kembali (*restoration*) sebagai warisan Negara.

Mengenai soalan yang kelima, melalui Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, Lembaga Muzium telah mengenal pasti bangunan ataupun kediaman-kediaman yang dianggap sebagai warisan bersejarah di Negara ini. Setakat ini, hanya beberapa buah rumah kediaman milik Kerajaan sahaja yang telah dipilih untuk dijadikan sebagai bangunan kediaman yang bersejarah iaitu Bangunan Bubungan Dua Belas, selaku rumah kediaman Residen-Residen British suatu ketika dulu, Bangunan bekas kediaman Pegawai Daerah Belait, Rumah Jerambak dan Rumah Semaun, kedua-duanya bekas kediaman Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Rumah-rumah persendirian atau yang mempunyai penghuni, belum lagi diiktiraf sebagai bangunan bersejarah oleh Lembaga Muzium. Pihak Jabatan Muzium-Muzium, mengalu-alukan jika terdapat cadangan-cadangan daripada orang ramai untuk dinilai kesesuaiannya.

Mengenai soalan yang keenam, semenjak Negara Brunei Darussalam menjadi ahli kepada *Convention Concerning the Protection of the Cultural Natural Heritage*. Pada tahun 2011, satu jawatankuasa kebangsaan telah ditubuhkan untuk mengenal pasti dan seterusnya mengambil tindakan bagi memasukkan warisan bersejarah diangkat sebagai warisannya. Ke arah ini, beberapa langkah telah dijalankan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya sebuah tapak bersejarah untuk dicalonkan sebagai tapak warisan dunia yang terpenting bagi Negara Brunei Darussalam termasuk mendatangkan pakar-pakar bagi membantu mengenal pasti dan membantu dalam proses pencalonan.

Seyogia dimaklumkan, dalam mana-mana syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak *UNESCO* terhadap keperluan pencalonan tapak warisan dunia oleh mana-mana Negara adalah amat ketat. Oleh kerana itu, sebarang pencalonan yang difikirkan bersesuaian, memerlukan langkah-langkah pilihan yang teliti dan pemeliharaan dan pengurusan ke atas tapak-tapak ataupun bangunan-bangunan

bersejarah yang mantap dan *sustainable* pada peringkat nasional sebelum ianya dihadapkan untuk disenaraikan sebagai calon negara di peringkat *UNESCO*.

Dua buah tapak yang dikenal pasti ialah Taman Warisan Tasek Merimbun sebagai satu kawasan warisan semula jadi yang melibatkan Kawasan Konservasi Tanah Paya *(Black Pit Water Conservation Area)* dan aliran Sungai Brunei, *Brunei Historic Rivers Scape* yang merupakan kawasan sejarah keseluruhan Brunei semenjak kurun ke-14 lagi.

Usaha-usaha akan diteruskan bagi mendapatkan pengiktirafan badan *UNESCO* bagi tapak yang dikenal pasti untuk dimasukkan sebagai *World Heritage Site*. Dalam waktu yang sama, kementerian juga perlu berhati-hati dalam membuat sokongan jangan sampai ianya menjejaskan kepentingan pembanguan sosial, ekonomi dan infrastruktor di kawasan-kawasan berkenaan kerana setiap kawasan atau monumen yang sudah diwartakan sebagai tapak warisan dunia di bawah *UNESCO* tidak dapat diubah suai dan dimajukan. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai Perkara V ini ditangguhkan dahulu dan soalan-soalan yang belum sempat dibincangkan akan dibuat kemudian nanti. Sekarang, kita berpindah kepada Perkara Susunan Kerja seterusnya iaitu Perkara VII Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu persatu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 pada hari Khamis yang lalu disebelah petang, Jawatankuasa telah meluluskan peruntukan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kewangan dan pada hari ini kita masih lagi membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta jabatan-jabatan di bawahnya. Walau bagaimanapun sebelum kita meneruskan untuk membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin untuk membuat penyataan terhadap beberapa soalan yang belum sempat dijawab mengenai Kementerian Kewangan, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri untuk bercakap.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir

Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola hanya akan membuat penyataan dua soalan sahaja Yang Berhormat Pengerusi pada pagi ini, iaitu soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai mengapa tambahan sebanyak $1.65 bilion diperlukan dan adakah tidak terdapat perancangan mengenai jumlah perbelanjaan bagi projek-projek?

Soalan kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai skim pinjaman bantuan perumahan tidak dihulurkan oleh Kerajaan kepada tanah lesen tumpang sementara.

Mula-mula, koala akan menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Terlebih dahulu, diucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman berkaitan dengan tambahan harga rancangan berjumlah $1.65 bilion untuk Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Kaola juga menghargai keprihatinan Yang Berhormat akan pentingnya kita semua berbelanja dengan penuh berhemah, akauntabiliti dan menekankan *value for money* serta membuat perancangan yang rapi bagi mengelakkan sebarang pembaziran dan kerugian kepada pihak Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua projek yang diluluskan bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN) adalah projek-projek yang telah dirancang dan diterima dari semua kementerian-kementerian. Pemilihan projek-projek tersebut adalah mengikut keutamaan dan keperluan bagi pembangunan Negara. Walau bagaimanapun, beberapa projek yang telah dipilih tersebut tidak diberikan peruntukan pada awal tahun Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN). Projek tersebut dibincangkan, beberapa maklumat utama dan yang lebih terperinci diperlukan untuk membolehkan jawatankuasa kerja membuat sokongan mengenai jumlah peruntukan yang lebih realistik.

Oleh yang demikian, projek-projek tersebut disenaraikan sebagai projek baru Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang diluluskan tanpa peruntukan. Alhamdulillah, kementerian-kementerian telah pun memberikan maklumat yang diperlukan untuk menilai jumlah peruntukan sebenar bagi projek-projek tersebut.

Di samping itu, Jawatankuasa Kerja Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN) telah menerima pemohon projek-projek baru pada tahun pertama dan kedua Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Dalam hubungan ini, sayugia juga dikongsikan bahawa dalam melaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 pihak Kerajaan perlu bersikap dinamik dan proaktif serta

memberi pertimbangan kepada perkembangan persekitaran dari masa ke masa, khususnya pihak kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada mana-mana projek yang perlu dilaksanakan segera yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat dan dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat, misalnya projek-projek pemangkin dan rejuvinasi di bawah Pelan Induk Bandar Seri Begawan adalah merupakan antara projek baru yang diberikan peruntukan.

Perlaksanaan segera projek-projek tersebut bukan sahaja menambah kepada keindahan Bandar tersebut, tetapi juga akan menyumbang kepada peningkatan kegiatan-kegiatan peniagaan dan perekonomian. Ianya juga akan meningkatkan kesejahteraan rakyat di Negara ini kerana dengan bertambahnya aktiviti perekonomian tersebut dan secara langsung menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Dalam kata lain tambahan peruntukan berjumlah $1.65 bilion tersebut sangat diperlukan untuk membiayai projek-projek yang disebutkan di atas tadi bagi mempastikan semua projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 termasuk projek-projek yang ditunda dari Rancangan Kemajuan Negara Ke-9 dan projek-projek baru akan dapat dilaksanakan dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Semua kementerian dan jabatan insya-Allah akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan pelaksanaan projek-projek masing-masing di bawah Rancangan Kemajuan Negara ini berjalan dengan teratur supaya projek-projek yang tertunda ke Rancangan Kemajuan Negara akan datang akan dapat dikurangkan jumlahnya.

Soalan kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai Skim Pinjaman Bantuan Perumahan Kerajaan yang tidak dihulurkan kepada pemilik Tanah Lesen Tumpang Sementara. Sebenarnya, peraturan berkaitan Skim Pinjaman Bantuan Kewangan Perumahan ini adalah dikawal berdasarkan Surat Keliling Kementerian Kewangan Bilangan 3 / 2012 dan memang sejak skim ini diwujudkan dari awal lagi, salah satu syarat ialah rumah yang akan dibina hendaklah di atas tanah milik pemohon itu sendiri sebagaimana yang kita semua maklum bahawa Tanah Tumpang Sementara *(TOL) Temporary Occupation License* adalah tanah milik kerajaan yang dibenarkan untuk digunakan secara sementara oleh mereka-mereka yang berkenaan bagi tujuan-tujuan tertentu yang lesennya perlu diperbaharui pada setiap tahun. Daripada maklumat yang Kementerian Kewangan terima dari Kementerian Pembangunan tanah-tanah *TOL* tidak boleh dicagarkan bagi pinjaman kepada mana-mana pihak. Dalam hal ini, kaola ingin juga mengkongsikan bahawa selain kemudahan untuk membina rumah, Surat Keliling Bilangan 3 / 2012 juga memberikan beberapa kelongggaran untuk dipohonkan seperti berikut :

i) Kemudahan untuk membeli rumah yang sudah siap dari orang

perseorangan atau pun pemaju (*developer*);

ii) Kemudahan untuk membeli tanah dengan had maksimum 2 tahun gaji boleh *loan* itu digunakan untuk membeli tanah. Permohonan pembinaan rumah boleh dihadapkan, secara berasingan kemudian jumlah pinjaman dihadkan kepada jumlah maksimum pinjaman semasa permohonan pembinaan rumah dihadapkan ditolak dengan jumlah pinjaman tanah yang diluluskan;

iii) Mengubah suai dan menambah baik rumah yang sedia ada; dan

iv) Menjelaskan kos membina ataupun membeli rumah yang dibiayai melalui pinjaman bank atau insitusi kewangan.

Bagi perkara ini, jumlah pinjaman adalah dihadkan kepada baki jumlah pinjaman yang akan dibayar kepada bank atau institusi kewangan berkenaan dan tertakluk kepada nilai tafsiran rumah oleh pihak Jabatan Kerja Raya, mana-mana yang terendah.

Di sini, kaola juga ingin mengambil kesempatan, untuk menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa selain menyediakan kemudahan untuk memiliki rumah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, pekerja-pekerja sektor swasta juga turut dihulurkan kemudahan untuk memiliki rumah, misalnya melalui kemudahan bayaran ansuran bagi rumah-rumah di bawah skim-skim Perumahan Negara dan subsidi serta jaminan pulangan minimum di bawah Skim Tabungan Perumahan di bawah Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Bagi Skim Tabungan Perumahan di bawah Tabung Amanah Pekerja (TAP) ini, sehingga 28 Februari 2014, seramai 882 Ahli Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah menyertai skim ini. Seramai 21 peserta telah layak menerima bantuan kewangan memiliki rumah sebanyak $25,000.00 setiap keluarga. Sekianlah, yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) atas penjelasan Yang Berhormat berikan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih untuk membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A. Pada hari Khamis, sebelah petang yang baru lalu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memberikan pernyataan mengenai kementerian berkenaan.

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya mana-mana perkara yang telah pun dijelaskan secara terperinci dan sudah diliputi dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu, maka, tidaklah payah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain membangkitkan perkara-perkara sedemikian. Begitu juga, saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sekiranya ada soalan ditimbulkan

mengenai perkara Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menjelaskan tidaklah, payah dijawab.

Saya telah diberikan senarai nama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk mengemukakan soalan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada beberapa persoalan kepada beberapa Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri :

1. Jabatan Buruh. Sewaktu sesi muzakarah bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola telah menyuarakan tentang masalah pembantu rumah (amah) yang bermasalah kerana berhenti dan pulang ke negaranya sebelum tamat tempoh perjanjian, biasanya dua tahun. Akhirnya, majikan terpaksa menanggung beban, dan hilang duit bayaran *fee* sebanyak $2,000.00 atau mungkin sesetengahnya lebih. Dalam hal demikian ini, kaola khuatiri mungkin berlaku sindiket *human trafficking*, berlaku tanpa disedari kerana ianya pernah berlaku. Tidak lama kemudian, pekerja yang sama kembali bekerja di negara kita dengan majikan yang baru. Tidak mustahil kegiatan seumpama ini akan terus berlaku dan berlaku.

   Kaola telah dimaklumkan oleh Pemangku Pesuruhjaya Buruh, bahawa pihak Jabatan Buruh akan merancang untuk mengadakan *MOU* dengan negara-negara yang mendatangkan amah ke Negara Brunei Darussalam. Kaola ingin mengetahui perkembangan usaha ke arah itu, adakah sudah dilaksanakan atau masih dalam perancangan?

2. Kaola sukacita juga mencadangkan supaya Agensi Pengambilan Tenaga Kerja (APTK) dapat melaratkan cawangannya ke Daerah Belait bagi memudahkan pencari-pencari peluang pekerjaan di daerah tersebut berurusan.

   Seterusnya Jabatan Daerah Belait. Pada akhir-akhir ini, aktiviti-aktiviti Jabatan Daerah Belait rancak memberi kerjasama kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dalam mengelinga atau menyelaras dan kadang-kadang membiayai dalam sekala kecil membina rumah-rumah orang daif di daerah tersebut. Di samping terus memajukan jalan-jalan kecil di kawasan kampung pedalaman dan banyak lagi bidang-bidang tugas yang dipikul oleh Jabatan Daerah tersebut, termasuklah kerja-kerja pembuangan sampah di kawasan pedalaman seperti di Kampung Merangking, Kampung Bukit Sawat dan lain-lain. Kaola sukacita mencadangkan supaya kerja-kerja pembuangan sampah di pedalaman di kampung-kampung yang kaola sebutkan di atas tadi, akan dapat diambil alih oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Taman dan

Rekreasi (JASTRE). JASTRE adalah agensi yang bertanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar termasuk pembuangan sampah. Dengan demikian, Jabatan Daerah Belait akan dapat memfokuskan tugas-tugas luar bandarnya dengan lebih teratur, terurus demi memberi keberkesanan kepada kesejahteraan masyarakat.

3. Jabatan Bomba dan Penyelamat. Anggota Bomba dan Penyelamat telah menunjukkan prestasi yang begitu cemerlang, bersama-sama dengan anggota keselamatan yang lain, serta telah dapat memainkan peranan mereka bukan sahaja di waktu banjir, yang baru berlaku pada bulan Januari yang baru lalu, tetapi juga banjir dan tanah susur sebelumnya.

Kaola di Dewan yang mulia ini, sukacita menyampaikan suara anggota-anggota bomba di negara ini, memohon pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kiranya dapat memanjangkan sokongan kepada pihak yang berkenaan bagi mempertimbangkan kemudahan Elaun Kurnia Khas supaya dapat diselaraskan pembayarannya dengan anggota berunifom yang lain, seperti anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan anggota di Jabatan Penjara seperti mana dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat, izinkan kaola membaca sebahagian daripada titah Baginda. *"Menyedari hakikat untuk menampung sara hidup, gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta, terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah, maka mulai 1 Julai 1987 Beta telah menganugerahkan Elaun Kurnia Khas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta daripada Bahagian II ke bawah sebanyak $100.00 sebulan, dan mulai 1 Mei 1991, dinaikkan kadarnya pada $150.00 hingga $200.00 sebulan dengan melaratkannya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan-Jabatan Bomba dan Penjara yang sudah menerima Elaun P."*

Yang Berhormat Pengerusi, demikian antara lain titah Baginda.

Yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat, maafkan kaola kerana terpaksa meristakan lagi isu *rezoning* mukim dan kampung atas permintaan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung yang berkenaan di seluruh negara, kerana kalau tidak disampaikan berdosa jua karang kaola. Perkara tersebut, telah beberapa kali dipercakapkan dan disuarakan, sama ada di dalam Dewan yang mulia ini mahupun di luar sana. Namun, belum ada

reaksinya untuk dilaksanakan atau pun sebaliknya.

Kaola memang menyedari, bahawa bukan mudah untuk mencari resolusi ke atas perkara tersebut. Walau bagaimanapun, kaola penuh percaya atas kebijaksanaan dan keprihatinan para pegawai di Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Perkara *rezoning* ini, tentu akan dapat diatasi dengan penuh tanggungjawab demi kebaikan dan kesejahteraan penduduk di bawah jagaan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan di seluruh negara. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad wakil Daerah Belait, Zon 1. Yang Berhormat tadi menimbulkan masalah pembantu rumah, iaitu amah yang balik sebelum tempoh kontrak selesai dan kemudian didapati individu yang sama juga didapati datang semula ke Negeri ini. Jadi, menurut Yang Berhormat, pemerhatian beliau melihat kemungkinan sindiket *Human Trafficking.*

Jadi, bagi kaola sukar untuk mengatakan kemungkinan sedemikian itu. Apa yang nyata ialah Agensi-Agensi Pekerjaan Pengambilan Pekerja, memang mempunyai *pool* bakal-bakal tenaga kerja yang akan datang ke Negeri ini dari negeri asalnya dan dalam *pool* itu termasuklah orang-orang seperti ini. Sebaiknya majikan yang benar-benar mempunyai kontrak ataupun akur janji dengan agensi pekerjaan akan dapat menyelesaikan masalah ini antara mereka berdasarkan 'aku janji yang ada'.

Kementerian dan Jabatan Buruh mengkhuatiri, Yang Berhormat Pehin ialah setengah-setengah majikan mengambil pekerja-pekerja tidak melalui agensi-agensi yang berlesen, yang apabila terjadinya kejadian seumpama ini, sukar untuk diambil tindakan menurut undang-undang atau untuk membantu majikan-majikan mendapatkan balik wang yang telah dibelanjakannya.

Mengenai *MOU* yang sedang diusahakan sejauh ini dengan Pemerintah Republik Indonesia, yang sebenarnya termasuk dalam persetujuan kerjasama kedua-dua belah pihak dalam skop yang luas. Ia telah pun selesai di peringkat permesyuaratan awal teknikal dan jangkanya setelah Menteri Tenaga Kerja dan Imigrasi datang ke Brunei pada waktu yang lalu.

Dijangkakan ada mesyuarat susulan di Jakarta Indonesia. Namun, sehingga setakat ini belum ada tarikh yang ditetapkan dan belum ada lagi cadangan balas yang diterima oleh Jabatan Buruh untuk pihak kita menimbangkan butir-butir perjanjian dalam *MOU* itu.

Mengenai bantuan rumah orang daif, sebagai contoh yang Yang Berhormat, memujilah saya bahawa Jabatan Daerah Belait melakukan *co-business*nya dan melakukan bantuan-bantuan kepada orang-orang daif. Tetapi ada satu perkara Yang Berhormat ingin supaya khidmat mengutip sampah di kawasan-kawasan pedalaman yang sekarang ini dilakukan oleh Jabatan Daerah Belait itu supaya diambilalih diserahkan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRE). Jadi, perkara ini bolehlah kaola mengatakan *noted* ataupun diambil maklum dan tertakluk juga jika rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjelaskannya nanti.

Mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat, dipuji juga telah melakukan tugasnya yang sama dengan anggota-anggota perkhidmatan yang beruniform. Ada satu perkara, anggota-anggota bomba ini tidak menerima Elaun Kurnia Khas sebagaimana anggota-anggota yang beruniform yang lain, Yang Berhormat menyampaikan supaya Kementerian akan dapat menyampaikan atau memanjangkan kepada pihak-pihak berkenaan mengenai kedudukan mereka ini yang tidak mendapat Elaun tersebut, kaola mengambil ingatan ataupun mencatat untuk perhatian Kementerian.

Seterusnya, mengenai isu *rezoning* kampung, kaola mengakui perkara ini sudah lama disebut-sebut dan belum juga ada hasilnya, Ketua-Ketua Kampung dan Penghulu-Penghulu memang menunggu dan sebahagian daripada mereka memang tahu apa permasalahannya terutama sekali kampung-kampung yang terlibat dengan *rezoning* itu.

Permasalahannya yang besar pada peringkat ini ialah apabila didapati dalam cadangan-cadangan *rezoning* itu perkara-perkara yang sukar untuk dilaksanakan terutama sekali apabila mengambil kira bukan sahaja saiz penduduk tetapi juga ialah kawasan-kawasan yang berkaitan. Yang paling mustahak sekali kerana prinsip dalam *rezoning* itu akan mengekalkan keadaan masyarakat setempat.

Jadi *rezoning* seboleh-bolehnya tidak akan menyentuh kampung-kampung pedalaman sekalipun bilangan penduduknya kecil dengan kawasan yang luas ataupun sebaliknya penduduknya kecil juga kawasannya tetapi mereka mempunyai kekhususan dari segi adat resam masing-masing. Jadi, kementerian sangat berhati-hati supaya tidak menimbulkan sebarang *upset* oleh kerana perubahan-perubahan dari *rezoning* itu. Namun, pada keseluruhannya kaola dapat menjelaskan di sini, bahawa Kertas Rezoning itu sudah di peringkat akhir untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sukacita merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu : "supaya Dewan ini memberikan tumpuan perbahasan mengenai kesejahteraan pekerja-pekerja pihak swasta". Pada pandangan saya antara perkara-perkara yang boleh dibuat ke arah kesejahteraan para pekerja pihak swasta ini seperti cadangan yang berikut :

1. Sebagai satu *jump start* (langkah permulaan), disediakan dokumen garis panduan polisi dan amalan-amalan terbaik pengurusan sumber tenaga manusia bagi peniaga kecil dan sederhana (PKS). Garis panduan ini hendaklah mengambil kira perundangan-perundangan negara yang sedia ada, keperluan selebihnya bolehlah dimasukkan, sebagai *non binding* tidak mengikat yang boleh dijadikan sebagai rujukan bagi para PKS untuk menggubal polisi dan melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan sumber tenaga manusia masing-masing. Untuk membolehkannya digunakan secara meluas dipelbagai industri dan keadaan perniagaan, dokumen ini hendaklah seperti saya katakan tadi *non binding, flexible and adaptable.* Antara terma rujukan kandungan dokumen ini ialah :

   i. Panduan gaji dan manfaat yang berkaitan dengan kewangan,

   ii. Pengendalian sumber tenaga manusia yang saksama dan sistematik;

   iii. Rancangan tenaga kerja;

   iv. Pengambilan dan pemilihan pekerja;

   v. Penilaian prestasi; dan

   vi. Pembelajaran perkembangan dan laluan kerjaya.

   Memandangkan ianya memerlukan *input* daripada berbagai syarikat berkepentingan, penyediaan dokumen ini bolehlah diterajui bersama oleh Syarikat-Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Negara yang sudah *establish* (mantap) dengan sokongan pihak Jabatan Buruh.

2. Ditingkatkan profesionalisme Jurusan Pengurusan Sumber Manusia termasuk menubuhkan badan profesional Pengurus-Pengurus Sumber Manusia yang saya faham belum lagi tertubuh di Negara ini. Selain mengadakan kursus yang bersesuaian di institusi berkenaan, badan profesional seperti itu akan dapat menonjolkan kepentingan sumber manusia dan mengenal pasti serta tindakan yang berasaskan perundangan kesaksamaan dan amalan terbaik.

Penubuhan badan berkenaan bolehlah dimudah cara oleh Jabatan Buruh. Ini bercontoh kepada Kementerian Pembangunan, yang secara berterusan memberi sokongan kepada badan profesional di bidang kejuruteraan, seni bina dan juruukur. Sokongan yang sedemikian adalah sangat dihargai oleh profesional-profesional berkenaan.

Kedua saranan yang saya sebutkan tadi memerlukan sokongan serta galakan pihak Kerajaan dengan Jabatan Buruh sebagai *enabler* (penyelaras). Bolehlah dijadikan antara pembuka jalan maju ke hadapan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan hal ehwal kesejahteraan pekerja swasta ini, kita sama-sama merasa terharu dengan kehilangan 3 jiwa dalam kejadian kebakaran di sebuah bengkel perabot baru-baru ini. Saya ingin tahu, sudahkah dikenal pasti sokongan serta tindakan yang perlu diambil dalam memastikan perkara seperti ini tidak berulang? Di samping itu, kesihatan serta keselamatan pekerja sentiasa mendapat perhatian.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, wakil Orang-Orang Yang Mencapai Kecemerlangan.

Kaola tidak akan berpanjang lebar menjawab atau menjelaskannya kerana perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sangat baik dan selari dengan apa yang kaola jelaskan ataupun sebutkan dalam ucapan menyokong cadangan sembah menjunjung kasih atas kurnia Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana kaola ada menyebutkan inisiatif Kementerian menyediakan satu kertas yang akan dikira dapat memberikan pertimbangan antara layanan-layanan yang diberikan kepada pekerja-pekerja asing dengan pekerja-pekerja tempatan. Saya faham daripada percakapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi, kesejahteraan pekerja dalam sektor swasta itu maksudnya pastilah pekerja tempatan.

Jadi, kertas itu akan dilengkapkan dengan *input-input* yang didengar baru sebentar tadi. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat terutama sekali mengenai beberapa cadangan-cadangan supaya Jabatan Buruh mengambil langkah ataupun inisiatif menjadi pemudah cara bagi penubuhan badan profesional dalam perkara tenaga manusia ini, seperti mana jua Kementerian Pembangunan telah melakukannya dengan penubuhan badan-badan perofesional yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Mengenai kejadian kemalangan jiwa dalam kebakaran itu, selain laporan kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, setakat ini Kementerian belum mengetahui sokongan-sokongan yang jitu dan tepat bagi mengatasi masalah-masalah seumpama itu berlaku di kemudian hari. Yang nyata, ada beberapa perkara yang patut diambil perhatian, bukan sahaja oleh Jabatan Bomba atau pihak-pihak jabatan Kerajaan malah juga oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam perusahaan dan perindustrian untuk memastikan keselamatan pekerjanya dan juga keselamatan harta benda syarikat.

Jadi dalam hal ini, memanglah kitani mengetahui kalau ada laporan-laporan yang jelas mengenai punca-punca kebakaran dan bagaimana 3 orang mangsa itu terperangkap dalam api yang besar, cepat menyala itu maka akan lebih jelas lagi bertapa pentingnya majikan-majikan ataupun syarikat-syarikat, pengusaha-pengusaha untuk memastikan keselamatan pekerja-pekerjanya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu untuk berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, peringkat Jawatankuasa disambung dan masih lagi membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin membuat penyataan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai sama ada pihak JASTRE boleh mengambilalih beberapa tugas ataupun bidang kerja yang dilaksanakan oleh Jabatan Daerah, seperti pembuangan sampah di kawasan-kawasan pedalaman.

Dalam perkara ini melibatkan dua kementerian iaitu kementerian yang memang sudah bertanggungjawab dalam perkara ini iaitu melalui Jabatan Daerah dan Kementerian Pembangunan iaitu melalui JASTRE. Oleh kerana ianya melibatkan dua kementerian berkenaan, eloklah perkara ini dirundingkan dengan sempurna antara dua kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan, kerana dalam perkara ini, bukan sahaja isu mengambilalih kerja, tetapi juga ia melibatkan peruntukan, pegawai dan kakitangan dan tanggungjawab lain. Jadi, perkara ini eloklah dirundingkan antara dua kementerian ataupun jabatan berkenaan.

Mengenai persoalan, mengapa Tanah *TOL* tidak dapat diberi *loan* Kerajaan? Yang sebenarnya Tanah *TOL* ini bukanlah milik seseorang yang berkenaan. Tanah *TOL* masih milik Kerajaan, hanya pada penggunaan sementara sahaja.

Jadi, mana-mana yang bukan milik sendiri itu, tidaklah dapat dicagarkan ke bank dan sebagainya ataupun dicagarkan kepada mana-mana pihak. Jadi, mana-mana bank yang memberi pinjaman adalah atas risiko bank itu sendiri dan yang difahami, pinjaman itu adalah berbentuk *personal loan*, bukannya *loan* seperti yang dimaksudkan itu.

Jadi pihak Kerajaan memanglah tidak dapat memberikan *loan* sebabnya bukan milik tanah orang yang memohon *loan* itu. Kalau tanahnya sendiri, itu lain ceritanya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada dua perkara :

1) Dalam Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013 / 2014, terdapat $5 juta disediakan untuk pengurusan bencana alam. Tetapi, bagi Tahun Kewangan 2014 / 2015, ianya telah dikurangkan kepada hanya $3 juta dan bakinya dipindahkan kepada Peruntukan Kementerian Kewangan. Perkara ini juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam taklimat di dalam Dewan yang mulia ini. Saya hanya ingin mengetahui apakah signifikan dan alasan pemindahan tersebut? Adakah sudah memadai dengan peruntukan yang ada sekarang bagi menangani sebarang kemungkinan pengurusan bencana alam?

2) Dalam Peruntukan Kewangan 2014 / 2015, disediakan peruntukan bagi menarik taraf *Resurfacing Existing Car Parks and Roads* di kawasan Pasar Gadong. Soalan saya, bagaimana pula kawasan yang digunakan untuk berjaja atau berniaga sebelah malam yang masih menggunakan kemah-kemah sementara di kawasan Pasar Gadong yang kurang selesa dan kurang teratur? Begitu juga, di kawasan Tamu Kianggeh, di kawasan Bandar Seri Begawan, bukan sahaja didatangi oleh orang-orang kitani tetapi juga pelancong luar negara.

   Walaupun kita telah dimaklumkan dalam sesi muzakarah, bahawa kawasan yang disebelah Pasar Gadong akan digunakan sedikit masa lagi, tetapi adakah jumlah petak yang ada mencukupi bagi menampung peniaga yang sedia ada. Adakah di Daerah Brunei Muara juga merancang untuk membangun tempat berniaga seperti yang ada di Daerah Tutong, Temburong dan

Belait yang lebih selesa dan teratur? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin wakil Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan.

Kaola sempat mencatat mengenai Peruntukan $5 juta dari bencana alam yang dikurangkan dan dipindahkan kepada akaun fokus perbelanjaan di Kementeian Kewangan yang telah pun saya jelaskan, tapi Yang Berhormat ingin tahu apakah signifikan pengurangan tersebut?

Secara ringkas, dapat dinyatakan bahawa pengurangan itu berdasarkan perbelanjaan yang sebenarnya sudah diikutkan pada tahun-tahun sebelumnya. Maknanya, beberapa projek ataupun beberapa rancangan pembelian barang-barang dapat ditampung dengan perbelanjaan sejumlah sekian. Ditambah lagi dengan keperluan menghadapi bencana daripada semasa ke semasa, termasuk pada tahun lepas, banjir, angin kencang dan seterusnya.

Jadi, signifikannya bukan apa-apa Yang Berhormat Pengerusi, kerana secara realisitik, Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan itu pada bila-bila masa jika ianya diperlukan semula.

Berhubung dengan peruntukan untuk *Resurfacing Existing Car Parks and Roads* di kawasan Pasar Gadong, bagaimana pula halnya dengan keadaan Pasar Malam yang hanya dengan kemah dan juga Tamu Kianggeh. Mengenai Tamu Kianggeh, ada juga diberikan peruntukan dan rancangan sekarang berjalan dalam Fasa pertama untuk memperbaiki keadaannya. Fasa pertama akan selesai dalam bulan April. Fasa kedua dalam peruntukan yang ada akan dilanjutkan lagi. Jadi kita memang tidak membiarkan keadaannya terbiar, tidak terurus ataupun tidak diperbaiki. Alhamdulillah, rancangan itu sudah berjalan dan akan berjalan mengikut fasa-fasanya.

Mengenai Pasar malam yang berkhemah di Gadong, sebenarnya memang kalau dikirakan ia bersifat sementara. Kalau mengikut penilaian berkenaan kesihatan, keadaannya pada masa ini tidak *compliance* dari segi kesihatan. Jadi usaha-usaha untuk memperbaikinya akan difikirkan termasuklah memikirkan bagaimana untuk mereka bergiat di Pasar malam itu dalam keadaan yang selesa, sesuai dengan keperluan-keperluan yang berbangkit.

Sebelum itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin meminta maaf dalam dewan ini kerana tidak sempat menjelaskan pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad dari Daerah Belait, berhubung dengan APTK yang tidak ada di Daerah Belait. Sebenarnya, APTK itu tugas-tugasnya di daerah-daerah dijalankan atau diserapkan dalam Jabatan Buruh Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, urusan-urusan mengenai APTK itu ada di Jabatan Buruh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu yang pertama kaola akan bawa ialah Lembaga Bandaran dan Daerah Tutong.

Salah satu dari isu yang kaola bawa dalam Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas ialah pembisaian Pekan Tutong. Syukur alhamdulillah, terdapat perubahan dan pembaikan ke atas landskap Pekan Tutong. Kaola berharap keadaan ini sentiasa diperbaiki dan diharap peruntukan tahunan bagi pemeliharaan dan pemulihan kawasan-kawasan berterusan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian kawasan yang perlu diperbisaikan lagi, seperti kawasan Pantai Seri Kenangan, kawasan Istana Pantai, kawasan luar kubur di Pekan Tutong dan infastruktur Perkampungan Rumah Budaya Sungai Basong dan bekas tapak rumah Pegawai Daerah yang telah dirobohkan baru-baru ini.

Jika usaha pembisaian dapat dilakukan, maka Daerah Tutong akan terus berubah wajah dan sangat menarik dan dapat pula menjadi tarikan kepada eko pelancongan. Sesuailah Pekan Tutong sebagai pusat pentadbiran dan perusahaan dan tidak lagi menjadi tempat pelintasan tetapi menjadi tempat persinggahan.

Kecantikan tidak mencukupi bagi menjadikan Pekan Tutong lebih indah dan menarik. Tempat akitiviti-aktiviti yang boleh menjana ekonomi penduduk daerah ini, seperti industri sampingan, contohnya industri hilir dan lain-lain.

Dalam hal ini, kaola percaya kerajaan sudah tentu mempunyai perancangan dalam memajukan Daerah Tutong dengan mengambil insiatif fokus kepada cara perkembangannya, perekonomian penduduk daerah ini.

Isu kedua, mengenai dengan pekerja *freelance*. Kita sering terbaca di akhbar-akhbar tempatan, kes-kes rompakan, pecah rumah, pecah kereta, kecurian, penipuan, penyeludupan dan sebagainya. Kes-kes jenayah ini semakin meningkat jika kita buat penilaian ke atas kes-kes ini, kebanyakan dilakukan oleh pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Ada di antara pekerja-pekerja asing ini membuat kerja-kerja persendirian sebagai *freelance*. Mereka ini menawarkan berbagai jenis kerja dan perkhidmatan yang mereka boleh lakukan asalkan mereka mendapat kerja untuk menyara kehidupannya.

Pekerja-pekerja seperti ini pada mulanya didatangkan ke Negara ini mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Sebahagian besar mereka ini adalah buruh binaan dan setelah projek selesai, mereka terus tinggal di negara ini di bawah jaminan majikannya. Mereka akan membayar wang jaminan secara bulanan kepada majikannya untuk membolehkan mereka terus tinggal di Negara ini. Untuk menyara hidup, mereka terpaksa mencari pekerjaan.

Kita tidak dapat nafikan usaha-usaha Bahagian Penguatkuasa daripada beberapa agensi Kerajaan termasuk Jabatan Buruh dalam membenteras pekerja-pekerja *illegal* ini dengan membuat serbuan dan tangkapan. Dalam pandangan dan pendapat kaola, masih terdapat pekerja asing yang membuat kerja lain daripada *employment pass* yang dibenarkan.

Kalau kita tinjau di Pasar Tani Sengkurong, berapa ramaikah peniaga yang terdiri daripada rakyat tempatan? Pengusaha katering juga ramai dikendalikan oleh pekerja luar dan juga kerja-kerja lain. Untuk mengekang bertambahnya pengusaha-pengusaha yang *employment pass* mereka lain dari kerja yang dilakukan, maka jabatan berkenaan diminta supaya kontraktor-kontraktor yang sudah tidak mempunyai projek untuk melaporkan ke Jabatan Buruh dengan membatalkan pas kerja mereka. Jika gagal berbuat demikian, majikan tersebut hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya.

Selain itu, Ketua-Ketua Kampung hendaklah lebih proaktif dengan menguasai pendaftaran penghuni rumah sewa di kampungnya. Dengan cara ini, mereka dapat membantu Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen untuk mengesan pekerja-pekerja asing yang *permit* kerja mereka sudah mansuh. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, wakil daripada Kalangan Orang-Orang Yang Mencapai Kecemerlangan.

Berhubung dengan Lembaga Bandaran, Daerah Tutong dan terima kasih atas pujian yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, kerana Lembaga Bandaran, Daerah Tutong telah memberikan respons yang baik kepada cadangan-cadangan untuk pembisaian bandar yang terdapat pada masa ini dan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengharapkan supaya ianya berterusan dan diberikan peruntukan yang mencukupi.

Memang ada dalam peruntukan pada tahun ini, bagi tujuan-tujuan tersebut bagi Lembaga Bandaran, Daerah Tutong. Tetapi, untuk meneruskannya ke kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar tadi, seperti Pantai Seri Kenangan dan beberapa kawasan berkenaan, kaola ingin menyatakan bahawa kawasan tersebut tidak termasuk dalam Lembaga Bandaran, Daerah Tutong pada masa ini. Kalau dilihat pantai tersebut dari aspek pantai

dan rekreasi, kaola percaya agensi lain yang bertanggungjawab untuk pembisaiannya dalam hal ini.

Mengenai pekerja *freelance* yang disebutkan awal dalam pernyataan malahan beberapa saranan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar tadi, kaola mengalu-alukannya terutama sekali ada menyatakan peranan Ketua-Ketua Kampung untuk lebih aktif, antaranya untuk bergerak mendaftar rumah-rumah sewa di kawasan masing-masing sebagai suatu pemikiran yang baik yang kaola harap pihak berkenaan di daerah-daerah untuk mengambil langkah yang bersesuaian.

Keseluruhannya, perkara yang dibangkitkan dalam soalan kedua itu tadi ialah :

i. Jenayah oleh pekerja asing;

ii. Sikap majikan yang mengambil keuntungan daripada pekerja asing; dan

iii. Menyalahgunakan tempat berniaga untuk anak-anak tempatan tetapi digunakan oleh orang asing seperti Pasar Tani.

Berkenaan dengan jenayah oleh pekerja asing tersebut, apa pun puncanya sebagaimana pada permulaan pekerja-pekerja asing tersebut datang ke Negara ini adalah teratur tetapi setelah habis kontrak, mereka terus tinggal di Negara ini dengan jaminan majikan. Maka, di sinilah puncanya, habis kontrak, habis projek tetapi masih ingin tinggal di Negara ini dengan jaminan majikan. Jadi, orang kitani sendirilah harus menimbangkan perkara ini.

Jikalau benar orang-orang yang dijamin itu, berkemungkinan besar apabila tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan tidak dapat memenuhi keperluan mereka, maka mereka akan melakukan perkara-perkara jenayah.

Jadi, hal-hal ini berpunca daripada majikan memberikan laluan kepada mereka ini untuk tinggal di Negara ini dengan menyokong ataupun meminta mereka ini diberikan pas kerja yang berlanjutan. Jadi, kaola berseru supaya majikan-majikan seumpama ini berfikir dua kali, tidak semata-mata untuk kepentingan mereka tetapi untuk kepentingan keselamatan dan ketenteraman masyarakat kitani Brunei pada keseluruhannya.

Berdasarkan kepada angka orang-orang asing yang diusir (*deported*), berikutan daripada kesalahan yang dilaporkan oleh pihak polis sama ada yang sudah dipenjara dan sebagainya, bilangannya adalah tinggi, Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, memang ada kebenarannya, jenayah-jenayah tersebut dilakukan oleh orang-orang asing berkenaan.

Hal ini juga melibatkan sikap orang kitani sendiri iaitu Pasar Tani diperuntukkan untuk satu badan ataupun pertubuhan di kawasan berkenaan dan mereka mengendalikannya. Dari pengendalian

ini, didapati berkesan untuk perniagaan yang mendatangkan keuntungan. Walau bagaimanapun, kawalan untuk mereka itu membantu Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar, dalam erti kata, memenuhi keperluan orang-orang tempatan untuk berniaga, dasar-dasar untuk mengawasi supaya tidak ada penyalahgunaan pas-pas kerja maka hal-hal sedemikian itulah yang mendukacitakan.

Sehingga sekarang ini, beberapa operasi dan tindakan-tindakan yang bersesuaian telah diambil dan dilakukan namun, dalam kes penyalahgunaan tempat pasar tani berkenaan, Yang Berhormat Pengerusi, adalah perkara berpanjangan.

Kaola mengucapkan terima kasih sekali lagi atas perhatian Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dalam perkara ini dan kaola berharap melalui perkara yang ditimbulkan tersebut bukan sahaja hal pasar tani tetapi juga kejadian-kejadian jenayah oleh pekerja-pekerja asing yang terus tinggal setelah tamat kontrak atau habis satu-satu projek dan masih juga dijamin oleh majikan supaya perkara ini mendapat perhatian umum. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawakan 5 perkara di bawah Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola akan menimbulkan 2 perkara:

1. Peperiksaan untuk mendapatkan taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam yang umumnya diketahui calon dimestikan untuk menduduki ujian bertulis ataupun lisan.

   Kaola ingin bertanya, apakah ada rancangan pihak Jabatan berkenaan untuk menambah lagi ujian tulisan yang khusus mengenai kefahaman Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah? Natijah daripada cadangan ini, ialah supaya mana-mana warga asing yang mahu menjadi rakyat Negara ini bukan sahaja taat setia, tetapi mereka juga diperlukan untuk serasi dengan Brunei antaranya, berbahasa Melayu dan juga memahami dan meyokong akan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

2. Yang Berhormat Pengerusi, bagi menghadapi apa jua kecemasan yang berlaku di Daerah Temburong, apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan bagi mempertingkatkan lagi keupayaan dalam menghadapi dan menangani bencana alam

seperti banjir, tanah susur, kebakaran hutan, angin kencang yang melibatkan pokok tumbang dan atap terbang. Perkara yang kaola maksudkan di Dewan yang mulia ini, ialah dari segi keberkesanan bagi menangani perkara-perkara yang berlaku seperti keanggotaan, peralatan dan perhubungan.

3. Mengenai Jabatan Buruh. Isu untuk mendatangkan pekerja asing *(foreign worker)* berdasarkan Peraturan Agensi Pekerjaan Asing, 2004 yang dikuatkuasakan pada awal tahun 2012, ia sebagai usaha menjadikan agensi-agensi pekerjaan pengambilan tenaga asing ini berlesen dan memudahkan lagi urusan antara pihak majikan dengan pihak Jabatan Buruh dari segi akauntabiliti. Sejak peraturan itu dikuatkuasakan sehingga kini, masih jua didengar rungutan orang ramai terhadap proses pengambilan pekerja asing termasuklah amah, terutama sekali mengenai kos yang terlalu tinggi untuk mengambil pekerja asing sejak dulu hingga kini. Wang Deposit Tetap diperlukan dari majikan dalam nilai yang tinggi mencecah melebihi $1,000.00 sebagai wang pinjaman pendahuluan kepada amah dan selepas kedatangan amah, amah tersebut membayar secara ansuran kepada majikan sehingga selesai.

   Persoalan kaola, apakah ada rancangan Jabatan Buruh menggubal peraturan yang ada supaya kos wang pinjaman pendahuluan diperaturkan supaya ditanggung oleh agensi pekerjaan yang berlesen, daripada ditanggung sendiri oleh pihak majikan atau yang mempunyai lesen kuota.

   Bagi pendapat kaola Yang Berhormat Pengerusi, jika dipindahkan tanggungjawab beban menyediakan kos deposit itu, ia akan menjadikan agensi pekerjaan yang berlesen lebih bertanggungjawab dan akauntabiliti dalam memastikan amah-amah yang dibawa masuk ke Negara ini adalah layak, sesuai, berkemahiran yang diperlukan dan benar-benar mahu bekerja.

   Dalam perkara ini, samalah juga bagi mendatangkan pekerja asing yang kurang berkemahiran tidak seperti mana yang dikehendaki. Contohnya mengambil Tukang Kebun tetapi bila sampai ke Negara ini ia tidak pandai berkebun, di mana pekerja tersebut mengatakan ia tidak memohon kerja sebagai Tukang Kebun.

   Selain itu juga, masalah majikan atau ejen di Negara ini ditipu oleh ejen pekerja luar negara. Pada pandangan kaola, ada baiknya pihak berkaitan mengeluarkan surat kebenaran kepada agensi di luar negara yang berhajat untuk menyalurkan atau mengirim pekerja ke Negara Brunei Darussalam. Contohnya, mereka hendaklah didaftarkan juga di kedutaan dan suruhanjaya Negara di setiap negara yang mengirim tenaga pekerja ke Brunei. Dari sini, dapatlah diberikan

syarat atau peraturan agar agensi ini mengirim pekerja yang sudah mempunyai pengalaman atau latihan khusus bagi jawatan-jawatan yang di dalam *job-order.* Di samping itu, ia boleh mengawal agensi-agensi yang mempunyai niat untuk menipu pelanggan ejen atau majikan di Brunei nanti dan boleh mengawal harga yang perlu dibayar oleh majikan yang selama ini ditentukan olah ejen-ejen luar. Pihak ejen di Brunei terpaksa akur dengan permintaan ejen luar yang menentukan harga tetapi tanggungjawab adalah dibebankan kepada ejen tempatan jika terjadi masalah pekerja yang dikirim ke Brunei nanti.

4. Yang Berhormat Pengerusi, dalam Tajuk Pejabat Daerah Temburong. Sebelum kaola menimbulkan 2 perkara, Anggaran Perbelanjaan (2014) Perbekalan 2014/2015 peruntukan diberikan bagi Daerah Temburong pada tahun ini adalah berjumlah $5,481,880 atau $5.4 juta bertambah kepada $92,759 daripada peruntukkan pada tahun lepas yang berjumlah $5,380,930 atau $5.3 juta. Kaola di Dewan yang mulia ini, sukacita untuk merakamkan ribuan terima kasih atas peruntukan yang diberikan bagi Daerah Temburong dan kaola juga tidak lupa untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Temburong kerana telah dapat melaksanakan dan menyelesaikanya dengan lancar dan mengikut jadual, dan apa juga perancangan projek pembaikan dan penaiktarafan kemudahan-kemudahan awam yang dilaksana Daerah Temburong pada tahun lepas.

Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini, perkara pertama yang kaola timbulkan ialah masalah kekurangan rumah, berek, flat bagi pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong terutama sekali bagi jabatan-jabatan yang belum ada perumahan Kerajaan sendiri. Adalah dimaklumi, bahawa perumahan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di Daerah Temburong adalah di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong, dalam membantu mengatasi masalah perumahan Kerajaan di Daerah Temburong.

i. Adakah perancangan kementerian melalui jabatan berkenaan mengatasi masalah untuk menyelesaikan mengenai senarai permohonan untuk mendiami perumahan Kerajaan yang semakin bertambah? Pada pandangan kaola, adalah dicadangkan bagi jabatan-jabatan yang belum ada perumahan Kerajaan sendiri, agar dapat merancang perumahan Kerajaan untuk jabatan mereka sendiri, sesuai dengan keperluannya bagi mencukupi perumahan pegawai Kerajaan di Daerah Temburong yang memerlukannya supaya tidak terlalu lama untuk mereka dalam senarai menunggu. Masalah ini juga dihadapi oleh pegawai pekerja tetap yang akan

berulang alik dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong setiap hari bekerja yang mendatangkan kesulitan bagi mereka bekerja dari jabatan-jabatan berkenaan yang perkhidmatannya diperlukan 24 jam.

ii. Bahawa keadaan pangkalan atau jeti turun naik bagi pelancong di Kampung Batang Duri adalah di bawah kawalan Jabatan Daerah Temburong. Apa yang dilihat pada masa ini bahawa pangkalan tersebut sudah lama, usang dan tidak selamat untuk digunakan. Di samping keadaannya yang kurang menyenangkan terutamanya sekali bagi pelancong dari luar negara. Perkara ini sangat membimbangkan terutama dari segi keselamatan pelancong yang hendak pergi ke Taman Batang Duri dan ke Taman Negara Ulu Belalong.

Pada pandangan kaola, sewajarlah pangkalan tersebut dapat diubah suai dan dinaik taraf dan dicadangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan berkenaan memohon peruntukan kewangan bagi pembaikan kerja tersebut.

5. Yang Berhormat Pengerusi, isu seterusnya ditujukan kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan berhubung dengan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang memegang kad pengenalan ungu dan kulit pasport warna coklat, maka dengan peraturan yang ada pasport warna berkenaan masih bercap di pos-pos kawalan di Negara Brunei Darussalam dan tidak seperti mana pemegang kad pengenalan kuning cuma di*scan* sahaja.

Adalah kaola cadangkan apalah kiranya dapat dipertimbangkan supaya peraturan yang ada akan dapat diringankan peraturannya bagi Penduduk Tetap (kad pengenalan ungu dan pasport warna coklat) dapat diselaraskan sebagaimana pemegangan pasport warna merah yang memegang Kad Pengenalan Kuning di*scan* sahaja di mana-mana pos imigresen di Negara Brunei Darussalam.

6. Yang Berhormat Pengerusi, 2 perkara yang akan kaola timbulkan dalam tajuk ini, seperti berikut:

i. Adalah dicadangkan supaya Pos-Pos Bomba dan Penyelamat Daerah Temburong diadakan lagi di tiga kawasan seperti berikut:

a) Kawasan Batang Duri, Mukim Amo;

b) Kampung Temada, Mukim Bokok; dan;

c) Kampung Labu Estet, Mukim Labu.

Untuk makluman, tujuan untuk mengadakan Pos Bomba dan Penyelamat di Kampung Batang Duri, Mukim Amo adalah bagi memudahkan dan mempercepatkan tindakan

kecemasan di mana Ulu Belalong adalah merupakan destinasi pelancongan dari luar negara dan dalam negeri.

Tujuan untuk mengadakan Pos Bomba dan Penyelamat di Kampung Temada adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan dan tindakan bagi apa jua kecemasan. Ini memandangkan perjalanan masa kecemasan adalah 20 minit daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kampung Rataie Temburong. Tujuan untuk mengadakan Pos Bomba dan Penyelamat di Kampung Labu Estet, adalah juga bagi memudahkan dan mempercepatkan dan tindakan bagi apa jua kecemasan yang berlaku kerana Mukim Labu adalah laluan jalan utama bagi pengguna yang datang dari negara jiran terutamanya dari Sabah yang setiap hari membawa kenderaan berat dan adakalanya membawa bahan-bahan kimia yang berbahaya dan mudah terbakar.

Tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat bukan sahaja membabitkan operasi kebakaran semata-mata, sebaliknya bersedia mencurahkan bakti kepada masyarakat yang memerlukan bantuan lain pada bila-bila masa. Cabaran dan tanggungjawab yang mereka pikul begitu besar dan terpaksa mempertaruhkan nyawa sendiri. Dalam setiap operasi menyelamat mereka sering sahaja menghadapi risiko dan ini termasuklah juga dalam menangani kejadian bencana alam. Jabatan Bomba dan Penyelamat adalah satu-satunya pasukan beruniform yang belum lagi termasuk dalam Skim Berpencen seperti mana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

ii. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola dengan bertawakal kepada Allah Subhannahu Wataala di Dewan yang mulia ini, sukacita mencadangkan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan dapat menyampaikan dan memanjangkan agar pihak Kerajaan mengkaji semula dan mempertimbangkan untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat diberikan Skim Berpencen seperti mana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei nikmati. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, wakil dari Daerah Temburong yang menimbulkan beberapa perkara yang berhubung dengan Kementerian, Pejabat Daerah Temburong, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Pertama sekali kaola, kali ingin menjelaskan berhubung dengan Agensi Pekerjaan (Jabatan Buruh). Pada masa ini, terdapat sebanyak 82 agensi pekerjaan yang berlesen meliputi semua daerah. Had yang dibenarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Jabatan Buruh untuk mengeluarkan lesen ialah

sebanyak 100. Daripada jumlah 82 ini, ada yang dikurangkan lagi berikutan dengan tindakan-tindakan. Antaranya, menyalahi beberapa syarat dan peraturan dan sebahagiannya ada yang tidak mahu meneruskan perkhidmatannya lagi.

Bagaimanapun, Jabatan Buruh bercadang untuk membuka tawaran secara umum untuk memenuhi kadar 100 ataupun kalau tidak perlu ertinya menambah mana-mana agensi yang tutup atau yang ditutup itu. Tujuannya ialah untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai. Terdapat sungutan-sungutan semenjak adanya agensi ini akibat daripada bayaran yang semakin meningkat untuk mendatangkan pekerja asing terutama sekali Pembantu Rumah tangga dan sebagainya.

Jadi, sungutan-sungutan itu diambil kira dan Jabatan Buruh telah mengadakan semacam *survey* untuk menentukan kadar-kadar ceiling bagi kadar-kadar *charge* yang dikenakan oleh agensi-agensi itu bagi membantu mengurangkan jumlah yang patut ditanggung oleh majikan-majikan yang berhasrat untuk mendatangkan pekerja asing.

Cadangan daripada Yang Berhormat, supaya deposit sejumlah sekian-sekian itu tidak dibebankan kepada majikan tetapi sebaliknya dibebankan kepada agensi-agensi. Cadangan ini, kaola ambil perhatian sebagai perkara untuk dipertimbangkan, kalau bersesuaian dari segi peraturannya dan kalau memang cadangan ini praktikal untuk kebaikan bersama.

Mengenai peperiksaan untuk mendapatkan taraf kerakyatan, ujian lisan dan juga tulisan, adakah ia akan dilaratkan jua dengan kefahaman dengan perkara Hukum Kanun. Perkara Hukum Kanun ini perkara baru, ia boleh dikatakan sebagai satu *current affairs* dan akan berterusan menjadi *current affairs* sebagaimana MIB setelah 30 tahun. Kita menyebut sampai sekarang ini pun MIB ini sebagai *current affairs* yang dengan sendirinya untuk menguji seseorang yang difikirkan patut disokong menjadi rakyat. Kitani akan melihat sesuai untuk menjadi rakyat, termasuklah berbagai-bagai perkara seperti kefahaman mengenai perkara ini. Secara spesifik, kaola tidaklah dapat menentukan apa bentuk soalan ini. Barangkali, Lembaga Pemeriksaan di bawah undang-undang adalah bebas, Yang Berhormat Pengerusi, kita sebagai Menteri, tidak ada kuasa ke atas mereka.

Apakah langkah yang sudah diambil oleh agensi-agensi berkenaan bagi menangani kejadian-kejadian bencana, misalnya kalau terjadi kejadian bencana di Daerah Temburong? Yang Berhormat Pengerusi, kaola sedia mengetahui bahawa pihak-pihak berkenaan Kerajaan melalui agensi-agensinya tidaklah berpeluk tubuh ataupun tidak mempunyai apa-apa persiapan untuk menghadapi sebarang bencana di Daerah Temburong, sekalipun Daerah Temburong itu terpencil dengan kemudahan-kemudahannya yang terhad, tetapi persiapan-persiapan

di peringkat kebangsaan adalah dikirakan memadai dan mencukupi pada masa ini.

Keperluan yang berbangkit di Daerah Temburong akan kita lihat melalui keperluan-keperluan, misalnya ada kaitan rancangan untuk menubuhkan pos-pos bomba di 3 kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebagai sebahagian daripada usaha-usaha dalam jangka panjang bagi respons kepada kejadian-kejadian sekiranya terjadi kejadian malapetaka dan sebagainya.

Terima kasih Yang Berhormat di atas ucapan tahniahnya kepada Pejabat Daerah Temburong kerana mempunyai peruntukan yang mencukupi sama seperti peruntukan pada tahun lepas dengan melakukan kerja-kerja yang baik dan sempurna.

Jadi, adakah rancangan untuk mengadakan perumahan bagi kakitangan dan pegawai? Pada masa ini, terdapat berek yang sudah siap. Pada tahun lepas kaola telah difahamkan untuk mengisikannya itu adalah kurang kerana keperluan orang yang akan dipindahkan atau mengisikannya itu tidak begitu mendesak sehinggakan Pejabat Daerah telah menggunakannya menjadi tempat perlindungan sementara mangsa-mangsa kebakaran rumah panjang di sebuah kampung di sana.

Jadi, kaola mengucapkan terima kasih atas perhatian dan cadangan Yang Berhormat supaya jabatan-jabatan yang berkenaan yang mempunyai keperluan bagi pegawai dan kakitangannya berurusan di Pejabat Daerah Temburong. Jabatan-jabatan berkenaan yang mempunyai cadangan-cadangan yang tertentu bolehlah kaola mencatatkannya.

Mengenai pasport Penduduk Tetap yang pasportnya masih dicap bukan di*scan*, kaola memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi supaya perkara ini kaola siasat terlebih dahulu kerana apakah ianya berkaitan dengan *Frequent Traveller's Passport* (*FTP)* yang dibenarkan kepada rakyat, tidak melarat kepada penduduk tetap, nanti kaola akan *check* dulu Yang Berhormat Pengerusi. Pangkalan jeti yang telah lama dan usang untuk dibaiki, mudah-mudahan perkara ini ada termasuk dalam perancangan Daerah Temburong dengan peruntukan yang ada diberikan kepada mereka. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara. Saya

telah difahamkan bahawa pada petang ini ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, tidak kurang dari 5 orang, tidak dapat hadir disebabkan urusan-urusan rasmi yang penting.

Dengan yang demikian Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 15 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 17 Mac 2014 Masihi pada pukul 9.00 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 15 Jamadilawal 1435 / 17 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), (Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, iaitu hari yang kelapan, hari Isnin, 15 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 17 Mac 2014 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan rahmat serta keizinan-Nya jua, kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kelapan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat, serta

pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara V, iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Seperti biasa, pada pagi ini kita hanya akan membincangkan Perkara V selama 30 minit sahaja. Maka, sekarang saya meminta Jurutulis untuk memulakan Soalan-Soalan pada Perkara V selanjutnya. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 26 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy),* di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola mempunyai 1 perkara sahaja untuk dicakapkan iaitu mengenai *Brunei Maritime Academy (BMA).*

Kementerian Pendidikan telah mengadakan perundingan dengan *Singapore Maritime Academy (SMA)* dalam usaha membantu *Brunei Maritime Academy (BMA)* bagi pengisian tenaga profesional yang diiktiraf oleh Organisasi Maritim Antarabangsa *(IMO).* Kaola ingin tahu, apakah usaha-usaha pihak Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy),* di Jabatan Perdana Menteri sendiri ke arah mengembangmajukan *Brunei Maritime Academy (BMA)* setakat ini. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengucapkan terima kasih pada Ahli Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan dan izinkan kaola mengongsikan sedikit latar belakang mengenai penubuhan *Brunei Maritime Academy (BMA)* dan usaha-usaha Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri bagi mengembang-majukan akademi berkenaan.

Penubuhan Akademi Maritim ini mula difikirkan pada tahun 2011, iaitu semasa proses penyediaan draf arahan pembangunan perniagaan tempatan. Jabatan Tenaga telah mendapati dari 2,000 pekerjaan maritim dalam sektor minyak dan gas kurang dari 10% adalah diisikan oleh pekerja anak-anak tempatan. Berasaskan fakta ini, Jabatan Tenaga telah memulakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan dan pihak *Brunei Shell Petroleum* untuk menubuhkan *Brunei Maritime Academy (BMA)* dan alhamdulillah ianya telah tercapai pada penghujung tahun 2013 dengan bantuan *Singapore Maritime Academy (SMA).*

Insya-Allah pengambilan pertama *Brunei Maritime Academy (BMA)* akan dilaksanakan pada bulan April 2014 dan sasaran 200 orang pelatih pada setiap tahun. Matlamat akademi adalah melahirkan tenaga kerja maritim yang *professional, industry, ready* dan yang diiktiraf oleh *International Maritime Organization (IMO).*

Beberapa langkah telah diambil oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri ke arah usaha mengembangmajukan *Brunei Maritime Academy (BMA)* ini:

1. Membantu dalam mengenal pasti dan membangunkan tapak yang bersesuaian bagi *Brunei Maritime Academy (BMA)* di kawasan Sungai Duhun, di Kuala Belait;

2. Membantu dalam memastikan kandungan kursus dan latihan di *Brunei Maritime Academy (BMA)* adalah menepati kehendak industri;

3. Membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan melalui penguatkuasaan arahan-arahan pembangunan perniagaan tempatan iaitu dengan menetapkan sasaran peratus bilangan anak tempatan antara 50% ke 90% dalam kontrak. Antara kontraktor dan Syarikat Usahasama Brunei Shell;

4. Menyediakan sekuriti pekerjaan dengan mempersyaratkan *roll-over* (pemindahan) pekerja-pekerja tempatan yang ada pada syarikat yang baru yang mengambil alih kontrak perkhidmatan Maritim *Brunei Shell Petroleum (BSP)* ;

5. Memastikan para pekerja diberikan pendapatan yang bersesuaian secara purata gaji permulaan bagi pekerja-pekerja yang bekerja di luar pantai adalah sekurang-kurangnya B$1,000.00 sebulan dan ini tidak termasuk faedah seperti elaun *offshore* dan *overtime*;

6. Menyediakan *terms and conditions* yang membawa kepada kondisi pekerjaan yang lebih selesa. Misalnya, dengan menetapkan bagi setiap bulan yang dihabiskan berada di dalam pelayaran di atas kapal, seorang pelaut akan memperolehi hak untuk bercuti selama 10 hari. Syarikat-syarikat juga dimestikan bagi pembayaran gaji meliputi semasa mereka bercuti di darat *(off-duty)* yang pada sebelumnya mereka hanya dibayar semasa berada di luar pantai sahaja. Syarat-syarat ini telah dimasukkan dalam kontrak syarikat-syarikat berkenaan dengan Syarikat *Brunei Shell Petroleum (BSP)*. Semasa berada di darat mereka juga diberikan kursus-kursus tertentu untuk meningkatkan kompetensi dan juga pengetahuan hal-ehwal pekerjaan mereka; dan

7. Memberigakan peluang-peluang pekerjaan dalam industri maritim misalnya semasa pesta-pesta kerjaya.

Begitulah tadi, sebahagian daripada langkah yang telah diambil oleh Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri ke arah mengembangmajukan *Brunei Maritime Academy (BMA).* Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan Jawab Mulut No. 27 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola membawa permasalahan mengenai persaraan Bahagian IV dan V dan seterusnya ke bawah. Kakitangan awam Bahagian IV dan V dan seterusnya ke bawah yang bukan dalam perkhidmatan berpencen, apabila bersara sekarang ini sememangnya tidak menerima pencen perkhidmatan dan hanya mengharapkan Pencen Umur Tua sebanyak $250.00 sebulan.

Dengan jumlah pencen ini, sukar bagi mereka menghadapi kehidupan harian disebabkan keperluan sara hidup yang amat tinggi tambahan pula bagi mereka yang menanggung anak-anak yang masih bersekolah dan belum bekerja. Mereka ini tidak menerima Skim Persaraan Caruman Tambahan berbeza dengan pesara-pesara yang akan datang yang akan menerima tambahan $150.00 sebulan di samping menerima pencen umur tua $250.00 yang jumlahnya $400.00 sebulan.

Jadi, soalan kaola, adakah perancangan Kerajaan untuk memberikan jumlah yang sama dengan menaikkan Pencen Umur Tua kepada $400.00 sebulan kepada mereka yang sedang dan akan menerima Pencen Umur Tua ini nanti. Sekian, sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit.

Seperti Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persoalan ini juga telah pernah ditimbulkan beberapa kali di dalam Dewan ini dan penjelasannya juga telah pun diberikan termasuk juga yang dijelaskan oleh rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di sebelah sana.

Oleh itu, kaola tidaklah akan berpanjang lebar untuk mengulangi penjelasan

kaola, memadailah saja penjelasan kaola seperti berikut:

Sejak dikurniakan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, pada 1 Januari 1955 dan pemberiannya diteruskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kadar Elaun ini telah dikaji semula sebanyak 8 kali, dengan kenaikan terakhir telah pun dikuatkuasakan sejak 1 Oktober 2006;

Pengurniaan Elaun Pencen Tua ini adalah unik kepada Negara Brunei Darussalam ini sahaja dan dihulurkan kepada semua peringkat rakyat dan Penduduk Tetap negara ini asalkan mereka telah mencapai umur genap 60 tahun. Setentunyalah pengurniaan ini adalah suatu yang seharusnya kita syukuri dan menjunjung kasih atas kurnia yang istimewa ini; dan

Sebagaimana yang pernah kaola jelaskan jua di dalam Dewan yang mulia ini, pemberian elaun ini adalah bertujuan sebagai membantu meringankan perbelanjaan sara hidup harian semasa hari persaraan. Ianya, bukanlah dihasratkan untuk menampung sepenuhnya keseluruhan kos sara hidup para penerima yang seharusnya juga ditampung melalui simpanan masing-masing dan jua sokongan ahli keluarga seperti anak-anak dan sebagainya. Dalam pada itu, bagi mereka yang memerlukan bantuan-bantuan tertentu seperti mereka yang masih menanggung anak-anak yang masih kecil, bersekolah dan belum bekerja, skim-skim bantuan dan kebajikan ada disediakan oleh Kerajaan melalui agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan syarat-syarat dan sukat-sukat tertentu. Sukat-sukat tersebut juga telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Dewan ini beberapa hari yang lalu.

Akhir sekali, bagi membetulkan fakta mengenai perkara yang ditimbulkan ini juga sebenarnya, bagi mereka yang diambil berkhidmat oleh Kerajaan selepas tahun 1993, tidak kira dalam apa jua bahagian kecuali jika mereka bekerja dengan agensi-agensi keselamatan yang berkenaan. Mereka adalah dikehendaki mencarum dalam Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Manakala, mulai tahun 2010, Skim Persaraan Caruman Tambahan juga turut diperkenalkan. Di bawah skim-skim ini, selain dari caruman dari pekerja-pekerja itu sendiri, para majikan juga adalah diwajibkan mencarum ke dalam skim-skim berkenaan bagi pekerja-pekerja mereka. Ini akan membolehkan peserta-perserta skim yang tidak menerima pencen perkhidmatan untuk mengeluarkan simpanan Tabung Amanah Pekerja (TAP) mereka apabila mencapai umur 55 tahun dan seterusnya menerima bayaran *annuity* (bulanan) mereka apabila mencapai

umur 60 tahun, iaitu sebagai tambahan kepada bayaran elaun pencen umur tua berkenaan. Melalui pengwujudan skim-skim ini juga, ianya memberikan *safety net* yang menyeluruh kepada semua pekerja dari kalangan rakyat dan Penduduk Tetap Negara ini baik dari sektor Kerajaan mahupun sektor swasta. Sekian, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan Jawab Mulut Yang Telah Diberi Notis iaitu soalan No. 28, soalan yang terakhir, daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola tujukan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei, berperanan bukan saja dalam menentukan keselesaan pendatang-pendatang luar negara, menguruskan barang-barang keluar masuk mengawal barang-barang yang ditegah masuk ke dalam Negara. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei mestilah bersifat ke arah memberi perkhidmatan-perkhidmatan pemedulian kepada pelanggan-pelanggan seperti:

1. Mempercepatkan permohonan kemudahan, perdagangan luar dan dalam Negara;

2. Mempercepatkan sistem peny-ampaian maklumat kepada pelanggan;

3. Mengurangkan tempoh masa pengeluaran barang-barang yang dieksport atau diimport;

4. Merendahkan cukai barangan kepada jumlah yang bersesuaian; dan

5. Meningkatkan bilangan pegawai-pegawai terlatih dan berpengalaman dan mengadakan program tanggungjawab korporat seperti penghantaran barang-barang bagasi, kenderaan eksport, memindahkan kontena, stor penyimpanan sejuk dan lain-lain.

Pertanyaan kaola ialah:

i. Adakah usaha yang telah dibuat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei bagi memperbaiki dan meningkatkan pungutan hasil setiap tahun?; dan

ii. Pada tahun 2012 dan 2013, berapakah jumlah rampasan yang telah berhasil dibuat dari pengimport-pengimport yang melanggar Peraturan Akta Kastam dan Eksais Diraja?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih.

Yang Behormat Menteri Kewangan II (Kedua): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, kerana menimbulkan mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

1. Sebagai sebuah agensi yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, alhamdulillah, telah banyak inisiatif diambil dan dilaksanakan bagi meningkatkan tahap perkhidmatannya.

   Pada masa yang sama, sebagai sebuah Agensi Keselamatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei juga perlu memastikan aspek-aspek keselamatan turut diberikan keutamaan khususnya dalam membentaras penyeludupan.

   Antara inisiatif yang telah diambil bagi meningkatkan tahap perkhidmatannya kepada orang ramai termasuklah memperkenalkan sistem e-kastam yang membolehkan deklarasi barangan dibuat secara *on-line* yang telah bermula sejak tahun 2008. Objektif memperkenalkan sistem ini, adalah bagi memudah cara perdagangan yang akan membolehkan pengimport dan pengeksport mendapatkan perkhidmatan termasuk yang antara lainnya:

   i. Menghadapkan deklarasi import dan eksport secara *on-line;*

   ii. Mendapatkan *approval permit* secara *on-line* daripada agensi-agensi lain yang mengawal barangan berkenaan;

   iii. Membuat pembayaran cukai kastam secara *Internet Banking ;* dan

   iv. Mendapatkan notifikasi secara *on-line* sebaik sahaja permohonan telah dibenarkan dan lain-lain.

2. Mulai bulan Februari 2013, Projek *National Single Window* telah dilancarkan. Projek ini melibatkan lebih 20 agensi Kerajaan yang lain yang bertanggungjawab dalam mengawal barangan import atau eksport. Melalui kerjasama bersepadu dengan agensi-agensi berkenaan, proses bagi memberikan kebenaran import atau eksport bagi barangan di bawah kawalan agensi-agensi berkenaan boleh dilaksanakan melalui pengikraran dalam satu dokumen sahaja berbanding secara berasingan seperti sebelumnya;

3. Meningkatkan latihan dan pendedahan bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya dengan mendapatkan bantuan teknikal dari pakar-pakar perkastaman

antarabangsa, ini telah dapat meningkatkan pengetahuan serta memberikan pendedahan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei mengenai amalan perkastaman terkini di peringkat antarabangsa. Latihan-latihan tersebut juga, adalah bagi mendukung inisiatif jabatan dalam memudah cara dan mempercepatkan proses seperti memperkenalkan *post audit clearance* dan sebagainya; dan

4. Melaksanakan *Time Release Study (TRS)* sebagai usaha mengukur produktiviti jabatan khususnya dari segi efisiensi dalam memproses pengimportan barangan masuk dalam negara ini sehingga pelepasan barang. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mengambil kira proses pengendalian kontena yang dikendalikan oleh agensi lain seperti *New Muara Kontena Terminal Service Sendirian Berhad*, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dan sebagainya. Berdasarkan maklumat *TRS* yang dijalankan pada tahun 2012, berbanding kajian yang dijalankan pada tahun 2009, iaitu sebelum e-kastam diperkenalkan, antara hasil kajian tersebut menunjukkan pembaikan yang ketara seperti berikut:

   i. Secara purata tempoh yang diambil bagi memproses pelepasan kastam ialah 1 jam 18 minit, berbanding 12 jam 8 minit sebelum E-kastam diperkenalkan;

   ii. Kebenaran kastam telah dapat dipendekkan kepada tempoh 5.29 minit sahaja berbanding 2 jam 29 minit pada tahun 2009;

   iii. Pelepasan kastam dapat dibuat dalam tempoh 20 minit, berbanding 3 jam 13 minit sebelumnya; dan

   iv. Bayaran duti kastam hanya mengambil masa 3 minit, berbanding 5 jam 45 minit sebelumnya.

Alhamdulillah, melalui inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan, sistem pemeriksaan barangan kastam telah juga dapat diperketatkan yang antara lainnya membolehkan pengesahan *attraction* usaha pengelakan cukai kastam dapat dipertingkatkan. Perkara ini, sedikit sebanyak telah dapat meningkatkan hasil kutipan kastam.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, kadar cukai kastam juga semakin menurun, antaranya bagi mengurangkan kos sara hidup di negara ini, terutama bagi barang-barang keperluan asas seperti makanan dan pakaian yang telah pun dihapuskan cukai importnya, barangan industri seperti mesin-mesin dan jentera berat bagi menggalakkan pelaburan di negara ini serta bagi memenuhi komitmen perdagangan antarabangsa misal-nya perjanjian-perjanjian perdagangan bebas berbagai hala dan juga dua hala dan sebagainya. Di bawah perjanjian-perjanjian tersebut, kebanyakan

komoditi barangan telah diturunkan kadar cukainya kepada kosong peratus.

Mengenai barang rampasan kastam, kaola ingin terlebih dahulu mengongsikan bahawa dengan pengenalan sistem e-kastam, proses kebenaran adalah diberikan secara *online* apabila setiap keperluan dipenuhi oleh pengimport. Oleh itu, mana-mana barang yang tidak mendapat kebenaran adalah tidak dibenarkan untuk dibawa masuk. Jabatan Kastam juga dari masa ke masa akan melaksanakan *post clearance audit* ke atas barangan yang telah dibawa masuk bagi memastikan ianya adalah selaras dengan maklumat yang diisytiharkan kepada pegawai kastam.

Sebagai makluman, bahawa bagi tempoh dari tahun 2003 hingga 2013, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah berjaya mengutip balik cukai sebanyak kira-kira $25 juta dari 72 syarikat yang didapati mengurangkan nilai barangan yang diisytiharkan. Tangkapan-tangkapan juga telah dibuat ke atas penyeludupan barangan tegahan dan kawalan kastam, antaranya termasuk minuman keras, rokok, tembakau, minyak kenderaan, beras dan sebagainya. Contohnya, pada tahun lepas, sebanyak 340 tangkapan telah dibuat bagi penyeludupan rokok, 141 bagi penyeludupan minuman keras, 23 kes bagi penyeludupan minyak kenderaan, 42 kes bagi penyeludupan beras dan lain-lain.

Sebagai salah sebuah agensi yang berperanan utama dalam memudah cara perdagangan dan menjaga keselamatan negara, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei insya-Allah, akan terus merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif baru bagi meningkatkan lagi tahap perkhidmatannya bagi mendukung dasar-dasar kerajaan yang berkenaan terutamanya bagi menjadikan negara ini destinasi perniagaan dan pelaburan yang berdaya saing tanpa menjejaskan keselamatan Negara. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun selesai membincangkan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Sekarang kita akan berpindah kepada perkara Susunan Kerja seterusnya, iaitu Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015, untuk membolehkan rang undang-undang ini dibincangkan satu persatu, maka Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Kita masih lagi membincangkan Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya ada senarai nama Ahli Yang Berhormat yang akan memberikan ucapan. Saya akan membenarkan tiga orang Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan penjelasan. Dipersilakan, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Terdapat 3 perkara yang hendak kaola timbulkan, 2 daripadanya telah pun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat lain, bagaimanapun kaola hendak menyebutkannya juga di sini dari segi aspek yang lain, iaitu:

1. Berhubung dengan jawatan tidak berpencen bagi anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, yang perkara ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Di sini, kaola hanya ingin menambah bahawa pasukan keselamatan yang beruniform yang juga turut dikekalkan jawatannya sebagai berpencen, bukan sahaja anggota Angkatan Bersejata Diraja Brunei malah juga Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Jabatan Penjara.

   Kaola juga ingin menimbulkan bahawa Pasukan Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Antarbangsa di bawah Kementerian Perhubungan juga menghadapi perkara yang sama. Jadinya, untuk memberikan penjelasan yang jelas kepada semua anggota pasukan bomba, kaola juga ingin tahu, apakah sebabnya Kerajaan telah mengeluarkan jawatan bomba yang dulunya telah disenaraikan sebagai jawatan berpencen dan kaola memohon penjelasan juga kenapa Jabatan Penjara telah dikekalkan sebagai jawatan berpencen?

2. Mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkifli bin Haji Abdul Hamid. Berhubung dengan perbincangan mengenai kesejahteraan para pekerja di sektor swasta, kaola telah meneliti Perintah Pekerjaan 2009 *(Employment Order, 2009).*

   Melalui Perintah Pekerjaan 2009 ini, adalah jelas bahawa kebajikan dan kesejahteraan di sektor swasta adalah terjamin jika perintah ini dilaksanakan dengan berkesannya. Perintah ini telah memberi perlindungan kepada para pekerja dari segi kontrak perkhidmatan, pembayaran gaji, waktu-waktu bekerja termasuk bekerja semasa hari rehat dan hari kelepasan awam. Hanya satu perkara yang tidak dimuatkan dalam perintah berkenaan, iaitu berhubung dengan pampasan kewangan *(compensation*

claims) kepada pekerja-pekerja yang mengalami kecederaan disebabkan tugas yang dijalankan dan tidak berupaya untuk meneruskan pekerjaan mereka atau apabila menyebabkan mereka kehilangan jiwa. Perkara ini mungkin perlu difikirkan oleh Pejabat Buruh.

Kaola maklum juga, Pejabat Buruh telah melakukan *roadshows* untuk menyebarkan pengetahuan mengenai Perintah Pekerjaan, 2009 kepada sektor swasta. Bagaimanapun, nampaknya ia masih belum berkesan sepenuhnya, kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di sektor swasta terus juga didengar. Diharap, cadangan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid akan membantu pelaksanaan yang lebih berkesan kepada Perintah Pekerjaan, 2009 ini.

Berhubung dengan gaji yang terlalu rendah, yang diterima oleh sebilangan pekerja di sektor swasta, beberapa cadangan sebelum ini telah juga disuarakan di Dewan yang mulia ini. Alhamdulillah, menurut keterangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kementerian telah menyediakan satu kertas yang mengandungi cadangan-cadangan untuk mengimbangkan faedah-faedah gaji dan layanan yang diberikan oleh majikan kepada pekerja-pekerja tempatan dengan yang diberikan kepada pekerja-pekerja asing.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, juga akan mengambil *soft approach* ke atas perkara ini. Kalau kita melihat sistem yang terdapat di negara-negara lain, usaha untuk memperbaiki tangga gaji di sektor swasta yang berada di peringkat rendah, selalunya melibatkan *direct intervention* dari pihak Kerajaan atau melibatkan campur tangan dari kesatuan sekerja atau *trade unions*. Dari itu, kaola amatlah menyokong tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung perkara ini dan kaola harap usaha ini akan berjaya; dan

3. Pada suatu ketika dahulu, terdapat rancangan untuk membina Pos Kawalan Kuala Lurah yang baru untuk menggantikan pos kawalan yang ada pada masa ini. Perancangan itu, adalah mengambil kira keramaian kenderaan dan orang ramai yang melalui Pos Kawalan Kuala Lurah yang telah meningkat.

   Bagaimanapun, rancangan tersebut telah dibatalkan dan apabila Jambatan Temburong siap dibina nanti kesesakan yang dihadapi oleh Pos Kawalan Kuala Lurah sudah pasti akan berkurangan, akan tetapi dengan adanya Jambatan Temburong yang akan menghubung Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara, apa yang perlu difikirkan ialah untuk meningkatkan kapasiti Pos Kawalan Labu di Daerah Temburong. Kapasiti yang dimaksudkan termasuk keluasan

infrastruktur, kakitangannya dan juga peralatan yang boleh membantu agensi-agensi keselamatan yang beroperasi di pos kawalan tersebut, mengawal kemasukan perkara-perkara yang tidak diingini dibawa masuk ke Negara ini.

Kaola mencadangkan supaya keperluan ini, diteliti oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, terutama apabila membuat perancangan pembangunan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 nanti. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu, saya mengucapkan alhamdulillah, kepada Allah Subhanahu Wataala serta kehadiran dan keadaan kita dalam sihat wal afiat semua.

Alhamdulillah, sebuah jambatan bagi pasar baru dan pasar tamu telah pun siap dibina dan diguna pakai pada tahun lepas. Yang Berhormat Pengerusi, melalui majlis ini, saya bagi pihak pengguna khasnya dan penduduk Daerah Tutong menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pembinaan jambatan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi, saya ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan dalam majlis ini:

1. Mengenai Jabatan Bandaran Tutong. Jabatan Bandaran Tutong telah ditubuhkan pada berpuluh-puluh tahun yang lalu, sehingga kini jabatan berkenaan tidak mempunyai bangunannya yang tersendiri. Jabatan Bandaran Daerah lain seperti Bandar Seri Begawan, Belait dan Pekan Seria ada pejabat dan dewannya masing-masing.

   Oleh itu, dicadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan membina Jabatan Bandaran dengan dewannya sendiri di Pekan Tutong. Saya telah difahamkan, bahawa jabatan yang berkenaan telah pun memililki tapak tanah untuk bangunan tersebut iaitu bekas bangunan Pegawai Daerah seperti mana disentuh oleh rakan saya dua hari lepas.

2. Di samping itu, saya menyentuh keluasan Bandaran Tutong pada masa ini hanya seluas 24.02 hektar. Oleh itu, disarankan keluasannya hendaklah diperluaskan seperti mana yang dicadangkan oleh *Task Force* 2006, melibatkan kampung-kampung yang berhampiran dengan keluasan 62 kali ganda (keluasan asal 24 hektar kepada 1,481.5 hektar).

Dengan adanya keluasan yang lebih luas, maka adalah diharapkan lebih mudah Lembaga Bandaran Tutong membuat rancangan strategik bagi penduduk-penduduk Daerah Tutong menuju kemajuan yang terancang, teratur dengan mantap dari masa ke masa dengan lebih berkesan dan sempurna. Insya-Allah, Lembaga Bandaran Tutong akan sentiasa akan bergerak ke hadapan.

3. Mengenai jalan kecil. Yang Berhormat Pengerusi, kebanyakan jalan kecil adalah dibuka oleh Jabatan Daerah Tutong yang bersesuaian dengan kadar penduduk setempat dan keperluan sosioekonomi di kampung di kawasan berkenaan. Pada masa yang lalu, penggunaan jalan kecil ini di bawah pengawasan dan penyelenggaraan Jabatan Daerah. Makanya, ada penduduk yang belum dapat menikmati keselesaan yang seharusnya, seperti kampung-kampung lain, sebagai contoh Kampung Keriam, Simpang 600, Tutong. Yang Berhormat Pengerusi, sehingga masa ini, jalan masih tidak diturap dengan *tar,* walaupun ianya telah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti ada 5 buah bangunan rumah telah dibangunkan di kawasan berkenaan. Ini kerana, mungkin belum diserahkan kepada Kementerian Pembangunan.

   Yang Berhormat Pengerusi, oleh itu, melalui majlis ini disarankan pada masa akan datang, supaya Jabatan Daerah bertanggungjawab kepada pembukaan bagi menerokai jalan-jalan kecil yang baru dan setelah itu, diserahkan kepada pihak Kementerian Pembangunan untuk menyelia dan memelihara jalan-jalan tersebut bagi menaik taraf bagi keselesaan penduduk setempat dan orang ramai. Justeru, ianya tidak memerlukan masa yang lama untuk peralihan kuasa dan tanggungjawab termasuklah dalam penyediaan Peruntukan Kewangan projek tersebut.

4. Tapak Gerai Ramadan. Perkara ini, telah saya sentuh pada tahun yang lepas Yang Berhormat Pengerusi. Kawasan ini telah pun dicadangkan supaya dibubuh *tar*, agar penjaja-penjaja dan pelanggan-pelanggan serta orang ramai lebih selesa dan di samping itu, mengurangkan debu dan habuk berterbangan ditapak yang belum ber*tar* dan bersimen dan ada kemungkinan, ianya akan mencemar juadah yang sedang dijual di kawasan berkenaan.

   Selain itu, jika kawasan ini di*tar* sepenuhnya, akan memberi kemudahan kepada pemilik-pemilik bas sekolah iaitu Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong meletakkan bas mereka (*parking*) untuk mengurangkan risiko menyeberang jalan yang digunakan pada masa ini oleh penuntut sekolah. Di samping itu, akan memberi kemudahan meletakkan kereta-kereta para jemputan pada temasya-temasya Hari Perayaan Negara di Daerah Tutong.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada 3 perkara akan kaola sebutkan di sini:

1. Banyak ataupun sedikit yang mempunyai pekerja, misalnya, melebihi 10 orang mereka kurang senang kerana terpaksa menggunakan agensi pekerajaan untuk menghadapkan permohonan mengambil orang asing di Pejabat Buruh. Satu caj agensi pekerjaan yang paling rendah untuk satu-satu permohonan sahaja dicaj dari $25.00 hingga setinggi-tingginya $100.00. Caj ini, hanya untuk menghadapkan Borang 500;

   Diharapkan pihak Jabatan Buruh boleh menetapkan jenis perkhidmatan dihulurkan kadar jadual bayaran atau caj yang munasabah bagi mengenakan caj agensi pekerja kepada syarikat-syarikat yang menggunakan perkhidmatan mereka. Kerja-kerja mereka seperti menghantar surat sahaja (*delivery man*), tetapi caj yang dikenakan tidak seimbang dengan perkhidmatan yang diberi; dan

   Agensi pekerjaan patut membuat kerja-kerja mencari calon pekerja *(head hunting)* menyediakan biodatanya tetapi disebaliknya, agensi tidak menyediakan biodata untuk penggunaan *certificate* yang menggaji pekerja, setiap syarikat ada mempunyai kepakaran masing-masing. Maka perkhidmatan agensi pekerjaan mempunyai berbagai kemahiran dari segi pengetahuan apa-apa yang syarikat perlukan.

   Ini menyebabkan ketidaksenangan kepada syarikat-syarikat kerana semua urusan awal bagi mendatangkan pekerja-pekerja dibuat oleh syarikat-syarikat yang mencari pekerja-pekerja dan bukan agensi pekerjaan itu, seperti mengisi borang-borang permohonan syarikat-syarikat yang hendak menggaji pekerja-pekerja baru yang membuat kerja itu apabila siap diisi borang pemohonan, agensi pekerjaan akan menyerahkan kepada Pejabat Buruh untuk diproses. Selepas itu *follow up* untuk dirujuk balik pemohonan itu di mana dibuat oleh pekerja syarikat itu sendiri yang mereka ini juga orang tempatan.

   Bidang tugas agensi pekerjaan hanya sebagai penyampai borang dan lepas itu kebenaran diberi di atas nama

mereka dan dari sana mereka mengenakan caj bagi kebenaran borang itu. Ini menambah perbelanjaan kepada syarikat. Sebahagian syarikat ada juga mempunyai sumber tenaga yang mudah dan dianggotai oleh anak tempatan dan penduduk tetap. Jika boleh dicadangkan syarikat yang mempunyai lebih 10 pekerja patut diberikan kelonggaran untuk menggunakan bahagian sumber tenaga mereka daripada melalui perkhidmatan agensi pekerjaan. Jika tidak, bagi menghadapkan permohonan pas kerja akan menjadikan umpama satu kerja yang dibuat oleh satu orang dan berulang-ulang. Syarikat juga ada wang cengkeram dalam surat kebenaran mengambil kakitangan asing, lesen mengambil dan menggaji pekerja-pekerja asing kepada Jabatan Buruh. Tidakkah ini menjadi jaminan syarikat bagi mengambil dan menggaji kakitangan dan pekerja-pekerja asing itu?

Ada negara yang diketahui bahawa agensi pekerjaan hanya untuk Pembantu Rumah Tangga (Amah) sahaja. Syarikat biasanya mempunyai banyak pekerja manakala bakal majikan memerlukan seorang Pembantu Rumah Tangga (Amah) dan ia tidak banyak pilihan kerana kebanyakannya orang perseorangan yang sibuk dengan pekerjaan mereka harian. Itulah perlunya menggunakan agensi pekerjaan. Bolehkah Pejabat Buruh memberi pengecualian daripada menggunakan agensi pekerjaan bagi syarikat yang mempunyai lebih 10 orang pekerja yang terdapat bahagian sumber tenaga di syarikat-syarikat mereka. Pertimbangan amatlah diharap-harapkan.

2. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Profesion jawatan Setiausaha dan Akauntan ditiadakan dalam kuota surat kebenaran menggaji kakitangan asing. Baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam menggalak-kan profesion Setiausaha sangat-sangat dikehendaki dalam pentadbiran yang berkesan dan cekap bagi membantu Pengarah Urusan mentadbir ofis mereka, seperti menyusun jadual harian, menjawab surat-surat yang diterima dari luar dan dalam, menolong mengemaskinikan fail bagi kecekapan pengurusan kerana Pengarah Urusan mempunyai jadual yang padat dengan kesibukan mengurus perniagaan seperti menghadiri mesyuarat di luar ofis dan membuat pengeluaran syarikat dan lain-lain pengurusan tugas diamanahkan kepada Pengarah Urusan.

   Akauntan pula mempunyai bidang tugas mengemaskinikan buku perakaunan, mengumpul-kan invois dan menyediakan pembayaran tiap-tiap hari, menyusun dan menguruskan pentadbiran, perakaunan, merancang pendapatan perbelanjaan dan *cash*

jawatan ini amat mustahak demi mengawal pentadbiran yang berkesan dan cepat, adakah Jabatan Buruh pasti yang kedua-dua jawatan banyak di Negara ini? Jika ada, berapa banyakkah yang berkelulusan dari Negara Brunei Darussalam tiap-tiap tahun, jika tidak banyak, ke manakah mereka ini berkhidmat? Setahu kaola, Setiausaha dan Akauntan amat kurang di Negara ini. Yang lebih jelas Sekolah Perdagangan di Negara ini hanya beberapa buah sahaja dan tentu sekali pengeluarannya amatlah terhad. Maka kenapa dan sebab apa jawatan-jawatan Setiausaha dan Akauntan tidak dibenarkan sedangkan kedua jawatan-jawatan ini adalah tulang belakang satu-satu syarikat. Kaola menyeru jika Negara hendak menggalakkan perniagaan jawatan-jawatan ini mestilah dibenarkan di dalam surat kebenaran mengambil kakitangan tertakluk kepada keperluan Negara dalam bidang-bidang jawatan ini.

3. Yang Berhormat Pengerusi. Pembesaran kawasan Bandar Seri Begawan pada 1 Ogos 2007. Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan telah dibesarkan kawasannya dari 1287 hektar kepada 10,036.24 hektar pada 1 Ogos 2007. Pembesaran ini, melibatkan sepuluh kali ganda besarnya kawasan tambahan dengan mencantumkan beberapa buah kampung dan mukim seperti Kampung Kianggeh, Mukim Gadong, Mukim Kilanas, Mukim Berakas 'A' dan 'B' dan Kampung Kota Batu. Kawasan tambahan ini ditadbir oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan cukai bagi bangunan komersial dikenakan 12% dari sewa yang dikenakan setahun dan 12% bagi rumah-rumah persendirian dicaj mengikut jumlah ruang meter persegi setahun. 12% cukai dikenakan ini dibahagikan kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti Pos Kawalan Polis 1%, Stesen Bomba 1%, lampu jalan serta perkhidmatannya 2%, perkhidmatan bandar 1%, jalan masuk dari jalan utama 2%, pembekalan air 2%, pengurusan sampah 2% dan pengurusan pembentungan *(sewage)* 2%.

Dari kutipan cukai-cukai yang tersebut di atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinamakan dan dikenakan dalam jadual perkhidmatan serta caj-caj komitmen kepada Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Dengan sendirinya kawasan-kawasan tambahan ini akan bertukar wajah menjadi lebih bersih, terang, indah dipandang teratur susunannya sebagai bandar yang selesa didiami.

Apa yang didapati ketika memandu di jalan-jalan kawasan tambahan bandaran ini, ada tempat-tempat kurang selesa dan bersepahnya sampah sarap di tepi jalan dan ada juga bekas-bekas potongan rumput-rampai yang tidak habis dibersihkan atau ditinggalkan begitu sahaja dan di tempat pembuangan sampah kawasan perumahan persendirian di dalam kawasan Bandaran Bandar Seri

Begawan. Jika dilihat dan dibanding dengan kawasan Bandaran asal, semua pembersihan kawasan bandar sebelum pembesaran kawasan bandar selaras kebersihannya, syabas dan tahniah.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berdasarkan keadaan yang tidak begitu selaras dan tidak teratur dalam pengurusan kebersihan kawasan tambahan bandar ini, adakah tambahan itu terlalu besar hingga ketidak cukupan tenaga kerja untuk mengendalikan kerja-kerja pembersihan kawasan berkenaan. Pengambilan tenaga kerja terhalang kerana tidak ada calon-calon yang tampil dalam kerjaya sebagai pembersih. Kalau inilah sebabnya, kenapa ia tidak dipelbagai cara untuk menamakan jawatan dengan nama baru seperti negeri lain yang menamai pegawai perkhidmatan atau lain-lain nama yang menarik dan mensesuaikan nama baru itu yang itu tidak berhubung kait langsung dengan pekerjaan mereka. Apabila mereka mengenalkan pekerjaan mereka kepada rakan-rakan atau keluarga mereka, mereka tidak akan terasa rendah diri kerana nama jawatan itu tidak langsung menyebut apa yang mereka buat.

Skim perkhidmatan perlulah juga diangkat serta dilaraskan dengan keterangan jawatan *job description* kerana mereka ini akan berdepan dengan banyak risiko seperti jangkitan penyakit daripada sampah-sarap yang dikendalikan panas terik matahari, hujan ribut, kemalangan di tapak perkhidmatan pekerjaan. Tarikan atau intensif ini diharapkan supaya mereka lama bekerja dan lain-lain lagi.

Kerja ini berperanan penting dari segi kesihatan secara menyeluruh kepada penduduk Negara ini. Beberapa tahun yang lalu, salah sebuah bandar di India, ditimpa penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sampah sarap yang terlalu banyak tidak diurus. Tikus-tikus membiak terlalu banyak dengan mengeluarkan air kencing yang menimbulkan penyakit berjangkit di kalangan penduduk tersebut.

Contoh ini dianggap sebagai persediaan dalam mengemaskinikan pengurusan yang berhemah tinggi dan seterusnya untuk menghadapi hala tuju ke arah kecemerlangan Wawasan 2035. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dari senarai caj-caj bandaran, termasuk caj-caj perkhidmatan Pos Kawalan Polis, caj dikenakan 1%, stesen bomba caj dikenakan 1%, pengurusan sampah caj dikenakan 1% dan pengurusan pembetungan caj dikenakan 2% dan yang lain-lain, yang kaola tidak sebutkan, perkhidmatannya sudah tersedia walaupun perkhidmatannya tidak begitu baik.

Kaola fikir, kalau caj-caj perkhidmatan tersenarai dalam jadual pembayaran kepada cukai bagi bangunan komersial dan rumah-rumah persendirian dimestikan dibayar, jika perkhidmatan itu tidak dilaksanakan dengan sempurna, maka peniaga-peniaga, penghuni-penghuni rumah yang terkandung dalam lingkungan kawasan

bandar itu tidak akan berpuas hati. Di sinilah timbulnya pembayaran tidak dibayar dengan mudah kerana ianya tidak ada unsur-unsur *value for money* dan akauntabiliti seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berulang-ulang.

Adakah pihak Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan akan berusaha lebih lagi? Jika perkhidmatan-perkhidmatan yang tersenarai di dalam jadual caj-caj yang dikenakan oleh Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dilaksanakan dengan cemerlang, kaola percaya pengurusan pengutipan pembayaran akan lebih mudah diterima dan pendapatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan akan lebih bertambah jumlahnya. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Jika Yang Berhormat bersedia untuk menjawab soalan-soalan dari 3 orang Ahli Yang Berhormat di sebelah sini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan daripada 3 orang Ahli Yang Berhormat, yang baru kita dengarkan sebentar tadi. Mana-mana yang dapat kaola jawab, akan kaola jawab. Terus terang, sebahagiannya kaola minta tangguh atas jawapan-jawapan kaola kerana soalan-soalan itu tidak berapa jelas, apa butir-butirnya, terutama sekali daripada Ahli Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman sebentar tadi.

Daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, ada menimbulkan 3 soalan, tetapi sebenarnya tidak sepenuhnya berupa soalan, berupa cadangan yang kaola sangat mengalu-alukan dan menghargainya.

1. Mengapa ahli-ahli Pasukan Bomba dan Penyelamat yang berunifom dikeluarkan daripada ahli-ahli yang berunifom yang lain, yang menerima pencen, mereka tidak menerima pencen.

   Perkara ini telah pun ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat sebelum ini dan kaola sengaja diam. Perkara ini, sudah berkali-kali ditimbulkan, kaola sendiri memerlukan masa untuk melakukan penyiasatan yang lebih *detail* mengenai perkara ini, terutama sekali dari segi undang-undang. Kalau ada undang-undang mempersyaratkan perkhidmatan mereka, perkhidmatan berpencen tetapi tidak berpencen ataupun perkhidmatan mereka dalam undang-undang tidak berpencen. Jadi, berkebetulan dengan

pertanyaan tadi, 'mengapa' itu adalah sebahagian daripada *exercise* yang akan abis kaola di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melakukan penyiasatan lebih lanjut.

2. Mengenai Perintah Pekerjaan, yang sudah dikaji oleh Yang Berhormat itu, jikalau dilaksanakan sepenuhnya tentu sekali memberi perlindungan kesejahteraan kepada pekerja-pekerja tempatan. Apa yang kurang daripada Perintah Pekerjaan itu ialah Pampasan. Mengenai pampasan ini, tahun lepas sudah dinyatakan, bahawa usaha telah dibuat dan sekarang kaola dapat menyatakan usaha itu di peringkat yang terakhir. Insya-Allah, ia akan dapat dilaksanakan dengan pindaan kepada undang-undang yang berkenaan.

   Kemudian, mengenai gaji rendah bagi pekerja-pekerja tempatan. Yang Berhormat menyokong usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyiapkan satu kertas yang dinamakan *Fair Package,* yang pada masa ini diperkemaskan dan akan dirundingkan dengan pihak-pihak majikan sebagaimana dinyatakan.

   Yang Berhormat menyokong sepenuhnya, kaola ucapkan terima kasih, mudah-mudahan akan mendapat respons yang baik daripada *stakeholder* iaitu majikan-majikan. Kaola memang percaya, kalau pendekatan dibuat dengan sebaik-baiknya *stakeholder*, majikan-majikan akan memberikan kerjasama, contohnya dalam *job-fairs* yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

   Ramai majikan tampil untuk ikut serta dalam *Job Fair* dan menawarkan beberapa jawatan kosong mereka dengan mengadakan *interview* dalam masa *Job Fair.* Begitu juga, dalam skim yang dibuat untuk latihan *SLP,* latihan untuk bekerja. Hampir 400 majikan ikut serta dalam skim ini. Kaola yakin, langkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk berunding dengan *stake-holder*, majikan-majikan bagi memperseimbangkan faedah-faedah gaji dan kemudahan-kemudahan, layanan yang diberikan kepada pekerja-pekerja tempatan dengan yang diberikan kepada pekerja-pekerja asing itu akan berjaya dengan cara perundingan yang sebaik-baiknya.

   Mengenai rancangan pembinaan Pos Kawalan Kuala Lurah, memang sebenarnya ditangguhkan. Sebagaimana Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah sendiri mengetahui dan menyebutkan tadi, berikutan dengan perkembangan-perkembangan kita, iaitu dengan adanya jambatan di Pendaruan dan Pos Kawalan Ujung Jalan, kemudian ada rancangan besar, Mega Projek, jambatan menghubungkan Daerah Brunei Muara dengan Daerah Temburong. Semuanya ini, perkembangan yang

akan mempengaruhi lalu lintas di sempadan-sempadan.

Jadi, memang tepatlah rancangan untuk membina pos kawalan, bukan sahaja untuk Jabatan Imigresen, sebenarnya pos kawalan ini juga meliputi semua agensi Kerajaan yang berkenaan yang bertugas di sempadan-sempadan. Jadi, pembinaan Pos Kawalan di Kuala Lurah itu, memanglah sesuai ditangguhkan memandangkan menunggu apa perkembangan selanjutnya tentang *frekuensi* (kekerapan) lalu lintas dan *volume* lalu lintas di kawasan Kuala Lurah, Tedungan itu nanti.

Kaola harap, kaola dapat menjawab atau menjelaskan atau mengulas, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi.

Kembali kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

1. Mengenai Jabatan Bandaran, Tutong, tiada bangunan sendiri. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat itu mengetahui jua bahawa sudah ada tapak tanah diperuntukkan bagi bangunan itu. Kaola faham, Yang Berhormat mahu disegerakan bangunan itu, dan bangunan itu supaya lengkap dengan dewannya. Insya-Allah akan diikhtiarkan sebaik-baiknya.

2. Berhubung dengan keluasan kawasan Jabatan Bandaran Tutong, yang pada masa ini cuma seluas 24.2 hektar, iaitu seperti sebuah estet kecil. Memanglah, kalau kitani ke Tutong, yang terlibat ialah di jalan besar kemudian ke belakangnya sedikit, malah ke atasnya tidak termasuk bangunan-bangunan komersial. Jadi, *task force* yang ditubuhkan pada tahun 2006, mencadangkan supaya keluasannya sebanyak 62 kali ganda daripada 24 hektar lebih sedikit kepada 1000 hektar.

   Kemudian, cadangan ini telah pun dikaji sampai kepada peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian sendiri mempunyai cadangan balas untuk meluaskan bukan sahaja 62 kali ganda, malah lebih daripada 100 kali ganda. Bagaimanapun, bagi pelaksanaan keluasan Bandaran ini, Kementerian sangat berhati-hati, memandangkan kepada pengalaman keluasan Bandaran, Bandar Seri Begawan. Ertinya, sangat berhati-hati, sejauh mana keupayaan Kerajaan sendiri untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman tentang beberapa kaedah caj akan dikenakan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan yang berkenaan tetapi kerajaan tidak dapat memenuhi sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan itu umpamanya mengenai kutipan

sampah yang tidak memuaskan dan sebagainya.

Jadi, dalam hal ini, sungguhpun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang bukan sahaja 62 kali ganda malah lebih daripada 100 kali ganda tetapi untuk melaksanakannya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah sangat berhati-hati.

3. Jalan kecil yang dibuka oleh Pejabat Daerah Tutong supaya segera, maksudnya diambil alih untuk dinaikan taraf oleh Jabatan Kerja Raya Kementerian Pembangunan. Sebenarnya, sudah ada kerjasama persafahaman antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kementerian Pembangunan antara Pejabat Daerah dengan JKR untuk menaik taraf jalan-jalan kecil. Kaola berharap kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bukan sahaja kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, tetapi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain juga, supaya memikirkan ataupun memandang, melihat dan menilai perkara ini, dari segi realistiknya, iaitu dari segi keupayaan. Maknanya tidak semua kehendak yang diberikan *list* jalan kecil yang sudah patut untuk dinaik taraf oleh Jabatan-Jabatan Daerah bukan sahaja Daerah Tutong malahan juga jalan daerah-daerah yang lain, supaya dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan. Kementerian Pembangunan memerlukan peruntukan, memerlukan keupayaan dari segi pelaksanaan projek-projek, walaupun projek-projek luar bandar sama pentingnya dengan projek-projek yang lain tetapi Kerajaan mestilah dilihat untuk bertindak semampu-mampunya dengan secara yang realistik. Jadi, kerana itulah tidak semua jalan kecil yang sudah diberikan senarainya kepada Kementerian Pembangunan telah dapat dinaikkan taraf namun sebahagiannya sedang berjalan dengan baik pada masa ini.

4. Tapak Gerai Ramadan. Tapak Gerai Ramadan ini adalah bermusim. Walaupun ia bermusim, tempat mestilah sesuai, jadi kaola berharap dalam peruntukan Pejabat Bandaran atau Pejabat Daerah Tutong dalam tajuk untuk menaikkan taraf kemudahan-kemudahan awam, yang ada, mudah-mudahan tajuk itu dengan peruntukan yang diberikan kepada Pejabat Daerah Tutong akan meliputi projek Memperbaiki Tapak Gerai Ramadan itu.

5. Mengenai Agensi Pekerjaan. ada yang tidak berpuas hati tentang servis yang diberikan oleh agensi pekerjaan berbanding dengan caj yang dikenakan dan meminta supaya Pejabat Buruh memberikan pengecualian bagi syarikat-syarikat yang kurang daripada 10 orang pekerja daripada menggunakan agensi pekerjaan dalam mengambil pekerja-pekerja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa pengecualian di bawah Undang-Undang itu boleh diberikan tetapi

bukan kepada seperti yang dimaksudkan ini.

Pengecualian itu ialah bagi pihak-pihak kerajaan, pihak-pihak yang berhubung dengan kerajaan dan pihak-pihak syarikat-syarikat yang menjalankan projek-projek mega kerajaan. Jadi, kalau semuanya mahu dilaratkan kepada syarikat-syarikat yang lain juga maka ia tidaklah mencapai objektif kitani terhadap agensi pekerjaan bagi mengawalnya. Kita jangan memikir-kan semata-mata kemudahan yang diperolehi oleh majikan-majikan tetapi kitani sama-sama memikirkan apa objektif kerajaan dalam perkara ini, untuk mengawal pekerja-pekerja asing yang dipekerjakan.

Di sini, bukan sahaja dari segi kesejahteraan mereka tetapi juga untuk mengawal supaya kitani jangan sampai berada dalam satu keadaan yang pekerja-pekerja asing masuk ke Negara Brunei dengan tiada terkawal dengan sebaik-baiknya, yang mana mustahak diambil perhatian. Jadi, secara umum yang dapat kaola fahamkan, setakat ini daripada Yang Berhormat mengenai agensi pekerjaan.

6. Kemudian, dari segi Lembaga Bandaran, Yang Berhormat itu juga menimbulkan masalah caj-caj yang dikenakan kepada kawasan yang baharu tetapi masih juga didapati kawasan-kawasan baru dalam lingkungan Bandaran, Bandar Seri Begawan itu tidak seimbang dengan kawasan lama. Untuk makluman Dewan dan makluman Ahli Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman**,** bahawa bagi kawasan-kawasan yang baharu Bandar Seri Begawan itu tidak semuanya pada masa ini, dikenakan cukai-cukai bangunan dan belum semua perkhidmatan dalam kawasan baharu itu diambil oleh Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Terutama cukai bangunan hanya dikenakan bagi bangunan-bangunan perusahaan perindustrian dan perniagaan. Bangunan-bangunan persendirian, kediaman persendirian *(residential)* di kawasan-kawasan baharu itu belum dikenakan. Maka, yang bersungut ini bukanlah orang-orang yang diam di rumah-rumah persendirian. Adakah terlalu besar ertinya kitani tidak terungkayah untuk meng*cover* perkhidmatan kepada kawasan-kawasan yang baharu itu atau memang kitani tidak cukup pekerja-pekerja pembersihan yang mengikut Yang Berhormat, ketidakcukupan itu mungkin ada faktor iaitu tidak ada orang yang mahu bekerja dalam sektor pembersihan ini kerana nama jawatannya itu tidak menarik. Tidak *glamour* nama jawatan itu lalu dicadangkan supaya nama jawatan itu diubah dan ada skimnya yang menarik. Jadi satu, cadangan yang baik, kaola mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 15 minit, terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini disambung semula. Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada 9 Usul:

1. Di samping pihak Kerajaan, saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat besar juga menyumbang kepada Majlis Perundingan Kampung dan Mukim bagi membolehkan mereka mengembangkan satu produk satu kampung. Sumbangan berupa kepakaran, nasihat dalam memulakan hala tuju memproses dan pemasaran. Bantuan juga diperlukan seperti mesin-mesin untuk perusahaan kecil dan sederhana.

2. Pada masa ini belum lagi ada pekerja asing yang dikenakan cukai. Oleh yang demikian, saya mengusulkan supaya cukai akan dapat dikenakan kepada pekerja asing yang bekerja di Negara ini dengan jumlah yang berpatutan. Pada masa ini, mereka sama-sama menikmati subsidi-subsidi yang ada di Negara ini. Sampai bilakah kita tahan dalam perkara ini?

3. Pada masa ini telah timbul masalah ketidaksefahaman dalam kalangan pekerja bagi jabatan-jabatan secara umumnya. Kesannya, ia boleh menjejaskan produktiviti dan prestasi bagi jabatan-jabatan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan untuk diadakan satu hari yang mana pekerja-pekerja boleh bergaul dan bermesra antara satu sama lain. Contohnya, seperti *(staff day).*

4. Kereta-kereta rosak yang diletakkan di kawasan bengkel ataupun woksyop. Kita menyedari, tahun demi tahun pusat-pusat membeli belah tumbuh ibarat cendawan dan kita memerlukan letak kereta yang mencukupi bagi pengunjung atau pelanggan yang ingin meletakkan kenderaan mereka. Isu sekarang ini, ramai pemilik bengkel, woksyop kereta tidak memperdulikan kepentingan orang ramai. Terutama sekali, sekitar Mukim Gadong dan mungkin juga di kawasan-kawasan seperti daerah-daerah lain kerana banyak kereta yang rosak menunggu alat ganti bahkan yang mungkin tidak diambil oleh pemiliknya, diletakkan di luar kawasan bengkel selama berbulan-bulan bahkan menjangkau tahun.

Perkara ini menimbulkan kesulitan kepada orang ramai untuk meletakkan kereta yang sepatutnya dimanfaatkan untuk pengunjung tetapi dipenuhi oleh kereta-kereta bengkel yang keadaannya tidak terpelihara. Selain itu, tentunya menambah ketidak-elokkan pemandangan bukan sahaja dari pandangan kitani sebagai orang Brunei bahkan lebih utama kepada orang luar seperti pelancong.

5. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sepatutnya membenarkan *babysitter (daycare)*. Pada masa ini, *babysitter (daycare)* yang ada hanya beberapa buah yang saya ketahui. Bayaran tidaklah tentu, ada yang $25 dan ada yang $30 bagi seorang anak. Ini tentunya tidak semua orang mampu, terutama yang bergaji rendah. Saya merasakan bagi mengurangkan pengambilan amah yang belum tentu kualitinya terjamin, ada baiknya di kampung-kampung, *babysitter (daycare)* ini menjadi Satu Kampung Satu Produk. Biarlah upahnya boleh terjangkau oleh semua pihak misalnya, $10 sehari iaitu dari pukul 7 pagi hingga 5 petang bagi seorang anak. Ia boleh dibuat di rumah-rumah persendirian atau boleh diadakan di tempat-tempat *babysitter (daycare)*, dewan-dewan serbaguna di mana-mana yang difikirkan sesuai. Saya percaya, sambutan orang ramai menggalakkan kerana tidak semua orang mampu mendatangkan amah.

6. Peningkatan pekerja-pekerja asing yang diambil bekerja oleh mana-mana syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam mempunyai lesen yang diberikan oleh Jabatan Buruh, tidak dapat dinafikan adalah meningkat. Saya kemukakan cadangan kepada Yang Berhormat, dengan had umur bagi pekerja asing berkhidmat di Brunei Darussalam mengikut Akta Pekerja 2009.

   Perintah Kerja 2009, membolehkan mana-mana syarikat mengambil pekerja asing berumur 18 tahun dan bekerja sambil menimba ilmu, meningkatkan pengetahuannya tatacara adat resam Brunei. Sesetengahnya mereka ini telah pun mencapai umur 50 tahun dan masih juga berada di Negara ini. Bayangkan, berapa lama sudah dia berkhidmat di Negara Brunei Darussalam iaitu 32 tahun. Cadangan saya, kelamaan pekerja-pekerja asing harus dihadkan kepada 3 kali kontrak, iaitu 6 tahun, 1 kali kontrak ataupun tidak melebihi umur 55 tahun yang mana lebih awal.

7. Saya mendapati penganggur-penganggur masa ini dalam lingkungan umur 20-an. 10 tahun lagi mereka akan menjadi 30-an. Kalau umur sudah 30-an, susah hendak mencari pekerjaan kerana syarat umur yang dibuat dalam pengambilan dalam pekerjaan kebanyakannya memerlukan syarat umur dalam lingkungan 20-an. Adakah syarat-syarat ini dapat dilonggarkan memandangkan

penganggur mencari pekerjaan sudah bertahun-tahun?

8. Kepakaran warisan keusahawanan. Setiap mukim dan kampung ada kepakarannya. Kepakaran yang telah diwarisi sejak sekian lama di kampung-kampung. Pakar membuat seperti belacan, pakar membuat *handicraft*, pakar tenunan, pakar pertanian, pertukangan tangan. Usaha-usaha mereka ini patut diangkat oleh kementerian berkenaan sebagai perusahaan kecil dan sederhana oleh Majlis Perundingan Kampung. Apa yang perlu, pihak kementerian menyediakan sumber kewangan, *packaging* dan pasaran.

9. Kementerian Kesihatan melalui Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) telah menggunakan sistem pesanan ringkas untuk *appointment*, klinik dan *hospital*. Perkara ini mendapat sambutan dan pujian daripada orang ramai. Saya mencadangkan, supaya Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga menggunakan sistem pesanan ringkas untuk mengingati tarikh mansuh atau temu janji bagi kuota amah, pas pekerja, kad pengenalan, pasport dan sebagainya.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu, kaola saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menyediakan berbagai kemudahan kepada penduduk kampung dan mukim yang mana dapat dimanfaatkan oleh penduduk masing-masing. Dalam kesempatan ini, ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kerana telah melaksanakan Anugerah Kampung Cemerlang yang dapat dijayakan dengan sempurnanya.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada beberapa soalan tetapi memerlukan jua penjelasan yang rapi:

1. Mengenai Dewan Kemasyarakatan. Dewan Kemasyarakatan merupakan perkara yang sangat penting diperlukan oleh penduduk dan masyarakat di beberapa kawasan bagi mengendalikan berbagai aktiviti terutamanya keperluan majlis-majlis perkahwinan dan aktiviti kemasyarakatan yang lain. Dewan ini boleh jua dijadikan sebagai tempat kemudahan seperti yang terdapat pada masa ini, bilik persidangan, perpustakaan dan bilik pengurusan dan pentadbiran serta kelengkapan gelanggang sukan seperti mana yang telah wujud di mukim dan kampung yang berkenaan. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya, bilakah Dewan Serbaguna Mukim Lumapas akan dibina? Perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung dalam sesi

muzakarah kaola dengan mereka yang berkenaan.

2. Satu Kampung Satu Produk. Perkembangan terkini penghasilan produk, satu kampung satu produk mempunyai masa depan yang sangat cerah untuk dikembangmajukan bagi menghasilkan beberapa produk bagi meninggikan taraf ekonomi penduduk kampung dan mukim. Dalam perkara ini adalah dicadangkan supaya hasil produk tersebut dapat dipasarkan secara bersistem dengan menyediakan pusat pemasaran di beberapa daerah. Dengan pusat pemasaran ini, memudahkan bagi mukim dan kampung memasarkan produk masing-masing.

3. Gerai ataupun pasar mini Mukim Lumapas. Kaola secara ringkas sahaja ingin tahu, bilakah gerai atau pasar mini ini akan dibina di Mukim Lumapas?

4. Jalan Pawas menuju Kampung Kasat supaya akan dapat diteruskan dan dinaik taraf bagi keperluan kemajuan kampung dan mukim. Kaola menyokong ucapan dan pandangan Yang Dimuliakan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam sesi muzakarah Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 15 Februari yang lepas. Menurut Yang Dimuliakan Timbalan Menteri, rangkaian jalan-jalan raya di pedalaman perlu dibina dan dinaik taraf bagi memudahkan rakyat dan penduduk pedalaman mengeluarkan hasil-hasil mereka seperti buah-buahan dan sayur-sayuran dengan mudah dan berkesan. Jika hasil ini dapat dikeluarkan dengan mudah dan cepat, maka harganya akan lebih berpatutan dan dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara ini secara keseluruhannya.

5. Pengambilan pekerja asing ataupun kuota pekerja seperti mana yang telah ditimbulkan oleh beberapa rakan Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini. Yang Berhormat Pengerusi, oleh kerana terdapat beberapa perkara yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang kemasukkan secara *illegal* atau bekerja tidak sah mengikut peraturan, maka adalah dicadangkan supaya proses pengambilan kuota tersebut akan lebih mudah dan cepat bagi membolehkan mereka yang memerlukannya dengan mengambil kira beberapa keperluan yang dikehendaki. Dalam perkara ini jua, kaola ingin memberikan sedikit gambaran, Yang Berhormat Pengerusi tentang Pasar Tani Kampung Selayun yang disebutkan banyak menggunakan tenaga pekerja asing. Pasar ini telah dirasmikan pada 10 Ogos 2003, dipunyai oleh Koperasi Setenaga Kampung Tanjung Nangka yang dibina untuk menyokong usaha Kerajaan khasnya Jabatan Pertanian sebagai pusat pemasaran bagi peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha di bidang pertanian di seluruh Negara.

Pasar Tani ataupun pasar serbaguna ini mempunyai meja-meja untuk jualan secara borong, runcit, jualan makanan dan minuman. Semenjak ianya dibuka, alhamdulillah pasar tani dan serbaguna ini telah mendapat sambutan daripada orang ramai atau pengguna-pengguna dari seluruh lapisan masyarakat di Negara ini. Begitu juga sambutan pedagang-pedagang yang pada masa ini masih banyak lagi pekebun-pekebun dan peladang-peladang dalam senarai menunggu meja yang kosong.

Masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang ialah penjualan hasil ladang mereka di meja-meja di bahagian borong di Pusat Pasar Tani ini. Setentunya mereka banyak menumpukan kerja-kerja untuk menjaga, mengawasi dan menghasilkan tanaman di ladang-ladang masing-masing.

Dengan yang demikian, siapakah yang akan menjual hasil tanaman mereka di meja-meja di pasar borong yang mereka miliki? Mereka terpaksa menyuruh pekerja-pekerja ladang mereka secara bergilir-gilir dari pagi hingga habis jualan. Juru jual terdiri daripada pekebun-pekebun ataupun pembantu rumah, memanglah menyalahi peraturan pas kerja dan apabila diserbu oleh pihak penguatkuasa, mereka telah ditangkap kerana menyalahgunakan pas pekerja.

Juru jual tempatan sudahpun diberi peluang bekerja sebagai juru jual seperti yang disenaraikan oleh Pejabat Buruh akan tetapi mereka ini kebanyakannya tidak bertahan lama, tidak sepenuh masa, tidak komited, datang lambat dan tidak datang bekerja dan juga tanpa memberi maklumat. Masalah juru jual ini tidak membantu kepada peladang-peladang dan petani-petani yang mempunyai meja di pasar borong tersebut. Peladang dan petani-petani yang mempunyai meja dan pasar borong telah pun berkali-kali memohon untuk mendapatkan kuota untuk juru jual di meja mereka, tetapi semuanya tidak perlu mendapat kebenaran. Kalau Kerajaan benar-benar untuk mengatasi masalah orang-orang asing yang menyalahi Undang-Undang Imigresen, berjual di meja-meja pasar borong di Pasar Tani di Kampung Selayun ingin membantu peladang-peladang dan petani-petani di Negara ini maka Kerajaan ataupun Jabatan-Jabatan yang berkenaan hendaklah memberi kebenaran kuota untuk juru jual yang mempunyai meja di bahagian pasar borong di Kampung Selayun.

Menurut maklumat yang boleh kitani percayai bahawa Jabatan Buruh telah pun bersedia memberikan bantuan, tetapi disatukan dengan pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dan

Pegawai Daerah Brunei dan Muara melalui penguatkuasaan jabatan masing-masing, kerana sentiasa memantau secara berterusan tahap kebersihan premis-premis perniagaan dan restoran-restoran di Daerah Brunei dan Muara.

Dalam perkara ini, kaola ingin mencadangkan agar pihak yang berwajib bukan sahaja memberikan tekanan pada restoran-restoran sahaja, malahan apa yang penting juga diberikan perhatian tentang kebersihan bangunan-bangunan dan kawasan di sekitar dalam keadaan yang bersih. Apa yang berlaku sekarang ini, kita sering melihat longkang, sampah, di beberapa buah bangunan yang nampaknya terlalu menjijikkan (kotor). Peraturan tegas perlu dikuatkuasakan agar semua pemilik perniagaan dan pemilik bangunan akan mematuhi peraturan ini sebelum lesen mereka dapat diluluskan ataupun disambung. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Mengikut sejarah, pada tahun 1880-an sehingga 1920-an, Pekan Muara adalah sebuah pekan yang mempunyai perekonomiannya yang kukuh dan mantap dari hasil pengeluaran galian batu arang yang berkualiti tinggi di rantau ini. Bolehlah dikatakan sejak pembukaan lombong batu arang Pekan Muara telah mendapat perhatian oleh Kerajaan kerana penghasilan dari sewa tanah batu arang sedikit sebanyak telah menyumbang perekonomian Negara Brunei Darussalam pada masa itu.

   Sejarah kegemilangan itu berulang kembali, kerana kita akan menyaksikan dan menikmati setapak lagi era kemajuan perindustrian di Muara, apabila tertubuhnya Kilang Penapisan Minyak Bersepadu *Hengyi Industry Sdn Bhd Republik Rakyat China* dan Projek Petrokimia di Pulau Muara Besar. Ini akan menyumbang kepada hala tuju Negara ini ke arah memperluaskan lagi rantaian industri minyak dan gas di bumi Negara Brunei Darussalam.

   Projek ini akan dapat menyumbangkan kepada perekonomian Negara dan menyediakan pelbagai faedah sosio-ekonomi Negara kita dan juga akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam. Titik tolak daripada kepesatan pembangunan

perindustrian yang bakal kitani lihat di kawasan Muara ini, di samping ramai penduduknya yang dianggarkan kurang lebih 15,000 orang, maka adalah amat bersesuaian dan berpatutan bagi kaola mencadangkan supaya kawasan Muara dinaik taraf menjadi sebuah daerah dengan Pegawai Daerahnya sendiri, menjadikan Negara Brunei Darussalam akan mempunyai 5 daerah iaitu Daerah Brunei, Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Muara dan Daerah Temburong.

2. Yang kaola ingin bentangkan di sini, iaitu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan juga bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan dan keamanan Negara kitani. Usaha-usaha menjaga keselamatan dan keamanan Negara sudahpun dilakukan dengan sebaik mungkin sama ada melalui tugasan rutin di pejabat mahupun juga semasa kerja-kerja penguatkuasaan dan pemeriksaan secara bersepadu dengan pihak-pihak penguasa dan penguat kuasa yang lain.

   Alhamdulillah, nampaknya usaha-usaha berkenaan menampakkan kejayaan yang positif seperti berjaya menjejaki pesalah imigresen yang tinggal lebih masa, salah guna pas lawatan dan lain-lain kesalahan lagi. Kadang-kadang timbul juga kemusykilan apabila sesetengah pesalah yang tinggal lebih masa di Negara ini, didapati dalam tempoh yang begitu lama terutama di kalangan pekerja asing yang mempunyai kuota pekerjaan.

   Adakah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kita, mempunyai sistem pangkalan data berkomputer yang memuatkan data-data peribadi lengkap termasuklah nama-nama penjamin atau majikan-majikan pekerja? Sistem pangkalan data bertujuan untuk merekod semua individu yang memasuki Negara ini khususnya pekerja-pekerja asing kerana adalah menjadi kekhuatiran kita apabila mereka melakukan jenayah dan sukar untuk dikesan. Dengan adanya sistem seperti ini, ia akan membolehkan Pasukan Polis Diraja Brunei menjalankan penyiasatan mereka dengan lebih berkesan yang akan membawa kejayaan apabila tindakan penyiasatan dilakukan.

3. Yang Berhormat Pengerusi, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, wakil dari Daerah Temburong, pada hari Sabtu lepas, mengenai tempat penurunan dan penaikan perahu di Bandar Seri Begawan dan daerah-daerah yang lain pun ada juga, iaitu kalau kita perhatikan tempat-tempat penurunan daripada darat ke kampung air, naik ke perahu-perahu terutamanya Orang-Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga orang-orang tua yang sudah lanjut usia. Kalau kita tengok, kata orang Brunei, memberi ijap, kadang-kadang ada orang tua terpaksa dipegang tangan,

kerana tangga berkenaan tidak ada tempat pemegangan, kata orang Brunei pesigapan, (*hand railing*) atau *handle* untuk memegang semasa turun atau naik dari perahu.

Begitu juga, Yang Berhormat Pengerusi, ini bersangkut-paut dengan pernyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu guru-guru wanita yang bertugas di Kampong Ayer, mereka ini juga memakai pakaian iaitu baju kurung terutama pada waktu air surut atau air tohor. Kadang-kadang, mereka ini terpaksa menaikkan kainnya atau kata orang Brunei, menyingsing kainnya, sehingga tidak berapa elok dilihat. Memang perkara ini kecil, tetapi kalau sudah terjadi apa-apa, ianya akan menjadi perkara besar. Jadi, eloklah juga dilihat keperluan ini akan dapat diperbaiki untuk diberi pesigapan atau tempat pemegang tangan bagi memudahkan tempat penurunan yang lebih selamat. Kalau boleh, guru-guru wanita berkenaan juga dibolehkan dan diberi kelonggaran untuk memakai pakaian muslimah, berbaju labuh, longgar, berseluar dan tidak lagi memerlukan memakai kain bagi memudahkan mereka turun dan naik dengan menggunakan tangga penurunan berkenaan. Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi, daripada kaola. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Mengenai Lombong Arang Batu di Muara itu, saya juga ingin menarik perhatian, kalau saya tidak silap. Lombong Arang Batu di Muara itu sebenarnya merupakan pajakan kepada Rajah Brooke dan diusahakan oleh Rajah Brooke, sehinggakan Bendera Sarawak dinaikkannya di sana dan Muara diberinya nama *Brooke Town*. Tetapi pasal bendera itu, saya juga membaca dalam catatan sejarah, *British Resident,* disebabkan Tuan Pretty marah dan diturunkan Bendera Sarawak dan dinaikkan Bendera Brunei. Ahli-Ahli Sejarah mungkin dapat menyemak dan membetulkannya, sekiranya ingatan saya tersebut silap. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang dirahmati Allah Subhanahu Wataala. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Apa yang kaola akan sampaikan ini mungkin panjang atau banyak. Insya-Allah, kaola akan pendekkan supaya memudahkan kita bercakap dan berunding. Apa yang kaola sebutkan ini datangnya daripada orang-orang berkenaan, Ketua-Ketua Kampung dan penduduk yang sudah berhadapan dengan kaola kerana kaola mengadakan perjumpaan bersiri iaitu siri-siri Ketua Kampung dan penduduk kampung.

Mula-mula, Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan bercakap mengenai Ketua Kampung. Ternyata tugas mereka itu

amat berat kerana menjadi mata, telinga, kaki dan tangan Kerajaan, maka bisai tah didengarkan serba sedikit apa keluhan-keluhan mereka itu seperti berikut:

i. Menyerahkan bayaran pencen-pencen bulanan sama ada di rumah atau ke rumah-rumah yang dirasakan sangat susah dan berat. Kalaupun dilaksanakan, mereka merayu kalau dapat diberikan elaun sedikit dan dipertimbangkan tugas-tugas mereka yang berat tersebut;

ii. Diberikan penghormatan pingat-pingat, kalau dapat diampit-ampiti dari tahun ke tahun supaya keseluruhan Ketua Kampung itu ampit walaupun kecil sahaja, ertinya yang kecil itu ialah pingat-pingat kalau sampai ke bintang-bintang kebesaran lagi bagus, untuk menambahkan kualiti pekerjaan mereka;

iii. Tangga gaji Penghulu dan Ketua Kampung itu selalu disuarakan untuk ditingkatkan ke arah yang sederhana yang sepatutnya, tidaklah memerlukan banyak dan besar;

iv. Mana-mana kampung yang mempunyai kekosongan Ketua Kampungnya, wajiblah diisi dengan secepatnya kerana terjadi permasalahan di kampung, dipangku oleh Ketua Kampung yang lain. Janganlah dilalaikan, ini ada yang memangku dua, tiga tahun, bukan lagi dua, tiga bulan, supaya disegerakan.

v. Penghulu dan Ketua Kampung yang sudah berusia lanjut, bisai tah digantikan dengan orang lain, ertinya sama ada diiklankan supaya fungsinya lebih berkesan kepada Ketua Kampung yang baru yang lebih berkarisme dan berkaliber.

vi. Yang lebih penting, Yang Berhormat Pengerusi, ada orang yang terlalu keberatan membayar pencen ini kerana memegang wang yang terlalu besar dan banyak sehingga beratus ribu dilaporkan kepada kaola sampai $160,000.00 untuk dibayar kepada penduduk termasuklah wang kebajikan. Jadi, mereka merasa susah dan takut-takut dengan kewangan yang begitu banyak ditakuti apa-apa musibah yang akan berlaku. Ada perbezaan jumlahnya, ada yang sampai $100,000.00 ada yang hanya 2-30, ribu jadi keberatan itu ada pada mereka sendiri.

vii. Yang akhir mengenai Ketua Kampung ini, mereka memerlukan banyak pimpinan. Misalnya, diadakan bengkel-bengkel, kursus, ceramah-ceramah khas untuk membangun pemikiran dalam kepimpinan kampung, sebagai pemimpin akar umbi, mereka itu lebih berpotensi dalam kepimpinan.

Perkara kedua Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita menyebutkan bahawa Dewan Kemasyarakatan ada disebut oleh teman di Kampung Lumapas. Sekarang pula Mukim Berakas A, ingatan kitani bercakap mengenai Berakas A, ini tahun ke-3 dan kali ke-3

pantun pun dikeluarkan jua, tahun pertama bisai kali kitani mengingati mana tahu ada maksud-maksud tertentu. Pada tahun yang pertama, pantun yang ada:

Lama sudah pungguk menali,
Binasa tuka di kaki lima,
Lama sudah abiskaola menanti,
Dewan Kemasyarakatan atau Dewan Serbaguna belum juga menjelma.

Pada tahun yang kedua, tahun 2013 ada jua pantun Yang Berhormat Pengerusi:

Uduk-uduk Pulau Kuraman,
Tempat bersarang burung merpati,
Untuk memerlukan dewan idaman,
Belum dapat belum beranti.

Makanya, pada tahun ini, menjunjunglah supaya dapat diadakan dewan itu bukanlah tahun ini, mungkin tahun akan datang disegerakan. Mukim ini memerlukannya kerana mukim mempunyai aktiviti yang terancang setiap tahun, dari cerita dalam dewan dan cerita di luar dewan, semua ada perancangan sendiri. Makanya, pantun yang ketiga ini, lain sedikit Yang Berhormat Pengerusi:

Patah bilah belarik mungkur,
Pandan sengkuang dalam celapa,
Banyak-banyak berucap syukur,
Mukim terbuang dan ketinggalan tidak mengapa.

Yang lainnya, Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Majlis Perundingan Kampung dan Mukim, iaitu setiap kali perjumpaan dengan Ketua Kampung dan Majlis Perundingan Mukim, yang disalakkan ialah merayu supaya diadakan elaun kepada Majlis Perundingan Kampung dan Mukim. Mereka fikir barangkali, dengan adanya elaun tersebut akan dapat menambahkan kematangan dan kemajuan di Majlis-Majlis Perundingan Mukim di seluruh Negara.

Yang Berhormat Pengerusi, seterusnya menyebutkan tanda kampung, tanda mukim dan tanda jalan. Ramai juga yang bersungut dan mengeluh mengatakan tanda-tanda kampung dan tanda-tanda mukim itu tidak tepat. Ada jua kampung/mukim yang jalannya tidak bertanda, tidak bernama. Makanya, sehingga kaola sendiri ditemui oleh salah seorang orang basar jua, bertanyakan tanda kampungnya, katanya cikgu tanda kampung kami tidak lagi ada ke mana ia?

Tanda kampung yang dicakapkan ini adalah tanda Kampung Tasek Meradun. Dari tanda asal yang awal sudah berpindah ke tempat yang jauh. Usulnya, kaola terpaksa berjalan untuk melihat di mana tanda yang sebenarnya untuk dipastikan jangan tinggal cerita tanpa cerita. Jadi, Kampung Tasek Meradun ini berpindah hampir kepada Bengkurong. Kaola tidak faham sama ada benar apa di sana ditanda lama itukah di Kampung Tasek Meradun atau tempat yang baru berpandukan kepada sejarah.

Berikutnya, Yang Berhormat Pengerusi, ialah pasar ikan di Bandar Seri Begawan. Banyak yang mengadu

bahawa tiada tanda-tanda harga di pasar tersebut yang menyebabkan perubahan cepat, ertinya harga yang murah menjadi mahal. Jadi, mereka mengharapkan supaya akan turun padang pegawai-pegawai yang berkenaan untuk melihat kebenaran tentang harga-harga tersebut itu.

Begitu juga, Yang Berhormat Pengerusi, mengenai pasar borong. Pasar borong ini beroperasi di daerah-daerah mungkin banyak tetapi yang jelasnya di kawasan Sengkurong. Kalau kita berdiri di pasar borong itu, kitani sudah ada anak, apa tidak, "Pak mahu beli apa?" "Apa yang mahu dicari?" Jadi mengapa terjadi sedemikian, mengenai anak-anak tempatan yang tidak mengisi pasar tersebut? Mana peniaga, mana peladang, mana petani yang tidak mengisikan tempat yang telah disediakan itu? Jadi, kita bertanya orang-orang yang mengaku diri peladang, penternak dan lain-lain itu tidak berada di pasar borong tersebut.

Kita harus berdepan dan bergerak maju tentang perkara ini, bukan saja di pasar borong untuk menyalurkan aktiviti-aktiviti perniagaan besar, kecil, sederhana tetapi dapatlah kitani garap bersama-sama. Umpamanya, kedai runcit, tukang jahit, tukang gunting, restoran dan apa-apa perniagaan yang sudah dipegang oleh orang lain itu kitani pegang sendiri, jangan dilepaskan. Jadi, di samping itu, pihak yang berwajib berkenaan perlu juga menggarap inisiatif ke arah memperkasakan bisnes bangsa kerana jalan-jalan terbuka di depan mata. Yang ditakuti, kitani akan menjadi peribahasa "Ayam dikepuk mati kelaparan, itik mati di atas air."

Yang Berhormat Pengerusi, tentang Bandar Seri Begawan, juga telah disebut di mesyuarat-mesyuarat yang lalu mengenainya dan sekarang ini keadaannya sudah berubah sedikit, cantik dilihat di kawasan-kawasan tersebut. Wajah bertukar dari pusing-pusing keliling terdapat perubahan-perubahan yang cantik. Dalam hal itu, tahniah kepada pihak yang berkenaan. Begitu juga, kemusykilan penduduk kampung tentang longkang-longkang di kampung-kampung begitu terbiar, kadang-kadang airnya tidak mengalir dan bersemak-samun. Longkang di Kampung Jaya Setia, yang sudah runtuh dibangunkan dengan longkang yang baru dan dipasang dengan *stainless*. Itu suatu yang terbaik.

Kemudian, bagaimana pula di kampung-kampung lain yang dalam bandar, Kampung Panca Delima, Anggerek Desa, Kampung Orang Kaya Besar Imas dan lain-lain masih ketinggalan, bukan tidak dipeduli barangkali belum sampai masanya lagi kerana banyak hal yang menyabitkan belum sesuai dengan Bandar Seri Begawan dengan *voltage*nya masih rendah, ada yang masih kayu dan pagarnya runtuh, ada yang tidak berpagar, longkang-longkang yang tidak memakai simen masih menggunakan longkang tanah dan macam-macam lagi dan menyampaikanlah kepada Kampung Burung Pingai Berakas yang ada jalan sudah dibina tetapi tidak mencukupi syarat seolah-olah kerja ini tidak selesai.

Jalannya pun tidak ditaruh dengan aspal dan lampunya tidak menyala dan menyebabkan satu masa dahulu tempat *parking* kereta yang rosak.

Dan yang penghujung-penghujung Yang Behormat Pengerusi, kaola juga suka menyebutkan apa disebutkan orang ini ialah mengenai pendatang luar iaitu yang dimaksudkan mereka ialah orang-orang India.

Peribahasa lama menyebut, di mana ada kampung di luar bandar adalah asap, asap itu datangnya daripada penduduk-penduduk Cina yang berusaha, tetapi sekarang ini sudah bertukar, bukan Cina yang mengisikan ialah orang-orang India, mungkin Indonesia, Thailand, Philippines. Betapa tidaknya, di bandar-bandar orang Cina, India, dan Indonesia berniaga sudah lumrah, yang jelas orang-orang India itu menguasai perniagaan runcit, perniagaan kedai gunting, kedai jahit, kedai dobi dan apa jenis kedai lagi. Kita tidak kelihatan orang-orang Melayu. Adapun orang Melayu kelihatan hanyalah sebagai tuan besar, membuka perniagaan, memanggil orang-orang itu dan akhirnya orang-orang itu menjadi kutu atas kepala orang Melayu.

Jadi, apalah keadaan kitani samalah yang sudah kaola sebutkan itu, kita takutkan seperti ayam mati kelaparan kalau berpadi dan itik kehausan di atas air. Suatu yang menakutkan dengan masa jaraknya panjang bukan hari ini esok dan lusa tapi masa yang panjang ditakutkan begitu keadaannya. Dalam hal tersebut, siapa yang perlu disalahkan? Yang salah ialah kita sendiri yang mahu duduk diam mengharapkan sesuatu dari mereka itu juga.

Yang Berhormat Pengerusi, termasuk jua para belia yang akan membuat perniagaan kecil-kecilan ini, mereka mengeluh kerana susah memperolehi lesen. Jadi, mereka mengharapkan supaya kemudahan lesen berniaga itu dapat diperolehi dengan mudah.

Dalam hal ini Yang Behormat Pengerusi, kaola suka menyampaikan pesan daripada belia-belia yang menganggur dari bekas-bekas pesalah supaya benar-benar diberikan kemudahan pertolongan untuk mereka hidup dengan sempurna dan mereka itu dihormati, disayangi dan bukanlah kita pandang-pandang serong, tapi kita fokus kepada mereka itu untuk disokong dan bukan dipersulitkan tapi dipermudahkan dalam mereka mendapatkan pekerjaan yang lain-lain.

Untuk itu, harapan kalaupun tidak banyak tapi sedikit boleh diberikan apa-apa yang telah saya sampaikan. Mudah-mudahan kitani akan memperolehi yang terbaik melaksanakan sebuah negara yang Baldatun Taiyibattun Warabbun Ghafur. Assalamualaikum Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Persilakan Yang Behormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sekiranya Yang Behormat faham apa soalan yang mengambil masa 20 minit itu.

Yang Behormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagaimana tadi jua, mana-mana yang kaola dapat faham itu yang kaola jawab dan kaola minta maaf sekiranya jawapan-jawapan itu tersasar ataupun oleh kerana tidak sempat mencatatkan, tertinggal.

Terutama sekali yang terakhir tadi ada pantun, baik tah kaola berpantun jua kali Yang Berhormat Pengerusi:

Uduk-uduk Pulau kuraman;
Tempat bersarang burung merpati,
Berdiri duduk mun inda nyaman;
Mudah-mudahan tah tahu salah benar diri sendiri.

Jadi, kaola dari 3 orang yang terakhir ini, tetapi ini bukan yang terakhir, yang kaola difahamkan ada lagi Ahli-Ahli Yang Behormat tertakluk kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Pengerusi sama ada akan mengundi peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebelum kitani menangguhkan sampai ke petang hari ini.

Tapi, yang nyatanya sudah, bahawa supaya syarikat-syarikat besar juga menyumbang kepada MPM dan MPK dalam projek-projek Satu Kampung Satu Produk iaitu daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, wakil Daerah Brunei Muara, Zon 3. Kaola ingin menjelaskan bahawa Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung dalam peraturannya atau undang-undangnya, penubuhannya memang meliputi semua elemen, semua unsur sosial dan ekonomi dalam kampung itu.

Kalau sekolah ada wakil sekolah dalam majlis perundingannya, kalau masjid ada wakil masjid dalam perundingannya dan syarikat-syarikat disebutkan dalam peraturan itu ada duduk dalam Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung. Jadi, kaola fikir supaya perkara ini dilihat sendiri oleh Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung yang mempengerusikan Majlis Perundingan Mukim bagi Penghulu dan Majlis Perundingan Kampung bagi Ketua-Ketua Kampung sejauh mana pelaksanaan peraturan itu telah dapat dibuat yang tujuannya ialah untuk semua menyumbang kepada kampungnya, menyumbang kepada mukimnya dalam aspek yang ditanyakan tadi supaya mereka berpengalaman dalam perniagaan akan menyumbang kepada perniagaan. Mereka berpengalaman dalam bidang pelajaran mereka menyumbang kepada bidang pelajaran. Dalam bidang agama dan kebajikan, mereka juga ada menyumbang.

Dalam hal-ehwal belia pun sedemikian. Semua unsur ada dalam Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung dan kerana itulah kaola percaya perkara ini lebih tepat untuk dilihat oleh Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung sendiri.

Ada lagi yang kedua daripada Yang Berhormat itu tadi. Cadangan

baik ini supaya ada menimbulkan rasa kebersamaan, persefahaman di kalangan pekerja diadakan satu hari yang khusus untuk pekerja-pekerja ini berinteraksi. Kalau dimaksudkan itu pekerja dalam sektor *private* pada masa ini sudah ada walau pun kita tidak ada namanya "Hari Buruh" ataupun "Hari Pekerja" tetapi ada suatu hari suatu kesempatan yang dibukakan oleh Jabatan Buruh untuk bersama-sama dengan pekerja-pekerja ini dan majikan-majikan yang lain melalui kegiatan-kegiatan sukan. Sukan pekerja-pekerja dalam sektor swasta dan majikan-majikan. Di sinilah mereka berinteraksi antara sebuah syarikat dengan sebuah syarikat dan sebagainya dan yang sedemikian.

Yang ketiga, pekerja asing dalam jumlah yang berpatutan. Susah untuk menghadkan apa jumlah yang berpatutan ini. Kitani sebenarnya sudah mendengarkan tadi mengalami kedatangan pekerja-pekerja asing. Kaola berharap dalam hal ini jangan kitani memberi isyarat *(signal)* yang salah bahawa seolah-olah Brunei dan Kerajaannya tidak mengalu-alukan kedatangan orang-orang asing untuk berniaga di negara ini. Kitani memerlukan, cuma kedatangan mereka hendaklah teratur. Bila ia teratur itu maknanya berdasarkan kepada keperluan yang sebenar-benarnya.

Berbangkit keperluan yang sebenar-benarnya, ini kaola menjawab secara umum mana-mana perkara yang berkaitan dengan soalannya. Katalah keperluan kepada kedai runcit, sebuah kampung mempunyai kedai runcit sekian jumlah. Beberapa buah kampung di tepi-tepi jalan daripada Jalan Residency selepas Kampung Pintu Malim, Jalan Kota Batu membawa kepada hujung simpang Jalan, Jalan Kota Batu Muara, berpuluh-puluh kedai runcit. Adakah kitani memerlukan sebanyak itu, tetapi keperluan itu terbuka apabila Kerajaan memberikan peluang kepada rakyat untuk menceburi bidang-bidang perniagaan, menceburi kegiatan ekonomi lalu diberikan kelonggaran dengan mengubah syarat tanah perumahan diberikan perniagaan sampingan. Tujuan Kerajaan yang murni ini, sepatutnya dipergunakan oleh orang kita bagi mendapatkan lesen perniagaan bagi mereka sendiri berniaga. Mereka sendiri itu maksudnya dari kalangan keluarga dan dari kalangan orang kampung berkenaan dan dari anak tempatan di mana-mana juga memberikan pekerjaan, tetapi sebaliknya tidak.

Makanya itulah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah memperkenalkan peraturan atau dasar untuk membekukan jawatan-jawatan dalam beberapa jawatan yang tertentu terutama sekali dalam sektor runcit dan borong. Bilangannya berlebihan, bukan kita tidak memerlukan mereka, tetapi memerlukan setakat keperluan yang benar-benar kita kehendaki dan menepati hasrat Kerajaan supaya orang-orang yang diberikan kemudahan kelonggaran syarat tanah perumahan mereka ditukar kepada perniagaan sampingan itu akan aktif dalam bidang-bidang perniagaan. Ini termasuk jua

pasar borong, seorang ahli meminta supaya Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen menimbangkan kebenaran untuk mengambil pekerja-pekerja asing oleh petani-petani yang berusaha di Pasar Tani, jadi yang seorang lagi menghendaki supaya dihadkan.

Kaola bertanya, benarkah keperluan di Pasar Tani itu untuk petani-petani yang berusaha mengusahakan tanahnya sepenuhnya dan kerana itu mereka tidak mempunyai masa untuk menjadi peniaga di pasar untuk menjaga bangkunya, adakah benar? Kerajaan melihat perkara ini (pihak-pihak yang berkenaan) dan didapati sekali pun, penglihatan kita kalau setakat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang A. Ahmad bin Husain tadi, kitani ada orang asing sebegitu mengapa terjadi. Kalau inilah didapati, sebagaimana jua kedai-kedai runcit yang lesennya dimiliki oleh orang-orang kitani rakyat, begitulah juga lesen bangku itu dimiliki oleh orang kita, tapi ternyata yang menjalankan aktiviti perniagaan itu jatuh ke tangan orang lain.

Kata mereka, ini pekerja saya, ini buktinya saya meminta pekerjaan dan malah kalau dalam konteks kedai runcit malah ada yang mengemukakan resit. Resit, bahawa mereka membayar kepada yang berniaga di bangunannya itu. Ertinya, ini *manager*nya dibayar *manager*nya. Ini *cashier*nya dibayar *cashier*nya. Tetapi sebaliknya, Allah Taala pun tahu, dan kitani manusia pun tahu. Sebaliknya sewa didapatkan, lesen disewakan pun mendapat jua dan kuota pekerja pun mendapat jua, sebaliknya sedemikian. Akibatnya inilah, kita tidak dapat mengembangkan keupayaan kita untuk menjadi peniaga-peniaga, sebaliknya semuanya kita serahkan kepada orang luar dan memang orang luar dapat memenuhi keperluan-keperluan itu. Satu lagi saya beri contohnya, pasal dahulu ada asap daripada kaum lain, sekarang ada asap daripada kaum-kaum yang lain juga. Masalahnya di mana? Masalahnya, bukan di mana-mana, Kerajaan pada satu peringkat tahun 60-an, tahun 70-an, kaola masih ingat, menggalakkan koperasi di kampung-kampung, tumbuh bercambah koperasi di kampung-kampung. Sehinggakan *tuck shop* yang kecil-kecil kepunyaan orang perseorangan di kampung-kampung mati oleh kerana adanya koperasi.

Kedai runcit yang dimiliki oleh satu kaum tertentu pada masa itu, tutup kerana ada koperasi. Tidak apa, mereka tidak bersungut, mereka beralih juga ke bandar. Tapi mereka yang asalnya berniaga di kampung, kedainya tutup oleh kerana digantikan oleh Koperasi dan mereka sekarang di bandar, mereka jadi *supplier* kepada koperasi, sama juga berniaga. Jadi, inilah sebenarnya kitani, bila sudah koperasi mati, timbul balik semula pemilik-pemilik lesen persendirian yang sepatutnya berniaga tetapi tidak berniaga, cuma menyewakan lesen kepada orang lain.

Kaola dapat mengatakan, pemerhatian pihak Imigresen dan Buruh di Pasar Tani, sama keadaannya dengan pemerhatiannya kepada kedai-kedai

runcit, bahawa dikhuatiri semua ini jatuh ke tangan orang-orang asing dengan itu tidak mencapai hasrat Kerajaan membangun Pasar Tani itu bagi menolong satu badan koperasi yang dinamakan Koperasi Setenaga di Kampung Selayun itu.

Mengenai pengusaha-pengusaha bengkel meletakkan keretanya di tepi-tepi jalan, mengurangkan peluang kepada orang-orang yang akan menggunakan petak-petak meletak kereta, itu benar, tetapi tidak benar kalau perkara ini dikatakan tidak diambil tindakan oleh Lembaga Bandaran ataupun oleh Jabatan Daerah. Tindakan-tindakan telah dibuat, malah mereka setelah diberikan arahan atau amaran, telah dikenakan kompaun dan sudah ada pembaikan dalam perkara ini.

Mengenai *babysitter* ataupun jua penjagaan harian (*daycare*) supaya dilakukan oleh Majlis-Majlis Perundingan Kampung dan Mukim. Ini satu cadangan yang baik, Kerajaan khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dalam hal ini akan menyokong jikalau usaha ini dapat dilakukan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan oleh kerana kemahiran dalam perkara itu, tidak sepenuhnya dapat dipenuhi oleh orang-orang tempatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedia menyokong supaya satu jumlah yang berpatutan, guru-guru ataupun penjaga-penjaga yang dapat dipercayai dalam hal ini, didatangkan dari luar negeri sambil memberikan pekerjaan juga kepada anak-anak tempatan, terutama sekali di kampung dan di mukim itu.

Mengenai kelamaan pekerjaan asing di sini dengan bilangannya yang sudah meningkat, lalu dicadangkan supaya kontrak dihadkan kepada dua tiga kontrak tidak melebihi umur 55 tahun, mana-mana yang berkenaan. Sebenarnya, perkara ini sudah pun dinyatakan dalam persidangan-persidangan yang lalu, bahawa sudah ada peraturan bagi umur pekerja-pekerja asing berada di negara ini mengikut sektor dan mengikut jenis profesionnya, dari 55 tahun ada yang dipanjangkan kepada 60 tahun, 60 tahun dipanjangkan kepada 65 tahun mengikut sektor-sektornya.

Ertinya, mereka tidak akan selama-lamanya kekal, sebagai orang yang diperlukan bagi satu pekerjaan, maka umur mereka juga dihadkan.

Cadangan baik supaya difikirkan juga produk tradisional dikembangkan dengan ada pakar-pakarnya yang memang sudah ada itu dapat dikembangkan.

Hal ini lebih banyak tertumpu kepada bagaimana usaha-usaha Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam penghasilan Satu Kampung Satu Produk. Sama juga bagaimana keperluannya untuk mendatangkan pasaran dengan penubuhan pusat-pusat pemasaran di setiap daerah. Jadi, perkara ini dapat difikirkan di peringkat jabatan dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu yang

menjadi pengerusi masing-masing di Majlis Perundingan.

Mengenai pesanan ringkas digunakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, sebagaimana digunakan oleh Kementerian Kesihatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan mereka, ini satu cadangan yang baik dan boleh dicatatkan di sini.

Mengenai Dewan Kemasyarakatan, 2 orang Ahli Yang Berhormat menimbulkan perkara ini, dan seingat kaola pernah menjelaskan dalam Dewan ini, setiap mukim terdapat Dewan Kemasyarakatan ataupun Dewan Serbaguna. Sementara belum ada, sedangkan di kawasan-kawasan berkenaan itu ada kemudahan-kemudahan yang boleh diguna sama, seperti Mukim Berakas 'A' atau 'B', yang sedia ada di Dewan Muhibbah, Dewan Kemasyarakatan Lambak I, Dewan Kemasyarakatan Lambak II dan malah sekolah-sekolah.

Yang idealnya, memang supaya keperluan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu dapat ditampung melalui sebuah dewan yang mereka sendiri punyai. Tetapi, sementara belum ada, tidaklah sampai kesulitan bagi orang ramai menjalankan kegiatan-kegiatan persendirian ataupun kegiatan-kegiatan secara perkumpulan, perkahwinan, atau apa juga kegiatan sukan dan sebagainya.

Mukim Lumapas selama ini menunggu dewan, sebagaimana juga Mukim Berakas menunggu dan pantun Ahli Yang Berhormat tadi tidak akan habis-habis, akan dibawa ke tahun hadapan selagi belum ada. Sementara belum ada, di Mukim Lumapas terdapat dewan besar, namanya Kompleks Sukan Kampung Sungai Kebun. Jadi kaola mencadangkan supaya mereka itu berhubung dan berunding dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, bagaimana dewan yang semegah itu dapat mereka pergunakan bagi mukimnya.

Sebagaimana juga sebuah dewan, baru-baru ini telah siap bagi Mukim Kampong Ayer, tidak semua kampung di Kampong Ayer akan terdapat dewan, tapi sebuah dewan di Kampong Ayer akan menampung kegiatan-kegiatan di Kampong Ayer, dan alhamdulillah, sudah berjalan dalam beberapa hari ini dan maklum balas yang sangat positif dalam perkara itu.

Mengenai kebersihan restoran, perlu juga kebersihan kawasan-kawasan bangunan dalam Lembaga Bandaran. Jadi perkara ini sama juga dengan apa yang ditimbulkan awal tadi dan kaola ingin menambah Yang Berhormat Pengerusi, tidak semua kawasan-kawasan yang terlingkung dalam lingkungan kawasan bandaran yang baru itu sudah diambil alih oleh Jabatan Bandaran Yang Berhormat Pengerusi. Sebahagiannya masih lagi di tangan jabatan-jabatan lain ataupun kalau ada pun diambil alih, tetapi ada pembahagian kerja. Misalannya Jabatan Bandaran dengan Jabatan JASTRE, Kementerian Pembangunan.

Mengenai cadangan supaya Pekan Muara dijadikan satu daerah. Jadi kita sudah terbiasa Yang Berhormat Pengerusi menyebut Negara Brunei Darussalam ini berdaerah, dalam sejarah kitani pun Negara Brunei Darussalam mempunyai 5 daerah bukannya 4 daerah. Dari zaman dahulu, zaman ratusan tahun dahulu sampai sekarang kitani menyebut daerah. Mengapa kitani tidak terfikir untuk mengangkat daerah itu menjadi bandar. Kitani berfikir supaya membanyakan bandar-bandar supaya orang ramai, penduduk di kawasan yang selama ini dianggap mereka itu orang daerah dan mereka itu orang kampung, padahal pembangunan yang sudah berjalan terutama sekali dalam masa 50 tahun telah dilakukan, kampung-kampung sudah merupakan pekan.

Pekan pada masa ini sudah merupakan bandar. Jadi, satu formula untuk difikirkan bersama, kalau ada *input* maklum balas daripada Dewan ini adalah bagi Kementerian memikirkan untuk mengangkat daerah-daerah menjadi bandar-bandar. Jadi Brunei akan mempunyai bandar-bandar baru misalnya Yang Berhormat Pengerusi, suatu yang sangat baik.

Mengenai penurunan perahu bandar, kaola fikir, Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini tidak strategik. Jadi perkara ini boleh diselesaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola fikir Yang Berhormat Pengerusi, baik Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terdiri dari Wakil-Wakil Daerah, mahupun yang terdiri daripada kalangan Orang-Orang Yang Bergelar dan Orang-Orang Yang Mencapai Kecemerlangan adalah mempunyai akses kepada Kerajaan dan Kerajaan kaola fikir dan terutama sekali kaola dapat memberi jaminan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah sentiasa terbuka untuk mendapatkan maklum balas mengenai hal ehwal orang ramai dan penduduk.

Jadi perkara-perkara yang boleh diselesaikan di peringkat daerah itu, sebaik-baiknya dapat dibuat sepanjang tahun, jangan ditunggu musim kitani akan berbincang di sini baru kedengaran apa-apa itu. Sebenarnya kalau ditunggu musim kitani di sini hampir setahun, sedangkan perkara itu sudah berlaku beberapa lama, terbiar sahaja.

Yang kedua, khusus kepada Ketua-Ketua Kampung. Kaola hairan, minta maaf, Yang Berhormat Pengerusi, adakah dengan suara-suara yang sedemikian kitani dengar sedemikian ini semacam *communication breakdown* antara Ketua Kampung dengan Pejabat Daerah, perkara ini akan kaola fikirkan. Kaola fikir secara umum yang kaola akan jawab dan kaola memohon maaflah kalau tidak dapat respons kepada butir-butir soalan yang dikemukakan di sini, oleh kerana kekurangan kaola dalam mencatatkan atau kekurangan kaola dalam memahaminya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita beralih balik ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang ini pada pukul 2.30 petang.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa. Semasa Mesyuarat Jawatankuasa diadakan pada sebelah pagi tadi, masih lagi membincangkan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu persatu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk SE01A hingga SE12A bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa ada baiknya pertanyaan-pertanyaan yang diajukan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Dilantik biarlah ringkas tetapi tepat, supaya mudah difahami. Saya berharap Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini akan dapat diselesaikan dengan seberapa cepat. Sebelum kita menyambung perbincangan ini, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat pernyataan terhadap soalan-soalan yang diajukan pada pagi hari Sabtu dan juga pada pagi tadi. Silakan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sebenarnya ingin membuat kenyataan. Kalau kenyataan ini akan menjawab sebahagian soalan yang dikemukakan maka Alhamdulillah. Jadi, maksud kaola, bukanlah untuk menghadkan bilangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan bercakap atau membangkitkan, tapi maksud kaola semata-mata untuk menolong Dewan yang mulia ini, bagi kita lebih menumpukan kepada perkara-perkara yang dapat kita usahakan secara realistik. Apa lagi kalau perkara-perkara itu, perkara yang strategik.

Kaola mengambil kesempatan, pertama sekali ialah untuk membuat kenyataan bagi satu garis panduan bagi menimbangkan untuk mendapatkan Taraf Penduduk Tetap atau *(PR)* Negara ini, termasuk bagi mewujudkan pas kediaman telah diluluskan. Ia meliputi beberapa kategori orang atau pemohon, sebilangan besarnya ialah warganegara asing yang ada kaitan kekeluargaan sama ada sebagai ibu, sebagai bapa, sebagai suami, sebagai isteri ataupun

sebagai anak kepada orang-orang Brunei yang bertaraf rakyat Brunei atau orang-orang Brunei yang sudah bertaraf Penduduk Tetap.

Di samping itu, terdapat jua kategori warganegara asing yang menyumbang kepada perkara perekonomian, pembangunan dan kemajuan. Mereka juga daripada kalangan dari warganegara asing yang terdiri daripada golongan profesional. Adapun mereka yang ada kaitan kekeluargaan dengan rakyat atau penduduk tetap Negara ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola percaya adalah orang-orang atau penduduk yang sudah mengalami suka duka kehidupan berkeluarga di Negara ini, mereka mudah menyesuaikan diri dengan keperluan ataupun dengan iklim politik dan sosial Negara kita. Apa lagi kalau mereka itu sempat bersekolah dan mengikuti aliran Pendidikan Nasional Brunei.

Oleh yang demikian, dengan memberikan laluan kepada mereka untuk mendapatkan Taraf Penduduk Tetap bukan sahaja akan mengukuhkan lagi ikatan kekeluargaan masing-masing, bahkan dalam masa yang sama mereka akan menjadi sebahagian daripada penduduk Negara Brunei Darussalam dengan bertaraf Penduduk Tetap dan secara yang wajar akan membolehkan mereka menjalankan peranan yang aktif dan lebih positif dalam pembangunan Negara sebagai Penduduk Tetap itu. Dan yang penting status sebagai Penduduk Tetap juga kemudiannya, akan melayakkan mereka akan memohon menjadi rakyat menurut Undang-Undang Taraf Kebangsaan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Garis panduan itu menetapkan secara telus tempoh-tempoh tertentu, berkediaman di Negara ini bagi mereka yang mempunyai ikatan kekeluargaan itu. Misalnya, Yang Berhormat Pengerusi ialah suami warganegara asing kepada isteri warganegara Brunei Darussalam, tempohnya tinggal menetap dan menjadi pasangan suami isteri di Negara ini telah disingkatkan daripada 15 tahun bagi suami yang lahir di Negara ini dan 20 tahun bagi suami yang lahir di luar negara dengan syarat sebelum ini disingkatkan kepada 7 tahun. Sementara, suami warganegara asing kepada isteri Penduduk Tetap Brunei dari kalangan *stateless* yang sebelum ini tidak layak menjadi Penduduk Tetap setelah tinggal menetap dan menjadi pasangan suami isteri selama 15 tahun, tetapi mereka mempunyai ikatan kekeluargaan.

Jadi, dengan garis panduan yang baru ini, mereka boleh dipertimbangkan menjadi Penduduk Tetap apabila mereka sudah tinggal bersama dengan isterinya di Brunei selama 15 tahun dan mempunyai ikatan kekeluargaan. Maksudnya, beranak pinak dan seumpamanya. Begitu juga anak ibu Penduduk Tetap yang *stateless* yang berayahkan (bapa) kepada warganegara asing, disyaratkan usia anak 7 tahun dan tinggal menetap di Negara ini. Permohonan boleh diterima bagi anak yang belum mencapai umur 18 tahun. Sebelum ini, anak yang ibunya

Penduduk Tetap *stateless* yang berayahkan (bapa) warganegara asing itu pernah dipertimbangkan secara pentadbiran sahaja, iaitu bagi kes yang tertentu sahaja *case by case.* Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada orang-orang yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan dan golongan profesional, tempoh keberadaan (kelamaan) di Negara ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Khas/Lembaga dan mengikut syarat-syarat lain.

Mereka dikira penyumbang, patut difahamkan dengan baik. Mereka dikira penyumbang bukanlah dilihat dan dinilai sebagai penyumbang derma dan penyertaan dalam acara-acara sambutan perayaan yang bersifat kebangsaan. Sebaliknya, mereka dilihat dan dinilai dari aspek mutu aktiviti perekonomian dan profesionalisme dengan memberikan impak yang positif kepada pembangunan dan kemajuan Negara ini. Pertimbangan ke atas pemohon-pemohon daripada warganegara asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan dan kepada golongan profesional itu adalah boleh dilaratkan kepada pemohon-pemohon yang telah terbukti berjasa dan turut menyumbang kepada pembangunan Negara ini, sama ada dari aspek ekonomi atau sosial seperti, guru-guru agama dan sebagainya.

Yang Berhormat Pengerusi, adapun Pas Kediaman *(Residential Pass)* jangka panjang iaitu Pas Kediaman Jangka Panjang *(Long Term Residential Pass)* ia akan ditimbangkan untuk diberikan kepada warganegara asing yang tidak layak untuk dihulurkan Taraf Penduduk Tetap atau mereka sengaja tidak memohon menjadi penduduk tetap cuma mereka itu ingin berada di Negara ini bagi tempoh yang lama sebagai ahli perniagaan, perusahaan atau sebagai profesional.

Pas Kediaman Jangka Panjang itu adalah juga dimaksudkan untuk menarik pelaburan secara langsung asing ke Negara ini dan boleh diperbaharui menurut kesesuaiannya. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan garis panduan itu secara berhemah iaitu untuk menentukan jumlah yang akan dihulurkan Taraf Penduduk Tetap itu dengan mengambil kira nisbah bangsa atau kaum dan agama supaya bilangannya terkawal dan tidak melebihi kadar tertentu khasnya kadar kelahiran dalam kalangan tujuh puak jati rakyat Negara ini.

Begitu juga mengenai pemohon-pemohon warganegara asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan, kemajuan dan golongan profesional itu akan diketatkan ini secara telus diakui akan diketatkan dengan mengambil kira beberapa perkara, antaranya nisbah jumlah pekerja tempatan berbanding dengan pekerja asing yang diambil bekerja oleh syarikat-syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh pemohon sesuai dengan dasar Kerajaan meningkatkan peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan.

Nilai aset atau pelaburan yang dimiliki hendaklah signifikan dan dapat membantu pembangunan sektor swasta dengan penumpuan lebih kepada sektor-sektor yang memberikan nilai tambah seperti perkilangan, pengeluaran dan sebagainya. Satu lagi, jika pemohon seorang Ahli Lembaga Pengarah atau pemilik syarikat korporat di Negara ini, dia juga akan dinilai dari aspek kepatuhannya dan syarikatnya kepada keperluan-keperluan tertentu di bawah Akta Cukai Pendapatan.

Demikianlah kenyataan yang pertama yang dapat kaola sampaikan, yang kaola harap dapat membantu Ahli-Ahli dalam perkara ini dan koala mengucapkan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memberikan ucapan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayan, Belia dan Sukan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin memberikan penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, mengenai dengan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak yang dicadangkan untuk dimasukkan sebagai Projek Satu Kampung Satu Produk.

Sebelum itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin membetulkan sedikit kesilapan dalam menyebut nama orang atau nama Yang Behormat yang bertanyakan mengenai caruman Tabung Amanah Pekerja (TAP) untuk dikeluarkan bagi tujuan mengerjakan fardu haji yang mana saya menyatakan Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf yang sebenarnya yang bertanya itu ialah Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim jadi diharap perkara tersebut dapat diperbetulkan.

Mengenai Pusat Penjagaan Kanak-Kanak terdapat di Negara Brunei Darussalam sebuah Akta iaitu Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak 2006 dan Akta berkenaan adalah memberikan kuasa kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai pihak berkuasa yang berlesen atau *Licensing Authority.* Dalam mengeluarkan Lesen Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di bawah umur 3 tahun Jabatan Pembangunan Masyarakat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyelaraskannya dengan 7 agensi Kerajaan yang berkenaan iaitu:

1) Jabatan Perancang Bandar dan Desa;
2) Pejabat Daerah;
3) Jabatan Bomba dan Penyelamat;
4) Jabatan Perkhidmatan Kesihatan;
5) Jabatan Bandaran; dan
6) Pasukan Polis Diraja Brunei

Sejauh ini terdapat 3 buah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak yang sudah

diluluskan dan diberikan lesen untuk beroperasi. Manakala, masih terdapat 12 permohonan yang sedang diproses untuk diberikan lesen bagi membolehkan mereka untuk mengusahakan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak.

Mengenai kadar yang dikenakan ke atas penjagaan kanak-kanak di pusat berkenaan, buat masa ini tidak terdapat peraturan yang mengawal bayaran Pusat Penjagaan Kanak-Kanak berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat peraturan nisbah atau *ratio* penjaga dan kanak-kanak yang dijaga mengikut peringkat umur iaitu:

1) Bagi peringkat umur 2 bulan ke 18 bulan ialah satu pekerja dengan nisbah 5 kanak-kanak;

2) Manakala kanak-kanak yang berumur ke atas 18 bulan ke 30 bulan ialah satu penjaga kepada 8 kanak-kanak dan;

3) Manakala kanak-kanak yang ke atas 30 bulan ke 3 tahun ialah satu penjaga kepada 12 kanak-kanak

Manakala, mengenai kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas ataupun *Children with disabilities, ratio* penjagaan ialah satu penjaga kepada 4 orang kanak-kanak tanpa mengira umur. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri ingin membuat penyataan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola ingin membuat dua penjelasan sahaja Yang Berhormat Pengerusi:

1. Kaola ingin menjawab satu persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai Elaun Kurnia Khas yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam Pasukan Bomba dan Penyelamat dan anggota beruniform yang lain. *Intervention* kaola ini hanyalah membetulkan fakta berhubung kenyataan Yang Berhormat tersebut pada hari Sabtu yang lepas, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mencadangkan agar pihak yang berkenaan untuk mempertimbangkan kemudahan Elaun Kurnia Khas supaya dapat diselaraskan pembayarannya dengan anggota beruniform yang lain.

   Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa pemberian Elaun Kurnia Khas adalah berdasarkan Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 1/1991 bertarikh 18 Mei 1991, berdasarkan surat keliling tersebut, anggota pasukan bomba dan anggota pasukan beruniform yang disebutkan oleh Yang

Berhormat itu telah pun dihulurkan Elaun Kurnia Khas berkuatkuasa mulai 1 Mei 1991 cuma jumlah yang dibayar adalah diselaraskan mengambil kira jumlah anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat telah pun menerima Elaun 'P' sebanyak $100.00 sebulan. Contohnya, bagi Bahagian II pegawai-pegawai ini menerima Elaun Kurnia Khas sebanyak $50.00 sebulan, Bahagian III sebanyak $70.00 sebulan dan Bahagian IV dan ke bawah $100.00 sebulan. Ini menjadikan jumlah elaun yang mereka terima pada keseluruhannya adalah sama dengan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang lain.

2. Bagi menambah penerangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, iaitu kenapa jawatan bomba dikeluarkan dari jawatan berpencen, yang kaola hanya ingin membuat penjelasan yang ringkas seperti berikut. Sebelum Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) mulai diperkenalkan pada 1 Januari 1993, semua warga perkhidmatan awam yang bersara wajib termasuk anggota bomba akan menerima pencen tertakluk pada syarat-syarat berikut iaitu;

i. Terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Jawatan Tetap dan berpencen bagi Bahagian I, II, III dan IV dan;

ii. Berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun, lantikan sebelum 1 Januari 1993 sudah ditetapkan dalam jawatan pertamanya;

iii. Usia 55 tahun.

Walau bagaimanapun, pada 1 Januari 1993, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan Skim Tabung Amanah Pekerja untuk dilaksanakan bagi semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam yang dahulunya berpencen kecuali pegawai dan kakitangan yang masih di dalam jawatan berpencen seperti berikut:

- Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;
- Anggota Polis Diraja Brunei; dan
- Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara dalam Bahagian IV dan ke atas.

Jadinya, berasaskan kepada peraturan ini, mulai 1 Januari 1993, semua penjawat awam dalam Perkhidmatan Tetap, Perkhidmatan Open-Vote, Perkhidmatan Kontrak dan Perkhidmatan Bergaji Hari termasuk Anggota Bomba dan Penyelamat adalah diwajibkan untuk mengikuti Skim Tabung Amanah Pekerja.

Dalam konteks ini, adalah tidak bertepatan untuk menyatakan bahawa jawatan Bomba yang dahulunya disenaraikan sebagai jawatan berpencen dikeluarkan dari jawatan berpencen. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, sejak beberapa tahun yang lalu sehinggalah masa ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan memberi kebenaran kepada penduduk-penduduk yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam yang lahir di negara ini, ataupun yang lahir di luar negara, telah dan sedang memberi taraf penduduk tetap. Pemberian ini dibuat secara permit masuk *(EP)* dan Penduduk Tetap *(PR).* Penduduk-penduduk yang bertaraf Penduduk Tetap di negara ini difahamkan adalah juga berperanan sama untuk memberi sumbangan ke arah pembangunan Negara Brunei Darussalam sendiri. Sudah setentunya Negara bersedia memberi kemudahan, kalaupun tidak sepenuhnya, sebahagian daripadanya syukurlah. Tambahan lagi, penduduk-penduduk yang berkenaan, adalah juga terdiri daripada berbilang bangsa dan kaum termasuk juga berbagai puak. Baru sebentar tadi, kaola mendengar maklumat daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, di kesempatan ini kaola mengucapkan berbanyak terima kasih.

Dalam hal ini, kaola ingin penjelasan tentang pemberian kemudahan kepada penduduk-penduduk yang bertaraf penduduk tetap, kerana seperti mana yang diketahui pada masa ini, kemudahan seperti mendapatkan Skim Perumahan, memiliki tanah bergeran atau *TOL*, kemudahan bagi mendapatkan perubatan percuma, elaun kebajikan tidak diberi kecuali Pencen Umur Tua, apabila Penduduk Tetap tersebut mencapai umur 60 tahun dan tinggal di Negara ini lebih 30 tahun.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Pengerusi, sebahagian daripada penduduk tetap itu terpaksa tinggal di rumah-rumah sewa, di bilik-bilik sewa dan bagi mereka yang tidak mampu dan dalam keadaan daif terpaksa tinggal di rumah-rumah setinggan dengan menduduki tanah-tanah Kerajaan secara haram.

Mengenai dengan kemudahan untuk menyertai Skim Perumahan dan mendapatkan tanah secara *TOL* juga pernah kaola bentangkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Kelapan dan Yang Kesembilan yang lalu kepada penduduk-penduduk tetap yang kaola maksudkan itu, ke arah ini juga kaola ingin mengetahui sejauh mana ianya dilihat untuk dipertimbangkan, walaupun soalan kaola ini 3 dalam 1, maka diharap kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dapat memberi

penjelasan di mana-mana tajuk yang bersesuaian.

Mengenai Lembaga Bandaran, Seria dan Jabatan Daerah. Sejak akhir-akhir ini, *trend* Jabatan Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria dalam menangani kekurangan tenaga kerja di jabatan berkenaan adalah dengan menggunakan tenaga kontrak, dalam jangka masa yang ditetapkan. Apa yang nampak jelas dari aktiviti tersebut, terdapat kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor tersebut kurang memuaskan dan tidak memenuhi kehendak. Kurang pemantauan juga adalah salah satu penyebab makanya kerja-kerja tersebut dibuat secara semberana seperti pemotongan rumput, membersih longkang dan lain-lain dalam kawasan Lembaga Bandaran.

Perkara ini juga dikenalpasti tentang tata cara pemilihan kontrak yang menawarkan harga yang paling murah tetapi kurang berpengalaman. Dalam hal ini, maka kaola berpendapat supaya dalam hal memilih kontrak ini haruslah dilihat tentang kemampuan, kecekapan, pengalaman pengusaha, termasuklah juga tenaga kerjanya dan peralatannya. Lebih-lebih lagi tenaga kerjanya adalah terdiri daripada rakyat asing, maka terjadilah perkara yang kaola sebutkan di atas.

Menyentuh dengan pemeliharaan aset-aset Kerajaan yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah, adalah dicadangkan lebih baik ianya diserapkan atau dikendalikan oleh Jabatan Bandaran bagi kawasan Lembaga Bandaran dan pihak Jabatan Alam Sekitar (JASTRE) atau Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Pembangunan, iaitu bagi kawasan-kawasan luar bandar. Perkara ini perlu dilihat seperti mana trend masa ini, iaitu bagi kerja-kerja pembersihan longkang-longkang dikendalikan oleh pihak JKR. Manakala pemotongan rumput dikendalikan oleh Jabatan Daerah, yang didapati kurang terungkayah sehingga kadangkala ditegur oleh media-media cetak, media elektronik, oleh penduduk-penduduk sama ada secara sihat atau tidak sihat yang prihatin supaya keadaan sekeliling sentiasa bersih, terpelihara dengan sebaik mungkin.

Negara kita telah menguatkuasakan akta bagi kesalahan-kesalahan kecil, terhadap pembuangan sampah yang tidak terurus, akan tetapi pihak kita sendiri tidak mampu untuk melaksanakannya dengan begitu berkesan. Kaola juga menyokong mengenai cadangan dari rakan sejawatan dari Daerah Belait supaya pengutipan sampah, pembuangan sampah di kawasan pedalaman Daerah Belait akan diserapkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) yang kerja-kerja tersebut pada masa ini dikendalikan oleh Jabatan Daerah, dan telah pun mendapat respons positif daripada Menteri Pembangunan dalam Dewan yang mulia ini, semoga ianya akan menjadi kenyataan.

Terakhir sekali, Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan.

Sejak tahun 1964, kalau kaola tidak silap, setiap penduduk Negara Brunei Darussalam, telah dikeluarkan kad pengenalan. Kad pengenalan diri dalam 3 kategori iaitu:

- Warga Negara Brunei Darussalam berwarna Kuning;
- Penduduk Tetap berwarna Merah sekarang ini berwarna Ungu; dan
- Berwarna Hijau bagi penduduk-penduduk sementara yang berjamin.

Dalam Negara Brunei Darussalam terdapat 7 puak, yang diiktirafkan sebagai warganegara iaitu Brunei, Tutong, Kedayan, Belait, Dusun, Murut dan Bisaya. Apa yang kaola persoalkan di sini, ialah tentang bangsa yang tercatat dalam kad pengenalan berwarna Kuning hanyalah menyebut Bangsa Melayu, tidak disebut puak asal. Seorang penduduk itu, terdiri dari 7 puak sebagai warganegara. Perkara ini, kaola berpendapat secara beransur-ansur akan melenyapkan pengenalan puak yang 7 itu, yang diiktirafkan dalam Negara Brunei Darussalam pemegang kad pengenalan berwarna Kuning.

Mengenai dengan alamat tempat tinggal, seperti mana yang kaola pernah utarakan dalam siri permesyuaratan yang lalu juga, nampaknya belum ada perubahan ketara dibuat. Itu masih lagi menggunakan alamat seperti *TOL, EDR* dan *Lot* tanah yang perkara ini menjadi kesulitan kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk menjejaki seseorang penduduk apabila dikehendaki. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah dalam Belanjawan Kewangan 2014/2015 Pejabat Daerah Tutong telah diperuntukkan sebanyak $5,742,400.00 berbanding tahun 2013/2014 sebanyak $5,462,720 bertambah $279,680.00 dan lain-lain pembayaran Perbelanjaan Khas sebanyak $2,657,765.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Berdasarkan peruntukan ini kaola penuh yakin bahawa apa-apa jua projek yang telah dirancang dapatlah dimajukan mengikut keutamaan. Walau bagaimanapun, pembinaan rumah daif dan orang susah, tidak dapat dipenuhi kalau tidak ada dana yang khas untuk membantu kedaifan mereka. Sungguhpun demikian, bahawa sekiranya dapat dilaratkan ke daerah-daerah yang memerlukan iaitu, lain-lain Pembayaran Perbelanjaan Khas sebanyak $12,379,840.00 yang dikawal oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi, yang kedua, bahawa kaola mengulangi apa yang dipohonkan pada tahun lepas, iaitu pembinaan Dewan Serbaguna Mukim,

bagi Mukim Keriam dan Mukim Kiudang. Kaola penuh berharap melalui Dewan yang mulia ini, sebelum berakhir Rancangan Kemajuan Negara ke-10 (RKN ke-10) pada tahun 2017, maka kedua-dua dewan ini dapat dibina di Mukim Keriam dan Mukim Kiudang.

Ketiga Kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas daya usaha yang berterusan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam membina 3 buah balai raya di Zon 1, di Daerah Tutong, iaitu Balai Raya Kampung Pad Nunok, Balai Raya Kampung Birau dan Balai Raya Kampung Luagan Duduk. Maka, dengan adanya terbina balai raya tersebut, bahawa apa juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Majlis Perundingan Kampung di kampung masing-masing dapat dilihat dan diikuti peranan akar umbi.

Yang Berhormat Pengerusi. Yang terakhir seperti mana yang kaola nyatakan di atas tadi, maka ada 7 buah kampung lagi, Zon 1, Daerah Tutong memerlukan balai raya ini, iaitu Kampung Penanjong, Kampung Penabai Kuala Tutong bagi Mukim Pekan Tutong, sementara itu Mukim Keriam ialah Kampung Bukit Panggal, Kampung Sinaut dan Kampung Kupang. Manakala, Mukim Kiudang ialah Kampung Bakiau Pengkalan Mau dan Kampung Kiudang.

Selaras dengan kemajuan dan pembangunan masa kini, sesungguhnya kaola sungguh berharap, bahawa seperti mana yang kaola utarakan tadi dapat difikirkan supaya Zon 1, Daerah Tutong tidak ketinggalan dari arus pembangunan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh sebab kaola mewakili Yang Berhormat akar umbi, maka kemungkinan isu-isu yang dibawa lebih kurang sama dengan sahabat-sahabat Yang Berhormat akar umbi yang lain. Maka, mana-mana usul atau soalan yang sudah diperjelaskan tidaklah perlu dijawab, mudah-mudahan juga, ada usul yang berlainan, terutama dari segi tempat atau projek atau aktiviti mukim dan kampung kerana kaola adalah mewakili Zon masing-masing, khususnya Zon 2, Daerah Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi. Isu pertama dalam menegakkan undang-undang dan akta di jabatan-jabatan di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, penguatkuasaan sentiasa melaksanakan tugas tidak mengira masa dan waktu sama ada malam atau siang, tetapi sudah setentunya mempunyai masalah, jika ada antaranya pegawai yang berkenaan dalam penguatkuasaan ini tidak dapat menyertai operasi bersama kerana terdiri daripada jabatan yang berlainan dan kementerian yang berlainan. Soalan kaola, adakah

pemikiran supaya pegawai dan kakitangan penguatkuasaan ini ditadbir di bawah satu bumbung dan mengadakan panggilan aduan (*hotline)* agar orang ramai dapat membuat panggilan aduan pada satu saluran, khusus jika berlaku sesuatu kegiatan yang kurang sihat di tempat mereka, dan pegawai penguatkuasaan mudah dan cepat bergerak, bersama dalam membuat sesuatu operasi atau serbuan bersepadu?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu kedua, selaras dengan dasar mempelbagaikan sumber pendapatan dan perekonomian Negara iaitu untuk meningkatkan usaha ke arah menggalakkan aktiviti perniagaan kepada anak tempatan, maka menerusi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung secara langsung membantu meningkatkan pendapatan secepatnya, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, misalnya bidang pertanian iaitu kerjasama penduduk dalam program meladang ke luar bandar, bidang pelaburan saham Mukim dan Kampung, bidang perusahaan gerai, bidang *tender* dari Kerajaan dan bidang inap desa *(homestay)* adalah peluang-peluang yang boleh diceburi oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Walau bagaimanapun, untuk memulakan bidang-bidang yang disebutkan tadi adalah sukar tanpa bantuan daripada pihak berkenaan dan tanpa pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang bersesuaian. Oleh itu untuk memperkasa dan mengangkat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung maka beberapa perkara dicadangkan iaitu bantuan kepada bidang ladang komunal luar bandar adalah untuk mendapatkan tapak ladang, bantuan infrastruktur, bantuan nasihat, kepakaran, nilai tambah bahan pertanian dan bantuan pemasaran. Bagi bidang pelaburan saham Mukim dan Kampung dicadangkan bantuan kepakaran bengkel dan kursus untuk menggalakkan budaya menabung secara bersepadu, sebagai asas dengan dasar melahirkan budaya ekonomi yang lebih efisien, maju dan berdaya saing melalui institusi kewangan bagi mengambil peluang dalam urusan niaga hartanah, bangunan dan lain-lain.

Bagi bidang perusahaan gerai pula yang menjual produk sendiri seperti kraf tangan, tenunan, barang pemakanan, sayur-sayuran, ternakan dan lain-lain adalah dicadangkan bantuan pembinaan gerai. Oleh itu dalam kesempatan ini, kaola pohonkan pembinaan gerai Mukim Rambai, Pusat Aktiviti Produk Mukim dan jualan ikan di Kampung Danau. Seterusnya, bagi menceburi bidang *tender* Kerajaan dipohonkan pihak berkenaan memberikan kursus tunjuk cara pengendalian bidang yang bersesuaian berasaskan keupayaan dan cara membuat kertas kerja *tender* dan pihak yang lain memberikan pertimbangan supaya memberikan peluang kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mendapat *tender* yang bersesuaian dan seterusnya bagi bidang perusahaan inap desa *(homestay)* iaitu mirip kepada pelancongan, maka dicadangkan kursus

dan bengkel pemandu pelancong bagi Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu ketiga, sekarang ini perniagaan orang asing wujud di merata tempat, kalau dulu hanya bertumpu di kawasan bandar, kini sudah merebak ke kampung-kampung di pedalaman malah di Kampung Air. Perniagaan mereka kini meliputi perniagaan runcit, pengangkutan, pembersihan, restoran, gunting rambut, menjahit, dobi, malah sekecil-kecil perusahaan dan sampai mencapai kepada perusahaan besar. Oleh itu, soalan kaola berapa peratuskah peluang yang diberikan kepada peniaga asing berdasarkan *ratio* peniaga-peniaga tempatan agar peniaga tempatan dapat bersaing dan tidak pupus langsung.

Isu keempat iaitu soalan kaola seterusnya, adakah cadangan supaya tempoh. Sepenuhnya pengambil alih perkhidmatan pemandu oleh anak tempatan dari pemandu orang asing dalam pengangkutan awam, termasuk memandu kenderaan berat, dan apakah perancangan pihak berkenaan bagi merealisasikan perkara ini?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu kelima, permasalahan belia kini sudah menjadi isu sejagat merupakan fenomena yang perlu ditangani melalui berbagai saluran, salah satu aspek yang penting ialah memenuhi kecenderungan atau kegemaran belia. Menerusi Biro Belia Majlis Perundingan Mukim dan Kampung boleh memenuhi hasrat ini dengan membuat perancangan menyeluruh, menjurus kepada pembinaan insan, teratur, tersusun dan komprehensif. Umpamanya program sukan, khidmat kaunseling, pendidikan, latihan rohani dan jasmani dan lain-lain. Dalam merealisasikan aktiviti yang diungkayahkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan memastikan kesejahteraan penduduk dan rakyat.

Perbelanjaan Negara juga dirancang untuk keperluan asas dapat disediakan secara optimum. Maka, dicadangkan tapak-tapak untuk bola sepak, tapak sukan, taman riadah, membisaikan landskap atau bangunan keperluan asas khususnya dewan serbaguna kepada mukim-mukim yang belum mempunyainya. Kaola mengambil kesempatan melalui majlis yang mulia ini, untuk mengusulkan pembinaan jeti di Sungai Telamba dan jeti di Sungai Danau. Pembinaan pondok-pondok laluan sihat Kampung Bukit Beruang, membisaikan landskap Taman Danau di Kampung Danau dan Tapak Sukan Futsal Mukim Rambai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu keenam, dengan adanya perancangan untuk meluaskan kawasan Bandar Tutong, maka dicadangkan supaya dilaratkan ke kawasan seberang sungai kedai lama Tutong untuk dibangunkan gedung-gedung perniagaan yang menjual barangan dengan harga yang lebih murah, taman permainan kanak-kanak dan riadah. Untuk lebih menarik lagi ialah membina perkhidmatan kereta

kabel dari Bukit Bendera menuju ke seberang melintasi Sungai Tutong dan perkhidmatan perahu pelancong menyusur Sungai Tutong. Dengan adanya perkhidmatan ini, menggalakkan kehadiran pelancong dan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola hanya meringkaskan 3 soalan sahaja kerana soalan tersebut sudah pun dibangkitkan.

1. Mengenai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan berhubung pasport. Apa yang kaola sampaikan ini adalah rintihan daripada sebahagian orang ramai. Mengenai masalah kehilangan, kecurian, keciciran ataupun musibah kebakaran rumah yang melibatkan pasport. Mereka akan dikenakan denda sebanyak $150.00 seorang oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

   Dalam hubungan ini, kaola mencadangkan supaya mereka yang kehilangan ataupun kecurian pasport atau musibah kebakaran adalah dikecualikan daripada dikenakan denda tersebut, berpandukan laporan daripada pihak polis yang berkenaan.

2. Mengenai dengan pekerja-pekerja swasta di syarikat swasta yang bekerja melebihi tempoh masa maksimum bekerja. Alhamdulillah dewasa ini, bahawa berbagai usaha dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan bagi menggalakkan penduduk-penduduk tempatan untuk memilih pekerjaan di sektor swasta.

   Namun demikian, kita juga mendapati bahawa jika kita perhatikan di restoran-restoran, kedai-kedai makan, kedai-kedai yang menjual berbagai produk, kedai gunting dan banyak lagi, bilangan warga asing yang berkerja adalah lebih besar daripada warga tempatan. Semasa membeli belah, kaola kadang-kadang mengambil kesempatan bertanya mengenai dengan gaji yang mereka terima sebulan. Jawapan mereka, secara purata gaji mereka antara $300 hingga $400 sebulan. Mereka mengatakan jika pekerja daripada luar negara, mereka akan diberi gaji sehingga $600 sebulan. Kaola juga bertanya, mengenai tempoh masa bekerja setiap hari. Mereka juga rata-rata mengatakan mereka bekerja antara 10 hingga 12 jam (pagi hingga malam).

Pertanyaan kaola:

- Apakah peranan Jabatan Buruh dalam menentukan bahawa setiap majikan itu mesti mematuhi tempoh maksimum bekerja bagi setiap pekerjaan di syarikat mereka?

- Apakah tindakan Jabatan Buruh jika didapati majikan melanggar peraturan waktu bekerja di syarikat swasta?

- Apakah peranan Jabatan Buruh bagi melindungi hak pekerja di syarikat swasta seperti pekerja tidak diberi bayaran lebih masa dan seumpamanya?

3. Menyentuh mengenai dewan juga. Apa yang kaola maklum di sini, bahawa kawasan kaola di Zon 2 di Daerah Brunei Muara, masih terdapat mukim-mukim yang belum mempunyai dewan seperti Mukim Serasa dan Mukim Kota Batu. Dalam hubungan demikian, kaola juga memohon dan merayu, jika ada ruang-ruang kosong untuk mukim-mukim yang tersebut diberi peluang untuk menikmati dewan tersebut.

Sekian, terima kasih. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebagaimana ada antara Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini tadi, telah mengakui mungkin ada soalan-soalan mereka itu sudah pun diutarakan atau dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain dan tidaklah perlu dijawab. Jadi, saya menyarankan jika Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menyentuh perkara yang baru ditimbulkan itu tidaklah perlu untuk dijawab dengan panjang lebar.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Memang benar, ada perkara-perkara yang dibangkitkan itu tadi sudah pun kitani dengar pada pagi tadi ataupun sebelumnya, dan sudah pun diperjelaskan ataupun sengaja tidak diperjelaskan kerana perkara-perkara ini boleh diselesaikan di peringkat jabatan dan sebagainya.

Satu perkara yang agak strategik di sini ialah mengenai Penduduk Tetap untuk menerima kelebihan-kelebihan yang patut juga diberikan kepada mereka seperti perumahan dalam Skim Perumahan Kerajaan dan juga dalam Skim Permohonan Untuk Tumpang di Atas Tanah Kerajaan, Tanah Secara Sementara.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola percaya rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan dapat membantu kaola dalam perkara ini. Tapi, satu perkara yang dapat kaola jelaskan dari segi imigresennya ialah Penduduk Tetap itu di Brunei mesti kitani fahamkan ada 2 macam:

1. Penduduk Tetap warganegara asing. Warganegara asing berada di

Negara kitani sekian lama tempohnya, termasuk kerana kekeluargaan dan sebagainya kerana apa pun dan memohon menjadi Penduduk Tetap dan diberikan taraf Penduduk Tetap.

2. Penduduk Tetap juga, mereka bukan warganegara mana-mana negeri. Tidak juga menjadi rakyat Brunei. Mereka dinamakan *stateless*. Penduduk Tetap dari segi *stateless* ini adalah dalam erti kata orang kitani Brunei. Tidak lagi ke mana-mana perginya, hendak ke mana pun memang Brunei adalah negerinya.

Jadi, kaola percaya pihak-pihak Kerajaan berkenaan, termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memikirkan apa lagi keperluan-keperluan yang mereka sepatutnya mendapat pertimbangan daripada pihak Kerajaan terutama sekali dari segi skim perumahan dan seumpamanya. Manakala, dari segi kemudahan-kemudahan atau faedah-faedah lain, mereka turut sama menerima faedah subsidi dan anak-anak mereka bersekolah apabila sudah diketahui mereka itu sebagai *stateless*, mereka dikecualikan daripada bayaran persekolahan dan juga diberikan kemudahan-kemudahan tersebut dan sebagainya.

Kaola fikir tidaklah perlu kaola menjawab dengan panjang lebar mengenai perkara itu.

Yang kedua, daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin ialah mengenai Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria yang kecenderungannya sekarang ini ternyata menggunakan tenaga-tenaga kontrak ataupun perkhidmatan-perkhidmatannya di*outsource* kepada kontraktor dan pekerja-pekerja itu kebanyakannya terdiri daripada pekerja asing dan didapati perkhidmatan ataupun pekerjaan yang dihasilkan daripadanya tidak memuaskan dan menjadi sungutan, jadi perkara ini bolehlah sebagai ingatan saja kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kepada Jabatan Daerah untuk menilainya.

Termasuk juga perkara yang dibangkitkan ialah kecenderungan memilih tawaran yang murah. Ini peraturan sedemikian Yang Berhormat Pengerusi. Ada cadangan untuk pemeliharaan aset Kerajaan, Jabatan Daerah diserahkan kepada Jabatan Bandaran. Mana-mana yang kawasan bandaran atau kepada JASTRE. Perkara ini, sebagaimana diterangkan oleh rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam konteks yang sama ialah memerlukan perkara ini dirundingkan antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan. Bukan saja-saja, dapat diakui Yang Berhormat Pengerusi, ia banyak melibatkan perkara-perkaranya, peralatan, kewangan dan sebagainya, Yang Berhormat Pengerusi.

Satu perkara yang menarik daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin ialah mengenai kedudukan catatan bangsa dalam Kad

Pengenalan Kuning. Cuma disebutkan Bangsa Melayu, tidak disebutkan Puak-Puak Jati yang 7 itu tidak disebutkan. Tapi, kalau tidak silap kaola tadi, ada Yang Berhormat itu menyebut, ini seolah-olah semacam akan menghapuskan puak, macam itulah pendengaran kaola, macam itu minta saya dibetulkan. Tapi bukanlah satu percubaan untuk menghapuskan, tetapi barangkali perkara ini dibuat tidak dengan niat sedemikian tapi dengan niat untuk menunjukkan bahawa 7 puak itu adalah Bangsa Melayu. Jadi, kita tidak berfikir secara puak tapi berfikir secara bangsa, itu idea nya. Kalau mengatakan ini sebagai untuk melupakan, apa lagi untuk menghapuskan 7 puak, kaola fikir bukan itulah, bukan itulah dimaksudkan apabila dalam Kad Pengenalan Kuning itu menyatakan bangsa iaitu Bangsa Melayu sahaja.

Daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf dari peruntukan $5 juta, alhamdulillah disokong dan dipuji kerana ada tambahan. Tetapi, satu perkara yang aneh bagi kaola Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat itu menyebut tidak ada peruntukan bagi rumah orang daif atau orang berkeperluan khas. Memang, kalau itu dimaksudkan memang tiada peruntukan sebab ia hanya sebagai kegiataan sosial bagi Pejabat-Pejabat Daerah mengadakan tabung kebajikannya. Sumbernya daripada orang ramai yang bersedekah ataupun sumber-sumber tenaga sukarela dan sebagainya. Mereka melakukan kerja dalam khidmat sosial pada masyarakat. Ini tiada kena mengena dengan Peruntukan Kerajaan. Itu sebagai penjelasan sahaja.

Mengenai Dewan Serbaguna tidak payah kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi ataupun balai-balai raya pun tidak juga, sekalipun itu diperlukan biarlah perkara itu dapat difikirkan di peringkat jabatan.

Manakala daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Yang Berhormat Pengerusi, iaitu untuk menyatukan *team* (pasukan) Penguatkuasa Undang-Undang di bawah satu bumbung sahaja atau di bawah satu agensi bagi memudahkan pergerakan dan sebagainya. Ini tidak praktikal sama sekali kerana agensi-agensi yang terlibat di sana mewakili masing-masing autoritinya.

Autoriti ini adalah autoriti jabatan masing-masing di bawah undang-undang tertentu. Misalnya, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, disertai juga oleh Jabatan Buruh kerana ada isu-isu, sekalipun Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh itu di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi mereka mempunyai skop yang berlainan di bawah undang-undang. Apa lagi pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Bahagian Hal Ehwal Syariah, Penguatkuasa Merinyunya dan seterusnya. Jadi, tidak praktikal Yang Berhormat Pengerusi untuk dibuat, masing-masing mempunyai bidang kuasa menurut bidang undang-undang yang diberikan kepada mereka.

Satu yang lagi aneh, kegiatan perniagaan orang asing sampai ke kampung-kampung dan luar-luar bandar. Soalan kaola balik Yang Berhormat Pengerusi, siapa yang membawa mereka ke sana? Saja-saja mereka itu berjualkah atau tidak? Kalau datang-datang berjual, membuka kedai, tentulah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh, Jabatan Daerah mengambil tindakan, tetapi mereka itu berlesen dan dipunyai oleh orang kitani. Jadi, yang membawa itu orang kitani.

Mengenai pemandu orang tempatan dan orang asing, latihan-latihan itu untuk jadi pemandu ini sekurang-kurangnya sudah diungkayahkan oleh Pusat Pembangunan Belia. Macam itu juga, beberapa latihan-latihan yang diperlukan oleh majikan-majikan, juga dilakukan oleh Pusat Pembangunan Belia. Kalau misalnya, untuk latihan memandu motosikal, ada dilakukan oleh APTK, Yang Berhormat Pengerusi, rupanya ada juga orang berminat untuk memandu motosikal dan terus mendapat lesen dalam bidang pekerjaan, kerana ada bidang perkerjaan yang memerlukan sedemikian itu, iaitu khidmat penghantaran (*delivery service)* daripada syarikat-syarikat pemakanan dan restoran.

Permohonan supaya diadakan tapak sukan di kampung-kampung, barangkali perkara ini termasuk dalam Peruntukan Peningkatan Taraf Kemudahan dan Riadah. Jadi, kaola fikir perkara itu akan dilihat mengikut keutamaannya. Sudah ada rancangan Kerajaan tapi mengikut keperluannya. Begitu juga mengenai kemudahan-kemudahan awam seperti jeti dan sebagainya.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, kaola akan memastikan sama ada betul apabila pasport hilang kerana kebakaran akan dikenakan bayaran sejumlah $150.00, dan kerana itu Yang Berhormat memohon supaya orang yang terlibat kehilangan pasport disebabkan kejadian kebakaran itu dikecualikan apabila sahaja ada pengesahan daripada pihak polis. Nanti dapat perkara ini kaola pastikan Yang Berhormat Pengerusi, kerana masa dahulu ada kaola mendengar ada pertimbangan khas diberikan mengenai perkara ini.

Pekerja swasta yang melebihi tempoh tinggal, tadi dan sebelumnya sudah ada, tidak payah lagi kaola sebutkan Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai masa bekerja yang melebihi waktu dan mengenai peranan Jabatan Buruh dalam perkara ini, temasuk juga ada tadi kejadian mengikut keterangan Yang Berhormat itu, pekerja tempatan diberi gaji rendah berbanding dengan gaji orang asing. Sebenarnya, sudah kaola terangkan *fair package* yang dibuat oleh Kementerian untuk melihat aspek-aspek ini.

Dari segi undang-undang Jabatan Buruh mengenai waktu bekerja sudah ada diperuntukkan undang-undangnya. Dan kalau ada sebarang sungutan atau kompelen daripada pihak pekerja, aduan sampai ke Pejabat Buruh akan disiasat,

memang dalam beberapa kes tertentu hal ini telah pun terjadi dapat diselesaikan dengan baik, Yang Berhormat Pengerusi. Ertinya pihak Jabatan Buruh melakukan tugas-tugasnya di bawah undang-undang untuk melindungi kepentingan pekerja sesuai dengan undang-undang itu.

Jadi tiada dewan bagi mukim dalam Zon 2 yang dibangkitkan, tidak payah kaola menjawab lagi Yang Berhormat Pengerusi. Jadi kaola rasa keempat-empat Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkaranya sudah pun dapat kaola liputi Yang Berhormat Pengerusi dan berharap penjelasan-penjelasan kaola akan dapat difahami dan mana-mana yang sengaja kaola tidak menjelaskan pun juga dapat difahami. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya Tajuk SE01A hingga Tajuk SE012A diundi, Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju).

Terima kasih, maka Tajuk SE01A hingga Tajuk SE012A ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE012A Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan untuk berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 satu per satu.

Alhamdulillah, sehingga petang ini, sebanyak 5 buah Kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri, telah pun diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Sebelum berpindah ke tajuk seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri ingin membuat pernyataan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin membetulkan fakta sahaja, mengenai tanggapan yang diutarakan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai pemilihan pemborong yang menyarankan supaya pihak Kerajaan tidak memilih tawaran yang terendah sahaja.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pemilihan dan penilaian tawaran, baik di peringkat Lembaga Tawaran Negara ataupun Lembaga Tawaran Kecil, tidaklah hanya bergantung kepada harga yang rendah semata-mata. Kriteria yang utama ialah menekankan *value for money*, harga yang ditawarkan adalah berpatutan dengan cadangan teknikal yang ditawarkan berdasarkan skop dan spesifikasi kerja yang ditawarkan. Dalam menimbangkan kriteria berdasarkan *value for money*, beberapa perkara utama diambil kira misalnya, spesifikasi teknikal termasuk kualiti barangan atau perkhidmatan yang diberikan berbanding harga yang ditawarkan, *track record* dan prestasi yang baik dalam perlaksanaan projek-projek yang pernah diberikan, keupayaan kewangan terutama bagi tawaran-tawaran bernilai tinggi dan keupayaan pengurusan. Oleh itu, tanggapan bahawa pemilihan tawaran hanya berdasarkan tawaran harga rendah adalah tidak tepat. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih Yang Berhormat. Maka, kita sekarang berpindah ke tajuk seterusnya. Saya mempersilakan Jurutulis bagi menyatakan tajuk seterusnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis I : Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk SF - Kementerian Pendidikan, saya buka untuk dibahaskan. Sebelum itu, saya telah difahamkan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin membuat kenyataan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita untuk membuat sedikit penerangan mengenai Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pendidikan 2014/2015, bagi membantu kita meneliti dan mempertimbangkan Rang Anggaran Belanjawan Kementerian Pendidikan 2014/2015.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas sokongan dalam memperuntukkan sebanyak $770,777,980.00 bagi perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015. Ianya menunjukkan pertambahan sebanyak $11,649,060.00 atau sekitar 1.5% berbanding dengan peruntukan bagi Tahun Kewangan Kementerian Pendidikan 2013/2014.

Tema perbelanjaan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 pada tahun ini ialah "Menjana Pertumbuhan Ekonomi Mewujudkan Peluang Pekerjaan". Bagi mendukung tema ini, empat keutamaan telah dikenal pasti iaitu : Memperkasa Pendidikan dan Latihan, Merangsang

Kegiatan Pelaburan, Meningkatkan Produktiviti Negara dan Kesejahteraan Rakyat dan Penduduk. Keempat-empat keutamaan ini akan disentuh dari perspektif Kementerian Pendidikan, melalui tujuh inisiatif utama *(grand initiatives*). Inisiatif-inisiatif ini adalah untuk membawa Kementerian Pendidikan, mencapai objektif-objektif strategik yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012-2017. Inisiatif-inisiatif utama tersebut adalah :

i. *Literacy* dan *Numeracy* ;
ii. Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional ;
iii. Sekolah Contoh (Model Schools) ;
iv. E-Hijrah ;
v. Kualiti dan Profesionalisme Guru ;
vi. Pembangunan Kepimpinan (*Leadership Development*) ; dan
vii. Penyaluran Bakat (*Talent Pipeline*).

Inisiatif pertama, *Literacy* dan *Numeracy*. Beberapa peruntukan telah disediakan bagi inisiatif ini :

1. Peruntukan sebanyak $150 ribu bagi projek "Intervensi dan Remedasi dalam mengatasi tahap *literacy* pelajar." Peruntukan ini adalah untuk membiayai projek bagi meningkatkan keupayaan guru bahasa Inggeris di peringkat rendah dan menengah dalam menilai tahap *literacy* pelajar, menggunakan skala membaca, kefahaman dan menulis mengikut amalan terbaik antarabangsa ; dan

2. Peruntukan sebanyak $230 ribu bagi projek *Literacy* dan *Numeracy*. Peruntukan ini akan membiayai aktiviti perkembangan dan pengemaskinian penilaian, mendatangkan konsultan, perkhidmatan dan kemudahan fizikal bagi peningkatan pengetahuan serta pembelian peralatan kerja dan pejabat. Antara projek yang menggunakan peruntukan ini ialah :

   - Bengkel Meningkatkan Pengetahuan dan Strategi Membaca Jawi 2014 bagi guru-guru bahasa Melayu di peringkat rendah ; *Focusing on Lessons Study - A School-based Approach*; dan *Science Project - Enhancing Teachers Competency and Writing Quality Questions for Primary Science*.

3. Peruntukan bagi perkhidmatan pendidikan sebanyak $65.9 juta. Peruntukan ini adalah bagi membiayai pembayaran perkhidmatan pengambilan tenaga pengajar dari luar negeri serta perkhidmatan yang menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran;

4. Peruntukan sebanyak $220 juta untuk selama tiga tahun bagi pengambilan tenaga-tenaga pengajar pakar bagi meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Inggeris dan Matematik

terutama di peringkat sekolah rendah ;

5. Peruntukan kemudahan dan prasarana bagi sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi serta bangunan-bangunan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan sebanyak $22.1 juta disediakan untuk penaiktarafan dan pembaikan secara menyeluruh. Ini termasuk pembaikan peralatan pejabat dan peralatan kokurikulum, perkhidmat-an pemeliharaan bangunan, kawasan dan padang dan pemeliharaan kenderaan ;

6. Peruntukan sebanyak $25 juta bagi pembelian peralatan atau perkakas yang diperlukan bagi pembelajaran atau pengajaran seperti perabot dan peralatan termasuk kemudahan *ICT* di sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi. Peruntukan ini termasuk pembelian peralatan projek *Enhancement of Design and Technology* dan mata pelajaran teknologi ;

7. Seterusnya ialah peruntukan Skim Biasiswa Khas sebanyak $104.8 juta bagi membiayai seramai 716 orang pelajar dari Kementerian Pendidikan, mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi di luar Negara ; dan

8. Kemudian, peruntukan Biasiswa dan Elaun Penuntut sebanyak $43 juta.

Inisiatif kedua, ialah Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional. Sebagaimana yang dimaklumi, usaha-usaha Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional telah dimulakan pada tahun 2012/2013 :

1. Seramai 209 orang pelajar telah mengikuti program *Higher National Technical Education Certificate* bagi program-program *Instrument and Control Engineering, Plant Engineering, Mechanical Engineering and Electrical Engineering* pada bulan Julai 2013 ;

2. Bagi program *Plant Engineering* di bawah *National Technical Education Certificate* (*NTec*), pengambilan pelajar pada bulan Januari 2014 ialah seramai 45 orang ;

3. Bagi *Industrial Skilled Qualification* (*ISQ*), pengambilan pelajar pada bulan September 2013 ialah seramai 268 orang ; dan bagi program-program *Welder, Riggers*, *Scaffholders and Feeter*. Apa yang menarik di sini ialah kesemua 268 orang pelajar *ISQ* telah pun diberikan tawaran pekerjaan bersyarat ataupun (*conditional employment)* oleh pihak industri. Manakala itu, seramai 327 orang pelajar telah berjaya memasuki program *ISQ* untuk pengambilan Mac 2014 ini.

Secara keseluruhan, pengambilan pelajar bagi program baru *Energy Industry Competency Framework (EICF) compliance* dari bulan Julai 2013 sehingga Januari 2014 ialah seramai 522 orang. Sepanjang tahun 2014 dan 2015 adalah disasarkan lebih kurang 2500 orang pelajar akan memasuki program-program *Higher National Technical* dan *National Technical* dan *ISQ* Fasa 1. Dijangkakan program-program Fasa 2 *EICF* akan bermula pada bulan September 2014 sehingga 2015 dan seramai 250 orang pelajar akan diambil untuk mengikuti program-program tersebut.

Di samping itu juga, pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri bekerja rapat dengan Kementerian Perhubungan dalam melaksanakan penubuhan Akademi Maritim Brunei yang rakan saya, Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)* di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan pagi tadi. Matlamat penubuhan akademi tersebut adalah bagi menghasilkan anak-anak tempatan sebagai tenaga kerja maritim yang profesional dan *seafarers* yang diluluskan dan diiktiraf oleh *International Maritime Organisation (IMO)* bagi keperluan tenaga kerja industri maritim di Negara ini.

Pengambilan pertama pelajar bagi *BMA*, insya-Allah, bermula pada bulan April 2014. Program-program yang ditawarkan adalah *deck rating, engine rating, bridging cook and steward* dan *Bridging Officer Engineering Watch.* Pengambilan kedua akan diadakan pada bulan Julai 2014, di mana program-program dalam *Diploma in Marine Engineering* dan *Bridging Cook and Steward* akan ditawarkan. Manakala, pengambilan ketiga bagi *BMA* adalah pada bulan Oktober 2014 bagi program-program *deck rating, engine rating, bridging cook and steward* dan *Bridging Officer Engineering Watch.* Sasaran jumlah pengambilan bagi *BMA* pada tahun 2014 dan 2015 adalah lebih kurang 500 pelajar tertakluk pada permintaan dan tawaran *(demand and supply).*

Semua program *BMA* adalah dijalankan melalui perantisan *(apprenticeship)* di mana syarikat-syarikat telah membuat pemilihan pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk diambil bagi skim ini. Para syarikat akan memberi elaun perantisan dan akan mengambil para pelajar yang telah terpilih untuk bekerja setelah lulus pengajian.

Ini bermakna jumlah pelajar yang akan diambil mulai Julai 2013 sehingga 2015 bagi memasuki program-program *EICF compliance* Fasa 1 dan 2 serta program-program *BMA* adalah lebih kurang 3,300 orang.

Sejumlah $16.4 juta bagi Politeknik Brunei dan $19.9 juta bagi Institut Teknologi Brunei telah diperuntukkan bagi menambahkan lagi peluang-peluang kepada belia tempatan termasuk lepasan sekolah untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran teknikal dan vokasional.

Peruntukan sebanyak $1.5 juta adalah disediakan bagi membiayai keperluan latihan dan kursus kepada tenaga-tenaga pengajar bagi sekolah-sekolah teknikal dan vokasional.

Inisiatif ketiga *Model Schools.* Sejak inisiatif ini dilancarkan pada 7 Mei 2012, 5 buah sekolah *Model Schools* telah diberikan pendedahan autonomi dan akauntabiliti dari segi urus tadbir sekolah, struktur kurikulum, pedagogi yang enovatif, pengendalian strategi dan pengurusan kewangan, selain itu mereka diberikan profesional berterusan. *Model schools* juga aktif dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan komuniti dan masyarakat sekeliling.

Pada 30 Januari 2014 lalu, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Pelantikan Pemimpin-Pemimpin Sekolah Contoh Ahli Lembaga Tadbir Sekolah *(Board of Governors)* dan rakan usaha sama *(Collaborators).* 33 orang Ahli Lembaga Tadbir dari Sekolah Contoh tersebut adalah terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan, sektor swasta dan ahli masyarakat umum. Pelantikan mereka adalah diharapkan dapat membantu sekolah, menentukan hala tuju strategik, memastikan kebertanggungjawaban dan juga sebagai rakan akrab sekolah.

Inisiatif keempat, e-Hijrah. Dalam usaha Kementerian Pendidikan untuk mengintegrasikan *ICT* dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan kualiti kemudahan pendidikan. Projek e-Hijrah telah diperkenalkan pada tahun 2011. Sehingga kini, di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN), beberapa projek sedang dilaksanakan. Projek tersebut adalah *Whole School ICT Approach (WSID), Media In-Service Centre, ICT Leadership, Integrated National Education and Information System (INEIS), Interactive Technologies* dan *Computing in Model Schools.*

- Inisiatif kelima, ialah Kualiti dan Profesionalisme Guru. Peruntukan sebanyak $6 juta telah disediakan bagi Skim Pembangunan Tenaga Pengajar di bawah Pelaksanaan Program Dana Sumber Manusia di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN). Program tersebut adalah *Brunei Teachers' Standard (BTS)* yang menggariskan kompetensi yang perlu bagi seorang guru *Primary English Teacher Training (PET)* yang bertujuan untuk menilai tahap profesensi dan kompetensi guru-guru dalam kemahiran bahasa Inggeris, *Numeracy Initiative Project Enhancing Primary and Secondary Mathematic Teachers Pedagogy* dan *Inquiry-Based Science Education (IBSE)*.

Kementerian Pendidikan juga menerima peruntukan harga rancangan sebanyak $15 juta untuk melaksanakan projek pembangunan strategik institusi-institusi pengajian tinggi. Inisiatif-inisiatif strategik ini adalah bagi pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur, peningkatan ilmu pengetahuan kemahiran para pegawai dan ahli-ahli

akademik melalui kursus, seminar, bengkel, persidangan dan penempatan kerja. Menjalankan penyelidikan dan menjalankan projek perkembangan program-program akademik dan kokurikulum.

Inisiatif keenam ialah *Leadership Development*. Nilai dan kualiti kepimpinan akan terus diperkembangkan melalui beberapa projek yang telah pun dikenal pasti dan dirancang bagi tahun 2014 hingga 2017 iaitu :

- Piawaian Kecekapan, Pemimpin atau *Leadership Competency Standard*, projek *Impact* yang dihasratkan memperkembangkan kepimpinan di kalangan pelajar dan guru-guru yang akan bekerjasama dengan para pelajar tersebut. Ianya diharapkan untuk mempertingkatkan kedatangan para pelajar dan pencapaian akademik mereka.

- *Gap Analysis for School Leaders* bertujuan untuk mempertingkatkan kebolehan pemimpin-pemimpin sekolah dalam mengenal pasti punca-punca jurang prestasi di sekolah mereka ; dan

- *School leadership programme* dihasratkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pemimpin-pemimpin sekolah. Yang akhirnya ialah Program Pentadbiran Sekolah *(School Management Programme)* untuk memberikan pendedahan kepada para pemimpin sekolah mengenai pengurusan dan pentadbiran sekolah yang merangkumi hal-ehwal kewangan dan kakitangan.

Inisiatif ketujuh, ialah *Talent Pipe-line.* Inisiatif ini dihasratkan mampu menghasilkan satu kumpulan pekerja berbakat, *(Pool of Talents)* yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang penting. Ianya juga berhasrat untuk menyediakan jaminan ke arah pembangunan berkekalan *(sustainable development)* dan membantu dalam melaksanakan proses perancangan penggantian *(succession planning)* dengan adanya laluan kerja *(career pathway)* yang lebih telus.

Selain dari 7 inisiatif utama Kementerian Pendidikan tadi, yang mendukung keutamaan bagi memperkasa pendidikan dan latihan, Kementerian Pendidikan juga mendapat peruntukan bagi mendukung dua keutamaan lain iaitu keutamaan untuk merangsang kegiatan pelaburan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Bagi merangsang kegiatan pelaburan, Kementerian Pendidikan telah mengungkayahkan program-program seperti *Student Entrepreneurship Development Expo (SEDEx)*, *Brunei Education Entrepreneurship Scheme (BEES)* bekerjasama dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum dan *LiveWIRE* Program (*Junior Achievers)* kerjasama dengan Persatuan Perbankan Brunei dan *Entrepreneurship at Campus*

di *University Brunei Darussalam* dengan kerjasama *Brunei Economic Development Board* dan *iCentre.*

Bagi mendukung keutamaan untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk sebanyak $3 juta diperuntukkan bagi bantuan kepada anak-anak dari keluarga yang berpendapatan rendah melalui Skim Miftahun Najah (Kunci Kejayaan). Melalui skim ini 22 orang pelajar telah menerima bantuan asrama. Selain itu, Projek Rintis Kelas Tuisyen telah diperkenalkan di bawah skim ini pada tahun 2013. Ianya dapat membantu 389 orang pelajar tahun 6 dan 41 buah sekolah rendah yang menduduki peperiksaan PSR dan 164 orang pelajar yang menduduki peperiksaan *GCE 'O' Level* dari 11 buah sekolah menengah. Insya-Allah, pada tahun ini skim bantuan ini akan dilaratkan lagi ke peringkat prauniversiti (tingkatan enam).

Di kesempatan ini, saya ingin mengongsikan bahawa sejak Skim Miftahun Najah diperkenalkan pada tahun 2011, jumlah pelajar yang menerima bantuan telah meningkat dari setahun ke setahun iaitu 2,232 orang pelajar pada tahun 2011 ke 10,428 orang pada tahun 2014 dari peringkat prasekolah hingga ke tahun 11.

Untuk mengakhiri mukadimah ini, sekali lagi kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kewangan dan Jawatankuasa Belanjawan atas sokongan peruntukan perbelanjaan 2014/2015 kepada Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan, insya-Allah akan berusaha bersungguh-sungguh dalam memastikan peruntukan ini akan digunakan sebaik-baiknya seperti mana juga yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih, Yang Berhormat. Penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu sungguh terperinci dan saya mengulangi permintaan saya supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan, jangan tah diulang perkara yang sudah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu. Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terlebih dahulu, Yang Berhormat Pengerusi, di kesempatan ini, kaola mengucapkan ribuan terima kasih atas mukadimah awal yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi. Ianya sungguh berguna dan berfaedah dalam kaola mengajukan soalan.

Kaola, Yang Berhormat Pengerusi ada 4 perkara untuk diajukan, 2 daripadanya tidak termasuk dalam mukadimah yang

disampaikan oleh Yang Behormat Menteri Pendidikan sebentar tadi. Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi sedikit penerangan latar belakang, iaitu sejak SPN21 dilancarkan sehingga kini. Kita nampak beberapa perubahan pencapaian, perkembangan serta kemajuan dilihat. Pembelajaran di sekolah-sekolah, demikian jua di institusi-institusi pengajian tinggi meningkat sehingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri pun turut bergembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dengan meningkatkan literasi bisnes kepada para belia dan penuntut dan menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* dalam kurikulum pendidikan di Negara ini.

Kaola mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas perkembangan yang positif ini. Walau bagaimanapun, ibarat sebuah kapal yang sedang belayar, pihak Kementerian Pendidikan dan kita semua harus memerhati atau memantau supaya pelayarannya tidak terpesong dari laluan atau tujuan asal yang dirancang untuk mencapai matlamat menuju ke Wawasan Negara 2035.

Kaola Yang Behormat Pengerusi :

1. Ingin mencadangkan supaya satu *Key Performance Indicator (KPI)* dibuat jika ianya belum ada bagi mengetahui *progress* pencapaian SPN21 setakat ini dan sekali gus memudahkan para pegawai di Kementerian tersebut dan juga orang ramai yang prihatin *(concern)* terhadap perjalanan SPN21 untuk sama-sama memperbetulkan atau membisaikan kesilapan jika ada berlaku dan sekiranya *Key Performance Indicator (KPI)* sudah ada, kaola memohon penjelasan dengan ringkas sahaja ;

2. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyentuh tentang Sekolah-Sekolah Contoh *(Model Schools)* yang ada ketika ini iaitu soalan kaola, adakah sekolah tersebut statusnya akan kekal buat selamanya ataupun dihadkan tempohnya? ;

3. Mengenai guru sandaran *(relief teachers)*. Apakah perancangan kementerian terhadap guru-guru *relief* yang ada di seluruh Negara pada masa ini? Adakah mereka ini akan diambil bekerja sebagai guru tetap bilamana didapati ada kekosongan dan kesesuaiannya nanti? ; dan

4. Yang Berhormat Pengerusi, dicadangkan supaya pihak Kementerian kiranya dapat mengambil inisiatif untuk *intervention* dalam menyelaraskan gaji termasuk kemudahan yang berkenaan bagi guru-guru tempatan yang mengajar di sekolah-sekolah swasta di seluruh negara mengikut peringkat masing-masing sama

seperti bayaran gaji kepada guru-guru dari luar negeri.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Silakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan bercakap sebagai satu pandangan sahaja bukan berbentuk soalan.

Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan adalah amat dialu-alukan, apatah lagi dalam usaha mempersiapkan pelajar yang cenderung menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan. Banyak langkah dan usaha untuk mencapai transformasi. Ini telah pun dilaksanakan sebagaimana yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai apa yang digelar *National Entrepreneurship Agenda* dan semasa pembentangan sebentar tadi.

Apa yang ingin saya cadangkan sebagai tambahan khusus bagi bidang vokasional ialah fokus yang lebih terarah iaitu men*centralize* (memusatkan) Institut Pendidikan Vokasional dan sebagai *good example* dalam men*centralize* bidang ini ialah Sekolah Vokasional Wasan yang menumpukan kepada bidang-bidang *co-production, agriculture, food science* dan sebagainya dan sesi pengajian tahun 2014 ini juga telah ditawarkan 10 bidang (10 kursus) yang saling berkaitan.

Begitu juga Pusat Latihan Mekanik yang menawarkan bidang *Automotive Engineering, Vehicle Body Engineering, Heavy Construction* dan lain-lain. Manakala, contoh sekolah vokasional yang masih menawarkan kursus-kursus yang kurang berkaitan ialah Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria, dengan lebih dari 10 kursus yang ditawarkan dan ini boleh dikaji semula kesesuaian kursus-kursus itu untuk diserapkan ke institusi vokasional yang bersesuaian kerana semua kursus yang ditawarkan adalah sangat penting dan berpotensi untuk dikembangkan ditambah lagi dengan tenaga-tenaga pengajar yang mempunyai *skill* dan kemahiran profesional yang kita perlukan.

Selain itu juga, bidang-bidang *Art* (Seni Reka Bentuk) dan seumpamanya mungkin juga boleh difikirkan untuk mengadakan satu pusat vokasional khusus iaitu *Specialize Vokasional Centre* untuk kursus kreatif yang merangkumi kursus-kursus yang berkaitan dengan seni *Art* dan reka bentuk. Contohnya seperti yang terdapat di luar Negara dan *Malaysian Institute of Art (MIA), School of Art and Design United Kingdom* atau *The National Institute of Creative Arts University.*

Dengan mengadakan sebuah pusat yang khusus ini akan dapat

menggalakkan dan memberi manfaat kepada pelajar dari segi pembelajaran dan *self discovery* kerana bidang ini juga berpotensi untuk dikembangkan menjadi satu lagi bidang keusahawanan para belia yang kreatif dan berkemahiran. Jadi, saya harap akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada Kementerian Pendidikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Di Dewan yang mulia ini, sukacita kaola akan mengusulkan 4 perkara dalam Tajuk Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat :

1. Seperti yang kaola maklumi sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sebahagian besar guru lepasan dari institusi pendidikan di Negara ini, dari luar daerah kurang minat untuk bertugas di Temburong. Masalah kurang minat guru-guru luar daerah bertugas di Daerah Temburong, pernah juga kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini. Perkara ini menyebabkan jumlah guru baru yang ditempatkan di Daerah ini tidak dapat menampung keperluan guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah Daerah ini. Kaola ingin tahu juga dalam perkara ini. Yang Berhormat Pengerusi, kaola di Dewan yang mulia ini, sukacita ingin mencadangkan perkara-perkara berikut :

   i) Guru-guru dari luar daerah yang bertugas di Daerah Temburong diberikan elaun khas bagi menarik minat bertugas di daerah ini ; dan

   ii) Tempoh perkhidmatan guru-guru dari luar daerah yang bertugas di Daerah Temburong ditetapkan sekurang-kurangnya 3 tahun, kerana jika guru terlalu kerap bertukar akan menjejaskan kualiti pendidikan murid.

2. Yang Berhormat Pengerusi, Isu Murid-Murid Cemerlang Daerah Temburong yang mendapat 5A dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR), yang tidak mahu melanjutkan pelajaran ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di Bandar Seri Begawan. Kaola dimaklumkan bahawa pada tahun 2014 ini, seramai 13 orang murid dari Daerah Temburong telah berjaya dengan cemerlang mendapat 5A dalam penilaian rendah (PSR). Lazimnya, murid-murid ini akan ditawarkan dan diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Bandar Seri Begawan.

Malangnya, di kalangan 13 orang murid ini, hanya seorang sahaja yang berkesanggupan untuk melanjutkan pelajaran di sana dan selebihnya telah melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Senario seperti ini telah berlanjutan dari beberapa tahun yang lepas dan ditakuti akan menjadi satu budaya *(trend)* di kalangan murid Tahun 6 pada masa akan datang. Perkara ini adalah satu kerugian di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. Murid-murid cemerlang ini akan lebih berpeluang untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik daripada guru-guru terpilih dan berpengalaman di sana. Di samping kemudahan-kemudahan canggih yang terdapat di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, perkara ini terjadi disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

i. Kurang keyakinan ibu bapa atau penjaga murid terhadap anak-anak mereka dari segi keselamatan, kesejahteraan dan sosial kerana umur mereka yang masih dianggap muda di sekitar 11 dan 12 tahun, sekiranya mereka tinggal di asrama; dan

ii. Asrama bagi murid lelaki tidak disediakan di kawasan Maktab Sains, cuma murid perempuan sahaja, murid lelaki terpaksa tinggal di asrama Sekolah Vokasional yang jaraknya jauh dari Maktab Sains.

Pada masa ini, bagi murid-murid perempuan beragama Islam yang tinggal di Asrama Maktab Sains mereka perlu bersekolah agama. Alhamdulillah, setakat ini Sekolah Ugama Serusop, mahu menerima murid-murid ini bersekolah di sana. Tetapi, ibu bapa mereka harus berunding sendiri mengenai kenderaan yang akan membawa mereka berulang alik dari asrama ke Sekolah Ugama Serusop. Indung juga yang terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk membiayai perkhidmatan kenderaan ini.

Lebih-lebih lagi bagi murid-murid lelaki yang beragama Islam, yang juga perlu bersekolah agama. Indunglah juga yang terpaksa ikut-ikutan menguruskan kenderaan dan juga makan tengah hari mereka.

Yang Berhormat Pengerusi, berdasarkan faktor di atas, di Dewan yang mulia ini sukacita dicadangkan perkara-perkara berikut :

i. Adalah dicadangkan pihak Maktab Sains hendaklah membuat jerayawara *(road show*) ke Daerah Temburong, untuk menarik minat murid-murid belajar di sana dan menjelaskan kepada indung mereka akan segala bantuan dan keistimewaan yang akan diberikan. Adalah menjadi satu kerugian kepada Negara sekiranya

murid-murid cemerlang ini dicuaikan dan tidak diterokai dan ditingkat kemampuan mereka. Mereka inilah yang kita harapkan akan menjadi warga Brunei yang bijaksana, ahli pemikir, cendekiawan dan ahli-ahli profesional pada satu hari nanti ;

ii. Dicadangkan atau disediakan satu asrama khas untuk murid-murid lelaki di Daerah Temburong yang berdekatan Maktab Sains ;

iii. Dicadangkan, supaya disediakan kenderaan khas secara percuma yang akan membawa murid-murid ini berulang alik dari Maktab Sains ke Sekolah Ugama Serusop ; dan

iv. Supaya murid-murid ini diberikan elaun sara hidup bersesuaian jumlahnya kerana terdapat indung-indung mereka yang boleh dikategorikan kurang berkemampuan. Dengan adanya bantuan kewangan ini, sedikit sebanyak akan mengurangkan sedikit bebanan kewangan mereka.

3. Perkara yang ketiga, Yang Berhormat Pengerusi, soalan kaola ialah mengenai kelas-kelas malam yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan, yang banyaknya diadakan di sekolah ataupun institusi yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara. Apakah pihak Kementerian Pendidikan ada perancangan agar kepelbagaian kelas-kelas malam turut dianjurkan di Daerah Temburong mengikut keperluan.

4. Demi mencapai kecemerlangan sukan di kalangan para pelajar, sudah tiba masanya, Kementerian Pendidikan melalui jabatan yang berkenaan akan dapat menyediakan prasarana sukan yang bersesuaian. Pada masa ini, di Daerah Temburong tidak ada sebuah sekolah pun yang memiliki dewan permainan, bagi mengembangkan bakat para pelajar Daerah Temburong dalam bidang sukan. Adalah perlu pihak Kementerian memikirkan tentang pembinaan sebuah dewan permainan serbaguna di daerah ini yang boleh digunakan oleh semua sekolah daerah ini.

Terutama sekali dalam mengadakan kejohanan agar pelajar-pelajar di Daerah ini dapat menikmati atau merasai suasana bermain di dalam dewan dan demi mengelakkan cuaca panas dan hujan yang kadang-kadang menyebabkan perlawanan kejohanan tergendala. Sekali gus, memudahkan lagi proses pengurusan kejohanan dan tidak perlu meminjam dewan mana-mana pihak setiap kali kejohanan dikendalikan.

Mudah-mudahan dengan adanya dewan permainan itu nanti, bukan hanya boleh digunakan oleh pelajar-pelajar tetapi juga dalam memberi peluang kepada guru-guru Daerah ini untuk melakukan riadah sihat.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi : Silakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim : Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada beberapa persoalan jua. Tapi sebelum ini, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan semua keluarga Kementerian Pendidikan, sambil bersyukur ke atas kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan rahmat dan rezeki yang luas bagi membolehkan kita memberikan tumpuan kepada bidang pendidikan yang menjadi agenda penting Negara dalam usaha meningkatkan pendidikan yang berkualiti demi masa depan Negara.

Terima kasih atas pembinaan Pusat Tingkatan 6, Mukim Sengkurong yang memberikan kemudahan kepada penduduk sekitarnya khususnya Zon 4. Selepas 30 tahun Negara kita merdeka, melalui beberapa orang Menteri Pendidikan dan hingga sekarang ini pendidikan di Negara ini membuat reformasi memperkasa pendidikan yang amat drastik serta menyerlah setanding dengan negara-negara membangun di seluruh dunia.

Yang Berhormat Pengerusi, kekhuatiran kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah Kerajaan dan kesan jangka panjang dan impaknya kepada pendidikan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pengambilan guru-guru di sekolah rendah dan menengah sudah menurun berbanding dengan adanya program perguruan yang sudah diamalkan beberapa tahun yang lalu. Dalam program yang lalu, sejak tahun 1960-an.

Latihan Perguruan bermula dengan calon-calon guru diambil mengikut keperluan Negara. Mengikut keperluan itu, iaitu di peringkat rendah dan menengah. Sebagai contoh, guru sekolah rendah dan menengah tahun 1973-76 iaitu kira-kira 37 tahun yang lalu, iaitu sekitar 400 orang termasuk guru aliran Melayu dan Inggeris. Pada masa ini, bilangan sekolah adalah jauh lebih rendah terutama sekolah menengah.

Berbanding dengan masa kini, iaitu jumlah sekolah menengah ialah 40 buah dan sekolah rendah 121 buah. Sementara sekolah bukan Kerajaan 79 buah. Ini menurut *Brunei Darussalam Key Indicators 2012*. Dalam statistik ini kaola tidak akan membacakan cuma akan menyebutkan keramaian penuntut ataupun pelajar di sekolah rendah dan menengah Kerajaan daripada prasekolah hinggalah ke peringkat universiti iaitu 117,589 orang pelajar. Keramaian penuntut di sekolah swasta (*private school*) berjumlah 35,258 orang.

Yang Berhormat Pengerusi : Maaf Yang Berhormat, apa soalannya.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim : Ini latar belakang dulu Yang Berhormat Pengerusi. Keramaian guru di sekolah Kerajaan tahun 2002 hingga 2012 ialah 10,916 orang. Sementara keramaian guru di sekolah swasta ialah 3,209 orang. Jadi menurut perangkaan keramaian pelajar di sekolah Kerajaan / swasta ternyata setiap tahun semakin meningkat, berbanding dengan keramaian guru yang akan menjadi tenaga pengajar di sekolah rendah dan menengah.

Pada tahun 2014 hingga 2017, guru-guru akan mula bersara (umur 60 tahun) bagi mereka yang tidak berpencen. Adakah pihak Kementerian Pendidikan bersedia menghadapi kekurangan tenaga pengajar baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah, dengan tiadanya program khusus latihan perguruan yang lazimnya akan mengeluarkan tidak kurang 200 orang tenaga pengajar pada setiap tahun. Adakah program *GENIK* mampu menjadi pendidik jika mereka diambil menjadi guru atau tenaga pengajar dengan tidak mempunyai latihan secara formal maksudnya diploma pendidikan baik di peringkat rendah dan menengah dan bagaimana untuk meninggikan tahap pendidikan guru yang belum mempunyai ijazah, sedangkan program pengayaan adalah sangat penting dalam proses pendidikan, lebih-lebih lagi di zaman pendidikan abad Ke-21.

Dalam kesempatan ini, disarankan agar Kementerian Pendidikan merancang program pengambilan guru bagi peringkat diploma dan ijazah pertama seperti lazimnya (3 tahun kursus) kerana latihan perguruan selama 3 tahun itu diyakini dapat melahirkan guru-guru yang cukup terlatih dan mempunyai asas dan latar belakang pendidikan perguruan yang formal, yang bakal menjadi guru yang berdisiplin, dedikasi, bermoral tinggi dan menjadi pendidik yang unggul serta menjadi pemimpin sekolah yang berkesan.

Kekurangan guru-guru yang terlatih mula dirasakan sejak akhir-akhir ini. Ini akan membawa impak kepada prestasi pencapaian pendidikan yang berkualiti disebabkan kekurangan guru yang cukup terlatih, berdisiplin, rajin dan memahami keperluan pelajar ataupun penuntut.

Dalam membina sahsiah pelajar, guru yang betul-betul terlatih adalah amat diperlukan melalui kursus perguruan yang tulen. Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21, hanya akan dapat dicapai melalui beberapa elemen penting, antaranya infrastuktur yang kondusif, tenaga kerja yang berkualiti, guru yang terlatih, disiplin guru dan pelajar, ibu bapa yang prihatin, pengurusan yang cukup mantap (pentadbir sekolah yang berkesan) serta *mindset* pelajar dan kurikulum yang menjurus kepada keperluan negara. Data keramaian guru dan pelajar negara ini dirujuk daripada *Brunei Darussalam Key Performance Indicator (KPI) 2012.*

Yang Berhormat Pengerusi, yang kedua, Skim Perkhidmatan Guru (SPG), telah diperkenalkan pada tahun 2008, namun masih ada guru-guru yang belum diserapkan ke skim ini. Sedangkan guru-guru *freshy* (guru-guru yang baru) bertugas selepas 2008 di Kementerian Pendidikan secara automatik diserapkan dalam Skim ini. Manakala, guru yang bertugas sebelum Skim ini diperkenalkan terpaksa melalui penyerapan *(observation)* dan seterusnya mendapat prestasi sangat baik selama 3 tahun berturut-turut sedangkan mereka ini sudah mempunyai pengalaman mengajar berbanding guru-guru yang disebutkan tadi.

Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi, dengan adanya peraturan baru, pegawai-pegawai, kakitangan dan pekerja perempuan, yang bersalin akan mendapat cuti selama 105 hari (3 bulan 18 hari). Ini termasuk guru-guru perempuan yang mengajar di sekolah-sekolah, apabila perkara ini terjadi kepada guru-guru perempuan di sekolah-sekolah, pihak pentadbir dan pengurusan sekolah terpaksa mencari guru-guru pengganti bagi mengajar kelas-kelas yang ditinggalkan oleh guru berkenaan. Beban ini terpaksa dipikul oleh guru pengganti, kerana selain mengajar kelas-kelas mereka, guru-guru pengganti juga diperlukan untuk mengajar serta membuat *lesson plan* ataupun *teaching aid* dan sebagainya bagi guru-guru yang bercuti untuk selama 105 hari.

Berbanding dengan situasi di pejabat-pejabat, mana-mana pegawai dan kakitangan atau pekerja yang menjalankan tugas rakan yang bercuti selama tidak kurang 11 hari ke atas adalah berhak untuk mendapat elaun memangku (menjalankan tugas dan tanggungjawab).

Yang Berhormat Pengerusi, berlainan dengan guru-guru di sekolah, di sebalik beban yang bertambah, guru-guru pengganti selama ini tidak diberikan sebarang elaun, sistem ini seolah-olah hanya menitikberatkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di pejabat sahaja. Isu ini sering disuarakan oleh guru-guru di sekolah-sekolah, maka dicadangkan supaya Kementerian Pendidikan akan sama-sama memikirkan perkara ini. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi : Silakan, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman : Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola, terlebih dahulu juga menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana mengurniakan peruntukan kewangan yang paling besar kepada Kementerian

Pendidikan iaitu satu Kementerian yang paling mustahak kepada Negara.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menimbulkan 3 perkara, 2 dalam bentuk cadangan dan 1 dalam bentuk soalan. Ini pun mungkin akan disingkatkan sebab telah pun disuarakan ;

1. Semasa sesi dialog bersama Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kaola sangat menyambut baik pandangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan terutama mengenai dua perkara yang akan kaola sebutkan di bawah ini :

   i. Berhubung dengan pandangan dan perancangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mengadakan *special* program khas yang bersifat *hands-on* kepada penuntut yang tidak mencapai ke tahun sebelas atau yang gagal untuk mendapatkan kelulusan 'O' level. Kaola amat sangat menyokong perancangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini, supaya penuntut-penuntut yang lemah di bidang akademik, akan diberikan kursus yang bersifat *non-academic*, yang membolehkan mereka mempunyai peluang yang sama dalam mencari pekerjaan atau untuk berdikari ; dan

   ii. Pemikiran Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mengadakan asrama khas bagi penuntut-penuntut dari keluarga yang kurang berkemampuan. Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bahawa dalam suasana rumah dan keluarga yang serba tidak selesa dan hidup dalam keperitan, adalah sukar bagi penuntut-penuntut yang hidup dalam keadaan sedemikian untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Kaola bersetuju, hanya dengan menempatkan mereka ini di asrama-asrama, maka mereka mempunyai peluang yang sama cerah dengan penuntut-penuntut lain untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Kaola juga sama berpendapat bahawa, hanya melalui pendidikan Kerajaan boleh membanteras kemiskinan di Negara ini.

Dalam menyediakan bantuan kepada penuntut-penuntut yang berpendapatan rendah, Dewan telah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menyediakan sebanyak $3 juta bagi bantuan dan sebanyak $14 juta bagi sewa kenderaan. Kaola fikir, mungkin perbelanjaan ini boleh digunakan bagi penyediaan perkhidmatan asrama yang dikira lebih berkesan untuk membantu penuntut-penuntut meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Maka, di sini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola merayu supaya kedua-dua rancangan atau pandangan ini, dapat difikirkan lebih mendalam dan direalisasikan dalam masa yang terdekat ini, setidaknya pun supaya dimaksukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN).

2. Perkara ini telah pun disuarakan dengan panjang lebar tadi mengenai dengan tenaga pengajar. Jadinya, kaola ringkaskan sahaja. Bertolak dari taklimat yang telah diberikan semasa sesi dialog yang sama, kami telah dimaklumkan bahawa dalam perancangan Kementerian Pendidikan 20 tahun akan datang, kementerian akan memberikan tumpuan kepada pengajaran yang cemerlang. Antara lain, Kementerian Pendidikan akan memberi penumpuan kepada meningkatkan mutu tenaga pengajar. Dalam jangka masa pendek ini, antara langkah yang akan dibuat ialah membawa masuk guru-guru atau pakar-pakar dari luar negeri yang akan mengajar mata pelajaran Matematik dan Inggeris kepada penuntut dan juga guru-guru.

   Menurut penjelasan semasa pembentangan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015, peruntukan telah disediakan sebanyak $65.9 juta yang antara lain bagi membiayai pengambilan pakar dan tenaga pengajar dari luar negeri dan sebagai tambahan sebanyak $220 juta juga telah pun diperkenankan bagi pengambilan tenaga-tenaga pengajar pakar bagi tempoh 3 tahun bagi meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik terutama bagi sekolah-sekoalah rendah.

   Usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan mutu tenaga pengajar, memang dialu-alukan dan kaola sangat menyokong. Berhubung dengan perkara ini, kaola mahu mendapat kepastian lanjut kepada satu perkara sahaja sebab yang lain telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim tadi, iaitu menggunakan tenaga pengajar dan pakar-pakar dari luar negeri termasuk guru-guru dari *CFBT*, yang mengajar bahasa Inggeris ketika ini, mungkin terpaksa dilakukan dalam jangka masa pendek.

   Akan tetapi adakah langkah ini *sustainable* dalam jangka panjang? *Sustainable* bukan sahaja dari segi kewangan, akan tetapi juga dari segi *succession planning* kepada guru-guru tempatan dan seterusnya *cultural transmission* kepada calak Brunei. Kaola ingin bertanya, apakah perancangan Kementerian Pendidikan dalam jangka panjang untuk mempercepat-kan pengambilan tenaga pengajar tempatan yang lebih ramai.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula selaku Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari Selasa, 18 Mac 2014, pada pukul 9.30 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Selasa, 16 Jamadilawal 1435 / 18 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), (Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR :

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN :

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH :

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis : Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam yang bersidang hari yang kesembilan, hari Selasa, 16 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 18 Mac 2014 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, yang bersidang hari yang kesembilan. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat serta para sahabat, serta pengikut-pengikut

Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa dan sedang membincangkan Kementerian Pendidikan. Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu per satu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima Kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankusa)

Yang Berhormat Pengerusi : Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Pada perbincangan Jawatankuasa yang telah diadakan petang kelmarin, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menjelaskan dengan terperinci berkenaan dengan Kementerian berkenaan dan seramai 5 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengajukan soalan dan pandangan. Saya telah difahamkan bahawa, Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin memberikan jawapan terhadap soalan-soalan berkenaan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola terlebih dahulu memohon kebenaran Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawab 4 soalan yang telah dihadapkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, semasa membincangkan Usul Menjunjung Kasih dan juga membincangkan tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri :

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad pada 10 Mac 2014, mengenai inisiatif dan kejayaan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja sejauh ini, dalam memastikan Melayu Islam Beraja diamal oleh rakyat Brunei Darussalam. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, atas soalan beliau mengenai dengan Melayu Islam Beraja.

Bagi memastikan kefahaman dan penghayatan Melayu Islam Beraja dalam kalangan rakyat dan penduduk di Negara ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk kita sama-sama memahami akan pelaksanaan Melayu Islam Beraja. Saya membahagikan perkembangan Melayu Islam Beraja,

sejak diisytiharkan 1 Januari 1984 kepada 3 fasa :

1. Pada tahun 1984 hingga 1993. Dalam tempoh 10 tahun ini, bagi memperkukuh, menyempurnakan serta meningkatkan penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja, Jawatankuasa Konsep Melayu Islam Beraja telah ditubuhkan pada tahun 1986 yang kemudian dinaik taraf menjadi Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja pada tahun 1990. Pada tahun 1990 juga, Akademi Pengajian Brunei di Universiti Brunei Darussalam telah ditubuhkan dan bertindak sebagai Sekretariat Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja.

   Selaras dengan pelantikan Akademi Pengajian Brunei sebagai Sekretariat Majlis Tertinggi Kebagsaan Melayu Islam Beraja, Akademi Pengajian Brunei (APB) telah terlibat secara langsung dalam memberigakan Melayu Islam Beraja dengan mengadakan berbagai program dan aktiviti yang difokuskan kepada penghuraian dan memberigakan definisi serta tafsiran tentang makna dan konsep Melayu Islam Beraja kepada seluruh rakyat dan penduduk melalui berbagai aktiviti seperti, seminar, bengkel, kolokium, mesyuarat dan sebagainya yang dibuat dari masa ke masa.

   Tidak dinafikan terdapat kewahaman mengenai Konsep Melayu Islam Beraja pada tahap ini, sehingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjelaskan pengertian mengenai Melayu Islam Beraja dalam titah Baginda sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-44 Tahun.

   Pada tahun 1991, Universiti Brunei Darussalam telah menjadikan Melayu Islam Beraja sebagai kursus wajib untuk lulus di Universiti Brunei Darussalam, para mahasiswa dimestikan lulus sebelum mereka boleh dikurniakan sijil atau ijazah. Pada tahun 1992, menurut Surat Keliling Kementerian Pendidikan Bilangan : 1/56/1991 bertarikh 26 November 1991, Melayu Islam Beraja (MIB) diperkenalkan sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah menengah yang sebelum ini hanya diserapkan dalam kurikulum mata pelajaran sivik di peringkat sekolah rendah sejak 1986 ;

2. Dari tahun 1994 sehingga tahun 2003, adalah waktu kita melaksanakan pengisian Melayu Islam Beraja. Tahap ini, penyebaran berkenaan Melayu Islam Beraja telah ditingkatkan melalui penerbitan-penerbitan yang membincangkan mengenai Melayu Islam Beraja sebagai konsep Negara dan kepentingan mempertahankannya sebagai jati diri orang Brunei. Contohnya, terdapat beberapa buku

yang berkaitan dengan Melayu Islam Beraja telah ditulis dan diterbitkan iaitu buku Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin pada tahun 1998 tajuknya 'Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan'. Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar dengan bukunya 'Pelaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja' pada tahun 1996. Demikian juga, beberapa artikel dan tulisan dari beberapa orang yang tertentu di Negara Brunei Darussalam.

Aktiviti-aktiviti penyebaran juga, terus dilaksanakan dengan mengadakan ceramah dan pembentangan kertas kerja tentang Melayu Islam Beraja dalam seminar dan persidangan yang dikelolakan di dalam dan luar negara. Selain itu, kita juga menggalakkan penyelidikan ilmiah berkaitan dengan Melayu Islam Beraja dan pelbagai bidang, terutama dari kalangan tenaga akademik dan mahasiswa pengajian Akademi Pengajian Brunei dan hal ini berterusan sehingga masa ini; dan

3. Pada tahun 2004 hingga sekarang, adalah waktu untuk kita membuat penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja. Waktu inilah kita mewujudkan prasarana atau ekosistem untuk Melayu Islam Beraja diamalkan sebagai cara hidup di Negara ini. Penghayatan dapat dilihat secara menyeluruh yang meliputi semua sektor termasuk individu dan keluarga, institusi-institusi pendidikan, kementerian-kementerian, penduduk-penduduk kampung dan masyarakat di Negara ini termasuklah orang-orang yang datang dari luar negara.

Pada tahun 2009, Akademi Pengajian Brunei telah mengadakan ceramah umum mengenai Melayu Islam Beraja termasuk kepada mereka yang tidak tahu berbahasa Melayu dengan mengadakan siri ceramah dalam bahasa Inggeris. Ceramah tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan duta-duta dan pesuruhajaya tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun 2009 juga, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah dilantik dan pada masa yang sama Urus Setia Majlis Tertinggi Majlis Melayu Islam Beraja telah ditubuhkan dengan keahliannya dari berbagai agensi. Alhamdulillah, Majlis Tertinggi Majlis Melayu Islam Beraja tanpa kendur-kendurnya giat melaksana tugas dan wajar menyebarkan dan melestarikan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) untuk memberi kefahaman meningkatkan penghayatan dan pengamalan dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Ini telah dibuktikan melalui pengamalan nilia-nilai Melayu Islam

Beraja (MIB) dalam masyarakat secara menyeluruh dan perkara ini telah diakui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Forum Melayu Islam Beraja yang dianjurkan oleh Orang-Orang Yang Dikurniakan Gelaran pada 19 Mei 2009.

Antara titah Baginda*: "Beta tidaklah ragu konsep Melayu Islam Beraja (MIB) telah difahami dengan baiknya serta didukung dengan tulus ikhlas oleh segenap lapisan masyarakat. Ia bukan slogan tetapi sistem yang mengawal cara hidup, di bawahnya kita bernaung, membangun dan di bawahnya juga kita mendapat keadilan. Apakah yang lebih indah daripada itu? Beta sedar di peringkat awal konsep, terdapat sedikit kewahaman orang. Namun ini cumalah sementara sahaja. Sebagai sifatnya, benda baru yang belum sempat didalami pada ketika itu. Sekarang, kita bertambah matang dan telah pun dalam menyelamnya sampai ke dasar, sehingga membolehkan kita dapat membawa naik mutiara-mutiara berharga untuk dipakai. Kita sekarang memakainya dengan amat selesa lagi bahagia sementara orang lain yang melihat kita yang memakai itu turut menganggapnya bagus dan menarik. Adapun yang dipakai itu tidak lain dari sistem kita sendiri, iaitu paksi kesejahteraan dan kemakmuran Negara MIB",* demikian titah Baginda.

Sejak pelantikan Ahli Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja juga Ahli-Ahli Urus Setia Melayu Islam Beraja pada tahun 2009, usaha-usaha untuk menyebarluaskan, meningkatkan fahaman dan penghayatan telah pun ditingkatkan.

Dalam hal ini, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah bekerjasama dengan Agensi-Agensi Kerajaan, Swasta dan *NGO* dalam sama menjalankan projek-projek yang berkaitan dengan penerapan dan penghayatan. Bagi memastikan keberkesanan dan kelicinan Sekretariat Melayu Islam Beraja perlantikan kepegawaian Sekretariat Majlis Tertinggi secara penuh masa telah pun diluluskan. Pada tahun 2012, Pegawai-Pegawai bagi menganggotai Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah dilantik.

Berbagai aktiviti dikelolakan oleh Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dalam bentuk taklimat, seminar, ceramah, pameran, forum, bengkel, peraduan, kursus, kolokium, perkhemahan, perbincangan, persidangan dan lawatan-lawatan ke Negara ini. Kebanyakan kegiatan yang diadakan adalah kerjasama dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi lain.

Bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam dan meluas dan pada meningkatkan tentang kesedaran tentang kewarisan kebangsaan serta menghayatinya dalam konteks moden dan global dalam kalangan Pegawai Perhubungan Awam, Sekretariat ini telah bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam mengadakan bengkel dan peperiksaan Peraturan Am bagi Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam pada tahun 2012.

Berdasarkan kepada pengamatan kajian yang dilaksanakan oleh Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan juga tenaga pengajar Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam bahawa kefahaman dari golongan sasaran adalah ditahap yang baik dan amat menggalakkan. Dalam seminar Melayu Islam Beraja sempena Hari Kebangsaan Ke-27 tahun pada 18 hingga 19 Mei 2011 telah menunjukkan bahawa setiap Kementerian telah mengambil kira aspek Melayu Islam Beraja (MIB) dalam membuat perancangan dan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab Kementerian masing-masing.

Berdasarkan kaji selidik yang telah dibuat oleh Sekretariat semasa seminar tersebut, terdapat sebanyak 67% dari peserta mengakui bahawa mereka sangat bersetuju pihak Kerajaan melalui Kementerian-Kementerian telah membuat perancangan strategik bagi mempertahankan Melayu Islam Beraja sebagai cara hidup masyarakat Brunei. 74% dari peserta bersetuju pengetahuan mereka tentang Melayu Islam Beraja (MIB) semakin meluas dan merupakan hal yang penting kerana keluasan kefahaman mereka ini akan dapat memandu dalam mengimplementasikan konsep tersebut dalam ruang keadaan yang luas dan fleksibel selaras dengan situasi.

Secara purata hasil menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai cara hidup adalah pada tahap yang baik 73.4%. Dalam program bicarawara ke kampung-kampung menunjukkan bahawa majoriti peserta yang hadir memberikan maklum balas bahawa mereka memahami Melayu Islam Beraja dengan baik. Berdasarkan kepada respons daripada penerima Anugerah Kerakyatan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2011, menunjukkan bahawa 95% peserta bersetuju bahawa mereka sangat berkesan dengan nilai tanggungjawab sebagai rakyat hasil dari perbincangan bengkel Melayu Islam Beraja yang mereka sertai. 99.1% peserta bersetuju bahawa bengkel telah membantu dalam memperbetulkan kefahaman mereka terhadap Melayu Islam Beraja.

Berdasarkan kajian yang dilakukan dalam Program Bicarawara Melayu Islam Beraja bagi pelajar-pelajar

Tingkatan 6 senegara menunjukkan bahawa pada dasarnya objektif bicarawara telah dicapai dengan baik iaitu di tahap 75%, seramai 73.1% peserta bersetuju bahawa pendekatan yang digunakan dapat mendidik nilai-nilai yang baik dan positif. Dalam menilai kefahaman Projek Rintis PKBN yang Ke-3, yang telah berlangsung pada 9 Disember 2011, didapati 81% dari peserta tersebut mengetahui dan memahami Konsep Melayu Islam Beraja.

Bagi meningkatkan kefahaman dan pengamalan Melayu Islam Beraja secara hidup masyarakat Brunei, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja melalui Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi akan sentiasa meningkatkan usaha penyebaran secara berterusan. Antara inisiatif ini ialah mengadakan program-program penyebaran dan pemberigaan merangka cadangan kurikulum kursus Melayu Islam Beraja sebagai panduan dalam kursus yang akan diadakan dan merangka Pelan Strategik Jangka Pendek bagi tempoh masa 5 tahun dari tahun 2015 ke tahun 2020. Memastikan matlamat dan objektif penubuhan Majlis Melayu Islam Beraja (MIB) dapat dicapai berdasarkan tugasdan tanggung jawabnya.

Pada kesimpulannya pada fahaman kaola, peranan dan tanggungjawab untuk memahami, mengamalkan, menghayati, mengukuhkan Melayu Islam Beraja sebagai cara hidup masyarakat Brunei adalah kewajipan seluruh rakyat dan penduduk di Negara ini. Oleh yang demikian, setiap individu adalah bertanggungjawab dalam mengamal, menghayati dan mengkukuhkan konsep Melayu Islam Beraja.

Demikian jawapan kaola bagi soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Koala beralih kepada perkara ke-2 iaitu cadangan daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal pada hari Isnin, 8 Jamadilawal 1435 bersamaan 10 Mac 2014 yang berbunyi "supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama mengkaji barangkali bukan Kementerian Hal Ehwal Ugama barangkali daripada Jabatan Kehakiman Negara untuk mencadangkan kepada jabatan tersebut melatih beberapa orang pegawai yang sudah berada di mahkamah tersebut untuk mengambil jurusan LLB dan latihan-latihan lain sebagai pelapis kepada hakim-hakim yang ada pada masa ini."

Kaola hanya ingin mengongsikan di sini akan usaha yang dilaksanakan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Kaola ingin memaklumkan bahawa Universiti Islam Sultan Sharif Ali ada mengadakan beberapa program dalam bidang Syariah dan Perundangan Islam dalam berbagai peringkat iaitu peringkat Kedoktoran, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma serta kursus-kursus yang *non-graduating* iaitu kursus yang

tidak dikurniakan ijazah. Di samping kursus Sarjana Muda Syariah, (Fikah dan Kehakiman), UNISSA sejak tahun 2011 ada menawarkan kursus *Bachelor of Law (LLB)* dan *Bachelor of Syariah Law (BSL)* yang merupakan *Double Degree Program* dengan tempoh pengajian akademik selama 5 tahun. Program ini diharapkan akan melengkapkan graduan dengan ilmu pengetahuan, kefahaman yang luas dalam bidang Undang-Undang Sivil *(Civil Law)* dan Undang-Undang Syariah.

Setakat ini terdapat 11 orang telah mengikutinya dalam tahun Akademik 2011/2012, 19 orang pada tahun Akademik 2012/2013 dan 30 orang bagi tahun Akademik 2013/2014. Alhamdulillah, jumlah pengambilan pelajar bagi kursus ini bertambah dari setahun ke setahun dan insya-Allah, kohort pengambilan pertama akan tamat pengajian pada tahun 2016. Ini juga, bermakna pada tahun 2019 insya-Allah, kita akan mempunyai 11 orang graduan lulusan *Program Double Degree* ini.

Selain itu, UNISSA juga masih menawarkan kursus Diploma pasca Ijazah dalam Guaman Syarie dan Perundangan Islam secara sepenuh masa dan separuh masa. Pelajar-pelajar program diploma ini terdiri daripada Pegawai-Pegawai Latihan Dalam Perkhidmatan dan di sini kaola ingin mengucapkan penghargaan atas sokongan diberikan oleh beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pejabat Peguam Negara, Mahkamah Syariah dan sebagainya.

Kaola juga ingin memaklumkan, insya-Allah semua program ini akan sentiasa disemak dan dikemaskinikan untuk memastikan kualiti program ini memenuhi kehendak semasa.

Kaola beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain untuk pihak Kementerian menggunakan buku-buku teks dan rujukan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu yang dikarang oleh penulis-penulis tanah air.

Saya ingin memaklumkan bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di Peringkat 'O', untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengemaskinikan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu di Peringkat 'O' dan 'A' dan seterusnya akan mengganti beberapa buku teks yang sedia ada. Usaha ini telah dimulakan sejak tahun 2010 dan masih dalam proses penilaian dan kajian terhadap bahan-bahan yang akan diganti.

Di Peringkat 'O', terdapat 5 buah buku teks utama yang digunakan pada masa ini, iaitu 'Bunga Rampai Melayu Kuno', 'Antologi Sajak Cermin Diri', 'Antologi Cerpen Meniti Waktu', 'Novel Pengabdian' dan 'Hikayat Awang Kamaruddin'. Dari 5 buah buku teks ini, cuma buku teks 'Bunga Rampai Melayu Kuno' yang merupakan karya bukan

tempatan, manakala yang selebihnya adalah karya-karya penulis tempatan.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang meneliti kesesuaian buku-buku teks tersebut dengan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu yang baru itu nanti. Bagi Kesusasteraan Melayu Peringkat *'A',* terdapat 6 buah buku teks utama yang digunakan sebelum ini, iaitu 'Novel Atheis', 'Novel Saga', 'Warisan Puisi Melayu', 'Kesusasteraan Melayu Sebelum 1800 Masihi', 'Kesusasteraan Melayu Selepas 1800 Masihi' dan 'Hikayat Hang Tuah'. Kesemua buku teks ini adalah hasil karya penulis bukan tempatan dan merupakan karya-karya lama. Setakat ini pihak Kementerian telah menggantikan 2 buku teks utama iaitu 'Novel Atheis' dan 'Saga' dengan novel tempatan karya Muslim Burmat iaitu 'Puncak Pertama' dan 'Hadiah Sebuah Impian'.

Novel-Novel tersebut, telah mula digunakan di sekolah-sekolah pada awal tahun 2014, manakala buku-buku teks lain masih dikekalkan dan penggunaan buku-buku karya penulis tempatan sebagai bahan pembelajaran tambahan sedang dirancang dan masih dalam penelitian.

Sekarang kaola beralih kepada soalan terakhir, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai cadangan gelaran jawatan Pegawai Pelajaran di Unit Pendidikan Khas ditukar kepada gelaran jawatan Pakar Terlatih dalam bidang Penglihatan dan Pendengaran yang dikemukakan pada 13 Mac 2014. Kaola sukacita memberikan maklumat dan penjelasan, terhadap soalan ini. Kementerian Pendidikan telah mencadangkan 3 Skim Perkhidmatan sebagai langkah proaktif untuk menarik lebih ramai sumber tenaga manusia yang berkualiti menceburi profesion pendidikan.

Alhamdulillah, skim perkhidmatan yang pertama iaitu Skim Perkhidmatan Perguruan atau SPG *(Teaching Track)* bagi mereka yang mengajar di sekolah telah diluluskan dan berkuat-kuasa pada 1 Jun 2008. Kementerian Pendidikan pada masa ini sedang meneliti akan Skim Trek Kepimpinan Sekolah dan Skim Trek Pendidikan Pakar atau *specialist.*

Di bawah Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG) pada masa ini, memang sudah ada satu skim yang digelar sebagai Guru Pakar, iaitu bagi mereka yang mengajar di sekolah dalam berbagai mata pelajaran. Jadi, sehingga skim ini nanti akan dapat diteliti, maka mereka yang tidak mengajar tetapi menjadi pegawai dengan nama Pegawai Pelajaran akan dapat mudah-mudahan disalurkan kepada skim yang sedang diteliti ini. Terima kasih.

Sekarang, Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semalam.

Soalan pertama, daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Sebelum itu, kaola ingin

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku wakil rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam atas sokongan yang berterusan kepada Kementerian Pendidikan. Pendidikan adalah tanggungjawab semua kerana masa depan negara kita bergantung pada bagaimana kita menyediakan generasi muda kita. Kita tidak dapat selalu membangun masa depan generasi muda kita tetapi kita dapat membangunkan generasi muda untuk masa hadapan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai Sistem Pendidikan Negara (SPN 21), iaitu *Key Performance Indicator* bagi mengetahui pencapaian Sistem Pendidikan Negara (SPN 21). Yang Berhormat Pengerusi, Sistem Pendidikan Negara (SPN 21) yang telah dikenalkan pada tahun 2009, adalah satu *milestone* utama dalam Sistem Pendidikan Negara (SPN 21) bermatlamat ke arah penyediaan satu sistem pendidikan berkualiti, yang mampu bertindak dan memenuhi keperluan masyarakat di era globalisasi yang penuh mencabar dan tidak menentu ini.

Sejak pelaksanaannya pada tahun 2009, beberapa pencapaian telah dapat dilihat dari beberapa aspek. Untuk memudahkan kita memahami Sistem Pendidikan Negara (SPN 21), kaola ingin mengongsikan bahawa ada 3 perubahan utama dalam Sistem Pendidikan Negara (SPN 21) :

1. Kurikulum dan Penilaian;
2. Struktur Sistem Pendidikan; dan
3. Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Dari segi kurikulum umpamanya, beberapa perubahan telah dilakukan dalam memastikan para pelajar akan memperolehi kemahiran-kemahiran yang diperlukan abad 21 atau dikenali sebagai *21st Century Skills*. Penekanan dalam aspek pengajaran nilai-nilai Melayu Islam Beraja dan *Literacy Business* ataupun keusahawanan umpamanya, telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Sistem Pendidikan Negara (SPN 21) juga telah mengorak langkah. Ini bahagian kedua, struktur sistem pendidikan, dengan menyediakan pelbagai laluan ataupun *multiple pathway* bagi para pelajar mengikut keupayaan dan minat masing-masing. Salah satu *multiple pathway* itu ialah memberikan peluang kepada pelajar untuk mengambil peperiksaan *GCE 'O' Level* dalam masa 4 tahun berbanding kepada *pathway* yang biasa iaitu 5 tahun.

Alhamdulillah, kohort pertama pada tahun 2011 telah memasuki pengajian *'A' Level* pada tahun 2013. Ketiga ialah Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional. Melalui Transformasi Sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional, laluan ini menjanjikan peluang pekerjaan yang baik kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional. Ini telah pun kaola

terangkan semalam dan juga diterangkan oleh rakan-rakan kaola Yang Berhormat Menteri Tenaga *(Minister of Energy)* di Jabatan Perdana Menteri iaitu sebagai contoh program-program yang ditawarkan di bawah *Energy Industry Competency Framework (EICF)* dan Akademi Maritim Brunei (AMB).

Di samping itu juga kualiti keputusan peperiksaan awam pelajar-pelajar di peringkat rendah mahupun menengah juga telah meningkat. Menurut statistik dari Jabatan Peperiksaan, pencapaian pelajar yang mendapat 5 'A' dalam semua mata pelajaran Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi tahun 2013 ialah seramai 203 orang, iaitu 5% daripada jumlah pelajar sekolah Kerajaan yang menduduki peperiksaan ini. Pencapaian ini juga adalah yang terbaik berbanding dengan pencapaian selama 4 tahun berturut-turut yang lalu. Di peringkat nasional pelajar-pelajar yang lulus 5 mata pelajaran dalam PSR juga menunjukkan peningkatan sebanyak 6.7% daripada 78.48% pada tahun 2012 kepada 85.20% pada tahun 2013.

Yang Berhormat Pengerusi, Alhamdulillah pada tahun ini Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan penilaian pelaksanaan dan prestasi SPN 21 (*SPN 21 Implementation and Performance Review).* Penilaian menyeluruh ini adalah langkah yang kritikal untuk meneliti semula kedudukan sistem pendidikan yang akan boleh membantu dalam merancang langkah-langkah strategik yang berpandangan ke hadapan dan memastikan pengurusan yang lebih efisien dan lebih baik. Penilaian ini adalah kajian formal melibatkan analisis yang sistematik terhadap sistem pendidikan dengan tujuan mendapat gambaran mengenai kesesuaian, keberkesanan dan kecekapan.

Penilaian ini meliputi isu-isu seperti sejauh mana pencapaian memenuhi keperluan *stakeholder*, sejauh mana objektif aktiviti tercapai dan sejauh mana sumber-sumber aktiviti digunakan secara optimum dalam menghasilkan *output.* Penilaian ini adalah satu langkah proaktif Kementerian Pendidikan yang bertujuan memantapkan lagi pelaksanaan SPN 21 dan memastikan mutu pendidikan Negara adalah di tahap yang cemerlang, insya-Allah, laporan dapatan dijangka akan siap pada pertengahan tahun ini. Hasil dan cadangan dari proses penilaian ini akan dapat digunakan untuk meningkatkan lagi pencapaian pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara (SPN 21). Pihak Kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai mengadakan KPIs. Seperti yang saya pernah kongsikan semasa sesi muzakarah kita baru-baru ini, Sistem Pendidikan Negara (SPN 21) ini adalah satu kembara *(journey).* Dalam setiap pengembaraan, kita memerlukan kompas bagi memastikan kita berada di laluan yang betul dan juga mempunyai radar dalam memastikan bahawa kita mempunyai pandangan yang jauh dan melihat peluang-peluang yang ada serta

ancaman-ancaman yang akan datang. Ini membolehkan kita membuat sebarang perubahan dalam menentukan *bearing* perjalanan agar sampai ke destinasi-destinasi yang dituju.

Dalam hubungan ini, kalau kita melihat Finland, yang secara konsisten disenaraikan sebagai mempunyai sistem pendidikan yang terkemuka di dunia mengambil masa selama 30 tahun untuk mendapatkan di mana mereka berada. Finland telah melaksanakan perubahan pendidikan dalam tahun 1980 dan sehingga ini mengalami 3 *waves* (gelombang). 1980 ke 1990 gelombang pertama. 1990 ke 2000 gelombang kedua dan 2000 ke atas masa ini gelombang ketiga. Bila Finland memasuki fasa iaitu *assessment* yang dikendalikan oleh isi di dalam 2001, ia terus mencapai tahap yang paling tertinggi. Apakah rahsia Finland? Rahsianya terletak kepada 3 perkara, iaitu pertama sikap konsisten, kedua sokongan kolektif dari semua pihak termasuk rakyat dan ketiga memastikan hanya yang terbaik diambil bekerja sebagai guru. Finland memilih 10% *"cream students"* yang terbaik dalam sistemnya untuk menjadi guru. Insya-Allah di Brunei pihak Kementerian Pendidikan akan meneruskan *journey* ini dengan sokongan semua pihak dan mempelajari amalan-amalan terbaik negara-negara dengan sistem pendidikan cemerlang agar kita dapat mempercepatkan pencapaian objektif SPN 21 dan Wawasan Negara 2035. Pada masa yang sama, sentiasa memelihara dan mengekalkan calak Brunei kita.

Soalan yang kedua, daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ialah mengenai *status Model School* atau (Sekolah Contoh) sama ada ia dikekalkan dan jangka masa *status school*. Seperti juga yang saya terangkan dalam mukadimah saya pada petang kelmarin, *Model School* adalah salah satu inisiatif utama *(grand initiative)* Kementerian Pendidikan dalam pelaksanaan Plan Strategik Kementerian Pendidikan 2012/2017. *Model School* bukanlah dihasratkan untuk dijadikan sekolah elit dan berbeza daripada Maktab Sains ataupun sekolah-sekolah sains. Ia sekolah biasa dan diangkat sebagai *Model School* sahaja. Adalah menjadi harapan pihak Kementerian Pendidikan agar semua sekolah di Negara Brunei Darussalam ini akan menjadi *Model School* di masa akan datang. Pada masa ini pun, terdapat beberapa buah sekolah yang telah mula mencontohi *Model School* ini.

Soalan yang ketiga, ialah perancangan Kementerian Pendidikan mengenai Guru Sandaran yang bertugas di sekolah-sekolah yang dilantik dalam lantikan bergaji hari. Sebenarnya peranan guru sandaran ialah untuk mengatasi masalah kekurangan guru secara sementara, seperti untuk mengganti guru-guru wanita yang mengambil Cuti Bersalin, guru-guru yang mengikuti kursus dalam perkhidmatan jangka panjang. Ini bermakna guru-guru sandaran hanya akan dipanggil bertugas apabila terdapat keperluan. Walau bagaimanapun, guru-guru sandaran yang memenuhi syarat bolehlah

memohon jawatan-jawatan guru yang dikosongkan apabila ianya diiklankan.

Soalan keempat, ialah mengenai inisiatif dan intervensi Kementerian Pendidikan mengenai penyelarasan gaji atau kemudahan bagi tenaga pengajar tempatan yang bertugas di sekolah-sekolah swasta. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan belum ada mempunyai perancangan pada masa ini, mengenai penyelarasan gaji atau kemudahan bagi tenaga pengajar tempatan yang bertugas di sekolah-sekolah swasta. Bidang kuasa di Kementerian Pendidikan melalui bahagian pendidikan swasta pada masa ini, adalah terhad kepada mengawal sekolah swasta dari aspek pendaftaran sekolah kurikulum, pendaftaran guru dan bangunan namun bidang kuasa ini merangkumi gaji tenaga pengajar di sekolah-sekolah swasta. Apa-apa usaha yang diungkayahkan untuk menangani perkara ini akan memerlukan satu pendekatan atau pertimbangan secara menyeluruh atau holistik dan melibatkan juga beberapa agensi dalam Kerajaan.

Saya sekarang, berpindah kepada soalan yang dikemukakan atau pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, iaitu untuk memusatkan *centralized* Pendidikan Teknik seperti Sekolah Vokasional Wawasan dan Pusat Latihan Mekanik.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin atas cadangan untuk memusatkan atau *(centralized)* pendidikan teknik. Perkara ini sebenarnya telah pun dibincangkan semasa sesi muzakarah (dialog) yang telah diadakan semasa Kementerian Pendidikan memberigakan Plan Transformasi Pendidikan Teknik bersama pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders* yang juga dalam ingatan saya melibatkan beberapa orang Ahli Yang Berhormat, pihak industri, masyarakat, ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar yang telah kita laksanakan pada tahun lepas.

Cadangan Yang Berhormat ini adalah selaras dengan perancangan Transformasi Pendidikan Teknikal yang mana *structural changes* akan dibuat untuk mengoptimumkan sumber-*sumber (resources)* dalam rancangan transformasi, iaitu 7 kampus (7 buah Pusat Pendidikan Teknik) yang sedia ada akan diselaraskan menjadi pada peringkat pertama, 1 *Mega Campus* dan insya-Allah, jika ada keperluan akan menjadi 2 *Mega Campus*.

Dengan pendekatan berlandaskan *economies of scale* ini dan pengurangan duplikasi yang tidak diperlukan, ia akan menjadi lebih kos efektif.

Selain itu, perancangan Transformasi Pendidikan Teknikal juga akan melakukan *course restructuring* di mana kursus-kursus baru yang ditawarkan akan lebih menjurus kepada kemahiran dan kompetensi yang diperlukan oleh pihak industri agar program-program yang ditawarkan sejajar dengan keperluan industri *(demand driven).*

Salah satu contoh dan langkah awal dalam pelaksanaan rancangan ini, ialah menjadikan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah di Kuala Belait sesuai dengan kedudukannya menjadi pusat kepada *Brunei Maritime Academy* (Akademi Maritim Brunei).

Soalan Yang Berhormat yang ke-2 ialah, untuk mengkaji semula kesesuaian kursus-kursus yang ditawarkan di Sekolah Teknikal dan Vokasional, seperti Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah. Yang Berhormat Pengerusi, Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah yang terletak di kawasan yang strategik dengan industri minyak dan gas menawarkan program yang menjurus kepada industri minyak dan gas.

Program-program seperti *Mechanical Engineering*, *Precision Machining, Fabrication and Welding* dan *Fashion Design and Dressmaking* adalah unik, yang hanya ditawarkan di sekolah berkenaan.

Walau bagaimanapun, ada juga program yang ditawarkan di institusi ini yang ditawarkan di institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional yang lain seperti *Business Studies* dan *IT*. Memandangkan Program *Business Studies* dan *IT* ini adalah antara program yang sentiasa mendapat sambutan tinggi di kalangan para pelajar, ianya pun ditawarkan di Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, untuk menampung permintaan di Daerah Belait. Ianya adalah juga bertujuan bagi mengatasi had kapasiti dan keperluan asrama jika ia ditawarkan di Daerah Brunei dan Muara.

Kemudian, soalan seterusnya ialah mengenai cadangan untuk mengadakan *Specialised Vocational Centre* bagi kursus-kursus *Creativity Art*. Dalam hubungan ini, adalah dimaklumkan bahawa kurikulum di sekolah-sekolah menengah ada memasukkan unsur-unsur Seni Kreatif *(Creative Arts)*. Jabatan Pendidikan Teknik dan institusi-institusi di bawahnya memang ada membuat perancangan bagi meneliti program-program yang ditawarkan termasuklah untuk menawarkan program dalam bidang Media Kreatif (*Creative Media*).

Bagaimanapun, untuk menawarkan program-program dalam industri Media Kreatif, ianya menghendaki informasi yang lebih mendalam mengenai keperluan industri. Umpamanya, tahap permintaan pasaran pekerjaan di Negara ini dan keperluan kompetensi dan kemahiran dalam bidang ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai Guru Lepasan Pendidikan dari luar Temburong yang kurang berminat untuk mengajar di sekolah-sekolah di Daerah Temburong. Tempoh bagi seorang guru yang ditugaskan di Daerah Temburong adalah selama 2 tahun.

Mengenai Elaun Khas, setakat ini tidak ada Elaun Khas yang diberikan kepada guru-guru berkenaan. Elaun Khas yang

ada di Kementerian Pendidikan hanya diberikan kepada guru-guru yang mengajar di kawasan terpencil. Pada masa ini hanya 2 kawasan terpencil, iaitu Kampung Melilas dan Kampung Sukang.

Mengenai soalan pelajar cemerlang dalam Penilaian Sijil Rendah (PSR) di Daerah Temburong yang tidak memasuki Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, kerana ibu bapa kurang berkeyakinan anak mereka tinggal di asrama dalam usia yang terlalu muda, berkongsi asrama dengan pelajar Sekolah Vokasional dan masalah yang berkaitan dengan sekolah agama. Kaola mengucapkan ribuan terima kasih atas sikap prihatin Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad terhadap kedudukan kebajikan pelajar-pelajar ini.

Untuk makluman Majlis ini, pada masa ini terdapat seramai 8 orang pelajar dari Daerah Temburong yang menuntut di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan mengikuti berbagai peringkat iaitu, di Tingkatan 6 Atas seramai 4 orang, Tingkatan 6 Bawah seramai 2 orang, Tahun 10 seorang dan Tahun 8 seorang.

Jadi, cadangan Yang Berhormat bagi pihak Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan mengadakan jerayawara ke Daerah Temburong adalah satu cadangan yang baik dan sangat dihargai dan insya-Allah Kementerian Pendidikan akan mempertimbangkannya. Selain jerayawara tersebut, mungkin kita akan dapat mengusahakan untuk menjemput para ibu bapa dari Daerah Temburong melawat Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, melawat asrama dan berjumpa dengan guru-guru, Pegawai-Pegawai Kebajikan, Pegawai Asrama untuk memberikan keyakinan kepada para ibu bapa.

Mengenai masalah pengangkutan ke sekolah agama, kita mengambil maklum akan masalah yang dihadapi oleh pelajar berkenaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar ini dapat dikategorikan dari kalangan keluarga yang memerlukan bantuan maka perkara ini akan dapat dipertimbangkan melalui skim yang ada di Kementerian Pendidikan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengongsikan sahaja bahawa walaupun beberapa orang pelajar yang mencapai keputusan cemerlang di Daerah Temburong, kerana pertimbangan ibu bapanya tidak mahu dihantar memasuki Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, akan tetapi telah terbukti daripada keputusan peperiksaan di Peringkat *'O' Level*, pelajar-pelajar di Daerah Temburong juga menyerlah yang mana dalam pencapaian *'O' Level* mereka sebanding dengan pencapaian sekolah-sekolah yang terbaik. Syabas kepada Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Perkara ke-3 ialah mengenai kelas-kelas malam dan kepelbagaian kursus di sekolah-sekolah di Temburong. Jika kaola memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, ialah kelas-

kelas malam yang merupakan Kelas Lanjutan *(Continuing Education),* maka kelas malam bagi mata pelajaran *'O'* dan *'A' Level* telah pun dijalankan di Daerah Temburong dan ianya dipusatkan di Sekolah Rendah Sultan Hassan. Kelas-kelas tersebut hanya akan bermula selepas keputusan *'O'* dan *'A' Level* dikeluarkan. Jadi, kelas ini pada biasanya bermula dalam bulan April.

Bagi kursus yang berbentuk komuniti seperti memasak, menjahit, mengaji Al-Quran, ia juga akan bermula dalam bulan April nanti. Ianya akan diadakan pada hujung minggu dan juga berpusat di Sekolah Rendah Sultan Hassan, Daerah Temburong.

Kementerian Pendidikan bersedia untuk menambah kursus-kursus yang lain, tertakluk kepada permintaan jumlah minimum pelajar yang diperlukan, iaitu 15 orang minimum bagi satu kursus dan sekiranya ada keperluan tersebut bolehlah dihadapkan kepada Bahagian Pelajaran Lanjutan di Jabatan Pendidikan Teknik.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi membina atau menyediakan prasarana sukan di Daerah Temburong seperti Dewan Serbaguna Sukan *(indoor)* untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti sukan, saya menghargai akan cadangan ini. Walau bagaimanapun, sejauh yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan dalam pembinaan sekolah-sekolah baru seperti Sekolah Rendah Rataie, hanya menyediakan Dewan Serbaguna yang digunakan untuk *assembly* (perkumpulan), dan boleh digunakan sebagai tempat mengadakan permainan badminton, *netball* dan sebagainya. Mengenai pembinaan sebuah dewan sukan *(indoor)* pada hemat kaola ianya perlu diteliti secara menyeluruh, kerana ia mungkin memerlukan penyelarasan dengan agensi-agensi lain dalam Kerajaan.

Sekarang, kaola beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai masalah kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah dan perancangan pengambilan guru, persediaan atau perancangan Kementerian Pendidikan mengenai guru-guru yang akan bersara pada tahun 2014 ke 2017, atau disebutnya sebagai *manpower planning.*

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas soalan-soalan yang dikemukakan dan kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas sokongannya dan pemerhatian Yang Berhormat dan juga soalan yang ada berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Oleh itu, jawapan saya ini akan merangkumi soalan-soalan mengenai kekurangan guru dan perancangan pengambilan guru Kementerian Pendidikan.

Adalah dimaklumi, bahawa nisbah guru sebagaimana statistik yang dihadapkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat

bin Akim itu, nisbah guru dan pelajar di Negara ini pada tahun 2013 adalah 1 orang guru untuk 10 orang murid atau pelajar. Nisbah ini dikira cemerlang dan menunjukkan bahawa masalah sebenar bukanlah kekurangan guru akan tetapi lebih kepada penempatan *(deployment)* guru-guru tersebut secara strategik dan teratur di sekolah-sekolah di Negara ini.

Dalam menjangkakan persaraan guru-guru dalam tempoh 4 tahun akan datang, Kementerian Pendidikan percaya bahawa kita akan mampu menggantikan guru-guru berkenaan berdasarkan kepada jumlah pelajar yang mengikuti program-program perguruan di institusi tempatan serta pelajar-pelajar biasiswa yang telah diikat janji sebagai Pendidik.

Untuk makluman bersama, jumlah pelajar biasiswa yang telah diikat sebagai Pendidik yang akan menamatkan pengajian mereka di seberang laut pada tahun 2014 ialah seramai 106 orang. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan pada tahun berikutnya tahun 2015 seramai 29 orang dan pada tahun 2016 seramai 11 orang dan keseluruhannya berjumlah 140 orang dalam tahun 2016.

Di samping itu, seramai 91 orang pelajar akan tamat *Programme Master of Teaching (MTeach)* di Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada bulan September 2014. Pengambilan pelajar mengikuti *Programme Master of Teaching (MTeach)* di Universiti Brunei Darussalam (UBD) adalah meningkat dari setahun ke setahun iaitu dari 16 orang pelajar pada tahun 2009, membawa kepada 43 orang pada tahun 2010, 31 orang dalam tahun 2011, 55 orang dalam tahun 2012 dan 105 orang pada tahun 2013.

Saya ingin menekankan di sini bahawa profesion perguruan ini, perlu mementingkan aspek kualiti dan bukan kuantiti semata-mata. Guru-guru yang ramai tidak menjanjikan pengeluaran pelajar yang berkualiti dan sistem pendidikan berjalan dengan cemerlang. Ini sesuai dengan pandangan bahawa "*A school is only as good as its teachers".* Di Negara seperti Finland, Korea dan Singapura, para guru adalah terdiri daripada kelompok pelajar yang cemerlang dalam akademik dari kelompok 10% teratas. Mereka ini adalah *cream student* yang menjadi pendidik yang berwibawa dan berpengetahuan tinggi, yang menjadikan karier guru sebagai pilihan utama dan bukan *last option*.

Kaedah ini baru diserapkan di Negara kita dan insya-Allah akan menjadikan perubahan landskap yang signifikan, walaupun ianya mengambil masa untuk melihat akan hasilnya. Pengambilan guru-guru di Negara ini pada masa yang lalu hanya menghendaki syarat kemasukan yang minimum. Ini menyebabkan tahap kualiti dan sumbangan seorang guru itu amat terhad. Dalam tahun 2007, satu kajian telah dijalankan oleh konsultan dari luar negeri, yang mendapati bahawa 57% dari 806 guru *English Language* peringkat rendah mempunyai *proficiency level* pada tahap

mid-intermediate dan ke bawah. Ini bersamaan dengan *Band 5* dan ke bawah bagi skor *IELTS.*

Guru-guru tempatan yang sedia ada pada ketika ini, walaupun memiliki kelulusan yang khusus dalam mata pelajaran *English Language* dan *Mathematics*, kurang berpengalaman dan memerlukan bimbingan daripada tenaga pakar dan pengajar yang pengalaman dan berkebolehan dalam bidang pengajaran literasi dan numerasi.

Tahap literasi yang tinggi akan mempunyai kesan langsung kepada prestasi seorang guru itu, menurut satu kajian yang dijalankan oleh seorang konsultan dari luar negeri. Justeru itulah, Kementerian Pendidikan akan mendatangkan pakar-pakar guru *English* dan *Mathematics* dari luar negeri.

Sukacita dikongsikan bahawa dalam skop kerja pengambilan dan pengurusan guru-guru pakar dan ketua guru-guru pakar dalam bahasa Inggeris dan Matematik, adalah termasuk :

1. Pengambilan guru-guru pakar dan ketua-ketua guru pakar bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah ;

2. Pengurusan terhadap penempatan guru-guru pakar di sekolah-sekolah rendah dan menengah ;

3. Pembangunan Profesional dalam sekolah menengah secara sepenuh masa kepada guru pakar dan guru-guru tempatan di sekolah-sekolah rendah dan menengah ; dan

4. Pengurusan dan pemantauan prestasi guru-guru pakar, guru-guru tempatan dan penuntut-penuntut sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Skop kerja ketiga dan keempat yang saya nyatakan tadi adalah skop kerja yang berimpak dan mempunyai nilai yang tinggi kepada Kementerian Pendidikan ke arah peningkatan *Literacy* dan *Numeracy* dan pencapaian prestasi penuntut-penuntut di dalam Peperiksaan PSR dan Peperiksaan *Brunei Cambridge 'O' Level*.

Walaupun kita akan mampu menyediakan tenaga kerja yang mencukupi dalam bidang perguruan, adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengekalkan bilangan guru-guru bukan tempatan dalam sistem kita.

Yang Berhormat Pengerusi : Yang Berhormat, saya akan memberi peluang kepada Yang Berhormat untuk berehat kerana telah bercakap selama satu jam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi : Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini diteruskan untuk memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik, memberikan pandangan atau mengemukakan soalan. Selepas itu, saya akan mempersilakan lagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan pernyataan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan nanti. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada 7 usul :

1. Pada masa ini, anak-anak muda lebih menjurus kepada pendidikan yang berbentuk akademik dan teori yang dipelajari melalui pendidikan formal dan masih lagi mengutamakan lulus cemerlang dalam peperiksaan tetapi kurang memberi perhatian terhadap kepentingan belajar melalui pengalaman dan kemahiran berfikir.

   Oleh itu, sudah tiba masanya untuk merangka institusi pendidikan yang tidak formal bagi membekalkan para remaja dengan kemahiran-kemahiran berfikir, kemahiran hidup dan nilai akhlak yang mulia supaya tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat dan menjadi seorang yang suka berdikari sendiri serta berinovasi ;

2. Apakah implikasi terhadap bantuan pelajar yang susah itu berada di tahap dan mutu yang mampu membantu pelajar dalam pembelajaran mereka? Adakah memadai dengan hanya membantu dari segi *material* tanpa dibuat analisis lain yang dapat para pelajar ini untuk mencapai tahap kualiti kehidupan yang baik dan stabil, tanpa mengganggu emosi mereka meningkatkan tahap pembelajaran mereka? Apakah berkesan cara bantuan yang diberikan selama ini? Jadi, apakah dapatan-dapatan dengan bantuan kepada pelajar-pelajar yang susah?

3. Terdapat aduan dari pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di luar negeri, mengenai pemberitahuan kelayakan menerima biasiswa dari pihak Kerajaan. Ada segelintir pelajar yang hanya mengetahui mereka akan belajar ke luar negeri sehari sebelum bertolak ke luar negeri. Ini boleh menyebabkan pelajar-pelajar tidak membuat persediaan yang mencukupi ;

4. Mengurangkan penggunaan *styrofoam* di sekolah-sekolah dan institusi-institusi tinggi di Negara ini bagi mengurangkan kadar pencemaran alam sekitar dan mungkin juga ada *side effect*, dengan menggantikan kepada penggunaan *Tupper ware* yang

boleh dibawa dari rumah pelajar masing-masing;

5. Bangunan sekolah-sekolah dan institusi-institusi tinggi di Negara ini perlu mempunyai *label* (papan-papan tanda) yang menyatakan tentang *directions*, tempat-tempat tertentu bagi memudahkan orang ramai seperti ibu bapa, pelajar-pelajar baru termasuk pelawat dari luar negara, mencari bangunan-bangunan dan tempat-tempat tertentu ;

6. Di sekolah-sekolah, didapati masih ramai murid yang tidak mengamalkan sifat bersopan santun seperti hanya melintas tanpa memberi salam dan tidak tunduk apabila melintas di hadapan guru-guru. Sepatutnya, mereka diajar bukan hanya melalui pengajaran subjek Melayu Islam Beraja (MIB), tetapi perlu digalakkan untuk dipraktikkan seawal lagi ; dan

7. Beban kerja sekolah bagi guru-guru *relief*, adalah tidak seimbang dengan gaji yang diterima. Ada sejumlah guru berjawatan *relief* diberikan beban kerja yang sama dengan guru-guru yang bergaji bulan, sedangkan gaji yang diterima adalah jauh lebih rendah berbanding guru-guru yang telah lama berkhidmat dalam bidang perguruan. Sepatutnya, beban itu perlulah sejajar dengan jawatan masing-masing.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Dipersilakan, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf : Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, selamat sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pengerusi, berdasarkan mukadimah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kaola sesungguhnya menyambut baik yang memfokuskan semua aspek. Begitu juga, semasa pembentangan Belanjawan 2014/2015, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), "Memperkasa Pendidikan dan Latihan" dengan menjurus keutamaan sistem pendidikan dan pembelajaran serta melahirkan rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi seperti yang terkandung dalam Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Pengerusi, maka dengan sebab itulah, bahawa sesuai hala tuju dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10), ada termasuk pembinaan Sekolah Menengah Sains di Kampung Kupang, Tutong dan diharap pembinaan sekolah sains ini akan dapat diteruskan mengikut apa

yang sudah dirancang sebelum berakhir tahun 2017. Dengan adanya Sekolah Menengah Sains ini maka, Daerah Tutong juga tidak ketinggalan dari gedung ilmu seperti mana di daerah-daerah lain.

Kemungkinan besar, Daerah Tutong akan mempunyai sebuah universiti sebelum tahun 2035 iaitu Universiti Sains dan Teknologi seperti mana di Daerah Temburong, dibina Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Dalam Dewan yang mulia ini, sama-sama kita berdoa supaya ianya menjadi kenyataan akhirnya nanti.

Penggunaan padang Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SMRIPAS), di Kampung Birau, begitu juga padang Sekolah Rendah Keriam, Tutong, kaola difahamkan bahawa agak susah bagi belia untuk menggunakannya di kampung berkenaan. Apa jua kiranya, perkara ini dilonggarkan untuk mereka menggunakannya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Dipersilakan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam bidang pendidikan, kaola akan membuat beberapa isu :

1. Pada masa ini, terdapat empat buah institusi pengajian tinggi, tiga di Kementerian Pendidikan dan satu di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kaola difahamkan, aktiviti-aktiviti para ahli akademi adalah pengajaran (*teaching*), menyediakan penyelidikan dan juga sumbangan kepada masyarakat. Sukacita ingin mengetahu :

   i. Adakah kriteria-kriteria bagi kenaikan pangkat bagi para ahli akademik di empat institusi ini, seragam atau berlainan? dan

   ii. Apakah kriteria-kriteria bagi kenaikan pangkat para ahli akademik ke Profesor Madya? Berapa banyak pendidikan yang diperlukan untuk kenaikan pangkat ini? Adakah para ahli akademik ini menerbitkan hasil penyelidikan mereka di jurnal tempatan dan di luar Negara?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara kedua kaola juga ingin menyentuh mengenai aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah bagi mencapai SPN 21. Pada masa ini, beberapa program telah diperkenalkan yang bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pendidikan Negara (SPN 21).

Dalam hal ini, ada juga keluhan daripada guru-guru yang mereka kesuntukan masa dalam tugas pengajaran disebabkan banyaknya aktiviti tambahan ini. Sehubungan dengan ini juga, kaola ingin mengetahui

adakah sudah dibuat kajian beban kerja guru-guru dengan adanya pertambahan aktiviti-aktiviti ini ataupun adakah ini petanda kekurangan guru-guru?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara ketiga ialah mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) adalah salah satu subjek yang diajarkan dari peringkat menengah hingga peringkat pengajian tinggi. Filosopi Melayu Islam Beraja (MIB) adalah cara hidup yang diamalkan sejak sekian lama di Negara Brunei Darussalam ini. Bagi mengukuhkan Negara ini sebagai Negara Zikir maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan bagi Negara Brunei Darussalam untuk menggunakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah di samping Hukum Sivil.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita mencadangkan supaya pengenalan dan dasar Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini akan dimasukkan ke dalam mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB). Dengan adanya fahaman dasar Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini secara berperingkat-peringkat, kaola percaya pelajar-pelajar akan dapat memahami dengan lebih mendalam. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang pertama, mengenai pendidikan teknik dan vokasional. Institusi yang tidak kurang pentingnya dengan institusi yang lain di Negara ini. Maka, sangat penting keperluan bagi kemudahan-kemudahan diberikan kepada penuntut-penuntut berkenaan seperti menyediakan kemudahan asrama yang selesa dan mencukupi bagi keperluan dan bilangan pelajar yang akan diambil. Kaola cadangkan supaya Kementerian Pendidikan akan dapat membina asrama di Maktab Teknik dan Vokasional yang belum mempunyai asrama berkenaan.

Yang Kedua, Kementerian Pendidikan melalui pendidikan awal kanak-kanak telah berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan bermula awal persekolahan lagi bagi menambahkan keberkesanan pendidikan di peringkat prasekolah. Kaola cadangkan supaya ditempatkan sekurang-kurangnya seorang pembantu guru di setiap prasekolah bagi membantu guru melaksanakan aktiviti di dalam bilik darjah dan juga menjaga keselamatan murid-murid yang berikut untuk ke tandas. Perkara ini seumpamanya

telah pun diamalkan oleh sebahagian sekolah swasta seperti di sekolah *JIS*, 4 orang murid seorang pembantunya dan di *ISB* sebanyak 6 orang murid seorang pembantunya.

Soalan kaola yang ketiga mengenai buku-buku teks. Terdapat sekolah-sekolah menengah khususnya Tingkatan 6, untuk mendapatkan buku-buku teks yang baru ia memakan masa lebih kurang 2 tahun. Penuntut akan ketinggalan peluang untuk menggunakan buku-buku tersebut. Penuntut di Tingkatan 6 yang cuma belajar selama 2 tahun. Jumlah buku juga tidak mencukupi kerana jumlah penuntut yang ramai. Soalan kaola, apakah sebab-sebab buku teks itu lambat diterima dan apakah usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum untuk mengatasinya? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Dipersilakan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu pertama mengenai pengiktirafan, kelayakan dan kelulusan. *Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)* samalah juga seperti *NQF* iaitu satu instrumen yang menyediakan garis panduan bagi mengklasifikasikan kelayakan atau kelulusan.

Dalam *ASEAN*, Brunei Darussalam menyertai penubuhan *NQF (National Qualification Framework)* yang dianggotai oleh Malaysia, Thailand, Philippine dan Indonesia. Soalan kaola, jika pelajar-pelajar Brunei Darussalam mempunyai kelulusan dari antara satu negara keanggotaan *NQF* ini selain Malaysia dan Singapore, adakah ianya diguna pakai di Brunei Darussalam dengan pengiktirafan yang sama?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu kedua. Skim Pendidikan Keusahawanan Brunei *Brunei Entrepreneurship Education Scheme, (BEES),* iaitu usaha sama Kementerian Pendidikan dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. juga Program *Jump start* Kementerian Pendidikan dan menganjurkan Ekspo Keusahawanan Pelajar, *Student Entrepreneurship International Expo (SEDEx)* juga oleh Kementerian Pendidikan sendiri dalam menggalakkan budaya keusahawanan dan inovasi di kalangan belia-belia. Jadi, kaola ingin tahu, adakah cadangan untuk membina bangunan *SEDEx Hub* sebagai pusat pameran dan pengumpulan produk di sekolah-sekolah rendah dan menengah, sekolah-sekolah vokasional, sekolah teknikal dan pengajian tinggi? Apakah perancangan untuk memperkasakan *SEDEx* seterusnya?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu ketiga, tahniah terlebih dahulu kaola ucapkan kepada Kementerian Pendidikan kerana telah banyak menubuhkan badan-badan dan skim di sekolah-sekolah rendah dan

menengah. Umpamanya, Skim Miftah An-Najah yang memberi kesaksamaan peluang pendidikan Negara iaitu Projek Rintis Kelas Tuisyen (*PRKT)* yang berbentuk program kelas tambahan percuma. Soalan kaola, pelajar yang bagaimanakah yang layak untuk mendapatkan skim ini? Bagaimanakah peranan *PIBG* dalam pelaksanaannya? Apakah perancangan akan datang bagi pelajar yang berjaya menyertai skim ini?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Isu terakhir, di Kampung Bukit Beruang saja terdapat 4 buah sekolah, 2 buah antaranya yang baru, iaitu Sekolah Rendah Bukit Beruang II untuk Program Sekolah Contoh *(Model School)* dan Pusat Tingkatan Enam Tutong yang sudah 2 tahun digunakan. Soalan kaola, bagaimanakah dua buah sekolah rendah dalam Kampung Bukit Beruang untuk menentukan kawasan tadahan kemasukan pelajar? Adakah ditentukan oleh pelajar sendiri atau penentuan dari pihak sekolah? Seterusnya, apakah perkembangan terkini yang menyebabkan Pusat Tingkatan 6 belum lagi dibuka rasmi? Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Dipersilakan, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola diminta untuk menyuarakan rayuan perkara-perkara berikut :

1. Rayuan untuk menyewa rumah sewa di bawah kawalan Kementerian Pendidikan di Negara Brunei Darussalam ;

2. Kelas-kelas rumah ; dan

3. Kawasan-kawasan rumah ;

Guru-guru amat berharap Unit Perumahan, Kementerian Pendidikan akan dapat memberi maklum terhadap perkara yang telah berlanjutan sekian lama. Antara perkara tersebut ialah :

1. Waktu permohonan yang memakan masa yang lama iaitu dari 3 ke 5 tahun sebelum mendapatkan apa-apa jawapan akan status permohonan sama ada akan dapat atau pun tidak ;

2. Rumah-rumah yang ditawarkan kebanyakannya tidak memuaskan dan tidak banyak pilihan ;

3. Kebanyakan guru terpaksa menerima rumah yang ditawarkan dan sekiranya tidak menerima maka terpaksa menunggu dari 3 ke 5 tahun lagi yang menyebabkan guru-guru terpaksa menerima ;

4. Kos pembaikan rumah ditanggung semuanya oleh guru-guru. Membersihkan kawasan rumah dalam dan luar, menukar *bulb* lampu, membeli perabot-perabot, pembaikan paip-paip air dan lain-lain lagi ;

5. Rumah-rumah di bawah Kementerian Pendidikan adalah terhad dan kebanyakan rumah lama yang usang dan kawasan-kawasan rumah tidak banyak pilihan ; dan

6. Kelas-kelas rumah tidak sesuai, contohnya, Pegawai Pendidikan tinggal di kelas B tetapi hakikatnya rumah tersebut adalah seperti kelas D, namun terpaksa diterima.

Sebagai warga Kementerian Pendidikan, amat berharap dan menyuarakan cadangan ini di dalam Dewan yang mulia ini :

1. Proses yang cepat dan tepat dan lebih telus dan efisien tanpa mengutamakan kepentingan peribadi ;

2. Menerima permohonan pemilik rumah untuk menyewakan rumah di bawah Kementerian Pendidikan dan tiada pilih kasih dan sekatan;

3. Kerjasama antara Unit Perumahan, Kementerian Pendidikan dan Unit Perumahan, Jabatan Perkhidmatan Awam supaya rumah di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dapat dipertimbangkan diberikan kepada warga Kementerian Pendidikan jika diperlukan ;

4. Mendengar dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya atas segala suara guru-guru dalam hal tersebut.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Silakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Perkara yang ingin kaola utarakan ialah mengenai persyaratan umur minimum kemasukan bagi kelas-kelas sekolah di sekolah-sekolah rendah Kerajaan. Pada masa ini, umur minimum bagi kemasukan prasekolah di sekolah-sekolah rendah Kerajaan ialah 5 tahun.

Pada hemat kaola, persyaratan umur minimum kemasukan kanak-kanak ke prasekolah di sekolah-sekolah rendah Kerajaan ini dikaji semula memandangkan perubahan suasana pendidikan sekarang yang kompetitif dan juga evolusi pemikiran dan *intelligent* kanak-kanak yang cepat

berkembang menjadikan syarat had umur tersebut adalah sudah tidak relevan lagi.

Para ibu bapa berpendapat, syarat umur minimum ini merugikan anak-anak mereka terutama bagi kanak-kanak yang sudah berumur lebih 4 tahun, terpaksa menunggu sehingga umur kanak-kanak itu lebih 5 tahun untuk memasuki ke sekolah di sekolah-sekolah rendah Kerajaan.

Keadaan ini berbeza dengan sekolah-sekolah swasta. Kanak-kanak yang berusia 4 tahun sudah boleh dimasukkan ke prasekolah dan mendapat kelebihan setahun pendidikan berbanding di sekolah-sekolah rendah Kerajaan. Jadi, barangkali sudah tiba masanya pihak Kementerian berkenaan mengkaji semula persyaratan ini dan juga persyaratan-persyaratan lain bagi memastikan kesesuaiannya dengan keadaan masa ini.

Perkara kedua, kaola ingin ajukan di sini, iaitu pada tahun 2012 pendidikan negara melangkah ke hadapan setapak lagi dengan tertubuhnya sebuah institusi pengajian tinggi teknikal terbaharu, iaitu Politeknik Brunei yang merupakan politeknik pertama seumpamanya di Negara ini.

Adalah diharapkan dengan adanya Politeknik Brunei, Negara akan dapat melahirkan semakin ramai graduan berkemahiran tinggi yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan Negara dan tercapainya Wawasan 2035 kita.

Kita tidak lupa mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan atas pencapaian tersebut yang menunjukkan komitmen dan usaha berterusan Kementerian Pendidikan dalam misinya untuk memberikan pendidikan berkualiti kepada penduduk Negara ini.

Pada masa ini, institusi ini ditempatkan di kampus sementara di Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan berdekatan dengan beberapa buah sekolah rendah dan menengah Kerajaan. Jadi, pada hemat kaola, ada bisainya jua pemilihan tapak kampus kekal sesuatu jurusan pendidikan itu dibagi-bagikan tempatnya.

Contohnya, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) akan dibangunkan di Temburong, begitu juga kampus kekal Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akan ditempatkan di daerah yang sama. Maka, kaola cadangkan untuk tapak kampus kekal Politeknik Brunei ditempatkan di Daerah Tutong.

Kampus ini juga akan menjadi mercu tanda di daerah tersebut ia juga akan dapat membantu meningkatkan pembangunan dan kegiatan sosial ekonomi Daerah Tutong dan kawasan sekitarnya yang pastinya akan dapat memberikan peluang-peluang perekonomian yang baru bagi penduduknya.

Perkara yang ketiga, yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi ialah dalam Peruntukan Perbelanjaan Kementerian Pendidikan 2014/2015, Lampiran 1.6,

muka surat 6 iaitu sebanyak 34 jawatan Pegawai Pendidikan G13 di Bahagian Pendidikan Menengah, Jabatan Sekolah-Sekolah dipindahkan ke Pejabat Setiausaha Tetap, Pendidikan Teras. Ertinya, ada kekosongan 34 jawatan di Bahagian G13 tetapi 34 itu dipindahkan ke Pejabat Setiausaha Tetap, Pendidikan Teras. Kenapakah kekosongan 34 jawatan itu tidak diberikan kepada guru-guru sandaran (*relief teachers*)?

Guru sandaran *(relief teacher*) kebanyakannya daripada graduan-graduan Universiti Brunei Darussalam yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Kaola berharap, guru *relief* guru (sandaran) ini diberikan jawatan-jawatan tetap. Semoga pihak-pihak yang berkenaan khususnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan akan dapat meneliti permasalahan yang menjadi bebanan berat terhadap tekanan perasaan dan jiwa mereka yang berkenaan.

Sayugia, dimaklumi bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah yang Baginda tidak ingin para pelajar di Negara Brunei Darussalam ini tercicir khususnya dalam bidang pendidikan dan pembelajaran.

Justeru, pihak Kerajaan janganlah mudah terlepas pandang terhadap peranan sebagai profesion guru (pendidik). Mereka inilah aset yang amat penting dalam mencorak modal insan yang berilmu dalam semua bidang duniawi dan ukharawi serta berkualiti dan berketerampilan bagi membangun umat manusia, bangsa, agama dan Negara.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi : Yang terakhir sekali, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin yang dirahmati Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى
وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِى يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Pendidikan telah memulakan pendidikan yang seawal mungkin begitu juga pendidikan yang berada di sekolah-sekolah swasta. Kaola awal-awal lagi menyokong dan mengucapkan tahniah atas usaha Kementerian Pendidikan yang begitu berani. Kaola penuh yakin dan percaya usaha yang sedemikian itu tentulah akan berjaya kerana usaha itu bukan calang-calang, ia ditangani oleh

sebuah konsultan yang dipercayai, kerana konsultan tersebut benar-benar dianggotai oleh anak-anak tempatan yang berpotensi, berkaliber dan berjiwa rakyat.

Yang Berhormat Pengerusi, konsultan tersebut memang benar-benar bernegarakan Negara Brunei, berkerajaan Kerajaan Brunei dan bersultankan Sultan Brunei. Kaola mahu kita beramai-ramai mendoakan semoga usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian tersebut akan terus berjaya dan terus mencapai matlamatnya yang jujur lagi ikhlas.

Yang Berhormat Pengerusi, pada maksud kaola ingin berkongsi idea, maksudnya kaola mahu agar kurikulumnya dapat menyediakan seperti pepatah "Melentur buluh, biarlah waktu rebungnya lagi", terutama yang berkaitan dan berhubungan dengan budaya dan lagu-lagunya. Dalam hal tersebut, hendaklah kurikulum pendidikan itu dengan mendedahkan lagu-lagu Melayunya bukanlah dengan lagu-lagu Inggerisnya seperti, *Are You Sleeping, Ba Ba Black Sheep, Twinkle Twinkle Little Star* dan lain-lain. Makanya, bisailah didedahkan dengan lagu-lagu Melayu seperti :

Ting kumala tikus,
Usin satu sen jadi seratus,
Perapat buahnya buntar,
Linggayung buah bangkita,
Kalau rapat jangan diunjar,
Cucu marhum anak pendeta.

Bang inambang telayu-layu utai,
Utai si apoi-apoi,
Sebuah sama simbang,
tahan bungkus.

Lagu-lagu tersebut lagu-lagu bangsanya, lagu Kerajaannya, lagu Rajanya yang turun-temurun yang memberi semangat dan suntikan roh kepada kanak-kanak demi memperkasakan bahasa dan budayanya. Ini sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Baginda mahu rakyat Baginda bersatu padu, hidup aman damai dan harmoni sejak kecil lagi. Dalam konteks ini, para pemimpin dan para intelektual yang berkenaan bukan hanya pandai mencanangkan keharmonian itu, tetapi mempraktikkan dan mempertahankan semangat nasional yang ada pada mereka dan pada kanak-kanak. Untuk itu :

Angin ribut tengah samudera,
Nama Brunei asalnya Puni,
Kita hidup bersaudara,
Dalam negara penuh harmoni.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberikan jawapan sebeberapa ringkas yang boleh supaya Tajuk Kementerian Pendidikan ini dapat diundi dan diluluskan juga pagi ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon kebenaran untuk menyambung penjelasan dahulu terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Ada tiga soalan yang belum kaola jawab. Jadi, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, ialah mengenai mahasiswa lepasan *GENEXT* sama ada mampu menjadi pendidik dan mengenai program pendidikan untuk melatih tenaga pelajar. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa mahasiswa mahasiswi lepasan *GENEXT* tidak akan secara automatik mampu untuk menjadi pendidik. Bagi yang berkelayakan dan berminat untuk menjadi pendidik, mereka masih diperlukan untuk melalui program *Master of Teaching (MTeach)* selama 12 bulan, di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah. Kursus *MTeach* ini adalah sama dengan kursus perguruan yang ditawarkan di tempat-tempat lain dan adalah mengikuti aras antarabangsa ataupun *International Benchmark*.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, ialah masih ada guru-guru yang belum diserapkan ke dalam Skim Perkhidmatan Guru (SPG), semenjak Skim Perkhidmatan Guru (SPG) diperkenalkan dalam tahun 2008. Pada menjawabnya kaola ingin memaklumkan bahawa Skim Perkhidmatan Guru diperkenalkan dengan objektif bagi mengenal pasti dan mengekalkan guru-guru cemerlang, menarik individu-individu yang berkualiti dan berpotensi tinggi ke dalam kerjaya perguruan dan juga dijadikan sebagai insentif bagi peningkatan prestasi bagi guru-guru yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu, skim ini hanya akan digunakan kepada guru-guru yang berkelayakan yang adalah tertakluk kepada prestasi *(performance based).* Hanya mereka yang memenuhi syarat dan benar-benar layak akan diserapkan *(migrated)* ke skim ini. *Seniority* seorang guru, tidak semestinya menjamin penyerapan ataupun *migration* ke dalam skim ini.

Soalan terakhir, daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, ialah elaun memangku bagi guru-guru yang menggantikan tugas semasa guru Cuti Bersalin. Seperti yang telah saya terangkan awal tadi, salah satu peranan Guru Sandaran adalah untuk menggantikan guru-guru yang bercuti seperti Cuti Bersalin, oleh itu, elaun memangku dalam perkara ini tidak ada dalam perancangan Kementerian Pendidikan. Para guru mempunyai had tertentu dalam jumlah *period* mengajar setiap minggu. Oleh itu, pihak sekolah perlulah memastikan bahawa guru-guru sandaran akan digunakan bagi

menjalankan tugas guru semasa gurunya Cuti Bersalin.

Kaola seterusnya ingin berpindah kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, iaitu bantuan kepada pelajar yang kurang berkemampuan, bagi mempertimbangkan penggunaan peruntukan itu, untuk pengangkutan *(transport).* Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas cadangan yang dikemukakan. Insya-Allah, cadangan tersebut akan Kementerian Pendidikan teliti secara holistik dari konteks skim-skim bantuan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa peruntukan bagi pengangkutan sebanyak $14 juta itu, bukan saja diperlukan bagi pengangkutan untuk membantu pelajar golongan susah, tetapi juga adalah keperluan untuk kemudahan para pelajar yang tinggal jauh dari sekolah di bawah Skim Biasiswa Kenderaan.

Mengenai *Succession Planning* kepada projek pengambilan tenaga pakar, selepas tiga tahun, adakah projek ini akan *sustainable* dan juga perancangan jangka panjang *(Long Term Planning)* seperti yang telah saya nyatakan tadi, berkenaan dengan tahap pengawasan guru-guru tempatan dalam bahasa Inggeris, pengambilan guru-guru pakar dan ketua-ketua guru pakar dalam bahasa Inggeris dan Matematik adalah berdasarkan beberapa perkara.

Pengambilan guru-guru diharap akan dapat memberikan impak dan nilai yang tinggi kepada Kementerian Pendidikan ke arah peningkatan *literacy* dan *numeracy* dan pencapaian prestasi penuntut-penuntut dalam peperiksaan awam, iaitu PSR dan 'O' Level. Guru-guru pakar dan ketua guru pakar diharap akan dapat membimbing dan meminta guru tempatan bagi menaikkan taraf kompetensi guru-guru berkenaan.

Ini bermakna, selama guru-guru pakar dan ketua-ketua guru pakar bertugas di Brunei, guru-guru tempatan berpeluang mendapat tunjuk ajar daripada guru pakar. Ini bermakna, guru-guru akan mendapat pendedahan dan teknik dari amalan terbaik yang digunakan. Di samping *mentoring,* Kementerian Pendidikan juga berhasrat untuk memulakan mekanisme *training of the trainers* bagi mempertingkatnya tahap kemahiran guru-guru tempatan. Ini diharap akan dapat meningkatkan profesionalisme guru dan juga melengkapkan guru dengan kemahiran selaras dengan pembangunan pendidikan nasional. Dari segi pengenalan kaedah pengajar yang terbaik, faedah yang terbukti berjaya kepada anak-anak yang mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik adalah melalui peluang pendedahan yang meluas dengan bahasa berkenaan. Adalah menjadi harapan bahawa pelajar-pelajar Brunei akan dapat menguasai bahasa berkenaan dengan cemerlang dengan mempunyai guru dari

kalangan penutur *(native speaker).* Pengenalan guru daripada antarabangsa juga akan dapat membantu dalam memberikan suasana pembelajaran yang diperkayakan dengan pelbagai budaya dan akan mempertingkatkan lagi kedudukan Brunei selaras dengan negara-negara lain di tahap antarabangsa.

Sekarang, kaola akan beralih kepada soalan yang baru dikemukakan, iaitu yang pertama ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, mana-mana yang dapat kaola berikan jawapannya. Iaitu, pendidikan yang akan menjana kemahiran berfikir, menjana kebaikan akhlak dan sebagainya. Sebenarnya, perkara ini merupakan apa yang disebut dalam bidang pendidikan yang kita laksanakan di bawah SPN21 *(21st Century Skills)* dan ini dimasukkan dalam kurikulum yang sedang diikuti oleh pelajar-pelajar kita pada masa ini. Walaupun kita menyatakan sebagai *21st Century Skills* yang berasaskan kepada nilai-nilai antarabangsa, dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kita tidak akan lari daripada mengasaskannya untuk berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB) iaitu nilai-nilai asas yang menjadi falsafah atau konsep Negara kita. Jadi, kita ambil juga nilai-nilai antarabangsa tetapi kita memasukkan nilai-nilai yang penting yang akan dapat membentuk jati diri rakyat dan penduduk Negara Brunei yang mengikuti sistem pendidikan kita.

Perkara kedua, ialah apakah implikasi pelajar susah ini, adakah hanya bantuan-bantuan *material*. Perkara ini juga telah saya terangkan pada tahun lepas dan di mukadimah pada tahun ini. Betul, pada mula-mula rancangan ini dilancarkan, bantuan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dalam tahun 2011, kita memberikan bantuan dalam bentuk *material*. Tetapi mulai tahun 2012, kita telah meneliti lagi perkara ini dengan membuatkan satu garis panduan di bawah Skim Miftahun Najah yang bermaksud kunci kejayaan.

Pada tahun 2013, Projek Rintis Kelas Tuisyen telah diperkenalkan di bawah skim ini. Kelas-kelas tuisyen diberikan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk menduduki peperiksaan *PSR* dan juga '*O' Level*. Kelas tuisyen ini, bermula pada 12 Julai 2013 sehingga 29 September 2013. Jumlah sekolah yang mengendalikannya, bagi sekolah rendah sebanyak 41 buah, sekolah menengah sebanyak 11 buah. Jumlah pelajar bagi sekolah rendah seramai 389 orang dan sekolah menengah bagi peringkat 'O' *Level* seramai 164 orang. Guru-guru yang terlibat bagi sekolah rendah, Guru Penyelia Tuisyen 25 orang dan Guru Pengajar Tuisyen 82 orang manakala di sekolah menengah Guru Penyelia 11 orang dan Guru Pengajar Tuisyen 70 orang. Subjek yang diajarkan di Sekolah Rendah bagi *PSR* ialah Matematik, Bahasa Melayu dan Sains, manakala, di sekolah menengah ialah Matematik, Bahasa Melayu, Pengetahuan Agama Islam dan *Combined Science*.

Dapatan atau pencapaian, ia didapati memberi impak yang berkesan terutama kepada pelajar yang tidak berkemampuan untuk menghadiri kelas tuisyen atau tambahan yang berbayar. Pencapaian ini juga diukur daripada keputusan peperiksaan di peringkat 'O' *Level.* Insya-Allah, kita akan mempertingkatkan dan memperluaskan lagi rancangan ini untuk meliputi lebih ramai lagi pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah untuk dapat mengikutinya.

Mengenai aduan pelajar yang mereka mendapat maklumat lewat mendapat biasiswa, sebenarnya kalau mereka ini memohon biasiswa Kerajaan, sebaik-baiknya mereka ini menunggu sehingga keputusan itu dikeluarkan di Brunei. Tetapi, ada sebilangan mereka, mengambil keputusan sendiri untuk pergi ke luar negeri atas perbelanjaan sendiri dulu dan apabila keputusan dimaklumkan, mereka sudah berada di luar negeri. Walau bagaimanapun, kita akan berusaha di masa akan datang untuk dapat mempercepatkan lagi urusan-urusan mengenai penganugerahan biasiswa ini kerana dalam peraturan yang baru ini akan diadakan beberapa lagi kriteria-kriteria ataupun proses-proses termasuklah yang baru diperkenalkan pada tahun lepas iaitu *multiple interview*, yang sebelum ini belum diadakan.

Kemudian, soalan mengenai institusi pengajian tinggi, perlu ada papan-papan tanda. Perkara ini akan diambil maklum dan di mana-mana juga institusi pengajian tinggi yang belum menunjukkan tanda-tanda terhadap bangunannya, insya-Allah kita akan usahakan untuk memberikan panduan-panduan kepada orang ramai dan pelawat-pelawat.

Mengenai sopan santun, hormat-menghormati di kalangan pelajar-pelajar. Sebenarnya, perkara ini memang termasuk dalam pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Tapi peranan kitani haruslah diakui bahawa sekolah hanyalah mengajarkan tatacara, sikap bersopan santun ini semasa mereka di sekolah. Di luar daripada sekolah itu, perlulah juga anggota masyarakat bersama-sama memainkan peranan bagi memastikan anak-anak kita itu mempunyai sikap atau mengamalkan sikap bersopan santun.

Mengenai perkara lain, akan saya jawab kemudian terutama perseimbangan gaji. Beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Bahawa rancangan pembinaan Sekolah Sains di Kampung Kupang, masih ada dalam Rancangan Kemajuan Negara, Kementerian Pendidikan dan kita berharap ianya akan dapat dibina pada suatu masa nanti, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan daripada Rancangan Kemajuan Negara.

Mengenai dengan cadangan diadakan satu universiti di Daerah Tutong, kita sama-sama berharap, walau bagaimanapun perkara ini pada masa

ini, kita sudah ada satu universiti iaitu Institut Teknologi Brunei yang dinaik taraf menjadi sebuah universiti yang juga menyediakan kursus-kursus selain daripada kejuruteraan *(engineering),* adalah juga kursus-kursus yang berorientasikan teknologi bisnes dan sebagainya.

Kemudian mengenai dengan penggunaan padang sekolah di sekolah menengah dan sekolah rendah. Perkara ini juga telah pun saya terangkan di majlis ini dalam dua tahun yang lepas. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengongsikan kemudahan-kemudahan yang ada di suatu tempat di daerah-daerah, kampung-kampung dan di mukim-mukim dengan penduduk-penduduk kampung. Walau bagaimanapun, penggunaan itu mestilah menurut peraturan. Inilah yang ditekankan oleh pengetua-pengetua dan guru-guru besar supaya siapa juga yang akan menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut adalah mematuhi peraturan-peraturan terutama dalam menjaga keselamatan dan kebersihan. Jadi, jika ini dapat dipatuhi, barangkali pihak-pihak sekolah mempunyai Majlis Perundingan Jawatankuasa Ibu Bapa dan kita berharap perkara ini akan dapat mereka atasi melalui Jawatankuasa Guru dan Ibu Bapa.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, untuk memasukkan kefahaman mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dalam program-program SPN 21, perkara ini boleh kita pertimbangkan menurut tahap-tahap (*level)* pelajaran pelajar-pelajar.

Mengenai institusi-institusi pengajian tinggi, sebenarnya cadangan telah pun dihadapkan kepada pihak yang berkenaan bagi Skim Perkhidmatan Pusat Pengajian Tinggi. Jadi, pusat-pusat pengajian tinggi akan mempunyai satu skim perkhidmatan yang mengawal semua institusi-institusi tertinggi sama ada di bawah Kementerian Pendidikan ataupun di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dengan adanya skim perkhidmatan yang sama itu, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap institusi untuk menetapkan apakah kriteria-kriteria yang diperlukan bagi kenaikan pangkat daripada satu jawatan ke satu jawatan.

Bagi pusat-pusat pengajian tinggi, apa yang lazim diguna pakai pada masa yang lalu sehingga pada masa ini, kriteria-kriteria kenaikan pangkat adalah berasaskan kepada pengajaran, penyelidikan dan penerbitan-penerbitan ini bukanlah penerbitan dalam Negeri sahaja tetapi penerbitan di luar negeri daripada *referred journal* dan juga berapa jumlah *citation* yang dibuat yang dapat kita lihat daripada hasil penyelidikan, hasil kajian seorang ahli akademik itu.

Keempat ialah Komuniti Perkhidmatan Kepada Masyarakat. Mengenai pandangan dari kalangan guru-guru bahawa sekolah-sekolah mempunyai berbagai program yang mereka ini terasa berat untuk dilaksanakan.

Sebenarnya, program-program yang telah dilaksanakan sebagaimana yang panjang lebar saya terangkan di sebelah awal pagi tadi, adalah untuk membantu para guru bagi meningkatkan kualiti pendidikan kita.

Sehubungan dengan ini, kita telah pun melaksanakan Program Kepimpinan Sekolah (*School Leadership Programme)* yang memberikan keupayaan, kemahiran kepada pemimpin-pemimpin sekolah, bukan sahaja Pengetua atau Guru Besar, tetapi juga pembantu-pembantunya. Dalam program yang kita laksanakan 3 tahun lepas, mesti ada 3 orang dari sebuah sekolah yang menghadiri *School Leadership Programme* ini, yang bertujuan bahawa ia akan memberikan keupayaan bagi pemimpin sekolah untuk memilih apa yang terbaik untuk sekolahnya. Adalah tertakluk kepada pemimpin sekolah itu untuk memilih dan melaksanakan program-program yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan, sebaik-baiknya mengikut konteks sekolahnya mengikut kemampuan pelajarnya dan mengikut alam sekitar sekolah tempat ia mengajar.

Secara ringkasnya, ia tidak sebenarnya akan membebankan kepada sekolah-sekolah itu dan tertakluklah kepada kewibawaan pemimpin sekolah untuk mengatur dan melaksanakan bagaimana program-program ini dimanfaatkan, dalam bahasa yang paling mudah kita memberikan *tools*, bermacam-macam jenis *tools* seperti *screw driver*, *plier* dan lain-lainnya. Maka, digunakanlah *tools* itu, kalau ia akan menggunakan semua *tools* itu kita juga akan binggung. Ia mestilah *identify* (mengenal pasti) beberapa perkara apa *tools* akan digunakan, guru-gurunya mempunyai *tools* itu. Itulah bahasa yang paling mudah.

Perkara keempat ialah soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, mengenai prasarana di pendidikan institusi teknik dan vokasional. Kita mengambil maklum akan cadangan dan mengalukan cadangan Yang Berhormat bagi Kementerian Pendidikan mengadakan kemudahan asrama bagi pelajar-pelajar yang pada masa ini, bagi maktab-maktab yang tidak mempunyai kemudahan ini, kita terpaksa berkongsi dengan institusi-institusi lain.

Mengenai pendidikan awal kanak-kanak bagi keperluan adanya pembantu guru. Alhamdulillah, kita telah melaksanakannya, pada tahun lepas dengan sumbangan tenaga daripada pelajar-pelajar yang menunggu peperiksaan *'O' Level* dan *'A' Level.* Lebih 50 orang telah datang ke hadapan untuk membantu guru-guru prasekolah dalam bidang ini. Perkara ini, diambil perhatian berat oleh Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, sebagaimana kita maklumi, dalam kita membincangkan anggaran belanjawan, sekiranya kita akan mengambil *full time assistant teachers,* ia juga memerlukan pertimbangan bagi pertambahan peruntukan. Kita akan melihat cara yang

sebaik-baiknya sebagaimana perkara ini akan dapat kita manfaatkan.

Mengenai buku teks, saya akan menjawab perkara ini kemudian kerana ia khusus mengenai dengan Pusat Tingkatan Enam. Walau bagaimanapun, apabila soalan kekurangan buku teks ini ditimbulkan di majlis ini, 2 tahun yang lepas saya telah pun menerangkan bahawa sejauh yang berkaitan dengan buku teks ini, Kementerian Pendidikan mengadakan kerjasama yang rapat dengan pembekal-pembekal buku dan memastikan bahawa pembekal-pembekal buku akan dapat memesan buku-buku teks itu lebih awal supaya tidak ada timbul masalah-masalah kekurangan buku di kedai-kedai buku.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan mengambil langkah ke hadapan dengan mengadakan kedai bukunya sendiri di Bangunan Kurikulum sejak tahun lepas supaya ibu bapa yang tidak dapat membeli buku di kedai-kedai yang telah dikhususkan akan dapat terus membeli ke kedai buku di Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, oleh kerana soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, khusus mengenai Tingkatan Enam, barangkali saya terpaksa untuk menyiasat terlebih dahulu.

Kemudian, mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, *Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)*. Ini untuk memastikan kelulusan-kelulusan mengikut tahap-tahap tertentu. Dalam hubungan ini, kita bekerjasama dengan badan-badan yang memantau *qualification framework*, bukan sahaja di Malaysia dan Singapura tetapi negara-negara lain untuk menentukan kesesuaian sesuatu kursus ataupun *qualification* (kelulusan) yang diperolehi yang dihadapkan kepada Majlis Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam. Mengenai *bisnes* dan beberapa inisiatif-inisiatif dalam *entrepreneurship* sebagaimana barangkali yang Ahli-Ahli Yang Berhormat dan pembaca rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mengikuti dalam *Borneo Bulletin* pada hari Sabtu yang lalu ada tersiar di sana ada satu artikel mengenai *entrepreneurship* yang mendukung; ada 3 *pillar* yang didukungnya itu.

Dalam hubungan ini, untuk masa hadapan, apa yang dirancang daripada *Brunei Entrepreneurship Development Programme* ini ialah untuk mewujudkan apa yang kita sebut sebagai *Entrepreneurship Village*. Jadi, ia merupakan kampung, ramai orang akan dapat menyertai kampung itu, termasuklah kita hasratkan nanti agensi-agensi yang menjurus kepada *entrepreneurship* seperti kampung-kampung yang mengadakan Satu Mukim Satu Produk, Satu Kampung Satu Produk pun boleh menjadi agensi yang *participate* dalam menyertai program yang kita katakan sebagai *entrepreneurship village* ini. Cadangan Yang Berhormat supaya ia menjadi satu pusat pameran, di sinilah nanti berlaku aktiviti-aktiviti *entrepreneurship* dari berbagai kalangan masyarakat

student, mahasiswa dengan mereka yang menceburkan diri dalam *entrepreneurship.* Mereka sudah bergiat menjadi *entrepreneurs.* Jadi kita kumpulkan dalam *village* ini nanti.

Mengenai program bantuan kepada pelajar-pelajar yang berkemampuan tadi sudah saya terangkan. Mengenai sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah tadahan bagi sekolah-sekolah menengah dan sekolah rendah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan ada garis-garis panduannya.

Mengenai soalan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai penyewaan rumah. Perkara ini pun akan kaola teliti dulu, sebab ia bukan saja melibatkan pembantuan *allocation* guru untuk tinggal di rumah *institutional quarters* dan rumah disewa oleh Kementerian Pendidikan. Penyewaan rumah Kementerian Pendidikan adalah bergantung kepada kebenaran yang diberikan oleh pihak berkenaan di Jabatan Perdana Menteri, jadi perkara ini akan saya teliti nanti.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, iaitu had umur memasuki prasekolah. Ini sebenarnya ditentukan oleh Akta Pendidikan yang telah menetapkan tingkat-tingkat umur untuk memasuki satu-satu peringkat persekolahan.

Mengenai Politeknik Brunei, supaya diberikan kepada beberapa tempat dalam perancangan, ianya pada masa ini, sedang diperuntukkan tapak tanah di sebelah antara Tutong dengan Kuala Belait di Sungai Liang.

Mengenai barangkali Peruntukan G13 di Jabatan Sekolah-Sekolah, 34 jawatan yang dipindah ke Jabatan Setiausaha Tetap CE akan saya jawab kemudian.

Cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai prasekolah supaya menerapkan juga lagu-lagu Melayu dan sebagainya. Kementerian Pendidikan sangat prihatin terhadap perkara ini dan berusaha untuk menuju ke arah itu dan kalau biskita pergi *shopping* ke *Airport Mall* jangan lupa singgah di *City Square* yang berhadapan dengan Padang Kebajikan di sana. Di sana, di tingkat satu, kami ada *Media Center* dialu-alukan untuk hadir ke sana melihat bagaimana orang-orang kitani, kanak-kanak kitani, guru-guru kitani menyediakan peralatan-peralatan membantu pengajaran. Untuk makluman di sini, kitani sudah menerbitkan satu program Jong Batu. Pada masa kini, mereka sedang berusaha untuk menerbitkan lagi satu drama, semuanya digital yang akan kitani kongsikan ke sekolah-sekolah. Harapan saya sendiri, saya ini sudah ada cucu, bila anak saya dulu kecil saya hidangkan dengan siri kartun seperti *Donald Duck* , kartun-kartunnya. Biskita pun sama barangkali. Pada masa kini, cucu saya pun sama juga melihat program itu dan saya, tais liurnya orang

Brunei melihat bagaimana di Malaysia Upin & Ipinnya.

Jadi inilah bagaimana kitani melalui program digital begini dapat menanamkan nilai-nilai kemelayuan kitani, nilai-nilai Islam kitani melalui program-program cemani supaya dapat mengimbangi program-program yang kitani, dari dulu lebih 30 tahun dalam peringkat umur saya, dari anak saya yang pertama sehingga saya bercucu. Sekarang ini untuk dihidangkan dalam program-program ini. Inilah sebenarnya, satu bahan yang boleh diterokai oleh orang kitani. Inilah satu bidang kalau ada *entrepreneurs* daripada kitani. Inilah satu bidang belia-belia kitani dapat menceburkan diri. Yang di Malaysia, itu adalah datang daripada sebuah universiti di Malaysia yang saya lawati.

Saya mempersilakan biskita datang ke *City Square*, melihat bagaimana kitani akan berusaha Untuk memperkayakan bahan-bahan pengajaran selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SF - Kementerian Pendidikan, ini ada baiknya diundi. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Maka Tajuk SF - Kementerian Pendidikan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II : Tajuk SF - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah akan bersidang semula pada petang ini pukul 2.30 petang. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa. Sebelum kita berpindah ke peringkat Jawatankuasa, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perhubungan ingin membuat pernyataan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan : Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya memohon izin untuk mengusulkan di Dewan majlis yang mulia ini, **Satu Usul Yang Tidak Diberi Notis mengikut Peraturan 18, Ceraian (2) dari Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara** bagi kepentingan awam berikutan kehilangan pesawat Malaysia (MAS) MH370.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah mendengar permintaan Yang Berhormat Menteri Perhubungan itu, maka saya memberikan kebenaran pada Ahli Yang Berhormat tersebut untuk mengemukakan Satu Usul Menurut Peraturan 18, Ceraian (2) dari Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan : Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormatnya memohon keizinan Yang Di-Pertua untuk mengusulkan Satu Usul, iaitu Majlis Mesyuarat yang bersidang pada hari ini bersetuju meluluskan Satu Usul untuk disampaikan kepada Dewan Rakyat Malaysia bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam turut bersimpati atas kehilangan pesawat Malaysia (*MAS) MH370* yang belum lagi ditemui dan kita berdoa agar pesawat tersebut akan dapat ditemui dengan segera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah pun mengemukakan Satu Usul seperti yang dibacakan tadi. Oleh yang demikian, saya meminta seorang daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat menyokong.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama : Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua : Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Satu Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan telah

disokong oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Saya berpendapat Usul ini tidak perlu dibahaskan, maka ada baiknya Usul ini diundi untuk dapat diluluskan atau sebaliknya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju. **(Tidak ada)**

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju terhadap Usul ini dengan sebulat suara. Maka, Usul ini diluluskan dan saya ucapkan terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita berpindah kepada perkara Susunan Kerja seterusnya, iaitu untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, (2014/2015). Maka, untuk membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu persatu, Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi : Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa bersidang bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Semasa Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan di sebelah pagi tadi, Tajuk SF - Kementerian Pendidikan telah selesai diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Maka, sekarang kita beralih pada Tajuk seterusnya. Silakan Jurutulis.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis : Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, bermula Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama hingga SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A dibuka untuk dibahas. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ingin membuat pernyataan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Sebelum membahaskan cadangan peruntukan yang dipohonkan bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, kaola ingin memohon kebenaran Yang Berhormat Pengerusi untuk menerangkan buat pertama kalinya tumpuan dan perkara-perkara yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama bagi tempoh tahun 2014/2015 dan tahun-tahun berikutnya.

Dalam dua tiga tahun kebelakangan ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama lebih banyak menumpukan dan memberikan penekanan terhadap keselamatan dan jaminan perbekalan makanan *(food safety and security)* bagi memastikan makanan adalah *available, edible* dan *accessible* serta mempertingkatkan usaha-usaha ke arah meningkatkan kadar sara diri pengeluaran beras serta beberapa komoditi bagi menjamin penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam memperolehi makanan yang seimbang, memandangkan perkara ini adalah perkara asas dan mustahak bagi sesebuah negara yang merdeka, tambahan lagi, dua hingga ketiga tahun lalu itu banyak menunjukkan faktor-faktor yang memburukkan keadaan bekalan dan pengeluaran makanan khasnya makanan asas atau *staple food* seperti beras.

Penekanan dan tumpuan akan masih menjurus kepada keselamatan dan sekuriti makanan supaya penyediaannya lebih mapan dan berterusan serta lebih kukuh. Pada tahun kewangan 2014/2015 ini sahaja sebanyak $14.5 juta telah disediakan bagi projek penanaman padi sahaja.

Bagi tahun 2014/2015 dan tahun-tahun berikutnya, di samping meneruskan penekanan kepada keselamatan dan sekuriti makanan ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga ingin lebih menumpukan usaha secara bersepadu untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment [FDI]).*

Peranan *FDI* dalam menjana perkembangan ekonomi, khususnya dalam mempelbagaikan kegiatan perekonomian; dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan; dalam menjana kemakmuran negara secara berterusan dan membantu perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah diakui dan tidak boleh dipandang rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan mengambil tindakan proaktif dan lebih terurus dalam menyediakan suasana yang menggalakkan dan kondusif kepada *FDI.*

Penekanan ini juga memang diselaraskan dengan keutamaan belanjawan yang telah diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-Undang berkenaan iaitu Merangsang Kegiatan Pelaburan.

Hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ialah untuk meningkatkan usaha ke arah menggalakkan aktiviti pelaburan

dan perniagaan di Negara ini, selaras dengan dasar mempelbagaikan sumber pendapatan dan perekonomian Negara, supaya kebergantungan pada sektor Minyak dan Gas akan dapat dikurangkan. Usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ialah untuk memastikan peraturan-peraturan, kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan dapat menyaingi dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di rantau ini.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengenal pasti Industri Halal dan Industri Bio sebagai sektor yang boleh dikembangmajukan dalam usaha untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI)*. Negara Brunei Darussalam mempunyai kelebihan berbanding *(comparative advantage)* berdasarkan kepada negara ini mempunyai alam sekitar yang terjaga, dan sebuah negara Islam dalam pengiktirafan halal yang boleh menjadi *nucleus* penarikan pelaburan langsung asing ke negara ini.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga telah pun mengenal pasti kawasan seluas 500 hektar di Tungku, antara lainnya bagi menempatkan pelaburan asing dalam industri halal sama ada makanan, kosmetik ataupun produk perubatan dengan menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN 10) seluas 50 hektar sudah siap sedia dengan infrastruktur asas seperti jalan, bekalan elektrik dan bekalan air. Melalui sebuah syarikat antarabangsa yang berpengalaman dalam pengurusan tapak industri, beberapa *Multi National Companies* atau pun *(MNCs)* telah berminat untuk bertapak di kawasan ini yang kini diberi nama *Bio-Innovation Corridor* ataupun secara ringkasnya (*BIC*) dan dahulunya dikenali sebagai Taman Agro Teknologi (*Agro Technology Park*).

Berhubungan dengan tumpuan dan penekanan ini, struktur organisasi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga telah diubah suai bagi memastikan perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan sempurna, lebih efisien dan lebih teratur serta mendukung penumpuan ini.

Di samping peruntukan yang dipohonkan bagi jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian yang wujud di Kementerian ini, seperti Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kemajuan Pelancongan dan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), peruntukan juga dipohonkan bagi bahagian-bahagian dan unit-unit yang baru ditubuhkan seperti berikut :

i. Unit *Ease of Doing Business* ;
ii. Unit *Business Facilitation Centre ;*
iii. Unit Pusat Nadi Borneo ;
iv. Bahagian Hidupan Liar ; dan
v. Pusat Inovasi Industri Halal.

Di samping itu, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat mulai dari 1 Julai 2012 Bahagian Sukatan dan Timbangan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana

Menteri telah dipindah sepenuhnya ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Justeru itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menghadapkan permohonan peruntukan tahunan sebanyak lebih kurang $90.317 juta bagi perbelanjaan tahun 2014/2015 dan $33.7 juta bagi perbelanjaan pembangunan, melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) termasuk $5 juta bagi *Bio-Innovation Corridor* (*BIC)* daripada harga rancangan yang berjumlah $161 juta.

Dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi tahun 2014/2015 ini. Kementerian akan menanai tema belanjawan iaitu Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan dengan memberi penekanan kepada 4 fokus utama, iaitu memperkasa pendidikan dan latihan, merangsang kegiatan pelaburan, meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Sekian, secara ringkas penerangan bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih, Yang Berhormat atas pernyataan yang terperinci itu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan tajuk untuk dibincangkan atau dibahaskan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya pertanyaan-pertanyaan yang akan diajukan itu nanti tidak lagi akan menyentuh perkara-perkara yang telah dijelaskan oleh Menteri Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, cara ini adalah bagi memudahkan dan mempercepatkan lagi perbincangan kita, sekian, terima kasih.

Sekarang Tajuk ini saya bukakan untuk dibahas. Di sini, saya tidak ada mempunyai senarai nama-nama Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk mengemukakan soalan atau cadangan, saya akan meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mahu bercakap, supaya mengangkat tangan. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal : Terima kasih, atas kesempatan yang diberikan kepada kaola. Di sini, kaola ingin menimbulkan 2 perkara :

1. Mengenai pemeriksaan dan pengujian pam-pam minyak, di stesen-stesen minyak di Negara Brunei Darussalam, khususnya di Stesen Minyak Satenaga di Kampung Tanjung Nangka. Stesen Minyak Satenaga, Kampung Tanjung Nangka diusahakan oleh Syarikat Koperasi Kampung Tanjung Nangka Sdn Bhd yang mempunyai 30 unit pam minyak bagi jualan *Ron 92, Ron 97* dan *Diesel.* Pemeriksaan dan pengujian bagi Stesen Minyak

Satenaga dijalankan oleh Bahagian Sukatan dan Timbangan Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam, sebanyak 4 kali setahun. Bermakna, ianya dilakukan setiap 3 bulan sekali.

Setiap kali pemeriksaan dan pengujian, Stesen Minyak Satenaga dikehendaki membayar $600.00. Ini bermakna, 4 kali pemeriksaan dan pengujian Stesen Minyak Satenaga dikehendaki membayar sebanyak $2,400.00 Sepanjang pemeriksaan dan pengujian itu dijalankan, yang biasanya bermula dari pukul 9 pagi hingga 10 pagi, stesen minyak terpaksa ditutup.

Sepanjang penutupan satu jam itu, hasil penjualan minyak biasanya purata boleh mencapai $2,000.00. Bayangkan jika ianya dijalankan sebanyak 4 kali setahun sudah tentu Syarikat kehilangan pendapatan sebanyak $8,000.00, dari hasil jualan minyak, selama 4 kali stesen minyak itu ditutup. Semasa pemeriksaan-pemeriksaan dan ujian-ujian dijalankan dan jika dicampur dengan bayaran-bayaran bagi 4 kali pemeriksaan dan pengujian dalam setahun, kerugian pendapatan boleh mencecah lebih dari $10,000.00 setahun.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan kerugian pendapatan sebanyak itu pada tiap-tiap tahun, adalah dicadangkan supaya pemeriksaan dan pengujian pam-pam stesen minyak hanya dibuat 2 kali sahaja setahun. Ini bererti, Stesen Minyak Satenaga hanya akan kerugian kira-kira lebih sedikit daripada $5,000.00 setahun. Kalau ianya boleh dijalankan setahun sekali, itu adalah lebih baik, demi mengurangkan bebanan kerugian yang besar; dan

2. Juga, melibatkan Stesen Minyak Satenaga di Kampung Tanjung Nangka. Stesen minyak itu beroperasi selama 16 jam setiap hari, iaitu bermula dari pukul 6.00 pagi hingga pukul 10.00 malam. Masalahnya, jadual penghantaran minyak oleh pihak *Brunei Shell Marketing (BSM) Company Sdn. Bhd.* Adakalanya tidak menepati jadual sehingga ada ketikanya sesudah stesen minyak ditutup, barulah *tanker* minyak sampai. Keadaan ini, menyebabkan Stesen Minyak Satenaga terpaksa berbelanja lebih untuk membayar pekerja gaji lebih masa *(overtime).*

Beberapa orang pekerja terpaksa diarahkan menunggu kedatangan *tanker-tanker* minyak di stesen tersebut. Sebagai contoh, pada 13 Januari 2014, keseluruhan minyak di Stesen Minyak Satenaga habis dijual sehingga pukul 9.00 pagi. Penjualan minyak terpaksa dihentikan sementara menunggu ketibaan *tanker* minyak yang dihantar oleh pihak pembekal. *Trip* pertama bagi penghantaran minyak *RON 97* dan minyak *Diesel* hanya tiba pukul 6 petang dan *trip* kedua

hanya tiba pada pukul 10.40 malam. Sepanjang penutupan sementara yang berjalan selama kira-kira 9 jam itu, Stesen Minyak Satenaga telah kehilangan pendapatan yang banyak, kira-kira $18,000.00 disebabkan tiada jualan minyak dapat dilakukan.

Kelambatan dan tidak teraturnya penghantaran minyak oleh pihak pembekal ke Stesen Minyak Satenaga itu, juga amat mendukacitakan dan merugikan. Bagi maksud mengatasi perkara ini, adalah dicadangkan :

i. Supaya pihak pembekal minyak iaitu *Brunei Shell Marketing (BSM) Company Sdn. Bhd.* hendaklah terlebih dahulu menetapkan jadual penghantaran secara sekali gus, bukannya berlainan *trip* atau berlainan *tanker* seperti yang berjalan sekarang ini. Apabila pesanan dibuat bagi penghantaran 3 jenis minyak *RON 92*, *RON 97* dan *Diesel*, memang ada terdapat *tanker* yang mempunyai kapasiti 6 lubang bagi memuatkan berjenis-jenis minyak itu sekali gus; dan

ii. Supaya *Brunei Shell Marketing (BSM) Company Sdn. Bhd.* akan dapat memberi kebenaran kepada pemilik dan pengusaha stesen-stesen minyak di Negara ini yang berkemampuan, untuk membeli sendiri *tanker* untuk mengangkut minyak dari *Brunei Shell Marketing (BSM) Company Sdn Bhd* ke stesen minyak masing-masing dengan penjadualan yang teratur dan tidak menjejaskan penjualan minyak pada waktu operasi penjualan minyak berjalan. Dengan secara demikian, kerugian pendapatan boleh dielakkan.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Ada lagi Yang Berhormat? Silakan, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman : Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu, kaola ucapkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan tadi. Kaola, hanya terdapat satu perkara sahaja yang hendak ditimbulkan, iaitu berhubung dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), (*Small Medium Enterprise [SME])*.

Meneliti anggaran Peruntukan Perbelanjaan bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi Tahun Kewangan 2014/2015 di bawah Tajuk Bahagian Pusat Pembangunan Keusahawanan, sejumlah $698,000.00 telah diperuntukkan bagi Kementerian membina sebuah Pusat Perkhidmatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) *(Brunei Small Medium Enterprise (SME) Service Centre)*.

Alhamdulillah, dengan adanya pusat ini nanti diharap ia akan dapat membantu memudahkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan mereka.

Berhubung dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ini, dalam kesempatan ini, kaola ingin mengongsikan perbincangan semasa menghadiri perbincangan yang diungkayahkan oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei pada akhir bulan Januari yang lalu.

Bertolak dari perbincangan tersebut, terdapat 3 perkara yang ingin kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini :

1. Berhubung dengan kesukaran yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mendapatkan bantuan kewangan. Jika meneliti peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 telah disediakan Dana Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sejumlah $100 juta. Jika mengambil kira peruntukan yang telah digunakan dan akan digunakan pada tahun ini, dana ini akan meninggalkan baki sejumlah kira-kira $78 juta. Sebelum Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 berakhir pada tahun 2016, dengan baki sejumlah $76 juta ini, kaola menilai peruntukan ini adalah *underuse* atau *underutilised*. Semasa perbincangan dengan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, antara perkara yang ditimbulkan ialah mengenai kesukaran untuk mendapatkan dana kewangan dan juga tunggakan hutang yang belum dijelaskan atau dibayar balik oleh peminjam kepada Kerajaan.

   Di sini, terdapat suatu cadangan yang telah disuarakan, iaitu cadangan untuk mewajibkan *CEO Small Medium Enterprise (SME)* yang menerima bantuan dana Kerajaan untuk menjalani kursus atau latihan dalam pengendalian kewangan syarikat, supaya mereka mahir dalam mengendalikan dan menguruskan kewangan mereka;

2. Berhubung dengan masalah yang dihadapi untuk mendapatkan bantuan pinjaman kewangan daripada Kerajaan. Cadangan ialah supaya borang-borang permohanan dan proses *paperwork* untuk mendapatkan dana permudahan itu di*simplify* (dimudahkan). Dalam kesempatan ini, kaola memohon supaya kedua-dua cadangan ini dapat diteliti dan dipertimbangkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; dan

3. Berhubung dengan perkara Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ini. Dalam menjawab soalan kaola yang diberi notis pada tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama antara lain menyertakan penyediaan dan kewujudan Pelan Induk Perusahaan Kecil dan

Sederhana (PKS) *(Master Plan Small Medium Enterprise, SME)*.

Di sini, kaola memohon supaya Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ini dimaklumkan atau di *publisize* kepada orang awam, agar ianya dapat dimanfaatkan oleh orang ramai, terutama mereka yang sedang dan yang akan berkecimpung dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana selaras dengan matlamat Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang telah mengisytiharkan dekad 2010/2020 sebagai dekad untuk memacu Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi Negara Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola mengemukakan beberapa soalan ringkas, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam usaha memastikan sumber makanan di Negara ini akan terus kukuh dan berusaha memperbaiki semua aspek di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Mengikut taklimat yang telah diadakan dan muzakarah dengan Kementerian berkenaan, bahawa beberapa pelan strategik telah diutarakan. Ini telah menepati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada mesyuarat lepas. Soalan kaola :

1. Pengharaman penangkapan dan penjualan ikan yu. Seperti mana yang kaola baca daripada surat khabar tempatan, pada bulan Jun 2012 yang lalu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengisytiharkan larangan menangkap dan mendaratkan apa jua spesis ikan yu serta melarang pengimportan apa jua jenis produk ikan yu. Dengan pengisytiharan tersebut, tidak ada produk ikan yu yang akan dijual di Negara ini lagi mulai tahun 2014. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi :

   i. Dapatkah pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menerangkan sebab-sebab jenis ikan yu ini dilarang ataupun di*ban* untuk ditangkap?

   ii. Sejauh manakah larangan pengharaman penangkapan ikan yu ini berkesan? dan

iii. Apakah saranan pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kepada orang ramai dalam usaha membantu pihak Kerajaan menangani pengendalian isu ini?

2. Seterusnya, isu binatang liar. Kesejahteraan orang ramai di Negara ini sering terancam dan diganggu oleh binatang-binatang yang berkeliaran seperti buaya, ular, monyet, anjing dan kucing-kucing terbiar. Perkara ini sering tersiar di media-media massa terutama di surat-surat khabar tempatan di Negara ini.

Kaola mencadangkan supaya binatang-binatang ini akan dapat dipeduli oleh satu agensi khas dan diberikan tanggungjawab untuk menjaga dan memeliharanya. Maka, di Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan dapat menubuhkan satu agensi yang bersesuaian untuk menangani perkara tersebut.

Mengenai penambatan binatang ternakan yang telah disebut dalam muzakarah iaitu tempatnya di Batang Mitos. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah membuat perbincangan dengan pihak Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai usaha Kementerian bagi menempatkan satu kawasan yang disebutkan di Kampung Batang Mitos, supaya petani-petani yang berminat dalam penternakan kerbau, lembu dan kambing yang menjadi keperluan rakyat dan penduduk Negara ini. Soalan kaola, Yang Berhormat Pengerusi, bilakah tempat tersebut akan digunakan dan dibuka? dan

3. Mengenai pelancongan, apakah usaha-usaha Badan Pelancongan Negara Brunei Darussalam dalam mempromosikan pelancongan di Negara ini supaya pelancong-pelancong ataupun agensi pelancongan ini akan berkembang di Negara Brunei Darussalam?

Itu sahaja barangkali, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini kaola akan membawakan 3 perkara dalam Tajuk di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

1. Perhutanan. Ada 2 perkara yang kaola utarakan dalam Dewan yang mulia ini :

i. Mengenai permohonan orang kampung menggunakan borang (Borang 2 Persendirian). Terdapat rungutan daripada orang ramai mengenai pembayaran pokok yang dipohonkan. Pembayaran tersebut hanya boleh dibuat di Ibu Pejabat Perhutanan, Bandar Seri Begawan dan ini sangat menyulitkan bagi mereka. Dicadangkan Yang Berhormat Pengerusi, supaya pembayaran tersebut dapat dibuat di Pejabat Perhutanan, Daerah Temburong bagi memudahkan pemohon daerah ini, tidak bersusah payah untuk turun ke Bandar Seri Begawan untuk membuat pembayaran ; dan

ii. Kaola ingin bertanya, dalam jangka waktu panjang, apakah kedudukan hutan balak di Daerah Temburong dan berapakah jumlah hutan simpan yang terkawal di Daerah Temburong pada masa ini? Apakah pokok-pokok yang bernilai yang ditebang oleh syarikat-syarikat pembalakan yang dibenarkan (jenis pasaran) seperti pokok selangan batu, pokok kapur, pokok meranti dan lain-lain masih boleh dikawal atau sudah berkurangan di hutan Daerah Temburong? Adakah usaha penanaman semula pokok-pokok baru bagi gantian pokok-pokok yang sudah ditebang?

2. Perikanan. Bagi nelayan-nelayan kecil yang memancing atau mengail ikan air tawar di Sungai Temburong, mereka sudah dapat merasakan dan kaola juga mengambil maklum bahawa masalah kepupusan ikan-ikan air tawar di Sungai Temburong telah mencapai ke tahap kritikal jika ianya tidak diambil perhatian yang serius.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, seperti yang kaola maklum, spesis ikan air tawar tersebut adalah seperti ikan tanai, ikan pagong-pagong, ikan betutu, ikan ungah, ikan terusan, ikan patian, ikan tuyan dan ikan luwang bahawa daripada spesis ikan air tawar tersebut ada yang sudah tidak kelihatan dan jarang dilihat dan dipeduli oleh nelayan-nelayan tempatan di Sungai Temburong dan banyak lagi spesis yang lain menghadapi masalah kepupusan. Ini tidak terkecuali pada suatu hari nanti udang galah, alhamdulillah yang masih dapat bertahan pada masa ini.

Yang Berhormat Pengerusi, masalah ini timbul dalam keadaan sungai yang semakin tuhur dan tercemar selama lebih 30 tahun kerana kuari mencuci batu di kawasan sungai, mungkin penyebab kepupusan ikan air tawar tersebut. Penangkapan ikan yang berlebihan dan kerakusan sebilangan kecil orang yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan kaedah mudah seperti menggunakan racun dan

tenaga elektrik tanpa memilih ikan dan udang galah yang besar atau kecil. Pada pandangan kaola di Dewan yang mulia ini, kaedah ini bukan sahaja membawa kesan buruk kepada ekosistem sungai, khususnya Sungai Temburong, malah menyebabkan telur dan benih ikan (anak-anak ikan) juga terancam dan hasil tangkapan nelayan juga berkurangan.

Kaola berharap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perikanan untuk mengambil perhatian dalam menangani perkara ini. Jika perlu adakan sistem larangan dapat dipraktikkan atau larangan merambat dan memukat di beberapa batang sungai atau kawasan-kawasan bagi pembiakan.

Kaola juga mencadangkan supaya diadakan pusat kajian dan pembenihan *(hatchery),* serta pusat akuakultur untuk ikan air tawar, air bahal. Dengan cara ini, mudah-mudahan dapat membantu Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perikanan untuk menjamin dan mengatasi masalah kepupusan dalam jangka masa panjang spesis ikan air tawar tempatan di Sungai Temburong tidak akan pupus.

3. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, kaola akan mengusulkan 3 perkara :

   i. Perkara ini pernah juga kaola suarakan di Dewan yang mulia ini, bahawa di Daerah Temburong belum mempunyai sistem tali air yang khusus bagi pengairan ke kawasan-kawasan projek penanaman padi seperti mana yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara ;

   Ini akan dapat menyuburkan padi dan menambah hasil peladang padi di Daerah Temburong. Kaola juga ada mengambil maklum yang pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan kerjasama Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya (JKR), akan melantik *consultant engineers* bagi melaksanakan kerja-kerja utama termasuk melaksanakan kajian kawasan, konsep serta reka bentuk yang terperinci. Sudahkah JKR melantik *consultant engineers* bagi melaksanakan kerja-kerja utama perkara yang kaola nyatakan? Jika ia, bilakah pelaksanaan sistem tali air yang khusus bagi pengairan dan saliran ke kawasan-kawasan projek penanaman padi di Daerah Temburong akan dapat dibuat?

   ii. Yang Berhormat Pengerusi. Dalam usaha untuk mencapai sasaran sara diri dalam pengeluaran beras Negara secara komersial, apakah pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan atau agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan telah memikirkan langkah-langkah keselamatan seperti kesan terhadap alam sekitar? Contohnya, pencemaran air, udara dan sebagainya, hasil daripada penggunaan bahan-bahan kimia yang berlebihan yang digunakan oleh pengguna tanaman padi.

Adakah pihak Kementerian, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuat penyelidikan ke atas kesan penggunaan bahan-bahan kimia berkenaan? Kaola juga dimaklumkan bahawa sebahagian kawasan tapak seperti Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP), di Kampung-Kampung Selapon, Perdayan dan Senukoh berdekatan dengan sungai. Apakah usaha-usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui jabatan yang berkenaan dalam jangka waktu panjang untuk mengurangkan bahan kimia tersebut dan menggalakkan peladang untuk menggunakan sistem ladang organik *(organic farming)* ? dan

iii. Dari maklumat statistik pencarian kerja, didapati peratus Daerah Temburong adalah tinggi, ramai belia yang tidak mempunyai pekerjaan sama ada di pihak Kerajaan mahupun swasta. Salah satu cara untuk menangani masalah tersebut ialah membuka peluang melalui kegiatan pertanian dan agrimakanan.

Adakah pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mempunyai perancangan untuk menarik minat belia supaya dapat menceburi dalam bidang pertanian dan agrimakanan secara komersial dan dijadikan sebagai satu perniagaan atau mata pencarian kepada belia menganggur yang tidak mempunyai pekerjaan?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih, ada lagi? Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ada 2 soalan :

1. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam memperkasa rancangan strategik, mempelbagaikan ekonomi Negara dalam mengimbangi sektor minyak dan gas, seperti memajukan bidang-bidang pertanian, perikanan dan industri-industri lainnya seperti Perusahaan Kecil dan Sederhana

adalah amat membanggakan kita. Antara golongan yang berkecimpung dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana ini adalah terdiri dari-pada golongan wanita, termasuk juga golongan ibu-ibu tunggal dan wanita-wanita yang menjadi ketua isi keluarga, sama ada suaminya sebagai ketua keluarga masih hidup atau sebaliknya. Saya percaya, pihak Kementerian yang mempunyai rangkaian kerjasama dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), dan merupakan agensi utama Kerajaan, telah memberi bantuan kepada golongan ini. Saya cuma ingin mengetahui :

i. Setakat manakah usaha Kementerian dalam membantu golongan peniaga wanita seperti yang saya sebutkan? Bagaimanakah Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meningkatkan lagi mutu dan nilai Satu Produk Satu Kampung yang juga rata-rata diusahakan oleh kaum wanita? dan

ii. Adakah pihak Kementerian, dalam membantu golongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mempunyai statistik jumlah peniaga wanita yang berpotensi untuk turut menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi di Negara ini?

2. Dari pengamatan saya, setelah mendengar beberapa taklimat dan penjelasan semasa Sesi Muzakarah dan Dialog bersama Kementerian-Kementerian, dan juga pembentangan beberapa orang Yang Berhormat Menteri Kabinet di Dewan yang mulia ini, mengenai pembangunan sektor perniagaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), saya ingin mengongsikan pandangan mengenai pembangunan PKS ini supaya ianya lebih fokus untuk mencapai matlamat yang diharapkan, sebagaimana juga yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi.

Mempelbagaikan sektor ekonomi dan ditambah lagi strategi Wawasan Negara 2035 yang ditekankan adalah Ekonomi dan Pembangunan Perniagaan Tempatan adalah dua strategi penting yang perlu diberi perhatian. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan antara agenda ekonomi penting yang berdaya maju dan dinamik, penting untuk menggalakkan pertumbuhan domestik dan mengukuhkan daya tahan dalam persekitaran ekonomi yang lebih kompetitif dan mencabar, dan diakui bahawa sumbangan mereka kepada pembangunan ekonomi adalah masih di tahap rendah.

Perkara ini juga turut ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, semasa Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini.

Untuk meningkatkan sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada ekonomi Negara, kita perlu memikirkan untuk mengadakan semacam satu badan untuk menyelaras pembangunan PKS dengan tidak membelakangkan fungsi *BEDB*, sebagai pendukung utama kejayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebagai agensi menyelaras Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di peringkat Kerajaan.

Seperti yang kita dapat lihat dalam Peruntukan 2014/2015, bahawa terdapat peruntukan yang diberikan kepada Kementerian-Kementerian yang terlibat dalam pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), sama ada di peringkat pendidikan keusahawanan, pembangunan belia, pembangunan masyarakat kampung dan lain-lain.

Dengan adanya badan yang menyelaras pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan gabungan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan ditambah lagi dengan penyertaan pihak-pihak yang ada kepakaran dan profesional di sektor swasta, ia akan berfungsi sebagai badan pembuat dasar yang menentukan hala tuju strategik bagi dasar-dasar Kerajaan untuk pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan bagi memastikan adanya penyelarasan dan keberkesanan setiap program Kerajaan yang dirancang.

Di peringkat ini juga, akan membincangkan dasar-dasar baru untuk menyokong pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam semua sektor, memantau dan menilai kemajuan dan keberkesanan dasar dan program dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) secara menyeluruh. Dengan adanya badan ini nanti, ia melambangkan komitmen serius Kerajaan untuk pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di peringkat tertinggi.

Soalan saya, adakah perkara ini ada dalam perancangan Kementerian atau pihak-pihak terlibat yang lain sebagai hala tuju Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi memenuhi strategi mempelbagaikan sektor ekonomi di Negara ini? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Ada lagi? Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Ada 2 soalan :

1. Hutan Simpan Logam Katok. Hutan memerlukan kita seperti mana kita memerlukan hutan. Sepatutnya Hutan Simpan yang berpotensi tidak diganggu, diceroboh atau dibuat projek Kerajaan. Hutan Simpan Logam Katok terletak di antara empat Mukim iaitu Mukim Gadong 'A', Mukim Gadong 'B', Mukim Kilanas dan Mukim Sengkurong.

   Hutan di sini, kata orang tua-tua, tidak pernah diganggu (diteroka) hutannya seperti bertanam padi. Hutan Simpan Logam mengandungi sumber air, ada enam wasai yang saya ketahui. Hutan ini juga berpotensi sebagai tempat riadah, kaji selidik tumbuh-tumbuhan bagi penuntut-penuntut dalam dan luar negeri. Bagi pandangan saya, biarlah ia dikekalkan sebagai hutan dalam Bandar; dan

2. 'Takat' adalah sebagai rumah bagi ikan-ikan di laut. Ianya pandai rosak disebabkan alam semula jadi atau oleh manusia. Kerosakan yang sering dibuat oleh manusia, berbagai-bagai. Ada yang disebabkan oleh pukat tunda, sauh-sauh perahu dan lain-lain.

   Bagi memastikan 'takat' ini berkembang, harus ada projek penanaman 'takat-takat' di samping 'takat tiruan'. Sekiranya ikan-ikan ini mendapat 'takat-takat' yang baik maka, pembiakan ikan juga akan meningkat.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ada beberapa isu, iaitu :

1. Jabatan Perikanan. Apakah tindakan kawalan atau pemulihan yang dapat dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya kekurangan populasi ikan dan kerosakan ekosistem marin yang disebabkan oleh perubahan dasar sungai dan kualiti air Sungai Telamba, Mukim Telisai yang tercemar oleh tanah susur akibat pembangunan berhampiran sungai?

2. Projek pemeliharaan penyu sudah sekian lama dilaksanakan termasuk melepaskan anak-anak penyu yang telah ditetaskan oleh Jabatan ini.

   Soalan kaola, berapakah anggaran jumlah anak penyu yang telah dilepaskan ke laut? Berapakah statistik pendaratan penyu setahun di sepanjang pantai di Negara ini dan di pantai manakah pendaratan penyu sering berlaku?

3. Jabatan Pertanian Agrimakanan. Kini, ada satu syarikat pertama yang menggunakan label halal Brunei dan memasarkan produk kepada masyarakat Islam ke luar negara iaitu kilang pengeluar ubat-ubatan dan produk nutrisi dengan nilai pelaburan sebanyak kira-kira US$18 juta di Tapak Perindustrian Salambigar, dan Syarikat Arang 88 dengan pelaburan B$4 juta terletak di Kampung Telisai serta projek pembinaan Kilang Pengeluaran Makanan Haiwan dengan nilai pelaburan US$5 juta di Tapak Perindustrian Serasa.

   Soalan kaola, apakah peluang-peluang yang boleh disertai oleh pengusaha-pengusaha tempatan ke atas projek-projek yang tersebut tadi? dan

4. Negara kita kaya dengan tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok herba yang bernilai tinggi sebagai makanan perubatan dan *supplement* yang belum lagi ada kajian dan usaha untuk menjadikannya sebagai produk pemakanan dan farmaseutikal ke tahap komersial. Umpamanya, tumbuhan seperti ratnawali, pucuk dingin-dingin, pucuk lamba, pucuk kulimpapa, pucuk pawas, pucuk penggaga, pucuk kalamunting, pucuk seribaguna, pucuk bagu, pucuk bayam nuhur dan banyak lagi ratusan spesis pokok herba yang tumbuh liar di hutan di Negara ini. Malah di mukim dan kampung, kini giat dipelihara dan dijual di gerai-gerai dan tamu secara pohon asal tanpa dinilai tambah untuk diangkat ke tahap komersial.

   Soalan kaola, adakah perancangan supaya herba-herbaan hutan Negara ini termasuk dalam kajian saintifik untuk mengenal pasti kandungan dan khasiatnya? Kerana di bawah Skim Insentif Pendidikan Brunei, peruntukan $5 juta disediakan untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan *Research and Development (R&D)*. Hal ini sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ke-23 Universiti Brunei Darussalam pada 1 Zulkaedah 1432 Hijrah bersamaan 29 September 2011 Masihi.

   Antara lain titah Baginda *"siapakah dalam di Negara ini yang telah membuat satu kajian tentang herba-herbaan? Mana kajian kita terhadap ulam penggaga? Terhadap pucuk pawas dan bunga kunyit? Siapakah pernah mengkajinya? Padahal kita orang Brunei sudah memakan semenjak dari ratusan tahun lagi. Tetapi, sampai sekarang siapakah orang kita yang sudah melakukan kajian saintifik tentang kandungan dan khasiat benda-benda ini? Ini baru cabaran kecil sahaja, tetapi cabaran yang cukup besar untuk*

kita." Dari titah ini, jelas difahami hasrat Baginda supaya herba-herbaan yang ada di Negara ini dikaji untuk dijadikan produk makanan dan *pharmaceutical.*

5. Di Daerah Tutong terdapat beberapa tapak yang dibuka beberapa tahun yang lalu tetapi terbiar, iaitu :

   i. Mukim Rambai, satu kawasan yang luas beratus-ratus ekar, di Mukim Telisai ada 3 tapak iaitu pertama tapak di Kampung Penyatang untuk Rancangan Ternakan Udang di antara Kampung Bukit Udal dan Kampung Bukit Beruang ;

   ii. Tapak di kawasan belakang Satelit Bumi Telisai; dan

   iii. Kawasan Taman Rekreasi Pantai Telisai iaitu kawasan yang berpagar yang kaola difahamkan untuk Tanaman Marin.

Soalan kaola, apakah perkembangannya tapak-tapak tersebut?

6. Baru-baru ini, sejumlah 164 hektar telah dibuka bagi tanaman padi secara komersial di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) yang melibatkan 4 buah KKP di Daerah Brunei Muara secara perjanjian sewa yang merupakan projek berterusan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam usaha mencapai sasaran diri pengeluaran beras menjelang 2015.

   Di samping itu juga, sebuah syarikat dibenarkan untuk membekalkan biji benih padi sawah. Soalan kaola :

   Adakah perancangan untuk melibatkan KKP di daerah lain? Apakah jenis benih padi yang dibekalkan? Apakah perkembangan terkini terhadap pemasaran dan penerimaan orang ramai serta pengusaha terhadap Projek Padi Beras Laila. Maka adanya perjanjian terbaru kerjasama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Sosialis Rakyat Vietnam pada 17 Mei 2013.

7. Sumber alam semula jadi flora dan fauna merupakan aset Negara yang sangat berharga walau sekecil mana sekalipun ianya perlu dipelihara dan dilindungi, dari kemusnahan dan dimusnahkan sama ada di petik, diburu untuk dijual atau dimakan. Aktiviti membuka hutan dan pengambilan kayu balak, memusnahkan tumbuhan berharga, tanah dan sungai. Binatang liar melarikan diri mencari perlindungan dan habitat baru yang mungkin tidak sesuai lagi.

   Penubuhan Bahagian Hidupan Binatang Liar pada 28 November 2012, bertepatan sekali bagi melindungi dan memelihara khazanah sumber alam ini secara lestari agar tidak diancam kepupusan oleh kegiatan yang

berkaitan dengan pemburuan, pengambilan, penjualan tumbuhan hidupan liar. Kaola ingin tahu, selain dari jerayawara memberi maklumat dan pengetahuan kepada orang ramai, adakah sudah terbentuk Pegawai Penguatkuasaan Bahagian Hidupan Liar yang memantau keadaan dan aktiviti pengambilan dan perburuan di hutan Negara ini dan apakah perkembangan dan rancangan seterusnya bagi merealisasikan Nadi Borneo *(Heart of Borneo)?.*

8. Taman Rekreasi Pantai Telisai adalah di bawah Jabatan Perhutanan dan bukannya dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Setiap hari taman ini dikunjungi oleh orang ramai terutama hujung minggu dan cuti persekolahan. Ianya digunakan untuk berbagai aktiviti seperti perkhemahan oleh badan-badan dan pertubuhan. Oleh itu, pertanyaan kaola, adakah rancangan untuk membina bangunan kekal yang mengandungi berbagai-bagai kemudahan seperti restoran, dewan, bilik mesyuarat dan lain-lain? dan

9. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuat perancangan jangka pendek dan sederhana untuk menghasilkan pengeluaran beras, meneruskan usaha terhadap pengeluaran ternakan tempatan ruminan (kerbau, lembu dan kambing) masih di tahap yang rendah.

Soalan kaola, adakah usaha untuk meningkatkan pengeluaran beras dan pengeluaran ruminan ini dapat mencapai ke tahap sara diri dan bagaimana perancangannya, sedangkan kedua-dua jenis projek ini memerlukan tanah yang amat luas, di samping Jabatan Perhutanan mewartakan sekurang-kurangnya 55% hingga ke-78% untuk mengekalkan hutan Negara. Sekian, saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi : Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan sidang hadirin sekalian. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah pun memberi bantuan bagi membuka ladang untuk tanaman padi di seluruh Negara termasuklah ladang-ladang yang dibuka di Daerah Tutong seperti Kampung Tanjung Maya, Lubuk Gusi (Kampung Bakiau) dan Kampung Rambai.

Yang Berhormat Pengerusi, saya telah dimaklumkan ada antaranya tidak dapat diusahakan atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh ladang padi Tanjung Maya. Kawasan ini tidak dapat diusahakan untuk tanaman padi kerana tapak ladang ini sering ditenggalami air apabila musim banjir dan juga

ditenggelami oleh air pasang besar setiap tahun. Mengikut penduduk Kampung Tanjung Maya dan Lubuk Pulau mereka berpindah ke Kampung Lamunin untuk bertanam padi kerana kawasan di Lamunin adalah sesuai bagi tanaman padi sejak tahun 40-an dan sebab itulah mereka tidak berpadi di Kampung Tanjung Maya.

Yang Berhormat Pengerusi, oleh kerana pihak Kerajaan telah pun mengeluarkan peruntukan kewangan untuk membuka ladang padi di Kampung Tanjung Maya, maka saya mencadangkan supaya ladang atau kawasan yang diperuntukkan untuk tanaman padi yang tidak dapat diusahakan akan ditanam dengan pokok-pokok Rumbia kerana kelmarin ada dalam surat khabar mengatakan bahawa pokok Rumbia akan pupus di Daerah Tutong dan kekurangan pengeluaran sago pada masa ini.

Oleh kerana ia tidak dapat diusaha tanaman padi, maka, saya mencadangkan supaya kawasan tersebut ditanam pokok-pokok Rumbia. Sepanjang pengetahuan kaola, sepanjang Sungai Tutong ditanami sago dari Kampung Lubuk Pulau hingga ke Kampung Layong dan sago-sago tersebut dibuang ataupun dirosakkan kerana dibersihkan untuk mendalami Sungai Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi, satu lagi ladang padi iaitu di Lubuk Gusih. Ladang padi ini telah dibuka sejak 4 tahun lepas sehingga kini tidak mempunyai kemudahan, seperti pam air bagi membekal air di ladang berkenaan. Dari itu, adalah diharapkan supaya keperluan di ladang padi seperti air untuk tanaman padi akan dapat diadakan pada peladang-peladang Lubuk Gusih, Tutong. Dengan adanya bantuan kemudahan seperti yang disebutkan tadi, pam air, ianya akan menggalakkan para petani meningkatkan usaha-usaha mereka untuk menambahkan pengeluaran pada akan datang.

Satu lagi ladang padi yang telah dibuka oleh pihak berkenaan iaitu di kawasan Rambai. Adalah diharapkan supaya tanah yang sudah dibersihkan akan dapat diagih-agihkan kepada peladang-peladang di kawasan yang berkenaan supaya ianya dapat dimanfaatkan atau ditanami padi dengan hasrat pihak yang berkenaan mencapai pada misi asal, iaitu kawasan tersebut akan ditanam dengan padi. Mudah-mudahan dengan adanya tanah ladang yang sudah dibersihkan dan diagih-agihkan kepada petani-petani, kawasan berkenaan dan tanah tersebut tidak akan menjadi belukar semula. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan untuk berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula)

Yang Berhormat Pengerusi : Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini disambung semula dan masih lagi membincangkan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Setakat ini, 8 orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan dan cadangan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sama ada Yang Berhormat bersedia menjawabnya ataupun diteruskan lagi dalam 2 atau 3 orang supaya Yang Berhormat dapat memberikan jawapan kepada kesemua pertanyaan-pertanyaan itu.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama : Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, kedua-duanya boleh Yang Berhormat Pengerusi tetapi kalau dapat kaola jelaskan dahulu yang sejauh ini dipersoalkan supaya jangan terlupa nanti dan dapat abis kaola mengulanginya semula.

Yang Berhormat Pengerusi : Yang Berhormat akan menjawab pertanyaan atau cadangan dari 8 orang Ahli Yang Berhormat?

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama : Kaola akan menjawab sekarang Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi : Silakan, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama : Terlebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih kepada semua 8 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan. Daripada yang kaola perhatikan, hampir semua mengangkat tangan untuk menyoal Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih atas perhatian dan keinginan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Soalan pertama daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai pemeriksaan pam-pam stesen minyak. Ini akan abis kaola rundingkan dengan bahagian-bahagian yang tertentu terutama pembekal-pembekal minyak, Syarikat *Brunei Shell Marketing* (BSM).

Abis kaola di Kementerian cuma penyelaras bagi mengeluarkan lesen-lesen bahan bakar yang mengandungi beberapa agensi-agensi Kerajaan dan juga bukan Kerajaan seperti Syarikat *Brunei Shell Marketing* (BSM), Kementerian-Kementerian lain dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberikan pertimbangan bagi perkara-perkara yang akan dipohonkan. Kaola akan

membawakan perkara-perkara ini ke dalam pertimbangan mereka terutama tentang kekerapan mengadakan sukatan-sukatan oleh Bahagian Sukatan dan Timbangan dan juga kekerapan tentang penghantaran bekalan minyak. Kedua, mengenai Jadual Penghantaran Minyak pada waktu-waktu yang ditetapkan supaya tidak merugikan syarikat-syarikat penerima dan begitu juga dengan cadangan Yang Berhormat supaya memberikan kebenaran stesen-stesen untuk membeli *tanker-tanker*. Ini akan kaola sampaikan kepada yang berkenaan.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), memang Kementerian telah pun mengenal pasti beberapa perkara yang perlu diperbaiki di kalangan pegawai dan kakitangan PKS, terutama dalam menangani isu-isu kewangan.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah pun mengadakan beberapa kursus *Financial Management* dengan kerjasama bank-bank yang terlibat, iaitu *Bank Islam Brunei Berhad* dan *Bank Baiduri.* Ini juga akan dilaratkan kepada lain-lain, termasuklah Pegawai Ketua Eksekutif supaya akan menjalani kursus-kursus tersebut.

Dalam soalan yang sama juga daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah mengenai Pelan Induk PKS, supaya akan dimaklumkan kepada orang ramai, insya-Allah, apabila telah payu Pelan Induk ini, Kementerian akan membawa pelan ini kepada makluman *stakeholders* yang terlibat, iaitu PKS dan pihak-pihak Kerajaan. Pada masa ini, seperti kita ketahui, isu menangani PKS ini bukan sahaja di bawah tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tetapi juga melibatkan agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan dan juga lain-lain Kementerian dan sebagainya. Pada masa ini, dalam proses untuk melibatkan agensi-agensi secara lebih luas lagi.

Selanjutnya, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai ikan yu. Seperti yang disebutkan tadi, iaitu mulai dari tahun 2012 Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengisytiharkan larangan menangkap atau mendaratkan apa jua jenis ikan yu *(shark)* serta melarang pengimportan apa jua jenis produk ikan yu. Dengan pengisytiharan ini, mulai dari tahun ini 2014 produk-produk tersebut tidak akan dapat dijual lagi di Negara Brunei Darussalam ini.

Apa yang menyebabkan larangan itu, ialah kita telah mengkaji *trend* pendaratan ikan yu dari tahun 1994 semasa ia mula diambil hingga tahun 2011. Pada tahun 1994, pendaratan ikan yu adalah sebanyak 39.64 metrik *tan* tetapi pada tahun 2011 pendaratan cuma dalam 16.39 tan metrik. Ini lebih

jauh berkurangan dalam masa yang singkat.

Pada tahun 1989 hingga tahun 1990 terdapat 10 spesis ikan yu di perairan Negara Brunei Darussalam. Tetapi pada tahun 2006, sebanyak 60% daripada 10 spesis itu telah tidak dijumpai lagi di perairan Negara Brunei Darussalam, ertinya sama sekali tidak ada ikan yu, sudah pupus dalam perairan Negara Brunei Darussalam.

Daripada kaji selidik biodiversiti marin di 'takat-takat' kerang yang dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2008 hingga 2009, telah tidak lagi menjumpai ikan yu di kawasan-kawasan tersebut. Ini menunjukkan terjadinya kekurangan pemangsa *(predators)* seperti ikan yu dalam rangkaian makanan ataupun *food chain* dan *food web* yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekosistem marin di perairan Negara Brunei Darussalam.

Jika tidak diambil tindakan membendung kekurangan ikan yu ini, implikasinya ialah ekosistem marin tidak akan seimbang kerana terjadinya peningkatan bilangan ikan di tahap bawah rangkaian makanan yang akan memakan tumbuhan secara berlebihan. Apabila berlakunya sedemikian, persaingan ikan-ikan dan organisme marin yang lain meningkat dan akan mengakibatkan pertukaran daripada sistem makanan 'takat' kerang kepada sistem makanan *Algae dominated system*.

Oleh yang demikian, dengan adanya ikan yu, ianya akan dapat membantu mengimbangi ekosistem marin termasuk *sea grass beds* dan 'takat-takat' kerang dan seterusnya memperkayakan sumber perikanan marin di perairan Negara ini.

Bagi menjawab soalan kedua, mengenai keberkesanan tindakan ini, sejauh ini di Negara Brunei Darussalam tidak dapat penangkapan ikan yu khusus ataupun *target fishery for shark*. Walau bagaimanapun, penangkapan *incidental* atau *by catch* berlaku iaitu ikan yu tertangkap di antara ikan-ikan lain.

Dalam hal ini, pihak Jabatan Perikanan menasihatkan nelayan berkenaan supaya ikan yu yang tertangkap dibuang semula ke laut. Setakat ini, memang terdapat penjualan ikan-ikan yu di pasar-pasar secara berkala. Pihak Jabatan Perikanan akan sentiasa memantau aktiviti ini secara berterusan. Pengimportan ikan yu yang telah berproses tidak lagi dibenarkan mulai sejak 2012. Mengikut pemantauan Jabatan Perikanan dan pihak Kementerian Kesihatan, sehingga kini tidak ada kemasukan bahan berkenaan.

Kaola ingin mengambil kesempatan ini, dalam menjawab soalan Ke-3, apakah saranan pihak Kementerian kepada orang ramai? Kaola, sempena berada di Dewan yang mulia ini merayu kepada orang ramai dan orang-orang perseorangan supaya bekerjasama dengan pihak Kerajaan memelihara alam sekitar bagi memastikan ianya tidak tercemar dan ekosistem tidak terjejas.

Kerjasama orang ramai akan memudahkan pihak Kerajaan menjalankan atau melaksanakan tugas ini. Antara yang boleh dibuat oleh orang ramai untuk membantu Kerajaan, ialah :

1. Memberhentikan memakan ikan yu yang segar dan yang diproses. Tidak ada bukti menyatakan bahawa memakan ikan yu itu ataupun siripnya lebih baik daripada memakan ikan-ikan lain. Malahan terdapat kesan-kesan logam merkuri dan *lead* yang tinggi pada sirip-sirip yu kalau kita tidak waspada memakan sirip *(sharks fin)* itu.

2. Juga memaklumkan kepada pihak Kerajaan, jika aktiviti penangkapan dan penjualan didapati di Negara ini. Insya-Allah, dengan tindakan yang demikian, Negara Brunei Darussalam akan dapat berjaya memelihara kestabilan ekosistem marin. Dengan ini juga, jumlah ikan akan meningkat dan mengkayakan lagi khazanah laut Negara.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, iaitu isu binatang liar untuk mencadangkan menubuhkan satu agensi. Binatang liar, memang sudah ada satu Bahagian Hidupan Liar dan dalam peruntukan baru ini ada satu jawatan baru Pegawai Haiwan B3, dipohonkan diluluskan untuk ditetapkan di Bahagian Hidupan Liar ini.

Di samping itu, Kementerian juga sedang menimbangkan satu kawasan di Sinaut untuk dijadikan tempat *Wild Life Sanctuary* (tempat pemulihan balik binatang liar yang ditangkap ataupun dipelihara). Pada masa ini telah dikenal pasti kawasan tersebut dan akan dijadikan satu kawasan khas Kampung Batang Mitus insya-Allah, seperti yang diharapkan adalah tempat untuk mengeluarkan ruminan dan binatang-binatang ternakan, insya-Allah pada tahun ini, satu *Master Plan* akan disiapkan. Setelah dilaksanakan, setelah dikenal pasti dan di*roadshow*kan, akan dibukakan kepada pengusaha-pengusaha berskala besar, seperti saya sebutkan dan juga kepada Pengusaha-Pengusaha Kecil dan Sederhana yang akan dapat mengeluarkan secara kontrak.

Masih lagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai Pelancongan di mana usaha berterusan untuk meningkatkan perkembangan pelancongan di Negara Brunei Darussalam ini, terutamanya dalam penjenamaan *(branding)* Kenali Negara Kitani (KNK), akan diperbaharui dan akan ditingkatkan produk-produk yang terkandung dalam KNK tersebut supaya ia lebih menyerlah. KNK memang menyerlah, memang telah berjaya sebagai satu jenama *(brand)*. Kita akan teruskan *brand* itu dan akan ditambahkan lagi produk-produk di bawah KNK.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, perhutanan sama ada dapat dilakukan pembayaran di Daerah Temburong. Insya-Allah abis kaola, akan berunding dengan Jabatan

Audit, Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan perkara ini dapat dilakukan sama ada secara pembayaran *on-line* ataupun sebagainya. Tapi, kalau secara membayar *cash* terpaksa wang tunai itu dibawa balik untuk dimasukkan dalam *pettycash* Jabatan Perhutanan pada hari itu juga. Itulah keperluan kewangan (Financial Regulation FR), bukan disebabkan oleh keperluan-keperluan lain. Ini akan abis kaola pertimbangkan kalau sekiranya sesuai untuk dibayar di daerah-daerah bagi pembayaran pokok dan sebagainya.

Jangka panjang hutan balak dan pokok-pokok ini masih dikawal. Jabatan Perhutanan, memang ada satu Bahagian Silbikultur yang berusaha untuk menanam dan menghidupkan balik pokok-pokok tersebut Jabatan Perhutanan pada masa ini telah mengenal pasti dua kawasan sungai, Sungai Belait dan Sungai Tutong sebagai satu kawasan penanaman hutan secara *plantation* dipanggilkan *plantation forestry* yang penanamannya dan pembalakannya adalah lebih teratur dan lebih terkawal. Pada masa ini, usaha untuk mengkayakan *inter riverine zone* (zon antara dua sungai) Sungai Belait dan Sungai Tutong itu diperkayakan dengan hutan-hutan yang bernilai dan boleh dibalak.

Soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan ikan air tawar di Temburong, memang kepupusan itu dikenal pasti disebabkan oleh pencemaran di kawasan-kawasan tersebut. Kementerian melalui Jabatan Perikanan memang memantau keadaan tersebut dan berusaha untuk mengenal pasti beberapa kawasan yang boleh dilepaskan anak-anak ikan di Temburong supaya ia pulih dan dapat diperkayakan melalui memasukkan benih-benih ataupun anak ikan di sana.

Di samping itu juga, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama khususnya sedang menilai dan mengkaji habitat serta cara penetasan ikan-ikan air tawar ini dan cara pemeliharaan ikan-ikan air tawar ini supaya ia lebih teratur dan tidak secara liar. Ertinya, menggunakan *system inland pond* dan mengenal pasti waktu-waktu penetasan yang boleh mengawal jumlah-jumlah ikan yang akan dilepaskan.

Mengenai kegiatan merambat di kawasan-kawasan tersebut, pada satu masa dahulu, abis kaola ada menerima permohonan supaya nelayan-nelayan dari Temburong dibenarkan untuk menangkap ikan di anak-anak Sungai Temburong. Sekarang, abis kaola terpaksa menimbangkan sama ada untuk melarang mereka ataupun menghadkan kepada jumlah-jumlah tertentu supaya menggunakan cara yang *sustainable*. Ini akan dihadkan kesesuaiannya, sebab yang sebenarnya merambat itu adalah sebahagiannya kalau dilakukan oleh orang-orang daripada Negara Brunei Darussalam, kebanyakannya secara teratur dan separuh masa, bukannya *full time*.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin

Haji Ahad, kawasan yang dikenal pasti dapat didatangkan tali air adalah di Kampung Selapun dan di Kampung Perdayan. Kita masa ini masih menimbangkan untuk mendatangkan pengairan ke kawasan Kemajuan Pertanian Perdayan.

Berkaitan dengan perkara ini, iaitu usaha untuk mencapai keselamatan alam sekitar, adakah telah dinilai? Ini adalah salah satu daripada usaha Kementerian mempastikan air yang keluar daripada ladang-ladang pertanian di Daerah Temburong itu tidak akan mencemarkan sungai-sungai Daerah Temburong. Pembukaan tanah-tanah di Temburong untuk pertanian adalah dihadkan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai pengairan yang cepat seperti Sungai Selapun yang deras dan cepat supaya kesan-kesan kimia akan dapat cair dan lari tanpa menjejaskan hidupan di sana.

Di kawasan Perdayan, kalau sekiranya kita menggunakan sistem yang intensif di mana baja kimia adalah lebih tinggi, mungkin akan menjejaskan alam sekitar di kawasan tersebut. Di Temburong, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, ingin supaya ia lebih menjurus kepada penanaman padi secara tradisi dan bukan secara moden ataupun *hybrid*. Sebab penanaman padi secara *hybrid* akan menggunakan bahan-bahan kimia yang lebih tinggi dan mungkin akan menjejaskan kawasan-kawasan di Daerah Temburong.

Walau macam manapun, seperti yang saya sebutkan tadi, dan juga pada menjawab soalan bertulis hari itu, Kampung Selapun telah dikenal pasti sebagai ladang padi secara *hybrid* (moden) dan pengairannya telah pun siap, manakala di Kampung Perdayan dan tempat lain itu akan dinilai kesesuaiannya.

Kekurangan pekerjaan di Temburong diakui dan insya-Allah dengan terbukanya Jambatan Baru dan juga dengan beberapa kegiatan lain di Daerah Temburong, peluang-peluang pekerjaan akan dapat terbuka di sana dan pertanian adalah salah satu daripada sektor yang boleh menjana pekerjaan yang lebih tinggi dibandingkan dengan sektor-sektor lain. Insya-Allah, kalau sekiranya ini berjaya, akan dapat menangani masalah pengangguran di Daerah Temburong. Pada masa ini peladang-peladang dari sekolah-sekolah telah pun dikenalkan dengan cara-cara penanaman yang lebih moden dan sebagainya.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, tentang statistik PKS Wanita dan juga ibu tunggal, sejauh ini, ada didaftarkan 161 PKS makanan yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha wanita sahaja, Daerah Brunei Muara dalam 108, Kuala Belait 16, Tutong 19 dan Temburong 18. Di samping itu Biro Wanita, 6 buah Biro Wanita (kumpulan wanita) yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, 2 di Daerah Kuala Belait, 3 di Daerah Temburong dan 1 di Daerah Brunei dan Muara. Memang salah satu usaha untuk memastikan *inclusive development*

supaya sektor-sektor atau pun bahagian-bahagian seperti wanita dan yang lain ini dimasukkan dalam mana-mana perkembangan Negara.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, mengenai Hutan Simpan Logam Katok, yang sebenarnya adalah satu kawasan *state land* (tanah negeri) bukannya Kawasan Hutan Simpanan. Kawalannya akan abis kaola maklumkan kepada rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai dengan hutan ini seperti Yang Berhormat sarankan memandangkan ia di dalam kawasan bandar. Adalah sesuai ia dipelihara dan dikekalkan sebagai tempat untuk kaji selidik, tempat lawatan dan sebagainya.

'Takat' seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memang kebanyakan dirosakkan oleh pukat-pukat tunda, sauh-sauh perahu dan juga cara-cara penangkapan ikan yang tidak *sustainable*, seperti penggunaan racun, bahan-bahan letupan dan sebagainya. Yang sebenarnya, pada masa ini, ada satu pihak swasta yang terlibat dalam projek penanaman semula. Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memberikan sokongan penuh kepada usaha pihak swasta ini dengan memanggil bukan sahaja para penyelam kerana usaha ini akan melibatkan orang yang bukan penyelam dan juga para penyelam. Ini dilaratkan kepada sekolah-sekolah juga supaya dapat terlibat dalam usaha untuk menanam balik 'takat' ini.

Beredar kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai perikanan di Sungai Telamba kekurangan kehidupan marin, disebabkan oleh pencemaran di ulu sungai, ini akan abis kaola teliti dan kaola selidiki dan akan kaola lihat macam mana caranya untuk mengurangkan pencemaran tersebut.

Yang Berhormat juga bertanya tentang projek pemulihan penyu. Jadi yang dapat abis kaola kongsikan daripada ia diperkenalkan dalam tahun 2000 hingga pada masa ini, Jabatan Perikanan telah dapat melepaskan dalam 5,000 ekor anak penyu ke laut.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, sama ada syarikat-syarikat seperti yang membuat ubat, *Syarikat GLC*, *Arang Batu 88* dan yang membuat makanan ayam di Serasa, peluang-peluang boleh disertai oleh pelabur-pelabur tempatan. Syarikat-Syarikat Kerajaan mengikut garis pandu masing-masing, Arang Batu 88 adalah Syarikat Persendirian yang berdaftar sebagai Syarikat Persendirian dan juga *Consortium* yang mengeluarkan makanan ayam, adalah Syarikat Persendirian yang mengikut peraturan-peraturan tertentu. Sekiranya ada, mungkin dilakukan secara teratur, walau macam manapun kalau sekiranya ada peluang untuk pelabur-pelabur tempatan akan digalakkan dan diselaraskan oleh pihak Kementerian.

Pokok-pokok herba banyak terdapat di Negara Brunei Darussalam, adakah

kajian saintifik terhadapnya? Kaola telah dimaklumkan oleh rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri akan menerangkan nanti mengenai Projek-Projek Kajian Herba ini di Universiti Brunei Darussalam.

Seterusnya soalan mengenai Daerah Tutong, Mukim Rambai. Apakah perkembangan tapak tersebut, yang melibatkan kawasan-kawasan padi di Kampung Rambai, abis kaola pada suatu waktu dahulu bersedia untuk membuka tetapi disebabkan kawasan tersebut sering didalami oleh air dan abis kaola telah dimaklumkan bahawa ia terkandung di dalam tadahan air. Abis kaola dalam keadaan tersebut tidak begitu menggalakkan untuk dijadikan tempat kawasan bertanam padi kerana ditakut nanti pencemaran daripada kimia, baja dan sebagainya akan menjejaskan bahan minuman Negara. Kawasan Kampung Rambai, bagi penanaman padi telah pun abis kaola batalkan dan tidaklah dapat dijadikan untuk diagih-agihkan kepada para peladang di Daerah Tutong.

Sementara Kawasan KKP, yang disebutkan oleh Yang Berhormat, di Penyatang di belakang *station satelite* dan taman rekreasi, ini sebenarnya telah dikenal pasti oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Negara Brunei Darussalam untuk dijadikan satu taman, jadi sekiranya dibenarkan untuk bertanam buah seperti sekoi mungkin pada jangka pendek sahaja dan bukan untuk satu masa yang panjang, kerana apabila diperlukan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Negara Brunei Darussalam, ia terpaksa akan diambil balik dan seperti yang kaola maklumi ini adalah dalam kawasan yang dimajukan, bukan satu kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan pertanian.

Soalan Yang Berhormat seterusnya, adakah di daerah lain juga KKP akan dilaratkan dalam pengeluaran *certified seeds* dan sebagainya? Pada masa ini, tujuan utama ialah memastikan pengeluaran benih-benih padi yang disahkan. Ertinya, jika sekiranya benih padi itu sah, maka hasil yang akan keluar daripada benih-benih padi itu akan lebih mencapai *yield* ataupun pengeluaran yang dihasratkan. Jadi, apabila ini dapat dilaratkan, insya-Allah akan kaola laratkan. Kementerian ini akan melaratkan ke daerah-daerah lain tetapi pengeluaran benih padi tidaklah seluas pengeluaran beras biasa, sebab ia cuma mengeluarkan benih sahaja, yang memerlukan masa paling lama pun dalam 20 hari Ke-30 hari. Kawasan itu, kawasan yang paling kecil, bukan untuk mengeluarkan pengeluaran beras tapi untuk mengeluarkan benih sahaja. Tidaklah dapat dilaratkan kepada semua daerah dan dikenal pasti daerah-daerah itu adalah daerah-daerah yang mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan penyamaian dan sebagainya. Jikalau adanya kesesuaian, mungkin akan dipertimbangkan.

Kerjasama dengan *Republic Democratic Socialist Vietnam*, kita telah mengenal pasti beberapa jenis padi yang sesuai

bagi Negara Brunei Darussalam. Memandangkan keadaan kesesuaian tanah-tanah di Negara Brunei Darussalam ini yang dikenal pasti sebagai tanah *acidic* dan tanahnya dikira masam. Ertinya, adalah tidak sesuai untuk bertanam tetapi usaha dengan *Republic Democratic Socialist Vietnam*, beberapa jenis padi telah dapat tumbuh dalam keadaan tanah yang masam yang *acidic* itu. Kita telah mengenal pasti beberapa *variety* beras ataupun padi yang boleh dikembangmajukan dalam kawasan tersebut.

Seterusnya, sumber alam semula jadi jadi aset Negara. Memang ini telah dikenal pasti dan bahagian hidupan liar telah ditubuhkan pada tahun 2012. Memang ini adalah satu usaha untuk menangani masalah-masalah alam sekitar dan sebagainya. Pada peringkat awal ini, Bahagian Hidupan Luar ini berusaha untuk menyebarluaskan maklumat mengenai jenis-jenis binatang yang dianggap akan pupus dan dilarang untuk diperdagangkan. Jerayawara telah banyak dilakukan di sekolah-sekolah dan juga di daerah-daerah. Pada satu masa nanti, Bahagian Hidupan Liar ini akan diberi kuasa untuk mengadakan penangkapan apabila telah ada perundangan yang tertentu dan ada Pegawai-Pegawai yang akan diberikan. Pada tahun ini, telah ada satu jawatan Bahagian Hidupan Liar dan dengan pegawai tersebut usaha-usaha menguatkuasakan undang-undang, akan dapat dijalankan. Pada peringkat awal ini, usaha-usaha untuk memaklumkan atau menjerayawarakan maklumat mengenai hidupan liar Negara Brunei Darussalam.

Perkembangan selanjutnya, tentang *Heart of Borneo*, alhamdulillah, ini panjang ceritanya. Secara ringkas, pada masa ini, kita banyak membuat penyelidikan mengenai hidupan-hidupan di kawasan-kawasan *Heart of Borneo*. Ini adalah usaha untuk mengenal pasti terlebih dahulu untuk mendapatkan maklumat-maklumat asas (*baseline data)* tentang keadaan di kawasan-kawasan *Heart of Borneo* Negara Brunei Darussalam.

Insya-Allah, dengan *baseline data* ini ataupun maklumat-maklumat asas akan dapat mengenal pasti dan membandingkan kesan-kesan kepada kawasan Nadi Borneo. Kita sedang berusaha dengan negara-negara lain untuk mendapatkan bantuan dan sebagainya. Itu, secara ringkas, jika diperlukan abis kaola boleh mengadakan satu penerangan ataupun maklumat mengenai *Heart of Borneo* ini. Mungkin mengambil masa untuk menerangkan secara mendalam.

Taman Rekreasi di Tumpuan Telisai ini, betul, ada satu taman rekreasi di sana, keluasannya 1 hektar sahaja. Ada satu pejabat Jabatan Perhutanan dan seperti yang dimaklumkan kawasan tersebut kebanyakannya digunakan, untuk majlis-majlis keramaian. Jika ada keperluan untuk menjadikannya sebagai satu kawasan lebih besar, Jabatan Perhutanan terpaksa mendapatkan kawasan lebih luas lagi. Tetapi, pada masa ini cuma 1 hektar sahaja.

Masih lagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu sama ada pengeluaran beras dan ruminan tercapai masih lagi dalam penilaian dan penelitian. Sejauh ini, peningkatan, alhamdulillah, telah dapat dilakukan dalam pengeluaran beras dan ruminan. Seperti yang saya terangkan awal, kita telah mengenal pasti Batang Mitus seluas 1,000 hektar untuk dijadikan pengeluaran binatang-binatang ternakan.

Seterusnya, saya beredar kepada soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Kampung Tanjung Maya, sering dibanjiri dan kemasukan air-air masin ataupun air pasang daripada laut ini menjejaskan pengusaha-pengusaha daripada mendapatkan pengeluaran yang tinggi. Di Lamunin ini akan kaola lihat macam mana kesesuaiannya, tetapi memang dikesan di Kampung Tanjung Maya itu, air daripada laut telah mula menaiki kawasan-kawasan ulu di Sungai Tutong. Kaola pada masa ini, dengan bantuan ITB membuat kajian tentang macam mana usaha untuk mengurangkan kemasukan air masin dari laut ke sungai-sungai di Tutong itu. Walau macam manapun, Yang Berhormat tadi telah mencadangkan supaya diusahakan dengan pokok-pokok rumbia. Ini abis kaola akan nilai tentang kesesuaiannya untuk bertanam pokok-pokok rumbia di kawasan-kawasan Kampung Tanjung Maya itu. Pada masa ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat hasil dari bahan-bahan pokok rumbia telah berkurangan.

Di Lubuk Gusi, 4 tahun lalu telah dibuka dan ini akan diusahakan untuk dijadikan tempat pengeluaran yang melibatkan kerjasama dengan ITB terutamanya tentang mendatangkan pengaliran air dan sebagainya dan mengurangkan kesan-kesan kemasukan air pasang air masin dari laut ke kawasan-kawsan tersebut. Kawasan Rambai seperti yang disebutkan tadi, tidak dapat diagih-agihkan pada masa ini, memang telah pun dibatalkan dan kementerian telahpun menutup kawasan tersebut untuk dijadikan tempat pengeluaran beras memandangkan ianya dalam kawasan-kawasan tadahan air minuman. Secara ringkas, sebagai jawapan kepada 8 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankusa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula.

Persidangan Majlis mesyuarat ini ditangguhkan dan insya Allah, kita akan bersidang lagi pada esok hari (hari Rabu, 17 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 19 Mac 2014 Masihi pada pukul 9.30 pagi). Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Rabu, 17 Jamadilawal 1435 / 19 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), (Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (**Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR :

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN :

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB, PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH :

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darusslam bersidang bagi hari kesepuluh, hari Rabu, 17 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 19 Mac 2014 Masihi, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia, rahmat serta keizinan-Nya jua, kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kesepuluh. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa. Hingga ke hari ini, perbincangan di peringkat Jawatankuasa telah meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual 6 buah kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri.

Maka, untuk membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu persatu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ali Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula untuk menyambung perbincangan mengenai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum meneruskan perbincangan yang telah ditangguhkan pada sebelah petang kelmarin, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat penyataan terhadap soalan-soalan yang belum sempat dijawab semasa membincangkan kementerian berkenaan, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola diberi kesempatan untuk memberikan penjelasan kepada beberapa soalan yang belum dijelaskan atau beberapa cadangan daripada sebahagian Ahli Yang Berhormat semasa membahaskan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri beberapa hari yang lalu.

Berhubung dengan *CI* (Surat Perjalanan) Brunei yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad wakil dari Daerah Temburong, di*scan* sahaja dan tidak perlu dicap sebagaimana pasport Brunei ia di*scan*. Kaola berjanji tempoh hari untuk menyiasat perkara ini Yang Berhormat Pengerusi, sama ada ia ada hubungan dengan *FTF (Frequent Travel Facilities)* ataupun Kemudahan Perjalanan Kerap. Memang betul, ia ada hubungan dengan *FTF* dan kerana itu kaola ingin menjelaskan bahawa *FTF* adalah suatu kemudahan yang dipersetujui bersama kedua-dua belah pihak Imigresen, Imigresen Malaysia dan Imigresen Brunei bagi pemegang-pemegang pasport Brunei atau pemegang-pemegang kebangsaan Brunei dan kebangsaan Malaysia iaitu Warganegara Brunei dan Warganegara Malaysia menggunakan kemudahan ini bagi melintasi kawasan-kawasan sempadan yang ada Pos Kawalan.

Pelaksanaannya pada masa ini yang sudah dimulakan daripada 1 Mac 2012 ialah setakat Sungai Tujuh, Miri, Kuala Lurah, Tedungan, Pendaruan, Ujung Jalan manakala Labu, Mengkalap dan Terminal Serasa, Labuan belum lagi diliputi oleh *FTF* ini. Ia akan masuk fasa ke-2 yang mana dijangkakan akan dapat dilakukan dalam tahun ini, insya-Allah apabila sudah kedua-dua belah pihak bersetuju kerana ia mesti dilaksanakan oleh kedua-dua pihak tidak boleh dilaksanakan oleh satu pihak saja.

Nyatalah bahawa kemudahan ini hanya diberikan kepada warganegara iaitu pemegang-pemegang pasport kebangsaan Malaysia dan pasport kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan tidak diberikan kepada Penduduk-Penduduk Tetap sama ada Penduduk Tetap Malaysia sendiri pemegang *CI* Malaysia atau *CI* Brunei.

Kaola ingin menambah setakat ini hampir 3,000 pemohon dan sebanyak 800 lebih masih menunggu kelulusan dari pihak Malaysia. Maknanya kemudahan ini digunakan dengan sebaik-baiknya oleh warganegara Brunei dan warganegara Malaysia yang memerlukan perjalanan kerap antara pos-pos kawalan tersebut. Kementerian melalui Jabatan Imigresen ingin menyeru kepada orang ramai, iaitu Warganegara Brunei yang mahu menggunakan kemudahan ini bolehlah memohonnya sama ada datang ke pejabat ataupun melalui *website* Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Kaola ingin jelaskan di sini, ialah berhubung sama ada pihak Imigresen mempunyai *database* untuk merekodkan mengenai penduduk dan rakyat Negara ini. Kaola menjawab kepada Soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal yang mengemukakan perkara ini.

Memanglah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mempunyai kemudahan sedemikian itu dan kemudahan itu jelas apabila kita mempunyai kad pengenalan *(IC),* menerusi kad pengenalan. Jadi menerusi Kad Pengenalan itu, semua rakyat dan penduduk atau pendatang yang secara sah berada di Negara ini direkodkan, bukan sahaja namanya, alamatnya bahkan juga cap jarinya.

Begitu juga, menerusi rekod keluar masuk seseorang di pos-pos kawalan Imigresen, ada rekod-rekodnya. Cuma, kaola mengakui bahawa masih ada ruang untuk diperbaiki dan dipertingkatkan yang memerlukan pelaburan selanjutnya; dan

Kaola salah faham waktu merespons kepada ulasan atau percakapan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman menyebutkan pos kawalan. Kaola mendengar di sini Pos Kawalan Kuala Lurah, kaola bercakap pun pasal Kuala Lurah. Tapi yang dimaksudkannya supaya Pos Kawalan Labu hendaklah mengambil kira dengan perkembangan - perkembangan yang akan berlaku dengan adanya, sudah ada kemudahan di Pendaruan, Ujung Jalan dan akan ada lagi kemudahan laluan dengan adanya jambatan yang menghubungkan Daerah Brunei Muara dengan Temburong.

Kaola ingin menyatakan bahawa sebenarnya Pos Kawalan Labu sudah termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN10). Pada masa ini dalam peringkat spesifikasinya dengan pihak-pihak yang berkenaan. Maka sudah setentunyalah, sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, perkara-perkara *volume,* kemungkinan perkembangan selanjutnya memanglah akan diambil kira dalam pembinaan pos kawalan berkenaan. Terima kasih.

Seterusnya berhubung dengan pasport yang hilang dan pasport yang dicuri. Jadi, kaola hari itu, meminta tempoh untuk mencek kerana pada ingatan kaola perkara ini ada pengecualian. Sebenarnya, memang kedudukannya, dari segi undang-undang passport yang hilang ataupun yang dicuri,

memang dikenakan *surcharge.* Mengapa ia dikenakan, dari segi undang-undang tentulah ada hikmahnya, ada tujuannya, supaya pasport itu dijaga dengan sebaik-baiknya. Kalau tidak dikenakan sebarang *surcharge*, senang-senang saja hilang apa semua sekali. Risiko hilang pasport sama ada ia dicuri, pencuri menyalahgunakannya, sama ada ia hilang atau tercicir, yang menemuinya melihat ada kegunaan untuk dirinya, juga akan disalahgunakan. Maka, tanggungjawab untuk memelihara pasport itu dibebankanlah kepada pemegang-pemegangnya, apabila hilang atau dicuri, pemegang kenalah membayar denda *(surcharge).*

Adapun apabila hilang kerana hangus kebakaran, kerana bencana, itu adalah dikecualikan. Asal ada pengesahan daripada pihak-pihak atau agensi-agensi berkenaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat dan juga Ketua Kampung atau Penghulu.

Penjelasan seterusnya ialah berhubung dengan yang disuarakan, supaya ditimbangkan Elaun Khas bagi Ketua-Ketua Kampung atau Penghulu-Penghulu yang memegang amanah menerima bayaran-bayaran Pencen Tua dan bayaran-bayaran Bantuan Kebajikan untuk diberikan kepada anak buah mereka kerana sebahagiannya adalah dalam jumlah yang besar. Dalam hal ini, kaola ingin menyatakan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri meneliti isunya ialah tanggungjawab. Memanglah Ketua Kampung dan Penghulu sendiri tahu bahawa jawatan mereka itu memberi mereka tanggungjawab untuk berkhidmat kepada anak buah masing-masing. Kaola faham, mereka melaksanakannya dengan baik perkara ini.

Isu Elaun Khas, berhubung dengan bayaran atau wang yang mereka terima dan diagihkan dalam jumlah yang banyak, timbul di sana ialah keselamatan, bukan dari segi tanggungjawabnya lagi. Tanggungjawabnya sudah nyata, tanggungjawab masing-masing kepada anak buahnya, tetapi dari segi keselamatan ialah keselamatan wang itu dan keselamatan diri mereka.

Oleh yang demikian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, mengambil keputusan bukan dengan memberikan elaun tetapi memberikan Perlindungan Takaful. Insya Allah, Perlindungan Takaful akan diberikan mulai Tahun Kewangan ini bagi melindungi Penghulu-Penghulu dan Ketua Kampung dalam konteks iaitu Takaful Kewangan dan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok.

Kalau dapat kaola menyebutkan bukan *detail*nya, sebahagian daripadanya ialah adapun Takaful Kewangan, ia merupakan perlindungan bagi Takaful kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang berdasarkan kepada jumlah kewangan yang dipegang oleh mereka. Ini ada disebutkan dalam jumlah kewangan sekian-sekian banyak, seperti berikut iaitu:

- Perlindungan bagi $30,000.00 dengan sumbangan berjumlah $90.00 seorang bukan ditanggung atau dibayar oleh Ketua Kampung, Penghulu atau Ketua Rumah

Panjang, ia akan dibayar oleh Kerajaan. Iaitu, bagi Ketua Kampung yang mengendalikan wang Bantuan Kebajikan dan wang Pencen sebanyak $70,000.00 iaitu seramai jumlah mereka dianggarkan 130 orang.

- Manakala, perlindungan bagi $70,000.00 dengan sumbangan berjumlah $210.00 seorang setahun ialah bagi mereka yang mengendalikan Wang Bantuan Kebajikan dan Wang Pencen sebanyak $70,000.00 ke atas, mereka ini seramai 18 orang sahaja. Itu, Takaful Kewangannya.

- Sementara Takaful Kemalangan Diri Berkelompok ialah Perlindungan bagi $30,000.00 dengan sumbangan berjumlah $21.75 seorang, akan memberikan Perlindungan Kematian disebabkan kemalangan, kekhilatan kekal sepenuhnya disebabkan kemalangan dan mereka yang dilindungi adalah seramai 173 orang dan tidak mengambil kira akan jumlah kewangan yang dibawa.

Pada masa ini, terdapat 173 orang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang seluruh Negara yang dilantik. Dari jumlah tersebut 148 orang telah diberikan amanah dan tanggungjawab pada setiap bulan bagi mengagih-agihkan Pencen Tua dan Bantuan Kebajikan.

Pada keseluruhannya, dalam perangkaan pada masa ini, ada sejumlah keseluruhan kewangan yang dipegang oleh mereka seramai 148 orang ini ialah sebanyak $6,625,280.00 setiap bulan. Jumlah kewangannya ini adalah dilindungi secara Takaful dan Keselamatan Ketua Kampung, Penghulu dan Ketua-Ketua Rumah Panjang adalah dilindungi oleh Takaful Kemalangan Diri Berkelompok.

Itulah pendekatan yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyelesaikan isu berkenaan dan bukannya tanggungjawab untuk diberikan elaun tambahan, kerana tanggungjawab itu sudah nyata diketahui oleh setiap Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang. Mereka adalah bertanggungjawab berkhidmat kepada anak buah mereka, tetapi isunya ialah keselamatan wang dan keselamatan diri mereka lalu bagi mengatasinya ialah dengan cara membuat takaful berkenaan.

Seterusnya, berhubung dengan wang *deposit* mendapatkan pembantu rumah supaya dibebankan kepada agensi pekerjaan. Kaola telah menyatakan akan menyiasat perkara ini dan hasil penyiasatan kaola, rupanya ternyata wang deposit bagi mendatangkan pembantu rumah sebenarnya dibayar oleh bakal majikan kepada agensi di sini. Tetapi wang *deposit* itu dibayar kepada agensi di luar negeri.

Kalau pembantu rumah dari Indonesia dibayar kepada agensi di negara itu, dan pembantu rumah berasal dari Philippines kepada agensi pembantu di Philippines dan wang *deposit* itu sebenarnya, bukan cuma-Cuma. Ia merupakan hutang pekerja kepada majikannya bagi bayaran tambang bakal

pekerja itu daripada tempatnya, kampungnya, ke tempat kediaman sementara, sebelum berangkat ke Brunei dan tiket penerbangannya sampai ke Brunei, dan juga beberapa caj-caj yang lain yang dikenakan oleh agensi di kedua-dua negara itu.

Kalau mengikut *survey* yang dibuat oleh Jabatan Buruh, kalau agensi itu Indonesia dikenakan oleh agensi Indonesia, wang *deposit* itu sebanyak $1,700.00 meliputi tambang dan sebagainya. Kalau agensi di Philippines ialah sebanyak $1,500.00, manakala agensi tempatan bagi pekerja Indonesia sebanyak $900.00 dibayar sementara bagi Philippines $1,300.00 Menjadikan masing-masing jumlah bagi seorang pekerja pembantu rumah tangga Indonesia untuk datang ke Brunei sebanyak $2,600.00 dan bagi Philippines datang ke mari sebanyak $2,800.00 Memanglah di luar kuasa Jabatan Buruh untuk mengatur atau memindahkan bebanan ini kepada agensi untuk mengadakan bayaran sebanyak itu, bagi mendatangkan pekerja kerana majikan sendiri yang memerlukan pekerja.

Maka, *deposit* yang diperlukan untuk mendatangkannya itu berupa bayaran-bayaran tambang dan caj-caj yang lain adalah tanggungjawab majikan yang mana dikira hutang kepada majikan. Tinggal lagi, jika terjadi perkara-perkara yang tidak diingini, maka dalam hal inilah kegunaan agensi pekerjaan yang berlesen. Majikan hendaklah mendapatkan pekerja luar negeri melalui agensi pekerjaan yang berlesen yang membolehkan mereka mengatakan 'Aku Janji' atau perjanjian yang berbutir secara bertulis mengenai syarat-syarat yang patut dikenakan kepada majikan yang akan mereka tanggung dan syarat yang patut ditanggung oleh agensi pekerjaan di sini.

Berdasarkan perjanjian itu, sekiranya terjadi di luar daripada perjanjian dan menyalahi perjanjian itu, maka majikan boleh membuat aduan kepada pihak Jabatan Buruh untuk diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Isunya sekarang, ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri meneliti perkara ini. Memanglah, perkara ini menjadi beban kepada orang ramai yang berkehendakkan pembantu-pembantu rumah tangga dari luar negeri. Kitani hendaklah berfikir secara rasional, iaitu meletakkan diri kitani berfikir secara seimbang, iaitu kita sebagai majikan yang memerlukan.

Dalam proses ini, ada risiko-risikonya, kitani mestilah bersedia untuk menerima risiko-risiko itu, cuma untuk mengurangkan risiko-risiko tersebut kita mestilah mempunyai usaha, sebagaimana yang kaola katakan, dengan membuat 'Aku Janji' yang terang dan jelas berbutir dan bertulis dengan agensi-agensi pekerjaan yang ada di sini.

Demikianlah yang kaola dapat nyatakan dan kaola mengucapkan terima kasih banyak-banyak memakan masa sedikit pada pagi ini. Mudah-mudahan apa yang kaola nyatakan itu dapat menjawab perkara-perkara yang sebelumnya yang belum dapat dijawab, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang ingin memberikan dan membuat ucapan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memberikan penjelasan terhadap beberapa perkara yang belum sempat kaola jawab semasa membincangkan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pendidikan semalam, daripada 6 orang Ahli Yang Berhormat:

Daripada Ahli Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, mengenai penggunaan bekas makanan *Styrofoam.* Dalam hubungan ini, rancangan permakanan sekolah telah pun mengambil langkah awal dalam penyediaan makanan dan minuman panas dengan menggunakan bekas makanan buatan 100% plastik *melamine.* Penggunaan *melamine* termasuk dalam garis panduan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan dalam menjamin kualiti makanan semasa penyediaan.

Penggunaan *melamine* adalah lebih murah jika dibanding dengan bekas makanan seperti *tupperware* yang memerlukan perbelanjaan yang besar. Bagi penjualan kantin, Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama telah mula menyarankan sekolah-sekolah rendah, untuk tidak menyediakan bekas makanan dan minuman daripada *Styrofoam* dalam penjualan dan diganti dengan penggunaan bekas daripada plastik yang boleh dikitar semula. Dari segi keselamatan, ia mudah pecah dan dari segi kesihatan kualiti makanan adalah terjejas dan kurang sesuai.

Walau bagaimanapun, jika penjualan makanan, minuman di kantin-kantin sekolah menggunakan *Tupperware* ini akan memerlukan kos yang tinggi dan memberikan impak kepada kenaikan harga penjualan makanan dan minuman kepada murid-murid. Penjualan makanan dan minuman boleh diberikan alternatif lain seperti menggunakan bekas *tupperware,* penjualan dengan *brown paper*, bekas plastik kitar semula dan sebagainya.

Oleh itu, Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama dan Bahagian Kesihatan, Keselamatan *(HHSE)* di Kementerian Pendidikan akan melaratkan saranan dan garis panduan yang diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan dalam penjualan makanan dan minuman kepada seluruh kantin sekolah, dengan memantau peraturan-peraturan yang memerlukan perubahan dari masa ke masa.

Kemudian, mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Brunei Darussalam *Qualification Framework*. Kaola hanya ingin menambah, bahawa Brunei Darussalam *Qualification Framework* ini telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada bulan September 2013 dan kerangka ini adalah merupakan kerangka yang dapat kita gunakan dengan Negara-Negara *ASEAN* dan Negara Brunei Darussalam adalah Negara ke-6 yang telah mempunyai kerangka kelayakan sendiri.

Dengan adanya kerangka kelayakan ini, kita akan dapat menggunakannya sebagai satu *instrument* atau sukat-sukat bagi mengklasifikasikan dan seterusnya membuat perbandingan tahap kelulusan atau kelayakan dari negara serantau atau antarabangsa berdasarkan satu penetapan kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan di tanda aras *(benchmark)* dengan amalan-amalan terbaik antarabangsa.

Sukat-sukat tahap kelulusan ataupun kelayakan di dalam kerangka ini, adalah mengikut *level descriptions* (keterangan tahap kelulusan/kelayakan) yang telah disediakan dan tersenarai dalam kerangka kelayakan Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, kelulusan-kelulusan dari sebuah negara akan dapat diselaraskan dengan sukat-sukat mengikut *level descriptions* berkenaan. Ini bermakna, kelulusan yang diperolehi dari negara luar akan dapat dinilai untuk perbandingan dan juga untuk pengiktirafan.

Selain itu, sebagai maklumat tambahan juga, kerangka kelayakan Negara Brunei Darussalam ini juga adalah bertujuan untuk mencapai salah satu hasrat *ASEAN Economic Community 2015,* iaitu khusus dalam meningkatkan pergerakan pelajar *(student mobility)* dan memudahkan penerima pekerja-pekerja berkemahiran di kalangan negara *ASEAN.*

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ialah mengenai tadahan yang telah pun saya terangkan semalam secara umum. Secara khususnya, Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang II, tadahannya ialah Kampung Bukit Beruang asal, kawasan Perpindahan Kampung Bukit Beruang bermula Simpang 1185-73-76 hingga 1185-73-180. Sekolah Rendah PKN Bukit Beruang Tutong II tadahannya ialah Kampung Perpindahan Bukit Beruang bermula Simpang 1185-73-193 hingga 1185-73-231.

Sekarang, kaola beredar kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, mengenai kekurangan buku teks di Pusat Tingkatan 6. Bagi tahun 2013/2014, peruntukan untuk membeli buku-buku teks yang dipohonkan oleh sekolah-sekolah sebenarnya, kurang mencukupi memandangkan bertambahnya bilangan pelajar di semua peringkat. Walau bagaimanapun, masalah kekurangan buku itu mungkin timbul daripada mata-mata pelajaran yang ditawarkan di Pusat Tingkatan 6 seperti *Food Studies, Travel and Tourism*. Pembelian buku-buku teks ini telah pun diproses dan insya-Allah, sebahagian buku yang berkurangan itu akan dapat dibeli melalui Peruntukan 2014/2015 ini.

Secara umumnya, masalah kekurangan buku teks adalah berbeza antara Pusat-

Pusat Tingkatan 6 dan tertakluk juga kepada mata-mata pelajaran yang ditawarkan oleh pusat-pusat Tingkatan 6 yang berkenaan. Bukan semua Tingkatan 6 yang menghadapi masalah kekurangan buku teks. Misalnya, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di Gadong, Pusat Tingkatan Enam di Tutong dan Sekolah Menengah Saiyidina Ali, tidak menghadapi masalah serius kekurangan buku.

Bagi Pusat-Pusat Tingkatan 6 ini, mereka telah mengambil inisiatif untuk menggunakan peruntukan K23049 dan mereka juga menggunakan inisiatif sendiri dari sekolah tersebut seperti memperoleh buku-buku yang sedia ada dalam simpanan dan guru-guru berinisiatif untuk membeli buku-buku tersebut secara *online*. Terdapatnya masalah kekurangan buku, ia mungkin disebabkan oleh keramaian pelajar yang meningkat dan juga perubahan sukatan pelajaran, terutama di Peringkat '*A's* iaitu Tingkatan Enam bawah. Pada tahun ini saja, *syllabus* bagi 8 mata pelajaran telah berubah. Mungkin ini, merupakan salah satu sebab kelambatan dari segi memesan buku-buku berkenaan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perkembangan Kurikulum yang bertanggungjawab di dalam bidang untuk pemesanan dan pembekalan buku ini akan berusaha untuk meningkatkan *efficiency* dari segi pembelian buku-buku ini.

Kaola sekarang ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai kedudukan permohonan perumahan di Kementerian Pendidikan.

Menurut Yang Berhormat dari laporan yang diterimanya mengambil proses yang lama. Untuk makluman Yang Berhormat, proses pemberian kemudahan perumahan yang dikendalikan pada masa ini adalah mengikut garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan melalui Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan: 31/2000, yang fungsi Unit Perumahan di Kementerian Pendidikan adalah untuk meneliti dan membuat sokongan bagi setiap permohonan yang berkelayakan untuk diperuntukkan kemudahan tersebut. Status perumahan yang ada pada masa ini terdiri dari 1,392 rumah persendirian yang disewa oleh Kerajaan dan 1,282 rumah Kerajaan *(Institutional Quarters).*

Proses permohonan mengambil masa kerana rumah-rumah yang diperuntukkan di bawah Kementerian Pendidikan adalah terhad dan kurang mencukupi bagi menampung bilangan pemohon. Dalam hubungan ini, kita berusaha untuk menambah bilangan perumahan itu tertakluk kepada prosedur-prosedur yang berjalan pada masa ini. Pada masa ini, terdapat seramai 500 orang yang memohon.

Mengenai rumah-rumah yang ditawarkan. Sebelum rumah-rumah ditawarkan kepada pemohon, Kementerian Pendidikan mempunyai prosedur untuk memastikan keadaan rumah yang ditawarkan itu adalah

berkeadaan baik, selamat dan selesa. Pada kebiasaannya, bagi rumah-rumah yang disewa oleh Kerajaan, pegawai di Kementerian Pendidikan akan membuat lawatan ke rumah-rumah tersebut, menilai dan seterusnya tuan-tuan rumah *(landlord)* adalah dikehendaki membuat kerja-kerja pembaikan sebelum rumah-rumah itu ditawarkan kepada pemohon yang lain, apabila rumah tersebut dikosongkan ataupun disambung penyewaannya.

Bagi rumah-rumah milik Kerajaan *(Institutional Quarters),* pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan juga ada mengadakan lawatan ke rumah tersebut untuk meneliti kesesuaian rumah-rumah tersebut supaya ia dalam berkeadaan baik, selamat dan selesa untuk didiami. Bagi rumah-rumah yang disewa, mana-mana rumah yang tidak memenuhi syarat untuk selamat didiami dan melanggar peraturan-peraturan, ianya tidak akan disambung ataupun ianya akan ditamatkan penyewaannya.

Mengenai perkara yang berkaitan dan pembaikan rumah, kaola ingin memaklumkan bahawa mengenai kos pembaikan rumah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat adalah ditanggung oleh orang yang tinggal di rumah itu iaitu guru-guru, Sebenarnya mengikut Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, mengenai peraturan untuk mendiami rumah atau flat di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian, Jabatan Bilangan 31/2000 bertarikh 24 Jamadilawal 1421/24 Ogos 2000, Perenggan 10.1, “Pegawai-Pegawai adalah bertanggunjawab (orang yang tinggal di rumah) ke atas semua peralatan dan perkakas kecil yang disediakan termasuk untuk membiayai pembelian dan penggantian peralatan seperti mentol lampu *(fluorescent light),* pemula *(starter)*, pencekik *(chokes)* cermin, jendela, *flush* dan seumpamanya termasuk pembaikan kecil yang kosnya tidak melebihi B$100.00 bagi setiap kerosakan.

Ini bermakna Pegawai tidak dibenarkan mengumpulkan jumlah aduan yang melebihi B$100.00 bagi setiap aduan yang dihadapkan kepada jabatan atau kementerian. Perenggan 10.2, “Pegawai adalah dikehendaki memastikan bahawa semua perabot yang disediakan adalah sentiasa dalam keadaan baik dan masih boleh dipakai iaitu tidak dibiarkan rosak atau dirosakkan yang di luar kelaziman penggunaan biasa (*wear and tear)*.” Pengaduan mengatakan mereka terpaksa membaiki lampu itu, itu memanglah tanggungjawab penghuni bagi rumah yang disewa oleh Kerajaan *(Institutional Quarters).*

Sekarang, kaola akan berpindah untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai Peruntukan Kementerian Pendidikan, iaitu jawatan G13 yang dipindah ke Pejabat Setiasusaha Tetap. Dalam Anggaran Perbelanjaan 2009/2010, Jabatan Kementerian Pendidikan, jawatan Pegawai Pendidikan Khas dalam Tangga Gaji PG4 telah diwujudkan jawatannya di bawah Pejabat Setiausaha Tetap, Pendidikan Teras.

Ini adalah sebagai persediaan untuk Pegawai Pelajaran G13 yang layak dan memenuhi syarat untuk dinaikkan pangkat kepada Pegawai Pendidikan Tingkatan Khas PG4 di dalam Skim Perkhidmatan Perguruan, (SPG) yang diluluskan pada 1 Jun 2008. Jawatan Pegawai Pelajaran G13 ini akan ditiadakan apabila penjawatnya, PG13 Pegawai Pelajaran itu dinaikkan jawatan Pegawai Pendidikan Tingkatan Khas PG4. Apa yang dimaksudkan dengan 34 jawatan Pegawai Pelajaran G13 yang dipindahkan ke Pejabat Setiausaha Tetap Pendidikan Teras sebenarnya adalah Pegawai Pelajaran G13 daripada Bahagian Pendidikan Menengah, Jabatan Sekolah-Sekolah yang telah dinaikkan pangkat menjadi Pegawai Pendidikan Tingkatan Khas PG4 dan mengajar di sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab pada masa ini. Ini bererti, tidak ada kekosongan jawatan Pegawai Pelajaran G13 untuk diberikan kepada guru-guru sandaran. PG4 ini untuk makluman Ahli, gajinya $3,880.00 membawa kepada $5,320.00 dan G13 tadi adalah apa yang lazim barangkali biasa kitani kenali sebagai B2 EB3.

Yang Berhormat Pengerusi: Banyak lagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan?

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Ada dua lagi, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mencadangkan jawapan berbutir begitu panjang bolehlah dijawab.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Ada 2 lagi Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mencadangkan jawapan yang berbutir begitu panjang, bolehlah dijawab secara bersurat nanti kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Yang Berhormat Pengerusi, soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Di sini kaola hanya ingin meng*update* dan memaklumkan akan makluman yang mutakhir mengenai apa yang kaola jawab semalam berhubung kriteria kenaikan pangkat bagi para Ahli Akademik.

Alhamdulillah, dengan ini, kaola sukacita memaklumkan bahawa daripada makluman yang diterima daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, dalam memorandumnya yang bertarikh 12 Mac 2014 dan baru diterima oleh pihak Kementerian Pendidikan semalam, 18 Mac 2014, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sultan, telah pun memperkenankan Skim Baru, Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Institusi Pengajian Awam atau ringkasnya (SPTA), (SPTA) ini adalah untuk kesemua institusi pengajian tinggi di Negara Brunei

Darussalam iaitu UBD, ITB, UNISSA dan KUPUSB.

Kaola ingin menyatakan sahaja untuk makluman yang berkenaan, dalam (SPTA) baru ini, kenaikan pangkat Ahli-Ahli Akademik pada setiap peringkat akan perlu mencapai *KPI* yang disediakan, berasaskan kepada tiga kriteria iaitu pengajaran, penyelidikan dan penerbitan dan *service* kepada universiti, masyarakat dan Negara, termasuk *service* di peringkat antarabangsa. Perlu ditekankan di sini, bahawa hanya Ahli-Ahli Akademik yang betul-betul berkelayakan akan beralih ke skim baru. Mereka yang tidak memenuhi kriteria akan masih bertahan dalam skim lama sehingga mereka memenuhi kriteria-kriteria perpindahan.

Sekianlah sahaja, yang dapat kaola jawab sejauh yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan dan apabila membincangkan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, kaola akan nanti memohon kebenaran untuk menjawab satu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai penyelidikan Herba-Herba Tempatan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan menyambung semula perbincangan mengenai Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta jabatan-jabatan di bawahnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk mengemukakan pertanyaan atau cadangan, sila angkat tangan. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Kita semua maklum bahawa bahan-bahan pemakanan seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan lain-lain, diimport dari luar negara. Bagi tahun 2012 sahaja, Negara Brunei Darussalam telah mengimport bernilai $34 juta bagi produk-produk tanaman. Bagi bekalan beras, kita dimaklumkan selain dari Thailand, beras juga diimport dari Vietnam. Kerajaan telah menetapkan keselamatan bekalan makanan kebangsaan mestilah terjamin. Ini selaras dengan dasar untuk mencapai pengeluaran beras Negara kepada 60% pada tahun 2015. Dengan diberikan peruntukan $15 juta, keutamaan diberikan kepada usaha peningkatan infrastruktur ladang termasuk pengairan dan saliran serta jalan raya ladang-ladang utama. Soalan kaola, kaola ingin mengetahui:

   i. Bagi tahun 2011 ke 2013, adakah peratus import bagi barang-barang tersebut berkurangan dari setahun ke setahun?; dan

   ii. Adakah sasaran 60% beras tempatan dapat dicapai

iii. pada tahun 2015, seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri semasa mengemukakan Rang Undang-Undang Belanjawan di Majlis Mesyuarat Negara beberapa tahun dulu dalam Dewan yang mulia ini?

2. Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke10, muka surat 97, di bawah Tajuk Peruntukan RKN 10, Kerajaan menyediakan $100 juta bagi Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana, sesuai dengan Wawasan Negara 2035, bagi mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Dalam buku Perancangan Kemajuan Jangka Panjang, Negara Brunei Darussalam, muka surat 14 ceraian 5, menyebutkan bahawa Kerajaan berusaha bagi mempertingkatkan keusahawanan kecil dan sederhana tempatan serta memudahkan rakyat Melayu Brunei untuk menjadi pemimpin dalam perniagaan dan industri.

Sehubungan dengan itu, kaola percaya dari jumlah $100 juta yang diperuntukkan itu, sudah tentu digunakan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera. Soalan kaola, berapa ramaikah dari kalangan bumiputera Melayu sudah berjaya dilahirkan melalui program ini sebagai usahawan yang berdaya saing? Berapakah jumlah kewangan yang sudah dipinjamkan kepada peniaga-peniaga bumiputera Melayu sejak program ini diperkenalkan? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Siapa lagi? Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola akan mengajukan 3 perkara kepada 3 Jabatan:

1. Projek *Bio-Innovation Corridor* (*BIC*). Kaola secara peribadi, menyambut baik dan menyokong sepenuhnya projek *BIC* dan dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, atas usaha gigih berterusan dalam membantu mencari sumber alternatif untuk mempelbagaikan ekonomi Negara dari berpaut terus kepada sumber minyak dan gas. Apa yang ingin kaola tanyakan ialah:

   i. Apakah jenis peluang yang boleh diceburi dan dinikmati oleh pengusaha-pengusaha tempatan dan rakyat di Negara ini dalam projek *Bio-Innovation Corridor* (*BIC*) tersebut?;

   ii. Jika ada, kaola ingin mencadangkan supaya peluang-peluang tersebut akan dapat disebarluaskan melalui *website MIPR* bagi makluman dan pengetahuan para pengusaha di tanah air mengikuti langkah-langkah yang bersesuaian selain media massa.

Kaola ingin mencadangkan supaya *direct investment* dari luar negeri, apa kiranya dikenakan prasyarat, contohnya, tidak semestinya wang, seperti mengambil tenaga pekerja tempatan, membeli bahan-bahan mentah yang ada di dalam Negeri kitani ini, selain dari mengimport dari luar. Sekurang-kurangnya berpeluang jua pengusaha-pengusaha tempatan hasil Projek *Bio-Innovation Corridor* ini.

2. Seterusnya, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Semasa sesi muzakarah bersama *MIPR* belum lama ini, kita dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan kursus ringkas amali cara-cara penanam padi yang terkini kepada seluruh penanam padi di pedalaman di Daerah Belait:

    i. Adalah diharapkan dan dicadangkan supaya kursus-kursus dapat dipelbagaikan bukan saja kursus penanam padi tetapi juga kursus-kursus pertanian yang lain kerana peladang-peladang di kawasan tersebut kurang mendapat pendedahan teknik penanaman padi yang baru;

    ii. Dipohonkan supaya pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan dapat membuat lawatan yang berjadual ke kawasan-kawasan pedalaman dan seterusnya memberi khidmat nasihat yang bersesuaian kepada peladang-peladang di kawasan tersebut kerana kebelakangan ini sejak jalan di pedalaman diambil alih oleh pihak JKR, aktiviti pertanian telah berkembang, meningkat dan bertambah;

    iii. Memohon terus diberi bantuan subsidi baja dan racun serangga, racun rumput kepada peladang-peladang yang kurang berkemampuan serta memohon juga parit dan tali air ke ladang padi di Lot Sengkuang, Rempayoh Labi II, belum sempurna diusahakan;

    iv. Kaola memohon diperbantu bagi meningkatkan penghasilan padi di kawasan tersebut;

    v. Kaola ingin mengetahui perkembangan perancangan pihak Kerajaan dalam penanaman padi besar-besaran di Mukim Labi seperti mana yang pernah dimaklumkan sebelum ini;

    vi. Pada musim buah tahun lepas banyak pokok buah di mukim-mukim pedalaman di daerah Belait mengeluarkan buahnya. Tetapi sayang, hasilnya tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh peladang-peladang disebabkan musuh-musuh seperti monyet dan babi yang berleluasa. Diharap pihak Pertanian dan Agrimakanan dapat memberi khidmat nasihat dalam mengurangkan musuh-musuh yang kaola sebutkan di atas tadi; dan

3. Yang terakhir, Yang Berhormat Pengerusi, ialah Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah beberapa

kali membuat lawatan kerja ke kawasan *hot spring* Ingai di Mukim Melilas, Daerah Belait dan kaola juga dimaklumi kawasan tersebut akan dijadikan sebagai kawasan penyelidikan dan juga sebahagian mungkin dari Nadi Borneo.

Soalan kaola, apakah perancangan *MIPR* khususnya Jabatan Pelancongan dalam mengembang-majukan kawasan tersebut? Adakah ianya akan dijadikan salah satu tempat destinasi pelancongan di Negara kita ini? Atau hanya khusus untuk kerja-kerja penyelidikan? Sekian, saja Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini disambung semula untuk membincangkan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membahaskan Tajuk ini sila angkat tangan. Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang dirahmati Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Dalam tajuk ini kaola akan bercakap mengenai “mecinda”. “Mecinda” ini, 3 kumpulan nama, Melayu, Cina dan India. Kitani selalu bercakap mengenai India ini berebut ekonomi. Sebenarnya cerita-cerita ini sudah lama diperkatakan hingga panjang berjela-jela dengan tidak ada penghujungnya. Hingga sekarang pun masih kental dipercakapkan. Sepatutnya, perkara sedemikian sudah lama berakhir dan sekurang-kurangnya berkurangan, tetapi rupanya belum lagi. Mengapa terjadi demikian? Barangkali di mana ada salah silapnya?

Sepatutnya, sekarang ini kita sudah menghabiskan cerita itu. Kita ada subjek Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Di dalamnya ada istilah BINA. Umpamanya, perniagaan kecil dan sederhana boleh dimanfaatkan di Kementerian tersebut dengan adanya koperasi-koperasi yang ada di Negara ini. Apa yang ada sekarang pihak yang berkenaan hanya menghitung-hitung berapa banyak koperasi yang ada dan mengira berapa koperasi yang jatuh tetapi yang bangun tidak ramai. Mudah-mudahan, perkara tersebut akan dapat ditangani bersama-sama untuk mengelakkan sebahagian daripada “mecinda”, bukan semua “mecinda”, kerana dalam “mecinda” ini ada pantun:

Satu Cina dua Melayu,
Satu India bedagang kain,
Bunga di mana tidak akan layu,
Embun menitik ke tempat lain.

Ada hubungan dengan "mecinda" itu.

Yang Berhormat Pengerusi, sepatutnya orang-orang yang berkenaan dengan koperasi ini bukannya mengira-ngira, menghitung-hitung yang lemah tetapi kita mengira yang bangun, yang segar bugar dan hebat-hebat.

Pegawai-pegawai yang berkenaan itu, hendaklah melihat terus-menerus ke dalam rumah koperasi tersebut bukan melihat di luar pagar, atau di luar pintu atau hanya melepaskan batuk di tangga. Mereka itu mestilah hadir dan bertanya untuk mengetahui apakah masalah-masalah di dalam koperasi tersebut.

Umpamanya, kalau koperasi itu kekurangan modal (wang), bolehkah dibantu atau tidak? Kalau pengurusan koperasi itu tidak tahu mengenai pengurusan yang betul bolehkah dibantu atau tidak untuk memperbaikinya?.

Pengurus-pengurus koperasi itu sebaik-baiknya diberikan kemahiran untuk menjalankan koperasinya kerana kelemahan tersebut berdasarkan kurangnya ilmu pengetahuan. Barangkali penting, kekurangan ilmu *psychology* dalam pengurusan koperasi.

Setelah koperasi-koperasi itu diperkasakan dalam pentadbiran dan pengurusannya, makanya dapat menangkis sebahagian daripada "mecinda" yang tidak suka itu dan dapat menangkis kehadiran "mecinda" itu.

Kita sibuk dengan sebahagian "mecinda" itu merebut kedai-kedai runcit, dobi-dobi, restoran-restoran, kedai-kedai jahit dan lain-lain. Makanya, dari koperasi itu boleh melahirkan dan boleh men*defend* balik perkara-perkara yang direbut-rebutkan itu. Meninjau pada 50-60 tahun yang lalu, kita mempunyai banyak kedai Koperasi Melayu tetapi entah apa sebabnya, mungkin kerana kekurangan ilmu pengetahuan tentang perniagaan, makanya mundur perlahan-lahan dan akhirnya hilang yang diganti oleh sebahagian "mecinda" ini. Kitani berharap mudah-mudahan koperasi yang ada dapat dibantu dibangunkan supaya menjadi koperasi yang hebat selain yang sudah ada misalnya, Koperasi Minyak Tasamul, Tanjung Nangka itu kita pertahankan dan sokong koperasi-koperasi yang lain untuk terus berjaya.

Kita mendengar bahawa ada rungutan-rungutan mengatakan kalau mengambil orang kitani Melayu bekerja banyak masalahnya kita cari taktik dan teknik yang terbaik untuk mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi: Apa soalannya Yang Berhormat?

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Mudah-mudahan kita dapat membangunkan koperasi dengan sebaik-baiknya untuk menghindarkan dan menolak sebahagian "permecinda" itu. Orang kita ada yang tidak senang dengan

orang/peniaga asing mengambil alih perniagaan orang kita. Kita mesti membangunkan koperasi kita supaya berjalan dengan baik dan terhindar daripada dimonopoli oleh orang peniaga asing. Biarlah semua kedai koperasi Melayu itu diisikan oleh anak-anak tempatan sendiri dan bukan orang lain.

Mudah-mudahan kita akan dapat melaksanakan cita-cita kita ini. Kita tidak mahu rebah dan tersungkur di atas bumi kitani sendiri seperti peribahasa "Ayam mati kelaparan di kepuk padi, itik mati kehausan di atas air." Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai peniaga-peniaga yang terdiri daripada orang-orang luar masuk ke kampung-kampung, saya ingin mengingatkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menjelaskan bahawa sebenarnya mereka itu bukan sesuka hati mereka masuk ke kampung-kampung.

Mereka dijemput atau diambil oleh orang-orang kampung sendiri yang mendapatkan lesen atas nama orang kampung yang menggaji orang dari luar untuk menjalankan perniagaan itu. Terima kasih. Yang Behormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada beberapa soalan.

1. Akta Pemeliharaan Anjing. Adalah disedari kita telah pun mewujudkan beberapa Akta di Negara ini khususnya tentang Akta Binatang-Binatang Liar yang jika tidak silap, sekarang ini, di bawah kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, yang sebelum ini, di bawah kawalan pihak Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

   Namun kita belum mendengar untuk mewujudkan Akta Pemeliharaan Anjing. Perkara ini mengambil iktibar daripada negara maju telah pun memperuntukkan Akta mengenainya dan negara yang lain.

   Beberapa hal yang perlu kita fikirkan, sesuai dengan kedudukan Negara kita sebagai negara yang berkonsepkan MIB dan Negara Zikir yang betul-betul menentukan soal kebersihan dan kesihatan.

   Didapati bahawa penghuni-penghuni yang bukan Melayu memelihara anjing yang banyak di kawasan perumahan yang padat. Hal ini sebenarnya, tidak dapat memberi keselesaan, kemaslahatan, ketenteraman dan kesihatan kepada orang ramai.

   Begitu juga halnya dengan anjing-anjing liar yang berkeliaran di pasar-pasar membeli belah bahkan ada yang berkeliaran, rehat dan santai di kaki-kaki lima di kawasan premis perniagaan.

Pemandangan seperti ini, sepatutnya sudah diambil perhatian oleh pihak-pihak yang relevan untuk mengambil tindakan demi kepentingan orang ramai. Makanya, Akta Pemeliharaan Anjing seharusnyalah disegerakan;

2. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Alhamdulillah, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah pun membuat beberapa inisiatif mengenai penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran di Negara ini. Ada antara pihak-pihak pekebun rasanya tidak berpuas hati dengan apa jua kemudahan atau subsidi yang diberikan kepada mereka ini.

   Terdapat pekebun-pekebun buah-buahan dan sayur-sayuran tidak diberi kemudahan untuk membeli barang-barang subsidi seperti penggunaan dawai berduri tidak disubsidikan. Mereka sangat-sangat memerlukannya untuk menjaga daripada dimasuki oleh binatang-binatang ataupun tetamu-tetamu yang tidak diundang memasuki kawasan ladang mereka.

   Dengan ini, kaola bertanya dari segi apakah peladang-peladang buah-buahan berbeza dengan penternak-penternak binatang? Diharap akan dapat keterangan lanjut dari pihak-pihak yang berkenaan.

3. Selaku rakyat di Negara ini, kita amat bersyukur ke atas usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang bergerak maju ke hadapan dengan program ke arah sara diri dengan pengeluaran beras-beras Negara Brunei Darussalam. Ia adalah hala tuju seperti mana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha sama mengungkayahkan jaminan seperti makanan Negara.

   Alhamdulillah, rakyat kita serta penduduk Negara ini sudah mempunyai pemilihan makanan beberapa jenis beras sebagai pilihan makanan selain beras-beras tradisional seperti adan, pusu, bario ialah beras-beras dari Thailand, Vietnam, beras Laila dan timbul pula beras Titih. Dengan berbagai atau jenis beras yang sedemikian, soalan kaola apakah sudah ada rancangan atau usaha pihak Kementerian dalam mengkaji kandungan nutrisi atau kanji beras-beras yang dinyatakan tadi, termasuklah tahap pemantauan penggunaan bahan kimia racun dan serangga dan seterusnya diumumkan kepada orang ramai? Pendapat kaola, dengan berpandukan info kesihatan itu, sudah tentunya rakyat dan penduduk Negara ini dapat membuat keputusan yang bijak untuk memilih jenis beras mana yang mendatangkan kesihatan asli dan bebas daripada memakan jenis-jenis barang yang boleh mendatangkan mudarat kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk menjawab soalan-soalan tadi.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Sebelum kaola meneruskan untuk menjawab empat penyoal pada pagi ini, kaola ingin minta kebenaran untuk menerangkan tiga perkara yang kaola rasa tidak begitu jelas semalam, iaitu:

1. Mengenai sistem ladang organik, yang kaola rasa ini adalah berpatutan untuk diambil perhatian oleh masyarakat umum terutamanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini. Ini adalah berikutan soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai apakah kementerian menggalakkan peladang untuk menggunakan sistem ladang organik? Pihak Kementerian memang menggalakkan pengusaha-pengusaha tanaman. Pertama, untuk mengurangkan penggunaan bahan kimia bagi menghasilkan tanaman yang berkualiti dan selamat untuk dimakan. Malah, salah satu kaedah yang disyorkan oleh Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah penggunaan pengurusan musuh bersepadu *Integrated Pest Management (IPM)* untuk mengawal musuh dan penyakit dalam perusahaan tanaman padi dan lain-lain komoditi.

Sehubungan itu, dasar pemberian subsidi secara percuma bagi racun-racun kimia telah ditiadakan. Walau bagaimanapun, diganti dengan Skim Insentif Bantuan Separuh Harga sahaja bagi pengawalan penggunaan racun kimia berlebihan. Didapati, apabila diberi percuma bahan-bahan kimia dan sebagainya bukan disembur malah dimandikan dengan bahan-bahan kimia tersebut.

Di samping itu, peladang-peladang juga pada masa ini, tidak bergantung sepenuhnya kepada baja kimia bagi meningkatkan kesuburan tanah. Sebahagian peladang telah mengamalkan sistem baja *biofertilizer* dan kompos. Ini adalah salah satu kaedah peladangan organik.

Sebagai langkah persediaan awal, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang membuat persediaan untuk membuat pengiktirafan ladang organik yang terdapat di Negara ini dengan menghantar pegawai untuk menghadiri bengkel dan mesyuarat bagi penubuhan *Regional Standard For Organic Agriculture* di peringkat *ASEAN*. Piawaian ini boleh diguna pakai atau disesuaikan di Negara ini.

Setakat ini pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah berjaya melaksanakan Skim Akreditasi Ladang Hortikultur

bagi ladang-ladang sayur dan buah-buahan yang diusahakan secara konvensional dan teknologi rumah terlindung.

Peladang yang mengikut Skim ini dibimbing dan dipantau. Apabila telah memenuhi garis panduan akan diberi penilaian dan dipersijilkan mengikuti Amalan Peladangan Baik (*Brunei Good Agriculture Practice).* Ia diberikan satu logo khas bagi mengenal pasti bahawa peladang-peladang ini telah menggunakan amalan peladangan yang baik mengurangkan kimia dan sebagainya. Itulah jawapan kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiaman bin Haji Ahad, yang saya rasa sesuai diberi penjelasan dengan lebih mendalam.

2. Mengenai herba, sambil menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, semalam Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit telah menimbulkan mengenai kajian saintifik tanaman herba bagi mengenal pasti kandungan khasiatnya. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Bahagian *Biodiversity Research And Innovation Centre* telah bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei *(LKEB)* bagi menarik pelaburan asing di bidang *research and development.* Usaha antara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan sebuah syarikat bergelar *Neptune Bio Innovation (NBI)* yang bertapak di Australia telah ditandatangani pada bulan Disember 2013.

Syarikat ini berkemahiran dalam *food nutrition*, *health supplements* dan *biotechnology*. Kajian yang dibuat di Negara Brunei Darussalam ialah mengkaji tanaman herba sebagai halal *rennet*. *Rennet* ini digunakan bagi pembuatan keju. Kebanyakannya pada masa ini berasaskan kepada haiwan yang diragui kehalalannya khusunya *rennet* diperolehi daripada *stomach lining*, kambing atau pun binatang-binatang ruminan yang lain.

Insya-Allah, projek ini akan siap dalam jangka masa tiga tahun dan hasil daripada kajian tersebut akan dikomersialkan dan ia akan dikendalikan di Negara Brunei Darussalam di *Bio Innovation Corridor (BIC)*. Syarikat berkenaan juga akan mengkaji tanaman-tanaman lain dan ubat-ubatan seperti kunyit, halia dan lain-lain. Projek ini dibiayai melalui Dana Penyelidikan Dan Pembangunan dalam Rancangan Kemajuan Negara melalui *Brunei Research Intensive Scheme* bagi menarik pelaburan asing dalam penyelidikan dan pemajuan *research and development.* Syarikat berkenaan akan melabur di Negara ini dan menubuhkan makmal yang canggih dengan teknologi terkini, yang akan meningkatkan kapasiti dan keupayaan Negara mengembangkan industri bio. Projek ini juga memberi peluang kepada anak-anak tempatan dilatih di Australia bagi meningkatkan kemahiran dan menimba pengalaman.

3. Kaola sekarang memohon minta kebenaran untuk menerangkan mengenai penyu. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit bertanya berapakah jumlah penyu yang telah mendarat di Negara Brunei Darussalam semenjak diadakan usaha untuk membaik pulih penyu. Semalam kaola tidak menerangkan secara jelas. Setakat ini, dari tahun 2001 hingga 2013, 9 kawasan pantai telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan penyu untuk bertelur. Setakat ini, dari tahun 2001 hingga 2013 sebanyak 129 ekor penyu telah naik untuk bertelur di pantai-pantai pendaratan tersebut.

Kawasan-kawasan itu tidaklah dapat kaola maklumkan memandangkan ia kawasan yang sensitif untuk dikacau oleh orang-orang awam. Dari jumlah ini sebanyak 10 ribu biji telur telah direkodkan. Sebaik-baiknya cuma dalam 80% sahaja dapat ditetas dan dilepaskan ke lautan. Ini akan mengambil masa untuk dibesarkan dan bagi mereka untuk balik semula ke kawasan penetasan adalah dalam masa 30 ke 50 tahun, mengikut spesis.

Itu sahaja 3 perkara yang dapat kaola kongsikan mengenai beberapa soalan semalam. Beredar kepada soalan pada hari ini, soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, mengenai pengeluaran beras.

i. Dari tahun 2011 ke 2013, adakah peratus import bagi barang-barang tersebut berkurangan dari tahun ke setahun? Saya mengakui tidak berkurangan malah meningkat, bukan disebabkan tidak cukup keupayaan kita untuk mengadakan kekurangan tersebut tetapi disebabkan keperluan-keperluan, iaitu:

   a. Penduduk negara meningkat dari tahun ke tahun. Apa yang dimaksudkan semakin meningkat mengikut kedudukan keperluan penduduk dan juga bagi memastikan bahawa kita mempunyai bahan-bahan tersebut melebihi daripada asasnya.

   b. Apakah sasaran 60% dapat dicapai pada tahun 2015? Saya akui, adalah satu perkara yang sukar tetapi tidaklah mustahil untuk dicapai. Setakat ini, dari tahun 2009, bila Negara memulai program sara diri hingga ke tahun 2012/2013, kita dapat meningkatkannya dalam 5% sahaja tahap sara diri. Walau macam manapun, dalam beberapa tahun yang akan datang ini, beberapa usaha telah dan sedang dilakukan untuk meningkatkan keupayaan tersebut sama ada daripada peringkat *land preparation* (penyediaan ladang) kepada peringkat *production* (pengeluaran) hingga kepada peringkat *post-harvest* (selepas tuai). Dalam usaha di Kementerian, memang pada

peringkat-peringkat ini telah pun disiapkan beberapa prasarana yang lebih kukuh supaya ia akan lebih mantap dan lebih berterusan.

Land Preparation melibatkan pembuatan *infrastructure* ladang, ladang-ladang yang sesuai dan juga mengajar para peladang tentang penyiapan ladang-ladang yang lebih sesuai untuk digunakan bersawah. *Production* atau pengeluaran juga melibatkan pengajaran kepada para peladang dan juga memperkenalkan beberapa *variety*, yang lebih tahan dan lebih mantap untuk digunakan di Negara Brunei Darussalam. Pada peringkat *post-harvest*, adalah bagi menyiapkan kilang-kilang pengisaran dan pengeringan yang pada masa ini dalam proses untuk disiapkan di kawasan Wasan, yang boleh menampung keupayaan mengisar keperluan Negara. Peringkat-peringkat itu telah pun disiapkan, insya-Allah dengan berkat doa daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat yang hadir di Dewan yang mulia ini, mudah-mudahan pada tahun 2015, 2 ke 3 tahun akan datang, kita akan lebih mencapai walaupun tidak 60%, mungkin lebih daripada 5%.

ii. Mengenai peniaga dan perusahaan Melayu. Kaola lebih yakin, soalan ini kalau dapat kita bincangkan Peruntukan Kemajuan *(Development).* Ia melibatkan peruntukan $100 juta, yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan dan Perancangan Ekonomi untuk RKN Ke-10. Kalau sekiranya dapat kaola ambil peluang nanti untuk menerangkan sedikit sebanyak mengenai pencapaian di sana. Walau macam manapun, sambil menerangkan kedudukan yang sebenarnya dalam Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan yang telah dikenal pasti dalam RKN tersebut, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar menyatakan Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan akan mempertingkatkan peluang bagi perusahan kecil dan sederhana, serta memudahkan rakyat Melayu Brunei untuk menjadi pemimpin dalam perniagaan dan industri menerusi kekuatan daya saing *(by developing greater competitive strength)* ertinya, lebih daripada bantuan asas yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Kerajaan perlu menyediakan suasana di mana mereka akan dapat bersaing, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam tetapi di negara luar. Itu yang *missing* dalam apa-apa penyebutan tentang PKS, tidak disebut menerusi kekuatan daya saing *(competitive strength to each of the PKS),* itu yang perlu dikuatkan pada masa ini di kalangan PKS, terutamanya pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Seterusnya, daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Projek *BIC*, yang dulu digelarkan *Argo Technology Park,* memang peluang-peluang ini akan dibukakan kepada

pengusaha-pengusaha tempatan yang daripada peringkat awal penyediaan logistik seperti:

1. Penyediaan tapak pada masa ini, dibukakan kepada pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor tempatan untuk berkecimpung;

2. Perkhidmatan logistik *(services)*, *storage, packaging, distribution and transportation* juga akan melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan. Di samping pelabur-pelabur asing, ada peluang untuk menjemput pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha tempatan untuk ikut serta dalam pelaburan, yang memang dipersyaratkan supaya mereka melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan dan juga mendapatkan bahan-bahan mentah dari bahan-bahan tempatan yang ada.

   Jadi setakat ini, abis kaola akan mengadakan dalam bulan Jun 2014 ini, *Business Investment Conference* untuk menarik pelabur-pelabur asing. Kaola akan me*roadshow*kan *BIC* ini dalam *conference* tersebut yang pada peringkat ini menjanjikan banyak peluang pekerjaan dalam pembuatan dan sebagainya. Insya-Allah seperti yang telah kaola terangkan bahan-bahan tersebut dan tenaga kerja akan diperoleh dalam Negara.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai Kursus Amali Padi yang dikendalikan di Daerah Belait untuk dilaratkan kepada kursus pertanian yang lain. Insya-Allah, akan dimaklumkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan khususnya di Daerah Belait, seperti penanaman jenis padi lain ataupun jenis buah-buahan lain. Mereka dikehendaki membuat lawatan untuk memberikan khidmat nasihat kepada daerah-daerah yang terpencil. Bantuan subsidi baja dan racun, rumput dan lainnya bagi yang tidak berkemampuan, akan dinilai kalau sekiranya perlu, memang akan diberi kemudahan.

Lot Sengkuang di Mukim Labi, terutamanya pembukaan kawasan di sana memang untuk dibuka seluas 300 hektar. Setakat ini cuma 130 hektar sahaja yang diusahakan dan kita ada 170 hektar lagi untuk dibukakan kepada pengusaha-pengusaha di Daerah Belait. Mengenai pengairannya, pada masa ini, kementerian bekerjasama dengan Jabatan Pembentungan Air, Jabatan Kerja Raya untuk mendatangkan air dari Sungai Rampayuh kepada kawasan-kawasan di sana. Ini akan menghidupkan sebiji pam yang lama yang sedia ada. Itu yang terdapat di rancangan di Mukim Belait.

Mengenai musim buah tahun lepas yang tidak dapat dinikmati kerana musuh-musuh. Insya-Allah akan dibantu oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk memastikan ia berkurangan. Dalam hal ini, berkaitan juga dengan apa perbezaan antara penternak binatang dengan petani. Yang abis kaola kenal pasti, kalau penanam (petani), kalau dia tinggal di kawasan itu tidak perlu pengawasan rawa dan sebagainya. Tapi, kebanyakannya, abis kaola dapati dipanggilkan 3T, iaitu

Tanam, Tinggal dan Tuai. Ertinya ditanam tinggalkannya dan sudah berbuah baru dilawati. 3T, ertinya bukan satu usaha yang abis kaola galakan. Jangan digunakan sistem 3T itu. Ia semestinya sepanjang masa, mesti ditanai tanaman-tanaman itu, terutamanya serangan musuh dan serangan binatang liar.

Itulah perbezaan antara penternak binatang ruminan dan juga petani buah-buahan. Buah-buahan perlu dikawal dan diawasi. Akan kaola carikan bagaimana sekiranya bantuan yang perlu untuk menangani masalah musuh dan juga nasihat tentang *good agriculture practice.* Ertinya, separuh daripada musuh itu adalah daripada kita sendiri. Kita tidak mengamalkan *practice* yang baik untuk menjana pohon kita ataupun untuk menjana pohon yang lebih baik. Kadang-kadang, kita membiarkan pohon itu terbiar dengan tidak dicantas pada peringkat yang sesuai. Musuh-musuh itu akan cepat datang dan kita sendiri juga tidak hadir di kawasan tersebut, ini memudahkan bagi musuh yang berekor atau tidak berekor.

Soalan terakhir, daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai Sungai Ingei. Memang kawasan tersebut ada beberapa keunikan. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama khususnya Pusat Nadi Borneo mengenal pasti bahawa kawasan ini akan digelarkan sebagai *Belait Basin Wild Life Sanctuary* yang *core*ny atau pusatnya ialah Sungai Ingai dan penggunaannya dalam *core* ini akan terhad. Ertinya, tidak boleh dimasuki secara bebas. Walau macam manapun, untuk kegunaan, seperti penyelidikan dan pelancongan *ecotourism* secara terhad, akan disiapkan pada keliling kawasan itu satu *buffer zone* atau kawasan-kawasan yang boleh menerima kunjungan dan menerima lawatan daripada manusia supaya tidak mengganggu kehidupan haiwan.

Beredar kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai perkara ini, telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Pengerusi sendiri. Ini adalah separuhnya kesalahan orang kita. Masyarakat kita ingin mencari senang dan mahu mencari cara mudah. Kita sendirilah yang menilai keadaan seperti ini.

Yang berkaitan dengan soalan itu, yang perlu abis kaola tekankan ialah pembangunan koperasi di Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini tumpuan kegiatan ialah untuk menghidupkan balik pergerakan koperasi. Kalau Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat ingat, Jabatan Kemajuan Kerjasama ditubuhkan sebelum kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1984. Setelah kemerdekaan pada tahun 1984, jabatan itu telah diserapkan di bawah BINA. Untuk menghidupkan balik jabatan ini, jabatan ini mempunyai akta-akta tertentu atau koperasi, mereka boleh berjalan dengan menggunakan kuasa akta koperasi yang khas. Ini akan dikuatkan lagi dan insya-Allah akan dapat membantu perkembangan koperasi Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai anjing. Yang kaola fahami ini

adalah di bawah kuasa Lembaga Bandaran, Bandaran Seri Begawan, Belait dan sebagainya. Macam manapun, di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama cuma terdapat bahagian *wildlife division* (bahagian kehidupan liar) adalah bagi hidupan-hidupan liar bukan saja binatang, tumbuh-tumbuhan termasuk jua *microbial* yang *wildlife* bukan yang pada masa ini liar yang pada umumnya dipanggilkan liar, ertinya liar yang tidak ada mempunyai orang yang menjaganya. Ini di bawah Lembaga Bandaran jadi kaola akan sarankan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengambil tindakan perkara-perkara tersebut.

Mengenai penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran, tidak puas hati dengan subsidi terutamanya seperti yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, ini akan dilihat kesesuaiannya untuk memberi kemudahan seperti dawai dan sebagainya. Keperluan asas memang telah kita siapkan. Akhir sekali, dalam soalan ini ialah mengenai isi kandungan beras Negara, penganalisisan beras pada masa ini telah pun dibuat terutamanya *nutrient* beras Laila. Kalau kita lihat dalam beras Laila itu mengandungi serat (*fibre),* berapa *carbohydrate* dan berapa *nutrient* lain-lainnya. Beras Laila merupakan sejenis beras yang baik yang *conversion carbohydrate to glucose* adalah perlahan.

Jadinya badan atau insulin boleh menangani jumlah *glucose.* Beras Laila juga mengandungi *protein* yang tinggi dari beras import dan selalunya beras Laila disyorkan kepada pesakit-pesakit atau penghidap penyakit kencing manis oleh pakar-pakar perubatan kerana ia mengandungi serat *fibre* yang banyak dan kurang *carbohydrate.*

Penyeliaan racun memang dibuat ke atas produk-produk pertanian dan perikanan oleh makmal yang di bawah kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga Makmal Negara, Pusat Kesihatan. Jadi ini memang dipantau, cuma yang diperlukan tadi supaya dinyatakan, orang dapat membuat pemilihan sama ada bahan-bahan tersebut adalah lebih baik dimakan ataupun sebaliknya. Ini akan diambil kira dan kalau sekiranya perlu akan dimasukkan dalam penilaian nanti. Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang ditimbulkan tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang saya telah nyatakan tadi, mulai dari sekarang mana-mana soalan yang belum sempat dijawab secara lisan ada baiknya Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan menjawab soalan-soalan tersebut secara bertulis atau bersurat kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan kerana untuk menjimatkan masa. Sesuatu pekerjaan itu sebaik-baiknya diselesaikan mengikut Jadual kerana masa kitani sangat terhad untuk menyelesaikan Undang-Undang Perbekalan ini.

Ada baiknya Tajuk Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A bagi Kementerian Perindustrian

dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya diundi. Siapa bersetuju angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Maka Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bermula Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama hingga SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Saya bukakan untuk dibahas dan saya sekali lagi meminta supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat bila mengemukakan soalan atau cadangan biarlah ringkas tetapi tepat, terima kasih.

Saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ingin membuat kenyataan, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbilalameen Wassalatu Wasaalamu Ala Asyarafil Anbiye Ewal, Syaidina Muhammaddin, Waalaa Ali. Wassalaatu Wassalaamu Alaa Asyrafil Mursalin, Sayidina Muhammadin, Waalaa Alihi Wasahbihi Ajamain.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat lainnya yang dirahmati Allah Subhanahu Wataala Alhamdulillah. Kaola mengucapkan banyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk kaola memberikan mukadimah bagi sesi kaola ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berjumpa lagi di Dewan yang mulia ini pada tahun ini bagi membahas perkara-perkara yang berhubung kait dengan kepentingan agama, bangsa dan Negara kita. Begitu juga, sangat-sangat bersyukur kerana kita mempunyai raja dan pemimpin yang sangat pemedulian dan pemerhatian terhadap kebajikan rakyat serta mengambil berat kepentingan Negara yang merangkumi semua aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Hal ini jelas hingga kini. Alhamdulillah, kita dapat menikmati keselamatan dan kesejahteraan dalam bernegara dan merasakan suasana beragama yang bersemarak. Semuanya adalah atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai agensi Kerajaan yang bertanggungjawab memeduli dan memelihara kerasmian ugama Islam serta perkembangan di Negara ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama terus gigih merancang, melaksana, menilai program dan aktiviti demi kepentingan dan kemaslahatan masyarakat Negara Islam di Negara kita. Ini selaras dengan

hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat dan menjadikan Negara ini sebagai sebuah Negara Zikir sebagaimana baginda bertitah: "*Beta, insya-Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalan perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya " kamu ingati-Ku, Aku akan mengingati kamu pula".*

Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah tulang belakang bagi menjalankan dan mengatur pentadbiran Agama Islam sebagai pembuat dasar. Raja kita pula selaku pucuk pimpinan dan Ketua Agama adalah pemandu yang menentukan hala tuju pentadbiran Ugama di Negara ini.

Antara dasar yang telah dibuat oleh Majlis Ugama Islam adalah:

1. Mempertahankan dan memelihara kesucian agama Islam dan aqidah umat Islam di Negara ini. Antara langkah-langkah yang telah dibuat termasuklah menyebarkan Islam melalui pendidikan dan dakwah; mewajibkan kanak-kanak Islam bersekolah agama sehingga tamat darjah 6; mengawal pembinaan masjid, surau dan balai ibadat; mengawal kebenaran mengajar agama Islam, memelihara dan membimbing Saudara-Saudara Baru, mengawal kebenaran kutipan-kutipan khairat; mengkaji dan menyelidik amalan beragama dan kegiatan-kegiatan keagamaan; mengharamkan ajaran sesat dan menyeleweng; dan mengawal perkembangan - perkembangan agama lain selain dari agama Islam menurut Perlembagaan Negara.

2. Mengawal dan menjamin umat Islam di Negara ini memperolehi sumber makanan dan minuman yang halal lagi baik dan selamat. Antara langkahnya, ialah dengan mengharamkan kemasukan minuman keras; meluluskan dan menguatkuasakan Akta Daging Halal Penggal 183; meluluskan dan menguatkuasakan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005; pengharaman rokok dan merokok sebagaimana fatwa Mufti Kerajaan Brunei; mewujudkan sistem kehakiman syariah dan perundangan sesuai dengan kehendak hukum syara'

3. Mengawal umat Islam daripada terjerumus kepada sistem urus niaga yang mengamalkan riba dan tidak berlandaskan hukum syara'. Makanya itu tertubuhnya bank-bank dan institusi kewangan Islam di Negara kita.

4. Mengawal umat Islam daripada perkara-perkara yang boleh mendatangkan dosa dan maksiat seperti perlakuan khalwat, perzinaan, mengawal premis-premis urut; mendukung penutupan premis perniagaan pada waktu solat fardu Jumaat; menyediakan garis panduan

bagi acara-acara dilakukan berdekatan dengan masjid khasnya Masjid Omar 'Ali Saifuddien; dan lain-lain lagi.

Alhamdulillah, pada 1 Januari 2013, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dapat melaksanakan "Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012". Dalam memastikan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 ini dipatuhi dan diikuti oleh semua kanak-kanak warganegara Brunei yang lahir bermula tahun 2006 dan beragama Islam, Jabatan Pengajian Islam melalui mekanismenya telah menjalankan penyelidikan bagi mendapatkan *feedback*, respons serta kesan terhadap pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah tersebut. Namun, memandangkan ianya baru sahaja mencapai satu tahun perlaksanaannya, maka hasil pemantauan dan penelitian tersebut masih pada tahap sedikit. Walau bagaimanapun, didapati bahawa masyarakat Negara ini merasa sangat bersyukur dan berbangga serta menyambut baik Perintah ini.

Antara kesan-kesannya yang dapat dilihat sepanjang tempoh satu tahun pelaksanaannya adalah seperti berikut:

1. Satu kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan agama telah terserlah dengan meningkatnya bilangan pendaftaran anak-anak masuk ke sekolah agama termasuklah pelajar-pelajar yang sudah melewati umur 7 tahun. Peningkatan ini jelas disebabkan oleh Perintah Pendidikan Ugama Wajib berbanding sebelum penguatkuasaannya.
2. Sekolah swasta juga turut sama mendukung titah Baginda dengan membukakan sekolah-sekolah agama pada sesi petang sebagaimana persekolahan Kerajaan lainnya.

Pada tahun 2013, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memberikan biasiswa Kerajaan kepada pelajar-pelajar seramai 66 orang iaitu melalui Skim Biasiswa Ke Luar Negara, ada seramai 63 orang mengikuti bidang pengajian berikut:

1. Skim Khas 'A' Level seramai 10 orang di United Kingdom;

2. Ijazah Pertama seramai 30 orang, 21 orang di Universiti Al-Azhar, 6 orang di Shoubra, 2 di United Kingdom dan 1 orang di Australia;

3. Sarjana, seramai 20 orang iaitu 9 orang di Jordan, 1 orang di Australia, 7 orang di Malaysia dan 3 orang di United Kingdom;

4. PhD. seramai 3 orang di Malaysia.

Adapun melalui Skim Biasiswa Tasyjie' untuk pengajian tinggi dalam Negara, ada seramai 3 orang telah melanjutkan pengajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di peringkat Ijazah Pertama. Dalam usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama membina masyarakat yang mengamalkan dan menghayati nilai-nilai dan ajaran Islam, beberapa program pembelajaran agama telah diadakan termasuklah Skim Tilawah

Al-Quran Remaja Peringkat Asas; Skim Tilawah Al-Quran Remaja Peringkat Lanjutan; Kelas-Kelas Dewasa Agama dan Kelas-Kelas Lanjutan Agama. Memandangkan kelas-kelas pembelajaran agama ini semakin mendapat sambutan dan perlu kepada tenaga guru agama, maka Kementerian ini dengan sokongan dari agensi-agensi yang berkenaan telah mengusahakan perubahan kadar Elaun Mengajar dan Tanggungjawab bagi Kelas-Kelas Dewasa Agama dan Kelas-Kelas Lanjutan Agama yang mana telah dinikmati oleh para guru Agama dan Al-Quran yang terlibat seperti berikut:

1. Bagi Kelas Peringkat Rendah Pra hingga Darjah IV dan Kelas Dewasa, kadar elaun baru yang diluluskan dan diberikan pada masa ini adalah sebanyak $19.00 satu jam, yang elaun sebelumnya hanyalah sebanyak $9.50 sejam. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 100%.

2. Bagi kelas Tingkatan I hingga III iaitu Skim Tilawah Al-Quran Remaja Peringkat Asas, peningkatan sebanyak 70% yang kadar elaun baru tersebut sebanyak $23.00 sejam berbanding sebelumnya hanya $13.50 sejam;

3. Manakala bagi kelas Tingkatan IV hingga V iaitu bagi Skim Tilawah Al-Quran Remaja Peringkat Lanjutan, kadar elaun mengajar meningkat sebanyak 64%, yang kadar lama elaun mengajar ialah sebanyak $16.50 satu jam dan kadar elaun baru pula ialah $27.00 sejam; dan

4. Bagi kelas Tingkatan VI iaitu kelas Lanjutan Sekolah Agama, kadar elaun mengajar meningkat sebanyak 15% iaitu $27.00 satu jam berbanding kadar sebelumnya hanya $23.50 sejam.

Adanya usaha meningkatkan elaun mengajar agama dan Al-Quran ini diharap akan turut meningkatkan semangat dan keazaman mereka yang terlibat pada menyuburkan lagi perkembangan pendidikan Islam dan Al-Quran di Negara ini. Program Insyirah telah diperkenalkan dan dilaksanakan bagi tujuan penyelarasan waktu belajar murid peringkat rendah bawah menjadi satu sesi pembelajaran. Program ini hanya dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah agama yang mempunyai bilik darjah dan tenaga pengajar yang mencukupi. Pada tahun 2013, sebanyak 32 buah sekolah telah melaksanakan program ini, manakala, 131 buah sekolah belum dapat melaksanakannya disebabkan bilik darjah dan tenaga pengajar yang tidak mencukupi.

Bagi meningkatkan dan membangunkan kapasiti dan profesionalisme sumber tenaga manusia, Jabatan Pengajian Islam memberikan peluang kepada pegawai-pegawainya untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan dalam pelbagai bidang pengajian mengikut keperluan jabatan dan selaras dengan Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama. Di samping itu, Jabatan Pengajian Islam juga telah mengaturkan penempatan kerja bagi beberapa orang tenaga pendidiknya ke institusi-institusi yang terpilih selama satu bulan iaitu

di Madrasah Al-Juned Al-Islamiah, dan di Madrasah Al-Irsyad, Singapura.

Ke arah penyediaan prasarana persekolahan agama yang mencukupi, Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang giat untuk membangunkan sekolah-sekolah agama dan sekolah Arab. Pada tahun 2013 sebanyak 2 buah sekolah agama telah dibina dan diguna pakai iaitu Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan dan Sekolah Ugama Tanjong Maya. Manakala, sebuah sekolah ugama sedang dalam pembinaan iaitu Sekolah Ugama Kupang, Tutong. Insya-Allah, jika tiada ada rintangan, pada tahun ini, sebanyak 4 buah bangunan sekolah agama akan dibina iaitu Sekolah Ugama Kampung Rimba, Sekolah Ugama Kampung Kiulap/Kiarong, Sekolah Ugama Madewa (Daerah Brunei Muara) dan Sekolah Ugama Keriam, Tutong.

Para Ahli Dewan yang dihormati, di samping bangunan sekolah ugama yang baru, *maintenance* atau pemeliharaan terhadap bangunan Sekolah Ugama yang sedia ada juga diberikan perhatian dengan menaiktarafkan sebanyak 22 buah bangunan melalui peruntukan USAI dan Peruntukan Khas, iaitu 6 buah telah selesai pada tahun 2013 dan 16 buah lagi sedang dalam proses menaik taraf atau menambah bangunan baru berdekatan dengan yang sedia ada.

Sementara itu 2 buah sekolah Arab baru akan dibina di Kampung Rimba dan Kampung Katok, masing-masing untuk lelaki dan perempuan, yang berkapasiti pelajar sekitar 2,000 orang tiap-tiap satu yang akan menelan belanja $100 juta. Daerah Temburong juga bernasib baik kerana sebuah Sekolah Arab dibina di sana yang peruntukannya sekitar $7 juta. Dalam pada itu, alhamdulillah, Sekolah Arab Belait telah siap dan diguna pakai pada tahun 2013 yang lalu.

Menyentuh tentang aspek keselamatan, keselesaan kemaslahatan pelajar-pelajar Brunei di Kaherah Mesir, Kementerian ini dengan kerjasama pihak Kedutaan Brunei di Kaherah Mesir telah melaksanakan satu inisiatif dengan menyewa bangunan yang bersesuaian untuk dijadikan tempat kediaman dan pusat aktiviti pelajar kita di sana. Bangunan yang disewa terletak di Al-Sabie, Nasr City, Kaherah. Bangunan tersebut mempunyai 9 Tingkat dan mengandungi 16 buah *apartment "fully furnished* mengandungi 78 buah bilik. Bahagian *basement*nya digunakan dewan serbaguna. Setiap pelajar yang tinggal di bangunan berkenaan hanya dikenakan bayaran sewa tetap yang sangat berpatutan. Dalam pada itu, para pelajar juga disediakan kemudahan kenderaan untuk pergi balik dari tempat tinggal ke Universiti Al-Azhar.

Semua langkah tersebut diambil adalah semata-mata untuk memberi keselesaan, perlindungan dan keselamatan kepada pelajar-pelajar kita di Republik Arab Mesir, bagi membolehkan mereka memperolehi ilmu pengetahuan agama yang satu-satunya pusat pengajian tinggi Islam yang terunggul dan terkenal.

Dalam hal ini, kita menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah mengurniakan kemudahan-kemudahan yang sedemikian itu.

Pengisytiharan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dalam tempoh 6 bulan telah diwartakan pada 22 Oktober 2013. Kita sebagai umat Islam dan rakyat Negara ini wajar mendukung dan menjunjung tinggi titah Baginda demi mendaulatkan agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara. Nampaknya Negara Brunei Darussalam merupakan Negara Melayu Islam pertama yang menjadikan hudud sebagai Undang-Undang Rasmi di Negara. Perkara ini kaola kira bukanlah untuk dibanggakan, tetapi untuk mentaati kewajipan yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala dan untuk mendapat keredhaan-Nya kerana kita adalah hamba Allah, dan ingin menjadikan umat Islam yang tulen dan sejati di dunia dan akhirat.

Undang-Undang Islam ini bersifat tetap, tegas, kukuh, unggul dan sangat adil. Ia mengandungi komponen kesejahteraan dan keamanan yang dapat menyelamatkan menjamin kehidupan umat manusia. Di sebalik ciri-ciri ketegasan dalam perlaksanaannya, sistem perundangan Islam ini juga memperincikan dan menjelaskan konsep keampunan dan taubat yang membawa kepada perdamaian jika si pelaku menyesali perbuatan salahnya terhadap mangsa. Di sini, jelas menjelaskan Undang-Undang Islam itu sangat telus, saksama, holistik, berperikemanusiaan dan berasaskan tabie semula jadi manusia itu sendiri.

Undang-Undang Islam itu bukanlah sesuatu yang baru, bahkan telah lama wujud sejak 1,400 tahun dahulu iaitu suatu tempoh yang sangat lama, undang-undang ini telah terabai. Jika ada orang lain yang belum ada berminat itu terpulanglah kepada mereka, tapi jangan memperkecilkan orang yang berminat, kita tetap berminat yang telah dibuktikan dengan usaha dan azam yang tinggi sejak lebih dua dekad yang lalu iaitu suatu tempoh yang bukannya sekejap, sesuai dengan firman Allah yang menyuruh berlumba-lumba pada membuat kebaikan dalam Surah Al-Baqarah ayat 148:

وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ أَيْنَ مَا
تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ertinya, *"Berlumba-lumbalah pada membuat kebaikan dan kebajikan".*

Kita umat Islam wajib meyakini bahawa Undang-Undang Islam ini datang daripada Allah Subhanahu Wataala, Tuhan Sekalian Alam bukannya daripada manusia. Maka sesuatu yang datang daripada Allah Subhanahu Wataala sudah pasti merupakan kurnia anugerah yang membawa kepada kebaikan dan bukanlah perkara yang sia-sia.

Sebelum pelaksanaan perintah ini, pihak-pihak yang berkenaan khasnya gandingan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, serta

agensi-agensi Kerajaan memberigakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah kepada umum terutamanya seluruh masyarakat di negara ini bermula dari saat ianya diwartakan pada 22 Oktober 2013. Hal ini penting bagi memberikan maklumat dan pengetahuan agar masyarakat kita celik Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat jangka panjang, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam telah mengambil langkah proaktif memasukkan hukum hudud ke dalam *syllabus* mata pelajaran Fiqeh II, Bab Jenayat yang diajarkan kepada murid-murid Darjah 6 di sekolah-sekolah ugama. Perkara ini selaras dengan semangat Perintah Pendidikan Ugama Wajib yang telah dilaksanakan awal bulan Januari tahun lalu.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat saya harap, Yang Berhormat akan dapat menyelesaikan kenyataan itu.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Insya-Allah lagi 5 minit. Terima kasih. Mudah-mudahan dengan huraian ini, barangkali akan dapat mengurangkan soalan-soalan, insya-Allah.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya pun berpendapat begitu dengan huraian yang begitu terperinci mungkin tidak ada banyak orang mahu menyoal.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat. Di samping memberikan pemahaman mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah di kalangan orang ramai, Bahagian Pendakwaan Syarie juga telah mempergiatkan usaha bagi persediaan pelaksanaan tersebut dengan mempersiapkan dan memperkasa pegawai-pegawai Unit Perundangan Islam bagi mengikuti kursus-kursus dan latihan di dalam luar Negara melalui Bengkel Merangka Polisi Pendakwaan Fasa 1 dan Fasa 2; Kursus Keterangan Elektronik; Skil Advokasi Peguam Syarie 2.0 (Pembuktian dan Penzahiran Dokumen) dan membantu Bahagian Penguatkuasaan Agama untuk melaksanakan Undang-Undang Islam tersebut. Untuk menjayakan perkara ini, kita berterima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah memberikan peruntukan sebanyak $2 juta bagi menggerakkan pelaksanaannya di peringkat awal ini.

Berhubung dengan pertanyaan ataupun cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal beberapa hari yang lalu di Dewan yang mulia ini, supaya penghantaran dibuat di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang Kehakiman Syarak yang memegang Ijazah Undang-Undang Syariah, untuk mengambil pula Ijazah Undang-Undang Sivil *(LLB)* seperti pernah diusahakan pada kira-kira satu dekad dahulu dan telah dibuktikan berjaya dicapai oleh 3 orang anak tempatan lulusan Al-Azhar. Ini bermakna seorang itu memegang 2 ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda dalam Perundangan Syariah dan Ijazah Sarjana Muda dalam Perundangan Sivil, dalam tempoh masa pengajian yang diambil

kesemuanya 8 tahun (4 tahun setiap ijazah).

Dalam hal ini, untuk makluman bersama bagi menangani pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Brunei, pemikiran dan persediaan dari segi akademik sudah wujud pada awal-awal penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun 2007 dahulu iaitu mewujudkan Program Undang-Undang yang merupakan kombinasi antara Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil di UNISSA yang mulanya mengambil tempoh 4 tahun, kemudian berkembang menjadi program *'Double Degree'* mengambil masa 5 tahun dengan bercontoh kepada UIA di Kuala Lumpur.

Alhamdulillah, kaola difahamkan program dalam Negara kita ini berjalan dengan baik sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semalam, hasilnya kita akan dapat lihat tidak lama lagi di tahun-tahun akan datang ini. Sementara di luar negara (Malaysia) ada sejumlah 33 orang pemegang biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah lulus atau sedang mengikuti program yang sama *Double Degree'* (Sivil dan Syariah) yang sebahagiannya sedang berkhidmat dalam berbagai-bagai agensi Kerajaan.
Di sinilah harapan kita supaya tenaga manusia dapat dikeluarkan bagi mendukung pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada masa hadapan. Di samping itu, sangat eloklah juga diusahakan dan dipertimbangkan cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal tadi, sebagai satu cadangan *'Special Case'* kerana bezanya ialah seorang itu akan memperolehi pengetahuan yang lebih meluas dalam kedua-dua aspek perundangan yang disebutkan, dan yang lebih penting bahawa bahasa Arab dan pembacaan kitab *Turath Islami*nya (kitab mu'tabar asli dalam ilmu fiqh) akan lebih mendalam diperolehi oleh pelajar-pelajar dari bidang Syariah yang pernah belajar di Universiti Al-Azhar. Orang seperti ini, yang berilmu dalam dua bidang ertinya bukan satu bidang sahaja, kaola kira lebih kompeten, dan sangat diperlukan oleh Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah kita di Negara kita pada masa hadapan.

Yang Berhormat Pengerusi, kita sebut sahaja perkataan masjid pasti akan terbayang di minda kita rumah Allah yang suci dan selamat. Masjid bukan sahaja merupakan tempat menunaikan solat bagi umat Islam malah digunakan sebagai pusat menimba ilmu pengetahuan. Berbagai aktiviti telah dikendalikan dan dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi tujuan mengimarahkan masjid dan mengembangkan serta menyebarkan syiar Islam.

Timbul kesedaran, supaya pembinaan masjid kini bersifat lebih *functional.* Oleh itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid sekarang dalam proses menyediakan garis panduan bagi memastikan masjid-masjid yang akan dibina bukan sahaja mempamerkan ciri-ciri keislaman yang indah dan menarik yang melambangkan

syiar Islam di Negara ini, tetapi hendaklah juga dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti perpustakaan, bilik kuliah, bilik jenazah dan lain-lain. Perancangan pembinaan masjid baharu juga akan mengambil kira kepadatan penduduk terutama di kawasan perumahan.

Memang banyak masjid yang akan dibina, yang rasanya tidaklah payah kaola sebutkan satu persatunya di sini. Pembinaannya tentulah mengikut keperluan dan perancangan, saiz dan nilainya juga berbeza-beza iaitu mengikut kapasiti dan tempat ianya dibangunkan. Insya-Allah, antaranya akan ada beberapa buah masjid yang menyerlah, sesuai dengan peruntukan yang disediakan.

Bagi keselesaan dan keselamatan jemaah masjid yang beribadat di masjid-masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid mengambil langkah meningkatkan pengawasan masjid dengan memasang *CCTV* secara berperingkat-peringkat di masjid-masjid seluruh Negara. Jabatan ini telah diberi peruntukan khas sebanyak $500,000.00 untuk pemasangan *CCTV* di masjid-masjid terpilih pada tahun lepas (2013/2014) dan sebanyak $100,000.00 bagi tahun 2014/2015 ini.

Isu kecurian tabung masjid dan harta benda jemaah masjid terutamanya jemaah perempuan sering sahaja kita dengar. Perkara ini boleh saja menyebabkan masyarakat Islam takut untuk bersembahyang di masjid-masjid dan sekali gus menjadikan masjid-masjid sunyi dan sepi tanpa ada pengunjung. Selain pemasangan *CCTV*, inisiatif-inisiatif lain juga telah dan akan dijalankan seperti mengupah di kalangan penduduk kampung untuk dijadikan penjaga malam atas persetujuan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid (bagi masjid yang berkemampuan dari segi kewangan); mengarahkan Ketua-Ketua Imam masjid supaya memohon bantuan dan sokongan serta penglibatan Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid dalam sama-sama memata-matai keselamatan bangunan dan harta benda masjid khasnya pada waktu malam. Mengadakan perundingan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei untuk membuat rondaan di masjid-masjid yang sering berlaku kecurian terutama selepas sembahyang Fardu Isya' hingga sebelum sembahyang Fardu Subuh. Menasihatkan jemaah masjid supaya tidak membawa barang-barang berharga semasa bersembahyang di masjid dan inisiatif seterusnya masih dalam perundingan iaitu bagi menempatkan Pegawai Keselamatan *(SPSS)* di masjid-masjid yang difikirkan sangat memerlukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat sudah bercakap selama 27 minit. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita kembali bersidang sebagai Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada petang ini pukul 2.30 petang, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa. Maka, untuk membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu persatu, Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini disambung semula dan masih lagi membincangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Semasa mesyuarat atau perbincangan di Peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah memberikan penjelasan yang terperinci. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita menyambung semula perbincangan ini, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, ingin membuat pernyataan terhadap soalan yang telah diajukan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, semasa mesyuarat membincangkan Rang Peruntukan bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengenai beberapa isu-isu yang berkaitan dengan Stesen Minyak SATENAGA.

Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan dan saranan-saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Kaola ingin menyentuh isu kekerapan pemeriksaan pam-pam minyak, yang menurut Ahli Yang Berhormat telah menyebabkan kerugian dari aspek pendapatan penjualan minyak dan gangguan kepada pelanggan. Kaola difahamkan bahawa keperluan pemeriksaan 4 kali setahun adalah seperti mana yang telah ditetapkan oleh Pusat Standard Kebangsaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu semata-mata untuk melindungi pengguna-pengguna dengan memastikan setiap sukatan minyak

adalah tepat. Walau bagaimanapun, pihak *Brunei Shell Marketing (BSM)* telah mengambil maklum mengenai masalah yang telah dibangkitkan ini dan akan mencadangkan bagi keperluan pemeriksaan 4 kali setahun ini diteliti semula dengan mengambil kira amalan terbaik di dalam industri dan *collaboration track record* pam-pam berkenaan; dan

Menyentuh perkara yang telah dibangkitkan iaitu isu-isu penghantaran minyak pada waktu malam dan kehabisan stok. Permintaan yang meningkat telah menyebabkan jumlah kenderaan tangki minyak *Road Tanker Car (RTC)* yang ada pada masa ini tidak cukup dan penghantaran pada waktu malam adakah satu langkah ke arah memaksimumkan jumlah penghantaran kepada stesen-stesen minyak. BSM mempunyai 22 buah *(RTC)*, tetapi hanya 18 ke 20 sahaja yang beroperasi pada setiap masa, disebabkan oleh kerosakan dan keperluan *maintenance.* Masalah ini ditambah lagi oleh penggunaan *compartment tanker* minyak *(RTC)* yang tidak optimum.

Antara inisiatif *Brunei Shell Marketing (BSM)* ke arah menangani keadaan ini adalah dengan membuat perancangan bagi menambah bilangan *availability (RTC)* kepada 26 buah pada setiap masa. Insya-Allah 13 buah *(RTC)* baru akan mula beroperasi pada penghujung tahun ini juga. Dengan penambahan ini, penghantaran minyak akan menjadi lebih teratur. *Brunei Shell Marketing (BSM)* juga menggalakkan pembelian secara penuh oleh stesen-stesen minyak dengan menaikkan had kredit mereka masing-masing bagi membolehkan penggunaan *compartment* tangki minyak *(RTC)* secara optimum. Penghantaran pada stesen-stesen minyak yang mempunyai tangki simpanan yang terhad juga kini dibuat pada hari Ahad dan penghantaran seperti ini akan dipanjangkan kepada stesen-stesen yang lain menurut keperluan.

Bagi memperbaiki pengurusan stok harian *Brunei Shell Marketing (BSM)* telah mengarahkan pihak pengusaha stesen minyak untuk memberikan maklumat (stok) kepada *Brunei Shell Marketing (BSM)* setiap pagi, namun begitu dari 38 buah stesen hanya sebahagian sahaja yang mematuhi arahan ini. Satu projek yang sedang dilaksanakan ialah pemasangan alat sukatan isi tangki atau *Automated Tank Gauge (ATG)* yang berupaya memberi maklumat secara *realtime* tentang isi kandungan tangki. Peralatan ini telah pun dipasang di 27 buah stesen di seluruh Negara dan dijangka siap keseluruhannya pada penghujung tahun 2014 ini. Insya-Allah, satu sesi dialog antara *Brunei Shell Marketing (BSM)* dengan pengusaha-pengusaha stesen minyak bagi membincangkan isu-isu berkenaan akan diadakan pada bulan Mac ini nanti.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat agar *Brunei Shell Marketing (BSM)* memberikan kebenaran kepada Syarikat Minyak SATENAGA untuk membeli *tankers* sendiri, agar ianya dapat memperolehi bekalan dari *Brunei Shell*

Marketing (BSM) pada bila-bila masa yang diperlukan. Kaola telah pun difahamkan bahawa antara lain memastikan perkhidmatan pengendalian *(RTC)* sentiasa memenuhi piawaian industri termasuklah yang berkaitan dengan *HSE*, maka ianya menjadi *policy BSM* bagi pengendalian *(RTC)* dibuat secara berkontrak dengan *BSM* sahaja.

Pada tahun ini, pihak *BSM* akan mengeluarkan tawaran bagi pembekalan secara berkontrak, 13 buah *(RTC)* lagi kepada *BSM*. Tawaran ini akan dibukakan pada syarikat-syarikat tempatan yang berkelayakan termasuklah mana-mana syarikat pengusaha stesen minyak yang berminat untuk turut serta. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama akan menyambung kenyataan tadi dan saya telah diberi pengakuan bahawa sambungan ini hanyalah secara ringkas sahaja.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kaola menyambung sekitar 5 hingga 7 minit sahaja, insya-Allah. Tadi kita telah bercakap mengenai menjaga masjid, keselamatan masjid, pemeliharaan masjid, dari segi pemasangan *CCTV*, dari segi tenaga yang mengawal masjid, mungkin memerlukan kepada upahan-upahan. Sekarang kita akan bercakap mengenai kebersihan masjid yang menjadi satu topik hangat daripada jemaah-jemaah masjid, kerana kebersihan masjid kurang memuaskan.

Jadi, untuk menyelesaikan perkara ini, kita akan berusaha untuk mendapatkan khidmat *outsourcing*, satu syarikat yang tertentu akan mengendalikan perkara ini untuk masjid-masjid di seluruh Negara. Insya-Allah, walaupun kita terpaksa berbelanja sedikit, tetapi demi mendapatkan kebersihan yang berterusan maka, inilah caranya, insya-Allah.

Bagi tujuan memberikan pengetahuan dan kefahaman akan kandungan teks Khutbah Jumaat, di samping berkongsi ilmu dan menyebarkan dakwah, Jabatan Hal Ehwal Masjid juga berhasrat untuk menterjemahkan teks-teks khutbah Jumaat ke dalam bahasa Inggeris sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, dalam Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lalu.

Kerja-kerja menterjemah akan dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terjemahan teks-teks khutbah Jumaat itu dihasratkan untuk diagih-agihkan kepada jemaah-jemaah yang memerlukan sahaja (mereka yang tidak faham bahasa Melayu). Mempersiapkan dan membekalkan imam-imam yang berkualiti juga menjadi agenda Jabatan Hal Ehwal Masjid. Untuk itu, program-program,

kursus-kursus, bimbingan dan latihan seperti menghalusi bacaan, kefasihan, kelancaran intonasi penyampaian khutbah diberikan kepada pegawai masjid yang sering dibuat.

Selain itu, ilmu-ilmu agama yang lain seperti Ilmu Tauhid, akidah pengajian kitab Thurat Al-Quran dan penguasaan tajwid juga dititikberatkan bagi menjadikan imam-imam masjid supaya dapat menjadi Imam Mualim. Sebenarnya, kalau kita lihat perkembangan imam-imam kita sekarang, kaola rasa memang jauh bezanya berbanding dengan imam-imam zaman dahulu. Kalau imam-imam sekarang, mereka masih muda, berkelulusan memegang ijazah, membaca fasih dan baik, bacaan khutbahnya baik. Kaola sendiri, alhamdulillah, sudah nampak kemajuan itu. Tetapi, walau bagaimanapun, ada jugalah setengah-setengah jemaah kita yang masih belum berpuas hati dan kita akan usahakan supaya lebih meningkat lagi, insya-Allah.

Bagi melahirkan imam-imam yang berkualiti satu seminar telah diadakan baru-baru ini bertajuk “Seminar Kecemerlangan Pegawai-Pegawai Masjid” yang peserta dan pembentangnya adalah dari dalam dan luar negara. Jadi, diharapkan dengan adanya seminar ini dan beberapa seminar yang lalu, akan dapat meningkatkan kualiti imam-imam.

Usaha-usaha dan langkah untuk memartabatkan nama Negara Brunei Darussalam, di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang pembacaan dan penghafazan Al-Quran juga diungkayahkan iaitu sama ada dengan menerima undangan ataupun menyertai pertandingan di luar negara seperti Morocco, Thailand, Kuwait, Jordan, Malaysia, Dubai, Indonesia, Moscow dan Mekah Al-Mukkaramah. Semua pertandingan itu telah berlangsung pada tahun 2013.

Bagi mencapai ke arah kehidupan yang harmoni, dan melahirkan warganegara yang mengamalkan amar makruf nahi mungkar, beberapa program berbentuk kekeluargaan seperti Kursus Kemahiran Keibubapaan, Pembangunan Keluarga Islam yang membawa tema ”Satu Hati, Satu Jiwa, Satu Impian”, juga telah direncanakan untuk diungkayahkan melalui Rancangan Kolaborasi Jabatan Hal Ehwal Syariah bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat yang dihasratkan antara lain untuk menyemai nilai-nilai kekeluargaan dan budaya kebruneian agar mampu melahirkan generasi yang seimbang, memperkukuh imuniti kekeluargaan agar dapat menjadi perisai, menangkis cabaran-cabaran hidup, meningkatkan sensitiviti ahli keluarga terhadap ancaman dan pengaruh persekitaran dan melahirkan keluarga yang hidup dalam suasana kekeluargaan yang penuh dengan kemesraan dan kasih sayang.

Menyebut hal kekeluargaan, ia bukan sahaja menyangkut hubungan suami isteri dan nikah cerai, tetapi juga perlu diperbaiki hubungan antara anak dengan ibu bapa yang kelihatan

semakin rapuh pada masa ini. Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak dan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa perlu difahami dan dihayati dengan sebaik-baiknya dalam usaha untuk membina masyarakat dan Negara yang harmoni, bahagia, sakinah dan mawaddah.

Apa yang dilihat sekarang ini, ialah seperti yang selalu ada dalam akhbar kita, ada kedapatan berita-berita, anak-anak mengabaikan ibu bapa, yang tidak melawat atau jarang melawat ibu bapa. Itu satu *problem* dalam masyarakat membina keluarga yang bahagia. Itu perlu menjadi tumpuan kita jua. Ancaman dari anasir-anasir negatif, khususnya melibatkan soal akidah juga menjadi perkara utama dan penting bagi memelihara keselamatan dan keharmonian beragama di Negara ini.

Satu Seminar Kebangsaan Kefahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah, telah diadakan yang memfokuskan tentang amalan dan perbuatan yang boleh membawa kepada penyelewengan akidah serta kesannya, meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, mendedahkan kefahaman yang mengelirukan melalui media-media baru dan menjelaskan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan akidah. Seminar ini dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dengan kerjasama dari Pusat Dakwah Islamiah dan telah menyasarkan kepada 300 pegawai-pegawai Kerajaan, swasta, penuntut-penuntut dan orang awam.

Bagi menjamin keselamatan sosial, yang merupakan satu daripada fakta tema pada tahun ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sangat prihatin terhadap golongan Muslim yang kurang mampu. Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertanggungjawab untuk memberikan bantuan dan keperluan asas bagi golongan fakir miskin di Negara ini. Pada tahun 2013 sahaja, Kementerian ini melalui Majlis Ugama Islam telah memberikan bantuan perumahan golongan fakir dan miskin yang telah diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu sebanyak 52 buah rumah telah diserahkan kepada penerima, 19 buah sedang dalam pembinaan, 4 buah perumahan masih dalam pertimbangan dan 4 buah rumah lagi akan dibaik pulih.

Selain bantuan perumahan, bantuan berbentuk latihan dan penempatan kerja juga diberikan kepada golongan tersebut sebagai usaha tegar Urus Setia Program Pengupayaan Asnaf Zakat untuk mengeluarkan golongan berkenaan daripada garis kemiskinan. Bidang-bidang latihan yang diberikan adalah seperti kursus kemahiran teknologi informasi dan komunikasi, kursus asas kemahiran teknikal (kemahiran pemasangan paip air, membaik pulih alat penghawa dingin, membaik pulih kenderaan dan sebagainya), kursus asas kemahiran terapi kecantikan dan kursus asas teknologi rekaan fesyen dan lain-lain.

Pada sesi 2013/2014, ada seramai 26 orang peserta telah mengikuti Program *PROPAZ* dan 66% telah berjaya mendapat pekerjaan. Bagi program perantis pula, seramai 42 orang telah mengikuti program tersebut iaitu kumpulan pertama seramai 13 orang dan kumpulan kedua seramai 29 orang. Urus Setia *PROPAZ* telah mengaturkan penempatan beberapa orang fakir miskin untuk bekerja sambil belajar di beberapa buah syarikat yang menjadi rakan strategik program ini.

Bantuan-bantuan kewangan daripada agihan wang zakat telah diberikan kepada mereka setiap bulan yang mengikuti program ini, di samping bayaran daripada syarikat-syarikat berkenaan. Program ini bertujuan untuk membantu golongan fakir miskin berusaha untuk mendapatkan kemahiran dan pekerjaan bagi menyara kehidupan mereka dan menggalakkan mereka berdikari dan tidak bergantung pada wang zakat semata-mata. Program ini berjalan selama 2 tahun.

Pada tahun ini, Majlis Ugama Islam, insya-Allah, akan mengungkayahkan Projek Bantuan Perumahan Orang-Orang Daif dan Fakir Miskin iaitu sebanyak 50 buah rumah yang dianggarkan berjumlah $12,740,000.00 akan dibina di Kampung Air, iaitu di Kampung Bolkiah ‘A’. Program ini adalah projek perancangan tahun 2013 yang masih dalam proses penyelidikan dan penyediaan reka bentuk.

Bagi meningkatkan peratus pengeluaran zakat fitrah dan harta, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga sangat menyokong program promosi berzakat yang dijalankan oleh Majlis Ugama Islam yang mana program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang wajib berzakat serta menggalakkan syarikat-syarikat khasnya warga kerja untuk menunaikan zakat.

Menunaikan zakat sama statusnya dengan menunaikan kewajiban sembahyang fardu, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji ke tanah suci kerana zakat itu termasuk dalam Rukun Islam yang lima. Melaksanakan Rukum Islam ini adalah tanda jelas kita adalah seorang muslim yang sejati.

Ke arah menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan pegangan hidup kita dan ke arah menyerlahkan cahaya Al-Quran di Negara ini, alhamdulillah Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam Konvokesyen Haflut Takharujnya yang pertama baru-baru ini telah berjaya mengeluarkan 12 orang graduan pertamanya dalam pengajian Diploma ‘Alliyah Qiraat sesi pengajian 2010-2013, yang terdiri daripada 10 orang siswa dan 2 orang siswi.

Dalam majlis tersebut juga, seramai 30 orang hafiz dan hafizah Al-Quran sepenuhnya yang terdiri daripada 26 orang lelaki dan 4 orang perempuan telah diberi penghargaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Almarhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu suatu perkara yang kita tidak pernah terbayang kemajuan sedemikian itu sebelumnya. Dulu, kita susah untuk melahirkan hafiz-hafiz, tetapi sekarang ini, alhamdulillah sudah ramai yang menjadi hafiz. Semua ini adalah berkat hati kita, ikhlas beragama.

Pada akhirnya, kaola bersyukur ke hadrat Allah kerana peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama sejumlah $260 juta lebih sedikit daripada tahun yang lalu adalah mencukupi, yang insya-Allah, akan membolehkan kementerian kaola menggerakkan jenteranya, bagi menyerlahkan lagi sinar Islam di Negara ini. Kementerian kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, itu saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama ini untuk dibahas, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa bagi mengelakkan perkara-perkara yang sama yang berkaitan dengan tajuk ini berulang-ualng kali dibincangkan, maka saya meminta kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada soalan-soalan yang hendak dikemukakan, biarlah ringkas saja dan tidak membangkitkan lagi isu-isu atau perkara-perkara yang sudah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk mengemukakan soalan, silakan. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamuala Manittabaahuda. Bismillah Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu ala Rasullillah wa ala alihi Wasahbihi Wamanwala Wabakdu.

Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Bab 3(3), ada menyebutkan "Majlis Ugama Islam adalah Badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai semua perkara yang berhubung dengan agama Islam."

Dengan adanya peruntukan dan Perlembagaan itu jelas, bahawa Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam, adalah satu-satunya Badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai semua perkara yang berhubung dengan agama Islam.

Kedudukan Majlis itu adalah tinggi di sisi Perlembagaan. Sejak wujudnya Perlembagaan Tahun 1959 hingga sekarang ini, belum terdapat sebuah bangunan khusus untuk Majlis Ugama Islam. Mesyuarat-mesyuarat Majlis Ugama Islam sejak berpuluh-puluh tahun hingga sekarang terpaksa diadakan di berbagai-bagai dewan di bangunan-bangunan Kerajaan yang dipohonkan kebenaran menggunakannya daripada pihak-pihak yang berkuasa mengenai dewan-dewan tersebut. Kecuali mesyuarat-mesyuarat majlis yang diadakan di bangunan lama Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam tempoh tahun-tahun 60-an dan tahun 70-an.

Pada akhir-akhir ini, mesyuarat-mesyuarat Majlis Ugama Islam diadakan di salah satu dewan mesyuarat Jabatan Majlis Mesyuarat Negara. Manakala, di bangunan baru Kementerian Hal Ehwal Ugama, belum juga terdapat dewan khusus yang bersesuaian untuk mesyuarat-mesyuarat Majlis Ugama Islam. Sejak Majlis Ugama Islam dijadikan sebuah Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama beberapa tahun yang lalu jabatan itu semakin berkembang, tugas-tugasnya semakin banyak dan luas dan pegawai-pegawainya semakin bertambah. Diperkirakan beberapa tahun akan datang mungkin bilik-bilik pejabat, keperluan-keperluan jabatan itu tidak lagi dapat ditampung oleh bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang ada.

Kerana itu, kaola sukacita mencadangkan sudah sampai masanya supaya Kerajaan membina sebuah bangunan khusus untuk Majlis Ugama Islam. Bangunan tersebut hendaklah memenuhi ciri-ciri sebuah bangunan yang menampakkan syiar Islam, menjadi mercu tanda yang boleh dibanggakan di Negara Brunei Darussalam dan melambangkan agama Islam di sebuah Negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Sesuai dengan ketinggian Islam, sebagaimana sabda Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam dalam sebuah hadith yang bermaksud;

Ertinya: "Islam itu tinggi dan tiada sesuatu yang mengatasi ketinggiannya."

Oleh itu, kaola di dalam Dewan yang mulia ini, sukacita mencadangkan supaya bajet bagi pembinaan Bangunan Majlis Ugama Islam yang kaola cadangkan itu perlulah disediakan di dalam Belanjawan Rancangan Kemajuan Negara (RKN 11) akan datang. Manakala, langkah-langkah awal hendaklah dirancang dari sekarang, misalnya mendapatkan tapak tanah yang agak luas, penyediaan pelan bangunan dan lain-lain sebagainya.

Kita sudah mengetahui bahawa belanjawan Rancangan Kemajuan Negara (RKN 10) akan berakhir pada tahun 2016. Cadangan kaola ini adalah sebagai satu inisiatif ke arah memartabatkan lagi agama Islam di Negara Brunei Darussalam. Sekian, Wabillahit Taufik Wassalamualaikum Warahmatullah Wassalamu Ala Manittabaahuda. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola ada 3 perkara yang akan ditimbulkan. Masjid merupakan satu institusi yang bukan sahaja melakukan ibadat-ibadat khusus, malah ianya padat dengan program pentadbirannya sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang akan saya sentuh, ialah mengenai tabung masjid. Hampir semua masjid mempunyai tabung dermanya terutamanya semasa sembahyang Jumaat. Sebahagian masjid mempunyai dana yang besar tetapi tidak dinafikan ada juga masjid yang tidak mempunyai jumlah kewangan yang sedemikian. Perkara seperti ini menyebabkan ada masjid yang hanya berupaya menjalankan aktiviti dan program takmir masjid mengikut kemampuannya, ditambah pula peruntukan bagi membiayai semua program dengan peruntukan Kerajaan adalah terhad.

Soalan saya adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai perancangan untuk menggabungkan Dana yang ada di masjid-masjid dalam satu pembangunan Dana bersama untuk kemaslahatan semua masjid atas dasar ampit-mengampiti supaya selain membantu masjid-masjid yang kurang kewangannya juga membantu pihak Kerajaan menjimatkan peruntukan perbelanjaan yang ada. Di samping itu juga, dengan menggunakan dana tersebut dengan membanyakkan program dan aktiviti masjid, orang ramai akan lebih merasakan ada kemanfaatan dan faedah daripada amalan sedekah yang mereka sumbangkan dan sudah tentu dilaksanakan setelah ada pertimbangan-pertimbangan khas yang wajar dari segi hukum garis panduan dan seumpamanya.

Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah diwujudkan sejak tahun 2007 yang menyelaras program dan aktiviti muslimah masjid seluruh Negara. Daripada jumlah masjid yang semakin bertambah dan masjid-masjid yang akan dibina sebagaimana yang diterangkan tadi, sudah tentu setiap tahun akan dirancang dan ditubuhkan muslimah masjid sebagaimana yang pernah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di Dewan yang mulia sebelum ini.

Bertambahnya bilangan muslimah masjid sudah pasti tugas dan tanggungjawab menyelaras semua program dan aktiviti muslimah masjid semakin bertambah. Tetapi, apa yang dapat dilihat dalam Peruntukan Kewangan 2014/2015 tidak ada pertambahan pegawai dan kakitangan dalam bahagian tersebut. Meskipun sudah berjalan selama lebih kurang 7 tahun.

Soalan saya, adakah memadai Sumber Tenaga Manusia Wanita yang bertugas di bahagian tersebut? Adakah telah dinilai keberkesanan program dan aktiviti muslimah masjid selaras dengan matlamat dan objektif ianya diadakan?

Mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Sebagaimana yang kita ketahui pelbagai respons dan penerimaan masyarakat tidak kira di dalam mahupun di luar negara terhadap Perintah ini lebih menyedihkan. Tanggapan dan kritikan negatif lebih banyak daripada sokongan dan termasuk di kalangan segelintir masyarakat Islam turut mempersendakannya.

Tidak setakat itu sahaja, ianya turut melibatkan reputasi Kerajaan, Raja, para ulama dan rakyat seluruhnya. Ianya meluas tersebar di media-media sosial *facebook, whatsApp, internet* dan sebagainya. Merespons dengan cara berhemah dan bijaksana adalah wajar untuk kita laksanakan. Mungkin dapat difikirkan satu pandangan supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama mengasaskan satu kumpulan sukarelawan *(volunteer)* yang komited yang terdiri daripada pegawai-pegawai agama yang tampil untuk menyanggah (menangkis) segala tohmahan dan kritikan yang dilemparkan yang menyerang hukum-hukum Islam melalui *internet* dan media-media baru.

Mereka ini hendaklah dilengkapkan pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat *ICT* bagi membolehkan mereka menjawab isu-isu dalam media baru masa kini. Mereka ini bolehlah kita anggap sebagai benteng kepada umat Islam dalam mempertahankan akidah umat Islam semuanya. Kumpulan ini harus komited dan berterusan merespons perkara-perkara yang boleh menjejaskan keamanan, perpaduan dan seumpamanya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih juga kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana telah memberi penerangan yang begitu padat dan tepat.

Soalan kaola, dalam memperkasa dan meningkatkan keupayaan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menangani beberapa isu yang berhubung kait dengan keperluan Negara dan orang ramai khususnya umat Islam, maka dalam Dewan yang mulia ini, Yang

Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan Jabatan Kemajuan Islam Brunei.

Ini ada hubung kaitnya seperti yang disuarakan oleh rakan saya Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Peranan jabatan itu diperluaskan skopnya sebagai menangani apa jua permasalahan yang berhubung kait dengan isu-isu keagamaan dan kemudahan umat Islam terutama melawan perang psikologi daripada berbagai-bagai media massa dalam dan luar negeri yang kerap berpandangan negatif dan mencampuri kebebasan kita dalam menentukan acuan yang hendak kita laksanakan.

Perkara ini memerlukan kepakaran bagi membuat penjelasan dan penafian yang jitu bagi mempertahankan apa yang Negara kita rencanakan sesuai dengan wawasan Negara iaitu Negara Zikir, Melayu Islam Beraja (MIB) serta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlandaskan hukum Allah Subhanahu Wataala Yang Maha Agung Lagi Lurus.

Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi, dalam sesi muzakarah yang lepas, telah menyebutkan beberapa inisiatif untuk membina masjid-masjid di beberapa kawasan khususnya di Zon 4. Ada beberapa buah kampung yang tidak tersenarai dalam program untuk membina masjid tersebut umpamanya Kampung Tanjung Nangka. Mengikut Ketua Kampung dan penduduk Kampung Tanjung Nangka, satu tapak telah pun diperuntukkan seluas 7 ekar bagi membina masjid tersebut. Namun, setakat ini belum ada tanda-tanda untuk membina masjid tersebut.

Sama jua keadaannya belum ada usaha untuk membina masjid di Kampung Tarap Bau. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kampung Tarap Bau mempunyai keramaian penduduk lebih 1,000 orang.

Pembaikan dan pembesaran beberapa buah masjid. Ada beberapa buah masjid yang didapati mengalami kerosakan seperti kebocoran yang perlu pembaikan segera. Ini secara ringkas sahaja. Masjid yang perlu diperbesarkan ialah seperti Masjid Kampung Masin ataupun dibina bangunan baru bagi keperluan dan kepesatan jemaah yang menunaikan sembahyang fardhu Jumaat dan juga majlis-majlis keraian yang diadakan di kampung tersebut. Kedua, Masjid Kampung Panchor Murai juga perlu diperbesarkan, Masjid Kampung Kasat memerlukan pembesaran ataupun pembinaan semula, yang keempat Masjid Kampung Lumapas, kepadatan penduduk bertambah dari sebelumnya.

Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi, tanah perkuburan sudah beberapa kali dibangkitkan iaitu pagar dan tangga

Kampung Putat dan Baong, tanah perkuburan Kampung Limau Manis dan Wasan, tanah perkuburan Kampung Junjungan, tanah perkuburan Kampung Kulapis, Kampung Tanjung Nangka, Kampung Lugu dan Kampung Bengkurong, Senarubai.

Mengenai kebersihan masjid itu sudah diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan kita menyambut baik usaha-usaha yang telah diperuntukkan itu. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana telah menitahkan supaya dilaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Sebagai rakyat di Negara ini, kita semua perlulah bersatu padu untuk menyokong usaha-usaha yang benar-benar berkebajikan ini.

Sebagaimana juga dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita sendiri selaku orang Brunei, mestilah benar-benar menjadi orang Brunei. Apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei, bersatu tanpa mengira apa jua kaum dan apa jua pegangan.

Masyarakat Tionghoa yang menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam sejak abad ke-15, hidup aman, harmoni dan saling memahami antara kami dengan kaum-kaum lain tanpa mengira kepercayaan masing-masing. Kami juga sentiasa mendapat kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama kami dengan aman di Negara ini berasaskan Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) ini.

Dalam Dewan yang mulia ini, kami Masyarakat Tionghoa berdiri teguh akan bekerjasama sebagai tanggungjawab kita semua atas nama rakyat Negara Brunei Darussalam iaitu bersatu padu untuk menyokong dan mendukung pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini pada 1 April 2014.

Untuk makluman, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, pada 22 Mac 2014 nanti, Masyarakat Tionghoa akan mengadakan satu sesi muzakarah bersama Pegawai-Pegawai Syariah dan Pegawai dari Pejabat Peguam Negara bertempat

di Bangunan Sumbangsih Bahagia pada sebelah pagi.

Seramai lebih 300 orang Masyarakat Tionghoa akan menghadirinya nanti. Ini merupakan peluang baik bagi memahami Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dengan lebih mendalam lagi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, usaha-usaha memperbanyakkan masjid di Negara Brunei Darussalam akan terus diusahakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Terlebih dahulu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, atas mukadimahnya yang cukup lengkap sehingga banyak persoalan yang kaola yang akan ajukan telah terjawab dan secara tidak langsung peluang untuk kaola menyoal tertutup dengan sendirinya.

Perkara sedemikian ini, banyak baiknya. Tapi, ada jua inda baiknya Yang Berhormat Pengerusi. Walau bagaimanapun, terkenang titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Baginda bertitah: *"Supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat jangan takut-takut untuk bercakap di Dewan yang mulia ini."*

Dalam hubungan ini, kaola cuma ada dua persoalan saja yang kaola rasa perlu kaola bangkitkan kerana ingin mendapat keyakinan mengenainya:

1. Kaola mencadangkan di Dewan yang mulia ini, bagi membantu pihak Kerajaan khususnya Majlis Ugama Islam Brunei dalam usahanya memperbanyakkan pembinaan masjid di Negara ini, supaya dapat mempertimbangkan menubuhkan sebuah tabung bagi membolehkan orang ramai menderma khusus untuk membantu membina masjid-masjid di seluruh Negara. Pewakaf hanya menghulur derma untuk membina masjid manakala pihak Kerajaan menyediakan infrastrukturnya. Ini akan dapat menambah nilai dalam membantu mempercepatkan, membanyakkan pembinaan masjid-masjid di seluruh Negara; dan

2. Berhubung dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Kaola ingin mendapatkan keyakinan kerana kaola menyokong penuh akan Undang-Undang Syariah ini.

   Sekiranya berlaku satu kes, seorang warga negara asing di bawa ke muka pengadilan atas sebab-sebab melakukan kesalahan

yang menyalahi Undang-Undang Syariah di Negara ini, dan jika sabit kesalahan akan menerima hukuman setimpal. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengetahui, iaitu sekiranya ada negara luar yang cuba-cuba dengan suara lantang untuk mengekstradisi rakyatnya supaya diadili di negara mereka sendiri. Dalam hubungan ini apakah tindakan pihak Perundangan Syariah kita dalam menanganinya?

Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Behormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Behormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menimbulkan satu perkara saja. Melalui sesi permuzakarahan dan taklimat dari beberapa buah kementerian, semua agensi Kerajaan nampaknya sedang giat berusaha keras untuk menjayakan program atau projek memudah cara perniagaan atau *'ease of doing business'*. Langkah ini adalah juga bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya pentadbiran Kerajaan mengamalkan sikap probisnes bagi membantu dan mengembangkan sektor swasta.

Salah satu isu yang ditimbulkan semasa dialog tersebut ialah proses untuk mendapatkan lesen perniagaan sebelum memulakan perniagaan. Keperluan untuk mempunyai Sijil Halal sebagai salah satu prasyarat yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebelum mengeluarkan lesen perniagaan dalam bidang pengeluaran makanan termasuk lesen untuk membuka kedai makan, restoran dan lain-lain, adalah merupakan satu langkah yang tepat dan wajar bagi sebuah Negara Zikir seperti yang di *highlight* dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi.

Melalui laman *web* Kementerian Hal Ehwal Ugama, pengeluaran Sijil Halal tidak termasuk dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian tersebut. Kaola difahamkan pengeluaran Sijil Halal pada masa ini, hanya dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam secara sukarela. Sementera perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama hanyalah bagi pengeluaran Sijil Permit Import Halal dan Sijil Penyembelihan Halal yang dikeluarkan melalui Lembaga Pengeluaran Permit Import Halal yang ditubuhkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Soalan kaola, kenapakah Kementerian Hal Ehwal Ugama, belum mengambil

tindakan untuk memudahkan pengeluaran Sijil Halal yang diperlukan bagi mendapatkan lesen perniagaan dalam bidang pengeluaran dan penyediaan makanan demi sama-sama membantu menjayakan projek *'ease of doing business'* serta menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, supaya perkhidmatan awam bersikap probisnes? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Jika ditinjau secara umum melalui laporan-laporan sama ada melalui media cetak atau elektronik, banyak perkara negatif yang dialami oleh para belia. Ini kerana infokomunikasi yang semakin canggih sehingga dunia tiada sempadan. Senario ini memberikan impak positif dan negatif kepada individu, masyarakat dan Negara. Dalam hal ini pengukuhan jati diri yang kental perlu dibentuk dalam diri belia supaya segala pengaruh negatif dapat dihindarkan.

Cadangan saya, ialah mengadakan slot pendidikan akhlak dan agama di setiap saluran media elektronik dan media cetak, televisyen dan pawagam. Contohnya, memberikan slot peringatan terhadap kesalahan melakukan maksiat dalam tayangan *movie*, di panggung-panggung atau dalam tayangan drama di televisyen seperti tayangan iklan yang biasa dibuat oleh penaja. Meningkatkan aktiviti-aktiviti di masjid-masjid yang boleh menarik para belia mencintai masjid dan seterusnya memakmurkan masjid. Aktiviti pendidikan, dicadangkan seperti seni mempertahankan diri berunsur Islam, kursus perniagaan secara Islam dan seumpamanya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat:

1. Berhubung dengan penderaan anak damit dan kanak-kanak yang berkaitan dengan Kursus Nikah Kahwin. Peringkat umur 2 hingga 5 tahun, yang sering menjadi mangsa dera. Peringkat begini merupakan zaman aktif dan ingin tahu. Banyak menggunakan pegerakan mulut dan tangan, gemar memegang, bermain apa juga benda sehingga sampai ke tahap merosakkan yang dianggap mengacau dan amai tangan oleh ibu bapa yang tidak memahami

peringkat pertumbuhan dan perkembangan awal kanak-kanak. Akhirnya, ibu bapa yang begini mudah naik berang dan marah keterlaluan sehingga menyebabkan memukul, mencubit dan sampai ke tahap menyepak terjang.

Contohnya, ada satu kisah di luar negara dan mungkin sudah berlaku di Negara kita, iaitu kisah yang menyayat hati. Kisah si ayah yang memukul anaknya yang berumur 2 tahun dengan parah kerana hanya memainkan dan mematahkan batang rokoknya. Si anak yang pengsan di bawa ke hospital tetapi meninggal dunia kerana kecederaan dalaman. Penyesalan si ayah tidak berguna lagi. Oleh itu, adakah dalam perancangan untuk memasukkan pengetahuan psikologi perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak dalam Kursus Nikah bagi pasangan muda yang bakal akan berumah tangga dan mempunyai anak-anak damit bagi mengelakkan berlakunya penderitaan kanak-kanak oleh ibu bapa.

2. Bahagian Imarah (Pentakmiran) Jabatan Hal Ehwal Masjid), antaranya terdiri dari Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam. Elaun sejumlah $200 ribu telah diperuntukkan khusus bagi membiayai Elaun Tenaga Pelajar bagi Kelas-Kelas Dewasa Agama dan Kelas Lanjutan Agama yang disediakan untuk masyarakat-masyarakat setempat untuk mengikuti kelas-kelas agama termasuk Al-Quran secara berterusan.

Oleh itu soalan kaola, adakah cadangan untuk melibatkan Kelas Al-Quran bagi Penduduk Mukim Rambai? Rasanya amat penting kelas ini diadakan di sini agar menyediakan tenaga pengajar yang tetap secara berterusan kerana apa yang diketahui, yang jelasnya mukim ini sukar untuk menyediakan peserta setiap kali Majlis Khatam Al-Quran sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk memudahkan kelas-kelas ini berjalan, maka kaola merayu dan memohon untuk kali kedua setelah diusulkan pada tahun lepas iaitu pembinaan Masjid Kampung Rambai. Apa yang difahamkan kepada kaola, tanah untuk tapak masjid ini, telah pun dicadangkan sejak tahun 2007, di simpang menuju Kampung Merimbun dan simpang Kuala Unggar. Kalaulah masjid tidak dapat dibuat kerana alasan ada masjid di Kampung Benutan dan Kampung Bang Dalam, maka alasan itu tidaklah sesuai kerana keadaan perhubungan di kawasan ulu ini dan keadaan masyarakatnya yang harus diambil kira. Apa yang perlu adalah

matlamat untuk kita berdakwah. Buat masa sekarang ini, kita perlu memudahkan saudara baru kita ini untuk berjemaah dan berjinak-jinak dengan kegiatan keagamaan kalau ada masjid di kampung itu sendiri.

3. Mengenai Masjid Kampung Lamunin yang sudah agak lama dan kecil, sukar untuk menampung jemaah yang ramai. Tambahan pula kedudukannya di atas bukit, berhampiran kawasan persendirian yang sempit, tidak mempunyai kawasan letak kereta yang cukup, malahan untuk 10 buah kereta pun adalah sukar. Jemaah terpaksa meletakkan kereta di bawah, masalahnya ialah kepada warga emas untuk naik bukit. Oleh itu, dicadangkan pembinaan masjid baru Kampung Lamunin yang juga ada tapak, yang sudah dicadangkan beberapa tahun yang lalu.

4. Mengenai Masjid Kampung Telisai yang sedia ada telah dirancang untuk diubah suai secara berperingkat dalam 3 fasa. Kaola sendiri dipanggil bersama, untuk meneliti pelan ubah suai tersebut 2 tahun yang lalu. Rasionalnya, untuk diubah suai adalah:

   i. Masjid ini tidak boleh lagi menampung jemaah yang ramai waktu solat Jumaat. Para Jemaah ada yang terpaksa bersolat Jumaat di luar masjid, iaitu tempat laluan keluar masuk ke dalam masjid dan para Jemaah solat menghadap tandas dan tempat mengambil wuduk perempuan.

   ii. Para Jemaah perempuan tidak lagi dapat menggunakan tempat berwuduk dalam tandas tersebut kerana kawasan tersebut dipenuhi jemaah lelaki.

   iii. Masjid ini terletak di tepi jalan utama yang mudah disinggahi oleh sesiapa saja di luar kampung termasuk pelancong dari negara jiran.

   iv. Pembinaan masjid baru belum lagi ada termasuk dalam RKN, walaupun pembinaan Masjid Kampung Telisai ini telah lama dipohonkan.

Oleh itu, soalan kaola, apakah perkembangan rancangan ubah suai masjid utama tersebut?

5. Mengenai Zakat Mualaf, peluang menunaikan fardhu haji Mualaf dan status mualaf. Ini terpaksa kaola bawa kerana adalah daripada mukim yang berkenaan. Agihan zakat mualaf lazimnya diberikan sehingga 10 tahun, bermula dari individu tersebut memeluk agama Islam dan status mualafnya masih kekal selepas 10 tahun. Antara persyaratan menerima tambang dan kemudahan untuk menunaikan fardu haji. Soalan kaola:

   i. Sampai bilakah had status panggilan mualaf ini ditiadakan?;

ii. Jika status mualaf ini masih kekal, adakah individu ini masih memperolehi kemudahan seperti mualaf 10 tahun ke bawah. Misalnya, seperti zakat dan bantuan lain?;

iii. Adakah pemikiran untuk memendekkan tempoh 10 tahun ke 5 tahun bagi mendapatkan peluang menunaikan fardu haji, asalkan persyaratan menghayati ajaran agama Islam seperti akidah, akhlak dan syariah diamalkan dengan baik? Rasionalnya memendekkan tempoh kepada 5 tahun ialah memberi peluang kepada yang memeluk agama Islam ketika berumur sudah lanjut yang berkemungkinan tidak berkesempatan atau berpeluang untuk mendapatkannya. Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menambah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Memberi wakaf untuk kebajikan amal adalah satu perbuatan yang terpuji. Seperti mewakafkan tanah bagi mendirikan masjid dan surau, tanah perkuburan dan juga alat perkakas untuk tempat ibadah tersebut.

Kaola mendapat maklum, ada antara rakyat kita, mewakafkan kewangan untuk mendirikan masjid dan surau di luar negara. Dalam hubungan ini, kaola cadangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama menggalakan orang ramai untuk memberi wakaf di dalam Negara dan bagi memudahkan orang ramai berurusan bagi tujuan ini. Adalah baik ditubuhkan satu unit kecil dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama khusus bagi mentadbirkan hal ini? Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab bagi menguruskan hasrat orang ramai supaya proses dan pentadbirannya dapat dirancang dengan teratur. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu selama 15 minit dengan harapan pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memikirkan soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu. Terima kasih.

(**Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)**

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan di peringkat Jawatankuasa ini disambung semula dan kita masih

lagi membincangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebelum mesyuarat ditangguhkan tadi, 9 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengajukan soalan dan pandangan. Saya akan mempersilakan seorang sahaja lagi dan selepas itu menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan penjelasan. Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Proses Pensijilan Halal ini memakan masa yang lebih panjang kerana cara-cara yang dikendalikan seperti yang dijalankan pada masa yang lalu dan sekarang. Yang Berhormat Pengerusi, syarikat-syarikat terutamanya restoran dikehendaki menyenaraikan bahan-bahan mentah (*raw materials*) untuk disahkan dan dipastikan kehalalannya, Ini dipraktikkan berulang-ulang kepada setiap syarkat restoran yang memohon dan menjalankan proses permohonan Pensijilan Halal. Padahal, majoriti bahan-bahan mentah itu yang diimport dari luar negeri dan pengimportannya dibuat oleh beberapa syarikat yang sudah berkecimpung begitu lama di Negara ini.

   Untuk memudahkan proses ini, kaola ingin memberikan cadangan pegawai-pegawai mengawal dan memeriksa kehalalan proses ini untuk mempercepatkan dan mengurangkan kerja-kerja pemerosesan ini supaya semua syarikat pengimport bahan-bahan mentah diberi sijil-sijil halal kepada semua bahan-bahan mentah yang diimport dan dimestikan mengikut 100% bahan-bahan mentah itu diimport adalah halal dan ditandakan dengan label logo halal Negara Brunei Darussalam.

   Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan cara ini ia akan mengurangkan masa, kos, tenaga kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memriksa berulang-ulang kali bahan-bahan mentah yang sama. Kalaulah masa pemprosesan dapat dijimatkan, maka masa dapat dimanfaatkan kepada perkhidmatan yang lebih berkesan dan reputasi Jabatan Pensijilan akan lebih menyerlah lagi.

2. Ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana mengisytiharkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Sehubungan dengan itu, kaola petik keratan soalan daripada

rakan kaola iaitu Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang berbunyi "Beberapa orang hakim di Mahkamah Syariah sudah pun lanjut umurnya dan perlu para pengganti bagi pelapis yang akan mengganti mereka pada suatu masa nanti".

Yang Berhormat Pengerusi, kaola difahamkan bilangan hakim syariah di Negara ini hanya berjumlah kurang daripada 10 orang, manakala ada yang sudah lanjut umur, bulan depan akan bermulanya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan akan berkuat kuasa. Tentu sekali pada awal-awal ini kes-kes jenayah akan bertambah maka dengan bertambahnya kes-kes besar mungkin hakim-hakim ini tidak mencukupi. Soalan kaola adakah perlunya bagi mengambil hakim-hakim dari luar negeri bagi tempoh sementara waktu bagi menangani kekurangan itu untuk melicinkan kerja-kerja tambahan atau untuk melaksanakan kes-kes yang diramalkan akan bertambah. Difahamkan, kebanyakan peguam syariah yang ada sekarang masih lagi belum cukup pengalaman, dikhuatiri kes-kes tidak akan diuruskan dengan efisien dan sempurnanya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, ada menyebut dalam ucapan beliau tadi, antaranya beliau memaklumkan sementara di luar negeri (Malaysia) ada sejumlah 33 orang pemegang biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah lulus dan sedang mengikuti program yang sama *double degree* (sivil dan syariah) sebahagiannya sedang berkhidmat dalam bahagian agensi Kerajaan. Sekian, Yang Berhormat, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan menjawab seberapa ringkas sahaja. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, mencadangkan supaya dibina bangunan bagi Majlis Ugama Islam dan dapat kiranya dimasukkan dalam belanjawan yang akan datang. Perkara ini, memang ada dalam pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membangunkan bangunan yang tersendiri, akan diusahakan. Soalnya, ialah soal tempat, tapak di mana dan juga soal peruntukan nanti akan timbul. Walau bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada masa ini telah membuat tambahan sebuah bangunan berdekatan yang sedia ada. Dalam bangunan baru ini ada satu bilik mesyuarat yang dihasratkan untuk ahli Majlis Ugama Islam bersidang ertinya bilik mesyuarat itu mencukupi untuk Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat yang seramai

20 orang itu yang biasa bersidang dalam memuatkan untuk 20 ke 25 orang. Tetapi, untuk sebesar-besarnya memanglah tidak difikirkan. Tapi kalau dibuat satu bangunan yang khusus akan difikirkan, insya-Allah.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin menimbulkan cadangan supaya dana-dana masjid di seluruh Negara dapat dikumpulkan menjadi satu dana yang akan dapat digunakan untuk masjid-masjid lain dalam segala kegiatan. Dalam hal ini, ia juga berkaitan dengan niat orang itu menderma misalnya ke masjid Jangsak. Kalau tidak silap mengikut fatwa tidak dapat digunakan untuk masjid yang lain hanya untuk Masjid Jangsak sahaja. Ini memerlukan lagi fatwa bagaimana sekiranya dapat dikumpulkan dana-dana di setiap masjid di seluruh Negara disatukan untuk memerlukan lagi satu fatwa, insya-Allah.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin juga menimbulkan masalah kegiatan muslimah yang semakin aktif dan semakin menyerlah supaya ada peruntukan tambahan bagi pegawai-pegawainya. Insya-Allah, akan diteliti dan diusahakan supaya pegawai-pegawainya ditambah dan diperkukuh lagi kedudukan bahagian muslimah di masjid kerana ia sangat bermanfaat kepada masyarakat Islam di Negara kita dan mengenai nilai-nilai aktiviti yang dijalankan oleh muslimah ini insya-Allah kita akan membuat peniliaan.

Mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mencadangkan supaya diwujudkan sukarelawan bagi menjawab persoalan-persoalan yang negatif yang ditimbulkan mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Untuk makluman Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan juga masyarakat bahawa sebenarnya kita ada jawatankuasa khas mengenai perkara ini. Jawatankuasa Pemberigaan dan Jawatankuasa Menjawab Soalan-Soalan yang timbul daripada pemberigaan tersebut. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama. Jawatankuasa ini mempunyai anggota-anggotanya yang tertentu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara ini.

Kita serahkan kepada jawatankuasa ini daripada mengasaskan sukarelawan belum tentu macam mana kebolehan dan keupayaannya. Barangkali dengan cara terbaik pegawai yang mengawalnya adalah yang mempunyai kelulusan yang tinggi didalam Kerajaan.

Mengenai soalan yang ditimbulkan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, cadangannya supaya diadakan Jabatan Kemajuan Islam Brunei. Sebenarnya saya pun musykil juga dengan cadangan ini. Kalau kita mewujudkan Jabatan Kemajuan Islam Brunei, apakah itu tidak akan bertindih dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kementerian Hal Ehwal Ugama sekarang ini bukannya

tidak berupaya, dia sudah mempunyai beberapa buah jabatan, beberapa bahagian dan beberapa institusi di bawahnya yang boleh berperanan. Kalau ditubuhkan lagi satu Jabatan Kemajuan Islam memang apa namanya, ini akan bertindih kerja-kerja itu. Itu saya rasa tidak efektif dan lagi kita adalah sebuah kementerian, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Macam di negara-negara lain ia ada jabatan, ia bukan kementerian.

Jadi, kita mempunyai kelebihan di sana. Dalam kementerian kita ada beberapa jabatan lagi, ada beberapa bahagian, ada beberapa unit. Tidak payah saya sebutkan beberapa unit, hanya puluhan jabatan dan unit dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam perkara yang ditimbulkannya juga ialah beberapa kampung tidak tersenarai dalam pembinaan masjid baru iaitu Kampung Tanjung Nangka, Kampung Tarap Bau. Yang sebenarnya, walaupun tidak tersenarai macam Kampung Tanjung Nangka tapi insya-Allah sudah difikirkan sejak tahun lepas, akan diadakan masjid di Kampung Tanjung Nangka ini. Insya-Allah, di Kampung Tarap Bau juga akan diadakan masjid. Cuma dia tidak tersenarai pada masa ini, kerana kita pada masa ini mempunyai senarai yang panjang membina masjid baru dan juga membaik pulih masjid-masjid yang sedia ada, senarai yang panjang. Jadi, Insya-Allah, ini akan termasuk juga, akan diusahakan juga.

Cadangan pembesaran masjid bagi Kampung Masin, Kampung Panchor Murai, Kampung Kasat dan Kampung Lumapas. Kalau tidak silap, Kampung Lumapas ini sudah ada tersenarai dalam Projek USAI. Masjid Kampung Lumapas ini akan dibesarkan masjidnya tapi yang lain-lain itu kita akan meneliti jika ada keperluannya, Insya-Allah.

Mengenai tanah perkuburan seperti Kampung Limau Manis dan Kampung Junjungan dan juga beberapa tanah perkuburan yang lain, insya-Allah kita akan tinjau dan teliti keperluannya. Sejauh ini, kita telah pun mengusahakan cadangan-cadangan yang ditimbulkan, baik secara pertemuan antara hati ke hati dengan masyarakat dan orang ramai ataupun perjumpaan antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa yang ditimbulkan itu, alhamdulillah telah diambil perhatian dan Yang Berhormat sendiri pun sudah menyatakan ada usaha-usaha telah dibuat. Insya-Allah, yang lain-lain itu akan juga kita tinjau dan kita teliti keperluannya.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, mengucapkan akan berdiri teguh dan mendukung pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Kita mengucapkan tahniah, syabas kepada Yang Berhormat dan Masyarakat Tionghoa yang akan berdiri teguh bersama-sama dengan rakyat dan Kerajaan dalam mendukung Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah kitani.

Kemudian, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas ucapan tahniah daripada Yang Berhormat

Awang Haji Mohd. Shafiee kepada mukadimah saya tadi. Mukadimah saya tadi itu, menyatakan apa yang berlaku, apa yang telah berlaku, apa yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Saya sebenarnya, tidaklah mengharapkan apa-apa pujian dan sebagainya, tetapi, sekiranya apa yang telah diusahakan itu mendapat penerimaan yang baik, saya mengucapkan syukur alhamdulillah.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, ialah untuk menimbangkan sebuah tabung untuk membina masjid. Perkara ini, sebenarnya, telah diusahakan, telah difikirkan, dan insya-Allah kita akan mengusahakan tabung bagi membina masjid. Tetapi, sudah tentulah tabung ini barangkali kalau diwujudkan pun tidak dapat kita bergantung sepenuhnya pada tabung ini, melainkan kita juga memerlukan kepada bantuan daripada Kerajaan. Tentulah saya kira tidak akan mencukupi untuk membina masjid yang dalam status yang kita bina sekarang ini memakan berjuta-juta ringgit, barangkali mungkin tabung ini susah untuk mengumpulkannya. Tapi, walau macam manapun, hasrat bagi orang yang berwakaf dan mencurahkan duitnya dalam tabung ini banyak atau sedikit, insya-Allah akan diberi pahala. Tetapi, kita tentulah juga akan berharap kepada Kerajaan. Perkara ini sedang dalam pemikiran.

Dalam usaha untuk menyediakan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Apakah kiranya orang asing yang dibawa ke muka pengadilan dapat di ekstradisi? Saya ingin memberikan penjelasan di sini, mengenai ekstradisi ini, pada pandangan saya dalam Hal Ehwal Sivil telah terdapat satu perintah khusus mengenai yang dipanggil *Extradition Order 2006. Order* ini menyediakan prosedur serta peraturan yang lengkap serta syarat-syarat tertentu bagi membolehkan satu ekstradisi dijalankan sama ada dari Brunei ke negara luar, atau dari negara luar ke Brunei. Sama ada *order* ini boleh diguna pakai dalam kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, ia adalah perlu kita teliti lagi.

Walau bagaimanapun, prinsip-prinsip yang terdapat dalam *order* berkenaan boleh dijadikan panduan, antaranya seperti berikut:

1. Daripada aspek Negara, perlu adanya persetujuan *(treaty)* antara kedua-dua belah pihak sama ada secara *bilateral* ataupun secara *multi-lateral*;

2. Apsek mengenai kesalahan, kesalahan-kesalahan yang terlibat itu mestilah merupakan kesalahan-kesalahan yang termasuk kesalahan yang boleh diekstradisi. Biasanya, kesalahan-kesalahan itu dinyatakan dalam *treaty* dan termasuk juga dalam kesalahan melawan undang-undang negara yang memohonkannya (Negara Brunei Darussalam). *Penalty*nya yang maksimum adalah mati ataupun penjara.

Jadi, kesalahan-kesalahan yang dalam ekstradisi itu, adalah kesalahan-kesalahan yang boleh diekstradisi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingin memberikan pandangan bahawa soal ekstradisi ini adalah berasaskan timbal balas, seperti Yang Berhormat nyatakan tertakluk kepada *treaty.* Jadi kalau Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai *treaty*, di mana-mana Negara yang meminta supaya pesalah itu dihantar balik ke tempatnya, itu tidak akan dapat dijalankan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pehin kaola meneruskan lagi soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, mengenai Sijil Halal. Dalam laman web Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak termasuk mengenai dengan Sijil Halal. Jadi kalau belum termasuk. Saya harap teman-teman saya yang di belakang akan dapat mengusahakan, supaya Sijil Halal ini ada dalam laman web kitani, dan juga cadangan supaya Sijil Halal ini dapat dipermudahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya lebih mudah dan lebih banyak orang memohon, sebagaimana yang telah saya jelaskan beberapa hari yang lepas mengenai pengeluaran Sijil Halal ini. Kita berusaha untuk mempermudahkannya tetapi dari segi yang lain kita juga terpaksa menjaga kualiti Sijil Halal itu.

Dalam menjaga kualiti itu, kita mengadakan audit seperti yang kaola jelaskan, audit kecukupan, audit susulan, audit pemantauan dan bahagian pemeriksaan juga berhati-hati dalam perkara ini. Perkara halal dan haram yang tidak boleh dipermudah-mudahkan, tidak boleh disemberanakan. Kita akan mengusahakan supaya ia lebih mudah dengan cara-cara dan kaedah yang lain tetapi bukan dengan mempermudahkan tetapi akan menjejaskan kualitinya. Barangkali, mungkin tidaklah Kementerian Hal Ehwal Ugama akan bersetuju tetapi mekanisme yang lain mungkin boleh dicari, diusahakan, bagaimana lebih mudah. Terima kasih.

Daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, menimbulkan cadangan mengadakan slot didikan ugama dalam media. Sebenarnya ini tidak pun ada tetapi mungkin belum lagi menyerlah ataupun belum lagi begitu menarik. Soalnya, ialah supaya bagaimana ia dapat menarik didikan agama itu dalam media. Dalam media-media elektronik, cetak dan sebagainya, seperti mengadakan slot kursus perdagangan dan sebagainya.

Seterusnya, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, ada menimbulkan penderaan anak damit supaya dapat dimasukkan dalam kursus Pranikah. Ini akan kita sampaikan kepada pihak yang menganjurkan kursus ini, supaya memberi penekanan kepada perkara ini.

Bahagian Imarah, mengikut cadangan Yang Berhormat supaya penduduk Mukim Rambai diadakan program-program Imarah. Program Imarah ini urusan Jabatan Hal Ehwal Masjid supaya

pergi ke Rambai dan melihat apa keperluan masyarakat di sana. Keduanya ialah pembinaan Masjid Kampung Rambai kerana katanya sudah 2 kali mencadangkanya. Ini akan kita lihat dan kaji, begitu juga Masjid Lamunin, kalau saya tidak silap ada dalam rancangan, untuk diwujudkan sebuah masjid baru di sana dan Masjid Telisai supaya diubah suai kerana masjid ini sudah limpar penuh jemaah bersembahyang di luar masjid. Sebenarnya, kita sudah pun merancang untuk membuat sebuah masjid baru di Telisai.

Ini akan lebih menyerlah daripada yang ada. Mungkin tidak ada dalam pengetahuan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Masjid Telisai akan memakan belanja kira-kira $12 juta. Barangkali, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini dengan wujudnya masjid ini insya-Allah, akan dipenuhi.

Mengenai zakat mualaf, dalam kriteria-kriteria yang ada pada masa ini, orang itu dipanggil mualaf hingga 10 tahun, ia diberikan zakat mualaf tetapi di dalam hal haji, walaupun dia baru 5 tahun, dia boleh memohon untuk naik haji, bahkan mengikut teman-teman saya yang di belakang, walaupun dia kurang daripada 5 tahun, tetapi jika ia berkebolehan menguasai dan mempunyai kedudukan yang berpengaruh dalam masyarakatnya, juga akan dipertimbangkan. Bagi seorang mualaf, dianggap mualaf sehingga 10 tahun, sama ada ia kaya kah atau ia miskin, ia dianggap mualaf. Tetapi apabila sudah lebih 10 tahun dia tidak lagi diberikan wang zakat tapi kalau ia miskin, dia boleh memohon di bawah kumpulan fakir miskin. Kalau dia kategori tidak miskin, orang yang berada dia tidak lagi dipanggil mualaf dan tidak lagi dapat dibantu.

Kemudian mengenai Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, menimbulkan mengenai wakaf. Banyak orang mewakafkan ke luar negara. Dia mencadangkan supaya diadakan wakaf di unit wakaf di Negara kita. Sebenarnya, memang sudah ada, di dalam Majlis Ugama Islam, terdapat ada Unit Wakaf. Cuma akan mempromosikan dan mengembangkan lagi serta mendapatkan pegawai yang berkelayakan untuk menagani masalah wakaf ini yang mesti juga memerlukan orang yang khusus yang berpengetahuan dan berilmu dalam bidang wakaf ini.

Kemudian, soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, mengenai Persijilan Halal supaya semua syarikat diberi Sijil Halal untuk bahan-bahan mentah. Saya kurang faham maksudnya untuk bahan-bahan mentah kalau bahan mentah itu tidak halal, bagaimanakan diberi sijil.

Beberapa orang hakim sudah lanjut usia, adakah boleh hakim luar negeri diambil. Walaupun hakim kita lanjut usia kita akan doakan mereka dilanjutkan usia oleh Allah Subhanahu Wataala dan dapat berkhidmat kepada Negara untuk

mendukung Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini. Tapi, sebagaimana saya jelaskan tadi, kita sudah memikirkan 7 tahun dahulu mengadakan program di UNISSA, iaitu program Undang-Undang Syariah kombinasi dengan Undang-Undang Civil. Sudah ada dan dihantar keluar negeri seramai 33 orang sebagaimana yang diketahui Yang Berhormat tadi, Dalam 33 orang ini ada antaranya yang sudah lulus Undang-Undang *double degree*.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, untuk membuat pembetulan katanya.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sebenarnya, memberi sijil kepada pengimport barang-barang mentah, supaya barang mentah dapat disijilkan halal apabila sudah dibekalkannya kepada restoran-restoran itu tidak diperlukan lagi disiasat atau diperiksa itu maksud saya. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Nanti barang ini akan difikirkan, diteliti lagi. Insya-Allah. Setakat ini yang kaola catat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama ini diundi. Jadi sila angkat tangan. Terima kasih maka Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang D-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 18 Jamadil awal 1435 Hijrah bersamaan 20 Mac 2014 pada pukul 9.30 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis, 18 Jamadilawal 1435 / 20 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), (Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong ‘A’, Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Mulia Jurutulis II: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam, bersidang bagi hari yang kesebelas pada hari ini, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, bersidang bagi hari yang kesebelas.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum

kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015, di peringkat Jawatankuasa.

Maka, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu per satu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 satu per satu.

Hingga ke hari ini, alhamdulillah 8 buah Kementerian termasuklah Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Maka, kita akan beralih kepada tajuk kementerian seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan hingga SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dibuka untuk dibahas.

Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin membuat pernyataan yang ringkas. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas keizinan bagi kaola memberikan penghujahan awal tentang Peruntukan Kementerian Pembangunan yang telah pun diluluskan oleh Dewan Majlis pada hari Isnin lalu, 8 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 10 Mac 2014 Masihi.

Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah memperkenankan Peruntukan sebanyak $310,213,700.00 kepada Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Tidak syak lagi bahawa peruntukan yang diluluskan adalah sebagai usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus menyediakan infrastruktur yang mencukupi, bukan sahaja bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang ada pada masa ini, tetapi juga bagi yang akan datang.

Dengan adanya prasarana yang mencukupi, untuk keselesaan rakyat dan penduduk di Negara ini, ia adalah juga diharapkan akan dapat menarik pelaburan asing ke Negara ini, bagi menjana pertumbuhan ekonomi Negara agar Negara kita akan terus makmur dan maju. Untuk itu, beberapa jejambat dan jalan raya baru di samping kerja-kerja menaik taraf jalan raya serta memulihara jalan-jalan raya yang sudah ada adalah antara rancangan yang giat diungkayahkan pada masa ini.

Ini termasuklah, 2 projek jambatan iaitu Projek Jambatan Temburong dan Projek Jambatan Sungai Kebun, yang menjadi topik hangat di Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas. Kini, kedua projek berkenaan sudah bermula dan kita penuh komited untuk memastikan projek jambatan tersebut akan siap dalam tempoh pembinaan yang telah pun ditetapkan dan akan menjadi mercu tanda kegemilangan Negara kita sebagai sebuah Negara Zikir yang aman, makmur dan cemerlang di bawah kepimpinan Raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, dalam usaha kita mengekalkan dan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah juga memperkenankan bagi Kemajuan Perumahan di Negara ini.

Alhamdulillah, atas peruntukan yang begitu tinggi yang diberikan oleh Kerajaan bagi membina perumahan pada setiap tahun hingga hari ini, kita telah berjaya menyediakan sebanyak 37,974 unit rumah sejak tahun 1970 kepada keluarga-keluarga yang memohon perumahan, dan berjaya pula memendekkan tempoh menunggu dari melebihi 20 tahun kepada 15-20 tahun, 11-15 tahun dan ada yang kurang daripada 10 tahun. Kita akan terus berusaha untuk memendekkan tempoh menunggu di samping berusaha mereka bentuk rumah yang lebih selesa lagi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sejak permulaan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis, 6 Mac 2014 yang lalu, isu banjir juga telah banyak dibincangkan. Kita amat bersimpati kepada mangsa-mangsa

banjir atas kesusahan yang mereka alami dan juga atas kerosakan harta benda mereka. Kita menghargai kesabaran dan ketabahan mereka dan kita juga tidak mahu mereka berterusan tinggal dalam keadaan yang membimbangkan setiap kali hujan turun.

Sejak tahun 1998, kita telah pun mempunyai Pelan Induk mengatasi banjir bagi semua daerah di Negara ini secara berperingkat-peringkat, terutama di kawasan-kawasan yang mudah banjir *(flood prone areas),* seperti di kawasan pedalaman, kawasan yang rendah dan kawasan yang berhampiran sungai.

Di beberapa kawasan, projek pencegah banjir telah dilaksanakan, dapat dilihat bahawa kawasan tersebut tidak lagi mengalami banjir. Projek-projek yang dilaksanakan termasuklah membina kolam takungan air, melebarkan parit-parit dengan membina parit konkrit, memastikan aliran sungai dibesarkan atau didalami apabila perlu dan longkang tidak tersumbat, membina *outfall* untuk melarikan air yang berlebihan itu, menaik tinggi taraf ataupun paras jalan raya supaya dapat dilalui sama ada kereta atau pejalan kaki. Walaupun ini kadang-kadang membawa kesan iaitu air yang berlebihan itu akan lambat mengalir keluar. Malah, jika usaha yang sedang dibuat masih tidak mencukupi, kita sudah memikirkan untuk mengadakan *bar rash* yang mampu mengawal kuantiti air yang mengalir itu.

Kesemua projek mencegah banjir ini tidaklah dapat kita laksanakan serentak, tetapi berfasa-fasa. Insya-Allah, dengan adanya peruntukan yang baru iaitu sebanyak $68 juta bagi projek-projek mitigasi banjir yang diluluskan. Kita akan dapat mempercepatkan penyiapan beberapa projek yang sudah direncanakan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dari segi kemudahan asas seperti bekalan air, kita akan memastikan bahawa bekalan air bersih akan sentiasa mencukupi. Sebab itu, sejak beberapa tahun yang lalu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air telah memberi tumpuan kepada pembinaan empangan air, menambah loji rawatan air dan mengganti paip-paip yang lama agar tidak berlaku kebocoran dan pembaziran. Kesemua ini kita rancang agar bekalan air bersih tidak terganggu.

Isu membantu Pengusaha Kecil dan Sederhana *(SME)* juga banyak kita sentuh di Dewan ini. Kementerian Pembangunan juga berperanan dalam memberi bantuan kepada syarikat *SME* yang terlibat dan industri pembinaan terutama sekali bagi Rakyat Melayu Brunei. Bantuan yang dimaksudkan adalah seperti pendaftaran kontraktor bagi Kelas 1 dan 2, dan tidak dibukakan kepada warga asing. Peluang juga dibukakan kepada mereka yang ingin menjadi pembekal bahan-bahan dan produk-produk binaan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, khidmat

nasihat mengenai kualiti barangan dan perkhidmatan, permulaan-permulaan perniagaan, penyediaan tapak-tapak perusahan seperti tapak bagi perusahan penyimpanan batu dan perusahaan aspal dan konkrit siap pakai, dan pemberian tapak Tanah Lesen Tumpang Sementara *(TOL)* bagi perusahan-perusahan yang lain.

Kita akan terus berusaha untuk mencarikan pendekatan bersesuaian untuk membantu perkembangan *SME* di Negara ini, terutama di kalangan anak-anak tempatan. Beberapa perbincangan telah pun diadakan dalam Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan juga *stakeholders* yang lain agar usaha membantu Pengusaha Kecil dan Sederhana menjadi kenyataan.

Banyak lagi perancangan dan projek Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan yang telah dilaksanakan atau yang telah siap dalam tempoh sejak permesyuaratan tahun lalu. Tetapi, tidak semua yang dapat dilihat secara fizikal. Namun, apa-apa jua yang dibuat oleh Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Ukur, Jabatan Taman Alam Sekitar dan Rekreasi (JASTRe) dan, *Authority Building and Constrution Industry (ABCi),* sama ada dari segi dasar atau garis panduan tatacara mengendalikan sesuatu permohonan, penguatkuasaan undang-undang atau peraturan yang sudah ada, semuanya mempunyai rasional dan tujuan yang tertentu, iaitu ke arah memperbaiki lagi perkhidmatan kepada orang ramai. Di samping memastikan ia adalah sejajar dengan arah tuju Wawasan Negara 2035, insya-Allah.

Dalam perkara penguatkuasaan undang-undang atau peraturan yang sudah ada, kaola menyambut baik saranan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini, terutama yang berkaitan dengan pembuangan sampah dan pencemaran udara dan air dan sebagainya. Sudah tiba masanya bagi tindakan tegas diambil ke atas salah laku seperti membuang sampah merata-mata, membangun atau menambah rumah tanpa kebenaran dan menghirau hak atau sempadan jiran atau kerja-kerja tanah yang menjejaskan kawasan-kawasan dan tanah jiran sebelah.

Dalam hubungan ini, peranan Penghulu dan Ketua Kampung tidak kurang pentingnya bagi mendapatkan kerjasama anak-anak buah, anak-anak kampung dan anak-anak mukim sendiri dalam perkara-perkara yang boleh menaikkan imej kampung dan mukim dari kebersihan dan keindahan kampung, mukim, dari segi keharmonian, keamanan dan keselamatan. Bukan sahaja kita harus mempromosi, Satu Produk Satu Kampung atau Satu Mukim, tetapi juga Satu Produk Satu Kampung, Satu Hati dalam hal-hal kebajikan dan keharmonian untuk seluruh penduduk kampung dan mukim.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola mengakhiri mukadimah kaola ini, izinkan kaola jua menjawab satu

soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin pada 17 Mac yang lalu, iaitu soalan yang berkisar, sejauh mana Penduduk Tetap dipertimbangkan bagi menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara dan mendapatkan tanah secara *LTS*.

Mengenai pertimbangan bagi menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN), perkara ini masih dalam penelitian pihak Kementerian Pembangunan, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan bersama Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sedang membuat penyelidikan dan kajian perangkaan dan maklumat mengenai Penduduk Tetap di Negara ini.

Penemuan awal menunjukkan bahawa Penduduk Tetap terdiri daripada beberapa kategori, tumpuan kajian pada peringkat awal ini ialah kategori Penduduk Tetap yang mempunyai peluang kelayakan menjadi Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darrusaalam dan bukan rakyat mana-mana negara. Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti dasar yang bersesuaian bagi menyerapkan Penduduk Tetap di dalam Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) kitani.

Mengenai mendapatkan Tanah Tumpang Sementara *(LTS),* seperti yang dimaklumi, pemberian tanah *LTS* bagi rumah kediaman, pertanian dan penggunaan selain dari perniagaan, perindustrian *site office* dan sekolah pada masa ini tidak lagi dikeluarkan. Dasar tersebut adalah bagi semua permohonan *LTS* bukan sahaja untuk Penduduk Tetap bahkan rakyat Brunei juga tidak lagi dilayan permohonan *LTS* untuk perumahan dan sebagainya.

Bagi orang-orang yang tidak berkemampuan iaitu orang daif, fakir dan miskin termasuk Penduduk Tetap, mereka ini masih boleh dipertimbangkan untuk bantuan perumahan di bawah jawatankuasa yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri untuk dibina atas tanah mereka sendiri ataupun *LTS* ataupun tanah yang diperuntukkan kepada agensi Kerajaan yang berkenaan bagi tujuan-tujuan membina perumahan iaitu bagi orang daif, fakir dan miskin sama ada mereka Penduduk Tetap ataupun rakyat Negara ini.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi penerangan ringkas kaola akan tumpuan Peruntukan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dibuka untuk dibahas. Saya ini menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada soalan-soalan

yang hendak dikemukakan itu, biarlah ringkas sahaja dan tidak perlu lagi membangkitkan isu-isu atau perkara-perkara yang sudah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Saya akan menghadkan masa yang diberikan kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat, yang akan bercakap dan jika masanya terlimpas, saya akan memberhentikannya. Sekarang, Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dibuka untuk dibahas. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang ingin untuk bercakap, silakan. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang dirahmati sekalian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamu Ala Manit Taba'al Huda.

Perkara yang akan kaola timbulkan ini, berkaitan dengan Kementerian Pembangunan, khasnya Jabatan Ukur dan ada juga berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Perkaranya, ialah berhubung dengan perubahan sempadan kampung-kampung yang terdapat di Mukim Sengkurong iaitu Kampung Sengkurong 'A', Sengkurong 'B', Jerudong, Tanjong Nangka, Mulaut, Lugu, Katimahar dan Kulapis. Kaola tidak pasti, sama ada perubahan yang berlaku juga di kampung-kampung dan di mukim-mukim yang lain. Khabar-khabarnya, ianya berlaku juga di beberapa buah kampung yang lain.

Adalah didapati, bahawa papan-papan tanda sempadan yang asal di kampung-kampung berkenaan pada masa ini sudah dicabut oleh pihak yang berkenaan. Papan-papan tanda sempadan yang baru didirikan atau dipasang jauh dari sempadan-sempadan yang asal.

Kaola difahamkan, sebelum pemasangan papan-papan tanda yang baru itu dibuat, pihak yang berkenaan dalam Kerajaan tidak pun menghubungi atau berunding terlebih dahulu dengan Penghulu dan ketua-ketua kampung berkenaan atau mendapatkan apa jua maklumat daripada Majlis Perundingan Mukim atau Majlis Perundingan Kampung-Kampung berkenaan.

Akibatnya, berlakulah perubahan sempadan-sempadan kampung yang menyebabkan penduduk yang terkeluar dari sempadan asal kampung masing-masing merasa gelisah, kerana ada kemungkinan dengan terkeluarnya mereka daripada kampung asal dan termasuk ke dalam kampung lain, mereka akan terpaksa menukar alamat rumah, alamat kad kredit, alamat lesen memandu, alamat geran tanah, alamat kad pengenalan, alamat surat beranak dan lain-lain seumpamanya. Kalau perubahan alamat-alamat itu dimestikan oleh Kerajaan, tentu sahaja amat menyusahkan penduduk yang terlibat.

Memang rakyat dan penduduk Negara ini sudah jua dimaklumkan mengenai hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk membuat *rezoning* di seluruh Negara Brunei Darussalam bagi maksud tertentu, khasnya bagi menambah baik pentadbiran kampung-kampung dan mukim-mukim di kawasan-kawasan kampung atau mukim yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan.

Pada hemat kaola, *rezoning* itu tidaklah mesti mengubah sempadan-sempadan kampung dan mukim. Zon-zon boleh sahaja dibuat di mana-mana jua kampung dan mukim. Sempadan-sempadan kampung dan mukim yang asal biarlah dikekalkan, misalnya, jika Kampung 'A' di Mukim 'B' di zon menjadi 2 zon maka, 2 zon itu bolehlah dinamakan Zon 1 dan Zon 2, sama ada zon itu dinisbahkan kepada kampung atau mukim, di mana zon-zon itu terletak, tidaklah menjadi masalah. Umpama dinamakan Zon 1, Kampung 'A' dan Zon 2, Kampung 'A' atau Zon 1, Mukim 'B' dan Zon 2, Mukim 'B'. Barangkali, menisbahkan zon kepada mukim itu lebih praktikal.

Dengan wujudnya zon-zon itu, Ketua Kampung tidak lagi dinamakan Ketua Kampung, tetapi dinamakan Ketua Zon yang mana zon itu sama ada dinisbahkan kepada kampung atau mukim yang berkaitan. Dengan yang demikian, kaola berpendapat, *rezoning* boleh dilaksanakan dengan baik dan kawasan asal kampung dan mukim tidak berubah. Manakala, penduduk kampung-kampung berkenaan tidak gelisah mengenainya, kerana mereka tidak terkeluar dari kawasan kampung masing-masing dan tidak perlu menukar segala alamat yang kaola sebutkan tadi.

Di sini, kaola mencadangkan apalah jua kiranya, papan-papan tanda sempadan kampung-kampung yang terlibat di Mukim Sengkurong, yang dipasang jauh dari sempadan-sempadan asal kampung berkenaan, diletakkan semula di tempat-tempat asalnya sebelum perubahan itu dibuat. Manakala, papan-papan tanda zon bolehlah dipasang bagi menentukan sempadan-sempadan zon yang bersesuaian di kampung-kampung berkenaan.

Dalam melaksanakan pemasangan papan tanda sempadan kampung di tempat asalnya, dan pemasangan papan tanda zon, koala berpendapat, adalah elok dan 'majalis' jua usulnya pihak yang berkenaan dalam Kerajaan membawa bersama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung berkenaan, supaya pemasangan papan tanda berkenaan menepati kawasan-kawasan yang sebenar iaitu sempadan asal kampung dan sempadan zon yang dikehendaki bagi mengelakkan anak-anak buah mereka tidak lagi bersungut dan gelisah.

Demikianlah, pendapat dan saranan kaola berhubung dengan isu pemasangan papan-papan tanda sempadan di kampung-kampung yang terdapat di Mukim Sengkurong yang ada hubungannya dengan *rezoning*. Kaola berpendapat, hasrat Kerajaan untuk melaksanakan *rezoning* itu, adalah baik dan patutlah dialu-alukan, asal sahaja tidak melibatkan perubahan sempadan-sempadan kampung yang asal.

Pemikiran kaola ini, tidaklah bermaksud membangkitkan kemarahan atau menyinggung perasaan mana-mana jua pihak, tetapi semata-mata menyampaikan sungutan-sungutan penduduk yang terkeluar daripada kawasan asal kampung-kampung mereka, dan sebagai sama-sama menjulungkan buah fikiran di Dewan ini, sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam: "Supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, jangan takut-takut bercakap bagi membincangkan apa jua perkara demi untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam".

Jika pemikiran kaola itu baik, itu datangnya daripada Allah Subhanahu Wataala, dan jika sebaliknya, itu datangnya daripada kaola sendiri, seorang insan yang lemah dan bersifat dengan sifat kekurangan, sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran, Surah An-Nissa', Ayat 28:

يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ ضَعِيفًا ۝

(An-Nissa' : 28)

Tafsirnya: *"Allah sentiasa hendak meringankan beban hukum-Nya kepada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah".*

Wallahuaalam. Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatuillahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya tertarik dengan perbelanjaan dalam peruntukan bagi kementerian-kementerian Kerajaan yang bertajuk Pemeliharaan Aset Kerajaan. Disiplin Pengurusan Aset pada amnya memastikan setiap aset terurus dan dipelihara agar prestasi penggunaan aset berkenaan sentiasa di tahap yang optimal.

Perkara ini memerlukan pendekatan, antaranya menyediakan strategi masa panjang terutamanya sumber kewangan, mengadakan kaedah *life*

cyle costing atau total cost of ownership dan memelihara secara proaktif dan berperingkat-peringkat. Sesuai dengan tanggungjawab Kementerian Pembangunan yang membina dan memelihara kebanyakan bangunan, aset-aset fizikal serta aset-aset kejuruteraan di Negara ini dan memandangkan aset Kerajaan yang semakin bertambah, adakah Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan sudah menekankan akan amalan-amalan yang lebih terarah secara lebih strategik dan mengikut piawaian tertentu seperti *ISO 55,000* mengenai pengurusan aset ini?

Dalam kesempatan ini, saya mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan meningkatkan keupayaan dan profesionalisme dalam disiplin pengurusan aset fizikal ini melalui *specialized training* (latihan khusus) bagi mereka yang berkenaan.

Perkara kedua, ialah mengenai *local plan*. Saya ingin menyentuh mengenai perancangan setempat *(local plan).* Pada lazimnya *local plan* ini adalah satu kaedah mengintegrasi atau menaik taraf pembangunan-pembangunan di kawasan setempat dan memangnya sudah dilaksanakan di beberapa *locality* di Negara ini.

Pada pandangan saya, kawasan sekeliling Lapangan Terbang Antarabangsa di Mukim Berakas perlu dinaik taraf supaya kawasan tersebut dapat dimanfaatkan untuk memberi perkhidmatan sokongan secara *integrated* kepada Lapangan Terbang tersebut bagi jangka masa panjang dan sederhana. Juga, memandangkan kawasan berkenaan adalah kawasan yang pertama dilihat oleh pengunjung-pengunjung luar Negara, eloklah jika kawasan dipersekitaran lapangan terbang tersebut mempunyai penampilan yang menarik serta teratur serta perjalanan trafik yang efisien.

Saya juga merasa usaha untuk mempromosi perkembangan pusat-pusat bandar yang baru di Negara Brunei Darussalam adalah juga selaras dengan saranan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri beberapa hari yang lalu.

Soalan saya, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat perancangan setempat bagi kawasan berkenaan iaitu kawasan yang berhampiran dengan lapangan terbang? Ini memandangkan hal-hal yang seperti berikut:

1. Pada masa kini terdapat perkembangan yang menggalakkan seperti pembangunan *Knowledge Hub* di Kampung Anggerek Desa serta pembangunan kawasan-kawasan komersial di Kampung Burung Pingai dan di kawasan Kampung Serusop. Pembangunan-pembangunan ini hendaklah diselaraskan dengan perancangan jangka panjang kawasan berkenaan; dan

2. Terdapat juga pembangunan yang saya rasa kurang sesuai seperti

laluan keluar dari lapangan terbang yang bertemu terus dengan laluan keluar lebuh raya yang berhampiran. Saya rasa kurang pasti bersesuaian ialah mengenai pembangunan yang sedang berjalan pada masa ini iaitu pembangunan sebuah institusi teknikal yang berdekatan dengan pusing keliling Jalan Berakas-Jalan Muara, laluan keluar lebuh raya.

Soalan saya seterusnya yang pernah saya timbulkan pada mesyuarat ke-8 pada tahun 2012 iaitu apakah perancangan Kementerian Pembangunan untuk memastikan kawasan komersial Kampung Kiulap dan kawasan komersial Gadong tidak terpisah secara fizikal bagi pejalan kaki?. Kita sering saja melihat pejalan-pejalan kaki menyeberang jalan yang bertaraf lebuh raya yang memangnya berbahaya terutama sekali pada waktu kurang cahaya seperti waktu malam dan waktu hujan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan-Temburong. Kita sebagai rakyat amat bersyukur kerana beberapa tahun lagi akan siap jambatan penghubung Bandar Seri Begawan-Temburong.

Ini tentunya bukan saja memberi kemudahan perjalanan bagi penduduk Brunei, bahkan juga sebagai tarikan pelancong dari luar negara. Ia nya akan menjadi salah satu mercu tanda kemegahan Negara. Perbelanjaan Kerajaan bukanlah sedikit, ia memakan belanja lebih $1 bilion. Sebagai rakyat yang bertanggung-jawab rasanya tidak akan rugi sekiranya Jambatan penghubung Bandar Seri Begawan-Temburong akan dikenakan tol dengan harga yang bersesuaian mengikut jenis-jenis kenderaan. Ianya tentunya akan menambah pendapatan Negara.

Harga-harga rumah yang telah di*develop* oleh orang-orang asing, harga jualannya terlalu tinggi, kalau sebuah rumah ada yang sampai $450,000.00, rumah kembar $250,000.00 tertakluk keluasan tanah dan lokasi rumah tersebut dibangun. Ada baiknya, harga jualan *developer-developer* ini dipantau dan dikawal oleh Kementerian berkenaan supaya tidak membebankan orang kitani.

Sesetengah pembeli ada yang membayar rumah mereka sehingga mereka pencen. Dalam penyiasatan saya seorang pembeli yang berumur 32 tahun, gaji hampir $3,000.00 dan potongan bank sebanyak lebih $2,000.00 sebulan manakala baki gaji hanya tinggal $700.00 sebulan dan ia membayar dalam jangka masa 23 tahun.

Proses memajukan tanah lambat diluluskan sehingga memakan masa sampai 6 tahun. Pemecahan tanah dengan *private service* selama 2 tahun, tukar milik tanah lebih setahun, selepas itu pekerjaan menembok tanah dan menunggu tanah itu dibangun memakan masa setahun sehingga proses-proses pembangunan rumah. Kalau boleh, perkara ini dipercepatkan supaya mereka yang ingin membangun rumah tidak menunggu terlalu lama.

Pembuangan *M-oil* (minyak pelincir kenderaan) dan lain-lain dari *workshop-workshop* nampak tidak terkawal. Biasanya, mereka mengalirkan terus ke longkang. Ini tentunya mengotorkan longkang dan sungai dan akan membunuh kehidupan di sungai berkenaan. Ada baiknya, minyak ini dikitar semula bagi menjamin kebersihan alam sekitar. Hendaklah dibuat satu akta supaya mereka yang membuang sewenang-wenangnya akan diambil tindakan mahkamah, didenda atau dipenjara atau kedua-duanya sekali. Saya beranggapan, perosak alam sekitar adalah satu kesalahan berat. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu, sebelum mengemukakan soalan, kaola ingin menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. bagi mewakili rakyat dan penduduk Mukim Lumapas atas terbinanya Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan-Sungai Kebun. Jadi, dalam perkara ini jua ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan yang telah berusaha pada menjayakan rancangan tersebut. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi:

1. Perumahan. Menyedari bahawa faktor lokasi dan tanah di Negara Brunei Darussalam tidak cukup luas dan sudah tidak boleh menampung bagi kawasan perumahan di Negara ini terutama di Daerah Brunei dan Muara, maka dalam kesempatan ini, kita perlu memberikan tumpuan kepada beberapa buah mukim dan kampung di Negara ini yang boleh dijadikan kawasan perpindahan atau perumahan seperti yang terdapat di Mukim Lumapas dan Lugu dan jika difikirkan perlu, ianya patut dilaratkan di Mukim Pangkalan Batu dan beberapa kampung yang lain di kawasan Zon 4.

Kalau dilihat secara rasionalnya, perkara ini memang memberikan faedah dan manfaat kepada mukim dan kampung:

i. Penduduk kampung dan mukim tersebut tidak perlu meninggalkan kampung asalnya (masih bertahan);

ii. Amalan dan budaya yang diwarisi turun-temurun dapat dipertahankan seperti majlis gotong-royong, perpaduan dan budaya kampung masing-masing dapat diteruskan;

iii. Kampung dan mukim akan sentiasa berkembang dan ini akan mewujudkan peluang perniagaan, perusahaan dan industri akan cepat berkembang di mukim dan kampung berkenaan; dan

iv. Wujudnya perumahan sedemikian akan mengurangkan kesesakan lalu lintas kerana penempatan masyarakat tidak terhad di kawasan seperti di Lambak dan sebagainya.

2. Jalan raya merupakan alat perhubungan yang sangat penting terutama sekali penduduk di pedalaman seperti Kampung Batong menuju ke Batang Mitus (jalan paip) agar dapat diperbaiki atau dibubuh aspal untuk kemudahan penduduk kampung bagi mengusahakan pertanian mereka. Perkara ini, amat diperlukan kerana sebahagian penduduk Kampung Batong dan tuan punya tanah dapat mengusahakan tanah dan kebun mereka;

3. Proses pemecahan tanah iaitu *stamp duties* mengenai sungutan orang ramai. *Stamp duties* yang dikenakan adalah terlalu tinggi dan mahal. Perkara ini merumitkan bagi penduduk pedalaman yang tidak berpendapatan tetap. Dicadangkan supaya perkara ini akan dapat dikaji semula;

4. Membuat pusing keliling *(round about)* di persimpangan Jalan Bengkurong, jalan menuju ke Bandar Seri Begawan dan ke Tutong bagi mengelakkan kesesakan dan melancarkan perjalanan kenderaan. Jalan keluar masuk menuju ke Pusat Kesihatan Bunut dengan jalan besar supaya dinaik taraf ataupun diperbesarkan bagi melancarkan perjalanan kenderaan terutama jika sekiranya ada berlaku kecemasan.

5. Permohonan-permohonan yang lambat dijawab. Ada beberapa permohonan penduduk Kampung Mulaut yang dihadapkan kepada pihak berkenaan kira-kira pada tahun 2000 mengenai usaha untuk memajukan tanah persendirian di Kampung Mulaut hingga kini belum ada jawapannya. Alasan yang diberikan, bahawa kedudukan tanah tersebut terlibat di bawah projek Kerajaan, iaitu Sengkurong *Bypass*. Walhal, projek ini sudah

dirancang oleh pihak kerajaan pada tahun 1988 tetapi belum ada tanda-tanda projek itu akan diusahakan.

Dalam jangka masa tersebut, ada tanah yang terlibat dengan projek berkenaan diganti oleh Kerajaan dan ada yang belum diganti. Isu yang timbul disini, ialah surat-surat permohonan untuk memajukan tanah yang terlibat belum atau tidak diproses malah tidak ada sebarang jawapan pun mengenainya. Kenapa sebahagian daripada pemohonan orang ramai ke jabatan-jabatan kerajaan khususnya di Kementerian Pembangunan mengambil masa yang lama untuk dijawab sehingga bertahun-tahun? Rungutan ini disuarakan oleh orang ramai yang mengalami masalah yang sama. Kita mengharapkan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) di jabatan-jabatan akan dapat dilaksanakan;

6. Keselamatan orang ramai pada setiap pembaikan jalan raya. Orang ramai terutama pengguna jalan raya sering menyuarakan rungutan mengenai isu keselamatan yang sering diabaikan oleh kontraktor-kontraktor yang membuat kerja-kerja pembaikan di jalan-jalan raya.

   Ini terjadi, semasa mereka sedang membuat kerja atau kerja yang belum siap ditinggalkan tanpa sebarang peringatan atau papan tanda keselamatan seperti kon yang tidak mencukupi dan lampu amaran waktu malam. Contoh yang paling ketara, ialah pembesaran, pengubahsuaian dan pembaikan di jalan raya Ban 3, Ban 4 dan Ban 5 Kampung Mulaut. Perkara ini, patutlah dipantau oleh pihak berkenaan untuk memastikan kontraktor-kontraktor berkenaan mengikuti *procedure standard* keselamatan yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya;

7. Simpang 4, Jalan Mulaut-Masin, Jalan Lampaki dan Jalan Lubuk Sigurun Kampung Mulaut. Akhir-akhir ini, Jalan Mulaut/Masin semakin sibuk dan sesak oleh kenderaan yang lalu lalang menggunakan jalan berkenaan, terutama pada waktu pagi, tengah hari dan petang, waktu balik bekerja. Ini disebabkan, jalan ini menjadi tumpuan utama laluan penghubung destinasi seperti ke Kampung Masin, Pangkalan Batu, Kuala Lurah, Bengkurong, Junjungan, Lumapas dan Jalan Tutong, ke Lebuh Raya Jerudong, ke Bandar Seri Begawan, ke Gadong, ke Lapangan Terbang Lama dan lain-lain destinasi.

   Kesesakan ini semakin bertambah dengan adanya ibu bapa dan orang ramai yang menghantar dan mengambil anak-anak mereka ke sekolah dari Pusat Tingkatan Enam, Sengkurong-Mulaut, Sekolah Rendah Mulaut, sekolah agama dan sebagainya. Oleh itu, penduduk kampung mencadangkan supaya lampu isyarat *(traffic light)* didirikan

di simpang 4 yang dimaksudkan; dan

8. *Setting out* yang dikenakan oleh Kerajaan bagi orang ramai membuat rumah sudah pun ditimbulkan tadi. Walau bagaimanapun, peraturan baru yang dikenakan oleh Kerajaan melalui Bahagian Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan Jabatan Kerja Raya *(ABCi)* kepada orang ramai yang berhasrat untuk membina bangunan ataupun membuat rumah persendirian ialah isu *setting out* (pemancangan).

Peraturan baru ini, mungkin bersesuaian bagi pengusaha ataupun pemohon yang ingin membina bangunan ataupun rumah yang lebih daripada sebuah. Tetapi bagi orang ramai yang berpendapatan rendah dan ingin membangun sebuah rumah sahaja, peraturan ini menambah beban, selain membayar konsultan dan arkitek yang menyediakan tumpu tanah dan pelan rumah, pemohon juga terpaksa membayar *setting out* yang kosnya dianggarkan tidak kurang $1,000.00.

Berbanding dengan permohonan yang mendapat rumah perpindahan yang disediakan oleh Kerajaan, mereka tidak perlu membayar kos *setting out*, kos menembok tanah, kos membuat jalan masuk, kos memasang kabel elektrik, kos memasang paip air dan sebagainya. Beban seperti ini, menjadi rungutan orang ramai kerana untuk membangun sebuah rumah persendirian, batu-batu sempadan adalah memadai. Maka, cadangan supaya peraturan *setting out* ini akan dipertimbangkan untuk memberi laluan kepada mereka yang ingin membuat rumah. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Dalam Majlis Permesyuaratan Pertama Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, kita telah dimaklumkan tentang masalah-masalah dan kelambatan-kelambatan Lebuh Raya Telisai-Telisai Lumut. Kaola memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, apa tindakan yang telah diambil dan perkembangannya sejauh ini?;

2. Alhamdulillah, sejak jalan dari Buau ke Melilas diambil alih oleh pihak Jabatan Kerja Raya, penduduk di kawasan tersebut sudah mudah berulang alik serta mulai berusaha khususnya di bidang pertanian. Adalah diharapkan supaya jalan tersebut akan terus dan sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan

tahapnya dari semasa ke semasa bagi membolehkan penduduk-penduduk terus dapat menikmati dan menggunakan dengan selesa;

3. Kaola dimaklumkan, bahawa Jalan Singap dan Liatlakang di Kampung Merangking, Mukim Bukit Sawat ada kedengaran ura-uranya untuk diserahkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya. Untuk makluman semasa banjir pada bulan Januari 2004, jalan-jalan tersebut teruk terjejas sehingga tidak dapat dilalui dalam beberapa minggu. Kaola menyokong sepenuhnya, jika ada perancangan atau usaha untuk menyerahkan jalan-jalan tersebut kepada pihak Jabatan Kerja Raya;

4. Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini, kaola pernah menyuarakan memohon pihak Jabatan Kerja Raya untuk membesarkan sedikit jalan raya Sungai Liang, Labi yang jauhnya kira-kira 55km dan membuat garis putih di kedua-dua tepi jalan tersebut dan meratakan tepi-tepi jalannya secara berperingkat-peringkat semata-mata untuk keselamatan pengguna-pengguna jalan raya di kawasan pedalaman tersebut.

Seterusnya, pada Permesyuaratan Pertama Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara juga, kaola mencadangkan pembinaan Skim Perumahan di kawasan pedalaman, bagi menghindari penghijrahan penduduk ke bandar dan sekali gus memberi peluang kepada penduduk yang sering terjejas banjir dan tanah susur di kawasan pedalaman berpindah ke tempat yang lebih selamat dan selesa. Soalan kaola, adakah cadangan tersebut masih dalam pemikiran?;

5. Perkara ini, kaola tujukan kepada Jabatan Tanah. Proses berkaitan dengan pindah milik, tukar syarat dan pemecahan tanah yang bergeran atau *lease.* Mengikut TPOR yang ada sekarang, akan mengambil masa selama 6 bulan, tapi masih terdapat permohonan seperti di atas, mengambil masa lebih dari 6 bulan. Kadang-kadang memakan masa sehingga setahun atau lebih untuk diluluskan. Dicadangkan supaya proses yang ada sekarang dapat dipermudahkan agar lebih nampak efesien;

6. Tukar nama tanah *TOL*. Sebelum ini tukar nama atau pemilik tanah *TOL* yang ada aset di atasnya iaitu rumah. Contohnya, kalau pertukaran itu daripada ibu kepada anak, yang warganegara Brunei atau Penduduk Tetap tidak mempunyai sebarang masalah, ianya dibenarkan. Tetapi pada akhir-akhir ini, kaola dimaklumkan perkara tersebut tidak lagi dibenarkan. Kaola memohon penjelasan dalam perkara ini; dan

7. Pada bulan Januari 2004, Mukim Liang, tidak terlepas dari mengalami banjir dan tanah susur seperti juga di pedalaman Sungai Mau dan Bukit Sawat. Beberapa buah rumah di Kampung Lumut 1, seperti kawasan Sungai Bakong, Sungai Lalit, Sungai Kuru, terjejas teruk.

   Ini disebabkan oleh sistem pembetungan tidak begitu mencukupi dan kurang pemeliharaan ke atas parit-parit tanah yang ada di kawasan tesebut, termasuklah pembersihan dan pemeliharaan Sungai Lumut. Adalah dipohonkan supaya pihak Jabatan Kerja Raya akan dapat mengambil tindakan wajar bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan-kawasan yang kaola sebutkan di atas tadi.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohamad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohamad Taha bin Abd. Rauf: Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim.

1. Seperti mana yang kita maklum, bahawa di Daerah Tutong, pembinaan Perumahan Negara hanya ditumpukan di Mukim Telisai, Zon 2, Daerah Tutong. Ini telah beberapa tahun berlalu, dan semua perumahan berkenaan telah di-diami dan beberapa buah lagi sedang dalam pembinaan.

2. Yang Berhormat Pengerusi, sejak akhir-akhir ini, bahawa banyak suara rakyat didengar menyatakan supaya pembinaan rumah ini dapat dibina di mukim-mukim atau kampung-kampung. Maka, berdasarkan fakta-fakta ini bahawa melalui di Dewan yang mulia ini, kaola menyarankan supaya dikaji semula pembinaan Perumahan Negara dan dibina seperti mana yang disuarakan oleh rakyat yang berhajat memohon rumah ini terutama dari generasi yang akan datang. Dengan adanya pembinaan Perumahan Negara ini, di mukim dan di kampung, maka suasana mukim dan perkampungan masih kekal. Rangkaian kekeluargaan sentiasa rapat dan teguh seperti isi dengan kuku. Walau bagaimanapun, Rancangan Perumahan Negara mestilah diteruskan.

3. Peruntukan mengenai banjir telah disediakan. Apa yang kaola timbulkan di sini, tempat yang telah dikenal pasti iaitu seperti Kampung Birau, Kampung Batang Mitus, Kampung Kiudang dan di Jalan Kerakas Payau, Kampung Kupang. Di samping itu juga, mengatasi

banjir ataupun mengurangkan, supaya Sungai Tutong dapat didalamkan, begitu juga longkang besar di Kampung Keriam perlu dibersihkan.

4. Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi menaik taraf Jalan Batang Mitus, Kebia, sejauh ini baru dibubuh batu diharap akan dapat dibubuh aspal.

5. Simpang 471, sejauh 750 meter, Kampung Kebia supaya dinaik taraf kerana sepanjang jalan tersebut sebanyak 18 buah rumah persendirian telah dibina dan begitu juga Jalan Kecil Kampung Bakiau sesuai dengan keadaan masa ini.

6. Kaola difahamkan bahawa setiap pembinaan rumah persendiran, mereka hendaklah menghadapkan permohonan menggunakan nombor lot tanah ataupun EDR kepada pihak yang berkenaan di mana rumah itu dibina. Sepanjang apa yang kaola dimaklumkan, bahawa adalah lebih baik secara pentadbiran Jabatan Ukur bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Pos, untuk mengenal pasti rumah yang dibina itu supaya dibuat penomboran rumah bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu di Dewan yang mulia ini, kaola sukacitanya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kaola kepada Kementerian Pembangunan dalam mengembangmajukan perkembangan pembangunan perubahan di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan membawakan 2 perkara dalam tajuk di bawah Kementerian Pembangunan di Dewan yang mulia ini:

1. Tajuk Jabatan Kemajuan Perumahan, kaola akan menimbulkan dua perkara:

    i. Pemohon-pemohon yang berjaya mengikuti Skim Rancangan Perumahan Negara dan bagi keluarga mereka yang berpendapatan rendah sama ada yang sudah bersara dari perkhidmatan dalam Kerajaan atau swasta berhasrat untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan seperti kedai jahit, jualan kuih-muih dan sayur-sayuran bagi menaik taraf kehidupan harian keluarga mereka untuk sara diri.

Ini termasuklah juga kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di kawasan tersebut. Tetapi, syarat-syarat untuk tinggal di Skim Rancangan Perumahan Negara tidak diberi kebenaran untuk aktiviti perniagaan seumpama itu.

Dalam perkara ini, apakah tidak ada dalam perancangan Jabatan Kemajuan Perumahan dapat menyediakan gerai dengan kesesuaiannya untuk mereka berjual di kawasan tersebut atau dengan memberikan keringanan syarat perumahan?

ii. Jalan masuk ke Perumahan Negara Perpindahan Kampung Rataie, Mukim Bokok, Temburong, yang di sebelah belakangnya adalah terlalu kecil dan tidak selamat bagi kenderaan yang lalu lintas di kawasan tersebut dan juga bahaya bagi pejalan kaki.

Kaola mencadangkan supaya jalan berkenaan dapat dinaik taraf, agar jalan tersebut dilebarkan sedikit bagi keselesaan pengguna dan penduduk yang menetap di kawasan tersebut.

2. Tajuk Jabatan Kerja Raya, ada 4 perkara yang kaola utarakan dan dalam memberikan beberapa cadangan:

i. Kaola mencadangkan supaya benteng tebing Sungai Temburong di Pekan Bangar, yang sudah ada pada masa ini, akan dapat dipertimbangkan untuk disambung hingga ke hujung Kampung Menengah sebagai benteng menahan air bah yang deras bila musim tengkujuh dan bagi mengelakkan hakisan tanah atau tanah runtuh yang akan melibatkan rumah-rumah yang berdekatan dengan tebing sungai penduduk kampung yang berkenaan.

ii. Dicadangkan jalan kedua dibina dari Kampung Rataie, Mukim Bokok menuju ke Kampung Peliunan, Mukim Bangar Temburong. Diusulkan supaya ada jalan alternatif jika berlakunya banjir kilat di kampung/mukim tersebut dan sebagai jalan pintas ke Pekan Bangar.

iii. Dicadangkan supaya mesin memproses aspal diadakan di Daerah Temburong bagi kemudahan dan mempercepatkan lagi kerja-kerja membaiki kerosakan dan menaik taraf jalan-jalan raya di Daerah ini; dan.

iv. Kaola sukacita mencadangkan supaya jalan kecil Kampung Peliunan, Mukim Batu Apoi, memerlukan pembaikan dan dinaik taraf kerana jalan yang ada pada masa ini terlalu kecil

bagi laluan dua buah kenderaan bila bertembung dan jalan raya berkenaan banyak rosak dan berlubang-lubang.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan untuk berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dan masih lagi membincangkan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum perbincangan Jawatankuasa ini disambung, seramai 7 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan soalan dan pandangan. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjawab pertanyaan dan mengulas pandangan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola, sedaya upaya akan cuba menjawab semua persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mana-mana yang ketinggalan barangkali, Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon supaya dapatlah dijawab pada waktu yang lain, Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai penentuan tanda-tanda sempadan tidak dibawa berunding dengan penghulu ataupun ketua kampung. Kaola ingin menerangkan di sini, bahawa sebenarnya penentuan tanda-tanda sempadan mukim dan kampung adalah di bawah jawatankuasa yang antaranya terdiri daripada Jabatan Ukur, wakil daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan-Jabatan Daerah, Bandaran, Jabatan Tanah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa *(TCP)*.

Sebelum sebarang penentuan dibuat, Jawatankuasa ini telah pun berbincang dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan. Buku peta kedudukan sempadan mukim dan kampung telah pun diberikan kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung melalui Pegawai Daerah berkenaan untuk panduan masing-masing. Label-label mukim dan kampung adalah di bawah jagaan Pegawai Daerah masing-masing.

Mengenai zon-zon pula, ia ditentukan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam hal ini, memanglah kalau mengikut pada tatakerja yang dibuat

oleh jawatankuasa ini semua penghulu dan ketua kampung sudah dibawa berunding. Dalam tatakerja tersebut mereka telah dibawa berunding kerana mereka juga ahli kepada jawatankuasa ini. Walau macam manapun, jika ada kes ataupun situasi perkara ini perlu dibawa berunding dengan pengulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, maka tindakan segera akan diambil oleh jawatankuasa berkenaan;

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai pengurusan aset Kerajaan. Sebenarnya, kita juga menyedari bahawa setiap tahun aset Kerajaan ini bertambah. Dengan adanya pertambahan aset Kerajaan, ianya telah diurus dengan berhemah dan cekap. Soalan Yang Berhormat tadi mengenai adakah Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan sudah menekankan ataupun memberikan *emphasize* kepada amalan yang terarah dari segi pengurusan aset ini?

Sukacita kaola menjawab bahawa, pengurusan aset Kerajaan seperti aset air, jalan raya, saliran dan pembetungan telah pun dilaksanakan sebagai strategi pengurusan operasi dan pemeliharaan di bawah Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang berpandukan kepada piawaian antarabangsa *(international standard best practices).* Pengurusan aset Kerajaan pada masa ini menggunakan sistem pengurusan aset berkomputer yang berintegrasi secara maksimum seperti, *Geographical Information System (GIS)*, *Road Access Management System (RAMS), Pitment Management System (PMS), Bridge Management System (BMS)* dan *IMMS (Integrated Maintenance Management System).*

Strategi ini juga termasuklah mengintegrasikan kesemua sistem tersebut di bawah Jabatan Kerja Raya secara menyeluruh melalui satu projek baru yang akan dijalankan dalam masa yang terdekat. Strategi pengurusan aset-aset ini, mengikut berbagai program dan selanjutnya projek-projek pembaikan, pemeliharaan dan menaik taraf yang dijalankan secara berterusan berfasa mengikut keupayaan kebenaran peruntukan yang ada. Bagi aset jalan, terutamanya di lebuh raya di Negara ini, *riding quality* dinilai melalui penilaian antarabangsa *Pitment Management System (PMS)* yang berpandukan kepada *International Roughness Index (IRI).* Pemeliharaannya juga berpandukan kepada strategi pengurusan pemeliharaan aset jalan raya dan pelaksanaannya adalah mengikut peruntukan yang ada.

Kaola juga ingin menjawab cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi mengenai usaha Kementerian Pembangunan, untuk meningkatkan keupayaan dan profesionalisme dalam disiplin pengurusan aset melalui *specialised training*. Kementerian Pembangunan sememangnya telah memajukan keupayaan profesionalisme kejuruteraan dalam bidang *Asset Management* dan *Facilities Management.* Melalui pencapaian beberapa orang jurutera kelulusan Ijazah Sarjana *(Master's Degree)* dalam

perkara ini, mereka juga melanjutkan pengalaman mereka dalam persidangan, latihan, bengkel dan sebagainya di dalam dan luar negeri. Latihan dari segi penggunaan sistem pengurusan berkomputer juga ditekankan kepada pegawai dan kakitangan berkenaan bagi pengurusan aset Kerajaan.

Soalan seterusnya, daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, mengenai *local plan,* sama ada pihak Kementerian Pembangunan melalui agensi-agensi yang berkenaan ada *local plan*, terutama di kawasan Lapangan Terbang di bawah Kementerian Pembangunan? Adakah Kerajaan membuat perancangan setempat bagi kawasan berkenaan? Bagi menjawabnya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan kertas perancangan bagi kawasan kampung Jaya Setia iaitu *Jaya Setia Planning Scheme* pada tahun 2001. Cadangan-cadangan di dalam *planning scheme* ini adalah hasil perbincangan *study team* yang terdiri daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Tanah, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Saliran dan Pembetungan, JKR dan Jabatan Ukur.

Dengan mengambil kira lokasi ini, yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, kertas perancangan tersebut telah menggariskan konsep reka bentuk kemajuan bangunan yang bersesuaian iaitu, berkualiti tinggi yang bertaraf antarabangsa dan juga menyenaraikan jenis kemajuan yang bersesuaian seperti hotel dan perkhidmatan *courier*.

Di samping itu, kertas perancangan juga mengandungi cadangan-cadangan jalan keluar masuk yang bersesuaian serta cadangan mencantikkan kawasan tebing Sungai Kedayan dan Berakas. Pada Januari 2011, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui konsultan yang dilantik telah menyiapkan *Bandar Seri Begawan Master Plan (BSBMP).* Kawasan perniagaan tersebut telah di zon sebagai *Airport Hub* yang mengandungi cadangan-cadangan kemajuan jangka panjang yang berkonsep teknologi tinggi seperti *airport related hotel, convention center, meeting facilities.*

Sistem perhubungan akan dipermudahkan dengan cadangan yang dapat menghubungkan kawasan ini dengan kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Pelaksanaan ke arah menaik taraf kawasan komersial ini memerlukan kerjasama semua pihak iaitu agensi-agensi kerajaan berkenaan, pemilik-pemilik tanah dan juga pemaju bangunan. Setelah peluasan kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan (B.S.B) dalam tahun 2008, kawasan komersil ini adalah terkandung dalam kawasan Lembaga Bandaran B.S.B yang baru. Kemajuan bangunan adalah di bidang kuasa Lembaga Bandaran B.S.B. Meskipun demikian, Jabatan Perancang Bandar dan Desa sentiasa proaktif dalam memastikan perancangan yang lebih teratur dengan mengambil inisiatif untuk membuat perbincangan secara berterusan dengan

jabatan-jabatan yang berkenaan termasuklah Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Tanah dan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sendiri. Untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan ini, dan dengan mengusulkan beberapa cadangan jangka pendek, seperti pemasangan *billboard* di sebahagian jalan laluan, dan juga cadangan-cadangan jangka panjang, seperti pembinaan jambatan untuk menghubungkan kawasan skim ini dengan Lebuh Raya Hassanal Bolkiah untuk memperbaiki lagi *traffic circulation* di kawasan ini. Cadangan jangka panjang ini memerlukan penelitian lanjut daripada pihak-pihak yang berkepakaran serta penglibatan pihak pemaju (*developers*) untuk berkerjasama dalam merealisasikan cadangan-cadangan pembaikan ini.

Mengenai jalan penghubung antara Gadong dan Kiulap, perkara ini memang sudah ada dibuat kajian. Dalam perancangan itu, satu jambatan yang dapat menghubungkan antara Gadong dan Kiulap, perkara ini insya-Allah akan dilaksanakan pada waktu yang bersesuaian. Satu soalan lagi, ialah perkembangan *knowledge-up* di Kampung Anggerek Desa, pembangunan komersial di Serusop dan Burung Pingai. Perkara ini akan diteliti oleh Kementerian Pembangunan dari segi kesesuaiannya dan memanglah sudah ada perancangan yang tertentu dalam jangka panjang dan akan dikaji bila perlu diimplementasi nanti.

Soalan seterusnya ialah mengenai terdapat pembangunan kurang sesuai iaitu jalan keluar dari Lapangan Terbang bertemu terus dengan laluan keluar di lebuh raya berhampiran. Yang Berhormat kurang pasti kesesuaian institusi teknikal yang berdekatan dengan pusing keliling Jalan Berakas, Jalan Muara, iaitu laluan keluar lebuh raya. Kementerian Pembangunan ingin menerangkan bahawa Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya telah pun mengambil kira pembinaan *fly over* di atas pusing keliling tersebut pada masa akan datang dengan menetapkan garisan bangunan dan jalan masuk jauh dari jalan susur menuju pusing keliling. Sekolah Kejuruteraan yang akan dibina di situ tidak akan menjejaskan lalu lintas di kawasan tersebut. Perkara ini, telah pun diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pembangunan.

Izinkan kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai cadangan untuk mengenakan tol di jambatan Daerah Temburong. Perkara ini belum lagi difikirkan oleh pihak Kementerian Pembangunan. Insya-Allah kita akan berbincang dengan *stakeholders* yang berkenaan sama ada perlu kita mengenakan tol ataupun tidak di jambatan Daerah Temburong. Kita tunggu apabila siap nanti, baru kita membuat satu dasar yang bersesuaian.

Mengenai harga rumah yang telalu tinggi yang dibina oleh *developer* sama ada perkara ini boleh dipantau atau dikawal oleh Kementerian Pembangunan. Sebenarnya, harga rumah ini tertakluk kepada *market*

forces dan amat sukar untuk kita mengawalnya. Walau bagaimanapun, kita akan mengkaji di bahagian mana yang boleh dikawal. Mungkin dari segi bahan-bahan binaan ataupun dari segi kesesuaian tapak tanah misalnya kalau tempat rumah dibangunkan di kawasan tanah yang *prime areas* mungkin harga rumah itu akan menjadi mahal dan juga *material* yang digunakan terlalu mahal ataupun misalnya *material* bangunan yang diimport sudah setentunya harganya akan naik melompat.

Mengenai proses memajukan tanah lambat sama ada ia boleh dipercepatkan, kaola ingin melaporkan di sini bahawa pada tahun-tahun kebelakangan ini memang proses memajukan tanah sudah dipercepatkan. Ada yang dalam satu tahun mula dapat membangun rumah daripada mula memohon hinggalah ia memulakan projek membina rumah. Dalam perkara ini, berbagai langkah telah pun diambil untuk mempercepatkan proses ini dan kita telah pun melihat hasil-hasilnya yang rumah-rumah sedemikian ataupun projek-projek yang sedemikian dapat dipercepatkan. Walau bagaimanapun, mungkin ada juga kes yang permohonan untuk memajukan tanah ini lambat. Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan yang berkenaan akan meneliti TPOR sama ada dapat diperbaiki lagi atau tidak. Mana-mana yang perlu akan diselaraskan supaya pemohonan atau proses memajukan tanah ini tidak memakan masa lama untuk diselesaikan. Kadang-kadang proses memajukan tanah ini terpulang kepada *QP* masing-masing sama ada *qualified person* itu benar-benar rajin bekerja untuk mendapatkan permohonan itu cepat dilaksanakan.

Mengenai pembuangan *m-oil* tidak terkawal di worksyop dan sebagainya. Perkara ini diambil maklum dan yang sebenarnya ada akta yang mengawal supaya perkara ini tidak berlaku. Setiap kawasan perniagaan ataupun perusahaan, ada lesen-lesennya yang sepatutnya dikawal di bawah lesen-lesen tertentu supaya kejadian sedemikian tidak berlaku. Perkara ini diambil maklum dan akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan bagaimana untuk kita mengawal supaya salah laku yang dibuat oleh pihak-pihak syarikat-syarikat berkenaan tidak sesuka hati membuang *m-oil* di tempat-tempat yang tidak sepatutnya dibuang.

Mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, tentang perumahan dan cadangan beliau supaya beberapa kampung dapat didirikan Perumahan Negara seperti di Kampung Lumapas, Kampung Lugu dan sebagainya. Sememangnya, di Kampung Lumapas sudah ada perancangan untuk membina Perumahan Negara dan juga di Kampung Lugu. Pada masa ini, ada projek membina rumah di bawah Skim Perumahan dan masih ada lagi banyak kawasan di Kampung Lugu untuk dibina rumah.

Insya-Allah, akan dibangunkan selepas saja mendapat peruntukan yang telah dipohonkan dalam skim ini. Mengenai

Kampung Pangkalan Batu, sebenarnya kita sudah mengalih pandangan kita kepada kawasan-kawasan lain untuk membina perumahan ini dan tidak lagi di Daerah Brunei dan Muara atau di kawasan-kawasan yang terlalu sempit. Kita sudah meninjau kawasan-kawasan yang lain sama ada di Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong ataupun di mana-mana juga daerah luar dari kawasan bandar untuk perancangan Perumahan Negara ini. Cadangan perkara ini diambil catatan dan akan dilaksanakan mengikut kesesuaiannya.

Mengenai menaik taraf Jalan Batong, Jalan Batang Mitus dan sebagainya, sebenarnya jalan ini adalah jalan pertanian. Kalau mengikut daripada perkiraan pihak Jabatan Kerja Raya, jalan ini dari segi pengunaannya ialah rendah *(low density user).* Mungkin belum ada keperluan untuk jalan Kampung Batong ini dinaik taraf kepada aspal. Mungkin sesuai barangkali dibaiki sedikit, dinaik taraf kepada batu. Kalau dinaik taraf kepada batu masih jua di bawah kawalan Jabatan Daerah. Walau macam manapun, apabila sudah Jabatan Daerah menaik taraf kepada jalan batu, barulah dapat diserahkan kepada Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kerja Raya. Kita akan memohon peruntukan bagi menaik taraf kepada aspal. Ia bukan saja dapat dinaik taraf begitu saja, ia mesti ada kriteria-kriterianya sebelum dapat dinaik taraf kepada aspal.

Mengenai *stamp duties* bagi tanah yang terlalu tinggi dan mahal, mungkin bagi orang-orang yang kurang mampu, berpendapatan rendah ataupun tidak ada pendapatan langsung. *Stamp duties* itu mungkin bagi mereka mahal, tetapi yang sebenarnya *stamp duties* kitani tidaklah tinggi.

Yang Berhormat Pengerusi, bagi pindah milik ialah 0.06% setiap $1,000.00 harga tanah itu. Bagi tanah pajakan dan tanah gadaian hanya 0.03%. Sementara itu *estate duty, no stamp* tidak perlu dibayar kalau pindah milik suami isteri ataupun pindah milik daripada bapa kepada anak dan tidak ada pembayaran *stamp duty* bagi pemecahan tanah. Kalau mengikut kadar bayaran *(rate)* yang ada pada masa ini, tidaklah begitu tinggi, 0.06%, itu sudah rendah. Kalau adapun keperluan untuk mengurangkan lagi, mungkin perkara ini akan dilihat jua jika ada diberi pengecualian kepada mereka yang tertentu dalam kategori tertentu sahaja, bukan secara menyeluruh.

Mengenai cadangan pusing keliling jalan Bengkurong, Jalan Tutong ke Pusat Bandar. Perkara ini, dalam perancangan Kementerian Pembangunan untuk meneliti kesesuaiannya sama ada perlu di*upgrade* dan sebagainya ataupun perlu diberi pusing keliling. Insya-Allah, kalau perkara ini difikirkan perlu, akan dilaksanakan seperti yang telah pun dipohonkan, kalau belum perlu pada masa ini, mungkin pada masa akan datang, perkara ini akan dilaksanakan jua.

Mengenai permohonan lambat dijawab, bagi pemohon kawasan Kampung Mulaut. Perkara ini ada kaitannya

dengan Projek Sengkurong *Bypass*. Pemohon berkenaan telah pun menunggu dari tahun 2000 hingga sekarang, belum dijawab. Kaola yakin perkara ini sudah pun dijawab masa ini, kerana Sengkurong *Bypass* sudah pun ada peruntukkannya. Insya-Allah, masa ini sudah dalam proses *tender* dan insya-Allah akan dilaksanakan selepas sahaja urusan *tender* dan sebagainya telah selesai. Jadi, projek Sengkurong *Bypass* akan mula dilaksanakan, dan mana-mana kawasan tanah yang terlibat dengan Sengkurong *Bypass* ini, sebagaimana lazimnya, akan diambil alih oleh Kerajaan dan akan diganti sama ada diganti tanah atau diganti dengan kewangan. Untuk menjawab soalan itu, Sengkurong *Bypass* sudah pun ada peruntukkannya dan akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Mengenai keselamatan orang ramai di jalan raya apabila ada pembaikan jalan raya. Sebenarnya, pihak kontraktor telah pun dimandatkan untuk memastikan bahawa keselamatan ataupun papan-papan tanda keselamatan di jalan raya dipasang supaya keselamatan orang ramai ataupun pengguna jalan raya tidak akan terjejas. Sudah menjadi satu pertimbangan pihak Kementerian Pembangunan dalam menimbangkan *tender-tender,* bahawa setiap kontraktor mestilah memperuntukkan sebahagian jumlah tertentu untuk memastikan bidang *Health Safety Environment (HSE)* ini diambil berat oleh pihak kontraktor. Mana-mana kontraktor yang tidak memandang berat akan *HSE* ini, mungkin peluang mereka untuk diberi *tender,* akan menjadi berkurangan untuk dipertimbangkan pihak Kementerian Pembangunan.

Memanglah kita mengambil berat akan keselamatan orang ramai, apabila ada projek-projek Kerajaan terutama di jalan-jalan raya dan kita harap mana-mana pelanggaran yang dibuat oleh pihak kontraktor akan dapat dimaklumkan kepada Kementerian Pembangunan supaya tindakan-tindakan tertentu akan dapat diambil.

Mengenai Jalan Kampung Mulaut dan Jalan Kampung Masin yang sudah sesak, perkara ini akan diteliti. Memang sudah ada perancangan mana-mana kawasan yang sesak akan diperbaiki, jika dapat diperbaiki. Jika ada peruntukan yang dapat digunakan untuk kerja-kerja seperti ini.

Mengenai batu sempadan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Isu pemancangan, orang ramai berpendapat tidak penting. Yang sebenarnya, isu pemancangan ini penting, kerana banyak kali terjadi bahawa batu-batu penanda (batu sempadan) itu berpindah. Untuk mengelakkan daripada sama-sama jiran berkelahi mengenai batu sempadan ini, elok jua kita tekankan *(insist)* supaya pemancangan ini dibuat. Kitani berpendapat harganya itu tidaklah tinggi benar, tetapi walau macam manapun, mereka yang berpandangan bahawa bayarannya terlalu tinggi, dapat kitani sesuaikan bayarannya. Tetapi yang penting di sini, pemancangan itu perlu,

kerana batu sempadan itu boleh dipindah-pindah.

Daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, mengenai masalah kelambatan Lebuh Raya Telisai-Lumut dan ingin mengetahui apakah statusnya? Yang sebenarnya, projek ini adalah di bawah Projek *BEDB.* Kelambatan itu banyaklah perkara yang menyebabkannya. Saya tidaklah ingin menghuraikan sebabnya. Antaranya, ada jua disebabkan oleh cuaca, yang pada satu waktu dulu selalu hujan. Ada jua disebabkan oleh kajian-kajian tanah yang belum kitani terlihat yang menyebabkan tanah itu susur di kawasan-kawasan tertentu, yang menyebabkan kelambatannya. Ada jua urusan-urusan pentadbiran. Walau macam manapun, perkara ini telah pun dapat diatasi oleh pihak kontraktor dan pihak *BEDB.* Pihak *BEDB* telah pun memaklumkan bahawa insya-Allah, projek ini akan dapat disiapkan dalam sedikit masa lagi. Kaola ingin menerangkan lebih lanjut lagi perkara ini pada masa akan datang.

Mengenai beberapa jalan yang dipohonkan oleh pihak tertentu, terutama daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, jalan-jalan di Daerah Belait ini. Ingin kaola menjawab beberapa perkara yang ditimbulkan.

Mengenai jalan kecil Sungai Bakong, Kuala Belait, kawasan Kampung Sungai Bakong termasuk kawasan kajian kawalan banjir tadahan Daerah Belait yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Cadangan-cadangan projek pengawalan banjir akan dibuat mengikut perancangan secara berperingkat-peringkat dan mengikut keutamaan di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Mengenai Kampung Sungai Lalit, untuk meninggikan paras jalan raya, Alhamdulillah, Jabatan Kerja Raya akan menawarkan *tender* pada bulan April 2014 bagi meninggikan paras jalan, pemasangan *culvert* dan penyelenggaraan cerun *(slope protection).*

Mengenai Sungai Rampayoh, pam pengaliran padi dan sebagainya, yang telah ditimbulkan. Bagi Jabatan Kerja untuk membaiki pam dan penyerahan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Pada penghujung tahun 2013, Jabatan Pertanian telah berhubung dengan Jabatan Kerja Raya untuk menggunakan pam bekalan air mentah di kawasan Sungai Rempayoh. Walau bagaimanapun, bangunan stesen pam tersebut telah mengalami kerosakan yang agak teruk akibat tanah susur. Kerja-kerja membaik pulih melibatkan kerja-kerja tanah, kerja lereng sungai dan kerja-kerja elektrikal, mekanikal akan memakan masa. Walau macam mana pun, tanah ini di bawah Jabatan Pertanian, maka kita akan membantu Jabatan Pertanian dalam membaiki kerosakan dengan seberapa segera.

Jalan Sigap dan Jalan Lalib Lakang, Yang Berhormat mencadangkan supaya diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya daripada Jabatan Daerah. Jalan Sigap

dan Jalan Lalib Lakang pada masa ini, masih di bawah jagaan Pejabat Daerah. Pada dasarnya, Jabatan Kerja Raya tidak ada halangan untuk mengambil alih jalan daerah. Walau bagaimanapun, jalan tersebut mestilah terlebih dahulu dinaik taraf sekurang-kurangnya jalan batu oleh Jabatan Daerah. Setelah dinaik taraf ke jalan batu, barulah Jabatan Kerja Raya dapat mengambil alih jalan ini.

Mengenai Jalan Buau ke Melilas untuk dinaik taraf, pihak Jabatan Kerja Raya telah pun menaikan taraf jalan sepanjang 24 kilometer dari persimpangan Long Mayan, Merangking ke Rumah Panjang, Kampung Buau. Manakala, jalan seterusnya adalah di bawah kawalan pihak Jabatan Daerah Belait. Walau bagaimanapun, pada pertengahan tahun 2013, pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan telah pun memberikan bantuan bagi melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan jalan menuju ke Kampung Melilas dan Kampung Sukang dengan melebarkan kerja-kerja pemeliharaan jalan menuju ke Kampung Melilas dan Kampung Sukang dengan melebarkan sedikit dan membubuh batu di sepanjang jalan tersebut.

Merujuk surat daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang diterima pada bulan Mei 2013 pihak jabatan juga telah dapat memberikan anggaran kos kepada Kementerian berkenaan bagi kerja-kerja menaik taraf jalan-jalan yang dinyatakan seperti berikut:

a) Jalan Buau ke Jalan Biadung Tengah, sepanjang 7.2 kilometer;

b) Jalan Biadung Ulu ke Sukang 5 kilometer;

c) Jalan Batu Satu Sukang 11 kilometer; dan

d) Jalan Melilas 13.2 kilometer.

Oleh kerana jalan yang agak panjang dan kos pembinaan yang tinggi, menaik taraf jalan tersebut akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Tidak dapat dilaksanakan secara terus menerus kecuali mendapat peruntukan yang besar untuk menjalankannya sekali gus.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat atas jawapan atau penjelasan yang begitu terperinci. Saya menyarankan soalan-soalan yang lain, bolehlah dijawab kemudian nanti apabila ada masa ataupun dijawab secara bertulis, secara bersurat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Perhubungan, tadi ada mengangkat tangan untuk bercakap. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola ingin menyentuh sedikit mengenai tumpahan minyak ke sungai oleh beberapa woksyop-woksyop atau bengkel kereta. Kementerian Perhubungan telah pun beberapa tahun yang lalu membuat langkah mengenai pendaftaran bengkel kereta. Isu ini akan dikaji semula. Dalam pengkajian dan penguatkuasaan

pendaftaran ini nanti, beberapa keperluan seperti *workers competency* dan tatalaku akan ditetapkan.

Antara yang akan ditimbangkan untuk mengawal tatalaku ini, ialah keperluan *health safety and environment* iaitu (*HSE*) termasuklah keperluan pembuangan *waste* (bahan buangan) seperti minyak, tayar dan alat-alat ganti yang lebih sempurna dan teratur. Termasuk juga dalam keperluan ini, langkah-langkah pemeriksaan, kepatuhan dan peruntukan denda, kesalahan dalam perilaku tersebut. Usaha ini akan dirundingkan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti keperluan industri dan perancangan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, setelah mendengar taklimat ringkas Menteri Pembangunan sebentar tadi, tentang ke arah menambah baik sistem pengangkutan Negara, Kementerian Pembangunan di bawah Jabatan Kerja Raya tidak kendur-kendur telah dan sedang dan akan membina beberapa batang jalan raya dan lebuh raya. Membaiki jalan raya yang sedia ada dan di samping itu membina jambatan menyeberang sungai dan beberapa buah *flyover* atau jejambat. Ini semata-mata untuk melancarkan lagi perjalanan trafik untuk keselesaan pengguna jalan raya khasnya kerana jumlah kenderaan semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Menyentuh dengan pembinaan jambatan, Negara Brunei Darussalam telah melakar satu sejarah, pada 8 Disember 2013 yang lalu iaitu dengan siapnya pembinaan jambatan yang menghubung Daerah Temburong dengan Daerah Limbang di Negara jiran kitani Sarawak yang telah selamat dirasmikan dan digunakan secara percuma. Di samping itu, rancangan pembinaan jambatan yang menghubung Jalan Sungai Kebun dan Jalan Residency sedang dilaksanakan. Satu lagi rancangan mega yang dianggap terbesar dirancangkan iaitu pembinaan jambatan yang menghubung Daerah Brunei Muara dengan Daerah Temburong, sedang dalam perancangan dan akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Alhamdulillah, semuanya satu nikmat daripada Allah bagi kita hamba-Nya di Negara Brunei Darussalam yang wajib disambut dengan penuh kesyukuran.

Di Daerah Belait, menyebut dengan Jambatan Rasau yang menghubungkan Pekan Belait dengan Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait, sejak ianya dibuka kepada penggunaan orang ramai, sama ada hendak ke Kampung Sungai Teraban mahupun akan terus menyeberangi sempadan menuju ke Daerah Miri Sarawak, semua pemandu dikenakan bayaran tol, sebanyak $3.00 bagi kereta salun sekali, bererti pergi dan balik $6.00. Kereta lori dan bas dikenakan sebanyak $20.00 pergi dan

balik ialah sebanyak $40.00. Mengikut sejarah awal pembinaan jambatan tersebut, adalah untuk memberikan kemudahan kepada rakyat penduduk di Negara Brunei Darusaalam, dengan perbelanjaan sepenuhnya diperuntukkan oleh Kerajaan.

Maka, bercontohkan kepada Jambatan Persahabatan di Daerah Temburong, semua penggunaanya tidak dikenakan sebarang tol, maka kaola selaku mewakili penduduk di Daerah Belait khasnya dengan penuh rendah hati melalui Dewan yang mulia ini, memohon pertimbangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, supaya bayaran tol yang selama ini dikenakan, dapat ditiadakan. Bagi tujuan menyamaratakan pemberian kemudahan seperti ini kepada semua lapisan rakyat dan penduduk dengan penuh keadilan dan saksama.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdulllah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdulllah bin Haji Mohd. Jaafar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawa isu menaik taraf jalan, simpang jalan *(excess road).* Antara syarat bagi menaik taraf jalan, simpang laluan *(excess road),* ialah kawasan tersebut hendaklah sekurang-kurangnya ada lima buah rumah. Dalam hal ini, kaola mencadangkan syarat tersebut dikaji semula dengan mempertimbangkan sokongan laluan yang kurang dari lima buah rumah. Ini membolehkan semua rakyat dapat kemudahan yang sama dengan yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi, selain dari perkara di atas, kaola sukacita memohon pihak berkenaan bagi mempertimbangkan untuk membina satu lagi jalan raya bagi jalan keluar masuk ke Kampung Penanjong. Jalan raya yang ada sekarang bukan saja digunakan oleh masyarakat Kampung Penanjong tetapi ia juga digunakan oleh askar dan petugas dari Batalion Kedua, Tutong Kem dan Binturan Kem.

Pada tahun 2009 yang lalu, terjadi tanah susur di kawasan Tanah Buruk. Penduduk Kampung Penanjong menggunakan jalan raya melalui Batalion Kedua bagi tujuan bekerja. Jalan ini dapat digunakan semula apabila keadaan mengizinkan. Oleh yang demikian, justifikasi bagi mengadakan jalan raya kedua bagi Kampung Penanjong adalah sangat-sangat diperlukan memandangkan risiko kemungkinan terjadinya lagi tanah susur adalah tinggi.

Sehubungan dengan ini juga, kaola cadangkan jalan kecil Bukit Panggal yang menghubungkan Jalan Tutong ke Lebuh Raya Muara-Tutong dapat dilebarkan dan seterusnya dinaik taraf

kerana jumlah kereta yang menggunakan jalan tersebut setiap hari terus meningkat. Dicadangkan supaya dibina *flyover* bagi menyeberangi jalan kerana menggunakan pusingan *U-turn* yang ada sekarang adalah berbahaya.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Semasa sesi dialog bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Februari 2014 yang lalu, Kementerian Pembangunan telah menyatakan bahawa PA yang dikeluarkan sebelum tahun 2012 akan ditukarkan kepada *lease* 60 tahun dan PA masa ini tidak boleh lagi digunakan. Ini satu dasar yang jelas.

Dalam Dewan yang mulia ini, kita maklum bahawa semua rakyat dan penduduk tetap Brunei mestilah mempunyai sebuah rumah untuk keluarga hidup dengan selesa dan aman. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga telah memberikan kemudahan seperti Skim Perumahan Perpindahan, Bantuan Rumah Yayasan, Bantuan Baitulmal dan lain-lain.

Dalam hal ini, kaola ingin mencadangkan apakah kiranya jika Kementerian Pembangunan akan dapat mempertimbangkan satu dasar supaya penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dibolehkan memiliki satu rumah sahaja yang kekal untuk keluarganya? Had keluasan tanah boleh dihadkan. Syarat rumah ini tidak boleh dijual dan hanya diwariskan sahaja. Jika ini dapat dipertimbangkan, ia akan membolehkan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam untuk terus tinggal di Negara ini untuk menyumbangkan kepada ekonomi dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk mengulas.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. 3 orang Ahli Yang Berhormat tadi telah pun mengemukakan pertanyaan. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, mengenai sama ada Jambatan Rasau yang telah pun digunakan oleh orang ramai sejak dibuka dan dikenakan tol dapat ditiadakan tol? Perkara ini akan dibincangkan dengan beberapa *stakeholders,* terutama dengan Kementerian Kewangan. Kerana dengan pengenaan tol itu ia memberi pendapatan yang baik kepada Negara. Jadi kalau ditiadakan, ertinya tidaklah ada pendapatan daripada jambatan tol, maka akan kitani kaji sama ada bersesuaian ataupun tidak dikenakan tol

kepada pengguna-pengguna Jambatan Rasau.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdulllah bin Haji Mohd. Jaafar untuk meninggikan taraf jalan *(excess road)* dikaji semula, terutama yang menuju ke Kampung Penanjong. Perkara ini akan dikaji dan insya-Allah jika cadangan itu baik dan sesuai, maka akan dilaksanakan seperti mana yang dicadangkan itu akan kitani pohonkan bajet tertentu. Perkara ini akan dikaji oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

Cadangan daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, mengenai sama ada penduduk tetap dibenarkan ataupun ada satu syarat baru ataupun satu pendekatan baru bagi membolehkan penduduk tetap di Negara ini untuk memiliki tanah bagi membina rumah mereka. Perkara ini, seperti mana tadi dijelaskan bahawa melibatkan beberapa agensi Kerajaan yang lain, seperti Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan dan sebagainya. Walau macam manapun, perkara ini akan dibincangkan dengan pihak-pihak tertentu dan kita akan memperkenalkan dasar yang bersesuaian dalam perkara ini. Kita memang memahami bahawa banyak penduduk tetap yang *stateless* ataupun yang memang tidak ada lagi tempat lain untuk mereka tinggal, menghendaki tanah untuk membina rumah. Perkara ini akan kami kaji sebagai satu dasar yang baru.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A bagi Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya diundi. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli bersetuju mengangkat tangan)

Terima kasih. Maka Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SK01A - Jabatan Pembangunan hingga Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dijadikan sebagai Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan bersidang semula pada petang nanti pukul 2.30 petang. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu per satu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula. Semasa Mesyuarat Jawatankuasa ini yang diadakan sebelah pagi tadi, Peruntukan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah selesai diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Sekarang kita beralih kepada Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hingga Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya perlu diselesaikan pada petang ini juga. Sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahas, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin membuat pernyataan yang ringkas. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya di Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara terlebih dahulu menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kebijaksanaan dan pandangan jauh Baginda dalam penyediaan Peruntukan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2014/2015, yang memfokuskan ke arah menggerakkan pembangunan rakyat

dan Negara yang dinamik dan berdaya tahan.

Tema bagi peruntukan tahun ini iaitu “Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan” memfokuskan kita untuk memikirkan dengan lebih mendalam ke arah penjanaan ekonomi dan seterusnya membuka laluan kepada peluang-peluang pekerjaan khususnya bagi para belia.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darrusaalam semasa Majlis Pembukaan Rasmi Musim Permesyuaratan Negara Kesepuluh pada 6 Mac yang lalu juga, menyeru semua pihak untuk sama-sama menyumbang dan bangun ke arah menjana pembangunan negara, mewujudkan perpaduan bangsa Brunei yang jitu dan menjaga keamanan Negara daripada apa jua bentuk jenayah yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah dalam dan luar negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan secara langsung dan tidak langsung sama-sama bertanggungjawab dan berperanan pada mencapai dan menepati hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui empat teras utama bidang tugasnya iaitu Kebudayaan, Kebeliaan, Kesukanan dan Kemasyarakatan.

Antara tumpuan utama, ialah membangun dan meningkatkan jati diri golongan belia untuk menjadikan mereka golongan berdikari dan menyumbang kepada perpaduan, pembangunan dan kesejahteraan Negara, menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dengan menyalurkan bantuan kepada pihak-pihak yang memerlukan dan berkeperluan khas. Ini termasuk juga, pada mengukuhkan institusi keluarga bagi mewujudkan perpaduan dan keamanan. Memajukan sukan dan riadah ke arah meningkatkan nama Negara mewujudkan masyarakat yang bersatu padu cergas dan sihat dan ke arah memelihara dan menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang.

Merujuk kepada Peruntukan Belanjawan 2014/2015, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diperuntukkan Anggaran Belanjawan sebanyak $101,784,240.00. Jumlah ini berlebihan sebanyak 0.2% daripada had yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, secara perbandingan, jumlah peruntukan ini menunjukkan penurunan sebanyak 1.23% ($1,267,660.00) daripada peruntukan yang diluluskan pada Tahun Kewangan 2013/2014.

Yang Berhormat Pengerusi. Sehubungan dengan itu, walaupun terdapat penurunan peruntukan Kewangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Tahun 2014/2015, namun ianya tidak menjejaskan peranan Kementerian untuk meneruskan komitmen dan tanggungjawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan perhatian dan keutamaan kepada kesejahteraan, kebajikan, keamanan dan perpaduan rakyat dan penduduk di Negara ini.

Ini termasuklah pembangunan belia, pemberian perkhidmatan dan bantuan sosial khususnya kepada mereka yang berkeperluan khas dan memerlukan bantuan, dan memelihara serta memperkukuhkan budaya dan warisan serta nilai-nilai murni sebagai identiti bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Peruntukan yang diberikan juga tidak mengenepikan keperluan meningkatkan kapisiti dan keupayaan kementerian pada mengangkat dan memenuhi misi dan matlamatnya sebanyak 17 jawatan tambahan telah diberikan dengan pecahan yang antaranya, 4 jawatan yang berkaitan dengan kerja-kerja sosial.

Insya-Allah, dengan tambahan tersebut, Kementerian ini akan dapat mempertingkatkan keupayaannya khusus dalam pemberian perkhidmatan sosial dan latihan kemahiran belia. Kementerian juga mempertingkatkan keupayaan dan kepakaran profesional bidang kerja sosial dengan menyokong pegawai-pegawai yang ada untuk membuat ijazah lanjutan *Ph.D* dan *Masters* melalui Skim Dalam Perkhidmatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini, Baginda bertitah antara lain menekankan bahawa "Para belia sangatlah perlu meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, Insya-Allah, mereka akan menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing".

Kementerian ini akan terus memainkan peranan ke arah pembangunan kapasiti jati diri, kerohanian dan semangat berdikari dan semangat keusahawanan golongan belia yang merupakan sebagai generasi harapan yang akan mengambil alih tanggunjawab dan tugas sebagai penggerak jentera pembangunan Negara dan bakal pemimpin masa depan. Tambahan itu, semangat kesukarelawan di kalangan belia juga akan terus dipergiatkan.

Dengan peruntukan $2 juta khusus bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kementerian ini akan dapat

meneruskan pelaksanaan program ini. Berdasarkan penilaian dan maklum balas yang diperolehi, Program ini telah berjaya melahirkan belia yang berdisiplin, mempunyai jati diri, prihatin, bertanggungjawab, patriotik serta mempunyai nilai-nilai murni selaku anak Brunei yang akan menerajui pembangunan negara dan bangsa pada masa hadapan.

Dengan peruntukan ini juga, Kementerian merancang untuk membantu belia-belia yang tercicir dalam persekolahan, yang mengikuti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), memperolehi kelulusan dan mata pelajaran di peringkat biasa. Sebagai misalan, bagi lepasan Program Khidmat Bakti Negara, yang tidak berkelulusan, akan diberikan bantuan *tuition* untuk mendapatkan kelulusan sekurang-kurangnya 2 *'O' Level*, bagi membolehkan mereka untuk memasuki kerjaya dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kementerian ini juga merancang untuk membantu menggerakkan sebarang aktiviti kesukarelawanan dan yang berkebajikan seperti Persatuan Alumni, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang dapat menyumbang ke arah perpaduan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat.

Kementerian ini juga telah diperuntukkan sebanyak $800 ribu bagi pelaksanaan Program Belia Berdikari. Peruntukan ini akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya sama ada bagi mempertingkatkan kursus-kursus latihan yang sedia ada, ataupun mewujudkan lebih banyak lagi jenis latihan kemahiran yang difikirkan mempunyai permintaan pasaran. Sehubungan dengan itu, dengan menggunakan kaedah *Public Private Partnership* (*PPP*), Pusat Pembangunan Belia akan terus bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dalam memberikan latihan kemahiran kepada para pelatih.

Strategi yang berlandaskan sinergi dan rakan kongsi (*partnership*), bukan sahaja akan memberikan kemahiran yang relevan dan diiktiraf, malahan juga dapat memastikan para pelatih mendapat pekerjaan sebaik-baik sahaja selepas menamatkan kursus. Selain itu, fokus juga diberikan ke arah menggalakkan para belia, khususnya bekas pelatih-pelatih di Pusat Pembangunan Belia untuk memulakan perusahaan dan perniagaan sendiri dalam bentuk pinjaman (*grant*). Pusat Pembangunan Belia akan meningkatkan lagi inisiatif dalam mengenal pasti kursus yang berpotensi untuk diterokai untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada belia di Negara ini.

Antara kursus-kursus yang sudah dijalankan, ialah kursus singkat Pemandu Jentera Berat dan kursus singkat *Scaffolding*. Pada masa ini, seramai 19 orang telah menamatkan latihan kursus singkat *Scaffolding* dan seramai 25 orang telah menamatkan kursus singkat Pemandu Jentera Berat, dan telah diserapkan bekerja dalam penempatan kerja dengan syarikat-syarikat tempatan seperti *Syarikat*

Adinin Development Centre, Syarikat Malai Mashor Sendirian Berhad*, Syarikat Blue Oceanic Management Services, Megamas Training Company Sendirian Berhad* dan *Syarikat Chika Sendirian Berhad*.

Insya-Allah, pada tahun ini juga, pihak Kementerian merancang bagi mengadakan kursus singkat *Cable Jointing* dan kursus singkat *Construction Machinery Operator*. Pihak kementerian, melalui Pusat Pembangunan Belia juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri yang bertujuan untuk membuat penyelarasan mengenai latihan-latihan dalam bidang industri minyak dan gas yang memenuhi kepada *Energy Industry Competency Framework* (*EICF*).

Seterusnya, Kementerian ini juga telah diperuntukkan sebanyak $200 ribu bagi pelaksanaan *ASEAN Young Professional Volunteer Corps*. Peruntukan ini adalah kesinambungan kepada inisiatif Negara Brunei Darussalam yang mendapat sambutan baik daripada negara-negara *ASEAN* yang lain semasa mempengerusikan *ASEAN* pada tahun lepas. Peruntukan ini akan digunakan bagi melibatkan lebih ramai golongan profesional belia *ASEAN* bagi menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi serta perpaduan ke arah merealisasikan Komuniti *ASEAN* itu pada tahun 2015.

Projek ini meluaskan skop dan *horizon* belia di Negara ini, untuk memberikan keprihatinan kepada masyarakat serantau, seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang dapat menyumbang kepada keamanan dan perpaduan serantau.

Kementerian ini juga disediakan sejumlah peruntukan ke arah pelaksanaan kegiatan kebudayaan dan kesenian serta budaya membaca, bagi meneruskan program-program yang menjurus kepada pemeliharaan, pemuliharaan dan peningkatan kebudayaan dan kesenian sebagai komponen penting bagi menjana pembangunan sektor industri kreatif. Sebanyak $200 ribu, diperuntukkan bagi Projek Warisan Brunei yang dipergunakan bagi pemuliharaan budaya dan warisan bangsa Brunei yang dijadikan sebagai wadah ikatan perpaduan dan pengukuhan ikatan sosial (*social fabric*), masyarakat Brunei melalui kehidupan yang bertatasusila dan saling menghormati.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah menitahkan *"Kita sendiri selaku orang Brunei mestilah benar-benar menjadi orang Brunei."*

Warisan Budaya juga akan dikembangkan untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi

Negara, melalui industri kreatif. Walau bagaimanapun, dalam memelihara dan mengembangkan adat budaya, di kalangan 7 puak jati di Negara Brunei Darussalam, memerlukan penglibatan anggota masyarakat puak-puak jati itu sendiri, bukannya semata-mata dipertanggungjawabkan kepada pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Masyarakat yang mengamalkan adat resam, budaya dan kesenian, juga perlu berusaha sama dan membuat pengorbanan masa, tenaga, *material* dan kewangan untuk menghidupkan dan mengangkat warisan bahasa, budaya dan adat yang mereka warisi agar ianya tidak lenyap dan pupus.

Manakala, Program Bagi Menggalakkan Budaya Membaca telah diperuntukkan sejumlah $100 ribu. Antara usaha terkini dalam menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat khususnya di peringkat awal lagi, Dewan Bahasa dan Pustaka akan melaksanakan Projek Awal Literasi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tambahan itu juga, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan Anugerah Buku Terlaris Brunei, yang bukan sahaja merupakan satu inisiatif bagi menggalakkan penulisan tempatan malahan juga minat membaca ke arah mengangkat nilai-nilai dari aspek sosiobudaya, perekonomian dan politik tempatan.

Dalam usaha Pengukuhan Institusi Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), akan meneruskan program - program berbentuk pengukuhan institusi kekeluargaan dan kebajikan sosial, termasuklah bagi acara-acara sampingan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan, program-program pembangunan keluarga, pemberigaan isu-isu sosial, pemberian bantuan kebajikan dan juga ke arah memperkasa penerima-penerima bantuan dalam usaha ke arah membasmi kemiskinan. Kementerian ini, telah diperuntukkan sebanyak $400 ribu, bagi Program Pengukuhan Institusi Keluarga.

Di samping bagi mengendalikan sambutan Hari Keluarga Kebangsaan, pada bulan Mei di seluruh daerah secara serentak, peruntukan tersebut juga akan digunakan bagi meneruskan kegiatan hari keluarga sepanjang tahun di mukim-mukim dan kampung-kampung. Program berkenaan bukan sahaja memperkukuhkan dan memperkasa institusi keluarga, malahan juga melalui program kekeluargaan ini dapat menyumbang kepada perpaduan masyarakat secara kebruneian seperti yang dihasratkan.

Kementerian merakamkan penghargaan atas penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung, yang merupakan pemimpin di peringkat akar umbi pada memberikan komitmen dan kerjasama dalam menganjurkan dan menggerakkan anak buah dan penduduk setempat dalam

mengungkayahkan Hari Keluarga Kebangsaan.

Seterusnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, juga telah diberikan sebanyak $334 ribu, bagi Program Latihan Kemahiran bagi Memperkasa Penerima Bantuan Dalam Usaha Menangani Isu Kemiskinan. Program ini, adalah merupakan program pembangunan kapasiti untuk membantu kumpulan sasaran iaitu orang-orang yang susah termasuklah mereka yang menerima bantuan kebajikan bulanan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dan keluarga mereka untuk berdikari dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

Walaupun, di peringkat awalnya, terdapat cabaran dalam penyertaan daripada penerima bantuan bulanan kebajikan, alhamdulillah, sekarang secara perlahan ianya mendapat sambutan. Sebagai misalan, seramai 56 orang pelatih yang telah mengikuti kursus seperti masakan, kek dan pastri, dan komputer dan pengendalian pejabat pada tahun 2013.

Saya juga ingin mengongsikan, beberapa program seumpama ini, dilaratkan kepada para penerima bantuan zakat dan keluarga penerima zakat di Negara ini melalui program *PROPAZ* dan bekas penghuni Al-Islah melalui program As-Syifa yang telah melibatkan seramai 158 orang bagi program *PROPAZ* dan 130 orang bagi program As-Syifa.

Melalui program latihan kemahiran, latihan keusahawanan, kemahiran perniagaan dan pembangunan diri sedemikan, adalah dihasratkan ianya akan dapat mengubah paradigma, sikap dan pemikiran para pelatih daripada bergantung sepenuhnya pada bantuan kebajikan kepada sikap mahu berdikari dan berusaha untuk mendapatkan mata pencarian bagi menyara keluarga.

Mengenai bantuan kepada pertubuhan bukan kerajaan, sebanyak $300,000.00, ianya akan digunakan dalam membantu persatuan atau pertubuhan khususnya orang-orang berkeperluan khas dan kurang upaya bagi menjalankan pelbagai program seperti Program Pembangunan Kapasiti, aktiviti dan latihan bagi ahli-ahli persatuan, pembelian alat tulis bagi kegunaan program pendidikan, menghadiri seminar, kursus, persidangan luar negara, menganjurkan atai menjalankan program latihan dan sebagainya.

Alhamdulillah, melalui peruntukan yang diberikan, persatuan dan pertubuhan orang berkeperluan khas dan kurang upaya dapat meringankan atau mengurangkan bebanan kewangan mereka, yang sebelumnya mereka sepenuhnya bergantung pada dana persendirian dan bantuan daripada swasta dan orang ramai.

Seterusnya, mengenai usaha dalam membaik pulih kemudahan bersukan yang sedia ada dan menyediakan tempat riadah sebanyak $2,750,000.00 telah diperuntukkan. Peruntukan ini akan digunakan bagi meneruskan

kerja-kerja pemeliharaan, pembaikan dan penaiktarafan sebahagian prasarana sukan yang sedia ada mengikut keutamaan.

Dalam tahun 2013, Kementerian telah selesai membuat kajian mengenai inventori tempat-tempat sukan dan riadah di seluruh Negara bagi setiap jarak 2 km yang kajian tersebut telah menunjukkan bahawa hampir keseluruhan tempat riadah dan sukan dengan memasukkan tempat riadah dan bersukan di bawah *stakeholder* lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Jabatan Belia dan Sukan dan pihak swasta mencapai *Key Performance Indicator (KPI)* bagi jarak 2 km prasarana sukan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian tersebut, kekurangan *(gap)* terhadap prasarana riadah dan sukan bagi menggalakkan sukan untuk masyarakat telah dikenal pasti dan akan diusahakan mengikut keutamaan.

Ke arah menggalakkan pembangunan sukan secara berterusan dan memberikan pengiktirafan kepada mereka yang telah mengharumkan Negara melalui pencapaian cemerlang mereka di arena sukan serantau dan antarabangsa, Kementerian akan melancarkan Galeri Sukan pada bulan April yang akan datang di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Dengan penjelasan-penjelasan tersebut, saya mengakhiri mukadimah ini, Yang Berhormat Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membincangkan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya, sila angkat tangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa yang kaola ketahui, tujuan penubuhan Pusat Pembangunan Belia Kampung Tanah Jambu adalah untuk memberi bantuan latihan kemahiran kepada belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal.

Maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pusat ini, menyediakan beberapa jenis kursus untuk disertai oleh para belia mengikut kelayakan dan niat masing-masing.

Kaola ingin bertanya, setelah belia ini tamat dari kursus-kursus yang mereka ambil, adakah mereka ini akan diberikan pekerjaan di mana-mana jabatan Kerajaan atau Kerajaan membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan

di sektor swasta? Bagaimana pula belia yang mengambil kursus dalam bidang perniagaan dan setelah mereka tamat dari program kemahiran, adakah mereka diberi bantuan dari segi modal untuk memulakan perniagaan jika mereka berminat untuk terus menceburkan dalam bidang ini?

Kalau kita perhatikan sektor industri pembinaan di negara ini, kebanyakan pekerjanya didatangkan dari luar negara. Jika para belia memiliki kemahiran dalam bidang binaan seperti bidang menyimen, memasang *tile*, mengecat dan sebagainya, mereka sudah dapat mengambil alih pekerjaan dari pekerja-pekerja asing. Tidak mustahil, jika mereka ini bercita-cita tinggi dan bersemangat kebruneian akan menjadi kontraktor berjaya pada suatu masa nanti.

Kaola juga mencadangkan kursus-kursus patut juga dibukakan kepada rakyat bumiputera yang ingin menceburi dalam bidang yang mereka minati tetapi tidak mempunyai kemahiran. Contohnya, ibu-ibu tunggal, sesuai untuk memiliki salun kecantikan sendiri untuk menampung kehidupan atau menambah pendapatan mereka.

Saya juga perhatikan, kebanyakan salun kecantikan dijalankan oleh orang-orang asing. Jadi, dengan diberikan kursus-kursus yang relevan mereka juga boleh bersaing dalam bidang ini dan setentunya akan disokong penuh oleh pelanggan-pelanggan daripada orang-orang Brunei sendiri. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan dua perkara. Kedua-duanya adalah isu nasional dan strategik.

Isu pertama, tidak ada akan kaola bubuh mukadimah kerana ianya adalah *straight forward*:

1. Mengenai pelan tindakan menangani isu kemiskinan. Soalannya, bilakah pelan tindakan mengenai isu kemiskinan yang dikatakan pada tahun lepas dan dirangka oleh Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan akan dikongsikan kepada orang ramai?;

2. Adakah *Key Performance Indicators (KPI)* akan disediakan untuk menilai dari masa ke masa tentang keberkesanan program-program yang akan dilaksanakan mencapai matlamat yang dimaksudkan?; dan

3. Mengenai perlindungan ke atas kanak-kanak. Apakah ini terpaksa kaola berikan mukadimah supaya dapat difahami? Pada tahun lepas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan telah dilaporkan melalui media massa, mengatakan bahawa pada tahun 2011, terdapat 7 kes penderaan kanak-kanak dan pada tahun 2012, jumlah tersebut telah meningkat kepada 15 kes.

Jumlah ini jauh lebih rendah dari jumlah kes-kes yang dirujuk kepada pihak Kementerian Kesihatan oleh agensi-agensi lain. Setelah penjelasan didapatkan dari pihak-pihak tertentu, nampaknya terdapat perbezaan *standard* dan protokol yang diamalkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dari pihak-pihak yang lain. Mengenai perbezaan ini, kaola telah merujuk kepada akta yang telah diperuntukkan bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak dan remaja iaitu *Children and Young Persons Act*. Peruntukan yang terdapat dalam Akta ini telah dengan jelas menggariskan bahawa perlindungan yang dimaksudkan ialah perlindungan ke atas kanak-kanak yang *vulnerable.*

Ini membawa erti, perlindungan yang diberikan bukan sahaja ditumpukan kepada kanak-kanak yang sudah didera atau telah mengalami penderaan tetapi juga perlindungan kepada kanak-kanak yang dinilai akan mengalami penderaan *(suspected cases)* dari segi *physical abuse, emotional abuse* dan *neglected.* Dalam masa yang sama, *Children and Young Persons Act* ini juga memberi perlindungan kepada anak-anak remaja sehingga umur 17 tahun. Akta ini menjelaskan bahawa anak-anak remaja dalam lingkungan umur yang belum mencapai 18 tahun iaitu 17 tahun ke bawah, yang didapati melakukan hubungan seks adalah dikira sebagai *sexually abuse*. Walaupun ianya dilakukan dengan persetujuan anak-anak remaja tersebut.

Tambahan lagi, Akta ini juga telah menyediakan satu bab, iaitu jika terdapat sebarang persoalan ataupun kemusykilan mengenainya, maka kebajikan kanak-kanak dan remaja yang dinilai itu menjadi perkara yang paling utama untuk diambil kira.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini kaola timbulkan kerana terdapat laporan dari Pasukan Polis Diraja Brunei mengenai kes-kes rogol dan persetubuhan haram di bawah umur 16 tahun, yang mana telah meningkat dari 30 kes pada tahun 2011 kepada 45 kes pada tahun 2012. Mengenai perkara ini, kaola mencadangkan supaya kumpulan bertindak ke atas penganiayaan kanak-kanak *(ATOCP)* ditubuhkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan mendalami lagi kefahaman ke atas Akta *Children and Young Persons Act* supaya ia dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Baru-baru ini juga, Jabatan Pembangunan Masyarakat juga telah bersetuju untuk melaksanakan *Child Online Protection Framework*

yang mana juga merupakan satu lagi tanggungjawab yang penting yang memerlukan kefahaman yang mendalam ke atas akta tersebut.

Soalan kaola, apakah perancangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dalam melaksanakan *Child Online Protection Framework* tersebut dan adakah sudah diteliti sama ada akta yang ada ini memadai atau cukup untuk membantu melaksanakan *framework* tersebut dengan berkesannya? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah itu saya sokong sepenuhnya sebagaimana jua tahap kemiskinan di Negara kitani.

Perkara ini diajukan di Dewan yang mulia ini, kerana perkara ini sering sekali menjadi tanda tanya kebanyakan masyarakat di Negara ini. Jika ada, bilakah kadar ini diisytiharkan kepada awam? Kedua, setiap berapa tahunkah kerja kaji selidik dibuat untuk menentukan kadar pendapatan yang diiktirafkan sebagai golongan yang hidup di bawah tahap kemiskinan?

Yang kedua, cadangan penganugerahan Tokoh Sukan ataupun pembahagian pingat-pingat ataupun bintang Negara bagi mereka yang telah mengharumkan Negara. Contohnya, Brunei telah memenangi Piala Malaysia tahun 1999. Pemain-pemain dan pengurus-pengurus dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Tetapi, kenapa tidak kepada mereka yang telah melakar kejayaan yang lebih tinggi seperti memenangi kejohanan-kejohanan Asia, sukan Asia Tenggara dan sukan-sukan serantau. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Kaola ingin menyampaikan pemerhatian kaola mengenai dengan rancangan penggantian *(succession planning).* Baru-baru ini, beberapa orang pegawai kanan Kerajaan telah dilantik untuk mengisikan beberapa jawatan Timbalan Setiausaha Tetap di beberapa buah Kementerian. Dalam pemerhatian kaola, jawatan Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sudah setahun tidak diisikan atau dipangku setelah pemegangnya bersara. Jawatan penting seperti Timbalan Setiausaha Tetap ini sepatutnya tidak

dibiarkan kosong dalam tempoh yang lama.

Kaola yakin, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mempunyai pegawai-pegawai kanan yang berkelayakan, bersesuaian, berpengalaman dan kompeten untuk dilantik bagi mengisi jawatan yang penting tersebut. Kaola tidak memerlukan jawapan mengenai perkara ini tetapi sekadar untuk menarik perhatian Dewan sahaja.

Yang kedua, Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan. Kecemerlangan sukan banyak bergantung pada kewibawaan penyelidikan dan sains kesukanan *(sport science)* serta tenaga yang berkelayakan dan berkemahiran. Kecederaan atlet-atlet dalam pelbagai bidang sukan pula memerlukan rawatan yang profesional dari pakar-pakar perubatan sukan dan program rehabilitasi yang sistematik.

Pada Tajuk SLA-03A, Belia dan Sukan di bawah Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan sehingga kini hanya mempunyai 13 orang tenaga kerja. Kaola yakin, kita mempunyai anak-anak tempatan yang mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam bidang *sport science* yang boleh diambil berkhidmat di Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan. Kaola ingin mengetahui, adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk menaik taraf Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan tersebut? Dan kenapakah ianya belum dapat diambil alih oleh anak-anak tempatan yang berkelayakan untuk mengetuainya?

Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi, Majlis Kebangsaan Isu Sosial. Penubuhan Majlis Kebangsaan Isu Sosial antara lainnya ialah bertujuan untuk menangani isu-isu sosial masa kini, merangka dasar-dasar perundangan serta menyediakan pelan tindakan bagi menangani isu sosial di Negara kitani dan menyelaras dan memastikan pelaksanaan pelan tindakan dan program-program mengenai isu sosial yang diusahakan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

Isu-isu mengenai perkara ini, kaola ingin mengetahui, apakah status isu-isu sosial terkini yang dibincangkan oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial, khususnya penilaian yang dibuat serta perkembangan mengenai langkah-langkah yang telah diambil ke atas pelan tindakan untuk menangani isu-isu sosial di Negara ini?

Kaola juga memohon Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengongsikan penilaian yang telah dibuat oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial ke atas hasil kajian atau dapatan mengenai kemiskinan yang telah dibuat oleh *ZD Consultant* khususnya yang boleh diguna pakai oleh Majlis sebagai pelan tindakan atau garis panduan untuk menangani isu kemiskinan di Negara ini.

Yang ketiganya, kaola ingin mengetahui jumlah yang terkini mereka yang disenaraikan dalam golongan miskin di Negara ini. Berapa ramaikah antara mereka yang telah dapat dikeluarkan

dari kepompong kemiskinan ini, dalam masa dua tiga tahun yang lepas?

Akhirnya, Yang Berhormat Pengerusi, semasa sesi muzakarah dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan baru-baru ini, ada dinyatakan bahawa satu kajian masalah sosial di kalangan belia telah dibuat oleh pihak *Centre For Strategic And Policy Studies (CSPS)*, apakah dapatan hasil kejadian tersebut?

Kaola ingin mengetahui bagaimanakah status perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membina satu lagi cawangan Pusat Pembangunan Belia bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih. Alhamdulillah. Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, semasa sesi permuzakarahan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pada bulan lepas, peruntukan khas bagi tajuk membaik pulih kemudahan-kemudahan bersukan yang sedia ada dan menyediakan tempat-tempat riadah dan bersukan telah dibangkitkan. Dari pemerhatian saya, peruntukan ini pada asalnya disediakan sebanyak $18 juta bagi tahun 2012/2013. Peruntukan ini dikurangkan lagi kepada $5 juta pada tahun kewangan 2013/2014. Pada tahun ini peruntukan tersebut telah dikurangkan lagi dan hanya disediakan sebanyak $2.75 juta.

Apa yang difahamkan peruntukan yang disediakan sebelum ini tidak mencukupi. Bagaimanapun, yang menjadi kemusykilan ialah kenapa peruntukan tahun ini masih juga dikurangkan? Saya juga ingin Yang Berhormat Menteri mengongsikan di Dewan yang mulia ini, apakah perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 2014/2015 dalam menyediakan kemudahan-kemudahan bersukan di setiap daerah dan juga sekurang-kurangnya untuk menambah baik tahap kemudahan-kemudahan bersukan yang ada di setiap daerah melalui peruntukan ini?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 kemungkinan Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah kepada Pesta Sukan *SEA*, yang sudah tentunya melibatkan berbagai-bagai kemudahan dan persiapan sama ada dari segi infrastruktur atau tenaga manusia termasuk persiapan atlet Negara. Apakah perancangan dan strategik yang disedikan oleh jabatan ini bagi menghadapi sukan *SEA*? Adakah cadangan *venue* pesta sukan ini nanti dilaratkan kepada daerah-daerah dalam acara-acara tertentu?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tasik Merimbun merupakan kawasan yang sangat indah dengan kehijauan tumbuh-tumbuhan dan kebiruan air tasiknya serta kehadiran burung-burung (mergastua), menambah tarikan untuk dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negeri. Di sini juga, terdapat taman 'kulimambang' untuk dijadikan bahan kajian bagi pelajar dan peminat 'kulimambang'. Untuk memelihara persekitaran flora dan fauna serta harta benda, adakah peraturan atau akta bagi mengenakan kompaun terhadap pelanggaran peraturan jika berlaku pelanggaran?

Dalam soalan kaola, adakah perancangan untuk membina penginapan yang lengkap dengan menyediakan pakej tempat tidur yang selesa, pemakanan, aktiviti menyusur keliling tasik dan memancing 'tangkap lepas', persembahan kesenian dan kebudayaan. Jika ianya dilaksanakan, maka, memberi pekerjaan, misalnya sebagai pengurus, sebagai pemandu pelancong, sebagai pembersih, pengawal, tukang masak dan pemandu motor sangkut kepada para belia dan perusahaan produk kampung khususnya penduduk kawasan Kampung Merimbun.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kurang upaya, cacat, masalah penglihatan, masalah pendengaran, bisu dan gila adalah termasuk dalam Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (1954) yang berhak menerima pencen bulanan.

Soalan kaola, bagaimanakah individu yang mengalami masalah penyakit dihidap sepanjang hayat yang tidak termasuk kategori tersebut di atas yang memang tidak berupaya langsung dan sukar untuk melakukan sebarang pekerjaan, misalnya, penyakit *Beta Thalassemia Major* dihidap dari kecil hingga dewasa yang sering berjumpa dengan doktor bagi urusan penambahan darah?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persatuan *Alumni* Program Khidmat Bakti Negara telah pun tertubuh. Ianya akan menjadi platform bagi bekas pelatih untuk menabur jasa dan bakti. Persatuan ini akan dapat memupuk dan memperkembangkan budaya tolong-menolong di kalangan generasi muda di peringkat daerah dan national. Soalan kaola, selain dari latihan dan kursus berbentuk *IQ* (mental), apakah latihan dan kursus lain yang membolehkan bekas pelatih ini diserapkan dalam badan-badan kemasyarakatan, misalnya untuk membantu biro belia dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perusahaan bengkel pemeliharaan dan pembaik pulihan kereta *continental* semakin cerah di Negara ini. Kemasukan kereta jenis ini mempunyai jumlah yang banyak dan diminati ramai. Tetapi, bengkel untuk menangani jenis kereta ini adalah terhad. Hanya beberapa buah bengkel saja yang mahir dan pakar. Di Daerah Tutong, sebuah pun belum

ada. Oleh itu, untuk rawatan biasa, menukar minyak pelincir sahaja boleh mencapai $300.00 hingga ke $700.00 Belum lagi menukar alat ganti. Bayangkanlah, jika peluang ini diberi kepada para belia.

Soalan kaola, adakah Pusat Pembangunan Belia atau institusi lain yang menyediakan kursus rawatan dan membaik pulih jenis kereta ini kalau tidak ada perlulah belia yang berminat di hantar berkursus ke negara pengeluar kereta berkenaan. Apabila mereka telah selesai kursus, bolehlah mereka menjadi tenaga pengajar dan membuka perusahaan sendiri. Sekian, sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam tajuk Jabatan Belia dan Sukan, kaola membawa 3 isu sahaja di Dewan yang mulia ini:

1. Penempatan kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong, mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat di Daerah Temburong.

   Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin bertanya, apakah kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong, yang akan dibangunkan itu nanti akan ditempatkan di kawasan gazetnya sendiri? Kaola difahamkan bahawa tapak kawasan kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dimasukkan dalam gazet Kompleks Sukan Temburong yang berdekatan.

   Yang Berhormat Pengerusi. Pada pandangan kaola, jika gazet ini disatukan dan dalam jangka masa panjang, tidakkah ia akan menjejaskan kompleks sukan ekoran dari pembinaan PBKN dalam gazet kompleks sukan Temburong. Pada masa ini, Kompleks Sukan Temburong, masih memerlukan gelanggang-gelanggang sukan yang lain yang belum terdapat di kawasan kompleks sukan tersebut seperti padang hoki, gelanggang skuasy, dewan serbaguna dan lain-lain;

2. Pada masa ini, jurulatih sukan tempatan belum ada di Daerah Temburong. Pada pandangan kaola, perkara ketiadaan jurulatih tempatan perlu juga diambil berat kerana tanpa jurulatih tempatan, keberkesanan sesuatu sukan amat sukar dilaksanakan dan pencarian atlet-atlet muda pula tidak akan tercapai sepenuhnya. Maka, sukacita kaola mencadangkan supaya jurulatih sukan tempatan akan dapat diadakan di Daerah Temburong; dan

3. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya dan orang ramai juga ingin tahu, apakah sudah ada dalam perancangan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memastikan apa jua rancangan, program dan aktiviti kebudayaan, sosial dan sukan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian, selari dengan Perlaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah? Apa yang difahamkan memang terdapat program tarian dan nyanyian tidak kira yang tradisional mahu pun kontemporari yang dijalankan. Begitu juga dengan program sosial dan sukan yang bercampur baur *(free mixing)* lelaki atau perempuan, termasuklah program kapal belia. Difahamkan, aktiviti yang dibuat berkehendakkan bercampur baur antara lelaki dan perempuan belia yang bukan mahram. Perkara yang ditakuti ialah ia akan mempengaruhi dan membudaya khususnya belia Brunei dan lari daripada lunas-lunas hukum syarak.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan menimbulkan 2 perkara:

1. Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) adalah aspirasi Kerajaan untuk melahirkan belia cemerlang dan berdisiplin dan mendisiplinkan para belia adalah mustahak dan tanggungjawab kita bersama. Sebagaimana yang kita ketahui, belia lelaki bukan sahaja akan menjadi pemimpin dalam masyarakat dan Negara, malah yang penting menjadi pemimpin dalam rumah tangga dan keluarganya. Manakala, perempuan pula adalah pelengkap dan penolong kepada kesejahteraan masyarakat di rumah mahupun di luar rumah. Apa yang kita khuatirkan, trend yang berlaku kini, anak-anak perempuan lebih menyerlah dalam meraih kejayaan, baik dalam bidang pelajaran mahupun dalam karier (kerjaya) mereka berbanding dengan anak-anak lelaki.

   Pada tahun 2012, statistik menunjukkan pelajar perempuan mengatasi jumlah pelajar lelaki di peringkat prauniversiti, iaitu seramai 3,568 orang berbanding 2,457 pelajar lelaki. Begitu juga di peringkat universiti, 4,824 orang pelajar perempuan berbanding 2,764 orang pelajar lelaki. Berapa belia lelaki kita terlibat dalam pelbagai kes jenayah atau kes keruntuhan akhlak berbanding belia perempuan. Masalah sosial, keruntuhan akhlak dan kemerosotan disiplin amat membimbangkan, kalau tidak ditangani dari sekarang, ia boleh sahaja mengundang

pelbagai implikasi yang boleh meruntuhkan kestabilan negara dalam usaha melahirkan masyarakat yang produktif dan berdaya maju.

Maka ke arah itu, mendisiplinkan anak-anak terutama belia lelaki amatlah signifikan dengan hasrat wawasan Negara kita iaitu generasi yang berkualiti tinggi. *Mindset* (mentaliti) yang tidak sihat dan negatif sering disebut-sebut perlulah diperbetulkan. Maka, sudah tiba masanya untuk kita melaksanakan program seperti PKBN ini, sebagai program wajib yang memastikan semua para belia, terutama belia lelaki untuk mengikuti program ini, tidak kira ia terdiri daripada belia yang kurang bernasib baik mahupun yang sudah berjaya. Manakala, belia perempuan juga memerlukan program seperti ini, tetapi hendaklah difikirkan kesesuaian dengan calak Brunei yang mengamalkan konsep MIB. Pengendalian program ini sudah setentunya lebih tersusun, lebih komprehensif dari pelbagai aspek termasuk tempoh program dijalankan lebih lama dari sekarang.

Soalan saya, adakah dalam perancangan pihak Kementerian untuk menjadikan program PKBN ini sebagai program wajib untuk semua belia di negara ini?

2. Dengan bertawakal kepada Allah dan dengan penuh rasa keinsafan dan keikhlasan untuk sama-sama memelihara kesejahteraan Negara dengan lindungan Allah, saya ingin bercakap mengenai kesan atau impak dari tatacara pelaksanaan pemberian bantuan dan seumpamanya yang dikendalikan oleh pihak kementerian. Dalam usaha membantu adalah amat terpuji, apatah lagi kepada golongan yang benar-benar memerlukannya. Daripada senario yang telah kita dengar daripada rakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, mengenai jumlah 45 kes pada tahun 2012, yang melibatkan kes-kes rogol dan persetubuhan haram di bawah umur, adalah salah satu petanda, adanya peningkatan kes-kes keruntuhan akhlak dan jenayah yang terus berlaku dalam masyarakat khasnya di kalangan remaja.

Meskipun jumlah nampak sedikit, tetapi nisbah kepada jumlah penduduknya adalah mem-bimbangkan. Belum lagi kita melihat statistik kes-kes yang lain. Bertolak daripada kes-kes ini kita tidak dapat mengelak daripada akan lahir anak-anak yang tidak berdosa, akibat dosa ibu dan pasangannya. Apa yang hendak saya kaitkan dengan isu ini ialah, sejak kebelakangan ini, semakin ramai penjaga kepada anak-anak sedemikian tampil tanpa ada rasa segan untuk turut mendapatkan bantuan atau pemberian atau seumpamanya daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang mereka ini dikategorikan dalam kategori anak yatim.

Hal ini, turut diakui oleh sebahagian Ketua Kampung yang terlebih dahulu berhadapan dengan mereka. Kekhuatiran yang timbul daripada perkara ini, adalah kesan dan impak seperti berikut:

i) Kesan negatif terhadap anak-anak itu sendiri dengan menjaga maruah mereka dilingkungan dan persekitarannya;

ii) Akan menular kepada mereka yang mengambil kesempatan disebabkan kurang penghayatan nilai-nilai murni dalam diri mereka sehingga melahirkan lebih daripada seorang anak luar nikah;

iii) Menjejaskan imej Negara yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan Negara Zikir.

iv) Yang lebih menyedihkan, ramai yang terlibat adalah di kalangan orang Islam sendiri. Dengan adanya peningkatan jumlah pemohon dari tahun ke setahun. Soalan saya, apakah usaha pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Perkembangan ataupun kemajuan sukan di Daerah Tutong didapati amat menggalakan dari semasa ke semasa dipelopori oleh belia daerah ini. Oleh kerana kemudahan untuk sukan masih berkurangan di daerah ini, maka sebuah stadium sukan adalah diperlukan dibina di Daerah Tutong. Ini selaras dengan kemajuan Negara pada masa ini dan akan datang untuk keperluan sukan serantau *(ASEAN)* seperti mana yang disarankan oleh teman saya tadi.

   Soalan, adakah rancangan untuk membangun sebuah stadium bagi Daerah Tutong dan kalau ada bilakah masanya?; dan

2. Mengenai Projek Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang telah menerima peruntukan sebanyak $2 juta. Projek Khidmat Bakti Negara adalah satu-satunya asas bagi melatih belia Negara ini mendapatkan pengalaman secara amali (praktikal) yang tidak mudah dilupakan. Dengan adanya latihan ini, secara tidak langsung akan melahirkan generasi sebagai model insan yang berwawasan dan berinovasi, insya-Allah.

Selama mereka ini megikuti latihan, mereka telah diberi berbagai-bagai kemudahan seperti tempat tinggal, makan minum, pakaian dan elaun. Namun demikian, beberapa orang ibu bapa ada menghubungi saya, menyatakan bahawa mereka masih terkilan, kerana apabila anak-anak mereka menghadapi masalah seperti kasut atau pakaian koyak yang tidak boleh dipakai untuk latihan seterusnya. Maka, ibu bapa terpaksa membelinya, apabila ditanya: "Mana wang elaun kamu?", jawap si anak, "Elaun kami belum keluar". Ini mengikut kata ibu bapa tersebut. Oleh itu, saya mengharapkan kepada pihak berkenaan akan dapat menyegerakan pembayaran elaun mereka sewaktu dalam latihan. Selain itu, pegawai-pegawai yang bertugas, kebanyakannya menerima elaun.

Soalan, adakah rancangan Kerajaan atau pihak yang berkenaan untuk menyerapkan pelatih-pelatih yang berkebolehan dan berkeputusan cemerlang dalam jawatan-jawatan tertentu seperti polis dan askar. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana telah menganjurkan Pesta Buku ke-15 serta acara pelancaran buku penulis-penulis tempatan baru-baru ini yang telah menerima lebih 200,000 pengunjung. Saya juga mengucapkan tahniah dan mengucapkan sokongan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mengendalikan program awal *literacy* pada bulan Januari lepas.

1. Soalan saya ialah memandangkan inisiatif ini adalah inisiatif yang sangat baik, adakah Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang untuk melaratkan program awal *literacy* ini dengan lebih meluas kepada sebanyak bakal ibu bapa di Negara ini yang mungkin? Seterusnya:

   i) Saya cadangkan agar program yang bermanfaat ini, terus diberikan sokongan sewajarnya;

   ii) Dibuat kajian mengenainya dan dipantau dan dipertingkatkan keberkesanannya dan ketiga; dan

   iii) Dikongsikan dengan badan-badan berkenaan dan menjadikannya bahan rujukan sebagai amalan terbaik.

2. Kaola ingin sentuh ialah *social entrepreneurship*. Sempena Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Kesepuluh, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah: "Supaya belia meningkatkan diri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan agar mereka akan lebih menjadi kreatif dan mampu bersaing". Kita tadi, ada mendengar, ada beberapa inisiatif yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai perkara ini.

Bidang keusahawanan yang saya fikir juga akan dapat menyambut titah Baginda itu dalam bidang keusahawanan sosial *(social entrepreneurship).* Keusahawanan sosial semakin berkembang di dunia antarabangsa pada masa ini kerana ianya menjadikan penjanaan *business model* sebagai satu cabaran untuk berdaya tahan dari segi kewangan.

Pada masa yang sama, berusaha untuk menyelesaikan isu sosial. Membuat pendekatan yang tidak *conventional* dari segi pelaksanaan perniagaan, peningkatan kewangan dan pemasaran seperti melalui *alignment* dengan *corporate social responsibility* syarikat-syarikat lain, *car sourcing* dan sebagainya. Yang lebih penting ialah *social entrepreneurship* adalah terdiri daripada mereka yang *passionate* (bersemangat) untuk menangani isu-isu sosial.

Soalan saya, sejauh manakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memasyarakatkan dan menggalakkan bidang ini di kalangan belia?

Ke arah ini, saya mencadangkan supaya diadakan kursus dan taklimat mengenai keusahawanan sosial ini, disediakan peruntukan bagi *start up business* bagi cadangan yang mempunyai potensi untuk diperkembangkan. Sama juga seperti bantuan keusahawanan yang lain, disediakan perundangan dan peraturan jika perlu, diadakan anugerah khusus untuk menonjolkan dan menggalakkan keusahawanan sosial ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dari aspek kebudayaan dalam usaha mengetengahkan budaya bangsa Brunei yang tinggi di samping menjaga, memelihara dan mendokumentasikan, kita bukan lagi sekadar membuat persembahan di peringkat acara kampung dan mukim serta institusi pendidikan sekolah yang seba kekurangan, tetapi kita perlu mengetengahkan dalam bentuk skala besar, iaitu peringkat serantau bahkan peringkat antarabangsa dan seumpamanya.

Dalam hal ini, apakah kita belum berupaya untuk membina institusi kebudayaan yang bertaraf antarabangsa

umpamanya Balai Budaya Negara yang diharap sebagai institusi dalam ilmu hal ehwal memartabatkan budaya bangsa Brunei.

Kita menyedari dan mengakui ciri-ciri Negara yang maju yang dilihat dari segi kemampuan rakyatnya menguasai Bahasa Inggeris. Dalam hal ini, kita tidak menghalang mana-mana individu untuk menguasai bahasa-bahasa utama dunia kerana ia merupakan salah satu senjata ampuh untuk bersaing dalam dunia luar. Apalagi, kita antara salah sebuah Negara sedang membangun. Menyedari hal ini, apaka usaha-usaha pihak yang relevan ke arah menubuhkan Institut Terjemahan Negara? Kita berharap dengan tertubuhnya institusi ilmu ini, Bahasa Melayu bukan sahaja untuk dipelihara dan didokumentasikan tetapi matlamat murni kita ialah menterjemahkan semua perundangan Negara ini ke dalam Bahasa Melayu sebagai rujukan utama sesuai dengan maksud dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Pindaan 2004.

Di samping itu, institusi ini nanti akan dapat juga menterjemahkan buku-buku dari dalam dan luar negara yang mengandungi dan memiliki pemikiran tinggi dalam ketamadunan ilmu dari bangsa-bangsa lain yang lebih maju untuk didedahkan kepada generasi berwawasan.

Yang terakhir. Peratus malah ribuan manuskrip naskhah lama yang tersimpan di beberapa jabatan dan kementerian yang setentunya mengunakan peruntukan yang banyak untuk membelinya daripada pemilik atau agensi-agensi dari luar negara. Koleksi naskah lama ini khususnya disimpan di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang mungkin tidak dimanfaatkan sebaiknya.

Apakah usaha kementerian ke arah menyebarluaskan kandungan koleksi naskhah lama berkenaan kepada khalayak lebih-lebih lagi generasi muda untuk menlengkapkan diri, jiwa dan minda ke arah kepada generasi berwawasan. Kita menyedari, bahawa naskhah manuskrip lama itu ia bukan hasil tulisan lapuk yang kosong daripada nilai budaya dan pemikiran tinggi sesuai dengan sebutkan sebagai naskhah manuskrip lama. Tetapi disitulah terletaknya ketinggian peradaban bangsa melayu yang memilik keperibadian dan jati diri bangsa yang perlu dipelihara, dikaji, diselidiki dan didedahkan melalui penerbitan untuk dihayati dengan apa cara pun, umpamanya sesuai dalam suasana Negara memperkasa budaya membaca melalui kempen Budaya Membaca Peringkat Kebangsaan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang

Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Kaola akan membawa isu penyertaan sukan antarabangsa. Dalam penyertaan Negara Brunei Darussalam di Myanmar pada tahun 2013 yang lalu, Negara kita mendapat pingat emas dalam sukan Wusyu iaitu beberapa tahun selepas atlet kita mendapat pingat emas di sukan yang sama dalam bidang sukan pencak silat pada tahun 80-an.

Dalam hal ini, kaola berpendapat penyertaan Negara dalam menghadapi sukan seperti ini hendaklah dinilai semula. Apa yang kita mahu ialah peserta yang menyertai sukan tersebut berpotensi untuk menang bukannya untuk mendapat pengalaman. Mendapatkan pengalaman hendaklah dalam proses latihan. Dalam Dewan yang mulia ini kaola sukacita mencadangkan perkara-perkara berikut:

1. Persediaan peserta. Dalam menghadapi sesuatu acara sukan yang berprestij, pemilihan atelit hendaklah dibuat awal dan diberi latihan yang cukup dan berterusan, di samping diberi inisiatif yang bersesuaian sebagai contoh menghadapi Sukan SEA pada tahun 2015 di Singapura. Calon-calon yang berpotensi sepatutnya sudah dipilih dan menjalani latihan sekurang-kurangnya pada tahun 2011 iaitu 4 tahun sebelum acara berjalan. Selama 4 tahun ini, mereka disediakan program dan insentif termasuk menimba pengalaman di luar Negara supaya atlet tersebut betul-betul mantap dari segi fizikal dan mental untuk menghadapi cabaran nanti. Apa yang kita lakukan bagi persediaan atlet pada masa ini ialah memberi latihan yang singkat sebelum acara tersebut dijalankan.

   Sebagai contoh, pemilihan bagi pemain bola sepak yang akan bertanding dalam Pertandingan Bola Sepak Piala Sultan Hassanal Bolkiah yang akan diadakan tidak lama lagi hanya dilakukan pada bulan Januari 2014. Pertanyaan kaola, adakah jabatan ini sudah membuat pemilihan atlet dan juga jadual latihan untuk menghadapi *SEA Games* di Singapura pada tahun 2015?; dan

2. Kaola meneliti peruntukan bagi tahun 2014/2015. Kaola mendapati peruntukan di bawah Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Tajuk Sukan Nasional hanya $250 ribu. Dengan jumlah tersebut kaola berpendapat, Negara kita tidak akan dapat mengeluarkan atlet yang cemerlang dan dapat bertanding dengan baik dalam hal ini, jika sekiranya Negara ini mengeluarkan atlet yang cemerlang dan meraih pingat emas dalam sesuatu pertandingan maka Kerajaan juga perlu memberikan komitmen dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi. Dalam hal ini, satu peruntukan khas perlu disediakan bagi sesuatu acara yang akan disertai ini. Sekiranya persediaan atelit tersebut 4 tahun maka peruntukan yang dipohonkan

dan diagihkan jadualnya mengikut keperluan tahun tersebut.

Salah satu mengapa orang kurang berminat untuk menyertai sukan atau acara sukan yang selalu dibincangkan ialah pemberian elaun. Maka pemberian elaun bagi atlet yang mengikut program latihan hendaklah disediakan dan dimasukkan dalam peruntukan tersebut. Dengan cara ini, insya-Allah, ianya dapat merangsang orang ramai khususnya belia yang berpotensi untuk menyertai sukan bagi mewakili Negara. Pertanyaan kaola berapakah peruntukan pada tahun ini 2014 yang disediakan oleh jabatan bagi menyediakan para atlet yang akan menyertai Sukan *SEA* di Singapura pada tahu 2015. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bagi menyokong apa yang telah dicakapkan oleh rakan-rakan:

1. Mengenai dengan mutu sukan Negara. Negara Brunei Darussalam tidak dinafikan sering menyertai berbagai aktiviti sukan di peringkat serantau dan antarabangsa. Penyertaan dalam berbagai sukan merupakan peluang terbaik untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan kita. Sebagai sebuah Negara ahli di Negara ASEAN, kita tidak terlepas untuk sama-sama menjadi tuan rumah di pesta sukan yang sangat berprestij itu. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, apakah perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melahirkan atlet-atlet Negara dalam jangka masa 5 tahun sebagai persediaan menghadapi Sukan *SEA* di mana Negara kita dijangka akan menjadi tuan rumah seperti mana dicakapkan tadi;

   Adakah kita sudah merancang dan membuat strategi bagi mengasuh para atlet Negara secara konsistan untuk sekurang - kurangnya memberikan saingan bagi meraih kejayaan?;

   Kiranya Negara Brunei Darussalam jadi tuan rumah pada tahun 2019 atau 2020, berapakah *target* pingat emas yang akan kita capai kerana kita yakin melalui perancangan atau *target* yang sempurna serta persediaan yang rapi, kaola percaya kita akan dapat kejayaan yang cemerlang?;

2. Berapa orang pegawai kita khususnya, di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang benar-benar pakar dalam bidang sukan yang boleh merancang, menilai dan membuat strategi yang mantap dan berkesan bagi masa depan sukan Negara kita? Dalam kesempatan ini, kaola ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, agar kita sama-sama menilai dan

memberikan kerjasama kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kalau kita imbas balik, pencapaian kita dari Sukan *SEA* 2013 di mana Negara kita telah dipintas oleh Timur Leste yang jauh lebih *junior* daripada kita; dan

3. Kompleks Sukan Sengkurong. Adalah dimaklumi bahawa tapak kompleks Sukan Mukim Sengkurong, kawasan bekas padang tembak yang lama di Kampung Jerudong, telah diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan beberapa tahun yang lalu. Papan tanda yang menunjukkan jalan arah kompleks sukan tersebut sudah pun dipasang di persimpangan jalan yang berkenaan.

Namun, sehingga masa ini, belum ada ada apa-apa kemajuan didapati di kawasan kompleks sukan tersebut selain bangunan-bangunan, padang tembak yang sedia ada. Saya ingin tahu bilakah pihak Kementerian berkenaan berhajat untuk memulakan pembinaannya dan apakah sudah ada usaha-usaha yang dijalankan ke arah pelaksanaan dan bagi membaik pulih kompleks sukan yang dijangka siap pembinaannya dan boleh digunakan? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 15 minit. Terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Jawatankuasa disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan soalan dan pandangan sebentar tadi. Seorang lagi ingin untuk bertanya. Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin yang dirahmati Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Sebenarnya, di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ramai belia berkumpul, kerana persatuan-persatuan belia berdaftar di Kementerian tersebut, yang barangkali lebih 100 buah persatuan. Kalau digarap belia itu, tentulah akan mempunyai kejayaan, terutama sekali ke arah

menjadikan Brunei Darussalam sebagai Negara aman, damai dan sejahtera.

Antara lain, yang kaola suka sebutkan, kaola sudah melihat bahawa lencana *(badge)* wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bollkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien mungkin atau belum dibahagi-bahagikan kepada penuntut-penuntut sekolah rendah, menengah dan mahasiswa. Kalau belum, kaola sukacita mencadangkan supaya lencana *(badge)* itu dibahagikan kepada semua penuntut sekolah rendah, menengah dan atas.

Tujuannya, untuk menanamkan semangat kesultanan kita tersemat di dada, di hati bahawa Sultan kita adalah Raja kita, Negara kita bersatu. Barangkali, kalau kaola bercakap mengenainya panjang, kaola pendekkan saja. Semangat kewarganegaraan dapat ditanamkan, jiwanya besar, pemikirannya besar, hatinya besar dalam memajukan bangsa dan Negaranya.

Maka, kaola sukacita mencadangkan, supaya lencana *(badge)* tersebut dapat diberikan kepada penuntut-penuntut menengah, rendah dan atas, dengan syarat, mesti dipakai pergi ke sekolah atau pergi berjalan-jalan, kalau perlu. Kita mahu menanamkan semangat beraja dengan kita bertemu, berjumpa, bersayang-sayangan, berkasih-kasihan seperti pantun:

Kalau tuan pergi ke laut;
Ambilkan saya ketam bertelur;
Kalau tuan menjadi rambut;
Saya menjadi si bunga melor.

Ertinya, antara rambut dengan bunga, tidak berpisah, kita mahu. Yang lainnya, ada pantun sejarah:

Tuan Pretty Residen Brunei;
Memerintah adil tiada tamak;
Kalau tuan menjadi sungai;
Saya menjadi ikan belanak.

Ertinya, bercantum Antara Rakyat dan raja, tidak berpisah. Itu yang kita mahu.

Yang akhir:

Indera Giri pasirnya lumat;
Karang bercampur dengan lukan;
Bagai Nabi kasihkan umat;
Bagaimana kaola kasihkan Sultan.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan jawapan, sejauh mana Yang Berhormat faham mengenai dengan pandangan-pandangan dan soalan-soalan itu, yang telah diusulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih, Yang Berhormat

Pengerusi. Saya akan cuba menjawab saolan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam memberikan jawapan kepada soalan-soalan berkenaan, dengan izin Yang Berhormat Pengerusi, saya tidak akan mengikut keutamaan tetapi mengikut soalan-soalan yang mudah diberikan jawapan pada waktu ini, manakala mana-mana jawapan yang memerlukan masa untuk memberikan jawapannya, saya minta kebenaran untuk menangguhkan pada petang ini, tetapi akan memberikan jawapan pada esok hari. Dengan soalan yang bertalu-talu itu, *magnet* ini pun kurang sedikit kekuatan melekatnya untuk mengingati jawapan-jawapan yang akan diberikan.

Pertama, kaola ingin menjawab saolan yang dikemukan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai lencana *(badge)* yang mengandungi wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bendera Negara Brunei Darussalam, jika itu yang dimaksudkan, lencana tersebut memang diagih-agihkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam barangkali 3 tahun yang lepas.

Untuk latar belakang Dewan yang mulia ini, lencana tersebut bukannya dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diamanahkan, barangkali tidak perlu kaola menyebut dari mana untuk mengedarkannya kepada seluruh rakyat, penduduk tetap, penuntut-penuntut sekolah dan murid-murid sekolah, penuntut-penuntut di pengajian tinggi dan mereka yang tinggal di Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, hasil daripada pengagihan tersebut, lencana tersebut telah pun dapat diagih-agihkan ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan Kerajaan, pihak swasta, sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi dan seumpamanya. Pihak Kementerian akan terus mengagihkan lencana tersebut, walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada stok yang ada di Kementerian. Jadi, kaola kurang pasti berapa lagi yang ada di Kementerian dan sekiranya banyak permintaan untuk mendapatkan lencana tersebut, insya-Allah pihak abis kaola akan menyampaikan kepada pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Kaola akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, iaitu mengenai mutu sukan atlet Negara. Apa perancangan yang dibuat oleh Kementerian bagi persiapan Sukan *SEA* sekiranya ianya diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam menyediakan atlet-atlet yang akan mewakili Negara di sukan-sukan serantau dan antarabangsa, ini termasuklah juga dalam persiapan

Negara sekiranya menjadi tuan rumah kepada Sukan *SEA* pada tahun 2019. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan membuat persiapan-persiapan ke arah mengenal pasti atlet-atlet yang akan mewakili Negara dan diasuh bagi mewakili Negara di sukan-sukan serantau dan antarabangsa. Antara program-program persiapan untuk atlet-atlet Negara itu, ini termasuk Sukan *SEA* 2019, antara lain ialah melalui program *TID* (*Talent Identification Programme)* dan ianya menggunakan kaedah sains dan sukan untuk mengenal pasti bakat di kalangan remaja yang berumur 17 tahun ke bawah. Program ini telah pun dilancarkan sejak tahun 2010, dan *TID* (*Talent Identification Programme)* ini melibatkan 16 buah sekolah dan 4 buah sekolah menengah. Dan program *TID* (*Talent Identification Programme)* telah mengenal pasti sukan-sukan yang difikirkan dapat dikembangkan dan seterusnya bagi mengasuh atlet-atlet.

Antaranya ialah bola sepak, lawan pedang, kayak, olahraga, badminton dan sepak takraw. Mana-mana atlet yang telah pun terpilih dengan memenuhi kriteria-kriteria dan spesifikasi-spesifikasi *TID* (*Talent Identification Programme)* ini, telah pun memulakan latihan di bawah Jurulatih Khusus sejak tahun 2012.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam pada waktu sama juga mengenalpasti sukan-sukan teras, di samping sukan-sukan yang kaola nyatakan tadi, yang mana melalui pengenalan atau pun mengenal pasti sukan-sukan teras itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bekerjasama dengan persatuan-persatuan sukan yang berkenaan kerana Kementerian sendiri tidak akan dapat melahirkan para atlet kecuali dengan bekerjasama daripada persatuan-persatuan sukan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pengenalan sukan-sukan teras atau *core sports* berkenaan, maka Jabatan Belia dan Sukan dan kementerian dapat memfokuskan dari segi pemberian bantuan kepada persatuan-persatuan berkenaan dengan memberikan bantuan yang lebih daripada persatuan-persatuan sukan yang lain dengan pemberian bantuan dan sokongan yang lebih tersebut, maka persatuan-persatuan sukan teras tersebut akan dapat menumpukan latihan-latihan yang lebih kepada atlet-atlet mereka sama ada dalam Negeri ataupun untuk penghantaran atlet-atlet mereka bagi pendedahan dan mendapatkan pengalaman-pengalaman baru dalam bidang sukan mereka di luar negara.

Mengenai soalan Kompleks Sukan Sengkurong, saya harap Yang Berhormat yang bertanya masuk ke dalam, untuk melihat apa yang ada di dalamnya. Alhamdulillah, dengan penyerahan Kompleks Sukan Sengkurong yang barangkali pernah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini sebelumya, dan dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian untuk mengubahsuai

ataupun memelihara bangunan kompleks tersebut, alhamdulillah beberapa pengubahsuaian telah pun dibuat kepada bangunan-bangunan yang ada di sana. Apa yang terdapat pada masa ini, ialah lapangan ataupun padang permainan *paintball* di Kompleks Sukan tersebut yang digemari oleh para belia merupakan salah satu sukan yang berjalan terus di kawasan Kompleks Sukan berkenaan dan ianya dilaksanakan oleh Kementerian melalui program (*PPP) (Public Private Partnership)* yang kementerian berkongsi dengan *RBTS* untuk menjalankan sukan *paintball* di kawasan Kompleks Sukan Sengkurong berkenaan.

Malahan Jabatan juga Kementerian akan menambah lagi jenis-jenis sukan, dan pada ketika ini mengadakan perundingan dengan pasukan-pasukan yang berkenaan. Antaranya ialah *archery* (sukan memanah). Pendekatan yang digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menambahmajukan Kompleks Sukan Sengkurong itu dengan lebih berkesan dan lebih bermakna jika ianya melalui kaedah *Public Private Partnership* tersebut.

Kaola akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Yang Berhormat menyarankan bagi penyertaan atlet-atlet Negara ke sukan-sukan serantau dan antarabangsa itu bukan lagi untuk pendedahan tetapi untuk meraih kejayaan dan kecemerlangan. Memang ini adalah matlamat kementerian untuk memastikan bahawa penyertaan atlet-atlet Negara ke sukan-sukan serantau dan antarabangsa itu merupakan atlet-atlet yang berpotensi untuk meraih atau memenangi pingat. Untuk mencapai matlamat tersebut, Kementerian telah pun menggunakan beberapa kriteria yang tertentu sebagai pemilihan atlet-atlet berkenaan. Antara lain ialah potensi atlet tersebut untuk memenangi pingat dan yang penting ialah mempunyai disiplin yang tinggi dan *physical fitness* yang telah pun ditentukan bagi sukan-sukan yang berkenaan. Dengan memenuhi kriteria-kriteria tersebut, maka pemilihan akan dibuat kepada atlet-atlet Negara yang akan dihantar untuk menyertai sukan serantau dan antarabangsa.

Kita sudah bertitik tolak daripada kaedah-kaedah atau pendekatan menghantar atlet untuk pendedahan, tetapi lebih serius untuk memastikan bahawa atlet-atlet yang dihantar itu mempunyai potensi untuk mencapai kemenangan dan kecemerlangan serta mengharumkan Negara.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi, bahawa latihan-latihan yang diberikan atau perancangan latihan itu mestilah merupakan perancangan jangka masa panjang, bukannya secara mendadak. Memang inilah pendekatan-pendekatan yang cuba diikuti oleh pihak Kementerian bagi memastikan bahawa program-program latihan bagi atlet-atlet yang akan menyertai itu secara

berpanjangan dan dalam jangka waktu yang panjang.

Mengenai pemilihan atlet-atlet untuk *Hassanal Bolkiah Trophy (HBT)* yang mengikut Yang Berhormat tadi, ianya baru saja dimulakan pada tahun 2014. Sebenarnya perlu diperjelaskan, latihan-latihan atlet ataupun pemain-pemain bola sepak *Hassanal Bolkiah Trophy (HBT)* itu telah pun berjalan sejak tahun lepas. Apa yang dibuat, pengiklanan dalam bulan Januari itu ialah untuk mengenal pasti pemain-pemain pelapis ataupun tambahan kepada pemain-pemain yang sudah dikenal pasti dan telah pun menjalani latihan sejak tahun lepas. Ada kekeliruan, dan memang perkara itu telah pun ditimbulkan dalam surat khabar tempatan, kerana ianya dilihat telampau akhir untuk mengadakan latihan. Dan disarankan oleh orang ramai supaya sepatutnya latihan itu telah berjalan lama sudah ataupun awal-awal lagi.

Perlu diperjelaskan, bahawa pengambilan dan latihan telah pun berjalan sejak tahun yang lepas, manakala pengiklanan yang dibuat pada bulan Januari itu ialah untuk pengambilan pemain-pemain pelapis.

Kaola sukacita menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, mengenai pembinaan Balai Budaya. Saya rasa, ini satu soalan yang dibangkitkan juga dalam Dewan yang mulia ini, pada tahun-tahun yang sebelumnya. Seperti mana jua yang telah pun dijelaskan pada tahun-tahun yang sudah, sememangnya, ada perancangan untuk membina Balai Budaya bagi tujuan untuk mengembangkan budaya kebangsaan ataupun budaya tempatan di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai nilai akademik, nilai intelektual, profesional dan bertaraf antarabangsa. Pada ketika ini, perancangan untuk membina Balai Budaya tersebut ditangguhkan, kerana kalau menyediakan sebuah Balai Budaya yang merupakan sebagai *hardware*nya, tapi kita juga mesti memikirkan *software*nya seperti penyediaan tenaga-tenaga pakar. Alhamdulillah, ketika ini Universiti Brunei Darussalam baru saja memperkenalkan satu kursus baru *Fine Arts*. Dari sana nanti, kita akan bertitik tolak bagaimana untuk mengembangkan seterusnya.

Mengenai promosi mengangkat Kebudayaan dan Warisan Brunei, alhamdulillah ianya bukan setakat diadakan dalam Negeri malahan kita juga mempromosikan dan mempersembahkan kebudayaan Brunei itu di luar negara seperti di China, Eropah, negara-negara *ASEAN* dan seumpamanya. Alhamdulillah, kita juga mengembangluaskan ke arah mempromosi dan mengangkat Kebudayaan dan Warisan Brunei di luar negara seperti mana yang dihasratkan.

Kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, mengenai stadium di Daerah Tutong. Adakah perancangan untuk membina stadium? Jawapannya ringkas pada masa ini, belum ada

perancangan lagi untuk membina stadium di Daerah Tutong.

Yang Berhormat juga menimbulkan mengenai keluhan ibu bapa peserta-peserta Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) kerana mereka terpaksa menampung perbelanjaan anak-anak mereka untuk mengganti kasut yang rosak dan seumpamanya. Dapat kaola perjelaskan di sini, di sepanjang tempoh mengikuti Program Khidmat Bakti Negara (PBKN) itu peserta-peserta ataupun pelatih-pelatih diberikan pakaian, kasut dan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan sewaktu mereka menjalani latihan di kem Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan mungkin apa yang berlaku ialah, kelambatan pihak pembekal untuk menghantar bekalan kasut yang dipesan ataupun melalui proses tawaran.

Mungkin ini berlaku sebab tidak ada dalam stok, maka pelatih-pelatih tersebut terpaksa mengeluarkan perbelanjaan mereka sendiri bagi menggantikan kasut-kasut yang rosak. Yang sebenarnya semua kelengkapan itu diberikan oleh pihak kem latihan kepada pelatih-pelatih. Perkara tersebut jika timbul amat dikesalkan dan pihak Kementerian akan mengambil jalan untuk mengatasi perkara yang ditimbulkan itu.

Koala ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin untuk menjadikan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) sebagai program wajib. Pada ketika ini, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) belumlah sebuah program yang mandatori ataupun (diwajibkan) kepada semua belia di Negara Brunei Darussalam. Akan tetapi, walaupun ia merupakan sebagai program yang pendaftarannya adalah dibuat secara sukarela oleh pelatih-pelatih, tetapi apabila mereka dalam kem, ia adalah menjadi mandatori. Ertinya, mereka apabila sudah masuk dalam kem, mestilah menghabiskan kursus ataupun program latihan yang mereka jalani. Terdapat peraturan-peraturan pentadbiran, iaitu jika pelatih-pelatih gagal untuk menamatkan program latihan yang mereka jalani atas sebab tidak tahan ataupun atas sebab tidak mampu untuk mengikutinya, kecuali dengan alasan-alasan yang munasabah, seperti kesihatan ataupun mereka diterima berkerja oleh firma-firma swasta, mereka terpaksa membayar ganti rugi kepada pihak Pengurusan Program Khidmat Bakti Negara tersebut.

Yang Berhormat juga telah menimbulkan mengenai statistik kes rogol dan juga masalah ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang luar daripada nikah untuk mendapatkan Bantuan Kebajikan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam mengatasinya, kerana ianya mempamerkan atau mencerminkan akan keruntuhan akhlak di kalangan remaja di negara ini. Kaola bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai keruntuhan akhlak, maka terjadinya kes-kes tersebut.

Ke arah menangani kes ataupun masalah sosial keruntuhan akhlak di kalangan golongan belia di negara ini, satu Jawatankuasa Menangani Isu Keruntuhan Akhlak telahpun dibentuk melalui Jawatankuasa Isu Sosial Kebangsaan yang ianya bukanlah semata-mata dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi diberikan kepada *stakeholder* yang lain. Dalam hal ini, isu menangani keruntuhan akhlak dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama ataupun jawantankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat itu, telahpun membuat langkah-langkah untuk menyediakan pelan-pelan tindakan untuk mengatasi masalah keruntuhan akhlak. Kaola percaya, melalui jawatankuasa yang di pengerusikannya itu akan mengongsikan pelan-pelan tindakan yang akan dilaksanakannya.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, barangkali soalan-soalan lain itu bolehlah dijawab kemudian atau secara bertulis nanti, saya pun memahami dan bersimpati kerana 13 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menggemukakan dan biasanya soalan seperti ini memerlukan persediaan jawapan-jawapannya. Saya menyarankan, ada baiknya soalan-soalan lain itu dijawab kemudian atau secara bertulis.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya diundi. Siapa yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju).

Terima kasih. Maka Tajuk SL01A hingga SL06A bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hingga Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kita berpindah kepada Tajuk SM - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SM - Kementerian Kesihatan ini dibuka untuk dibahas. Sebelum itu, saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin membuat pernyataan yang ringkas.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Kaola terlebih dahulu ingin memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk memberikan mukadimah mengenai cabaran status senario bidang kesihatan

Negara dan rancangan strategik Kementerian Kesihatan.

1. Seperti mana juga dialami oleh negara-negara lain, kita di Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran dalam bidang kesihatan yang perlu kita tangani bersama. Antara lainnya:

   i. Mengenai peralihan *trend* penyakit-penyakit berjangkit kepada penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit iaitu penyakit-penyakit kanser, jantung, diabetes dan *cerebrovascular,* yang berhubungkait dengan pengamalan cara hidup yang tidak sihat yang jelas meningkat dari setahun ke setahun dan telah mendominasikan landskap kesihatan yang mana penyakit-penyakit ini adalah penyebab utama kematian di Negara ini. Misalnya pada tahun 2012, seramai 625 kematian (51%) dari jumlah keseluruhan, 1,216 kematian berpunca daripada penyakit-penyakit tersebut;

   ii. Kemunculan penyakit-penyakit berjangkit yang baru dan lama yang muncul semula yang kesemua ini memerlukan perhatian sewajarnya dari segi kesiapsiagaan dan kewaspadaan untuk melindungi kesihatan awam;

   iii. Perubahan demografi penduduk Negara yang menunjukkan trend peningkatan jumlah penduduk warga emas. Dalam keadaan ini, perkhidmatan penjagaan kesihatan negara menghendaki persediaan untuk memenuhi apa jua keperluan rawatan dan pemedulian golongan warga emas ini;

   iv. Memenuhi keperluan pelbagai disiplin profesional kesihatan yang mencukupi dan meningkatkan pembangunan kapasiti dalam semua bidang kepakaran dan kemahiran dari aspek perubatan, pergigian dan juga kesihatan awam; dan

   v. Trend peningkatan kos perkhidmatan dan penjagaan kesihatan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berkualiti tinggi.

2. Alhamdulillah, melalui dasar dan pendekatan penjagaan kesihatan yang komprehensif, dengan menggunakan kaedah *Universal Health Coverage* yang mantap dari semasa ke semasa, Negara ini telah dapat mencapai tahap kesihatan mengikut sasaran yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dan juga oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah Matlamat Pembangunan Milenium yang berkaitan dengan kesihatan.

Perkembangan terbaru, ialah kita telah menepati sasaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam mengawal penyakit *Hepatitis B* kepada tahap yang rendah iaitu kurang daripada 1% di kalangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya merasa selesa atau leka akan pencapaian yang telah kita kecapi, malahan Kementerian Kesihatan akan sentiasa merencana strategi dan proaktif ke arah berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penjagaan kesihatan Negara.

3. Berasaskan kepada senario dan cabaran kesihatan yang dihadapi, dengan mengambil kira perancangan strategi yang memfokuskan keperluan dan keutamaan Negara, Kementerian Kesihatan telah menghadapkan permohonan peruntukan, dan alhamdulillah, telah disokong bagi Tahun Kewangan 2014/2015, peruntukan berjumlah $373,214,000.00 iaitu berlebihan 1.8% dari Peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014. Peruntukan ini, antara lainnya, akan digunakan:

3.1 Bagi pembayaran Gaji Kakitangan yang terdiri daripada pembayaran pemindahan Skim Perkhidmatan Doktor yang baru, penambahan 117 jawatan bersih termasuk jawatan secara *trade off* dan tambahan jawatan bagi pelbagai bidang profesional kesihatan.

3.2 Ini termasuklah juga peruntukan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang, iaitu:

i. Pembelian ubat berjumlah $55 juta termasuk penambahan $500 ribu bagi Jabatan Perkhidmatan Renal;

ii. Penambahan peruntukan Pemeliharaan Sistem Komputer sejumlah $1 juta kepada $3 juta, termasuk untuk membiayai Sistem *Bru-HIMS*, Kementerian Kesihatan; dan

iii. Penambahan peruntukan $455 ribu kepada $2,800,000.00 bagi Pemeliharaan Aset Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha;

3.3 Perbelanjaan Khas berjumlah $18,330,000.00 akan digunakan antara lainnya:

i. Bagi pembelian alat perkakas dan peralatan berjumlah $7,400,000.00;

ii. Menangani Wabak Penyakit Berjangkit sebanyak $5 juta;

iii. Pembaikan infrastruktur berjumlah $3,680,000.00; dan

iv. Pembekalan Kereta Ambulans berjumlah

$2,100,000.00 bagi menggantikan dan juga menampung kekurangan ambulans yang sedia ada.

4. Alhamdulillah, peruntukan Kementerian Kesihatan yang berjumlah $373,214,000.00 membuktikan keprihatinan, pemedulian dan komitmen yang tinggi Kerajaan di bawah kepimpinan dan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terhadap kepentingan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti demi menjaga dan melindungi kesejahteraan, meningkatkan kualiti kehidupan serta keselamatan rakyat dan penduduk Negara ini.

   Justeru itu, Kementerian Kesihatan sebagai peneraju utama, tidak akan kendur-kendur malahan akan terus berusaha memantapkan dan mempergiatkukuhkan lagi sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan holistik dengan mengamalkan dasar *Universal Health Coverage,* amalan-amalan terbaik dalam pelbagai aspek, iaitu:

   - Infrastruktur;
   - Peralatan dan aplikasi teknologi kesihatan yang moden;
   - Pembangunan kapasiti tenaga manusia;
   - Memperkukuhkan serta memper-kenalkan pelbagai inovasi perkhidmatan perubatan dan kesihatan; dan
   - Mempergiatkan lagi program serta aktiviti-aktiviti mempromosi kesihatan, pencegahan dan pengawalan penyakit.

5. Dengan mengamalkan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan sedemikian ini, sudah setentunya akan dapat menyumbang kepada mewujudkan rakyat dan generasi yang lebih sihat, aktif, produktif, sejahtera dan sekaligus berupaya menyumbang kepada perkembangan sosio-ekonomi individu, keluarga, masyarakat dan Negara yang lebih mapan dan *sustainable*.

6. Kementerian Kesihatan akan terus memberikan lebih fokus kepada strategi utama mengenai pencegahan dan pengawalan penyakit.

   6.1 Menyedari langkah-langkah penjagaan dan pengesanan awal penyakit adalah lebih baik dan kos efektif daripada rawatan, maka Kementerian Kesihatan telah mengutamakan sasaran untuk memantapkan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang ditempatkan di Pusat-Pusat Kesihatan, dengan memberikan pelbagai perkhidmatan kesihatan yang berasaskan kepada *People Centred Care*. Ianya berfungsi sebagai *gatekeeper*, dalam mengesan

awal apa jua jenis penyakit, khususnya penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit di kalangan masyarakat dan seterusnya untuk memberikan intervensi melalui rawatan atau kaunseling bagi mengawal dari berlakunya sebarang komplikasi serta berkeadaan lebih serius yang disebabkan oleh penyakit-penyakit berkenaan.

6.2 Aktiviti-aktiviti mempromosi kesihatan, terus giat diperluaskan di seluruh Negara seperti Program Mukim Sihat dan penubuhan Jawatankuasa Mempromosi dan Mengamalkan Cara Hidup Sihat di Pusat-Pusat Kesihatan, yang melibatkan pelbagai *stakeholders* dan penyertaan masyarakat setempat. Di samping itu pada tahun 2013, Kementerian Kesihatan juga telah memperkenalkan Program Pemeriksaan Kesihatan di Pusat-Pusat Kesihatan, penubuhan Klinik Cara Hidup Sihat dan Klinik Berhenti Merokok secara berperingkat-peringkat dan juga penubuhan Kumpulan-Kumpulan Sokongan dalam Mempromosi Kesihatan secara *partnership* dengan Kementerian Kesihatan.

6.3 Menyedari akan hakikat kesan negatif penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti yang dijelaskan awal tadi, maka berbagai inisiatif telah dilaksanakan dengan strategi terkini yang lebih komprehensif telah diperkenalkan iaitu Pelan Tindakan Multi-Sektoral Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2013-2018 dikenali sebagai *Bru-MAP NCD 2013-2018*.

Pelan strategi ini adalah untuk memperkesankan lagi pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit, melalui kaedah mewujudkan persekitaran yang sihat, mengurangkan faktor-faktor risiko, dan pengurusan yang efektif dan terbaik yang melibatkan tindakan secara multi-sektoral yang terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta, *NGOs* dan masyarakat.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kesihatan juga sangat peka dan sentiasa bersiapsiaga dalam kemungkinan menghadapi sebarang kemunculan penyakit-penyakit berjangkit yang baru, seperti *Middle East Respitory Corona Virus* (*MERSC*), *SARS*, *Avian Influenza* dan *H7N9* serta kemunculan semula penyakit-penyakit berjangkit yang lama seperti *tuberculosis (TB)*.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan sentiasa meningkatkan *surveillance,* siasatan epidemiologi, pencegahan dan pengawalan vektor pembawa penyakit tersebut termasuk pendekatan melalui *Integrated Vector Management* serta menggunakan kaedah *Standard Operating Procedure (SOP)* Pelan Tindakan Kecemasan Kesihatan Awam.

7.1 Kementerian Kesihatan akan berterusan untuk membuat pemantauan dan langkah-langkah pencegahan terhadap penyakit-penyakit berjangkit di Negara ini, termasuk bagi meningkatkan kesedaran orang awam, khususnya dalam memastikan persekitaran yang sihat, bersih dan selamat untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit yang dipengaruhi oleh persekitaran, sama ada di tempat kediaman, tempat kerja, premis perniagaan atau premis makanan semata-mata bagi tujuan melindungi kesihatan dan kesejahteraan awam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Pelaburan dalam penjagaan kesihatan juga ditumpukan melalui pembangunan infrastruktur kesihatan dan penambahbaikan serta penaiktarafan fasiliti yang sedia ada seperti bangunan-bangunan Hospital, Pusat-pusat Kesihatan, Klinik-Klinik Kesihatan serta Makmal-makmal dan kemudahan yang berkaitan dengan perkhidmatan penjagaan kesihatan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan keperluan negara.

8.1 Misalnya, dalam Rancangan Kemajuan Negara:

i. Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah di Mukim Gadong telah beroperasi sejak September 2013; dan

ii. Tambahan Bangunan Perkhidmatan Makmal Saintifik, Jabatan Perkhidmatan Saintifik,

8.2 Manakala pembinaan Blok Perempuan dan Kanak-Kanak, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Bangunan Perkhidmatan Farmasi bertempat di Kampung Madaras, Berakas, sedang giat berjalan dan insya-Allah kedua-dua projek ini akan dapat disiapkan pada tahun ini.

8.3 Projek-projek lain yang telah dan akan dimulakan pada 2014 ialah seperti:

i. Bangunan Stor Perbekalan dan Kesihatan Negara; dan

ii. Pusat Kesihatan Mukim Berakas yang ditempatkan di kawasan Perpindahan Lambak Kanan, dimana kerja-kerja tanah telah siap dan dilaksanakan dan proses tawaran projek ini dalam pertimbangan;

8.4 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan juga melaksanakan pembangunan infrastruktur melalui Projek *Partnership* dengan pihak swasta serta individu di mana projek tersebut dibiayai sepenuhnya oleh mereka yang berkenaan.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan sangat menghargai dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas sokongan dan penglibatan pihak - pihak berkenaan dalam bersama-sama bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan, bukan saja dalam meningkatkan kapasiti profesion kesihatan malahan juga dapat mempergiatkan lagi program-program mempromosi kesihatan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat di Negara ini. Di antara projek-projek yang saya maksudkan:

i. Pusat Perkembangan dan Pembelajaran Kesihatan Kuala Belait yang berharga $2.5 juta telah beroperasi sejak 23 November 2013; dan

ii. Taman Permainan Nur Insyirah Kanak-Kanak Istimewa di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, adalah sebagai nilai tambah bagi menyediakan fasiliti yang kondusif di mana dapat membantu perkembangan kesihatan kanak-kanak dengan lebih berkesan.

9. Kementerian Kesihatan sentiasa memberi keutamaan bukan sahaja kepada pemberian perkhidmatan komprehensif yang menjamin kesinambungan penjagaan kesihatan dari peringkat asasi kepada *secondary* dan *tertiary*, tetapi juga berupaya memperkenalkan pembaharuan dari aspek perkhidmatan perubatan dalam pelbagai kepakaran yang antara lainnya:

i. Perlaksanaan Program Pemindahan Buah Pinggang yang julung-julung kalinya diadakan ini pada 21 November 2013 di Negara Brunei Darussalam sebagai satu pilihan rawatan terbaik bagi pesakit-pesakit yang menghadapi kegagalan fungsi buah pinggang tahap akhir;

ii. Prosedur klinikal menggunakan teknik baru iaitu *'Renal Artery Denervation'* bagi rawatan pesakit yang menghidap tekanan darah tinggi yang kronik, telah mula diperkenalkan pada 8 Julai 2013, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; dan

iii. Baru-baru ini, rawatan pesakit-pesakit yang menghadapi masalah pendengaran yang mana perkhidmatan pemasangan alat pendengaran terus ke bahagian dalam telinga *(cochlea)* atau dirujuk sebagai *BAHA – Bone Anchored Hearing Aids* telah diperkenalkan pada 6 Mac 2014 yang lalu.

10. Perkhidmatan penjagaan kesihatan dari aspek mental juga turut menjadi perhatian Kementerian Kesihatan kerana menyedari bertambahnya tren pesakit-pesakit psikiatri dimana perkhidmatan bukan hanya ditumpukan kepada rawatan di hospital, malahan telah dikembangluaskan di peringkat komuniti. Baru-baru ini di Daerah Brunei dan Muara diwujudkan:

- Rumah Sinar Sejahtera bagi menempatkan pesakit psikiatri wanita; dan

- Rumah Cahaya Sejahtera bagi pesakit psikiatri lelaki

Kedua-dua rumah ini adalah bertujuan untuk memberikan perkhidmatan proses pemulihan yang berasaskan kepada *community based* dalam suasana tempat tinggal yang lebih kondusif dan teratur serta diberikan latihan kemahiran asasi sebelum mereka kembali ke pangkuan masyarakat dan dapat berdikari.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

11. Dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan penjagaan kesihatan dikalangan warga emas yang semakin meningkat jumlahnya dari setahun ke setahun, maka perkhidmatan perubatan geriatrik termasuklah Pakar Perubatan dibidang ini disediakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Perkhidmatan ini akan dikembangluaskan dari semasa ke semasa bermula dari perkhidmatan asasi hinggalah ke tahap *secondary* dan *tertiary*, di samping menambah bilangan pelbagai profesional dalam bidang geriatrik. Insya-Allah, perkhidmatan *Home Based Nursing* yang sedia ada pada masa ini, akan dilaratkan bagi memberikan rawatan kepada warga emas di rumah kediaman mereka secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan dan penilaian dari Doktor yang berkenaan.

12. Pembangunan dan perkembangan tenaga kerja pelbagai disiplin kesihatan dan kemahiran bidang

kesihatan merupakan strategi penting dalam mendukung kepada usaha memantapkan dan memperkukuhkan sistem dan penjagaan kesihatan negara apatah lagi di kalangan anak-anak tempatan.

12.1 Alhamdulillah, jumlah Profesion Kesihatan di-kalangan Doktor-doktor Perubatan, Kesihatan dan Pergigian Tempatan, telah meningkat dari semasa ke semasa. Misalnya, dari 194 orang pada tahun 2008 kepada 283 orang pada awal tahun 2014. Manakala, jumlah Pakar Tempatan (Konsultan) meningkat dari 30 orang pada tahun 2008 kepada 64 orang Pakar Tempatan pada awal tahun 2014 dari jumlah Pakar keseluruhan seramai 116 orang termasuk Pakar-pakar dari warga Negara asing. Di samping itu, pada masa ini, seramai 40 orang doktor tempatan masih lagi menjalani pelbagai kursus kepakaran dalam bidang kepakaran masing-masing di luar negeri seperti di *United Kingdom, Germany, Australia* dan Singapura.

12.2 Seperti yang dimaklumi bersama, bahawa Skim Perkhidmatan Kedoktoran dan Skim Perkhidmatan Kejururawatan yang baru telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua skim baru ini adalah dihasratkan untuk memberikan peluang kepada perkembangan kerjaya kedua-dua profesion ini ke peringkat kepakaran yang khusus di samping sebagai dorongan untuk lebih bertekad, lebih iltizam dan lebih dedikasi iaitu sejajar dengan perancangan dan matlamat Kementerian Kesihatan tuk meningkatkan lagi profesionalisme yang lebih berkualiti, berkepakaran, lebih efisien dan lebih efektif dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik di negara ini.

Dalam kesempatan ini, bagi pihak kedua-dua profesion kesihatan dan Kementerian Kesihatan, dengan penuh hormat dan takzim dengan setinggi-tingginya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan terhadap kedua-dua skim perkhidmatan profesion kesihatan ini.

Menyedari akan hakikat keperluan kepada satu pasukan yang mantap Kementerian Kesihatan telah juga berusaha meneliti dan seterusnya telah menghadapkan 18 pelbagai disiplin jawatan Skim Perkhidmatan dalam bidang *Allied Health Professional* kepada Jabatan Perkhidmatan Awam selaku Urusetia Jawatankuasa Tanggagaji dan Skim Perkhidmatan untuk penilaian dan pertimbangan selanjutnya yang dihasratkan untuk perkembangan kerjaya menurut bidang kepakaran dan jurusan profesion masing-masing serta matlamat yang sama seperti juga profesion kedoktoran dan kejururawatan.

12.3 Kementerian ini juga akan terus meningkatkan kerjasama secara *partnership* dengan agensi-agensi yang ber-kepentingan khususnya Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi perubatan luar negeri untuk meneroka dalam memantapkan *capacity building*. Dalam usaha ini juga menyedari akan kekurangan dalam bidang farmasi dan Doktor Pergigian, Kementerian Kesihatan sedang mengusahakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan melalui Universiti Brunei Darussalam, insya-Allah bagi mengadakan Program Ijazah Pertama dalam bidang Farmasi dan *Program Bachelor of Health Science, BHSc (Dentistry)* Insya-Allah akan dimulakan pada tahun 2015.

13. Berhubung dengan *Brunei Health Information and Management System (Bru-HIMS)* adalah tidak dapat dinafikan dalam proses transformasi dari konvensional kepada penggunaan teknologi info komunikasi terkini, beberapa masalah dijangkakan timbul termasuk tempoh menunggu serta berjumpa doktor dan pengambilan ubat. Ini adalah kerana ianya memerlukan penyesuaian dan tempoh penstabilan sistem dan masalah teknikal yang perlu di'*review*' dan dikemaskini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak *vendor* dan *stakeholders* yang berkepentingan, termasuk *e-Government National Centre,* sentiasa berusaha dan meneliti untuk memperbaiki dan mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam mempastikan kelancaran dan menangani masalah kelambatan sistem ini. Orang ramai adalah diharapkan akan bekerjasama dan memahami dan bersabar akan situasi ini yang menghendaki tempoh masa dalam memperbaiki dan menstabilkan sistem *Bru-HIMS.*

Apa yang paling mustahak ialah sistem Bru-HIMS perlu diimplementasikan bagi membolehkan kita maju dan bukan mundur untuk mencapai kecemerlangan dan insya-Allah akan dapat menghasilkan impak yang sangat signifikan dalam memperkesankan lagi sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara yang lebih efisien, efektif dan berkualiti.

14. Dalam memastikan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan Negara terus berdaya tahan dan terus maju selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan selepas itu, maka Kementerian Kesihatan di sepanjang tahun 2013 telah melaksanakan beberapa projek perancangan yang strategik lagi holistik semata-mata bagi memantapkan perancangan jangka masa sederhana dan panjang. Projek yang dimaksudkan ialah:

    i) Projek Pelan Induk Komprehensif dan Menaik Taraf dan Pembaikan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang draf muktamat telah siap dan akan disediakan; dan

    ii) Projek Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan yang bertujuan memberikan hala tuju secara terarah termasuk perancangan masa hadapan bagi perkembangan hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan diseluruh Negara dengan mengambil kira faktor-faktor seperti pertumbuhan dan taburan penduduk, perancangan kemajuan dan pembangunan infrastruktur lain dari kesihatan serta amalan-amalan terbaik di peringkat antarabangsa yang boleh digunapakai dalam memantapkan lagi sistem penjagaan kesihatan Kesihatan di Negara ini. Pelan induk ini juga adalah diharap akan mengukuhkan lagi perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Negara agar lebih efisen, berkesan dan berkualiti dengan mengambil kira penggunaan sumber yang optima, kos yang lebih efektif, ekonomikal, penjagaan kesihatan yang *universal, accessible* kepada semua rakyat dan penduduk dan sekali gus akan mendukung kepada pembangunan sosio-ekonomi negara yang mapan dan budaya tahan dan seterusnya dalam bersama-sama mendukung untuk mencapai visi Negara 2035.

    Untuk makluman, kedua-dua pelan induk ini adalah dalam proses penelitian di peringkat akhir.

15. Bagi mempastikan keberkesanan dan kejayaan penjagaan kesihatan yang berterusan, apa yang sangat penting ialah setiap individu di Negara ini berperanan penting

dan komited sepenuhnya untuk menjaga dan memelihara kesihatan diri masing-masing dengan mendisiplinkan dan mengamalkan cara hidup sihat bukannya semata-mata dibebankan kepada pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan.

Sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang dan kesempatan kaola untuk memberikan mukadimah. Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula diperingkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan Majlis Mesyuarat Negara ini menyelesaikan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 seakhir-akhirnya pada hari Sabtu. Maka Majlis Mesyuarat Negara ini perlu ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula esok, hari Jumaat, 19 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 21 Mac 2014 Masihi, pada pukul 9.00 pagi.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Jumaat, 19 Jamadilawal 1435 / 21 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), (Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK. **(Tidak hadir)**.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A' Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Mulia Jurutulis II: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam bersidang bagi hari yang keduabelas, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hardat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat serta keizinan-Nya jua, kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keduabelas.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 di peringkat Jawatankuasa dan kita masih membincangkan Tajuk Kementerian Kesihatan.

Untuk membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu

persatu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa bersidang untuk meneruskan perbincangan mengenai Tajuk SM - Kementerian Kesihatan. Hingga ke hari ini, 10 buah Kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan dan telah dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan sebelah petang kelmarin, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyampaikan penjelasan yang terperinci mengenai dengan Kementerian berkenaan.

Saya telah difahamkan bahawa ada beberapa Yang Berhormat Menteri-Menteri yang lain ingin menjawab soalan-soalan yang belum dijawab. Akan tetapi oleh kerana masa untuk perbincangan kita pada pagi ini adalah terhad, maka saya sarankan supaya jawapan-jawapan itu biarlah diberikan pada satu masa nanti atau secara bertulis.

Saya juga ingin menarik perhatian supaya apa jua soalan dan pertanyaan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik seperti yang saya ingatkan di persidangan atau perbincangan-perbincangan yang telah lalu biarlah secara ringkas dan tepat dan masanya dihadkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita menyambung semula perbincangan mengenai Tajuk Kementerian Kesihatan. Tajuk ini dibuka untuk dibahas. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengemukakan pertanyaan. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kesihatan dan semua kakitangan dan warga kementerian berkenaan atas segala pencapaian dan kemajuan yang telah dikecapi. Pelaksanaan Sistem E-Kesihatan *(Bru-HIMS*) dan pembinaan bangunan tambahan bagi menempatkan Wad-Wad Khas Bagi Wanita dan Kanak-Kanak adalah antara kejayaan yang telah dicapai oleh kementerian berkenaan dan merupakan sebahagian daripada usaha yang berterusan kementerian mencapai Wawasan Bersama Ke Arah Warga Sihat.

Pada hemat kaola, sudah tiba juga masanya, Kementerian Kesihatan dan

pihak-pihak berkenaan merancang pembinaan sebuah lagi Hospital Kerajaan baharu, di tapak yang bersesuaian bagi menampung perangkaan pertumbuhan penduduk pada masa akan datang dan juga jangkaan peningkatan peratus penduduk yang berumur 65 tahun ke atas, di samping mengurangkan penumpuan ke Hospital (RIPAS) dan kesesakan lalu lintas di kawasan Hospital berkenaan yang ada sekarang.

Kita berpendapat, rancangan begini perlu, memandangkan penumpuan pesakit dan orang awam di Hospital utama Negara, telah menambahkan lagi kesesakan di kawasan Hospital dan di sekitarnya. Inisiatif-inisiatif bagi mengurangkan kesesakan seperti kemudahan *shuttle buses* didapati masih belum mampu untuk mengurangkan kesesakan di kawasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan dengan penggunaan bangunan baru Wad Wanita dan Kanak-Kanak nanti dijangka akan menambahkan lagi kesesakan.

Seperkara lagi yang kaola ingin sampaikan, ialah terdapat peralatan-peralatan dan mesin-mesin perubatan canggih, seperti mesin *Magnetic Resonance Imaging* (*MRI*) dan mesin Pengimbas (*CT scan)* di hospital-hospital selain Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Seperti yang kaola telah difahamkan, mesin dan peralatan begini hanya terdapat di Hospital RIPAS dan penggunaannya adalah mengikut giliran. Keadaan ini mungkin sahaja akan mengakibatkan kemudaratan kepada pesakit yang memerlukan untuk mendapatkan pemeriksaan (*diagnosis)* secepat mungkin.

Oleh itu kita ingin penjelasan jika pihak Kementerian Kesihatan ada merancang untuk mengadakan mesin-mesin dan peralatan-peralatan tersebut bersama pengendalinya di hospital-hospital lain agar pesakit-pesakit yang memerlukan perkhidmatan tersebut tidak perlu lagi pergi ke Hospital RIPAS atau menunggu terlalu lama.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi daripada saya. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola memohon untuk menimbulkan 2 perkara:

1. Mengenai penambahan bangunan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Kerja-kerja pembinaan ke atas penambahan bangunan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bagi fasa satu yang akan menempatkan Wad Baru Perempuan dan Kanak-kanak akan hampir selesai. Kalau meneliti Anggaran Perbelanjaan di bawah Rancangan Kemajuan Negara

Ke-10, nampaknya pembinaan bangunan ini telah melebihi jumlah yang telah diperuntukkan iaitu sejumlah $12,834,470.00.

Jadinya, kaola ingin bertanya, apakah sebab peruntukan bagi pembinaan Wad Baru Perempuan dan Kanak-kanak telah melebihi peruntukan sebanyak lebih daripada $12 juta tersebut?; dan

2. Mengenai perkhidmatan pemberian ubat-ubatan di kaunter farmasi hospital. Keluhan yang sering didengar berhubung masa yang lama untuk mengambil ubat di kaunter-kaunter farmasi di hospital-hospital Kerajaan, kaola ingin menghadapkan cadangan kepada Kementerian Kesihatan supaya memikirkan atau meneliti bagi pemberian ubat kepada orang ramai dijalankan melalui *outsourcing* kepada sektor swasta. Setahu kaola, kaedah ini telah pun dilaksanakan di beberapa buah negara, mungkin Kementerian Kesihatan boleh mengkaji *set up* atau sistem yang telah digunakan di negara-negara berkenaan dan menilai tentang kesesuaian untuk dilaksanakan di Negara ini. Pada pandangan kaola, pemberian ubat melalui *outsourcing* juga boleh mengembangkan industri ini dan *empowering* rakyat tempatan dalam penjualan ubat-ubatan dan sekali gus meningkatkan produktiviti dan menjadikan ubat boleh didapatkan bila-bila masa dan di banyak tempat setelah menjalani pemeriksaan oleh doktor-doktor di hospital Kerajaan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. Terlebih dahulu, kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas penerangan awal yang disampaikan semalam oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sungguh terperinci dan secara tidak langsung ianya mengurangkan persoalan-persoalan di Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, kaola mempunyai sedikit kekaburan atas beberapa penerangan yang disampaikan, dan kalau tidak menjadi pelanggaran di Dewan majlis yang mulia ini, kaola ingin mengajukan beberapa soalan sahaja seperti berikut:

1. Isu Kejururawatan. Skim Perkhidmatan Kejururawatan yang telah pun diluluskan setentunya amat mengembirakan semua jururawat terutama yang *over qualified* dan masih lagi menjawat jawatan yang sama sejak sekian lama. Kaola mohon kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mengongsikan mengenai

perkembangan proses peralihan ke Skim Perkhidmatan Kejururawatan yang baru ini;

2. Isu kesihatan di kalangan belia. Kaola juga memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan dapat mengongsikan isu-isu kesihatan di kalangan belia di Negara kita ini dan perancangan-perancangan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan mengenainya;

3. Mengenai *National Health* dan *Nutritional Status Survey.* Beberapa tahun yang lalu Kementerian Kesihatan telah melaksanakan *National Health* dan *Nutritional Status Survey* (Kajian Status Kesihatan dan Permakanan Kebangsaan). Kaola memohon Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat juga mengongsikan apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh Kementerian sehingga Kajian tersebut belum lagi selesai dilaksanakan setakat ini. Apakah status kajian tersebut pada masa ini?; dan

4. Isu kesihatan Warga Emas. Berdasarkan perangkaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, jumlah penduduk Negara ini yang berumur 55 tahun hingga 80 tahun ke atas semakin meningkat. Pada tahun 2011 keramaiannya dianggarkan 36,430 orang, kira-kira 3.9%. Pada tahun 2012 pula seramai 39,200 orang atau 9.8%. Peningkatan ini disebabkan oleh kualiti kesihatan, kesejahteraan, kehidupan yang telah dibina oleh Negara yang menyebabkan kita boleh berusia lebih tua daripada yang dijangka. Pada tahun 2035 nanti, kumpulan warga usia ini dijangka akan mencapai seramai 92,000 orang atau lebih kurang 16.6%.

   Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan pula, jangka hayat penduduk lelaki pada tahun 2012 adalah 76.3 tahun manakala jangka hayat wanita/perempuan adalah 79.9 tahun. Kerajaan perlu memberi perhatian sewajarnya kepada kelompok penduduk golongan emas dan lanjut usia ini dari segi kesihatan. Apakah persediaan Negara ke arah menyediakan kemudahan-kemudahan kepada keperluan penduduk tua *(Ageing Population)* atau isu-isu yang berkaitan dengan penuaan ini dalam bidang kesihatan menjelang tahun 2035?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Ada 3 persoalan:

1. Perubatan untuk pesakit-pesakit luar seperti darah tinggi, kencing manis dan kolestrol menelan

belanja sebanyak $54 juta setahun. Perbelanjaan ini boleh dikurangkan dengan mengamalkan perubatan tradisional orang-orang Melayu ataupun Cina yang telah terbukti sejak beribu tahun perubatan ini boleh dipercayai. Perubatan moden ini, bukan saja membebankan kewangan Kerajaan, tetapi juga membebankan pesakit seumur hidup, kerana ubat-ubatan moden ini terpaksa dimakan setiap hari sehingga akhir hayat.

Fungsi ubat-ubatan moden ini bukan untuk menyembuhkan tetapi mengurangkan daripada sakit sahaja. Dalam Al-Quran, ada menyebutkan semua penyakit yang Allah jadikan di dunia ini ada penawarnya, sebagai contoh Surah Qaaf ayat 16 hingga 25, Surah Qaaf ayat 21 hingga 28, Surah Syod ayat 34 hingga 61, selalunya penyakit yang ada kaitan dengan tulang seperti sakit *rheumatism*, *arthritis*, sakit sendi, tulang patah *(fracture)*, *slip disc)* sakit jantung, sakit tulang belakang. Surah Al-Buruuj, ayat 1 hingga 22 selalunya dibaca untuk penawar sakit yang berkaitan dengan perut (gastrik, ulser atau penyakit yang berkaitan dengan usus besar atau usus kecil). Surah Al-Israa', ayat 40 hingga 55 untuk pesakit yang mengalami sakit jantung, saluran darah tersumbat *(blockage)* dan jantung berlubang. Ayat-ayat dalam Surah Al-Anfaal untuk sakit jangkitan kuman, *(virus infection)*, ayat-ayat ini dari Surah Al-Anfaal ini sama berfungsi seperti ubat-ubatan *antibiotic*;

2. Dalam usaha membangun Negara dengan generasi pelajar yang cemerlang, faktor pemakanan juga perlu diambil perhatian. Dalam hal ini, apakah rujukan penelitian dan *research* yang diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam menyediakan buku garis panduan makanan dan kantin sekolah. Pernahkah dijalankan kajian berdasarkan pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam. Garis panduan tersebut menekankan pilihan kuning (nasi, mi dan lain-lain), hanya boleh setiap hari dari pukul jam 11 pagi (yang melepasi waktu rehat). Ramai guru dan pelajar mengadu lapar kerana makanan dalam pilihan hijau itu tidak cukup untuk mengalas perut mereka, sedangkan masyarakat Brunei tidak terdidik dengan hanya makan roti paun dan ubi-ubian; dan

3. Ditubuhkan satu unit yang boleh memantau restoran-restoran supaya memastikan restoran-restoran menghidangkan makanan yang enak dan baik untuk kesihatan. Pada masa ini, kita tidak mengetahui kandungan yang dihidangkan dalam restoran-restoran di Brunei ini, yang hanya kita ketahui hidangan/menu restoran itu, saja asal rasanya sedap. Kalau boleh ada restoran khas yang menghidangkan makanan sihat seperti ulam-ulaman, sayur kampung yang tidak menggunakan bahan kimia.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama pegawai-pegawai atas usaha-usaha dan rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan dengan begitu teratur semata-semata untuk kesejahteraan rakyat di Negara ini.

Soalan kaola, mengenai sistem perjanjian di pusat-pusat kesihatan. Adakah Kementerian Kesihatan membuat kajian mengenai keberkesanan sistem perjanjian terhadap masa menunggu untuk berjumpa doktor kerana terdapat kesukaran pesakit-pesakit untuk mendapatkan *slot* perjanjian kerana selalu penuh. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kementerian Kesihatan kerana telah berusaha bagi menyediakan infrastruktur kesihatan di Negara ini. Ini tidak payah diulas dengan panjang lebar kerana kita telah menilai dan melihat sendiri apa yang telah berlaku dan dibuat oleh Kementerian berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan perkara yang dikira remeh-temeh. Walau bagaimanapun, perkara ini akan mendatangkan impak yang besar kepada kesejahteraan masyarakat dan Negara, kiranya tidak dapat perhatian yang serius. Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai pengusaha-pengusaha makanan yang membekalkan makanan kepada kedai-kedai runcit, pasar-pasar raya, pasar borong dan lain-lain lagi, adakah pihak yang berwajib membuat pemantauan dan mengenal pasti pengusaha makanan tersebut?

Yang Berhormat Pengerusi. Pengusaha - pengusaha ini kebanyakannya orang-orang asing yang tinggal di Negara kita ini. Mereka ini menggunakan tempat tinggal mereka (rumah sewa) maka di situlah mereka membuka usaha seperti membuat tauge, tauhu, keropok, mi kolo dan sebagainya.

1. Soalan kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Adakah perkara ini diketahui pihak Kementerian Kesihatan khususnya bahagian permakanan dengan menilai

kebersihannya, pemeriksaan kesihatannya dan kehalalan makanan tersebut? Adakah pihak yang berwajib membuat pemantauan status agama mereka?; dan

2. Ini memang banyak sudah dicakapkan atau dibincangkan mengenai kereta ambulans (kecemasan). Walaupun dalam sesi muzakarah yang telah diadakan dengan Kementerian Kesihatan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat, telah diberikan taklimat yang panjang lebar mengenai dengan masalah tersebut, pada pandangan kaola Yang Berhormat Pengerusi, ada jua baiknya Kementerian Kesihatan merancang bagi memberikan kemudahan kereta kecemasan ini dalam masa tempoh 5 tahun ke hadapan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan di beberapa klinik yang belum mempunyai kereta kecemasan ataupun ambulans seperti Klinik Sungai Asam, Klinik Kilanas dan lain-lain klinik.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, mengimbas kembali laporan media cetak dari tahun 2008, Perbelanjaan Kerajaan dalam menangani Kesihatan telah meningkat kepada $300 juta yang banyak digunakan untuk membeli ubat-ubatan, khususnya seperti penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit, seperti penyakit kencing manis, jantung, darah tinggi, penyakit kanser dan seumpamanya.

Di samping itu, pada tahun 2013/2014, Kerajaan telah memperuntukkan lebih $366 juta, bukan sahaja menampung membeli ubat-ubatan, bahkan juga telah membiayai pesakit-pesakit yang dihantar untuk dirawat ke negara-negara luar seperti Malaysia dan Singapura. Manakala Peruntukan 2014/2015 sebanyak $55 juta.

Yang Berhormat Pengerusi, 30 tahun kita sudah merdeka, apakah ada rancangan untuk menghantar mereka yang berminat untuk menghadiri kursus ke luar negara bagi mempelajari proses ubat-ubatan? Kalau sekiranya ada, kaola mengalu-alukan rancangan tersebut, kalau tidak, maka dalam Dewan yang mulia ini, kaola sarankan supaya mereka itu, berkursus ke luar negara untuk mempelajari cara-cara memproses ubat-ubatan, sebagai contoh Darul Syifa, memproses ubat-ubatan tradisional. Kemungkinan bahawa menjelang tahun 2035 Negara kita sudah mempunyai kilang memproses ubat-ubatan, tambahan pula pada masa ini, Kementerian

Kesihatan sudah membina stor untuk menyimpan ubat-ubatan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada satu perkara sahaja, sebelum itu, di Dewan yang mulia ini izinkan kaola untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan dalam usaha-usaha yang berterusan untuk meningkatkan kualiti Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit-pesakit dan orang ramai. Perkara yang kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini, mengenai longgokan atau timbunan kereta buruk dan kereta bekas kemalangan semakin bertambah di bengkel kenderaan yang dibenarkan.

Di samping itu, timbunan alat ganti yang sudah diguna pakai yang diimport dari luar negara. Orang ramai ada yang kurang selesa dengan perkara ini, yang selalu berkunjung ke bengkel berkenaan untuk urusan, mendapati longgokan atau timbunan kereta di bengkel yang tersebut dalam keadaan kawasan semak-samun yang tidak teratur dan kotor, ada yang ditakungi air yang boleh mengundang penyakit seperti demam denggi dan malaria.

Perkara ini, sudah setentunya menjadi tempat pembiakan nyamuk dan menjadi sarang-sarang tikus, ular, kalajengking, lipan, penyengat dan lain-lain yang membahayakan.

Kaola ingin bertanya, sejauh manakah kawalan dan pemantauan daripada Kementerian Kesihatan, melalui jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang berkenaan bagi menanganinya seperti penyemburan asap atau racun nyamuk serangga dan lain-lain, maksud kaola sekerap mana ia dibuat? Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kalau kita mendengar pada awal-awal tadi kebanyakannya rakan-rakan sejawat menimbulkan mengenai kesihatan. Tetapi, kaola mengambil kesempatan untuk menimbulkan mengenai keselesaan.

Pada awal tahun 2014 yang lalu, Negara kita telah mengalami kajadian banjir di seluruh Negara. Kejadian tersebut, tidak terkecuali di Pekan Kuala Belait, termasuk di kawasan Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait. Saya percaya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pun melihat sendiri tentang peristiwa tersebut.

Perkara yang sedemikian, sudah setentunya merosakkan serba sedikit peralatan di rumah sakit tersebut. Kaola ingin mengetahui, apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil bagi mengatasi masalah tersebut supaya tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang? Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat, Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana melaksanakan Sistem *Bru-HIMS* yang membolehkan para doktor melihat dan memberi rawatan yang bersesuaian kepada pesakit. Tapi, di samping kecanggihan ini, tidak dapat dinafikan suatu yang baru itu berlaku masalah. Misalnya, giliran berjumpa doktor dan pengambilan ubat yang agak lambat, jika dibandingkan dengan cara sebelumnya.

Soalan kaola, adakah boleh tugas mengakses rekod pesakit melalui komputer diberikan khusus kepada jururawat pembantu doktor kerana tugasnya setakat ini hanya menulis catatan dan sebagai penterjemah kepada doktor?

Kebaikannya, apabila Jururawat mengakses rekod pesakit, maka doktor dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pesakit daripada menumpukan perhatian kepada monitor komputer.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, *system call and collect* adalah satu pendekatan yang baik untuk mencepatkan pengambilan ubat bagi pesakit-pesakit yang berulang-ulang mengambil ubat. Tapi ini merupakan satu hala sahaja iaitu si pesakit membuat panggilan apabila hendak mengambil ubat. Adalah dicadangkan supaya *System Call And Collect* juga untuk menyeimbangkan supaya menyenangkan pihak Warga Emas dalam membuat pengambilan ubat seperti mana yang dijalankan pada perjanjian dengan doktor, (pesanan ringkas) juga dilakukan oleh Bahagian Farmasi kepada pesakit-pesakitnya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penggunaan bahan-bahan kimia dalam kehidupan Negara kita tidak dapat dielakkan. Misalnya, penggunaan kimia organik, penggunaan produk pembakaran oleh *select aromatic hydro carbon*, pencemaran sisa racun perosak dan buangan bahan-bahan dari pusat-pusat kesihatan dan hospital. Pembuangan toksik yang mencemarkan air dan udara yang menyebabkan kita terdedah kepada bahayanya yang boleh menimbulkan risiko kepada kesihatan dan kesan terhadap alam sekitar.

Soalan kaola, bagaimanakah pelaksanaan pihak berkenaan menangani masalah ini, dan sudahkah ada tapak khusus untuk pelupusan bahan buangan toksik ini? Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mengulas atau menjawab apa jua yang dapat dijawab. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan dapat memberikan penjelasan dengan tepat dan ringkas. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan, termasuklah pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah cuba untuk memberikan perkhidmatan sebaik mungkin kepada rakyat dan penduduk di Negara ini.

Berhubung persoalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, iaitu ada rancangan untuk membuat atau membina satu hospital lagi selain hospital utama yang ada pada masa ini iaitu Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Sepertimana yang telah saya nyatakan kelmarin dalam mukadimah awal, bahawa pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun melantik 2 konsultan untuk menyediakan pelan induk bagi penambahbaikan dan menaik taraf Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan satu pelan induk infrastruktur dan sistem kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Berdasarkan kepada kajian-kajian dan dapatan-dapatan ini, barulah kita dapat merancang sama ada sesuai *cost effective* untuk mewujudkan satu hospital lagi. Kita hendaklah berdasarkan kepada kajian-kajian yang munasabah dan dapat diterima pakai, bukan sahaja untuk mengambil kira kepadatan atau bertambahnya penduduk di Negara ini dan juga jumlah pesakit-pesakit tetapi banyak aspek yang patut diambil kira dari segi tenaga manusia, tempat yang bersesuaian dan *cost effective*. Perkara ini, masih lagi kita tunggu, *finding* atau *outcome* daripada pelan induk kedua-dua yang saya maksudkan tadi, insya-Allah kita haruslah bersabar dalam perkara ini.

Berhubung dengan mesin canggih *MRI, CT Scan* dan seumpamanya. Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha adalah salah satu hospital

yang *tertiary*. Mana-mana hospital ataupun pusat-pusat kesihatan yang menghendaki rujukan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan selanjutnya akan dirujuk kepada Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, sama ada menghendaki pemeriksaan dengan menggunakan *CT Scan, MRI* dan juga mungkin untuk diadakan satu pembedahan.

Ini jika diperlukan bagi pemeriksaan termasuk *evidence* daripada pakar-pakar yang berkemahiran dalam sesuatu perkara itu. Tidaklah perlu sekiranya diadakan lagi satu *MRI* di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Tutong. Tetapi, yang mustahak di sini, ialah pakarnya dalam menganalisis sistem tersebut. Adakah bersesuaian atau tidak dan begitu juga kepada pembedahan-pembedahan, ia memerlukan satu *team work* yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang masing-masing. Misalnya dalam *anaesthetic*, dalam pakar-pakar *urology* dan seumpamanya. Di sini kita menghendaki satu *teamwork* bukan sahaja pakar dalam satu bidang tetapi juga dikhususkan kepada jururawat yang mempunyai kepakaran. Kita setakat ini, menumpukannya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Insya-Allah, kalau sekiranya kita mempunyai tenaga kepakaran yang mencukupi, kita boleh membekalkan *equipment* yang boleh diguna pakai.

Dalam waktu yang sama, ada juga sebahagian daripada hospital, kita berikan *CT Scan* dan berbagai-bagai *equipment*. Kita memikirkan jika banyak pesakit di sana, doktor dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan melawat sama ada dalam seminggu sekali atau dua kali seminggu, bagi hal-hal rujukan yang penyakitnya tidak begitu kronik. Di sana, ada juga disediakan doktor untuk melawat dan memeriksa dan mengadakan *minor operation* seperti Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Soalan yang diajukan dari Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, berhubung dengan peruntukan bagi Blok *Women and Children*. Saya ingin betulkan, mengikut skim *value* pada awalnya diberikan peruntukan $60 juta, tetapi memandangkan kepada keperluan-keperluan yang mendadak, terutama sekali untuk membeli *equipment* dan juga bilik-bilik khusus seperti bilik *isolation*, *negative pressure*, bilik-bilik pembedahan, *labour room* untuk perempuan yang bersalin, bilik-bilik *ICU* seperti *PICU, SICU, Medical Care Unit* dan seumpamanya, telah dikaji bahawa keperluan-keperluan ini sangat dikehendaki sebagai satu hospital yang mempunyai kelengkapan dan mengikut spesifikasi ataupun piawaian antarabangsa. Hospital ini adalah satu hospital yang akan memberikan rawatan khusus kepada pesakit-pesakit perempuan dan kanak-kanak.

Jadinya, ingin membetulkan tadi, bukan sebenarnya $12 juta tetapi $60 juta dan setelah di*review* pada masa ini, perbelanjaan tersebut adalah kurang

lebih dalam $63 juta. Ini adalah sebagai maklumat bersama.

Mengenai pemberian ubat, pemberian ubat secara *outsourcing,* seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, kita mestilah mengambil kira bahawa adakah kita mempunyai farmasi yang berdaftar. Kita mahu, kalau di*outsource* seperti negara- negara Europe atau United Kingdom, mereka mempunyai banyak orang berkelulusan dalam bidang farmasi bukan sahaja berkelulusan tetapi berdaftar; boleh mengamalkan untuk memberi ubat, sedangkan kita pada masa ini, di Negara Brunei Darussalam mempunyai kekurangan orang yang berkelulusan dan mereka yang boleh mengamalkan untuk memberikan ubat.

Insya-Allah, kalau sekiranya sudah banyak ahli farmasi kitani, barulah kitani dapat meng*adjust* sesuai untuk di*outsource* seperti mana juga digunapakai di negara-negara luar seperti di Europe, United Kingdom, Germany dan seumpamanya. Yang mustahak sekali, kita haruslah mempastikan pemberian pesakit ubat ini selamat. Selain itu, ianya hendaklah mengetahui mengenai ubat-ubat yang sesuai diberikan kepada pesakit, bukan sahaja doktor memberikan ubat tetapi ahli farmasi ini perlu membuat *cross check* lagi, bagi memastikan adakah sesuai ubat ini. Jadinya, yang mustahak kita ambil kira bukan sahaja ubat tetapi yang dipastikan ubat itu selamat dan sesuai untuk diberikan kepada pesakit.

Soalan seterusnya yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, iaitu berhubung dengan Skim Kejururawatan. Memanglah kitani seperti yang saya sarankan kelmarin, kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenankan Skim Kejururawatan yang baru. Memang langkah-langkah telah diambil untuk memperkenalkan skim baru ini untuk dinikmati oleh jururawat. Satu jawatankuasa telahpun ditubuhkan dan diselaraskan skim lama ini kepada skim yang baru.

Perkara-perkara ini telah pun diteliti ada banyak kekosongan jawatan yang boleh diselaraskan dengan skim baru. Dari itu, Kementerian Kesihatan dan juga atas kebenaran Kementerian Kewangan telah juga men*trade off* beberapa jawatan yang boleh diisikan insya-Allah mengikut kelayakan-kelayakan. Pada masa ini, jawatan baru yang telah dibenarkan ialah 123 jawatan secara *trade off*. Juga dengan meniadakan 162 jawatan. Ini adalah untuk memberikan peluang kepada yang berkelayakan dan boleh memenuhi syarat-syarat Skim Kejururawatan yang baru. Pada masa ini, ianya sedang dalam proses ditemuduga dan menunggu kebenaran ataupun dalam proses pertimbangan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Ada juga, 7 jenis jawatan yang mempunyai 267 kekosongan yang telah pun dikenalpasti dan insya-Allah ianya

akan diiklankan tidak berapa lama lagi. Ianya dalam proses pengiklanan dan akan mengikut prosedur dan persetujuan yang telah ditetapkan. Ada lagi beberapa jawatan, iaitu bagi peralihan ke skim baru ini, dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang akan memprosesnya mengikut prosedur-prosedur yang tertentu.

Dalam pada itu, kita juga mengenal pasti bahawa terdapat jururawat-jururawat dan bidan-bidan yang telah berkhidmat sekian lama. Mereka ini adalah tidak sesuai dengan skim baru ini. Maka dalam proses tersebut, kita akan menggunakan skim lama bagi mereka ini yang tidak berkelayakan. Mereka dari dulu, kurang berkelayakan dari segi akademiknya. Maka kita menyesuaikan dan memberi peluang pada mereka itu untuk kenaikan pangkat tertakluk kepada kekosongan mengikut skim lama yang ada pada masa ini. Sehinggalah mereka nanti sama ada bersesuaian untuk diselaraskan dengan skim baru ataupun skim lama sehinggalah mereka bersara.

Satu lagi ialah berhubungkait dengan Warga Emas. Warga Emas memanglah, seperti saya sarankan banyak bertambah jumlahnya dari masa ke semasa. Saya ingin mengongsikan bahawa peningkatan penduduk di Negara ini yang berumur 60 tahun ke atas pada tahun 2000 jumlahnya 13,900 iaitu 4.3%. Manakala, pada tahun 2010 meningkat kepada 22,200 iaitu 5.4%. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi, bahawa jangka hayat bagi lelaki adalah meningkat kepada 76.5% pada 2012 begitu juga, wanita lebih panjang umur daripada lelaki iaitu 78.8% pada tahun 2012 .

Walaupun begitu, kita ingin bersama-sama mengongsikan cabaran utama di kalangan warga emas yang kita sifatkan sebagai *vulnerable* ialah antaranya penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit termasuklah masalah penglihatan, kurang pendengaran dan *demtentia*. Ini tidak dapat kita hindarkan, *ageing process*. Walau bagaimanapun, mengikut perangkaan di Kementerian Kesihatan, punca kematian yang tertinggi bagi warga emas di Negara ini ialah kanser, penyakit jantung, diabetes dan penyakit *cardiovascular*. Pada tahun 2011 sahaja, sejumlah 712 Warga Emas yang berumur 60 tahun ke atas yang meninggal dunia didapati 22.1% disebabkan penyakit kanser, 15% disebabkan penyakit jantung dan 12.4% disebabkan penyakit diabetes.

Menyedari akan hakikat ini, maka penjagaan kesihatan pada Warga Emas dengan jumlah tersebut, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan terus berusaha untuk meningkatkan dan memperkembangluaskan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Negara kita ini untuk meliputi perkhidmatan, khususnya bagi kepakaran dalam *geriantrics* bermula di peringkat penjagaan asasi dan sehinggalah di peringkat *secondary* dan *tertiary*. Risiko menghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit yang sebenarnya ialah *behaviorial factors*.

Insya-Allah, kalau kita sentiasa mengamalkan cara hidup sihat, seperti pengambilan makanan sihat yang seimbang, mengambil makanan kurang gula, kurang garam serta membanyakkan makan buah-buahan dan sayur-sayuran, tidak merokok dan melakukan kegiatan fizikal yang konsisten sekurang-kurangnya 150 minit dalam seminggu atau mengikut kemampuan kita. Kalau kita sudah meningkat umur, perkara inilah satu daripada ciri yang penting untuk memastikan kita berkeadaan sihat walafiat, insya-Allah.

Dalam pada itu, dalam usaha kita untuk memberikan perkhidmatan kepada warga emas ini, Kementerian Kesihatan telah juga memperkenalkan pemeriksaan kesihatan khususnya kepada mereka yang berumur 40 tahun ke atas yang bermula di Pusat Kesihatan Sungai Liang yang dilancarkan pada tahun 2013. Insya-Allah Program Kesihatan (*Health Screening)* ini akan dilaratkan di semua Pusat-Pusat Kesihatan di Negara ini. Dalam pada itu juga, ingin saya maklumkan di sini Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, insya-Allah akan mengadakan program bagi warga emas selama 12 minggu yang bertempat di Pusat Kegiatan Warga Emas, Skim Perumahan Negara Lambak Kanan, Mukim Berakas. Pelbagai aktiviti telahpun dirancangkan termasuklah program senam aerobik.

Taklimat akan disampaikan oleh pakar-pakar dalam pelbagai bidang iaitu pakar geriatrik, pergigian, pemakanan, farmasi, fisioterapi dan sebagainya. Inilah usaha kita untuk memberikan kesedaran dan penerapan betapa pentingnya penjagaan dan pengamalan hidup sihat kepada warga emas. Dalam pada itu, kita juga menyediakan kepakaran perubatan khusus bagi warga emas itu, iaitu perubatan *geriantrics.* Pada masa ini, kita mempunyai seorang pakar dalam *geriantrics.* Insya-Allah, 2 orang lagi akan tamat dalam kepakaran ini, iaitu pada tahun ini seorang, insya-Allah ada seorang lagi pada tahun 2015.

Perkhidmatan perubatan *geriantrics.* merangkumi bukan sahaja rawatan fizikal tetapi jua memerlukan kaedah *multi disciplinary* dalam berbagai bidang kepakaran termasuk juga doktor, penjagaan kesihatan asasi, jururawat, alat profesional dan juga seumpamanya. Seperti yang saya jelaskan kelmarin, bahawa Kementerian Kesihatan insya-Allah, akan memberikan perkhidmatan iaitu, *Home Based Nursing* yang ada pada masa ini untuk diluaskan lagi bagi memberikan perkhidmatan kepada warga emas secara peringkat-peringkat pada masa akan datang dengan memberikan rawatan di rumah-rumah tetapi tertakluk kepada penilaian dan sokongan doktor yang berkenaan.

Itulah antara perkara yang dalam kesiapsiagaan untuk kitani menjaga dan mengukuhkan perkhidmatan kesihatan kepada warga emas dan amalan-amalan yang terbaik. Inisiatif ini terdapat juga di negara-negara seperti negara Jepun, Korea dan Singapura. Insya-Allah kita akan mengadakan lawatan di sana untuk mengetahui

bagaimana cara yang lebih berkesan lagi untuk memberikan perkhidmatan kepada warga emas ini. Yang mustahak sekali ialah juga hendaklah kita bekerjasama bukan saja Kementerian Kesihatan tetapi dengan semua *stakeholders,* pihak swasta, masyarakat dan ahli keluarga warga emas. Kita sama-sama menjaga kesihatan mereka supaya mereka akan sentiasa berkeadaan sihat dan wal'afiat.

Perkara yang ditimbulkan seterusnya, oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, iaitu berkenaan dengan adakah ada restoran sihat dan seumpamanya. Berhubung dengan ubat tradisional, kata Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin tadi, ada ubat tradisional boleh merawat penyakit. Yang sebenarnya, perkara-perkara begini, bukan kita tidak percaya dengan ubat tradisional tetapi yang mustahak sekali hendaklah juga diperiksa di hospital-hospital bagi memastikan apa penyakit yang sebenarnya kerana kita mempunyai alat perkakas, seperti *MRI, CT Scan*. Adakah ia mempunyai penyakit-penyakit jantung, mata dan penyakit seumpamanya. Jadi ada jenis-jenis rawatan yang boleh dirawat dan dibaiki menggunakan dengan kaedah-kaedah saintifik berdasarkan kepada *evidence based.* Jangan nanti kita terpedaya. Ini ada kes benar. Ia berubat kampung, lama-kelamaan sudah kronik baru datang ke Bahagian *Accident and Emergency (A & E)* didapati penyakit ini adalah kronik, jadi adalah menjadi satu kesukaran untuk doktor memberikan rawatan yang sebaik-baiknya kalau sudah terlampau kronik.

Yang saya sarankan tadi ialah, kita cuba untuk memberikan pencegahan dan pengawalan lebih baik daripada rawatan. Itulah konsep Kerajaan bagi mencegah lebih awal, kerana mencegah itu adalah lebih *cost offective* dan lebih baik mengesan awal daripada ia terlampau kronik. Kalau ia kronik adalah sukar untuk kita memberikan rawatan-rawatan tertentu. Dalam kesempatan ini, adalah baiknya juga kita menggunakan perkhidmatan di hospital yang ada pada masa ini bagi memastikan ianya lebih baik awal dikesan dan dapat diperbaiki ataupun dapat dirawat dengan sebaik-baiknya terutama sekali kalau penyakit jantung tidak dapat diubat terpaksa jua, sama ada ia dioperasi atau *open heart surgery.*

Apa yang saya maksudkan disini kalau sekiranya kita percaya akan makan ubat itu diteruskan tetapi dalam waktu yang sama adalah perlu kita minta *advise* berdasarkan penyiasatan dan rawatan-rawatan daripada pakar yang tertentu bagi memastikan ianya jangan sampai kita menyesal kemudian hari. Itulah barangkali satu perkara yang harus kita ambil ingatan dalam perkara ini.

Satu lagi yang ditimbulkan, ialah berhubung dengan adanya permakanan-permakanan di sekolah-sekolah dan seumpamanya. Dalam hal ehwal penyediaan makanan ini, telah pun dirundingkan dengan kerjasama di antara pihak Kementerian Kesihatan iaitu Bahagian Permakanan dengan Kementerian Pendidikan bagi memastikan kanak-kanak ini akan disediakan barang–barang

yang berkeadaan sihat dan bukannya sewenang-wenangnya untuk membiasakan kanak-kanak itu memakan makanan yang sihat dan seimbang. Apa yang mustahak di sini mungkin barangkali, kanak-kanak yang kelaparan ini tidak *breakfast* sebelum sekolah. Apa yang mustahak, kita akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan perihal pemantauan permakanan yang sesuai dan seimbang bagi memastikan kanak-kanak itu sihat dan juga mengamalkan cara hidup sihat.

Berhubung dengan pemantauan permakanan di restoran, kita ada satu unit khas dalam perkara permakanan ini iaitu Bahagian Kawalan Kualiti dan Pengawalan Keselamatan Makanan. Ia berperanan untuk memastikan makanan tempatan yang diimport ke Negara ini adalah selamat dan berkualiti untuk pengguna. Dari masa ke semasa, memanglah pegawai-pegawai daripada Bahagian Kualiti Pengawalan Keselamatan Makanan ini membuat lawatan di restoran-restoran dan kedai-kedai makan bagi memastikan penyediaan makanan itu selamat dimakan oleh orang awam.

Ini termaktub dalam undang-undang iaitu di bawah Akta Kesihatan Awam dan Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam. Sebelum restoran tersebut dibuka, ianya akan diperiksa. Begitu juga tukang-tukang masak dan penyelia-penyelia yang membuat makanan itu diperiksa kesihatan mereka, adakah mereka ini *fit* atau tidak layak menjadi tukang masak dan seumpamanya.

Untuk makluman bersama, bahawa daripada hasil-hasil lawatan dan aduan-aduan orang ramai, terdapat juga beberapa restoran telah ditutup kerana didapati kualiti dan keselamatan makanannya tercemar. Misalnya pada tahun 2013 saja, pihak Bahagian Pengawalan Makanan ini menerima 79 aduan di Negara ini dan beberapa premis restoran telahpun ditutup kerana didapati keadaannya tidak memuaskan dan boleh memudaratkan kesihatan awam. Jadinya itu salah satu daripada tugas Bahagian Pengawalan Makanan ini, bagi memastikan permakanan yang disediakan adalah selamat dimakan oleh orang awam. Memang ada satu unit telah dibentuk dalam Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, saya berpendapat jawapan-jawapan Yang Berhormat itu sungguh tepat dan terperinci. Mengenai soalan-soalan atau cadangan-cadangan lain itu, biarlah dijawab secara bertulis pada kemudian hari. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SM - Kementerian Kesihatan ini diundi. Siapa bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Maka Tajuk SM - Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SM - Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan

mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita telah dapat menyelesaikan Tajuk Kementerian Kesihatan tadi. Sekarang, kita akan meneruskan perbincangan mengenai Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 dan akan membincangkan Tajuk seterusnya. Oleh kerana hari ini hari Jumaat, maka Persidangan hari ini akan berakhir pada pukul 11.00 pagi nanti.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk seterusnya, Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan hingga Tajuk SN08A - Jabatan Kaji Cuaca.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dibuka untuk dibahas. Sebelum itu, saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Perhubungan ingin membuat penyataan ringkas berkenaan Kementerian berkenaan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan ini. Mula-mula sekali, kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas peruntukan yang telah dibentangkan. Kaola dengan hormat dan takzim menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan Baginda, ke atas peruntukan ini dan berterima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana menyediakan peruntukan berjumlah $83,919,920.00 bagi Kementerian Perhubungan, yang insya-Allah akan membolehkan Kementerian Perhubungan menjayakan kerja-kerja pelaksanaan projek-projek strategik Kementerian Perhubungan.

Seterusnya, kaola ingin mengongsikan beberapa projek dan inisiatif mengikut strategi atau *core strategies* Kementerian Perhubungan yang menjurus kepada pencapaian visi iaitu "Ke Arah Masyarakat Pintar Dengan Perhubungan Cemerlang dan Negara Yang Berdaya Saing 2017".

Strategi-strategi teras ini, adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Negara kali ini dan menyokong tema belanjawan pada tahun ini.

Teras No. 1 - **Pengkoporatan dan Penswastaan**. Kementerian sedang meneliti dan menjalankan 4 inisiatif ke arah penswastaan dan pengkoporatan, iaitu:

1.1 Penswastaan Perkhidmatan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan;

1.2 Penubuhan Autoriti Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (AMPBD);

1.3 Pengkoporatan Pos; dan

1.4 Mengkomersialkan pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB)

Kementerian ini menyedari keempat-empat inisiatif ini lebih sesuai dilaksanakan oleh sektor swasta, supaya ia akan dapat membukakan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan dalam sektor pengangkutan di Negara Brunei Darussalam, di samping menjana suasana yang lebih berkembang dan *vibrant.*

Teras No. 2 - **Memudah Cara dan Menggalakkan Penyertaan Sektor Swasta**. Beberapa inisiatif di bawah teras ini ialah:

2.1 Pengeluaran lesen *4th Generation Long Term Evaluation (4G LTE)* kepada Syarikat *DST Communication* Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat yang difikirkan sesuai untuk mendapatkannya;

2.2 Perkhidmatan Penerbangan serantau berdaftar di Negara Brunei Darussalam;

2.3 Skim *Grant AITI.* Skim ini telah memberikan sebanyak $1.8 juta dalam bentuk bantuan kewangan kepada 14 buah syarikat tempatan untuk mengembangmajukan produk, meningkatkan kepakaran serta menggalakkan perkembangan *local content*. Skim ini diharap mendorong usaha ke arah kesejahteraan pekerja-pekerja sektor swasta dan seterusnya membukakan peluang pekerjaan yang lebih luas;

2.4 Pengkomersialan atau meng-komersialkan fungsi pemeriksaan kenderaan. Ini merupakan peralihan dari Kerajaan kepada sektor swasta. Walaupun fungsi ini insya-Allah, dijalankan oleh pihak swasta, kehendak *standard* dan keperluan adalah seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Teras No. 3 - **Pembangunan Infrastruktur *(Infrastructure Development)*.** Beberapa inisiatif di bawah teras ini ialah:

3.1 Pembangunan Infrastruktur di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mempunyai dua rangkaian;

a. Projek *"Modernisation of* (LTAB) *Brunei International Airport"* ini dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei Darussalam *(BEBD).* Projek ini kita lihat sekarang dan dijangka

siap pada penghujung tahun 2014 ini, insya-Allah. Apabila siap, ia berupaya menampung sehingga 3 juta penumpang setahun.

b. Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa (*Airfield Pavement Rehabilitation Works at Brunei International Airport).* Ia akan dapat menampung dan memastikan keselamatan pesawat-pesawat komersial yang baru dan bersaiz besar.

3.2 Projek *Port Berth Extension*. Projek ini akan memanjangkan Dermaga Kontena Muara daripada 800 meter yang ada sehingga 1 kilometer. Hasil projek pembesaran ini, Dermaga Kontena Muara akan dapat menampung dua buah kontena sekali gus. Konsultan telah dilantik dan kontrak telah ditandatangani pada 12 Mac 2014 yang lepas.

3.3 *Fibre-to-the-home (FTTH)* - Pelaksanaan *fibre-to-the-home (FTTH)* menggunakan talian *fibre optic* untuk memberikan perkhidmatan *internet* jalur lebar sedang giat dijalankan oleh Telekom Brunei Berhad (TelBru) ke beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam. Sasaran bagi tahun 2014 ialah untuk mencapai 80% premis perumahan dibekalkan dengan infrastruktur *FTTH* secara berfasa.

3.4 Pembinaan Menara Telekomunikasi- Bagi menangani isu "*mobile spillover"* limpahan liputan pemancaran perkhidmatan dari negara jiran dan menampung beberapa *blank areas*, Kementerian Perhubungan melalui *AITI* memberikan perhatian *serius* kepada pembinaan menara seperti berikut:

i. Sebanyak 235 (*DST* sebanyak 151 dan B-Mobile sebanyak 84) menara telah siap di seluruh Negara; dan

ii. Sebanyak 29 lagi menara akan dibina.

Kementerian ini juga sedang melaksanakan 2 projek yang melibatkan pelan-pelan induk seperti berikut:

3.5 Projek Pelan Induk Pengangkutan Darat *(Land Transport Master Plan)* - Projek ini dikendalikan oleh pihak *CSPS* mulai Julai 2012 dan telah pun hampir selesai. Perkembangan dalam sektor pengangkutan darat, dijangka akan menjana 64 ribu peluang pekerjaan berkaitan dengan projek pengangkutan darat, menjelang tahun 2035. Ini kira-kira 17% daripada jumlah keseluruhan peluang pekerjaan yang dianggarkan berjumlah 380,000 pada tahun 2035.

3.6 Pelaksanaan projek-projek ke arah Pelan Induk Maritim *(Maritime Master Plan).* Pelan Maritim ini diharap akan menjana lebih kurang

2 ribu peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Teras No. 4 - **Peningkatan Operasi**, di bawah ini terdapat 2 perkara penting iaitu:

4.1 Meningkatkan Kapasiti Jabatan Kaji Cuaca. Inisiatif ini dihasratkan untuk membawa impak yang lebih berkesan kepada orang ramai terutamanya dalam sektor pertanian, perikanan, pelaut-pelaut, industri-industri pembangunan dan pelancongan.

4.2 Perkhidmatan "*on-line*" Sistem Pengangkutan Darat (SPD) - Pendaftaran "*on-line*" bagi permohonan/pembaharuan lesen memandu dan lesen kenderaan, telah bermula pada bulan Mei 2013. Alhamdulillah, sehingga Februari tahun ini, hampir 700 permohonan secara "*on-line*" telah diterima.

Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua pengguna yang telah pun menggunakan perkhidmatan *on-line* ini. Insya-Allah, beberapa perkhidmatan *value added* sedang dilaksanakan antaranya, perkhidmatan penghantaran melalui pos, "*Mobile App*" SIKAP dan perkhidmatan sistem *Online Tendering*.

Teras No. 5 - **Pembangunan Sumber Manusia**. Beberapa projek ini ialah:

5.1 Penubuhan Akademi Maritim Brunei *(BMA).* Perkara ini sudah pun disentuh dengan panjang lebar lebih awal dalam Majlis Permesyuaratan ini.

5.2 Kurikulum Sekolah Memandu dan Motosikal - Beberapa peningkatan dan penaiktarafan sedang diusahakan seperti:

a) Mengemaskinikan Kurikulum Memandu melalui latihan *Defensive Driving* sejak tahun 2013;

b) Menambah jumlah jam pembelajaran memandu bagi bakal-bakal pemandu; dan

c) Menguatkan Peraturan dan Akta Pengeluaran Lesen Motosikal dengan memperkenalkan 3 kelas lesen (mengikut kuasa enjin) mulai 1 November 2013 lepas.

5.3 Projek *ICT Rural Outreach Program (iROP)* - Projek ini, dilaksanakan sebagai projek rintis sejak tahun 2011. Projek ini, antara lain menumpukan kepada penubuhan sebuah Pusat Komuniti *ICT* yang akan beroperasi di Pusat Komersial, Kompleks Bangunan Bumiputera Bangar mulai penghujung bulan Mac 2014. Seramai 50 peserta akan diberikan latihan asas *ICT*, menjurus kepada kemahiran dan keusahawanan *entrepreneurship*).

Seterusnya, projek ini adalah sesuatu yang boleh dikembangkan dan dimajukan lagi dengan kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk lebih memudah cara aktiviti ekonomi

masyarakat tempatan di luar bandar.

5.4 *National ICT Manpower Master Plan for Brunei Darussalam* - Pelan induk ini akan menghasilkan rangka kerja bagi kompetensi *ICT* (*National ICT Competency Framework)* iaitu *roadmap* perancangan kerjaya. kemahiran dan kompetensi dalam bidang *ICT*. Projek ini akan dilaksanakan oleh *AITI* mulai bulan April 2014.

Seterusnya, Kementerian Perhubungan juga melihat keperluan untuk menyediakan *National Competency Framework* yang menyeluruh bagi sektor pengangkutan. Dengan *National Competency Framework* ini, pembangunan sumber manusia dan peluang pekerjaan dalam sektor pengangkutan akan dapat dirangka dengan lebih terarah dan berpusat (*centralised*).

Teras No. 6 - ***Safety Security* dan *Clean Environment* (*HSE*).** Beberapa projek dalam teras ini ialah:

6.1 Usaha dan inisiatif keselamatan jalan raya - Pelbagai inisiatif diteruskan, antara lain merangkumi aktiviti-aktiviti keagamaan, kempen kesedaran dan usaha kerjasama dengan pihak swasta, akademia dan *NGOs* bagi menangani isu keselamatan jalan raya di Negara ini.

6.2 Pelancaran nama baru Sistem Demerit dan penguatkuasaan sepenuhnya. Sistem Demerit kini dikenali sebagai Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) dan mulai berkuatkuasa pada 1 Oktober 2013 lepas.

Insya-Allah, segala pembaikan dalam segi pemanduan ini, kaola harap adalah bukan berpunca dari SiKAP ini semata-mata, tetapi terbit daripada hasrat semua pengguna untuk menjadi pemandu yang lebih bertanggungjawab, berhemah dan kompeten.

Mengambil kesempatan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada pengguna-pengguna jalan raya atas sokongan yang telah diberikan.

6.3 Sistem Pengawasan Navigasi Komunikasi/Pengurusan Trafik Udara (*CNS/ATM*) - Dengan isu yang berlaku di negara jiran kita, projek ini mempunyai *prominse* yang tinggi sedikit dan akan meningkatkan keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dalam pengurusan lalu lintas udara bagi memastikan keselamatan penerbangan awam.

6.4 Penubuhan Majlis Penasihat ke atas isu-isu yang berhubung kait dengan perisian (*Content Advisory Council* - CAC) - Kementerian ini sangat menekankan supaya orang ramai menggunakan *media social* seperti *Facebook* dan *WhatsApp*, *Instagram* dan *Google+* dan sebagainya

secara positif dan lebih bertanggungjawab. Dalam hal ini, satu Majlis Penasihat Perisian (*Content Advisory Council – CAC*) telah ditubuhkan dengan dipengerusikan bersama oleh Kementerian Perhubungan dan Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh berbagai pihak yang berkepentingan.

Mengambil kesempatan ini, kaola mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam permesyuaratan lepas dalam mendukung usaha Kementerian Perhubungan ke arah penggunaan *ICT* yang lebih berhemah.

Sebagai penutup, Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dan orang ramai kerana menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan *online*, memandu dengan berhemah dan penggunaan *ICT* yang penuh berhemah dan bersopan, bukan dengan maksud membangkit perasaan benci atau menghasut.

Insya-Allah, Kementerian Perhubungan dengan pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan kerjasama dan *feedback* dari semua orang ramai dan industri akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh titih dan prihatin. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang, Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, dibuka untuk dibahas. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang ingin bercakap, sila angkat tangan. Silakan, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Terlebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Kaola ada 3 perkara yang hendak ditimbulkan:

1) Berhubung dengan keupayaan dan kapasiti Jabatan Penerbangan Awam. Di kesempatan ini, kaola ingin mengambil iktibar daripada tragedi kehilangan pesawat *Malaysian Airlines* MH370 dan seterusnya meneliti keupayaan dan kapasiti yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa.

   Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin menimbulkan beberapa soalan. Berhubung dengan kapasiti Jabatan Penerbangan Awam, khusus keupayaan kawalan lalu lintas udara.

i. Kaola ingin bertanya, adakah jumlah pegawai dan kakitangan di Bahagian Perkhidmatan Lalu Lintas Udara terutama pegawai-pegawai

menguasai lalu lintas udara *(air traffic controllers)* telah mencukupi dan adakah semua jawatan yang ada pada masa ini telah semua diisikan termasuk juga jawatan Pegawai Mencari dan Menyelamat?

ii. Memandangkan Pegawai Menguasai Lalu Lintas Udara *(Air Traffic Controllers)* memegang tugas yang penting, kaola ingin bertanya, adakah isu-isu seperti perkembangan kerjaya *(career development)* dan Skim Perkhidmatan Pakar Khas bagi *Air Traffic Controllers* telah dijalankan penelitian seperti yang telah dijalankan kepada skim-skim perkhidmatan yang lain yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), Jabatan Perdana Menteri semasa menjawab soalan-soalan di bawah Jabatan Perdana Menteri?

iii. Bagaimanakah Kementerian Perhubungan sentiasa memastikan bahawa Perkhidmatan Kawalan Lalu Lintas Udara, infrastrukturnya, kemahiran kakitangannya, peralatan dan lain-lainnya, telah mengikuti *International Civil Aviation Organization Bench Marking?*

iv. Bagaimanakah keupayaan peralatan radar yang digunakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada masa ini dan adakah kerja-kerja *maintenance* oleh pakar-pakar sentiasa dijalankan sepenuhnya ke atas radar tersebut?

Perkara kedua, ialah mengenai *Early Warning System.* Alhamdulillah, Kementerian Perhubungan telah mengambil tindak balas yang positif ke atas cabaran yang dihadapi oleh Negara dalam menangani keadaan cuaca hujan lebat yang dialami setiap tahun dengan menaikkan taraf Bahagian Perkhidmatan Kaji Cuaca kepada sebuah jabatan iaitu Jabatan Kaji Cuaca.

Di sini, kaola ingin mencadangkan supaya Jabatan Kaji Cuaca menubuhkan *Early Warning System* (Sistem Amaran Awal) kepada orang ramai dengan menggunakan *social media* yang terdapat dalam *smartphone* yang merupakan alat yang paling *popular* digunakan pada ketika ini.

Perkara yang terakhir, ialah mengenai *Transport Master Plan*. Semasa sesi dialog bersama Kementerian Perhubungan, kami telah dimaklumkan, bahawa *final report* mengenai *Transport Master Plan* yang dibuat oleh *CSPS* bersama sebuah konsultan asing akan dikeluarkan pada awal tahun ini. Kaola ingin mencadangkan supaya Kementerian Perhubungan akan mengongsikan *timeline* pelaksanaan *Transport Master Plan* tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh mengenai penggunaan peralatan *TVRO* yang sedang hangat dipercakapkan oleh

masyarakat kitani, yang sedang dimiliki oleh penduduk Negara Brunei Darussalam.

Baru-baru ini, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengawal penggunaan peralatan tersebut dengan mengenakan lesen sebanyak $360 setahun, yang telah bermula berkuat kuasa pada awal bulan Mac 2014 dan difahamkan dalam jangka masa 5 tahun akan datang penggunaan peralatan tersebut akan dihapuskan.

Dalam langkah awal juga Bahagian *AITI,* Kementerian Perhubungan telah menemui rakyat di keempat-empat daerah bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan-pandangan mengenai perkara tersebut. Kaola ingin mengetahui apakah respons daripada orang ramai di Negara ini terhadap perkara tersebut dan apakah keputusan untuk mengenakan bayaran lesen sebanyak $360 setahun itu satu ketetapan yang tidak dapat diubah, sama ada untuk diturunkan harganya kepada satu jumlah yang minimum sebanyak $25 setahun, seperti mana juga jumlah harga kepada lesen-lesen peralatan komunikasi yang lain yang ada pada masa ini. Sekiranya jumlah tersebut tidak dapat lagi diganggu gugat dan masih dengan harga yang ditetapkan sebanyak $360 setahun, kaola mencadangkan supaya jumlah tersebut dapat dipertimbangkan untuk dibagi 12 bulan dengan mengenakan bayaran sebanyak $30 sebulan dan perlu dibayar pada tiap-tiap bulan seperti juga yang dikenakan kepada pengguna peralatan *Astro* yang ada di Brunei pada masa ini. Perkara ini dipohonkan, adalah memandangkan jumlah sebanyak $360 setahun itu adalah merupakan satu bebanan yang agat berat kepada pemilik-pemilik *TVRO* yang tidak kurang pemiliknya terdiri daripada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah dan sederhana kemampuannya.

Mengenai perhubungan telefon di kawasan pedalaman, walaupun ianya dilihat keramaian penggunaanya berkurangan, namun keperluannya adalah sangat-sangat diperlukan sebagai alat penghubung yang cepat kepada penduduk pedalaman. Oleh itu, diharap pihak Kementerian dapat mengambil inisiatif untuk memelihara dari masa ke masa bagi memenuhi kehendak penduduk-penduduk pedalaman terutama sekali dalam masa-masa kecemasan.

Menyentuh mengenai perhentian bas yang pernah kitani bincangkan bersama dalam muzakarah di Kementerian yang lalu. Saya penuh berharap supaya ianya dapat dilihat dengan begitu teliti tentang keperluannya, kerana apa yang dapat kita nampak pada ketika ini ianya sangat-sangat diperlukan.

Mengenai perhentian bas di Pekan Kuala Belait yang masih ditempatkan di tempat yang lama dan dalam jangka masa yang akan datang, saya percaya ianya masih boleh dipakai untuk memenuhi kehendak masa kini. Setelah melihat jumlah bas yang ada pada masa ini dan keperluannya, ianya perlu di*upgrade* saja untuk menyesuaikan keselesaan penumpang apabila waktu hujan dan panas.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat, cukuptah dulu nanti boleh disambung. Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat atau perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Sabtu, 20 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 22 Mac 2014 Masihi, pukul 9.30 pagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 20 Jamadilawal 1435 / 22 Mac 2014

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI-AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), (Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga *(Minister of Energy)*, Di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (**Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas ‘A’ Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR SAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi

Yang Mulia Jurutulis II: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam, bersidang bagi hari yang ketiga belas, iaitu pada hari Sabtu, 20 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 22 Mac 2014 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan keizinan-Nya jua, kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari ketiga belas.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pesidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 bagi Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Untuk membolehkan Rang Undang-Undang ini dapat dibincangkan satu persatu, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang untuk meneruskan perbincangan mengenai Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Alhamdulillah, hingga ke hari ini 11 buah Kementerian telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi kelmarin, kita telah membincangkan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. 2 orang Ahli Yang Berhormat Yang Telah Dilantik telah diberikan peluang untuk membahas tajuk ini. Maka, perbincangan mengenai tajuk ini kita teruskan pagi ini. Saya bukakan tajuk ini untuk dibahas. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengemukakan pertanyaan sila angkat tangan. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada 1 sahaja perkara yang akan dikemukakan.

Terlebih dahulu, kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perhubungan kerana telah melaksanakan berbagai-bagai projek demi kesejahteraan penduduk dan rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bercakap mengenai dasar baru penggunaan Sistem *TVRO* (parabola). Sepertimana pengumuman Kementerian Perhubungan, bahawa penggunaan Sistem *TVRO* yang berkuat kuasa pada

1 September 2013 dengan menggariskan 5 perkara penting, iaitu termasuk penghapusan secara berfasa dalam tempoh 5 tahun bagi penggunaan Sistem *TVRO* bagi orang ramai mulai 1 September 2013.

Selepas 5 tahun, iaitu pada 1 September 2018, Sistem *TVRO* dengan saluran-saluran yang terhad hanya akan dibenarkan pada agensi atau premis-premis yang tertentu yang diiktiraf oleh Kerajaan sahaja iaitu Institusi Kewangan, Institusi Media, Kedutaan-Kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negeri, hotel-hotel, Badan-Badan Berkanun Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi serta Institusi Perubatan. Pengimportan Sistem *TVRO* adalah dibekukan. Orang ramai diberikan tempoh selama 6 bulan bermula 1 September 2013 hingga 1 Mac 2014 untuk memohon lesen secara sah bagi penggunaan Sistem *TVRO* yang sedia ada sebelum sebarang tindakan diambil oleh pihak yang berkuasa.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti mana yang difahamkan bahawa penggunaan Sistem *TVRO* di Negara ini ialah sejak tahun 1990. Sejak sistem ini diperkenalkan kepada orang ramai sedikit sebanyak telah dapat membuka minda dan pengetahuan yang luas, hasil daripada penyiaran sistem ini kepada orang ramai.

Apa yang dihajatkan oleh pihak orang ramai, khususnya rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah apalah kiranya keputusan memansuhkan Perkhidmatan Siaran Sistem *TVRO* ini akan dapat dibuat pada 2018 itu akan difikirkan semula.

Alasan yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan, antaranya ialah:

1. Dengan adanya Sistem *TVRO* ini, rakyat di Negara ini tidak akan ketinggalan mengetahui perkembangan semasa yang berlaku di luar negara. Ini akan memberikan peluang bagi rakyat celik kepada media elektronik. Rakyat akan sentiasa peka bila melihat siaran-siaran yang dapat dimanfaatkan seperti pencegahan jenayah siber, penipuan-penipuan antarabangsa, sistem keselamatan sama ada negara mahupun diri sendiri bila berada di negara orang ataupun di luar negeri dan mungkin banyak lagi yang boleh dimanfaatkan demi kebaikan warga Negara Brunei Darussalam.

2. Memang tidak dapat dinafikan sistem penyiaran negara jiran seperti Sistem ASTRO pada masa ini berfungsi dengan baik di Negara ini. Sudah tentu ianya menjadi amat penting bagi semua rakyat yang memilikinya. Manakala sistem TV Brunei (RTB), boleh juga diambil kira salah satu sistem penyiaran yang ulung di Negara ini dengan penambahan 5 saluran lagi. Tetapi dalam hubungan ini, ada sesetengah rakyat atau orang ramai yang dukacita tidak dapat menerima semua siaran tersebut.

Jadi dengan hal yang demikian, sudah setentunya orang ramai akan mencari sistem yang lain bagi keperluan mereka beriadah. Berdasarkan saiz Negara kita yang kecil ini, dengan penduduknya yang hampir saja mencecah 400,000 orang kalau tidak silap, adalah wajar rakyat akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang ada dengan sebaiknya.

Dengan adanya Akta Penyiaran di bawah Seksyen 23, Penggal 180 sudah tentu rakyat atau orang ramai memahami dan bersedia untuk mematuhi undang-undang ini dengan senang hati dan kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membenarkan supaya siaran Sistem *TVRO* ini akan terus dijalankan kepada rakyat dan orang ramai.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pengerusi. Daerah Tutong, sebagai persinggahan antara daerah-daerah lain. Maka, bagi meningkatkan kemajuan daerah ini, untuk menjana perekonomian, adalah kena pada tempatnya bahawa supaya pendaftaran kereta baru dapat diadakan sebagai cawangan Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait. Usaha ini untuk menarik ejen-ejen kereta beroperasi di Daerah Tutong, apatah lagi pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan Pengangkutan Darat ini setanding dengan Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait.

Yang Berhormat Pengerusi, tambahan pula, di Jabatan Pengangkutan Darat Daerah Tutong telah mempunyai mesin yang canggih bagi pemeriksaan kenderaan, sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Pemunggahan Kargo, di Pelabuhan Muara, aktivitinya semakin bertambah dan meningkat yang memerlukan penambahan keperluan asas seperti jentera pengangkut dan stor penyimpanan serta kawasan yang luas.

Kaola ingin tahu, Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan bagi tahun 2014/2015 dan tahun-tahun mendatang dalam menyediakan kemudahan-kemudahan pemunggahan kargo dan adakah kemungkinan membina lagi pelabuhan hub di Negara ini di kawasan baru untuk meningkatkan atau menyediakan nilai tambah yang lebih efisien dan bukan sahaja untuk kemudahan kawasan *BIMP-EAGA* malah untuk kawasan luar *BIMP-EAGA*?

Yang Berhormat Pengerusi, individu yang mempunyai lesen memandu jentera berat dan Pengangkutan Awam akan lebih mudah mendapat pekerjaan jawatan Pemandu jika mempunyai lagi Sijil Kelayakan. Sijil ini hanya dikeluarkan oleh syarikat tertentu dengan bayaran $300.00 seorang. Begitu juga dengan Sijil Kelayakan Lampu Amaran Laju di atas lori, bus awam dan *trailer* dikeluarkan oleh satu syarikat juga dengan bayaran $35.00 bagi sebuah kenderaan setiap 6 bulan.

Bayangkan, jika ada ribuan kenderaan, soalan kaola adakah perancangan Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengeluarkan Sijil Kelayakan ini sendiri dengan menubuhkan satu Unit Khas mengenai perkara tersebut dengan menyediakan pegawai-pegawai dan kakitangan pakar yang memberi peluang pekerjaan kepada beberapa orang anak tempatan yang lulus dari sekolah-sekolah teknikal dan kejuruteraan dan bayaran yang dikenakan boleh menjadi hasil Negara?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan kelmarin ada 2 perkara yang ingin kaola tanyakan:

1. Sebanyak 29 buah menara lagi akan dibina, iaitu adakah pembinaan menara ini termasuk dalam perancangan bagi Mukim Rambai dan Mukim Ukung yang memang sukar menerima pancaran telefon. Terutama Mukim Rambai langsung tidak ada. Masalah ini memang telah dimaklumi oleh pihak *IT* semasa lawatan pegawai *IT* dengan kaola pada 2 tahun lepas; dan

2. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada jabatan atau bahagian dalam Kementerian Perhubungan yang akan diswastakan dan dikoporatkan. Kemusykilan kaola tidakkah pensawastaan dan pengkorporatan ini menjejaskan pendapatan Kerajaan dan adakah rakyat atau penduduk di Negara ini dibolehkan menyertai secara pelaburan saham iaitu dengan penubuhan satu perbadanan saham pelaburan kebangsaan?

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima

kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola terlebih dahulu tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas taklimat-taklimat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada pagi kelmarin.

Kaola di Dewan yang mulia ini, sungguh menghargai atas keprihatinan dan usaha-usaha yang berterusan oleh Kementerian Perhubungan. Yang Berhormat Menteri Perhubungan sendiri bersama pegawai-pegawainya beberapa kali turun padang, ke Temburong untuk mengatasi perkhidmatan rangkaian telefon bimbit yang masih kurang jelas penerimaannya di beberapa kawasan di Daerah Temburong. Terutamanya kawasan-kawasan pedalaman, Mukim Batu Apoi, Mukim Labu dan Mukim Bokok dalam memastikan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai yang menggunakan telefon bimbit.

Yang Berhormat Pengerusi, alhamdulillah pada masa ini ada beberapa buah menara *DST* dan menara *B-Mobile* yang sudah dibangunkan di beberapa buah kawasan di mukim-mukim, Daerah Temburong dan yang sudah siap sepenuhnya. Kaola ingin bertanya:

1. Apakah Menara *B-Mobile* yang sudah siap dibangun pada masa ini sudah berfungsi dan beroperasi sepenuhnya? Orang ramai juga masih tertanya-tanya apakah keistimewaan sebelah jiran kita Limbang, Malaysia yang masih menembusi ke rangkaian Telefon Bimbit *DST* seperti *Celcom* di kawasan-kawasan di Mukim Bangar, Mukim Amo dan juga Mukim Labu? Apakah langkah-langkah yang sudah dibuat oleh Kementerian Perhubungan dalam menangani dan mengimbangi untuk mengatasi perkara ini?;

2. Kaola dalam menyokong dasar kerajaan melalui Kementerian Perhubungan bagi menguatkuasaan *TVRO*, ingin bertanya bagaimanakah Kementerian Perhubungan dalam menangani dan memantau pembelian alat-alat *TVRO* dan ini termasuk juga *ASTRO*? Ramai pelanggan dari Negara kitani dengan mudah sahaja untuk membeli di negara jiran terdekat dengan harga yang lebih murah dan mendapatkan program-program yang dikehendaki serta urusan pembayaran melalui negara jiran berkenaan; dan

3. Perkara yang terakhir, kaola difahamkan bahawa timbangan bagi kenderaan berat di Pos kawasan Labu sudah siap sepenuhnya. Kaola di Dewan yang mulia ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Kementerian atas keprihatinan dalam perkara ini, kaola cuma bertanya apakah ia sudah beroperasi pada masa ini?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada 3 perkara:

1. Dalam era globalisasi dan suasana Negara ke arah era permodenan, *ICT* perlu diperkasakan seiring dengan kemajuan *ICT* di negara-negara jiran. Apakah sudah ada kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan bersepadu mengenai perkembangan, kejayaan dan masalah-masalah dalam bidang *ICT* dalam Perkhidmatan Awam? Apa yang difahami, ada kementerian atau jabatan yang tidak mengemas kini Bahagian atau Unit *ICT,* bahkan berkemungkinan ada kementerian dan jabatan yang belum mewujudkan atau mengadakan Bahagian atau Unit *ICT* sehingga menampakkan tidak efisien atau tertangguhnya apa jua projek *ICT* yang direncanakan atau yang dalam pelaksanaan, tidak mengikut jadual sedangkan kos pembiayaannya berjuta ringgit;

2. Jenayah siber terancang di Amerika menyebabkan kerugian $4.5 bilion. Setakat ini, tidak dapat diketahui perancang atau pakar komputer yang membuat operasi ini. Penjenayah siber terancang selalu menang dalam urusan mereka. Kaola merasa bimbang perkara ini akan merebak ataupun sudah merebak ke Negara kita seperti mana yang ada, kejadian-kejadian pencurian data *ATM* baru-baru ini. Itu baru skala kecil, yang ditakuti adalah jenayah siber yang berskala besar; dan

3. Sepatutnya kereta-kereta yang didatangkan ke Brunei, diperbanyakkan kereta yang menggunakan bahan tenaga gas *(hybrid)* dan dikurangkan pengimportan kereta-kereta yang menggunakan bahan *petrol* dan *diesel.* Ini bagi mengurangkan pencemaran udara. Kita sepatutnya ada penguatkuasa yang sentiasa mengambil tindakan undang-undang kepada kereta-kereta yang mengeluarkan asap berlebihan. Ini bukan sahaja untuk menjaga kesihatan orang ramai, ianya juga untuk menjaga alam sekitar yang bersih dari pencemaran udara.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji

Zainal: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan semalam, ada menyentuh mengenai dengan pemasangan kabel jalur lebar *(internet)*. Mengikut penyiasatan kaola, pada tahun 2012 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sejumlah $230 juta bagi projek penyambungan kabel *fibre* ke rumah *(Fibre to the home)*, di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN10).

Telbru sebagai agensi pelaksana projek tersebut, telah melancarkan perkhidmatan *internet* jalur lebar pada bulan Februari 2013. Mengikut maklumat, sebanyak 1,000 buah kediaman persendirian telah dibekalkan dengan kabel jalur lebar *internet*. Setakat ini, kita belum lagi mendengar perkembangan projek ini dan tahap pelaksanaannya. Kaola memohon penjelasan mengenai status pelaksanaan projek ini setakat ini, memandangkan perbelanjaan tinggi yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan. Kaola juga memohon penerangan jika pihak-pihak berkepentingan ada membuat kajian mengenai keberkesanan projek ini dan maklum balas daripada pengguna-pengguna yang telah menggunakan perkhidmatan *(internet)* jalur lebar ini. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdulllah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdulllah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan atas usaha-usaha mereka dalam mengatasi kemalangan di jalan raya. Dengan mengadakan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) yang bertujuan untuk mendisiplin dan mendidik pengguna jalan raya dalam mengatasi kemalangan jalan raya. Kaola ingin bertanya, dalam penguatkuasaan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) ini:

a. Berapa ramaikah pengguna jalan raya yang melanggar peraturan jalan raya diambil tindakan?;

b. Adakah keperluan peralatan dipenuhi atau adakah lagi peralatan yang belum dipenuhi?; dan

c. Adakah tambahan *personel* sama ada di Kementerian Perhubungan dan juga Pasukan Polis Diraja Brunei dalam melaksanakan sistem ini?

Yang Berhormat Pengerusi, bagi menambah baik dan lebih berkesan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP) ini, adalah juga diperlukan penambahan keadaan infrastruktur jalan raya kerana ia juga adalah salah satu penyumbang kepada kemalangan. Pada masa ini, usaha untuk pembaikan jalan raya dibuat dengan cara

menambal. Namun, keadaan jalan raya tersebut akan rosak kembali untuk beberapa waktu. Keadaan jalan raya yang ditambal-tambal ini, terutama sekali jalan raya dari Bandar Seri Begawan ke Pekan Tutong, iaitu jalan raya lama boleh mengakibatkan kemalangan di samping kerosakan kenderaan.

Ditambah lagi, bahu jalan raya yang kurang elok seperti becak dan rumput yang panjang boleh menyumbang berlakunya kemalangan. Begitu juga, terdapatnya pohon-pohon kayu besar di tepi jalan yang condong dan berbahaya. Adalah dicadangkan untuk ianya ditebang atau dipotong sebelum ia tumbang terutama sama sekali pada musim hujan seperti yang berlaku di sepanjang jalan Pancur Papan Tutong. Perkara-perkara yang kaola sebutkan di atas wajarlah perlu diambil perhatian, jika kita ingin mempunyai jalan raya yang boleh dikategorikan sebagai jalan raya kelas pertama. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk mengulas seberapa boleh dan seberapa ringkas.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola peluang. Mula-mula sekali, kaola menjawab secara menyeluruh dan kaola bahagikan kepada soalan dan saranan atau cadangan. Kaola menghargai semua soalan-soalan yang telah pun diajukan dalam beberapa isu. Mula-mula sekali, yang akan kaola jawab ialah soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, mengenai *DCA* dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan.

Kaola sukacita memberitahu bahawa pengangkutan udara dan pengangkutan laut adalah dua pengangkutan yang membawa penumpang yang ramai dan barangan yang banyak setiap satu kenderaan. Oleh itu, pengangkutan laut dan pengangkutan udara ini adalah yang paling *diregulate* dan paling tinggi standardnya.

Dalam hal laut, kalau kaola dapat *digress* sedikit ia adalah dalam rangka dipanggilnya *Standards of Training Certification and Watchkeeping (STCW),* tetapi dalam bidang penerbangan awam yang mengawal ialah *International Civil Aviation Organization (ICAO)* dengan menerbitkan *19 annexes*. *19 annexes ICAO* ini mengandungi semua teknikal standard-standard teknik mengenai kapal terbang, mengenai pilot, *air worthiness*, mengenai semua yang termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan mengawal lalu lintas, *aero drone* dan *standard-standard runaway.*

Annex-annex ICAO ini bukanlah satu dokumen yang statik malah diperbaharui berkala, kadang-kadang tiap 3 bulan, kadang-kadang setahun

tergantung pada keadaan. Standard ini mengandungi apa saja mengenai industri penerbangan walaupun yang dikira bukan dalam penerbangan, misalnya perkhidmatan bomba lapangan terbang pun termasuk dalam standard ini.

Tiap-tiap pentadbiran penerbangan, diperiksa oleh *ICAO* dengan satu audit. Begitu juga Negara kitani, Negara kitani diaudit oleh *ICAO* untuk memenuhi kehendak *19 annexes ICAO* ini, dan alhamdulillah, ini kitani jalankan. Termasuklah, perkhidmatan mengawal lalu lintas, semua apa saja mengenai penerbangan. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini menyakinkan Yang Berhormat itu dan orang ramai bahawa perkhidmatan penerbangan di Negara Brunei Darussalam adalah mengikut piawaian atau standard yang tinggi yang ditentukan oleh *ICAO* kerana kitani menaruh dalam perundangan kitani dan kitani *submit* melalui audit *ICAO* ini.

Kemudian mengenai *Land Transport Masterplan*, perkara ini, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman dan dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin dan juga tadi Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Sebenarnya *Land Transport Masterplan* ini sudah pun siap dan *final reportnya* dalam *printing* dan penyediaannya, tetapi telah pun diberikan *presentation* kepada Kementerian Perhubungan.

Tetapi, projek ini adalah suatu *multi stakeholder project* melibatkan Kementerian Perhubungan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan kerana ada tersebut di sana pengangkutan untuk budak-budak sekolah, Bahagian Tenaga kerana *green technology* dan mustahak sekali Jabatan Pedana Menteri. Jadi, apabila *final report* ini siap nanti ia akan dikongsikan dulu dengan agensi-agensi ini, barulah dikongsikan kepada orang ramai bagi mana-mana tindakan yang perlu.

Dalam isu ini, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai kereta *green* atau kereta yang kurang menggunakan bahan gas pun masuk di sana. Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai beberapa kemalangan jalan raya pun masuk di sana. Saya memberi jaminan bahawa *study* yang dibuat oleh *CSPS* mengenai *land transport masterplan* ini akan merangkumi beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mengenai *TVRO,* persoalan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Sebenarnya, pemikiran awal Kerajaan dulu ialah tidak membenarkan *TVRO* ini, tetapi telah pun dibenarkan dengan memikirkan bahawa untuk memberikan rakyat Brunei ini ataupun penduduk-

penduduk di Brunei ini *choice* untuk mendapatkan segala apa yang diperlukan seperti *news*, pengetahuan dan sebagainya. Dalam pada itu, kita mestilah menyedari bahawa Kerajaan sendiri telah pun berusaha untuk menyediakan dari 4 lagi *channel RTB* menjadikannya 5 *channel* sekarang, bukan lagi 1. Ertinya keperluan untuk mengadakan *choice* dan pengetahuan (malah hiburan) sudah dipenuhi. Menyedari dengan perkara ini, Kerajaan juga telah membenarkan pihak *DST* untuk mendapatkan *ASTRO* dan diluluskan dengan pembayaran yang tertentu. Keperluan yang disebutkan itu pun sudah ada dan apabila dasar-dasar baru ini difikirkan, semua keperluan-keperluan ini diambil kira.

Tetapi walau macam manapun, izinkan kaola menyentuh pasal *ASTRO* Malaysia. Apabila dasar ini dibuat nanti, kita akan membezakan antara *ASTRO* Malaysia dan *ASTRO Kristal* kerana *ASTRO* Malaysia itu nanti dikira sebagai lesen *TVRO*. Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai pengurangan itu, belumlah dapat dipertimbangkan buat masa ini kerana dasar ini baru sahaja diambil.

Mengenai permohonan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim supaya akan diteliti apabila ia selesai tahun 2018 nanti, insya-Allah kitani akan meneliti keberkesanan sistem ini atau dasar ani dari setahun ke setahun. Akan kitani teliti, kitani tidak dapat memberikan satu jaminan bahawa ia akan disambung atau nampaknya tidak disambung Yang Berhormat Pengerusi. Walau macam manapun, Kerajaan ini adalah satu Kerajaan yang kitani peka kepada perkembangan semasa dan apa-apa sahaja perkembangan akan diteliti.

Kemudian, beberapa soalan mengenai pendaftaraan kereta baru di Daerah Tutong. Kaola rasa apa yang dibuat ialah mengenai *practicality* atau keperluannya. Seperti yang kaola terangkan pada tahun lepas, perkara ini tidak dapat dibuat, kerana kurang kos efektif, kerana pendaftaran kereta di Tutong adalah kurang, tidak payah diadakan di Tutong, tapi akan diperiksa juga dan diteliti juga.

Kemudian, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit membangkitkan kemudahan kargo *hub* di Muara. Perkara ini, kaola sentuh dalam mukadimah kaola, walau macam manapun, usaha untuk menjadikan kitani hub di *BIMP-EAGA* ini memang dikawal dan usaha untuk menswastakan atau mengkomersialkan pelabuhan ini dibuat supaya kitani akan dapat bersaing lagi dengan negara-negara jiran kitani.

Mengenai sijil kelayakan kerja berat dan sijil amaran, cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit itu, terima kasih akan diteliti.

Mengenai soalan sama ada penswastaan ini akan dapat mengurangkan hasil kepada Kerajaan, hasil itu secara *direct* memang kurang tetapi apa yang kitani tidak sedar bahawa Kerajaan

menanggung beberapa kos untuk mengadakannya, jadi hasil itu mestilah dipantau daripada hasil dan perbelanjaan. Mengikut pemantauan kitani, dalam penswastaan Jabatan Telekom dan penswastaan *DST*, pengalihan kedua-dua perkhidmatan ini kepada pihak swasta menimbulkan industri yang lebih baik dan lebih menyumbang kepada ekonomi Negara ini.

Mengenai sama ada orang Brunei akan ikut dalam *equity* ini, insya-Allah apabila *modality*nya akan diketahui nanti, kalau sekiranya untung, memanglah saham itu akan dibukakan kepada orang ramai. Kaola tidak berani bercakap mengenai perkara ini, kerana perkara ini adalah perkara yang di luar daripada kuasa kaola, tetapi dalam mana-mana penswastaan di luar negeri apabila industri itu boleh mendatangkan keuntungan dan pihak yang punya itu akan membuat beberapa cara-cara untuk orang melabur di sana.

Kemudian, mengenai menara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, menara-menara itu adalah termasuk dalam kawasan-kawasan seperti Mukim Lumapas, Sungai Buluh, Keriam, Tanjung Maya, Serambangun, Ulu Belait, Rasau, Kampong Negalang Iring dan Pekan Bangar. Kalau sekiranya tidak termasuk dulu, insya-Allah abiskaola akan membincangkan dengan Yang Berhormat dan kedua-dua operator yang menjalankannya.

Mengenai *B-Mobile* yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, sudah berfungsi sepenuhnya. Belum berfungsi sepenuhnya dan ini akan menjadi perhatian abiskaola.

Kemudian Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, membangkitkan mengenai sistem bersepadu Jabatan Pengangkutan Darat, sudah kaola sentuh bahawa perkara ini termasuk dalam *Land Transport Master Plan*.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haij Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, sebenarnya duit yang diperuntukkan $230 juta *Fibre to the home* (*FTTH*) itu belum lagi dibelanjakan. Apa yang dibelanjakan pada masa ini, ialah sumbangan daripada pihak *TelBru* untuk mengadakan *FTTH* ke rumah-rumah itu. Seperti yang kaola sentuh dalam mukadimah, ia sudah mencapai 80% daripada rumah-rumah yang di*target* dan beberapa kawasan-kawasan lain sedang dibuat.

Mengenai kesan, ianya dibuat oleh satu konsultan yang telah pun dilantik oleh Kerajaan, iaitu satu konsultan yang membuat bagaimana pencapaian Brunei dalam *ICT* ini. Kaola sukacita mengongsikan bahawa dalam pemikiran baru, celik *ICT* ini, bolehlah disifatkan dalam era ini sebagai celik huruf (pembacaan) atau literasi. Kalau pun sekiranya kita tidak dapat memberikan kesan secara kuantitiatif atau secara yang *compelling,* kaola penuh yakin bahawa jika kita kurang celik dalam

pencapaian *ICT*, kesannya adalah sama juga seperti kurang celik dalam pembacaan.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, mengenai kemalangan jalan raya. Kaola sukacita *share* (berkongsi) mengenai *demerit* ini. Sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 2,894 orang didapati pesalah *demerit.* Daripada jumlah itu, 1,482 sudah dijelaskan manakala yang belum dijelaskan ialah 1,303. Apa yang paling ketara di sana ialah ada seorang bangsa asing telah pun digantung lesennya kerana sudah sampai 24 *point.*

Mengenai *personel*, keperluan *personel* ini memanglah diperlukan, tetapi dengan keadaan kita sekarang ini, kita tidak akan mengadakan personel itu secara terus tetapi akan dibuat dengan *incremental* dengan melihat bagaimana *personel* itu dapat digunakan dengan cara yang lebih efektif. Peralatan itu, memanglah beberapa peralatan sudah dipasang tetapi banyak peralatan lain diperlukan. Dalam keadaan ini, kita mestilah melihat mana peralatan yang perlu didulukan sebelum kita mengambil peralatan yang lain.

Mengenai pohon-pohon di jalan raya, kaola sukacita merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan kaola Kementerian Pembangunan, terutama sekali Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya kerana dalam Majlis Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya ini adalah satu daripada *core group* dan kaola ingin meyakinkan bahawa mana-mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, memang dalam penelitian jabatan tersebut.

Dalam pada itu juga, kaola ada menyentuh tiga saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kelmarin, supaya Jabatan Kaji Cuaca menyediakan *early warning sistem*. Kemudian Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin, pemancaran *tower* dan perhentian bas, insya-Allah, ketiga-tiga perkara ini dalam radar abiskaola.

Mengambil kesempatan ini, kalau kaola dapat menambah dalam mukadimah kaola kelmarin, ada dua perkara yang kaola tidak sempat sampaikan tetapi kalau boleh kaola buat *correction* dalam *hansard* nanti, iaitu dua tahun lepas, Kementerian Perhubungan telah pun seperti yang diterangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengambil dasar baru mengenai *TVRO* dan yang paling ketara ialah abiskaola harapkan pembaikan dalam sistem bas. Dulu, “taruk ubi” semua sekali, sekarang bas itu sudah menunjukkan warna-warna laluan yang mustahak sekali yang sepatutnya dirasai, bas itu mempunyai *route* (laluan), di sebelah depan bas dan juga waktu beroperasi bas itu ditambah, kalau dulu waktunya hingga 6.00 petang tetapi sekarang ditambah hingga 8.00 malam.

Sekianlah, Yang Berhormat dan kaola sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua

Ahli Yang Behormat atas *concern* dan soalan yang ditimbulkan. Kaola mengambil kesempatan itu disebabkan dengan tidak ada soalan bertulis mungkin industri pengangkutan dan perhubungan sudah tidak begitu relevan. Maka dengan adanya soalan-soalan itu, ertinya kita semua masih lagi memandang sistem perhubungan, industri perhubungan, industri pengangkutan ini adalah satu industri yang mudah-mudahan saja menyumbang kepada ekonomi Negara kita Brunei Darussalam dan menyumbang kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menimbulkan sistem pekerjaan dan kerja-kerja pihak swasta yang dapat kita jadikan penyumbang kepada ekonomi Negara. Kaola dengan hormatnya mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan hingga Tajuk SN08A - Jabatan Kaji Cuaca dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SP01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan Tajuk SP01A - Kemajuan ini untuk dibahaskan, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, jika ingin untuk memberikan penjelasan ringkas mengenai dengan tajuk ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola hanya akan menyampaikan sedikit mukadimah dan menghuraikan secara ringkas tujuan peruntukan Kemajuan Negara yang dicadangkan sebagai panduan kepada perbincangan yang akan menyusul.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhomat.

1. Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Kemajuan Negara (RKN Ke-10) bermula pada 1 April 2012. Ini bererti RKN Ke-10 bagi Tahun Kewangan 2014/2015 adalah merupakan tahun ketiga pelaksanaannya di bawah RKN Ke-10. Alhamdulillah, perancangan dan pemantauan yang rapi telah pun dibuat secara berterusan, melalui Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Melalui pemantauan yang dijalankan, alhamdulillah, perancangan dan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 telah dapat dibuat secara lebih berkesan dan teratur berdasarkan keutamaan-keutamaan yang telah pun ditetapkan.

2. Bagi Tahun Kewangan 2014/2015 ini, peruntukan berjumlah **$1,150** juta akan disediakan. Jumlah ini adalah **bertambah sebanyak $100** juta dari peruntukan yang telah disediakan bagi Rangangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2013/2014. Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai 548 projek termasuk 437 projek yang diteruskan dari RKN Ke-9.

3. Pengagihan peruntukan adalah berdasarkan kepada komitmen projek. Ianya lebih ditumpukan kepada komitmen projek-projek yang telah siap tetapi masih ada tanggungan, projek dalam pelaksanaan, projek yang menunggu *award* dan projek yang akan ditawarkan.

4. Selaras dengan komitmen dan perancangan-perancangan Kerajaan berdasarkan fokus dan keutamaan perbelanjaan Kerajaan sebagaimana yang kaola nyatakan semasa pembentangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2014/2015, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan:

   i. Bagi Harga Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 ditambah sebanyak kira-kira $1,657.9 juta kepada kira-kira $8,157.9 juta berbanding $6.5 bilion; dan

   ii. Bagi memenuhi keperluan tambahan projek-projek bagi RKN Ke-10 ini, peruntukan tambahan sejumlah $350 juta telah pun diperkenankan dalam Tahun Kewangan 2013/2014 ini menjadikan peruntukan keseluruhan yang disediakan bagi RKN 2013/2014 meningkat kepada $1.4 bilion berbanding $1,050 juta peruntukan asal yang diluluskan.

5. Pada Tahun Kewangan 2014/2015 ini:

   - Projek-projek siap disediakan peruntukan sebanyak $12.1 juta;
   - Projek dalam pelaksanaan disediakan sebanyak $677.5 juta (58.9%),
   - Manakala projek dalam peringkat tawaran diperuntukkan berjumlah $285.8 juta (24.9%);
   - Projek dalam peringkat reka bentuk disediakan $107.1 juta (9.3%); dan

- Bagi sektor-sektor yang akan berbelanja lebih dari peruntukan yang disediakan, sejumlah $37.5 juta (3.3%) akan disediakan di bawah Simpanan Gagasan, manakala Tajuk Rampaian dan Kemajuan Tapak disediakan masing-masing sebanyak $4 juta dan $6 juta.

6. Secara keseluruhannya, pengagihan peruntukan adalah mengikut beberapa sektor utama seperti berikut:

   i. **Sektor Perkhidmatan Sosial** terus diberikan pengagihan peruntukan yang terbesar sebanyak $336.8 juta (29.3%). Sektor ini akan menumpukan pada melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan Pendidikan, Kesihatan, Perumahan Negara dan Sumber Tenaga Manusia;

   ii. Peruntukan kedua terbesar disediakan bagi **Sektor Penggunaan Awam** berjumlah $266 juta (23.2%). Tumpuan sektor ini antara lainnya termasuk menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi, merawat kumbahan, pembetungan, pembaikan sistem saliran bagi pengawalan banjir dan penyediaan bekalan elektrik;

   iii. Diikuti dengan peruntukan sebanyak $226.6 juta (19.7%) bagi **Sektor Pengangkutan dan Perhubungan**. Sektor ini akan menumpukan kepada pelaksanaan projek-projek seperti Jalan Raya, Telekomunikasi, Penerbangan Awam dan lain-lain;

   iv. Sektor Rampaian disediakan sebanyak $47.5 juta (4.1%) dari jumlah keseluruhan projek;

   v. **Sektor Perindustrian dan Perdagangan** diperuntukkan sebanyak $118.4 juta (10.3%). Ianya adalah bagi melaksanakan beberapa projek perekonomian yang telah dikenal pasti untuk dikendali dan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan;

   vi. **Sektor Bangunan Awam** pula diperuntukkan sejumlah $55.9 juta (4.9%) iaitu bagi menaik taraf dan penyediaan bangunan-bangunan Kerajaan;

   vii. **Sektor Keselamatan** yang meliputi subsektor Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei akan disediakan sebanyak $50.6 juta (4.4%) dari jumlah keseluruhan;

   viii. **Sektor Teknologi Maklumat** dan Info-Komunikasi diperuntukkan sebanyak $31.5 juta (2.7%); dan

   ix. **Sektor Sains & Teknologi**, Penyelidikan & Pembangunan dan Inovasi diperuntukkan sebanyak $15.7 juta (1.4%). Ianya antara lain merangkumi peruntukan bagi *Research and Development* di bawah kawalan Majlis Penyelidikan Brunei *(Brunei Research Council).*

7. Pengagihan peruntukan tersebut diharap akan dapat menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan progresif dan berdaya tahan di sektor swasta bukan minyak dan gas. Ianya juga dihasratkan, secara keseluruhannya untuk mendukung usaha Negara dalam menjana pertumbuhan ekonomi dengan lebih rancak dan meningkatkan pencapaian yang berdaya tahan dan inklusif dari aspek sosioekonomi dan pembangunan yang dijangka akan menjana lebih banyak lagi peluang pekerjaan tetap dan berkualiti khususnya bagi rakyat dan penduduk Negara ini. Perkara ini adalah selaras dengan tema Belanjawan 2014/2015 iaitu **"Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan".**

8. Sehingga **15 Mac 2014,** perbelanjaan sebenar RKN 2013/2014 berjumlah $1,241.18 juta (118%) dari peruntukan sebanyak $1,050 juta yang telah disediakan. Perbelanjaan RKN Tahun Kewangan 2013/2014 ini dijangka meningkat kepada antara $1.3 bilion ke $1,350 juta.

9. Bagi memastikan pelaksanaan dan perbelanjaan projek-projek RKN dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan peruntukan yang telah diluluskan, pihak-pihak yang terlibat akan terus membuat pemantauan rapi dan memperkenalkan serta melaksanakan langkah-langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek.

10. Bagi mendukung usaha memperkembangkan ekonomi Negara, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan berterusan meneliti kesesuaian projek-projek yang dirancang dalam menyumbang secara berkesan kepada pertumbuhan sosioekonomi Negara di samping mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian, antara lainnya seperti berikut:

    i. Memastikan setiap projek/ pembelian yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan yang telah disediakan;

    ii. Berterusan meneliti keperluan projek-projek yang dirancang agar mana-mana projek yang tidak diperlukan dan tidak berkeutamaan ditiadakan bagi memberi laluan kepada projek-projek baru yang lebih utama bagi mencapai hasrat Wawasan 2035;

    iii. Mewujudkan pengawalan terhadap pengurusan kewangan dalam memastikan perbelanjaan melaksanakan mengikut jadual perancangan; dan

    iv. Meneliti skop dan spesifikasi pada projek-projek bagi memastikan penyediaan peruntukan adalah berdasarkan keutamaan dan *value for money*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah, yang dapat kaola sampaikan. Insya-Allah, apa-apa jua persoalan spesifik yang berkaitan dengan pelaksanaan bagi projek-projek yang telah dirancang nanti. Ianya, setentunya akan diperjelaskan oleh rakan-rakan sejawatan kaola di sini, selaku agensi-agensi yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek kementerian masing-masing, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan untuk berehat selama 15 minit, terima kasih.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dan masih lagi membincangkan Tajuk SP01A - Kemajuan. Sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan penjelasan yang terperinci terhadap tujuan-tujuan serta butir-butir peruntukan mengenai Projek-Projek Dalam Rancangan Kemajuan Negara dan ianya juga telah disentuh semasa membincangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan Tahun 2014/2015 yang dikemukakan pada awal persidangan ini.

Manakala, sebilangan besar dari projek-projek yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara ini, sudah pun dibahaskan secara terperinci dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan. Oleh yang demikian, saya berpendapat untuk mengelakkan perkara-perkara yang sama yang berkaitan dengan tajuk ini berulang-ulang kali ditimbulkan lagi, maka saya meminta kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada soalan-soalan yang hendak dikemukakan, biarlah perkara yang belum disentuh dalam perbincangan-perbincangan terdahulu. Sekarang, saya bukakan tajuk ini untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taalahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kerana memberi peluang kepada kaola untuk bercakap. Terlebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) atas mukadimah yang diberikan dengan jelas tadi.

Yang Berhormat Pengerusi, di sini, kaola hanya ingin memohon penjelasan mengenai Tajuk 10105 - Sektor Perubatan dan Kesihatan dalam Jadual Perbelanjaan Kemajuan Negara 2014/2015 di bawah sektor ini terdapat *item* bilangan 001 iaitu Wad Baru Perempuan dan Kanak-Kanak, Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan, fasa 1,

seperti yang terdapat pada muka surat 35 dalam Jadual. Mengikut apa yang tercatat di dalam *item* ini ialah, di bawah RKN ke-10, projek ini telah diberikan peruntukan sejumlah $47,100,000.00 dan baki yang tercatat dalam baki Tahun Kewangan Tahun 2014/2015 ialah minus $12,834,470.00 yang membawa erti terdapat perbelanjaan yang berlebihan sejumlah $12,834,470.00 (*over spending)*.

Semasa membincangkan peruntukan Kementerian Kesihatan semalam, kaola telah menimbulkan mengenai perkara ini. Dalam menjawab soalan kaola, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengatakan bahawa peruntukan yang kaola sebutkan ini adalah tidak tepat, kerana menurut penjelasan Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengikut *scheme value* pada awalnya, projek ini telah diberikan peruntukan sejumlah $60 juta dan perbelanjaan sejauh ini adalah $63 juta, iaitu bakinya sepatutnya $3 juta (*over spending)* ataupun perbelanjaan yang berlebihan hanyalah $3 juta. Ini jauh berbeza dari apa yang tercatat dalam Jadual Perbelanjaan Kemajuan ini.

Dari itu, kaola memohon penjelasan dari Yang berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri berhubung perbezaan jumlah peruntukan ini sama ada terdapat kesilapan dalam penyediaan Jadual ini? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin menjawab sekarang? Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, atas pertanyaan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Memang dalam Jadual yang kita lihat ini, Wad Baru Perempuan dan Kanak-Kanak, Kampung Kiulap mempunyai peruntukan sebanyak $47.1 juta. Jadual ini sebenarnya, adalah belum lagi termasuk seperti yang mana telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang harga rancangan telah ditambah $1.65 bilion. Jadi, sebab itulah, apabila kita menyelaraskan peruntukan $1.65 bilion itu, Wad Baru Perempuan dan Kanak-Kanak sebenarnya menpunyai harga peruntukan sebanyak $66.866 juta. Dari perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dilibatkan dan juga Peruntukan 2014/2015 baki Peruntukan bagi Rancangan Kemajuan Ke-10 bagi projek ini adalah $6.9 juta, bukannya minus $12.8 sebagaimana yang tercatat dalam Jadual yang awal, itu sahaja penerangannya Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Yang Berhormat

Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin menimbulkan mengenai peruntukan bagi Dana Pembangunan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana), walaupun ia sudah disebutkan pada sesi awal tetapi kaola rasa, perlu kaola timbulkan lagi sekali untuk mendapat penjelasan yang lebih khusus.

Alhamdulillah, satu jumlah besar kewangan telah diperuntukkan bagi Dana Pembangunan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) di bawah Tajuk 1004/002 yang berjumlah $100 juta dan bagi *SME Development* di bawah Tajuk 1029/004 berjumlah $60 juta. Nama kedua-dua peruntukan mempunyai pengertian yang lebih kurang sama, walaupun di bawah Tajuk-Tajuk Perbelanjaan dan Kawalan Agensi berlainan. Dari segi pelaburan ini merupakan jumlah yang banyak dan sudah tentu kita mengharap pulangan hasil yang memuaskan dan seperti yang dihasratkan. Soalan kaola:

i. Setelah lebih 2 tahun Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2012-2017 adakah sudah peningkatan yang ketara dalam perkembangan PKS di Negara ini?

ii. Apakah sukat-sukat yang digunakan untuk memastikan program atau skim yang dilaksanakan itu berkesan dan;

iii. Adakah dibuat pemantauan jangka panjang mengenai lepas-lepasan program Pembangunan PKS ini dan;

iv. Adakah badan khas diperlukan untuk membuat pemantauan, pencapaian usaha memperkembangkan PKS ini, memandangkan usaha ini adalah dilaksanakan oleh berbagai agensi-agensi Kerajaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Dalam soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, saya ucapkan terima kasih dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan satu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai perkara yang khusus tentang peruntukan $100 juta bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Saya berjanji hari itu, untuk menjawab semasa kita membincangkan peruntukan RKN.

Soalan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid peruntukan $100 juta tersebut sebahagiannya digunakan untuk skim-skim pembiayaan berbentuk pinjaman. Skim-skim pinjaman memang dikhususkan untuk orang Melayu termasuklah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam bagi memudahkan mereka bergiat aktif dalam aktiviti perekonomian.

Sebanyak 80% daripada 122 syarikat yang mendapat bantuan skim tersebut bagi tempoh 2010-2014 adalah milik pengusaha orang-orang Melayu, selebihnya bukan orang Melayu tetapi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Jumlah dana yang disalurkan kepada *SME*, sebelum ini dana ini dipanggil *Industrial Development Fund (IDF)* melalui dana bank tempatan sejak ia diperkenalkan pada tahun 1999 hingga kini telah mencapai dalam $71.97 juta. Ini termasuklah $20 juta tambahan yang diluluskan untuk dimasukan ke bank pada baru-baru ini. Manakala, jumlah pembiayaan secara *cumulative* sejak skim pinjaman diperkenlakan pada tahun 1999 hingga Disember 2013 mencapai $158.43 juta bagi 884 permohonan yang telah diluluskan. Jumlah ini merangkumi permohonan baru, permohonan pembiayaan, pengubahsuaian dan permohonan tambahan yang kebanyakannya aktif dalam sektor pertanian, perikanan dan pembuatan.

74% daripada jumlah perusahan yang mendapat pembiayaan adalah terdiri daripada perusahan baru dan selebihnya 26% adalah syarikat-syarikat yang sedia ada dan terus berkembang maju. Itu yang secara *detail* dengan pencapaiannya.

Syarikat-syarikat yang boleh dikatakan berjaya tersenarai di kementerian dan dipantau oleh BINA dan juga bahagian Pusat Perkembangan Keusahawan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Begitu juga, secara langsung menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, siapakah yang memantau secara panjang perkembangan PKS ini? Di samping Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui agensi-agensi yang berkenaan, agensi-agensi lain dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga memantau. Di samping itu perlu juga saya tekankan, dalam Rancangan Kemajuan Perkembangan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam ada menyebutkan secara khusus dalam memperkukuhkan kapasiti insititusi bagi meningkatkan keyakinan penubuhan dan pertumbuhan bisnes. Satu sistem perundangan yang mendukung ekonomi yang berdaya saing dan moden adalah penting. Sistem hak milik perundangan komersial akan seterusnya dikembangkan selaras dengan matlamat untuk menggalakkan kegiatan perusahaan yang adil dan produktif serta memudahkan penglibatan perusahaan tempatan dan *FDI* dalam agenda pembangunan ekonomi Negara.

Antara usaha-usaha Kerajaan, di samping memberikan kemudahan-kemudahan bantuan kewangan, ada juga usaha untuk meningkatkan kapasiti insititusi *(institutional capacity)* Kerajaan dan ekonomi Negara melalui

perundangan dan peraturan-peraturan yang dilakukan. Jadi perundangan dan peraturan, seperti mengadakan *standard-standard* yang diterima oleh antarabangsa juga sedang diusahakan di kementerian dan diharap ini akan dapat meningkatkan daya saing PKS Negara Brunei Darussalam. Ini saja yang dapat saya terangkan mengenai 2 soalan yang ditimbulkan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menambah saja maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengenai dana ini. Sebenarnya, dana ini juga digunakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi untuk membantu *PKS* ini juga, misalnya:

1. Ia ingin mengembangkan industri kreatif seperti skim-skim yang telah kaola terangkan dalam pembentangan kertas seperti Skim Perkembangan Produk dan Perkhidmatan Syarikat Tempatan *(Local Enterprise Application And Project Scheme);*

2. Menyediakan kemudahan seni kreatif *(craft)* melalui penubuhan Pejabat Seni Kreatif (*Creative Art Facilities*);

3. Program *Hackathon;* dan

4. Menyediakan dana *Accel-x* dengan peruntukan sebanyak $5 juta bagi menyediakan bantuan kewangan pada syarikat-syarikat baru dan berasaskan teknologi tinggi khususnya dalam bidang *ICT*, bidang berteknologi dan bidang kejuruteraan di Negara ini dan juga bagi membantu syarikat-syarikat baru yang hendak memulakan perniagaan ini.

Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SP01A – Kemajuan sekarang diundi. Siapa setuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Maka Tajuk SP01A – Kemajuan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SP01A – Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab 1, iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk Bab 1, iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2014/2015 dan akan **berkuatkuasa mulai 1 April 2014.**

Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa ini diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Bab 1, Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Bab 1, Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah selesailah sudah perbincangan di peringkat Jawatankuasa pada membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015, sekarang kita beralih balik kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang, kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara. Sebentar tadi, perbincangan di peringkat Jawatankuasa. Semua Tajuk dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015. Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) akan mencadangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 untuk dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah dipertimbangkan dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan. Saya memohon izin untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** supaya dibaca bagi kali ketiga.

Ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin menyokong terhadap cadangan ini? Sila angkat tangan.

(Yang Berhormat Menteri Pendidikan bangun berdiri tanda menyokong)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Alhamdulillah Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan tersebut telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain menyokong akan cadangan ini, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Oleh kerana semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka **Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015 diluluskan**. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II (Kedua): "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2014/2015 dan untuk memperuntukkan wang tersebut bagi maksud-maksud tertentu."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Alhamdulillah, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun menyelesaikan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan, 2014/2015.

Sekarang kita beralih ke Perkara VIII dalam Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Mulia Jurutulis II (Kedua): Perkara VIII - Ketetapan yang Pertama, iaitu Ketetapan Di Bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahmin. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan saya menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak dua puluh Perintah yang disenaraikan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebahagian dari perintah-perintah ini sudah pun berjalan pada tahun 2013 yang lalu, dan sebahagian lagi mula berjalan pada tahun ini. Kesemua perintah telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Perintah-perintah ini telah diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ianya berjalan dengan teratur.

Oleh kerana perintah-perintah ini telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka saya berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keterangan ringkas mengenai perintah-perintah yang saya sebutkan adalah seperti terdapat dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2014.

Oleh yang demikian, izinkan saya sekarang untuk mencadangkan Ketetapan yang berbunyi: **"Majlis ini membuat Ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Bilangan 1 Tahun 2014 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah-Perintah itu diluluskan".**

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mencadangkan sebuah **Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959.**

Ada antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin menyokong cadangan ini?

(Yang Berhormat Menteri Kesihatan bangun berdiri tanda menyokong)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya akan cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun mengemukakan **sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959** dan usul ini telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi, bahawa kebanyakan ataupun kesemua Undang-Undang yang disenaraikan dalam Kertas No. 1 Tahun 2014, telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebahagiannya telah pun berjalan dan berkuat kuasa.

Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu dibahaskan. Siapa yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Ketetapan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II (Kedua): Perkara VIII - Ketetapan yang Kedua di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya mohon izin di dalam Dewan yang mulia ini, untuk mencadangkan bahawa "**Majlis ini dengan ini membuat ketetapan, seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136), bahawa perbelanjaan sejumlah $1,150,000,000 (Seribu seratus lima puluh juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud yang dinyatakan di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2014/2015, dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2014."**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Butir-butir perbelanjaan kemajuan dalam tahun tersebut ada dinyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2014.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telah pun diluluskan dengan tiada pindaan. Maka, saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangkan.

Dari itu, saya sukacita mencadangkan supaya **Majlis ini menetapkan**

menurut Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136), supaya perbelanjaan sejumlah $1,150,000,000 (Seribu seratus lima puluh juta ringgit) itu dibenarkan untuk diperuntukkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Anggaran-Anggaran Perbelanjaan pada Tahun Kewangan 2014/2015 yang terbentang sebagai Kertas No. 2 Tahun 2014.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136).

Adakah antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin menyokong cadangan ini?

(Yang Berhormat Menteri Kesihatan bangun berdiri tanda menyokong)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan **sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) Negara Brunei Darussalam** dan usul ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sebagaimana yang dinyatakan tadi, bahawa semua peruntukan wang kemajuan ini telah pun diluluskan dalam Persidangan Jawatankuasa. Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu lagi dibahaskan.

Siapa yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Ketetapan ini diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi, telah meluluskan **"Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 yang akan mula berkuatkuasa pada 1 April 2014.** Begitu juga dengan **Ketetapan-Ketetapan Perkara 8, iaitu Ketetapan di bawah Fasal 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959",** dan **"Ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136)"**, telah selesai diluluskan.

Sekarang, kita beralih kepada Susunan Kerja seterusnya, iaitu Ucapan Penangguhan. Seramai 17 orang Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, telah memberikan Notis untuk bercakap. Sebelum itu, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara, Bilangan 35 Ceraian 4, bahawa Ahli-Ahli hanya dibenarkan bercakap tidak lebih daripada 10 minit, kalau kurang dari itu lebih baik. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan mematuhi Peraturan-Peraturan tersebut. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Perkara IX, Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ucapan Penangguhan Pertama akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua kita telah pun dapat bersidang selama 13 hari dan dapat pula meluluskan beberapa akta penting, khususnya Akta Perbekalan 2014/2015. Dengannya, insya-Allah, akan membolehkan Kerajaan untuk melaksanakan Rancangan Pembangunan Negara, meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial serta menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terlebih dahulu kaola dengan penuh hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana telah dapat memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, dengan penuh kebijaksanaan dan dapat pula berjalan dengan

efisien dan lancar dalam suasana yang penuh harmoni.

Di kesempatan ini, kaola bagi mewakili rakan-rakan Ahli-Ahli Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana sepanjang memimpin persidangan ini, telah memberikan peluang luas dan saksama kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik, untuk mengemukakan pengamatan, pandangan dan soalan dan kepada ahli-ahli dari pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan dan jawapan.

Saya juga sukacita merekodkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli di Majlis ini, kerana dalam tempoh sesi perbahasan dan perbincangan, kita telah dapat mencerminkan kedewasaan dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita dalam semangat bermuzakarah, penuh muhibah, hormat-menghormati dan berlapang dada, sesuai dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Dalam meneliti dan membincangkan Rang Peruntukan bagi Kementerian-Kementerian, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan berbagai perkara, merangkumi dasar dan juga rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian-kementerian, yang telah pun mendapat penjelasan dan penghuraian. Sungguh pun demikian, sebahagian daripada perkara itu adalah berkaitan dengan isu dan masalah-masalah pentadbiran yang telah disalurkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang menggambarkan masalah dan isu anggota masyarakat setempat. Tidak dapat dinafikan, bahawa ini adalah juga perkara yang berkaitan dengan kesejahteraan yang juga perlu kita pantuni.

Walau bagaimanapun, kita mengalu-alukan, jika perkara-perkara ini akan dapat secara langsung dihadapkan ke jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian yang berkenaan, supaya ianya akan dapat diselesaikan dengan lebih awal lagi. Saya percaya, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, akan bersedia untuk memberikan kerjasama dan bantuan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya percaya pengamatan, pandangan serta isu-isu yang dibawa ke Majlis Mesyuarat Negara ini, amat berguna sebagai maklumat maklum balas kepada pihak Kerajaan dalam usaha melaksanakan dasar serta rancangan-rancangan yang sedang berjalan untuk mencapai tujuan dan matlamat kita bagi memajukan perkembangan ekonomi Negara, menjana kemakmuran Negara serta memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduknya.

Demikian juga, saya berharap, penerangan dan penjelasan yang disampaikan di Majlis ini akan berguna dan bermanfaat, bukan sahaja kepada kita di Majlis ini tetapi kepada rakyat dan penduduk Negara dalam

mengetahui dan memahami akan status atau kedudukan sesuatu rancangan.

Suatu perkembangan yang sangat menggalakkan dan kita hargai ialah inisiatif Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, mengadakan Sesi Muzakarah dengan Kementerian-Kementerian, sebelum berlangsungnya Majlis Mesyuarat Negara ini, yang saya percaya memberikan peluang untuk mengetahui dengan lebih dekat dan terperinci akan rancangan-rancangan Kerajaan. Dalam waktu yang sama menjadi wahana untuk menyampaikan masalah dan kemusykilan rakyat dan penduduk Negara ini.

Sekiranya jalinan kerjasama dan permuzakarahan ini dapat dilaksanakan secara berterusan, saya percaya kita akan dapat memanfaatkan perbahasan di Majlis ini dengan lebih baik lagi untuk menumpukan lebih banyak pemikiran kepada isu-isu yang lebih strategik, sebagaimana juga yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu bagi Persidangan Majlis ini, menjadi wadah strategik yang berperanan untuk memikir, membahas serta membuat sokongan-sokongan yang terbaik bagi faedah pembangunan Negara supaya kekal menjadi Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada hemat saya dalam tempoh 13 hari kita berbincang, kita masih belum sepenuhnya mendekati dan memfokuskan pemikiran dan perbincangan kita kepada perkara-perkara asasi dan penting yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri semasa membentangkan Anggaran Belanjawan Negara 2014/2015 khasnya, menghuraikan tema Belanjawan tahun ini "Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan".

Persidangan kita akan berakhir di sini, tetapi ini hanyalah titik tolak ataupun langkah pertama dalam perjalanan atau kembara panjang kita untuk membangun pembangunan ekonomi yang *sustainable* khasnya dalam menghadapi cabaran-cabarannya. Pihak kerajaan umpamanya, telah meneliti dan menyediakan dasar-dasar yang munasabah dan mewujudkan program-program dan ekosistem yang *pro-business* dan *pro-investment*, maka kita sewajarnya bersama-sama dapat menggerakkan rancangan-rancangan yang boleh menjana pembangunan ekonomi kita.

Dalam hubungan ini, kita juga perlu menyedarkan masyarakat bahawa kebergantungan pada Kerajaan semata-mata adalah tidak *sustainable* atau berdaya tahan dalam jangka panjang. Kita sama-sama memahami bahawa jumlah tenaga manusia dalam sektor perkhidmatan awam di Negara ini adalah yang tertinggi di rantau *ASEAN*,

nisbah kepada penduduknya. Hanya dalam bidang profesion tertentu, kemampuan Kerajaan untuk menampung pekerjaan akan juga semakin kincup. Inilah contoh salah satu cabaran dan agenda utama yang perlu kita tangani, meneroka bidang-bidang yang boleh menjana atau mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik termasuk pengakuan dari Ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat dan penduduk Tionghoa atas sokongan padu, berdiri teguh mendukung projek utama Negara dalam melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dan untuk terus bersama Kerajaan maju ke hadapan tanpa mengira apa jua reaksi orang lain dan orang luar mengenainya.

Oleh itu, kita selaku Ahli di Dewan yang mulia ini, sekali lagi ingin menyembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi, tetap berdiri teguh di belakang Baginda dalam melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 pada menegakkan suruhan Allah Subhannahu Wata'ala, semoga kita dan Negara kita akan memperolehi keberkatan.

Melihat bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik merupakan tokoh-tokoh berpengaruh, maka sumbangan dan peranan Ahli-Ahli Yang Berhormat amat diharapkan dalam sama-sama memberigakan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara ini, bersatu padu menyokong langkah bijaksana melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 sebagai tanggungjawab kita dan menangkis apa jua tohmah atau kritik mengenainya.

Insya-Allah, berkat usaha dan keyakinan teguh kita kepada perintah Allah Subhanahu Wataala dan berkat daulat kepimpinan Raja yang kita sanjungi, Negara Brunei Darussalam akan terus-menerus menikmati keselamatan, keamanan, kesejahteraan serta kemakmuran yang berpanjangan. Amin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka kaola berdiri di sini untuk mengusulkan agar Persidangan Majlis Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara 2014 ini ditangguhkan.

Sebelum mengakhiri ucapan penangguhan ini, saya sukacita merekodkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan dan Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan seluruh kakitangan Majlis Mesyuarat

Negara yang telah menyediakan persiapan-persiapan sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dengan penuh efisien dan dengannya melancarkan lagi perjalanan Persidangan Majlis Mesyuarat ini. Sesuai dengan tema Anggaran Belanjawan 2014/2015 "Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan." Marilah kita renungkan bersama petikan Syair Perlembagaan Negeri Brunei yang dihasilkan sendiri oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, yang berbunyi:

Perundingan dibawa ke Majlis Mesyuarat,
Meminta fikiran serta isyarat,
Daripada saudara, rakan sejawat,
Iaitu Ahli Majlis Mesyuarat.

Perbincangan bertambah hangat dan tegang,
Sebelah menyebelah berhati takang,
Pegangan teguh tiada langkang,
Soal bersoal, bangkang-membangkang.

Perundingan Negara bukannya mudah,
Hendaklah hati kuat dan tabah,
Supaya maksud tiada berubah,
Negeri dan rakyat mendapat faedah.

Sekian, Wabilahi Taufik Walhidayah, Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan penangguhan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola bagi pihak diri kaola dan bagi pihak rakan-rakan kaola Ahli Yang Dilantik Dikalangan Orang-Orang Yang Bergelar, memohon izin untuk menyampaikan ucapan penangguhan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan sukacitanya, kaola ingin menarik perhatian Dewan mengenai undang-undang yang digelar Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang telah digazetkan pada 20 Oktober 2013. Kaola dengan ikhlas sukacita memberi pandangan dan cadangan sempena pengisytiharan sokongan terlaksananya Undang-Undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah di Negara Brunei Darussalam.

Bandar Brunei, itulah nama ibu negeri Brunei, suatu masa dahulu di zaman pemerintahan Sultan Brunei yang ke-28, iaitu Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, setelah Baginda turun dari takhta pemerintahan Baginda bergelar Paduka

Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Pada tahun 1970, nama Bandar Brunei ditukar kepada nama Bandar Seri Begawan, ibu negeri Negara Brunei Darussalam mengambil sukut nama gelaran Baginda. Baginda diberi julukan sebagai "Arkitek Brunei Moden". Agama Islam dijulang tinggi, Perlembagaan Negara digubal, pendidikan dan kebajikan diutamakan, keselamatan Negara dipelihara serta Negara dan rakyat jelata dikalinga. Warga Emas menikmati Pencen Tua bulanan tidak mengira bangsa dan agama hingga sekarang.

Kesinambungan pentadbiran semasa pemerintahan Baginda itu semakin menyerlah maju dan berkembang di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-29.

Pada 15 Julai 2012, Negara Brunei Darussalam melakar satu sejarah besar apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dari Singgahsana di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang Ke-66. Baginda memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam. Titah Baginda itu dicatatkan sebagai Peristiwa Penting Pemerintahan Beraja dalam zaman kepimpinan Baginda selaku Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam jangka waktu 15 bulan kemudian, pada 22 Oktober 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan semasa Baginda bertitah di Perasmian Majlis Ilmu 2013 di Pusat Persidangan Antarabangsa seperti berikut:

"Dengan izin Allah jua, Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah mula digazetkan pada hari ini, 22 Oktober 2013 dan akan mula berkuat kuasa 6 bulan selepasnya secara berfasa"

Untuk mengambil sukut pengisytiharan Baginda yang diumumkan secara langsung dari atas singgahsana Istana Nurul Iman yang tersenggam indah tidak jauh dari Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan, maka saya berdiri dalam Dewan yang mulia ini dengan mendahulukan kalimat "Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar." Saya dengan izin Allah jua, mencadangkan Pusat Bandar dinaik taraf, diangkat menjadi mercu tanda kegemilangan Negara. Bersempena pengisytiharan

terlaksananya Undang-Undang Kanun Hukuman Jenayah Syariah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bersejarah ini akan jadi ingatan sepanjang zaman oleh anak cucu-cicit kita pada masa hadapan.

Cadangan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal berhubung pembinaan Bangunan Majlis Ugama Islam. Bangunan ini sangat-sangat bersesuaian dibina dalam kawasan Pusat Bandar juga sebagai mercu tanda kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Saya juga mencadangkan supaya titah pengisytiharan perlaksanaan Undang-Undang Kanun Hukuman Jenayah Syariah di Negara Brunei Darussalam ditulis dengan "Tinta Emas" di atas batu mar-mar, dipasang di tempat yang paling bersesuaian seperti Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan atau di kawasan atau dalam Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, atau di kawasan ataupun dalam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan atau dalam Bangunan Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan untuk tatapan rakyat jelata Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini, di Pusat Bandar masih terdapat beberapa buah bangunan perniagaan yang sudah lama dibina pada tahun-tahun 50-an yang menjadi satu perbezaan yang amat ketara dari bangunan-bangunan yang lebih moden di sekelilingnya. Bangunan-bangunan ini yang saya ketahui dipunyai oleh orang-orang kitani Brunei. Saya percaya dan yakin, dengan semangat kebruneian, mereka akan menyokong penuh dan bersetuju untuk meroboh dan membina baru dengan reka bentuk yang melambangkan ciri-ciri keislaman, calak Brunei selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Termasuklah juga mana-mana bangunan yang boleh diubah suai. Perubahan ini kita lakukan semata-mata bagi menyesuaikan dan menepati tujuan kita menjadikan Pusat Bandar mercu tanda kegemilangan Negara.

Saya juga berharap, ketua-ketua jabatan Kerajaan berkenaan akan dapat berbincang dengan pihak-pihak bangunan tersebut mengenai cara terbaik untuk melaksanakan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan mereka itu seperti yang dicadangkan.

Saya tidak terlepas pandang akan keadaan Tamu Kianggeh pada masa ini yang merupakan salah satu destinasi sering dikunjungi oleh pelancong asing. Kata orang "inda sah lawatan mereka ke Brunei jika mereka tidak pergi ke Tamu Kianggeh". Untuk menyesuaikan tamu ini yang berkemungkinan terletak dalam kawasan Pusat Bandar, maka di sini saya mengambil kesempatan merayu kepada kementerian berkenaan, sudah sampai masanya Tamu Kianggeh ini ditukar wajah kepada reka bentuk bangunan yang moden melambangkan

ciri-ciri keislaman dan Negara Melayu Islam Beraja.

Semasa dialog dan muzakarah bersama Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada awal bulan Februari yang lalu, Ahli-Ahli di sebelah sini diberi taklimat mengenai pembinaan 2 buah jambatan ke Daerah Temburong dan Jalan Residency ke Sungai Kebun. Saya merasa bangga dan sukacita apabila mendengar penerangan mengenai reka bentuk jambatan ini akan melambangkan ciri-ciri keislaman dan kebruneian. Dengan terbinanya 2 buah jambatan ini nanti akan menaikkan lagi imej dan menambahkan serinya Pusat Bandar. Lebih-lebih lagi pada waktu malam dengan limpahan cahaya lampu yang berkilauan menerangi dan menghiasi permukaan Sungai Brunei hingga ke Pusat Bandar.

Perasaan saya kepada cadangan untuk menjadikan Pusat Bandar sebagai mercu tanda kegemilangan negara semakin kuat dan yakin apabila saya dan rakan-rakan mendengar sesi taklimat oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menyentuh mengenai rancangan Bandar Seri Begawan akan diubah wajah yang akan dihiasi dengan struktur bangunan-bangunan bernilai tinggi dengan mengekalkan kehijauan pada persekitaran sesuai dengan gelaran Bandar Dalam Taman *(City In The Garden).*

Mengekalkan ciri unik Negara ini melalui konsep falsafah Melayu Islam Beraja termasuklah membisaikan persekitaran Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang terletak di tengah-tengah Pusat Bandar.

Kaola juga berkesempatan menghadiri Sesi Dialog dan Muzakarah bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Antara taklimat yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap ialah tentang projek-projek pembinaan sekolah-sekolah agama dan masjid-masjid di seluruh Negara. Reka bentuk bangunan-bangunan itu ditunjukkan melalui skrin televisyen melambangkan bentuk ciri-ciri keislaman sesuai dengan konsep Negara kitani Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Menaikkan lagi imej dan nilai tambah kepada Pusat Bandar.

Saya faham dan menyedari, bukan perkara yang mudah untuk melaksanakan cadangan. Kita tidak ada mempunyai Lampu Aladdin tetapi perancangan awal ini jika kita mula sudah memikirkan, mengkaji, mula berbincang mengenainya dan pelaksanaannya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Marilah kita sama-sama berdoa memohon restu kehadrat Allah Subhanahu Wataala semoga hasrat dan niat kita untuk menaikkan taraf Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan menjadi mercu tanda kegemilangan Negara akan menjadi kenyataan demi kesejahteraan rakyat, kemakmuran, keamanan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam yang sedang menuju Wawasan Negara 2035, insya-Allah kalau ada izin kaola ingin membawakan beberapa rangkap pantun.

Yang Berhormat Pengerusi: Berapa lama akan mengambil masa. Ini sudah 11 minit Yang Berhormat bercakap. Baik patuhi peraturan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Kalau begitu, itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi, ucapan penangguhan daripada kaola dan rakan-rakan kaola, sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik yang kaola hormati. Kaola terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggin tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah berjaya memimpin dan mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir.

Dengan rahmat dari Allah Subhanahu Wataala serta kepimpinannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, alhamdulillah persidangan yang berjalan selama 13 hari telah berjalan tanpa sebarang permasalahan. Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet kerana bersikap sabar dalam mendengar dan menjawab soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini kaola hanya ingin mengulas sedikit berhubung jawapan yang diberikan mengenai jawatan dalam Pasukan Bomba dan Penyelamat yang tidak lagi berpencen. Mengenai perkara ini, kaola menyarankan supaya pihak-pihak berkenaan untuk merujuk semula Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 22/1992 yang bertajuk Pelaksanaan Skim Tabung Amanah Pekerja. Menurut Surat Keliling tersebut, melalui perenggan 5, 6 dan 7 telah menjelaskan dan menerangkan kedudukan perkhidmatan-perkhidmatan yang berpencen sebelum bulan Januari 1993 seperti perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penjara.

Dalam pada masa yang sama, jikapun timbul kemusykilan terhadap kedudukan anggota-anggota yang mula berkhidmat selepas Tabung Amanah Pekerja (TAP) dilaksanakan maka kedudukan anggota-anggota bomba yang telah mula berkhidmat sebelum TAP dilaksanakan sepatutnya tidak menimbulkan sebarang kemusykilan kerana ia juga telah dijelaskan dalam perenggan-perenggan yang kaola sebutkan tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan alasan yang dikatakan bahawa perubahan berlaku pada jawatan pasukan bomba adalah disebabkan peraturan. Kaola sekali lagi ingin mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena hari keputeraan Baginda yang ke-67 tahun pada tahun lepas. Baginda bertitah supaya kebajikan anggota keselamatan dipantau dan diperhatikan selalu.

Baginda juga bertitah:

"Sebarang peraturan yang boleh menjejaskan kepentingan-kepentingan asasi mereka dan keluarga mereka, jika ada, hendaklah direvise dan cepat-cepat diperbaiki".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan perkara ini, kaola menyambut baik rancangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meneliti dan akan menjadikannya sebagai aktiviti Kementerian pada tahun ini. Kaola amat berharap perkara ini akan dapat dicari penyelesaian dengan seberapa segera kerana ianya telah berlaku sejak 1993 iaitu kira-kira 21 tahun yang lalu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini kaola juga tidak lupa mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jabatan Majlis Mesyuarat Negara kerana memberi bantuan dan kemudahan-kemudahan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai penutup kaola memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet serta rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, jika terdapat perbuatan yang kurang sopan dan perkataan yang menyinggung perasaan yang tidak disengaja. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan seterusnya daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik yang saya hormati.

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurnianya juga serta dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah mempengerusikan dan memimpin kesemua pemesyuaratan di Majlis Mesyuarat Pertama Musim Pemesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara mulai pada hari Khamis 6 Mac 2014, Istiadat Perasmian Mesyuarat hingga ke hari ini, 22 Mac 2014 telah berjalan dengan lancar dan sempurna. Kaola ucapkan

setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah.

Kaola ingin juga memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik atas kebijaksanaan mereka yang membolehkan permesyuaratan berjalan dengan lancar dan baik. Di Dewan yang mulia ini juga kita dapat membahaskan pandangan, pendapat dan cadangan selain dapat menyelesaikan masalah-masalah atau isu-isu demi kepentingan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahlli-Ahli Yang Berhormat. Rakyat meletakkan penuh keyakinan apa yang dirancangkan oleh kerajaan pada masa ini dan juga masa yang sebelumnya akan dapat memenuhi hasrat dan cita-cita kita untuk mencapai taraf sebuah Negara yang makmur, aman dan sejahtera. Bagi mencapainya, kita memerlukan keazaman yang kental, dedikasi, cekap, jujur dan amanah supaya hasrat mentransformasikan Negara ini bagi mencapai Wawasan 2035 dengan cemerlang yang ianya adalah asas kepada pembentukan Negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita sudah berada di separuh penggal Rancangan Kemajuan Negara yang Kesepuluh. Rancangan ini, akan berakhir pada tahun 2017, kaola yakin rancangan yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Kesepuluh ini dapat dilaksanakan dengan baik dan projek-projek yang diluluskan dapat diselesaikan sebelum memasuki Rancangan Kemajuan Negara yang Kesebelas selaras dengan misinya yang bertemakan Pengetahuan Inovasi Meningkatkan Produktiviti dan Mempercepatkan Pertumbuhan Ekonomi, dengan peruntukan bagi rancangan ini berjumlah $6.5 bilion.

Alhamdulillah, melalui siaran akhbar pada 7 Februari 2014, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyatakan prasarana pembangunan telah pun mencapai sasarannya 47%. Kaola percaya, kementerian-kementerian yang lain juga memerlukan penilaian pencapaian masing-masing yang pentingnya ialah peruntukan sebanyak $6.5 bilion ditambah dengan peruntukan tambahan sebanyak $1.65 bilion dapat digunakan semaksimumnya, mungkin efisien dan menepati sasaran yang ditetapkan bagi mengelak dari perbelanjaan dan projek yang tertangguh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menyentuh Projek Tutong *Development Plan* yang disediakan oleh *Integrated Environmental Consultant* dan ditaklimatkan pada 28 Julai 2009. Projek tersebut termasuklah cadangan menambah baik prasarana dan juga beberapa program yang meliputi sosioekonomi *municiplality to city,* eko-pelancongan, *housing scheme,* perusahaan dan perniagaan. Ini juga termasuk penyusunan semula bangunan-bangunan Kerajaan dengan membangun kompleks jabatan yang

baru. Sudah lima tahun berlalu, kaola percaya perkara ini telah diteliti serta kajian terperinci dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian, rakyat di Daerah Tutong ini masih ternanti-nanti apakah keputusan yang diambil oleh pihak Kerajaan kerana projek tersebut memakan belanja yang besar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Melalui akhbar "Media Permata" keluaran 5 Februari 2014, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan terdapat 20,000 pelajar lepasan sekolah masih mencari pekerjaan. Jika gambaran ini tepat, maka ini amat membimbangkan. Semua agensi yang berkenaan hendaklah mencari jalan untuk mengatasi masalah ini dan melibatkan masa depan kalangan belia. Kerajaan menjanjikan 50,000 peluang pekerjaan di sektor tenaga menjelang 2035 di samping peluang-peluang pekerjaan di sektor lain.

Bagi mencapai jumlah tersebut di atas, apakah persediaan awal bagi persediaan kemahiran yang diperlukan? Selain itu, kita perlu membuat kajian, sama ada betul belia kita memilih pekerjaan atau latihan tidak selari dengan pekerjaan yang ditawarkan? Jika masalah tersebut bukan disebabkan memilih perkerjaan maka pihak Kerajaan hendaklah meninjau semula dasar-dasar pekerjaan yang ada sekarang dan mengambil kira jawatan-jawatan yang dijawat oleh pekerja-pekerja luar negara yang patutnya boleh dijawat oleh anak Brunei.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis, 6 Mac 2014:

"Sudah tiba masanya untuk negara melahirkan ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan"

Kaola berharap kontraktor-kontraktor dan konsultan-konsultan tempatan dilibatkan dan diberikan peluang sama-sama dengan kontraktor-kontraktor asing dalam melaksana dan menjayakan projek-projek mega seperti pembinaan Jambatan Daerah Brunei Muara-Temburong dan lain-lain.

Begitu juga, menggalakkan peniaga-peniaga tempatan bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha luar negara menerusi pelaburan asing langsung dan bentuk pelaburan yang lain. Dalam Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh, Kerajaan menyediakan $100 juta bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan usahawan dari kalangan anak-anak tempatan dan bumiputera. Pembentukan keusahawanan dari kalangan anak-anak tempatan untuk

berjaya dalam bidang perniagaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana mestilah komitmen yang bersungguh-sungguh dari pihak Kerajaan dan usahawan. Antara perkara yang perlu diambil kira adalah seperti berikut:

a. Peruntukan dana yang mencukupi dan mudah didapati;

b. Menyediakan peraturan-peraturan dan undang-undang yang mudah;

c. Memudahkan pengurusan untuk mendapatkan kebenaran dan kurangkan birokrasi;

d. Pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan yang terlibat dalam pemberian kebenaran hendaklah probisnis supaya setiap permohonan dapat dikeluarkan secepat mungkin;

e. Pemantauan dan juga pembanterasan *Ali Baba* untuk menggalakkan pemegang lesen yang membuat aktiviti perniagaan; dan

f. Latihan kemahiran yang bersesuaian di bidang perusahaan yang akan diceburi dan membimbingnya sehingga berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pembangunan prasarana di Daerah Tutong boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan 15 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, kaola rasa, beberapa keperluan yang lain perlu dipertingkatkan sesuai dengan pembangunan di daerah ini, lebih-lebih lagi apabila kawasan Bandar Tutong diperluaskan.

Kaola juga menyarankan dan berharap bangunan-bangunan yang lama dan bersejarah di daerah ini akan dikekalkan, sebagai contoh Pejabat Daerah yang lama yang pada masa ini digunakan oleh Jabatan Mahkamah Daerah Tutong, dicadangkan bangunan ini diperbaiki dan dijadikan Galeri Daerah Tutong.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Banyak lagi? Sudah 10 minit Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdulllah bin Haji Mohd. Jaafar: Seminit lagi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah selama 13 hari kita berbincang di Dewan yang mulia ini, banyak penjelasan bagi soalan dan keraguan kita diketengahkan. Semoga pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian dan tindakan yang bersesuaian.

Bagi mengakhiri ucapan kaola di Dewan yang mulia ini, kaola mengambil kesempatan ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan memohon maaf seandainya terdapat kesilapan bahasa di Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan dengan izin Allah Subhanahu Wataala kita berjumpa lagi di mesyuarat yang

akan datang. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan penangguhan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya juga kita sihat dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari yang ketiga belas dan diteruskan dengan Ucapan Penangguhan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin mesyuarat Negara dengan tegas dan cemerlangnya. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Khamis 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi di Dewan yang mulia ini, antara inti pati tumpuan:

- Hendaklah diberikan kesejahteraan kepada para pekerja sektor swasta supaya perkembangan dan produktiviti di sektor swasta dapat menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi Negara ini, melaksanakan berbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan di Negara ini sambil memastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian sewajarnya. Justeru itu penubuhan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), Persaraan Caruman Tambahan (SCP), pewujudan Skim Tabung Perumahan dan sebagainya.

- Melaksanakan dan mengurangkan kadar cukai eksais bagi beberapa kenderaan yang berkapsiti rendah dengan tujuan mengurangkan kos sara hidup dan juga faedah golongan berpendapatan rendah.

- Begitu juga menyarankan para belia sangat perlu berusaha gigih untuk meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan bagi menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk berdaya saing. Berulang-ulang kali Baginda

mengingatkan kita membangun tanpa semata-mata bergantung pada hasil eksport minyak dan gas.

- Juga dititahkan, Kerajaan akan terus mengukuhkan stabiliti mikro ekonomi melalui perbelanjaan berhemah yang mengutamakan *value for money and* akauntabiliti".

- Di samping itu, Baginda juga bertitah usaha untuk mempelbagaikan akitiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan Negara. Maka perkhidmatan awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan Negara ini *pro business,* terutama untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana.

- Satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah $1.65 bilion diperkenankan oleh Baginda. Negara ini dan penduduknya haruslah juga bersyukur dan berbangga kepada keprihatinan Baginda untuk melihat pembangunan Negara ini terus berjalan Baginda memperkenankan, mempelbagaikan dan menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk pelaburan besar meliputi kemudahan infrastruktur yang bekeperluan.

- Satu lagi projek utama Negara ialah Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Nyatanya semua Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini telah menyembahkan taat setia bagi menyokong seratus peratus hasrat murni Baginda itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola berharap usul-usul, saranan-saranan dan cadangan-cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat sampaikan selama 13 hari di Dewan yang mulia ini, akan dapat dikaji semula atau dibuat penyelidikan dan pemastian untuk faedah menjurus *pro business* atau bagi amalan yang terbaik hendaklah diperhatikan, diselesaikan atau diuruskan dengan sebaik mungkin.

Kaola ulangi lagi, perkara-perkara yang kaola sentuh untuk ingatan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini iaitu menyediakan rumah sewa untuk guru-guru dengan secukup-cukupnya bagi 500 orang yang memohon dan memudahkan mereka mendapatkan rumah-rumah sewa yang selesa, memberikan kebenaran menggaji kakitangan asing seperti setiausaha dan akauntan bagi mengukuhkan tulang belakang satu organisasi, meningkatkan pekerja-pekerja minyak dan gas yang terbaik dan mahir dalam bidang kerjaya mereka untuk menjadi *entrepreneur* (usahawanan) yang cemerlang.

Mengkreatifkan nama jawatan pembersih, kepada nama yang menarik minat bakal-bakal pencari kerja supaya dapat diminati oleh banyak pencari kerja dengan mengangkat skim mereka lebih *merit* dengan misi Bandar Seri Begawan selaras dengan perkhidmatan

caj bagi kesempurnaan perkhidmatan pembersihan Bandar.

Memudahkan persijilan halal dan mengurangkan kerja-kerja yang duplikasi bagi menyokong ke arah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghala kepada *pro business*.

Dari petikan titah Baginda secara tidak langsung mahukan Negara Brunei Darussalam berkecimpung dalam mempelbagaikan ekonomi bagi melaksanakan persediaan untuk tidak sama-sama bergantung pada hasil minyak dan gas sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ucapan penangguhan kaola ini mengharapkan kita semua akan menghayati dan bergerak ke depan dengan panduan saranan-saranan yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Rasmi Majlis tempoh hari yang lalu. Sebelum kaola mengakhiri ucapan kaola ini, kaola memohon maaf kiranya ada kesilapan yang kaola sampaikan dan hingga pada tahun yang akan datang kita akan berjumpa lagi. Sekian, terima kasih, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah dapat berjalan dengan lancar serta keadaan Negara dalam aman, damai dan sejahtera. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah pada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah mengendalikan Mesyuarat Negara Kesepuluh ini dengan efektif serta membuahkan hasil yang positif dan dalam suasana yang harmoni.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam era globilisasi ini, persaingan antara negara adalah satu realiti. Setiap negara biasanya akan dikaitkan dengan indeks kedudukan dalam berbagai faktor dan kriteria. Antaranya ialah indeks pendidikan, indeks universiti dan seterusnya menjurus kepada indeks

kedudukan yang lebih menyeluruh seperti indeks pembangunan manusia *(human development index)* dan indeks persaingan global *(global competitive mass index).*

Pada lazimnya, negara-negara dunia akan melaksanakan polisi-polisi dan membuat pelaburan yang bersesuaian yang akan dapat menaikkan prestasi pendidikan. Persekitaran fizikal dan persekitaran perniagaan agar ianya mempunyai daya saing yang unggul dan produktiviti yang tinggi serta sumber-sumber perniagaan yang berkualiti. Apa yang ketara ialah kebanyakan indeks kedudukan ini adalah berhubung kait antara satu sama lain. Antara penunjuk utama *(leading indicator)* sebagai prestasi negara ialah berkenaan dengan tahap pendidikan dan pencapaian pembelajaran, serta pelaburan yang dibuat untuk meningkatkan produktiviti.

Oleh itu, kalau kita mahu mempunyai sumber tenaga manusia yang berkebolehan tinggi, kita hendaklah berusaha meningkatkan kedudukan *PISA* Negara dan menjadikannya antara yang teratas di dunia. *PISA (Program for International Student Assessment)* yang menilai sistem pendidikan dengan menguji kemahiran dan pengetahuan pelajar berusia 15 tahun. Kalau kita mahu meningkatkan produktiviti dan inovasi, kita hendaklah berusaha meningkatkan tahap pencapaian universiti-universiti tempatan dalam indeks kedudukan universiti sedunia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kita bersyukur dan berbangga kerana Kerajaan telah membuat pendekatan yang menyeluruh dalam pembangungan modal insan iaitu berlandaskan falsafah Negara Melayu Islam Beraja, berkonsepkan Negara Zikir dan melaksanakan pembelajaran agama wajib.

Seterusnya Kerajaan telah melaksanakan berbagai inisiatif antaranya:

1. Menjadikan pencapaian dalam bidang pendidikan sebagai komponen penting dalam Wawasan 2035. Mengutamakan pendidikan dan pembangunan sumber manusia dalam Belanjawan Kerajaan dari setahun ke setahun;

2. Rang Perbekalan 2014/2015 telah menyediakan peruntukan yang besar untuk mempertingkatkan pendidikan dan membiayai pelbagai skim di bawah Program Dana Pembangunan Sumber Manusia;

3. Melalui Kementerian Pendidikan Kerajaan telah membuat perancangan dan Program Strategik dalam bidang pendidikan, seperti pelaksanaan SPN21, *Ministry of Education Servant Rent Initiatives* dan inisiatif-inisiatif yang lain yang mengutamakan amalan-amalan terbaik;

4. Menubuhkan badan khas tenaga manusia yang berperanan untuk menggubal dasar-dasar dan perancangan sumber manusia Negara; dan

5. Setakat ini, Jabatan Tenaga telah menyediakan *Industry Competency Framework* bagi industri minyak dan gas. Kementerian Perhubungan akan mula menyediakan *Industry Competency Framework* bagi industri *ICT*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Usaha membangun dan meningkatkan sumber manusia hendaklah dibuat secara berterusan. Kita hendaklah memaksimumkan *talent pool* Negara yang ada dengan lebih fokus. Dalam membuat apa-apa perancangan serta terus melipatgandakan usaha demi meningkatkan pencapaian Negara. Ini kerana, kita senantiasa menghadapi cabaran-cabaran disebabkan keadaan ekonomi dunia yang mempunyai risiko yang boleh menjejaskan perekonomian di mana-mana sahaja. Perekonomian Negara masih lagi bergantung pada hasil minyak dan gas. Walaupun, sudah sekian lama Negara berusaha untuk mempelbagaikan ekonomi, Negara mustahak membangun tanpa bergantung pada hasil minyak dan gas sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti tahun-tahun sebelum ini, kaola tidak akan berpantun dan tidak juga bersyair. Hanya ketika membincangkan usaha untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran dan perekonomian Negara, kaola teringat akan peribahasa Melayu yang berbunyi:

Berakit-rakit ke hulu dan berenang-renang ke tepian,
Bersakit-sakit dahulu dan bersenang-senang kemudian.

Ungkapan dalam Bahasa Inggeris yang mempunyai pengertian yang lebih kurang sama ialah *"delay gratification".* Pengajaran dari peribahasa serta ungkapan tersebut adalah *timeless,* tidak ditelan zaman dan juga *cross cultural*. Ungkapan ini juga menjadi perhatian ahli-ahli politik dan para ahli akademik Negara barat akan pengajarannya. Ungkapan ini mempunyai nilai yang baik untuk kita pupuk:

1. Boleh menjadi iktibar kepada para penuntut dalam menghadapi pembelajaran;

2. Boleh menjadi iktibar kepada usahawan-usahawan yang baru memulakan perniagaan;

3. Boleh menjadi iktibar bagi penggubal polisi dan program, ketika menghadapi cabaran dalam pelaksanaan dan pencapaian objektif-objektif program dan polisi; dan

4. Boleh menjadi iktibar bagi kita semua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri ucapan menggulung kaola ini, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Negara kita kekal sebagai Baldatun

Tayyibatun Warabbun Ghafur iaitu Negara yang baik, aman lagi makmur dengan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala yang Maha Pengampun. Amin. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan penangguhan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Assalamu Ala Manitaba'al Huda Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil’alameen, Wassalaatu’ Wassalaamu ‘Ala Asyarafil Ambiya Ewal Mursalin, Wa’alaa Aalihee Wasahbihee Ajma’een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Yang Pertama dari Musim Permesyuaratan Yang Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara telah berjalan dengan lancar dan sempurna.

Semua ini adalah dengan berkat kepimpinan bijaksana Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Negara, dan kaola tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan seluruh Pegawai dan Kakitangan Majlis Mesyuarat Negara. Kaola juga mengambil peluang di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang telah mengongsikan maklumat-maklumat yang terperinci di Dewan yang mulia ini, mengenai kemajuan-kemajuan yang telah dilaksanakan dan perancangan-perancangan strategik yang telah dilakar dan akan dilaksanakan berdasarkan dengan keupayaan Peruntukan Kewangan bagi tahun 2014/2015.

Dengan adanya penjelasan dan perincian setiap peruntukan, dengan rancangan yang disusun dan objektif ianya dirancang, orang ramai dan masyarakat seluruhnya yang mengikuti setiap sesi persidangan akan turut menaruh harapan supaya apa yang telah dirancang demi kesejahteraan dan keamanan di Negara ini akan dapat dicapai.

Kejayaannya juga adalah bergantung pada kebijaksanaan pucuk kepimpinan setiap kementerian dan komitmen padu sumber tenaga manusianya dengan penuh komitmen bertanggungjawab dan amanah.

Sehubungan dengan itu, kaola turut merasa gembira apabila mendengar telah banyak skim perkhidmatan dalam perkhidmatan awam telah dikaji semula, malah beberapa skim perkhidmatan baru telah pun diperkenankan dan diluluskan. Ini semua menunjukkan bukti keprihatinan dan pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga perkhidmatan awam.

Dalam pada itu, kaola juga ingin menyampaikan harapan kakitangan Kerajaan yang telah berkhidmat dalam tempoh masa yang agak lama tetapi masih dalam perkhidmatan *(open vote)* yang mempunyai skill gaji yang rendah meskipun ada di kalangan mereka telah memenuhi syarat peperiksaan awam dan mempunyai pengalaman bekerja yang luas dan cemerlang supaya ianya dapat diteliti dan diberi pertimbangan sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerajaan juga tidak membelakangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang berkhidmat di sektor swasta dan berkecimpung dalam bidang perusahaan sendiri, kerana itulah kaola sekadar kemampuan kaola berfikir di kotak pemikiran kaola yang cetek pengetahuan, cetek pendedahan dan pengalaman dalam bidang sektor swasta, bidang perniagaan dan keusahawanan ini, memberi pandangan supaya hala tuju bidang-bidang seperti ini ditanai secara bersepadu dan penuh komitmen oleh peringkat tertinggi dalam Kerajaan dan dibantu dengan kepakaran dan profesional yang ada. Merangka dasar dan pelan induk yang jitu dan komprehensif yang menunjukkan bukti kesungguhan untuk mengembangkan potensi perusahaan tempatan.

Kita selalu bercakap tentang *benchmark* (penanda aras) bagi amalan-amalan terbaik bila mana kita mahu membuat sesuatu program atau rancangan. Maka dalam hal ini juga, tidak salah kalau kita melihat dan belajar akan kejayaan negara-negara jiran atau serantau yang berjaya mengangkat bidang perniagaan dan perusahaan rakyat dan penduduknya dalam membangun faktor ekonomi yang kukuh dan mantap. Kerajaan telah melabur peruntukan kewangan yang tidak sedikit setiap tahun, untuk membantu mengembangkan perniagaan dan perusahaan tempatan melalui peruntukan kementerian-kementerian berkenaan. Maka kita optimis, ianya akan membuka jalan untuk bidang ini terus berkembang dan menjana pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mapan, insya-Allah. Akhirnya kaola sudahi ucapan ini dengan serangkap pantun lama:

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti,
Kalau ada kata-kata kaola yang salah,
Mohon maaf, jangan disimpan di dalam hati.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu`alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin, Wassalaatu Wassalaamu Alaa Sayidina Muhammadin Asyarafil Anbiai Ewal Mursalin, Waala Alihi Wasahbihi Ajmain.

رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى
وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِى يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan ucapan tahniah di atas kebijaksanaan dalam mempengerusikan dan memimpin Majlis Mesyuarat Negara ini dari awal hingga akhir. Di samping membawa persidangan tahun ini ke tahap yang cukup cemerlang dan gilang-gemilang tanpa kekecohan walau sebesar zahrah di padang pasir serta cukup berjaya membawa rasa kesefahaman dalam menghala matlamat yang sangat-sangat dicita-citakan dan dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan rasa penuh sukacita dan penuh hormat dan senang hati, tulus ikhlas, kaola ikut menyokong akan Ucapan Penangguhan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, selaku Negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja dan untuk menjadikan sebuah Negara Zikir, kepentingan bahasa, sastera dan budaya tidak boleh diabaikan kerana bahasa, sastera dan budaya itu adalah nadi dan tunjang sebuah Negara seperti Brunei Negara Brunei Darussalam ini.

Dari dulu lagi, manusia dalam "Asterawani" ramai yang berkaliber dan berpotensi dalam penulisan. 99% penulisan mereka itu menanai, menyokong, menyuntik semangat nasionalisme untuk menjadikan Negara Brunei aman damai dan sejahtera. Penulisan mereka berupa syair, novel, sajak, cerpen, drama, esei dan pantun tidak kurang kritikan sastera. Kaola mengucapkan tahniah kepada Dato Paduka Awang Haji Muslim bin Haji Burut, yang novelnya "Puncak Pertama" dan "Sebuah Impian" telah diangkat menjadi buku teks sastera di Peringkat *A' Level*. Begitu juga kejayaan Negara dari dahulu lagi, memang benar diangkat dan didarjatkan oleh penulis-penulis dengan adanya Pengiran Sarmayuda, yang menulis "Syair Rakis 12" yang sangat besar maknanya kepada Negara dan Bangsa hingga sekarang.

Juga kita ada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien diangkat menjadi "Sasterawan Negara" yang juga menulis beberapa buah syair, yang amat ketara ialah "Syair Perlembagaan" hingga mencapai

kemerdekaan pada tahun 1984. Begitu juga dengan penulisan diangkat diikuti oleh penulis-penulis veteran 3 serangkai iaitu Adi Rumi, Yahya M.S., Badarudin H.O. dan begitu juga Yura Halim, Syukri Zain, Zairi M.S. dan banyak lagi penulis dalam "Asterawani" yang tidak dapat disebutkan namanya di sini.

Syukur Alhamdulillah, di sebalik senario politik dan pemantapan ekonomi Negara Brunei Darussalam masih mampu meneruskan beberapa perancangan terutama ke arah memertabatkan tenaga manusia melalui pendidikan dan sentiasa diutamakan. Ini atas kebijaksanaan, kewibawaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang ingin melihat kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara ini terus menerus dilaksanakan.

Dalam penulisan yang kaola sebutkan tadi itu, kalau "diambitkan" dengan sebuah syair yang disyairkan oleh Pengiran Sarmayuda, yang berbunyi:

Pulau Labuan diambil segera,
Tempat mendirikan tiang bendera,
Di sana tempat berkira-kira,
Dari Brunei ke Singapura.
Dan kaola petik antara syair-syair Paduka Seri Begawan:

Empat haribulan rajahnya simpai,
Simpai bersarang pokok semala,
Mudah-mudahan hajat dan sampai,
Tidak mendapat aral gundala.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pemimpin akar umbi terdapat dalamnya mata, telinga, lidah, kaki dan tangan. Mata untuk melihat perkara-perkara dan peristiwa di kampung, telinga untuk mendengar cerita dalam kampung, lidah untuk bercakap hal-hal kebajikan dari rakyat kepada Kerajaan termasuklah orang menangis didiamkan, orang sakit diubatkan, dukacita dileraikan, kiranya terjadi musibah di dalam kampung, mereka akan menghadapi terlebih dahulu perkara-perkara tersebut.

Pemimpin akar umbi, tidak hanya mengharapkan gigi dengan lidah sahaja tetapi mereka mesti ada menpunyai rahang yang kukuh. Tugas pemimpin akar umbi itu, kalau berjumlah bukan seribu, kalau diangkat bukan berpikul, pahit dan manis, suka dan duka penduduk mereka menjadi tumpuan, menjadi sasaran sebab itu, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kira-kira campur dan tolak yang kaola sebutkan itu tadi, mesti ada tawar dan jampinya, mesti ada nakhoda yang tahan lasak untuk memandu keseluruhan mereka itu, agar pelayaran tidak menempuh badai dan ombak hingga sampai ke pelabuhan yang dicita-citakan. Dalam kumpulan pemimpin akar umbi itu terdapat manusia di dalamnya yang kaya ilmu

dan pengalaman, yang amat berharga seperti dari guru-guru mereka terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan lain-lain. Semuanya, mereka itu penuh dengan pengalaman dan pengetahuan apa yang ada. Kita tidak boleh melihat dan memandang remeh kepada mereka, makanya, kita hendaklah melihat dengan mata yang terang dan luas untuk melihat keadaan mereka itu sebenarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kerana itu, mereka yang berkumpul di akar umbi ini hendaklah disenggol-senggol dan dibisikkan kata-kata indah yang halus merdu dibuai dengan angin-angin sepoi bahasa lebih tegas mereka itu, diberi tingkatan gaji yang bersesuaian dan pingat-pingat dan bintang-bintang kebesaran yang bersesuaian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, amat jauh pandangan Baginda menembusi daratan, laut dan angkasa. Begitu juga, Baginda tahu akan mustajabnya doa-doa para ulama dan doa-doa anak yatim serta doa-doa orang tua, warga emas dan warga intan. Makanya, kita dapat kesempurnaan yang baik dalam kepimpinan itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola amat menyanjung tinggi akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada Permesyuaratan Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 bersamaan 6 Mac 2014 bertempat di Dewan yang mulia ini. Untuk meningkatkan pendidikan duniawi dan ukhrawi kerana Baginda faham kehidupan di dunia memerlukan ilmu dan kehidupan akhirat juga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola bersyair dan berpantun:

Bismillah mula ditulis,
Suara rakyat di dalam majlis,
Ahli Yang Berhormat orangnya
ginis-ginis,
Duduk di dewan berbaris-baris,

Dewan Majlis sudah bermesyuarat,
Selama 13 hari bertegang urat,
Membincangkan bajet untuk rakyat,
agar semuanya hidup tiada melarat,

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Wajahnya manis berseri-seri,
Memimpin majlis cermat dan teliti,
Majlis berjaya Yang Berhormat Yang
Di-Pertua berpuas hati,

Mengucap syukur ke hadrat Allah,
Semua bajet kementerian diketahui pun sudah,
Untuk mengetahui bajet yang indah,
Semua rakyat memperolehi faedah.

Pantun Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bunga Kuning hanyut di air,
Dipungut oleh Si Dayang Gusni,
Biar sepuluh orang yang lain tiada sama…

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: (Yang Berhormat Yang Di-Pertua memukul *gavel* mengarahkan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain supaya berhenti bercakap).

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk berehat selamat 15 minit. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula untuk meneruskan Perkara IX iaitu Ucapan Penangguhan. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian supaya mematuhi Peraturan masa bercakap iaitu selama tidak lebih dari 10 minit kerana di sini masih lagi ada seramai 9 orang Ahli Yang Berhormat ingin bercakap dalam Ucapan Penangguhan ini. Sekian, terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhamad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat, pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga akhir zaman.

Alhamdulillah, dengan berkat daulat serta kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Negara pesat membangun serta berkembang maju dari semua aspek seperti perekonomian, pendidikan, keagamaan, kesihatan, kebudayaan dan kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Kemajuan ini dicapai hasil daripada pandangan jauh Baginda.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan tahniah atas kejayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mempengerusikan Permesyuaratan dengan bijaksana, sabar, penuh dedikasi yang membolehkan Permesyuaratan berjalan dengan lancar dan teratur. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh 2014 khususnya bagi Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan Tahun Kewangan 2014/2015 yang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun diberikan kesempatan untuk membahaskan dan memberikan pandangan, pendapat dalam mengemukakan permasalah dan soal jawab terutamanya mengenai isu-isu yang telah ditimbulkan oleh rakyat dan penduduk di Negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Didalam kesempatan ini juga, kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan Baginda mengurniakan Peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2014/2015 yang baru saja kita luluskan di Dewan yang mulia ini.

Peruntukan ini jelas menunjukkan rasa prihatin dan pemedulian Baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Negara. Dalam hubungan ini, kaola memohon di Dewan yang mulia ini supaya peruntukan yang telah diluluskan akan dapat diguna pakai bagi projek-projek atau rancangan-rancangan yang telah disusun oleh pihak yang berkenaan terutamanya menaik taraf jalan raya dan pembinaan beberapa buah masjid. Perkara ini adalah untuk kepentingan dan kesejahteraan orang ramai khususnya penduduk-penduduk di Negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang telah dengan sedaya upaya dapat menjawab setiap soalan dan cadangan yang abis kaola suarakan di Dewan yang mulia ini. Walaupun persidangan memakan masa selama lebih kurang 2 minggu, adanya suasana harmoni, persefahaman secara muhibah dan hormat-menghormati. Dalam kesempatan ini juga, kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jurutulis I (Pertama), Jurutulis II (Kedua) dan Timbalan Jurutulis.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola ingin menyampaikan beberapa buah pantun,

Terbang burung semua-mua,
Sayapnya pandai bermain asap,
Meminta maaf tuan semua,
Saya di sini tumpang berucap.

Anak anggak di kayu tinggi,
Turun ke tanah pagar-pagari,
Saya seorang duduk di sini,
Kalau salah tolong ajari.

Pagar buluh anjitnya jarang,
Kembang melati kuntum rajasa,
Di dalam sepuluh sakit seorang,
Tahukan hati menimbang rasa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu, kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh, Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 1435 Hijrah bersamaan 2014 Masihi. Kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara kerana telah berjaya memimpin dan mengambil mesyuarat ini dengan jayanya serta cemerlang, kesabaran dan kesungguhan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mempengerusi Majlis ini amatlah disanjung tinggi.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, yang telah memberikan jawapan terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Saya penuh yakin, melalui jawapan yang telah diberikan itu akan menjadi realiti sepertimana yang diharapkan oleh masyarakat di Negara ini khususnya zon yang kaola wakili, iaitu Zon 4.

Peruntukan belanjawan Negara berjumlah $6,500 juta itu merupakan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Belanjawan tersebut telah pun diagih-agihkan kepada kementerian-kementerian dengan hasrat untuk memberikan kesejahteraan dan keselesaan kepada rakyat dan penduduk di Negara ini.

Melalui peruntukan yang diberikan kepada semua kementerian, kaola penuh yakin dan percaya, tiada sebab beberapa projek yang telah dirancang, tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya kiranya mengikut prosedur dan perancangan yang betul. Adalah amat mendukacitakan, peruntukan yang diberikan tidak dapat digunakan sepenuhnya menyebabkan peruntukan tersebut dikurangkan, walhal ada keperluan untuk membina dan

membangun projek yang diperlukan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Apa yang ditimbulkan di Dewan yang mulia ini, adalah menjurus pada mempertingkatkan kesejahteraan dan keperluan rakyat dan penduduk Negara ini. Peruntukan Jabatan Kerja Raya berjumlah $107,506 juta akan dapat memperbanyakkan lagi rangkaian jalan raya dapat dibina di Negara ini. Jalan raya adalah kemudahan asas yang amat penting bagi semua penduduk di Negara ini umpamanya jalan raya Simpang 100, Kampung Sengkurong 'A' perlu diubah suai berdasarkan kepada pesatnya pembangunan di kawasan tersebut dan dalam jangka masa panjang Simpang 100 boleh dijadikan jalan pintas menuju ke jalan raya utama Jalan Tutong. Demikian juga, Jalan Lugu menuju ke Lebuh Raya Muara-Tutong, perlu ditingkatkan dan dinaik taraf.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Belia adalah aset Negara. Memperkasa belia dalam berbagai bidang, merupakan perkara yang diberikan penekanan dan perhatian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk itu, kita perlu menyediakan landasan yang betul dengan memberikan tumpuan kepada beberapa aspek yang menjurus kepada keinginan dan keperluan mereka sebagai belia yang masih segar dan bersemangat.

Melalui peruntukan riadah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kita mengharapkan agar memperbanyakkan tempat-tempat riadah dibina di kampung-kampung, di mukim-mukim, di pedalaman bagi memberikan peluang pada mereka untuk menjalankan aktiviti sukan dan olah raga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Melalui belanjawan yang telah diperuntukan, kita ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri yang memilih tema yang begitu tepat dengan suasana Negara yang akan melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Melalui peruntukan yang telah disediakan, tentulah banyak projek yang akan dapat dilaksanakan dengan peruntukan berjuta ringgit.

Apa yang kita harapkan, peruntukan yang rapi dan berterusan, perlu dibuat pada semua projek berskala besar mahupun berskala kecil, supaya hasilnya bukan sahaja menguntungkan kepada kontraktor-kontraktor dan pemborong-pemborong tetapi juga kepada rakyat dan penduduk yang akan menikmatinya. Apa yang dimaksudkan ialah mutu dan kualiti kerja hendaklah berbaloi dengan kos yang ditanggung di pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan.

Kita berbangga dengan usaha Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dalam membentangkan belanjawan masing-masing dengan pelan strategik yang jelas lagi komprehensif. Kita mendoakan, supaya apa yang telah dirancangkan itu, akan

menjadi kenyataan. Sesungguhnya, usaha murni itu adalah merupakan satu amanah yang perlu digalas serta diberikan sokongan oleh semua pihak yang berkepentingan termasuklah rakyat dan penduduk Negara ini.

Dalam cadangan kaola, di sesi perbincangan di Dewan yang mulia ini, mengenai dengan Isu Memperkasa Kementerian Hal Ehwal Ugama. Izinkan kaola membuat sedikit kenyataan serta penjelasan maksud menubuhkan Jabatan Kemajuan Islam Brunei ataupun apa jua jenis perkataannya. Pada hemat kaola, bukanlah menidakkan peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan tetapi bertujuan mengangkat martabat Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana jabatan yang dimaksudkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maknanya, ianya bukan lebih tinggi malahan tarafnya sama dengan jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pengajian Islam, Pusat Dakwah dan lain-lain jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebelum kaola berundur diri dari majlis yang mulia ini, izinkan kaola memohon kemaafan kiranya tersuruk langkah, tersilap madah dan terkasar bahasa, maka dengan tulus ikhlas memohon keampunan dan kemaafan jua yang dipinta. Seperti rakan-rakan yang lain, kaola ingin menyumbangkan sebuah pantun:

Nyiur gading puncak mahligai;
Sayang ketupat berisi inti;
Hancur daging tulang berkecai;
Belum dapat bajet belum beranti.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II (Kedua): Ucapan Penangguhan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dirahmati Allah. Kaola mewakili rakan sejawatan dari Daerah Tutong, terlebih dahulu mengambil kesempatan sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Wadaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan Baginda mengurniakan Peruntukan Belanjawan 2014/2015 yang baru sahaja selesai diperbincangkan dan diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat Negara Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. kaola dan rakan-rakan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana dengan kebijaksanaan Yang

Berhomat Yang Di-Pertua, maka Majlis Permesyuaratan berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh kemesraan, harmoni dan rasa mahabah. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Jurutulis (I) Pertama, Jurutulis II (Kedua) dan Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat Negara yang banyak membantu demi kemudahan dan pelancaran kaola dan rakan sepanjang permesyuaratan ini.

Begitu juga ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet kerana telah berjaya memberikan jawapan dan maklumat dari soalan-soalan dan cadangan-cadangan kaola dan rakan-rakan. Namun, walaupun ada sebahagian jawapan tidak sepenuhnya tetapi memadailah sekurang-kurangnya ada didengar dan diketahui oleh orang ramai terutama dari penduduk atau rakyat atau anak buah dari mukim dan kampung dalam zon-zon dan daerah, yang kaola dan rakan-rakan wakili.

Mungkin juga kerana soalan dan cadangan terkumpul bertalu-talu sekali gus, maka terjadinya ada beberapa soalan dan cadangan berlainan jawapan, dan ada yang tidak langsung berjawab. Walau bagaimanapun, kaola dan rakan berharap akan dapat jawapannya pada suatu hari nanti, dan mudah-mudahan segala usul dan cadangan itu, berhasil dan dapat ditunaikan oleh pihak-pihak berkenaan demi kesejahteraan dan pembangunan Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan adanya Peruntukan Belanjawan 2014/2015 ini, jelaslah menggambarkan keprihatinan dan pemedulian Baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Negara ini. Menerusi peruntukan ini, diharap akan dapat digunakan sebaik mungkin pada suatu projek yang telah dirancang dan disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perbelanjaan Negara memerlukan perancangan belanjawan yang saksama, dan berhemah agar rakyat dan penduduk Negara ini akan dapat sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan yang dihulurkan. Ke arah itu, pengurusan kesesakan dan keselamatan jalan raya tidak lupa, telah diperuntukkan belanjawannya.

Oleh itu, jika jambatan untuk menghubungkan Kuala Tutong dan Tanjung Danau dibina, ianya boleh menjadi jalan pilihan, apabila berlaku kesesakan atau tersekat perjalanan di Lebuh Raya Tutong/Telisai. Selain dari itu, melalui jambatan ini kelak, akan memendekkan masa perjalanan dari Daerah Tutong ke Daerah Belait, kerana menerusi jambatan ini boleh menjadi jalan pintas. Dari segi keselamatan pula, jambatan ini juga adalah amat penting bagi memudahkan bantuan dapat disalurkan dengan cepat. Secara tidak langsung juga, kampung-kampung di kawasan laluan ini boleh membangun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menerusi peruntukan Rancangan Kemajuan Negara dalam Projek Saliran dan Pembetungan, supaya pihak berkenaan akan dapat melaksanakan perkhidmatan pembersihan dan membina *retaining wall* atau *gradient* tebing-tebing sungai untuk mengelakkan daripada susur. Untuk itu, kaola dan rakan mencadangkan supaya pembinaan yang dilaksanakan juga, bagi tebing sungai yang berhampiran Rumah Persinggahan Kerajaan, Kampung Rambai. Dicadangkan juga, pembinaan longkang besar berkonkrit di sepanjang jalan Kampung Panchong hingga ke jalan Kampung Rambai, dan juga pembersihan anak sungai di Jambatan Sungai Penyatang, di Lebuh Raya Bukit Beruang, seperti mana yang telah dilaksanakan terhadap sungai di Jambatan Sungai Uru.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah pun diperuntukkan belanjawan bagi pelaksanaan kemudahan awam dan alam sekitar. Dalam hubungan ini, Tanjung Danau adalah berpotensi dimajukan secara kerjasama *Private Partnership*, seperti pembangunan pantai-pantai peranginan yang lain di Negara ini, kerana kawasan ini mempunyai keindahan semula jadi. Tanahnya menganjur selari dengan Sungai Danau di sebelah Utara, Sungai Tutong di sebelah Timur dan Laut China Selatan di sebelah Selatan. Pokok-pokok Ru melindungi di bawahnya dari sinar matahari, sesuai untuk membuat aktiviti.

Kaola dan rakan penuh yakin, bahawa kawasan ini boleh menarik pelancong dalam dan luar negeri. Pendek kata, harapan kaola dan rakan-rakan serta penduduk-penduduk Daerah Tutong, supaya Daerah Tutong tidak ketinggalan dan arus pembangunan Negara. Oleh itu, kami mengucapkan terima kasih kepada kementerian-kementerian yang berkenaan, kerana telah melaksanakan beberapa kemajuan, antaranya:

i. Pembinaan Gerai Malam yang dahulunya adalah sebuah pasar, hanya memerlukan pembinaan atapnya sahaja sekarang;

ii. Pembinaan Tapak Permainan Kereta Kawalan Jauh;

iii. Pembinaan jambatan di Jalan Tamu Tutong bagi mengurangkan kesesakan;

iv. Pembersihan rumput di tepi jalan dan anak sungai di Lebuh Raya Tutong/Telisai yang sedap mata memandang. Alhamdulillah, nampaknya ada peningkatan dari yang sebelumnya;

v. Terima kasih juga kepada kementerian berkenaan, kerana jejambat (*flyover*) simpang Kampung Bukit Beruang dalam pembinaan;

vi. Pembinaan perumahan 1,500 unit di Kampung Bukit Beruang hampir siap; dan

vii. Pembinaan benteng di Kuala Sungai Tutong sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dan rakan-rakan mengharapkan, supaya apa juga perancangan, pembangunan dan kemajuan Daerah Tutong, terutama projek menangani banjir dan pemeliharaan dan pemuliharaan infrastruktur selepas banjir, dapat dilaksanakan dengan segera dan tepat pada waktunya.

Rumah Persinggahan Kerajaan, Daerah Tutong juga perlu dinaik taraf demi kemudahan penginapan pelawat dari luar daerah dan pelawat dari negara jiran untuk bermalam, kerana sejak Satu Kampung, Satu Produk diperkenalkan di mukim-mukim Daerah Tutong, sentiasa dikunjungi oleh pelawat dari luar. Begitu juga, supaya Bangunan Bumiputera Daerah Tutong dapat dibina agar pengusaha Daerah Tutong, dapat menempatkan barang jualan mereka seperti mana juga penggunaan bangunan bumiputera di daerah-daerah lain.

Akhirnya, kaola dan rakan-rakan sejawatan dari Daerah Tutong, memohon maaf kepada semuanya, andainya terdapat tutur kata dan tingkah laku yang kurang manis di sepanjang permesyuaratan ini. Kami mengambil kesempatan berdoa, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja beroleh kesejahteraan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Dan kita pula yang ada di Dewan ini, dan keluarga serta Negara sentiasa dalam aman sejahtera.

Sekian sahaja, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet serta Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, yang kaola hormati sekalian.

Kaola dan rakan-rakan sejawatan dari Daerah Belait, dengan penuh hormat dan ikhlas serta takzim, menyokong penuh Ucapan Penangguhan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi.

Belanjawan yang begitu besar, yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah sangat-sangat dijunjung tinggi. Ini menunjukkan, betapa prihatinnya Baginda terhadap kesejahteraan rakyat.

Dalam kesempatan ini juga, kaola dan rakan-rakan sejawatan menyuarakan sokongan kaola sepenuhnya akan

Undang-Undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Pada masa yang sama, kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, atas kebijaksanaan, penuh timbang rasa dan kesabaran dalam memimpin permesyuaratan dari awal hingga akhir dan alhamdulillah berjaya mencapai matlamatnya. Demikian juga terima kasih kaola kepada semua warga kerja Majlis Mesyuarat Negara (MMN) atas kerjasama yang diberikan kepada abis kaola semua.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola menyampaikan pandangan kaola mengenai beberapa projek mega Kerajaan yang sedang mahupun yang akan dilaksanakan. Antaranya ialah:

1. Projek *Petrol Chemical* di Pulau Muara Besar;

2. Jambatan Penghubung dari Daerah Brunei-Muara ke Daerah Temburong;

3. Jambatan dari Sungai Kebun ke Jalan Residency;

4. Koridor Bio-Inovasi;

5. Beberapa projek jejambat;

6. Cadangan *Bio-Chemical* di *SPARK* di Lumut;

7. Project *ICT*;

8. Projek Brunei *Maritime Academy*; dan

9. Projek Pembangunan Insan seperti SPN 21*,* PKBN dan lain-lain lagi.

Projek ini akan menelan belanja berjuta-juta ringgit dan kaola berpandangan bahawa tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah semata-mata untuk kesejahteraan bangsa dan Negara.

Projek-projek yang kaola sebutkan di atas tadi, jika kita tadbir urus dengan tulus disertai dengan penyelarasan yang jitu dan dengan penuh tanggungjawab dan berhemah, kaola penuh percaya masalah pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana di Negara ini yang tidak dapat peluang perniagaan akan dapat diatasi. Mengapa tidak? Kalau ada amalan ampit-mengampiti di kalangan kita.

Demikian juga kepada lepasan dari maktab-maktab, universiti-universiti dan belia-belia yang belum mempunyai pekerjaan di Negara Brunei Darussalam akan sekurang-kurangnya dapat dikurangkan bilangannya, kerana mereka ini akan berpeluang mendapat pekerjaan dari projek-projek yang kaola sebutkan tadi.

Pada hemat kaola, semuanya ini boleh direalisasikan asalkan kita seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

"Bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangannya. Bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara."

Jika titah ini sama-sama kita hayati, insya-Allah kita akan mencapai kejayaan.

Di Negara Brunei Darussalam, bukan semua orang yang bernasib baik, ada rakyat yang kurang bernasib baik dan tidak berupaya tetapi masih lagi dibantu oleh pihak Kerajaan melalui beberapa agensi Kerajaan. Tidak ketinggalan badan-badan *NGO's* dan orang-orang perseorangan menghulur bantuan untuk meringankan bebanan hidup mereka. Dalam hubungan ini, kita harus ingat-mengingati sesama kita supaya apa jua bantuan yang kita hulurkan, seperti firman Allah:

"Jangan rosakkan sedekah kamu dengan perkataan mengungkit-ungkit dan menyakiti hati penerima sedekah itu, kerana kalau ini berlaku, maka hilanglah pahala bantuan sedekah kita itu nanti."

Buat mengakhiri ucapan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dan rakan-rakan sejawatan memohon mana-mana persoalan yang tidak sempat dijawab, dipohonkan akan dijawab kerana rakyat di luar sana akan tertanya-tanya mengenainya. Kaola juga memohon kemaafan sekiranya ada soalan-soalan yang keterlaluan yang tidak disengajakan. Sebelum mengakhiri, maka marilah kita sama-sama mendoakan agar Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah Negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Untuk akhirnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola akan menyampaikan atas desakan teman-teman, dua buah pantun berbunyi demikian;

Kalau Tuan pergi ke Jambi,
Hantarkan sarapan di surambi,
Kalau Yang Berhormat Menteri
kesiankan kami,
Soalan kami tolong diteliti.

Kalau tuan berpadi banjar,
Jangan berpadi paya belanga,
Kalau Yang Berhormat Menteri berhati benar,
Inda menjawab pun inda mengapa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Assalamu'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati dan kasihi.

Di Dewan yang mulia ini, kaola dengan tulus ikhlas menyokong ucapan dan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam dan atas kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Berhormat Pehin, selaku Yang Di-Pertua memimpin di sepanjang di Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia dan indah ini.

Kaola juga bersyukur ke hadrat Allah Subhannahu Wata'ala kerana dapat memberi Ucapan Penangguhan bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini sukacita izinkanlah untuk mengimbas kembali akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan Baginda di Dewan Majlis yang indah ini pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijrah bersamaan dengan 6 Mac 2014 Masihi, sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara di mana dalam petikan kurnia titah Baginda itu berbunyi:

"Dengan trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi, insya-Allah mereka akan menjadi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing."

Baginda juga menitahkan:

"Memang sudah tiba masa untuk Negara melahirkan ramai lagi ahli-ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan."

Dalam titah tersebut dan perenggan yang sebelumnya baginda menitahkan dengan jelas 3 bahagian masyarakat iaitu;

i. para belia;
ii. para pekerja tempatan; dan
iii. Sektor swasta dan para ahli masyarakat di sektor perniagaan termasuklah *SME*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengambil kesimpulan bahawa apa yang diperlukan ialah pembangunan dan perisian dan kemahiran-kemahiran yang memfokuskan kepada apa yang mencorak ekonomi Negara akan datang tanpa bergantung semata-mata kepada penghasilan minyak dan gas seperti yang dititahkan oleh Baginda. Sekiranya telah ada bentuk-bentuk perniagaan,

perusahaan dan industri yang telah dikenal pasti sebagai pencorak utama ekonomi Negara pada masa akan datang, malah selepas Wawasan 2035 maka kaola percaya kita juga perlu ada perancangan strategik pembangunan tenaga manusia mungkin 5 tahun lebih awal sebelum industri-industri itu bermula beroperasi bagi tujuan komersial.

Untuk itu, abis kaola penduduk dan masyarakat di Daerah Temburong sangat-sangat mengalu-alukan sekiranya daerah ini dijadikan sebagai daerah Pusat Ilmu dan Tamadun Islam, yang semua pusat latihan pelbagai kemahiran berpusat di sana. Insya-Allah, kaola melihat ianya sesuai sebagai perisian cadangan pengiring kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengetengahkan Daerah Temburong dengan sendirinya akan menjadi Pusat Ilmu dan Tamadun Islam dalam pengurniaan titah perasmian Baginda di Majlis Hafl Al-Takharruj ke-3, UNISSA di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 28 Zulhijah 1434 Hijrah bersamaan 2 November 2013 Masihi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kompleks Bangunan Kekal UNISSA bakal dibina di sana dan akan menyusul pula ialah kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Abis kaola percaya akan ada lagi institusi-institusi Kerajaan yang akan menambah sama ada kapasiti prasarana mahupun pegawai Kerajaan dan kakitangannya dalam masa 5 tahun mendatang. Malahan kaola percaya pihak sektor swasta juga sedang menimbang-nimbang peluang disebabkan Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara-Daerah Temburong yang bakal dibina nanti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini, kaola amat mengharapkan mudah-mudahan agar akan mendapatkan sokongan daripada Ahli-Ahli Tertinggi Pentadbiran Negara untuk merealisasikan hasrat mulia ini sekiranya boleh dikongsikan perkara-perkara mengenai perancangan-perancangan yang bakal mengubah corak penghidupan dari segi ekonomi dan berkait langsung dengan masyarakat agar boleh juga menyertai atau ikut menyumbang kepada perancangan atau projek-projek tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini, kaola bagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah Temburong sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menyatakan

sokongan penuh abiskaola dan bersatu padunya abiskaola berdiri di belakang Baginda dalam menjayakan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Baginda kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam, Baginda dan keluarga Baginda akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindangan Allah Subhanahu Wataala. Amin Ya Rabbalalamin.

Buat akhirnya, di Dewan yang mulia ini, semoga semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang gigih, titih dan ikhlas sepanjang bersidang berusaha dalam menyuarakan perkara, isu dan memberikan pandangan yang bernas dan membina dan juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis I, Yang Mulia Jurutulis II dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan seluruh warga Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu Wataala, Amin.

Buat penutup terimalah empat rangkap pantun yang pendek;

Yang Di-Pertua Dewan yang bijaksana,
Memimpin sidang dengan sempurna,
Cadangan yang bisai dapat dijana,
Bukti permuafakatan laila membina.

Majlis Mesyuarat Negara selesai bersidang,
Bukan banyak cadangan telah dirantang,
Disuarakan dengan jelas dan lantang,
Diharap pelan tindakan dapat dirancang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan,
Cadangan yang membina telah pun dihadapkan,
Pihak Kerajaan sangat-sangat diharapkan,
Dapat meluluskan dan mempertimbangkan.

Di hari terakhir Dewan bersidang,
Di suasana hening terang benderang,
Semoga Darussalam terus gemilang,
Suara rakyat didengar dan dipandang.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola mengambil kesempatan ini dengan merendah diri menyembahkan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana dengan titah perkenan Baginda satu dasar baru

kepada Penduduk Tetap untuk membolehkan taraf Penduduk Tetap dalam jangka yang lebih pendek dari sebelumnya.

Kurnia ini menunjukkan sikap prihatin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Peraturan ini telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari Isnin, 17 Mac 2014.

Masyarakat Tionghoa yang tinggal di Negara ini akan sentiasa taat setia dan untuk memenuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Rakyat dan Penduduk Tetap mendoakan agar dilanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta keluarga diraja, kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Dewan yang mulia ini, kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah berjaya mempengerusikan mesyuarat pada tahun ini dengan lancar dan bekerjasama serta profesional. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola terlebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat menghadiri sesi Ucapan Penangguhan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh bagi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini. Kaola seterusnya, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua membimbing permesyuaratan ini dengan jayanya dalam suasana yang cukup sempurna, harmoni dan terbuka sehingga permesyuaratan kita dapat

berjalan dengan lancar serta membuahkan hasil yang positif. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kaola rakamkan kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara kerana telah menyokong dan meluluskan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 yang telah dibentangkan ini tanpa sebarang pindaan. Sokongan padu, pandangan-pandangan bernas dan sumbangan positif Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah sangat-sangat dihargai. Insya-Allah, pandangan-pandangan ini sudah setentunya akan diteliti secara sehalus-halusnya dan yang mana bersesuaian akan kita jadikan sebagai *input* penting dalam usaha-usaha pembaikan dan perancangan yang dibuat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Belanjawan Tahun Kewangan, 2014/2015 ini yang bertemakan "Menjana pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan", memberikan penekanan perbelanjaan kepada meningkatkan usaha-usaha ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang mapan lebih dinamik, inklusif dan berdaya tahan bagi mendukung keperluan sosial ekonomi rakyat dan penduduk Negara ini secara *sustainable.*

Bagi mendukung fokus dan keutamaan tersebut Kerajaan telah bersetuju untuk menambah Peruntukan Tahun Kewangan 2014/2015 sebanyak $550 juta yang bertujuan untuk menampung keperluan projek-projek yang diperlukan dan dirancang. Dalam belanjawan ini Kerajaan juga berterusan menjadikan matlamat mempelbagaikan sumber ekonomi Negara sebagai salah satu keutamaan dengan sektor swasta berperanan selaku penaraju aktiviti perekonomian Negara.

Dalam hubungan ini, kita menjunjung setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun ini mengenai betapa perlunya Dewan ini untuk juga memberikan tumpuan pada isu-isu yang berkaitan dan kesejahteraan dan kebajikan para pekerja tempatan ke sektor swasta. Penekanan ini, memang tepat pada waktunya, apatah lagi bilangan pekerja tempatan di sektor swasta pada masa ini telah melebihi jumlah mereka yang bekerja di sektor awam.

Oleh itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat seharusnyalah turut peka terhadap isu-isu yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di sektor swasta ini, khususnya yang melibatkan kesejahteraan dan kebajikan mereka seperti gaji dan faedah-faedah yang dihulurkan, di samping keadaan dan keselamatan di tempat kerja dan sebagainya. Begitu juga para majikan di sektor swasta, mereka ini perlulah memberi perhatian yang sewajarnya akan kebajikan dan kesejahteraan kepada pekerja-pekerja mereka. Kerana pekerja-pekerja ini berperanan secara

langsung menyumbang kepada perkembangan, kemajuan dan kejayaan syarikat masing-masing.

Para majikan perlulah melihat perkara ini sebagai tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat, memandangkan Kerajaan telah sedikit sebanyak membantu mengurangkan kos perniagaan dan memperbaiki aliran tunai syarikat di Negara ini melalui dasar peraturan dan inisiatif yang telah dilaksanakan. Oleh itu, pada hemat kaola adalah tanggungjawab yang manasabah dan berpatutan bagi para majikan untuk melabur sebahagian keuntungan yang diperolehi dalam meningkatkan lagi kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja mereka terutamanya anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Semasa membentangkan Rang Belanjawan Negara bagi tahun Kewangan 2014/2015, kaola telah pun memberikan huraian yang jelas mengenai fokus dan tumpuan utama perancangan perbelanjaan Kerajaan. Dalam berbuat demikian sebenarnya kaola menaruh harapan yang tinggi untuk mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat berganding bahu sama-sama memikir dan merencana secara lebih mendalam, meluas dan holistik strategi-strategi dan langkah-langkah tambahan dan konkrit yang akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan, pelaksanaan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif Kerajaan terutama dalam memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Namun, apa yang kita dapati banyak cadangan dan saranan yang diutarakan masih tidak berganjak dari pemikiran untuk menambah keistimewaan yang ada di peringkat mukim dan kampung, banyak saranan ditumpukan kepada penyediaan pelbagai kemudahan. Wal hal kita sudah lama memperkongsikan amalan perkongsian kemudahan yang telah tersedia di sekolah-sekolah termasuk Dewan Serbaguna dan kemudahan sukan dan riadah.

Jika dianalisis secara mendalam, fokus dan perancangan perbelanjaan pada tahun ini mempunyai kaitan rapat dengan isu perubahan minda. Betapa tidak, kerana program-program dan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan sebahagian besarnya lebih menjurus kepada mengurangkan pergantungan kepada pihak Kerajaan dalam menjana pekerjaan. Sebaliknya ianya mengajak dan menggalakkan belia khususnya untuk meneroka peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta termasuk untuk berjinak-jinak dan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai sumber rezeki yang halal dan berdaya tahan.

Dalam hal ini, kaola berpendapat di sinilah Ahli-Ahli Yang Berhormat dari golongan pemimpin akar umbi dan orang-orang yang berkecemerlangan mempunyai peranan dan kedudukan yang istimewa dan paling berpengaruh selaku orang yang digalati, dihormati dan dituakan untuk menerajui usaha-usaha ke arah perubahan minda tersebut dan sewajarnya dapat

mengetengahkan pelbagai cadangan yang praktikal dan realistik dalam mendukung usaha Kerajaan mencapai sasaran yang telah direncanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Setelah sepuluh tahun Dewan ini bersidang, begitu banyak maklumat yang dikongsikan mengenai usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil dan telah diperkenalkan oleh Kerajaan terutamanya bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta. Antara usaha-usaha tersebut termasuklah Penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan. Mewujudkan Skim Tabung Perumahan bagi menggalakkan pemilikan rumah di kalangan ahli-ahli TAP. Menyediakan insentif-insentif bagi pengambilan bekerja dan memberikan latihan bagi anak-anak tempatan yang bekerja di sektor swasta. Pemberian bantuan Elaun Pelajaran bagi anak-anak yang mengikuti pendidikan di peringkat *tertiary* di sekolah-sekolah swasta dalam Negara bagi ibu bapa yang bekerja di sektor swasta malahan Kerajaan juga turut mengeluarkan pinjaman kewangan tanpa faedah kepada pekerja-pekerja di sektor swasta dan juga mereka yang bekerja sendiri. Bagi rumah-rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan Perumahan Skim Rakyat Jati, semua insentif ini mempunyai satu sasaran yang jelas iaitu untuk mengalakkan lebih ramai anak-anak tempatan merebut peluang pekerjaan di sektor swasta agar sumber ekonomi Negara akan dapat dipelbagaikan, pengangguran dapat dikurangkan dan pendapatan Negara akan lebih kukuh dan berdaya tahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, setiap tahun kerajaan juga perlu menampung perbelanjaan bagi menghulurkan subsidi-subsidi serta membiayai perkhidmatan asas yang diperlukan oleh rakyat dan penduduk Negara ini. Sudah setentunya dengan perubahan demografi terutamanya pertambahan penduduk serta peningkatan taraf hidup rakyat, perbelanjaan bagi tujuan ini juga akan terus meningkat dari masa ke masa. Alhamdulillah, sehingga kini semua perbelanjaan ini telah dapat ditampung dan disediakan oleh Kerajaan semata-mata untuk memastikan setiap golongan masyarakat di Negara ini, terutama golongan yang berpendapatan rendah akan turut menikmati keperluan-keperluan asas tersebut. Oleh itu, bagi kelangsungan sumber supaya ianya sentiasa kukuh dan *sustainable*, adalah perlu kemudahan-kemudahan ini digunakan secara berhemah, agar ianya tidak menjurus kepada pembaziran yang setentunya akan meningkatkan lagi kos yang diperlukan yang perlu ditampung oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selain perkara-perkara yang kaola timbulkan tadi, rakan-rakan sejawatan kaola dari Menteri-Menteri Kabinet juga turut mengongsikan banyak usaha dan insiatif yang telah diambil oleh agensi-agensi Kerajaan. Ke arah itu, kaola ingin memohon kerjasama Ahli-Ahli Yang

Berhormat Yang Dilantik, untuk sama-sama memberigakan dan mengongsikan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan pada anak-anak buah kampung masing-masing.

Dengan menyebarluaskan maklumat-maklumat ini, ianya bukan sahaja akan meningkatkan kefahaman anak-anak buah yang diwakili, malahan ianya akan membolehkan mereka turut merebut peluang dan mendapatkan manfaat dari inisiatif serta kemudahan-kemudahan yang dihulurkan oleh Kerajaan. Mudah-mudahan dengan kefahaman tersebut kita akan dapat melahirkan lebih ramai lagi penduduk yang menjadi penyumbang dan bukannya berterusan sebagai penerima sahaja.

Sebagai penutup, kaola sekali lagi ingin menyeru agar kita sentiasa menghargai segala rahmat dan nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara, rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi yang bertuah ini. Marilah kita sama-sama berusaha untuk memastikan apa jua kemudahan yang kita kecapi pada masa ini akan terus dapat dihulurkan dan dinikmati oleh generasi yang akan datang dengan cara berhemat dalam perbelanjaan mengikut keutamaan dan kemampuan kita supaya kedudukan fiskal Negara akan sentiasa kukuh dan berdaya tahan. Insya-Allah, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi global yang semakin mencabar dan tidak menentu.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu`alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Amin Ya Rabbal Alameen.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Yusof.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu `Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas peluang yang diberikan kepada kaola menyertai sama Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di Persidangan Dewan yang mulia ini.

Dalam kesempatan ini, kaola dengan penuh hormat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan kerana atas kebijaksanaan serta kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, alhamdulillah telah dapat memimpin sepanjang Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara ini dengan lancar, terarah dan berkesan dalam suasana yang penuh harmoni, setiakawan dan kesepakatan sekaligus dengan berjayanya mencapai

keputusan-keputusan yang konkrit lagi bermanfaat dalam kita bersama-sama menjunjung kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini serta perkembangan sosio-ekonomi, keamanan, kemakmuran dan keselamatan Negara yang sama-sama kita cintai ini.

Kaola juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, yang telah mengemukakan persoalan-persoalan dan juga pandangan-pandangan positif dan bernas yang boleh kita jadikan nilai tambah yang sangat berguna dan berharga bagi memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan. Ini jelas menunjukkan keprihatinan dan komitmen Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan dalam kita bersama-sama secara bersepadu mengongsikan pandangan dan berusaha meningkatkan lagi kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di Negara ini serta sekali gus memantapkan lagi perkembangan sosioekonomi Negara ke arah mencapai Wawasan 2035.

Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan yang ada kaitannya dengan kementerian masing-masing khususnya Kementerian Kesihatan, insya-Allah akan diambil perhatian dan dibuat penelitian secara terperinci untuk dipertimbangkan, dengan mengambil kira dari aspek *cost benefit analysis* mengikut keutamaan, keperluan, kesesuaian, kemampuan dan impak kepada sosio ekonomi Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai tambahan kepada penjelasan yang telah kaola sampaikan, mengenai tambahan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi Blok Baru Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, Alhamdulillah atas keprihatinan dan pemedulian yang tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap pentingnya kualiti penjagaan kesihatan di Negara ini, maka Baginda telah melimpahkan kurnia perkenan bagi tambahan satu tingkat lagi *level podium* yang menjadikan bangunan asal yang mulanya mengandungi 11 tingkat kini menjadi 12 tingkat.

Penambahan ini adalah bertujuan bagi mengintegrasikan keperluan kesemua Perkhidmatan Perbidanan dan Sakit Puan serta Perkhidmatan Kanak-Kanak di bawah satu bumbung, sekaligus menjadikan blok ini sebuah bangunan yang lebih komprehensif, kondusif

dan moden yang dapat menyumbang kepada meningkatkan dan memperkukuhkan lagi sistem penjagaan kesihatan kepada pesakit yang lebih efisien, efektif dan berkualiti, selaras dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa.

Blok ini, antara lainnya, merangkumi tingkat bawah penempatan klinik-klinik kepakaran serta farmasi, 9 tingkat atas pula menempatkan fasiliti wad-wad dengan menyediakan berjumlah 353 buah katil iaitu 150 katil bagi Perkhidmatan Perbidanan dan Sakit Puan dan 203 katil bagi pesakit kanak-kanak selain disediakan *Unit High Dependency* dan Unit Rawatan Rapi bagi kanak-kanak dan anak-anak damit, bilik-bilik *isolation*, bilik-bilik bersalin, bilik bedah. Sementara 2 tingkat bawah *(basement)* bagi keperluan logistik dan tempat meletakkan kereta selain pelbagai kemudahan dan peralatan mengikut keperluan yang turut disediakan.

Seterusnya, mengenai Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait yang telah mengalami banjir pada awal tahun ini yang menjadi perhatian kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Sukacita mengongsikan bahawa alhamdulillah didapati tidak ada sebarang kerosakan terjadi pada peralatan perubatan. Ini adalah hasil tindakan cepat dan proaktif oleh pihak pengurusan hospital dengan membuat benteng-benteng penghalang di pintu-pintu kawasan yang rendah serta memindah peralatan perubatan ke tempat yang lebih selamat. Langkah-langkah yang lain yang telah dan akan dilaksanakan yang telah dikenal pasti untuk mencegah impak jika berlakunya banjir pada masa akan datang adalah seperti meninggikan kawasan rendah yang berisiko banjir di persekitaran hospital, mengubahsuai tempat-tempat yang dikenalpasti berisiko banjir, pembesaran dan penambahan longkang-longkang saliran air di kawasan hospital. Langkah-langkah pencegahan ini bukan sahaja telah dan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan malahan juga Kementerian Pembangunan juga akan turut mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi sama-sama menangani isu berkenaan.

Berhubung dengan perkembangan *National Health and Nutritional Status Survey* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, alhamdulillah ianya pada masa ini adalah dalam fasa terakhir iaitu peringkat mengemaskinikan serta penganalisaan data. Memandangkan data yang diperolehi adalah banyak, maka ia memerlukan sedikit masa lagi untuk perkara ini disiapkan kerana banyak data yang perlu diproses dan dianalis bagi memastikan keputusan hasil kaji selidik itu lebih sempurna dan tepat.

Seterusnya, ingin kaola menjelaskan tentang saranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim terhadap kajian keberkesanan sistem perjanjian di pusat-pusat kesihatan. Pembaharuan yang dilaksanakan iaitu sistem

penjagaan mula diperkenalkan pada bulan November 2011 secara berperingkat-peringkat di Pusat-Pusat Kesihatan yang dihasratkan bagi membolehkan pesakit diperiksa dan dirawat dengan lebih teratur dan sempurna di samping mengurangkan waktu menunggu bagi pesakit sebelum berjumpa doktor.

Setakat dapatan yang diperolehi daripada maklumbalas yang diterima daripada pesakit-pesakit berkenaan mengenai sistem perjanjian yang diperkenalkan itu bahawa kebanyakannya merasakan lebih berpuas hati terhadap sistem tersebut berbanding dengan prosedur yang terdahulu.

Kajian yang lebih komprehensif seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tentang keberkesanan sistem ini adalah diambil perhatian berat oleh Kementerian Kesihatan dan insya-Allah akan dilaksanakan sebagai satu strategi Kementerian Kesihatan untuk memastikan perkhidmatan kesihatan yang disediakan lebih mantap, efisien dan berkesan dalam memenuhi keperluan pesakit dan orang ramai. Sistem perjanjian ini adalah salah satu kaedah Kementerian Kesihatan yang dihasratkan untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan melalui format Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), khususnya kepada pesakit-pesakit.

Manakala mana-mana persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak berkesempatan diberikan penjelasan di Dewan yang mulia ini, insya-Allah akan disampaikan secara bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Pada kesimpulannya, kesihatan adalah suatu nikmat yang tinggi nilainya yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang seharusnya kita syukuri, hargai, pelihara dan jaga sebaik-baiknya. Oleh itu, kita haruslah mengambil perhatian, prihatin, komited sepenuhnya tentang betapa pentingnya hal ehwal kesihatan kita dengan mendisiplinkan diri kita sendiri, keluarga serta semua lapisan masyarakat di Negara ini supaya mengamalkan cara hidup sihat untuk dijadikan sebagai kehidupan sehari-hari.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola ini, kaola ingin juga merespons pantun-pantun yang telah disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik iaitu dua rangkap pantun sahaja:

Majlis Mesyuarat Negara berakhir sudah,
Pembentangan perbahasan secara setiakawan,
Berjalan lancar lagipun terarah,
Kerana kewibawaan Yang Di-Pertua Dewan.

Menuai padi Laila bersama keluarga,
Sambil memakai siraung di kepala,
Menanai penjagaan kesihatan tanggungjawab bersama,
Amalan cara hidup sihat kunci rahsianya.

Sekian Yang Di-Pertua dan diucapkan terima kasih dan diakhiri dengan

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Ugama: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekaliannya. Terlebih dahulu, kaola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syukur alhamdulillah kerana kita telah berjaya melaksanakan Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang mulai dari hari Khamis 4 Jamadilawal 1435 / 6 Mac 2014 bertempat di Dewan yang mulia ini.

Tahniah yang setinggi-tingginya juga kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin Permesyuaratan kali ini dengan penuh kesabaran, berhemah dan bijaksana sehingga berakhir dengan penuh kejayaan. Kaola juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah memberi peruntukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama sejumlah $260,023,170.00 untuk dibelanjakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan serta institusi-institusi di bawahnya sepanjang tahun 2014/2015 akan datang ini.

Dengan bajet yang diperuntukkan itu, insya-Allah ianya akan dapat memudahkan dan membantu Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam melaksanakan misi dan peranannya dengan efisien dan sistematik. Peranan utama Kementerian kaola ialah bagi terus menjadikan ajaran Islam sesuatu yang utama dalam segala aspek kehidupan sama ada secara individu, bermasyarakat, berpemerintahan dan bernegara. Mengekalkan Islam sebagai panduan dan cara hidup yang lengkap. Mengamalkan ajaran Islam dengan prinsip wassotiah (kesederhanaan) yang seimbang antara dunia dan akhirat. Dalam erti kata, memberikan penekanan terhadap kesempurnaan hidup di dunia tetapi menjadikan akhirat dan keredaan Allah sebagai tujuan utama dari kehidupan itu.

Kenyataan ini selaras dengan matlamat menjadikan Negara ini sebagai Negara Zikir dan Negara yang disebut dalam Al-Quran Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur. (Negara baik, aman dan sejahtera yang mendapat keberkatan dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala). Ke arah mencapai dan menuju hasrat tersebut, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengaturkan beberapa langkah dan strategi yang jelas supaya

Islam dapat diterjemahkan dengan baik dalam kehidupan. Antaranya, ialah memantapkan dan mengukuhkan pembelajaran dan pendidikan agama di peringkat bawah, menengah dan tinggi termasuk pembelajaran agama dan Al-Quran sepanjang hayat bagi semua peringkat umur secara formal dan informal, yang diusahakan bukan sahaja oleh pihak Kerajaan, malah juga pihak-pihak persendirian dan swasta.

Menerusi pendidikan agama ini, insya-Allah akan dapat melahirkan generasi yang berjati diri, berakhlak, taat beragama dan taat kepada Raja. Empat unsur ini, iaitu jati diri, berakhlak, taat beragama dan taat kepada Raja adalah merupakan unsur penting yang akan mengekalkan keutuhan Negara Brunei Darussalam dan mengekalkan wajah-wajah hari ini berkesinambungan dengan wajah-wajah baru hari esok yang tetap teguh mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja sepanjang zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, langkah bersejarah ke hadapan yang diambil oleh Negara dalam melengkapkan lagi cara hidup kita sebagai orang-orang Islam ialah pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang akan mula berkuat kuasa 6 bulan selepas ianya diwartakan pada 22 Oktober 2013 yang lalu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini bermakna, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua secara konsistennya 22 April 2014 ini nanti genaplah enam bulan. Maka, kita akan mula memasukinya bagi fasa pertamanya.

Sementara fasa keduanya, ialah 12 bulan selepas diwartakan Perintah Kanun Peraturan Hukuman Jenayah Syariah, yang draf perintah ini telah menjalani bacaan kali kedua di Majlis Ugama Islam Brunei.

Fasa ketiganya, ialah 24 bulan selepas diwartakan Perintah Kanun Peraturan Hukuman Jenayah Syariah tersebut. Insya-Allah, dengan demikian, pelaksanaan tersebut akan berjalan dengan teratur dan sistematik, dengan bertawakal dan memohon kepada Allah Ta'ala kemudahan dan pertolongan-Nya jua.

Sebagaimana yang kita jangkakan dari awal-awal lagi, akan ada suara-suara negatif, kerana tidak memahami keindahan dan keunggulan Perundangan Islam. Namun banyak pula, suara yang positif yang menyokong dan mengalu-alukan hasrat murni kita untuk melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini, sesuai dengan Negara kita walaupun kecil. Tetapi, sebuah Negara Islam yang merdeka dan berdaulat yang menjunjung Al-Quran dan As-sunnah yang ajaran Islam telah dihayati lebih lima kurun yang lalu.

Mengenai isu-isu sosial dan kurang bermoral seperti yang dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, perkara ini memang merupakan sebahagian daripada isu yang akan cuba diatasi oleh Kementerian Hal

Ehwal Ugama menerusi agensi-agensi di bawahnya. Berkerjasama dengan agensi-agensi lain dalam kerajaan termasuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang banyak hubungan dengan belia, iaitu di bawah strategi yang dipanggil "Al-Amru Bil Ma'aruf Wan Nahyu 'Anil Munkar"

Isu sosial dan kurang bermoral ini di kalangan para belia kita, pada hemat kaola walaupun tidak serius dan masih terkawal, namun kita memang sentiasa berusaha dan berharap supaya ianya tidak akan membiak yang boleh merosakkan imej agama, budaya dan Negara kita. Malah, boleh merosakkan konsep MIB. Kaola percaya, insya-Allah di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah nanti, perkara ini akan dapat menindakkan dengan lebih berkesan kerana antara tujuan Perintah Kanun ini ialah untuk mewujudkan masyarakat khasnya para belia yang bermoral, berakhlak dan bersopan santun.

Keberkesanan untuk menangani isu sosial dan kurang bermoral ini juga terletak di tangan para ibu bapa yang sedar dan insaf nasib masa depan bangsa, agama dan Negara. Ibu bapalah benteng utama yang mengawal, memata-matai, menegur dan menasihati anak-anak mereka.

Dalam hal ini, satu kajian telah cuba diusahakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan melantik konsultan yang berpengalaman, namun disebabkan adanya hasrat untuk membuat penelitian-penelitian yang lebih lanjut, perkara tersebut telah tertangguh. Bagaimanapun kita akan rujuk lagi perkara ini pada tahun ini, insya-Allah, supaya ianya menjadi satu realiti iaitu sebuah kajian yang bermanfaat yang akan memudahkan lagi kita mengubati penyakit sosial dan kurang bermoral tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada akhirnya dua rangkap pantun pula dari kaola:

Raja kita Hassanal Bolkiah,
Pendiri Adil Laila Bahagia,
Kita berbincang kita berhujjah
Demi mendukung daulat Negara.

Hassanal Bolkiah Raja yang ramah,
Darussalam Negara yang aman,
Dengan Penangguhan kita berpisah,
Insya Allah berjumpa lagi di tahun hadapan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis

Mesyuarat Negara. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola menggabungkan diri merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini hingga ia berjalan dengan lancar dan sempurna. Memang diakui, adalah tidak mudah untuk mengemudi dan memimpin mesyuarat yang membincangkan kepentingan Negara dan rakyat lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi yang menjana pekerjaan dan pelaburan sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam Permesyuaratan di Dewan yang mulia ini, untuk mencapai hasrat Baginda ke arah mewujudkan keamanan, ketenteraman, perpaduan, kesejahteraan dan kemakmuran. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik adalah begitu bertanggungjawab dan penuh komitmen mengemukakan soalan-soalan, pandangan dan saranan yang bernas, konstruktif dan relevan ke arah memastikan kejayaan pelaksanaan rancangan kemajuan Kerajaan, dan juga untuk mengukuhkan dan memperkasa setiap program berkenaan tidak terkeluar daripada sasaran dan benar-benar mendatangkan faedah kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.
Tidak kurang juga banyak cadangan dan saranan untuk menambah dan meningkatkan bantuan kewangan dan subsidi kerajaan bagi kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang mana boleh meningkatkan tanggungan kewangan Kerajaan.

Seperti mana yang terkandung dalam Ucapan Pembentangan Belanjawan 2014/2015 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, kita semua perlu memahami keadaan fiskal Negara pada masa ini. Dengan senario tersebut, kita perlu mencadang dan mengatur strategi peruntukan kewangan secara rasional dan mengikut keutamaan dan perbelanjaan yang strategik, ibarat kata orang-orang kitani "biar titis, jangan miris dan karing".

Bagi pihak diri saya sendiri, soalan serta saranan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ini, adalah sangat-sangat dihargai dan diucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang khusus mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang matlamatnya ialah pengukuhan kebudayaan dan kesenian, pembangunan belia, perkembangan sukan dan kebajikan masyarakat.

Sememangnya dalam merangka pembangunan dan kesejahteraan sosial,

pihak Kementerian tidak dapat berperanan secara bersendirian (*in silo)* untuk melakar perancangan secara holistik dan berkesan tanpa *input* serta sumbangan buah fikiran daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin akar umbi yang sentiasa berdampingan dengan rakyat dan penduduk yang mengetahui lebih jelas mengenai apa jua masalah dan keperluan di peringkat tersebut. Ini saya gambarkan dengan pantun berikut:

Kuala Peminyak dipukul badai,
Berhari dagang dalam kesejukan,
Berapa banyak cerdik dan pandai,
Jauhari juga yang mengenal manikam.

Dalam kesempatan ini, saya memohon maaf jika beberapa soalan yang diajukan belum dapat diberikan jawapan, bukan kerana ianya tidak bernas dan relevan, tetapi disebabkan oleh bernas dan relevannya soalan-soalan tersebut, maka saya memerlukan masa bagi menjawabnya secara berbutir. Insya-Allah, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberikan jawapan sama ada secara bertulis atau bersemuka dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, walau bagaimanapun dalam kesempatan ini, saya ingin memberikan jawapan kepada beberapa soalan yang berikut:

Pertama, mengenai soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, berkaitan dengan perlindungan ke atas kanak-kanak. Saya sukacita memaklumkan bahawa kes-kes penderaan kanak-kanak ditangani mengikut prosedur-prosedur yang tertentu mengikut *Children and Young Person Act*. Apabila kes-kes baru diterima, pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat akan memohon *Interim Order* yang JAPEM hanya dibenarkan untuk menempatkan kanak-kanak berkenaan di rumah perlindungan tidak lebih dari 3 hari waktu bekerja.

Dalam tempoh 3 hari tersebut, JAPEM (Jabatan Pembangunan Masyarakat) dikehendaki untuk menyediakan laporan bagi mendapat perintah perlindungan kekal daripada pihak mahkamah. Pihak mahkamah seterusnya akan menilai kesesuaian mangsa diberi perlindungan berdasarkan kepada laporan sokongan daripada JAPEM, pihak Polis dan pihak hospital. Dalam hal ini, tidak semua kes yang dirujuk ke pihak hospital terutama sekali *suspected abuse* akan diberikan perintah perlindungan dan tidak ada *suspected abuse cases* dimasukkan ke rumah perlindungan tanpa perintah mahkamah. Setentunya, kita semua bertidak berlandaskan "*best interest of the child"* yang pihak kementerian dalam melaksanakannya sentiasa berpandukan kepada peruntukan akta dan peraturan yang ada.

Seterusnya mengenai perancangan dan melaksanakan *Child Online Protection Framework* yang baru diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai *lead agency*, pada 5 Mac 2014 oleh *AITI*. Perkara ini akan ditangani bersama oleh semua agensi berkenaan termasuk *AITI*. Pada masa ini, terma rujukan *Child Online*

Protection hampir selesai dan program awal adalah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai risiko mangsa siber.

Kedua, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid, iaitu *social entrepreneurship*. Saya terlebih dahulu melahirkan persetujuan mengenai pentingnya serta potensi *social entrepreneurship* untuk dimajukan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dan akan terus berusaha mengembangkan sektor ini. Beberapa buah badan *social entrepreneurship* telah ditubuhkan dan yang dikendalikan oleh anak-anak tempatan sendiri seperti *Katakijau, Green Brunei, Beach Bunch* dan *Society for Community Outreach and Training (SCOT),* telah diberikan galakan. Selain itu, beberapa kursus dan bengkel telah dianjurkan dengan mendatangkan khidmat pakar dari luar negeri. Akhir sekali, cadangan mengenai perlunya undang-undang digubal, perkara ini diambil perhatian.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, iaitu pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti kebudayaan, belia dan sukan agar selari dengan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dalam perkara ini, akan sentiasa mengikut apa jua garis panduan yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkuasa melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Walau bagaimanapun pihak Kementerian sentiasa menasihatkan peserta-peserta sukan untuk memakai pakaian yang bersesuaian. Begitu juga yang berkaitan dengan kegiatan kebudayaan dan kesenian.

Bagi mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Kementerian ini akan memastikan belia di Negara ini mempunyai kefahaman dan mendukung sepenuhnya hasrat berkenaan. Bagi tujuan ini, insya-Allah, kementerian ini dengan kerjasama Jabatan Mufti Kerajaan akan menganjurkan satu Seminar Kefahaman Undang-Undang Jenayah Syariah bagi belia pada April 2014 yang akan melibatkan perwakilan belia seluruh Negara.

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mendapat taufik dan hidayah-Nya serta sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dan kebahagiaan. Saya sudahi dengan dua rangkap pantun;

Kuntum berduri di dalam taman,
Baunya semerbak memikat dara,
13 hari kita membincangkan
belanjawan,
Banyak bicara bernas disuarakan.

Ambil bilah di dalam wasai,
Letak pukat dalam bulatan,
Alhamdulillah kita bermesyuarat sudah selesai,
Mudahan dapat meningkatkan lagi ukhuwah dan permuafakatan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara telah sampai ke penghujungnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan yang seikhlas-ikhlasnya, atas kerjasama yang padu dari Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang telah membolehkan permesyuaratan kita ini berjalan dengan lancar, baik di peringkat Majlis Mesyuarat Negara mahupun di Peringkat Jawatankuasa.

Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kedua-dua Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai dan kakitangan di semua peringkat, sama ada dari Jabatan Majlis Mesyuarat Negara mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa kementerian dan jabatan, atas usaha gigih dan komitmen mereka dalam menyediakan berbagai keperluan di sepanjang Permesyuaratan kita ini.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, ini juga adalah atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik. Ini termasuklah juga liputan media massa dari pihak Kerajaan iaitu Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta dari media-media cetak dalam negeri, yang telah membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perkembangan perbincangan di Dewan yang mulia ini. Saya dengan ikhlas mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dari pemerhatian saya, perkara-perkara yang dibincangkan atau dikemukakan dalam Persidangan kali ini, keseluruhannya memfokuskan kepada Tema Peruntukan Tahun Kewangan 2014/2015 iaitu "Menjana Pertumbuhan Ekonomi, Mewujudkan Peluang Pekerjaan." Saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memusatkan isu perbincangan untuk mengupas Tema Peruntukan tersebut.

Saya juga, ingin mengucapkan syabas atas insiaitif-inisiatif untuk memperbaiki lagi perkhidmatan awam. Antara yang dapat saya sebutkan di sini, ialah langkah-langkah menangani kelambatan pembayaran ke atas projek-projek yang telah sempurna dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor, melalui *Invoice Tracking System* di Kementerian Kewangan dan 7 Inisiatif Utama yang akan dilaksanakan di Kementerian Pendidikan.

Di sepanjang Persidangan, saya dapat melihat perpaduan yang lebih erat antara Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Dilantik dalam membincangkan sesuatu isu yang dibangkitkan. Pada pandangan saya, ini adalah kesan dari permuzakarahan yang diadakan secara berterusan termasuk di luar Dewan yang mulia ini.

Ahli-Ahli Yang Berhromat. Saya menyambut baik dan amat menghargai kesungguhan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam merapatkan lagi kerjasama yang ada melalui permuzakarahan yang diadakan di luar Dewan yang mulia ini.

Sesi permuzakarahan yang diadakan antara beberapa buah kementerian dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik sebelum ini, bukan sahaja menunjukkan kesungguhan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk meleraikan isu-isu yang dibangkitkan semasa permesyuaratan di Dewan yang mulia ini, tetapi juga bagi membolehkan kedua-dua belah pihak berkongsi maklumat mengenai kemajuan tindakan-tindakan yang diambil ke atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan di Dewan yang mulia ini .

Permuzakarahan sedemikian, secara tidak langsung turut menggambarkan peranan penting yang dimainkan oleh Majlis Mesyuarat Negara sebagai wadah perbincangan yang benar-benar membina dan berorientasikan tindakan. Dengan cara ini, orang ramai berpeluang untuk mengetahui tentang kesungguhan dan sifat pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap permasalahan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di Negara ini.

Saya berharap permuzakarahan di luar persidangan ini akan dapat diteruskan dari masa ke masa. Begitulah pandangan saya mengenai apa yang telah berlaku di sepanjang persidangan ini. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala Taala akan sentiasa memberikan kita nikmat kesihatan untuk membolehkan kita meneruskan tanggungjawab ini dan mudah-mudahan kita sekalian akan dapat berjumpa lagi bukan saja di Dewan ini tetapi di tempat-tempat yang lain. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu`alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan sehingga satu masa yang akan ditentukan nanti. Sekian, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN JAWAB MULUT YANG DIJAWAB SECARA BERTULIS DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI PEMBANGUNAN:

1. **Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:**

   i) **Perkara ini, kaola tujukan kepada Jabatan Tanah. Proses berkaitan dengan pindah milik, tukar syarat dan pemecahan tanah yang bergeran atau *lease.* Mengikut Tekad Pemedulian Orang Ramai (*TPOR*) yang ada sekarang akan mengambil masa selama 6 bulan tapi masih terdapat permohonan seperti di atas mengambil masa lebih dari 6 bulan, kadang-kadang memakan masa sehingga setahun atau lebih untuk diluluskan. Dicadangkan supaya proses yang ada sekarang dapat dipermudahkan agar lebih nampak efisien.**

Jawapan:

Mengenai proses pindah milik dan tukar syarat, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah sentiasa berusaha untuk memudahkan dan mempercepatkan proses berkenaan. Pada masa ini, *TPOR* bagi proses berkenaan adalah tidak melebihi 6 bulan. Walau bagaimanapun, kadang-kadang terdapat permohonan-permohonan yang bermasalah yang mana mungkin mengambil masa yang lebih lama.

Mengenai proses pemecahan tanah yang bergeran atau *lease*, kerja-kerja ini adalah tertakluk kepada Juruukur berlesen yang melaksanakan kerja-kerja tersebut. Setelah cadangan pemecahan dihadapkan kepada Pihak Layak Yang Berkuasa Pemecahan dan Penyantuman Tanah (yang dipengerusikan oleh Juruukur Agung) dan diluluskan, barulah kerja-kerja pengukuran dibuat sebelum tanah didaftarkan di Jabatan Tanah.

Secara keseluruhannya, pihak Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan yang berkenaan sedang berusaha untuk mengadakan permohonan secara *online*. Memandangkan kebanyakkan proses membabitkan beberapa jabatan (contohnya permohonan tukar syarat), maka penyelarasan perlu dibuat supaya proses berkenaan teratur dan mengikut undang-undang dan garis panduan pihak yang berkuatkuasa.

   ii) **Tukar nama tanah TOL. Sebelum ini tukar nama atau pemilik tanah *TOL* yang ada aset di atasnya iaitu rumah. Contohnya, kalau pertukaran itu daripada ibu kepada anak yang warganegara Brunei Darussalam atau penduduk tetap, tidak mempunyai sebarang masalah ianya dibenarkan tetapi pada akhir-akhir ini, kaola dimaklumkan perkara tersebut tidak lagi dibenarkan. Kaola memohon penjelasan dalam perkara ini.**

Jawapan:

Seperti yang diterangkan pada Sesi Jawatankuasa sebelum ini, tanah Lesen Tumpang Sementara atau *TOL* telah dibekukan bermula pada tahun 2008 bagi

semua jenis kegiatan, sementara dasar *TOL* baru di*draft*. Pada tahun 2011, satu dasar baru telah dikeluarkan yang mana membukakan permohonan *TOL* untuk kegunaan perniagaan, perindustrian, sekolah dan *site office* sahaja. Manakala *TOL* bersyaratkan perumahan, pertanian, bangunan kebajikan dan lain-lainnya tidak lagi diterima.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini maklum mengenai terdapatnya tanah-tanah *TOL* yang mempunyai aset seperti rumah kediaman yang dipohonkan untuk diambil alih oleh ahli keluarga yang terdekat. Perkara tersebut telah pun diberikan pertimbangan oleh Kementerian Pembangunan bagi tanah-tanah *TOL* yang berkenaan asalnya dikeluarkan sebelum pembekuan iaitu tahun 2008. Mana-mana permohonan terutamanya *TOL* yang baru dan dipohonkan selepas tahun 2008 masih lagi dalam penelitian pihak Kementerian Pembangunan. Ini adalah memandangkan Kerajaan telah merancang untuk menyelaras penggunaan tanah-tanah Kerajaan untuk dioptimakan dan mengenal pasti tanah-tanah yang tidak lagi sesuai untuk diberikan secara *TOL*. Tambahan lagi, Kerajaan juga telah, sedang dan akan menyediakan perumahan-perumahan di dalam Rancangan Perumahan Negara. Sayugia juga diingatkan bahawa tanah-tanah *TOL* tidak boleh dipindah milik kerana ianya adalah tanah yang diberikan secara lesen tumpang sementara dan untuk kegunaan sementara sahaja. Lesen Tumpang Sementara atau *TOL* tersebut hanya sah dari tahun kesetahun dan memang dipersyaratkan bahawa jika Kerajaan berhasrat untuk menggunakan tanah tersebut untuk projek Kerajaan maka lesen-lesen tersebut boleh dibatalkan.

2. Saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohamad Taha bin Abd. Rauf:

ISU-ISU RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA (RPN)

Mewujudkan kawasan perumahan di kampung-kampung

Jawapan:

Projek *'infill scheme'* menyediakan lot-lot tanah di kawasan tanah kosong di kampung-kampung telah dilaksanakan di beberapa kampung seperti Kampung Madang, Kampung Meragang dan beberapa buah kampung lagi. Skim *infill* ini akan dilaratkan ke kawasan tanah kosong di kampung lain. Ini termasuklah penyediaan rumah mengikut tempat kediaman asal pemohon di kampung pedalaman. Tapak-tapak yang bersesuaian di kampung-kampung sedang dikenal pasti.

3. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

Mengenai kegiatan perniagaan di kawasan perumahan dan pembesaran jalan belakang ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie.

Jawapan:

Syarat Perumahan RPN yang tidak membenarkan pemilik rumah menjalankan kegiatan perniagaan adalah bagi tujuan mengelakkan kesan atau impak yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan

keharmonian kejiranan penduduk setempat. Kegiatan perniagaan boleh saja menimbulkan kesan bising, menjejaskan lalulintas dan kebersihan kawasan.

Mengenai kemudahan bagi penduduk RPN Kampung Rataie menjalankan perniagaan, dimaklumkan tapak bagi kawasan perniagaan memang ada disediakan di kawasan RPN Kampung Rataie. Penduduk kampung boleh menggunakan tapak ini bagi maksud menjalankan perniagaan mereka. Mengenai cadangan untuk mendirikan gerai jualan, cadangan ini akan kita usahakan dengan pihak-pihak berkenaan. Cadangan pembesaran jalan ke RPN Kampung Rataie akan JKR teliti dan usahakan.

4. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:

i. Jalan keluar masuk menuju ke Pusat Kesihatan Bunut dengan jalan besar supaya akan dapat dinaik taraf ataupun dibesarkan bagi melancarkan perjalanan kenderaan terutama jika ada kecemasan berlaku.

Jawapan:

Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan akan mengkaji cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan akan meningkatkan jalan laluan berkenaan mengambil kira keadaan tapak, trafik dan keselamatan jalan raya untuk melancarkan trafik terutamanya semasa kesibukan. Kerja-kerja berkenaan dapat dilaksanakan melalui kontrak penggal Jabatan Kerja Raya (JKR) yang sedia ada.

ii. Simpang 4, Jalan Mulaut-Masin, Jalan Lampaki dan Jalan Lubuk Sigurun Kampung Mulaut. Akhir-akhir ini, Jalan Mulaut/Masin semakin sibuk dan sesak oleh kenderaan yang lalu lalang menggunakan jalan berkenaan terutama pada waktu pagi, tengahari, petang dan waktu balik bekerja. Kesesakan ini semakin bertambah dengan adanya ibu bapa dan orang ramai yang menghantar dan mengambil anak-anak mereka ke sekolah dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong-Mulaut, Sekolah Rendah Mulaut, Sekolah Agama dan sebagainya. Oleh itu penduduk kampung mencadangkan supaya lampu isyarat (*traffic light*) didirikan di Simpang 4 yang dimaksudkan.

Jawapan:

Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan juga akan mengkaji keadaan trafik di simpang berkenaan dan jika trafik telah melebihi kapasiti simpang berkenaan, JKR akan memohon peruntukan tertentu bagi pembaikkan persimpangan dan pemasangan lampu isyarat berkenaan.

5. Soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:

i. Kaola akan membawa isu menaik taraf jalan, simpang jalan *(excess road).* Antara syarat bagi menaik taraf jalan, simpang laluan (excess road) ialah kawasan tersebut hendaklah sekurang-kurang-nya ada 5 buah rumah. Dalam hal ini, kaola mencadangkan syarat tersebut dikaji semula dengan mempertimbangkan

sokongan laluan yang kurang dari 5 buah rumah. Ini membolehkan semua rakyat dapat kemudahan yang sama dengan yang lain.

Jawapan:

Skim bagi menaik taraf simpang-simpang telah pun diadakan untuk perkembangan sosio-ekonomi Negara. Sejak RKN ke 6, sebanyak 862 simpang dalam sepanjang 226 km di seluruh negara telah pun dinaik taraf.

Syarat utama bagi menaik taraf simpang-simpang adalah kepadatan simpang berkenaan mesti melebihi 30 buah rumah dalam 1 kilometer dan mempunyai sekurang-kurangnya dalam 5 buah rumah pada simpang berkenaan. Walaupun syarat kepadatan masa ini amat tinggi, sejumlah lebih 360 simpang yang memenuhi syarat berkenaan adalah dalam giliran untuk dinaik taraf, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan menyedari bahawa kepadatan di Daerah Tutong dan Daerah Temburong adalah kurang jika dibandingkan dengan Daerah Brunei dan Muara, maka syarat-syarat bagi menaik taraf simpang di daerah-daerah berkenaan akan direbiu semula demi untuk kebaikan penduduk-penduduk di daerah-daerah tertentu.

ii. **Sehubungan dengan ini juga, kaola cadangkan jalan kecil Bukit Panggal yang menghubungkan Jalan Tutong ke Lebuh Raya Muara-Tutong dapat dilebarkan dan seterusnya dinaik taraf kerana jumlah kereta yang menggunakan jalan tersebut setiap hari meningkat. Dicadangkan supaya dibina *flyover* bagi menyeberangi jalan kerana menggunakan pusingan U-*turn* yang ada sekarang adalah berbahaya.**

Jawapan:

Satu perancangan sedang dalam kajian oleh pihak BEDB untuk mengadakan kemajuan industri di kawasan Bukit Panggal. Kajian berkenaan akan termasuk juga perancangan menaik taraf jalan dari Lebuhraya hingga ke Jalan Tutong lama dan perancangan bagi sebuah jejambat di persimpangan Lebuhraya Jalan Bukit Panggal. Maklumat-maklumat perancangan berkenaan mungkin dapat dikongsikan selepas perancangan berkenaan siap selesai nanti.

6. **Yang Berhormat Awang Haj Sulaiman bin Haji Ahad:**

i. **Kaola mencadangkan supaya benteng tebing Sungai Temburong di Pekan Bangar, yang sudah ada pada masa ini, akan dapat dipertimbangkan untuk disambung hingga ke hujung Kampung Menengah sebagai benteng menahan air bah yang deras bila musim tengkujuh dan bagi mengelakkan hakisan tanah atau tanah runtuh yang akan melibatkan rumah-rumah yang berdekatan dengan tebing sungai penduduk kampong yang berkenaan.**

Jawapan:

Dalam jangka masa panjang, projek saliran bagi penyambungan benteng penahan air tebing Sungai Temburong dari Pekan Bangar ke hujung Kampung Menengah adalah termasuk dalam perancangan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan di bawah senarai Skim Rancangan Kemajuan Ke-11.

ii. **Dicadangkan jalan kedua dibina dari Kampung Ratie, Mukim Bokok menunju ke Kampung Peliunan, Mukim Bangar Temburong. Diusulkan supaya ada jalan *alternative* jika berlaku banjir kilat di kampung dan mukim tersebut dan sebagai jalan pintas ke Pekan Bangar.**

Jawapan:

Laluan jalan *alternative* ini belum terdapat dalam rancangan Kementerian Pembangunan. Namun demikian, usul ini akan diteliti kesesuaiannya memandangkan kawasan yang akan dilalui adalah merentasi bukit tinggi dan memerlukan kajian terperinci.

iii. **Dicadangkan supaya mesin memproses aspal diadakan di Daerah Temburong bagi kemudahan dan mempercepatkan lagi kerja-kerja membaiki kerosakan dan menaiktaraf jalan-jalan raya di Daerah ini.**

Jawapan:

Perkara ini adalah tertakluk kepada situasi pasaran. Kontraktor-kontraktor akan melabur dalam penyediaan mesin memasak asphal jika kerja-kerja pembinaan dan pemeliharaan berlaku semasa kontraktor melaksanakan pelebaran Jalan Puni ke Pos Kawalan Labu. Walau bagaimanappun, selepas projek siap dilaksanakan, mesin memasak asphal di keluarkan daripada Daerah Temburong kerana jumlah penggunaan asphal bagi pemeliharaan adalah cuma sedikit saja. Jabatan Kerja Raya akan sentiasa memastikan langkah-langkah berpatutuan diambil oleh pihak kontraktor supaya kualiti asphal yang dibekalkan dari Daerah Brunei dan Muara adalah memenuhi spesifikasi bagi kerja-kerja pemeliharaan jalan raya di Daerah Temburong.

iv. **Kaola sukacita mencadangkan supaya jalan kecil Kampung Peliunan, Mukim Batu Apoi, memerlukan pembaikan dan dinaik taraf kerana jalan raya yang ada pada masa ini terlalu kecil bagi laluan dua buah kenderaan bila bertembung dan jalan raya berkenaan banyak rosak dan berlubang-lubang.**

Jawapan:

Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan akan mengadakan pemeriksaan atas jalan berkenaan dan mengambil tindakan yang bersesuaian. Di samping itu pihak Jabatan Kerja Raya juga akan menilai jalan berkenaan untuk tujuan pembaikannya.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembaikannya adalah tertakluk kepada keutamaan dan kebenaran peruntukan.

JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN JAWAB MULUT YANG DIJAWAB SECARA BERTULIS DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN:

7. Soalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit Bin Haji Nudin:

Aduan dari pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di luar negeri, mengenai pemberitahuan kelayakan menerima biasiswa dari pihak Kerajaan. Ada segelintir pelajar hanya mengetahui, mereka akan belajar ke luar negeri sehari sebelum bertolak ke luar negeri.

Jawapan:

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin di atas keprihatinan beliau dalam mengetengahkan isu kelambatan pemberitahuan biasiswa kepada pemohon yang berjaya.

Kementerian Pendidikan mengambil maklum bahawa isu ini adalah penting dan perlu diberikan perhatian serius. Adalah dimaklumkan pada masa ini pihak Kementerian sedang berusaha keras untuk memperbaiki perkara ini dengan mengambil langkah-langkah strategik untuk menilai dan merebiu lagi proses-proses, tatacara, syarat-syarat permohonan dan pemilihan biasiswa yang sedia ada. Ini adalah untuk memastikan perjalanan seorang pemohon biasiswa itu lancar dimana pemberitahuan keputusan biasiswa akan dapat dibuat lebih awal daripada tarikh berangkat ke luar negara. Kementerian Pendidikan mengambil maklum bahawa persiapan untuk ke luar negara adalah mencabar dan memakan masa seperti permohonan visa, pemeriksaan kesihatan dan urusan tiket pelayaran. Di samping itu, para pemohon juga perlu untuk sampai ke negeri destinasi pada masa yang awal dan sesuai untuk urusan tempat tinggal, membuka akaun bank, menghadiri orientasi, pendaftaran universiti dan sebagainya, jesteru ini, beberapa *Student Unit* di bawah Kementerian Pendidikan memang telah ada beroperasi di negara-negara tertentu bagi memastikan kelancaran kedatangan para penuntut kita ke negara-negara tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland pada bulan Disember 2013 bagi satu polisi dermasiswa baru dibentuk bagi mempastikan calon-calon penerima biasiswa kerajaan adalah benar-benar layak. Ini adalah bagi memastikan isu *mismatch* tidak berlarutan dan memastikan pelaburan Kerajaan selama ini membuahkan hasil atau *Return on Investment (ROI)* yang maksima.

Adalah juga dimaklumkan bahawa satu 'Jawatankuasa Ad Hoc bagi Meneliti Skim-Skim Biasiswa Di Negara Brunei Darussalam' telah ditubuhkan untuk merebiu dasar dan menilai pelbagai isu berkaitan biasiswa demi menambahbaik lagi proses dan pemilihan biasiswa.

Alhamdulillah, berkaitan dengan perkara biasiswa ini juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan

penubuhan satu Badan Khas yang bertanggungjawab menyediakan dasar perancangan sumber tenaga manusia *(manpower planning).* Tujuan utama Badan Khas Sumber Tenaga Manusia ini ditubuhkan adalah untuk memadankan permintaan dan bekalan bagi kemahiran (*demand and supply for skills*) dalam pembangunan ekonomi berdasarkan tahap sedia ada dan anggaran keperluan masa depan.

Apa yang lebih penting, Badan Khas ini akan membolehkan projeksi keperluan sumber tenaga manusia yang boleh digunakan sebagai panduan untuk menawarkan biasiswa menurut bidang dan bilangan selaras dengan keperluan sebenar sumber tenaga manusia di negara ini.

Insya Allah, penganugerahan biasiswa oleh Kementerian Pendidikan akan dijalankan dengan lebih strategik, selaras dengan keperluan Negara dan diberikan kepada yang benar-benar layak menerima. Kita perlulah juga ingat dan faham bahawa biasiswa bukanlah satu hak (*right*) tetapi adalah satu keistimewaan bagi mereka yang betul-betul layak.

8. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Adakah perancangan supaya herba-herbaan hutan negara ini termasuk dalam kajian saintifik untuk mengenal pasti kandungan dan khasiatnya? Kerana di bawah Skim Insentif Pendidikan Brunei, peruntukan $5 juta disediakan untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D *(Research and Development).*

Jawapan:

Kaola ingin merujuk pertanyaan dari Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai penyelidikan dalam bidang perubatan herba atau *herbal medicine* sebagaimana dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2011. Penyelidikan-penyelidikan herba termasuk perubatan herba ada dijalankan di Universiti Brunei Darussalam di mana ianya adalah salah satu program penyelidikan di bawah penyelidikan *Biodiversity*. Adalah dimaklumkan bahawa *Biodivesity* adalah salah satu bidang penyelidikan *niche* bagi Universiti Brunei Darussalam. Bidang penyelidikan *nichle* lain di Universiti Brunei Darussalam termasuk tenaga, *agrotechnology*, Kewangan dan Tabdir Urus Islam dan Pengajian Asian.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, penyelidikan *Biodiversity* di Universiti Brunei Darussalam merentasi disiplin dan dijalankan oleh beberapa fakulti dan pusat penyelidikan terutama sekali oleh *Institute of Biodiversity and Environment Research.* Institut ini adalah institut antarabangsa dan aktif dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pendidikan kerjasama termasuk dalam pertukaran pelajar-pelajar bersama institut-institut terkemuka seperti *Priceton University, Cambridge University, New York Botanical Garden* dan lain-lain lagi. Universiti Brunei Darussalam adalah juga pengasas, pengerusi dan sekretariat bagi rangkaian universiti-universiti antarabangsa yang dikenali sebagai iCUBE iaitu *International Consortium of Universities in the study of Biodiversity and Environment. Ahli-ahli lain dalam*

rangkaian ini adalah National University of Singapore, King's College London, Monash Unversity di Australia, Auckland University di New Zealand, Korea University, Bonn University di Germany dan University of North Carolina at Chapel Hill di Amerika Syarikat.

Menyentuh penyelidikan khusus kepada perubatan herba atau *herbal medicine* pula, ada terdapat beberapa projek yang merentasi beberapa disiplin di bawah penyelidikan ini. Dana dari Majlis Penyelidikan Brunei *(Brunei Research Council)* bagi penyelidikan ini adalah sebanyak $6.25 juta dan $750,000 lagi diperuntukan bagi pengeluaran paten hasil dari penyelidikan ini.

Universiti Brunei Darussalam berkolabarasi dengan beberapa institusi antarabangsa dalam penyelidikan ini termasuk G STEP dari Korea, Universiti Malaya, dan baru-baru ini Osaka University. Skop penyelidikan perubatan herba adalah luas dari takat penggunaan herba sebagai ubat di kalangan masyarakat melayu ke penyelidikan yang melibatkan *bioprospecting* bagi mengkaji herba-herba yang terdapat di Brunei untuk kegunaannya dalam perubatan tradisional.

Ada terdapat 68 jenis herba tempatan yang sedang dalam kajian dan ini termasuk pengaga, bunga kunyit, pucuk pawas dan ginseng Brunei. Skop penyelidikan herba meliputi beberapa jenis kajian termasuk kajian aktiviti *anti-oxidant* dan kajian kandungan *bio active compounds.* Selain dari itu, *extract* dari herba juga sedang dikaji bagi kegunaannya dalam perubatan seperti selepas besalin dan penyakit kencing manis. Di sini juga perlu dimaklumkan bahawa penyelidikan sains yang membawa faedah kepada manusia selalunya mengambil tempoh yang lama. Walau bagaimanapun, setakat ini beberapa perkembangan didapati di mana contohnya ada herba yang dilihat mempunyai kemampuan untuk menumbuhkan semula sel *(cell regeneration)* dari organ *pancreas* dalam tikus dan ini adalah berpotensi untuk perubatan bagi kencing manis.

Program penyelidikan ini juga berhasrat untuk membangun kapasiti tenaga kepakaran terutama sekali anak tempatan kita. Pada masa ini, ada terdapat 4 pelajar di tahap PhD dan 3 pelajar di tahap Sarjana selain daripada beberapa *researcher fellows* yang lain. Selain dari ini, Fakulti Sains juga akan menawarkan pengkhususan dalam bidang *Biochemistry* and *Molecular Biology* di peringkat Sarjana Muda di mana pendidikan dan penyelidikan herba akan dimasukkan.

PENJELASAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA:

Kampung Tanjung Maya, sering dibanjiri dan kemasukan air-air masin ataupun air pasang daripada laut ini menjejaskan pengusaha - pengusaha daripada mendapatkan pengeluaran yang tinggi. Di Lamunin akan kaola lihat macam mana kesesuaiannya, tetapi di Kampung Tanjung Maya memang dikesan air daripada laut telah mula menaiki kawasan atasan kawasan ulu di Sungai Tutong. Kementerian pada masa ini, dengan bantuan ITB, sedang membuat kajian tentang macam mana usaha untuk mengurangkan kemasukan air masin dari laut ke sungai-sungai di Tutong itu.

Walau macam manapun, Yang Berhormat tadi telah mencadangkan supaya diusahakan dengan pokok-pokok rumbia.

Di Lubuk Gusih, 4 tahun lalu telah dibuka dan ini akan diusahakan untuk dijadikan tempat pengeluaran yang melibatkan kerjasama dengan ITB terutamanya tentang mendatangkan pengaliran air dan sebagainya dan mengurangkan kesan-kesan kemasukan air pasang air masin dari laut ke kawasan-kawasan tersebut

JAWAPAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN:

Kaola ingin memberi jawapan tambahan mengenai soalan dari Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai usaha untuk mengurangkan air masin dari laut ke sungai-sungai di Tutong. Adalah dimaklumkan bahawa Institut Teknologi Brunei dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada menjalankan penyelidikan pengairan padi. Ianya melibatkan beberapa ahli akademik dan pembantu penyelidik (*research assistants*) lepasan diploma yang termasuk anak tempatan. Projek Pengairan Padi ini dibiayai oleh Majlis Penyelidikan Brunei (BRC) dengan dana penyelidikan sebanyak B$613,460.

Penyelidikan ini berfokus kepada skim padi di Lubok Gusih yang terletak di Mukim Kiudang dengan keluasan hampir 55.9 hektar. Kawasan padi adalah rata dan berpaya dan berhampiran dengan Sungai Birau. Kawasan ini mempunyai masalah dengan pengairan di mana:

1) Bekalan air tidak mencukupi;

2) Hanya kawasan padi berhampiran dengan sungai sahaja yang dapat menerima pembekalan air;

3) Kemarau selama 1-2 bulan boleh menyebabkan air dari laut masuk sungai dan terus ke kawasan tanaman padi, seterusnya menyebabkan penanaman padi diberhentikan untuk seketika; dan

4) Di waktu hujan lebat, saliran akan tersekat menyebabkan padi tenggelam oleh air yang bertekung.

Penyelidikan adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut dengan membentuk struktur pengawalan yang dipanggil *Sluice Gates*. Pagar ini digunakan untuk mengawal dan menyukat kadar aliran air di dalam sungai dan terusan terbuka. *Sluice gate* perlu disimpan tinggi apabila air dalam keadaan rendah. Bagi mukim ini, 2 reka alternatif telah dicadangkan:

1) Empangan direka-bentuk di mana tahap *crest* sama dengan air pasang;

2) Empangan rendah dengan *sluice gate.*

Fasa penyelidikan seterusnya adalah untuk mereka-bentuk *Sluice Gate* secara terperinci dan keberkesanan kos atau *cost effectiveness* pengendaliannya. Projek yang bermula April 2010 akan dijangka selesai April 2014.

Hari Selasa, 16 Jamadilawal 1435 / 18 Mac 2014 (Pagi)

9. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:

Pada masa ini, terdapat empat buah institusi pengajian tinggi, tiga di Kementerian Pendidikan dan satu di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kaola difahamkan, aktiviti-aktiviti para ahli akademik adalah pengajaran *(teaching)* menyediakan penyelidikan dan juga sumbangan kepada masyarakat. Sukacita ingin mengetahui:

i. Adakah kriteria-kriteria bagi kenaikan pangkat bagi para ahli akademik di empat institusi ini, seragam atau berlainan?; dan

ii. Apakah kriteria-kriteria bagi kenaikan pangkat para ahli akademi ke Profesor Madya? Berapa banyak pendidikan yang diperlukan untuk kenaikan pangkat ini? Adakah para ahli akademi ini menerbitkan hasil penyelidikan mereka di jurnal tempatan dan di luar Negara?

PENJELASAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN:

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memberikan penjelasan tambahan untuk soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai kriteria-kriteria kenaikan pangkat bagi ahli akademik di Institusi Pengajian Tinggi.

Alhamdulillah, kaola dengan ini memaklumkan bahawa melalui surat Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan bilangan KKW/MKII/24 bertarikh 4 Jamadilawal 1435 bersamaan 6 Mac 2014, menyatakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenankan skim baru – Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (SPTA). SPTA ini adalah untuk kesemua institusi-institusi pengajian tinggi di Brunei Darussalam, iaitu UBD, ITB, UNISSA dan KUPUSB.

Pengemaskinian skim ini adalah bertujuan bagi:

1. Menyediakan satu skim perkhidmatan yang lebih kompetitif untuk berdaya-saing bagi menarik tenaga akademik yang berkualiti tinggi dalam semua peringkat, setanding dengan yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi antarabangsa;

2. Menaik taraf kelayakan tenaga akademik untuk memastikan mereka sentiasa relevan dan diperkembangkan dari segi keupayaan;

3. Penyediaan insentif yang kompetitif bagi menarik tenaga akademik yang diperlukan didalam bidang-bidang strategik termasuk klinikal dan professional, diantaranya, dari kalangan tenaga akademik antarabangsa yang berkelayakan dan berpengalaman;

4. Menyediakan aliran peringkat rendah iaitu Penolong Pensyarah sehinggalah ke peringkat profesor dengan kemudahan tanggagaji yang kompetitif bagi menggalakkan dedikasi perkhidmatan di dalam pengajaran dan penyelidikan;

5. Menekankan kepada kelayakan-kelayakan akademik dan profesional serta KPI yang perlu dipenuhi oleh tenaga akademik bagi kemajuan di sepanjang aliran kerjaya tenaga akademik; dan

6. Mewujudkan aliran kerjaya *(career path)* yang seimbang dan selaras

dengan jawatan, insentif, kelayakan dan kedudukan tanggagaji yang tidak bertindih.

Dalam SPTA baru ini, kenaikan pangkat ahli-ahli akademik pada setiap peringkat akan perlu mencapai KPI yang sediakan berasaskan kepada tiga kriteria, iaitu 1) Pengajaran, 2) Penyelidikan dan Penerbitan, dan 3) Servis (kepada universiti, masyarakat dan negara, termasuk servis di peringkat antarabangsa).

Perlu ditekankan di sini bahawa hanya ahli-ahli akademik yang betul-betul berkelayakan akan beralih ke Skim Baru. Mereka yang tidak memenuhi kriteria akan masih bertahan dalam skim lama, sehinggalah mereka memenuhi kriteria-kriteria perpindahan.

Di sini kaola ingin memetik Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Konvokesyen UBD ke-21, pada 12 Zulkaedah 1430 Hijrah bersamaan dengan 31 Oktober 2009:

"Beta juga mahu melihat peningkatan jumlah tenaga akademik tempatan yang berjawatan Pensyarah Kanan dan Profesor Madya. Namun dalam pada itu, kita tidak menggalakkan hanya untuk meningkat semata-mata, tetapi peningkatan mestilah betul-betul menepati kriteria kelayakan, sebagaimana yang diamalkan oleh universiti-universiti yang berprestij di dunia.

Maka untuk itu, calon-calon Pensyarah Kanan dan Profesor Madya itu hendaklah betul-betul memenuhi syarat-syarat yang diperlukan, diantaranya mesti kreatif dan gigih melakukan penyelidikan-penyelidikan serta menghasilkan karya-karya penulisan yang bermutu.

Semua ini akan turut menjadi sukat-sukat kepada tahap kualiti mereka. Tanpa penyelidikan dan hasil-hasil kreatif itu, maka akan sukarlah untuk kita bercakap mengenai kualiti."

Pelbagai strategi juga akan diusahakan bagi memperkembangkan keupayaan, kepakaran dan kemahiran ahli-ahli akademik bukan sahaja untuk memberikan kesempatan untuk mereka beralih ke Skim Baru ini, terutamanya di kalangan ahli akademik ini. Di UBD misalnya, pelbagai inisiatif dan insentif telah dilaksanakan bagi memangkin produktiviti ahli-ahli akademinya, serta memantapkan keupayaan mereka. Inisiatif-inisiatif ini akan dilaratkan ke Institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Inisiatif ini termasuk:

1. Pemberian dana dan cuti penyelidikan *(research grants and leave);*
2. Penyediaan program-program latihan perkembangan akademik, seperti bengkel-bengkel pengajaran, penulisan, perisian dan kaedah-kaedah penyelidikan yang inovatif;
3. Pemberian cuti sabatikal, termasuk program latihan lepasan pasca-kedoktoran *(post-doctoral training)* ;

4. Pemberian atau milik-sama hak-hak penyelidikan, seperti Hak-Hak Harta Intelek *(Intellectual Property Rights),* Paten-paten *(patents)* dan Royalti *(Royalties)* ;

5. Pemberian anugerah-anugerah cemerlang seperti Anugerah Pengajar Cemerlang *(Teaching Excellence Award)* dan Anugerah Penyelidik Cemerlang *(Research Excellence Award).*

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS DARIPADA YANG BERHORMAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN:

10. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad:

i) Kaola ingin menyampaikan pemerhatian kaola mengenai dengan rancangan penggantian *(succession planning).* Baru-baru ini, beberapa orang pegawai kanan Kerajaan telah dilantik untuk mengisikan beberapa jawatan Timbalan Setiausaha Tetap di beberapa buah Kementerian. Dalam pemerhatian kaola, jawatan Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sudah setahun tidak diisikan atau dipangku setelah pemegangnya bersara. Jawatan penting seperti Timbalan Setiausaha Tetap ini sepatutnya tidak dibiarkan kosong dalam tempoh yang lama.

Kaola yakin, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mempunyai pegawai-pegawai kanan yang berkelayakan, bersesuaian, berpengalaman dan kompeten untuk dilantik bagi mengisi jawatan yang penting tersebut. Kaola tidak memerlukan jawapan mengenai perkara ini tetapi sekadar untuk menarik perhatian Dewan sahaja.

Jawapan:

Sukacita menarik perhatian Yang Berhormat jua bahawa jawatan Timbalan Setiausaha Tetap adalah merupakan antara jawatan yang paling kanan dan pengisiannya adalah berbeza dari jawatan yang lain yang memerlukan penelitian yang rapi. Lantikan Timbalan Setiausaha Tetap ini juga bukan semata-mata bidang kuasa kementerian tetapi juga agensi-agensi yang lain dan sememangnya pihak kementerian memberikan perhatian mengenai perkara ini.

ii) Penubuhan Majlis Kebangsaan Isu Sosial antara lainnya ialah bertujuan untuk menangani isu-isu sosial masa kini, merangka dasar-dasar perundangan serta menyediakan pelan tindakan bagi menangani isu sosial di Negara kitani dan menyelaras dan memastikan pelaksanaan pelan tindakan dan program-program mengenai isu sosial yang diusahakan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

Apakah status isu-isu sosial terkini yang dibincangkan oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial, khususnya penilaian yang dibuat

serta perkembangan mengenai langkah-langkah yang telah diambil ke atas pelan tindakan untuk menangani isu-isu sosial di Negara ini?

Jawapan:

Majlis Kebangsaan Isu Sosial telah mengenal pasti 11 isu sosial utama yang perlu ditangani iaitu kemiskinan, rumah daif, pekerjaan sekuriti sosial, mentaliti masyarakat, kegiatan kurang bermoral, jenayah, isu wanita, keluarga, orang berkeperluan khas dan warga emas.

Bagi menangani isu ini, beberapa jawatankuasa khas yang diterajui oleh beberapa agensi dalam kerajaan sedang dan telah meluluskan pelan tindakan masing-masing.

Walau bagaimanapun, bagi jawatankuasa khas di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Isu Wanita, Jawatankuasa Khas Isu Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas dan Jawatankuasa Khas Kemiskinan telah pun meluluskan pelan-pelan tindakan masing-masing dan sedang melaksanakannya. Kementerian ini bersedia untuk memberikan taklimat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berminat mengenainya.

iii) Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan.

Kecemerlangan sukan banyak bergantung pada kewibawaan penyelidikan dan sains kesukanan *(sport science)* serta tenaga yang berkelayakan dan berkemahiran. Kecederaan atlet-atlet dalam pelbagai bidang sukan pula memerlukan rawatan yang profesional dari pakar-pakar perubatan sukan dan program rehabilitasi yang sistematik.

Pada Tajuk SLA-03A, Belia dan Sukan di bawah Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan sehingga kini hanya mempunyai 13 orang tenaga kerja. Kaola yakin, kita mempunyai anak-anak tempatan yang mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam bidang *sport science* yang boleh diambil berkhidmat di Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan.

Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk menaik taraf Unit Perkhidmatan Pakar Perubatan Sukan tersebut? Dan kenapakah ianya belum dapat diambil alih oleh anak-anak tempatan yang berkelayakan untuk mengetuainya?

Jawapan:

Kelulusan belumlah mencukupi untuk menjadi pakar dalam bidang sains sukan. Ianya memerlukan pengalaman dan latihan-latihan lanjutan dan ini mengambil makan jangka masa yang panjang. Mengenai dengan bidang ini, anak-anak tempatan lebih berminat untuk menjadi pegawai atau pakar perubatan di Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, pada masa ini 2 kekosongan jawatan bagi Pegawai

Perubatan di SMRC sedang dalam proses pengiklanan dan 2 jawatan *Physiotherapist,* dalam proses temuduga. Daripada pengalaman, profesi dalam bidang dukungan sains sukan seperti *bio mechanic, exercise physiologist* adalah kurang menarik dalam mana banyak mereka yang telah diambil menjawat jawatan-jawatan tersebut telah berhenti apabila mendapat tawaran yang lebih baik di tempat lain. Ini disebabkan skim perkhidmatan jawatan-jawatan berkenaan adalah merupakan sebagai jawatan sementara (*non established post*) dan pihak Kementerian akan terus berusaha untuk mendapatkan sebagai jawatan tetap.

iv) Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Memohon Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengongsikan penilaian yang telah dibuat oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial ke atas hasil kajian atau dapatan mengenai kemiskinan yang telah dibuat oleh *ZD Consultant* khususnya yang boleh diguna pakai oleh Majlis sebagai pelan tindakan atau garis panduan untuk menangani isu kemiskinan di Negara ini.

Jawapan:

Mengenai kajian kemiskinan di Negara Brunei Darussalam, pihak konsultan telah mengemukakan pelan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu bagi mempercepat-kan usaha mengeluarkan orang-orang miskin dari belenggu kemiskinan yang mana terbahagi kepada 3 peringkat yang perlu dilaksanakan serentak iaitu:

- Peringkat Individu
- Peringkat Masyarakat
- Peringkat Kerajaan

Dalam hal ini, beberapa tindakan telah dan sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas Kemiskinan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu:

a) Di peringkat masyarakat, usaha-usaha sektor persendirian, organisasi-organisasi masyarakat sivil dan organisasi akar umbi menyokong dasar-dasar Kerajaan melalui tanggungjawab korporat sosial dan masyarakat sivil dalam membantu merubah kehidupan orang-orang miskin. Satu contoh adalah *One Village One Product* di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang mana bertujuan untuk mengiatkan budaya motivasi diri dan sara diri di kalangan penduduk tempatan dan seterusnya membuka ruang dan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan keluarga dan memperbaiki taraf kehidupan dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan.

b) Di peringkat kerajaan, usaha-usaha menangani kemiskinan melibatkan penyertaan pelbagai agensi yang antaranya termasuk meningkatkan pelaburan dalam sumber tenaga manusia, peningkatan kapasiti para penganggur / pencari kerja, menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan penghasilan dan peluang-peluang pekerjaan, penyediaan mikro kredit, pengukuhan *public private partnerships* dan mempromosi

tanggungjawab sosial korporat. Jawatankuasa Khas Kemiskinan akan terus berusaha bagi integrasi inisiatif-inisiatif pembasmian kemiskinan yang mana termasuk *streamlining* semua bantuan sosial, pengurusan kemiskinan dan program-program pembasmian kemiskinan.

c) Di peringkat individu, usaha-usaha berterusan telah dibuat untuk merubah minda dan mengangkat keberdayaan individu yang lemah agar keluar daripada kepompong kemiskinan. Dalam Program *"workfare",* penerima-penerima bantuan kebajikan bulanan yang muda dan berkeupayaan diberikan latihan melalui Program Perkasa dan Program Perkasa Komuniti di Pusat Pembangunan Belia. Di samping itu, jerayawara dan taklimat mengenai Pengurusan Kewangan dan Budaya Menabung juga telah diadakan di sekolah-sekolah, kampung-kampung dan mukim-mukim termasuklah melalui media elektronik (Telivesyen dan Radio).

d) Mengenai Kadar Minima Asas (KMKA) yang dicadangkan oleh pihak konsultan, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang membuat penyelarasan dengan mengambil kira hasil kajian perbelanjaan keluarga yang akan dibuat oleh pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Oleh yang demikian, MKMA belum dapat dikongsikan pada masa ini.

v) Semasa Sesi Muzakarah dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan baru-baru ini, ada dinyatakan bahawa satu kajian masalah sosial di kalangan belia telah dibuat oleh pihak *Centre For Strategic And Policy Studies (CSPS)*, apakah dapatan hasil kejadian tersebut?

Jawapan:

Mengenai dengan hasil kajian mengenai isu sosial di kalangan belia, pihak CSPS membuat kesimpulan masalah tersebut adalah berpunca daripada masalah keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Dalam hal ini, Kementerian ini bersedia memberikan taklimat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berminat mengenainya.

vi) Ingin mengetahui jumlah yang terkini mereka yang disenaraikan dalam golongan miskin di Negara ini. Berapa ramaikah antara mereka yang telah dapat dikeluarkan dari kepompongan kemiskinan ini, dalam masa dua tiga tahun yang lepas?

Jawapan:

Kadar kemiskinan di Negara Brunei Darussalam adalah kemiskinan relatif dan bukannya kemiskinan tegar. Walau bagaimanapun, kategori orang susah di negara ini adalah mereka yang menerima bantuan kebajikan bulanan dan pengagihan wang zakat. Pada bulan Januari 2014 senarai 5,318 ketua keluarga menerima bantuan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat. Jumlah yang terkeluar daripada kemiskinan pada masa ini adalah terlalu sedikit kerana pelan-pelan yang dilaksanakan hanya mengeluarkan hasil dalam tempoh jangka masa yang panjang.

vii) Bagaimanakah status perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membina satu lagi cawangan Pusat Pembangunan Belia bagi Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Jawapan:

Mengenai dengan status pembinaan Pusat Pembangunan Belia baru bagi kawasan Daerah Belait dan Tutong, cadangan ini masih dalam proses perbincangan dengan pihak Jabatan Perancang Kemajuan Ekonomi (JPKE).

11. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

i. Penempatan kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong, mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat di Daerah Temburong.

Apakah kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong, yang akan dibangunkan itu nanti akan ditempatkan di kawasan gazetnya sendiri? Kaola difahamkan bahawa tapak kawasan kompleks kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dimasukkan dalam gazet Kompleks Sukan Temburong yang berdekatan.

Pada pandangan kaola, jika gazet ini disatukan dan dalam jangka masa panjang, tidakkah ia akan menjejaskan kompleks sukan ekoran dari pembinaan PBKN dalam gazet kompleks sukan Temburong.

Pada masa ini, kompleks sukan Temburong, masih memerlukan gelanggang-gelanggang sukan yang lain yang belum terdapat di kawasan kompleks sukan tersebut seperti padang hoki, gelanggang skuasy, dewan serbaguna dan lain-lain.

Jawapan:

Tapak Kompleks Kem Kekal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang akan dibangun di Kampung Gadong Baru Mukim Batu Apoi meliputi tanah seluas 12 ekar dengan bangunan-bangunan dan kelengkapannya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, perlaksanaan pembangunan Kompleks kekal ini akan diusahakan secepat mungkin.

Tapak pembinaan kem tetap PKBN di Batu Apoi itu adalah tapak yang digazetkan di bawah Jabatan Belia dan Sukan. Ketetapan ini dibuat oleh kerana kem tetap PKBN perlu dibangunkan seberapa segera. Tapak yang digunakan itu akan diganti dengan memohonkan tapak yang lain.

Pada masa ini, jurulatih sukan tempatan belum ada di Daerah Temburong. Pada pandangan kaola, perkara ketiadaan jurulatih tempatan perlu juga diambil berat kerana tanpa jurulatih tempatan, keberkesanan sesuatu sukan amat sukar dilaksanakan dan pencarian atlet-atlet muda pula tidak akan tercapai sepenuhnya.

Dicadangkan supaya jurulatih sukan tempatan akan dapat diadakan di Daerah Temburong.

Jawapan:

Pada masa ini Jabatan Belia dan Sukan telah mengaturkan jurulatih tempatan bagi sukan pencak silat dan karatedo secara berjadual ke Daerah Temburong.

ii. **Apa yang difahamkan memang terdapat program tarian dan nyanyian tidak kira yang tradisional mahu pun kontemporari yang dijalankan. Begitu juga dengan program sosial dan sukan yang bercampur baur *(free mixing)* lelaki atau perempuan, termasuklah program kapal belia. Difahamkan, aktiviti yang dibuat berkehendakkan bercampur baur antara lelaki dan perempuan belia yang bukan mahram. Perkara yang ditakuti ialah ia akan mempengaruhi dan membudaya khususnya belia Brunei dan lari daripada lunas-lunas hukum syarak.**

Jawapan:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan sentiasa mematuhi apa jua garis panduan yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkuasa di dalam sama-sama melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah. Dalam waktu yang sama, pihak Kementerian sentiasa menasihatkan peserta-peserta sukan untuk memakai pakaian yang bersesuaian. Begitu jua berkaitan dengan aspek kebudayaan dan kesenian.

Mengenai dengan Program Kapal Belia, program tersebut adalah di bawah pengendalian dan pembiayaan pihak Jepun dengan menggunakan kapal kepunyaan Jepun. Walau bagaimanapun, belia-belia yang dipilih bagi mewakili Negara Brunei Darussalam mengikuti kapal Belia tersebut diberikan kursus, tunjuk ajar dan peringatan untuk sentiasa menjaga imej, maruah dan identiti sebagai wakil kepada sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

12. Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:

i. **Sebenarnya, apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah itu saya sokong sepenuhnya sebagaimana jua tahap kemiskinan di Negara kitani. Perkara ini diajukan di Dewan yang mulia ini, kerana perkara ini sering sekali menjadi tanda tanya kebanyakan masyarakat di Negara ini. Jika ada, bilakah kadar ini diisytiharkan kepada awam?**

Jawapan:

Pada masa ini, kadar kemiskinan yang diperolehi melalui Kajiselidik Kemiskinan Mengenai Kemiskinan di Negara Brunei Darussalam akan

diselaraskan dengan hasil Kajian Perbelanjaan Keluarga *(Household Expenditure Survey)* pada tahun 2011. Oleh yang demikian, perkara ini belum dapat dikongsikan pada masa ini.

ii. Setiap berapa tahunkah kerja kaji selidik dibuat untuk menentukan kadar pendapatan yang diiktirafkan sebagai golongan yang hidup di bawah tahap kemiskinan?

Jawapan:

Jumlah orang-orang miskin yang menerima bantuan kebajikan bulanan pada bulan Januari 2014 ialah 5318 ketua keluarga.

iii. Cadangan penganugerahan Tokoh Sukan ataupun pembahagian pingat-pingat ataupun bintang Negara bagi mereka yang telah mengharumkan Negara. Contohnya, Brunei telah memenangi Piala Malaysia tahun 1999. Pemain-pemain dan pengurus-pengurus dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Tetapi, kenapa tidak kepada mereka yang telah melakar kejayaan yang lebih tinggi seperti memenangi kejohanan-kejohanan Asia, sukan Asia Tenggara dan sukan-sukan serantau.

Jawapan:

Dari masa ke semasa, Kementerian ini menyokong bagi penganugerahan pingat kepada para atlet yang telah mengharumkan nama negara di arena sukan serantau dan antarabangsa.

Semasa ucapan mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah memaklumkan bahawa sebuah Galeri Sukan akan dibuka rasmi pada 7 April 2014 sebagai satu cara untuk memberikan penghormatan terhadap pencapaian mereka dalam sukan.

13. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:

i. Mengenai pelan tindakan menangani isu kemiskinan. Soalannya, bilakah pelan tindakan mengenai isu kemiskinan yang dikatakan pada tahun lepas dan dirangka oleh Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan akan dikongsikan kepada orang ramai.

Jawapan:

Pelan Tindakan Membasmi Kemiskinan telahpun dimaklumkan dalam majlis-majlis yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dan ianya memang telahpun disebarluaskan kepada semua *stakeholders* dan agensi-agensi yang perlu mengambil tindakan. Ianya juga disebarluaskan kepada peserta-peserta seminar, pekerja-pekerja sosial dan pihak-pihak yang tertentu. Pelan tindakan ini memang sudah dalam proses perlaksanaan oleh semua agensi yang bertanggungjawab bagi aspek-aspek pembasmian kemiskinan yang tersebut.

ii. Adakah *Key Performance Indicators (KPI)* akan disediakan untuk menilai dari masa ke masa tentang keberkesanan program-program yang akan dilaksanakan mencapai matlamat yang dimaksudkan?

Jawapan:

KPI bagi menilai keberkesanan pelan tindakan ini sedang dalam proses penyediaan atau penetapan yangmana agensi-agensi berkenaan diperlukan untuk menjelaskan kedudukan pencapaian KPI-KPI tersebut.

iii. *Child Online Protection Framework*. Apakah perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam melaksanakan *COP Frameworks?*

Jawapan:

Child Online Protection Framework baru diserahkan kepada KKBS sebagai *lead agency* pada 5 Mac 2014 daripada AITI, Kementerian Perhubungan. Pelaksanaanya akan dikendalikan bersama dengan semua agensi termasuk AITI. Perancangan pelaksanaan seterusnya ialah untuk *finalise* terma rujukan *Child Online Protection* oleh semua *stakeholders.* Antara program awal, adalah meningkatkan kesedaran orang ramai terutama sekali kanak-kanak dan ibu bapa mengenai risiko mangsa siber.

iv. Apakah perancangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dalam melaksanakan *Child Online Protection Framework* tersebut dan adakah sudah diteliti sama ada Akta yang ada ini memadai atau cukup untuk membantu melaksanakan *framework* tersebut dengan berkesannya?

Jawapan:

Kes-kes penderaan kanak-kanak ditangani mengikut prosedur-prosedur yang tertentu mengikut *Children and Young Persons Act.* Apabila kes-kes baru diterima, pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan memohon *interim order* yang mana ianya hanya dibenarkan untuk menempatkan kanak-kanak berkenaan di rumah perlindungan tidak lebih dari 3 hari waktu bekerja. Dalam tempoh 3 hari tersebut, berkenaan di rumah perlindungan tidak lebih dari 3 hari waktu bekerja. Dalam tempoh 3 hari tersebut, JAPEM dikehendaki untuk mendapat perintah perlindungan kekal daripada pihak mahkamah. Pihak Mahkamah seterusnya akan menilai kesesuaian mangsa untuk diberikan perlindungan berdasarkan kepada laporan sokongan daripada JAPEM, pihak polis dan pihak hospital. Dalam hal ini, tidak semua kes yang dirujuk ke pihak hospital, terutama sekali *suspected abuse*, akan diberikan perintah perlindungan. Dan tidak ada *suspected abuse cases* dimasukkan ke rumah perlindungan tanpa perintah mahkamah. Setentunya keutamaan diberikan kepada *best interest of the child.* Walau bagaimanapun tindakan dibuat berdasarkan akta dan peraturan.

Mengenai dengan kefahaman CYPA, supaya lebih berkesan. Alhamdulillah pada masa ini, seorang penasihat undang-

undang telah ditempatkan di kompleks rumah-rumah kebajikan bagi memberikan nasihat dan membantu pihak JAPEM dalam melaksanakan akta ini.

14. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:

Apa yang kaola ketahui, tujuan penubuhan Pusat Pembangunan Belia Kampung Tanah Jambu adalah untuk memberi bantuan latihan kemahiran kepada belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal.

Maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pusat ini, menyediakan beberapa jenis kursus untuk disertai oleh para belia mengikut kelayakan dan niat masing-masing. Setelah belia ini tamat dari kursus-kursus yang mereka ambil.

Adakah mereka ini akan diberikan pekerjaan di mana-mana jabatan Kerajaan atau Kerajaan membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan di sektor swasta?

Bagaimana pula belia yang mengambil kursus dalam bidang perniagaan dan setelah mereka tamat dari program kemahiran, adakah mereka diberi bantuan dari segi modal untuk memulakan perniagaan jika mereka berminat untuk terus menceburkan dalam bidang ini?

Jawapan:

Mengenai dengan pertanyaan sama ada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Pembangunan Belia memberikan pekerjaan di pihak kerajaan. Sukacita dimaklumkan bahawa matalamat penubuhan Pusat Pembangunan Belia adalah untuk memberikan latihan kemahiran kepada para belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan formal. Walau bagaimanapun, Pusat Pembangunan Belia telah membuat beberapa inisiatif yang berkaitan dengan pemasaran sumber tenaga manusia Pusat Pembangunan Belia di sektor swasta seperti:

- Melaksanakan Karnival Kerjaya yang dilaksanakan setiap tahun dengan menjemput syarikat-syarikat swasta yang menawarkan jawatan-jawatan kosong yang ada di syarikat mereka dengan mengadakan temuduga di Pusat Pembangunan Belia.

- Pusat Pembangunan Belia juga ada melaksanakan projek *Kick-Start* yang diadakan bagi mengumpul semua rakan-rakan strategik PPB berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan di Pusat Pembangunan Belia dalam memberikan penerangan dan kefahaman kepada para majikan di syarikat swasta untuk menilai kualiti lepasan Pusat Pembangunan Belia.

Sukacita juga dimaklumkan pada masa ini, sejumlah 73% lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia telah berjaya mendapat pekerjaan mahupun memulakan perniagaan.

Dalam mukadimah juga telah dimaklumkan bahawa Pusat Pembangunan Belia akan memperluaskan lagi kursus-kursus yang ditawarkan dan Kementerian ini mengambil perhatian di atas cadangan Yang Berhormat tersebut.

Dalam membantu lepasan pelatih PPB untuk memulakan perniagaan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memperuntukkan bajet Program Belia Berdikari yang boleh digunakan untuk membantu para belia lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia yang berkeinginan untuk memulakan perniagaan. Setakat ini seramai 29 orang telah dikenal pasti untuk diberikan bantuan kewangan berbentuk *grant* bagi fasa 1.

Mengenai dengan cadangan untuk mengadakan kursus dalam industri pembinan di Pusat Pembangunan Belia seperti menyimin, memasang *tile*, mencat dan sebagainya, ianya adalah satu cadangan yang baik dan akan dipertimbangkan.

Mengenai dengan cadangan membukakan kursus seperti memasak, salon kecantikan bagi ibu-ibu tunggal pada masa ini, Pusat Pembangunan Belia memang ada menerima permohonan daripada ibu-ibu tunggal yang ingin mengikuti kursus-kursus seperti masakan, jahitan, pembuatan kek dan *pastry,* solekan melalui Program Perkasa komuniti. Program ini akan dilaratkan lagi di daerah-daerah lain.

JAWAPAN-JAWAPAN SECARA BERTULIS DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN

15. Soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi, mengimbas kembali laporan media cetak dari tahun 2008, Perbelanjaan Kerajaan dalam menangani Kesihatan telah meningkat kepada $300 juta yang banyak digunakan untuk membeli ubat-ubatan, khususnya seperti penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit, seperti penyakit kencing manis, jantung, darah tinggi, penyakit kanser dan seumpamanya.

Di samping itu, pada tahun 2013/2014, Kerajaan telah memperuntukkan lebih $366 juta, bukan sahaja menampung membeli ubat-ubatan, bahkan juga telah membiayai pesakit-pesakit yang dihantar untuk dirawat ke negara-negara luar seperti Malaysia dan Singapura. Manakala Peruntukan 2014/2015 sebanyak $55 juta.

Yang Berhormat Pengerusi, 30 tahun kita sudah merdeka, apakah ada rancangan untuk menghantar mereka yang berminat untuk menghadiri kursus ke luar negara bagi mempelajari proses ubat-ubatan? Kalau sekiranya ada, kaola mengalu-alukan rancangan tersebut, kalau tidak, maka dalam Dewan yang mulia ini, kaola sarankan supaya mereka itu, berkursus ke luar negara untuk mempelajari cara-cara memproses ubat-ubatan, sebagai contoh Darul Syifa, memproses ubat-ubatan tradisional. Kemungkinan bahawa menjelang tahun 2035 Negara kita sudah mempunyai kilang memproses ubat-ubatan, tambahan pula pada masa ini, Kementerian Kesihatan sudah membina stor untuk menyimpan ubat-ubatan.

Jawapan:

Kementerian Kesihatan secara berterusan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan lagi keramaian penuntut untuk mengikuti kursus farmasi di tahap Ijazah Sarjana Muda demi memenuhi kehendak Negara Brunei Darussalam bukan sahaja dalam perkhidmatan penjagaan pesakit bahkan dalam industri farmaseutikal di masa mendatang. Dengan mengikuti kursus bidang farmasi, penuntut-penuntut ini mempelajari dan didedahkan bukan saja aspek pengetahuan bagaimana fungsi ubat berkenaan bertindak di dalam badan manusia malahan tatacara pembuatan ubat berkenaan dari awal penyelidikan secara terperinci bagi membuktikan keberkesanannya melalui data klinikal ubat berkenaan sehinggalah ubat tersebut selamat untuk digunakan dalam bentuk dos yang bersesuaian.

2. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak Universiti Brunei Darussalam telah juga merancang untuk mewujudkan kursus tahap Ijazah Sarjana Muda untuk diperkenalkan di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam dalam usaha untuk menambahkan lagi bilangan anak-anak tempatan yang berkelulusan ijazah dalam Farmasi bagi menampung keperluan negara seperti di Hospital-Hospital, Pusat-Pusat Kesihatan dan kemudahan-kemudahan kesihatan di Sektor Swasta serta kegunaan industri farmaseutikal.

3. Dalam pada itu, segala pembuatan, pembangunan dan perkembangan ubat-ubatan ini perlu mengambil kira kepentingan ciri-ciri seperti keselamatan, kualiti dan keberkesanannya apabila ubat-ubatan ini digunakan oleh orang ramai. Insya-Allah di masa akan datang bukan sahaja kepakaran tetapi juga minat di kalangan anak-anak tempatan di masa akan datang, jika bersesuaian secara berperingkat-peringkat, kemungkinan boleh akan diadakan pemerosesan ubat-ubatan mengikut kemampuan dan kebolehan di kalangan anak-anak tempatan dengan bantuan Pakar-Pakar dari luar negeri. Misalnya, pembuatan ubat baru akan mengambil masa selama 15 hingga 20 tahun sebelum ianya diiktiraf selamat digunakan. Adapun dalam pengeluaran ubat-ubatan ini mestilah juga menepati keperluan piawaian antarabangsa seperti Amalan Pengilang Baik *(Good Manufacturing Practice).*

16. Soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

i. Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat, Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana melaksanakan Sistem *Bru-HIMS* yang membolehkan Para doktor boleh melihat dan memberi rawatan yang bersesuaian kepada pesakit. Tapi, di samping kecanggihan ini, tidak dapat dinafikan suatu yang baru itu berlaku masalah. Misalnya, giliran berjumpa doktor dan pengambilan ubat yang agak lambat, jika dibandingkan dengan cara sebelumnya.

Soalan kaola, adakah boleh tugas mengakses rekod melalui komputer melalui pesakit, diberikan khusus kepada Jururawat Pembantu Doktor yang sekarang ini, kerana tugasnya setakat ini hanya menulis catatan dan sebagai penterjemah kepada doktor? Kebaikannya, apabila Jururawat mengakses rekod pesakit, maka doktor dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pesakit daripada menumpukan perhatian kepada monitor komputer.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, *System Call And Collect* adalah satu pendekatan yang baik untuk mempercepatkan pengambilan ubat bagi memaklumkan pesakit-pesakit dari berulang-ulang mengambil ubat. Tapi ini merupakan satu hala sahaja iaitu si pesakit membuat panggilan apabila mengambil ubat. Adalah di cadangkan supaya *System Call And Collect* juga untuk menseimbangkan supaya menyenangkan pihak warga emas dalam membuat pengambilan ubat seperti mana yang dijalankan pada perjanjian dengan doktor, (Pesanan Ringkas) juga dilakukan oleh Bahagian Farmasi kepada pesakit-pesakitnya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penggunaan bahan-bahan kimia dalam kehidupan Negara kita tidak dapat dielakkan. Misalnya, penggunaan kimia organik, penggunaan produk pembakaran oleh *select aromatic hydrocarbon*, pencemaran sisa racun perosak dan buangan bahan-bahan dari Pusat Kesihatan dan Hospital. Pembuangan toksik yang mencemarkan air dan udara yang menyebabkan kita terdedah kepada bahayanya yang boleh menimbulkan risiko kepada kesihatan dan kesan terhadap alam sekitar. Soalan kaola, bagaimanakah pelaksanaan pihak berkenaan menangani masalah ini, dan adakah sudah ada tapak khusus untuk pelupusan bahan buangan toksik ini? Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi.

Jawapan:

Jabatan Perkhidmatan Farmasi dalam usaha secara berterusan untuk menangani masa menunggu mengambil ubat ini telah merancang bagi perkhidmatan *'Call and Collect'* dengan menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), di mana para pesakit akan dimaklumkan melalui telefon bimbit akan waktu dan tarikh bagi mereka untuk mengambil ubat. Pada masa ini Jabatan Perkhidmatan

Farmasi bekerjasama dengan agensi yang berkenaan untuk membincangkan mengenai pemberian perkhidmatan sedemikian. InsyaAllah, ianya dijangka akan dilaksanakan pada masa yang terdekat ini setelah perkara-perkara yang berkaitan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Jabatan Perkhidmatan Farmasi juga merancang bagi memperluaskan perkhidmatan *'Call and Collect'* ini dengan berkomunikasi bersama pesakit melalui email.

2. Berhubung dengan persoalan yang ditimbulkan terhadap pelupusan bahan buangan toksik yang mempunyai risiko kesihatan jika tidak ditangani dengan sewajarnya adalah diambil maklum dan memang diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan. Pada masa kini pihak Kementerian Kesihatan dalam pelupusan sisa-sisa buangan daripada bahan-bahan di Hospital-Hospital dan Pusat Kesihatan diproses dengan menggunakan kaedah *incinerator* di tempat Hospital-Hospital yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah berusaha untuk mengadakan perundingan dengan Kementerian Pembangunan khususnya Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan juga agensi-agensi berkepentingan dalam sama-sama berusaha memastikan tatacara yang terbaik dalam mengambil kira kesan-kesan risiko dan impak negatif terutama sekali dari aspek kesihatan dan pencemaran alam sekitar termasuk tatacara pelupusan pembuangan toksik yang lebih selamat, bersistem, komprehensif dan menggunakan kaedah amalan terbaik.

ii. Adakah boleh tugas mengakses rekod melalui komputer melalui pesakit, diberikan khusus kepada Jururawat Pembantu Doktor yang sekarang ini, kerana tugasnya setakat ini hanya menulis catatan dan sebagai penterjemah kepada doktor? Kebaikannya, apabila Jururawat mengakses rekod pesakit, maka doktor dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pesakit daripada menumpukan perhatian kepada monitor komputer"

Jawapan:

Di samping menjalankan tugas Jururawat untuk membantu Doktor semasa konsultasi, para Jururawat juga mempunyai pelbagai tugas harian yang penting yang perlu diselesaikan seperti membuat saringan awal (*triage*), membuat penjadualan dan perjanjian pesakit sebelum berjumpa Doktor, membuat suntikan, memberikan rawatan seperti *dressing*, menjalankan ujian seperti ECG dalam bilik rawatan dan di beberapa klinik tertentu serta mereka juga membuat prosedur seperti *pap smear.* Ada yang mengendalikan klinik khusus iaitu *Nurse-Led Clinic* misalannya bagi pesakit diabetes, pesakit lemah jantung kronik dan pesakit asthma. Memandangkan terdapatnya tugas-tugas ini perlu dilaksanakan oleh Jururawat, maka apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tidak bersesuaian kerana Doktor dan Jururawat mempunyai tanggungjawab masing-masing mengikut *Standard Operating Procedure* yang telah ditetapkan.

2. Di samping itu mengakses rekod pesakit melalui komputer hanya boleh dilaksanakan oleh Doktor dengan menggunakan akses akaun Bru-HIMS para Doktor sahaja. Rekod-rekod klinikal pesakit juga adalah sulit dan kebanyakkan maklumat termasuklah ketetapan

diagnosis, ujian pemeriksaan, perancangan rawatan dan pengemaskinian rekod tersebut adalah di bidang kuasa dan keputusan Doktor itu sendiri dan dari hasil maklumat-maklumat serta penganalisaan yang diperolehi dari Makmal, Jabatan Radiologi dan lain-lain.

3. Bagi menjaga kepentingan, keselamatan dan kerahsiaan pesakit, para profesional pelbagai kesihatan yang tertentu seperti Doktor hanya akan dapat memasukkan maklumat dan *retrieve* mengikut SOP yang ditentukan, sama ada maklumat rawatan dan memantau kesihatan pesakit jika diperlukan. Adalah perlu ditekankan di sini, bahawa sistem *Bru-HIMS* yang diperkenalkan ini berupaya untuk membolehkan profesional kesihatan terutama sekali Doktor mendapatkan maklumat yang komprehensif terhadap sejarah pesakit sama ada dari aspek penyakit-penyakit yang dihidapi, rawatan, perubatan dan hasil ujian makmal, x-ray dan seumpamanya yang dapat diakses dengan serta merta. Ini membolehkan pemeriksaan dan intervensi rawatan yang lebih tepat dan segera, jika dibandingkan dengan sistem *manual*, ianya bukan sahaja mengambil masa yang lama untuk mengesan rekod pesakit tetapi juga akan menjadi sukar jika pesakit ini belum pernah berkunjung di Hospital atau Pusat Kesihatan yang sama. Inilah sebabnya kenapa Doktor memfokus beberapa minit kepada skrin komputer untuk mendapatkan maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan di atas, di mana sebelum ini Doktor terpaksa melihatnya daripada rekod-rekod pesakit. Inipun tertakluk sama ada rekod tersebut dapat dikesan atau disebaliknya.

4. Dalam pada itu, bagi memudahcara serta mempercepatkan pemberian rawatan kepada pesakit dan memastikan Doktor dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pesakit, Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan latihan kepada pengguna-pengguna termasuklah para Doktor, Jururawat dan Ahli Profesional Kesihatan yang lain untuk menggunakan sistem *Bru-HIMS* dengan lebih efisien, efektif dan cepat. Kementerian in juga komited dalam menekankan kepentingan bagi para Doktor untuk sentiasa berkomunikasi dengan lebih baik dan berkesan, serta memberikan layanan yang memuaskan di samping tidak mengabaikan tumpuan sepenuhnya kepada pesakit.

17. Soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:

i. Mengenai pengusaha-pengusaha makanan yang membekalkan makanan kepada kedai-kedai runcit, pasar-pasar raya, pasar borong dan lain-lain lagi, adakah pihak yang berwajib membuat pemantauan dan mengenal pasti pengusaha makanan tersebut?

Pengusaha - pengusaha ini kebanyakannya orang-orang asing yang tinggal di Negara kita ini. Mereka ini menggunakan tempat tinggal mereka (rumah sewa) maka di situlah mereka membuka usaha seperti membuat tauge, tauhu, keropok, mi kolo dan sebagainya.

Adakah perkara ini diketahui pihak Kementerian Kesihatan khususnya bahagian permakanan dengan menilai kebersihannya, pemeriksaan kesihatannya dan kehalalan makanan tersebut? Adakah pihak yang berwajib membuat pemantuan status agama mereka?

Jawapan:

Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan bertanggungjawab bagi memastikan makanan yang dijual di Negara Brunei Darussalam adalah selamat untuk dimakan, bebas dari pencemaran dan penggunaan bahan tambahan *(additive)* yang berlebihan yang boleh menjejaskan kesihatan. Ini dilaksanakan melalui penguatkuasaan Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggal 182) dan Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) (R1 Penggal 182) terhadap semua premis makanan (restoran dan katering) termasuk perniagaan perkhidmatan katering, pemeriksaan dilakukan tanpa mengira premis tersebut berlesen atau tidak.

2. Di samping itu aktiviti-aktiviti pemeriksaan dan pemantauan juga dilaksanakan antara lainnya seperti berikut:-

2.1 Pemantauan dan penilaian terperinci mengenai kebersihan dan amalan pengendalian makanan terhadap premis-premis makanan (restoran dan katering) di Negara Brunei Darussalam.

2.2 Khidmat kaunseling diberikan kepada pemilik/pengurus jika diperlukan.

2.3 Mengadakan Kursus Pengendali Makanan bagi pengurus dan penyelia premis-premis makanan (dengan melibatkan aspek-aspek kesihatan yang lain seperti "nutrition" dan Perintah Tembakau 2005).

2.4 Pemeriksaan kesihatan dan pendidikan kesihatan bagi pengendali-pengendali makanan yang bekerja di premis-premis makanan.

2.5 Bekerjasama dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai penggredan premis makanan dan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam penilaian bagi pensijilan halal.

3. Mengenai pemeriksaan kesihatan bagi pekerja asing, Program Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing, yang telah berjalan semenjak dari tahun 1967, menghendaki setiap warga asing yang ingin bekerja di sektor swasta dan berdaftar dengan Pesuruhjaya Buruh untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum diambil berkerja di Negara Brunei Darussalam. Program ini adalah khusus bagi pekerja-pekerja yang berasal dari negara-negara ASEAN dan negara-negara yang dikenalpasti. Manakala, pekerja-pekerja yang berasal dari negara-negara lain pula adalah digalakkan untuk menjalani pemeriksaan ini.

4. Oleh itu, bagi pekerja-pekerja asing yang bekerja di Negara Brunei Darussalam pada lazimnya, telah menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum dibenarkan bekerja di negara ini. Walau bagaimanapun, pengendali-pengendali makanan diperlukan untuk menjalani ujian-ujian tambahan bagi mempastikan mereka ini memenuhi kriteria-kriteria dari aspek kesihatan seperti yang ditentukan.

5. Apa yang diharapkan ialah kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan khususnya pengurus dan penyelia restoran dalam mempastikan

pekerja-pekerja mereka khususnya pengendali makanan sentiasa mematuhi dan mempastikan pekerja-pekerja mereka itu menjalani pemeriksaan kesihatan dalam sama-sama menjaga keselamatan makanan dan bebas dari pencemaran bagi sama-sama melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang ramai. Kementerian Kesihatan juga mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai untuk memaklumkan sebarang kegiatan atau amalan pengendalian makanan yang tidak selamat dan sihat supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

6. InsyaAllah mana-mana tugas di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan akan terus dilaksanakan dan dimantapkan dari masa ke semasa.

7. Kementerian Kesihatan sedang meneliti dan menggubal Peraturan-peraturan Kesihatan Awam (Makanan) (Kebersihan Makanan) untuk dijadikan sebagai garispanduan dan rujukan bagi para peniaga dan pengusaha dalam memastikan amalan pengendalian makanan yang baik dipatuhi untuk kebersihan dan keselamatan makanan dalam melindungi kesihatan dan kesejahteraan orang ramai.

ii. Ini memang banyak sudah dicakapkan atau dibincangkan mengenai kereta ambulans (kecemasan). Walaupun dalam sesi muzakarah yang telah diadakan dengan Kementerian Kesihatan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat, telah diberikan taklimat yang panjang lebar mengenai dengan masalah tersebut, pada pandangan kaola, ada jua baiknya Kementerian Kesihatan merancang bagi memberikan kemudahan kereta kecemasan ini dalam masa tempoh 5 tahun ke hadapan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan. Beberapa klinik yang belum mempunyai kereta kecemasan ataupun ambulans seperti klinik Sungai Asam, Klinik Kilanas dan lain-lain Klinik

Jawapan:

Dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan Perkhidmatan Ambulan Kecemasan Perubatan (EMAS), Kementerian Kesihatan juga telah membuat perancangan yang teratur secara jangka masa pendek, sederhana dan panjang dari segi infrastruktur termasuk kemudahan bangunan dan ambulan serta keperluan kakitangan. Perancangan ini juga memfokuskan kepada meningkatkan *accessability* dan mengurangkan masa menunggu selepas panggilan kecemasan dibuat yang mana proses untuk perkhidmatan di *decentralise* telah dimulakan secara berperingkat-peringkat di beberapa Pusat Kesihatan yang dikenalpasti mengikut keutamaan dan keperluan di samping mengambil kira bilangan ambulan dan tenaga manusia yang mencukupi.

2. Dari segi penyediaan ambulans, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan program penggantian ambulans lama dan penambahan jumlah ambulans yang mana ambulans yang baru disediakan bagi meningkatkan kualiti dan keupayaan perkhidmatan terutama sekali dalam menangani situasi-situasi kecemasan perubatan. Sebahagian dari ambulans-ambulans baru telah dinaiktaraf sebagai ambulans rawatan rapi dengan dilengkapi peralatan-peralatan khusus bagi rawatan rapi bagi menangani kes-kes pesakit yang berkeadaan kronik dan kompleks.

3. Penambahan jumlah ambulans ini memerlukan kakitangan yang mencukupi kerana setiap ambulans memerlukan satu pasukan yang terdiri dari seorang pemandu dan 2 kakitangan paramedik. Di samping itu, setiap *shift* perkhidmatan kecemasan memerlukan 2 atau 3 pasukan untuk menangani sebarang kecemasan mengikut kawasan tempat tadahan dan kesesuaian. Ini adalah satu cabaran kepada Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan jumlah kakitangan paramedik yang berkelayakan terutama sekali dalam menyediakan perkhidmatan kecemasan ambulan perubatan secara *decentralise*, dan tidak hanya tertumpu di Hospital-Hospital sahaja.

4. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedang berusaha meningkatkan jumlah kakitangan paramedik dengan pengambilannya ditambah melalui bidang kejururawatan. Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam untuk mengadakan kursus *Advanced Diploma in Nursing Paramedic* bagi memastikan kakitangan paramedik yang sedia ada ataupun pelajar-pelajar baru yang masuk kejurusan paramedik mempunyai kemahiran yang bersesuaian. Ini termasuklah juga dalam usaha pihak Unit Perkhidmatan Kecemasan dan Perubatan Ambulans mengadakan *in-house training* khusus bagi meningkatkan kemahiran praktikal dan teori yang mana pelatih adalah termasuk pegawai-pegawai daripada agensi-agensi yang lain misalnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan seumpamanya. Kementerian Kesihatan juga bergiat aktif untuk menarik pengambilan baru pelajar-pelajar untuk menceburkan diri dalam kerjaya paramedik.

5. Di samping usaha-usaha di atas, Kementerian Kesihatan juga telah membuat perancangan bagi jangka masa panjang untuk meningkatkan perkhidmatan dengan menyediakan infrastruktur atau bangunan yang akan menjadi pusat atau ibu pejabat Perkhidmatan Ambulan Kecemasan Perubatan (EMAS) di lokasi yang berasingan daripada Hospital. Ini adalah semata-mata bertujuan untuk memantapkan dan meningkatkan lagi perkhidmatan kecemasan yang lebih cepat, efisien dan efektif bagi memberikan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan perkhidmatan ambulan.

18. Soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:

Mengenai longgokkan atau timbunan kereta buruk dan kereta bekas kemalangan semakin bertambah di bengkel kenderaan yang dibenarkan.

Di samping itu, timbunan alat ganti yang sudah diguna pakai yang diimport dari luar negara. Orang ramai ada yang kurang selesa dengan perkara ini, yang selalu berkunjung ke bengkel berkenaan dalam urusan. Didapati longgokan atau timbunan kereta di bengkel yang tersebut dalam keadaan kawasan semak-samun yang tidak teratur dan kotor dan ada yang ditakungi air yang boleh mengundang penyakit seperti demam denggi dan malaria.

Perkara ini, sudah setentunya menjadi tempat pembiakan nyamuk dan menjadi sarang-sarang tikus, ular, kalajengking, lipan, penyengat dan lain-lain yang membahayakan.

Sejauh manakah kawalan dan pemantauan daripada Kementerian Kesihatan, melalui jabatan- jabatan atau agensi-agensi yang berkenaan bagi menanganinya seperti penyemburan asap atau racun nyamuk serangga dan lain-lain, maksud kaola sekerap mana ia dibuat?

Jawapan:

1. Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Kesihatan Alam Sekitar adalah bertanggungjawab bagi memastikan persekitaran yang sihat dan selamat untuk meminimakan impak kesihatan alam sekitar terhadap kesihatan.

Di antara kerja-kerja yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan ialah seperti berikut:

i) Pemeriksaan pelan-pelan bangunan bagi projek-projek binaan termasuk bangunan perniagaan;

ii) Pemeriksaan persekitaran secara rutin terhadap premis-premis perniagaan termasuk bengkel-bengkel membaiki kenderaan;

iii) Pemeriksaan persekitaran am secara rutin (termasuk tempat pembuangan sampah dan taman rekreasi); dan

iv) Pemantauan entomologi (kaji serangga) dan kawalan vektor (termasuk pengasapan dan penyemburan racun serangga) secara rutin untuk memastikan vektor pembawa penyakit adalah di tahap terkawal.

2. Kekerapan pemeriksaan dan pemantauan adalah bergantung kepada keperluan dan masalah yang dilihat terdapat di kawasan tersebut. Pada kebiasaannya, pemantauan kebersihan di kawasan-kawasan perniagaan dilakukan sebulan sekali, manakala pemeriksaan pemeriksaan kesihatan di premis-premis perniagaan dilakukan sekurang-kurangnya setahun sekali.

3. Di dalam melaksanakan tanggungjawab ini, pihak Kementerian Kesihatan berkerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan lain yang berkepentingan, khususnya jabatan yang bertanggungjawab terhadap projek atau kawasan berkenaan, misalannya Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Ada kalanya, kerjasama juga diperolehi dari penghulu mukim atau ketua kampung berkenaan.

4. Mengenai dengan langkah-langkah pengawalan serangga (termasuk pengasapan dan penyemburan racun serangga), perkara ini sememangnya dilakukan secara rutin mengikut jadual yang telah ditetapkan di *"hotspots"* tertentu di keempat-empat daerah. *"Hotspots"* tersebut tersebut dikenalpasti melalui *"entomological surveillance"* bagi jangkitan-jangkitan tertentu seperti malaria dan filaria. Di antara *"hotspots"* yang dipantau secara rutin ialah kampung-kampung tertentu dan kawasan-kawasan bangunan kerajaan. Keluasan kawasan yang disembur dengan racun serangga dan masa penyemburan tertakluk kepada profil biologi nyamuk seperti jarak terbang, jangkamasa gigitan, hala angin dan kawasan-kawasan aktiviti harian manusia. **Pengasapan dan penyemburan racun serangga di**

kawasan perniagaan komersil adalah tanggungjawab pemilik/penghuni kawasan berkenaan.

5. Orang ramai perlu memahami bahawa penyemburan racun serangga hanyalah kaedah alternatif yang bersifat sementara. Bagi mengelakkan pembiakan serangga atau bebas daripada tempat pembiakan, maka orang ramai adalah bersama-sama berperanan untuk mempastikan di kawasan persekitaran berkeadaan bersih dan tidak ada tempat pembiakan di kawasan persekitaran masing-masing.

6. Kementerian Kesihatan sedang berusaha menggubal Perintah Kawalan Vektor bagi mempertingkatkan keberkesanan pengawalan vektor di negara ini dalam sama-sama memperkukuhkan lagi perlindungan kesihatan awam di negara ini.

19. Soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

1. Isu kesihatan di kalangan belia.

Kaola juga memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan dapat mengongsikan isu-isu kesihatan di kalangan belia di Negara kita ini dan perancangan-perancangan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan mengenainya.

Jawapan:

Sepertimana jua di negara-negara lain, isu–isu kesihatan di kalangan belia remaja di negara ini meliputi isu-isu yang berkaitan dengan tingkahlaku tidak sihat seperti merokok, masalah obesiti yang disebabkan oleh pemakanan tidak sihat, tidak atau kurang melakukan kegiatan fizikal serta penyakit hubungan kelamin dan kehamilan di kalangan remaja disebabkan oleh perhubungan seks rambang dan seumpamanya. Di Kementerian Kesihatan, Jabatan-Jabatan yang banyak terlibat dalam menangani isu-isu kesihatan belia remaja termasuklah:

i. **Jabatan Perkhidmatan Kesihatan** - Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, Bahagian Pemakanan Masyarakat, Bahagian Psikologi Masyarakat, Bahagian Kesihatan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak serta Bahagian Kawalan Penyakit.

ii. **Jabatan Perkhidmatan Perubatan** - Klinik Obesiti dan Jabatan Obstetriks dan Ginekologi.

iii. **Pusat Promosi Kesihatan** - Bahagian Program Promosi Kesihatan Remaja, Unit Pemakanan Sihat serta Unit Program Pendidikan dan Berhenti Merokok.

2. Isu-isu kesihatan belia dan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan ialah seperti berikut:

2.1 **Penggunaan Tembakau:**

2.1.1 Fakta

(a) Merujuk pada pendapatan hasil kajiselidik GYTS (Global Youth Tobacco Survey) yang dijalankan di kalangan penuntut-penuntut berumur 13-15 tahun dari sekolah menengah yang dikenalpasti, sebanyak 8.5% pelajar didapati merokok (10.6% menggunakan produk tembakau). 68.4% perokok menyatakan bahawa pembekal rokok tidak menghalang mereka dari membeli rokok kerana umur mereka.

b) 69.1% peserta ada mempelajari bahaya tembakau kepada kesihatan di sekolah.

2.1.2 **Langkah-langkah yang sedang dan akan terus dijalankan:**

a) Langkah-langkah pendidikan kesihatan yang dijalankan secara am seperti taklimat kesihatan ke sekolah-sekolah rendah dan menengah. Ini termasuklah taklimat melalui Forum Sinar (yang diselaraskan oleh Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Kementerian Pendidikan) dari aspek amalan cara hidup sihat yang dijalankan di semua sekolah-sekolah menengah di seluruh negara dan juga taklimat dan ceramah kesihatan atas jemputan pihak sekolah dari semasa ke semasa;

b) Mengadakan perkhemahan atau kempen kesihatan khusus bagi menangani masalah merokok di sekolah sepertimana yang telah diadakan di Sekolah Menengah Rimba dan Sekolah Menengah Saiyidina Hussin pada tahun 2014. Kempen-kempen seperti ini akan diteruskan lagi di masa akan datang.

2.2 **Obesiti**

2.2.1 **Fakta:**

a) Hasil dari dapatan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah menunjukkan peningkatan kadar obesiti di kalangan pelajar sekolah Tahun 1,4 ,6 dan 8 dari 12.3% (tahun 2008) hingga 16.9% (tahun 2012).

b) Merujuk kepada perangkaan dari Program Pemeriksaan Kesihatan Menyeluruh dan Promosi Kesihatan bagi warga perkhidmatan Awam atau '*Integrated Health Screening and Health Promotion Programme for Civil Servants',* sebanyak 28% di kalangan belia yang berumur di antara 18-35 tahun adalah didapati obes (BMI ≥ 30).

2.2.2 **Langkah-langkah yang sedang dan akan terus dijalankan termasuklah:**

a) Klinik Obesiti bagi pelajar-pelajar dalam Tahun 1, 6, 8 di Daerah Brunei-Muara yang dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.

b) Kaunseling pemakanan secara berkelompok bagi pelajar-pelajar Tahun 4 dan ibubapa di Daerah Brunei-Muara yang dikendalikan bersama oleh Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Sekolah dan Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

c) Kaunseling pemakanan bagi pelajar-pelajar dan ibubapa di daerah-daerah lain.

d) Dari tahun 2014, kaunseling pemakanan berkelompok bagi pelajar Tahun 4 diganti dan dipertingkatkan menjadi **Kem 'Oh Best!'** selama 2 hari sewaktu musim percutian sekolah bertempat di Pusat Promosi Kesihatan. Langkah ini diambil berdasarkan maklumbalas dari para ibubapa dan penilaian kedatangan serta hasil kaunseling tersebut. Tertakluk kepada penilaian kem ini nanti, ianya akan diadakan secara tetap pada setiap musim percutian sekolah.

e) Sebuah program rintis *'Active Adolescent'* juga telah diadakan pada tahun 2013 bagi pelajar berumur 13-17 tahun yang obes, yang mana pada ketika ini masih menantikan penilaian sepenuhnya.

f) Langkah-langkah pencegahan lain yang dijalankan sepanjang tahun:

- Pendidikan kesihatan melalui ceramah kesihatan, pameran, kempen dan aktiviti kesihatan di sekolah-sekolah;
- Penyampaian maklumat mengenai pemakanan dan kegiatan fizikal melalui kurikulum sekolah, media dan lain-lain;
- Bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan serta persatuan-persatuan belia bagi mendokong aktiviti-aktiviti kesukanan dan seumpamanya; dan
- Merancang untuk menubuhkan kumpulan *'Youth Health Advocates'* bagi melaratkan mesej-mesej cara hidup sihat di kalangan belia remaja pada tahun 2014 – 2015.

2.3 Penyakit Hubungan Kelamin (STI) dan Kehamilan Di kalangan Remaja

2.3.1 Fakta:

a) Merujuk kepada data dari Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Gonorea, Sifilis dan Klamidia adalah di antara jenis-jenis Jangkitan Hubungan Seksual yang sering dilaporkan ke Bahagian berkenaan. Jumlah kes ketiga-tiga jenis penyakit-penyakit berjangkit ini pada

tahun 2004 adalah sebanyak 291 kes dan pada tahun 2005 sebanyak 507 kes. Pada tahun-tahun berikutnya, kes STI semakin menurun sehingga kini di mana pada tahun 2013 terdapat sebanyak 320 kes.

b) Walau bagaimanapun, jumlah kes STI (gonorea, klamidia dan sifilis) di kalangan belia yang berumur 19 tahun ke bawah telah meningkat dari tahun 2004 (50 kes) hingga 2013 (70 kes). Jumlah purata kes di kalangan belia yang berumur 19 tahun ke bawah dari tahun 2004 hingga 2013 adalah sebanyak 77 kes pada setiap tahun.

c) Perangkaan bagi kes jangkitan HIV dari tahun 2009 hingga 2013 adalah sebanyak 28 kes di mana kebanyakan kes-kes ini adalah di kalangan umur 30-39 tahun, melalui hubungan heterosekual. Walau bagaimanapun, dari tahun 2009 hingga 2013, hanya sebanyak 2 kes jangkitan HIV di kalangan belia yang berumur 19 tahun dan ke bawah dilaporkan.

d) Manakala, jumlah pendaftan bagi remaja yang hamil di Klinik Kesihatan Ibu di seluruh negara dari tahun 2004 hingga 2010, telah menurun secara keseluruhannya. Pada tahun 2004, sebanyak 456 kes telah didaftarkan manakala sebanyak 339 kes pada tahun 2010; 202 kes pada tahun 2011; 271 kes pada tahun 2012 dan 264 kes pada tahun 2013.

2.3.2 **Langkah-langkah yang sedang dan akan terus dijalankan termasuklah:**

a) Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan melalui ceramah dan pameran kesihatan di sekolah-sekolah dan tempat-tempat yang bersesuaian.

b) Menyebarkan maklumat kesihatan melalui kurikulum sekolah, media dan lain-lain.

c) Mengadakan latihan-latihan pembinaan kapasiti bagi pihak-pihak berkepentingan (guru, kaunselor, pemimpin rakan sebaya) seperti bengkel dan lain-lain.

d) Bekerjasama dengan persatuan seperti Majlis AIDS Brunei Darussalam dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan dan latihan untuk belia.

e) Merancang untuk mengukuhkan langkah-langkah promosi kesihatan reproduktif di kalangan remaja melalui sebuah pelan tindakan atau perancangan strategik bersama dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain sepertimana jua yang diusulkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Menangani Isu-isu Sosial.

3. Kesimpulan

Isu-isu kesihatan termasuk di kalangan belia-belia memang diambil perhatian oleh Kementerian ini yang dimasukkan dalam Pelan Strategi dan Pelan Tindakan di mana sebahagiannya dikhususkan kepada belia-belia terutama sekali dalam memberikan kesedaran melalui pendidikan dan aktiviti-aktiviti mempromosi untuk menerapkan dan membudayakan cara hidup sihat serta mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit termasuk penyakit tidak berjangkit serta faktor-faktor risiko yang dikenalpasti yang mengakibatkan penyakit-penyakit berkenaan.

Keberkesanan bagi penjagaan kesihatan yang berkualiti bukan sahaja dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kesihatan tetapi juga memerlukan dokongan dan kerjasama yang erat lagi padu serta komitmen pihak-pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan termasuk Institusi-Institusi Pendidikan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, pihak Swasta, pemimpin di peringkat akar umbi, Persatuan-Persatuan Belia, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's) dan semua lapisan masyarakat untuk sama-sama terlibat dalam menyerapkan dan membudayakan amalan cara hidup sihat untuk dijadikan sebagai amalan harian dan sepanjang hayat.

Dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam